إبانة الأحكام
شرح
بلوغ المرام

IBANAH AL-AHKAM
SYARAH BULUGH AL- MARAM

(Jilid Pertama)

Pengarang:
'Alawi 'Abbas al-Maliki
Hasan Sulaiman al-Nuri

Penterjemah:
Nor Hasanuddin H.M. Fauzi

Penyunting/Editor:
Ustazah Sabariah Bakri (IIUM)

Al-Hidayah Publication
Kuala Lumpur
2010

MUKADDIMAH

Segala puji bagi Allah yang telah menurunkan al-Kitab (al-Qur'an) untuk menjelaskan (hukum-hakam) segala sesuatu, dan sebagai petunjuk, rahmat serta khabar gembira bagi kaum muslimin. Semoga selawat dan salam sentiasa tercurah ke atas Nabi al-Amin yang diutus dengan membawa sunnah yang suci. Semoga selawat an salam tercurah pula kepada keluarga dan para sahabatnya yang memiliki perjalanan hidup yang terpuji dalam agama, dunia, dan akhirat.

Amma ba'du ...

Allah (s.w.t) telah memerintahkan kita supaya merujuk kepada kitab-Nya dan juga kepada sunnah Nabi-Nya ketika terjadi perkara-perkara yang musykil dan masalah-masalah yang sukar untuk diketahui hukumnya. Allah (s.w.t) berfirman:

..... فَإِن تَنَٰزَعۡتُمۡ فِي شَيۡءٖ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ إِن كُنتُمۡ تُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِۚ ذَٰلِكَ خَيۡرٞ وَأَحۡسَنُ تَأۡوِيلًا ﴿٥٩﴾

"...*Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikan ia kepada Allah (al-Qur'an) dan Rasul (Sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya.*" (Surah al-Nisa': 59)

Memandangkan peristiwa yang dialami oleh umat manusia tidak pernah berhenti melainkan terus berkembang, maka untuk menyimpulkan hukum dari sumber asalnya kita dituntut untuk mengetahui dalil-dalilnya dan menguasai liku-liku *'illat* hukum. Ini dapat direalisasikan dengan mendalami ilmu agama dan bertanya kepada orang yang berpengetahuan serta bijak pandai. Allah (s.w.t) berfirman:

..... فَسۡـَٔلُوٓاْ أَهۡلَ ٱلذِّكۡرِ إِن كُنتُمۡ لَا تَعۡلَمُونَ ﴿٤٣﴾

"*Maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui...*" (Surah al-Nahl: 43)

Orang yang dituntut untuk bertanya itu hanyalah orang yang tidak memiliki ilmu pengetahuan sedangkan seorang mujtahid tidak boleh bertaklid (mengikut) kepada mujtahid yang lain. Allah (s.w.t) berfirman:

۞ وَمَا كَانَ ٱلۡمُؤۡمِنُونَ لِيَنفِرُواْ كَآفَّةٗۚ فَلَوۡلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرۡقَةٖ مِّنۡهُمۡ طَآئِفَةٞ لِّيَتَفَقَّهُواْ فِي ٱلدِّينِ وَلِيُنذِرُواْ قَوۡمَهُمۡ إِذَا رَجَعُوٓاْ إِلَيۡهِمۡ ..... ﴿١٢٢﴾

"*Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya...*" (Surah al-Taubah: 122)

Ayat ini menunjukkan bahawa kaum muslimin yang berangkat mencari ilmu dan memperdalam agama itu hanya sebahagian sahaja daripada mereka. Jika

mereka telah pulang kepada kaumnya, mereka dikehendaki memberi fatwa dan mengajarkan ilmu agama yang telah diperolehinya. Orang yang tidak turut menuntut ilmu diwajibkan bergabung belajar dengan mereka yang telah mendalami ilmu agama. Malah para sahabat sentiasa memberikan fatwa kepada masyarakat kaum muslimin, tetapi tidak ada satu riwayat pun yang menceritakan bahawa mereka menuntut masyarakat awam untuk berijtihad. Tanggungjawab berijtihad hanya diberikan kepada orang yang memiliki ilmu pengetahuan. Seandainya masyarakat awam turut dituntut berijtihad, tentu semua pekerjaan dan kemahiran yang menyangkut kepentingan umum akan tergendala dan akan muncul orang yang tidak faham *dalil* dan *ta'lil* berani melakukan *istinbath al-ahkam*, yakni melakukan ijtihad. Hal ini jelas merupakan tindakan yang gegabah dan tidak terpuji. Ini kerana masyarakat awam hanya diwajibkan mengikuti kesimpulan hukum yang telah matang, maka tiada pilihan lain bagi mereka selain bertaklid kepada para imam yang memiliki kemampuan berijtihad yang sempurna dan bertanya kepada orang yang berpengetahuan luas serta cerdik pandai.

Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَلَوْ رَدُّوهُ إِلَى ٱلرَّسُولِ وَإِلَىٰٓ أُوْلِى ٱلْأَمْرِ مِنْهُمْ لَعَلِمَهُ ٱلَّذِينَ يَسْتَنۢبِطُونَهُۥ مِنْهُمْ ۗ ..... ﴿٨٣﴾

"... *Dan kalau mereka menyerahkannya kepada Rasul dan Ulil Amri di antara mereka, tentulah orang yang mengetahui kebenarannya (akan dapat) mengetahuinya dari mereka (Rasul dan Ulil Amri)...*" (Surah al-Nisa': 83)

Dalam satu hadis disebutkan:

مَنِ اجْتَهَدَ فَأَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرٌ وَاحِدٌ، وَمَنِ اجْتَهَدَ وَأَصَابَ فَلَهُ أَجْرَانِ.

"*Barang siapa yang berijtihad lalu dia silap, maka baginya satu pahala (kerana usaha kerasnya dalam berijtihad) dan barang siapa yang berijtihad lalu benar, maka baginya dua pahala.*"

Di dalam al-Qur'an dan Sunnah banyak terdapat nash yang mengakui kewujudan ijtihad, antara lain ialah ketika para sahabat melakukan ijtihad pada masa Rasulullah (s.a.w) masih hidup seperti yang terjadi dalam kisah Bani Quraizhah. Ketika itu Nabi (s.a.w) bersabda kepada para sahabat:

لاَ يُصَلِّيَنَّ أَحَدٌ مِنْكُمُ الْعَصْرَ إِلاَّ فِي بَنِي قُرَيْظَةَ.

"*Janganlah seseorang di antara kamu mengerjakan solat Asar kecuali di tempat Bani Quraizhah.*"

Ternyata di antara para sahabat ada yang mengerjakan solat di tengah jalan kerana berpegang kepada firman Allah (s.w.t):

حَٰفِظُواْ عَلَى ٱلصَّلَوَٰتِ وَٱلصَّلَوٰةِ ٱلْوُسْطَىٰ ..... ﴿٢٣٨﴾

"*Peliharalah semua solat(mu) dan (peliharalah) solat wustha...*" (Surah al-Baqarah: 238)

Selain itu kerana ada satu hadis yang secara umum menunjukkan keutamaan mengerjakan solat tepat pada awal waktunya. Namun ada pula di antara mereka yang mengakhirkan solat Asar hingga matahari tenggelam, lalu mereka mengerjakannya secara *qadha'* bersama Nabi (s.a.w). Mereka melakukan demikian kerana

memahami nash hadis secara zahir yang mengatakan: "*Janganlah seseorang di antara kamu mengerjakan solat Asar kecuali di tempat Bani Quraizhah,*" sedangkan Allah (s.w.t) telah menyuruh supaya mentaati Nabi (s.a.w). Nabi (s.a.w) membenarkan dan mengakui ijtihad kedua-dua golongan itu. Baginda tidak memerintahkan kepada golongan pertama untuk mengulangi solat mereka kerana mengakui kebenaran pemahaman mereka.

Telah sedia maklum bahawa ijtihad hanya dibenarkan untuk setiap permasalahan yang bersifat *zhanni*, bukan yang bersifat *qath'i.* Ini kerana erti ijtihad menurut istilah syarak ialah "seorang mujtahid mengerahkan segenap kemampuannya untuk menyimpulkan suatu hukum syarak yang bersifat *zhanni* untuk kepentingan dirinya dan orang yang mengikutinya."

Dalil-dalil syarak itu ada yang *muhkam*, *mutasyabih*, *nasikh*, *mansukh*, *mujmal*, *mubayyan*, *muthlaq*, *muqayyad*, *sahih*, *hasan* dan *dha'if.* Ada pula permasalahan yang telah disepakati oleh ijmak yang tidak boleh diubah dan tidak boleh pula melakukan ijtihad terhadapnya. Ada pula syarat-syarat qiyas yang telah menjelaskan dalil-dalil yang telah ditetapkan, dan mentarjih dalil-dalil yang seakan saling bercanggah antara satu sama lain. Semua itu tidak dapat difahami secara sempurna melainkan dengan cara menguasai ilmu-ilmu syariat dan menyelami rahsia-rahsia tasyri' tanpa mengetepikan betapa penting pengetahuan terhadap bahasa Arab. Dengan memenuhi dan menguasai syarat-syarat tersebut, maka dalam diri seseorang terbentuklah satu bakat yang dapat menghantarkannya kepada pintu ijtihad secara mutlak.

Dari penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa ijtihad merupakan kedudukan yang agung dan darjat yang tinggi. Untuk meraihnya mesti memiliki ilmu yang luas dan menguasai pokok permasalahan serta perkara-perkara lain yang cukup berat. Jadi, seseorang yang mengakui dirinya sebagai mujtahid mutlak pada akhir zaman ini adakalanya tidak mengetahui kedudukan yang diakuinya atau dia sememangnya tidak mengetahui kemampuan dirinya. Dalam kedua-dua keadaan tersebut dia tidak dapat dimaafkan.

Siapakah orang yang mengatakan bahawa ijtihad diwajibkan ke atas segenap lapisan masyarakat yang antara lain termasuk orang awam dan orang yang tidak faham ajaran syariat serta para pekerja? Jika dia mengingkari kewujudan mereka di tengah-tengah umat, maka sikapnya itu tentunya merupakan sikap yang menentang dunia nyata. Tetapi jika dia mengakui kewujudan orang awam yang memerlukan taklid, maka tidak diragukan lagi bahawa taklid orang awam kepada para ulama tiga generasi terdahulu dari kalangan para imam besar adalah lebih diutamakan dan lebih berhak berbanding bertaklid kepada selain mereka. Nabi (s.a.w) telah mengakui kebaikan ketiga-tiga generasi tersebut melalui sabdanya yang menegaskan:

خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي ثُمَّ الَّذِيْنَ يَلُوْنَهُمْ ثُمَّ الَّذِيْنَ يَلُوْنَهُمْ.

"*Sebaik-baik manusia ialah mereka yang hidup sezaman denganku, kemudian orang yang datang sesudah mereka, lalu orang yang datang sesudahnya.*"

Ini merupakan kesaksian Nabi (s.a.w) yang maksum dan sememangnya tidak

boleh disanggah, ditolak, didustakan, diragui atau diganti dengan yang lain. Selain itu, mazhab-mazhab yang mereka dirikan benar-benar dapat dipertanggungjawabkan kerana kefahaman mereka yang bersih, luas dan memahami sumbernya dengan baik. Kesemua pendapat dan fatwa mereka telah dicatat oleh para pengikut mereka dengan cara penukilan yang sahih atau pemberitaan yang mutawatir dari ulama salaf sehingga kepada ulama khalaf. Lalu mengapa masih ada orang yang tidak mahu mengikuti mereka dan bertaklid kepada orang yang tidak mengetahui proses berlakunya ijmak dan rahsia-rahsia syariat serta tidak pula mengetahui cara menyimpulkan hukum dan dalil-dalilnya?

Ada pula di antara mereka yang tidak mahu bertaklid kepada para ulama dari tiga generasi tersebut kerana mereka beranggapan Sunnah bukan sebagai sumber hukum; tidak diragukan lagi bahawa pendapat mereka itu bersumber dari pujuk rayu syaitan semata. Di antara mereka ada pula orang yang tidak memiliki pengetahuan yang mendalam hingga akhirnya mengingkari kewujudan *nasikh* dan *mansukh*, bahkan ada pula sebahagian mereka yang mengingkari kewujudan qiyas.

Pernah ada seseorang dengan penuh rasa bangga diri mengaku mampu berijtihad dan berhasrat menyimpulkan hukum-hakam dari al-Qur'an dan Sunnah yang kedua-duanya berbahasa Arab, padahal dia sendiri tidak mengetahui cara membaca perkataan Arab dengan bacaan yang selamat dari kesalahan, bahkan dia sama sekali tidak mengetahui ilmu nahu; sedangkan ilmu nahu itu merupakan kunci setiap ilmu yang berbahasa Arab. Demi Allah, mengapakah orang seperti mereka masih memaksakan diri mengaku mampu melakukan *istinbath* seperti mana *istinbath* yang dilakukan oleh ulama salaf yang soleh dan mengkategorikan diri mereka termasuk ke dalam golongan para mujtahid?

Kami tidak termasuk orang yang mengatakan bahawa pintu ijtihad telah ditutup. Pintu ijtihad masih tetap terbuka lebar hingga hari kiamat, tetapi hanya bagi orang yang mampu dan ahli mengenainya dan telah terbukti mampu dalam *istinbath* serta menguasai segala apa yang wajib dia ketahui mengenai *nasikh* dan *mansukh* serta apa-apa yang telah disepakati oleh ijmak.

Sesungguhnya kurnia Allah itu amatlah luas dan bakat itu merupakan anugerah dari-Nya. Allah mempunyai kurnia yang maha besar, adakalanya Allah menganugerahkan kefahaman tentang al-Qur'an dan Sunnah Nabawi kepada sebahagian hamba-Nya, namun itu pun masih banyak yang belum mampu mencapai darjat ijtihad mutlak.

Mengakui sekaligus membenarkan berijtihad kepada seseorang yang bukan ahlinya adalah perbuatan batil. Ini merupakan sumber fitnah, mengabaikan perkara yang hak, mengkaburkan kebenaran, tidak mematuhi ketentuan Ahli Sunnah wal Jamaah dan menentang jumhur ulama.

Wahai kaum muslimin sudah berapa banyak kita menderita dan ditimpa petaka kerana perbuatan orang bodoh yang mengaku dirinya sebagai mujtahid. Mereka menginginkan agar kalimat agama berpecah belah dengan mencela para imam terdahulu, menyalakan api fitnah, dan merosak maruah ulama. Mereka gemar mengemukakan perbezaan dalam segala tindakan dengan berselindung di sebalik kemaslahatan, tunduk kepada syaitan, cintakan kebendaan, mengejar

kedudukan, memecah-belah perpaduan dan mengganggu ketenteraman awam.

Ungkapan ringkas ini kami kemukakan sebagai mukadimah ke atas kitab kami yang berjudul *Ibanah al-Ahkam fi Syarh Bulugh al-Maram* yang bertujuan menampilkan keutamaan kitab ini dengan mengisyaratkan betapa mulia kedudukan penulisnya, al-Hafiz Ibn Hajar. Beliau telah mengerahkan segenap kemampuan dan jerih payahnya untuk menghimpun semua dalil hukum-hakam syariat disertai dengan usaha untuk mencari penyelesaian antara hadis-hadis yang seakan saling bercanggah, menjelaskan kedudukan hadis-hadisnya dan menisbahkannya kepada orang yang menyebutnya. Ini dapat dijadikan pegangan bagi penuntut ilmu sekaligus peringatan orang alim.

Dalam mensyarahkan kitab ini, kami menggunakan kaedah baru yang insya-Allah bermanfaat kerana ia sesuai dengan tuntutan zaman dan bersesuaian pula dengan kaedah pendidikan moden, tanpa menyebut masalah *tarjih* terhadap satu dalil ke atas dalil yang lain. Ini kerana kaedah *tarjih* akan menyimpang dari asal tujuan kami, iaitu mengetengahkan dalil hukum-hakam syarak dalam bentuk yang ringkas. Kami mengemukakan kaedah ini dengan niat yang ikhlas, mengharapkan yang terbaik dan sama sekali bukan bertujuan untuk merendahkan peribadi seseorang atau menghinakan kedudukannya. Ini jelas tidak akan dilakukan oleh orang yang berakal sihat dan tidak jahil pun tidak akan merasa tersinggung kerananya. Bak kata pepatah, melukai mayat tidak akan merasakan sakit. Tujuan kami menulis buku ini adalah untuk memberikan bimbingan kepada kaum muslimin, mengingatkan orang yang sedang belajar betapa mulia kedudukan ulama salaf soleh dan untuk menggugah mereka agar sentiasa bersatu padu, kerana ini perkara paling penting yang mampu menyempurnakan kehidupan mereka dan ia semestinya menjadi keutamaan mereka. Kita sekarang amat memerlukan perpaduan di kalangan kaum muslimin daripada terus bertikam lidah dalam mengemukakan perbezaan pendapat yang akibatnya dapat menghancurkan kekuatan dan persediaan melawan musuh. Keadaan inilah yang mendorong bangsa lain bersatu padu memperebutkan kita seperti lalat mengerumuni bangkai. Kita sekarang sedang berada dalam kemelut dan lupa keadaan kita sendiri. Marilah kita berdoa kepada Allah (s.w.t) semoga Dia menyatukan kalimat dan perpaduan kaum muslimin.

Berikut ini kami kemukakan beberapa kitab yang dijadikan sebagai bahan rujukan bagi syarah kitab ini untuk membuktikan sejauh mana perhatian ulama, terdahulu mahupun terkini terhadap kitab ini sama ada dalam bentuk kajian mahupun karya tulisan.

1. *Kitab Badr al-Tamam* oleh al-Qadhi Syarafuddin al-Husein ibn Muhammad ibn Sa'id al-La'i yang dikenali dengan al-Maghribi. Beliau pernah menjawat sebagai kadi Shana'a dan meninggal dunia pada tahun 1119 Hijriah. Kitab ini belum pernah dicetak, melainkan masih dalam bentuk manuskrip. Kami telah meminjamnya dari yang mulia Syeikh Muhammad Khalil Thayyibah.
2. *Kitab Ifham al-Afham*, syarah yang ditulis oleh al-Sayyid Yusuf ibn Muhammad al-Ahdal, meninggal dunia pada tahun 1242 Hijriah. Kitab ini pun sama dengan yang sebelumnya, iaitu belum pernah dicetak. Kami

meminjamnya dari yang mulia Syeikh Muhammad Khalil Thayyibah. Dalam kitab tersebut terdapat beberapa pembetulan yang dibuat oleh Almarhum guru kami yang mulia Syeikh 'Umar Hamdan al-Mahrusi.

3. *Kitab Subul al-Salam* oleh Imam Muhammad ibn Isma'il al-Amir al-Yaman al-Shan'ani, meninggal dunia pada tahun 1107 Hijriah. Kitab ini telah dicetak dan banyak diedarkan di mana-mana.
4. *Kitab Fath al-'Allam* oleh Syeikh Abu al-Thayyib Shadiq ibn Hasan al-Qannuji, Raja Buhubal. Kitab ini telah dicetak dan telah diedarkan, namun kuantitinya tidak banyak.

Selanjutnya kami akan mengemukakan sanad kitab ini untuk menyempurnakan manfaatnya. Kami meriwayatkan kitab *Bulugh al-Maram* dan semua kitab yang ditulis oleh al-Hafiz ibn Hajar *rahimahullah* melalui ijazah secara umum dan ijazah secara khusus daripada guru kami, Syeikh 'Umar Hamdan al-Mahrusi. Ia menerimanya daripada gurunya, iaitu Syeikh al-Sayyid Muhammad Thahir al-Witri; ia menerimanya daripada gurunya, iaitu Syeikh Abdul Ghani al-Mujaddidi; ia menerimanya daripada gurunya, iaitu Syeikh Muhammad 'Abid al-Sindi; ia menerimanya daripada gurunya, iaitu Syeikh Shalih al-Fulani al-'Umri; ia menerimanya daripada gurunya, iaitu Syeikh al-Syarif Muhammad ibn 'Abdullah al-Walati; ia menerimanya daripada gurunya, iaitu Syeikh Muhammad ibn Urkumasy al-Hanafi; ia menerimanya daripada gurunya, iaitu Syeikh al-Hafiz Syihabuddin Ahmad ibn Hajar al-'Asqalani al-Hafiz, *rahimahumullah*.

Selain itu dalam kitab syarah ini kami ingin menambahkan penjelasan mengenai beberapa istilah yang berlaku di kalangan ulama hadis supaya para pelajar mengetahuinya dan tidak kebingungan dalam memahaminya.

Berikut ini kami kemukakan mukadimah ringkas yang di dalamnya mengandungi kaedah-kaedah ilmu hadis secara riwayat sebagai keterangan untuk para penuntut ilmu dan sebagai peringatan bagi ulama serta dapat dijadikan sumber rujukan.

Dalam kaitan ini tidak lupa kami memohon kepada Allah Yang Maha Pemurah semoga Dia menjadikan jerih payah kami dalam menyusun kitab ini ikhlas kerana-Nya dan diterima di sisi-Nya.

Pengarang:
'Alawi 'Abbas al-Maliki
Hasan Sulaiman al-Nuri

KAEDAH-KAEDAH ILMU HADIS

Al-Hadits menurut istilah bahasa ertinya ialah lawan kata dari kuno, yakni baharu. Sedangkan menurut istilah, ilmu hadis dilihat dari segi riwayatnya ialah ilmu yang mengandungi semua nukilan yang bersumber daripada Nabi (s.a.w) berupa perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat-sifat akhlak dan keperibadiannya.

Subjek hadis ialah diri Nabi (s.a.w) dari segi perkataan, perbuatan, dan pengakuannya.

Keutamaannya, ilmu ini termasuk ilmu yang paling mulia kerana dengannya mampu mentafsirkan al-Qur'an dan mengetahui tatacara mengikuti jejak langkah Nabi (s.a.w).

Tujuannya ialah memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Tajuknya, termasuk ilmu syariat yang kedudukannya sesudah al-Qur'an.

Nama ilmu ini ialah ilmu hadis riwayat.

Hukum mempelajarinya wajib 'ain bagi orang yang bersendirian mempelajarinya dan wajib kifayah apabila berbilang, yakni ada orang lain yang mempelajarinya.

Ilmu ini bersumber daripada Nabi (s.a.w) melalui perkataan, perbuatan dan ketetapannya. Ketetapan Nabi (s.a.w) ialah semua perbuatan yang dilakukan di hadapan Nabi (s.a.w) diakui dan tidak diingkarinya, atau suatu perbuatan yang dilakukan tanpa dihadiri oleh baginda lalu ketika perkara itu disampaikan kepadanya, baginda tidak mengingkarinya padahal mampu untuk mengingkarinya

Keutamaan ilmu ini sangat besar. Imam al-Tirmizi meriwayatkan satu hadis berikut dengan sanadnya daripada 'Abdullah ibn Mas'ud (r.a), bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

نَضَّرَ اللهُ امْرَاءً سَمِعَ مَقَالَتِيْ فَوَعَاهَا فَأَدَّاهَا كَمَا سَمِعَهَا.

"*Semoga Allah menyinari orang yang mendengar perkataanku, lalu dia menghafalnya dan menyampaikannya (kepada orang lain) seperti apa yang dia dengar.*"

Pembukuan Hadis dan Penjelasan Jalur-Jalurnya

Orang yang mula-mula membukukan hadis ialah Imam Ibn Syihab al-Zuhri pada masa pemerintahan Khalifah 'Umar ibn 'Abdul 'Aziz *rahimahullah* setelah mendapat arahan daripadanya. Ini dilakukan setelah seratus tahun kewafatan Rasulullah (s.a.w). Khalifah 'Umar ibn 'Abdul 'Aziz adalah seorang *mujaddid* (pembaharu) umat ini (umat Islam) mengenai urusan agama pada penghujung abad pertama. Beliau memerintahkan para pengikutnya yang menekuni hadis agar menghimpun seluruh hadis. Seandainya tidak ada usaha ini, nescaya banyak hadis yang hilang. Beliau mengirim surat ke seluruh kota besar dan seluruh kawasan negeri Islam supaya para ulama meneliti semua hadis, lalu menghimpunnya kerana dikhuatiri akan hilang. Beliau pernah mengirim surat kepada Abu Bakar ibn Hazm, seperti yang disebut dalam kitab *Shahih al-Bukhari* untuk tujuan menghimpun hadis.

Ulama yang mula-mula menghimpun hadis ialah al-Rabi' ibn Shabih dan Sa'id ibn Abu 'Arubah. Kemudian Imam Malik menulis kitab *al-Muwattha'.* Di dalam kitabnya itu, Imam Malik bertujuan memperkuat hadis-hadisnya dengan hadis-hadis yang ada pada ulama Hijaz, lalu menggabungkannya dengan pendapat para sahabat, para tabi'in, dan fatwa-fatwa mereka.

Ibn Juraij di Mekah pun turut menulis hadis, 'Abdurrahman al-Auza'i turut menghimpunnya di negeri Syam, Sufyan al-Tsauri di Kufah, Hammad ibn Salamah di Basrah, Hasyim di Wasith, Mu'ammar di Yaman, Ibn al-Mubarak di Khurrasan, dan Jarir ibn 'Abdul Hamid di al-Rayy.

Kemudian ada sebahagian imam yang menghimpun hadis Rasulullah (s.a.w) secara khusus, berbeza dengan yang lain; antara lain ialah usaha yang dilakukan oleh Musaddad al-Bashri yang menulis kitab *al-Musnad*; dan Nu'aim ibn Hammad yang menulis kitab *al-Musnad* pula.

Di antara mereka ada yang menyusunnya berdasarkan sanad-sanadnya. Dalam kaitan ini, Imam Ahmad menulis kitab *al-Musnad*. Ada pula yang menyusunnya berdasarkan bab, seperti yang dilakukan oleh Abu Bakar ibn Abu Syaibah. Ada pula yang menyusunnya mengikut susunan hukum-hakam fiqh. Orang yang menekuni bidang ini antara lain ada yang hanya terikat dengan hadis-hadis sahih semata, seperti Imam al-Bukhari dan Imam Muslim. Di antara mereka ada yang tidak terikat dengan hadis-hadis sahih semata, seperti usaha yang dilakukan oleh empat ulama hadis lain yang termasuk ke dalam kategori *al-Sittah*; mereka adalah Abu Dawud, al-Tirmizi, al-Nasa'i, dan Ibn Majah. Ada pula ulama yang membatasi diri dengan menghimpun hadis yang mengandung *targhib* dan *tarhib*, seperti yang telah dilakukan oleh Imam Zakiyuddin 'Abdul 'Azhim al-Mundziri di dalam kitabnya *al-Targhib wa al-Tarhib*. Ada pula yang membuang sanadnya dan hanya menyebut matan hadisnya, seperti yang dilakukan oleh Imam al-Baghawi di dalam kitabnya *al-Mashabih.*

Keutamaan Pembukuan Hadis dan Jawapan Terhadap Larangan Mengenainya

Ijmak *fi'li* telah bersepakat untuk menghimpun Sunnah, yakni menulis hadis merupakan satu perkara yang diperakui oleh syariat. Tanpa ada usaha membukukan hadis, nescaya hadis punah pada masa-masa sekarang ini. Adapun mengenai riwayat yang melarang menulis Sunnah dan membukukannya, maka ini hanya terjadi pada masa permulaan Islam kerana tiga alasan:

Pertama, Sunnah dikhuatiri akan bercampur aduk dengan al-Qur'an khususnya kaum muslimin ketika itu masih baru masuk Islam.

Kedua, menulis hadis pada masa itu dikhuatiri hanya bertumpu terhadap usaha penulisan sehingga hafalan dan usaha mendalaminya diabaikan.

Ketiga, penulisan hadis dikhuatiri akan mengakibatkan masyarakat awam hanya semata-mata mengutamakan hadis.

Pada akhirnya Nabi (s.a.w) sendiri bersabda:

اكْتُبُوا لِأَبِي شَاةٍ.

"*Tulislah oleh kamu daripada Abu Syaah (salah satu nama gelaran Nahi (s.a.w).*"

Hal ini diperintahkan oleh Nabi (s.a.w) ketika baginda melihat bahawa hambatan dan kekhuatiran tersebut sudah tidak ada lagi.

Pembukuan hadis telah dimulai sejak permulaan abad kedua dan baru selesai

pada abad ketiga. Dalam usaha membukukan hadis ini para imam mempunyai banyak jalur riwayat seperti yang telah kami kupas sebelum ini. Tanpa usaha mereka yang membukukan hadis, nescaya akan punahlah syi'ar agama. Semoga Allah (s.w.t) memberikan pahala yang sebaik-baiknya kepada mereka di atas jasa mereka yang besar terhadap Islam.

Penjelasan Istilah-Istilah Ilmu Hadis

Perlu diketahui bahawa apa yang dimaksudkan dengan istilah *al-Shahihain* ialah *Shahih al-Bukhari* dan *Shahih Muslim*. Setiap hadis yang diketengahkan oleh al-Bukhari dan Muslim secara bersamaan melalui satu orang sahabat disebut *muttafaq 'alaih*.

Istilah *Ushul al-Sittah* atau yang dikenali dengan istilah *al-Sittah*, mereka adalah *al-Shahihain* (al-Bukhari dan Muslim), Abu Dawud, al-Tirmizi, al-Nasa'i, dan Ibn Majah. Sedangkan Abu Dawud, al-Tirmizi, al-Nasa'i dan Ibn Majah dikenali dengan istilah *al-Arba'ah*; setiap mereka memiliki kitab *al-Sunan.* Tetapi ada sebahagian ulama yang tidak memasukkan Ibn Majah ke dalam *al-Arba'ah* dan menggantikannya dengan *al-Muwaththa'* atau dengan *Musnad al-Darimi*.

Berikut ini penjelasan istilah yang digunakan oleh Ibn Hajar al-'Asqalani dalam kitab ini

Al-Sab'ah	*Al-Sittah*	*Al-Khamsah*	*Al-Arba'ah*	*Al-Tsalatsah*	*Muttafaq 'alaih*
Ahmad al-Bukhari Muslim Abu Dawud al-Tirmizi al-Nasa'i Ibn Majah	al-Bukhari Muslim Abu Dawud al-Tirmizi al-Nasa'i Ibn Majah	Ahmad Abu Dawud al-Tirmizi al-Nasa'i Ibn Majah	Abu Dawud al-Tirmizi al-Nasa'i Ibn Majah	Abu Dawud al-Tirmizi al-Nasa'i	al-Bukhari Muslim

Al-Sab'ah, terdiri daripada Imam Ahmad, al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmizi, al-Nasa'i dan Ibn Majah.

Al-Sittah, terdiri daripada Imam al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, al-Tirmizi, al-Nasa'i dan Ibn Majah.

Al-Khamsah, terdiri daripada Imam Ahmad, Abu Dawud, al-Tirmizi, al-Nasa'i dan Ibn Majah.

Al-Arba'ah, terdiri darpada Imam Abu Dawud, al-Tirmizi, al-Nasa'i dan Ibn Majah.

Al-Tsalatsah, terdiri daripada Imam Abu Dawud, al-Tirmizi dan al-Nasa'i.

Muttafaq 'alaih, terdiri daripada Imam al-Bukhari dan Imam Muslim.

Istilah-Istilah Hadis

Matan adalah isi hadis yang berakhir dengan *sanad.*

Sanad, mereka adalah periwayat yang menyampaikan kepada *matan.*

Isnad adalah rentetan *sanad* hingga sampai kepada *matan.* Contohnya, daripada Muhammad ibn Ibrahim, daripada 'Alqamah ibn Waqqash, daripada Umar ibn al-Khatthab, bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda:

إِنَّمَا ٱلأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ.

"*Sesungguhnya setiap amal perbuatan itu bergantung kepada niat.*" Sabda Nabi (s.a.w) yang mengatakan "*Sesungguhnya setiap amal perbuatan itu bergantung kepada niat*" disebut *matan*, sedangkan diri para periwayat disebut *sanad*, dan mengisahkan rentetan *sanad* disebut *isnad.*

Musnad adalah hadis yang *isnad*-nya bersambung mulai dari permulaan hingga ke bahagian akhir dan ia turut digunakan ke atas kitab yang menghimpun hadis-hadis setiap periwayat secara tersendiri seperti kitab *Musnad* Imam Ahmad.

Musnid adalah orang yang meriwayatkan hadis sekali gus dengan *isnad*-nya.

Al-Muhaddits adalah orang yang pakar dalam hadis dan menekuninya secara *riwayah* dan secara *dirayah* (pengetahuan).

Al-Hafiz adalah orang yang hafal seratus ribu hadis secara *matan* dan *isnad.*

Al-Hujjah adalah orang yang menguasai tiga ratus ribu hadis.

Al-Hakim adalah orang yang menguasai Sunnah dan tidak ada yang dikuasainya melainkan hanya sedikit.

Pembahagian Hadis (A)

Hadis jika dilihat dari segi *thuruq* (jalur riwayatnya) terbahagi kepada *mutawatir* dan *ahad*.

Hadis *mutawatir* ialah hadis yang memenuhi empat syarat berikut ini. Pertama, ia diriwayatkan oleh sekumpulan orang yang ramai jumlahnya. Kedua, menurut kebiasaan, mereka mustahil bersepakat dalam kebohongan. Ketiga, mereka meriwayatkannya melalui orang yang sama kedudukannya mulai dari permulaan hingga ke bahagian akhir. Keempat, hendaklah *musnad* terakhir dari para periwayat berstatus *hasan* (baik). Hadis *mutawatir* dapat memberikan ilmu pengetahuan yang bersifat dharuri, atau dengan kata lain ilmu yang tidak dapat ditolak lagi kebenarannya. Antara contoh hadis *mutawatir* ialah sabda Rasulullah (s.a.w):

مَنْ كَذَّبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ.

"*Barang siapa yang berdusta kepadaku dengan sengaja, maka hendaklah dia bersiap sedia menempah tempat duduknya di dalam neraka.*"

Hadis *ahad* ialah hadis yang di dalamnya terdapat kecacatan pada salah satu syarat *mutawatir*. Hadis *ahad* dapat memberikan faedah yang bersifat *zhanni* dan adakalanya dapat memberikan pengetahuan yang bersifat *nazhari* (teori) apabila disertai dengan bukti yang menunjukkan kepadanya.

Hadis *ahad* pula terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu *sahih*, *hasan* dan *dha'if.*

Hadis *sahih* ialah hadis yang diriwayatkan oleh orang yang adil, memiliki *dhabt* (hafalan) yang sempurna, sanadnya *muttasil* (bersambung dengan sanad berikutnya), tidak *mu'allal* (cacat) dan tidak pula *syadz* (menyendiri). Istilah '*adil* yang dimaksudkan di sini ialah adil riwayatnya, yakni seorang muslim yang telah aqil baligh, bertakwa, dan menjauhi semua dosa besar. Pengertian adil ini mencakupi lelaki, wanita, orang merdeka dan hamba sahaya. Istilah *dhabth* ialah hafalan. *Dhabit* ada dua; pertama, *dhabt shadr* yang bermaksud orang yang bersangkutan hafal semua hadis yang diriwayatkannya di luar kepala dengan baik; kedua, *dhabth kitab* yang bermaksud orang yang bersangkutan memelihara pokok hadis yang dia terima daripada gurunya dari sebarang perubahan. *Mu'allal* ialah hadis yang dimasuki oleh suatu *'illat* (cacat) yang tersembunyi hingga memaksanya perlu untuk diteliti yang lebih mendalam. *Syadz* ialah hadis yang *tsiqah* (orang yang dipercaya) berbeza dengan orang yang lebih *tsiqah* daripadanya.

Hadis *hasan* ialah hadis yang diriwayatkan oleh orang adil, hafalannya kurang sempurna, tetapi sanadnya *muttashil,* tidak *mu'allal*, tidak pula *syadz.* Jika hadis *hasan* ini kuat kerana disokong oleh adanya satu jalur atau dua jalur riwayat yang lain, maka kedudukannya naik menjadi *sahih li ghairihi.*

Hadis *dha'if* ialah hadis yang peringkatnya di bawah hadis *hasan* dengan pengertian kerana di dalamnya terdapat kecacatan pada salah satu syarat *hasan*. Jika hadis *dha'if* menjadi kuat kerana disokong oleh adanya jalur riwayat yang lain atau oleh sanad yang lain, maka kedudukannya naik menjadi *hasan li ghairihi*.

Hadis *sahih* dan hadis *hasan* boleh diterima, sedangkan hadis *dha'if* ditolak dan oleh kerananya, ia tidak boleh dijadikan sebagai hujah kecuali dalam masalah keutamaan beramal, tetapi dengan syarat status *dha'if* hadis tersebut tidak terlalu teruk, permasalahan yang diketengahkan masih termasuk ke dalam pokok syariat dan seseorang yang mengamalkannya tidak meyakininya sebagai perkara yang telah ditetapkan oleh agama, melainkan tujuan mengamalkannya hanyalah mengambil sikap hari-hati dalam beramal.

Pembahagian Hadis (B)

Hadis jika dilihat dari periwayatnya terbahagi kepada *masyhur*, *'aziz* dan *gharib*.

Hadis *masyhur* ialah hadis yang diriwayatkan oleh tiga orang atau lebih, tetapi masih belum memenuhi syarat *mutawatir*. Kadang kala istilah ini diucapkan kepada hadis yang telah terkenal hingga menjadi buah bibir meskipun ia hadis *maudhu'*.

Hadis *'aziz* ialah hadis yang diriwayatkan oleh dua orang periwayat sahaja, meskipun masih dalam satu *thabaqah* (tingkatan). Sebab jumlah periwayat yang sedikit pada kebanyakannya boleh dijadikan pegangan dalam bidang ilmu ini.

Hadis *gharib* ialah hadis yang diriwayatkan oleh seorang periwayat sahaja, meskipun masih dalam salah satu *thabaqah*. Hadis *gharib* terbahagi kepada dua macam, iaitu; pertama, *gharib muthlaq* iaitu hadis yang menyendiri dalam asal sanadnya; kedua, *harib nisbi* iaitu hadis yang menyendiri pada *sanad* berikutnya.

Pembahagian Hadis (C)

Selain itu hadis terbahagi kepada dua bahagian, iaitu *maqbul* dan *mardud*.

Hadis *maqbul* ialah hadis yang dapat dijadikan hujah. Ia adalah hadis yang di dalamnya dipenuhi syarat-syarat hadis *sahih* atau hadis *hasan*. Hadis *maqbul* terbahagi kepada empat bahagian, iaitu *sahih li dzatihi*, *sahih li ghairihi*, *hasan li dzatihi*, dan *hasan li ghairihi.*

Sahih li dzatihi ialah hadis yang diriwayatkan oleh periwayat yang adil, sempurna hafalannya, *muttasil* sanadnya, tidak *mu'allal* dan tidak pula *syadz*. *Sahih li dzatihi* ini memiliki tingkatan yang berbeza-beza menurut perbezaan sifat yang telah disebutkan tadi.

Sahih li ghairihi ialah hadis yang paling sedikit mengandungi sebahagian daripada sifat yang ada pada hadis *maqbul*, tetapi di dalamnya ditemui perkara-perkara yang dapat menyempurnakan kekurangannya itu, misalnya ada hadis yang sama diriwayatkan melalui satu atau banyak jalur selainnya.

Hasan li dzatihi ialah hadis yang dinukilkan oleh seorang yang adil, memiliki hafalan yang kurang sempurna, *muttasil* sanadnya, diriwayatkan melalui orang yang sama tingkatan dengannya, tidak *mu'allal* dan tidak pula *syadz*.

Hasan li ghairihi ialah hadis yang masih perlu diteliti penerimaannya, tetapi telah dijumpai di dalamnya faktor-faktor yang menguatkan untuk menerimanya seperti hadis yang di dalam sanadnya terdapat orang yang keadaannya masih belum diketahui atau orang yang buruk hafalannya.

Hadis *maqbul* pula terbahagi kepada *muhkam*, *mukhtalaf al-hadis*, *nasikh* dan *rajih*.

Muhkam ialah hadis yang tidak ada hadis lain yang menentangnya.

Mukhfalaf ialah hadis yang didapati ada hadis lain yang menentangnya, tetapi masih ada kemungkinan untuk menggabungkannya.

Nasikh ialah hadis yang datang kebelakangan dan isinya menentang hadis yang seumpama dengannya.

Rajih ialah hadis yang boleh diterima, namun isi kandungannya menentang hadis seumpamanya yang mendahuluinya kerana adanya satu sebab yang mengharuskan demikian, sedangkan usaha untuk menggabungkan di antara keduanya adalah tidak mungkin. Lawan daripada *rajih* ialah *marjuh*.

Hadis *mardud* ialah hadis yang di dalamnya tidak dipenuhi syarat-syarat *sahih* dan tidak pula syarat-syarat *hasan.* Hadis *mardud* ini tidak boleh dijadikan sebagai hujah. Ia terbahagi kepada dua bahagian; pertama, *mardud* kerana adanya keguguran pada sanadnya; kedua, *mardud* kerana adanya kecacatan pada diri para periwayatnya. Hadis *mardud* kerana adanya keguguran pada sanadnya terbahagi kepada lima, iaitu *mu'allaq*, *mursal*, *mu'adhdhal*, *munqathi'* dan *mudallas*.

Mu'allaq ialah hadis yang dari permulaan sanadnya gugur seorang periwayat. Termasuk ke dalam hadis *mu'allaq* adalah hadis yang seluruh sanadnya dibuang.

Mursal ialah hadis yang dinisbahkan oleh seorang tabiin terus kepada Nabi (s.a.w).

Mu'adhdhal ialah hadis yang gugur daripadanya dua orang periwayat secara berturut-turut.

Munqathi' ialah hadis yang gugur daripadanya seorang atau dua orang periwayat, tetapi tidak berturut-turut.

Mudallas ialah hadis yang terdapat keguguran di dalamnya, tetapi tersembunyi, sedangkan ungkapan riwayatnya menggunakan istilah *'an* (daripada). Contohnya, seseorang menggugurkan nama gurunya lalu menukil daripada orang yang lebih atas daripada gurunya dengan menggunakan ungkapan yang seolah-olah memberikan pengertian kepada si pendengar bahawa itu dinukil secara langsung daripada orang yang di atas gurunya itu; contoh ini disebut dengan *mudallas al-isnad*. Ada ketikanya nama gurunya itu tidak digugurkan, sebaliknya gurunya itu digambarkan dengan sifat yang tidak dikenali; contoh seperti ini disebut sebagai *mudallas al-syuyukh*. Ada ketikanya dia menggugurkan seorang periwayat *dha'if* di antara dua orang periwayat yang *tsiqah* (terpercaya); contoh ini disebut sebagai *mudallas al-taswiyah*.

Hadis *mardud* kerana adanya kecatatan terbahagi kepada empat, iaitu: *maudhu'*, *matruk*, *munkar* dan *mu'allal*.

Maudhu' ialah hadis yang periwayatnya berdusta di dalam dalamnya.

Matruk ialah hadis yang cacatnya disebabkan oleh periwayat yang dicurigai sebagai orang yang berdusta.

Munkar ialah hadis yang cacatnya kerana kebodohan si periwayatnya atau kerana kefasikannya.

Mu'allal ialah hadis yang cacatnya disebabkan oleh aib yang tersembunyi, tetapi zahirnya selamat dan tidak menampakkan aib.

Termasuk ke dalam kategori hadis cacat ini ialah hadis yang disebabkan *idraj*. Ia ada dua bahagian, iaitu *mudraj matan* dan *mudraj isnad*.

Mudraj matan ialah hadis yang di dalamnya ditambah sebahagian lafaz oleh periwayatnya, sama ada pada bahagian pemulaan, bahagian tengah ataupun pada bahagian akhirnya. Ada kalanya ia bertujuan untuk mentafsirkan lafaz yang *gharib* (sukar difahami), seperti *yatahannatsu* (*yata'abbadu*) yang ertinya beribadah.

Mudraj isnad ialah hadis yang di dalamnya ditambah *isnad*-nya, seperti menghimpun beberapa sanad dalam satu sanad tanpa sebarang penjelasan.

Termasuk ke dalam pengertian cacat ialah *qalb*, yakni hadis *maqlub* atau hadis songsang disebabkan seorang periwayat bertentangan dengan periwayat lain yang lebih kuat daripadanya kerana mendahulukan atau mengakhirkan sanad atau matan.

Termasuk pula ke dalam pengertian cacat ialah *idhthirab*, yakni hadis *mudhtharib*, iaitu hadis yang periwayatnya bertentangan dengan periwayat lain yang lebih kuat daripadanya dalam sanad atau matan atau dalam kedua-duanya sekali, tidak ada *murajjih* (faktor yang dapat memastikan mana satu yang lebih kuat di antara keduanya), sedangkan usaha menggabungkan di antara keduanya merupakan perkara yang tidak dapat dilakukan.

Termasuk ke dalam pengertian cacat ialah *tash-hif*, yakni hadis *mushahhaf* dan *tahrif*, yakni hadis *muharraf*. Hadis *mushahhaf* ialah cacat yang ada padanya

disebabkan seorang periwayat bertentangan dengan periwayat lain yang lebih kuat dalam masalah *titik*. Jika percanggahan itu dalam masalah baris atau harakat, maka ia disebut hadis *muharraf*.

Termasuk ke dalam pengertian cacat ialah *jahalah* yang juga disebutkan *ibham*, *bid'ah*, *syudzudz* dan *ikhtilath*.

Mubham ialah hadis yang di dalamnya ada seorang periwayat atau lebih tetapi tidak disebutkan namanya.

Mubtadi' ialah jika perbuatan bid'ahnya menyebabkan kekufuran, maka periwayatnya tidak boleh diterima, namun jika perbuatan bid'ahnya menyebabkan kefasikan, sedangkan periwayatnya orang yang adil dan tidak menyeru kepada bid'ah tersebut, maka hadisnya boleh diterima.

Syadz ialah hadis yang seorang periwayat *tsiqah* bertentangan dengan periwayat yang lebih *tsiqah* daripadanya. Kebalikan hadis *syadz* ialah hadis *mahfuzh*, iaitu hadis yang seorang periwayat *tsiqah* bertentangan dengan hadis periwayat lain yang status *tsiqah*-nya masih berada di bawahnya.

Mukhtalath ialah hadis yang periwayatnya yang hafalannya buruk disebabkan otaknya mengalami gangguan, misalnya, akibat pengaruh usia yang telah lanjut. Hukum hadisnya boleh diterima sebelum akalnya terganggu hingga hafalannya menjadi buruk, namun jika akalnya sudah terganggu maka hadisnya tidak boleh diterima. Jika tidak dapat dibezakan antara zaman sebelum otaknya terganggu dengan zaman sesudahnya, maka kesemua hadisnya mesti ditolak.

Pembahagian Hadis (D)

Hadis jika dilihat dari segi matan dan sanad terbahagi kepada *marfu'*, *mauquf*, *maqthu'*, *'alin muthlaq*, *'alin nisbi* dan *nazil*.

Marfu' ialah hadis yang disandarkan kepada Nabi (s.a.w), sama ada secara terang-terangan ataupun secara hukum.

Mauquf ialah hadis yang sanadnya hanya terhenti kepada seorang sahabat tanpa adanya tanda-tanda yang menunjukkannya *marfu'*, sama ada secara ucapan mahupun perbuatan.

Maqthu' ialah hadis yang sanadnya hanya terhenti kepada seorang tabi'in.

'Alin muthlaq ialah hadis yang bilangan periwayatnya sedikit jika dibandingkan dengan sanad yang lain, dan sanadnya sampai kepada Nabi (s.a.w), lawannya hadis *'alin muthlaq* adalah hadis *nazil muthlaq*.

'Alin nisbi ialah hadis yang periwayatnya sedikit apabila dibandingkan dengan sanad yang lain dan berakhir kepada seorang imam yang terkenal, seperti Imam Malik, Imam al-Syafi'i, Imam al-Bukhari, dan Imam Muslim. Lawannya ialah hadis *nazil nisbi*, tetapi hadis *'alin nisbi* lebih mendekati *sahih* kerana kemungkinan kesalahannya masih sedikit, berbeza dengan hadis *nazil nisbi*. Hadis ini tidak disukai melainkan kerana ada keistimewaan khusus yang ada padanya.

Jenis-Jenis Riwayat

Riwayat mempunyai pelbagai jenis, iaitu riwayat *aqran*, riwayat *akabir 'an ashaghir*, riwayat *ashaghir 'an akabir*, *musalsal*, *muttafiq wa muftariq*, *mu'talif wa mukhtalif*, *mutasyabih*, *muhmal*, serta *sabiq wa lahiq.*

Riwayat *aqran* ialah riwayat yang dilakukan oleh salah seorang periwayat di antara dua periwayat yang berteman daripada periwayat yang lain. Dua orang teman itu adalah umurnya saling berdekatan atau *isnad*-nya berdekatan atau kedua-duanya sekali. Berdekatan dalam *isnad* maksudnya berdekatan dalam berteman dan mengambil daripada guru. Riwayat *aqran* ini terbahagi kepada empat bahagian, iaitu:

Mudabbaj ialah riwayat dari masing-masing dua periwayat yang berteman lagi sama umur dan *isnad*-nya daripada periwayat yang lain.

Ghair Mudabbaj ialah riwayat dari salah seorang dua periwayat yang berteman, sedangkan keduanya sama dari segi hal umur dan *isnad*-nya*.*

Riwayat *akabir 'an ashaghir* ialah seseorang meriwayatkan suatu hadis daripada orang yang lebih rendah daripadanya dari segi umur atau dalam berteman. Termasuk ke dalam kategori ini ialah riwayat para orang tua daripada anak-anaknya dan riwayat para sahabat daripada para tabi'in. Namun jenis ini jarang dijumpai sedangkan kebalikannya sangat banyak, iaitu riwayat *ashaghir 'an akabir* atau riwayat yang dilakukan oleh seorang anak daripada orang tuanya atau tabi'in daripada sahabat. Jenis ini banyak dijumpai.

Musalsal ialah hadis yang para periwayatnya sepakat dan sama berkaitan keadaan qauli atau fi'li, seperti sama-sama menggunakan lafaz *haddatsani*, dan contoh yang lain ialah para periwayat sama-sama menggunakan lafaz *anba'ani*, dan demikian seterusnya.

Muttafaq wa muftaraq ialah hadis yang kesemua nama periwayatnya telah disepakati secara lafaz dan tulisan, tetapi pengertian atau pemahamannya berlainan.

Mu'talaf wa mukhtalaf ialah hadis yang sebahagian nama periwayatnya disepakati secara tulisan, tetapi secara ucapan berlainan, seperti lafaz *Zabir* dan *Zubair.*

Mutasyabih ialah hadis yang nama sebahagian periwayatnya disepakati, tetapi nama orang tua mereka masih dipertikai, seperti Sa'd ibn Mu'adz dan Sa'd ibn 'Ubadah.

Muhmal ialah hadis yang diriwayatkan daripada dua orang periwayat yang memiliki nama sama hingga tidak dapat dibezakan. Jika kedua-dua perari itu merupakan dua orang periwayat *tsiqah* (terpercaya), maka itu tidak ada masalah, seperti nama Sufyan sama ada yang dimaksudkan itu adalah Sufyan al-Tsauri atau Sufyan ibn 'Uyaynah. Tetapi jika kedua-duanya tidak termasuk orang yang *tisqah*, maka itu boleh mendatangkan kecacatan.

Sabiq wa lahiq ialah suatu hadis yang di dalamnya berhimpun satu riwayat yang dilakukan oleh dua orang periwayat daripada guru mereka, tetapi salah seorang di antara keduanya meninnggal dunia lebih dahulu jauh sebelum yang lain, sedangkan jarak waktu antara kematian orang yang pertama dengan kematian orang kedua cukup lama.

Ungkapan Menyampaikan Hadis

Ungkapan menyampaikan hadis yang paling kuat ialah menggunakan lafaz 'سمعت' (aku telah mendengar) dan 'حدثني' (dia telah menceritakan hadis kepadaku). Setelah itu menggunakan lafaz 'قرأت عليه' (aku belajar kepadanya), kemudian menggunakan lafaz 'قرئ عليه وأنا أسمع' (diajarkan kepadanya, sedangkan aku mendengarkannya), kemudian menggunakan lafaz 'أنبأني' (dia telah memberitakan kepadaku), kemudian menggunakan lafaz 'ناولني إجازة' (dia telah memberikan hadis ini kepadaku secara ijazah), kemudian menggunakan lafaz 'كتب إلي' (dikirimkan kepadaku melalui tulisan atau surat), kemudian menggunakan lafaz 'وجدت بخطه' (aku menjumpai pada tulisannya).

Adapun hadis *mu'an'an* sepeti ' 'عن فلان' (daripada si fulan), maka hadis ini dikategorikan ke dalam hadis yang diterima melalui mendengarkannya dan orang yang sezaman tetapi tidak *mudallas.*

Penutup

Apa yang dimaksudkan dengan adil riwayat ialah seorang muslim yang aqil baligh, menjauhi daripada melakukan dosa-dosa besar dan memelihara diri daripada terjerumus melakukan dosa-dosa kecil pada sebahagian besar waktunya, namun dalam masalah ini tidak disyaratkan lelaki dan merdeka. Oleh yang demikian, riwayat yang dilakukan oleh wanita dan hamba sahaya boleh diterima. Demikian pula boleh diterima riwayat yang dilakukan oleh ahli bid'ah jika dia adalah orang yang adil dan tidak menyeru (orang lain) kepada bid'ahnya, dan perbuatan bid'ahnya tidak sampai kepada tahap kufur (*bid'ah munkarah*).

Empat Peringkat Urutan Adil

1. 'فلان ثقة ثقة' Si fulan orang yang sangat dipercaya, 'ثبت ثبت' orang yang dapat dijadikan sebagai rujukan, 'حجة حجة' sangat handal untuk dijadikan hujah, 'ثبت حجة' dapat dijadikan sebagai rujukan dan dapat dijadikan hujah dan 'حافظ حجة' hafalannya dapat dijadikan sebagai hujah.

2. 'فلان ثقة' Si fulan orang yang terpercaya, 'حجة' dapat dijadikan hujah, 'حافظ' orang yang *hafiz*, 'ثبت' orang yang dapat menjadi rujukan, 'ضابط' orang yang *dhabit*, atau 'متقن' orang yang *mutqin* (mendalami).

Kebaikan kedua-dua tingkatan ini ialah bahawa hadis mereka dapat ditulis untuk dijadikan hujah, pengajaran dan saksi (bukti) kerana lafaznya menunjukkan pengertian yang mengandungi makna adil dan *dhabit.*

3. 'فلان صدوق' Si fulan orang yang jujur, 'خيار' orang yang terpilih, 'مأمون' orang yang dapat dipercaya, 'لا بأس به' boleh diambil hadisnya, atau 'ليس به بأس' tidak ada celanya. Orang yang menduduki peringkat ini hadisnya boleh ditulis, tetapi masih harus dipertimbangkan kerana lafaznya tidak memberikan kepada pengertian *dhabit*. Sungguhpun demikian, hadis mereka boleh diambil kira setelah mendapat persetujuan atau pandangan orang yang berstatus *dhabit.*

4. 'فلان رووا عنه' Si fulan menjadi sumber mereka dalam mengambil riwayat, 'محله الصدق' hadisnya patut dinilai jujur, 'فلان للصدق ما هو أي قريب إليه' si fulan mendekati kepada kejujuran, 'شيخ وسط' dia adalah guru yang bersifat adil, ' صالح الحديث' *soleh* hadisnya, 'جيد الحديث' *jayyid* hadisnya, 'حسن' baik hadisnya, 'صويلح' cukup baik, 'أرجو أن ليس به باس' saya berharap semoga dia tidak ada cacatnya, atau 'صدوق إن شاء الله'dia orang jujur, *insya Allah*. Orang yang menduduki peringkat ini hadisnya boleh ditulis, tetapi hanya boleh untuk dijadikan sebagai penjelasan.

Lima Peringkat Urutan *Tajrih* (Celaan)

1. 'فلان يكذب' Si fulan berdusta dan ini merupakan *tajrih* (celaan) yang paling buruk. Ungkapan yang sebanding dengannya ialah perkataan 'كذاب' pendusta, 'وضاع' tukang membuat-buat hadis, 'يضع' tukang membuat hadis palsu, dan 'دجال' pendusta."

2. 'فلان ساقط' Si fulan orang yang rendah, 'هالك' orang yang binasa, 'ذاهب' orang yang cakapnya tidak semberono, 'فيه نظر' perlu dipertimbangkan, 'متهم بالكذب أو الوضع' dituduh sebagai orang yang dusta atau membuat-buat hadis, 'هو متروك' dia orang yang hadisnya ditinggalkan, 'لا يعتبر به' tidak diambil kira, 'هو ليس بالثقة' dia tidak dipercaya, 'غير مأمون' tidak dapat dipegang, atau 'سكتوا عنه' mereka tidak memberikan komentar mengenainya.

3. 'فلان رد حديثه أو مردود' Si fulan hadisnya ditolak atau tertolak, 'ردوا حديثه' mereka menolak hadisnya, 'واه' hadisnya teramat lemah, 'إرمه' buang sahaja hadisnya, 'مطروح الحديث' hadisnya dibuang, 'طرحوا حديثه' mereka membuang hadisnya, 'ضعيف جدا' sangat lemah, 'لا شيئ' tidak ada apa-apanya, 'ليس بشيئ' sama sekali tidak bernilai, atau 'لا يساوي شيئا' tidak ada harganya sama sekali. Hadis orang yang menduduki ketiga-tiga peringkat ini tidak boleh diambil kira, sama ada untuk dijadikan sebagai hujah mahupun untuk pengajaran.

4. 'فلان منكر الحديث' Si fulan munkar hadisnya, 'ضعيف' lemah hadisnya, ' مضطرب الحديث' kacau hadisnya, 'واه' sangat lemah, 'ضعفوه' mereka menganggapnya *dha'if* dan 'لا يحتج به' tidak dapat dijadikan hujah.

5. 'فلان فيه ضعيف' Si fulan masih ada lemahnya, 'فيه مقال أو ضعف' masih ada celanya, 'سيئ الحفظ' buruk hafalannya, 'لين الحديث' lemah hadisnya, ' للضعف ما هو أي قريب منه' mendekati kelemahan, 'تكلموا فيه' mereka membicarakan mengenainya, ' ليس بالمتين' mereka itu bukan orang yang dapat menguasai, 'ليس بالقوي' bukan orang yang kuat, 'ليس بالحجة' bukan orang yang dapat dijadikan hujah, 'ليس بعمده' bukan orang yang dapat dijadikan pegangan, 'ليس بالمرضي قد طعنوا فيه' bukan orang yang memuaskan kerana mereka telah mencelanya, dan 'وفيه اختلفوا فلان تعرف وتنكر' mereka berselisih pendapat mengenai dirinya; si fulan dikenal, tetapi diingkari.

Hadis orang yang menduduki peringkat keempat dan kelima ini masih boleh diketengahkan untuk dijadikan sebagai pelajaran dan saksi (bukti). *Wallahu a'lam.*

KATA PENGANTAR AL-HAFIZ IBN HAJAR AL-'ASQALANI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

..... وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمۡ عَنۡهُ فَٱنتَهُواْۚ ..... ﴿٧﴾

الْحَمْدُ للهِ عَلَى نِعَمِهِ الظَّاهِرَةِ وَالْبَاطِنَةِ قَدِيمًا وَحَدِيثًا، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى نَبِيِّهِ وَرَسُولِهِ مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ الَّذِينَ سَارُوا فِي نُصْرَةِ دِينِهِ سَيْرًا حَثِيثًا وَعَلَى أَتْبَاعِهِمْ الَّذِينَ وَرِثُوا عِلْمَهُمْ، وَالْعُلَمَاءُ وَرَثَةُ ٱلأَنْبِيَاءِ، أَكْرِمْ بِهِمْ وَارِثًا وَمَوْرُوثًا.

أَمَّا بَعْدُ: فَهَذَا مُخْتَصَرٌ يَشْتَمِلُ عَلَى أُصُولِ ٱلأَدِلَّةِ الْحَدِيثِيَّةِ لِلأَحْكَامِ الشَّرْعِيَّةِ حَرَّرْته تَحْرِيرًا بَالِغًا لِيَصِيرَ مَنْ يَحْفَظُهُ مِنْ بَيْنِ أَقْرَانِهِ نَابِغًا، وَيَسْتَعِينَ بِهِ الطَّالِبُ الْمُبْتَدِي، وَلاَ يَسْتَغْنِي عَنْهُ الرَّاغِبُ الْمُنْتَهِي، وَقَدْ بَيَّنْت عَقِبَ كُلِّ حَدِيثٍ مَنْ أَخْرَجَهُ مِنَ ٱلأَئِمَّةِ لِإِرَادَةِ نُصْحِ ٱلأُمَّةِ.

فَالْمُرَادُ بِالسَّبْعَةِ أَحْمَدُ وَالْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ وَأَبُو دَاوُد وَالتِّرْمِذِيُّ وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَهْ، وَبِالسِّتَّةِ مَنْ عَدَا أَحْمَدَ، وَبِالْخَمْسَةِ مَنْ عَدَا الْبُخَارِيَّ وَمُسْلِمًا، وَقَدْ أَقُولُ ٱلأَرْبَعَةُ وَأَحْمَدُ، وَبِٱلأَرْبَعَةِ مَنْ عَدَا الثَّلاَثَةَ ٱلأُوَلَن وَبِالثَّلاَثَةِ مَنْ عَدَاهُمْ وَعَدَا ٱلأَخِيرَ، وَبِالْمُتَّفَقِ عَلَيْهِ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ، وَقَدْ لاَ أَذْكُرُ مَعَهُمَا غَيْرَهُمَا، وَمَا عَدَا ذَلِكَ فَهُوَ مُبَيَّنٌ، وَسَمَّيْته: "بُلُوغَ الْمَرَامِ مِنْ جَمِيعِ أَدِلَّةِ ٱلأَحْكَامِ"، وَاللهُ أَسْأَلُهُ أَنْ لاَ يَجْعَلَ مَا عَلِمْنَاهُ عَلَيْنَا وَبَالاً وَأَنْ يَرْزُقَنَا الْعَمَلَ بِمَا يُرْضِيهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

"... *Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya...*" (Surah al-Hasyr: 7)

Segala puji bagi Allah di atas nikmat-nikmat-Nya, sama ada yang zahir mahupun yang batin, terdahulu mahupun terkini. Selawat dan salam semoga sentiasa tercurah ke atas Nabi dan Rasul-Nya, Nabi Muhammad (s.a.w) berserta keluarga dan para sahabat yang telah berjuang demi membela agamanya dengan perjuangan yang hebat dan gigih. Demikian pula ke atas para pengikut mereka, iaitu orang yang mewarisi ilmu mereka; dan juga kepada para ulama pewaris para nabi; betapa mulia mereka sebagai pewaris dan diwarisi.

Amma ba'du...

Kitab ini merupakan kitab ringkas yang mengandung asas-asas semua dalil hadis berkaitan hukum syariat. Kami telah menapisnya dengan baik supaya orang yang dapat mengusainya menjadi orang yang menonjol di antara rakan-rakan yang sebanyak lagi berfikiran cemerlang. Kitab ini dapat membantu penuntut ilmu yang masih mencari ilmu dan sememangnya diperlukan oleh orang yang telah memiliki ilmu pengetahuan. Pada setiap hadis kami sebut dengan jelas nama orang yang menyebutnya dari kalangan para imam hadis dengan tujuan untuk kebaikan umat.

Apa yang dimaksudkan dengan istilah *al-sab'ah* ialah Imam Ahmad, Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Dawud, Imam al-Tirmizi, Imam al-Nasa'i dan Imam Ibn Majah. Istilah *al-sittah* ialah kesemua imam tersebut, kecuali

Imam Ahmad. Istilah *al-khamsah* adalah untuk kesemua imam kecuali Imam al-Bukhari dan Imam Muslim; ini kadang kala kami sebut dengan istilah *al-arba'ah* dan Imam Ahmad. Istilah *al-arba'ah* bermaksud selain tiga imam yang pertama daripada *al-sab'ah*, iaitu Imam Ahmad, Imam al-Bukhari dan Imam Muslim. Sedangkan yang dimaksudkan dengan istilah *al-tsalalsah* ialah selain tiga imam yang pertama dan imam yang terakhir, iaitu selain Imam Ahmad, Imam al-Bukhari dan Imam Muslim serta Imam Ibn Majah. Istilah *muttafaq 'alaih* bermaksud Imam al-Bukhari dan Imam Muslim, tetapi ada kalanya kami tidak menyebut selainnya apabila telah disebut Imam al-Bukhari dan Imam Muslim. Istilah selain itu maka kami akan menyebut nama periwayatnya.

Kitab ini kami beri judul *Bulugh al-Maram min Jami' Adillah al-Ahkam*. Kami memohon kepada Allah semoga tidak menjadikan apa yang telah kami ketahui ini sebagai malapetaka bagi kami di hari kemudian, dan semoga memberikan kami kekuatan untuk mengamalkan perkara-perkara yang diredai-Nya.

Penjelasan Singkat oleh Al-Hafiz Ibn Fahd al-Hasyimi al-Maliki dalam Kitabnya *Lahzh Al-Ilhazh*

"نِعَمِهِ" adalah jamak kepada perkataan *ni'mah* yang menurut al-Razi adalah manfaat berbuat kebaikan yang diberikan kepada orang lain.

"الظَّاهِرَةُ" adalah nikmat zahir, seperti Islam, murah rezeki dan diberi rupa yang baik.

"الْبَاطِنَةُ" adalah nikmat batin, iaitu dosa-dosa, aib, dan aurat yang ditutupi Allah (s.w.t).

"قَدِيمًا" adalah terdahulu, maksudnya sejak ditiupkan ruh ke dalam tubuh manusia ketika masih berada di dalam perut ibu.

"حَدِيثًا" adalah baharu atau terkini.

"دِينِهِ" adalah agama, iaitu ketetapan Ilahi yang menyeru makhluk yang berakal untuk menerima apa yang dibawa dan disampaikan oleh Rasulullah (s.a.w).

"حَثِيثًا" adalah bersungguh-sungguh dan cepat.

"أُصُولِ" adalah bentuk jamak dari perkataan *ashl* yang bermaksud tiang yang menjadi asas kepada objek yang lain.

"الأَدِلَّةِ" adalah bentuk jamak dari perkataan *dalil*. Ia menurut bahasa bermaksud petunjuk yang membimbing menuju perkara yang diinginkan, sedangkan menurut istilah ulama usul fiqh adalah satu cara yang dapat menyampaikan kepada tujuan yang bersifat berita dengan melakukan kajian dan penelitian yang betul terhadapnya. Dalil-dalil yang telah disepakati ada empat, iaitu al-Qur'an, Sunnah, ijmak dan qiyas.

"لِلأَحْكَامِ" bentuk jamak dari perkataan *hukm* yang bererti perintah Allah yang berkaitan dengan perbuatan orang mukallaf. Ia ada lima, iaitu wajib, haram, sunat, makruh dan mubah.

"الشَّرْعِيَّةِ" adalah perkara-perkara disyariatkan (ditetapkan) oleh Allah untuk hamba-hamba-Nya.

“حَرَّرْته” ialah aku telah memilih dan menyaringnya.

“أَقْرَانِهِ” adalah bentuk jamak dari lafaz *qarn* yang ertinya orang yang sepadan dan sebaya.

“نَابِغًا” ialah seorang yang berotak cemerlang (cerdik pandai).

“الْمُبْتَدِي” ialah penuntut ilmu yang masih dalam tahap permulaan.

“الْمُنْتَهِي” ialah seorang yang telah memiliki ilmu pengetahuan.

Istilah *al-sab'ah*, *al-sittah*, *al-khamsah*, *al-arba'ah*, *al-tsalatsah* dan *muttafa 'alaih* ini disebut oleh Ibn Hajar sebagai pengantar bagi kitabnya, kerana ia boleh memberi manfaat bagi orang yang mengkaji kitab ini. Ibn Hajar menjelaskannya secara ringkas kerana mengikuti kaedah yang diguna pakai oleh ulama hadis.

Ahmad ibn Hanbal al-Syaibani ialah Abu 'Abdullah al-Marwazi yang juga dikenali sebagai al-Baghdadi. Beliau mengambil riwayat hadis daripada Ibrahim ibn Sa'ad, Yahya ibn Abu Za'idah dan ramai lagi. Riwayat Imam Ahmad telah diambil oleh Imam al-Syafi'i, Ibn Mu'in, Abu Zir'ah dan ramai lagi. Imam al-Syafi'i pernah berkata: “Aku meninggalkan kota Baghdad dan aku tidak meninggalkan padanya seorang pun yang lebih 'alim dalam ilmu fiqh, lebih warak, dan lebih zuhud daripada Imam Ahmad.” Menurut satu pendapat, Imam Ahmad hafal sejuta hadis. Beliau dilahirkan pada tahun 164 Hijriah dan meninggal dunia pada tahun 241 Hijriah dalam usia 77 tahun.

Imam al-Bukhari ialah Muhammad ibn Isma'il ibn Ibrahim al-Ju'fi al-Bukhari. Beliau mendapat gelaran “al-Hafiz” dan “Amir al-Mukminin” dalam hadis. Beliau telah menulis hadis lebih dari seribu orang guru. Telah mengambil riwayat daripadanya Imam al-Tirmizi, Abu Zir'ah, dan Abu Khuzaimah. Beliau dilahirkan pada tahun 194 Hijriah dan meninggal dunia pada tahun 256 Hijriah.

Imam Muslim ialah Muslim ibn al-Hajjaj al-Qusyairi al-Naisaburi. Julukannya ialah Abu al-Husain al-Hafiz. Beliau adalah salah seorang imam terkemuka dan mempunyai kitab *al-Shahih* yang menjadikan rujukan umat Islam. Beliau dilahirkan pada tahun 204 Hijriah dan meninggal dunia pada tahun 261 Hijriah.

Abu Dawud ialah Sulaiman ibn al-Asy'ats al-Sijistani. Beliau mendengar hadis daripada Imam Ahmad, Sulaiman ibn Harb, dan lain-lain. Telah mengambil riwayat daripadanya ramai ulama di antaranya adalah Imam al-Tirmizi dan Imam al-Nasa'i. Beliau dilahirkan pada tahun 202, meninggal dunia di Basrah pada tahun 275 Hijriah.

Imam al-Tirmizi ialah Abu 'Isa Muhammad ibn Surah al-Tirmizi, seorang buta sejak kelahirannya. Al-Tirmizi adalah nisbah kepada nama sebuah kota kuno yang bernama Turmuz yang terletak di tepi Sungai Jaihun di daerah Balakh. Beliau telah mendengar hadis daripada Imam al-Bukhari dan lain-lain dari kalangan guru-guru Imam al-Bukhari. Beliau meninggal dunia di Turmuz pada tahun 267 Hijriah.

Imam al-Nasa'i ialah Ahmad ibn Syu'aib al-Khurrasani, dilahirkan pada tahun 215 Hijriah. Nama al-Nasa'i ini dinisbahkan kepada kalangan kaum wanita yang ada di kota Khurrasan. Beliau mendengar hadis daripada Sa'id, Ishaq ibn Rahawaih, dan lain-lain dari kalangan para imam ilmu ini di Khurrasan,

Hijaz, Iraq, Mesir, Syam, dan Semenanjung Arabia. Beliau memiliki keistimewaan dan pengetahuan yang luar biasa dalam bidang hadis. Beliau pernah menetap di Mesir, meninggal dunia di Ramalah pada tahun 303 Hijriah dan dikebumikan di Baitul Maqdis.

Ibn Majah ialah Abu ‘Abdullah Muhammad ibn Yazid ibn Majah al-Qazwaini. Ramai ulama telah mengambil riwayat daripadanya. Beliau adalah salah seorang imam hadis yang terkemuka, dilahirkan pada tahun 207 Hijriah dan meninggal dunia pada tahun 275 atau 273 Hijriah.

“وَبَالاً” bermaksud memperberat hisab dan menambah bebanan dosa.

Riwayat Hidup al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqalani

Nama aslinya ialah Ahmad ibn ‘Ali ibn Muhammad, sedangkan gelarannya adalah Abu al-Fadhl al-Kannani dan dikenal pula dengan nama Ibn Hajar al-‘Asqalani al-Mishri al-Syafi’i. Al-‘Asqalani nama kota, al-Mishri nama negeri dan al-Syafi’i nama mazhabnya.

Beliau diberi gelaran al-‘Allamah, al-Hafiz, Alam al-A’immah al-A’lam, Umdah al-Muhaqqiqin, Khatimah al-Huffazh al-Mubrizin, dan al-Qudhah al-Masyhurin. Nama gelarannya yang lain ialah Abu al-Fadhl Syihabuddin. Beliau lahir pada tahun 773 Hijriah. Ketika ayahnya meninggal dunia dia masih lagi dalam usia kanak-kanak. Beliau telah hafal al-Qur’an ketika berusia lima tahun, melaksanakan ibadah haji pada tahun 784 Hijriah, lalu tinggal di Mekah pada tahun berikutnya. Beliau belajar kitab *Shahih al-Bukhari* kepada ‘Afif al-Naisaburi. Kemudian pada tahun 786 Hijriah, beliau berangkat ke Mesir, lalu mendengar *Shahih al-Bukhari* kepada ‘Abdurrahim ibn Razin. Pada tahun 802 Hijriah, beliau pernah ke Damsyiq dan sempat berjumpa sebahagian murid-murid al-Qasim ibnu ‘Asakir dan lain-lain yang termasuk ulama kenamaan masa itu. Beliau telah melakukan ibadah haji berkali-kali dan hadis yang didengarnya dari guru-gurunya sangat banyak. Beliau mampu menggubah syair dengan baik dan beliau pada usia muda telah menunjukkan kepakaran yang luar biasa dalam ilmu hadis apabila dibandingkan drengan para ulama lain yang sezaman dengannya, khususnya keadaan para periwayat dan apa-apa yang berkaitan dengan mereka.

Beliau meninggal dunia pada tahun 852 Hijriah, jenazahnya disolatkan oleh kaum mukminin di al-Ramilah di luar kota Kaherah, kemudian dibawa ke al-Qurrafah al-Wustha. Semoga Allah mencucuri rahmat-Nya kepada kita semua. Amin.

KITAB THAHARAH (BERSUCI)

BAB HUKUM AIR

١ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فِي الْبَحْرِ: "هُوَ الطَّهُورُ مَاؤُهُ، الْحِلُّ مَيْتَتُهُ". أَخْرَجَهُ الْأَرْبَعَةُ، وَابْنُ أَبِي شَيْبَةَ، وَاللَّفْظُ لَهُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَالتِّرْمِذِيُّ. وَرَوَاهُ مَالِكٌ وَالشَّافِعِيُّ وَأَحْمَدُ.

1. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda mengenai laut: "*Laut itu airnya suci lagi menyucikan, halal bangkainya.*" (Disebutkan oleh *al-Arba'ah* dan Ibn Abu Syaibah, sedangkan lafaznya menurut riwayat Ibn Abu Syaibah. Ibn Khuzaimah dan Imam al-Tirmizi menilainya sebagai sahih. Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Malik, Imam al-Syafi'i, dan Imam Ahmad)

Makna Hadis

Hadis ini merupakan salah satu asas bersuci yang mengandungi banyak hukum dan kaedah penting. Di dalam laut banyak terdapat haiwan yang kadang kala ada yang mati, sedangkan hukum bangkainya pula adalah najis. Rasulullah (s.a.w) memberitahu mereka bahawa hukum bangkai jenis ini berbeza dengan bangkai-bangkai yang selainnya. Baginda menegaskan demikian agar mereka tidak berprasangka bahawa air laut menjadi najis kerana ada bangkai haiwan laut yang mati di dalamnya, dan supaya mereka tidak mempunyai anggapan bahawa bangkai haiwan laut itu najis.

Dapat disimpulkan bahawa hadis ini merupakan jawapan ke atas soalan seorang sahabat yang bertanya dengan konteks seperti berikut: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya kami biasa menggunakan jalan laut dan kami hanya mampu membawa sedikit air tawar. Apabila air tawar yang kami bawa itu digunakan untuk berwuduk, nescaya kami akan kehausan, bolehkah kami berwuduk dengan menggunakan air laut?" Kemudian Rasulullah (s.a.w) memberikan pemahaman kepada mereka bahawa air laut itu suci lagi menyucikan (dapat digunakan untuk bersuci). Nabi (s.a.w) menambahkan hukum lain yang tidak ditanyakan, padahal itu semestinya turut ditanya namun tidak ditanya kerana kedudukan hukumnya yang tersembunyi. Hal tersebut ialah bangkai haiwan yang ada di dalam laut adalah halal dan tidak perlu disembelih lagi.

Analisis Lafaz

"الكتاب" menurut bahasa adalah himpunan dan kumpulan, sedangkan menurut istilah pula adalah nama kepada sejumlah pemasalahan ilmiah yang pada kebiasaannya terdiri daripada beberapa bab, beberapa fasal, dan beberapa masalah penting lain.

"الطهارة", menurut bahasa adalah kebersihan dan bebas dari segala kotoran, sedangkan menurut syarak pula ialah gambaran hukum yang pengertiannya menunjukkan bebas daripada hadas dan najis.

"الباب", menurut bahasa adalah tempat untuk masuk dan keluar, sedangkan

menurut istilah dalam kitab ini pula adalah kata kiasan. Pengertian menyelami sesebuah permasalahan khusus diserupakan dengan memasuki tempat yang bersifat inderawi, kemudian digunakan perkataan “الباب” (pintu) yang bermaksud nama sebuah himpunan permasalahan ilmiah, memandangkan adanya kaitan tertentu antara kedua-dua pengertian tersebut.

“المياه”, bentuk jamak “ماء” manakala bentuk asalnya adalah “موه”. Oleh itu, huruf *ha'* dikekalkan ketika dalam bentuk jamak, sebab bentuk jamak mengembalikan segala sesuatu kepada bentuk asal katanya. Pengertian lafaz “ماء” ialah nama jenis yang pengertiannya mencakupi sesuatu yang sedikit dan sesuatu yang banyak. Manakala maknanya pula ialah benda cair yang jernih atau bening yang dilihat berwarna mengikuti warna wadahnya, iaitu air.

“نركب البحر”, kami biasa menaiki laut, maksudnya memakai jalan laut dengan naik perahu. Pengertian *al-bahr* dalam hadis ini ialah air laut bukannya air danau besar atau sungai besar yang juga termasuk ke dalam pengertian ini. Dikatakan demikian kerana itulah yang ditanyakan memandangkan rasanya asin, pahit dan berbau hanyir.

“نحمل معنا القليل من الماء”, sedangkan kami hanya membawa sedikit persediaan air, maksudnya air tawar.

“عطشنا”, nescaya kami akan mengalami kehausan kerana air tawar kami habis digunakan untuk bersuci.

“أفنتوضأ به”, Bolehkah kami berwuduk dengan menggunakan air laut? Huruf *fa'* adalah huruf *'athaf* yang berkaitan dengan lafaz yang tidak disebutkan; bentuk lengkapnya ialah “أهو طهور فنتوضأ به؟” Ertinya “apakah air laut itu suci lagi menyucikan, lalu kami dapat berwuduk dengannya?” Sesungguhnya mereka tidak berani bersuci menggunakan air laut lantaran adanya alasan-alasan tadi, iaitu kerana airnya asin, pahit, dan berbau hanyir. Air yang memiliki ciri-ciri seperti itu tidak dapat diminum, lalu mereka meyakini bahwa air yang tidak dapat diminum juga tidak dapat digunakan untuk bersuci.

“هُوَ الطَّهُورُ مَاؤُهُ”, air laut itu suci lagi menyucikan. Menyebut lafaz “ماؤه” memastikan bahawa *dhamir* yang ada pada lafaz “هو” merujuk kepada laut (*al-bahr*). Dhamir “هو” berkedudukan sebagai *mubtada'*; lafaz “الطَّهُورُ” berkedudukan sebagai *mubtada'* yang kedua, dan lafaz “ماؤه” menjadi khabar kepada *mubtada'* yang kedua, sedangkan jumlah yang terdiri daripada *mubtada'* kedua dengan *khabar*-nya berkedudukan sebagai *khabar* kepada *mubtada'* yang pertama. *Mubtada'* dan *khabar* semuanya dalam bentuk *ma'rifah*; ungkapan seperti ini menunjukkan makna *qasr,* iaitu *qasr sifat* ke atas *mausuf*, apabila ditinjau dari segi *mukhathab* dinamakan *qasr ta'yin* (penentuan). Ini kerana orang yang bertanya merasa ragu sama boleh atau tidak berwuduk dengan air laut, lalu Rasulullah (s.a.w) menentukan bahwa berwuduk dengan air laut itu adalah dibolehkan menerusi sabdanya: “*Laut itu airnya suci lagi menyucikan.*”

“الحل ميتته”, yakni halal bangkai haiwannya meskipun tanpa disembelih. Kalimat ini tidak di-*'athaf*-kan kepada kalimat sebelumnya kerana adanya *munasabah* (kaitan) di antara kedua-dua kalimat dalam hukum dan jika menggunakan *'athaf* akan memberikan pengertian yang berlainan.

Fiqh Hadis

1. Orang yang tidak mengetahui suatu permasalahan dikehendaki menanyakannya kepada orang yang berilmu.
2. Dibolehkan menggunakan laut sebagai alat pengangkutan meskipun bukan untuk tujuan ibadah, karena si penanya sudah terbiasa menggunakan jalan laut untuk menangkap ikan.
3. Apabila khuatir akan mengalami kehausan, dibolehkan tidak menggunakan air minum untuk bersuci kerana adanya pengakuan daripada Rasulullah (s.a.w) terhadap si penanya untuk menjimat air minum dan tidak menggunakannya untuk bersuci.
4. Air laut suci lagi menyucikan dengan pengertian dapat menghilangkan hadas dan dapat membersihkan najis atau kotoran. Ikan tidak perlu disembelih kerana syariat telah menghalalkan bangkainya sama dengan ikan haiwan laut yang lain.
5. Halal memakan bangkai haiwan laut yang hanya hidup di dalamnya.
6. Dibolehkan menjawab lebih banyak daripada pertanyaan yang diajukan bagi menyempurnakan faedah dan untuk memberikan pengetahuan berkaitan perkara yang tidak ditanyakan.

Periwayat Hadis

Orang yang meriwayatkan hadis ini ialah Abu Hurairah (r.a), nama aslinya adalah ‘Abdurrahman ibn Shakhr al-Yamani al-Dausi. Beliau masuk Islam pada tahun ke-7 Hijriah dan meriwayatkan sebanyak 5,374 hadis dan termasuk sahabat yang paling banyak meriwayatkan hadis. Beliau meninggal dunia pada tahun 59 Hijriah dengan usia 78 tahun dan dikebumikan di Madinah.

Orang yang Menyebutkan Hadis

Mereka adalah *al-Arba’ah*, iaitu Abu Dawud, al-Nasa’i, al-Tirmizi, dan Ibn Majah. Ibn Abu Syaibah, nama aslinya adalah Abu Bakar ‘Abdullah ibn Abu Syaibah, penulis kitab *al-Musnad*. Beliau adalah salah seorang di antara guru Imam al-Bukhari, Imam Abu Dawud dan Imam Ibn Majah. Al-Dzahabi mengatakan bahawa beliau adalah al-Hafiz yang tiada duanya dan orang yang dapat dijadikan sebagai rujukan di samping sangat ‘alim.

Ibn Khuzaimah, nama aslinya ialah al-Hafiz al-Kabir Imam al-A’immah Syeikh al-Islam Abu Bakar Muhammad ibn Ishaq ibn Khuzaimah. Keimanan dan kedudukan al-Hafiz pada zamannya di Khurrasan sememangnya ada dalam genggaman tangannya.

Imam Malik ibn Anas ibn Malik ibn Anas al-Ashbahi al-Himyari dan julukannya adalah Abu ‘Abdullah al-Madani. Beliau adalah salah seorang tokoh Islam, imam kepada para imam, dan imam kota Hijrah (Madinah). Imam al-Syafi’i banyak

mengambil ilmu daripadanya. Imam al-Syafi'i berkata: "Imam Malik adalah Hujjatullah ke atas makhluk-Nya setelah para tabi'in." Beliau mengambil riwayat daripada Nafi' -pembantu Ibn 'Umar- dan al-Zuhri serta lain-lain dari kalangan tabi'in dan para pengikut tabi'in. Dilahirkan pada tahun 95 Hijriah dan meninggal dunia pada tahun 179 Hijriah dalam umur 84 tahun dan dikebumikan di al-Baqi'.

Imam al-Syafi'i, nama julukannya iaitu Abu 'Abdullah, sedangkan nama aslinya adalah Muhammad ibn Idris ibn al-'Abbas ibn 'Utsman al-Qurasyi al-Mutthalibi al-Hijazi al-Makki dan nasabnya berjumpa dengan nasab Rasulullah (s.a.w) pada 'Abd Manaf. Beliau dilahirkan pada tahun 150 Hijriah di Ghazzah dan menurut satu pendapat di 'Asqalan, hidup sebagai anak yatim di bawah asuhan ibunya dalam kehidupan yang serba sederhana dan keadaan yang susah. Sejak kecil, beliau belajar kepada ramai ulama. Beliau meninggalkan kota Mekah menuju Madinah untuk belajar kepada Imam Malik. Beliau kemudian berangkat ke Iraq hingga namanya terkenal di seluruh negeri Islam. Setelah itu, beliau berangkat menuju Mesir pada tahun 199 Hijriah dan meninggal dunia di Mesir pada tahun 204 Hijriah, dalam usia 54 tahun dan dikebumikan di Mesir.

٢- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ الْمَاءَ طَهُورٌ لاَ يُنَجِّسُهُ شَيْءٌ". أَخْرَجَهُ الثَّلاَثَةُ وَصَحَّحَهُ أَحْمَدُ.

2. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Sesungguhnya air itu suci lagi menyucikan, tiada sesuatu apa pun yang membuatnya menjadi najis.*" (Disebut oleh *al-Tsalatsah* dan dinilai sahih oleh Imam Ahmad)

Makna Hadis

Air tidak menjadi najis kerana ada sesuatu yang jatuh ke dalamnya. Hadis ini menceritakan kisah sumur *Budha'ah*, iaitu sumur yang menjadi tempat pembuangan kain-kain bekas mengelap darah haid, bangkai anjing, dan segala sesuatu yang berbau busuk. Makna yang dimaksudkan di sini ialah masyarakat sentiasa membuang benda-benda tersebut dari belakang rumah mereka. Sampah sarap ini kemudian dibawa oleh banjir dan hanyut hingga sampai ke sumur *Budha'ah* tersebut kerana sumur itu terletak di dataran yang rendah. Airnya banyak sehingga ia tidak tercemar oleh benda-benda kotor tersebut. Para sahabat kemudian bertanya kepada Rasulullah (s.a.w) mengenai kedudukan air *Budha'ah* itu supaya mereka mengetahui hukumnya sama ada suci ataupun najis. Rasulullah (s.a.w) lalu menjawab bahawa air itu suci, tidak ada sesuatu pun yang membuatnya menjadi najis.

Analisis Lafaz

“طهور”, suci lagi menyucikan.

“لا ينجسه شيئ”, tidak ada sesuatu pun yang membuatnya menjadi najis selagi airnya tidak berubah, namun jika airnya berubah, maka ia menjadi najis berdasarkan ijmak. Ungkapan ini dinamakan *'am makhsus*, sebab apabila air berubah, maka ia sudah keluar daripada batasan sebagai air yang suci dan tidak mempunyai sifat menyucikan lagi.

“شيئ”, *fa'il* kepada lafaz “ينجسه”.

“صححه أحمد”, hadis ini dinilai sahih oleh Imam Ahmad.

Fiqh Hadis

Para ulama berselisih pendapat mengenai hukum air apabila bercampur najis, sedangkan salah satu sifatnya tidak ada yang berubah.

Imam Malik berpendapat bahawa air tersebut dapat menyucikan, sama ada sedikit ataupun banyak, kerana berlandaskan kepada hadis ini dan beliau memutuskan tidak lagi suci apabila air tersebut sudah berubah salah satu sifatnya kerana najis itu.

Mazhab al-Syafi'i, Hanafi dan Hanbali berpendapat bahawa air itu terbahagi kepada air sedikit yang tercemar oleh najis secara mutlak dan air banyak yang tidak terpengaruh oleh najis kecuali jika salah satu dari ketiga-tiga sifatnya berubah, iaitu warna, rasa atau baunya. Akan tetapi, mereka pun masih berselisih pendapat mengenai batasan air sedikit dan air banyak itu.

Mazhab al-Syafi'i dan mazhab Hanbali mengatakan bahawa air sedikit itu ialah air yang jumlahnya kurang dari dua *qullah*,[1] sedangkan air banyak ialah air yang jumlahnya mencapai dua *qullah* atau lebih. Mereka berpendapat demikian kerana berpegang kepada hadis yang menyatakan dua *qullah*, lalu mereka menjadikannya sebagai *mukhasis* (yang mengkhususkan) hadis yang bermakna *mutlaq* (umum) ini. Mazhab Hanafi mengatakan bahawa air sedikit ialah air yang kurang dari *'asyrun fi 'asyrin*, sedangkan air banyak ialah kebalikannya.[2]

Periwayat Hadis

Abu Sa'id al-Khudri (r.a) ialah Sa'ad ibn Malik ibn Sinan al-Khudri. Beliau turut serta ketika berbaiat kepada Nabi (s.a.w) di bawah pohon dan turut menyertai setiap peperangan sesudah perang Uhud. Beliau termasuk salah seorang ulama dari kalangan sahabat dan meriwayatkan sebanyak 1,170 hadis, meninggal dunia pada tahun 74 Hijriah dalam usia 86 tahun.

Orang yang Menyebutkan Hadis

---

[1] *Qullah* iaitu wadah air yang besar buatan kota Hajar, berat isinya lebih kurang 500 rithl Iraq, atau 446 3/7 rithl Mesir, atau 93 sha' dan 3 mudd, atau 5 qirbah Hijaz, yakni 10 shafihah.

[2] *'Asyrun fi 'asyrin* ertinya ialah air yang banyak di mana apabila digerakkan oleh seseorang pada salah satu tepinya, maka riaknya tidak dapat mencapai ke tepi yang sebelahnya.

Al-Tsalatsah, iaitu Imam Ahmad, Imam al-Bukhari dan Imam Muslim.

٣- عَنْ أَبِي أُمَامَةَ الْبَاهِلِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ الْمَاءَ لاَ يُنَجِّسُهُ شَيْءٌ، إِلاَّ مَا غَلَبَ عَلَى رِيحِهِ وَطَعْمِهِ وَلَوْنِهِ". أَخْرَجَهُ ابْنُ مَاجَه، وَضَعَّفَهُ أَبُو حَاتِمٍ.

وَلِلْبَيْهَقِيِّ: "الْمَاءُ طَهُورٌ إِلاَّ إِنْ تَغَيَّرَ رِيحُهُ، أَوْ طَعْمُهُ، أَوْ لَوْنُهُ، بِنَجَاسَةٍ تَحْدُثُ فِيهِ".

3. Daripada Abu Umamah al-Bahili (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Sesungguhnya tidak ada sesuatu apa pun yang dapat membuat air itu menjadi najis kecuali dicemari oleh sesuatu yang menimbulkan perubahan pada bau, rasa, dan warnanya.*" (Disebut oleh Ibn Majah dan dinilai dha'if oleh Abu Hatim)

Menurut riwayat al-Baihaqi: "*Air itu suci dan menyucikan kecuali jika berubah bau, rasa, atau warnanya kerana dicemari najis.*"

Makna Hadis

Air yang banyak akan menjadi najis apabila dicemari oleh najis dan salah satu daripada tiga sifatnya berubah. Apa yang dimaksudkan dengan sifat air ialah warna, rasa, dan baunya. Air dianggap suci dan menyucikan apabila najis yang jatuh ke dalamnya tidak merubah salah satu daripada sifatnya itu.

Analisis Lafaz

"غَلَبَ عَلَى رِيحِهِ وَطَعْمِهِ وَلَوْنِهِ", maksudnya ialah salah satu sifatnya berubah, bukan semuanya, dan perubahan itu disebabkan oleh najis yang mencemarinya. Dari kalimat terakhir ini dapat disimpulkan bahawa apabila berubah kerana sesuatu yang suci, seperti yang disebut di dalam riwayat lain, maka air tersebut tidak menjadi najis, sebaliknya tetap kekal suci, namun tidak menyucikan. Air seperti itu biasanya digunakan untuk minum dan bukan digunakan untuk ibadah seperti berwuduk dan mandi junub.

"تَحْدُثُ فِيهِ", yang terjatuh ke dalamnya atau yang mencemarinya.

"ضَعَّفَهُ", Abu Hatim menilai hadis ini sebagai dha'if kerana berasal daripada riwayat Rusydin ibn Sa'ad. Pada mulanya beliau adalah seorang yang soleh dalam beragama, kemudian beliau mengalami *jadzab* (gila) orang yang soleh hingga para ulama hadis tidak lagi menerima riwayatnya.

Fiqh Hadis

Para ulama bersepakat bahawa air itu apabila dicemari atau dijatuhi najis hingga merubah salah satu daripada sifatnya, yakni warna, rasa, atau baunya, maka air itu menjadi najis.

Periwayat Hadis

Abu Umamah, nama aslinya ialah Shada ibn ‘Ajlan al-Bahili, seorang sahabat terkenal, meriwayatkan sebanyak 250 hadis. Beliau tinggal di Mesir, kemudian pindah ke Himsha hingga meninggal dunia pada tahun 81 Hijriah. Beliau adalah sahabat yang paling akhir meninggal dunia di negeri Syam.

Orang yang Menyebutkan Hadis

Abu Hatim al-Razi, gelarnya al-Imam dan al-Hafiz, nama aslinya adalah Muhammad ibn Idris Ibn al-Mundzir al-Hanzhali, salah seorang tokoh ulama terkemuka. Dilahirkan pada tahun 195 Hijriah. Imam al-Nasa’i memberikan keterangan mengenainya bahawa beliau adalah seorang yang *tsiqah*. Beliau meninggal dunia pada tahun 277 Hijriah pada umur 82 tahun.

Al-Baihaqi, gelarnya adalah al-Hafiz al-‘Allamah, seorang syeikh di Khurrasan. Nama aslinya adalah Abu Bakar Ahmad ibn al-Husain, banyak menulis kitab-kitab yang tiada tandingannya, hingga jumlah karya tulisannya mencapai lebih kurang seribu juzuk. Beliau adalah seorang yang warak, takwa serta bersifat zuhud. Pernah mengunjungi Hijaz, Iraq dan Baihaq, nama sebuah kota berhampiran Naisabur. Lahir pada tahun 384 Hijriah dan meninggal dunia pada tahun 454 Hijriah.

٤- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا كَانَ الْمَاءُ قُلَّتَيْنِ لَمْ يَحْمِلِ الْخَبَثَ". وَفِي لَفْظٍ: "لَمْ يَنْجُسْ". أَخْرَجَهُ الْأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَالْحَاكِمُ وَابْنُ حِبَّانَ.

4. Daripada ‘Abdullah ibn ‘Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: “*Apabila air yang banyaknya dua qullah, maka ia tidak membawa najis.*” Menurut lafaz yang lain: “*tidak najis.*” (Disebut oleh *al-Arba’ah*, dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah, al-Hakim dan Ibn Hibban).

Makna Hadis

Berapa banyak Rasulullah (s.a.w) menjawab orang yang bertanya kepadanya dengan jawapan yang jelas dan tepat, supaya menjadi pelita yang dapat digunakan sebagai petunjuk untuk sepanjang masa. Ini termasuk sabda yang memisahkan antara perkara yang hak dan yang batil, dan merupakan tanda kenabiannya.

Rasulullah (s.a.w) pernah ditanya mengenai air yang ada di tengah padang pasir, iaitu pada dataran rendah dan tempat genangan air serta tempat yang selainnya. Air seperti itu biasanya tidak diketahui takaran dan jumlahnya, lalu Nabi (s.a.w) memberitahu bahawa air itu apabila jumlahnya mencapai dua *qullah* tidak membawa najis, ertinya tidak menerima najis, bahkan najis itu tidak

mempengaruhi kesuciannya.

Analisis Lafaz

"قُلَّتَيْنِ" bentuk *tatsniyah* dari lafaz *qullah* yang ertinya wadah besar menurut buatan Hajar,[3] beratnya lebih kurang lima ratus kati Iraq sama dengan 446 tiga pertujuh kati Mesir, atau 93 *sha'* tiga *mudd* atau lima *qirath* Hijaz atau sepuluh *shafihah.*

"لَمْ يَحْمِلِ الْخَبَثَ", tidak memuat najis.

"لَمْ يَنْجُسْ", tidak terkena najis, atau najis tidak dapat mempengaruhi kesuciannya.

Fiqh Hadis

1. Bekas jilatan binatang dan haiwan buas pada kebanyakannya tidak terlepas daripada najis, sebab biasanya haiwan buas apabila datang ke kolam untuk meminum air, ia menceburkan diri ke dalam kolam tersebut, lalu kencing di dalamnya, bahkan ada ketikanya tubuh haiwan itu tidak terlepas dari bekas kencing dan kotorannya.
2. Berdasarkan hadis ini, Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad membuat suatu ketetapan bahawa air banyak itu ialah air yang jumlahnya mencapai dua *qullah* dan tidak ada sesuatu pun yang membuatnya menjadi najis selagi warna, bau atau rasanya tidak berubah.

Periwayat Hadis

'Abdullah ibn 'Umar ibn al-Khatthab al-'Adawi, nama julukannya adalah Abu 'Abdurrahman al-Makki. Beliau masuk Islam sejak usia kanak-kanak lagi di Mekah, turut berhijrah bersama ayahnya, 'Umar (r.a) dan turut menyertai perang al-Khandaq serta Bai'at al-Ridhwan. Hadis yang diriwayatkannya berjumlah 1,630. Anak-anaknya mengambil riwayat hadis daripadanya. Mereka adalah Salim, Hamzah dan Ubaidillah. Demikian pula dengan tabi'in yang jumlah mereka pun ramai. Ibn 'Umar (r.a) ini adalah seorang yang zuhud, warak dan seorang imam yang memiliki pengetahuan yang luas serta ramai pengikutnya. Beliau meninggal dunia di Mekah pada tahun 94 Hijriah dan dikebumikan di Mekah.

Orang yang Menyebutkan Hadis

Al-Hakim adalah imam para muhaqqiqin, julukannya adalah Abu 'Abdullah, sedangkan nama aslinya adalah Muhammad ibn 'Abdullah al-Naisaburi dan dikenali dengan Ibn al-Bai'. Beliau lahir pada tahun 321 Hijriah. Ketika berusia dua puluh tahun, beliau berangkat ke Iraq, lalu melaksanakan ibadah haji. Setelah itu, beliau

[3] Hajar adalah nama suatu tempat di kawasan Bahrain, terkenal dengan gentongnya yang mereka jual ke Madinah, lalu penduduk Madinah meniru buatan mereka.

mengelilingi Khurrasan dan negeri-negeri Asia Tengah. Beliau telah mendengar (hadis) daripada dua ribu orang syeikh dan telah mengambil hadis daripadanya al-Daruquthni, Imam al-Baihaqi, dan ramai ulama yang lain. Beliau seorang yang bertakwa, taat dalam menjalankan ajaran agama dan mempunyai banyak karya tulisan yang luar biasa. Di antara karya tulisannya ialah kitab *al-Mustadrak* dan *Tarikh Naisabur*. Beliau meninggal dunia pada tahun 405 Hijriah.

Ibn Hibban, gelarannya ialah al-Hafiz dan al-'Allamah, julukannya adalah Abu Hatim, sedangkan nama aslinya adalah Muhammad ibn Hibban ibn Ahmad al-Busti. Beliau adalah salah seorang ahli fiqh terkemuka dan memiliki hafalan hadis yang kuat dan mengajar fiqah di Samarqand. Imam al-Hakim mengambil hadis daripadanya. Imam al-Hakim mengatakan bahawa Ibn Hibban adalah lautan ilmu fiqh, berwibawa dalam menyampaikan khutbah, pakar bahasa dan seorang ulama yang berkarisma. Beliau meninggal dunia pada tahun 354 Hijriah dalam usia 80 tahun.

٥- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ يَغْتَسِلْ أَحَدُكُمْ فِي الْمَاءِ الدَّائِمِ وَهُوَ جُنُبٌ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

وَلِلْبُخَارِيِّ: لاَ يَبُولَنَّ أَحَدُكُمْ فِي الْمَاءِ الدَّائِمِ الَّذِي لاَ يَجْرِي، ثُمَّ يَغْتَسِلُ فِيهِ". وَلِمُسْلِمٍ مِنْهُ، وَلِأَبِي دَاوُد: "وَلاَ يَغْتَسِلُ فِيهِ مِنْ الْجَنَابَةِ".

5. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Janganlah seseorang dari kamu mandi di dalam air yang tergenang, sedangkan dia dalam keadaan berjunub.*" (Disebut oleh Muslim)

Lafaz yang dikemukakan oleh Imam al-Bukhari seperti berikut: "*Jangan sekali-kali seseorang di antara kamu kencing di dalam air yang tidak mengalir, kemudian mandi di dalam air itu.*" Sedangkan menurut riwayat Muslim disebutkan "*minhu*" yang ertinya "kemudian ia mandi daripada air itu." Riwayat yang dikemukakan oleh Abu Dawud seperti berikut: "*Dan janganlah seseorang mandi junub di dalamnya (di dalam air yang tidak mengalir).*"

Makna Hadis

Hadis ini merupakan salah satu asas yang membahaskan tentang masalah bersuci yang dianjurkan oleh syariat Islam. Melalui hadis ini Rasulullah (s.a.w) melarang orang yang berjunub mandi di dalam air yang tergenang dan tidak mengalir, sebab dengan kerap mandi di dalamnya dikhuatiri akan mengakibatkan air menjadi berubah. Tujuan utama larangan ini ialah menjauhkan diri daripada perkara-perkara kotor ketika bertaqarrub (ibadah mendekatkan diri) kepada Allah.

Hadis ini mengandungi larangan kencing sekali gus mandi di dalam air yang tidak mengalir. Adapun larangan kencing di dalam air yang tergenang maka ini disimpulkan daripada riwayat yang diketengahkan oleh Imam Muslim. Riwayat Muslim mengatakan bahawa Nabi (s.a.w) melarang kencing dan mandi di dalam air yang tergenang, apabila orang yang bersangkutan dalam keadaan berjunub. Larangan ini menunjukkan hukum makruh bagi air yang banyak, dan haram bagi

air yang jumlahnya sedikit.

Analisis Lafaz

"الْمَاءِ الدَّائِمِ", air yang tidak mengalir, iaitu air yang tergenang.

"جُنُبٌ", orang yang berjunub jinabah atau hadas besar. Perkataan *junub* digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak dengan lafaz yang sama.

"ثُمَّ يَغْتَسِلُ فِيهِ", lafaz "يَغْتَسِلُ" dibaca *rafa'* kerana berkedudukan sebagai *khabar* kepada *mubtada'* yang tidak disebutkan. Bentuk lengkapnya ialah "ثم هو يغتسل فيه", sedangkan jumlah "ثم هو يغتسل" berkedudukan sebagai *'illat* (penyebab) larangan. Makna yang dimaksudkan ialah "Jangan sekali-kali seseorang dari kamu kencing di dalam air yang tergenang, kemudian mandi di dalamnya atau berwuduk daripadanya." Lafaz "ثُمَّ" menunjukkan pengertian *istib'ad* (mustahil), seakan-akan dikatakan: "Bagaimana mungkin seseorang itu tergamak kencing di dalam air yang tergenang, sedangkan dia sendiri memerlukannya untuk mandi atau keperluan yang lain?" Kalimat ini menunjukkan pengertian bahawa tidak boleh mandi di dalam air tersebut dengan menceburkan diri, umpamanya.

"وَلِمُسْلِمٍ مِنْهُ", sedangkan menurut riwayat Muslim disebutkan "مِنْهُ", bukan "فِيهِ" yang ertinya "Jangan sekali-kali seseorang dari kamu kencing di dalam air yang tidak mengalir, lalu dia mandi dengan memakai air itu (yang dia kencing di dalamnya)." Riwayat Muslim ini menunjukkan pengertian bahawa seseorang tidak boleh mengambil air itu lalu mandi di luarnya.

"وَلاَ يَغْتَسِلُ", dibaca *rafa'* tetapi meskipun bentuknya *nafi*, namun maknanya adalah *nahi* (larangan). Ungkapan ini lebih tepat. Maksud hadis ini ialah "Seandainya air tersebut mengalir, maka tidak dilarang kencing di dalamnya namun apa yang lebih diutamakan ialah tidak melakukan perbuatan itu sekalipun airnya tetap mengalir."

Fiqh Hadis

1. Orang yang berjunub dilarang mandi di dalam air yang tergenang (tidak mengalir).
2. Air yang tergenang tidak najis karena orang yang berjunub mandi di dalamnya, sebaliknya ia hanya menghapuskan sifat menyucikannya. Jadi, airnya masih boleh digunakan untuk keperluan lain kecuali untuk menghilangkan hadas dan menghilangkan najis.
3. Dilarang kencing di dalam air yang tergenang, sebab itu akan menyebabkan air menjadi tercemar.
4. Hadis ini membuktikan bahawa air kencing itu najis.

٦- عَنْ رَجُلٍ صَحِبَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تَغْتَسِلَ الْمَرْأَةُ بِفَضْلِ الرَّجُلِ، أَوْ الرَّجُلُ بِفَضْلِ الْمَرْأَةِ، وَلْيَغْتَرِفَا جَمِيعًا". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُد وَالنَّسَائِيُّ وَإِسْنَادُهُ صَحِيحٌ.

6. Daripada seorang lelaki dari kalangan sahabat Nabi (s.a.w) bahawa Rasulullah (s.a.w) telah melarang seorang wanita mandi dari air bekas lebihan suami atau seorang suami mandi dari air bekas lebihan isteri, melainkan hendaklah keduanya mengambil airnya masing-masing.” (Disebut oleh Imam Abu Dawud dan Imam al-Nasa’i. *Isnad* hadis ini sahih).

Makna Hadis

Hadis ini mengandungi pengertian bahawa ketika bersuci dari junub, suami dan isteri dilarang menggunakan bekas lebihan air masing-masing dan keduanya boleh melakukan bersuci dari satu wadah dalam waktu yang bersamaan.

Analisis Lafaz

“رَجُلٍ صَحِبَ النَّبِيَّ”, seorang lelaki dari kalangan sahabat Nabi (s.a.w). Namanya tidak disebutkan, namun ini tidak menjadi salah kerana setiap sahabat Nabi (s.a.w) adalah adil.

“بِفَضْلِ الرَّجُلِ”, dari air bekas lebihan suami.

“بِفَضْلِ الْمَرْأَةِ”, dari air bekas lebihan isteri.

“وَلْيَغْتَرِفَا جَمِيعًا”, *al-ightiraf* ertinya mengambil air dengan tangan atau gayung. Huruf *waw* menunjukkan makna *‘athaf* yang dikaitkan dengan larangan, sedangkan *ma’thuf*-nya tidak disebutkan. Bentuk lengkapnya ialah: “Dan Nabi (s.a.w) bersabda: ‘Hendaklah keduanya mengambil airnya masing-masing.” Huruf *lam* yang terdapat pada lafaz “وَلْيَغْتَرِفَا” menunjukkan makna perintah.

Fiqih Hadis

1. Seorang isteri dilarang mandi dengan air bekas mandi suaminya.
2. Suami pun dilarang mandi dengan air bekas mandi isterinya.
3. Suami dan isteri boleh mandi dari satu wadah dengan memakai alat mandinya masing-masing.
4. Larangan dalam hadis ini menunjukkan makna *tanzih* (makruh).

٧- عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا: "أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَغْتَسِلُ بِفَضْلِ مَيْمُونَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا. أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ. وَلِأَصْحَابِ السُّنَنِ: "اغْتَسَلَ بَعْضُ أَزْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي جَفْنَةٍ، فَجَاءَ يَغْتَسِلُ مِنْهَا، فَقَالَتْ: إِنِّي كُنْت جُنُبًا، فَقَالَ: إِنَّ الْمَاءَ لاَ يَجْنُبُ". وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ، وَابْنُ خُزَيْمَةَ.

7. Daripada Ibn ‘Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) sering mandi dari air lebihan bekas Maimunah. (Disebut oleh Muslim) Riwayat yang dikemukakan oleh Ashab al-Sunan disebutkan: “*Salah seorang isteri Nabi (s.a.w) mandi dari air yang ada di sebuah bejana, lalu Nabi (s.a.w) datang kemudian baginda mandi dari air bejana itu. Isteri Nabi (s.a.w) yang baru sahaja selesai mandi berkata: “Sesungguhnya aku baru mandi junub.” Mendengar itu, Nabi (s.a.w) menjawab: “Sesungguhnya air itu tidak najis.*”

(Hadis ini dinilai sahih oleh al-Tirmizi dan Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Hadis ini mengandungi makna bahawa seorang lelaki dibolehkan bersuci dari sisa air yang telah digunakan oleh isterinya. Selagi seorang lelaki dibolehkan bersuci dari sisa air lebihan isterinya, maka secara qiyas seorang wanita juga dibolehkan pula bersuci dari air lebihan suaminya. Dalam dua keadaan tersebut, hukum air lebihan itu adalah suci lagi menyucikan, sebab air tersebut tidak najis. Oleh itu, Nabi (s.a.w) bersabda kepada isterinya: "Sesungguhnya air ini tidak najis," untuk menetapkan dan mengukuhkan hukum kesucian air tersebut. Ini antara kemudahan agama Islam dan betapa mudah hukum-hakamnya untuk diamalkan.

Analisis Lafaz

"بِفَضْلِ مَيْمُونَةَ", dengan air sisa mandi Maimunah. Maimunah binti al-Harits al-Hilaliyah. Nama aslinya ialah Barrah, lalu Rasulullah (s.a.w) mengganti namanya menjadi Maimunah. Beliau adalah makcik 'Abdullah ibn 'Abbas, dikahwini oleh Nabi (s.a.w) pada tahun ke-7 Hijriah. Sesudah perkahwinannya dengan Maimunah, Nabi (s.a.w) tidak berkahwin lagi. Ibn 'Abbas, Yazid ibn al-'Asham dan sejumlah sahabat yang lain telah mengambil riwayat daripadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 51 Hijriah di Lembah Saraf.

"جَفْنَةٍ", bejana besar, bentuk jamaknya ialah *jifaan* dan *jifanaat.* Lafaz ini ber-*ta'alluq* (berkaitan) dengan lafaz yang tidak disebutkan yang berkedudukan sebagai *haal* (kata keterangan keadaan) kepada fa'il lafaz "اغْتَسَلَ". Bentuk lengkapnya ialah: "Dengan memasukkan tangannya ke dalam bejana itu untuk mengambil air." Dengan kata lain, Siti Maimunah mandi dari bejana itu dengan menggunakan tangannya sebagai alat untuk mengambilnya.

"وَلِأَصْحَابِ السُّنَنِ", iaitu Abu Dawud, al-Nasa'i, al-Tirmizi, dan Ibn Majah.

"إِنِّي كُنْت جُنُبًا", sesungguhnya aku baru mandi junub. Junub ialah orang yang diwajibkan mandi besar kerana bersetubuh atau mengeluarkan air mani. Konteks kalimatnya menunjukkan bahawa Maimunah baru sahaja mandi dari air bejana itu.

"لاَ يَجْنُبُ", tidak najis.

Fiqh Hadis

1. Lelaki dibolehkan mandi dari sisa air yang telah diguna pakai oleh isterinya. Kemudian diqiyaskan kepada perkara tersebut bahawa seorang wanita dibolehkan mandi dari sisa air yang telah diguna pakai oleh suaminya.
2. Sisa air tersebut hukumnya suci lagi menyucikan, sebab airnya tidak najis.
3. Orang yang lebih utama dibolehkan memakai bekas orang yang berada di bawahnya dan adalah satu ketentuan hukum.
4. Wajib mandi kerana junub.

Periwayat Hadis

Ibn 'Abbas (r.a), nama aslinya adalah 'Abdullah ibn 'Abbas al-Hasyimi, anak lelaki kepada pakcik Rasulullah (s.a.w). Beliau adalah sahabat Rasulullah (s.a.w) dan merupakan ulama umat ini, pakar fiqh, dan juru tafsir al-Qur'an. Beliau telah meriwayatkan 1,600 hadis. Khalifah 'Umar ibn al-Khatthab (r.a) sering mengajaknya bermusyawarah dan memanggilnya untuk memecahkan masalah-masalah yang sukar dicari jalan keluarnya. Khalifah 'Umar (r.a) sering mengatakan bahawa dia adalah seorang yang memiliki ilmu yang mendalam. Beliau dilahirkan tiga tahun sebelum hijrah, dan meninggal dunia pada tahun 68 Hijriah di al-Tha'if dan dikebumikan di kota itu.

٨- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "طُهُورُ إِنَاءِ أَحَدِكُمْ إِذَا وَلَغَ فِيهِ الْكَلْبُ أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ، أُولاَهُنَّ بِالتُّرَابِ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ. وَفِي لَفْظٍ لَهُ: "فَلْيُرِقْهُ". وَلِلتِّرْمِذِيِّ: "أُخْرَاهُنَّ، أَوْ أُولاَهُنَّ بِالتُّرَابِ".

8. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Cara menyucikan bejana seseorang di antara kamu apabila terkena jilatan anjing ialah hendaklah dia mencucinya sebanyak tujuh kali yang permulaannya mesti dicampur dengan tanah*." (Disebut oleh Muslim). Menurut lafaz lain oleh Muslim: "*Maka hendaklah dia membuang isinya.*" Menurut riwayat al-Tirmizi disebutkan: "*Yang paling akhir sekali atau pada permulaannya hendaklah di-campur dengan tanah.*"

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) banyak memiliki mukjizat dan ini merupakan salah satu mukjizatnya. Ilmu perubatan moden telah membuktikan bahawa dalam ludah anjing terdapat bakteria-bakteria yang tidak dapat dimatikan melainkan hanya dengan tanah yang dicampur dengan air. Oleh itu, syariat yang bijaksana menyuruh supaya membuang air yang telah diminum anjing, kemudian membasuh wadahnya sebanyak tujuh kali basuhan yang salah satu di antaranya dicampur dengan tanah.

Analisis Lafaz

"طُهُورُ إِنَاءِ أَحَدِكُمْ", cara menyucikan bejana milik seseorang di antara kamu. Lafaz ini berkedudukan sebagai *mubtada'*, sedangkan *khabar*-nya ialah lafaz "أَنْ يَغْسِلَهُ". Huruf "أَنْ" adalah *masdariyah* hingga *fi'il* sesudahnya bermakna *masdar*, iaitu menjadi "الغسل". Maksudnya, cara menyucikan bejana milik seseorang di antara kamu apabila terkena jilatan anjing hendaklah dibasuh sebanyak tujuh kali basuhan.

"إِذَا وَلَغَ", apabila anjing memasukkan lidahnya ke dalam bejana itu, lalu

menggerak-gerakkannya untuk meminum air yang ada di dalamnya. Pengertian kata *syarat* yang diungkapkan dengan lafaz "إِذَا" memberikan pen*g*ertian *qasr* (pembatasan) hukum hanya dengan apa yang disebutkan olehnya.

"أَنْ يَغْسِلَهُ سَبْعَ مَرَّاتٍ", hendaklah dia membasuhnya sebanyak tujuh kali basuhan. Penyebab atau *'illat* wajib membasuh tujuh kali ialah kerana najis anjing yang dikategorikan sebagai najis *mughallazhah* atau najis berat. Sedangkan menurut ulama lain, *'illat* yang mewajibkan ini hanyalah bersifat *ta'abbudiyyah* semata.

"أُولاَهُنَّ بِالتُّرَابِ", basuhan pertama dicampur dengan tanah. Kalimat ini berkedudukan sebagai sifat kepada lafaz "سَبْعَ مَرَّاتٍ" dalam kedudukan *nasab*. Sedangkan huruf *ba'* pada lafaz "بِالتُّرَابِ" menunjukkan makna *mushahabah*, maksudnya ialah basuhan yang pertama disertai dengan tanah.

"فَلْيُرِقْهُ", hendaklah dia menumpahkan airnya ke tanah, yakni membuangnya.

Fiqh Hadis

1. Mulut anjing adalah najis, iaitu najis *mughalazhah* (najis berat). Semua anggota tubuhnya disamakan pula dengan mulutnya, menurut pendapat jumhur ulama. Sedangkan Imam Malik mengatakan bahawa anjing itu suci, membasuh bekas jilatannya sebanyak tujuh kali basuhan hanyalah merupakan perkara *ta'abbudiyyah* belaka. Menurutnya lagi, masalah mencampurkan salah satu basuhan dengan tanah adalah tidak betul. Mencampurkan air dengan tanah ketika membasuh bekas yang terkena jilat anjing disebut istilah *al-tatrib*.
2. Wajib membasuh bejana yang dijilat anjing sebanyak tujuh kali basuhan, salah satu di antaranya dicampur dengan tanah. Wajib membuang air yang diminum oleh anjing.

٩ - عَنْ أَبِي قَتَادَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ - فِي الْهِرَّةِ -: "إِنَّهَا لَيْسَتْ بِنَجَسٍ، إِنَّمَا هِيَ مِنْ الطَّوَّافِينَ عَلَيْكُمْ". أَخْرَجَهُ الأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ خُزَيْمَةَ.

9. Daripada Abu Qatadah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda sehubungan dengan kucing: "*Sesungguhnya kucing tidak najis kerana ia termasuk haiwan yang jinak terhadap kalian.*" (Disebut oleh *al-Arba'ah*, dinilai sahih oleh al-Tirmizi dan Ibn Khuzaimah).

Makna Hadis

Kucing tidak termasuk haiwan yang bernajis tubuhnya, kerana *'illat* darurat iaitu kucing sering kali merayau dan keluar masuk rumah, sehingga sukar menjaga bejana, pakaian, dan lain-lain daripada ulah kucing itu. Oleh yang demikian syariat menjadikannva sebagai haiwan yang suci untuk menghindari kesusahan di samping ini merupakan salah satu bentuk belas kasihan Allah kepada hamba-hamba-Nya.

Asbab al-wurud (latar belakang) hadis ini ialah pada suatu hari Abu Qatadah meletakkan air minumnya lalu datanglah kucing meminumnya. Abu Qatadah memberikan kesempatan kepadanya untuk minum dengan memiringkan bejana air. Ketika ada orang yang menegur sikapnya itu, Abu Qatadah mengatakan kepada orang tersebut bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "Sesungguhnya kucing itu tidak najis sehingga apa yang disentuhnya pun tidak najis."

Analisis lafaz

"إِنَّهَا لَيْسَتْ بِنَجَسٍ", sesungguhnya kucing itu tidak najis. Lafaz *najasun* dengan huruf *jim* yang dibaca fathah, ertinya "benda yang najis", sedangkan jika dibaca *najisun* ertinya "benda yang terkena najis." Makna yang dimaksudkan di sini ialah "kucing bukan binatang yang membawa najis." Huruf *ba'* yang terdapat pada lafaz "بِنَجَسٍ" merupakan tambahan untuk tujuan mengukuhkan makna, dan lafaz "بِنَجَسٍ" berkedudukan sebagai *khabar* kepada *laisa*.

"إِنَّمَا هِيَ", merupakan salah satu ungkapan *qasr*, iaitu *qasr idhafi* dan *qasr qalb*. Maksudnya ialah untuk menepis dakwaan orang yang beranggapan bahawa kucing itu najis, sama dengan anjing.

"مِنْ الطَّوَّافِينَ عَلَيْكُمْ", bentuk jamak dari lafaz "طواف". Nabi (s.a.w) menyerupakan kucing dengan para pelayan rumah yang sentiasa sibuk melayani penghuninya dan berkeliaran di sekitar mereka.

Fiqh Hadis

1. Orang yang tidak mengetahui hukum satu-satu permasalahan dianjurkan untuk menanyakannya kepada orang yang 'alim.
2. Anjuran supaya berbelas kasihan kepada haiwan.
3. Kucing adalah binatang yang suci, begitu pula dengan bekas jilatannya.
4. Jika terdapat najis pada mulut kucing, maka hukumnya najis kerana adanya benda najis yang melekat pada anggota tubuhnya. Tetapi najisnya itu bersifat mendatang dan ia menjadi suci semula apabila pergi meninggalkan tempat orang yang bersangkutan atau telah berlalu beberapa waktu sejak ia terkena najis.

Periwayat Hadis

Abu Qatadah ialah al-Harits ibn Rib'i al-Anshari al-Sulami, salah seorang anggota pasukan berkuda Rasulullah (s.a.w). Beliau turut serta dalam perang Uhud dan peperangan yang selainnya, dan telah meriwayatkan sebanyak 170 hadis. Meninggal dunia pada tahun 54 Hijriah di Madinah.

١٠ـ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، قَالَ: "جَاءَ أَعْرَابِيٌّ فَبَالَ فِي طَائِفَةِ الْمَسْجِدِ، فَزَجَرَهُ النَّاسُ، فَنَهَاهُمْ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَلَمَّا قَضَى بَوْلَهُ أَمَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ

عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِذَنُوبٍ مِنْ مَاءٍ؛ فَأُهْرِيقَ عَلَيْهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

10. Daripada Anas ibn Ma1ik (r.a), beliau menceritakan bahawa seorang Arab badwi datang, lalu dia kencing di salah satu tempat di dalam masjid, lalu kaum muslimin mengherdiknya, tetapi Rasulullah (s.a.w) mencegah mereka. Ketika orang Arab badwi itu telah selesai membuang air kencing, baginda memerintahkan (kepada mereka untuk mengambil) setimba air, lalu air itu disiramkan kepada bekas kencing orang Arab badwi itu.” (Muttafaq ‘alaih).

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) diutus untuk menyayangi umat manusia, membimbing mereka kepada akhlak yang mulia dan membantu orang jahil apabila melakukan suatu kesalahan. Para sahabat merasa gusar dan marah terhadap orang Arab badwi yang kencing di dalam masjid ini, sedangkan dia baru masuk Islam. Rasulullah (s.a.w) melarang mereka daripada mengherdiknya. Sikap para sahabat yang tergopoh-gapah itu boleh mendatangkan mudarat kerana orang Arab badwi itu apabila menghentikan kencingnya secara mengejut boleh menyebabkan pakaian dan badannya terkena najis dan najis pun akan menyebar ke tempat yang laindi dalam masjid. Keadaan ini tidak akan terjadi apabila orang Arab badwi itu tidak menghentikan kencingnya secara tiba-tiba. Kemudian Nabi (s.a.w) memberikan petunjuk kepada mereka tentang bagaimana cara membersihkan tanah yang terkena najis, iaitu dengan menyiramnya dengan air secukupnya. Nabi (s.a.w) apabila mengutus utusan ke pelbagai pelusuk negeri, baginda sentiasa berpesan kepada mereka menerusi sabdanya: “Berikanlah kemudahan dan janganlah kamu gemar menyusahkan urusan.”

Analisis Lafaz

“أَعْرَابِيٌّ”, dinisbahkan kepada A’rab, iaitu masyarakat yang tinggal di daerah pedalaman. Lelaki tersebut menurut satu pendapat bernama Dzu al-Khuwaishirah a1-Yamami.

“طَائِفَةِ الْمَسْجِدِ”, salah satu tempat di dalam masjid.

“فَزَجَرَهُ النَّاسُ”, orang ramai yakni para sahabat mengherdik dan melarangnya dengan larangan yang keras.

“قَضَى بَوْلَهُ”, telah menyelesaikan kencingnya.

“بِذَنُوبٍ مِنْ مَاءٍ”, dengan setimba yang dipenuhi dengan air.

“فَأُهْرِيقَ عَلَيْهِ”, lalu disiramkan kepada bekas air kencing itu.

“مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ”, Imam al-Bukhari dan Imam Muslim.

Fiqh Hadis

1. Dianjurkan untuk bersikap belas kasihan kepada orang jahil dan memberikan pengajaran tentang apa yang harus dikerjakannya tanpa perlu menggunakan

tindakan kasar selagi pelanggaran yang dilakukannya itu tidak bermaksud memandang remeh atau sebagai pembangkangan.

2. Masyarakat dibolehkan memprotes orang yang melakukan pelanggaran di hadapan pemimpin mereka meskipun tanpa memperoleh kebenaran terdahulu daripada pemimpin mereka.
3. Menolak perkara yang boleh menimbulkan mudarat yang lebih besar di antara dua mudarat dengan cara melakukan perkara yang lebih ringan mudaratnya di antara kedua-dua mudarat itu.
4. Air kencing manusia hukumnya najis.
5. Diwajibkan menghormati masjid dan membersihkannya dari sebarang kotoran dan najis. Ini telah disedari oleh para sahabat dan oleh kerananya, mereka segera mengherdik lelaki badwi itu.
6. Dianjurkan supaya segera menghilangkan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kerosakan dan bahaya selagi tidak ada halangan untuk melaksanakannya, kerana Rasulullah (s.a.w) telah menyuruh mereka supaya menuangkan setimba air ke tempat bekas kencingnya setelah lelaki badwi itu selesai kencing.
7. Tanah yang terkena najis menjadi suci apabila telah disiram dengan air, menurut jumhur ulama, namun menurut mazhab Hanafi, tanah yang terkena najis menjadi suci setelah tanah itu kering.

Periwayat Hadis

Anas ibn Malik ibn al-Nadhr al-Anshari al-Najjari, pembantu Nabi (s.a.w) selama sepuluh tahun. Beliau turut serta dalam perang Badar dan meriwayatkan sebanyak 1,286 hadis. Meninggal dunia di Basrah pada tahun 90 Hijriah. Usianya mencapai seratus tahun lebih dan merupakan orang yang paling akhir meninggal dunia di Basrah dari kalangan sahabat.

١١- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أُحِلَّتْ لَنَا مَيْتَتَانِ وَدَمَانِ. فَأَمَّا الْمَيْتَتَانِ: فَالْجَرَادُ وَالْحُوتُ، وَأَمَّا الدَّمَانِ: فَالطِّحَالُ وَالْكَبِدُ". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ، وَابْنُ مَاجَه، وَفِيهِ ضَعْفٌ.

11. Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Telah dihalalkan bagi kami dua bangkai dan dua jenis darah. Adapun dua bangkai itu ialah (bangkai) belalang dan (bangkai) ikan, sedangkan dua jenis darah itu ialah hati dan limpa.*" (Disebut oleh Ahmad dan Ibn Majah, tetapi dalam hadis ini ada unsur dha'if)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) telah mengharamkan bangkai melalui nash dalam al-Qur'an, tetapi mengecualikan beberapa hal melalui lisan Rasul-Nya. Untuk itu, Allah (s.w.t) membolehkan kita memakan bangkai laut dan bangkai belalang, serta

menghalalkan pula darah, iaitu hati dan limpa.

Analisis Lafaz

"مَيْتَتَانِ", bentuk *tatsniyah* dari lafaz "ميتة", iaitu haiwan yang mati tanpa melalui proses sembelihan yang diperakui oleh syariat.

"دَمَانِ", bentuk *tatsniyah* dari lafaz "دم", ertinya dua jenis darah.

"الْجَرَادُ", *isim jenis* yang digunakan untuk jenis jantan dan betina. Bentuk tunggalnya dapat dibezakan dari jamaknya, iaitu dengan meletakkan huruf *ta'* di bahagian akhirnya hingga menjadi "جرادة". Belalang dinamakan "الْجَرَادُ" kerana ia gemar merosak tanaman dan merupakan salah satu di antara haiwan yang merosakkan tanaman.

"الْحُوتُ", ikan, yakni haiwan laut yang hanya hidup di dalam laut yang dalam. Hal ini bagi mengecualikan haiwan yang hidup di dua alam, seperti ketam, buaya, dan katak di mana haiwan tersebut tidak halal.

"وَفِيهِ ضَعْفٌ", di dalam hadis ini terdapat unsur dha'if kerana berasal daripada riwayat yang dikisahkan oleh 'Abdurrahman ibn Zaid ibn Aslam yang hadisnya dikategorikan sebagai munkar. Abu Zir'ah dan al-Hakim telah memberi keterangan bahawa hadis 'Abdurrahman dimawqufkan kepada Ibn 'Umar, yakni hanya sampai kepada Ibn 'Umar, tidak sampai kepada Rasulullah (s.a.w).

Fiqh Hadis

1. Haram memakan bangkai kecuali bangkai belalang dan bangkai ikan, namun dalam masalah ini ini masih ada perselisihan pendapat. Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa bangkai belalang halal dimakan dalam keadaaan apa jua sekalipun sebaik dijumpai bangkainya, sama ada mati dengan sendirinya ataupun mati disebabkan oleh perbuatan manusia. Imam Malik dan Imam Ahmad mengatakan bahawa bangkai belalang tidak halal dimakan kecuali belalang yang mati kerana perbuatan manusia, seperti sebahagian anggota tubuhnya dipotong, direbus, dilempar ke dalam api dalam keadaan hidup, atau dipanggang. Jika belalang mati dengan sendirinya atau dijumpai dalam keadaan mati di dalam suatu tempat, maka hukumnya haram dimakan. Adapun ikan, menurut mazhab jumhur ulama, semuanya halal dimakan, sama ada mati kerana perbuatan manusia atau kerana dipukul ombak laut ke tepi pantai atau ikan itu sendiri yang melompat ke daratan lalu mati. Demikian pula haram dimakan ikan yang mengapung dalam keadaan mati, tetapi menurut Imam al-Syafi'i hukumnya halal dimakan.
2. Haram memakan darah, kecuali hati dan limpa maka ia halal dimakan.

١٢- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا وَقَعَ الذُّبَابُ فِي شَرَابِ أَحَدِكُمْ فَلْيَغْمِسْهُ، ثُمَّ لِيَنْزِعْهُ فَإِنَّ فِي أَحَدِ جَنَاحَيْهِ دَاءً وَفِي الآخَرِ شِفَاءً." أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ، وَأَبُو دَاوُد وَزَادَ: "وَإِنَّهُ يَتَّقِي بِجَنَاحِهِ الَّذِي فِيهِ الدَّاءُ".

12. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Apabila lalat terjatuh ke dalam minuman seseorang di antara kamu, maka hendaklah dia membenamkannya, kemudian membuangnya, kerana sesungguhnya pada salah satu dari kedua sayapnya terdapat penyakit, sedangkan pada sayap yang lainnya terdapat penawarnya.*" (Disebut oleh al-Bukhari dan Abu Dawud) Menurut riwayat yang dikemukakan oleh Abu Dawud ditambahkan seperti berikut: "*Dan sesungguhnya lalat itu melindungi dirinya dengan sayapnya yang mengandung penyakit.*"

Makna Hadis

Lalat sememangnya binatang yang sangat mengganggu ketenangan manusia. Oleh itu, Rasulullah (s.a.w) memberitahu menerusi sabdanya bahawa apabila lalat terjatuh selalunya menggunakan sayap yang sebelah kirinya, iaitu sayap yang mengandungi penyakit. Cara menawarkan penyakit ini ialah dengan menenggelamkan lalat tersebut agar manfaat dari sayap lain yang mengandungi ubat -iaitu sayap yang sebelah kanannya- dapat diambil. Hal ini membuktikan kemukjizatan Nabi (s.a.w) dan kebenarannya telah pun diperakui pula oleh ilmu perubatan moden melalui mikroskop.

Analisis Lafaz

"وَقَعَ", terjatuh.

"لِيَنْزِعْهُ", hendaklah dia membuangnya, yakni mengeluarkannya dari tempat minum setelah dibenamkan terlebih dahulu.

"دَاءً", penyakit.

"يَتَّقِي", bersikap waspada dengan menjadikan sayap yang sebelah kiri sebagai pelindung dirinya.

Fiqh Hadis

1. Boleh membunuh lalat apabila ia terjatuh ke dalam minuman atau makanan, iaitu dengan menenggelamkan sayapnya yang kedua yang di dalamnya mengandungi ubat penawar.
2. Apabila lalat mati dalam cairan, maka cairan itu tidak menjadi najis kerananya. Perintah Rasulullah (s.a.w) supaya lalat tersebut ditenggelamkan (dibenamkan) ke dalam tempat makanan atau minuman menunjukkan lalat tersebut akan mati, terlebih-lebih jika makanan dalam keadaan panas. Ini juga menunjukkan bahawa bangkai haiwan yang tidak ada darahnya tidak najis.
3. Ini merupakan mukjizat Nabi Muhammad (s.a.w) yang telah membuktikan adanya penyakit dan penawar pada kedua-dua sayap lalat. Ilmu perubatan moden mengakui kebenaran hikmah ini melalui mikroskop, bahawa pada sayap kiri lalat terdapat zat beracun yang tidak ada ubatnya kecuali dengan zat lain yang ada pada sayap yang sebelah kanannya.

4. Berubat merupakan sesuatu yang dianjurkan dan oleh kerananya, seseorang tidak dibenarkan membiarkan dirinya dibinasakan oleh penyakit hanya berserah diri kepada cara bertawakkal yang salah, sebaliknya dia dianjurkan untuk tetap berubat dan barulah bertawakkal kepada Allah.

١٣ - عَنْ أَبِي وَاقِدٍ اللَّيْثِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَا قُطِعَ مِنْ الْبَهِيمَةِ - وَهِيَ حَيَّةٌ - فَهُوَ مَيِّتٌ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُد وَالتِّرْمِذِيُّ، وَحَسَّنَهُ، وَاللَّفْظُ لَهُ.

13. Daripada Abu Waqid al-Laitsi (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Anggota tubuh haiwan yang dipotong ketika haiwan tersebut dalam keadaan hidup adalah bangkai.*" (Disebut oleh Abu Dawud dan al-Tirmizi yang menilainya sebagai hasan, dan lafaz hadis ini adalah menurut riwayatnya)

Makna Hadis

Ketika Rasulullah (s.a.w) tiba di Madinah, terdapat masyarakat yang biasa memotong buntut kambing dan punuk unta untuk dimakan minyaknya manakala lemaknya pula dijadikan sebagai bahan bakar pelita. Melihat itu, Nabi (s.a.w) memberitahu mereka bahawa anggota tubuh haiwan yang dipotong dalam keadaan hidup hukumnya sama dengan bangkai, iaitu tidak boleh dimakan, tidak boleh diambil manfaatnya untuk menyalakan pelita dan tidak boleh pula membelinya. Di samping itu, tindakan tersebut bererti menyeksa haiwan, padahal syariat telah menyuruh kita supaya menyayanginya.

Analisis Lafaz

"مَا قُطِعَ مِنْ الْبَهِيمَةِ", anggota tubuh haiwan yang dipotong dalam keadaan masih hidup. Lafaz "الْبَهِيمَةِ" membawa maksud haiwan ternak yang berkaki empat, iaitu unta, lembu dan kambing.

"فَهُوَ", anggota tubuh yang terpotong.

"حَسَّنَهُ", hadis ini dinilai hasan oleh Imam al-Tirmizi.

"وَاللَّفْظُ لَهُ", sedangkan lafaz hadis ini menurut riwayat yang diketengahkan oleh Imam al-Tirmizi.

Fiqh Hadis

1. Dilarang menyeksa haiwan dengan memotong sebahagian anggota tubuhnya.
2. Hukum mengenai anggota tubuh haiwan yang dipotong, sedangkan haiwan terbabit masih dalam keadaan hidup adalah haram dimakan dan haram pula memanfaatkannya.
3. Keputusan hukum bahawa anggota tubuh makhluk hidup yang dipotong adalah dikategorikan sebagai bangkai jika anggota tubuh tersebut masih berfungsi, sedangkan anggota tubuh yang sudah tidak berfungsi lagi (mati) tidak dianggap sebagai bangkai.

Periwayat Hadis

Abu Waqid ialah al-Harits ibn ‘Auf al-Laitsi (dinisbahkan kepada kabilah Laits) kerana beliau berasal dari Bani ‘Amir ibn Laits ibn ‘Abd Manaf. Dua orang anaknya dan Sa’id ibn al-Musayyab telah mengambil riwayat hadis daripadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 68 Hijriah di Mekah dalam usia 85 tahun.

Kesimpulan

Hadis-hadis dalam bab ini dapat disimpulkan sebagai berikut:

1. Air laut, air yang dijatuhi najis sedangkan jumlah air tersebut melebihi dua *qullah* dan tidak berubah salah satu daripada ketiga sifatnya, bekas jilatan kucing, lalat dan tubuh haiwan ternak; semua itu adalah suci.
2. Halal memakan bangkai haiwan laut (ikan), belalang, hati, dan limpa.
3. Air yang berubah salah satu di antara ketiga sifatnya kerana dijatuhi najis adalah najis. Demikian pula mulut anjing, air kencing, darah, bangkai, dan anggota tubuh haiwan yang dipotong dalam keadaan masih hidup adalah najis.
4. Cara menyucikan sesuatu yang terkena najis *mughallazhah* (najis berat).
5. Dilarang mandi di dalam air yang bertakung, lelaki dilarang mandi dari sisa air yang telah dipakai oleh isterinya dan demikian pula wanita mandi dari sisa air yang telah dipakai suaminya.

Soalan

1. Bagaimanakah hukum bangkai haiwan laut?
2. Kemanakah kembalinya *dhamir* “هُوَ” yang terdapat pada kalimat “ هُوَ الطَّهُورُ مَاؤُهُ”?
3. Apakah yang mendorong si penanya mengajukan soalannya itu?
4. Bolehkah memberikan jawapan melebihi apa soalan yang telah ditanyakan?
5. Jelaskan batasan mengenai air sedikit dan air banyak!
6. Jelaskan pendapat para ulama mengenai air apabila terkena najis, namun air tersebut tidak mengalami perubahan kerananya!
7. Apakah kedudukan lafaz “لاَ يُنَجِّسُهُ” dalam kalimat “إِنَّ الْمَاءَ طَهُورٌ لاَ يُنَجِّسُهُ شَيْءٌ”?
8. Sebutkan ketiga-tiga sifat air itu!
9. Bagaimanakah hukum air apabila berubah kerana dijatuhi suatu benda yang suci?
10. Apakah yang dimaksudkan dengan sabda Rasulullah (s.a.w): “إِلاَّ مَا غَلَبَ” dalam hadis: “إِنَّ الْمَاءَ لاَ يُنَجِّسُهُ شَيْءٌ، إِلاَّ مَا غَلَبَ عَلَى رِيحِهِ وَطَعْمِهِ وَلَوْنِهِ”?
11. Apakah *asbab al-wurud* (latar belakang) hadis “إِذَا كَانَ الْمَاءُ قُلَّتَيْنِ لَمْ يَحْمِلْ الْخَبَثَ”?
12. Apakah makna yang dimaksudkan dari lafaz “الْخَبَثَ” pada hadis tersebut di atas?
13. Siapakah para imam yang menjadikan hadis ini sebagai hujah dan siapa pula yang menyebutnya?
14. Berapakah dua *qullah* itu?

15. Jelaskan *'illat* atau penyebab larangan dalam hadis " لاَ يَغْتَسِلْ أَحَدُكُمْ فِي الْمَاءِ الدَّائِمِ وَهُوَ جُنُبٌ"!
16. Apakah yang dimaksudkan dengan lafaz "الدَّائِمُ" dan "الْجُنُبُ" dalam hadis tersebut di atas?
17. I'rabkan kalimat "ثُمَّ يَغْتَسِلُ فِيه" disertai huraian makna lafaz "ثُمَّ"!
18. Bagaimanakah hukum mandi lelaki dengan sisa air mandi isterinya dan bagaimanakah hukum mandi suami isteri dari satu bejana?
19. Apakah maksud larangan yang terdapat dalam sabda Rasulullah (s.a.w): " نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ"?
20. Kemanakah di- *'athaf*-kan lafaz "وَلْيَغْتَرِفَا"?
21. Apakah makna kalimat "إِنَّ الْمَاءَ لاَ يَجْنُبُ" dan apakah rahsia yang terdapat di dalam penggunaan *tawkid* dengan memakai "إِنَّ" pada kalimat ini?
22. Apakah makna *al-jifnah*?
23. Siapa yang dimaksudkan dengan *Ashab al-Sunan* itu?
24. Bagaimanakah hukum anjing dan bagaimana pula cara menyucikan bejana yang dijilat anjing?
25. Jelaskan rahsia yang terkandung dalam *al-tatrib* (basuhan yang dicampuri dengan tanah)!
26. Apakah *'illat* yang menyebabkan basuhan mesti dilakukan sebanyak tujuh kali?
27. Bagaimanakah kedudukan kalimat "أُولاَهُنَّ بِالتُّرَابِ"?
28. Bagaimanakah kedudukan lafaz "بِنَجَسٍ" dalam hadis "إِنَّهَا لَيْسَتْ بِنَجَسٍ"?
29. Apakah yang dimaksudkan dengan ungkapan *qasr* di dalam sabdanya: "إِنَّمَا هِيَ"?
30. Apakah yang dimaksudkan dengan sabda Rasulullah (s.a.w): "مِنْ الطَّوَّافِينَ"?
31. Bagaimanakah hukum kucing?
32. Para sahabat telah mengherdik lelaki badwi ketika dia kencing di dalam masjid. Mengapa mereka mengherdiknya dan mengapa Rasulullah (s.a.w) melarang mereka mengherdiknya, serta apakah faedah yang boleh disimpulkan dari kisah hadis ini?
33. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: أعرابي, طائفة, ذنوب, زجر, أهريق dan البهيمة!
34. Bagaimanakah cara menyucikan tanah yang terkena najis?
35. Apakah hukum asal bangkai dan darah, serta apakah yang dikecualikan daripada keduanya?
36. Jelaskan makna "الجراد" dan "الحوت"!
37. Terangkan hukum ikan yang mati dalam keadaan terapung di permukaan laut!
38. Apakah penyebab yang mendha'ifkan atau melemahkan kedudukan hadis " أُحِلَّتْ لَنَا مَيْتَتَانِ وَدَمَانِ"?
39. Bagaimanakah hukum bangkai haiwan yang tidak ada darahnya?
40. Dari manakah kesimpulan yang dapat diambil pensyariatan memelihara diri daripada mikrob-mikrob (penyakit-penyakit)?
41. Islam menganjurkan untuk mengubati jasad sebagaimana Islam pun turut menganjurkan untuk mengubat rohani. Kemukakanlah dalil mengenai hal ini!
42. Bagaimanakah hukum anggota tubuh haiwan yang dipotong, sedangkan haiwan itu masih dalam keadaan hidup?
43. Bilakah anggota yang dipotong itu dikategorikan sebagai bangkai dan bilakah

tidak dikategorikan bangkai?

44. Apakah *asbab al-wurud* (latar belakang) hadis " مَا قُطِعَ مِنْ الْبَهِيمَةِ - وَهِيَ حَيَّةٌ - فَهُوَ مَيِّتٌ"?

BAB BEJANA

١٤ ـ عَنْ حُذَيْفَةَ بْنِ الْيَمَانِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ تَشْرَبُوا فِي آنِيَةِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ، وَلاَ تَأْكُلُوا فِي صِحَافِهِمَا، فَإِنَّهَا لَهُمْ فِي الدُّنْيَا، وَلَكُمْ فِي الْآخِرَةِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

14. Daripada Hudzaifah ibn al-Yaman (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Janganlah kamu meminum dengan bejana yang terbuat daripada emas dan perak dan jangan pula kamu makan dengan cawan yang terbuat daripada keduanya. Kerana sesungguhnya bejana yang terbuat daripada emas dan peruk itu untuk mereka di dunia dan untuk kamu kelak di akhirat.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Bejana yang terbuat daripada emas dan perak biasa diguna pakai oleh orang yang sombong dan hidup mewah. Rasalullah (s.a.w) melarang kita baik lelaki mahupun perempuan makan dan minum memakai bejana yang terbuat daripada emas dan perak itu. Nabi (s.a.w) menjanjikan kebaikan kepada kita apabila meninggalkan perbuatan tersebut dan janji Nabi (s.a.w) itu pasti benar. Jadi, barangsiapa yang meninggalkan perbuatan itu di dunia kerana mematuhi perintah Nabi (s.a.w), dia akan memperolehinya di akhirat sebagai balasan ke atas amalnya itu. Nabi (s.a.w) memberi amaran orang yang menggunakannya dengan azab yang hina sebagai balasan di atas pelanggarannya terhadap perintah Nabi (s.a.w) dan kelak akan dituangkan api neraka Jahannam ke dalam perutnya.

Analisis Lafaz

"آنِيَةِ", bentuk jamak dari lafaz "إناء", ertinya tempat air yang merupakan salah satu alat untuk bersuci. Syariat telah pun melarang menggunakan sebahagian daripada jenis bejana tersebut, iaitu bejana yang terbuat daripada emas dan perak. Oleh itu, penulis (al-Hafiz Ibn Hajar) menjadikannya sebagai bab tersendiri memandangkan hal ini berkaitan dengan hukum.

"صِحَافِهِمَا", bentuk jamak dari lafaz "صحفة", yakni piring besar atau talam berisi makanan yang cukup untuk lima orang.

"فَإِنَّهَا لَهُمْ فِي الدُّنْيَا", *dhamir* yang terdapat pada lafaz "لَهُمْ" merujuk kepada lafaz orang kafir. Mereka tidak disebutkan dengan jelas kerana telah dapat difahami menerusi konteks kalimat hadis ini.

"فِي الدُّنْيَا", sebagai pemberitahuan tentang keadaan yang biasa mereka lakukan, dan bukannya menunjukkan bahawa bejana yang terbuat daripada emas dan perak itu halal diguna pakai oleh mereka, kerana mereka pun turut dibebani

menerima *taklif* untuk mengerjakan semua hukum-hakam syariat mengikut pendapat yang kuat, sebagaimana yang telah ditegaskan oleh ayat-ayat al-Qur'an.

"وَلَكُمْ فِي ٱلآخِرَةِ", *dhamir* yang terdapat di dalam lafaz "لَكُمْ" merujuk kepada kaum muslimin.

Fiqh Hadis

Haram makan dan minum dengan menggunakan bejana yang terbuat daripada emas dan perak. Hukum haram ini turut meliputi kaum lelaki dan kaum wanita.

Periwayat Hadis

Hudzaifah ibn al-Yaman al-'Absi, nama julukannya adalah Abu 'Abdullah. Beliau termasuk salah seorang sahabat yang paling awal berhijrah, sahabat yang disegani, pemegang rahsia Rasulullah (s.a.w) dan turut serta dalam Perang Uhud. Rasulullah (s.a.w) telah memberitahu kepadanya sebahagian fitnah yang akan terjadi setelah kewafatan baginda. Beliau meriwayatkan sebanyak 100 hadis, dan sekumpulan sahabat serta tabi'in mengambil riwayat daripadanya. Meninggal dunia di al-Mada'in pada tahun 36 Hijriah.

١٥- عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الَّذِي يَشْرَبُ فِي إِنَاءِ الْفِضَّةِ إِنَّمَا يُجَرْجِرُ فِي بَطْنِهِ نَارَ جَهَنَّمَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

15. Daripada Ummu Salamah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Orang yang minum dengan menggunakan bejana daripada perak pada hakikatnya dia menuangkan api neraka Jahannam ke dalam perutnya*." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Orang yang minum dengan menggunakan bejana daripada emas atau perak berhak untuk menerima azab dari Allah (s.w.t) kerana dia telah melanggar perintah syariat yang bijaksana. Kelak di hari kiamat dia akan menelan api neraka Jahanam ke dalam perutnya. Seksaan ini selari dengan pelanggaran yang telah dilakukan ketika di dunia, iaitu minum dengan menggunakan bejana yang telah diharamkan di sisi syariat.

Analisis Lafaz

"يُجَرْجِرُ", "الجرجرة" ertinya suara air yang masuk ke dalam kerongkongan.

"جَهَنَّمَ", *isim 'alam* atau nama salah satu tingkatan neraka, semoga Allah menyelamatkan kita daripadanya. Lafaz "جَهَنَّمَ" sendiri merupakan kalimat 'ajam. Oleh itu, ia tidak menerima *tanwin* kerana dua *'illat* iaitu *'ujmah* dan '*alamiyah.* Ada pula yang mengatakan lafaz "جَهَنَّمَ" itu berasal dari kata terbitan

"الجهونة" yang ertinya keras atau kasar. Dinamakan demikian kerana seksaan yang ada padanya teramat keras. Atas dasar analisis ini pun lafaz "جَهَنَّمَ" tetap tidak menerima *tanwin* kerana *'illat ta'nits ma'nawi* dan *'alamiyah.*

Fiqh Hadis

Haram minum dengan menggunakan bejana yang terbuat daripada perak bagi kaum lelaki dan wanita, dan dijelaskan pula seksaan kelak pada hari kiamat bagi orang yang melanggarnya.

Periwayat Hadis

Ummu Salamah, nama aslinya ialah Hindun binti Umayyah al-Qurasyiyah al-Makhzumiyah, salah seorang *Ummahat al-Mu'minin.* Dikahwini oleh Nabi (s.a.w) pada tahun 4 Hijriah dan meriwayatkan sebanyak 378 buah hadis. Nafi', Ibn al-Musayyab dan ramai lagi telah mengambil riwayat hadis daripadanya. Meninggal dunia pada tahun 59 Hijriah dalam usia 84 tahun.

Sehubungan dengan beliau, al-Dzahabi mengatakan bahawa Ummu Salamah adalah wanita dari kalangan *Ummahat al-Mu'minin* yang terakhir meninggal dunia dan jenazahnya dikebumikan di al-Baqi'.

١٦- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا دُبِغَ ٱلإِهَابُ فَقَدْ طَهُرَ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ وَعِنْدَ ٱلأَرْبَعَةِ: "أَيُّمَا إِهَابٍ دُبِغَ".

16. Daripada Ibn 'Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Apabila kulit telah disamak, maka bererti ia telah menjadi suci.*" (Disebut oleh Muslim). Sedangkan menurut lafaz yang dikemukakan oleh *al-Arba'ah* disebutkan: "*Mana-mana kulit yang disamak ....*"

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) memberitahu kulit bangkai itu najis kerana masih ada sisa-sisa darah kental yang melekat padanya. Ia mengandungi mikrob-mikrob yang telah dibuktikan oleh ilmu perubatan moden tentang bahayanya. Nabi (s.a.w) memberitahu untuk menyucikan kulit tersebut ialah dengan cara menyamaknya. Dengan cara ini maka hilanglah lendir-lendir najis yang terdapat pada pori-pori kulit itu. Apa pun, kulit anjing dan kulit khinzir tidak dapat disucikan walau dengan apa jua sekali pun memandangkan najis keduanya terlampau berat.

Analisis Lafaz

"ٱلإِهَابُ", kulit sebelum disamak, sama ada kulit haiwan yang disemhelih mahupun yang tidak disembelih.

Fiqh Hadis

1. Samak merupakan cara yang paling berkesan untuk menghilangkan lendir najis yang ada pada pori-pori kulit. Oleh itu, cara ini merupakan sarana untuk membuat kulit menjadi suci.
2. Samak dapat menyucikan semua kulit bangkai bahagian luaran mahupun bahagian dalaman, kecuali kulit anjing dan kulit khinzir serta kulit haiwan yang dilahirkan dari (pencampuran) salah satu di antara keduanya, kerana najis keduanya terlalu berat. Inilah menurut pendapat di kalangan mazhab al-Syafi'i, sedangkan mazhab Hanafi mengatakan bahawa semua kulit bangkai menjadi suci dengan menyamaknya terlebih dahulu, kecuali kulit khinzir. Menurut mazhab Maliki, yakni menurut pendapat yang masyhur di kalangan mereka, samak dapat menyucikan semua kulit, tetapi hanya bahagian luarannya sahaja, sedangkan bahagian dalamannya tidak dapat disucikan dan hanya boleh digunakan untuk kegunaan barang-barang kering bukan benda cair, kecuali air, sebab air mempunyai kekuatan daya tolak. Kulit yang telah disamak juga oleh digunakan sebagai hamparan untuk solat, tetapi tidak boleh dijadikan pakaian untuk solat. Mazhab Hanbali menurut pendapat yang masyhur di kalangan mereka mengatakan bahawa menyamak kulit bangkai tidak dapat menyucikan sesuatu pun daripadanya. Ini juga merupakan salah satu daripada dua riwayat Imam Malik.

١٧- عَنْ سَلَمَةَ بْنِ الْمُحَبِّقِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "دِبَاغُ الْمَيْتَةِ طُهُوْرُهَا". صَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

17. Daripada Salamah Ibn al-Muhabbiq (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Menyamak kulit bangkai bererti menyucikannya.*" (Hadis ini dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Hadis ini telah membuktikan bahawa kulit bangkai adalah najis dan untuk meyucikannya ialah dengan cara menyamaknya, kerana proses penyamakan dapat menghilangkan dan membuang semua lendir najis dari semua pori-pori yang ada pada kulit tersebut.

Fiqh Hadis

Kulit bangkai hukumnya najis, tetapi dapat disucikan melalui proses penyamakan, seperti yang telah diterangkan dengan panjang lebar pada hadis no. 16.

Periwayat Hadis

Salamah ibn al-Muhabbiq ibn Rabi'ah ibn Shakhr al-Hudzali, nama panggilannya

adalah Abu Sinan al-Basri. Beliau meriwayatkan 12 hadis. Anak lelakinya yang bernama Sinan dan al-Hasan al-Basri telah mengambil riwayat daripadanya.

١٨- عَنْ مَيْمُوْنَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "مَرَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِشَاةٍ يَجُرُّونَهَا"، فَقَالَ: "لَوْ أَخَذْتُمْ إِهَابَهَا؟" فَقَالُوْا: "إِنَّهَا مَيْتَةٌ"، فَقَالَ: "يُطَهِّرُهَا الْقَرَظُ." أَخْرَجَهُ أَبُوْ دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ.

18. Daripada Maimunah (r.a) bahawa beliau berkata: "*Nabi (s.a.w) pernah bersua dengan mereka yang sedang mengheret bangkai seekor kambing. Melihat itu, baginda bersabda: "Alangkah baiknya sekiranya kamu mengambil kulitnya itu?" Mereka berkata: "Kambing ini sudah menjadi bangkai." Nabi (s.a.w) bersabda: "Ia dapat disucikan dengan buah al-Qarazh.*" (Disebut oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) melihat seekor kambing mati yang diheret oleh beberapa orang untuk dibuang jauh dari kawasan perumahan supaya orang ramai tidak terganggu dengan baunya yang busuk. Melihat itu, Nabi (s.a.w) bersabda kepada mereka: "Alangkah baiknya seandainya kamu mengambil kulitnya lalu memanfaatkannya." Ketika mereka menceritakan kepada baginda bahawa kambing yang mereka heret itu telah mati dan menjadi bangkai, maka Nabi (s.a.w) bersabda kepada mereka: "Ia dapat disucikan dengan buah *al-Qarazh*."

Analisis Lafaz

"إِهَابَهَا", "اْلإِهَابُ" adalah kulit sebelum disamak.

"الْقَرَظُ", nama sebatang pohon yang telah dikenal di mana bijinya atau buahnya dapat digunakan untuk menyamak kulit.

Fiqh Hadis

1. Dilarang menyia-nyiakan harta selagi masih boleh dimanfaatkan walau dengan apa jua cara sekalipun.
2. Samak dapat menyucikan kulit bangkai dengan menggunakan buah *al-qarazh* atau benda lain yang memiliki fungsi sama dengannya seperti kulit delima dan kapur selagi ia dapat menghilangkan lendir najis yang terdapat pada pori-pori kulit tersebut. Menyamak tidak dapat dilakukan dengan menggunakan panas sinar matahari menurut jumhur ulama. Berbeza dengan pendapat murid-murid Imam Abu Hanifah, di mana mereka membolehkannya.

١٩- عَنْ أَبِي ثَعْلَبَةَ الْخُشَنِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، قَالَ: "قُلْت: يَا رَسُولَ اللهِ، إنَّا بِأَرْضِ قَوْمٍ أَهْلِ كِتَابٍ، أَفَنَأْكُلُ فِي آنِيَتِهِمْ؟" قَالَ: لاَ تَأْكُلُوا فِيهَا، إلاَّ أَنْ لاَ تَجِدُوا غَيْرَهَا، فَاغْسِلُوهَا، وَكُلُوا فِيهَا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

19. Daripada Abu Tsa'labah al-Khusyani (r.a) bahawa "*Saya pernah bertanya:*

“Wahai Rasulullah, sesungguhnya kami tinggal di dalam negeri yang dihuni oleh masyarakat ahli kitab, bolehkah kami makan dengan menggunakan wadah mereka?” Rasulullah (s.a.w) menjawab: “Janganlah kamu makan dengan menggunakan bejana milik mereka kecuali jika kamu tidak menemukan tempat yang lain, maka cucilah bejana itu terlebih dahulu dan kemudian gunakanlah untuk makan.” (Muttafaq ‘alaih)

Makna Hadis

Syariat Islam melarang kita makan dan minum dengan menggunakan bekas milik orang Yahudi dan Nasrani. Barangkali rahsia larangan ini ialah kebanyakan wadah milik mereka adalah najis, sebab mereka tidak pernah memperhatikan masalah bersuci dari najis. Namun ketika dalam keadaan darurat, syariat Islam membolehkan kita untuk menggunakan wadah mereka sesudah mencucinya terlebih dahulu dengan air, agar kita lebih yakin akan kesuciannya.

Analisis Lafaz

“أَهْلِ كِتَابٍ”, iaitu orang Yahudi sedangkan kitab mereka adalah Taurat dan orang Nasrani sedangkan kitab mereka adalah Injil.

“فَاغْسِلُوهَا، وَكُلُوا فِيهَا”, perintah mencuci bejana ini dilakukan sebelum ia digunakan, sebab wadah tersebut dianggap masih najis memandangkan mereka tidak pernah menjauhi benda-benda najis, seperti arak dan daging khinzir.

Fiqh Hadis

1. Boleh menggunakan wadah milik ahli kitab sesudah mencucinya terlebih dahulu.
2. Larangan dalam hadis ini menunjukkan makna makruh, sebab wadah mereka dianggap menjijikkan kerana banyak digunakan untuk sesuatu yang najis.

Periwayat Hadis

Abu Tsa’labah al-Khusyani, dinisbahkan kepada Khusyain ibn al-Namir dari kabilah Qudha’ah. Nama aslinya adalah Jartsum ibn Nasyir. Beliau turut menyertai Bai’at Ridhwan kepada Nabi (s.a.w), turut serta dalam perang Hunain dan Rasulullah (s.a.w) telah menetapkan satu bahagian harta perang untuknya ketika perang Khaibar. Beliau meriwayatkan sebanyak 40 hadis dan Ibn al-Musayyab telah mengambil riwayat hadis daripadanya, dan meninggal dunia pada tahun 75 Hijriah ketika sedang sujud dalam solatnya.

٢٠- عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَصْحَابَهُ تَوَضَّاؤُوْا مِنْ مَزَادَةِ امْرَأَةٍ مُشْرِكَةٍ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

20. Daripada ‘Imran ibn Hushain (r.a) bahawa "*Nabi (s.a.w) dan para sahabatnya pernah berwuduk dari dua mazadah milik seorang perempuan musyrik.*" (Muttafaq ‘alaih)

Makna Hadis

Hadis ini merupakan sebahagian daripada hadis yang sangat panjang. Lengkapnya adalah Rasulullah (s.a.w) mengutus ‘Ali (r.a) dan seorang sahabat selainnya dalam salah satu perjalanan yang dilakukan beliau untuk mencari air. Ketika itu mereka telah kehabisan air. Nabi (s.a.w) bersabda: "Pergilah kamu berdua mencari air." Keduanya lalu berangkat dan di tengah jalan mereka bersua dengan seorang wanita yang duduk di atas tulang belakang untanya dengan membawa dua *mazadah* pada kedua sisinya. Mereka bertanya: "Dari manakah air itu?" Wanita itu menjawab: "Air ini aku ambil dari tempat yang jauhnya sama dengan perjalanan satu hari dihitung dari saat sekarang ini."

Mereka berkata kepada wanita tersebut: "Pergilah kamu menghadap Rasulullah (s.a.w)" dan seterusnya. Kemudian Nabi (s.a.w) meminta satu bejana, lalu baginda menuangkan semua air yang terdapat pada dua *mazadah* wanita tadi ke dalam wadah tersebut. Setelah itu orang ramai pun dipanggil: "Minumlah dan berilah minum haiwan tunggangan kalian!" Orang ramai pun mula minum dan memberi minum kenderaan mereka dari air tersebut.

Analisis Lafaz

Perkataan "Nabi (s.a.w) dan para sahabat" merupakan kalimat yang bertujuan untuk menolak prasangka orang yang menduga bahawa peristiwa itu hanya khusus bagi Nabi (s.a.w) secara bersendirian tanpa melibatkan sahabatnya.

"مزادتين", dua *mazadah*, bentuk *tatsniyah* dari lafaz "مَزَادَةِ", ertinya timba yang biasa digunakan untuk menyiram. Pada masa itu ember terbuat daripada dua kulit yang dibuat sedemikian rupa supaya memuat banyak air.

Fiqh Hadis

1. Wadah orang musyrik dianggap suci.
2. Menyamak dapat menyucikan kulit bangkai. Dua *mazadah* tersebut terbuat daripada kulit haiwan sembelihan kaum musyrikin, sedangkan sembelihan mereka hukumnya najis.
3. Air milik orang musyrik dianggap suci kerana wanita itu yang telah mengambil air, padahal jumlahnya kurang daripada dua *qullah*.
4. Peristiwa ini menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang amat menekankan kemudahan.

Periwayat Hadis

'Imran ibn Hushain al-Khuza'i, nama panggilannya ialah Abu Najid, masuk Islam pada tahun terjadinya perang Khaibar. Beliau termasuk ulama di kalangan sahabat dan tidak melibatkan diri ketika berlaku zaman fitnah. Semua hadis yang diriwayatkannya berjumlah 130. Anaknya yang bernama Muhammad dan al-Hasan mengambil riwayat daripadanya. Usianya panjang dan malaikat sering mengucapkan salam kepadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 52 Hijriah di Basrah.

٢١- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ قَدَحَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انْكَسَرَ، فَاتَّخَذَ مَكَانَ الشَّعْبِ سَلْسَلَةً مِنْ فِضَّةٍ. أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

21. Daripada Anas (r.a) bahawa "*sesungguhnnya wadah minum milik Nabi (s.a.w) pernah pecah (retak) lalu baginda menjadikan pada tempat yang retak rantai yang terbuat daripada perak (untuk menampalnya).*" (Disebut oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Semua perkataan dan perbuatan Rasulullah (s.a.w) merupakan ketetapan syariat bagi umatnya. Dalam hadis ini Rasulullah (s.a.w) meletakkan perak pada wadah yang telah retak untuk menampalnya supaya tidak bocor. Ini menunjukkan bahawa itu dibolehkan, dan cara ini dikenali dengan istilah *al-tadhbib* (menambal barang pecah).

Analisis Lafaz

"قَدَحَ", wadah minum yang cukup untuk minum dua atau tiga orang.

"الشَّعْبِ", tempat yang retak.

Fiqh Hadis

1. Boleh menampal bekas yang retak dengan perak.
2. Minum dengan menggunakan wadah merupakan perbuatan yang dianjurkan oleh syariat.

Kesimpulan

Hadis-hadis yang disebut dalam bab ini menunjukkan kepada kesimpulan berikut:

1. Haram makan dan minum dengan menggunakan wadah yang terbuat daripada emas dan perak.
2. Kulit menjadi suci setelah disamak, meskipun berasal dari haiwan yang mati (bangkai).

3. Dilarang menggunakan wadah milik ahli kitab sebelum dicuci terlebih dahulu.
4. Boleh menampal tempat yang retak pada suatu wadah dengan menggunakan perak.

Soalan

1. Apakah hukum menggunakan wadah yang terbuat daripada emas dan perak dan apakah larangan ini bersifat umum?
2. Apakah ancaman syariat bagi orang yang menggunakan wadah emas atau perak, dan apa pula pahala yang dijanjikan bagi orang yang tidak melakukannya kerana mematuhi perintah syariat?
3. Jelaskan bentuk seksaan bagi orang yang makan dan minum dengan menggunakan wadah dari emas dan perak, yakni seksaan pada hari kiamat!
4. Mengapa lafaz "جَهَنَّمَ" tidak menerima *tanwin*?
5. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: آنية, صحاف, جهنم, يجرجر, إهاب, دباغ, قرظ, مزادة, القدح dan الشعب!
6. Jelaskan mazhab-mazhab para ulama mengenai kulit yang disamak!
7. Kemukakan analisis mengenai najis kulit haiwan yang telah mati menjadi bangkai!
8. Apakah yang dimaksudkan dengan lafaz "طَهُرَ" dalam sabda baginda: "فَقَدْ طَهُرَ"?
9. Mengapa Rasulullah (s.a.w) memprotes perbuatan menyia-nyiakan kambing yang telah mati dengan membuangnya ke tempat pembuangan sampah?
10. Bagaimanakah hukum menggunakan kulit haiwan yang disembelih?
11. Sebutkan apa yang kamu ketahui tentang hukum-hukum yang berkaitan menyamak kulit!
12. Siapakah yang disebut sebagai ahli kitab dan bagaimanakah hukum menggunakan wadah milik mereka?
13. Apakah pemahaman yang terkandung di dalam larangan yang dimuatkan dalam sabda baginda: "*Janganlah kamu makan dengan menggunakan bejana milik mereka*"?
14. Apakah penyebab larangan menggunakan wadah milik ahli kitab?
15. Apakah hikmah yang terkandung pada huruf *'athaf waw* dalam sabda baginda: "وَأَصْحَابَهُ"?
16. Bagaimanakah hukum berwuduk dengan menggunakan wadah milik kaum musyrikin?
17. Apakah makna *al-tadhbib* dan bagaimana pula hukumnya?

BAB MENGHILANGKAN NAJIS

٢٢- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "سُئِلَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ اَلْخَمْرِ تُتَّخَذُ خَلاًّ؟" قَالَ: "لاَ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ وَقَالَ حَسَنٌ صَحِيْحٌ.

22. Daripada Anas ibn Malik (r.a), beliau berkata: "*Rasulullah (s.a.w) pernah*

ditanya mengenai khamar yang dijadikan cuka, maka baginda menjawab: "Itu tidak boleh." (Disebut oleh Muslim dan berkata: "Hadis ini hasan lagi sahih")

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) telah menuturkan kalimat-kalimat yang kemudian diabadikan oleh sejarah. Kesemuanya merupakan nasihat dan pengajaran. Pada suatu hari baginda pernah ditanya mengenai hukum pembuatan cuka yang dibuat daripada khamar. Baginda memberikan jawapan bahawa itu tidak boleh dilakukan. Para ulama mentakwil makna hadis ini dengan mengemukakan pendapat masing-masing, seperti mana yang akan disebutkan dalam fiqh hadis berikut.

Analisis Lafaz

"إزالة النجاسة", menghilangkan najis dan ini termasuk perbuatan wajib di sisi syari'at. Najis menurut bahasa ialah segala sesuatu yang dianggap kotor, manakala menurut syariat pula adalah kotoran yang mencegah sahnya solat selagi tidak ada dalil yang meringankannya.

"الخمر", bentuk *mu'annats* dan kadang kala menggunakan huruf *ta'* hingga ditulis menjadi "الخمرة". Ulama berbeza pendapat mengenai hakikat khamar ini. Apapun, menurut pendapat jumhur ulamak, khamar ialah nama bagi segala sesuatu yang memabukkan.

"حَسَنٌ صَحِيْح", sangat sukar untuk menggabungkan kedua-dua status hadis ini, kerana pengertian *hasan* berbeza dengan pengertian *sahih*. Menggabungkan kedua-dua pengertian ini tentu sukar untuk difahami. Apapun, apa yang dimaksudkan di sini adalah *hasan* atau *sahih*, kemudian huruf *taraddud* -iaitu *aw* yang bererti *atau*- dibuang. Ini sering dijumpai dalam perkataan orang Arab. Sebab utama menggunakan huruf *aw* ialah orang yang menukil hadis ini mengemukakan status yang berlainan antara satu sama lain. Sebahagian di antara mereka ada yang mengatakan hadis *sahih*, sebahagian lagi ada yang mengatakan *hasan* dan sebahagian lagi ada yang mengatakan isnad hadis ini berbilang. Berdasarkan pandangan inilah ia dikatakan sebagai hadis *hasan sahih.* Ini merupakan status lebih tinggi berbanding status *sahih* itu sendiri, kerana ia banyak memiliki jalur riwayat untuk menguatkan lagi kedudukan hadis terbabit. Ini adalah istilah yang biasa diguna pakai oleh Imam al-Tirmizi.

Fiqh Hadis

1. Tidak boleh membuat cuka dari khamar. Khamar tidak menjadi suci dengan dijadikan cuka melalui proses yang dilakukan oleh manusia. Inilah pendapat mazhab Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad kerana ada hadis yang menyuruh menumpahkan khamar. Oleh itu, tidak menumpahkan khamar dan memprosesnya menjadi cuka merupakan perbuatan derhaka yang tidak akan menyucikan cuka itu.

2. Khamar menjadi suci dengan memprosesnya menjadi cuka. Ini adalah pendapat yang masyhur di kalangan mazhab Imam Malik dan mazhab Imam Abu Hanifah, kerana khamar telah berubah menjadi sesuatu yang bermanfaat.
3. Ulamak telah bersepakat bahawa khamar apabila berubah menjadi cuka dengan sendirinya maka ia menjadi suci.

٢٣- وَعَنْهُ قَالَ: لَمَّا كَانَ يَوْمُ خَيْبَرَ، أَمَرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَبَا طَلْحَةَ، فَنَادَى: "إِنَّ اللهَ وَرَسُولَهُ يَنْهَاكُمْ عَنْ لُحُومِ الْحُمُرِ [الْأَهْلِيَّةِ]، فَإِنَّهَا رِجْسٌ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

23. Daripadanya (Anas (r.a), beliau: "Ketika Perang Khaibar, Rasulullah (s.a.w) menyuruh Abu Thalhah (untuk menyampaikan pengumuman kepada kaum muslimin). Maka berserulah Abu Thalhah: "*Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya telah melarang kamu dari makan daging keldai kampung, kerana ia najis.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Hukum mentaati Rasulullah (s.a.w) adalah wajib berdasarkan nash al-Qur'an. Betapa Rasulullah (s.a.w) amat mengambil berat tentang ajaran Islam di mana baginda ingin menyampaikannya kepada segenap umat manusia dengan kadar yang segera. Untuk itu, baginda memerintahkan seorang juru penyeru supaya segera menyampaikan kepada seluruh umat manusia apa-apa yang wajib diikuti dalam benda-benda yang haram dimakan seperti haram memakan daging keldai kampung, sebab daging keldai kampung itu najis. Seruan ini didengar oleh seluruh kaum muslimin dan mereka terpaksa menumpahkan isi periuk mereka dan membasuhnya kalau-kalau masih ada lagi saki baki daging keldai yang sudah dimasak. Hal ini dilakukan demi mentaati perintah Allah dan Rasul-Nya di samping yakin dengan apa yang telah dijanjikan oleh Allah (s.a.w) kepada mereka berupa pahala yang kekal abadi di dalam syurga 'Adn.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", *dhamir* yang terdapat pada lafaz *'anhu* ini merujuk kepada Anas ibn Malik (r.a), periwayat hadis ini sama dengan hadis sebelumnya.

"*Khaibar*", perang Khaibar adalah perang yang terjadi pada tahun ke-7 Hijrah. Khaibar adalah nama sebuah bandar yang jaraknya sejauh lapan *bard* dari Madinah bagi orang yang menuju ke negeri Syam. *Khaibar* ertinya "benteng" dalam bahasa Ibrani.

"*Abu Thalhah*" adalah Zaid ibn Sahl ibn al-Aswad ibn Haram ibn 'Amr al-Najjar al-Madani. Beliau turut menyertai perang Badar dan peperangan yang lain. Dalam perang Hunain, beliau berjaya membunuh dua puluh orang dari pasukan musuh dan memiliki jasa yang besar dalam Perang Uhud. Beliau termasuk sahabat yang terawal dan meriwayatkan sebanyak 92 hadis. Anak lelakinya bernama 'Abdullah, Anas dan sekumpulan sahabat yang lain telah

mengambil riwayat daripadanya. Beliau hidup selama empat puluh tahun sesudah Nabi (s.a.w) wafat. Selama itu pula beliau tidak pernah tidak berpuasa kecuali Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha, sedangkan pada zaman Nabi (s.a.w) beliau tidak pernah puasa sunat lantaran terlampau sibuk dengan peperangan.

"ينهاكم", dengan memakai bentuk *mufrad* kerana *dhamir* yang ada di dalamnya dianggap sudah memadai yang kembali kepada perkataan Allah dan Rasul-Nya, sedangkan menurut riwayat yang lain pula *fa'il* lafaz *yanha* berbentuk *mutsanna*, iaitu "ينهيانكم" kerana *dhamir* yang ada di dalamnya kepada Allah dan Rasul-Nya.

"الْحُمُرِ", bentuk jamak dari lafaz "الحمار", ertinya keldai. Apapun, makna yang dimaksudkan di sini ialah keldai kampung. Hukum *nasakh* pengharaman daging keldai telah terjadi berulang kali, hingga akhirnya ditetapkan bahawa termasuk haiwan yang dagingnya haram dimakan. Masalah lain di mana hukum *nasakh* terjadi berulang kali ialah masalah kiblat, nikah mut'ah serta berwuduk dengan menggunakan air yang dipanaskan dengan panasnya api. Sehubungan ini al-Suyuti bersyair: Ada empat perkara yang mana hukum *nasakh* berlaku berulang kali seperti mana yang ditegaskan oleh al-Qur'an mahupun hadis. Keempat-empat perkara itu adalah masalah kiblat, nikah mut'ah, daging keldai dan berwuduk dengan air yang dipanaskan dengan panasnya api."

"رِجْسٌ", najis. Perkataan ini sebagai penjelasan mengapa daging keldai kampung itu diharamkan.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan membuat pengumuman untuk memaklumkan perkara penting seperti hukum-hakam dan perkara-perkara penting yang lain.
2. Haram memakan daging keldai kampung.
3. Sembelihan tidak dapat menyucikan haiwan yang tidak halal dimakan.
4. Wajib mencuci bekas yang terkena najis ketika hendak diguna pakai.
5. Keldai liar halal diburu dan halal dimakan.

٢٤- وَعَنْ عَمْرِو بْنِ خَارِجَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "خَطَبَنَا رَسُولُ اللهُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمِنًى، وَهُوَ عَلَى رَاحِلَتِهِ، وَلُعَابُهَا يَسِيلُ عَلَى كَتِفِيَّ". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ، وَالتِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ.

24. Daripada 'Amr ibn Kharijah (r.a), beliau berkata: "*Rasulullah (s.a.w) berkhutbah kepada kami di Mina yang ketika itu baginda berada di atas unta tunggangannya dan air liur unta itu mengalir mengenai bahuku.*" (Disebut oleh Imam Ahmad dan al-Tirmizi yang menilainya sebagai hadis sahih)

Makna Hadis

Seorang khatib dalam khutbahnya hendaklah menjelaskan apa-apa yang boleh

membimbing umat manusia menuju kebaikan agama dan urusan dunia mereka. Khutbah yang disampaikan hendaklah bersesuaian dengan situasi dan keadaan. Khutbah haji hendaklah menjelaskan hukum-hakam ibadah haji; apa yang diboleh dilakukan dan apa pula yang tidak boleh dilakukan seperti mana yang telah dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w) dalam khutbahnya ketika berada di Mina. Dalam khutbah itu baginda menjelaskan tentang hukum-hakam yang berkaitan dengan ibadah haji. Ketika itu Rasulullah (s.a.w) menyaksikan sendiri bahawa air liur unta yang dikenderainya mengalir mengenai tubuh salah seorang sahabatnya, tetapi baginda tidak menyuruhnya supaya menjauh unta tersebut. Hal ini merupakan satu pengakuan daripada baginda bahawa haiwan yang dagingnya halal dimakan adalah suci.

Analisis Lafaz

Mina, nama sebuah lembah yang terkenal. Diberi nama demikian kerana di tempat tersebut banyak darah haiwan qurban yang dialirkan pada waktu Hari Raya Aidiladha.

"رَاحِلَتِهِ", unta yang layak untuk ditunggang.

"لُعَابُهَا", air liurnya.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan menyampaikan khutbah di Mina pada kawasan yang tinggi untuk menjelaskan hukum-hukum manasik haji.
2. Suci air liur haiwan yang boleh dimakan dagingnya. Apa yang termasuk ke dalam pengertian haiwan yang boleh dimakan adalah setiap haiwan yang suci. Apa yang termasuk ke dalam pengertian air liur adalah setiap lebihan yang keluar daripadanya seperti keringat selagi lebihan tersebut tidak mempunyai tempat yang menetap dan sudah diproses di dalam perut hingga berubah dalam bentuk yang lain.
3. Pengakuan Nabi (s.a.w) terhadap suatu perkara yang dilakukan di hadapannya menunjukkan bahawa perkara tersebut adalah dibolehkan, kerana pengakuan baginda dikategorikan sebagai Sunnah.
4. Dalam hadis ini sahabat berkenaan menceritakan semula keadaan yang pernah dialaminya dengan terperinci. Ini menunjukkan ketelitian dan daya ingatannya yang tajam, di samping membuktikan sahabat tersebut sentiasa berpegang teguh dengan riwayat hadis dan peristiwa yang menjadi latar belakangnya.

Periwayat Hadis

'Amr ibn Kharijah ibn al-Muntafiq adalah seorang sahabat. Beliau mempunyai banyak riwayat hadis dan 'Abdurrahman ibn Ghanam telah mengambil riwayat daripadanya.

٢٥- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا، قَالَتْ: "كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَغْسِلُ الْمَنِيَّ، ثُمَّ يَخْرُجُ إِلَى الصَّلاَةِ فِي ذَلِكَ اَلثَّوْبِ، وَأَنَا أَنْظُرُ إِلَى أَثَرِ اَلْغُسْلِ فِيهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلِمُسْلِمٍ: "لَقَدْ كُنْتُ أَفْرُكُهُ مِنْ ثَوْبِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرْكًا، فَيُصَلِّي فِيهِ".

وَفِي لَفْظٍ لَهُ: "لَقَدْ كُنْتُ أَحُكُّهُ يَابِسًا بِظُفُرِي مِنْ ثَوْبِهِ".

25. Daripada 'Aisyah (r.a), beliau berkata: "*Rasulullah (s.a.w) sering kali membasuh (bekas) air mani, kemudian baginda keluar untuk mengerjakan solat dengan memakai baju (yang padanya terdapat bekas air mani yang sudah dibasuh itu) dan saya melihat masih ada bekas kesan basah cucian itu.*" (Muttafaq 'alaih)

Menurut riwayat oleh Muslim pula: "*Sesungguhnya saya pernah mengorek (kesan air mani) yang ada pada pakaian Rasulullah (s.a.w) dengan kuat, lalu baginda mengerjakan solat dengan tetap memakai baju itu.*"

Menurut riwayat yang lain pula: "*Sesungguhnya saya menggaruknya (kesan air mani itu) dalam keadaan sudah kering dengan kuku supaya tanggal dari pakaiannya.*"

Makna Hadis

Allah (s.w.t) memuliakan umat manusia dan mengutamakannya ke atas seluruh makhluk yang lain dengan menjadikan suci asal kejadiannya dan mulia asal penciptaannya. 'Aisyah Ummu al-Mu'minin telah menceritakan bahawa beliau pernah mengorek kesan air mani yang ada pada pakaian Rasulullah (s.a.w) dengan kukunya.

Analisis Lafaz

"الْمَنِيَّ", air mani lelaki adalah berwarna putih agak kental. Ia memancut-mancut ketika keluar apabila nafsu telah mencapai kemuncaknya disertai perasaan tegang dan nikmat pada lelaki berkenaan. Baunya mirip dengan bau tandan muda buah kurma atau hampir sama dengan bau adunan.

"أَفْرُكُهُ", aku mengoreknya hingga hilang dan tidak ada lagi kesannya.

"فَرْكًا", *masdar* yang maknanya mengukuhkan *fi'il*-nya untuk menunjukkan kesungguhan perbuatan.

"أَحُكُّهُ", *al-hakk* maknanya sama dengan *al-fark*, iaitu mengorek atau mengerik untuk menghilangkan kesan sesuatu yang kering.

Fiqh Hadis

Mencuci bekas air mani ialah apabila masih dalam keadaan basah, namun apabila sudah kering, maka memadai dengan cara mengoreknya. Ulamak berbeza

pendapat mengenai air mani ini. Abu Hanifah berserta murid-muridnya, Imam Malik dan salah satu riwayat daripada Imam Ahmad mengatakan bahawa air mani itu najis.

Mereka berkesimpulan demikian berlandaskan kepada riwayat-riwayat yang mengatakan ia wajib dicuci dan demikian pula hadis 'Ammar yang mengatakan bahawa sesungguhnya kamu mesti mencuci pakaianmu jika terkena berak, kencing, mani, darah dan muntah. Di samping itu, mereka turut mengqiaskan air manis dengan dengan segala sesuatu benda yang menjijikkan, kerana ia melalui proses penghadaman dan merupakan sari makanan yang telah diproses di dalam perut. Mani dianggap najis menurut mereka kerana setiap hadas yang mewajibkan seseorang bersuci diri daripadanya adalah najis, sedangkan air mani merupakan salah satu daripadanya. Alasan lain air mani itu najis kerana ia keluar melalui jalur yang sama dengan tempat keluar air kencing.

Imam Malik mentakwilkan hadis yang mengatakan mengoreknya bahawa itu dilakukan dengan menggunakan air. Manakala mengorek bekas air mani yang dilakukan oleh Aisyah untuk menghilangkannya dari pakaian Nabi (s.a.w) barangkali baginda sendiri tidak mengetahui apa yang dilakukan 'Aisyah atau kerana air mani Nabi (s.a.w) dianggap suci yang merupakan keistimewaan bagi baginda.

Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa bekas air mani hendaklah dicuci dengan air apabila masih basah, tetapi apabila telah kering, maka sudah memadai dengan cara mengoreknya sahaja. Ini bertujuan untuk mengamalkan kedua-dua hadis di atas. Kes ini disamakan dengan selipar yang terkena najis.

Menurut mazhab Imam al-Syafi'i, ulamak hadis dan Imam Ahmad dalam salah satu yang paling sahih daripadanya pula bahawa air mani itu suci. Mereka mengambil kesimpulan demikian kerana berlandaskan kepada hadis Ibn 'Abbas (r.a) yang menceritakan bahawa:

سُئِلَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْمَنِيِّ يُصِيْبُ الثَّوْبَ؟ قَالَ: "إِنَّمَا هُوَ بِمَنْزِلَةِ الْمُخَاطَ وَالْبُزَاقِ وَالْبُصَاقِ." وَقَالَ: إِنَّمَا يَكْفِيْكَ أَنْ تَمْسَحَهُ بِخِرْقَةٍ أَوْ إِذْخِرَةٍ".

"*Rasulullah (s.a.w) pernah ditanya mengenai air mani yang terkena pakaian lalu baginda bersabda: "Sesungguhnya air mani itu sama kedudukannya dengan hingus, kahak dan ludah." Rasulullah (s.a.w) melanjutkan sabdanya: "Sesungguhnya sudah memadai bagimu dengan mengusapnya dengan kain atau idzkhir.*" (Disebut oleh al-Daruquthni dan al-Baihaqi)

Menyerupakan air mani dengan hingus dan ludah menunjukkan bahawa air mani itu suci. Adapun perintah untuk mengelapnya dengan kain atau sabut idzkhir, maka itu bertujuan untuk menghilangkan kotoran yang tidak patut dikekalkan pada pakaian yang hendak dipakai untuk mengerjakan solat.

Periwayat Hadis

Aisyah binti Abu Bakar al-Siddiq, wanita yang telah dibebaskan oleh Allah daripada tohmahan dusta yang ditujukan ke atas dirinya. Beliau adalah salah

seorang Ummu al-Mu'minin. Nabi (s.a.w) tidak pernah berkahwin dengan wanita dara selain dia. Beliau sangat dicintai oleh Rasulullah (s.a.w). Beliau pun seorang wanita ahli fiqh. Seluruh hadis yang diriwayatkannya berjumlah 2,210. Beliau berpuasa sepanjang tahun setelah Nabi (s.a.w) wafat. Hisyam ibn 'Urwah mengatakan bahawa Aisyah meninggal dunia pada tahun 57 Hijrah dan dikebumikan di al-Baqi'.

٢٦- وَعَنْ أَبِي السَّمْحِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يُغْسَلُ مِنْ بَوْلِ الْجَارِيَةِ، وَيُرَشُّ مِنْ بَوْلِ الْغُلَامِ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ، وَالنَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

26. Daripada Abu al-Samh (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Air kencing bayi perempuan hendaklah dibasuh sedangkan air kencing bayi lelaki memadai dengan dipercikkan air sahaja.*" (Disebut oleh Abu Dawud, al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh Hakim)

Makna Hadis

Syariat sungguh bijaksana dalam setiap keputusan yang dibuat. Kita sering kali menggendong bayi lelaki dan memeluk mereka. Di sini syariat meringankan najis air kencing mereka dengan syarat bayi lelaki itu masih belum berusia dua tahun dan hanya meminum susu. Cara menyucikan air kencingnya ialah dengan memercikkan air ke atasnya. Ini berbeza dengan air kencing bayi perempuan di mana cara menyucikannya ialah dengan membasuhnya, kerana najisnya lebih berat daripada najis air kencing bayi lelaki. Selain najis air kencing, tidak ada perbezaan di antara keduanya, yakni sama-sama najis.

Analisis Lafaz

"الْجَارِيَةِ", bayi perempuan.

"يُرَشُّ", menuangkan air ke atasnya tanpa mengalirkannya, yakni memercikkannya dengan air.

"الْغُلَامِ", bayi lelaki. Apa yang dimaksudkan di sini ialah bayi lelaki yang belum makan apa-apa selain air susu.

Fiqh Hadis

Perbezaan yang ada antara air kencing bayi lelaki dengan bayi perempuan menurut hukum ialah sebelum mereka memakan makanan lain selain air susu. Air kencing keduanya sama-sama najis, tetapi untuk membersihkan air kencing le1aki memadai dengan memercikkannya dengan air, yakni menyiramnya tanpa mengalirkan air. Ini merupakan kemudahan syariat. Cara membersihkan air kencing bayi perempuan pula tidak cukup hanya dengan memercikkan air ke atasnya, melainkan wajib dibasuh.

Hikmah yang terdapat dalam masalah ini menurut satu pendapat adalah

bersifat *ta'abbudiyyah* (semata-mata mematuhi perintah syariat), sedangkan menurut pendapat yang lain mengatakan itu kerana orang kebanyakan lebih menyukai bayi lelaki dan sering kali menggendongnya. Oleh itu, syariat memberikan keringanan dalam masalah ini. Menurut pendapat yang lain pula, air kencing bayi perempuan lebih pekat, manakala air kencing bayi lelaki tidak demikian.

Dalam kaitan ini para ulamak berbeza pendapat. Imam Ahmad dan Imam al-Syafi'i mengatakan adanya *rukhsah* terhadap air kencing bayi lelaki sebelum usia dua tahun dan belum memakan makanan lain selain air susu. Sedangkan menurut Imam Abu Hanifah dan pendapat masyhur di kalangan mazhab Maliki, air kencing bayi lelaki dan bayi perempuan sama-sama najis, dan mesti tetap dibasuh.

Periwayat Hadis

Abus al-Samh, nama aslinya adalah Ayyad, mawla Nabi (s.a.w). Beliau seorang sahabat dan hanya mempunyai dua buah hadis yang kedua-duanya diambil riwayat oleh Mahall ibn Khalifah.

٢٧- وَعَنْ أَسْمَاءَ بِنْتِ أَبِي بَكْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ - فِي دَمِ الْحَيْضِ يُصِيبُ الثَّوْبَ-: "تَحُتُّهُ، ثُمَّ تَقْرُصُهُ بِالْمَاءِ، ثُمَّ تَنْضَحُهُ، ثُمَّ تُصَلِّي فِيهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

27. Daripada Asma' binti Abu Bakar al-Siddiq (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda berkaitan darah haid yang terkena pakaian: *"Hendaklah kamu mengoreknya terlebih dahulu lalu kamu kucak dengan air. Setelah itu kamu siram dengan air dan barulah kamu boleh solat dengan memakainya."* (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Mematuhi undang-undang samawi dan ajaran Islam merupakan satu kemestian bagi umat manusia. Syariat Islam memerintahkan kita supaya sentiasa menjaga kebersihan dan membasuh najis yang terkena pakaian kita. Siti Hawa diseksa lantaran membangkang perintah Allah. Dia terpaksa menjalani masa mengandung dan melahirkan anak dengan susah payah, di samping menjadikannya mengeluarkan darah sebulan sekali. Sejak itu Siti Hawa haid, lalu dikatakan kepadanya: "Telah ditetapkan ke atas dirimu dan anak-anak perempuan kamu berhaid." Ia menjadi sebahagian hidup kaum perempuan.

Kadang kala pakaian wanita yang haid terpalit darah haid dan oleh kerananya, syariat Islam memerintahkan supaya bekas darah itu dikorek, lalu dikucak dan dicuci dengan air hingga ketiga-tiga sifatnya hilang.

Analisis Lafaz

"الْحَيْضِ", menurut bahasa adalah mengalir, sedangkan menurut syariat pula ialah darah biasa yang keluar dari rahim dalam waktu-waktu tertentu." Darah tersebut

bersifat semula jadi dan pembawaan.

"تَحُتُّهُ", mengoreknya. Makna yang dimaksudkan di sini ialah untuk menghilangkan 'ain (objek)nya.

"تَقْرُصُهُ", asal *al-qarsh* ialah *al-dalk* yang bermaksud menggosok dengan jari-jemari supaya dengan cara itu semua apa yang telah diserap oleh pakaian keluar. Dengan erti kata lain, mengucaknya dengan air.

"تَنْضَحُهُ", mengucurkannya atau membasuhnya dengan air. Diertikan demikian kerana dalam hadis lain kerap disebut lafaz *al-nadh* dengan erti *al-ghusl* (membasuh).

Fiqh Hadis

1. Hukum darah itu najis.
2. Wajib membasuh tempat yang terkena darah dengan air dan bersungguh-sungguh dalam menghilangkan kesannya dengan cara mengorek dan mengucak serta membasuhnya agar kesannya hilang. Cara menghilangkan semua najis dalam bentuk cecair adalah menggunakan air.
3. Amaran keras daripada melakukan pembaziran ketika membasuh najis. Inilah maknas yang terkandung dalam ungkapan *al-nadh* yang maknanya menggunakan air secara tidak berlebihan dan tidak boleh membazir.
4. Kesan warna darah jika sukar dihilangkan adalah dimaafkan dengan syarat telah bersungguh-sungguh membasuhnya untuk menghilangkan warnanya. Ini berlandaskan kepada dalil yang akan disebut pada hadis berikut ini: "Dan tidak membahayakanmu kesan yang masih ada itu."

Periwayat Hadis

Asma' binti Abu Bakar al-Siddiq adalah seorang wanita yang berhijrah dan tokoh yang disegani. Beliau meriwayatkan sebanyak 56 hadis. Kedua anaknya iaitu 'Abdlullah ibn al-Zubair dan Urwah ibn al-Zubair mengambil riwayat daripadanya. Demikian pula Ibn 'Abbas dan mawla kedua-dua anak Asma' binti Bakar al-Sidiq, iaitu 'Abdullah ibnu Kaisan, serta sekumpulan sahabat yang lain.

Beliau diberi gelaran Dzat al-Nitaqain. Beliau adalah orang kelapan belas yang masuk Islam di Mekah pada tahun 73 Hijriah. Tidak satu pun giginya yang tanggal sepanjang hidupnya dan akalnya tetap stabil (tidak nyanyuk) pada usia tuanya, namun di akhir hidupnya beliau buta. Beliau adalah orang yang meninggal dunia paling akhir dari kalangan Muhajirat.

٢٨- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَتْ خَوْلَةُ: "يَا رَسُولَ اللهِ، فَإِنْ لَمْ يَذْهَبْ الدَّمُ؟ قَالَ: "يَكْفِيكِ الْمَاءُ، وَلاَ يَضُرُّكِ أَثَرُهُ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ، وَسَنَدُهُ ضَعِيفٌ.

28. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "*Khaulah bertanya: 'Wahai Rasulullah, bagaimana kalau warna darahnya masih juga tidak hilang?" Nabi (s.a.w) menjawab: "(Membasuhnya dengan) air sudah memadai bagi kamu dan*

tidak membahayakanmu kesan yang masih ada itu." (Disebut oleh al-Tirmizi, tetapi sanad hadis ini dha'if)

Makna Hadis

Seorang manusia berdiri di hadapan Allah mesti dalam keadaan tubuh badan yang suci. Untuk itu, pakaiannya pun mesti suci. Jika salah satu najis seperti darah terkena pakaiannya, dia wajib menghilangkannya dengan apa jua cara disertai dengan usaha keras untuk membersihkannya. Jika warna najis tersebut sukar untuk dihilangkan dari pakaian, maka itu dimaafkan oleh agama Islam. Dalam kaitan ini, Rasulullah (s.a.w) bersabda:

وَلَنْ يُشَادَّ هَذَا الدِّيْنَ أَحَدٌ إِلاَّ غَلَبَهُ.

"*Tidak seorang pun yang bersikap berlebihan dalam agama ini melainkan agama pasti mengalahkannya.*" Dengan kata lain, seseorang pasti tidak mampu mengamalkan agama ini ekstrim kerana dia sememangnya tidak mampu berbuat demikian. Ini merupakan salah satu bentuk kemudahan hukum Islam.

Analisis Lafaz

"أَثَرُهُ", warnanya.

"وَسَنَدُهُ ضَعِيفٌ", sanad hadis ini dha'if kerana di dalamnya terdapat Ibn Lahai'ah, seorang periwayat yang dha'if.

Fiqh Hadis

1. Tidak wajib menggunakan barang kesat seperti bahan yang digunakan untuk menyamak atau sabun untuk menghilangkan warna najis dan melenyapkan 'ainnya, sebaliknya sudah memadai dengan menggunakan air.
2. Sisa bau najis atau warnanya tidak membuat mudarat apabila sukar dihilangkan.
3. Disunatkan merubah kesan warna darah dengan *shufrah* atau minyak zakfaran untuk menutupi warna aslinya dan mengelakkan diri daripada terus melihatnya seperti mana yang telah dinyatakan dalam hadis yang disebut oleh al-Darimi.

Periwayat Hadis

Khaulah ialah Khaulah bind Yasar (r.a).

Kesimpulan

Hadis-hadis yang telah disebut dalam bab ini memberitahu najisnya benda-benda berikut, iaitu khamar, daging keldai kampung, air mani, air kencing bayi perem-

puan dan bayi lelaki dan darah haid.

Soalan

1. Apa yang dimaksudkan dengan najis itu?
2. Apakah takrif khamar
3. Apakah hukum khamar yang dijadikan cuka mengikut pendapat para ulamak?
4. Apakah hukum khamar apabila menjadi cuka dengan sendirinya?
5. Apakah makna lafaz "رِجْسٌ"?
6. Apakah hukum daging keldai kampung dan keldai liar?
7. Sebutkan masalah-masalah yang telah di*nasakh* secara berulang kali?
8. Apakah hukum air liur haiwan yang boleh dimakan dagingnya?
9. Apa yang dimaksudkan dengan mani?
10. Apakah air mani itu? Jelaskan perbezaan pendapat ulamak tentang suci dan najisnya air mani!
11. Terangkan makna lafaz-lafaz berikut: الفرك, الحك, الجارية, الغلام, تقرصه dan النضح!
12. Apakah perbezaan antara air kencing bayi lelaki dengan bayi perempuan? Jelaskan hikmah perbezaannya!
13. Apakah haid itu, bagaimanakah hukumnya dan dengan cara apakah menghilangkan untuk kesannya?
14. Bagaimanakah hukum sisa warna najis yang masih wujud meskipun setelah berusaha keras untuk menghilangkannya?
15. Apakah diwajibkan menggunakan suatu bahan yang memiliki kemampuan pembersih ekstra untuk menghilangkan warna najis?

BAB WUDUK

٢٩- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَوْلاَ أَنْ أَشُقَّ عَلَى أُمَّتِي لأَمَرْتُهُمْ بِالسِّوَاكِ مَعَ كُلِّ وُضُوءٍ". أَخْرَجَهُ مَالِكٌ وأَحْمَدُ وَالنَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَة وَذَكَرَهُ الْبُخَارِيُّ تَعْلِيْقًا.

29. Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "*Seandainya aku tidak khuatir akan menyusahkan umatku, nescaya aku suruh mereka untuk bersiwak pada setiap kali hendak berwuduk.*" (Disebut oleh Malik, Ahmad dan al-Nasa'i. Hadis ini dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah dan al-Bukhari menyebutnya sebagai hadis mu'allaq)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) tidak senang membebankan tugasan berat yang kepada umatnya kerana khuatir mereka tidak mampu mengerjakan apa yang diperintahkan kepada mereka. Baginda amat menyayangi umatnya dan oleh kerananya, mereka tidak diperintahkan bersiwak pada setiap kali hendak berwuduk, sekalipun bersiwak mengandungi banyak manfaat, seperti menghilangkan bau mulut, membuat bau

mulut menjadi wangi, gusi menjadi kuat dan bermunajat kepada Allah (s.w.t) dalam keadaan yang paling sempurna bagi tujuan memuliakan ibadah dan menghormati malaikat yang berada di hadapannya. Selain itu, dengan bersiwak gigi menjadi bersih dan nampak putih bersinar. Nabi (s.a.w) telah mengukuhkan hukum sunat bersiwak ketika hendak berwuduk, solat, membaca al-Qur'an, ketika bangun dari tidur dan ketika mulut berbau tidak sedap. Keutamaan bersiwak telah disebutkan dalam banyak hadis yang jumlahnya lebih dari seratus hadis. Betapa anehnya, Sunnah yang di dalamnya mengandungi keutamaan besar ini sering kali diabaikan oleh ramai orang hingga oleh orang yang mengaku dirinya terpelajar sekalipun. Mudah-mudahan Allah memberikan taufik kepada seluruh umat manusia untuk melakukan apa yang disukai dan diredhai-Nya.

Analisis Lafaz

"الوضوء", dengan huruf *waw* yang dibaca *dhammah*. Ia berasal dari lafaz *al-wadha'ah* yang bererti baik dan bersih. Diberi nama demikian kerana berwuduk dapat membersihkan orang yang melakukannya dan membuatnya kelihatan bersih serta ceria. *Al-Wudhu'* menurut bahasa adalah membasuh sebahagian anggota wuduk secara mutlak, sedangkan menurut syarak pula ialah membasuh anggota tubuh tertentu dengan cara yang khusus.

"أَشُقَّ", berasal dari lafaz *al-masyaqqah* yang bererti berat. Dikatakan demikian kerana Rasulullah (s.a.w) melihat bahawa amalan bersiwak secara rutin boleh memberatkan umatnya.

"لأَمَرْتُهُمْ", nescaya aku memerintahkan mereka dengan perintah wajib, bukan perintah sunat.

"السِّوَاكِ", menurut bahasa ertinya suatu pekerjaan, sedangkan menurut istilah pula ialah menggunakan kayu siwak untuk membersihkan gigi supaya tidak berbau dan nampak kelihatan putih bersih." Ia sebaiknya dilakukan dengan menggunakan kayu Araak yang sederhana, yakni tidak terlalu kering kerana boleh mengakibatkan gusi luka dan tidak pula terlampau basah kerana kayu Araak yang basah tidak dapat digunakan untuk menghilangkan apa yang hendak dibersihkan.

"تَعْلِيْقًا", hadis mu'allaq yang keterangannya telah disebut sebelum ini dalam bahagian pendahuluan. Perkataan ini diambil daripada asal makna menggantungkan dinding untuk tujuan memutuskan hubungan.

Fiqh Hadis

1. Keutamaan memudahkan dalam perkara agama dan setiap apa yang boleh memberatkan hukumnya makruh.
2. Ungkapan perintah apabila tidak disertai qarinah-qarinah yang mengikatnya menunjukkan makna wajib.
3. Disunatkan bersiwak sebelum berwuduk. Ini merupakan Sunnah Nabi (s.a.w). Atas dasar inilah hadis siwak disebutkan dalam bab berwuduk.
4. Rasulullah (s.a.w) sangat belas kasihan kepada umatnya.

٣٠- وَعَنْ حُمْرَانَ أَنَّ عُثْمَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ دَعَا بِوَضُوءٍ، فَغَسَلَ كَفَّيْهِ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ، ثُمَّ تَمَضْمَضَ، وَاسْتَنْشَقَ، وَاسْتَنْثَرَ، ثُمَّ غَسَلَ وَجْهَهُ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ، ثُمَّ غَسَلَ يَدَهُ الْيُمْنَى إِلَى الْمِرْفَقِ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ، ثُمَّ الْيُسْرَى مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ مَسَحَ بِرَأْسِهِ، ثُمَّ غَسَلَ رِجْلَهُ الْيُمْنَى إِلَى الْكَعْبَيْنِ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ، ثُمَّ الْيُسْرَى مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ قَالَ: "رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَوَضَّأَ نَحْوَ وُضُوئِي هَذَا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

30. Daripada Humran bahawa Khalifah ‘Utsman meminta air untuk berwuduk, lalu beliau membasuh kedua telapak tangannya sebanyak tiga kali, kemudian berkumur dan melakukan *istinsyaq* serta *istintsar*. Setelah itu beliau membasuh mukanya sebanyak tiga kali, lalu membasuh tangan kanan beserta sikunya sebanyak tiga kali dan melakukan hal yang serupa terhadap tangan kirinya. Kemudian mengusap kepalanya, lalu membasuh kaki kanannya berikut kedua buku lalinya sebanyak tiga kali dan melakukan hal yang serupa terhadap kaki kirinya. Setelah itu beliau berkata: “Aku pernah melihat Rasulullah (s.a.w) melakukan wuduk seperti wudukku sekarang ini.” (Muttafaq ‘alaih)

٣١- وَعَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ-فِي صِفَةِ وُضُوءِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- قَالَ: "وَمَسَحَ بِرَأْسِهِ وَاحِدَةً". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ.

31. Ali (r.a) mengatakan sehubungan dengan gambaran tentang wuduk Nabi (s.a.w): “Dan baginda mengusap kepalanya satu kali.” (Disebut oleh Abu Dawud)

Makna Hadis

Pengajaran secara praktikal faedahnya dapat dirasakan secara langsung dan kaedah ini mudah diterima dan diingati. Ini diperkuatkan lagi dengan teori yang disebutkan dalam buku-buku pendidikan, bahawa pakar pendidikan menganjurkan untuk melakukan sistem pengajaran seperti ini. Hadis ini menjelaskan kepada kita tentang wuduk yang pernah diperagakan oleh Khalifah ‘Utsmam di hadapan orang ramai, agar orang yang belum faham dapat menyaksikan dan mengingatinya dengan cepat. Hadis yang diceritakan oleh ‘Ali (r.a) di dalamnya terdapat tambahan keterangan yang tidak disebutkan dalam hadis Khalifah ‘Utsman, iaitu mengusap kepala satu kali, padahal anggota lainnya sebanyak tiga kali.

Analisis Lafaz

‘Utsman ibn ‘Affan ibn Abu al-‘Ash al-Umawi adalah Dzul al-Nurain, Amirul Mu’minin dan orang yang membiayai perlengkapan serta bekalan ketenteraan kepada Jaisy al-‘Usrah. Beliau merupakan salah seorang di antara sepuluh orang sahabat[4] yang mendapat khabar gembira masuk syurga dan salah seorang di antara

[4] Sepuluh orang tersebut ialah Abu Bakar, ‘Umar, ‘Utsman, ‘Ali, al-Zubair ibn al-‘Awwam, Abu ‘Ubaidah, Amir ibn al-Jarrah, Sa’d ibn Abu Waqqash, Sa’id ibn Zaid, ‘Abdurrahman ibn ‘Auf dan Talhah bin ‘Ubaidillah. Maksudnya adalah mereka ini mendapat khabar gembira masuk syurga

enam orang sahabat[5] yang diredhai. Beliau sentiasa menghidupkan seluruh malam harinya dengan solat dan meriwayatkan sebanyak 146 hadis. Beliau meninggal dunia kerana dibunuh pada tahun 35 Hijriah dalam usia 82 tahun.

"بِوَضُوءٍ", dengan waw yang difathahkan, ertinya air yang digunakan untuk berwuduk.

"كَفَّيْهِ", bentuk *tatsniyah* lafaz *kaffun*, ertinya telapak tangan yang fungsinya sebagai penopang tubuh. Disyariatkan membasuh telapak tangan tiga kali sebelum melakukan wuduk untuk memastikan tidak ada kotoran yang biasanya melekat pada telapak tangan sekaligus untuk mengenal pasti warna air.

"تَمَضْمَضَ", berasal dari *madhmadhah*, ertinya mengumur air dalam mulut, kemudian mengeluarkannya semula. Pekerjaan ini didahulukan ke atas *istinsyaq* memandangkan ia lebih penting sekaligus untuk mengenal pasti rasa air.

"اسْتَنْشَقَ", berasal dari *istinsyaq*, ertinya memasukkan air ke lubang hidung, kemudian menyedotnya dengan nafas sampai ke bahagian paling dalam dari lubang hidung. Ini disyariatkan untuk membersihkan rongga hidung daripada kotoran sekaligus untuk mengenal pasti bau air.

"اسْتَنْثَرَ", berasal dari *istintsar*, ertinya mengeluarkan air dari lubang hidung sesudah *istinsyaq*.

"غَسَلَ وَجْهَهُ", *al-ghaslu* ertinya mengalirkan air pada anggota tuhuh atau membasuh. Membasuh wajah disunatkan dimulai dari bahagian atas wajah dan hendaklah air diambil dengan kedua telapak tangan supaya basuhan tersebut merata. *Al-Wajhu* berasal dari kata *muwajahah*. Definisinya secara memanjang dimulai daripada tumbuhnya rambut kepala hingga batas terakhir sedangkan secara melebar ialah di antara kedua daun telinga.

"إِلَى الْمِرْفَقِ", *ila* menurut pengertian asal menunjukkan makna *intiha'*, tetapi digunakan pula untuk makna *ma'a* seperti mana yang terdapat dalam hadis ini. Inilah pendapat jumhur ulama. *Al-mirfaq* ialah tulang yang menonjol pada batas terakhir lengan. Dinamakan demikian kerana anggota ini digunakan untuk menyandarkan tubuh di kala bersandar dan juga untuk kegunaan yang lain.

"ثُمَّ الْيُسْرَى مِثْلَ ذَلِكَ", kemudian 'Utsman melakukan hal yang serupa terhadap tangan kirinya, yakni membasuh siku sebanyak tiga kali.

"ثُمَّ مَسَحَ بِرَأْسِهِ", lafaz *masaha* dapat menjadi *muta'addi* dengan sendirinya dan juga menjadi *muta'addi* dengan *ba'* (huruf *jarr*) yang menunjukkan makna *ta'diyah* yang boleh dibuang dan boleh pula disebutkan.

"إِلَى الْكَعْبَيْنِ", bersama dengan kedua buku lalinya. Lafaz *al-ka'baini* adalah bentuk *tatsniyah* dari lafaz *ka'bun*, ertinya tulang yang menonjol dari kedua sisi pada pergelangan antara betis dengan telapak kaki. Ia disebut buku lali atau mata kaki.

"نَحْوَ وُضُوئِي هَذَا", seperti wuduk yang kuperagakan ini. Di dalam riwayat Abu

---

dalam majlis yang sama, kerana sahabat yang mendapat khabar gembira masuk syurga banyak jumlahnya.

[5] Mereka adalah 'Utsman ibn 'Affan, 'Ali ibn Abu Thalib, 'Abdurrahman ibn Auf, al-Zubair ibn al-'Awwam, Talhah ibn 'Ubaidillah, dan Sa'd ibn Abu Waqqash.

Dawud dalam kitab al-Sunan disebutkan: “Berwuduklah seperti wudukku ini!”

“مُتَّفَقٌ عَلَيْه”, al-Bukhari dan Muslim. Sambungan hadis ini ialah lalu Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ تَوَضَّأَ نَحْوَ وُضُوْئِيْ هَذَا ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ لاَ يُحَدِّثُ فِيْهِمَا نَفْسَهُ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ وَمَا تَأَخَّرَ.

“*Barang siapa yang berwuduk seperti wudukku ini, kemudian dia mengerjakan solat dua rakaat tanpa berbisik-bisik kepada dirinya sendiri ketika mengerjakan solat dua rakaat itu, maka diampuni baginya dosa-dosa telah berlalu dan juga dosa-dosa yang kemudian.*”

Apa yang dimaksudkan dengan makna “لاَ يُحَدِّثُ فِيْهِمَا نَفْسَهُ” ialah seseorang itu tidak berbisik-bisk kepada dirinya sendiri mengenai urusan duniawi dan perkara-perkara yang tidak ada kaitannya dengan solat.

Fiqh Hadis

1. Telah disepakati bahawa boleh meminta tolong mendatangkan air dan hukum perbuatan ini tidak makruh. Lain halnya dengan meminta tolong untuk membasuh anggota tubuh, maka itu dimakruhkan, kecuali kerana terdapat alasan yang dibenarkan syariat Islam.
2. Disunatkan membasuh kedua telapak tangan sebelum memasukkannya ke dalam bekas untuk mengambil air.
3. Disunatkan membasuh beberapa anggota wuduk sebanyak tiga kali. Menurut pendapat jumhur ulama, tiga kali basuhan ini hukumnya sunat, bukan wajib, kerana terdapat hadis sahih yang menegaskan bahawa Rasulullah (s.a.w) melakukan (basuhan) wuduk sebanyak satu sekali basuhan.
4. Kedua-dua siku hendaklah dibasuh bersamaan dengan kedua tangan. Begitu pula kedua-dua mata kaki hendaklah dibasuh bersamaan dengan kedua telapak kaki, kerana *ila* bermakna *ma'a*. Pemahaman seperti ini berlandaskan kepada perbuatan Rasulullah (s.a.w).
5. Mendahulukan yang sebelah kanan ke atas sebelah kiri.
6. Wajib mengusap kepala secara mutlak, namun adakah sudah memadai menyapu sebahagian kepala atau mesti menyapunya secara keseluruhan? Ulama berselisih pendapat dalam masalah ini. Imam Malik dan Imam Ahmad dalam suatu riwayat mengatakan bahawa wajib meratakan usapan ke seluruh kepala. Pendapat ini disokong oleh sekumpulan mazhab al-Syafi'i. Tetapi kebanyakan ulama berpendapat cukup hanya mengusap sebahagian kepala dan di antara mereka yang berpendapat demikian ialah Imam al-Syafi'i. Mereka yang berpendapat wajib mengusap seluruh kepala mentafsirkan huruf *ba'* dalam firman-Nya “بِرُؤُوسِكُمْ” adalah *shilah* (penghubung). Sedangkan yang berpendapat sudah memadai mengusap sebahagian kepala mengatakan bahawa huruf *ba'* tersebut bermakna *tab'idhiyah* (sebahagian). Jadi ayat ini masih bersifat umum dan perlukan penjelasan. Ia kemudian dijelaskan oleh Sunnah bahawa mengusap sebahagian kepala sudah memadai. Apa yang dimaksudkan

dengan “sebahagian” di sini menurut Imam Abu Hanifah ialah seperempat dari kepala, sedangkan menurut Imam al-Syafi’i batasan minimum “sebahagian” itu selagi perbuatan itu sudah dapat dikatakan mengusap sekalipun yang diusapnya hanya sehelai rambut kepala.

7. Disyariatkan *tartib* (berurutan) dalam berwuduk. Imam al-Syafi’i mewajibkan *tartib* ini dan begitu pula Imam Ahmad. Lain halnya dengan Imam Maliki dan Imam Abu Hanifah, di mana keduanya mengatakan bahawa *tartib* adalah sunat.
8. Mengajar dengan cara praktik atau peragaan mampu memberi kesan dan pengaruh yang lebih mendalam berbanding mengajar dengan cara teori.
9. Disyariatkan mengusap kepala satu kali.

Periwayat Hadis

Humran ibn Abban mawla Khalifah ‘Utsman ibn ‘Affan, pemberian panglima perang Khalid ibn al-Walid dari tawanan perang ‘Ain al-Tamar. Ibn Sa’ad berkata: “Humran banyak meriwayatkan hadis. Wa’il, ‘Urwah, ‘Atha’ al-Laitsi dan Yazid ibn Aslam mengambil riwayat daripadanya.” Beliau meninggal dunia sesudah tahun 75 Hijriah.

‘Ali ibn Abu Thalib al-Hasyimi adalah orang yang mula-mula masuk Islam dari kalangan kanak-kanak. Beliau adalah anak bapa saudara Rasulullah (s.a.w) dan saudara sepupunya. Beliau berkahwin dengan Fatimah, kemudian mempunyai dua orang anak; al-Hasan dan al-Husain. Ibunya bernama Fatimah binti Asad. Beliau diberi gelaran “Abu Turab” oleh Nabi (s.a.w) dan menyertai setiap peperangan kecuali perang Tabuk kerana pada waktu itu beliau ditugaskan menjadi pengganti Rasulullah (s.a.w) di Madinah. Ali mati syahid di Kufah pada bulan Ramadhan tahun 40 Hijriah dalam usia 63 tahun.

٣٢- وَعَنْ عُبَيْدِ اللهِ بْنِ زَيْدِ بْنِ عَاصِمٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ -فِي صِفَةِ الْوُضُوءِ- قَالَ: "وَمَسَحَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِرَأْسِهِ، فَأَقْبَلَ بِيَدَيْهِ وَأَدْبَرَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي لَفْظٍ لَهُمَا: "بَدَأَ بِمُقَدَّمِ رَأْسِهِ، حَتَّى ذَهَبَ بِهِمَا إِلَى قَفَاهُ، ثُمَّ رَدَّهُمَا إِلَى الْمَكَانِ الَّذِي بَدَأَ مِنْهُ.

32. Daripada ‘Ubaidillah ibn Zaid ibn ‘Ashim (r.a) mengenai gambaran berwuduk, beliau berkata: “*Rasulullah (s.a.w) mengusap kepalanya dengan melewatkan kedua telapak tangannya ke hadapan dan melewatkannya pula ke belakang (kepala).*” (Muttafaq ‘alaih)

Menurut lafaz lain oleh al-Bukhari dan Muslim disebutkan: “*Beliau memulakan usapannya pada bahagian permulaan kepalanya, lalu melewatkan kedua telapak tangannya ke tengkuknya, kemudian mengembalikan keduanya ke tempat semula.*”

Makna Hadis

Hadis ini mengandungi dua cara mengusap kepala. Pertama, dimulai dari bahagian belakang kepala menuju ke bahagian depan, lalu memutarnya semula ke belakang. Kedua, dimulai dari bahagian hadapan menuju ke bahagian belakang kepala, lalu kembali semula dari belakang ke hadapan.

Analisis Lafaz

"وَفِي لَفْظٍ لَهُمَا", dan menurut lafaz lain oleh yang dikemukakan oleh keduanya; al-Bukhari dan Muslim.

Fiqh Hadis

Sehubungan dengan masalah mengusap kepala, ulama di dalamnya mempunyai tiga pendapat:

1. Menurut makna zahir hadis hendaklah seseorang memulakannya dari bahagian hadapan kepala yang bersebelahan dengan batas wajah, lalu mengusapnya hingga ke tengkuk. Setelah itu usapan dikembalikan lagi ke tempat asal di mana dia memulakan usapan, iaitu hingga ke batas permulaan tumbuhnya rambut kepala yang berhampiran dengan batas wajah.
2. Hendaklah seseorang memulakan dari bahagian belakang kepala, lalu dilanjutkan ke arah bahagian hadapan. Setelah itu dikembalikan semula ke arah belakang kepala. Pemahaman ini berlandaskan kepada makna zahir lafaz yang menyebutkan "أَقْبَلَ وَأَدْبَرَ". Pengertian *al-iqbal* ialah melakukan usapan ke arah hadapan kepala, sedangkan *al-idbar* ialah melakukan usapan ke arah belakang kepala. Gambaran seperti ini telah disebutkan pula dalam riwayat yang lain: "Baginda memulakan dari bahagian belakang kepalanya."
3. Hendaklah seseorang memulakan usapan dari ubun-ubun, lalu menuju ke bahagian hadapan kepala. Setelah itu diteruskan ke bahagian belakang kepala dan kembali semula ke arah semula di mana dia memulakan usapan (iaitu ubun-ubun). Ulama yang mengatakan demikian bertujuan memelihara pengertian yang terkandung di dalam kalimat: "Baginda memulakan dari bahagian hadapan kepalanya." Pendapat ketiga ini selari dengan pemahaman lafaz "أَقْبَلَ", yang ertinya memulakan usapannya dari belakang ke depan bahagian kepala.

Tujuan ketiga-tiga pendapat ini ialah meratakan kepala dengan usapan dan ia termasuklah perbuatan di mana seseorang dibolehkan memilih salah satu di antara ketiga-tiga pendapat tersebut.

Periwayat Hadis

'Ubaidillah ibn Zaid Aslam al-Anshari al-Mazini al-Najjari al-Madani adalah seorang sahabat yang disegani dan beliaulah yang membunuh Musailamah al-Kazzab dan dibantu oleh Wahsyi. Beliau meriwayatkan sebanyak 48 hadis dan antara ulama yang meriwayatkan hadis daripadanya adalah 'Ubadah ibn Habib,

Ibn al-Musayyab, dan Wasi' Ibnu Hibban. Al-Waqidi mengatakan bahawa 'Ubaidillah mati syahid dalam perang al-Harrah pada tahun 63 Hijriah.

٣٣- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا -فِي صِفَةِ الْوُضُوءِ- قَالَ: "ثُمَّ مَسَحَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِرَأْسِهِ، وَأَدْخَلَ إِصْبَعَيْهِ السَّبَّاحَتَيْنِ فِي أُذُنَيْهِ، وَمَسَحَ بِإِبْهَامَيْهِ ظَاهِرَ أُذُنَيْهِ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

33. Daripada 'Abdullah ibn 'Amr (r.a) mengenai gambaran berwuduk, beliau berkata: "*Kemudian baginda mengusap kepalanya dan memasukkan (masing-masing dari) kedua jari telunjuknya ke dalam kedua telinganya, dan mengusapkan (masing-masing dari dua) ibu jarinya ke bahagian luar daun telinganya.*" (Disebut oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i serta dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah).

Makna Hadis

Hadis ini menjelaskan gambaran berwuduk sekali gus menerangkan perkara-perkara yang tidak disebutkan di dalam hadis yang sebelumnya, iaitu penjelasan mengenai cara mengusap kedua telinga. Caranya ialah mengusap bahagian luaran dan bahagian dalaman kedua daun telinga dengan air yang bukan daripada air bekas mengusap kepala, seperti mana yang dijelaskan dalam hadis al-Baihaqi.

Analisis Lafaz

"السَّبَّاحَتَيْنِ", bentuk *tatsniyah* dari lafaz *al-sabbabah*, ertinya jari yang bersebelahan dengan ibu jari, yakni jari telunjuk. Dinamakan *al-sabbahah* kerana jari ini biasa digunakan untuk memegang tasbih ketika bertasbih. Apa yang dimaksudkan di sini ialah jari telunjuk sebelah kanan. Penggunaan *tatsniyah* di sini termasuk ke dalam bab *taghlib*, yakni mengutamakan yang kanan, dan makruh bertasbih dengan jari telunjuk sebelah kiri.

"بِإِبْهَامَيْهِ", *al-ibham* adalah nama jari tangan yang paling besar, ibu jari.

Fiqh Hadis

Hadis ini menceritakan gambaran berwuduk disertai dengan tambahan cara mengusap kedua daun telinga bahagian luaran dan bahagian dalamannya. Jumhur ulama mengatakan bahawa mengusap kedua-dua daun telinga hukumnya sunat. Imam Ahmad berkata: "Kedua-dua daun telinga termasuk bahagian dari kepala dan oleh kerananya, kedua-duanya diusap bersamaan dengan pengusapan kepala, dan hukumnya wajib kerana berlandaskan kepada sabda Nabi (s.a.w):

اْلأُذُنَانِ مِنَ الرَّأْسِ.

"*Kedua-dua daun telinga termasuk bahagian dari kepala.*" Hadis ini disebut oleh Ibn Majah.

Periwayat Hadis

‘Abdullah ibn ‘Amr ibn al-‘Ash al-Sahmi al-Qurasyi masuk Islam sebelum ayahnya. Beliau adalah seorang yang alim, hafiz, ahli ibadah, seorang yang bersifat zuhud dan tidak mahu melibatkan diri dalam fitnah, iaitu tidak mahu terlibat dalam perbalahan yang terjadi di antara kaum muslimin setelah ‘Utsman bin ‘Affan mati dibunuh. Beliau meriwayatkan 700 hadis. Antara ulama yang meriwayatkan hadis daripadanya ialah cucunya sendiri yang bernama Syu’aib ibn Muhammad, Sa’id ibn al-Musayyab dan ramai lagi. Ulama berbeza pendapat mengenai tarikh beliau meninggal dunia. Apapun, pendapat paling kuat ialah pendapat Ibn Hibban bahawa ‘Abdullah bin ‘Amr bin al-‘Ash meninggal dunia pada tahun 63 Hijriah ketika berusia 72 tahun.

٣٤- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا اسْتَيْقَظَ أَحَدُكُمْ مِنْ مَنَامِهِ فَلْيَسْتَنْثِرْ ثَلاَثًا، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ يَبِيتُ عَلَى خَيْشُومِهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

34. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: “*Jika seseorang di antara kamu bangun dari tidurnya, maka hendaklah dia beristintsar sebanyak tiga kali, kerana sesungguhnya syaitan menginap di dalam lubang hidungnya.*” (Muttafaq ‘alaih)

Makna Hadis

Syaitan mengalir di dalam tubuh manusia melalui peredaran darah. Ia menguasai jiwa pada waktu berjaga mahupun pada waktu tidur. Syaitan duduk di bahagian atas lubang hidung, kerana lubang hidung merupakan jalan yang tembus ke hati dan tidak mempunyai penutup seperti yang ada pada kedua-dua telinga. Oleh itu, hidung merupakan tempat duduk syaitan, sedangkan kedua-dua telinga merupakan tempat kencing syaitan seperti yang telah dijelaskan dalam hadis yang lain. Hidung pun merupakan tempat cecair dan kotoran berhimpun dan oleh kerananya, amalan *istintsar* ini sangat tepat untuk dilakukan. Cara menghalau syaitan dalam keadaan hina dan rendah supaya tidak duduk di dalamnya ialah dengan cara ber-*istintsar*.

Analisis Lafaz

“مَنَامِهِ”, *masdar mimi* dan memiliki makna yang sama dengan *al-naum*, yakni tidur.

“فَلْيَسْتَنْثِرْ”, *al-istintsar* ialah mengeluarkan air dari hidung sesudah terlebih dahulu memasukkannya ke dalamnya.

“خَيْشُومِهِ”, bahagian atas lubang hidung.

Fiqh Hadis

Disunatkan melakukan *istintsar* ketika bangun dari tidur. Maksud tidur dalam

hadis ini ialah tidur pada waktu malam hari kerana disimpulkan dari lafaz setelahnya mengatakan "يَبِيتُ" (menginap).

Menurut jumhur ulama, ber-*istintsar* sesudah bangun tidur adalah sunat kerana berlandaskan kepada sabda Nabi (s.a.w) kepada seorang Arab badwi: "Berwuduklah seperti mana yang telah diperintahkan oleh Allah kepadamu!" Perintah dalam hadis ini menunjukkan sunat. Tetapi Imam Ahmad dan sekumpulan ulama yang lain mengatakan wajib ber-*istintsar* kerana berlandaskan kepada makna zahir perintah dalam hadis itu.

٣٥- وَعَنْهُ؛ "إِذَا اسْتَيْقَظَ أَحَدُكُمْ مِنْ نَوْمِهِ فَلاَ يَغْمِسُ يَدَهُ فِي الْإِنَاءِ حَتَّى يَغْسِلَهَا ثَلاَثًا فَإِنَّهُ لاَ يَدْرِي أَيْنَ بَاتَتْ يَدَهُ." مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَهَذَا لَفْظُ مُسْلِمٌ.

35. Daripadanya (Abu Hurairah), Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu bangun tidur, maka janganlah dia mencelupkan tangannya ke dalam bekas sebelum membasuhnya terlebih dahulu sebanyak tiga kali, kerana sesungguhnya dia tidak mengetahui (menyedari) ke mana sahaja tangannya ketika tidur pada waktu malam itu.*" (Muttafaq 'alaihi. Lafaz hadis ini berdasarkan riwayat Muslim)

Makna Hadis

Jika seseorang tidur, dia tentu tidak mengetahui keadaan dirinya; barangkali auratnya terbuka ketika tidur, lalu tangannya memegangnya. Syariat Islam menyuruh kita supaya membasuh kedua-dua tangan sebanyak tiga kali sebaik bangun dari tidur sebelum memasukkan tangan tersebut ke dalam bejana, lebih-lebih lagi tidur pada waktu malam hari.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Abu Hurairah (r.a), yakni periwayatnya sama dengan hadis sebelumnya.

"فَلاَ يَغْمِسُ", maka janganlah dia memasukkan tangannya. Larangan ini menunjukkan hukum makruh.

"لاَ يَدْرِي أَيْنَ بَاتَتْ يَدَهُ" Laa yadrii aina baatat yaduhu, dia tidak mengetahui barangkali tangannya memegang auratnya. Mereka biasa membuang air besar pada waktu malam hari, sedangkan pada waktu siang hari cuaca negeri mereka teramat panas. Barangkali pula tangannya berubah bau disebabkan berpeluh sehingga air menjadi berubah apabila dia tidak membasuhnya terlebih dahulu sebelum memasukkannya ke dalam bekas.

Fiqh Hadis

1. Jika najis masuk ke dalam air yang sedikit, maka air tersebut menjadi najis.
2. Wujudnya perbezaan antara masuknya air ke dalam najis dan masuknya najis

ke dalam air, kerana Rasulullah (s.a.w) melarang dari memasukkan tangan orang yang baru bangun dari tidurnya ke dalam air, sebaliknya baginda menyuruh supaya mengalirkan air ke tangannya. Dengan erti kata lain, membasuhnya sebelum memasukkan tangan ke dalam bekas yang berisi air.

3. Disunatkan membasuh kedua tangan sebanyak tiga kali menurut pendapat jumhur ulama. Tetapi Imam Ahmad mengatakan wajib membasuh keduanya sebanyak tiga kali ketika bangun dari tidur. Beliau menyatakan wajib bagi orang yang tidur pada waktu malam hari kerana berlandaskan makna yang tersirat pada lafaz "بَاتَتْ". Larangan ini menurut pendapat Imam Ahmad menunjukkan makna haram dan secara khusus bagi yang baru bangun dari tidur malam hari. Sedangkan menurut jumhur ulama, larangan ini hanya menunjukkan makna makruh, kerana 'illatnya ialah adanya kemungkinan terkena najis, sedangkan kemungkinan itu tidak dapat memberikan kepastian haram.
4. Sentiasa bersikap berhati-hati dan menggunakan kata-kata kiasan terhadap perkara yang dianggap malu apabila disebutkan secara terus terang. Di sini Rasulullah (s.a.w) tidak mengatakan: "Barangkali tangannya telah menyentuh dubur atau lain-lain yang seumpamanya."
5. Disunatkan berpegang teguh dengan etika dalam mentafsirkan al-Qur'an dan hadis serta mengelakkan diri daripada perkara-perkara yang bertentangan dengan etika, seperti bercakap kotor, tidak melaksanakan perintah agama dan memperolok dalam memahami kalimat "أَيْنَ بَاتَتْ يَدَهُ".

٣٦- وَعَنْ لَقِيطِ بْنُ صَبْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَسْبِغِ الْوُضُوءَ، وَخَلِّلْ بَيْنَ ٱلْأَصَابِعِ، وَبَالِغْ فِي ٱلإِسْتِنْشَاقِ، إِلاَّ أَنْ تَكُونَ صَائِمًا". أَخْرَجَهُ ٱلْأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

وَلأَبِي دَاوُدَ فِي رِوَايَةٍ: "إِذَا تَوَضَّأْتَ فَمَضْمِضْ".

36. Daripada Laqith ibn Shabirah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Sempurnakan wuduk, menyelahi di antara jari jemari, dan lakukan istinsyahaq dengan kuat, kecuali jika kamu sedang berpuasa.*" (Disebut oleh al-Arba'ah, dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah)

Menurut salah satu riwayat oleh Abu Dawud: "*Apabila kamu berwuduk, maka berkumurlah.*"

Makna Hadis

Syariat Islam memerintahkan kita ketika berwuduk supaya melakukannya dengan betul dan sempurna dan memastikan anggota wuduk yang tidak dapat kelihatan secara zahir terbasuh seperti celah-celah yang ada di antara jari-jemari. Ia mesti diambil berat dan dipastikan yang air masuk ke dalamnya sekali gus membersihkannya. Demikian pula diperintahkan agar dalam ber-*istinsyaq* kita melakukannya dengan kuat dengan memasukkan air ke dalam lubang hidung. Semua itu dilakukan demi menyempurnakan wuduk.

Analisis Lafaz

"أَسْبِغِ الْوُضُوءَ", sempurnakanlah fardu-fardu dan sunat-sunatnya. *Al-Isbagh* menurut bahasa ertinya menyempurnakan.

"خَلِّلْ", *al-Takhlil* ialah mencelah-celahi, yakni memasukkan air ke sela sela jari-jemari dan membersihkannya.

"بَالِغْ", *al-mubalaghah* dalam ber-*istinsyaq* ialah memasukkan air ke dalam lubang hidung dengan kuat, tetapi air tidak sampai masuk ke dalam bahagian otak. Jika sampai masuk ke daam bahagian otak, maka hukumnya makruh.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan menyempurnakan wuduk dengan meratakan air ke seluruh anggota tubuh yang wajib dibasuh dan diusap.
2. Dianjurkan mencela-celahi jari-jemari agar air sampai ke bahagian dalam celah-celahnya.
3. Dianjurkan ber-*mubalaghah* dalam ber-*istinsyaq* kecuali bagi orang yang sedang berpuasa agar air dikhuatiri masuk ke dalam tenggorok dan boleh membatalkan puasa.
4. Dianjurkan berkumur-kumur ketika berwuduk. Jumhur ulama berpendapat, hukumnya sunat, sedangkan menurut sekumpulan ulama yang lain, wajib dan inilah pendapat yang masyhur dari Imam Ahmad. Menurut Imam Abu Hanifah, wajib berkumur-kumur dan *istinsyaq* hanya ketika mandi bukan ketika berwuduk.

Periwayat Hadis

Laqith ibn 'Amir ibn Shabirah adalah seorang sahabat yang masyhur yang berasal dari al-Tha'if. Beliau meriwayatkan sejumlah 24 hadis. Anaknya yang bernama 'Ashim dan anak saudaranya yang bernama Waqi' ibn Adas mengambil riwayat daripadanya.

٣٧- عَنْ عُثْمَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُخَلِّلُ لِحْيَتَهُ فِي الْوُضُوءِ. أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

37. Daripada 'Utsman ibn 'Affan (r.a), beliau berkata: "*Sesungguhnya Nabi (s.a.w) sentiasa mencelah-celahi janggutnya ketika berwuduk.*" (Disebut oleh al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) adalah seorang yang berjanggut lebat dan baginda sentiasa mencelah-celahinya ketika berwuduk dan mandi supaya air sampai kepada kulit di

sebalik janggutnya itu. Nabi (s.a.w) melakukan demikian bagi menyempurnakan wuduk di samping sebagai satu ketetapan syariat bagi umatnya agar mereka mengikuti jejaknya dan menempuh jalan yang lurus. Semoga Allah memberikan manfaat kepada kita melalui Sunnahnya dan menjadikan kita termasuk orang yang mahu mendengar perkataan dan mengikuti yang paling baik di antaranya.

Analisis Lafaz

"يُخَلِّلُ لِحْيَتَهُ", memasukkan air dengan jari-jemarinya di antara lebatnya bulu janggut.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan mencelah-celah janggut dengan memasukkan air melalui jari-jemari di antara bulu janggut. Ini dilakukan jika seseorang berjanggut lebat hingga kulitnya pun tidak nampak kelihatan.
2. Diwajibkan mencela-celah janggut jika janggut seseorang itu nipis, sebab menyampaikan air ke kulit yang ada pada bahagian bawah janggutnya itu wajib.

٣٨- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَى بِثُلُثَيْ مُدٍّ، فَجَعَلَ يَدْلُكُ ذِرَاعَيْهِ. أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

38. Daripada 'Abdullah ibn Zaid (r.a), beliau berkata: "*Didatangkan kepada Nabi (s.a.w) dua pertiga mudd air lalu baginda menggosok kedua lengannya.*" (Disebut oleh Imam Ahmad dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Berlebihan dalam menggunakan air sama dengan membazirkan harta dan perbuatan Rasulullah (s.a.w) adalah syariat bagi umatnya. Baginda pernah berwuduk dengan menggunakan air yang sedikit di mana isinya satu pertiga rithl. Air itu baginda gosokkan dengan tangannya ke seluruh anggota wuduk dan setiap tempat yang tersembunyi agar semuanya terkena air. Ukuran tersebut bukanlah batasan minimum, sebaliknya ia hanya berlandaskan perkiraan apabila dikaitkan dengan orang yang besar badannya sama dengan badan Nabi (s.a.w). Oleh itu, kadar atau jumlah air yang digunakan berbeza antara seorang dengan orang lain mengikut keadaan mereka masing-masing.

Analisis Lafaz

"بِثُلُثَيْ مُدٍّ", mudd adalah nama takaran yang telah dikenali, iaitu sama dengan satu perempat sha' dan sepadan dengan dua rithl menurut pendapat mazhab Hanafi. Jadi, dua pertiga mudd adalah satu rithl, iaitu sama dengan takaran penuh telapak tangan manusia yang bersaiz sederhana. Oleh itu, ia diberi nama mudd, sebab

orang yang berkenaan mengembangkan kedua telapak tangannya.

Lafaz "ثُلُثَيْ" adalah bentuk *mutsanna* dari lafaz *tsulutsun*, ertinya dua pertiga. Ia di-*jarr*-kan oleh huruf *ba'* dan alamat *jarr*-nya ialah menggunakan huruf *ya'*, kerana ia termasuk *isim mutsanna*, sedangkan lafaz "مُدٍّ" berkedudukan sebagai *mudhaf ilaih*.

Imam Malik, Imam Ahmad dan Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa satu mudd sama dengan satu pertiga rithl Iraq. Dengan demikian, dua pertiga mudd sama dengan lapan persembilan rithl Iraq.

"ذِرَاعَيْهِ", bentuk *tatsniyah* dan lafaz *dzira'un*, ertinya kedua lengannya. Setiap nama anggota tubuh manusia yang sepasang biasanya ditulis dalam bentuk *mu'annats*, sedangkan anggota tubuh yang tunggal dalam bentuk *mudzakkar*.

Fiqh Hadis

1. Tidak boleh berlebihan dalam menggunakan air ketika berwuduk.
2. Disyariatkan menggosok anggota tubuh ketika berwuduk. Menurut jumhur ulama, hukumnya sunat. Menurut mazhab Maliki, hukumnya fardu kerana mereka berpendapat bahawa menggosok termasuk ke dalam pengertian *al-ghusl* (membasuh) dalam istilah bahasa.

Periwayat Hadis

'Abdullah ibn Zaid ibn 'Abdu Rabbih ibn Zaid ibn al-Harits al-Anshari al-Khazraji, nama panggilannya adalah Abu Muhammad. Beliau turut serta dalam Perjanjian al-'Aqabah, Perang Badar dan peperangan sesudahnya. Beliau hanya mempunyai satu hadis yang di dalamnya menegaskan bahawa beliaulah orang yang bermimpi kalimat adzan. Ibn al-Musayyab dan lain-lain mengambil riwayat daripadanya. Beliau meninggal dunia di Madinah pada tahun 32 Hijriah, dan Khalifah 'Utsman turut menyembahyangkan jenazahnya.

٣٩- وَعَنْهُ أَنَّهُ رَأَى النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْخُذُ لِأُذُنَيْهِ مَاءً خِلاَفَ الْمَاءِ الَّذِي أَخَذَ لِرَأْسِهِ. أَخْرَجَهُ الْبَيْهَقِيُّ.

وَهُوَ عِنْدَ مُسْلِمٍ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ بِلَفْظٍ: وَمَسَحَ بِرَأْسِهِ بِمَاءٍ غَيْرَ فَضْلِ يَدَيْهِ. وَهُوَ الْمَحْفُوظُ.

39. Daripadanya ('Abdullah ibn Zaid) bahawa beliau pernah melihat Nabi (s.a.w) mengambil air untuk mengusap kedua telinganya selain daripada air yang telah baginda gunakan untuk mengusap kepalanya." (Disebut oleh al-Baihaqi)

Menurut riwayat Muslim dengan lafaz: "Dan baginda mengusap kepalanya dengan air yang bukan daripada lebihan (bekas membasuh) kedua tangannya." (Hadis ini mahfuzh)

Makna Hadis

Imam al-Syafi'i *rahimahullah* telah menjadikan hadis ini sebagai dalil bahawa kedua-dua telinga tidak termasuk bahagian dari kepala. Seandainya kedua telinga itu termasuk bahagian dari kepala, tentu Rasulullah (s.a.w) tidak mengambil air yang baru untuk mengusap keduanya. Mengusap kedua-dua telinga dengan menggunakan sisa air mengusap kepala yang telah ditetapkan oleh hadis yang lain menjelaskan bahawa perbuatan sedemikian dibolehkan.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", bersumber daripada 'Abdullah ibn Zaid (r.a), yakni sama dengan hadis sebelumnya.

"فَضْلِ يَدَيْهِ", sisa air bekas mencuci kedua tangannya.

"وَهُوَ", hadis ini, yakni hadis yang kedua.

"الْمَحْفُوظُ", hadis yang berstatus sebagai mahfuzh, yakni lawan kepada hadis syadz.

Fiqh Hadis

1. Disyaratkan mengambil air yang baru untuk mengusap kepala, kerana tidak cukup hanya dengan menggunakan air yang tersisa pada kedua tangannya setelah membasuh kedua tangan.
2. Disyaratkan mengambil air yang baru untuk mengusap kedua-dua telinga, bukan dengan sisa air yang ada pada kedua tangan setelah mengusap kepala.

٤٠- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "إِنَّ أُمَّتِي يَأْتُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ غُرًّا مُحَجَّلِينَ مِنْ أَثَرِ الْوُضُوءِ، فَمَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يُطِيلَ غُرَّتَهُ فَلْيَفْعَلْ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

40. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Sesungguhnya umatku kelak pada hari kiamat datang dengan wajah dan tubuh yang berkilauan kerana bekas wuduk (mereka). Jadi, barang siapa di antara kamu mampu untuk memperpanjang kilauan itu, maka lakukanlah.*" (Muttafaq 'alaih, tetapi lafaz hadis ini menurut riwayat Muslim)

Makna Hadis

Umat Nabi Muhammad (s.a.w) mempunyai keutamaan dan keistimewaan yang lebih berbanding umat-umat lain di dunia dan akhirat. Di dunia mereka mengikuti perintah Allah dan Rasul-Nya, sedangkan di akhirat memancarkan cahaya yang berkilauan dari wajah, tangan serta kaki mereka. Ini menunjukkan keutamaan berwuduk, sunat ber-*mubalaghah* dalam menyempurnakan wuduk dan melengkapinya dengan sunat-sunatnya.

Analisis Lafaz

"يَقُولُ", diungkapkan dalam bentuk *fi'il mudhari'* sesudah *fi'il madhi*, iaitu lafaz "سَمِعْتُ" untuk menceritakan keadaan ketika mendengar atau untuk menggambarkan kejadian tersebut di hati pendengarnya.

"أُمَّتِي", umat menurut makna asalnya adalah setiap kumpulan yang dihimpun oleh satu sebab tertentu, sama ada agama ataupun lain-lain. Makna yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah *ummat al-ijabah* (umat yang memperkenankan dakwah Nabi Muhammad (s.a.w).

"غُرًّا", bentuk jamak dari lafaz *agharru*, ertinya dalam keadaan bersinar. *Al-Ghurrah* ialah belang putih berkilat yang terdapat pada kening kuda. Makna yang dimaksudkan di sini ialah wajah mereka nampak kelihatan putih berkilauan kerana cahaya wuduk kelak pada hari kiamat. Perkataan "غُرًّا" di-*nashab*-kan kerana menjadi *hal* (kata keterangan keadaan) kepada fa'il lafaz "يَأْتُونَ".

"مُحَجَّلِينَ", berasal dari lafaz *al-tahjil*, ertinya anggota-anggota wuduknya nampak kelihatan putih berkilauan kerana bekas air wuduk. Ungkapan ini merupakan kata pinjaman (*isti'arah*) dari belang putih yang ada pada kening kuda, kedua kaki hadapan dan kedua kaki belakangnya. Tetapi menurut jumhur ulama, apa yang dimaksudkan *al-ghurrah* dan *al-tahjil* dalam hadis ini ialah lebihan membasuh anggota wuduk daripada batas yang telah diwajibkan. Sedangkan menurut mazhab Maliki, maknanya ialah seseorang sentiasa berada dalam keadaan berwuduk.

"اسْتَطَاعَ", mampu.

"يُطِيلَ غُرَّتَهُ", yakni *wa tahjilahu* yang bermaksud memperpanjang *ghurrah* dan *tahjil*-nya. Namun hadis hanya menyebut *ghurratahu* kerana kewujudan salah satunya menunjukkan pula kewujudan yang lain. Dengan erti kata lain, barang siapa yang mampu memperpanjang cahaya (*ghurrah*) atau kemilaunya (*tahjil*-nya), maka hendaklah dia melakukannya."

Fiqh Hadis

Disunatkan menyempurnakan wuduk untuk memperpanjang *ghurrah* dan *tahjil*, kerana ia merupakan perhiasan dan keindahan bagi seorang mukmin kelak pada hari kiarnat. *Ghurrah* dan *tahjil* merupakan salah satu daripada keistimewaan umat Nabi Muhammad (s.a.w). Lain halnya dengan berwuduk, kerana ia tidak hanya dikhususkan kepada mereka. Apa yang dimaksudkan dengan menyempurnakan wuduk adalah melebihkan basuhan dan usapan daripada batas yang telah diwajibkan.

٤١ - عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعْجِبُهُ التَّيَمُّنُ فِي تَنَعُّلِهِ، وَتَرَجُّلِهِ، وَطُهُورِهُ، وَفِي شَأْنِهِ كُلِّهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

41. Daripada 'Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullnh (s.a.w) lebih menyukai mendahulukan sebelah kanan ketika memakai selipar, menyikat rambut, bersuci

dan dalam setiap perbuatannya." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Sebaik-baik orang mukmin adalah orang yang mencintai apa yang disukai oleh Allah dan Rasul-Nya, sebaliknya seburuk-buruk mereka adalah orang yang sengaja melanggar perintah Allah dan Rasul-Nya. Misalnya, dia makan, minum atau bersalaman dengan tangan kiri tanpa ada uzur yang dibenarkan di sisi syariat. Rasulullah (s.a.w) sangat menyukai melakukan segala sesuatu dengan tangan kanannya dan mendahulukannya ke atas tangan kirinya dalam setiap perbuatan yang dianggap mulia dan berpakaian dengan harapan semoga orang yang melakukannya termasuk ke dalam *Ashab al-Yamin* (ahli syurga).

Namun Rasulullah (s.a.w) mengecualikan daripada mendahulukan yang sebelah kanan ketika hendak memasuki tandas sebab tandas adalah tempat yang tidak terhormat. Pengecualian yang lain ialah ketika keluar daripada masjid, kerana kedudukan jalanan adalah hina dan betapa mulianya masjid. Dalam kedua-dua keadaan tersebut baginda mendahulukan kaki yang sebelah kiri daripada yang kanan dan begitu pula ketika menanggalkan selipar dan membawanya.

Analisis Lafaz

"يُعْجِبُهُ", suka dan senang.

"التَّيَمُّنُ", mengambil sesuatu dengan tangan kanan dan mendahulukannya ke atas tangan kiri.

"فِي تَنَعُّلِهِ", ketika memakai selipar. *Al-na'l* ialah sesuatu yang dipakai untuk melindungi telapak kaki daripada menyentuh tanah dan bentuk jamaknya ialah *al-ni'al*.

"تَرَجُّلِهِ", menyikat rambut. Ia mencakup semua rambut, sama ada rambut kepala, janggut atau lainnya.

"طُهُورِهُ", bentuk *masdar*, ertinya ketika bersuci. Apa yang dimaksudkan ialah memulakan dengan tangan kanan dan kaki kanan ketika berwuduk serta memulakan dengan lambung sebelah kanan ketika mandi.

"وَفِي شَأْنِهِ كُلِّهِ", kalimat ini berkaitan dengan "يُعْجِبُهُ", ertinya baginda sangat menyukai memulakan yang kanan dalam setiap perbuatannya. Ungkapan seperti ini dinamakan *ta'mim ba'da takhshish*. Maksudnya ialah setiap perbuatan yang dianggap mulia dan apa-apa yang disamakan dengannya, seperti makan, bersiwak dan sebagainya. Jika hendak memasuki tandas dan keluar dan masjid, maka baginda selalu memulainya dengan kaki kiri.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan memulakan setiap perbuatan yang termasuk ke dalam perbuatan yang baik dan mulia dengan kanan kerana mengikuti Sunnah Rasulullah (s.a.w).

2. Ketika memasuki tandas dan keluar dari masjid maka disunatkan memulakannya dengan yang sebelah kiri.

٤٢- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا تَوَضَّأْتُمْ فَابْدَأُوْا بِمَيَامِنِكُمْ". أَخْرَجَهُ الأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

42. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Jika kamu berwuduk, maka mulailah dengan anggota-anggota tubuh kamu yang sebelah kanan.*" (Disebut oleh al-Arba'ah, dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Hadis ini mengandungi perintah yang menyuruh untuk mendahulukan yang kanan ke atas yang kiri ketika berwuduk kerana sebelah kanan merupakan bahagian yang terhormat dan berharap semoga orang yang melakukannya kelak termasuk *ahli al-yamin* (ahli syurga), di samping mengukuhkan hadis-hadis lain sebelum ini yang menceritakan tentang perbuatan-perbuatan Rasulullah (s.a.w).

Analisis Lafaz

"ابْدَأُوْا", *al-bada'ah* ertinya mendahulukan sesuatu ke atas yang lain.

"بِمَيَامِنِكُمْ", bentuk jamak dari lafaz *al-maimanah* yang ertinya sebelah kanan. Ia dianjurkan untuk didahulukan kerana kemuliaannya.

Fiqh Hadis

Disunatkan mendahulukan sebelah kanan ke atas sebelah kiri ketika berwuduk, iaitu ketika membasuh kedua tangan dan kedua kaki. Demikian pula ketika bertayammum dan mandi wajib disunatkan mendahulukan yang sebelah kanan sama dengan ketika berwuduk.

Perintah dalam hadis ini menunjukkan sunat, kerana ada satu riwayat yang dikemukakan oleh al-Daruquthni daripada 'Ali bin Abu Thalib (r.a) bahawa beliau pernah berkata:

لاَ أُبَالِي بِيَمِيْنِيْ بَدَأْتُ أَمْ بِشِمَالِيْ إِذَا أَكْمَلْتُ الْوُضُوْءَ.

"*Aku tidak peduli sama ada aku memulai dengan sebelah kanan atau sebelah kiriku selagi aku telah menyempurnakan wudukku.*"

٤٣- عَنِ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَوَضَّأَ، فَمَسَحَ بِنَاصِيَتِهِ، وَعَلَى الْعِمَامَةِ وَالْخُفَّيْنِ. أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

43. Daripada al-Mughirah ibn Syu'bah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah berwuduk dengan mengusap ubun-ubunnya, pernah pula mengusap serbannya, dan pernah pula mengusap kedua-dua khufnya." (Disebut oleh Muslim)

Makna Hadis

Ada ketikanya Nabi (s.a.w) ketika berwuduk mengusap kepala, ada ketikanya hanya mengusap serban dan ada ketikanya pula mengusap ubun-ubun dan serbannya. Baginda pernah mengusap kedua khuffnya, sama ada ketika bermukim mahupun ketika bermusafir sebagai keringanan bagi umatnya.

Analisis Lafaz

"فَمَسَحَ بِنَاصِيَتِهِ", *al-nashiyah* ialah rambut yang berada pada bahagian hadapan kepala, yakni ubun-ubun.

"الْعِمَامَةِ", topi besi dan kain serban yang dililitkan di kepala. Bentuk jamaknya ialah *al-'ama'im* dan *al-'imam*. Ia turut diberi nama *al-khimar*.

"وَالْخُفَّيْنِ", bentuk *tatsniyah* dari lafaz *al-khuff*, stoking kaki yang terbuat daripada kulit.

Fiqh Hadis

1. Rasulullah (s.a.w) mengusap seluruh kepalanya. Inilah pendapat Imam Ahmad dan Imam Malik.
2. Rasulullah (s.a.w) mengusap ubun-ubunnya. Ulama mazhab Hanafi membuat batasan minimum mengusap kepala satu perempat kepala, sedangkan batasan minimum menurut ulama mazhab al-Syafi'i pula sudah memadai dengan sekadar adanya mengusap sebahagian kepala, sekalipun hanya mengusap sehelai rambut.
3. Rasulullah (s.a.w) mengusap serbannya. Inilah yang dijadikan pegangan oleh Imam Ahmad, namun ulama selainnya tidak berpendapat demikian. Imam Ahmad mensyaratkan hendaklah seseorang yang hendak mengusap serban itu memakainya dalam keadaan suci yang sempurna dan hendaklah sebahagian daripada serban itu berada di bawah rahang. Al-Nawawi berkata: "Jika seseorang hanya mengusap serban dan tidak mengusap sedikit pun dari kepala, maka itu tidak memadai menurut Imam al-Syafi'i tanpa wujud perselisihan pendapat. Begitu pula mazhab Imam Malik dan Imam Abu Hanifah."
4. Rasulullah (s.a.w) mengusap dua khuffnya, sama ada ketika bermukim mahupun ketika bermusafir. Ini menjadi pegangan seluruh ulama fiqh.

Periwayat Hadis

Al-Mughirah ibn Syu'bah ibn Abu 'Amir al-Tsagafi, nama panggilannya adalah Abu Muhammad. Beliau turut dalam Perjanjian al-Hudaibiyah dan masuk Islam pada zaman perang al-Khandaq. Beliau meriwayatkan 136 hadis. Peperangan yang pernah diikutinya ialah perang al-Yamamah, perang al-Yarmuk dan perang al-Qadisiyah. Beliau seorang cendekiawan yang cerdas. Menurut satu pendapat, beliau telah melindungi seribu orang wanita. Beliau meninggal dunia pada tahun 50 Hijriah di Kufah dalam usia 70 tahun. Ketika itu beliau menjawat sebagai

gabenor dari pihak Mu'awiyah.

٤٤- عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا -فِي صِفَةِ حَجِّ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- قَالَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اِبْدَؤُوا بِمَا بَدَأَ اللهُ بِهِ". أَخْرَجَهُ النَّسَائِيُّ، هَكَذَا بِلَفْظِ الْأَمْرِ وَهُوَ عِنْدَ مُسْلِمٍ بِلَفْظِ الْخَبَرِ.

44. Daripada Jabir (r.a) tentang gambaran haji yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w), bahawa baginda bersabda: "*Hendaklah kamu memulai dengan apa yang telah dimulakan oleh Allah.*" (Disebut oleh al-Nasa'i dengan ungkapan perintah, sedangkan menurut riwayat Muslim dengan ungkapan kalimat berita)

Makna Hadis

Hadis ini akan dikemukakan lagi dalam bentuk yang lengkap berikut keterangannya mengenai gambaran ibadah haji dan memasuki kota Mekah pada hadis no. 698.

Apa yang hendak dikemukakan oleh hadis ini adalah selanjutnya Rasulullah (s.a.w) keluar dari pintu Masjidil Haram menuju ke Shafa. Ketika menghampiri Shafa, baginda membaca firman-Nya: "Sesungguhnya Shafa dan Marwa adalah sebahagian daripada syi'ar Allah." (Surah al-Baqarah [02]: 158) dan bersabda: "Hendaklah kamu memulai dengan apa yang telah dimulakan oleh Allah." Nabi (s.a.w) memulakan sa'e dari Shafa kerana Allah (s.w.t) telah berfirman:

﴿ إِنَّ ٱلصَّفَا وَٱلْمَرْوَةَ مِن شَعَآئِرِ ٱللَّهِ ..... ﴾ ١٥٨

"*Sesungguhnya Shafa dan Marwa adalah sebahagian daripada syi'ar Allah...*" (Surah al-Baqarah [02]: 158)

Kalimat hadis yang mengatakan: "Hendaklah kamu memulai dengan apa yang telah dimulakan oleh Allah" adalah bersifat umum sehingga wuduk pun termasuk ke dalam pengertiannya. Oleh itu, diwajibkan pula berurutan ketika berwuduk bersesuaian dengan apa yang dimulakan oleh Allah dengan mendahulukan wajah hingga membasuh kedua kaki seperti yang disebutkan di dalam Surah al-Maidah ayat 6. Inilah hujah ulama yang mengatakan bahawa berurutan dalam berwuduk itu wajib manakala menurut Imam Malik dan Imam Abu Hanifah pula, berurutan dalam berwuduk tidak wajib.

Analisis Lafaz

Hadis dengan ungkapan *amr* (kata perintah) berbunyi: "Mulailah dengan apa yang dimulai oleh Allah!"

Hadis dengan ungkapan *khabar* (kalimat berita) berbunyi: "Kami akan memulai dengan apa yang diambil oleh Allah."

Fiqh Hadis

Di sini dapat diambil kesimpulan bahawa kita hendaklah mengikuti susunan dan urutan seperti mana yang telah disebut oleh Allah seperti dalam berwuduk dan melaksanakan ibadah haji. Oleh yang demikian, wajib membasuh muka terlebih dahulu, kemudian anggota-anggota wuduk yang lain secara berurutan. Inilah pendapat Imam Ahmad dan Imam al-Syafi'i, sedangkan Imam Abu Hanifah dan Imam Malik tidak mewajibkan berurutan.

Periwayat Hadis

Jabir ibn 'Abdullah ibn Haram al-Anshari al-Sulami, nama panggilannya adalah Abu 'Abdurrahman al-Madani, salah seorang sahabat yang masyhur. Beliau termasuk orang yang banyak menghafal hadis dan meriwayatkan sebanyak 1,540 hadis. Kedua-dua matanya buta ketika usianya menjelang senja. Beliau pernah mengikuti sembilan belas peperangan. Semasa Perang Badar, beliau bertugas mengangkut air dan menyebelahi Khalifah 'Ali dalam Perang Shiffin. Beliau meninggal dunia di Madinah pada tahun 78 Hijriah dalam umur 74 tahun.

٤٥- وَعَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا تَوَضَّأَ أَدَارَ الْمَاءَ عَلَى مِرْفَقَيْهِ. أَخْرَجَهُ الدَّارَقُطْنِيُّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

45. Daripadanya (Jabir), beliau berkata: "*Nabi (s.a.w) apabila berwuduk selalunya memutarkan air pada kedua-dua sikunya.*" (Disebut oleh al-Daraquthni dengan sanad yang dha'if)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) sentiasa berusaha melakukan wuduk dengan cara yang paling sempurna. Oleh itu, baginda memutarkan air pada kedua sikunya hingga sampai ke lengannya untuk memastikan basuhan tersebut sempurna sekali gus untuk memperoleh *al-tahjil*. Ini juga menjelaskan bahawa kedua-dua siku termasuk ke dalam batasan tangan, kerana lafaz *ila* yang terdapat di dalam Surah al-Ma'idah ayat 6 menunjukkan makna *ma'a*.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Jabir (r.a), yakni periwayat hadis ini sama dengan hadis sebelumnya.

"أَدَارَ الْمَاءَ", melewatkan air dengan mengelilinginya hingga basuhannya mengenai semua yang ada di sekeliling pergelangan tangan.

"مِرْفَقَيْهِ", bentuk *tatsniyah* dari lafaz *al-mirfaq*, ertinya pergelangan tangan antara lengan dengan hasta, yakni kedua siku.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dha'if, kerana di dalam sanadnya terdapat al-Qasim ibn Muhammad ibn 'Aqil, seorang periwayat yang matruk. Dia turut dinilai dha'if oleh Imam Ahmad, Ibn Mu'in dan lain-lain.

Fiqh Hadis

Kedua-dua siku termasuk ke dalam kedua tangan ketika berwuduk.

Orang yang Menyebutkan Hadis

Al-Daruquthni adalah seorang hafiz yang besar. Beliau seorang imam yang tiada tandingan dalam hafalan. Nama panggilannya adalah Abu al-Husain, sedangkan namanya 'Ali ibn 'Umar ibn Ahmad al-Baghdadi, penulis kitab al-Sunan. Ilmu atsar dan pengetahuan mengenai *illat* (cacat hadis) serta nama-nama periwayat hadis telah dihimpunnya dengan penuh kejujuran, kepercayaan dan iktikad yang baik. Para imam hadis ramai yang memujinya. Beliau dilahirkan pada tahun 306 Hijriah dan meninggal dunia pada tahun 385 Hijriah.

٤٦- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لاَ وُضُوءَ لِمَنْ لَمْ يَذْكُرِ اسْمَ اللهِ عَلَيْهِ". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ، وَأَبُو دَاوُدَ، وَابْنُ مَاجَه، بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

وَلِلتِّرْمِذِيِّ: عَنْ سَعِيدِ بْنِ زَيْدٍ، وَأَبِي سَعِيدٍ نَحْوُهُ. قَالَ أَحْمَدُ: لاَ يَثْبُتُ فِيهِ شَيْءٌ.

46. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Tidak sempurna wuduk seseorang yang tidak menyebut nama Allah ketika melakukannya.*" (Disebut oleh Imam Ahmad, Abu Dawud, dan Ibn Majah dengan sanad yang dha'if)

Al-Tirmizi turut menyebut hadis serupa, tetapi melalui Sa'id ibn Zaid dan demikian pula Abu Sa'id turut menyebutnya dengan lafaz yang serupa. Imam Ahmad berkata: "Hadis ini sama sekali tidak sabit."

Makna Hadis

Ulama telah bersepakat bahawa solat tidak sah kecuali dalam keadaan bersuci, kerena dalam riwayat yang lain hadis ini disebut dengan lafaz seperti berikut:

لاَ صَلاَةَ لِمَنْ لاَ وُضُوْءَ لَهُ، وَلاَ وُضُوْءَ لِمَنْ لَمْ يَذْكُرِ اسْمَ اللهِ.

"*Tidak sah solat orang yang tidak berwuduk, dan tidak sempurna wuduk seseorang yang tidak menyebut nama Allah ketika melakukannya.*"

Huruf *la* yang terdapat pada lafaz "لاَ وُضُوْءَ" untuk menafikan jenis. Dengan erti kata lain, tidak sempurna wuduk seseorang yang tidak menyebut nama Allah. Maksud hadis ini adalah meniadakan kesempurnaan kerana para imam telah bersepakat bahawa *tasmiyah* atau membaca *basmalah* tidak termasuk rukun wuduk.

Analisis Lafaz

“يَذْكُرِ”, *al-zikr* ialah menyebut sesuatu dengan lisan.

“بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ”, dengan sanad yang dha’if, kerana hadis ini diriwayatkan melalui jalur Ya’qub ibn Salamah daripada ayahnya daripada Abu Hurairah (r.a). Al-Bukhari berkata: “Tidak pernah diketahui yang Ya’qub pernah mendengar hadis daripada ayahnya, dan ayahnya pula tidak pernah diketahui menerima hadis daripada Abu Hurairah.”

“نَحْوُهُ”, serupa dengan hadis Abu Hurairah di atas.

“قَالَ أَحْمَدُ: لاَ يَثْبُتُ فِيهِ شَيْءٌ”, hadis ini sama sekali tidak sabit. Ini kerana di dalam sanad-sanadnya masih dipertikai, tetapi jalur-jalurnya saling menguatkan antara satu sama lain. Oleh itu, Ibn Abu Syaibah berkata: “Telah terbukti bagi kami bahawa Nabi (s.a.w) telah bersabda demikian.”

Fiqh Hadis

Disyariatkan membaca *basmalah* ketika hendak berwuduk. Sehubungan itu, para ulama berbeza pendapat dalam masalah ini. Imam Ahmad mengatakan bahawa membaca *basmalah* adalah fardu, sama ada bagi orang yang ingat mahupun orang yang lupa. Sedangkan jumhur ulama mengatakan bahawa membaca basmalah hanyalah sunat, kerana berlandaskan kepada hadis Abu Hurairah (r.a) yang mengatakan:

مَنْ ذَكَرَ اللهَ فِيْ أَوَّلِ وُضُوْئِهِ طَهُرَ جَسَدُهُ، وَإِذَا لَمْ يَذْكُرِ اسْمَ اللهِ لَمْ يَطْهُرْ مِنْهُ إِلاَّ مَوَاضِعُ الْوُضُوْءِ.

“*Barang siapa yang menyebut nama Allah pada permulaan wuduknya, maka sucilah seluruh tubuhnya. Jika dia tidak menyebut nama Allah, maka tubuhnya tidak suci kecuali anggota-anggota wuduknya sahaja.*”

Periwayat Hadis

Sa’id ibn Zaid ibn ‘Amr ibn Nufail a1-‘Adawi, salah seorang sahabat yang telah mendapat kesaksian untuk masuk syurga dan salah seorang Muhajirin pertama. Beliau mengikuti kesemua peperangan kecuali perang Badar dan Rasulullah (s.a.w) telah menetapkan bahagian ghanimah untuknya. Hadis yang diriwayatkannya berjumlah 38 dan antara orang yang mengambil riwayat daripadanya adalah ‘Amr ibn Hurayyits, ‘Urwah dan ‘Utsman al-Nahdi. Beliau meninggal dunia pada tahun 51 Hijriah, kemudian jenazahnya dibawa ke Madinah.

٤٧- عَنْ طَلْحَةَ بْنِ مُصَرِّفٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَفْصِلُ بَيْنَ الْمَضْمَضَةِ وَالْإِسْتِنْشَاقِ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

47. Daripada Talhah ibn Musharrif daripada ayahnya daripada datuknya, beliau berkata: “*Saya pernah melinat Rasulullah (s.a.w) memisahkan antara berkumur dengan ber-istinsyaq.*” (Disebut oleh Abu Dawud dengan sanad yang dha’if)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) pernah memisahkan antara berkumur dengan ber-*istinsyaq* (memasukkan air ke dalam hidung dan kemudian mengeluarkannya semula) ketika berwuduk dengan mengambil air yang baru untuk berkumur dan ber-*istinsyaq*. Pada kesempatan yang lain baginda pernah menggabungkan di antara keduanya. Semua itu dilakukan oleh Nabi (s.a.w) untuk memberi kemudahan kepada umatnya. Ada di antara ulama yang mengambil cara menggabungkan antara berkumur dengan ber-*istinsyaq* ada pula yang mengutamakan cara memisahkan antara keduanya.

Analisis Lafaz

"يَفْصِلُ", memisahkan, yakni mengambil air yang baru bagi berkumur dan ber-*istinsyaq*.

"الْمَضْمَضَةِ", menggerakkan air di dalam mulut, kemudian mengeluarkannya semula, berkumur-kumur.

"الْإِسْتِنْشَاقِ", memasukkan air ke dalam hidung, lalu menariknya dengan nafas hingga sampai ke bahagian paling dalam, lalu mengeluarkannya semula. Usaha mengeluarkan air semula ini ini disebut *al-istintsar*, tetapi ia tidak disebut di dalam teks hadis kerana sudah memadai dengan menyebutkan *al-istinsyaq*.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dha'if, kerana hadis ini melalui riwayat Laits ibn Sulaim. Ulama telah bersepakat akan kedha'ifannya di samping Musharrif, bapa kepada Talhah tidak diketahui statusnya.

Fiqh Hadis

Disyariatkan memisahkan antara berkumur dan ber-*istinsyaq* dengan cara mengambil air yang baru untuk berkumur dan ber-*instinsyaq*. Ulama berselisih pendapat dalam dalam masalah ini.

1. *al-Fasl* (memisahkan antara berkumur dengan ber-*istinsyaq*) lebih diutamakan. Inilah pendapat mazhab Imam Malik, Imam Abu Hanifah dan salah satu daripada dua pendapat Imam al-Syafi'i.
2. *Al-Wasl* (menggabungkan antara berkumur dengan ber-*istinsyaq*) lebih diutamakan. Inilah pendapat paling sahih daripada pendapat Imam Syafi'i yang kedua.
3. *Al-Takhyir* (boleh memilih sama ada memisahkan atau menggabungkan). Inilah pendapat Imam Ahmad.

Periwayat Hadis

Talhah ibn Musharrif ibn Ka'b ibn 'Amr al-Yami dan nama panggilannya adalah Abu Muhammad a1-Kufi. Beliau seorang ulama di mana para ulama menyebutnya sebagai *Sayyid al-Qurra'*. Beliau dinilai *tsiqah* oleh Abu Hatim dan Ibn Mu'in. Beliau mengambil riwayat daripada 'Abdullah ibn Abu Aufa, Anas, Sa'id ibn Jubair

dan Abu Shalih al-Samman. Anak lelakinya bernama Muhammad dan Abu Ishaq serta Syu'bah dan banyak lagi telah mengambil riwayat daripadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 112 Hijriah.

Musharrif ibn Ka'b ibn 'Amr al-Yami al-Subai'i adalah bapa kepada Talhah. Manakala Ka'b ibn 'Amr a1-Yami yang riwayatnya diambil oleh Musharrif adalah datuk Talhah.

٤٨- عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ -فِي صِفَةِ الْوُضُوءِ- "ثُمَّ تَمَضْمَضَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَاسْتَنْثَرَ ثَلَاثًا، يُمَضْمِضُ وَيَنْثُرُ مِنْ الْكَفِّ الَّذِي يَأْخُذُ مِنْهُ الْمَاءَ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ.

48. Daripada Ali (r.a) mengenai gambaran wuduk Rasulullah (s.a.w) bahawa kemudian Nabi (s.a.w) berkumur dan ber-*istintsar* sebanyak tiga kali. Baginda berkumur dan ber-*istintsar* dari sekali cedok tangan yang baginda gunakan untuk mengambil air." (Disebut oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i)

٤٩- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ -فِي صِفَةِ الْوُضُوءِ- "ثُمَّ أَدْخَلَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَهُ، فَمَضْمَضَ وَاسْتَنْشَقَ مِنْ كَفٍّ وَاحِدَةٍ، يَفْعَلُ ذَلِكَ ثَلَاثًا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

49. Daripada 'Abdullah ibn Zaid mengenai gambaran wuduk Rasulullah (s.a.w) bahawa kemudian Nabi (s.a.w) memasukkan kedua tangannya (untuk mengambil air), lalu berkumur dan ber-*istinsyaq* dari telapak tangannya. Hal ini baginda lakukan sebanyak tiga kali." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Masalah ini telah dijelaskan sebelum ini dalam gambaran mengenai wuduk pada hadis no. 30 dan no. 31. Ibn Hajar menyebut semula hadis berkaitan gambaran wuduk ini adalah untuk mengemukakan hujah yang ingin disampaikannya di sini iaitu menggabungkan antara berkumur dengan ber-*istinsyaq* sebanyak tiga kali dengan sekali cedok tangan dan tiga kali dengan tiga cedok tangan. Kedua-dua hadis ini menunjukkan bahawa dibolehkan meringkaskan hadis dengan cara mengambil bahagian yang hendak dijadikan hujah sesuai dengan topik pembahasan seperti mana yang biasa dilakukan oleh al-Bukhari.

Analisis Lafaz

"تَمَضْمَضَ", berkumur-kumur.

"اسْتَنْثَرَ", mengeluarkan air dari hidung setelah memasukkannya.

"ثَلَاثًا", berkedudukan sebagai *maf'ul mutlaq* yang menggantikan *masdar* yang telah dibuang. Bentuk lengkapnya ialah "استنثارًا ثلاثًا".

"وَاسْتَنْشَقَ", huruf *waw* berfungsi sebagai *mutlaq al-jam'i*, yakni penghimpunan secara mutlak tanpa ada mana yang mesti didahulukan dan mana yang dikemudiankan. Tetapi sebahagian ulama ada yang mentafsirkannya bermakna *fa'* supaya dengan demikian dapat diambil satu pemahaman adanya makna berurutan antara berkumur dengan ber-*istinsyaq*. Jadi disunatkan mendahulukan berkumur

ke atas *istinsyaq*.

Fiqh Hadis

Menggabungkan antara berkumur dengan ber-*istinsyaq* sebanyak tiga kali dengan sekali cedok yang memenuhi kedua telapak tangan atau dengan tiga kali cedok air dengan menggabungkan keduanya pada setiap kali cedokan; semua ini telah disebutkan oleh Sunnah dan seseorang dibolehkan memilih mana satu yang hendak dikerjakannya.

٥٠- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "رَأَى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلاً، وَفِي قَدَمِهِ مِثْلُ الظُّفْرِ لَمْ يُصِبْهُ الْمَاءُ. فَقَالَ: "اِرْجِعْ فَأَحْسِنْ وُضُوءَكَ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ.

50. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "*Nabi (s.a.w) melihat seorang lelaki yang pada telapak kakinya terdapat bahagian sebesar kuku masih belum terkena air (wuduk). Melihat itu, baginda bersabda: 'Pergilah dan kerjakan wuduk kamu dengan betul'.*" (Disebut oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i)

Makna Hadis

Orang yang tidak tahu tidak dimaafkan apabila melakukan kelalaian dalam melaksanakan kewajipan, kerana Rasulullah (s.a.w) telah memerintahkan lelaki tersebut untuk membetulkan wuduknya dan mengulanginya semula dengau cara yang lebih sempurna seperti mana yang telah ditunjukkan oleh riwayat lain berkaitan masalah ini. Jika ada sebahagian anggota wuduk yang belum terkena siraman, maka ia dapat membatalkan wuduk. Oleh itu, Rasulullah (s.a.w) secara terang-terangan mengingkari perbuatan orang yang lalai dalam meratakan basuhan ke atas tumit kakinya hingga masih ada bahagian yang belum terkena air. Sehubungan itu, baginda bersabda:

وَيْلٌ لِلْأَعْقَابِ مِنَ النَّارِ.

"*Sungguh binasa bagi tumit-tumit (yang tidak terkena air wuduk) kerana ia akan dibakar oleh neraka.*"

Analisis Lafaz

"لَمْ يُصِبْهُ الْمَاءُ", tidak terkena air wuduk.

"فَأَحْسِنْ وُضُوءَكَ", lakukanlah wudukmu dengan cara yang paling sempurna, seperti mana yang disebutkan di dalam riwayat lain yang mengatakan: "Pergilah dan sempurnakan wudukmu."

Fiqh Hadis

1. Wajib meratakan semua anggota wuduk dengan air berlandaskan nash hadis

yang mewajibkan meratakan basuhan pada kaki dan dengan mengqiyaskannya dengan mandi junub. Membiarkan salah satu anggota wuduk tanpa dibasuh dengan air adalah tidak dibolehkan dan itu wajib untuk segera disempurnakan. Jika tidak, maka wuduknya batal.

2. Dianjurkan mengulangi semula wuduk secara berurutan, kerana Rasulullah (s.a.w) memerintahkan lelaki tersebut supaya mengulangi wuduknya dan tidak hanya menyuruh membasuh anggota wuduk yang tertinggal sahaja. Hukum *al-muwalah* (berurutan) menurut mazhab Maliki adalah wajib, sedangkan menurut jumhur ulama adalah sunat.
3. Memberikan pengajaran kepada orang yang tidak tahu dan bersikap lemah lembut ketika memberikan pengajaran kepadanya.
4. Orang yang tidak tahu dan orang yang lupa sama hukumnya dengan orang yang bersengaja meninggalkan perkara wajib, kerana wuduk merupakan syarat sahnya solat, sedangkan syarat ini merupakan perintah Allah yang tidak pandang bulu (tidak pilih kasih).

٥١- وَعَنْهُ قَالَ: "كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَوَضَّأُ بِالْمُدِّ، وَيَغْتَسِلُ بِالصَّاعِ إِلَى خَمْسَةِ أَمْدَادٍ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

51. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "*Rasulullah (s.a.w) sering kali berwuduk dengan satu mud (air) dan mandi dengan satu sha' (air) hingga lima mudd (air).*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Semua perbuatan dan perkataan Rasulullah (s.a.w) bertujuan untuk memudahkan umatnya. Baginda sering kali berwuduk dengan satu mudd air dan mandi dengan satu sha' air hingga lima mudd air tanpa melakukan kelalaian ketika berwuduk atau mandi dengan tidak membasuh sebahagian anggota tubuh yang wajib dibasuh di samping tidak berlebihan dalam menggunakan air. Marilah kita mengikuti Sunnah Rasulullah (s.a.w) dalam setiap perbuatan dan perkataan supaya kita dapat memperoleh redha Allah Yang Maha Esa lagi Maha Tinggi.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Anas (r.a), yakni periwayat hadis ini sama dengan hadis sebelumnya.

"الْمُدِّ", takaran yang telah sedia maklum. Menurut Imam Abu Hanifah, ia sama dengan dua rithl sedangkan menurut Imam Malik, Imam Ahmad dan Iman al-Syafi'i, satu mudd sama dengan satu pertiga rithl Iraq.

"الصَّاعِ", nama takaran yang sudah dikenal. Isinya sama dengan empat mudd (lapan rithl) dan menurut rithl Iraq sama dengan lima sepertiga rithl.

"خَمْسَةِ أَمْدَادٍ", lima mudd sama dengan sepuluh rithl dan menurut takaran Iraq sama dengan enam dua pertiga rithl.

Fiqh Hadis

1. Tidak boleh berlebihan dalam menggunakan air sebaliknya hendaklah menggunakan dengan secukupnya dalam batasan paling minimum, sama ada untuk wuduk mahupun untuk mandi junub, tetapi tidak sampai ada anggota yang wajib dibasuh tertinggal. Wuduk dan mandi junub wajib dilakukan dengan sempurna seperti mana yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w).
2. Apa yang terkandung di dalam hadis hanyalah perkiraan semata dan ia boleh dilakukan oleh orang yang para tubuhnya mirip dengan tubuh Nabi (s.a.w). Ketentuan ini tidak dapat dijadikan sebagai ukuran mutlak yang mesti dipatuhi, kerana setiap orang memiliki saiz tubuh yang berlainan dan ini yang menentukan berapa kadar air yang diperlukan ketika berwuduk dan mandi junub.

٥٢- عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ يَتَوَضَّأُ، فَيُسْبِغُ الْوُضُوءَ، ثُمَّ يَقُولُ: "أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ"، إِلاَّ فُتِحَتْ لَهُ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ الثَّمَانِيَةِ يَدْخُلُ مِنْ أَيِّهَا شَاءَ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ. وَالتِّرْمِذِيُّ وَزَادَ: "اَللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنْ التَّوَّابِينَ، وَاجْعَلْنِي مِنْ الْمُتَطَهِّرِينَ".

52. Daripada ‘Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: “*Tidaklah seseorang di antara kamu berwuduk lalu melakukannya dengan sempurna, kemudian membaca doa berikut:*

أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

“Aku bersaksi bahawa tidak ada tuhan selain Allah, tiada sekutu bagi-Nya dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad adalah hamba dan pesuruh-Nya” melainkan dibukakan baginya pintu-pintu syurga yang lapan itu. Dia boleh memasukinya dari pintu mana pun yang dia kehendaki.” (Disebut oleh Muslim dan al-Tirmizi dan menambahkan:

اَللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنْ التَّوَّابِينَ، وَاجْعَلْنِي مِنْ الْمُتَطَهِّرِينَ.

“*Ya Allah, jadikanlah diriku termasuk orang yang bertaubat dan jadikanlah pula diriku termasuk orang yang menyucikan dirinya.*”

Makna Hadis

Taat kepada perintah syariat akan mendapatkan pahala besar di akhirat kelak bagi orang yang melakukannya. Barang siapa yang menyempurnakan wuduknya, lalu bersaksi bahawa Allah Maha Esa dalam Zat-Nya, tidak seorang pun yang menyekutui-Nya dalam perbuatan-perbuatan-Nya, maka dia adalah orang mukmin yang sempurna lagi menyucikan dirinya di mana Allah (s.w.t) akan memberikan pilihan baginya untuk memasuki syurga melalui pintu mana pun yang dia kehendaki. Ini merupakan ganjaran baginya kerana dia telah meniadakan

persekutuan bagi llah dan ikhlas beribadah kepada-Nya.

Analisis Lafaz

"مَا مِنْكُمْ", pembicaraan ini ditujukan kepada para hadirin, tetapi makna yang dimaksudkan adalah mencakupi seluruh umat Nabi Muhammad (s.a.w), sama ada lelaki mahupun perempuan, yang hadir mahupun yang tidak hadir.

"مِنْ أَحَدٍ", huruf *min* adalah *shilah* (penghubung). Dengan kata lain, huruf tambahan. Tetapi bukan bererti ia tidak memiliki apa-apa makna, sebaliknya apa yang dimaksudkan dengan "tambahan" di sini ialah mengukuhkan makna. Ia dinamakan *zaidah* (tambahan) dengan makna mengukuhkan kerana ia tidak termasuk ke dalam susunan kalimat. Dinamakan *shilah* (penghubung) kerana ia berfungsi untuk sampai kepada tujuan yang dibenarkan, iaitu memperindah kalimat. Jadi, perkataan *min* tersebut bukanlah tambahan yang tidak ada ertinya sama sekali. Untuk menambah *min* mesti ada dua syarat; pertama, hendaklah perkataan yang di-*jarr*-kan setelahnya berupa *isim nakirah*; kedua, hendaklah didahului oleh *nafi* atau yang serupa dengan *nafi* (iaitu larangan dan istifham). Sedangkan lafaz *ahadun* sesudahnya merupakan *isim* bagi orang dituju dengan ucapan ini.

"يُسْبِغُ الْوُضُوءَ", menyempurnakan wuduknya di mana setiap anggota tubuh berhak memperoleh haknya, kemudian membaca doa yang telah disebutkan dalam hadis di atas setelah selesai berwuduk.

"وَحْدَهُ", berkedudukan sebagai *hal* (kata keterangan keadaan) yang memperkuat makna kalimat sebelumnya. Dengan erti kata lain, Maha Esa dalam sifat uluhiyah-Nya. Makna yang dimaksudkan ialah Maha Suci Zat-Nya daripada berbilang, berbahagian dan bersekutu.

"لاَ شَرِيكَ لَهُ", *al-syarik* ertinya pembantu dan penolong dalam sesuatu. Makna yang dimaksudkan ialah meniadakan semua jenis persekutuan.

"وَرَسُولُهُ", *al-rasul* menurut bahasa adalah orang yang menyampaikan pesanan orang lain, sedangkan menurut istilah pula adalah manusia merdeka dan lelaki yang diberi wahyu dan diperintahkan untuk menyampaikannya.

"إِلاَّ فُتِحَتْ لَهُ", diungkapkan dalam bentuk *fi'il madhi* untuk menyatakan kebenaran kejadiannya. Makna yang dimaksudkan ialah bahawa kelak pada hari kiamat akan dibukakan baginya.

"الْجَنَّةِ", menurut bahasa adalah taman, sedangkan menurut istilah ialah nama sebuah negeri yang dipenuhi dengan kenikmatan lagi bersifat abadi. Di dalamnya terdapat perkara-perkara yang belum pernah dilihat oleh mata, belum pernah didengar oleh telinga dan belum pernah terlintas dalam fikiran manusia. Ia disediakan oleh Allah (s.w.t) untuk kekasih-kekasih-Nya sebagai kurnia daripada-Nya.

"أَبْوَابُ الْجَنَّةِ الثَّمَانِيَةِ", pintu-pintu syurga yang lapan; pintu iman, pintu solat, pintu puasa, pintu sedekah, pintu orang yang mampu menahan kemarahannya, pintu orang yang redha, pintu jihad dan pintu taubat.

"التَّوَّابِينَ", bentuk jamak dari lafaz *al-tawwaab*, ertinya orang yang bertaubat

kepada Allah daripada dosa-dosanya.

"الْمُتَطَهِّرِينَ", orang yang sempurna dalam bersuci dari segala bentuk hadas, semua najis dan dosa di samping menjauhkan diri daripada sifat yang terhina dan akhlak yang tercela.

Fiqh Hadis

1. Menjelaskan doa yang dianjurkan untuk dibaca sesudah berwuduk supaya orang yang berbuat demikian mendapat redha Allah (s.w.t). Perbuatannya itu pula akan menyebabkan pintu-pintu syurga dibukakan untuknya hingga kelak pada hari dia dapat memasukinya dari pintu mana sahaja yang dia kehendaki. Adapun doa yang dibaca oleh sesetengah pihak ketika membasuh setiap anggota wuduk, maka itu tidak berlandaskan kepada dalil dan tidak pernah dikatakan oleh ulama terdahulu. Inilah pendapat al-Nawawi.
2. Syurga mempunyai lapan pintu masuk. Apa yang disebut oleh hadis ini menunjukkan betapa tinggi kedudukan orang yang sentiasa membaca zikir dan doa ma'tsur daripada Nabi (s.a.w).
3. Allah memperlihatkan kepada Rasul-Nya ganjaran pahala yang telah disediakan kepada orang mukmin kelak di akhirat. Berita ini disampaikan oleh Rasulullah (s.a.w) kepada para sahabatnya supaya mereka mengamalkan apa yang diperintahkan oleh Allah kepada mereka.
4. Menghimpun wuduk yang melambangkan kesucian zahir dengan doa ini yang mengandungi makna taubat sebagai simbol batin menunjukkan adanya munasabah yang sempurna supaya orang yang berwuduk menjadi suci zahir dan batin serta suci jiwa dan raganya.

Periwayat Hadis

'Umar ibn al-Khatthab ibn Nufail al-'Adawi, nama panggilannya adalah Abu Hafsh. Beliau adalah khalifah kedua dan salah seorang sahabat yang mendapat berita gembira masuk syurga. Beliau adalah orang yang mula-mula diberi gelaran "Amir al-Mu'minin", ahli fiqh dan mampu menegakkan prinsip keadilan. Beliau meriwayatkan 539 hadis. Beliau mati syahid pada tahun 23 Hijriah dalam usia 63 tahun, lalu jenazahnya dikebumikan di dalam bilik Rasulullah (s.a.w).

Kesimpulan

Hadis yang dihimpun dalam bab ini menunjukkan kepada beberapa kesimpulan iaitu menjelaskan gambaran wuduk yang sempurna, tidak boleh berlebihan dalam menggunakan air tetap tidak pula melakukan kelalaian dan kecuaian dalam berwuduk, kerana meninggalkan sebahagian anggota wuduk seperti ada anggota wuduk yang tidak terkena air boleh membatalkan wuduk. Dengan erti kata lain, wuduknya tidak sah apabila dibiarkan tanpa dibasuh semula.

Soalan

1. Apakah takrif siwak dan apa pula hukumnya serta apakah objek yang digunakan untuk bersiwak?
2. Apakah maksud perintah yang terdapat di dalam sabda Rasulullah (s.a.w), “لأَمَرْتُهُمْ بِالسِّوَاكِ”?
3. Apakah kaitan hadis mengenai siwak dengan bab ini?
4. Apakah faedah pengajaran secara praktikal?
5. Terangkan perbezaan pendapat ulama tentang batasan yang memadai dalam mengusap kepala dan terangkan pula perselisihan pendapat mereka dalam masalah tertib (berurutan)!
6. Jelaskan hukum membasuh sebahagian anggota wuduk sebanyak tiga kali!
7. Jelskan hikmah yang terkandung dalam membasuh kedua telapak tangan tiga kali, begitu pula berkumur dan ber-*istinsyaq*!
8. Terangkan makna lafaz-lafaz berikut: المرفق, الكعبين, السباحتين, الإبهام, الخيشوم, المضمضة, الإستنشاق, غرفات, الإسباغ, الغرة, التحجيل, التيمن, الترجل, النعل, البداءة, العمامة, المرفقين, الذكر, الجنة, الرسول, الشريك, الذراع dan apakah kalimat-kalimat tersebut *mudzakkar* atau *mu’annats*?
9. Jelaskan perbezaan pendapat tentang gambaran mengusap kepala dan apakah yang dimaksudkan dengan perbezaan itu?
10. Jelaskan makna *al-Igbal* dan *al-Idbar*!
11. Bagaimanakah hukum mengusap kedua telinga dan jelaskan gambarannya!
12. Apakah perbezaan antara datangnya air ke najis dan datangnya najis ke air?
13. Apakah hikmah membasuh kedua telapak tangan setelah bangun tidur sebanyak tiga kali basuhan?
14. Apakah hukum larangan yang terkandung di dalam sabda Rasulullah (s.a.w): “فَلاَ يَغْمِسُ” yang ertinya “Janganlah dia mencelupkan”?
15. Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenai berkumur dan ber-*istinsyaq*! Bilakah disyariatkan melakukan keduanya dengan kuat?
16. Apakah makna “التخليل” dan bagaimana hukum serta hikmahnya?
17. Bagaimanakah hukum mencela-celahi janggut?
18. Apakah makna “الدلك” dan bagaimanakah hukumnya menurut pendapat para imam?
19. Terangkan lafaz “بِثُلُثَيْ”! Apakah yang dimaksudkan dengan “بِثُلُثَيْ” itu adalah *taqribi* (perkiraan) atau *tahdidi* (pembatasan)?
20. Apakah yang dimaksudkan dengan mudd?
21. Adakah kedua telinga termasuk bahagian dari kepala?
22. Apakah yang dianjurkan dalam mengusap kedua telinga jika dianggap sebagai sebahagian dari kepala?
23. Apakah yang dimaksudkan dengan “الغرة” dan “التحجيل” di dalam sabda Rasulullah (s.a.w): “إِنَّ أُمَّتِي يَأْتُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ غُرًّا مُحَجَّلِينَ”?
24. Bagaimanakah hukum memulakan dengan sebelah kanan dan apa sahaja yang dikecualikan daripadanya?
25. Apakah *qarinah* (tanda-tanda) yang memalingkan pengertian wajib dalam

sabda Rasulullah (s.a.w): "إِذَا تَوَضَّأْتُمْ فابدأوا بِمَيَامِنِكُمْ"?

26. Bagaimanakah hukum *al-tayammun* (memulakan dari kanan) dalam berwuduk? Jelaskan hikmahnya?
27. Sebutkan perbezaan ulama mengenai mengusap serban dan perselisihan mereka mengenai membatasi usapan hanya pada bahagian hadapan kepala (ubun-ubun)!
28. Apakah hikmah yang terkandung dalam memutarkan (meratakan) air pada kedua siku?
29. Apakah faktor yang membuat dha'if hadis Nabi (s.a.w): " كَانَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا تَوَضَّأَ أَدَارَ الْمَاءَ عَلَى مِرْفَقَيْهِ" dan hadis: "وَلاَ وُضُوْءَ لِمَنْ لَمْ يَذْكُرِ اسْمَ اللهِ"?
30. Apakah maksud larangan yang terdapat pada hadis "وَلاَ وُضُوْءَ لِمَنْ لَمْ يَذْكُرِ اسْمَ اللهِ"? dan *i'rab*-kan kalimat "وَلاَ وُضُوْءَ"! Apakah qarinah yang menyebabkan makna nafi di sini dipalingkan daripada maknanya yang sebenar?
31. Apakah hukum *tasmiyah* atau *basmalah* pada permulaan wuduk?
32. Jelaskan petunjuk Nabi (s.a.w) dalam cara berkumur dan ber-*istinsyaq* serta jelaskan mana yang lebih kuat antara *al-fasl* dan *al-wasl* pada keduanya disertai dengan menyebutkan pendapat-pendapat ulama mengenainya!
33. *I'rab*-kan lafaz "ثلاثا"?
34. Bagaimanakah hukum tertib antara berkumur dengan ber-*istinsyaq*?
35. Jelaskan cara menghimpunkan antara berkumur dan ber-*istinsyaq*, dan adakah itu suatu perbuatan yang diwajibkan?
36. Bagaimanakah hukum orang yang tidak membasuh salah satu anggota wuduk meskipun itu hanya sedikit?
37. Bagaimanakah hukum *al-muwalah* (berturut-turut) dalam wuduk?
38. Apakah hukum orang yang lupa sama dengan orang yang tidak tahu ketika meninggalkan perkara yang diwajibkan dan mengapa?
39. Apakah hikmah berdoa sesudah wuduk? Sebutkan doa yang disebutkan dalam hadis mengenai masalah ini!
40. Berapakah jumlah pintu syurga dan apa sahaja nama-namanya?
41. Jelaskan hukum doa-doa yang dibaca ketika hendak membasuh setiap anggota wuduk!

BAB MENGUSAP SEPASANG KHUFF

٥٣- عَنِ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "كُنْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَتَوَضَّأَ، فَأَهْوَيْتُ لِأَنْزِعَ خُفَّيْهِ، فَقَالَ: "دَعْهُمَا، فَإِنِّي أَدْخَلْتُهُمَا طَاهِرَتَيْنِ". فَمَسَحَ عَلَيْهِمَا" مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلِلأَرْبَعَةِ عَنْهُ إِلاَّ النَّسَائِيَّ: "أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَسَحَ أَعْلَى اَلْخُفِّ وَأَسْفَلَهُ". وَفِي إِسْنَادِهِ ضَعْفٌ.

52. Daripada al-Mughirah ibn Syu'bah (r.a), beliau berkata: "*Saya pernah bersama Nabi (s.a.w), lalu baginda berwuduk. Maka saya menghulurkan tangan untuk menanggalkan kedua khuffnya (sepasang khuffnya), tetapi baginda malah*

bersabda: "Biarlah keduanya itu, kerana saya memasang keduanya dalam keadaan bersuci." Baginda lalu mengusap ke atas sepasang khuffnya itu." (Muttafaq 'alaihi)

Menurut riwayat yang dikemukakan oleh al-Arba'ah, kecuali al-Nasa'i disebutkan: "Nabi (s.a.w) mengusap bahagian atas dan bahagian bawah khuffnya." (Dalam sanad hadis ini terdapat unsur dha'if)

Makna Hadis

Antara keistimewaan umat Nabi Muhammad (s.a.w) adalah mengusap khuff. Ia merupakan syiar ahli sunnah wal jama'ah, kerana para pelaku bid'ah mengingkari amalan mengusap khuff. Ia merupakan *rukhsah* (kemudahan), kerana dengan mengusap khuff maka gugurlah kewajipan membasuh kedua kaki. Allah dan Rasul-Nya membuat ketentuan ini bagi memberi kemudahan kepada umat ini sebagai rahmat kepada mereka.

Lafaz "مَسَحَ" di-*muta'addi*-kan dengan huruf *'ala* sebagai isyarat bahawa pengusapan dilakukan pada bahagian atas khuff dan ia juga merupakan satu kemudahan sebagaimana disyaratkan memakai sepasang khuff itu dalam keadaan bersih secara sempurna.

Cara mengusap khuff ialah mencelupkan kedua telapak tangan ke dalam air, lalu meletakkan bahagian dalaman telapak tangan kiri di bawah tumit khuff, sedangkan telapak tangan kanan diletakkan di atas hujung-hujung jari telapak kakinya, kemudian menggerakkan telapak tangan kanan ke arah permulaan betis, dan telapak tangan kirinya dilewatkan menuju ke hujung-hujung jari kakinya. Hadis tentang mengusap khuff ini diriwayatkan secara mutawatir dan orang yang mengingkarinya dikhuatiri akan menjadi kufur.

Analisis Lafaz

"المسح" menurut bahasa adalah mengusapkan tangan ke atas sesuatu sedangkan menurut istilah pula adalah mengusapkan tangan yang basah atau sesuatu yang menggantikan kedudukannya ke permukaan khuff dalam masa yang telah ditentukan oleh syariat.

"على", *muta'addi* dengan *'ala* mengisyaratkan kepada tempat yang wajib diusap, iaitu bahagian permukaan khuff, bukan bahagian dalaman dan bukan pula bahagian bawahnya, meskipun disunatkan mengusap bahagian bawahnya.

"الخفين", bentuk *tatsniyah* dari lafaz *al-khuff*, ertinya sejenis stoking kaki yang terbuat daripada kulit untuk menutupi telapak kaki hingga kedua mata kaki tertutup. Hikmah menyebut *al-khuffain* dalam bentuk *tatsniyah* menunjukkan tidak boleh mengusap salah satunya sahaja.

"كُنْتُ مَعَ النَّبِيِّ", aku pernah bersama dengan Nabi (s.a.w) dalam perjalanan menuju ke perang Tabuk seperti mana yang disebutkan di dalam riwayat Abu Dawud dan solat yang disebutkan itu adalah solat Subuh. Tabuk adalah perang terakhir yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w). Jarak antara Tabuk dengan Madinah ialah sejauh empat belas marhalah menuju ke arah negeri Syam. Sedangkan jarak

antara Tabuk dengan Damaskus adalah sejauh sebelas marhalah. Nama "Tabuk" sudah wujud sejak zaman dahulu kala, tetapi pendapat yang lain mengatakan bahawa dinamakan Tabuk kerana sabda Rasulullah (s.a.w) ketika melihat para sahabatnya mencedok air dari mata air: "Mengapa kamu masih tetap mencedoknya dengan cawan secara bersungguh-sungguh?" Akhirnya tempat itu diberi nama "Tabuk."

"فَأَهْوَيْتُ", maka aku menghulurkan tanganku.

"لِأَنْزِعَ", untuk menanggalkan dan mengeluarkan khuffnya.

"طَاهِرَتَيْنِ", berkedudukan sebagai *hal* (kata keterangan keadaan) dari lafaz "القدمين", di dalam riwayat yang dikemukakan oleh Abu Dawud disebutkan: "Sesungguhnya aku memasukkan kedua telapak kakiku dalam keadaan suci."

"وَفِي إِسْنَادِهِ ضَعْفٌ", di dalam sanadnya terdapat unsur dha'if, kerana hadis ini diriwayatkan oleh Warrad juru tulis al-Mughirah dan ulama hadis telah menilainya dha'if.

Fiqh Hadis

1. Dibolehkan bagi seseorang berkhidmat kepada orang alim. Seseorang boleh dengan sengaja melakukan pelayanan terhadap orang lain sesuai dengan kebiasaan orang itu yang dia kenal meskipun tidak ada perintah terlebih dahulu.
2. Memakai khuff dalam perjalanan dan boleh mengusap khuff. Dalam hadis yang ketiga berikut ini disebutkan bahawa disyariatkan memakai khuff meskipun dalam keadaan bermukim.
3. Kedua kaki disyariatkan dalam keadaan suci yang sempurna dengan menggunakan air sebelum memakai sepasang khuff.
4. Memberikan pengertian melalui isyarat untuk menolak pemahaman yang keliru kerana sabda Rasulullah (s.a.w) yang mengatakan: "Biarlah keduanya."
5. Disyariatkan mengusap bahagian atas dan bahagian bawah khuff.

٥٤- عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "لَوْ كَانَ الدِّينُ بِالرَّأْيِ لَكَانَ أَسْفَلُ الْخُفِّ أَوْلَى بِالْمَسْحِ مِنْ أَعْلاَهُ، وَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَمْسَحُ عَلَى ظَاهِرِ خُفَّيْهِ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ.

54. Daripada 'Ali (r.a), beliau berkata: "*Seandainya agama berlandaskan kepada akal semata, tentu bahagian bawah khuff lebih utama diusap berbanding bahagian atasnya. Sesungguhnya saya pernah melihat Rasulullah (s.a.w) mengusap bahagian atas sepasang khuffnya.*" (Disebut oleh Abu Dawud dengan sanad hasan)

Makna Hadis

Renungkan dengan baik hukum syariat yang sedemikian teliti hukum-hukumnya di mana akal dan qiyas tidak boleh digunakan sesuka hati. Khalifah 'Ali (r.a) seorang imam mujtahidin terpaku hairan melihat keistimewaan di sebalik

mengusap sepasang khuff ini. Dengan kata-katanya ini, beliau bermaksud menutup pintu akal dan helah supaya tidak merosakkan agama di kalangan orang awam. Meskipun akal cenderung memilih untuk mengusap bahagian bawah khuff adalah lebih utama kerana kotoran biasanya melekat padanya, namun perbuatan Rasulullah (s.a.w) mesti didahulukan di atas segala pertimbangan. Akal yang sempurna mesti tunduk kepada syariat, sebab akal tidak mampu menjangkau hikmah ilahiyah di sebalik syariat mengusap khuff ini. Tidaklah seseorang itu sesat melainkan lantaran mereka terlampau mengutamakan akal dan mengabaikan dalil naqli.

Analisis Lafaz

"بِالرَّأْيِ", dengan qiyas (analogi) dan menggunakan akal.

"أَسْفَلُ الْخُفِّ أَوْلَى بِالْمَسْحِ مِنْ أَعْلاَهُ", bahagian bawah telapak kaki lebih berhak diusap berbanding bahagian atasnya, kerana bahagian bawah yang bersentuhan secara langsung dengan tanah ketika berjalan dan memijak sesuatu yang mesti dibuang daripadanya.

"ظَاهِرِ خُفَّيْهِ", bahagian atas kedua khuffnya.

Fiqh Hadis

1. Menjelaskan tempat yang mesti diusap pada kedua khuff. Apa yang wajib diusap ialah bahagian atasnya, namun sunat mengusap bahagian bawahnya.
2. Dilarang menggunakan qiyas dan akal dalam masalah syariat yang telah ditetapkan hukumnya, kerana qiyas tidak boleh bertentangan dengan nash.

٥٥- عَنْ صَفْوَانَ بْنِ عَسَّالٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْمُرُنَا إِذَا كُنَّا سَفْرًا أَنْ لاَ نَنْزِعَ خِفَافَنَا ثَلاَثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيَهُنَّ، إِلاَّ مِنْ جَنَابَةٍ وَلَكِنْ مِنْ غَائِطٍ، وَبَوْلٍ، وَنَوْمٍ". أَخْرَجَهُ النَّسَائِيُّ، وَالتِّرْمِذِيُّ وَاللَّفْظُ لَهُ، وَابْنُ خُزَيْمَةَ وَصَحَّحَاهُ.

55. Daripada Safwan ibn 'Assal (r.a), beliau berkata: "*Nabi (s.a.w) sering kali memerintahkan kami apabila berada dalam suatu perjalanan untuk tidak menanggalkan khuff selama tiga hari tiga malam, kecuali kerana junub, namun apabila kamu membuang air besar, buang air kecil dan tidur (maka kami tidak menanggalkannya).*" (Disebut oleh al-Nasa'i dan al-Tirmizi. Lafaz hadis ini adalah menurut al-Tirmizi dan Ibn Khuzaimah menilainya sahih)

٥٦- عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "جَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلاَثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيَهُنَّ لِلْمُسَافِرِ، وَيَوْمًا وَلَيْلَةً لِلْمُقِيمِ. يَعْنِي: فِي الْمَسْحِ عَلَى الْخُفَّيْنِ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

56. Daripada 'Ali bin Abu Thalib (r.a), beliau berkata: "*Nabi (s.a.w) menjadikan batasan waktu tiga hari tiga malam bagi orang yang bermusafir dan sehari semalam bagi orang yang bermukim, yakni dalam mengusap dua khuff.*" (Disebut oleh Muslim)

Makna Hadis

Hadas besar dapat memutuskan waktu mengusap khuff. Jadi, seseorang tidak dibolehkan mengusap khuffnya apabila berhadas besar. Apapun, hadas kecil tidak memutuskan waktu mengusap khuff. Rasulullah (s.a.w) telah memberikan batasan waktu untuk mengusap khuff dan baginda membezakan antara orang yang sedang bermusafir dengan orang yang bermukim. Untuk itu, baginda menjadikan masa mengusap khuff bagi orang yang bermusafir selama tiga hari tiga malam sebagai keringanan baginya memandangkan wujudnya kesukaran ketika dalam perjalanan sedangkan bagi orang yang bermukim pula batasan waktunya hanya sehari semalam.

Analisis Lafaz

"سَفْرًا", *isim jamak* bagi lafaz *musafir*, ertinya orang yang sedang bermusafir. Lafaz "سَفْرًا" tidak disebut jamak kerana tidak ada jamak yang berwazan *fa'lun*.

"جَنَابَةٍ", hadas besar, iaitu hadas yang mewajibkan seseorang mandi wajib.

"وَلَكِنْ مِنْ غَائِطٍ، وَبَوْلٍ، وَنَوْمٍ", kami tidak menanggalkan khuff disebabkan buang air besar, buang air kecil dan tidur kecuali apabila masa yang telah ditetapkan sudah berakhir. Apa yang telah disebutkan termasuk dalam kategori hadas kecil, iaitu hadas yang mewajibkan seseorang berwuduk.

"جَعَلَ", mensyariatkan dan menentukan.

Fiqh Hadis

1. Mengusap khuff adalah dibolehkan.
2. Pembatasan waktu yang dibolehkan mengusap kedua khuff bagi orang yang bermusafir adalah tiga hari tiga malam, sedangkan bagi orang yang bermukim hanya sehari semalam.
3. Wajib mencabut kedua khuff kerana berhadas besar, sekalipun batas waktu yang ditentukan belum berakhir.
4. Wajib menanggalkan kedua khuff jika batas waktu yang ditentukan oleh syariat telah berakhir.
5. Pembatasan waktu mengusap khuff adalah menurut pendapat jumhur ulama, sedangkan mazhab Maliki mengatakan tidak ada batasan waktu dalam mengusap khuff. Menurut mereka, tidak wajib menanggalkan kedua khuff kecuali kerana dalam keadaan berjunub dan disunatkan menanggalkan khuff setiap tujuh hari sekali ketika sedang bermukim, bukan dalam keadaan sedang bermusafir.

Periwayat Hadis

Safwan ibn 'Assal al-Muradi al-Jumali ikut berperang bersama Nabi (s.a.w) sebanyak dua belas kali peperangan. Beliau meriwayatkan 20 hadis. Ibnu Mas'ud

seorang sahabat masyhur dan Zirr ibn Hubaisy mengambil riwayat daripadanya.

٥٧- عَنْ ثَوْبَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "بَعَثَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَرِيَّةً، فَأَمَرَهُمْ أَنْ يَمْسَحُوا عَلَى الْعَصَائِبِ - يَعْنِي: الْعَمَائِمَ -وَالتَّسَاخِينِ- يَعْنِي: الْخِفَافَ". رَوَاهُ أَحْمَدُ، وَأَبُو دَاوُدَ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

57. Daripada Tsauban (r.a), beliau berkata: "*Rasululluh (s.a.w) mengirimkan pasukan sariyyah, lalu baginda menganjurkan mereka supaya mengusap serban dan khuff (mereka).*" (Disebut oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud serta dinilai sahih oleh al-Hakim)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) tidak pernah merasa lelah menyeru manusia untuk taat kepada Allah. Ada ketikanya baginda berangkat secara langsung memimpin pasukan perang dan ini menurut ulama sejarah disebut dengan istilah *al-ghazw* dan ada ketikanya pula baginda tidak memimpin secara langsung peperangan sebaliknya hanya mengutus pasukan untuk berperang dan ini menurut ulama sejarah disebut dengan istilah *al-sariyyah*.

Rasulullah (s.a.w) selalunya menyampaikan nasihat-nasihat kepada mereka sebagai pedoman supaya mereka sentiasa berada dalam jalan yang lurus, sama ada ketika mereka tinggal berdekatan bersama baginda ataupun sebaliknya. Jika berlaku kemusykilan tentang agama, mereka bertanya kepada Nabi (s.a.w) sesudah mereka kembali pulang ke Madinah. Setelah mereka menjalani musim sejuk, mereka datang menghadap baginda melaporkan perihal mereka. Baginda memerintahkan mereka supaya mengusap serban dan khuff supaya mereka tidak mengalami kesukaran akibat mengusap secara langsung ke atas kepala dan kaki ketika musim sejuk. Ini merupakan rahmat buat mereka.

Analisis Lafaz

"سَرِيَّةً", sekumpulan pasukan yang diutus oleh Rasulullah (s.a.w) ke medan perang. Jumlah maksimum anggota sariyyah seramai empat ratus orang. Sariyyah yang pernah dikirim oleh Nabi (s.a.w) berjumlah lima puluh. *Al-Ghazw* ialah pasukan perang yang secara langsung dipimpin Nabi (s.a.w) sendiri dan jumlah keseluruhan *al-ghazw* ialah 27 kali.

"الْعَصَائِبِ", serban. Diberi nama demikian kerana serban dililitkan di atas kepala sama seperti pembalut yang juga dililitkan pada anggota tubuh tertentu.

"يَعْنِي: الْعَمَائِمَ" "يَعْنِي: الْخِفَافَ", kalimat yang diselitkan ke dalam matan hadis ini termasuk perkataan periwayat yang bertujuan mentafsirkan lafaz "الْعَصَائِبِ" dan "التَّسَاخِينِ", kerana keduanya merupakan lafaz yang gharib.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan mengutus sariyyah untuk berjihad.
2. Dibolehkan mengusap serban ketika berwuduk.
3. Mengusap sepasang khuff sememangnya dibolehkan.

Periwayat Hadis

Tsauban ialah Abu ‘Abdullah ibnu Bajdad, termasuk salah seorang penduduk al-Ssrah (nama sebuah tempat yang terletak antara Mekah dengan Madinah). Beliau menjadi tawanan perang, lalu dibeli oleh Nabi (s.a.w) dan kemudian memerdekakannya. Beliau sentiasa bersama Rasulullah (s.a.w), sama ada ketika dalam keadaan bermukim mahupun dalam bermusafir. Beliau meriwayatkan 127 hadis. Khalid ibn Ma’dan, Rasyid ibn Sa’d, dan sejumlah ulama yang lain mengambil riwayat daripadanya. Beliau berpindah ke negeri Syam setelah Rasulullah (s.a.w) wafat dan beliau meninggal dunia di Himsha pada tahun 54 Hijriah.

٥٨- عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ -مَوْقُوفًا- وَ[عَنْ] أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ -مَرْفُوعًا-: "إِذَا تَوَضَّأَ أَحَدُكُمْ وَلَبِسَ خُفَّيْهِ فَلْيَمْسَحْ عَلَيْهِمَا، وَلْيُصَلِّ فِيهِمَا، وَلاَ يَخْلَعْهُمَا إِنْ شَاءَ إِلاَّ مِنْ جَنَابَةٍ". أَخْرَجَهُ الدَّارَقُطْنِيُّ، وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ.

58. Daripada ‘Umar (r.a) secara mauquf dan daripada Anas (r.a) secara marfu’ bahawa apabila seseorang di antara kami berwuduk, lalu memakai kedua khuffnya, maka hendaklah dia mengusap kedua khuffnya dan boleh mengerjakan solat dengan memakai keduanya serta dia tidak perlu menanggalkan keduanya jika dia mahu melainkan kerana berjunub.” (Disebut oleh al-Daraquthni dan al-Hakim yang menilainya sahih)

Makna Hadis

Tidak ada batasan waktu tertentu untuk mengusap sepasang khuff, kerana makna hadis ini bersifat mutlak yang tidak menyebutkan pembatasan waktu dan tidak pula mengikatnya dengan syarat bermusafir. Hadis inilah yang dijadikan pegangan oleh Imam Malik. Selain Imam Malik bahawa tiada batas waktu tertentu dalam mengusap khuff manakala ulama selain Imam Malik mengikat kemutlakan hadis ini dengan apa yang terkandung di dalam hadis-hadis terdahulu yang menyatakan adanya pembatasan waktu.

Analisis Lafaz

“مَوْقُوفًا”, hadis mauquf dan rujuk takrifnya pada bahagian mukaddimah.

“مَرْفُوعًا”, hadis marfu’ dan rujuk takrifnya pada bahagian mukaddimah. Hadis ini dinyatakan sebagai hadis marfu’ memandangkan ia mesti diutamakan ke atas hadis mauquf apabila keduanya bertentangan.

“إِنْ شَاءَ”, apabila dia mahu. Mengikat makna hadis ini dengan “apabila dia

mahu" untuk menyanggah makna perintah yang menunjukkan wajib sekali gus menyanggah pengertian haram yang terkandung dalam larangannya.

"جَنَابَةٍ", hadas besar, iaitu hadas yang mewajibkan seseorang mandi wajib.

Fiqh Hadis

1. Disyaratkan seseorang itu telah bersuci dengan menggunakan air sebelum memakai kedua khuff.
2. Tidak perlu membasuh kedua khuff.
3. Adanya perintah yang menganjurkan solat dengan memakai kedua khuff tanpa perlu menanggalkannya.
4. Tidak ada batasan waktu mengusap khuff dan inilah pendapat Imam Malik. Manakala jumhur ulama pula mengikat kemutlakan hadis ini dengan kedua hadis sebelum ini yang diriwayatkan melalui Safwan (r.a) dan 'Ali (r.a).

٥٩- عَنْ أَبِي بَكْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ رَخَّصَ لِلْمُسَافِرِ ثَلاَثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيَهُنَّ، وَلِلْمُقِيمِ يَوْمًا وَلَيْلَةً، إِذَا تَطَهَّرَ فَلَبِسَ خُفَّيْهِ: أَنْ يَمْسَحَ عَلَيْهِمَا. أَخْرَجَهُ الدَّارَقُطْنِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

59. Daripada Abu Bakrah (r.a) daripada Nabi (s.a.w) bahawa baginda memberikan *rukhsah* bagi orang yang bermusafir selama tiga hari tiga malam dan bagi orang yang bermukim selama sehari semalam. Jika seseorang telah bersuci lalu memakai kedua khuffnya, maka hendaklah dia mengusap keduanya." (Disebut oleh al-Daraquthni dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) memberi kemudahan dengan membenarkan mengusap kedua khuff. Untuk itu, baginda menetapkan bahawa batasan waktu mengusap khuff bagi orang yang bermusafir lebih lama berbanding orang yang bermukim, kerana orang yang bermusafir sentiasa berada dalam kesukaran. Tempoh mengusap khuff bagi orang yang bermusafir adalah tiga hari tiga malam dan bagi orang yang bermukim hanya satu hari satu malam, tetapi dengan syarat orang berkenaan dalam keadaan suci yang sempurna ketika memakai kedua khuffnya.

Analisis Lafaz

"رَخَّصَ", *rukhsah* adalah hukum syariat yang telah diberi keringanan sebagai pilihan untuk menghindar hukum syariat yang lebih sukar, tetapi disertai dengan adanya faktor-faktor terntu pada hukum asalnya. Lawan *rukhsah* adalah *'azimah*. Di dalam sebuah hadis disebutkan:

إِنَّ اللهَ يُحِبُّ أَنْ تُؤْتَى رُخَصُهُ كَمَا يُحِبُّ أَنْ تُؤْتَى عَزَائِمُهُ.

"*Sesungguhnya Allah suka apabila rukhsah-Nya dikerjakan sebagai mana suka apabila 'azimah-Nnya dikerjakan.*"

Fiqh Hadis

1. Menjelaskan batasan waktu mengusap sepasang huff, iaitu tiga hari tiga malam bagi orang yang bermusafir dan hanya sehari semalam bagi orang yang bermukim.
2. Seseorang yang hendak mengusap khuff disyaratkan telah bersuci dengan air secara sempurna ketika memakai keduanya.
3. Menganggap perbuatan mengusap khuff sebagai *rukhsah*, kerana ia merupakan perpindahan hukum syariat yang sukar kepada hukum syariat yang mudah.

Rukhsah yang berkaitan dengan musafir ada lapan; empat di antaranya khusus berkaitan dengan waktu yang lama, seperti mengusap sepasang khuff di mana waktunya selama tiga hari, mengqasar solat, menjamak solat dan berbuka puasa; empat yang lain pula boleh dilakukan dalam masa yang singkat dan boleh pula dilakukan dalam masa yang lama, seperti memakan bangkai, mengerjakan solat sunat di atas kenderaan, gugurnya kewajipan solat dengan tayammum tanpa perlu mengulanginya semula dan boleh meninggalkan solat Jumaat tetapi tetap diwajibkan mengerjakan solat Zohor. Inilah yang telah disebut oleh al-Nawawi dalam kitab Syarah al-Muhaddzab.

Periwayat Hadis

Abu Bakrah, nama aslinya adalah Nafi' ibn al-Harits ibn Kaldah al-Tsaqafi. Beliau turun dari benteng al-Tha'if dengan bersama sekumpulan hambanya ketika Rasulullah (s.a.w) mengepung benteng tersebut. Rasulullah (s.a.w) kemudian menyebutnya dengan panggilan "Abu Bakrah." Beliau masuk Islam lalu baginda memerdekakannya. Beliau termasuk salah seorang sahabat yang disegani. Hadis yang telah diriwayatkannya berjumlah 122 hadis. Beliau meninggal dunia di Basrah pada tahun 51 Hijriah.

٦٠ - عَنْ أُبَيِّ بْنِ عِمَارَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ: "يَا رَسُولَ اللهِ أَمْسَحُ عَلَى الْخُفَّيْنِ؟" قَالَ: "نَعَمْ". قَالَ: "يَوْمًا؟" قَالَ: "نَعَمْ". قَالَ: "وَيَوْمَيْنِ؟" قَالَ: "نَعَمْ". قَالَ: "وَثَلاَثَةً". قَالَ: "نَعَمْ، وَمَا شِئْتَ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ، وَقَالَ: لَيْسَ بِالْقَوِيِّ.

60. Daripada Abu 'Imarah (r.a), beliau bertanya: *"Wahai Rasulullah, bolehkah saya mengusap kedua khuff)?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Ya." Beliau bertanya: "Selama satu hari?" Baginda menjawab: "Ya". Beliau bertanya lagi: "Selama dua hari?" Baginda menjawab: "Ya." Beliau bertanya lagi: "Selama tiga hari?" Baginda menjawab: "Ya dan selama yang engkau mahu melakukannya.*" (Disebut oleh Abu Dawud dan berkata: "Hadis ini kurang kuat.")

Makna Hadis

Seorang sahabat telah menceritakan satu hadis kepada kita bahawa beliau pernah

bertanya kepada Nabi (s.a.w) tentang batas waktu mengusap khuff, apakah satu hari, dua hari atau tiga hari. Nabi (s.a.w) menjawab dengan perkataannya setiap kali beliau bertanya dan pada soalan yang terakhir, baginda menjawabnya secara mutlak melalui perkataan: “Selama yang engkau mahu melakukannya.” Jawapan tersebut menunjukkan bahawa tidak ada batasan waktu bagi orang yang hendak mengusap khuff.

Analisis Lafaz

“أَمْسَحُ عَلَى الْخُفَّيْنِ”, dengan anggapan wujudnya *hamzah istifham* sebelumnya. Dengan erti kata lain, bolehkah saya mengusap kedua khuff?” Barangkali sahabat ini belum pernah tahu tentang *rukhsah* mengusap khuff atau sahabat tersebut meyakini bahawa mengusap khuff hanya dibolehkan secara khusus kepada Nabi (s.a.w).

“وَمَا شِئْتَ”, usaplah selama tiga hari dan beberapa hari yang lain selama yang engkau mahukan lebih daripada itu.

“لَيْسَ بِالْقَوِيِّ”, hadis ini kurang kuat. Menurut Imam Ahmad, para hadis ini tidak dikenali. Al-Daruquthni mengatakan bahawa sanad hadis ini tidak sabit.

Fiqh Hadis

Tidak ada batasan waktu tertentu untuk mengusap dua khuff, sama ada dalam keadaan bermusafir mahupun dalam keadaan bermukim. Inilah pendapat Imam Malik.

Periwayat Hadis

Abu ‘Imarah adalah seorang sahabat, tinggal di Mesir dan hanya meriwayatkan satu hadis. ‘Ubadah ibn Nasa dan Ayub ibn Qathn telah mengambil riwayat daripadanya. Ibn Mu’in berkata: “Sanad hadis ini masih belum jelas.” Al-Bukhari berkata: “Sanadnya *majhul*.”

Kesimpulan

Hadis-hadis dalam bab ini menunjukkan beberapa kesimpulan berikut:

1. Disyariatkan mengusap kedua khuff, sama ada ketika dalam keadaan bermukim mahupun ketika bermusafir. Hadis-hadis ini turut menetapkan batas waktunya serta tempat yang mesti diusap (iaitu bahagian atas khuff, bukan bahagian bawahnya).
2. Disyariatkan bersuci yang sempurna dengan menggunakan air sebelum memakai kedua khuff.
3. Junub membatalkan mengusap khuff, sekalipun batas waktunya masih belum berakhir, iaitu sehari semalam bagi orang yang bermukim dan bagi orang yang bermusafir selama tiga hari tiga malam.
4. Dibolehkan mengusap serban ketika dalam bermusafir.

5. Dibolehkan mengutus sariyyah untuk berperang melawan orang musyrik.

Soalan

1. Apakah takrif khuff?
2. Bagaimanakah hukum mengusap kedua khuff? Jelaskan caranya dan hikmah yang terkandung di dalamnya!
3. Bagaimanakah hukum orang yang mengingkari mengusap khuff?
4. Apakah rahsia me-*muta'addi*-kan lafaz "مسح" dengan lafaz *'ala*?
5. Apakah rahsia men-*tatsniyah*-kan lafaz "الخفين" pada hadis ini?
6. I'rabkan lafaz "طَاهِرَتَيْنِ"!
7. Sebutkan batasan yang diwajibkan dalam mengusap khuff!
8. Bilakah qiyas tidak boleh digunakan sebagai sumber hukum?
9. Berapa lamakah batasan waktu yang membolehkan seseorang mengusap khuff? Jelaskan perbezaan pendapat ulama mengenai masalah ini!
10. Jelaskan hikmah pembatasan waktu mengusap khuff! Bagaimanakah hukum seseorang yang berhadas kecil atau berhadas besar sebelum batas waktu mengusap khuff berakhir?
11. Apakah takrif *al-ghazwah* dan *al-sariyyah* dan berapakah jumlah tentera yang biasa menyertai *al-ghazwah* dan *al-sariyyah*?
12. Jelaskan perbezaan pendapat ulama mengenai mengusap serban dan *'asha'ib*! Apakah yang dimaksudkan dengan *al-'ashaib* itu?
13. Apakah latar belakang perintah Rasulullah (s.a.w) kepada *sariyyah* supaya mereka mengusap *'asha'ib* dan khuff mereka?
14. Apakah takrif *rukhsah* itu dan apa pula lawan katanya?
15. Jelaskan *rukhsah* yang berkaitan dengan musafir dan sebahagian *rukhsah* yang berkaitan dengan musafir secara mutlak!
16. Jelaskan batasan waktu mengusap khuff dan jelaskan pula pendapat salah seorang ulama yang tidak mengambil hujah dengan hadis Abu Bakrah dan apa pula hadis yang dijadikan pegangan mazhabnya?

BAB PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN WUDUK

٦١- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "كَانَ أَصْحَابُ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -عَلَى عَهْدِهِ- يَنْتَظِرُونَ الْعِشَاءَ حَتَّى تَخْفِقَ رُؤُوسُهُمْ، ثُمَّ يُصَلُّونَ وَلاَ يَتَوَضَّئُونَ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ، وَصَحَّحَهُ الدَّارَقُطْنِيُّ. وَأَصْلُهُ فِي مُسْلِمٍ.

61. Daripada Anas ibn Malik (r.a), beliau berkata: "*Para sahabat Rasulullah (s.a.w) pada masa baginda masih hidup biasa menunggu waktu solat Isyak hingga kepala mereka tertunduk (kerana mengantuk), kemudian mereka mengerjakan solat tanpa mengambil air wuduk semula.*" (Disebut oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh al-Daruquthni. Asal hadis ini ada pada Muslim)

Makna Hadis

Pada masa Rasulullah (s.a.w) para sahabat selalunya menunggu tibanya waktu solat Isyak sesudah solat Magrib dengan tujuan mereka dapat mengerjakannya secara berjamaah bersama Rasulullah (s.a.w). Rasulullah (s.a.w) sering kali terlambat keluar dari rumahnya untuk menemui mereka hingga mereka terlelap oleh rasa mengantuk dan tertidur kerana pada siang harinya mereka amat lelah bekerja. Kepala mereka kelihatan menunduk kerana tertidur. Apabila Rasulullah (s.a.w) keluar dari rumahnya untuk mengerjakan solat Isyak bersama mereka, mereka terus mengerjakan solat di belakangnya tanpa mengambil air wuduk semula, sebab mereka tidur dalam keadaan *mutamakkin* (duduk dengan tetap).

Analisis Lafaz

"النواقض", bentuk jamak lafaz *naqidh*. Menurut makna asalnya ialah melepaskan ikatan, kemudian digunakan untuk pengertian membatalkan wuduk dengan melakukan perkara-perkara yang telah ditetapkan oleh syariat sebagai membatalkan wuduk secara majaz. Ia digunakan untuk menunjukkan pembatalan wuduk secara hakiki secara 'urfi. Makna yang dimaksudkan *al-nawaqidh* ialah sesuatu yang membatalkan wuduk. Pembahasan mengenai perkara-perkara yang membatalkan wuduk ini ini sengaja diakhirkan daripada pembahasan wuduk kerana pembatal wuduk bersifat mendatang dan sesuatu yang mendatang kepada perkara lain mestilah disebutkan sesudah mendapatkan gambaran dan pengertian tentang sesuatu itu.

"عَلَى عَهْدِهِ", pada masa Rasulullah (s.a.w). Hadis ini marfu' kerana nya mengalami sendiri pengalaman tersebut dan telah diketahui secara langsung oleh Nabi (s.a.w). Bahagian inilah yang dijadikan hujah dalam hadis ini dan ia hanya berlaku bagi mereka. Tidur Nabi (s.a.w) tidak membatalkan wuduknya dan begitu pula nabi-nabi yang lain, kerana meskipun mata mereka tidur, namun hati mereka tidak tidur.

"تَخْفِقَ", tertunduk. Lafaz ini di-*nasab*-kan oleh lafaz *an* yang di-*mudhmar*-kan (tidak disebutkan) secara wajib sesudah lafaz *hatta*. Makna yang dimaksudkan di sini ialah mereka tidur hingga dagu mereka mengenai dada mereka dan mereka tetap dalam keadaan duduk.

"وَأَصْلُهُ فِي مُسْلِمٍ", asal hadis ini ada pada Muslim melalui Anas ibn Malik (r.a). Anas (r.a) telah menceritakan: "Solat Isyak telah diiqamahkan, tetapi ada seorang lelaki menanyakan suatu keperluan kepadaku. Maka Nabi (s.a.w) bangkit dan berbicara perlahan-lahan dengannya, hingga semua kaum yang ada atau sebahagian dari mereka tertidur, setelah itu mereka solat.

Fiqh Hadis

Seseorang yang tidur dalam keadaan duduk tetap tidak membatalkan wuduk. Pengsan, gila dan mabuk membatalkan wuduk kerana ia disamakan dengan tidur

yang bukan dalam keadaan tetap di mana kesedaran akal tidak berfungsi pada ketika itu.

Ulama berselisih pendapat mengenai batalnya wuduk disebabkan tidur. Imam Malik melihat kepada faktor tidur itu sendiri. Untuk itu, beliau berkata: "Jika seseorang tidur lena hingga tidak merasa apa-apa yang berlaku di hadapannya, maka wuduknya batal. Tetapi jika seseorang tidur tidak lena, maka ia tidak membatalkan wuduk." Imam al-Syafi'i melihat kepada keadaan orang yang sedang tidur. Untuk itu, beliau berkata: "Jika seseorang tidur dengan cara memantapkan duduknya di atas lantai, maka wuduknya tidak batal. Jika tidak, maka wuduknya batal."

Imam Abu Hanifah berkata: "Jika seseorang tertidur dalam salah satu keadaan solat, seperti tidur ketika berdiri atau duduk atau sedang sujud, maka wuduknya tidak batal. Jika tidak, maka wuduknya batal." Imam Ahmad berkata: "Jika seseorang tidur dalam keadaan duduk atau berdiri, maka wuduknya tidak batal. Jika tidak, maka wuduknya batal."

Perbezaan pendapat ulama dalam masalah ini adalah disebabkan wujudnya perbezaan nash hadis mengenainya.

٦٢- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "جَاءَتْ فَاطِمَةُ بِنْتُ أَبِي حُبَيْشٍ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنِّي امْرَأَةٌ أُسْتَحَاضُ فَلاَ أَطْهُرُ، أَفَأَدَعُ الصَّلاَةَ؟ قَالَ: "لاَ، إِنَّمَا ذَلِكَ عِرْقٌ، وَلَيْسَ بِحَيْضٍ، فَإِذَا أَقْبَلَتْ حَيْضَتُكِ فَدَعِي الصَّلاَةَ، وَإِذَا أَدْبَرَتْ فَاغْسِلِي عَنْكِ الدَّمَ، ثُمَّ صَلِّي". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلِلْبُخَارِيِّ: "ثُمَّ تَوَضَّئِي لِكُلِّ صَلاةٍ. وَأَشَارَ مُسْلِمٌ إِلَى أَنَّهُ حَذَفَهَا عَمْدًا.

62. Daripada 'Aisyah (r.a), beliau berkata: "*Fatimah binti Abu Hubaisy datang kepada Nabi (s.a.w) lalu bertanya: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya adalah seorang wanita yang sering mengalami istihadhah, maka keadaanku selalu tidak suci, apakah saya boleh meninggalkan solat?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Jangan, sesungguhnya itu hanyalah darah penyakit dan bukannya darah haid. Jika haidmu datang, maka tinggalkanlah solat dan jika haidmu telah berakhir, maka cucilah darah dari dirimu, kemudian solatlah!*"

Menurut lafaz al-Bukhari ditambahkan: "*Kemudian berwuduklah kamu setiap kali hendak mengerjakan solat.*" Muslim mengisyaratkan bahawa dia telah membuang kalimat ini dengan sengaja.

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) sering kali duduk bersama para sahabatnya berbincang-bincang dengan mereka pada waktu malam hari dan menjawab soalan mereka. Seorang sahabat wanita bernama Fatimah binti Abu Hubaisy bertanya kepada Nabi (s.a.w) dan menjawab soalannya dan memutuskan suatu hukum yang mesti dijadikan pegangan. Nabi (s.a.w) menerangkan kepadanya perbezaan antara darah *istihadhah* dengan darah haid dan memberinya jalan keluar.

Dalam jawapannya, Rasulullah (s.a.w) memfatwakan kepada Fatimah binti Abu Hubaisy supaya tidak meninggalkan solat, sekalipun darah istihadhah itu masih terus mengalir. Baginda menyuruh untuk menunggu datangnya masa haid. Jika masa haid telah datang, dia hendaklah meninggalkan solat. Tetapi apabila masa haid telah berakhir, hendaklah dia mencuci darahnya, lalu mandi junub. Dalam kes ini dapat dibezakan permulaan dan akhir masa haid melalui tanda-tanda yang hanya diketahui oleh kaum wanita.

Analisis Lafaz

Fatimah binti Abu Hubaisy, nama asli ayahnya adalah Qais ibn 'Abdullah bin 'Abdul Mutthalib ibn Asad al-Asadiyah. Beliau adalah isteri 'Abdullah ibn Jahsy dan termasuk salah seorang muhajirin. Beliau sendiri yang mengalami istihadhah. 'Abdullah ibn al-Zubair telah mengambil riwayat daripadanya.

"أُسْتَحَاضُ", berasal dari kata *istihadhah*, ertinya darah yang keluar dari kemaluan wanita bukan pada masa haid. Darah tersebut bersumber daripada urat yang dikenali dengan nama *al-'adzil*.

"فَلاَ أَطْهُرُ", maka aku sentiasa berada dalam keadaan tidak bersih daripada darah.

"أَفَأَدَعُ الصَّلاَةَ", apakah saya boleh meninggalkan solat? Soalan ini menanyakan tentang keberlangsungan hukum haid ketika darah masih terus mengalir setelah mengetahui yang haid mencegah seorang wanita dari mengerjakan solat. Dia menyakini bahawa hukum tersebut berkaitan dengan mengalirnya darah.

"إِنَّمَا ذَلِكِ", *khithab* atau pembicaraan ini ditujukan kepada wanita. Oleh itu, huruf *kaf*-nya dibaca *kasrah*.

"عِرْقٌ", urat yang dikenal dengan nama *al-'adzil*. Ia terletak pada bahagian bawah rahim.

"وَلَيْسَ بِحَيْضٍ", haid menurut bahasa ialah mengalir, sedangkan menurut istilah pula ialah darah semula jadi yang keluar dari pangkal rahim wanita pada waktu-waktu tertentu. Takrif ini memberitahu perbezaan sumber kedua-dua jenis darah tersebut.

"فَإِذَا أَقْبَلَتْ حَيْضَتُكِ", apa yang dimaksudkan dengan istilah *al-iqbal* ialah permulaan darah haid.

"فَإِذَا أَقْبَلَتْ", apabila darah haid berhenti mengalir.

"وَأَشَارَ مُسْلِمٌ إِلَى أَنَّهُ حَذَفَهَا عَمْدًا", Muslim mengisyaratkan bahawa dia sengaja membuang kalimat "Kemudian berwuduklah setiap kali hendak mengerjakan solat." Al-Baihaqi mengatakan bahawa Muslim membuangnya kerana kalimat tersebut merupakan tambahan yang tidak *mahfuzh*. Kalimat ini berbeza dengan apa yang diriwayatkan oleh para lain yang meriwayatkan hadis ini dan ia diriwayatkan secara menyendiri (*tafarrud*) di kalangan sebahagian para nya. Tetapi al-Hafiz Ibn Hajar penulis kitab Bulugh al-Maram ini menetapkan bahawa tambahan ini benar adanya yang diriwayatkan melalui jalur-jalur yang tidak mungkin menyebabkannya menyendiri (*tafarrud*), malahan tambahan ini amat sesuai dengan konteks hadis.

Kaitan hadis dengan bab ini ialah apabila dapat dibuktikan bahawa darah istihadhah merupakan hadas yang boleh membatalkan wuduk, maka syariat memerintahkan orang yang mengalaminya untuk berwuduk semula.

Fiqh Hadis

1. Wanita dibolehkan bertanya secara langsung dan berbicara berhadapan dengan lelaki lain tentang masalah yang menyangkut perihal kaum wanita.
2. Dibolehkan mendengar suara wanita jika ada keperluan.
3. Darah *istihadhah* merupakan salah satu hadas yang membatalkan wuduk. Seorang wanita yang ber-*istihadhah* wajib berwuduk setiap kali hendak mengerjakan solat menurut pendapat Imam Ahmad dan Imam al-Syafi'i. Menurut Imam Maliki pula disunatkan berwuduk setiap kali hendak mengerjakan solat. Manakala menurut mazhab Hanafi pula dia diwajibkan berwuduk setiap waktu.
4. Darah haid itu najis dan begitu pula dengan darah *istihadhah*.
5. Najis mesti dihilangkan dari tubuh, pakaian dan tempat.
6. Wanita yang sedang berhaid tidak boleh (haram) mengerjakan solat.
7. Wanita yang ber-*istihadhah* tidak boleh meninggalkan solat.
8. Dibolehkan bersetubuh dengan isteri yang ber-*istihadhah*.

٦٣- عَنْ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "كُنْتُ رَجُلاً مَذَّاءً، فَأَمَرْتُ الْمِقْدَادَ بْنَ الْأَسْوَدِ أَنْ يَسْأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَأَلَهُ؟ فَقَالَ: "فِيهِ الْوُضُوءُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

63. Daripada 'Ali ibn Abu Thalib (r.a), beliau berkata: "*Saya adalah seorang yang sering kali mengeluarkan madzi. Saya menyuruh al-Miqdad bin al-Aswad untuk bertanya kepada Nabi (s.a.w) mengenai masalah ini, lalu al-Miqdad menanyakannya. Mendengar itu, Nabi (s.a.w) bersabda: "Seseorang keluar air madzi wajib wuduk.*" (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis ini menurut riwayat al-Bukhari)

Makna Hadis

Bersopan santun kepada mertua merupakan perbuatan terpuji dan dituntut di sisi agama. Hadis ini menceritakan menantu Nabi (s.a.w) yang dikalahkan oleh perasaan malunya untuk bertanya tentang masalah agama. Untuk itu, dia menyurah al-Miqdad menanyakan masalah yang dialaminya kepada Rasulullah (s.a.w) supaya baginda menetapkan hukum syariat mengenainya. Baginda menjawabnya di hadapan sekumpulan manusia, termasuk pula 'Ali (r.a) sendiri. Baginda menetapkan bahawa madzi merupakan salah satu hadas yang boleh membatalkan wuduk, tetapi tidak mewajibkan mandi junub.

Analisis Lafaz

"مَذَّاءً", lelaki yang sering kala mengeluarkan air madzi. Lafaz ini merupakan bentuk *mubalaghah*. Madzi ialah air putih yang agak kental dan licin. Ia keluar dari zakar ketika bermesraan atau tengah ingat tentang persetubuhan atau ketika hendak bersetubuh.

Al-Miqdad ibn al-Aswad adalah seorang sahabat yang telah meriwayatkan 42 hadis. Beliau adalah wira pasukan berkuda kaum Muslim semasa perang Badar. Beliau turut berhijrah ke Habsyah dan ikut dalam banyak peperangan.

Nabi (s.a.w) bersabda: "Allah telah memerintahkan kepadaku untuk mencintai empat orang."[6] Di antaranya baginda al-Miqdad. Ibn 'Abbas (r.a) telah mengambil riwayat hadis daripadanya. Al-Miqdad meninggal dunia pada tahun 33 Hijriah dalam usia 70 tahun.

Fiqh Hadis

1. Boleh menyuruh orang lain untuk meminta fatwa.
2. Bergaul dengan baik dengan sesama kaum kerabat.
3. Bersopan santun dan mengamalkan tradisi yang baik dengan tidak menanyakan secara langsung perkara-perkara yang dianggap memalukan menurut adat kebiasaan.
4. Menggabungkan antara maslahat bersifat malu (sopan santun) dan tidak bersikap tidak senonoh untuk mengetahui suatu hukum.
5. Keluarnya madzi menyebabkan batalnya wuduk, tetapi tidak mewajibkan mandi wajib.
6. Menegaskan bahawa madzi adalah najis dan wajib mencuci zakar daripadanya seperti mana yang ditegaskan oleh riwayat lain yang mengatakan: "Berwuduklah dan cucilah zakarmu!" Hadis ini menurut lafaz al-Bukhari.

٦٤- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبَّلَ بَعْضَ نِسَائِهِ، ثُمَّ خَرَجَ إِلَى الصَّلاَةِ وَلَمْ يَتَوَضَّأْ. أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ، وَضَعَّفَهُ الْبُخَارِيُّ.

64. Daripada 'Aisyah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) mencium salah seorang isterinya, kemudian keluar untuk mengerjakan solat dan baginda lagi tidak mengambil air wuduk. (Disebut oleh Imam Ahmad dan dinilai dha'if oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Nabi kita adalah penutup para nabi dan para rasul dan oleh kerananya, tidak ada syariat lagi dan tidak ada pula wahyu yang diturunkan sesudahanya, meskipun pelbagai peristiwa dan keadaan terus berkembang pesat seiring dengan tuntutan zaman dan perubahan-perubahannya. Maka hikmah Allah telah menetapkan

[6] Keempat orang itu adalah 'Ali bin Abu Thalib, al-Miqdad ibn al-Aswad, Abu Dzarr al-Ghifari dan Salman al-Farisi. Hadis ini disebut oleh al-Tirmizi daripada Buraidah. Al-Tirmizi menilainya sebagai hadis hasan.

sebagai rahmat bagi umat ini untuk membuka bagi para ulamanya medan yang luas untuk berijtihad, supaya mereka berlumba dalam bidang penelitian dan kajian.

Antara masalah tersebut ialah mengenai orang yang mempunyai wuduk, lalu menyentuh wanita yang bukan muhrimnya tanpa penghalang. Ada di antara para ulama yang mengatakan tidak batal wuduknya secara mutlak. Hujahnya ialah berlandaskan hadis di atas yang menyatakan bahawa Nabi (s.a.w) telah mencium salah seorang isterinya, lalu baginda terus keluar untuk mengerjakan solat tanpa perlu lagi berwuduk. Kumpulan ini memahami maksud perkataan *al-lams* dalam firman-Nya: "*...atau kamu telah menyentuh perempuan...*" (Surah al-Nisa: 43) dengan maksud "bersetubuh", bukan hanya sekadar menyentuh.

Ada pula di antara mereka yang berpendapat bahawa menyentuh perempuan bukan muhrim membatalkan wuduk secara mutlak kerana berlandaskan kepada makna zahir ayat di atas dan memahami hadis itu sebagai keistimewaan bagi Nabi (s.a.w), bukan untuk orang yang lain.

Ada pula di antara mereka yang mengambil jalan tengah. Untuk itu, mereka menetapkan bahawa wuduk batal apabila sentuhan itu dilakukan dengan disertai nafsu berahi. Jika tidak disertai nafsu berahi, maka ia tidak membatalkan wudu. Pendapat ini merupakan usaha menggabungkan dalil yang sedia ada seperti mana yang bakal dijelaskan berikut dalam bahagian fiqh hadis.

Analisis Lafaz

"قَبَّلَ بَعْضَ نِسَائِهِ", Nabi (s.a.w) mencium salah seorang isterinya. 'Urwah ibn al-Zubair berkata: "Saya bertanya kepada 'Aisyah: "Itu tidak adalah kamu sendiri." Mendengar itu, 'Aisyah pun tertawa.

"وَضَعَّفَهُ الْبُخَارِيُّ", hadis ini dinilai dha'if oleh al-Bukhari. Al-Tirmizi berkata: "Saya pernah mendengar Muhammad ibn Isma'il al-Bukhari menilai dha'if hadis ini." Abu Dawud turut menyebut hadis ini melalui jalur al-Taimi daripada 'Aisyah, tetapi al-Taimi belum pernah mendengar sesuatu pun daripada 'Aisyah. Oleh itu, hadis ini ialah mursal.

Fiqh Hadis

1. Menyentuh wanita dan menciumnya tidak membatalkan wuduk menurut pendapat Imam Abu Hanifah. Manakala Imam al-Syafi'i pula berkata: "Menyentuh wanita lain bukan muhrim tanpa berlapik membatalkan wuduk." Menurut Imam Ahmad dan Imam Malik, menyentuh wanita bukan muhrim disertai dengan nafsu membatalkan wuduk.
2. Berciuman merupakan termasuk persentuhan dan ia membatalkan wuduk apabila disertai dengan nafsu menurut Imam Ahmad dan Imam Malik. Menurut Imam Abu Hanifah tidak membatalkan wuduk. Sedangkan menurut mazhab al-Syafi'i, ia membatalkan wuduk apabila dilakukan tanpa penghalang.

٦٥- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا وَجَدَ أَحَدُكُمْ فِي بَطْنِهِ شَيْئًا، فَأَشْكَلَ عَلَيْهِ: أَخَرَجَ مِنْهُ شَيْءٌ أَمْ لاَ؟ فَلاَ يَخْرُجَنَّ مِنَ الْمَسْجِدِ حَتَّى يَسْمَعَ صَوْتًا أَوْ يَجِدَ رِيحًا". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

65. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu merasakan sesuatu dalam perutnya, lalu dia merasa ragu apakah telah keluar sesuatu daripadanya atau tidak, maka janganlah dia keluar meninggalkan masjid sebelum yakin mendengar suara (dari dalam perutnya) atau mencium bau sesuatu.*" (Disebut oleh Muslim)

Makna Hadis

Keraguan tidak memberikan apa-apa pengaruh dalam hukum Islam. Apa yang penting adalah keyakinan yang berlandaskan indera pendengaran dan penciuman. Di sini lahir satu kaedah penting dalam Islam yang ditampilkan oleh hadis ini. Kaedah penting tersebut adalah berpegang kepada hukum asal, mengabaikan keraguan dan menetapkan sesuatu berlandaskan hukum asalnya. Di dalam kaedah ini terdapat kemurahan agama Islam dan nampak kelihatan hikmah yang luar biasa. Seandainya segala sesuatu ditentukan dengan prasangka, nescaya semua keadaan akan pincang dan akibatnya menjadi buruk.

Analisis Lafaz

"إِذَا وَجَدَ أَحَدُكُمْ", jika seseorang dari kamu merasakan.

"فِي بَطْنِهِ شَيْئًا", di dalam perutnya dia merasakan sesuatu. Ini merupakan kata sindiran yang bermaksud kentut dan lain-lain yang keluar dari dalam perut.

"فَأَشْكَلَ عَلَيْهِ", lalu dia merasa ragu (sukar) untuk memastikannya.

"حَتَّى يَسْمَعَ صَوْتًا أَوْ يَجِدَ رِيحًا", hingga dia mendengar suara kentut atau baunya. Maksudnya adalah hingga dia benar-benar yakin. Lafaz *aw* bermaksud "atau" menunjukkan makna *tanwi'* (keragaman). Maksudnya, hingga dia merasa yakin akan keluarnya kentut atau bau. Disamakan dengan keduanya adalah setiap perkara yang membatalkan wuduk kerana keluar sesuatu dari dua jalan; qubul atau dubur.

Fiqh Hadis

1. Di dalam hadis ini terdapat etika atau sopan santun dalam mengungkapkan sesuatu, iaitu tidak menyebutkan secara langsung nama suatu benda yang dianggap menjijikkan melainkan kerana darurat.
2. Kentut membatalkan wuduk.
3. Hukum asal segala sesuatu adalah berdasarkan keadaan asalnya selagi tidak diyakini ada sesuatu yang bertentangan dengannya. Dengan erti kata lain, jika asalnya suci, maka tetap dianggap suci. Tetapi jika telah diyakin ada bau kentut atau suara yang keluar dari dalam perut, maka wuduk menjadi batal dan tidak

suci lagi.

4. Suci tidak dapat dihilangkan dengan sekadar adanya prasangka, sebaliknya mesti diketahui terlebih dahulu faktor yang menyebabkannya tidak lagi suci. Hadis ini merupakan landasan bagi kaedah fiqh yang mengatakan: " اليقين لايزول بالشك" (Perkara yang diyakini tidak dapat dihilangkan dengan adanya keraguan).
5. Cara mengubati waswas adalah dengan mengabaikannya dan tidak menghiraukan perkara yang diragukan itu.

٦٦- عَنْ طَلْقِ بْنِ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَجُلٌ: مَسَسْتُ ذَكَرِي أَوْ قَالَ الرَّجُلُ يَمَسُّ ذَكَرَهُ فِي الصَّلاَةِ: أَعَلَيْهِ وُضُوءٌ؟ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ، إِنَّمَا هُوَ بَضْعَةٌ مِنْكَ". أَخْرَجَهُ الْخَمْسَةُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ. وَقَالَ ابْنُ الْمَدِينِيِّ: هُوَ أَحْسَنُ مِنْ حَدِيثِ بُسْرَةَ.

66. Daripada Thaliq ibn 'Ali (r.a), beliau berkata: "Seorang lelaki bertanya: "Aku telah menyentuh zakarku," atau dia (Thaliq) sendiri yang bertanya: "Seorang lelaki menyentuh kemaluannya ketika dalam solat. Apakah dia mesti mengambil air wuduk semula?" Mendengar itu, Nabi (s.a.w) menjawnab: "Sesungguhnya kemaluan itu merupakan sebahagian daripada (tubuh)mu." (Disebut oleh al-Khamsah dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban. Ibn al-Madini berkata: "Hadis ini lebih baik daripada hadis Busrah.")

Makna Hadis

Oleh kerana solat adalah munajat di hadapan Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Raja, maka syariat mensyaratkan orang yang bersolat berada dalam keadaan suci supaya dia dibenarkan untuk melakukan munajat yang mulia itu. Oleh kerana menyentuh aurat boleh membangkitkan syahwat dan perbuatan ini boleh mengakibatkan keluarnya najis, maka perbuatan ini pada permulaan kedatangan Islam tidak dianggap membatalkan wuduk sebagai rahmat kepada umat. Namun setelah hukum Islam mantap, syariat menjadikan masalah menyentuh kemaluan membatalkan wuduk sebagai tindakan berhati-hati. Akan tetapi ada sesetengah ulamak yang berpendapat bahawa itu tidak membatalkan wuduk secara mutlak berlandaskan kepada hadis Thaliq dan berpegang kepada hukum asalnya.

Analisis Lafaz

"مَسَسْتُ", maksud *al-massu* ialah persentuhan antara dua kulit tanpa wujud penghalang.

"بَضْعَةٌ مِنْكَ", merupakan sebahagian daripada anggota tubuh sama halnya dengan anggota tubuh yang lain seperti tangan dan kaki.

Fiqh Hadis

Memegang atau menyentuh kemaluan tanpa berlapik tidak membatalkan wuduk. Inilah pendapat mazhab Imam Abu Hanifah. Imam Ahmad, Imam Malik dan Imam al-Syafi'i berkata: "Jika memegang atau menyentuh kemaluan dilakukan dengan bahagian dalam telapak tangan atau dengan hujung jari-jemari tanpa memakai penghalang, maka itu membatalkan wuduk. Tetapi jika menyentuh atau memegangnya dilakukan dengan bahagian luar telapak tangan, maka itu tidak membatalkan wuduk." Mereka menjawab hadis ini bahawa hadis ini telah di-*mansukh* oleh hadis Busrah yang akan disebut oleh Ibn Hajar penulis kitab Bulugh al-Maram berikut ini bagi memastikan hadis Busrah telah me-*mansukh*-kan hadis Thaliq.

Periwayat Hadis

Thaliq ibn 'Abdul Mundzir ibn Qais al-Suhaimi Abu 'Ali al-Yamani. Beliau menjadi delegasi kaumnya pada permulaan Islam yang kemudian masuk di dalam masjid. Beliau meriwayatkan 14 hadis. Anaknya bernama Qais dan 'Abdurrahman ibn 'Ali ibn Syaiban telah mengambil riwayat daripadanya.

Orang yang Mengetengahkan Hadis

Al-Khamsah adalah Imam Ahmad, Abu Dawud, al-Nasa'i, al-Tirmizi dan Ibn Majah.

Ibn al-Madini ialah 'Ali ibnu 'Abdullah ibn Ja'far al-Tamimi al-Sa'di mawla mereka adalah Abu al-Hasan al-Bashri al-Hafiz Imam al-Hadits. Al-Nasa'i berkata: "Seakan-akan Allah menciptakan 'Ali untuk menekuni bidang hadis ini." beliau mengambil riwayat hadis daripada ayahnya, Hammad ibn Zaid, Ibn 'Uyaynah, al-Qatthan dan sejumlah ulama yang lain. Muhammad ibn 'Abdurrahim dan Muhammad ibn Yahya telah mengambil riwayat daripadanya. Beliau lahir pada tahun 161 Hijriah dan meninggal dunia pada tahun 234 Hijriah di Samara.

٦٧- وَعَنْ بُسْرَةَ بِنْتِ صَفْوَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ مَسَّ ذَكَرَهُ فَلْيَتَوَضَّأْ". أَخْرَجَهُ الْخَمْسَةُ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ. وَقَالَ الْبُخَارِيُّ: "هُوَ أَصَحُّ شَيْءٍ فِي هَذَا الْبَابِ".

67. Daripada Busrah binti Shafwan (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang memegang kemaluannya, maka hendaklah dia berwuduk.*" (Disebut oleh al-Khamsah dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi dan Ibn Hibban. Al-Bukhari berkata: "Hadis ini paling sahih dalam bab ini.")

Makna Hadis

Berhati-hati dalam agama merupakan sikap yang mesti diamalkan bagi memelihara akidah dan menjaga ibadah supaya tidak bercampur dengan unsur-

unsur yang boleh membatalkannya. Oleh itu, syariat melarang dari memegang kemaluan supaya dengan demikian nafsu seseorang tidak bergelora dan mengelakkan dirinya daripada terpalit kotoran.

Analisis Lafaz

"مَسَّ ذَكَرَهُ", makna yang dimaksudkan ialah menyentuh kemaluan dengan tangan tanpa memakai penghalang.

"فَلْيَتَوَضَّأْ", perintah berwuduk dalam kalimat ini menunjukkan hukum wajib dan ia di*jazm*-kan oleh *lam amar*.

Fiqh Hadis

Menyentuh kemaluan tanpa penghalang dengan bahagian dalam telapak tangan atau dengan hujung jari-jemari membatalkan wuduk. Inilah mazhab Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad dan Imam Malik.

Periwayat Hadis

Busrah binti Shafwan ibn Naufal ibn Asad ibn 'Abdul 'Uzza al-Asadiyah. Beliau salah seorang muhajirin dan meriwayatkan sebanyak 11 hadis. 'Abdullah ibn 'Amr ibn al-'Ash dan 'Urwah telah mengambil riwayat daripadanya.

٦٨- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ أَصَابَهُ قَيْءٌ، أَوْ رُعَافٌ، أَوْ قَلَسٌ، أَوْ مَذْيٌ، فَلْيَنْصَرِفْ فَلْيَتَوَضَّأْ، ثُمَّ لِيَبْنِ عَلَى صَلاَتِهِ، وَهُوَ فِي ذَلِكَ لاَ يَتَكَلَّمُ". أَخْرَجَهُ ابْنُ مَاجَه، وَضَعَّفَهُ أَحْمَدُ وَغَيْرُهُ.

68. Daripada 'Aisyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang muntah besar, keluar darah dari hidung, muntah kecil atau mengeluarkan madzi (semasa mengerjakan solat), maka hendaklah dia meninggalkan tempat solatnya lalu berwuduk, kemudian hendaklah meneruskan solatnya dengan syarat dia tidak bercakap-cakap ketika berwuduk itu.*" (Disebut oleh Ibn Majah, tetapi dinilai dha'if oleh Imam Ahmad dan lain-lain)

Makna Hadis

'Aisyah (r.a) menceritakan yang Rasulullah (s.a.w) pernah memberitahu barang siapa yang muntah besar, keluar darah dari hidung, muntah kecil atau keluar air madzi ketika sedang mengerjakan solat, maka hendaklah orang itu mengambil semula air wuduk. Apa yang dinyatakan oleh hadis ini bahawa seseorang berkenaan dibolehkan meneruskan solat sesudah keluar meninggalkan tempat solat dan mengulangi wuduk tanpa bercakap-cakap masih menjadi perdebatan di kalangan ulama. Imam Malik dan Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa seseorang mesti melanjutkan solatnya dan solatnya tidak batal tetapi dengan syarat

orang itu tidak mengerjakan perkara-perkara yang membatalkan solat seperti mana yang telah ditegaskan oleh hadis menerusi sabdanya: "Tidak bercakap-cakap." Imam Syafi'i di dalam pendapatnya yang terakhir dan Imam Ahmad mengatakan bahawa hadas tetap membatalkan solat kerana berlandaskan kepada hadis Thaliq ibn 'Ali berikut ini:

إِذَا فَسَا أَحَدُكُمْ فِي الصَّلاَةِ فَلْيَنْصَرِفْ وَلْيَتَوَضَّأْ وَلْيُعِدِ الصَّلاَةَ.

"*Jika seseorang di antara kamu kentut ketika sedang bersolat, maka hendaklah dia keluar meninggalkan solatnya dan berwuduk, lalu mengulangi semula solatnya.*"

Analisis Lafaz

"مَنْ أَصَابَهُ", barang siapa yang muntah dan seterusnya.

"قَيْءٌ", muntah besar yang keluar dari lambung melalui mulut.

"رُعَافٌ", darah yang keluar dari hidung.

"قَلَسٌ", sesuatu yang keluar dari tekak yang memenuhi mulut atau kurang daripada itu, tetapi bukan muntah, muntah kecil.

"مَذْيٌ", air putih yang agak kental dan ia keluar ketika bermesraan atau ingin bersetubuh atau ingat dengan persetubuhan.

"وَضَعَّفَهُ أَحْمَدُ", dakwaan hadis ini marfu' kepada Nabi (s.a.w) adalah satu kesilapan, sebaliknya ia adalah hadis mursal. Inilah yang benar.

Fiqh Hadis

Pertama, wuduk menjadi batal kerana muntah besar, muntah kecil yang keluar daripada mulut, keluar darah dari hidung dan mengeluarkan madzi dari kemaluan. Ulama berselisih pendapat dalam masalah ini. Mazhab al-Syafi'i dan mazhab Maliki berpendapat bahawa muntah besar dan muntah kecil tidak membatalkan wuduk. Mazhab Hanafi pula mengatakan bahawa muntah sama ada besar mahupun kecil jika memenuhi mulut membatalkan wuduk, sedangkan jika tidak memenuhi mulut tidak membatalkan wuduk. Manakala Imam Ahmad pula membezakan antara muntah besar dengan muntah kecil. Sehubungan itu, beliau berkata: "Mengeluarkan muntah kecil sama sekali tidak membatalkan wuduk dan begitu pula muntah yang sedikit. Tetapi jika muntah itu banyak, maka ia membatalkan wuduk."

Darah yang keluar dari badan secara mutlak menurut Imam Ahmad membatalkan wuduk. Imam Abu Hanifah pula mengatakan bahawa ia turut membatalkan wuduk dengan syarat darah itu mengalir. Mazhab Maliki mengatakan bahawa keluarnya darah dari tubuh tidak membatalkan wuduk. Begitu pula jika ia keluar dari qubul dan dubur dengan syarat tidak bercampur dengan air kencing dan kotoran.

Imam al-Syafi'i membezakan mana darah yang membatalkan wuduk dan sebaliknya. Sehubungan itu, beliau berkata: "Darah yang keluar bukan daripada qubul dan dubur tidak membatalkan wuduk. Namun jika darah keluar daripada

qubul dan dubur, maka ia membatalkan wuduk." Jumhur ulama telah bersepakat bahawa wuduk menjadi batal jika seseorang mengeluarkan madzi.

Kedua, solat menjadi batal kerana berhadas dengan sengaja menurut pendapat jumhur ulama. Imam Malik dan Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa jika hadas terpaksa dikeluarkan dan tidak sengaja mengeluarkannya, maka solatnya tidak batal dengan syarat seseorang itu tidak melakukan perbuatan yang membatalkan solatnya, kerena berdasarkan sabda Rasulullah (s.a.w): "Janganlah dia bercakap-cakap." Imam Syafi'i dan Imam Ahmad berpendapat bahawa hadas mewajibkan solat diulangi semula. Pendapat ini berlandaskan kepada hadis yang mengatakan:

إِذَا فَسَا أَحَدُكُمْ فِي الصَّلاَةِ فَلْيَنْصَرِفْ وَلْيَتَوَضَّأْ وَلْيُعِدِ الصَّلاَةَ.

"*Jika seseorang di antara kamu kentut ketika sedang bersolat, maka hendaklah dia keluar meninggalkan solatnya dan berwuduk, lalu mengulangi semula solatnya.*"

٦٩- عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَجُلاً سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَتَوَضَّأُ مِنْ لُحُومِ الْغَنَمِ؟" قَالَ: "إِنْ شِئْتَ". قَالَ: "أَتَوَضَّأُ مِنْ لُحُومِ الْإِبِلِ؟" قَالَ: "نَعَمْ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

69. Daripada Jabir ibn Samurah (r.a) bahawa seorang lelaki pernah bertanya kepada Nabi (s.a.w): "*Apakah saya mesti berwuduk lantaran makan daging kambing?" Baginda menjawab: "Jika kamu mahu." Lelaki itu bertanya lagi: "Apakah saya mesti berwuduk lantaran makan daging unta?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Ya.*" (Disebut oleh Muslim).

Makna Hadis

Daging unta mempunyai bau yang kuat sedangkan solat merupakan munajat kepada Allah yang memerlukan kesucian diri. Oleh itu, syariat mewajibkan wuduk bagi seseorang yang telah makan daging unta. Lain halnya dengan daging kambing, ia tidak mengandungi lemak yang berbau seperti mana yang ada pada daging unta.

Setelah hukum Islam ditetapkan dan asas-asas kebersihan dalam Islam telah dikukuhkan, maka syariat memansukh berwuduk kerana memakan makanan yang dimasak dengan panasnya api. Inilah yang menjadi pegangan kebanyakan ulama meskipun ada di antara mereka yang masih tetap mewajibkan wuduk kerana memakan daging unta secara khusus kerana mengamalkan dalil yang khusus ini pula.

Analisis Lafaz

"مِنْ لُحُومِ الْغَنَمِ", kerana memakan daging kambing.

"إِنْ شِئْتَ", jika kamu mahu. Di dalam kalimat ini tersirat pemahaman yang menunjukkan boleh memperbaharui wuduk ke atas wuduk yang masih belum batal. Ini kerana Nabi (s.a.w) memutuskan tidak adanya pembatalan wuduk kerana

memakan daging kambing. Akan tetapi baginda membolehkan untuk mengambil air wuduk semula, iaitu memperbaharui wuduk di atas wuduk yang belum batal.

Fiqh Hadis

1. Wuduk tidak batal kerana memakan daging kambing.
2. Wuduk menjadi batal kerana memakan daging unta. Inilah yang menjadi pegangan Imam Ahmad. Namun jumhur ulama mengatakan tidak batal wuduk seseorang yang memakan daging unta dan mereka menyanggah pendapat Imam Ahmad bahawa hadis ini telah dimansukh, sedangkan pengertian "wuduk di atas wuduk" dalam hadis ini diertikan sebagai wuduk mengikut istilah bahasa, iaitu berkumur-kumur untuk menghilangkan bau lemaknya.

Periwayat Hadis

Jabir ibn Samurah ibn Junadah al-Sawa'i, tinggal di Kufah. Beliau seorang sahabat masyhur dan meriwayatkan sebanyak 146 hadis. Al-Sya'bi telah mengambil riwayat daripadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 73 Hijriah.

٧٠- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ غَسَّلَ مَيْتًا فَلْيَغْتَسِلْ، وَمَنْ حَمَلَهُ فَلْيَتَوَضَّأْ". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ، وَالنَّسَائِيُّ، وَالتِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ. وَقَالَ أَحْمَدُ: لاَ يَصِحُّ فِي هَذَا الْبَابِ شَيْءٌ.

70. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang memandikan jenazah, maka hendaklah dia mandi dan barang siapa yang mengusung jenazah, maka hendaklah dia berwuduk.*" (Disebut oleh Imam Ahmad, al-Nasa'i dan al-Tirmizi yang menilainya sebagai hasan. Imam Ahmad berkata: "Tidak ada satu hadis pun yang sahih dalam bab ini.")

Makna Hadis

Oleh kerana jenazah sebelum diapa-apakan diyakini terdedah kepada kotoran atau najis yang keluar daripada tubuhnya, maka syariat Islam memerintahkan orang yang memandikannya supaya mandi sebagai langkah berhati-hati dan untuk membersihkan diri. Orang yang mengusung jenazah diperintahkan pula untuk berwuduk ada kemungkinan anjuran ini ditujukan kepada orang yang tubuhnya bersentuhan secara langsung dengan tubuh mayat ketika mengusungnva. Ada kemungkinan pula maksud wuduk di sini ialah makna wuduk menurut bahasa iaitu membasuh tangan. Ada pula kemungkinan lain bahawa anjuran ini bersifat *ta'abbud* kerana tidak ada seorang pun ulama yang menganjurkan berwuduk bagi orang yang mengusung jenazah.

Analisis Lafaz

“فَلْيَغْتَسِلْ”, perintah dalam kalimat ini menunjukkan sunat.

“وَقَالَ أَحْمَدُ: لاَ يَصِحُّ فِي هَذَا الْبَابِ شَيْءٌ”, tidak ada satu hadis pun yang sahih dalam masalah ini, sebab ia dikeluarkan melalui jalur yang dha’if. Imam Ahmad berkata: “Hadis ini di-mansukh dengan hadis lain yang disebut oleh al-Baihaqi melalui Ibn ‘Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ فِيْ غُسْلِ مَيِّتِكُمْ غُسْلٌ إِذَا غَسَلْتُمُوْهُ، إِنَّ مَيِّتَكُمْ يَمُوْتُ طَاهِرًا وَلَيْسَ بِنَجِسٍ، فَحَسْبُكُمْ أَنْ تَغْسِلُوْا أَيْدِيَكُمْ.

“*Tidak diwajibkan ke atas kamu mandi ketika kamu memandikan mayat. Sesungguhnya mayat itu mati dalam keadaan suci dan tidak najis. Jadi cukuplah bagi kamu hanya dengan mencuci tangan kamu.*”

Fiqh Hadis

1. Disunatkan mandi setelah memandikan jenazah.
2. Disunatkan berwuduk setelah mengusung jenazah.

٧١- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ أَبِي بَكْرٍ رَحِمَهُ اللهُ أَنَّ فِي الْكِتَابِ الَّذِي كَتَبَهُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِعَمْرِو بْنِ حَزْمٍ: "أَنْ لَا يَمَسَّ الْقُرْآنَ إِلاَّ طَاهِرٌ". رَوَاهُ مَالِكٌ مُرْسَلاً وَوَصَلَهُ النَّسَائِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ، وَهُوَ مَعْلُولٌ.

71. Daripada ‘Abdullah ibn Abu Bakar (r.a) bahawa di dalam surat yang dibuat oleh (juru tulis) Rasulullah (s.a.w) yang ditujukan kepada ‘Amr Ibn Hazm disebutkan: “*Janganlah menyentuh al-Qur’an melainkan seseorang itu dalam keadaan bersuci.*” (Diriwayatkan oleh Malik secara mursal dan dianggap mawsul oleh al-Nasa’i dan Ibn Hibban. Hadis ini *ma’lul*).

Makna Hadis

Al-Qur’an merupakan firman Allah Yang Maha Agung, hujah-Nya yang mampu mematahkan lawan dan mukjizat-Nya yang abadi ditulis di dalam lembaran suci oleh tangan-tangan para malaikat yang mulia lagi bertakwa. Ia tidak patut dipegang kecuali oleh orang yang suci daripada hadas supaya dia menjadi orang yang berhak membawa Kitab Allah. Inilah maksud yang terdapat di dalam surat Nabi (s.a.w) kepada ‘Amr ibn Hazm. Hadis ini telah masyhur di kalangan umat serta diterima oleh mereka. Isi yang terkandung di dalamnya pula turut disokong oleh ayat-ayat al-Qur’an. Oleh yang demikian, janganlah sesekali anda memegang Kitab Allah apabila dalam keadaan berhadas bagi menghormati dan mengagungkannya.

Analisis Lafaz

‘Amr ibn Hazm ibn Zaid al-Khazraji al-Najjari, nama panggilannya ialah Abu Dhahhak. Perang pertama yang diikutinya ialah perang al-Khandaq. Nabi (s.a.w) melantiknya sebagai ‘amil Najran ketika berusia 17 tahun untuk mengajarkan

masalah agama dan al-Qur'an serta mengutip zakat. Rasulullah (s.a.w) menulis sepucuk surat yang di dalamnya menjelaskan beberapa ketentuan, sunat serta pelbagai jenis zakat dan diat. Beliau meninggal dunia pada masa pemerintahan Khalifah 'Umar.

"إِلاَّ طَاهِرٌ", kecuali orang yang suci daripada hadas dan najis.

"مُرْسَلاً", secara mursal.

"وَهُوَ مَعْلُولٌ", hadis ini *ma'lul* kerana di dalam isnadnya terdapat Sulaiman ibn Abu Dawud al-Yamani. Orang ini telah disepakati sebagai *matruk*. Demikian menurut pendapat Ibn Hazm. Apapun, penilaian ini silap, sebaliknya dia adalah Sulaiman ibn Dawud al-Khaulani yang telah dinilai *tsiqah* oleh sejumlah ulama hafiz. Surat yang ditujukan kepada 'Amr ibn Hazm ini telah diterima oleh kebanyakan ulama. Ibn Abdul Barr mengatakan bahawa hadis ini mendekati tingkatan mutawatir kerana kebanyakan ulama telah menerimanya.

Fiqh Hadis

Orang mukallaf tidak dibolehkan memegang al-Qur'an tanpa berwuduk.

Periwayat Hadis

'Abdullah ibn Abu Bakar al-Siddiq termasuk orang yang pertama masuk Islam dan turut bersama Nabi (s.a.w) ketika berperang melawan orang al-Tha'if. Dia terkena anak panah yang membuatnya sakit selama dua tahun, kemudian meninggal dunia pada tahun ke-11 Hijriah. Ayahnya turut menyembahyangkan jenazahnya.

٧٢- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَذْكُرُ اللهَ عَلَى كُلِّ أَحْيَانِهِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ، وَعَلَّقَهُ الْبُخَارِيُّ.

72. Daripada 'Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) sentiasa berzikir kepada Allah dalam semua keadaannya." (Diriwayatkan oleh Muslim dan dinilai *mu'allaq* oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Zikir mencakup zikir dengan hati dan zikir dengan lisan, sama ada ketika dalam keadaan bersuci, berhadas, berjunub, berdiri, duduk, berbaring, berjalan, berkenderaan, bermusafir mahupun bermukim. Ulama telah bersepakat untuk membolehkan berzikir berupa tasbih, tahmid, tahlil, takbir dan selawat ke atas Nabi (s.a.w) serta berdoa dan sebagainya bagi orang yang berhadas, haid, nifas dan berjunub sama ada zikir dengan hati mahupun dengan lisan. Membaca al-Qur'an bagi orang yang berjunub, haid dan nifas adalah diharamkan.

Meskipun makna zahir hadis ini mengandungi pemahaman zikir secara umum hingga mencakupi aktiviti membaca al-Qur'an bagi orang yang berjunub, namun hadis ini di-*takhsis* oleh hadis lain yang akan dikemukakan dalam bab mandi,

iaitu:

كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقْرِئُنَا الْقُرْآنَ مَا لَمْ يَكُنْ جُنُبًا.

"*Rasulullah (s.a.w) sentiasa membacakan al-Qur'an kepada kami selagi baginda tidak dalam keadaan berjunub.*"

Analisis Lafaz

"عَلَى كُلِّ أَحْيَانِهِ", dalam setiap waktu. Lafaz *ahyan* adalah bentuk jamak dari lafaz *hinun* yang ertinya waktu. Makna yang dimaksudkan di sini ialah dalam kebanyakan waktunya. Hadis ini di-*takhsis* oleh hadis: "Rasulullah (s.a.w) sentiasa membacakan al-Qur'an kepada kami selagi baginda tidak dalam keadaan berjunub."

Fiqh Hadis

Seseorang yang berada dalam keadaan tidak berwuduk tidak mencegahnya untuk tetap berzikir dan mengingat Allah (s.w.t).

٧٣- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ احْتَجَمَ وَصَلَّى، وَلَمْ يَتَوَضَّأْ. أَخْرَجَهُ الدَّارَقُطْنِيُّ، وَلَيَّنَهُ.

73. Daripada Anas ibn Malik (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah berbekam, lalu baginda terus mengerjakan solat tanpa berwuduk terlebih dahulu." (Dikeluarkan oleh al-Daraquthni dan dinilai dha'if)

Makna Hadis

Di antara keindahan Islam adalah setiap perundangan yang ditetapkan pasti dapat diterima oleh akal sihat. Kandungan hadis ini amat bersesuaian dengan kaedah wuduk, di mana wuduk tidak batal melainkan disebabkan oleh keluarnya sesuatu daripada qubul dan dubur. Keluarnya darah daripada bahagian yang lain dari anggota tubuh seperti berbekam untuk tujuan perubatan tidak memberi apa-apa kesan terhadap batalnya wuduk. Inilah tujuan yang hendak disampaikan oleh hadis ini.

Analisis Lafaz

"وَلَيَّنَهُ", dianggap lemah oleh al-Daruquthni, sebab di dalam isnadnya terdapat Soleh ibn Muqatil dan dia seorang yang tidak kuat.

Fiqh Hadis

Wuduk tidak batal kerana darah keluar selain daripada qubul dan dubur. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i seperti mana yang telah diterangkan sebelum ini dalam

hadis no. 69.

٧٤- عَنْ مُعَاوِيَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْعَيْنُ وِكَاءُ السَّهِ، فَإِذَا نَامَتِ الْعَيْنَانِ اسْتَطْلَقَ الْوِكَاءُ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالطَّبَرَانِيُّ وَزَادَ: "وَمَنْ نَامَ فَلْيَتَوَضَّأْ". وَهَذِهِ الزِّيَادَةُ فِي هَذَا الْحَدِيثِ عِنْدَ أَبِي دَاوُدَ مِنْ حَدِيثِ عَلِيٍّ دُونَ قَوْلِهِ: "اسْتَطْلَقَ الْوِكَاءُ". وَفِي كِلاَ ٱلإِسْنَادَيْنِ ضَعْفٌ.

74. Daripada Mu'awiyah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Mata merupakan pengikat lubang dubur. Jika kedua mata tertidur, terbukalah pengikat(nya) itu.*" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Tabarani. Ditambahkan: "Barang siapa yang tertidur, maka hendaklah dia berwuduk." Tambahan hadis ini menurut riwayat yang dikemukakan oleh Abu Dawud daripada 'Ali (r.a) tanpa menyebut perkataan: "Maka terbukalah pengikatnya." Tetapi kedua-dua sanad hadis ini dha'if)

Makna Hadis

Syariat menyamakan penyebab yang boleh mendatangkan hadas sama kedudukannya dengan hadas itu sendiri. Ini bagi memastikan kesucian tetap terpelihara dan menjaga kemuliaan munajat supaya tidak terdedah kepada perkara-perkara yang mendatangkan hadas serta penyebabnya. Pandangan syariat terhadap perkara-pekara yang boleh mendatangkan hadas amatlah bijaksana. Oleh itu, ia mengambil berat penyebab yang paling hampir menimbulkan hadas dan mengabaikan penyebab yang jauh kemungkinannya mendatangkan hadas. Inilah rahsia yang terdapat di dalam masalah tidur yang lena boleh membatalkan wuduk.

Analilis Lafaz

"الْعَيْنُ", makna yang dimaksudkan di sini ialah kedua-dua mata setiap manusia. Lafaz *al-'ain* bermaksud jenis setiap mata.

"وِكَاءُ", tali untuk mengikat sesuatu.

"السَّهِ", lubang dubur.

"اسْتَطْلَقَ الْوِكَاءُ", terbukalah ikatannya.

Tambahan yang ada pada Abu Dawud adalah kalimat: "Barang siapa yang tertidur, maka hendaklah dia berwuduk" tanpa memuatkan kalimat: "Maka terbukalah pengikatnya." Bentuk lengkap hadis ini menurut riwayat Abu Dawud adalah:

الْعَيْنُ وِكَاءُ السَّهِ وَمَنْ نَامَ فَلْيَتَوَضَّأْ.

"*Kedua mata merupakan pengikat lubang dubur. Jadi, barang siapa yang tertidur, maka hendaklah dia berwuduk.*"

"وَفِي كِلاَ ٱلإِسْنَادَيْنِ ضَعْفٌ", kedua-dua sanad hadis ini dha'if. Dalam sanad hadis yang diriwayatkan oleh Mu'awiyah ini terdapat Baqiyyah daripada Abu Bakar ibn Maryam, seorang yang dha'if. Sedangkan dalam sanad hadis yang diriwayatkan oleh 'Ali terdapat Baqiyyah daripada al-Wadhin ibn 'Atha'. Ibn Abu Hatim

berkata: “Saya pernah bertanya kepada ayahku mengenai kedua-dua hadis ini.” Beliau menjawab: “Kedua-duanya tidak kuat.”

Fiqh Hadis

Tidur yang lena boleh membatalkan wuduk. Sehubungan itu ulama mempunyai pelbagai pendapat dalam masalah ini sepertimana yang telah diterangkan dalam hadis no. 62.

Periwayat Hadis

Mu’awiyah ibn Abu Sufyan ibn Shakhr ibn Harb al-Umawi, nama panggilannya adalah Abu ‘Abdurrahman, masuk Islam pada zaman pembukaan kota Mekah dan telah meriwayatkan 130 hadis. Beliau seorang penyantun lagi dermawan dan meninggal dunia pada tahun 60 Hijriah dalam usia 78 tahun.

٧٥- وَلِأَبِي دَاوُدَ أَيْضًا عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ مَرْفُوعًا: "إِنَّمَا الْوُضُوءُ عَلَى مَنْ نَامَ مُضْطَجِعًا". وَفِي إِسْنَادِهِ ضَعْفٌ.

75. Menurut riwayat Abu Dawud pula daripada Ibn ‘Abbas (r.a) secara marfu’ disebutkan bahawa wuduk mesti dilakukan oleh orang yang tidur dalam keadaan memiringkan tubuhnya.” (Di dalam sanad hadis ini terdapat unsur dha’if)

Makna Hadis

Oleh kerana tidur dalam posisi miring merupakan keadaan yang paling lumrah dilakukan oleh setiap manusia, maka hadis ini membatasi keadaan yang boleh membatalkan wuduk hanya bagi orang yang tidur dalam keadaan tersebut. Hal ini ditunjukkan pula oleh hadis yang diceritakan oleh Ibn ‘Abbas (r.a) yang disebut oleh Abu Dawud bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah tidur lena dalam sujudnya, kemudian baginda bangkit dan terus mengerjakan solat tanpa mengambil air wuduk semula. Ibn ‘Abbas (r.a) bertanya: “Mengapa tuan terus mengerjakan solat tanpa mengambil air wuduk semula sedangkan tuan tadi sudah tertidur?” Rasulullah (s.a.w) menjawab: “Sesungguhnya wuduk ini hanya bagi orang yang tidur dalam posisi memiringkan tubuhnya.” ‘Utsman dan Hannad menambah: “Apabila seseorang tidur dalam keadaan miring, maka semua sendinya menjadi lentur.”

Analisis Lafaz

“مُضْطَجِعًا”, tidur dengan cara meletakkan salah satu lambungnya ke tempat tidur. Batalnya wuduk dikhususkan bagi orang yang tidur dalam keadaan sebegini kerana ia merupakan keadaan yang paling lumrah dilakukan oleh setiap manusia.

“وَفِي إِسْنَادِهِ ضَعْفٌ”, di dalam sanadnya terdapat unsur dha’if. Abu Dawud berkata:

"Hadis ini munkar kerana mereka tidak meriwayatkannya kecuali Yazid al-Dalani daripada Qatadah." Bahagian pertama hadis ini diriwayatkan oleh sekumpulan ulama daripada Ibn 'Abbas (r.a), tetapi tidak pernah disebutkan sesuatu apa pun mengenainya.

Fiqh Hadis

1. Barang siapa yang melihat suatu perkara yang dia yakini menyimpang daripada adat kebiasaan maka dia hendaklah menanyakan kepada orang yang mengerjakannya apa di sebalik tujuan perbuatannya itu, sekalipun orang yang ditanya itu adalah orang terhormat.
2. Orang yang melakukan perbuatan yang dianggap menyalahi adat kebiasaan itu pula dianjurkan menjawab soalan yang telah diajukan kepadanya.
3. Tidur dengan posisi miring boleh membatalkan wuduk. Cara tidur seperti ini sering kali dilakukan oleh orang kebanyakan.

٧٦- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "يَأْتِي أَحَدَكُمُ الشَّيْطَانُ فِي صَلاَتِهِ، فَيَنْفُخُ فِي مَقْعَدَتِهِ فَيُخَيَّلُ إِلَيْهِ أَنَّهُ أَحْدَثَ، وَلَمْ يُحْدِثْ، فَإِذَا وَجَدَ ذَلِكَ فَلاَ يَنْصَرِفُ حَتَّى يَسْمَعَ صَوْتًا أَوْ يَجِدَ رِيحًا". أَخْرَجَهُ الْبَزَّارُ. وَأَصْلُهُ فِي الصَّحِيحَيْنِ مِنْ حَدِيثِ عَبْدِ اللهِ بْنِ زَيْدٍ.

وَلِمُسْلِمٍ: عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ نَحْوُهُ.

وَلِلْحَاكِمِ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ مَرْفُوعًا: "إِذَا جَاءَ أَحَدَكُمُ الشَّيْطَانُ، فَقَالَ: إِنَّكَ أَحْدَثْتَ، فَلْيَقُلْ: كَذَبْتَ." وَأَخْرَجَهُ ابْنُ حِبَّانَ بِلَفْظِ: "فَلْيَقُلْ فِي نَفْسِهِ".

76. Daripada Ibn 'Abbas (r.a) bahwa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Syaitan akan mendatangi seseorang di antara kamu dalam solatnya, lalu ia meniup tempat duduknya sehingga terbayanglah dalam khayalannya seakan-akan dia berhadas, padahal pada kenyataannya tidak berhadas. Jika seseorang ada merasa demikian, maka janganlah menghentikan solatnya sebelum mendengar suara atau mencium bau.*" (Disebut oleh al-Bazzar. Asal hadis ini ada dalam Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim daripada hadis 'Abdullah ibn Zaid)

Muslim turut menyebut hadis yang serupa daripada Abu Hurairah (r.a).

Menurut riwayat al-Hakim daripada Abu Sa'id secara marfu' disebutkan: "*Jika syaitan datang kepada seseorang di antara kamu lalu syaitan berbisik: "Engkau telah berhadas," maka hendaklah orang itu menjawab: "Kamu bohong.*" Hadis ini disebut pula oleh Ibn Hibban dengan lafaz: "*Hendaklah dia mengatakan dalam hatinya: "Kamu dusta.*"

Makna Hadis

Syaitan sentiasa berusaha merosakkan ibadah yang dilakukan oleh manusia, lebih-lebih lagi solat dan apa-apa yang berkaitan dengannya. Syaitan mengganggu mereka dengan cara membuat seseorang ragu-ragu dalam bersuci. Ada kalanya melakukan kegiatan kotornya itu dengan menghembuskan tempat duduk

seseorang yang sedang mengerjakan solat dan adakalanya pula dengan cara membuat seseorang menjadi waswas. Orang yang waswas dalam bersuci misalnya amat mematuhi terhadap apa disuruh dan dibisikkan oleh syaitan.

Hadis ini menetapkan satu kaedah syariat penting yang mengatakan bahawa "اليقين لا يزول بالشك" (keyakinan tidak dapat dihilangkan hanya kerana wujud keraguan." Apa yang mesti dijadikan pegangan adalah asalnya, sedangkan keraguan mesti dihilangkan dengan cara menetapkan apa yang telah diyakini sebelumnya.

Analisis Lafaz

"يَأْتِي أَحَدَكُمُ الشَّيْطَانُ فِي صَلاَتِهِ", ketika dia sedang mengerjakan solat. Maksudnya syaitan mendatangi seseorang di antara kamu ketika sedang mengerjakan solat.

"فَيُخَيِّلُ إِلَيْهِ", maka terbayanglah di dalam fikiran orang yang sedang mengerjakan solat.

"أَنَّهُ أَحْدَثَ", bahawa wuduknya batal. Hadas merupakan perkara yang merosakkan wuduk.

"وَجَدَ ذَلِكَ", merasakan hal tersebut.

"أَوْ يَجِدَ رِيحًا", mencium dengan deria hidungnya. Makna yang dimaksudkan di sini ialah untuk meyakinkan hadas meskipun dia tidak mendengar suara kentut atau mencium bau kerana adanya penyakit misalnya.

Hadis ini pada mulanya ada di dalam Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim yang diriwayatkan daripada 'Abdullah ibn Zaid ibn 'Ashim, beliau:

شُكِيَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّجُلُ يُخَيَّلُ إِلَيْهِ أَنَّهُ يَجِدُ الشَّيْءَ فِي صَلاَتِهِ، قَالَ: لاَ يَنْصَرِفُ حَتَّى يَسْمَعَ صَوْتًا أَوْ يَجِدَ رِيحًا.

"*Dilaporkan kepada Nabi (s.a.w) mengenai seorang lelaki yang dalam khayalannya seakan-akan merasakan sesuatu (hadas) dalam solatnya. Maka Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Janganlah dia menghentikan solatnya sebelum mendengar suara (hadas) atau mencium baunya.*"

"وَلِمُسْلِمٍ: عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ نَحْوُهُ", Muslim turut meriwayatkan hadis serupa daripada Abu Hurairah (r.a) seperti mana telah disebutkan sebelum ini.

"إِذَا جَاءَ أَحَدَكُمُ الشَّيْطَانُ", apabila syaitan menggoda seseorang dari kamu.

"أَحْدَثْتَ", wudukmu telah batal.

Fiqh Hadis

1. Syaitan selalunya menggoda hamba Allah ketika sedang melakukan ibadah yang paling mulia dengan tujuan merosakkan amal ibadah mereka. Tetapi apapun usaha syaitan tidak membahayakan mereka dan mereka tidak batal kesuciannya kecuali dengan yakin.
2. Bau yang keluar daripada dubur membatalkan wuduk.
3. Menetapkan kaedah fiqh yang mengatakan bahawa "اليقين لا يزول بالشك" (keyakinan tidak boleh dihapus hanya kerana wujud keraguan).

4. Menjelaskan cara mengubati penyakit waswas dengan tidak mengindahkannya.

Orang yang Mengetengahkan Hadis

Al-Bazzar adalah al-Hafiz al-'Allamah Abu Bakar, nama aslinya adalah Ahmad ibn 'Umar ibn 'Abdul Khaliq al-Basri. Beliau meriwayatkan hadis daripada al-Tabarani dan lain-lain. Al-Daruquthni sering kali memujinya. Beliau meninggal dunia pada tahun 252 Hijriah.

Kesimpulan

Hadis yang dihimpun dalam bab ini menunjukkan kepada kesimpulan berikut:

1. Perkara-perkara yang membatalkan wuduk adalah darah haid, madzi, kentut, memegang kemaluan tanpa penghalang, memakan daging unta dan tidur bagi orang yang tidak menetapkan duduknya.
2. Menjelaskan beberapa pendapat mengenai masalah batalnya wuduk kerana mencium isteri, muntah besar, keluar darah dari hidung, muntah kecil, berbekam dan mengusung jenazah.
3. Mengubati penyakit waswas.

Soalan

1. Jelaskan takrif lafaz *al-nawaqidh*! Mengapa bab perkara-perkara yang membatalkan wuduk diakhirkan daripada bab wuduk?
2. Terangkan masalah-masalah yang disamakan dengan masalah tidur yang membatalkan wuduk!
3. Apakah tidur para nabi membatalkan wuduk?
4. Jelaskan perbezaan pendapat ulama mengenai batalnya wuduk kerana tidur!
5. I'rabkan lafaz "حَتَّى تَخْفِقَ" dan jelaskan maknanya!
6. Bezakan antara darah haid dengan darah istihadah dilihat dari jalan keluarnya dan hukumnya!
7. Jelaskan pendapat ulama tentang wanita yang mengalami *istihadhah*!
8. Apakah takrif haid?
9. Apakah takrif *istihadhah*?
10. Apakah takrif madzi dan bagaimana hukumnya?
11. Apakah faktor yang mendorong al-Miqdad bersedia menjadi wakil kepada Ali untuk bertanya kepada Nabi (s.a.w) mengenai madzi?
12. Terangkan mazhab ulama mengenai batalnya wuduk dan *allams* serta sebutkan pula dalil yang berkaitan!
13. Apakah faktor yang menjadikan hadis 'Aisyah (r.a) yang mengatakan bahawa Nabi (s.a.w) mencium salah seorang isterinya, kemudian baginda keluar untuk mengerjakan solat tanpa mengambil air wuduk terlebih dahulu sebagai dha'if?
14. Apakah makna lafaz *aw* yang terdapat pada kalimat "أَوْ يَجِدَ رِيحًا" dan masalah

apa sahaja yang dikategorikan sama dengan masalah ini?

15. Apakah suci dapat dihilangkan dengan sangkaan? Sebutkan satu kaedah yang disimpulkan daripada hadis ini!
16. Jelaskan mazhab ulama mengenai batalnya wuduk kerana memegang kemaluan!
17. Terangkan makna "إِنَّمَا هُوَ بَضْعَةٌ مِنْكَ"?
18. I'rabkan lafaz "فَلْيَتَوَضَّأْ"! Apakah pemahaman yang boleh diambil dari kalimat ini?
19. Apakah makna القيئ, الرعاف, القلس dan المذي? Manakah di antara perkara-perkara yang boleh membatalkan wuduk serta jelaskan mana yang telah disepakati bahawa ia membatalkan wuduk dan mana pula yang masih dipertikai oleh ulama!
20. Apakah maksud "البناء على الصلاة"? Jelaskan siapa sahaja di antara ulama yang menyokongnya!
21. Bagaimanakah hukum berwuduk kerana memakan daging unta? Jelaskan mazhab ulama mengenai masalah ini?
22. Apakah yang harus dilakukan oleh orang yang telah memandikan jenazah dan orang yang mengusungnya? Sebutkan mazhab ulama mengenai masalah ini!
23. Apakah hukum memegang a1-Qur'an bagi orang yang berhadas dan apakah hikmah yang terkandung dalam larangan memegangnya?
24. Jelaskan kedudukan surat Rasulullah (s.a.w) yang ditujukan kepada 'Amr Ibnu Hazm menurut pandangan ulama hadis!
25. Bagaimanakah hukum berzikir bagi orang yang berhadas?
26. Zikir apakah yang tidak boleh dilakukan oleh orang berhadas?
27. Bagaimanakah hukum darah yang keluar daripada salah satu di antara dua jalan, qubul dan dubur, dan darah yang keluar bukan daripada qubul dan dubur? Jelaskan mazhab ulama mengenai masalah ini!
28. Jelaskan makna lafaz berikut: "وِكَاءُ السَّهِ" dan "اِسْتَطْلَقَ"!
29. Apakah ubat untuk menyembuhkan penyakit waswas?
30. Apakah kaedah fiqh yang boleh disimpulkan daripada sabda Rasulullah (s.a.w): "Janganlah dia menghentikan solatnya sebelum mendengar suara atau mencium bau"?

BAB ETIKA MEMBUANG HAJAT

٧٧- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْخَلاَءَ وَضَعَ خَاتَمَهُ". أَخْرَجَهُ الْأَرْبَعَةُ، وَهُوَ مَعْلُولٌ.

77. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) apabila memasuki tandas selalunya menanggalkan cincinnya." (Disebut oleh al-Arba'ah, tetapi hadis ini *ma'lul*)

Makna Hadis

Asma Allah Yang Maha Suci lagi Maha Tinggi hendaklah dihormati dan diagungkan. Begitu pula dengan setiap sesuatu yang di dalamnya disebut nama Allah. Ini kerana ia hanya layak dibawa ke tempat yang suci bagi memeliharanya daripada dihina dan dikotori. Tidak sepatutnya menyebut nama Allah ketika membuang hajat dan tidak pula bagi pakaian yang di dalamnya terdapat tulisan nama Allah seperti cincin. Tidak boleh pula memakainya di dalam tempat yang dianggap kotor. Oleh sebab itulah Nabi (s.a.w) menanggalkan cincinnya apabila hendak memasuki tandas.

Analisis Lafaz

"الحاجة", kata kiasan yang bermaksud buang air besar dan buang air kecil. Bab ini disebut oleh sebahagian ulama hadis dengan istilah Bab *al-Takhalli* atau Bab *Istithabah*.

"إِذَا دَخَلَ الْخَلاَءَ", apabila hendak memasukinya. *Al-Khala'* adalah nama tempat yang disediakan untuk membuang hajat. Diberi nama *al-Khala'* kerana seseorang berada di dalamnya dalam keadaan bersendirian.

"وَضَعَ خَاتَمَهُ", menanggalkan cincin dari jari tangannya dan meletakkannya di luar bilik tandas bagi menghormati asma Allah dan nama Rasul-Nya dari tempat kotor, kerana pada cincinnya itu terdapat tulisan kalimat: "محمد رسول الله"

"وَهُوَ مَعْلُولٌ", hadis ini *ma'lul*, kerana melalui riwayat Hammam daripada Ibn Juraij daripada al-Zuhri daripada Anas. Para nya pula *tsiqah* (terpercaya). Tetapi Ibn Juraij tidak mendengar langsung daripada al-Zuhri, sebaliknya mendengar daripada Ziad ibn Sa'd daripada al-Zuhri dengan lafaz yang lain, iaitu Nabi (s.a.w) membuat cincin dari perak, lalu baginda meletakkannya. Hadis ini *ma'lul* kerana didapati dari Hammam.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan menjauhkan diri ketika hendak buang hajat supaya apa yang dibuang tidak terlihat atau terdengar oleh orang lain, kerana berdalilkan lafaz "الْخَلاَءَ". Lafaz *al-khala'* ini digunakan untuk menunjukkan tempat sepi atau tempat yang dikhususkan untuk membuang hajat.
2. Disyariatkan memelihara segala apa yang memuatkan asma Allah dan segala nama yang mesti diagungkan daripada tempat-tempat yang bernajis.

٧٨- وَعَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْخَلاَءَ قَالَ: "اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ الْخُبُثِ وَالْخَبَائِثِ". أَخْرَجَهُ السَّبْعَةُ.

78. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "*Nabi (s.a.w) apabila hendak memasuki tandas selalunya berdoa:*

اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ الْخُبُثِ وَالْخَبَائِثِ.

"Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari syaitan lelaki dan syaitan perempuan." (Disebut oleh al-Sab'ah)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) memohon perlindungan dari godaan syaitan sebagai merealisasikan ‘ubudiyah dan memberikan pengajaran kepada umatnya, meskipun baginda sendiri telah dipelihara daripada perbuatan manusia dan jin. Memohon perlindungan ketika hendak memasuki tandas disebut secara khusus, kerana biasanya syaitan mendatangi tempat-tempat tersebut memandangkan tempat-tempat itu tidak pernah disebut nama Allah. Dengan demikian, memohon perlindungan sebelum memasuki tandas merupakan satu usaha untuk melindungi diri daripada syaitan, kerana syaitan mampu menguasai manusia ketika berada di dalam tandas berbanding ketika berada tempat yang lain memandangkan ketika itu para malaikat *hafazhah* menjauh dari manusia. Padang pasir akan menjadi tempat tinggal yang menyenangkan bagi syaitan dengan adanya orang yang keluar membuang hajat di situ.

Analisis Lafaz

“وَعَنْهُ”, daripada Anas, yakni hadis ini sama dengan hadis sebelumnya.

“إِذَا دَخَلَ الْخَلاَءَ”, apabila hendak memasuki tandas, kerana tidak boleh membaca doa tersebut setelah berada di dalam tandas. *Al-Khala’* adalah tempat yang sepi yang biasa digunakan untuk membuang hajat. Jika seseorang hendak membuang hajat di padang pasir, maka dia hendaklah membaca doa tersebut tatkala hendak duduk (membuang hajat).

“أَعُوذُ بِكَ”, berlindung dan memohon pemeliharaan-Mu.

“الْخُبُثِ”, para syaitan lelaki. Lafaz ini adalah bentuk jamak kata *al-khabits*.

“الْخَبَائِثِ”, para syaitan perempuan. Lafaz ini adalah bentuk jamak *al-khabitsah*.

Fiqh Hadis

1. Kembali kepada Allah dan memohon perlindungan kepada-Nya daripada godaan syaitan lelaki dan syaitan perempuan ketika hendak membuang hajat.
2. Menegaskan bahawa tempat-tempat untuk membuang hajat selalunya didatangi oleh syaitan. Roh mereka kotor dan jahat. Oleh itu, mereka hanya layak berada di tempat-tempat yang kotor.

Orang yang Menyebutkan Hadis

Al-Sab’ah adalah Imam Ahmad, al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, Ibn Majah, al-Tirmizi dan al-Nasa’i.

٧٩- وَعَنْ أَنَسٍ قَالَ: "كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْخُلُ الْخَلاَءَ، فَأَحْمِلُ أَنَا وَغُلاَمٌ نَحْوِي إِدَاوَةً مِنْ مَاءٍ وَعَنَزَةً، فَيَسْتَنْجِي بِالْمَاءِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

79. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "*Rasulullah (s.a.w) memasuki tandas sedangkan saya dan seorang budak lelaki yang sebaya dengan saya membawa sebuah bejana yang berisikan air dan sebilah tombak pendek, lalu baginda beristinjak dengan menggunakan air itu.*" (Muttafaq 'alaih)

٨٠- عَنِ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "قَالَ لِي النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "خُذِ الْإِدَاوَةَ". فَانْطَلَقَ حَتَّى تَوَارَى عَنِّي، فَقَضَى حَاجَتَهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

80. Daripada al-Mughirah ibn Syu'bah (r.a), beliau berkata: "*Rasulullah (s.a.w) bersabda kepadaku: "Ambillah bekas air." Kemudian baginda pergi hingga tidak terlihat lagi olehku lalu baginda menyelesaikan buang hajatnya.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Nabi Muhammad (s.a.w) adalah seorang mursyid yang bijaksana dan murabbi yang agung. Baginda mengajarkan kita inti pati akhlak. Beliau tidak pernah meninggalkan suatu kebaikan, besar mahupun kecil, melainkan disampaikan kepada kita. Baginda menerangkan tentang akhlak membuang hajat yang antara lain beristinjak dengan menggunakan air. Ini kerana air memiliki daya cuci yang lebih kuat. Di antaranya lagi menyediakan sesuatu untuk membersihkan najis berupa air atau batu. Etika yang lain dalam hal ini ialah dibolehkan menyuruh kanak-kanak membawa alat-alat yang hendak digunakan beristinjak tersebut di samping disuruh menjauhi tempat keramaian di kala membuang hajat dengan memakai penutup supaya tidak kelihatan orang.

Analisis lafaz

"الْخَلاَءَ", tempat yang sepi. Mereka menuju ke tempat tersebut untuk membuang air besar mahupun kecil.

"غُلاَمٌ", kanak-kanak yang usianya sekitar tujuh tahun.

"نَحْوِي", sebaya denganku. Satu pendapat mengatakan bahawa dia adalah Jabir (r.a), tetapi menurut pendapat yang lain adalah Abu Hurairah (r.a).

"إِدَاوَةً", wadah kecil yang terbuat daripada kulit dan digunakan untuk membawa air.

"عَنَزَةً", tombak bersaiz kecil. Ia sering kali digunakan oleh Rasulullah (s.a.w) sebagai pembatas ketika sedang solat dan sebagai penutup ketika sedang membuang air.

"اْلإِسْتِنْجَاءُ", membersihkan kotoran yang keluar daripada qubul dan dubur.

"تَوَارَى", bersembunyi atau tidak kelihatan.

"فَقَضَى حَاجَتَهُ", selesai membuang airnya.

Fiqh Hadis

1. Keutamaan menjadi khadam kepada orang terhormat.
2. Disunatkan menjauhi tempat keramaian ketika membuang hajat.

3. Seorang yang terhormat dibolehkan menyuruh salah seorang sahabatnya untuk membantu keperluannya.
4. Dibolehkan menggunakan bejana untuk berwuduk dan menyediakan sesuatu berupa batu atau air untuk membersihkan najis sebelum membuang air.
5. Disyariatkan beristinjak menggunakan air. Air lebih utama daripada menggunakan batu ketika beristinjak memandangkan air memiliki daya pembersih yang paling baik untuk membersihkan dan menghilangkan ‘ain najis dan kesannya. Menurut pendapat jumhur ulama, apa yang paling baik adalah menggabungkan antara penggunaan air dan batu ketika beristinjak. Dengan erti kata lain, seseorang hendaklah menggunakan batu terlebih dahulu untuk mengurangkan najis, kemudian disusuli dengan menggunakan air untuk menghilangkannya secara keseluruhan.

٨١- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اِتَّقُوا اللاَّعِنَيْنِ؛ الَّذِي يَتَخَلَّى فِي طَرِيقِ النَّاسِ، أَوْ فِي ظِلِّهِمْ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

زَادَ أَبُو دَاوُدَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ مُعَاذٍ: "وَالْمَوَارِدَ". وَلَفْظُهُ: "اتَّقُواْ الْمَلاَعِنَ الثَّلاَثَةَ: الْبَرَازَ فِي الْمَوَارِدِ، وَقَارِعَةَ الطَّرِيْقِ، وَالظِّلَّ".

وَلأَحْمَدَ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا: "أَوْ نَقْعِ مَاءٍ". وَفِيهِمَا ضَعْفٌ.

وَأَخْرَجَ الطَّبَرَانِيُّ النَّهْيَ عَنْ قَضَاءِ الْحَاجَةِ تَحْتَ ٱلأَشْجَارِ الْمُثْمِرَةِ، وَضَفَّةِ النَّهْرِ الْجَارِي. مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عُمَرَ بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ.

81. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: “*Peliharalah diri kamu daripada perbuatan yang boleh mendatangkan laknat, iaitu orang yang membuang hajat di tengah jalan yang menjadi laluan orang ramai atau tempat bernaung mereka.*” (Diriwayatkan oleh Muslim)

Abu Dawud menambahkan lafaz *al-mawarid* dalam riwayatnya daripada Mu’adz (r.a) dan lafaznya adalah sebagai berikut: “*Peliharalah diri kamu daripada tiga perkara yang boleh mendatangkan laknat, iaitu membuang air di sungai, di tengah jalan dan di tempat bernaung.*”

Menurut riwayat Imam Ahmad daripada Ibn ‘Abbas (r.a) disebutkan: “*atau di tempat air bertakungan.*” Akan tetapi pada kedua-dua riwayat ini terdapat unsur dha’if.

Al-Tabarani menyebutkan hadis yang mengandungi larangan membuang hajat di bawah pohon yang berbuah dan di tepi sungai yang mengalir. Hadis ini diriwayatkan daripada hadis Ibn ‘Umar (r.a) dengan sanad yang dha’if.

Makna Hadis

Syariat Islam sentiasa mengambil berat soal kemuliaan manusia supaya mereka tidak menyerupai binatang, kerana manusia adalah semulia-mulia makhluk. Oleh itu, syariat Islam tidak membiarkan seseorang kencing di dalam air yang mengalir. Air yang mengalir ini ada kalanya diperlukan untuk dijadikan sebagai air minum.

Selain itu, perbuatan seumpama itu boleh menimbulkan penyakit yang dikenali dengan nama balharsia. Manusia dilarang pula membuang hajat di tempat duduk orang ramai atau di tempat jatuhnya buah-buahan yang dapat dimakan. Syariat Islam mengingatkan supaya tidak melakukan perbuatan yang boleh mendatangkan laknat hingga seseorang itu dihalau daripada memperoleh rahmat Allah (s.w.t).

Analisis Lafaz

"اِتَّقُوا", berasal dari lafaz *al-wiqayah* yang ertinya memelihara diri.

"اللاَّعِنَينَ", dua perkara yang boleh mendatangkan laknat. Dengan erti kata lain, dijauhkan daripada rahmat Allah.

"يَتَخَلَّى فِي طَرِيقِ النَّاسِ", buang air besar di tengah jalan yang biasa menjadi laluan orang ramai, kerana bau najis tersebut mengganggu ketenangan mereka dan membuat mereka merasa jijik.

"ظِلِّهِمْ", apa yang dimaksudkan dengan *al-zhill* ialah tempat bernaung orang ramai untuk beristirehat.

"البَرَازَ", makna asalnya ialah tempat yang luas, kemudian dipinjamkan untuk menunjukkan makna buang air besar, kerana seorang manusia membuang hajat besar biasanya di tempat yang luas dan jauh daripada tempat keramaian.

"الْمَوَارِدِ", bentuk jamak dari lafaz *al-mawrid* yang ertinya tempat yang di-datangi oleh manusia untuk mengambil air, sama ada mata air ataupun sungai.

"قَارِعَةَ الطَّرِيْقِ", jalan lebar yang biasa dilalui oleh pejalan kaki.

"نَقْعِ مَاءٍ", tempat bertakung atau air tergenang.

"فِيهِمَا ضَعْفٌ", maksudnya di dalam riwayat yang dikemukakan Abu Dawud dan Ahmad mengandungi unsur dha'if. Abu Dawud sesudah menyebut hadis ini berkata: "Hadis ini mursal." Ini kerana hadis ini berasal daripada riwayat Abu Sa'id al-Himyari dan dia tidak bersua dengan Mu'adz. Oleh yang demikian, ia berstatus sebagai *munqathi'*. Ibn Majah turut menyebut hadis yang serupa melalui jalur yang serupa pula.

Hadis Imam Ahmad dinilai dha'if kerana di dalam sanadnya terdapat Ibn Lahi'ah, sedangkan nya melalui Ibn 'Abbas (r.a) masih belum dikenali.

"اْلأَشْجَارِ الْمُثْمِرَةِ", pohon yang berbuah dan buahnya dimakan oleh manusia.

"ضَفَّةِ النَّهْرِ", tepi sungai.

"بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dha'if, kerana di dalam sanadnya terdapat Furat ibn al-Sa'ib, seorang *matruk*.

Fiqh Hadis

1. Dilarang membuang hajat di tengah jalan yang menjadi laluan orang ramai dan tempat bernaung kerana perbuatan tersebut membuat kaum muslimin terganggu oleh najis, kotoran dan baunya ketika mereka lalu dan duduk-duduk di kawasan itu.
2. Dilarang membuang hajat besar di tempat mata air dan sungai. Begitu pula di tempat air bertakung, seperti danau dan telaga. Rasulullah (s.a.w) melarang

pula kencing di hadapan pintu masjid.
3. Dilarang membuang hajat di bawah pohon yang berbuah.
4. Islam amat mengambil berat soal kebersihan, disiplin dan memelihara tempat awam.

Periwayat Hadis

Mu'adz ibn Jabal ibn 'Amr al-Anshari al-Khazraji, nama panggilannya adalah Abu 'Abdurrahman al-Madani, masuk Islam ketika berusia lapan belas tahun. Beliau ikut serta dalam perang Badar dan peperangan yang lain. Nabi (s.a.w) mengutusnya ke negeri Yaman sebagai kadi dan pengajar. Beliau termasuk seorang yang dipercaya untuk menghimpun al-Qur'an. Nabi (s.a.w) pernah bersabda tentang keutamaannya:

يَأْتِي مُعَاذٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِمَامَ الْعُلَمَاءِ.

"*Kelak pada hari kiamat Mu'adz datang sebagai imam kepada para ulama.*"

Semua hadis yang diriwayatkannya berjumlah 157 dan antara sahabat yang mengambil riwayat daripadanya ialah Ibn 'Abbas dan Ibn 'Umar, sedangkan antara tabiin yang mengambil riwayat daripadanya ialah 'Amr ibn Maimun, Abu Muslim al-Khaulani, Masruq dan ramai lagi.

Khalifah 'Umar (r.a) melantiknya sebagai gabenor di negeri Syam sesudah Abu 'Ubaidah, lalu beliau meninggal dunia di 'Amwas kerana wabak penyakit ta'un pada tahun 18 Hijriah dalam usia 33 tahun.

Orang yang Menyebut Hadis

Al-Tabarani, seorang imam dan al-Hujah. Nama panggilannya Abu al-Qasim, sedangkan nama aslinya adalah Sulaiman ibn Ahmad al-Tabarani. Lahir pada tahun 260 Hijriah. Ramai ulama yang memujinya dan beliau termasuk ulama terkemuka dalam bidang hadis serta dikenali sebagai orang yang jujur lagi amanah. Beliau mengembara untuk menuntut ilmu ke negeri Syam, Mekah, Madinah, Mesir, Baghdad, Kufah, Semenanjung Arab dan tempat-tempat lain. Beliau meriwayatkan hadis dari seribu orang guru atau lebih.

٨٢- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا تَغَوَّطَ الرَّجُلاَنِ فَلْيَتَوَارَ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا عَنْ صَاحِبِهِ، وَلاَ يَتَحَدَّثَا، فَإِنَّ اللهَ يَمْقُتُ عَلَى ذَلِكَ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ السَّكَنِ، وَابْنُ الْقَطَّانِ، وَهُوَ مَعْلُولٌ.

82. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Jika dua orang lelaki sedang buang air besar, maka hendaklah keduanya saling menutupi dirinya supaya tidak kelihatan oleh sahabatnya dan janganlah mereka berdua saling bercakap-cakap, kerana sesungguhnya Allah murka terhadap perbuatan itu.*" (Disebut oleh Imam Ahmad dan dinilai sahih oleh Ibn Sakan dan Ibn al-Qatthan. Hadis ini *ma'lul*)

Makna Hadis

Islam adalah agama yang menganjurkan bersikap malu dan memelihara kehormatan (harga diri), malahan ia merupakan agama teladan bagi kehidupan bersosial. Islam melarang membuka aurat, memandang ke arahnya serta memperlihatkannya dengan cara membuang air besar secara bersama-sama. Islam pun melarang bercakap-cakap ketika sedang membuang air besar. Semua itu dilarang bagi mengelakkan manusia daripada menyerupai perbuatan haiwan. Allah (s.w.t) amat murka apabila ada orang yang melakukan perbuatan seumpama itu.

Analisis Lafaz

"تَغَوَّطَ الرَّجُلاَنِ", dua orang lelaki sedang membuang hajat secara bersama-sama. Menyebut dua orang lelaki di sini tidaklah bersifat mengikat, sebaliknya ia hanya menunjukkan kebiasaan yang berlaku pada umumnya. Oleh yang demikian, hadis ini turut mencakupi dua orang wanita, lelaki dengan wanita, kanak-kanak dengan seorang lelaki dan kanak-kanak dengan seorang wanita.

"فَلْيَتَوَارَ", hendaklah keduanya saling menutupi dirinya.

"يَتَحَدَّثَا", keduanya saling bercakap-cakap ketika sedang membuang air besar.

"مْقُتُ", amat murka.

"وَهُوَ مَعْلُولٌ", Abu Dawud berkata: "Tidak ada yang menyandarkan riwayat hadis ini selain daripada 'Ikrimah ibn 'Ammar al-Ajali." Muslim menjadikan hadis ini sebagai hujah dalam kitabnya al-Shahih, manakala sesetengah ulama hafiz pula ada yang menilainya sebagai dha'if dan diriwayatkan daripada Yahya ibn Abu Katsir. Apapun, Muslim menyebut hadis ini yang diriwayatkan daripada Yahya ibn Abu Katsir.

Fiqh Hadis

1. Wajib menutup aurat.
2. Makruh bercakap-cakap ketika membuang hajat, sebab itu menyebabkan kemurkaan Allah. Oleh itu, Nabi (s.a.w) tidak mahu menjawab salam – meskipun wajib menyahut salam– ketika ada seorang lelaki lalu dan mengucapkan salam kerana baginda sedang membuang air kecil. Murka Allah yang dikaitkan dengan perbuatan tersebut menunjukkan peringatan syariat terhadap perbuatan itu amat dahsyat.

Orang yang Menyebut Hadis

Ibn al-Sakan, seorang al-Hafiz dan al-Hujah. Nama panggilannya adalah Abu 'Ali, sedangkan nama aslinya adalah Sa'id ibn al-Sakan al-Baghdadi, bermukim di Mesir dan dilahirkan pada tahun 294 Hijriah. Beliau menekuni ilmu hadis, menghimpun, dan menulisnya hingga namanya menjadi masyhur. Ramai ulama hadis mengambil riwayat daripadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 353 Hijriah.

Ibn al-Qatthan, seorang al-Hafiz dan al-‘Allamah yang dikenali dengan gelaran Abu al-Hasan. Nama aslinya adalah ‘Ali ibn ‘Abd al-Malik al-Farisi, dikenali dengan gelaran Ibn al-Qatthan. Beliau termasuk ulama paling alim dalam ilmu hadis, paling hafal nama-nama para serta memiliki perhatian yang besar terhadap ilmu riwayat. Beliau meninggal dunia pada tahun 628 Hijriah.

٨٣- عَنْ أَبِي قَتَادَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ يَمَسَنَّ أَحَدُكُمْ ذَكَرَهُ بِيَمِينِهِ، وَهُوَ يَبُولُ، وَلاَ يَتَمَسَّحْ مِنْ الْخَلاَءِ بِيَمِينِهِ، وَلاَ يَتَنَفَّسْ فِي اْلإِنَاءِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

83. Daripada Abu Qatadah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: “*Janganlah sesekali seseorang di antara kamu memegang kemaluannya dengan tangan kanannya ketika sedang membuang air kecil, janganlah menggunakan tangan kanan untuk membersihkan kotorannya dan jangan pula bernafas di dalam tempat minum (bejana).*” (Muttafaq ‘alaih. Lafaz hadis ini berdasarkan riwayat Muslim)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) memberi petunjuk kepada para sahabat dan mengajarkan akhlak dalam agama dengan melarang mereka memegang kemaluan dengan tangan kanan dan menggunakan tangan kanan ketika membersihkan kotoran. Ini kerana tangan kanan adalah tangan yang dimuliakan dan oleh kerananya, ia mesti dijauhkan daripada tempat-tempat najis. Tangan kanan hanya digunakan untuk perbuatan yang terhormat pula seperti makan dan minum serta lain-lain. Rasulullah (s.a.w) melarang pula bernafas di dalam bejana, kerana perbuatan ini adalah perbuatan haiwan di samping air dikhuatiri tercemar oleh bau yang keluar daripada perut melalui mulut, sedangkan air merupakan benda cair yang warnanya mengikuti warna wadahnya. Akibat perbuatannya bernafas di bejana itu maka orang lain enggan meminumnya dan menganggapnya sebagai menjijikkan. Hadis ini secara garis besarnya menerangkan tentang sebahagian akhlak yang dianjurkan oleh agama Islam.

Analisis Lafaz

“لاَ يَمَسَنَّ”, larangan dalam hadis ini mengandungi makna makruh sebagai bimbingan sekali gus peringatan.

“يَتَمَسَّحْ”, *al-tamassuh* menurut makna asalnya ialah mengusapkan tangan atau anggota lainnya kepada sesuatu, tetapi makna yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah beristinjak.

“يَتَنَفَّسْ”, bernafas di dalam wadah ketika meminum air.

Fiqh Hadis

1. Etika membersihkan diri setelah membuang air dan etika ketika minum.
2. Menjaga kebersihan.
3. Keutamaan tangan kanan dan menghindarkannya daripada memegang sesuatu yang mengandungi najis. Ini kerana ada ketikanya seseorang teringat kepada najis yang pernah diusapnya ketika dia sedang mengambil makanan dengan tangan kanannya, hingga membuatnya akan merasa jijik dengan tangan kanannya itu.
4. Ketika sedang minum, seseorang dianjurkan bernafas sebanyak tiga kali di luar bejana. Jika minum air dengan sekali nafas (sekali teguk), ada kemungkinan dia diserang penyakit hati, seperti mana yang telah dijelaskan oleh hadis berikut:

الْكَبَادُ مِنَ الْعَبِّ.

"*Penyakit hati disebabkan terlampau kerap meneguk minum sekali teguk.*"

٨٤- عَنْ سَلْمَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "لَقَدْ نَهَانَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ نَسْتَقْبِلَ الْقِبْلَةَ بِغَائِطٍ أَوْ بَوْلٍ، أَوْ أَنْ نَسْتَنْجِيَ بِالْيَمِينِ، أَوْ أَنْ نَسْتَنْجِيَ بِأَقَلَّ مِنْ ثَلاَثَةِ أَحْجَارٍ، أَوْ أَنْ نَسْتَنْجِيَ بِرَجِيعٍ أَوْ عَظْمٍ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

وَلِلسَّبْعَةِ مِنْ حَدِيثِ أَبِي أَيُّوبَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: "لاَ تَسْتَقْبِلُوا الْقِبْلَةَ بِغَائِطٍ وَلاَ بَوْلٍ، وَلَكِنْ شَرِّقُوا أَوْ غَرِّبُوا".

84. Daripada Salman (r.a), beliau berkata: "*Rasulullah (s.a.w) telah melarang kami buang air besar atau buang air kecil dengan menghadap ke arah kiblat, atau membersihkan diri (beristinjak) menggunakan tangan kanan, atau beristinjak dengan batu yang kurang dari tiga biji, atau beristinjak dengan najis haiwan ternakan (yang telah kering) atau dengan tulang.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Menurut riwayat yang dikemukakan oleh al-Sab'ah daripada Abu Ayyub al-Anshari (r.a) disebutkan seperti berikut: "*Janganlah kamu menghadap ke arah kiblat ketika buang air besar atau buang air kecil, sebaliknya menghadaplah ke arah timur atau ke arah barat.*"

Makna Hadis

Melalui hadis ini, Rasulullah (s.a.w) mengajarkan kita etika ketika membuang hajat, sebagaimana baginda memerintahkan kita untuk menghormati syiar-syiar Allah. Oleh itu, seseorang yang sedang membuang hajat tidak boleh menghadap ke arah kiblat dan tidak boleh pula membelakanginya. Baginda melarang kita membersihkan hadas dengan menggunakan tangan kanan untuk memelihara kehormatannya kerana tangan kanan hanya digunakan untuk melakukan perkara-perkara yang mulia. Jangan pula beristinjak dengan batu yang jumlahnya kurang daripada tiga biji atau dengan menggunakan najis haiwan, sebab najis haiwan itu sendiri sudah najis dan tidak mungkin ia digunakan untuk membersihkan benda yang lain. Baginda melarang kita beristinjak dengan menggunakan tulang kerana tulang adalah makanan jin di samping dilarang menggunakan segala sesuatu yang mulia di sisi syariat Islam. Semoga Allah sentiasa melimpahkan selawat dan salam-Nya ke atas murabbi agung ini, Rasulullah (s.a.w). Berbahagialah orang yang

mengikuti akhlak dan petunjuknya.

Analisis Lafaz

"نَسْتَقْبِلَ الْقِبْلَةَ", menghadapkan kemaluan kita ke arah kiblat ketika membuang air besar ataupun buang air kecil.

"نَسْتَنْجِيَ", membersihkan najis berupa air kencing atau berak dengan air atau batu.

"بِغَائِطٍ", *al-ghaith* menurut makna asalnya ialah setiap tempat yang rendah, kemudian ia digunakan untuk menyebut kotoran yang keluar dari dubur manusia.

"رَجِيعٍ", *al-raji'* ertinya najis haiwan dan najis kambing. Diberi nama *al-raji'* kerana kembali kepada bentuk semula sesudah dimakan.

"أَوْ عَظْمٍ", lafaz *aw* tidak bermakna keraguan, sebaliknya menunjukkan makna salah satu di antara dua perkara. Tulang adalah makanan jin.

Fiqh Hadis

1. Dilarang menghadap ke arah kiblat dan juga membelakanginya ketika membuang hajat di tempat terbuka, namun jika membuang hajat di dalam bangunan, maka tidak mengapa menghadap atau membelakangi kiblat. Inilah pendapat menurut mazhab Maliki dan al-Syafi'i kerana menggabungkan hadis-hadis yang melarang dan yang membolehkannya dalam masalah ini. Menurut pendapat Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad, diharamkan menghadap ke arah kiblat, sama ada ketika membuang hajat di tempat terbuka mahupun di dalam bangunan. Inilah pendapat yang paling sahih dari kedua pendapat Imam Ahmad kerana berlandaskan kepada keumuman hadis-hadis yang melarangnya dalam masalah ini.
2. Pengertian menghadap ke arah timur dan menghadap ke arah barat dalam hadis ini hanya berlaku bagi orang yang tinggal di Madinah, sedangkan untuk bandar yang selainnya hendaklah mengikut kepada kedudukan geografinya masing-masing.
3. Disyariatkan beristinjak dengan menggunakan batu dan demikian pula setiap benda yang mempunyai kekuatan pembersih sepertinya. Jumlah batu yang diperlukan untuk beristinjak ialah tiga biji atau batu yang memiliki tiga sudut menurut pendapat mazhab al-Syafi'i dan mazhab Hanbali. Sedangkan menurut pendapat Imam Malik dan Imam Abu Hanifah, disyaratkan benar-benar bersih sekalipun hanya dengan sebiji batu maka itu sudah memadai dan disunatkan menggunakan batu dalam hitungan ganjil.
4. Dilarang beristinjak dengan tangan kanan kerana menghormatinya supaya tidak sampai menyentuh benda najis.
5. Dilarang beristinjak dengan tulang, sebab tulang adalah makanan jin.
6. Dilarang beristinjak dengan najis haiwan kerana najis haiwan itu sendiri najis hukumnya.

Periwayat Hadis

Salman al-Farisi, nama panggilannya adalah Abu 'Abdullah dan dikenali pula dengan panggilan Salman al-Khair. Beliau merupakan mawla Rasulullah (s.a.w) dan berasal dari negeri Parsi. Beliau rela mengadakan perjalanan yang jauh demi menuntut ilmu agama. Pada mulanya beliau menganut agama Nasrani. Setelah banyak membaca pelbagai kitab suci, beliau berpindah-pindah agama, hingga berjumpa dengan Rasulullah (s.a.w). Beliau kemudian beriman kepadanya dan menjadi seorang muslim yang taat. Nabi (s.a.w) bersabda mengenai keutamaan Salman:

سَلْمَانُ مِنَّا أَهْلُ الْبَيْتِ، إِنَّ اللهَ يُحِبُّ مِنْ أَصْحَابِيْ أَرْبَعَةً؛ عَلِيٌّ وَأَبُوْ ذَرٍّ، وَسَلْمَانُ وَالْمِقْدَادُ.

"*Salman termasuk ahli bait kami. Sesungguhnya Allah mencintai empat orang di antara sahabatku, iaitu 'Ali, Abu Dzarr, Salman dan al-Miqdad.*"

Beliau meriwayatkan 250 hadis. 'Utsman al-Nahdi, Syurahbil ibn al-Simth dan selain keduanya telah mengambil riwayat daripadanya. Abu 'Ubaid berkata: "Salman meninggal dunia pada tahun 36 Hijriah dalam usia 60 tahun."

Abu Ayyub al-Anshari adalah Khalid ibn Zaid al-Anshari. Beliau turut serta dalam perang Badar dan al-'Aqabah. Ketika Nabi (s.a.w) berhijrah ke Madinah, baginda singgah di rumahnya. Hadis yang diriwayatkannya berjumlah 150 buah. Beliau meninggal dunia dalam sebuah peperangan di negeri Rom pada tahun 52 Hijriah dan jenazahnya dikebumikan di bawah sebuah benteng di Konstantinopal.

٨٥- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا؛ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ أَتَى الْغَائِطَ فَلْيَسْتَتِرْ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ.

85. Daripada 'Aisyah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Barang siapa yang hendak membuang hajat besar, maka hendaklah dia menutupi auratnya.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud)

Makna Hadis

Syariat Islam amat menganjurkan untuk bersikap malu dan menutupi aurat. Dengan demikian, orang yang berakal sihat pasti merasa malu apabila auratnya terbuka. Oleh itu, aurat diberi nama kemaluan dan Allah telah menganugerahkan kita pakaian zahir untuk menutupi aurat sebagaimana Dia pula menganugerahkan kita pakaian batin melalui taufik-Nya, iaitu takwa. Allah (s.w.t) berfirman:

يَٰبَنِيٓ ءَادَمَ قَدۡ أَنزَلۡنَا عَلَيۡكُمۡ لِبَاسٗا يُوَٰرِي سَوۡءَٰتِكُمۡ وَرِيشٗاۖ وَلِبَاسُ ٱلتَّقۡوَىٰ ذَٰلِكَ خَيۡرٞۚ ٢٦

"*Hai anak Adam, sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu pakaian untuk menutupi auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan. Dan pakaian takwa itulah yang paling baik...*" (Surah al-A'raf [07]: 26)

Analisis Lafaz

"مَنْ أَتَى الْغَائِطَ", barang siapa yang hendak membuang hajatnya.

"فَلْيَسْتَتِرْ", maka buatlah penutup untuk menghalangi dirinya supaya tidak dilihat oleh orang lain.

Fiqh Hadis

Wajib menutupi aurat ketika membuang hajat.

٨٦- وَعَنْهَا؛ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا خَرَجَ مِنْ الْغَائِطِ قَالَ: "غُفْرَانَكَ". أَخْرَجَهُ الْخَمْسَةُ، وَصَحَّحَهُ أَبُو حَاتِمٍ، وَالْحَاكِمُ.

86. Daripada 'Aisyah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) apabila keluar dari tandas selalunya membaca doa: "غُفْرَانَكَ" (Aku memohon keampunanmu)." (Disebut oleh al-Khamsah dan dinilai sahih oleh Abu Hatim dan al-Hakim)

Makna Hadis

Memohon ampun yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w) kerana baginda lupa berzikir kepada Allah ketika sedang membuang hajat. Menurut satu pendapat lagi, permintaan ampun tersebut merupakan permintaan taubat kerana lalai mensyukuri nikmat Allah yang telah dianugerahkan kepadanya. Allah telah memberinya makan, kemudian makanan itu dihadam di dalam perutnya dan dimudahkan jalan keluar bagi ampasnya, manakala yang bermanfaat pula tetap berada di dalam tubuhnya. Baginda melihat syukur yang telah dilakukan masih tidak mampu menandingi nikmat tersebut. Untuk itu, baginda segera mengucapkan istighfar sebagai pengajaran bagi umatnya. Ini kerana hati baginda tidak pernah lupa daripada memuraqabah Allah (s.w.t), sama ada ketika sedang membuang hajat mahupun dalam keadaan selain itu.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهَا", daripada 'Aisyah (r.a), yakni hadis ini sama dengan hadis sebelumnya.

"غُفْرَانَكَ", *masdar* yang menurut bahasa ertinya penutup. Makna yang dimaksudkan di sini ialah keampunan dari segala dosa supaya dihapus dan dihilangkan. Lafaz ini berkedudukan sebagai *maf'ul* kepada *fi'il* yang dibuang. Bentuk lengkapnya adalah: "أطلب غفرانك" (Aku memohon keampunan-Mu).

Fiqh Hadis

1. Memohon keampunan kepada Allah (s.w.t) sesudah keluar dari tempat buang hajat dan disunatkan doa tersebut ditambah seperti mana disebutkan di dalam

hadis Anas (r.a) yang menyebutkan bahawa:

كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا خَرَجَ مِنَ الْخَلاَءِ، قَالَ: الْحَمْدُ للهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِّى ٱلأَذَى وَعَافَانِيْ.

"*Rasulullah (s.a.w) apabila telah selesai membuang hajatnya membaca doa berikut:*

اَلْحَمْدُ للهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِّى ٱلأَذَى وَعَافَانِيْ.

"Segala puji bagi Allah yang telah melenyapkan kotoran dariku dan memberikan kesembuhan kepadaku." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah)

2. Para sahabat sentiasa mengambil berat semua amal perbuatan Rasulullah (s.a.w), hingga ketika baginda selesai membuang hajat pun diperhatikan. Tujuannya adalah untuk mengikuti jejak dan langkah Rasulullah (s.a.w).

٨٧- عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "أَتَى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْغَائِطَ، فَأَمَرَنِي أَنْ آتِيَهُ بِثَلاَثَةِ أَحْجَارٍ، فَوَجَدْتُ حَجَرَيْنِ، وَلَمْ أَجِدْ ثَالِثًا. فَأَتَيْتُهُ بِرَوْثَةٍ، فَأَخَذَهُمَا وَأَلْقَى الرَّوْثَةَ، وَقَالَ: "هَذَا رِكْسٌ". أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ. وَزَادَ أَحْمَدُ وَالدَّارَقُطْنِيُّ: "ائْتِنِي بِغَيْرِهَا".

وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى أَنْ يُسْتَنْجَى بِعَظْمٍ أَوْ رَوْثٍ وَقَالَ: "إِنَّهُمَا لاَ يُطَهِّرَانِ". رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَصَحَّحَهُ.

87. Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: "*Nabi (s.a.w) mendatangi suatu tempat untuk membuang hajat, lalu baginda memerintahkan kepadaku untuk mendatangkan tiga biji batu kepadanya. Tetapi aku hanya menemukan dua biji batu, sedangkan batu yang ketiga tidak aku peroleh dan inilah yang memaksa aku mengutip najis haiwan (yang telah kering) sebagai gantiannya. Melihat itu, Nabi (s.a.w) mengambil kedua batu itu dan membuang najis kering haiwan itu seraya bersabda: "Sesungguhnya kotoran itu adalah najis.*" (Disebut oleh al-Bukhari) Dalam riwayat Imam Ahmad dan al-Daruquthni ditambahkan: "*Datangkanlah yang selainnya buatku.*"

Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang beristinjak dengan menggunakan tulang atau najis (haiwan yang telah kering). Baginda bersabda: "*Sesungguhnya keduanya tidak dapat menyucikan.*" (Diriwayatkan oleh al-Daraquthni dan menilainya sebagai hadis sahih)

Makna Hadis

Agama Islam sentiasa mengambil berat masalah disiplin dan kebersihan di samping mempersiapkan kehidupan yang suci dan baik bagi seorang muslim. Oleh itu, ia menyuruh beristinjak dan ber-*istijmar* (bersuci dengan menggunakan batu) serta menjauhi perkara-perkara kotor. Islam menganjurkan kebersihan dengan menjadikan *istijmar* dengan memakai tiga biji batu yang mempunyai daya pembersih. Menggunakan objek yang memiliki permukaan licin dan tidak akan dapat membersihkan najis, malah justeru menyebarkan lagi najis seperti tulang atau memakai barang yang bernajis tentu tidak boleh dijadikan sebagai alat untuk

ber-*istijmar*.

Analisis Lafaz

"أَتَى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْغَائِطَ", Nabi (s.a.w) hendak membuang hajatnya.

"فَأَخَذَهُمَا", maka baginda mengambil kedua batu itu.

"أَلْقَى", membuang atau melemparkan.

"الرَّوْثَةَ", kotoran haiwan ternakan yang mempunyai teracak seperti kuda, keldai dan kotoran haiwan yang mempunyai khuff seperti unta.

"رِكْسٌ", najis dan ia berkedudukan sebagai *khabar* kepada lafaz *inna*.

Fiqh Hadis

1. Dilarang beristinjak dengan menggunakan najis haiwan, kerana ia najis.
2. Tidak boleh menggunakan kurang dari tiga biji baru dalam beristinjak dengan syarat batu tersebut adalah batu yang mampu membersihkan najis. Inilah menurut mazhab Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad. Kedua-dua ulama ini melandaskan pendapatnya dengan riwayat yang mengatakan: "Datangkanlah selainnya buatku." Bagi Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad boleh menggunakan sebiji batu yang mempunyai tiga sudut. Imam Abu Hanifah dan Imam Malik mengatakan bahawa tidak penting jumlah batu tertentu dalam beristinjak. Apa yang terpenting adalah batu yang digunakan beristinjak mampu membersihkan najis, meskipun hanya dengan sebiji batu dan disunatkan mengganjilkan bilangan batu yang digunakan beristinjak itu.
3. Dilarang beristinjak dengan tulang, kerana ia mempunyai permukaan yang licin yang tidak dapat membersihkan najis. Selain itu tulang adalah makanan utama jin seperti mana diterangkan oleh hadis lain.
4. Dianjurkan menyediakan alat untuk bersuci, sama ada batu ataupun air sebelum membuang hajat dan dibolehkan pula meminta bantuan orang lain untuk mendatangkannya.

Periwayat Hadis

Ibn Mas'ud adalah 'Abdullah ibn Mas'ud, dikenali dengan panggilan Abu 'Abdurrahman al-Kufi ibn Ummi Ma'bad al-Hudzali, seorang sahabat Rasulullah (s.a.w), pembantunya dan salah seorang yang paling awal masuk Islam. Beliau bertugas sebagai penjaga selipar Nabi (s.a.w). beliau telah menghafal sebanyak tujuh puluh surah al-Qur'an yang diterimanya secara langsung daripada lisan Nabi (s.a.w). Sehubungan ini, Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يَقْرَأَ الْقُرْآنَ كَمَا أُنْزِلَ فَلْيَقْرَأْهُ عَلَى قِرَاءَةِ ابْنِ أُمِّ مَعْبَدٍ.

"*Barang siapa yang ingin membaca al-Qur'an seperti mana ketika ia diturunkan, maka hendaklah dia membacanya seperti qira't Ibn Ummi Ma'bad.*"

Beliau turut serta dalam Perang Badar dan peperangan yang lain dan

meriwayatkan 848 hadis. Sungguh ramai jumlah orang yang mengambil riwayat daripadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 32 Hijriah dalam usia enam puluh tahun lebih.

٨٨- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اِسْتَنْزِهُوا مِنَ الْبَوْلِ، فَإِنَّ عَامَّةَ عَذَابِ الْقَبْرِ مِنْهُ". رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ.
وَلِلْحَاكِمِ: "أَكْثَرُ عَذَابِ الْقَبْرِ مِنَ الْبَوْلِ". وَهُوَ صَحِيحُ ٱلإِسْنَادِ.

88. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Bersihkan diri kamu setelah membuang air kecil, kerana sesungguhnya kebanyakan seksa kubur disebabkan tidak bersih membasuh air kecil itu.*" (Diriwayatkan oleh al-Daraquthni)

Menurut oleh al-Hakim disebutkan bahawa: "*Seksa kubur kebanyakannya disebabkan oleh buang air kecil (yang dibasuh tidak bersih).*" (Sanad hadis ini sahih)

Makna Hadis

Seksa kubur adalah benar dan ia termasuk perkara yang wajib kita beriman dengannya secara ghaib. Tidak membersihkan diri setelah membuang air kecil mengakibatkan tubuh dan pakaian tercemar oleh najis yang menyebabkan amal ibadah batal. Oleh itu, kebiasaan kencing tanpa membasuh sesudahnya termasuk salah satu dosa besar. Kebanyakan seksa kubur disebabkan oleh amal buruk ini kerana seseorang sering kali memandangnya sebelah mata. Nabi (s.a.w) adalah orang yang amat penyayang dan belas kasihan kepada kita sebagai umatnya. Baginda sentiasa menasihati kita dan mengingatkan akibat yang menggerunkan itu.

Analisis Lafaz

"اِسْتَنْزِهُوا", bersihkanlah diri kamu dengan membasuhnya sesudah membuang air kecil.

"عَامَّةَ عَذَابِ الْقَبْرِ", sebahagian besar seksa kubur.

"مِنْهُ", kerana tidak membersihkan diri sesudah membuang air kecil.

Fiqh Hadis

1. Seksa kubur benar adanya dan kebanyakan seksa kubur disebabkan oleh kebiasaan tidak mahu membersihkan diri sesudah membuang air kecil.
2. Seksaan akan disegerakan di dalam kubur (alam barzakh) bagi orang yang tidak membersihkan dirinya sesudah membuang air kecil.
3. Air kencing itu najis.
4. Wajib menghilangkan najis.

٨٩- عَنْ سُرَاقَةَ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "عَلَّمْنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْخَلاَءِ: "أَنْ نَقْعُدَ عَلَى الْيُسْرَى، وَنَنْصِبَ الْيُمْنَى". رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ.

89. Daripada Suraqah ibn Malik (r.a), beliau berkata: "*Rasulullah (s.a.w) mengajarkan kami cara membuang hajat iaitu hendaklah kami bersandar pada kaki sebelah kiri dan mengangkat kaki yang sebelah kanan.*" (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi dengan sanad yang dha'if).

Makna Hadis

Akhlak yang diajarkan oleh syariat Islam di dalamnya pasti mengandungi pelbagai rahsia dan hikmah. Oleh kerana bertumpu pada telapak kaki kiri dapat memudahkan keluarnya najis, maka syariat memerintahkan supaya bertopang kepada kaki kiri ketika seseorang sedang membuang hajat.

Analisis Lafaz

"فِي الْخَلاَءِ", cara duduk ketika membuang hajat.

"نَقْعُدَ", makna yang dimaksudkan di sini ialah bertopang.

"نَنْصِبَ الْيُمْنَى", mengangkat sedikit kaki kanan supaya badan bertumpu sepenuhnya pada kaki sebelah kiri.

"بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dha'if. Al-Hazimi berkata: "Di dalam sanad hadis ini terdapat seorang yang tidak dikenali."

Fiqh Hadis

1. Ketika membuang hajat disyariatkan supaya mengangkat kaki sebelah kanan supaya penggunaan kaki yang sebelah kanan dapat dikurangi lantaran kemuliaannya.
2. Bertopang pada kaki kiri untuk memudahkan najis keluar dengan mudah, sebab perut berada di sebelah kiri dan pundi kencing yang merupakan tempat memproses air kencing pun terletak agak ke sebelah kiri.

Periwayat Hadis

Suraqah ibn Malik ibn Ju'syum al-Mudlaji, nama panggilannya Abu Sufyan, masuk Islam pada waktu pembukaan kota Mekah. Beliau meriwayatkan hadis sebanyak 19 hadis. Jabir dan Ibn 'Umar telah mengambil riwayat daripadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 24 Hijriah dan beliaulah orang yang kaki kudanya terbenam ke dalam tanah ketika mengejar Nabi (s.a.w) semasa berhijrah meninggalkan kota Mekah menuju Madinah dengan tujuan untuk meraih hadiah dari kaum Quraisy.

٩٠- عَنْ عِيسَى بْنِ يَزْدَادَ (يَزْدَادَ)، عَنْ أَبِيهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

"إِذَا بَالَ أَحَدُكُمْ فَلْيَنْتُرْ ذَكَرَهُ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ". رَوَاهُ ابْنُ مَاجَه بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ.

90. Daripada 'Isa ibn Yardad (Yazdad) daripada ayahnya, beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu membuang air kecil, maka hendaklah dia mengurut zakarnya sebanyak tiga kali.*" (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dengan sanad yang dha'if)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) adalah seorang murabbi agung. Baginda membimbing kita menuju segala sesuatu yang mengandungi kebahagiaan serta kebaikan dalam urusan agama dan kehidupan dunia kita. Oleh kerana bersuci merupakan salah satu syarat bagi sahnya sebahagian besar ibadah, maka Nabi (s.a.w) memandang perlu untuk memberikan penjelasan mengenai tata caranya. Untuk itu, baginda memerintahkan orang yang membuang hajat kecil supaya melakukan *istibra'* dari air kencing yang masih tersisa pada batang zakarnya dengan cara mengurutnya sebanyak tiga kali. Hal ini sebagai langkah berhati-hati dan bertujuan menyempurnakan kesucian diri daripada najis, supaya pakaiannya tidak terkena air kencing yang masih tersisa, sebab itu dapat menyebabkan kesuciannya batal dan solatnya pun batal.

Analisis Lafaz

"فَلْيَنْتُرْ", berasal dari lafaz *al-natsr*, ertinya mengurut zakar untuk mengeluarkan air kencing yang masih tersisa pada batang zakar atau dengan cara menggerak-gerikannya. Dianjurkan supaya kedua-dua cara tersebut dilakukan secara lemah lembut supaya tidak mendatangkan rasa sakit.

"بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ", hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad di dalam kitab al-Musnad, al-Baihaqi dan Abu Nu'aim dalam kitab al-Ma'rifah, Ibnu Qani' dan Abu Dawud di dalam al-Marasil, dan al-'Aqil dalam kitab al-Dhu'afa. Kesemua mereka meriwayatkannya daripada 'Isa yang telah disebutkan. Ibn Mu'in berkata: "'Isa seorang yang tidak dikenali dan begitu pula dengan ayahnya."

Fiqh Hadis

Wajib mengeluarkan kesemua air kencing daripada zakar sesudah kencing dengan cara mengurut atau menggerak-gerikannya. Inilah yang disebut *istibra'*.

Periwayat Hadis

'Isa Ibn Yardad, seorang yang tidak dikenal dan begitu pula ayahnya. Demikian menurut Ibn Mu'in. Al-'Uqaili berkata: "Dia tidak dapat dikesan dan tidak dikenali kecuali namanya."

Yardad ibn Fusa'ah al-Farisi adalah mawla Buhair ibn Rasban. Ia

meriwayatkan satu hadis daripada Nabi (s.a.w) tentang istinjak, kemudian hadisnya disebut oleh Ibn Majah. Ibn Hatim berkata: "Hadisnya *mursal* dan berselisih pendapat sama dia seorang sahabat atau sebaliknya."

٩١- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَأَلَ أَهْلَ قُبَاءٍ، فقال: إِنَّ اللهَ يُثْنِي عَلَيْكُمْ، فَقَالُوا: إِنَّا نُتْبِعُ الْحِجَارَةَ الْمَاءَ. رَوَاهُ الْبَزَّارُ بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ.

وَأَصْلُهُ فِي أَبِي دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ مِنْ حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ بِدُونِ ذِكْرِ الْحِجَارَةِ.

91. Daripada Ibn 'Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bertanya kepada penduduk Quba' (mengenai cara mereka bersuci): "*Sesungguhnya Allah memuji kamu." Mereka menjawab: "Sesungguhnya kami biasa mengikutkan air sesudah menggunakan batu (ketika beristinjak).*" (Diriwayatkan oleh al-Bazzar dengan sanad yang dha'if)

Hadis ini asalnya ada pada Abu Dawud. Ibn Khuzaimah menilai hadis ini sahih. Tetapi hadis yang diceritakan oleh Abu Hurairah (r.a) tidak ada menyebut batu.

Makna Hadis

Agama Islam adalah agama paling suci yang diketahui oleh sejarah umat manusia dalam usahanya yang gigih untuk sentiasa menjaga kebersihan, disiplin dan akhlak mulia. Islam menganjurkan untuk melakukan *istijmar* dengan batu untuk menghilangkan ain najis, kemudian diikuti dengan basuhan air untuk melenyapkan bekasnya. Islam memuji orang yang konsisten mengamalkan cara tersebut ketika bersuci. Menggabungkan bersuci antara batu dengan air mengandungi hikmah yang amat besar dan berkesan yang luar biasa dalam menghilangkan 'ain najis serta bekasnya.

Analisis Lafaz

"قُبَاءَ", nama sebuah kota sejauh tiga mil dari kota Madinah.

"يُثْنِى عَلَيْكُمْ", memuji kamu.

"نُتْبِعُ الْحِجَارَةَ الْمَاءَ", kami biasa bersuci dengan air sesudah melakukannya dengan batu.

"بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dha'if. Tidak seorang pun yang meriwayatkannya daripada al-Zuhri kecuali Muhammad ibn 'Abdul Aziz dan anaknya telah meriwayatkan hadis ini daripadanya, tetapi Muhammad seorang dha'if.

"وَأَصْلُهُ فِي أَبِي دَاوُدَ", lafaz ini pada mulanya berada pada riwayat Abu Dawud daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Nabi (s.a.w), baginda bersabda:

نَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ فِي أَهْلِ قُبَاءَ "فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا". قَالَ: كَانُوا يَسْتَنْجُونَ بِالْمَاءِ، فَنَزَلَتْ فِيهِمْ هَذِهِ الْآيَةُ.

"*Ayat ini diturunkan berkenaan dengan penduduk Quba', iaitu firman-Nya: "Di*

dalamnya ada orang yang sentiasa ingin membersihkan diri." (Surah al-Taubah [09]: 108). Abu Hurairah (r.a) berkata: "Mereka biasa beristinjak dengan menggunakan air, maka turunlah ayat ini berkenaan dengan mereka."

"نَزَلَتْ هَذِهِ ٱلآيَةُ", ayat ini diturunkan oleh Malaikat Jibril dari sisi Allah.

"فِيهِ رِجَالٌ", di dalam masjid Quba', iaitu masjid yang dibangun di atas prinsip takwa pada hari ketika Nabi (s.a.w) tiba di Madinah, lalu baginda mengerjakan solat dua rakaat di dalamnya. Ia merupakan masjid pertama yang dibangun dalam Islam. Al-Nasa'i meriwayatkan hadis daripada Sahl ibn Hanif (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda:

مَنْ خَرَجَ حَتَّى أَتَى مَسْجِدَ قُبَاءَ فَصَلَّى فِيهِ رَكْعَتَيْنِ كَانَ لَهُ كعَدْلِ عُمْرَةٍ.

"*Barang siapa yang keluar (dari rumahnya) untuk mendatangi masjid Quba', lalu dia mengerjakan solat dua rakaat di dalamnya, maka baginya pahala yang sama dengan ibadah umrah.*"

"يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا", mereka gemar bersuci dengan cara yang sempurna. Ibn Majah dan al-Hakim meriwavatkan hadis daripada Jabir ibn 'Abdullah, Anas ibn Malik dan Abu Ayyub al-Anshari:

أَنَّ هَذِهِ ٱلآيَةَ نَزَلَتْ: "فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا".قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا مَعْشَرَ ٱلأَنْصَارِ، إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَثْنَى عَلَيْكُمْ فِي الطُّهُورِ، فَمَا طُهُورُكُمْ؟ قَالُوا: نَتَوَضَّأُ لِلصَّلاَةِ وَنَغْتَسِلُ مِنْ الْجَنَابَةِ وَنَسْتَنْجِي بِالْمَاءِ. قَالَ: هُوَ ذَاكُمْ فَعَلَيْكُمُوهُ.

"*Ketika turun ayat ini, iaitu firman Allah: "Di dalamnya ada orang yang ingin membersihkan diri." (Surah al-Taubah [09]: 108), maka Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Wahai orang Anshar, sesungguhnya Allah telah memuji kamu dalam hal bersuci. Bagaimanakah cara kamu bersuci." Mereka menjawab: "Kami berwuduk untuk mengerjakan solat, mandi junub dan beristinjak dengan air." Mendengar itu, Nabi (s.a.w) bersabda: "Itulah perbuatan kamu yang terpuji. Maka teruskanlah amalan kamu yang mulia itu.*"

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan beristinjak dengan air dan menggunakan air lebih sempurna berbanding menggunakan batu, kerana ia memiliki kemampuan pembersih dan orang yang melakukannya mendapat pujian.
2. Diutamakan menggabungkan air dengan batu dalam beristinjak (bersuci sesudah buang air).

Kesimpulan

Hadis-hadis dalam bab ini menunjukkan beberapa kesimpulan sebagai berikut:

1. Segala sesuatu yang mengandungi asma Allah mestilah dihormati dengan cara menjauhkannya daripada tempat najis; seperti ketika hendak masuk tandas, ia mesti ditanggalkan terlebih dahulu. Berdoa sebelum memasuki tandas kecil untuk melindungi diri daripada godaan sayitan dan berdoa pula sesudah keluar daripadanya sebagai ungkapan rasa syukur. Menyediakan alat bersuci dan alat

untuk membersihkan najis berupa air atau batu sebelum memasuki tandas. Menutup diri daripada pandangan orang lain ketika membuang hajat dan tidak boleh bercakap-cakap ketika sedang membuang hajat. Cara duduk berjongkok ketika membuang air iaitu dengan mengangkat kaki kanan sedikit dan bertopang pada kaki kiri untuk memudah keluarnya kotoran.

2. Melakukan *istinzah* dengan betul ketika membuang air kecil dan amaran akan mendapat seksaan bagi orang yang memandang remeh bersuci setelah membuang air.
3. Dilarang menghadap ke arah kiblat atau membelakanginya ketika membuang hajat. Dilarang memegang kemaluan dengan tangan kanan dan juga ketika beristinjak (bersuci) kerana menghormati dan memuliakannya. Dilarang membuang hajat di jalan umum, tempat orang ramai berteduh, tempat minum, di bawah pohon yang berbuah dan di tepi sungai yang mengalir. Dilarang beristinjak dengan tulang dan najis haiwan serta batu yang jumlahnya kurang dari tiga biji.
4. Adalah diutamakan menggabungkan air dengan batu ketika beristinjak.

Soalan

1. Apakah makna lafaz *al-hajah*?
2. Bagaimanakah hukum memasuki tandas dengan membawa sesuatu yang tertera asma Allah di dalamnya?
3. Apakah pemahamanan yang dapat disimpulkan dari hadis Anas (r.a): "كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْخَلاَءَ وَضَعَ خَاتَمَهُ" dan apakah makna lafaz "الْخَلاَءَ" itu?
4. Apakah bacaan doa ketika hendak memasuki tandas?
5. Terangkan makna lafaz-lafaz berikut: الْخُبُثِ, الْخَبَائِثِ, نَحْوِي, إِدَاوَةً, عَنَزَةً, غُلاَمٌ, تَوَارَى, اللاَّعِنَيْنِ, يَتَخَلَّى, الْمَوَارِدَ, ضَفَّةِ النَّهْرِ, نَقْعِ مَاءٍ, تَغَوَّطَ, فَلْيَتَوَارَ, يَمْقُتُ, رَجِيعٍ, اسْتَنْزِهُوا dan عَامَّةَ!
6. Apakah rahsia memohon perlindungan daripada gangguan syaitan ketika hendak memasuki tandas?
7. Terangkan etika dalam membuang hajat!
8. Apakah alat yang paling sempurna untuk digunakan beristinjak tanpa memerlukan sarana yang lain?
9. Jelaskan tempat-tempat yang dilarang oleh syariat untuk membuang hajat padanya dan terangkan pula hikmahnya!
10. Bagaimanakah hukum menutupi aurat?
11. Bagaimanakah hukum bercakap-cakap ketika sedang membuang hajat?
12. Bagaimanakah hikmah bernafas di dalam bejana ketika sedang minum?
13. Jelaskan etika-etika yang terkandung dalam hadis berikut: "لاَ يُمْسَنَّ أَحَدُكُمْ ذَكَرَهُ بِيَمِينِهِ وَهُوَ يَبُولُ، وَلاَ يَتَمَسَّحْ مِنَ الْخَلاَءِ بِيَمِينِهِ، وَلاَ يَتَنَفَّسْ فِي الْإِنَاءِ".
14. Apakah hukum yang disimpulkan dari larangan yang terdapat dalam hadis di atas?
15. Apakah hikmah bernafas di luar bejana?
16. Sebutkan beberapa benda yang tidak boleh digunakan untuk beristinjak!
17. Apakah hikmah yang terkandung di dalam larangan beristinjak dengan najis

haiwan dan tulang?

18. Apakah makna yang terkandung dalam hadis yang mengatakan: " وَلَكِنْ شَرِّقُوا أَوْ غَرِّبُوا".
19. Apakah hukum membuat penutup ketika hendak membuang hajat? Sebutkan hikmahnya!
20. Mengapa aurat disebut *saw'ah* seperti mana dalam surah al-Ma'idah ayat 31?
21. Apakah yang dibaca sesudah keluar dari tandas dan apakah rahsia yang terkandung di dalam memohon keampunan ketika itu?
22. I'rabkan lafaz "غُفْرَانَكَ"!
23. Jelaskan pendapat ulama mengenai beristinjak dengan batu kurang dari tiga biji!
24. Terangkan lafaz "رِكْسٌ" dan bagaimana pula kedudukan i'rabnya?
25. Bagaimanakah hukum *istinzah* (membasuh kemaluan) setelah kencing?
26. Jelaskan hikmah menopangkan tubuh pada kaki kiri ketika membuang hajat!
27. Apakah takrif *istibra'*? Bagaimanakah hukum dan hikmahnya?
28. Mengapa Allah memuji amalan penduduk Quba'?
29. Bagaimanakah cara yang paling afdal dalam beristinjak? Sebutkan hikmahnya!
30. Sebutkan *asbab al-nuzul* firman Allah: "*Di dalamnya terdapat orang yang ingin membersihkan diri.*" (Surah al-Taubah [09]: 108)!

BAB MANDI DAN HUKUM BERJUNUB

٩٢- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْمَاءُ مِنْ الْمَاءِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ. وَأَصْلُهُ فِي الْبُخَارِيِّ.

92. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Mandi itu (wajib) kerana keluar air mani.*" (Diriwayatkan oleh Muslim. Hadis ini pada asalnya ada pada al-Bukhari)

Makna Hadis

Sebahagian sahabat pada mulanya mengira bahawa kewajipan mandi junub hanya kerana bersetubuh dan mereka tidak tahu bahawa mereka wajib mandi apabila mimpi mengeluarkan air mani. Nabi (s.a.w) memberitahu mereka bahwa bermimpi mengeluarkan air mani wajib mandi junub. Untuk itu, Nabi (s.a.w) bersabda bahawa wajib mandi dengan air yang boleh menyucikan apabila keluar air mani. *Al-Qasr* dalam hadis ini adalah *qasr idhafi*. Makna ini lebih utama berbanding mengatakan hadis ini di-*mansukh*, sebab *nasakh* bercanggah dengan kaedah asal. Apapun, ada hadis lain yang menyokong *nasakh*. Oleh itu, Ibn Hajar penulis Bulugh al-Maram ini tetap berpegang dengan hadis ini, lalu mengiringinya dengan hadis lain yang berkaitan dengannya.

Analisis Lafaz

"الغسل" Al-ghuslu, menggunakan air untuk menyiram seluruh anggota tubuh dengan cara tertentu.

"حكم الجنب" Hukumul junub, hukum-hukum yang berkaitan dengan orang yang berjunuba. *Al-Jinabah* menurut bahasa adalah menjauh. Seseorang dikatakan ber-*jinabah* kerana dia dilarang daripada menghampiri tempat solat selagi belum bersuci. Sedangkan menurut syarak pula ialah ketentuan hukum yang melarang seseorang dari mengerjakan solat, berthawaf, memegang mushaf dan lain-lain sebagainya.

"الْمَاءُ مِنْ الْمَاءِ", wajib mandi kerana mengeluarkan air mani. Perkataan *al-ma'* yang pertama bermaksud air yang biasa digunakan untuk mandi, sedangkan *al-ma'* yang kedua bermaksud air mani.

Hadis ini pada mulanya ada pada al-Bukhari yang lafaznya seperti berikut:

أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَرْسَلَ إِلَى رَجُلٍ مِنْ الْأَنْصَارِ – عُتْبَانَ بْنِ مَالِكٍ – فَجَاءَ وَرَأْسُهُ يَقْطُرُ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَعَلَّنَا أَعْجَلْنَاكَ، فَقَالَ: نَعَمْ يَا رَسُوْلَ اللهِ، قَالَ: إِذَا أُعْجِلْتَ أَوْ قُحِطْتَ، فَعَلَيْكَ الْوُضُوءُ.

"*Rasulullah (s.a.w) memanggil seorang lelaki Anshar, iaitu 'Utban ibn Malik, lalu dia datang, sedangkan kepalanya masih lagi menitis air (kerana mandi wajib). Melihat itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barangkali kami telah menyebabkanmu (bersetubuh dengan isterimu) secara tergesa-gesa." Lelaki itu menjawab: "Ya, wahai Rasulullah." Nabi (s.a.w) bersabda: "Jika engkau tergesa-gesa (dalam bersetubuh) hingga tidak mengeluarkan air (mani) atau memang tidak keluar mani, maka engkau tidak wajib mandi, sebaliknya hanya wajib berwuduk.*"

Di dalam Sahih al-Bukhari disebutkan bahawa Khalifah 'Utsman pernah ditanya mengenai seorang lelaki yang menyetubuhi isterinya tetapi tidak sampai mengeluarkan air mani. Beliau menjawab: "Hendaklah dia berwuduk seperti mana berwuduk ketika hendak mengerjakan solat dan kemudian membasuh zakarnya." Kemudian al-Bukhari berkata: "Mandi junub adalah lebih berhati-hati." Jumhur ulama mengatakan bahawa pemahaman ini telah di-*mansukh* oleh hadis Abu Hurairah (r.a) yang akan disebutkan berikut ini.

Fiqh Hadis

1. Wajib mandi kerana mengeluarkan air mani.
2. Pemahaman hadis ini di-*nasakh* oleh hadis berikut ini yang menunjukkan wajib mandi apabila kedua-dua khitan bertemu.

٩٣- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا جَلَسَ بَيْنَ شُعَبِهَا الْأَرْبَعِ، ثُمَّ جَهَدَهَا، فَقَدْ وَجَبَ الْغُسْلُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَزَادَ مُسْلِمٌ: "وَإِنْ لَمْ يُنْزِلْ".

93. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasullulah (s.a.w) bersabda: "*Jika seorang lelaki duduk di tengah keempat-empat cabang isterinya, kemudian dia*

membuatnya bekerja keras, maka sesungguhnya dia telah diwajibkan mandi." (Muttafaq 'alaih) Di dalam riwayat Muslim ditambahkan: "*Sekalipun dia tidak keluar air mani.*"

Makna Hadis

Bersetubuh termasuk perkara yang mewajibkan mandi junub, kerana di dalamnya terdapat bersatunya kedua-dua alat sulit antara suami dengan isteri, sama ada keluar air mani ataupun tidak. Pada permulaan Islam, syariat memberikan *rukhshah* bahawa yang diwajibkarn mandi hanyalah apabila persetubuhan itu mengeluarkan air mani, seperti mana yang diterangkan dalam hadis sebelum ini: "Mandi itu (wajib) kerana keluar air mani."

Kemudian syariat memerintahkan mandi apabila telah memasukkan zakar ke dalam kemaluan isteri, sebab makna *jinabah* menurut istilah orang Arab secara hakiki ditujukan kepada persetubuhan, sekalipun tidak keluar air mani.

Analisis Lafaz

"إِذَا جَلَسَ", apabila seorang lelaki seperti yang telah dimaklumi dari konteks pembicaraan duduk, yakni berada di atas.

"شُعَبِهَا ٱلأَرْبَعِ", berada di atas tubuh isterinya. Apa yang dimaksudkan dengan "شُعَبِهَا ٱلأَرْبَعِ" ialah kedua tangan dan kedua kakinya.

"ثُمَّ جَهَدَهَا", kemudian si suami membuatnya bekerja keras menerusi gerakannya dan begitu pula sebaliknya. Ungkapan ini merupakan kata sindiran yang menggambarkan tentang hubungan seks.

Menurut lafaz Muslim disebutkan: "ثُمَّ اجْتَهَدَ", kemudian suami bekerja keras.

"مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ", al-Bukhari dan Muslim. Di dalam riwayat Muslim ditambahkan: "وَمَسَّ الْخِتَانُ ٱلْخِتَانَ" (Dan khitan bertemu dengan khitan yang lain.)

Menurut lafaz Muslim disebutkan seperti berikut:

إِذَا جَلَسَ بَيْنَ شُعَبِهَا ٱلأَرْبَعِ ثُمَّ اجْتَهَدَ فَقَدْ وَجَبَ عَلَيْهِ الْغُسْلُ وَإِنْ لَمْ يُنْزِلْ.

"*Apabila seorang lelaki duduk di tengah cabangnya yang empat, kemudian dia bekerja keras, maka telah diwajibkan mandi, sekalipun tidak keluar air mani.*"

Fiqh Hadis

1. Disunatkan memakai kata sindiran dalam mengungkapkan perkara yang bersifat aib untuk disebutkan secara langsung.
2. Wajib mandi junub kerana memasukkan zakar ke dalam kemaluan perempuan, sekalipun tidak mengeluarkan air mani.

٩٤- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -فِي الْمَرْأَةِ تَرَى فِي مَنَامِهَا مَا يَرَى الرَّجُلُ- قَالَ: "تَغْتَسِلُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

زَادَ مُسْلِمٌ: فَقَالَتْ أُمُّ سُلَيْمٍ: "وَهَلْ يَكُونُ هَذَا؟ قَالَ: "نَعَمْ فَمِنْ أَيْنَ يَكُونُ الشَّبَهُ؟"

94. Daripada Anas bin Malik (r.a), beliau berkata: "*Rasulullah (s.a.w) bersabda mengenai seorang wanita yang bermimpi dalam tidurnya seperti mimpi yang dialami oleh lelaki: "Hendaklah dia mandi junub.*" (Muttafaq 'alaih)

Di dalam riwayat Muslim ditambahkan: "*Maka Ummu Salamah berkata: "Apakah kerana itu dia wajib mandi?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Ya, (apabila dia melihat air mani), lalu dari manakah nanti anaknya mirip (kalau tidak demikian)?*"

Makna Hadis

Allah (s.w.t) membentuk rupa janin dalam rahim mengikut gambaran yang Dia kehendaki. Adakalanya anak itu mirip dengan ayahnya atau pakciknya dari sebelah ayahnya dan adakalanya pula mirip dengan ibunya atau pakciknya dari sebelah ibunya. Air mani siapa di antara keduanya yang mampu mengalahkan yang lain, maka anak yang bakal dilahirkan akan mirip dengan mani yang menang itu. Ini merupakan salah satu di antara mukjizat Nabi (s.a.w) kerana baginda mengetahui tentang fasa yang dialami oleh janin. Nabi (s.a.w) mewajibkan mandi kepada wanita yang mengeluarkan air mani dalam mimpi, sebagaimana ia juga diwajibkan kepada lelaki, kerana wanita pada hakekatnya merupakan belahan lelaki.

Analisis Lafaz

"تَرَى فِي مَنَامِهَا مَا يَرَى الرَّجُلُ", dalam mimpinya seorang wanita mengalami seperti apa yang pernah dialami oleh lelaki, iaitu hubungan seks, tetapi dengan syarat hendaklah melihat adanya air mani ketika bangun dari tidurnya. Air mani wanita berwarna kuning dan kadang kala pula berwarna putih kerana kekuatannya. Air mani wanita mempunyai dua tanda khusus yang dapat diketahui melalui salah satu daripadanya. Pertama, baunya sama dengan bau air mani lelaki (seperti bau adunan roti yang masih mentah). Kedua, merasakan nikmat ketika keluar, kemudian disusuli dengan meredanya gejolak syahwat.

"قَالَ: تَغْتَسِلُ", kalimat ini merupakan jawapan ke atas soalan yang diajukan oleh Ummu Salamah seperti berikut: "Apakah wanita wajib mandi apabila dia bermimpi mengeluarkan air mani?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Ya, jika dia melihat adanya air mani."

"فَمِنْ أَيْنَ يَكُونُ الشَّبَهُ", maka dari manakah dia mirip nanti? Soalan dalam kalimat ini mengandungi makna sanggahan sekali gus sebagai pengakuan bahawa anak itu adakalanya mirip ayahnya atau pakciknya dari sebelah ayahnya dan adakalanya pula mirip ibunya atau saudara-saudara ibunya. Air mani siapa yang dapat mengalahkan yang lain di antara kedua air mani itu, maka anak tersebut akan menyerupainya.

Fiqh Hadis

1. Wanita pun boleh bermimpi mengeluarkan air mani sama dengan kaum lelaki.

2. Wanita tidak diwajibkan mandi kecuali apabila dia melihat adanya air mani.
3. Pengakuan yang menyatakan bahawa anak itu adakalanya mirip dengan ayahnya atau mirip dengan ibunya. Jika air mani salah seorang di antara keduanya mendahului air mani yang lainnya, maka anaknya akan mirip dengan siapa yang mengeluarkan air mani terlebih dahulu itu.
4. Seorang wanita dibolehkan meminta fatwa mengenai perkara-perkara yang dianggap musykil baginya dalam urusan agama.
5. Perhatian yang sangat luar dimiliki oleh sahabat wanita untuk sentiasa memperdalam ilmu agama.

٩٥- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَغْتَسِلُ مِنْ أَرْبَعٍ؛ مِنْ الْجَنَابَةِ، وَيَوْمَ الْجُمُعَةِ، وَمِنْ الْحِجَامَةِ، وَمِنْ غُسْلِ الْمَيِّتِ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

95. Daripada 'Aisyah (r.a), beliau berkata: "*Nabi (s.a.w) mandi kerana empat perkara, iaitu kerana junub, hari Jumaat, setelah berbekam dan setelah memandikan jenazah.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) mandi kerana sesuatu perkara dan memerintahkan mandi kerana beberapa perkara yang lain. Baginda mandi kerana berjunub, mandi untuk hari Jumaat dan mandi pula setelah berbekam kerana darah biasanya menyebar ke seluruh tubuh hingga sukar membasuhnya hanya pada bahagian tertentu. Menyedot darah dengan alat dapat menyebabkan darah keluar dari setiap sisi yang disedot, sedangkan mandi dapat menghentikan mengalirnya darah dan mencegah keluarnya darah secara berlebihan.

Kemestian mandi setelah memandikan jenazah pula adalah disebabkan tubuh orang yang memandikannya selalunya sukar mengelak daripada terkena percikan air. Jika seseorang tahu yang dirinya bakal mandi sesudah itu, maka dia tidak lagi ragu memandikan jenazah dan menyentuh tubuhnya. Apapun, belum pernah terdengar bahawa Nabi (s.a.w) pernah memandikan jenazah.

Analisis Lafaz

"يَغْتَسِلُ مِنْ أَرْبَعٍ", mandi kerana melakukan sebahagian daripada empat perkara itu dan memerintahkan mandi kepada orang lain kerana melakukan sebahagian yang lain, sebab baginda belum pernah memandikan jenazah.

"مِنْ الْجَنَابَةِ", kerana berjunub. Huruf *min* dalam lafaz ini merupakan *min ta'liliyyah* yang ertinya sebab.

Fiqh Hadis

1. Wajib mandi kerana berjunub meskipun hanya sekadar hubungan seks sekalipun tanpa keluar air mani.
2. Disyariatkan mandi pada hari Jumaat, sesudah berbekam dan sesudah memandikan jenazah.

٩٦- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ -فِي قِصَّةِ ثُمَامَةَ بْنِ أَثَالٍ، عِنْدَمَا أَسْلَمَ- وَأَمَرَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَغْتَسِلَ. رَوَاهُ عَبْدُ الرَّزَّاقِ. وَأَصْلُهُ مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

96. Daripada Abu Hurairah (r.a) mengenai kisah Tsumamah ibn Atsal ketika masuk Islam dan Nabi (s.a.w) menyuruhnya supaya mandi." (Diriwayatkan oleh 'Abdurrazzaq. Hadis ini pada mulanya muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Jika orang kafir masuk Islam, maka batinnya menjadi suci daripada akidah yang batil. Oleh itu, syariat memerintahkan mandi supaya zahirnya turut menjadi suci daripada kekufuran dan sisa-sisa junub yang dilakukan ketika masih kafir. Tujuannya ialah supaya dia bersiap sedia melakukan ibadah dengan zahir dan batin yang suci serta keyakinan dan amal yang suci pula.

Analisis Lafaz

"فِي قِصَّةِ", kisah yang dimaksudkan di sini ialah Nabi (s.a.w) mengirim sepasukan berkuda ke arah Nijd, lalu pasukan itu berjaya membawa tawanan seorang lelaki dari kalangan pembesar Bani Hanifah yang dikenali dengan nama Tsumamah ibn Atsal. Mereka mengikatnya pada salah satu tiang masjid Madinah. Maka keluarlah Nabi (s.a.w) lalu bersabda: "Lepaskan Tsumamah!" Kemudian Tsumamah pergi ke kebun kurma yang berhampiran dengan masjid lalu mandi. Sesudah itu dia masuk ke dalam masjid dan mengucapkan kalimat syahadat: "Aku bersaksi tidak ada tuhan selain Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah."

Tsumamah ibn Atsal ibn Maslamah ibn 'Ubaid ibn Tsa'labah ibn Yarbu' ibn Tsa'labah ibn al-Du'al ibn Hanifah ibn Lujaim al-Hanafi al-Yamami, pemimpin penduduk al-Yamamah. Dia ditawan oleh Rasulullah (s.a.w) kemudian dilepaskan dan masuk Islam serta menjadi seorang muslim yang taat beragama. Dia tidak murtad ketika sebahagian besar penduduk al-Yamamah murtad dan tidak pernah pula keluar dari jalan kebenaran.

Fiqh Hadis

Disyariatkan mandi bagi orang yang baru masuk Islam. Ulama berbeza pendapat dalam masalah ini. Imam Ahmad mewajibkan mandi berlandaskan kepada zahir hadis. Imam Malik dan Imam al-Syafi'i mewajibkannya pula bagi orang yang pernah berjunub ketika kafir, sama ada dia telah mandi ataupun belum, sedangkan bagi yang tidak pernah berjunub ketika kafir, hukun mandi itu hanyalah sunat.

Imam Abu Hanifah mewajibkan mandi bagi orang yang berjunub ketika kafir sedangkan dia tidak pernah mandi junub dan mandi tidak wajib baginya apabila dia pernah mandi semasa dia kafir.

Periwayat Hadis

'Abdurrazzaq ialah al-Hafiz al-Kabir, nama aslinya Ibn Hammam al-Shan'ani. Beliau banyak memiliki karya tulis dan yang paling masyhur ialah kitab al-Musnad. Imam Ahmad, Ishaq dan Ibn Mu'in telah mengambil riwayat daripadanya. Al-Dzahabi berkata: "Beliau dianggap *tsiqah* oleh ramai ulama dan hadisnya dimuatkan dalam kitab-kitab sahih. Beliau termasuk orang yang berilmu pengatahuan luas." Beliau meninggal dunia pada tahun 211 Hijriah.

٩٧- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "غُسْلُ الْجُمُعَةِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُحْتَلِمٍ". أَخْرَجَهُ السَّبْعَةُ.

97. Daripada Abu Sa'id (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Mandi pada hari Jumaat wajib ke atas setiap orang yang baligh.*" (Diriwayatkan oleh al-Sab'ah)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menganjurkan mandi pada hari Jumaat dengan sunat mu'akkad. Pada permulaan Islam, mandi pada hari Jumaat adalah wajib kerana kehidupan para sahabat ketika itu amat sukar dan mereka selalunya memakai baju yang terbuat daripada bulu kambing yang apabila melekat pada tubuh dalam waktu yang lama akan menyebabkan bau kurang enak.

Akan tetapi setelah Allah melimpahkan banyak kenikmatan dan keluasan rezeki kepada mereka melalui harta ghanimah yang mereka peroleh, maka hukum wajib ini di-*mansukh*. Hukumnya yang mulanya wajib beralih menjadi menjadi sunat mu'akkad.

Analisis Lafaz

"وَاجِبٌ", wajib dan tidak patut ditinggalkan, namun orang yang meninggalkannya tidak dianggap berdosa.

"مُحْتَلِمٍ", orang yang sudah berusia baligh.

Fiqh Hadis

Wajib mandi pada hari Jumaat berdasarkan keterangan yang telah disebutkan di atas, kemudian hukum wajib ini di-*mansukh* oleh hadis berikut ini.

٩٨- عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ تَوَضَّأَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَبِهَا وَنِعْمَتْ، وَمَنْ اغْتَسَلَ فَالْغُسْلُ أَفْضَلُ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ

وَحَسَّنَهُ التِّرْمِذِيُّ.

98. Daripada Samurah ibn Jundub (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa berwuduk pada hari Jumaat, maka wuduk sudah memadai dan itu baik, namun barang siapa yang mandi, maka mandi lebih afdal (daripada hanya sekadar berwuduk)." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah dan dinilai hasan oleh al-Tirmizi)

Makna Hadis

Oleh kerana hari Jumaat adalah hari raya di mana pada hari itu kaum muslimin berkumpul di rumah-rumah Allah (masjid-masjid) untuk mengerjakan solat Jumaat dan mendengarkan khutbah dan turut hadir bersama para malaikat, maka syariat menganjurkan agar memakai wewangian dan berpakaian paling baik serta tubuh yang bersih dengan cara mandi. Ini disyariatkan bagi orang yang mampu melakukannya dan ia lebih utama dan lebih sempurna baginya. Tetapi jika tidak mampu mandi, maka memadailah baginya berwuduk dan orang yang mampu berwuduk pun sudah dianggap mengikuti amalan Sunnah.

Analisis Lafaz

"مَنْ تَوَضَّأَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فَبِهَا وَنِعْمَتْ", barang siapa yang berwuduk pada hari Jumaat bererti dia telah memperoleh keutamaan kerana melakukan *rukhsah* atau Sunnah. Lafaz "فَبِهَا" adalah *jar majrur* yang berkaitan dengan kalimat yang dibuang. Bentuk lengkapnya ialah "فالبرخصة أخذ أو بالسنة أخذ" (bererti dia telah melakukan *rukhsah* atau Sunnah. "وَنِعْمَتْ" Ni'mat adalah *fi'il madhi*, sedangkan huruf *ta'* menunjukkan bahwa *fa'il*-nya *isim mu'annats* yang merujuk kepada lafaz *rukhsah* atau Sunnah. Ertinya, sunnah atau *rukhsah* itu baik baginya.

Fiqh Hadis

Keutamaan mandi pada hari Jumaat. Hadis ini memansukh hukum wajib yang terkandung pada hadis sebelum ini. Inilah rahsia menyebutkan hadis ini sesudahnya.

Periwayat Hadis

Samurah ibn Jundub al-Fazzari bertempat tinggal di Basrah. Beliau termasuk salah seorang hafiz yang banyak memiliki hafalan lagi dipercaya hadisnya. Hadis yang telah diriwayatkannya berjumlah 133. Beliau meninggal dunia di Basrah pada tahun 58 Hijriah.

٩٩- عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُقْرِئُنَا الْقُرْآنَ مَا لَمْ يَكُنْ جُنُبًا". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْخَمْسَةُ، وَهَذَا لَفْظُ التِّرْمِذِيِّ وَحَسَّنَهُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

99. Daripada ‘Ali (r.a), beliau berkata: “*Rasulullah (s.a.w) selalunya membacakan kepada kami al-Qur’an selagi baginda tidak sedang berjunub.*” (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Khamsah. Lafaz hadis ini berdasarkan riwayat al-Tirmizi yang menilainya hasan, sedangkan Ibn Hibban menilainya sahih)

Makna Hadis

Al-Qur’an adalah kalamullah yang qadim, diturunkan melalui Malaikat Jibril yang terpercaya dengan bahasa Arab yang jelas. Membaca al-Qur’an sangat bermanfaat bagi pembacanya dan dapat menyingkirkan segala bentuk kesusahan dan dukacita dari dalam dirinya dengan meresapi perjalanan perilaku umat terdahulu di masa lampau. Jangan anda sesekali membacanya dalam keadaan berhadas besar. Ini hendaklah dijadikan sebagai pengajaran dan peringatan demi menjaga keutamaan al-Qur’an dan mengagungkan firman Allah (s.w.t).

Analisis Lafaz

“جُنُبًا”, berhadas besar.

“رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْخَمْسَةُ”, dalam pembahasan sebelum ini telah diterangkan bahawa apabila disebutkan istilah al-Khamsah, bererti Imam Ahmad merupakan salah seorang di antara mereka. Berdasarkan kenyataan ini bererti hadis ini disebut oleh Imam Ahmad dan al-Arba’ah atau disebut oleh al-Khamsah sahaja, seperti mana yang tertera dalam naskhah yang lain.

Fiqh Hadis

Orang yang berjunub diharamkan membaca al-Qur’an. Abu Ya’la menyebut satu hadis daripada ‘Ali (r.a):

رَأَيْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَوَضَّأَ ثُمَّ قَرَأَ شَيْئًا مِنَ الْقُرْآنِ ثُمَّ قَالَ: هَكَذَا لِمَنْ لَيْسَ بِجُنُبٍ فَأَمَّا الْجُنُبُ فَلاَ وَلاَ آيَةً.

“*Saya pernah melihat Rasulullah (s.a.w) berwuduk, kemudian membaca ayat al-Qur’an lalu baginda bersabda: “Keadaan sebegini dibolehkan bagi orang yang tidak berjunub. Manakala orang yang berjunub pula sama sekali tidak dibolehkan, sekalipun hanya satu ayat.*”

Kesemua hadis *tsiqah* dan hadis ini dengan jelas mengharamkan orang junub membaca al-Qur’an kerana mengandungi makna larangan. Hadis ini lebih tegas lagi daripada hadis di atas kerana hadis di atas mengisahkan tentang perbuatan Nabi (s.a.w).

Namun mazhab Maliki mengecualikan apabila ayat yang dibacanya itu sedikit dan bertujuan melindungi diri daripada gangguan syaitan seperti Ayat al-Kursi, Surat al-Ikhlash dan al-Mu’awwidzatain. Imam Ahmad mengatakan bahawa diberi keringanan bagi orang yang berjunub membaca satu ayat atau yang semisal dengannya. Sedangkan Imam Abu Hanifah hanya membolehkan membaca

sebahagian dari satu ayat.

Ulama mazhab al-Syafi'i pula berkata: "Dibolehkan membaca ayat-ayat al-Qur'an dengan tujuan untuk berzikir dan bukan berniat membaca al-Qur'an." Apapun, memegang mushaf adalah diharamkan bagi orang yang berjunub, sekalipun memakai penghalang atau menggunakan dengan kayu. Inilah pendapat kebanyakan ulama.

١٠٠- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا أَتَى أَحَدُكُمْ أَهْلَهُ، ثُمَّ أَرَادَ أَنْ يَعُودَ، فَلْيَتَوَضَّأْ بَيْنَهُمَا وُضُوءًا". رَوَاهُ مُسْلِمٌ. زَادَ الْحَاكِمُ: "فَإِنَّهُ أَنْشَطُ لِلْعَوْدِ".

100. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu mendatangi (menjimak) isterinya, kemudian dia hendak mengulanginya lagi, maka hendaklah dia berwuduk dengan sebenar-benar wuduk di antara jarak keduanya.*" (Diriwayatkan oleh Muslim) Di dalam riwayat al-Hakim ditambahkan: "*Sesungguhnya itu (berwuduk) lebih memberinya semangat untuk mengulanginya (berjimak) semula.*"

Makna Hadis

Seseorang yang berjunub selalunya terdedah kepada gangguan syaitan kerana malaikat yang mulia menjauhnya. Oleh itu, syariat menganjurkan untuk berwuduk kerana adanya hikmah-hikmah yang sangat luar biasa antara lain ialah: Pertama, apabila seseorang hendak mengulangi persetubuhan dengan isterinya, maka itu mampu memberinya semangat dan mengembalikan semula kekuatannya. Kedua, kerana wuduk dalam kategori bersuci kecil yang dapat dijadikan sebagai benteng bagi dirinya secara keseluruhan. Ketiga, kerana wuduk itu adakalanya mendorongnya untuk terus mandi junub dan inilah yang diharapkan.

Analisis Lafaz

"إِذَا أَتَى أَحَدُكُمْ أَهْلَهُ", menyetubuhi isterinya.

"ثُمَّ أَرَادَ أَنْ يَعُودَ", kemudian dia hendak mengulangi lagi persetubuhannya.

"وُضُوءًا", wuduk seperti mana yang disuruh oleh oleh syariat. Pemahaman ini berlandaskan kepada hadis yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi dan Ibn Khuzaimah yang mengatakan:

فَلْيَتَوَضَّأْ وُضُوْءَهُ لِلصَّلاَةِ.

"*Maka hendaklah dia berwuduk seperti mana wuduk untuk mengerjakan solat.*"

Fiqh Hadis

1. Orang yang hendak menggauli isterinya untuk yang kedua kalinya disyariatkan berwuduk.
2. Dibolehkan berubat untuk menambah semangat untuk berjimak dengan isteri.

3. Mandi di antara dua persetubuhan tidak wajib.
4. Disyariatkan meringankan junub dengan berwuduk kerana wuduk merupakan bersuci kecil supaya orang berkenaan tidak terhalang daripada berkah ditemani oleh malaikat. Di dalam hadis yang lain disebutkan:

ثَلاَثَةٌ لاَ تَقْرَبُهُمُ الْمَلاَئِكَةُ؛ الْجُنُبُ وَالسَّكْرَانُ وَالْمُتَمَضِّخُ بِالْخَلُوْقِ.

"*Ada tiga orang yang para malaikat tidak mahu mendekatinya, iaitu orang yang berjunub, orang mabuk dan orang yang berbua tidak sedap.*"
5. Etika mengungkapkan sesuatu dengan menggunakan kata-kata sindiran untuk menceritakan perkara-perkara yang aib.

١٠١- وَلِلأَرْبَعَةِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنَامُ وَهُوَ جُنُبٌ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَمَسَّ مَاءً". وَهُوَ مَعْلُولٌ.

101. Menurut riwayat yang dikemukakan oleh al-Arba'ah daripada 'Aisyah (r.a), beliau berkata: "*Rasulullah (s.a.w) pernah tidur dalam keadaan junub tanpa menyentuh air walau sedikit pun.*" (Hadis ini *ma'lul*)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) adalah penentu syariat. Oleh itu, adakalanya baginda berwuduk hanya sekali, kadang kala minum sambil berdiri, kadang kala membuang air kecil sambil berdiri dan tidur dalam keadaan berjunub tanpa berwuduk atau mandi terlebih dahulu. Semua itu merupakan penjelasan yang menunjukkan bahawa perbuatan tersebut dibolehkan. Ia dilakukan sendiri oleh Rasulullah (s.a.w) kerana cara ini lebih berkesan dalam menjelaskan sesuatu permasalahan.

Analisis Lafaz

"مِنْ غَيْرِ أَنْ يَمَسَّ مَاءً", tanpa menyentuh air walau sedikit pun, sama ada untuk mandi mahupun untuk wuduk. Tanpa menyentuh air ini untuk menjelaskan perbuatan sedemikian dibolehkan.

"مَعْلُولٌ", berstatus *ma'lul*, kerana hadis ini dari riwayat Abu Ishaq al-Subai'i, daripada al-Aswad, daripada 'Aisyah (r.a). Imam Ahmad berkata: "Hadis ini tidak sahih." Abu Dawud berkata: "Sanad hadis ini hanya berdasarkan sangkaan, kerana Abu Ishaq tidak pernah mendengarnya daripada al-Aswad."

Fiqh Hadis

Orang yang berjunub boleh tidur tanpa berwuduk atau mandi terlebih dahulu, tetapi apa yang lebih diutamakan adalah seperti mana keterangan yang dimuatkan dalam hadis sebelum ini.

١٠٢- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا اغْتَسَلَ مِنْ الْجَنَابَةِ يَبْدَأُ فَيَغْسِلُ يَدَيْهِ، ثُمَّ يُفْرِغُ بِيَمِينِهِ عَلَى شِمَالِهِ، فَيَغْسِلُ فَرْجَهُ، ثُمَّ

يَتَوَضَّأُ، ثُمَّ يَأْخُذُ الْمَاءَ، فَيُدْخِلُ أَصَابِعَهُ فِي أُصُولِ الشَّعْرِ، ثُمَّ حَفَنَ عَلَى رَأْسِهِ ثَلَاثَ حَفَنَاتٍ، ثُمَّ أَفَاضَ عَلَى سَائِرِ جَسَدِهِ، ثُمَّ غَسَلَ رِجْلَيْهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

102. Daripada 'Aisyah (r.a), beliau berkata: "*Adalah Rasulullah (s.a.w) apabila mandi kerana berjunub, baginda memulainya dengan membasuh kedua telapak tangan, lalu menuangkan air dengan tangan kanan ke tangan kiri untuk membasuh kemaluannya. Baginda kemudian berwuduk, lalu mengambil air dan memasukkan jari-jemarinya ke dalam akar-akar rambut kepalanya. Setelah itu baginda mencedok air untuk menyiram kepalanya sebanyak tiga kali cedokan tangan, kemudian mengucurkan air ke seluruh tubuh dan diakhiri dengan membasuh kedua kakinya.*" (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis ini berdasarkan riwayat Muslim)

١٠٣ - وَلَهُمَا فِي حَدِيثِ مَيْمُونَةَ: "ثُمَّ أَفْرَغَ عَلَى فَرْجِهِ، فَغَسَلَهُ بِشِمَالِهِ، ثُمَّ ضَرَبَ بِهَا الْأَرْضَ". وَفِي رِوَايَةٍ: "فَمَسَحَهَا بِالتُّرَابِ". وَفِي أُخْرَى: "ثُمَّ أَتَيْتُهُ بِالْمِنْدِيلِ"، فَرَدَّهُ، وَفِيهِ: "وَجَعَلَ يَنْفُضُ الْمَاءَ بِيَدِهِ".

103. Menurut riwayat al-Bukhari dan Muslim daripada hadis Maimunah (r.a) disebutkan: "*Kemudian Nabi (s.a.w) menuangkan air kepada kemaluannya dan membasuhnya dengan tangan kiri lalu menggosokkan tangan kirinya ke tanah.*" Di dalam riwayat lain disebutkan: "*Lalu baginda mengusapkannya ke pasir.*" Dan menurut riwayat yang lain lagi disebutkan: "Kemudian saya memberinya sapu tangan, tetapi baginda menolaknya." Di dalam riwayat ini disebutkan: "Dan baginda mengeringkan air dengan tangannya."

Makna Hadis

Mandi junub ada dua cara; cara yang memadai dan cara yang sempurna. Pertama, cara yang memadai adalah dengan meratakan basuhan ke seluruh tubuh tanpa ada satu bahagian anggota tubuh pun yang tertinggal, kerana di bawah setiap helai rambut mesti terkena oleh mandi junub itu. Kedua, cara yang sempurna adalah dengan memulakan pembersihan kotoran sebelum menyucikan diri daripada hadas. Cara ini mendahulukan untuk membasuh anggota-anggota wuduk daripada yang lain. Ia hendaklah memulakan basuhan anggota tubuh bahagian atas sebelum bahagian bawah dan mendahulukan sebelah kanan sebelum sebelah kiri. Gambaran inilah yang dirangkumi oleh 'Aisyah (r.a).

Analisis Lafaz

"الْجَنَابَةِ", hadas besar.

"فَرْجَهُ", kemaluannya.

"أُصُولِ الشَّعْرِ", akar-akar rambut agar air sampai ke bahagian paling dalam kulit kepalanya.

"حَفَنَاتٍ", bentuk jamak dari *al-hafnah*, ertinya mencedok air sepenuh kedua telapak tangan.

"ثُمَّ أَفَاضَ", kemudian mengalirkan air atau menumpahkannya ke seluruh tubuh.

"سَائِرِ جَسَدِهِ", ke seluruh tubuh yang masih belum terkena basuhan.

"وَلَهُمَا", menurut al-Syaikhain, yakni al-Bukhari dan Muslim.

"ضَرَبَ بِهَا ٱلأَرْضَ", mengusapkan tangan kirinya ke pasir untuk menghilangkan bau yang ada padanya sesudah mencuci kemaluannya dengan tujuan memastikan kebersihan.

"وَفِي أُخْرَى", dan dalam riwayat yang lain, yakni sesudah kalimat: "Kemudian Nabi (s.a.w) beralih dari tempatnya itu, lalu mencuci kedua kakinya dan saya membawa sehelai sapu tangan kepadanya, tetapi baginda menolaknya, lalu mula mengeringkan air dengan tangannya."

"رَدَّهُ", tidak mahu menerima sapu tangan itu.

"يَنْفُضُ الْمَاءَ", berasal dari kata *al-nafdh*, ertinya menuntaskan atau mengeringkan air.

Fiqh Hadis

1. Mandi junub dimulai dengan mencuci kedua telapak tangan sebelum memasukkannya ke dalam bejana.
2. Melakukan istinjak sebelum berwuduk dan beristinjak dilakukan dengan tangan kiri. Hal ini dilakukan dengan betul hingga merasa yakin akan kebersihannya.
3. Disunatkan mendahulukan anggota wuduk untuk menghormatinya dan sebagai satu ketentuan syariat.
4. Mencelah-celah rambut agar air dapat sampai ke akar-akarnya kerana pada setiap kulit yang ada di bawah rambut mesti terkena mandi junub.
5. Menjelaskan gambaran mandi wajib dari permulaan hingga akhir dan menjelaskan mengenai bilangan basuhan.
6. Tidak perlu memakai tuala untuk mengeringkan anggota wuduk, sebaliknya disunatkan membiarkannya menurut pendapat Imam al-Syafi'i. Imam Malik, Imam Ahmad dan Imam Abu Hanifah membolehkannya. Mereka mengatakan demikian kerana berlandaskan kepada hadis Salman al-Farisi yang mengatakan:
   أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَوَضَّأَ فَقَلَّبَ جُبَّةَ صَوْفٍ كَانَتْ عَلَيْهِ فَمَسَحَ بِهَا وَجْهَهُ.
   "*Rasulullah (s.a.w) berwuduk, lalu membalikkan baju jubah yang ada padanya, kemudian baju jubah itu baginda gunakan untuk mengusap wajahnya.*" (Disebut oleh Ibn Majah)
7. Dibolehkan mengeringkan air dari seluruh anggota tubuh setelah mandi junub, kemudian diqiyaskan kepadanya masalah wuduk.

١٠٤ - عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنِّي امْرَأَةٌ أَشُدُّ شَعْرَ رَأْسِي، أَفَأَنْقُضُهُ لِغُسْلِ الْجَنَابَةِ؟" وَفِي رِوَايَةٍ: وَالْحَيْضَةِ؟ فَقَالَ: "لاَ، إِنَّمَا يَكْفِيكِ أَنْ تَحْثِي عَلَى رَأْسِكِ ثَلاَثَ حَثَيَاتٍ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

104. Daripada Ummu Salamah (r.a), beliau berkata: "*Saya bertanya: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya ini adalah seorang wanita yang biasa mengikat rambut saya sendiri, adakah saya mesti menguraikannya ketika hendak mandi junub?*" Di dalam riwayat lain disebutkan: "*Dan haid." Nabi (s.a.w) menjawab: "Tidak perlu, sebaliknya sudah memadai bagimu hanya dengan menyiramkan air ke atas kepalamu sebanyak tiga kali siraman.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Tidak boleh malu untuk bertanya soal hukum agama. Contohnya adalah salah seorang Ummul Mukminin, di mana beliau menanyakan kepada Rasulullah (s.a.w) suatu soalan yang bertujuan mengetahui hukum syariat. Rasulullah (s.a.w) menjawabnya dengan jawapan yang tegas dan menetapkan baginya satu hukum syariat yang dapat dijadikan pegangan olehnya dan juga oleh kaum wanita sesamanya, iaitu tidak perlu menguraikan rambut ketika mandi junub dan mandi kerana haid. Tetapi makna hadis ini ditakwilkan oleh para ulama menurut pendapat mereka masing-masing. Ada di antara mereka yang mewajibkan menguraikan rambut ketika mandi haid dan nifas, tetapi tidak mewajibkannya ketika mandi junub (setelah bersetubuh). Ada pula di antara mereka yang tidak mewajibkannya secara mutlak. Sebahagian yang lain ada yang mewajibkan menguraikan rambut apabila air tidak dapat sampai ke dalam kulit kepalanya selain dengan menguraikannya dan bagi wanita yang tidak lebat rambutnya disunatkan untuk menguraikan rambutnya ketika mandi junub, sekalipun akarnya telah basah.

Analisis Lafaz

"أَشُدُّ شَعْرَ رَأْسِي", saya biasa mengikat rambut kepala saya (kerana lebatnya).

"أَفَأَنْقُضُهُ", apakah saya mesti menguraikannya? Maksud soalan ini ialah menguraikan rambut yang telah diikat.

"تَحْثِي", mencedok air dengan kedua tanganmu, lalu menyiramkannya ke atas kepalamu.

Fiqh Hadis

Seorang wanita tidak perlu menguraikan rambut ketika mandi junub dan mandi setelah haid atau nifas, jika dia yakin bahawa air dapat sampai ke akar rambut. Dalam masalah masalah ini ulama berbeza pendapat. Imam Malik mewajibkan menguraikannya jika air tidak dapat sampai ke akar rambut.

Imam Abu Hanifah mengatakan tidak wajib menguraikannya jika akarnya sudah basah. Tetapi seorang lelaki diwajibkan menguraikan rambutnya meskipun air dapat meresap ke akar rambut menurut pendapat yang sahih.

Imam Ahmad mengatakan tidak wajib menguraikannya ketika mandi junub, tetapi diwajibkan ketika mandi haid dan nifas. Beliau melandaskan pendapatnya

dengan sabda Nabi (s.a.w) yang ditujukan kepada 'Aisyah (r.a) ketika haid: "Huraikan rambutmu dan celah-celahilah!"

Imam al-Syafi'i berpendapat disunatkan menguraikannya bagi orang yang berambut tidak lebat, tetapi diwajibkan menguraikannya jika ternyata air tidak dapat sampai ke akarnya kecuali dengan cara menguraikannya.

١٠٥- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنِّي لاَ أُحِلُّ الْمَسْجِدَ لِحَائِضٍ وَلاَ جُنُبٍ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

105. Daripada 'Aisyah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Sesungguhnya aku tidak menghalalkan masjid bagi wanita yang berhaid dan tidak pula bagi orang yang berjunub.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Masjid adalah rumah Allah yang mesti dimuliakan, disucikan dan dipelihara dari najis dan kotoran. Oleh itu, syariat melarang wanita yang sedang berhaid duduk di dalam masjid, kerana dikhuatiri darahnya menitis hingga masjid menjadi tercemar dan bernajis. Syariat pun melarang orang yang berjunub mendekati (memasuki) tempat solat (masjid) sebelum dia bersuci dari junub.

Analisis Lafaz

"لاَ أُحِلُّ الْمَسْجِدَ", aku tidak menghalalkan masjid maksudnya berdiam di masjid.

"لِحَائِضٍ وَلاَ جُنُبٍ", bagi orang yang haid dan berjunub. Orang yang haid disebut lebih dahulu untuk menunjukkan bahawa larangan dan hukum haram ke atasnya lebih diutamakan memandangkan hadas haid lebih berat dan kebanyakan wanita yang sedang berhaid tidak terlepas daripada najis, sedangkan wanita yang bernifas pula masih di bawah haid.

Fiqh Hadis

Wanita haid dan orang berjunub dilarang tinggal di dalam masjid. Namun orang yang berjunub dibolehkan melintasnya menurut Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad dengan berlandaskan kepada firman Allah (s.w.t):

..... وَلَا جُنُبًا إِلَّا عَابِرِى سَبِيلٍ ..... ﴿٤٣﴾

"... *Dan (jangan pula hampiri masjid) sedangkan kamu dalam keadaan junub, kecuali sekadar berlalu sahaja...*" (Surah al-Nisa': 43)

Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa orang yang berjunub dan haid haram memasuki masjid, meskipun hanya sekadar melewatinya. Imam Malik mengatakan bahawa orang yang berjunub tidak boleh melintas di dalam masjid secara mutlak, kecuali kerana dalam keadaan darurat, namun itu pun dia hendaklah berwuduk

terlebih dahulu. Imam Malik melandaskan pendapatnya dengan dalil hadis bab ini dan mengatakan bahawa makna hadis ini bersifat umum.

Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa wanita haid dan nifas dilarang memasuki masjid, sama halnya dengan orang yang berjunub. Imam Malik mengatakan hal yang sama, namun beliau membolehkan keduanya memasuki masjid kerana dalam keadaan darurat, seperti jiwa atau harta bendanya dalam keadaan terancam.

Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad mengatakan mereka boleh berlalu di dalam masjid jika dapat menjamin yang masjid tidak akan tercemar oleh darahnya. Sedangkan Imam al-Syafi'i melarang mereka menetap di dalam masjid secara mutlak. Tetapi Imam Ahmad membolehkan mereka tinggal di dalamnya apabila darahnya terhenti namun orang itu hendaklah berwuduk terlebih dahulu.

١٠٦ - وَعَنْهَا قَالَتْ: "كُنْتُ أَغْتَسِلُ أَنَا وَرَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ إِنَاءٍ وَاحِدٍ، تَخْتَلِفُ أَيْدِينَا فِيهِ مِنَ الْجَنَابَةِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. زَادَ ابْنُ حِبَّانَ: وَتَلْتَقِي أَيْدِيْنَا.

106. Daripada 'Aisyah (r.a), beliau berkata: "*Saya dan Rasulullah (s.a.w) pernah mandi bersama-sama dari sebuah bejana. Tangan kami saling berganti mencedok air di dalam bejana itu kerana mandi junub.*" (Muttafaq 'alaih). Di dalam riwayat Ibn Hibban menambahkan: "Dan tangan kami saling bertemu."

Makna Hadis

Hadis ini mengandungi kefahaman bahawa seorang wanita boleh mandi dengan suaminya dari satu bejana ketika keduanya mandi junub bersama. Tangan Nabi (s.a.w) dan tangan 'Aisyah (r.a) saling bertemu dan saling betembung ketika mengambil (mencedok) air dari bejana itu. Dalam keadaan seperti itu tidak ada mudharat bagi keduanya, kerana tangan keduanya tidak mencabut kesucian air yang ada di dalam bejana itu. Bahkan air tetap suci seperti sedia kala, suci lagi menyucikan. Dengan kata lain air tidak menajdi musta'mal.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهَا", daripada 'Aisyah (r.a), yakni hadis ini sama dengan hadis sebelumnya.

"تَخْتَلِفُ أَيْدِينَا فِيهِ", tangan kami saling bergantian mencedok air dari bejana tersebut. Jika tangan Nabi (s.a.w) mencedok air, maka tangan 'Aisyah (r.a) diangkat dari bejana itu dan begitu pula sebaliknya.

"وَتَلْتَقِي أَيْدِيْنَا", dan tangan kami saling berhadapan dan saling bertembung antara satu dengan yang lain.

"مِنَ الْجَنَابَةِ", dari hadas besar, yakni mandi junub. *Jar* dan *majrur* berkedudukan sebagai keterangan lafaz "أَغْتَسِلُ".

Fiqh Hadis

Seorang wanita boleh mandi bersama dengan suaminya dari satu bejana.

١٠٧- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ تَحْتَ كُلِّ شَعْرَةٍ جَنَابَةً، فَاغْسِلُوا الشَّعْرَ، وَأَنْقُوا الْبَشَرَ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَضَعَّفَاهُ.

وَلِأَحْمَدَ عَنْ عَائِشَةَ نَحْوُهُ، وَفِيهِ رَاوٍ مَجْهُولٌ.

107. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Sesungguhnya di bawah setiap helai rambut terdapat janabah, maka basuhlah semua rambut dan bersihkanlah seluruh kulit tubuh.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Tirmizi. Keduanya menilai hadis ini dha'if)

Menurut riwayat Ahmad daripada 'Aisyah (r.a) disebutkan pula hadis yang serupa, tetapi di dalam sanadnya terdapat yang *majhul* (tidak dikenali).

Makna Hadis

Air meresap ke seluruh tubuh ketika mandi junub adalah wajib. Oleh kerana rambut boleh mencegah sampainya air ke bahagian yang ditutupi oleh rambut, maka Nabi (s.a.w) mengingatkan kita untuk tidak mengabaikannya ketika mandi junub. Baginda menganjurkan kita untuk memastikan air itu benar-benar sampai ke akar rambut dengan menegaskan bahawa di bawah setiap helai rambut terdapat *janabah*. Di dalam hadis yang diceritakan oleh 'Ali ibn Abu Talib (r.a) disebutkan:

مَنْ تَرَكَ مَوْضِعَ شَعْرَةٍ مِنْ جَنَابَةٍ فُعِلَ بِهَا كَذَا وَكَذَا فِي النَّارِ. قَالَ: فَمِنْ ثَمَّ عَادَيْتُ شَعْرَ رَأْسِيْ. وَكَانَ يَجُزُّ شَعْرَهُ.

"*Barang siapa yang meninggalkan satu tempat meskipun hanya sehelai rambut ketika mandi junub, kelak akan dilakukan terhadapnya demikian dan demikian di dalam neraka. Lalu 'Ali berkata: "Oleh itu saya memusuhi rambutku." 'Ali sentiasa mencukur rambutnya.*"

Analisis Lafaz

"إِنَّ تَحْتَ كُلِّ شَعْرَةٍ جَنَابَةً", sesungguhnya di bawah setiap helai rambut terdapat *janabah*. Kalimat ini merupakan kata sindiran yang maknanya menunjukkan bahawa *janabah* itu mencakupi seluruh bahagian luaran tubuh yang biasanya menjadi tempat tumbuhnya rambut. Lafaz *janabah* berkedudukan sebagai *isim inna* yang diakhirkan. Oleh itu, ia dibaca *nasab* iaitu "جَنَابَةً", sedangkan *khabar inna* ialah yang menjadi tempat bergantung *zharaf* iaitu lafaz "مُسْتَقِرٌّ".

"وَأَنْقُوا الْبَشَرَ", bersihkanlah semua kulit tubuh hingga bahagian yang ditutup oleh rambut sekalipun.

"وَضَعَّفَاهُ", keduanya (Abu Dawud dan al-Tirmizi) menilai hadis ini dha'if kerana berasal dari riwayat al-Harits ibn Wajih. Abu Dawud berkata: "Hadis al-Harits ibn Wajih munkar dan dia seorang yang dha'if."

"نَحْوُهُ", sama seperti hadis Abu Hurairah (r.a).

"رَاوٍ مَجْهُولٌ", yang tidak dikenali. Maka riwayatnya tidak dapat dijadikan

sebagai hujah.

Fiqh Hadis

1. Wajib membasuh seluruh tubuh ketika mandi junub dan tidak ada satu pun anggota tubuh yang dimaafkan apabila tidak terkena air.
2. Wajib menghilangkan segala sesuatu yang boleh mencegah sampainya air ke kulit tubuh.

Kesimpulan

Hadis-hadis bab ini menunjukkan beberapa kesimpulan sebagai berikut:
1. Penjelasan mengenai gambaran mandi yang sempurna dan bilangan basuhannya.
2. Mandi junub diwajibkan bagi lelaki dan wanita apabila mereka berhubungan seks, keluarnya air mani, haid dan nifas. Orang kafir, lelaki dan perempuan diwajibkan mandi pula apabila keduanya telah masuk Islam.
3. Disunatkan mandi setelah berbekam, setelah memandikan jenazah dan pada hari Jumaat.
4. Disunatkan berwuduk bagi lelaki yang hendak menyetubuhi isterinya untuk kedua kalinya.
5. Orang yang berjunub, berhaid dan bernifas dilarang membaca al-Qur’an dan masuk ke dalam masjid.
6. Kedua orang suami isteri boleh mandi bersama dari satu bejana.

Soalan

1. Apakah takrif *al-ghusl*?
2. Jelaskan makna lafaz *al-junub*!
3. Terangkanlah lafaz “الماء” yang pertama dan “الماء” yang kedua dalam hadis: “الْمَاءُ مِنْ الْمَاءِ”! Apakah hadis ini *muhkam* atau *mansukh*?
4. Bagaimanakah hukum memasukkan zakar ke dalam faraj tanpa mengeluarkan air mani?
5. Apakah yang wajib dilakukan oleh seorang wanita apabila dia bermimpi mengeluarkan air mani?
6. Apakah faktor yang menyebabkan seorang anak mirip dengan salah seorang dari kedua orang tuanya?
7. Bagaimanakah rupa air mani wanita?
8. Apakah hukum mandi kerana bersetubuh, berbekam, memandikan jenazah dan mandi pada hari Jumaat?
9. Apakah hukum mandi bagi orang kafir yang baru masuk Islam? Sebutkan hikmah disyariatkan mandi ini dan terangkan pendapat ulama mengenai hal ini!
10. Bagaimanakah hukum mandi pada hari Jumaat pada permulaan kedatangan

Islam, kemudian jelaskan apa yang ditetapkan untuk diamalkan sesudah itu!

11. Terangkan makna lafaz-lafaz berikut: "مُحْتَلِمٍ" dan "وَاجِبٌ"!
12. I'rab-kan kalimat "فَبِهَا وَنِعْمَتْ"!
13. Bagaimanakah hukum membaca al-Qur'an bagi orang yang berjunub dan bagaimanakah hukum memegang mushaf baginya? Bagaimanakah hukum menangguhkan mandi junub?
14. Apakah yang disunatkan bagi orang yang hendak mengulangi bersetubuh dengan isterinya untuk yang kedua kalinya?
15. Apakah hukum tidur orang berjunub tanpa berwuduk dan tanpa mandi dan apakah yang lebih diutamakan untuk dilakukan olehnya dalam keadaan seperti itu!
16. Ada berapakah cara mandi junub? Sebutkan gambaran atau cara mandi junub yang paling sempurna!
17. Bagaimanakah hukum mengibaskan air setelah bersuci dengan kedua tangan dan bagaimanakah hukum mengeringkannya dengan tuala? Sebutkan pendapat ulama mengenai masalah ini!
18. Bagaimanakah hukum menguraikan rambut ketika mandi junub apabila rambut diikat, bilakah wajib dihuraikan dan bilakah pula hanya disunatkan? Jelaskan pendapat ulama dalam masalah ini!
19. Bagaimanakah hukum orang yang haid dan orang yang berjunub tinggal di dalam masjid? Jelaskan perbezaan pendapat ulama apabila keduanya hanya berlalu sahaja di dalam masjid, dan sebutkan hujah ulama yang membolehkan dan yang melarangnya!
20. Bagaimanakah hukum mandi seorang wanita dengan suaminya dari satu bejana?
21. Apakah hukum sisa air yang telah digunakan mandi oleh isteri?
22. Jelaskan kedudukan i'rab lafaz "جَنَابَةً" dari kalimat "إِنَّ تَحْتَ كُلِّ شَعْرَةٍ جَنَابَةً"!
23. Terangkan makna kalimat "أَنْقُوا الْبَشَرَ"!

BAB TAYAMMUM

١٠٨- عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أُعْطِيتُ خَمْسًا لَمْ يُعْطَهُنَّ أَحَدٌ قَبْلِي: نُصِرْتُ بِالرُّعْبِ مَسِيرَةَ شَهْرٍ، وَجُعِلَتْ لِيَ الْأَرْضُ مَسْجِدًا وَطَهُورًا، فَأَيُّمَا رَجُلٍ أَدْرَكَتْهُ الصَّلَاةُ فَلْيُصَلِّ". وَذَكَرَ الْحَدِيثَ.

وَفِي حَدِيثِ حُذَيْفَةَ عِنْدَ مُسْلِمٍ: "وَجُعِلَتْ تُرْبَتُهَا لَنَا طَهُورًا، إِذَا لَمْ نَجِدِ الْمَاءَ."

وَعَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عِنْدَ أَحْمَدَ: "وَجُعِلَ التُّرَابُ لِي طَهُورًا".

108. Daripada Jabir bin 'Abdullah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Aku dianugerahkan lima perkara yang belum pernah diberikan kepada seorang pun sebelumku, iaitu: Aku diberi pertolongan dengan rasa takut (yang menggerunkan dalam hati musuh) dalam jarak perjalanan sejauh satu bulan. Bumi ini dijadikan bagiku sebagai tempat sujud lagi menyucikan. Jadi, sesiapa pun menjumpai waktu solat, hendaklah dia mengerjakan solat (di mana pun dia berada) ….* hingga akhir hadis."

Menurut riwayat Muslim di dalam hadis Hudzaifah (r.a) disebutkan: "*Dan tanahnya dijadikan bagi kami menyucikan apabila kami tidak menjumpai air.*"

Menurut riwayat Ahmad daripada 'Ali (r.a) disebutkan: "*Dan dijadikan bagiku tanah dapat menyucikan.*"

Makna Hadis

Dalam pembahasan sebelum ini telah disebutkan bersuci dengan air, sama ada bersuci kecil (wuduk) mahupun bersuci besar (mandi junub) di samping hukum-hakam yang berkaitan dengan keduanya.

Dalam bab ini diterangkan pula bersuci dengan debu kerana tanah dapat dijadikan sebagai pengganti bersuci dengan air, tetapi tidak boleh menggunakan cara ini kecuali dalam keadaan yang tidak memungkinkan memperoleh dan menggunakan air. Ini merupakan salah satu keistimewaan umat Nabi Muhammad (s.a.w).

Allah (s.w.t) telah memuliakan Rasul-Nya dan umatnya dengan keistimewaan yang amat banyak, antara lain ialah mendapat pertolongan melalui perasaan takut yang mencekam hati musuh. Rasa takut itu dilemparkan oleh Allah ke dalam hati mereka sekalipun jarak antara Nabi (s.a.w) dengan mereka memerlukan perjalanan sejauh satu bulan. Umat Nabi (s.a.w) dibolehkan mengerjakan solat di mana-mana tempat di muka bumi ini kerana semua bumi adalah tempat sujud untuknya dan tanahnya dapat menyucikan. Bagi umat sebelum ini, ibadah mereka tidak sah kecuali hanya di tempat-tempat ibadah mereka sendiri. Dihalalkan pula harta ghanimah bagi umat Nabi (s.a.w). Oleh itu, mereka dapat menikmatinya. Sedangkan umat sebelum ini diharamkan ke atas mereka harta ghanimah itu. Allah (s.w.t) memerintahkan mereka mengumpulkan harta ghanimah di tanah lapang, lalu Dia mengirimkan api dari langit yang langsung membakarnya. Nabi (s.a.w) diberi *Syafa'ah al-'Uzhma* untuk memberikan ketenangan kepada ahli mawqif di padang mahsyar kelak. Nabi (s.a.w) diutus untuk seluruh umat manusia secara umum, sedangkan sebelum itu setiap nabi hanya diutus untuk kaumnya secara khusus. Ya Allah, berilah Nabi kami kebenaran untuk memberi syafaat kepada kami, dan jadikanlah kami berada di bawah panjinya, iaitu panji pujian kelak pada hari kiamat. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar lagi Engkau memperkenankan orang yang berdoa kepada-Mu, wahai Tuhan semesta alam.

Analisis Lafaz

"وَذَكَرَ اَلْحَدِيثَ" Wadzakaral hadiitsa, dan Jabir (r.a) melanjutkan hadisnya hingga selesai. Sambungannya adalah seperti berikut:

وَأُحِلَّتْ لِي الْغَنَائِمُ وَأُعْطِيتُ الشَّفَاعَةَ وَكَانَ النَّبِيُّ يُبْعَثُ إِلَى قَوْمِهِ خَاصَّةً وَبُعِثْتُ إِلَى النَّاسِ عَامَّةً.

"*Dan dihalalkan bagiku harta ghanimah, diberikan kepadaku syafaat dan dahulu seorang nabi diutus kepada kaumnya sahaja secara khusus, sedangkan aku diutus*

kepada seluruh umat manusia secara umum." (Muttafaq 'alaih)

"التيمم", menurut bahasa adalah bertujuan, sedangkan menurut syarak ialah mengusap wajah dan kedua tangan dengan debu atau tanah yang suci dan mubah dengan cara yang khusus. Tayammum disyariatkan pada tahun 4 Hijriah pada waktu perang dengan Bani al-Musthaliq meletus berkat kisah hilangnya kalung 'Aisyah (r.a). Tayammum ini merupakan *rukhshah*, tetapi pendapat yang lain mengatakannya sebagai *'azimah*.

"نُصِرْتُ بِالرُّعْبِ", *al-ru'b* ertinya takut. Makna yang dimaksudkan di sini ialah Allah (s.w.t) menimpakan rasa takut ke dalam hati musuh-musuh-Nya ketika mereka mendengar Rasulullah (s.a.w) mengerahkan suatu pasukan yang menuju ke arah mereka. Perasaan takut tersebut penyebabnya sudah dimaklumi oleh mereka, iaitu sahabat-sahabat Nabi Muhammad (s.a.w) tidak ada yang takut mati, malah mereka merasa nikmat menghadapi kematian itu demi mempertahankan akidah mereka. Tidak kita diragukan lagi, apabila perasaan takut atau gementar telah meresap di dalam kalbu suatu pasukan, maka kesannya jauh lebih besar daripada apa yang dilakukan oleh pedang dan senjata lainnya. Perasaan takut atau gementar merupakan salah satu balatentera kenabian yang berada di garisan paling depan yang mendahuluinya dalam jarak sejauh perjalanan satu bulan.

"مَسِيرَةَ شَهْرٍ", perjalanan satu bulan. Alasan dijadikan satu bulan kerana jarak antara tempat Nabi (s.a.w) dengan musuh-musuhnya tidak ada yang lebih jauh daripada perjalanan satu bulan. Di dalam riwayat yang lain disebutkan dua bulan, yakni sebulan ke hadapan dan sebulan ke belakangnya.

"مَسْجِدًا", tempat sujud, iaitu tempat meletakkan kening di kala sujud. Makna yang dimaksudkan di sini ialah bumi dijadikan bagiku seperti masjid di mana boleh melakukan solat padanya. Jadi, tidak ada keistimewaan bagi satu tempat ke atas tempat yang lain.

"طَهُورًا", dapat menyucikan. Tanah atau debu dapat dijadikan sarana untuk bersuci.

"الْغَنَائِمُ", bentuk jamak dari lafaz *al-ghanimah*, ertinya harta yang diperolehi dari orang kafir melalui cara berperang.

"لَمْ تُحَلَّ لأَحَدٍ مِنْ قَبْلِيْ", sebelumnya harta ghanimah tidak pernah dihalalkan kepada seorang nabi pun, kerana harta ghanimah pada masa umat terdahulu dikumpulkan di suatu kawasan lapang, lalu turunlah api dari langit yang langsung membakarnya. Ini menunjukkan harta ghanimah itu diterima di sisi Allah seperti mana dalam firman-Nya:

..... حَتَّىٰ يَأْتِيَنَا بِقُرْبَانٍ تَأْكُلُهُ ٱلنَّارُ ..... ﴿١٨٣﴾

"... *Sebelum ia mendatangkan kepada kami korban yang dimakan api...*" (Surah Ali 'Imran: 183)

"الشَّفَاعَةَ", yakni *syafa'ah al-'uzhma*. Ia merupakan anugerah Allah kepada Nabi-Nya untuk menyelamatkan umat manusia dari huru-hara dan kesengsaran di padang mahsyar dengan disegerakan proses hisab amal mereka.

"تُرْبَتُهَا", tanah atau debunya.

Fiqh Hadis

1. Keutamaan Nabi (s.a.w) ke atas nabi-nabi yang lain.
2. Membicarakan nikmat Allah bukan untuk tujuan membanggakan diri dan bukan pula untuk menyombongkan diri, sebaliknya untuk mendorong dirinya dan orang lain yang memperoleh suatu nikmat supaya bersyukur dan bertambah giat melakukan amal ibadah kepada Allah yang memberi nikmat itu. Allah (s.w.t) berfirman:

   وَأَمَّا بِنِعْمَةِ رَبِّكَ فَحَدِّثْ ﴿١١﴾

   "*Dan terhadap nikmat Tuhanmu, hendaklah kamu menyebut-nyebutnya (dengan bersyukur).*" (Surah al-Dhuha: 11)
3. Rasulullah (s.a.w) ditolong oleh Allah melalui perasaan takut yang mencekam dan menggentarkan hati musuh-musuhnya. *Al-Ru'b* atau perasaan takut atau gementar merupakan salah satu dari balatenteranya yang maju menggempur hati dan semangat musuh-musuhnya hingga mereka sudah merasa kalah sebelum perang yang sebenar dimulakan.
4. Menetapkan hukum-hukum syariat yang antara lain ialah mengerjakan solat tidak mesti dilakukan hanya di dalam masjid sahaja.
5. Pada asalnya tanah itu hukumnya suci.
6. Tayammum membolehkan apa yang dicegah oleh hadas sama halnya dengan air. Pendapat ini merupakan mazhab Imam Abu Hanifah. Jadi, baginya seseorang dengan tayammum boleh mengerjakan solat fardu dan solat sunat sebanyak apa yang dia kehendaki selagi belum berhadas atau belum menjumpai air, kerana tayammum baginya merupakan pengganti air secara mutlak. Namun Jumhur ulama mengatakan dibolehkan mengerjakan sekali solat fardu dan solat sunat seberapa banyak dia mampu mengerjakannya, tetapi tidak boleh digunakan untuk menggabungkan dua solat fardu. Jika ketika bertayammum seseorang itu berniat untuk mengerjakan solat fardu, maka dia dibolehkan mengerjakan sekali solat fardu dan solat sunat. Tetapi jika berniat untuk melakukan solat sunat, maka dia tidak dibolehkan mengerjakan solat fardu kecuali dengan tayammum yang baru.
7. Tayammum hanya khusus dilakukan dengan debu, sedangkan bertayammum dengan menggunakan objek yang selainnya tidak dianggap memadai menurut pendapat Imam Ahmad dan Imam al-Syafi'i. Sedangkan menurut mazhab Maliki dibolehkan bertayammum dengan apa-apa yang termasuk jenis tanah dengan syarat tidak dibakar. Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad mengatakan bahawa tayammum sah dengan menggunakan semua benda suci yang termasuk jenis tanah, iaitu segala sesuatu yang tidak menjadi abu dan tidak lembek apabila dibakar dengan api, seperti debu, pasir dan batu. Jika sesuatu itu menjadi abu apabila dibakar seperti kayu serta daun kering, dan sesuatu yang menjadi lembek apabila dibakar dengan api seperti besi dan timah, maka tayammum tidak sah dengan menggunakan benda tersebut apabila tidak terdapat debu yang melekat padanya. Abu Yusuf, salah seorang

ulama mazhab Hanafi, mengatakan bahawa tidak sah bertayammum kecuali dengan menggunakan debu dan pasir.

8. Ghanimah dihalalkan bagi umat Nabi Muhammad (s.a.w).
9. Hanya Rasulullah (s.a.w) yang diutus kepada seluruh umat manusia secara umum.
10. Allah (s.w.t) menganugerahkan *Syafa'at al-'Uzhma* kepada Rasul-Nya untuk membebaskan umat manusia dari kesusahan dan huru-hara pada hari kiamat.

١٠٩- عَنْ عَمَّارِ بْنِ يَاسِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: "بَعَثَنِي النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَاجَةٍ، فَأَجْنَبْتُ، فَلَمْ أَجِدِ الْمَاءَ، فَتَمَرَّغْتُ فِي الصَّعِيدِ كَمَا تَمَرَّغُ الدَّابَّةُ، ثُمَّ أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لَهُ، فَقَالَ: "إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيكَ أَنْ تَقُولَ بِيَدَيْكَ هَكَذَا" ثُمَّ ضَرَبَ بِيَدَيْهِ الْأَرْضَ ضَرْبَةً وَاحِدَةً، ثُمَّ مَسَحَ الشِّمَالَ عَلَى الْيَمِينِ، وَظَاهِرَ كَفَّيْهِ وَوَجْهَهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِلْبُخَارِيِّ: وَضَرَبَ بِكَفَّيْهِ الْأَرْضَ، وَنَفَخَ فِيهِمَا، ثُمَّ مَسَحَ بِهِمَا وَجْهَهُ وَكَفَّيْهِ.

109. Daripada 'Ammar ibnu Yasir (r.a), beliau berkata: "*Nabi (s.a.w) menyuruhku untuk suatu keperluan, sementara aku sedang berjunub dan aku tidak menemukan air. Akhirnya aku berguling di atas pasir sebagaimana haiwan ternakan berguling, kemudian aku datang kepada Nabi (s.a.w) dan menceritakan perkara tersebut kepadanya. Mendengar itu, baginda bersabda: "Sesungguhnya cukup bagimu hanya dengan melakukan seperti ini dengan kedua telapak tanganmu." Selanjutnya baginda memukulkan kedua telapak tangannya ke tanah dengan sekali pukulan, lalu baginda usapkan tangan kirinya ke tangan kanannya dan bahagian luar kedua telapak tangannya serta wajahnya.*" (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis ini menurut hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim)

Dalam riwayat lain yang dikemukakan oleh al-Bukhari disebutkan: "*Lalu Nabi (s.a.w) memukulkan kedua telapak tangannya ke tanah dan meniup keduanya. Selanjutnya keduanya diusapkan ke wajah dan kedua telapak tangannya.*"

Makna Hadis

Sahabat yang mulia 'Ammar ibn Yasir (r.a) menempuh cara zahir seperti mana yang dituntut oleh pemahaman analogi dan akal. Beliau berpandangan tayammum merupakan pengganti mandi. Oleh itu beliau meyakini bahawa seluruh tubuh mesti terkena debu sebagaimana halnya mandi. Untuk itu, beliau berguling di atas pasir seperti bergulingnya seekor haiwan ternakan. Nabi (s.a.w) menjelaskan kepadanya tatacara bertayammum yang disyariatkan oleh Allah (s.w.t).

Analisis Lafaz

"أَجْنَبْتُ", aku berjunub.

"فَتَمَرَّغْتُ فِي الصَّعِيدِ", aku berguling di tanah dengan keyakinan bahawa tayammum yang dilakukan untuk junub mesti meratakan debu ke seluruh tubuh

sebagaimana mesti meratakan seluruh tubuh dengan air ketika mandi junub.

"تَقُولَ", engkau lakukan. Lafaz *al-qaul* sering kali diertikan dengan *al-fi'lu* (perbuatan).

"وَنَفَخَ فِيهِمَا", dan Nabi (s.a.w) meniup kedua telapak tangannya supaya debu yang melekat pada telapak tangannya berkurangan, sebab jika terlampau banyak akan mengotori wajah.

Fiqh Hadis

1. Tidak ada celaan terhadap seorang mujtahid apabila dia telah mengerahkan seluruh kemampuannya tetapi masih tetap silap dan tidak mencapai kebenaran.
2. Pengajaran secara praktikal memiliki kesan yang lebih mendalam berbanding pengajaran secara teori.
3. Boleh membatasi tayammum hanya dengan sekali pukulan (sekali ambil debu).
4. Disyariatkan mengusap wajah dan dua telapak tangan dalam tayammum menurut pendapat Imam Malik dan Imam Ahmad. Sedangkan menurut Imam Abu Hanifah dan Imam al-Syafi'i di dalam qaul jadidnya, batas mengusap tangan sampai kepada kedua siku. Keduanya melandaskan pendapat mereka kepada dalil hadis kedua yang akan disebut sesudah ini.
5. Tayammum sudah memadai dijadikan sebagai pengganti mandi junub apabila air tidak dijumpai.
6. Disyariatkan menepuk kedua tangan ketika bertayammum.

Periwayat Hadis

'Ammar ibn Yasir ibn 'Amir al-'Anasi, nama panggilannya adalah Abu al-Yaqzhan, mawla Bani Makhzum, seorang sahahat agung dan termasuk salah seorang dari mereka yang paling awal masuk Islam. Beliau pernah diseksa oleh orang kafir Quraisy di Mekah kerana masuk Islam. Beliau pernah melakukan dua kali hijrah dan turut serta dalam perang Badar serta peperangan yang lain.

Hadis yang telah diriwayatkannya berjumlah 62. 'Ali (r.a) telah menceritakan hadis berikut bahawa 'Ammar pernah meminta izin untuk menemui Rasulullah (s.a.w), lalu baginda berkata kepadanya: "Selamat datang di atas kehadiran orang yang baik dan orang yang membaikkan (orang lain)." Beliau mati syahid dalam perang Shiffin dalam usia 73 tahun.

١١٠- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "التَّيَمُّمُ ضَرْبَتَانِ؛ ضَرْبَةٌ لِلْوَجْهِ، وَضَرْبَةٌ لِلْيَدَيْنِ إِلَى الْمِرْفَقَيْنِ". رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ، وَصَحَّحَ الْأَئِمَّةُ وَقْفَهُ.

110. Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Tayammum ialah dengan dua kali pukulan; sekali pukulan untuk mengusap wajah dan sekali pukulan yang lain digunakan untuk mengusap kedua tangan*

hingga kedua sikunya." (Diriwavatkan oleh al-Daraquthni dan para ulama menilainya sebagai hadis mawquf)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) memberi petunjuk kepada umatnya dan menjelaskan kepada mereka tentang hukum. Kadang kala baginda menjelaskan perkara yang wajib secara komprehensif dan kadang kala pula menjelaskan apa yang dianjurkan secara lengkap. Baginda menjelaskan bahwa tayammum itu dilakukan dengan dua kali pukulan debu; sekali pukulan untuk mengusap wajah dan sekali pukulan lagi untuk mengusap kedua tangan.

Ada sesetengah ulama fiqh yang menjadikan hadis ini sebagai batasan tayammum yang sempurna dan menjadikan perkara yang diwajibkan hanya dengan sekali pukulan. Ada yang menjadikan pengusapan terhadap kedua tangan hanya sampai batas kedua pergelangan tangan serta menjadikan pukulan yang kedua dan mengusap sampai batas kedua siku sebagai batas tayammum yang sempurna. Pendapat ini berlandaskan kepada usaha menggabungkan beberapa hadis dalam masalah ini. Ada pula di antara mereka yang menjadikan dua kali pukulan serta mengusap kedua tangan sampai batas kedua siku itu merupakan perkara yang diwajibkan dalam tayammum kerana berdasarkan tarjih hadis-hadis yang menunjukkan demikian. Cara ini merupakan yang ditempuh melalui tarjih.

Fiqh Hadis

1. Menjelaskan cara bertayammum, iaitu dilakukan dengan dua kali pukulan. Ini menurut pendapat Imam al-Syafi'i, Imam Abu Hanifah dan satu riwayat dari Imam Malik. Tetapi pendapat yang paling masyhur di kalangan mazhab Maliki ialah pukulan pertama fardu, sedangkan pukulan kedua sunat. Imam Ahmad mengatakan bahawa apa yang diwajibkan ialah sekali pukulan kerana berlandaskan kepada hadis 'Ammar ibn Yasir (r.a) yang menceritakan: "Aku pernah bertanya kepada Nabi (s.a.w) mengenai cara tayammum. Baginda memerintahkan kepadaku melakukan sekali pukulan untuk mengusap wajah dan kedua telapak tangan."
2. Disyariatkan tertib (berurutan), iaitu dengan mendahulukan pengusapan wajah ke atas pengusapan kedua tangan. Ini adalah wajib menurut Imam al-Syafi'i. Sedangkan menurut pendapat Imam Abu Hanifah dan Imam Malik, berurutan bukanlah syarat dalam bertayammum, sebaliknya ia hanya disyaratkan ketika menyucikan diri daripada hadas besar sahaja, bukannya untuk hadas kecil.

١١١- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّم: "الصَّعِيدُ وُضُوءُ الْمُسْلِمِ، وَإِنْ لَمْ يَجِدِ الْمَاءَ عَشْرَ سِنِينَ، فَإِذَا وَجَدَ الْمَاءَ فَلْيَتَّقِ اللهَ، وَلْيُمِسَّهُ بَشَرَتَهُ". رَوَاهُ الْبَزَّارُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ الْقَطَّانِ، وَلَكِنْ صَوَّبَ الدَّارَقُطْنِيُّ إِرْسَالَهُ. وَلِلتِّرْمِذِيِّ: عَنْ أَبِي ذَرٍّ نَحْوُهُ، وَصَحَّحَهُ.

111. Daripada Abu Hurairah (r.a) beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Debu adalah wuduknya orang muslim apabila tidak menemukan air, sekalipun selama sepuluh tahun. Tetapi apabila sudah menemukan air, maka hendaklah dia bertakwa kepada Allah, dan menyentuhkan air itu ke kulit tubuhnya.*" (Diriwayatkan oleh al-Bazzar dan dinilai sahih oleh Ibn al-Qatthan, tetapi al-Daraquthni membenarkan yang hadis ini berkedudukan *mursal*)

Al-Tirmizi turut menyebut hadis yang serupa daripada Abu Dzarr (r.a) sekali gus menilainya sebagai hadis sahih.

Makna Hadis

Tayammum dengan debu merupakan salah satu keistimewaan umat Nabi Muhammad (s.a.w), sebagaimana yang disebutkan dalam sabdanya:

وَجُعِلَتْ تُرْبَتُهَا لَنَا طَهُورًا، إِذَا لَمْ نَجِدِ الْمَاءَ.

"*Dan debunya dijadikan bagi kami dapat menyucikan apabila kami tidak menjumpai air.*"

Debu merupakan sarana bersuci orang muslim. Dengan debu tersebut dia dibolehkan melakukan perkara-perkara yang dilarang kerana berhadas kecil dan berhadas besar (junub). Tetapi debu pada dasarnya tidak dapat menghilangkan hadas. Buktinya ialah apabila dijumpai air, maka seseorang diwajibkan berwuduk atau mandi junub. Hukum boleh bertayammum dibatasi dengan adanya air.

Oleh kerana tayammum merupakan cara yang masih belum dikenali oleh masyarakat Arab dan belum pula oleh yang bangsa yang lain, maka syariat mengukuhkan perintahnya kepada mereka dan menamakannya sebagai sesuatu yang boleh menyucikan ketika air tidak ada. Hal ini dinyatakan dengan ungkapan *mubalaghah* melalui sabdanya: "Apabila tidak menemukan air, sekalipun selama sepuluh tahun." Nabi (s.a.w) menamakannya sebagai pengganti air yang menyucikan.

Dalam keadaan di mana sukar dijumpai, tidak ada bezanya antara ketiadaan yang hakiki atau ketiadaan hukmi seperti seseorang yang kehilangan alat untuk mengeluarkan air atau sedang sakit yang melarangnya menggunakan air kerana sakitnya dikhuatiri bertambah terus atau malah lambat sembuh, atau akan mengakibatkan komplikasi penyakit lain yang diketahui secara pasti atau hanya berlandaskan andaian melalui uji cuba atau nasihat pakar seorang doktor muslim.

Analisis Lafaz

"الصَّعِيدُ", debu.

"وُضُوءُ الْمُسْلِمِ", sesuatu yang dapat digunakan untuk bertayammum, kerana debu dapat dijadikan sarana bersuci sama seperti air.

"عَشْرَ سِنِينَ", makna yang dimaksudkan di sini ialah menunjukkan bilangan yang banyak, bukan batasan. Maksudnya, seseorang boleb bertayammum secara berterusan, sekalipun masa ketiadaan air selama sepuluh tahun.

"بَشَرَتَهُ", kulit tubuhnya yang biasa dia gunakan untuk bersentuhan dengan orang lain.

"نَحْوُهُ", hadis yang serupa dengan hadis Abu Hurairah (r.a) dan teksnya adalah seperti berikut ini:

قَالَ أَبُوْ ذَرٍّ: اجْتَوَيْتُ الْمَدِيْنَةَ، فَأَمَرَنِيْ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِإِبِلٍ، فَكُنْتُ فِيْهَا، فَأَتَيْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقُلْتُ: هَلَكَ أَبُوْ ذَرٍّ، فَقَالَ: مَا حَالُكَ؟ فَقَالَ: كُنْتُ أَتَعَرَّضُ لِلْجَنَابَةِ وَلَيْسَ قُرْبِيْ مَاءً، قَالَ: الصَّعِيْدُ طَهُوْرٌ لِمَنْ لَمْ يَجِدِ الْمَاءَ وَلَوْ عَشْرَ سِنِيْنَ.

"*Abu Dzarr menceritakan: "Aku menderita sakit di Madinah. Rasulullah (s.a.w) memerintahkan kepadaku untuk (berpindah) ke tempat penggembalaan ternakan unta zakat, lalu aku tinggal di sana selama beberapa waktu (hingga sembuh). Setelah itu aku datang kepada Rasulullah (s.a.w), lalu aku berkata: "Binasalah Abu Dzarr!" Nabi (s.a.w) bertanya: "Mengapa dengan kamu?" Abu Dzarr menjawab: "Aku sedang berjunub, sedangkan di sekitarku tidak ada air." Nabi (s.a.w) menjawab: "Debu adalah sarana bersuci bagi orang yang tidak menemukan air, sekalipun selama sepuluh tahun.*"

"اجْتَوَيْتُ الْمَدِيْنَةَ", aku tertimpa penyakit *al-juwa*, iaitu penyakit yang menyerang perut. Apabila penyakit menyerang seseorang dalam waktu yang lama, maka dikatakan "اجتويت البلد" yang ertinya "apabila kamu merasa merbahaya tinggal di dalam negeri tersebut kerana penyakit yang ada padanya."

"أَتَعَرَّضُ لِلْجَنَابَةِ", aku mengalami hadas besar.

Fiqh Hadis

1. Tayammum juga disebut sebagai wuduk.
2. Tayammum menggantikan kedudukan air yang dapat menghilangkan junub untuk sementara waktu hingga air ditemukan.
3. Orang yang berjunub lalu bertayammum apabila dia menemukan air, maka dia wajib segera mandi junub.

Periwayat Hadis

Abu Dzarr ialah Jundub ibn Junadah, seorang sahabat yang zuhud, muhajirin dan salah seorang Nujaba'. Beliau meriwayatkan 281 hadis. Ibn 'Abbas, Anas, al-Ahnaf dan ramai lagi telah mengambil riwayat daripadanya.

Abu Dawud berkata: "Abu Dzarr menyamai keilmuan yang ada pada Ibn Mas'ud." Beliau tinggal di al-Rabdzah sesudah Rasulullah (s.a.w) wafat. Beliau meninggal dunia pada tahun 32 Hijriah di al-Rabdzah pada masa pemerintahan Khalifah 'Utsman. Ibn Mas'ud turut menyembahyangkan jenazahnya dan sepuluh hari sesudahnya Ibn Mas'ud pun meninggal dunia.

١١٢- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "خَرَجَ رَجُلَانِ فِي سَفَرٍ، فَحَضَرَتْ الصَّلَاةَ -وَلَيْسَ مَعَهُمَا مَاءٌ- فَتَيَمَّمَا صَعِيدًا طَيِّبًا، فَصَلَّيَا، ثُمَّ وَجَدَا الْمَاءَ فِي الْوَقْتِ.

فَأَعَادَ أَحَدُهُمَا الصَّلاَةَ وَالْوُضُوءَ، وَلَمْ يُعِدِ ٱلآخَرُ، ثُمَّ أَتَيَا رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَا ذَلِكَ لَهُ، فَقَالَ لِلَّذِي لَمْ يُعِدْ: "أَصَبْتَ السُّنَّةَ وَأَجْزَأَتْكَ صَلاتُكَ." وَقَالَ لِلآخَرِ: "لَكَ ٱلأَجْرُ مَرَّتَيْنِ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ.

112. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: "*Dua orang lelaki keluar (dari kota Madinah) untuk mengadakan suatu perjalanan. Maka tibalah waktu solat, sedangkan keduanya tidak membawa air, lalu mereka bertayammum dengan debu yang suci, kemudian mengerjakan solat. Setelah itu mereka menemukan air dan waktu solat itu belum lagi berakhir. Maka salah seorang di antaranya mengulangi solatnya dengan berwuduk, sedangkan yang seorang lagi tidak mengulangi (solatnya). Kemudian mereka datang menghadap Rasulullah (s.a.w), lalu menceritakan apa yang mereka lakukan kepada baginda. Mendengar itu, Nabi (s.a.w) bersabda kepada orang yang tidak mengulangi solatnya: "Engkau telah mengerjakan Sunnah dan solatmu itu sudah memadai." Sedangkan kepada yang satu lagi baginda bersabda: "Engkau memperoleh ganjaran pahala sebanyak dua kali.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i)

Makna Hadis

Cabang hukum yang memiliki banyak rincian serta beraneka ragam jenis dan peristiwanya tidak mungkin disebutkan dengan secara terperinci jelas oleh al-Qur'an dan Sunnah. Dalam menganalisis perkara seperti itu diperlukan ijtihad dengan cara menyamakan suatu permasalahan yang mempunyai kemiripan dengan yang lain dan menyesuaikan cabang kepada pokoknya. Oleh itu, setiap sahabat melakukan ijtihad pada zaman Nabi (s.a.w) dan baginda mengakui perbuatan mereka dan menyetujuinya.

Antara contohnya ialah kisah dua orang lekaki yang sedang melakukan suatu perjalanan lalu keduanya bertayammum dalam perjalanannya kerana persediaan air mereka tidak memadai untuk digunakan berwuduk. Kemudian salah seorang di antara keduanya mengulangi solatnya, sedangkan yang seorang lagi tidak, tetapi Nabi (s.a.w) menyetujui perbuatan kedua-dua orang sahabat itu. Baginda bersabda kepada orang yang mengulangi solatnya: "Engkau mendapat ganjaran pahala dua kali ganda" yakni pahala bersuci dengan debu dan bersuci dengan air. Dan kepada yang seorang lagi, iaitu orang yang tidak mengulangi solatnya, baginda bersabda: "Solatmu sudah memadai." Dikatakan demikian kerana dia telah mengerjakan sesuai dengan apa yang diperintahkan kepadanya, iaitu bertayammum.

Analisis Lafaz

"فَحَضَرَتْ الصَّلاَةَ", maka tibalah waktu solat.

"صَعِيدًا طَيِّبًا", debu yang suci.

"وَلَمْ يُعِدِ ٱلآخَرُ", sedangkan yang seorang lagi tidak mengulangi wuduknya dan tidak pula bersolat.

"أَصَبْتَ السُّنَّةَ", engkau telah mengerjakan perkara yang menepati cara yang

diperakui oleh syariat Allah.

"وَأَجْزَأَتْكَ صَلاتُكَ", solatmu sudah memadai dan tidak perlu lagi mengqadha'nya lagi. Pengertian "memadai" merupakan ungkapan yang menunjukkan bahawa perbuatan itu telah menggugurkan kewajipan mengulangi ibadah.

"لَكَ ٱلأَجْرُ مَرَّتَيْنِ", bagimu dua pahala, iaitu pahala solat dengan bersuci memakai tayammum dan pahala solat dengan bersuci menukai wuduk.

Fiqh Hadis

1. Menyegerakan solat dengan mengerjakannya pada awal waktu.
2. Disyariatkan bertayammum ketika tidak ada air.
3. Boleh berijtihad pada zaman Nabi (s.a.w) ketika tidak berada di hadapan baginda.
4. Setiap perkara penting hendaklah dirujuk kepada pemimpin.
5. Orang yang ditanya dituntut untuk menjawab soalan si penanya dengan jawapan yang memuaskannya
6. Orang yang telah bersolat dengan tayammum, lalu dia menemukan air sesudah dia mengerjakan solat tidak wajib mengulangi solatnya, meskipun waktu solat itu masih belum berakhir.
7. Tayammum menjadi batal dengan adanya air sebelum mengerjakan solat. Jika air ditemukan sesudah masuk dalam solat, maka seseorang tidak boleh membatalkannya.

١١٣- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا فِي قَوْلِهِ عَزَّ وَجَلَّ: "وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَى أَوْ عَلَى سَفَرٍ". قَالَ: "إِذَا كَانَتْ بِالرَّجُلِ الْجِرَاحَةُ فِي سَبِيلِ اللهِ وَالْقُرُوحُ، فَيُجْنِبُ، فَيَخَافُ أَنْ يَمُوتَ إِنِ اغْتَسَلَ: تَيَمَّمَ". رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ مَوْقُوفًا، وَرَفَعَهُ الْبَزَّارُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ، وَالْحَاكِمُ.

113. Daripada Ibn 'Abbas (r.a) sehubungan dengan makna firman-Nya: "Dan jika kamu sakit atau sedang dalam musafir." (Surah al-Nisa': 43). Ibn 'Abbas (r.a) berkata: "Jika seorang lelaki mengalami luka ketika berperang di jalan Allah dan mengalami infeksi, lalu dia berjunub dan khuatir mati apabila mandi (junub), maka dia boleh bertayammum." (Diriwayatkan oleh al-Daraquthni secara *mawquf*, tetapi hadis ini dinilai *marfu'* oleh al-Bazzar. Ibnu Khuzaimah dan al-Hakim menilainya sahih)

Makna Hadis

Agama Islam adalah agama yang mengamalkan prinsip bertolak angsur. Semua hukum yang ada di dalamnya selalunya disertai oleh pelbagai hikmah dan rahsia. Setiap sesuatu yang mengandungi unsur mudarat pasti tidak diakui oleh Islam bahkan disediakan jalan keluar untuk menolaknya. Jika seorang lelaki merasa khuatir apabila berwuduk atau mandi dengan air akan mendatangkan mudarat bagi dirinya, maka syariat membolehkannya bertayammum bagi menolak

mudharat tersebut sebagai rahmat (belas kasihan) agama kepada orang mukallaf, seperti mana yang ditegaskan oleh keumuman makna yang terkandung di dalam firman-Nya: "*Dan jika kamu sakit ....*" (Surah al-Nisa': 43)

Musafir pada umumnya mengalami kesukaran. Oleh itu, syariat membolehkan tayammum bagi orang yang bermusafir apabila air tidak dijumpai sebagai kemudahan dari Allah buat hamba-Nya.

Analisis Lafaz

"فِي سَبِيلِ اللهِ", dalam berjihad di jalan Allah.

"الْقُرُوحُ", bentuk jamak dan lafaz *al-qarh*, maksudnya luka yang bernanah atau luka yang mengalami infeksi.

"فَيُجْنِبُ", berjunub, yakni hadas besar yang mewajibkan mandi.

"فَيَخَافُ", dia merasa khuatir.

Fiqh Hadis

1. Orang yang berjunub boleh tayammum apabila khuatir akan ditimpa mudarat. Ini merupakan pendapat Imam Malik, Imam Abu Hanifah dan Imam al-Syafi'i.
2. Orang yang berjunub tidak boleh tayammum kecuali apabila khuatir dirinya akan mati apabila mandi dengan air. Ini merupakan pendapat Imam Ahmad dan satu riwayat dari Imam al-Syafi'i.

١١٤- عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "كَسَرَتْ إِحْدَى زَنْدَيَّ، فَسَأَلْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَمَرَنِي أَنْ أَمْسَحَ عَلَى الْجَبَائِرِ". رَوَاهُ ابْنُ مَاجَه بِسَنَدٍ وَاهٍ جِدًّا.

114. Daripada 'Ali (r.a), beliau berkata: "*Salah satu lenganku patah tulang, lalu aku bertanya kepada Rasulullah (s.a.w), maka baginda memerintahkan kepadaku supaya mengusap semen sahaja.*" (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dengan sanad yang sangat lemah)

Makna Hadis

Di antara kemudahan agama Islam ialah memberikan kemudahan kepada hamba-hamba Allah yang antara lain dalam masalah mengusap semen kerana diqiyaskan kepada khuff dan serban. Ia dianggap *qiyas jali* (qiyas yang bertujuan memperkuat nash). Di antara ulama ada yang berpendapat menggabungkan antara mengusap dan mandi serta tayammum.

Analisis Lafaz

"زَنْدَيَّ", bentuk *tatsniyah* dari lafaz *al-zand*, ertinya lengan antara telapak tangan dan siku.

"الْجَبَائِرِ", bentuk jamak dari lafaz *al-jabirah*, ertinya kayu yang digunakan

untuk meluruskan tulang yang patah, lalu ada pembalutnya.

"بِسَنَدٍ وَاهٍ جِدًّا", dengan sanad yang sangat lemah, yakni hadis ini benar-benar nyata dha'ifnya, sebab ia berasal dari riwayat 'Amr ibn Khalid al-Wasithi, seorang pendusta.

Fiqh Hadis

Wajib mengusap semen. Dalam masalah ini ulama berbeza pendapat. Hal ini telah dihuraikan secara terperinci dalam kitab-kitab fiqh.

1. Barang siapa mengalami luka, patah atau infeksi pada salah satu bahagian tubuhnya lalu pada bahagian tersebut dipasang semen dan dia merasa khuatir akan menimbulkan bahaya apabila dibuka, maka menurut Imam al-Syafi'i orang itu boleh mengusap semen tersebut dan bertayammum serta tidak perlu mengqadha' (solat yang telah dilakukan) mengikut pendapat yang paling kuat jika semen tersebut dipasang dalam keadaan suci dan diletakkan pada anggota tayammum.
2. Barang siapa pada salah satu anggota tubuhnya mengalami luka, patah atau infeksi, sedangkan sebahagian yang lain sihat namun kadar anggota tubuh yang sihat lebih banyak, maka anggota tubuh yang sihat mesti dibasuh, sedangkan yang terluka diusap sahaja. Jika kadar anggota yang terluka lebih banyak daripada yang sihat, maka dia boleh bertayammum dan kewajipan mandi menjadi gugur. Ini adalah pendapat Imam Malik dan Imam Abu Hanifah sedangkan menurut Imam Ahmad, anggota tubuh yang sihat mesti dimandikan, sedangkan anggota yang terluka hendaklah ditayammum.

١١٥ - عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا فِي الرَّجُلِ الَّذِي شُجَّ، فَاغْتَسَلَ فَمَاتَ -: "إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيهِ أَنْ يَتَيَمَّمَ، وَيَعْصِبَ عَلَى جُرْحِهِ خِرْقَةً، ثُمَّ يَمْسَحَ عَلَيْهَا وَيَغْسِلَ سَائِرَ جَسَدِهِ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ بِسَنَدٍ فِيهِ ضَعْفٌ، وَفِيهِ اخْتِلَافٌ عَلَى رُوَاتِهِ.

115. Daripada Jabir bin 'Abdullah (r.a) menceritakan mengenai kisah seorang lelaki yang kepalanya mengalami luka parah, lalu dia mandi hingga akhirnya dia meninggal dunia akibat perbuatannya itu: "*Sesungguhnya sudah memadai baginya hanya dengan bertayammum dan membalut lukanya dengan perban, kemudian mengusapnya dan memandikan anggota tubuhnya yang lain.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan sanad yang di dalamnya terdapat unsur dha'if. hadis ini masih dipertikai)

Makna Hadis

Islam memerintahkan umat manusia supaya bertanya kepada *ahli al-dzikr* yang memahami al-Qur'an dan Sunnah untuk memecahkan masalah-masalah sukar yang mereka hadapi berdasarkan kajian teliti. Oleh itu Rasulullah (s.a.w) marah ketika mereka memberikan fatwa kepada seorang lelaki yang terluka bahawa tidak ada *rukhsah* baginya, hingga akhirnya itu menyebabkan kematiannya. Rasulullah

(s.a.w) marah dengan adanya fatwa yang salah itu. Baginda bersabda: "Mengapa mereka tidak bertanya lebih dahulu apabila mereka tidak tahu?" Baginda menjelaskan bahawa bertanya merupakan ubat kebodohan. Dengan kata lain, malu bertanya pasti sesat di jalan.

Analisis Lafaz

Hadis ini mempunyai kisah yang menjadi latar belakangnya. Lafaz kisah ini menurut riwayat Abu Dawud daripada Jabir (r.a) disebutkan seperti berikut:

خَرَجْنَا فِي سَفَرٍ فَأَصَابَ رَجُلاً مِنَّا حَجَرٌ فَشَجَّهُ فِي رَأْسِهِ، ثُمَّ احْتَلَمَ فَسَأَلَ أَصْحَابَهُ فَقَالَ: هَلْ تَجِدُونَ لِي رُخْصَةً فِي التَّيَمُّمِ؟ فَقَالُوا: مَا نَجِدُ لَكَ رُخْصَةً وَأَنْتَ تَقْدِرُ عَلَى الْمَاءِ. فَاغْتَسَلَ فَمَاتَ، فَلَمَّا قَدِمْنَا عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُخْبِرَ بِذَلِكَ، فَقَالَ: قَتَلُوهُ قَتَلَهُمْ اللهُ، أَلاَ سَأَلُوا إِذْ لَمْ يَعْلَمُوا، فَإِنَّمَا شِفَاءُ الْعِيِّ السُّؤَالُ، إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيهِ أَنْ يَتَيَمَّمَ وَيَعْصِرَ (أَوْ يَعْصِبَ) عَلَى جُرْحِهِ خِرْقَةً ثُمَّ يَمْسَحَ عَلَيْهَا وَيَغْسِلَ سَائِرَ جَسَدِهِ.

"*Kami keluar dalam suatu perjalanan. Maka seorang lelaki di antara kami terkena sebuah batu yang membuat kepalanya terluka. Kemudian lelaki itu bermimpi mengeluarkan air mani, lalu dia menanyakan kepada sahabat-sahabatnya: "Apakah kamu mengetahui bahawa ada suatu kemudahan bagiku untuk bertayammum?" Mereka menjawab: "Kami tidak mengetahui satu kemudahan pun bagimu, sedangkan engkau mampu menggunakan air." Maka lelaki itu terpaksa mandi hingga dia mati kerana dia mandi itu. Ketika kami tiba di hadapan Rasulullah (s.a.w), baginda mendapat berita tentang peristiwa itu. Baginda bersabda: "Mereka telah membunuhnya. Semoga Allah melaknat mereka. Mengapa mereka tidak bertanya jika mereka tidak tahu, kerana ubat kebodohan hanyalah dengan bertanya. Padahal sudah memadai baginya hanya dengan melakukan tayammum dan membalut lukanya dengan kain pembalut, lalu mengusnp bahagian atasnya dan membasuh semua anaggota tubuhnya yang lain.*"

"فِي سَفَرٍ", lafaz ini berada pada *mahall nasab* dan berkedudukan sebagai *hal*, ertinya kami keluar mengadakan suatu perjalanan.

"فَشَجَّهُ فِي رَأْسِهِ", batu itu melukai kepalanya.

"ثُمَّ احْتَلَمَ", mengalami junub. Dia tertidur, lalu bermimpi mengeluarkan air mani, kemudian dia merasa khuatir seandainya dia mandi, air akan mengenai lukanya dan akan membuatnya berada dalam bahaya besar.

"هَلْ تَجِدُونَ لِي رُخْصَةً", apakah kamu mengetahui hukum yang mudah yang membolehkan aku untuk bertayammum meskipun ada air memandangkan luka yang kualami sekarang?

"قَتَلُوهُ", pembunuhan disandarkan kepada mereka kerana merekalah yang menyebabkan dia meninggal dunia.

"قَتَلَهُمُ الله", sebagai ungkapan peringatan dan herdikan terhadap mereka. Makna asalnya ialah semoga Allah melaknat mereka.

"أَلاَ", huruf *al-tahdhidh* yang ertinya permintaan untuk mengerjakan sesuatu dengan perintah yang keras. Lawan katanya ialah *al-'ardh* yang maksudnya meminta dengan cara lemah lembut.

"الْعِيِّ", kebodohan. Makna yang dimaksudkan di sini ialah tidak ada penawar bagi penyakit bodoh, kecuali dengan belajar dan bertanya kepada *ahli al-dzikr*.

"يَعْصِبَ عَلَى جُرْحِهِ خِرْقَةً", membalut luka dengan kain pembalut, kemudian mengusapnya dengan air dan membasuh semua anggota tubuhnya yang lain yang tidak berbahaya apabila terkena air.

"بِسَنَدٍ فِيهِ ضَعْفٌ", dengan sanad yang di dalamnya terdapat unsur dha'if, sebab hadis ini hanya diriwayatkan oleh al-Zubair ibn Khuraiq, seorang yang tidak kuat

"وَفِيهِ اخْتِلاَفٌ عَلَى رُوَاتِهِ", nya masih dipertikai, iaitu 'Atha'. Dia meriwayatkannya daripada al-Zubair ibn Khuraiq, daripada Jabir (r.a). Al-Auza'i meriwayatkannya pula dengan menggunakan lafaz "بَلَغَنِي" (secara tidak langsung) daripada 'Atha', kemudian daripada Ibn 'Abbas. Perselisihan ini terdapat pada riwayat 'Atha', sama ada dia meriwayatkannya daripada Jabir ataupun daripada Ibn 'Abbas, sedangkan dalam salah satu daripada kedua riwayat tersebut terdapat hal yang tidak ada pada riwayat yang lain.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan merujuk kepada pemimpin ketika berdepan dengan urusan-urusan penting.
2. Dilarang mencela fatwa tanpa ilmu pengetahuan, kerana sikap sebegitu merupakan dosa besar.
3. Tidak ada qisas dan diyat ke atas seorang mufti apabila dia memberikan fatwa tanpa kebenaran, meskipun orang yang jelas-jelas melakukan kesalahan tidak dimaafkan. Nabi (s.a.w) mencela mereka, sebab mereka melakukan fatwa tanpa berlandaskan kepada ilmu dan baginda mendoakan binasa kepada mereka dengan bersabda: "Semoga mereka dilaknat oleh Allah."
4. Disyariatkan bertayammum bagi orang yang merasa khuatir akan tertimpa mudharat apabila menggunakan air.
5. Boleh mengusap pembalut luka dan membasuh anggota tubuh yang lain dengan air.
6. Menanyakan suatu masalah yang sukar kepada orang yang berilmu merupakan penawar bagi kebodohan.
7. Orang yang berjunub diwajibkan mandi.

١١٦- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: "مِنْ السُّنَّةِ أَنْ لاَ يُصَلِّيَ الرَّجُلُ بِالتَّيَمُّمِ إِلاَّ صَلاَةً وَاحِدَةً، ثُمَّ يَتَيَمَّمُ لِلصَّلاَةِ الْأُخْرَى". رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ جِدًّا.

116. Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: "*Antara amalan Sunnah bahawa seseorang hendaklah tidak mengerjakan solat dengan tayammum kecuali hanya sekali solat sahaja, kemudian dia bertayammum lagi untuk solat yang selainnya.*" (Diriwayatkan oleh al-Daraquthni dengan sanad yang sangat dha'if)

Makna Hadis

Tayammum adalah bersuci dengan debu, tetapi kesuciannya masih dikategorikan lemah, kerana ia hanya boleh digunakan untuk sekali solat fardu sahaja berikut sunat-sunat yang mengiringinya. Tayammum tidak seperti wuduk yang dapat menghilangkan hadas. Inilah pendapat jumhur ulama. Imam Abu Hanifah dan murid-muridnya mengatakan bahawa seseorang boleh melakukan solat sesuka hatinya sama ada solat fardu mahupun solat sunat hanya dengan sekali tayammum, sama halnya dengan wuduk. Mereka memandang dari segi keumuman makna hadis di samping mengqiyaskan solat fardu dengan solat sunat.

Analisis Lafaz

"مِنَ السُّنَّةِ", termasuk Sunnah Nabi (s.a.w) dan syariatnya. Perkataan "مِنَ السُّنَّةِ" menunjukkan bahawa hadis ini marfu' seperti mana yang telah dijelaskan pada bahagian pendahuluan.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ جِدًّا", dengan sanad yang sangat dha'if. Lafaz "جِدًّا" ertinya sama dengan lafaz "كَثِيْرًا", berkedudukan sebagai *shifat* kepada *maf'ul muthlaq* yang dibuang. Bentuk lengkapnya ialah "ضَعْفًا جِدًّا". Hadis ini dinilai sangat dha'if kerana berasal dari riwayat al-Hasan ibn 'Imarah, seorang yang dha'if.

Fiqh Hadis

Menurut jumhur ulama, bertayammum disyariatkan untuk setiap kali hendak mengerjakan solat fardu. Dalam kaitan ini Imam Abu Hanifah berbeza pendapat dengan mereka.

Kesimpulan

Hadis yang terdapat dalam bab ini menunjukkan kesimpulan berikut:
1. Nabi (s.a.w) dan umatnya mempunyai beberapa keistimewaan yang tidak dimiliki umat-umat sebelum ini, di mana Allah (s.w.t) mengutus Nabi Muhammad (s.a.w) untuk seluruh umat manusia, Allah memberinya *syafa'at al-'uzhma* untuk membebaskan umat manusia dari huru-hara hari kiamat, Allah menolongnya dengan rasa gentar yang mencekam dalam hati musuh-musuhnya dan Allah menghalalkan harta ghanimah kepadanya dan umatnya serta boleh melakukan solat di tempat mana pun di muka bumi ini tanpa ada ketentuan tempat yang khusus.
2. Diberi *rukhsah* boleh bertayammum ketika tidak ada air untuk berwuduk dan mandi dan ketika dalam keadaan darurat, seperti mengusap pembalut luka. Begitu pula ketika sakit serta apa saja yang membolehkan bertayammum. Menjelaskan mengenai tatacara tayammum. Satu kali tayammum hanya untuk satu kali solat fardu, tetapi boleh digunakan untuk melakukan beberapa kali solat sunat, mengikut semahu kita.

Soalan

1. Apakah takrif tayammum menurut bahasa dan syarak?
2. Bilakah tayammum difardukan dan apakah latar belakang pensyariatan tayammum?
3. Adakah tayammum termasuk *rukhsah* atau *'azimah*?
4. Hadis pertama dalam bab ini mengandungi beberapa keistimewaan Nabi (s.a.w) dan jelaskan keistimewaan-keistimewaan tersebut!
5. Apakah hukum bertayammum tanpa menggunakan debu?
6. Bagaimanakah nasib ghanimah di kalangan umat terdahulu sebelum kita?
7. Apakah alasan 'Ammar ibn Yasir hingga beliau berguling-guling di atas pasir?
8. Jelaskan mazhab-mazhab ulama dalam masalah pukulan tayammum!
9. Bagaimanakah hukum mujtahid apabila dia berijtihad lalu salah?
10. Jelaskan pendapat ulama tentang mengusap tangan? Apakah hanya sekadar sampai pada pergelangan tangan atau mesti sampai hingga ke siku!
11. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: الرُّعْبِ, الْغَنَائِمُ, الشَّفَاعَةُ الْعُظْمَى, تَمَرَّغْتُ, الصَّعِيدُ, بَشَرَتَهُ, زَنْدٌ, dan جَبِيْرَةٌ!
12. Terangkan cara-cara bertayammum yang disyariatkan dan jelaskan perkara wajib yang memadai dan batasan yang sempurna!
13. Jelaskan mazhab-mazhab ulama mengenai pukulan yang kedua dari pukulan tayammum!
14. Apakah istilah lain yang digunakan untuk tayammum?
15. Apakah hukum berijtihad pada zaman Nabi (s.a.w)?
16. Jelaskan mazhab-mazhab ulama tentang pensyariatan tayammum ketika takut dikhuatiri berlaku merbahaya!
17. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah *dharar* (mudharat) itu adalah khuatir takut mati atau lebih umum daripada itu?
18. Bagaimanakah hukum mengusap perban (pembalut)? Sebutkan mazhab-mazhab ulama mengenai masalah ini!
19. Apakah hukum memberi fatwa tanpa ilmu?
20. Apakah orang berjunub dalam mimpi diwajibkan mandi?
21. Bolehkah melakukan dua kali solat fardu dengan satu kali tayammum? Jelaskan mazhah-mazhab ulama mengenai masalah ini serta sebutkan dalil bagi setiap pendapat mereka!

BAB HAID

١١٧- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "إِنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ أَبِي حُبَيْشٍ كَانَتْ تُسْتَحَاضُ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ دَمَ الْحَيْضِ دَمٌ أَسْوَدُ يُعْرَفُ، فَإِذَا كَانَ ذَلِكَ فَأَمْسِكِي مِنَ الصَّلاَةِ، فَإِذَا كَانَ ٱلآخَرُ فَتَوَضَّئِي، وَصَلِّي". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ، وَاسْتَنْكَرَهُ أَبُو حَاتِمٍ.

وَفِي حَدِيثِ أَسْمَاءَ بِنْتِ عُمَيْسٍ عِنْدَ أَبِي دَاوُدَ: "وَلْتَجْلِسْ فِي مِرْكَنٍ، فَإِذَا رَأَتْ صُفْرَةً فَوْقَ الْمَاءِ، فَلْتَغْتَسِلْ لِلظُّهْرِ وَالْعَصْرِ غُسْلاً وَاحِدًا، وَتَغْتَسِلْ لِلْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ

غُسْلاً وَاحِدًا، وَتَغْتَسِلْ لِلْفَجْرِ غُسْلاً، وَتَتَوَضَّأُ فِيمَا بَيْنَ ذَلِكَ".

117. Daripada 'Aisyah (r.a), beliau berkata: "Fatimah binti Abu Hubaisy mengalami istihadah, lalu Rasulullah (s.a.w) bersabda kepadanya: "*Sesungguhnya darah haid itu berwarna hitam dan sudah dikenali. Jika darah berwarna seperti itu, maka tahanlah dirimu daripada mengerjakan solat. Namun jika warnanya lain daripada itu, maka mandilah kamu lalu solatlah.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Nasa'i, dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim, tetapi Abu Hatim menilai-nya *munkar*)

Dalam hadis Asma' binti 'Umais menurut riwayat Abu Dawud disebutkan: "*Dan hendaklah dia duduk di tempat cucian. Jika ada melihat warna air menjadi merah kekuning-kuningan, maka hendaklah dia mandi sekali mandi untuk mengerjakan solat Zohor dan solat Asar, dan mandi semula untuk solat Maghrib dan solat Isyak sekali mandi, dan mandi lagi untuk solat Subuh sekali mandi dengan melakukan wuduk di antara semua itu.*"

Makna Hadis

Islam memuatkan penjelasan pelbagai hukum yang berkaitan dengan individu dan masyarakat, wanita mahupun lelaki. Oleh itu, Islam menjelaskan segala sesuatu yang berkaitan dengan hukum haid, istihadah, nifas dan lain-lain yang berkaitan dengan fiqh wanita. Tujuannya adalah supaya wanita mengetahui perkara agamanya dan beribadah kepada Allah sesuai dengan ketetapan dan hukum yang telah digariskan oleh Islam. Faktor inilah yang mendorong kaum wanita Ansar dan Muhajirin berani melakukan penelitian dan mengemukakan soalan supaya mereka mengetahui hukum-hukum syariat. Bidang masalah ini sememangnya terbuka luas bagi mereka berkat akhlak Nabi (s.a.w) yang mulia dan kesungguhannya untuk memberikan pengajaran kepada mereka.

Analisis Lafaz

"الحيض", menurut bahasa adalah mengalir, sedangkan menurut syarak ialah darah semula jadi yang keluar dari pangkal rahim dalam waktu-waktu yang telah dimaklumi. Antara nama-nama haid yang lain adalah الطمث, الضحك, الإكبار, الإعصار, الدراث, العراك, النفاس, الطمس dan الفراك. Ada sepuluh nama bagi haid termasuklah perkataan haid itu.

"تُسْتَحَاضُ", istihadhah ialah darah keluar dari kemaluan wanita bukan pada masanya. Darah ini berasal dari otot yang disebut *al-'adzil*.

"يُعْرَفُ", dalam bentuk *mabni li al-majhul*, diambil dari kata *al-ma'rifah*, ertinya sudah dikenali oleh kaum wanita sama ada warna mahupun kekentalannya melalui kebiasaan yang dialaminya.

"فَإِذَا كَانَ ذَلِكَ", dengan memakai huruf *kaf* yang dikasrahkan, ertinya apabila darah yang keluar itu berwarna merah kehitam-hitaman, maka tinggalkanlah solatmu, kerana darah itu haid.

"فَأَمْسِكِي مِنَ الصَّلاَةِ", maka tinggalkanlah solatmu.

"فَإِذَا كَانَ ٱلآخَرُ", apabila warna darah tersebut bukan merah kehitam-hitaman, misalnya kekuning-kuningan atau keruh atau coklat.

"فَتَوَضَّئِي", maka mandilah kamu untuk membersihkan dirimu daripada haid.

"اسْتَنْكَرَهُ أَبُو حَاتِمٍ", Abu Hatim menilai hadis ini *munkar*, kerana hadis ini berasal dari riwayat 'Adi ibnu Tsabit, daripada ayahnya, daripada datuknya, sedangkan datuk 'Adi seorang yang tidak dikenal.

"وَلْتَجْلِسْ فِي مِرْكَنٍ", hendaklah dia duduk di tempat pencucian yang ada airnya untuk mengetahui keadaan darahnya. Apabila warna airnya menjadi merah kekuning-kuningan, maka itu bererti darah istihadhah, namun apabila warnanya selain itu, maka itu bererti darah haid. *Al-Mirkan* adalah tempat untuk mencuci pakaian; di dalam hadis yang lain disebut pula dengan nama *al-ijjanah*.

Fiqh Hadis

1. Perbezaan antara darah haid dengan darah istihadhah dipandang dari segi tempat keluarnya, ketentuan hukum, dan sifatnya.
2. Wanita yang berhaid wajib meninggalkan solat. Dengan kata lain, tidak boleh mengerjakan solat selama dalam masa haid.
3. Masalah istihadhah diserahkan kepada orang yang bersangkutan untuk membezakannya sekali mengenal pastinya. Hadis ini menjadi pegangan Imam Malik dan Imam al-Syafi'i. Apabila darah telah dibezakan dan masa yang telah dikenali sudah berakhir, maka wanita berkenaan wajib mandi junub, sedangkan darah yang tetap mengalir setelah itu hukumnya sama dengan hadas, iaitu dia hanya wajib berwuduk setiap kali hendak mengerjakan solat. Menurut mazhab Hanafi dan Imam Ahmad dalam pendapat masyhur, pembezaan ini tidak dapat dijadikan pegangan, sebaliknya apa yang mesti diambil kira adalah adat kebiasaan, kerana berlandaskan kepada sabda Nabi (s.a.w):

   فَإِذَا أَقْبَلَتِ الْحَيْضَةُ فَدَعِى الصَّلاَةَ، وَإِذَا أَدْبَرَتْ فَاغْسِلِي عَنْكِ الدَّمَ وَصَلِّي.

   "*Jika masa haid datang, maka tinggalkanlah solat. Apabila masa haid telah berakhir, maka mandilah kamu untuk membersihkan haid lalu solatlah.*"
4. Wanita yang beristihadhah memiliki ketentuan hukum yang berbeza dengan wanita yang berhaid. Wanita yang beristihadhah boleh disetubuhi, tidak boleh meninggalkan solat dan puasa, serta wajib berwuduk setiap kali hendak mengerjakan solat. Inilah menurut mazhab al-Syafi'i dan Imam Ahmad. Menurut mazhab Hanafi pula, dia wajib berwuduk pada setiap waktu. Sedangkan menurut mazhab Maliki, dia disunatkan berwuduk setiap kali hendak mengerjakan solat.
5. Perintah mandi bagi wanita beristihadhah sebanyak tiga kali dalam sehari semalam adalah bertujuan menggabungkan dua solat yang saling berhampiran waktunya. Jumhur ulama mengatakan disunatkan mandi, kerana tidak ada perintah yang menyuruh Fatimah supaya mandi dalam hadis ini dan hanya

diperintahkan untuk berwuduk sahaja.

Periwayat Hadis

Asma' binti 'Umais al-Khats'amiyyah adalah saudara perempuan seibu dengan Maimunah. Beliau termasuk salah seorang wanita Muhajirin generasi pertama. Beliau berhijrah bersama suaminya, Ja'far ibn Abu Thalib ke Habsyah, kemudian ke Madinah.

Semua hadis yang telah diriwayatkannya berjumlah 60. Anak lelakinya, 'Abdullah dan anak perempuannya, Fatimah telah mengambil riwayat daripadanya. Beliau kemudian dikahwini oleh Abu Bakar (r.a) setelah suaminya mati syahid. Dari perkahwinan itu lahirlah Muhammad. Setelah Abu Bakar (r.a) meninggal dunia, Asma' dikahwini oleh 'Ali bin Abu Thalib (r.a) dan lahirlah Yahya. Asma' meninggal dunia setelah suaminya, Ali bin Abu Thalib meninggal dunia.

Tambahan

Perlu diketahui bahawa ada sembilan orang wanita yang mengalami istihadhah pada zaman Rasulullah (s.a.w). Mereka adalah Fathimah binti Abu Hubaisy, Ummu Habibah binti Jahsy, saudara perempuannya yang bernama Hamnah, Zainab Ummu al-Mu'minin, Sahlah binti Sahl, Badinah binti Ghailan al-Tsaqafiyyah, Sawdah Ummu al-Mu'minin, Asma' binti Martsad dan Zainab binti Abu Salamah.

Kesemua nama-nama tersebut dirangkum dalam sebuah syair oleh al-Suyuthi:

قَدِ اسْتُحِيْضَتْ فِي زَمَانِ الْمُصْطَفَي   تِسْعُ نِسَاءٍ قَدْ رَوَاهَا الرِّوَايَةُ
بَنَاتُ جَحْشٍ سَوْدَةُ وَالْفَاطِمَةُ   زَيْنَبُ أَسْمَاءُ سَهْلَةُ وَبَادِنَةُ

Telah mengalami istihadhah pada zaman al-Mushthafa
Sembilan wanita yang nama mereka dicatat dalam riwayat
Beberapa orang anak perempuan Jahsy, Sawdah, Fatimah
Kemudian ditambah lagi Zainab, Asma', Sahlah dan Badinah.

١١٨- عَنْ حَمْنَةَ بِنْتِ جَحْشٍ قَالَتْ: "كُنْتُ أُسْتَحَاضُ حَيْضَةً كَبِيرَةً شَدِيدَةً، فَأَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَسْتَفْتِيهِ، فَقَالَ: "إِنَّمَا هِيَ رَكْضَةٌ مِنَ الشَّيْطَانِ، فَتَحَيَّضِي سِتَّةَ أَيَّامٍ أَوْ سَبْعَةً، ثُمَّ اغْتَسِلِي، فَإِذَا اسْتَنْقَأْتِ فَصَلِّي أَرْبَعَةً وَعِشْرِينَ، أَوْ ثَلاَثَةً وَعِشْرِينَ، وَصُومِي وَصَلِّي، فَإِنَّ ذَلِكَ يُجْزِئُكِ، وَكَذَلِكَ فَافْعَلِي كَمَا تَحِيضُ النِّسَاءُ، فَإِنْ قَوِيتِ عَلَى أَنْ تُؤَخِّرِي الظُّهْرَ وَتُعَجِّلِي الْعَصْرَ، ثُمَّ تَغْتَسِلِي حِينَ تَطْهُرِينَ وَتُصَلِّينَ الظُّهْرَ وَالْعَصْرِ جَمِيعًا، ثُمَّ تُؤَخِّرِينَ الْمَغْرِبَ وَتُعَجِّلِينَ الْعِشَاءِ، ثُمَّ تَغْتَسِلِينَ وَتَجْمَعِينَ بَيْنَ الصَّلاَتَيْنِ، فَافْعَلِي وَتَغْتَسِلِينَ مَعَ الصُّبْحِ وَتُصَلِّينَ". قَالَ: "وَهُوَ أَعْجَبُ الْأَمْرَيْنِ إِلَيَّ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ النَّسَائِيَّ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ، وَحَسَّنَهُ الْبُخَارِيُّ.

118. Daripada Hamnah binti Jahsy, beliau berkata: "*Saya mengalami haid yang banyak sekali lalu saya datang menghadap Nabi (s.a.w) untuk meminta fatwa*

kepadanya lalu baginda bersabda: "Sesungguhnya haidmu itu merupakan gangguan syaitan. Jika begitu, maka berhaidlah kamu selama enam atau tujuh hari kemudian mandilah. Jika engkau merasa sudah bersih, maka solatlah selama dua puluh empat hari atau dua puluh tiga hari, dan berpuasalah serta teruskanlah kamu mengerjakan solatmu. Sesungguhnya itu sudah memadai bagimu. Begitulah seterusnya dan lakukanlah setiap bulan sebagaimana kaum wanita lain berhaid. Jika engkau mampu mengakhirkan solat Zohor dan menyegerakan solat Asar, maka mandilah setelah engkau merasa bersih dan selanjutnya kerjakanlah solat Zohor dan solat Asar secara jamak, lalu kamu akhirkan pula solat Maghrib dengan mengerjakannya bersamaan dengan solat Isyak. Kemudian mandilah dan jamaklah kedua-dua solat itu dan engkau boleh melakukan itu. Kemudian mandilah kamu untuk mengerjakan solat Subuh. Nabi (s.a.w) bersabda: "Itu adalah dua pilihan yang paling aku sukai." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, kecuali al-Nasa'i, dinilai sahih oleh al-Tirmizi dan dinilai hasan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Syariat Islam menjelaskan hukum-hakam haid dan istihadhah sekali gus memberi peluang bagi kaum wanita untuk menanyakan pelbagai hukum yang berkaitan dengan ehwal agama mereka. Dalam pada itu, Islam menjelaskan perbezaan antara darah haid dengan darah isrihadhah sama ada segi tempat keluar, ciri dan hukumnya. Tidak hanya itu, syariat Islam juga telah membolehkan mereka menjamak antara dua solat yang waktunya saling berdekatan antara satu sama lain seperti solat Zohor dengan solat Asar, solat Maghrib dengan solat Isyak dalam bentuk jamak formal iaitu mengerjakan solat yang pertama di akhir waktu dan solat yang kedua di awal waktu. Dengan demikian, setiap solat dikerjakan tetap di dalam waktunya masing-masing. Ini merupakan satu kemudahan yang diberikan oleh agama Islam kepada kaum muslimin.

Analisis Lafaz

"حَيْضَةً كَبِيرَةً شَدِيدَةً", setiap hari mengeluarkan darah yang banyak dan ia keluar dengan deras.

"أَسْتَفْتِيهِ", aku menceritakan keadaanku kepada Nabi (s.a.w) dan menanyakan kepadanya tentang hukum darah ini.

"رَكْضَةٌ", makna asal *al-rakdhah* adalah memukul dengan kaki. Tetapi makna yang dimaksudkan dalam hadis ini adalah syaitan telah menemukan jalan untuk membuatnya bimbang dalam urusan agamanya iaitu tentang waktu bersuci dan waktu solat supaya dia lupa akan kebiasaannya disebabkan keadaan itu.

"فَتَحَيَّضِي سِتَّةَ أَيَّامٍ أَوْ سَبْعَةً", tinggalkan solatmu pada hari-hari di mana kamu berhaid dan tinggalkan pula perkara-perkara yang mesti dijauhi oleh wanita yang sedang berhaid selama enam atau tujuh hari, kerana masa itu merupakan batasan maksimum masa haid. Nabi (s.a.w) menyuruhnya memilih antara kedua-dua masa tersebut supaya berasa tenang memandangkan dia lupa kebiasaan masa haidnya

yang dalam hal ini adalah enam atau tujuh hari.

"اسْتَنْقَأْتِ", apabila engkau telah sampai waktu bersihmu. *Al-istinqa'* berasal dari perkataan *al-Niqa'* yang bererti bersih.

"صُومِي", berpuasalah sesuka hatimu sama ada puasa sunat maupun puasa fardu dan teruskan solatmu.

"فَإِنَّ ذَلِكَ يُجْزِئُكِ", sesungguhnya itu sudah memadai bagimu. Ini merupakan salah satu dari dua pilihan yang dikemukakan oleh Nabi (s.a.w).

"كَمَا تَحِيضُ النِّسَاءُ", tentukan masa haidmu mengikut kebiasaan haid yang berlaku di kalangan kaum wanita yang lain, iaitu enam atau tujuh hari. Begitu pula tentukan masa sucimu mengikut kebiasaan suci yang berlaku di kalangan kaum wanita yang lain, iaitu dua puluh tiga atau dua puluh empat hari. Ini berlandaskan kepada kebiasaan berhaid di kalangan kaum wanita.

"فَإِنْ قَوِيتِ", jika kamu mampu. Lafaz ini memberikan pemahaman "tidak wajib."

"تُؤَخِّرِي الظُّهْرَ", mengerjakan solat Zohor di penghujung waktunya.

"تُعَجِّلِي الْعَصْرَ", mengerjakan solat Asar di permulaan waktunya. Ini disebut *jamak shuri* atau bentuk jamak formal kerana dilihat dari segi bentuk formalnya sahaja, sebab masing-masing solat dikerjakan tepat pada waktunya masing-masing.

"أَعْجَبُ الأَمْرَيْنِ إِلَيَّ", menjamak kedua-dua solat secara *jamak shuri* merupakan pilihan yang paling aku sukai, kerana ia mudah dikerjakan. Inilah pilihan yang kedua.

Fiqh Hadis

1. Dibolehkan mendengar suara wanita bukan muhrim jika ada keperluan.
2. Dibolehkan bertanya mengenai perkara-perkara yang dianggap malu untuk ditanyakan berkaitan agama, meskipun soalan itu dikemukakan kepada orang besar.
3. Orang yang ditanya, betapa pun tinggi kedudukannya, diwajibkan menjawab soalan penanya dan mengemukakan jawapan yang mudah difahami.
4. Seseorang mestilah berpegang dengan agama dan ilmunya dalam perkara-perkara yang tidak diketahui melainkan dengan dirinya.
5. Syaitan mampu menguasai manusia antara lain dengan cara menyepaknya yang ditujukan kepada salah satu otot wanita yang dinamakan *al-'adzil* hingga otot itu mengeluarkan darah hingga orang berkenaan sentiasa merasa ragu dalam urusan agamanya.
6. Wanita yang beristihadhah ketika sedang haid diharamkan mengerjakan solat.
7. Darah haid itu najis dan begitu pula darah istihadhah.
8. Wajib menghilangkan benda yang menjijikkan.
9. Darah istihadhah tidak mencegah seorang wanita dari terus mengerjakan solat dan puasa, bahkan dia wajib mengerjakan keduanya.
10. Tidak boleh menjamak dua solat secara jamak hakiki di dalam waktu salah satu di antara keduanya, kerana adanya uzur (penyakit).
11. Rasulullah (s.a.w) tidak membolehkan wanita yang beristihadhah menjamak dua solat, malah baginda menyuruh supaya tetap mengerjakan solat tepat pada

waktunya meskipun solat pertama dikerjakan pada penghujung waktunya dan solat kedua pula dikerjakan pada permulaan waktunya.

12. Seorang mufti hendaklah memberikan bimbingan kepada orang yang meminta fatwa untuk melakukan perkara yang terbaik baginya.
13. Kebiasaan yang dialami oleh kaum wanita hendaklah dijadikan panduan dalam kes-kes yang berkaitan dengan mereka.

Periwayat Hadis

Hamnah binti Jahsy al-Asadiyah berkahwin dengan Talhah ibn 'Ubaidillah setelah suaminya yang bernama Mush'ab ibn 'Umair mati syahid pada perang Uhud. Beliau adalah saudara perempuan Zainab Ummu al-Mu'minin dan hanya meriwayatkan satu hadis, iaitu hadis yang berkaitan dengan istihadhah yang dialaminya. Hadisnya diriwayatkan oleh 'Imran ibn Talhah, anak lelakinya. Di antara orang yang mengetengahkan hadisnya ialah Abu Dawud, al-Tirmizi dan Ibn Majah.

١١٩- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ أُمَّ حَبِيبَةَ بِنْتَ جَحْشٍ شَكَتْ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الدَّمَ، فَقَالَ: "اُمْكُثِي قَدْرَ مَا كَانَتْ تَحْبِسُكِ حَيْضَتُكِ، ثُمَّ اغْتَسِلِي"، فَكَانَتْ تَغْتَسِلُ كُلَّ صَلاةٍ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِلْبُخَارِيِّ: "وَتَوَضَّئِي لِكُلِّ صَلاَةٍ". وَهِيَ لِأَبِي دَاوُدَ وَغَيْرِهِ مِنْ وَجْهٍ آخَرَ.

119. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Ummu Habibah binti Jahsy pernah mengadu kepada Rasulullah (s.a.w) mengenai masalah pendarahan (yang dialaminya). Baginda bersabda: "Tahanlah dirimu selama masa haidmu dan setelah itu hendaklah kamu mandi." Dia (Ummu Habibah) sentiasa mandi setiap kali hendak mengerjakan solat." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Menurut riwayat al-Bukhari disebutkan: "Hendaklah kamu berwuduk setiap kali hendak mengerjakan solat." Abu Dawud dan ulama yang lain turut menyebut hadis ini dari riwayat yang lain.

Makna Hadis

Kaum wanita pada masa permulaan Islam mempunyai perhatian yang amat besar untuk menanyakan apa-apa yang dianggap musykil dalam agama mereka. Tujuannya ialah supaya mereka dapat beribadah kepada Allah (s.w.t) dengan cara yang betul dan hati mereka dipenuhi dengan perasaan khusyuk kepada-Nya. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dari soalan yang diajukan oleh Ummu Habibah dan langkahnya untuk mandi setiap kali hendak mengerjakan solat sebagai amalan sunat dan sikap berhati-hati dalam urusan agama, padahal mandi tidak diwajibkan ke atasnya setiap kali hendak mengerjakan solat, melainkan dia hanya diwajibkan berwuduk saja.

Analisis Lafaz

Ummu Habibah, nama aslinya adalah Habibah binti Jahsy dan nama panggilannya adalah Ummu Habibah, isteri Abdurrahman ibn Auf (r.a). Beliau adalah saudara perempuan Zainab Ummu al-Mu'minin dan Hamnah isteri al-Zubair ibn al-'Awwam (r.a).

"شَكَتْ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الدَّمَ", lalu dia mengadu kepada Rasulullah (s.a.w) mengenai pendarahan di luar kebiasaan yang dia alami.

"اُمْكُثِي", tahanlah dirimu, yakni jangan mengerjakan solat dan perkara-perkara yang dilarang bagi wanita yang sedang berhaid.

"قَدْرَ مَا كَانَتْ تَحْبِسُكِ حَيْضَتُكِ", selama masa haid yang biasa kamu alami sebelum ada pendarahan istihadhah.

"اغْتَسِلِي", mandilah kamu untuk membebaskan dirimu daripada haid.

"فَكَانَتْ تَغْتَسِلُ كُلَّ صَلاَةٍ", dia sentiasa mandi setiap kali hendak mengerjakan solat dan hukum mandi ini sunat kerana dia tidak disuruh untuk berbuat demikian.

Fiqh Hadis

Wanita yang beristihadhah diperintahkan untuk merujuk kepada pengetahuan berikut:

1. Kebiasaan yang telah dia alami sebelum istihadhah.
2. Kebiasaan haid bagi kaum wanita yang umurnya sebaya dengannya, iaitu selama enam atau tujuh hari. Masa haid yang paling minimum ialah sehari semalam, kebanyakannya enam atau tujuh hari, sedangkan batasan maksimumnya ialah lima belas hari.
3. Spesifikasi darah dilihat dari segi warna dan baunya.
4. Masa datang dan masa berhentinya. Maka dia wajib mandi pada masa haidnya berhenti manakala hukum mandi dan wuduk sesudah itu, maka keterangannya dihuraikan dalam hadis no. 118 pada bahagian fiqh hadis.

١٢٠- عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "كُنَّا لاَ نَعُدُّ الْكُدْرَةَ وَالصُّفْرَةَ بَعْدَ الطُّهْرِ شَيْئًا". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَأَبُو دَاوُدَ وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

120. Daripada Ummu Athiyyah (r.a), beliau berkata: "*Kami tidak menganggap darah yang berwarna keruh dan darah yang berwarna merah kekuning-kuningan sesudah bersuci sebagai sesuatu apa pun.*" (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Abu Dawud, sedangkan lafaz hadis menurut Muslim)

Makna Hadis

Darah haid adalah darah kental berwarna merah kehitam-hitaman dan telah dikenali warna dan baunya di kalangan kaum wanita. Jika seorang wanita telah suci sesudah keluarnya *al-qushshah* (cairan berwarna putih yang keluar sesudah haid) atau sesudah *al-jufuf* (sesuatu yang digunakan untuk menyumbat rahim

seperti kapas atau lain-lain lalu ia keluar dalam keadaan kering), kemudian keluar lagi darah berwarna merah kekuning-kuningan atau berwarna keruh, maka itu tidak dianggap sebagai darah haid.

Adapun darah yang keluar sebelum datangnya masa suci, sama ada ia berwarna merah kekuning-kuningan atau berwarna keruh dalam masa haid, maka itu dianggap haid. Ini telah diketahui oleh Nabi (s.a.w) melalui keterangan beberapa orang kaum wanita, lalu Nabi (s.a.w) menetapkan demikian ke atas mereka.

Analisis Lafaz

"كُنَّا", kami pada zaman Nabi (s.a.w). Hukum hadis ini *marfu'*, yang bererti ia dinyatakan berdasarkan pengetahuan Nabi (s.a.w) sebagai pengakuan daripadanya ke atas masalah ini.

"لاَ نَعُدُّ الْكُدْرَةَ", kami tidak menganggap sebagai haid darah yang keluar berwarna seperti air yang keruh sesudah masa haid habis.

"وَالصُّفْرَةَ", yang kelihatan seperti nanah berwarna kekuning-kuningan.

"بَعْدَ الطُّهْرِ", sesudah berlalu masa-masa haid. Ini dapat diketahui setelah dilihat adanya *al-qushshah* atau *al-jufuf*.

Fiqh Hadis

Hadis ini memiliki dua pengertian, iaitu; manthuq dan mafhum.

Pengertian hadis berdasarkan manthuq (makna tersurat) ialah darah yang keluar daripada rahim sesudah suci dan habisnya masa haid yang telah dimaklumi tidak dinamakan haid. Sedangkan pengertian hadis berdasarkan mafhum (makna tersirat) ialah darah yang keluar berwarna kekuning-kuningan atau berwarna keruh sebelum masa suci dikategorikan sebagai darah haid.

Periwayat Hadis

Ummu 'Athiyyah, nama aslinya adalab Nasibah binti Ka'b al-Ansariyyah. Beliau pernah membai'at Nabi (s.a.w) dan termasuk di kalangan sahabat wanita yang berpengaruh. Beliau sentiasa ikut berperang bersama Rasulullah (s.a.w) dan bertugas merawat dan mengubati kaum muslimin yang terluka dan mengalami sakit. Hadis yang telah diriwayatkannya berjumlah 40, dan Muhammad ibn Sirin mengambil riwayat daripadanya.

١٢١- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ الْيَهُودَ كَانُوا إِذَا حَاضَتْ الْمَرْأَةُ لَمْ يُؤَاكِلُوهَا، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اصْنَعُوا كُلَّ شَيْءٍ إِلاَّ النِّكَاحَ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

121. Daripada Anas (r.a) bahawa tradisi orang Yahudi apabila ada isteri mereka haid, maka mereka tidak mahu makan bersamanya. Lalu Nabi (s.a.w) bersabda: "Kamu boleh melakukan segala sesuatu (bersama isteri kamu) kecuali nikah (bersetubuh)." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Allah menjadikan umat ini sebagai umat yang pertengahan dan agamanya pula merupakan semulia-mulia agama. Dalam pada itu, ia telah membolehkan bergaul dengan isteri yang sedang berhaid sama ada ketika makan, minum mahupun tidur, tetapi dilarang bersetubuh dan bersenang-senang di antara pusat dengan lutut sebagai langkah berjaga-jaga. Ketentuan ini merupakan hukum yang adil dan pertengahan. Adapun orang Nasrani membolehkan untuk melakukan segala sesuatu ke atas isteri yang sedang haid termasuklah menyetubuhinya. Orang Yahudi pula menyeksa isteri mereka dengan cara mengasingkan mereka dalam segala keadaan. Lalu datanglah Islam sebagai agama yang adil dan pertengahan antara terlampau bebas dengan terlampau terkekang. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Analisis Lafaz

Menurut riwayat Muslim, hadis ini lengkapnya adalah seperti berikut:

أَنَّ الْيَهُودَ كَانُوا إِذَا حَاضَتِ الْمَرْأَةُ فِيهِمْ لَمْ يُؤَاكِلُوهَا وَلَمْ يُجَامِعُوهُنَّ فِي الْبُيُوتِ، فَسَأَلَ أَصْحَابُ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَنْزَلَ اللهُ تَعَالَى: "وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذًى فَاعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ... اْلآيَةَ" فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اصْنَعُوا كُلَّ شَيْءٍ إِلاَّ النِّكَاحَ، فَبَلَغَ ذَلِكَ الْيَهُودَ، فَقَالُوا: مَا يُرِيدُ هَذَا الرَّجُلُ أَنْ يَدَعَ مِنْ أَمْرِنَا شَيْئًا إِلاَّ خَالَفَنَا فِيهِ، فَجَاءَ أُسَيْدُ بْنُ حُضَيْرٍ وَعَبَّادُ بْنُ بِشْرٍ فَقَالاَ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّ الْيَهُودَ تَقُولُ كَذَا وَكَذَا فَلاَ نُجَامِعُهُنَّ، فَتَغَيَّرَ وَجْهُ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى ظَنَنَّا أَنْ قَدْ وَجَدَ عَلَيْهِمَا فَخَرَجَا، فَاسْتَقْبَلَهُمَا هَدِيَّةٌ مِنْ لَبَنٍ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَرْسَلَ فِي آثَارِهِمَا فَسَقَاهُمَا فَعَرَفَا أَنْ لَمْ يَجِدْ عَلَيْهِمَا.

"Daripada Anas (r.a) bahawa orang Yahudi apabila salah seorang isteri mereka mengalami haid, mereka tidak mahu makan bersamanya dan tidak pula mahu hidup sebumbung. Melihat itu, para sahabat menanyakan perkara ini kepada Nabi (s.a.w) sehingga turunlah firman Allah: "Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah, 'Haid itu adalah kotoran. Oleh sebab itu, hendaklah kamu menjauhkan diri dari wanita di waktu haid..." (Surah al-Baqarah: 222)." Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Lakukanlah oleh kamu segala sesuatu (ke atas isteri kamu) kecuali bersetubuh." Kenyataan baginda ini kemudian sampai kepada pendengaran orang Yahudi, lalu mereka berkata: "Lelaki ini (Nabi Muhammad) tidak pernah membiarkan sesuatu apa pun berkaitan urusan kami melainkan dia pasti berseberangan dengan kami dalam masalah tersebut." Maka datanglah Usaid ibn Hudhair dan Abbad ibn Bisyr, lalu keduanya bertanya: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya orang Yahudi telah mengatakan ini dan itu. Apakah kami tidak boleh menyetubuhi mereka (isteri-isteri kami)?" Mendengar itu, berubahlah wajah Rasulullah (s.a.w) hingga kami menyangka bahawa baginda benar-benar marah kepada kedua orang sahabat itu. Lalu keduanya keluar dan secara kebetulan

menjumpai kiriman berupa air susu yang dihadiahkan kepada Nabi (s.a.w). Nabi (s.a.w) kemudian menyuruh (seseorang) untuk memanggil kembali kedua-dua orang sahabat tadi setelah keduanya pergi, kemudian baginda mempelawa mereka minum air susu itu, hingga dengan itu mereka berdua mengetahui bahawa baginda tidak marah kepada mereka berdua."

"الْيَهُودَ", nama satu kabilah. Diberi nama demikian kerana mereka kembali kepada Allah dan bertaubat setelah sebelumnya menyembah anak lembu. Allah (s.w.t) berfirman mengisahkan perihal mereka:

..... إِنَّا هُدْنَآ إِلَيْكَ ۚ .... ﴿١٥٦﴾

"*Sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepada Engkau.*" (Surah al-A'raf: 156)

"يُجَامِعُوهُنَّ فِي الْبُيُوتِ", mereka tidak mahu bergaul dan tinggal serumah dengan isteri yang sedang haid, sebaliknya mereka meninggalkannya di dalam rumah secara berasingan.

Ayat di atas lengkapnya adalah seperti berikut:

وَيَسْـَٔلُونَكَ عَنِ ٱلْمَحِيضِ ۖ قُلْ هُوَ أَذًى فَٱعْتَزِلُوا۟ ٱلنِّسَآءَ فِى ٱلْمَحِيضِ ۖ وَلَا تَقْرَبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ ۖ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ ٱللَّهُ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلتَّوَّٰبِينَ وَيُحِبُّ ٱلْمُتَطَهِّرِينَ ﴿٢٢٢﴾

"*Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah: "Haid itu adalah suatu kotoran." Oleh sebab itu, hendaklah kamu menjauhkan diri dari wanita di waktu haid; dan janganlah kamu mendekati mereka sebelum mereka suci. Apabila mereka telah suci, maka campurilah mereka itu di tempat yang diperintahkan Allah kepadamu. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertaubat dan menyukai orang yang menyucikan diri.*" (Surah al-Baqarah: 222)

"الْمَحِيضِ", haid dan kadang kala bermaksud masa haid itu sendiri.

"هُوَ أَذًى", kotoran yang mengganggu manusia, kerana warnanya menjijikkan dan baunya tidak enak, di samping ia najis dan membahayakan. Lafaz "" adzan di-*nakirah*-kan untuk menunjukkan makna yang sedikit.

"فَاعْتَزِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ", maka janganlah kamu menyetubuhi mereka pada waktu haid. Tetapi ada sebahagian sahabat yang berfahaman bahawa memisahkan mereka itu bersifat mutlak hingga berkaitan dengan tempat tinggal. Kemudian masyarakat badwi datang dan berkata: "Wahai Rasulullah, cuaca terlampau sejuk sedangkan pakaian kami sedikit. Jika kami mementingkan mereka, nescaya semua ahli keluarga yang lain binasa kedinginan dan jika kami mementingkan ahli keluarga di dalam rumah, nescaya wanita yang berhaid akan binasa. Mendengar itu, Nabi (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya kamu hanya diperintahkan untuk tidak menyetubuhi mereka dan tidak diperintahkan untuk mengeluarkan mereka dari rumah seperti apa yang biasa dilakukan oleh orang 'ajam."

"وَلا تَقْرَبُوهُنَّ", janganlah kamu mendekati mereka, yakni menyetubuhi mereka.

"حَتَّى يَطْهُرْنَ", sebelum mereka mandi sesudah darah haidnya berhenti.

"فَإِذَا تَطَهَّرْنَ", darah sudah berhenti dan mereka sudah mandi.

"فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللهُ", maka setubuhilah mereka pada kemaluannya dan jangan sampai kamu menyetubuhi tempat yang telah disediakan.

"إِنَّ اللهَ يُحِبُّ", sesungguhnya Allah menyukai, yakni memberi pahala dan menghormati.

"التَّوَّابِينَ", orang yang bertaubat dari dosa-dosanya.

"وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ", dan menyukai orang yang membersihkan dirinya daripada kotoran.

"هَذَا الرَّجُلُ", apa yang mereka maksudkan adalah Nabi (s.a.w), tetapi mereka tidak mahu menyebutnya dengan jelas dengan sebutan Nabi atau Rasul kerana mereka tidak percaya kepada kenabian dan kerasulannya.

"يَدَعَ", membiarkan.

Usaid ibn Hudhair al-Anshari al-Ausi memeluk Islam sebelum Sa'd ibn Mu'adz di hadapan Mush'ab ibn 'Umair. Beliau adalah salah seorang yang turut serta dalam perjanjian 'Aqabah Kedua, perang Badar dan peperangan lain sesudah itu.

'Abbad ibn Bisyr berasal dari Bani 'Abdul Asyhab dan termasuk golongan Ansar. Beliau masuk Islam di hadapan Mush'ab 'Umair, turut serta dalam Perang Badar, Uhud, dan semua peperangan yang lain.

"تَقُولُ كَذَا وَكَذَا", yakni mengenai pendapatmu yang bertentangan dengan mereka dalam hal dibolehkan makan, minum dan bergaul dengan isteri yang sedang berhaid.

"فَتَغَيَّرَ وَجْهُ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", maka berubahlah wajah Rasulullah (s.a.w) kerana keduanya telah menyalahi nash al-Qur'an melalui ucapan mereka: "Apakah kami tidak boleh menyetubuhi mereka?"

"أَنْ قَدْ وَجَدَ عَلَيْهِمَا", baginda marah kepada mereka berdua.

"فَاسْتَقْبَلَهُمَا هَدِيَّةٌ", ketika keduanya keluar berjumpa dengan kiriman yang dihadiahkan kepada Nabi (s.a.w).

"فَأَرْسَلَ فِي آثَارِهِمَا", lalu Nabi (s.a.w) menyuruh seseorang untuk memanggil lagi mereka berdua. Setelah dipanggil, mereka pun kembali mendatangi Nabi (s.a.w).

"أَنْ لَمْ يَجِدْ عَلَيْهِمَا", Nabi (s.a.w) tidak marah kepada mereka berdua.

Fiqh Hadis

1. Haram menyetubuhi isteri yang sedang haid.
2. Boleh bersenang-senang dengan isteri yang haid selain bersetubuh serta pada kawasan sekitar pusat dan lutut tanpa penghalang. Lain halnya dengan Imam Ahmad di mana beliau bersenang-senang dengan isteri secara mutlak selagi tidak bersetubuh.
3. Agama Islam adalah agama yang mudah lagi hanif (sentiasa membelas kebenaran).
4. Makruh menceritakan kepada orang muslim tentang perkara-perkara yang tidak disukainya atau yang membuatnya marah.
5. Disyariatkan marah kepada orang yang melakukan perkara-perkara yang tidak patut.

6. Tidak dibenarkan membuat musuh marah dengan perkara-perkara yang bertentangan dengan syariat.
7. Disyariatkan menerima hadiah dan disunatkan menyisihkan sebahagiannya untuk orang lain.
8. Seorang muslim tidak patut secara berterusan marah kepada muslim yang lain.
9. Dianjurkan berdiam apabila seseorang melihat orang yang menjadi panutannya marah.
10. Disyariatkan bersikap lemah lembut dan menjalin hubungan yang baik sesudah marah.
11. Dianjurkan menyalahi orang Yahudi dalam memperlakukan wanita yang sedang berhaid.

١٢٢- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْمُرُنِي فَأَتَّزِرُ، فَيُبَاشِرُنِي وَأَنَا حَائِضٌ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

122. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "*Rasulullan (s.a.w) sering kali menyuruhku (memakai kain) lalu aku pun memakai kain. Setelah itu, baginda memelukku, sedangkan aku dalam keadaan haid.*" (Muttataq 'alaih)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) membolehkan kita bersenang-senang dengan isteri yang sedang berhaid, meskipun ia memiliki ketentuan terhad. Di sini baginda menyuruh isterinya memakai kain yang menutupi anggota tubuhnya antara pusat dengan lutut, sebab khuatir akan terlanjur melakukan persetubuhan yang diharamkan.

Analisis Lafaz

"فَأَتَّزِرُ" Fa-attaziru, maka aku memakai kain yang menutupi antara pusat dengan lututku.

"فَيُبَاشِرُنِي" Fayubaasyirunii, lalu baginda menyentuhkan kulit tubuhnya kepada kulit tubuhku, yakni memelukku dengan erat.

Fiqh Hadis

1. Seorang suami dibolehkan bersenang-senang dengan isterinya yang sedang berhaid dengan apa jua cara sekali pun kecuali bersetubuh, tetapi dengan syarat isterinya memakai kain yang menutupi anggota tubuh antara pusat dan lutut hingga ke pahanya. Hal ini untuk menjaga agar tidak sampai terlanjur melakukan persetubuhan yang tidak dibolehkan.
2. Dibolehkan bersentuhan kulit pada bahagian anggota tubuh di atas pusat dan di bawah lutut secara mutlak, sama ada memakai penghalang ataupun tidak.
3. Tubuh wanita yang haid tetap dianggap bersih.

١٢٣- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -فِي الَّذِي يَأْتِي امْرَأَتَهُ وَهِيَ حَائِضٌ- قَالَ: "يَتَصَدَّقُ بِدِينَارٍ، أَوْ نِصْفِ دِينَارٍ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ وَابْنُ الْقَطَّانِ، وَرَجَّحَ غَيْرَهُمَا وَقْفَهُ.

123. Daripada Ibn Abbas (r.a) dari Rasulullah (s.a.w) mengenai seorang lelaki yang menyetubuhi isterinya ketika sedang haid, baginda bersabda: "*Hendaklah dia itu bersedekah sebanyak satu dinar atau setengah dinar.*" (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, dinilai sahih oleh al-Hakim dan Ibn al-Qatthan, tetapi selain mereka berdua malah mentarjihnya sebagai hadis *mawquf*)

Makna Hadis

Dalam kehidupan ini ada ketikanya seseorang dikalahkan oleh hawa nafsu yang melampaui batas hingga akhirnya nafsu itu merosakkan akal sihat dan hati nurani. Dia pun akhirnya melakukan perbuatan yang merbahaya dan tidak mampu mengelakkan diri daripada perbuatan dosa. Dia menyetubuhi isterinya ketika sedang haid.

Sebahagian ulama menganjurkan seseorang yang menyetubuhi isterinya ketika sedang haid supaya bersedekah sebanyak satu dinar apabila dia menyetubuhi isterinya pada permulaan masa haid. Hukuman ini dijatuhkan ke atasnya kerana dia baru lagi menjimak isterinya. Oleh itu, perbuatannya itu tidak dapat dimaafkan dan hukumannya pun berat. Lain halnya apabila dia menyetubuhi isterinya ketika masa haid menjelang berakhir, maka hukumannya diringankan menjadi setengah dinar sahaja.

Sebahagian ulama yang lain mengatakan bahawa menyetubuhi isteri ketika sedang haid adalah satu dosa yang tidak semestinya bersedekah kerananya dan kifaratnya ialah sudah memadai dengan beristighfar memohon ampun di atas perbuatan itu.

Analisis Lafaz

"يَأْتِي امْرَأَتَهُ", mendatangi isterinya. Kalimat ini merupakan ungkapan *kinayah* yang makna hakikinya adalah menyetubuhi isteri.

"يَتَصَدَّقُ", hendaklah dia bersedekah dengan membuang huruf *lam amar*; bentuk asalnya adalah "فليتصدق".

"بِدِينَارٍ، أَوْ نِصْفِ دِينَارٍ", huruf *aw* di sini menunjukkan makna *tanwi'* (pilihan), bukannya *syak* (keraguan). Denda satu dinar dijatuhkan apabila seseorang menyetubuhi isterinya ketika darah haid sedang keluar deras, dan denda setengah dinar dijatuhkan apabila menyetubuhi isterinya di penghujung masa haid menjelang darah berhenti mengalir.

Fiqh Hadis

Disunatkan bersedekah senilai satu dinar atau setengah dinar bagi orang yang

menggauli isterinya ketika sedang berhaid di sisi Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad. Sedangkan menurut Imam Malik dan Imam Abu Hanifah tidak semestinya bersedekah, sebaliknya suami yang menyetubuhi isterinya ketika sedang berhaid cukup beristighfar memohon ampun kepada Allah.

١٢٤- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَلَيْسَ إِذَا حَاضَتْ لَمْ تُصَلِّ وَلَمْ تَصُمْ؟". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ فِي حَدِيثٍ طَوِيْلٍ.

124. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Bukankah wanita itu apabila berhaid tidak boleh bersolat dan tidak boleh berpuasa?*" (Muttafaq 'alaih dalam hadis yang cukup panjang)

Makna Hadis

Akal dan fikiran wanita itu lemah. Jika sedang emosi, dia tidak mahu mengakui jasa besar yang selama ini diterimanya, berpura-pura melupakan kebaikan malah kadang kala melupakannya sama sekali. Dia sering kali memendam kejahatan dan menyukai perbuatan jahat. Kesaksiannya adalah separuh kesaksian lelaki dan agamanya pula dianggap kurang yang bermaksud belum sempurna. Syariat Islam mengakui kekurangan agama kaum wanita seperti mana yang dikandung oleh hadis di atas bahawa: "Wanita sering kali tidak sedar terhadap apa yang dikatakannya. Jika engkau mengabaikan permintaannya meskipun itu baru yang pertama kali, dia pasti melupakan semua yang pernah engkau berikan kepadanya sebelum ini berupa kebaikan-kebaikan dan dia mengingkarinya seakan-akan semua itu tidak pernah wujud. Dia gemar mencaci dan memaki hingga mulutnya berbuih. Dia pandai merayu hati dan menguasai akal melalui kata-katanya yang memukau bagaikan sihir yang manis seperti madu." Semoga Allah memperbaiki tingkah laku mereka dan menunjukkan jalan yang lurus kepada kita.

Analisis Lafaz

"فِي حَدِيثٍ طَوِيْلٍ", dalam hadis yang cukup panjang. Bentuk lengkap hadis ini seperti mana dalam kitab Sahih al-Bukhari adalah seperti berikut:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، قَالَ: خَرَجَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي أَضْحَى أَوْ فِطْرٍ إِلَى الْمُصَلَّى، فَمَرَّ عَلَى النِّسَاءِ، فَقَالَ: يَا مَعْشَرَ النِّسَاءِ، تَصَدَّقْنَ فَإِنِّي أُرِيتُكُنَّ أَكْثَرَ أَهْلِ النَّارِ، فَقُلْنَ: وَبِمَ يَا رَسُولَ اللهِ؟ قَالَ: تُكْثِرْنَ اللَّعْنَ وَتَكْفُرْنَ الْعَشِيرَ، مَا رَأَيْتُ مِنْ نَاقِصَاتِ عَقْلٍ وَدِينٍ أَذْهَبَ لِلُبِّ الرَّجُلِ الْحَازِمِ مِنْ إِحْدَاكُنَّ، قُلْنَ: وَمَا نُقْصَانُ دِينِنَا وَعَقْلِنَا يَا رَسُولَ اللهِ؟ قَالَ: أَلَيْسَ شَهَادَةُ الْمَرْأَةِ مِثْلَ نِصْفِ شَهَادَةِ الرَّجُلِ؟ قُلْنَ: بَلَى، قَالَ: فَذَلِكِ مِنْ نُقْصَانِ عَقْلِهَا، أَلَيْسَ إِذَا حَاضَتْ لَمْ تُصَلِّ وَلَمْ تَصُمْ؟ قُلْنَ: بَلَى، قَالَ: فَذَلِكِ مِنْ نُقْصَانِ دِينِهَا.

"Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) keluar (dari rumahnya) pada hari raya qurban atau hari raya fitri menuju musolla. Baginda melewati sekumpulan kaum wanita, lalu baginda bersabda: "Hai kaum wanita,

bersedekahlah kamu, kerana sesungguhnya telah diperlihatkan kepadaku bahawa kebanyakan kamu adalah penghuni neraka.” Mereka bertanya: “Mengapa demikian, wahai Rasulullah?” Nabi (s.a.w) bersabda: “Kamu gemar banyak memaki dan suka mengingkari kebaikan suami. Aku belum pernah melihat sebahagian dari wanita yang kurang akal dan agamanya serta mampu mempengaruhi akal seorang lelaki yang kuat akalnya selain daripada seseorang di kalangan kamu ini.” Mereka bertanya: “Apakah yang menyebabkan agama dan akal kami kurang, wahai Rasulullah?” Nabi (s.a.w) bersabda: “Bukankah kesaksian seorang wanita sama dengan separuh kesaksian seorang lelaki?” Mereka menjawab: “Memang benar.” Nabi (s.a.w) bersabda: “Itulah yang menyebabkan akalnya kurang. Bukankah wanitu apabila haid tidak bersolat dan tidak berpuasa?” Mereka menjawab: “Memang benar.” Nabi (s.a.w) bersabda: “Itulah yang menyebabkan agamanya kurang.”

“فِي أَضْحَى أَوْ فِطْرٍ”, pada hari raya adha (qurban) atau hari raya fitri.

“أُرِيتُكُنَّ”, Allah telah memperlihatkan kepadaku mengenai kamu, bahawa kebanyakan kamu adalah penghuni neraka.

“تُكْثِرْنَ اللَّعْنَ”, gemar mengeluarkan kata-kata laknat.

“وَتَكْفُرْنَ الْعَشِيرَ”, kamu kerap kali mengingkari kebaikan suami dan melupakan jasa-jasanya.

“لِلُبِّ الرَّجُلِ الْحَازِمِ”, terhadap hati atau akal lelaki yang kuat dan sempurna akalnya.

“لَمْ تُصَلِّ وَلَمْ تَصُمْ”, dilarang mengerjakan solat dan puasa selama masa haid. Perkataan *nafi* dalam kalimat ini bermakna *nahi*.

Fiqh Hadis

1. Allah memperlihatkan kepada Rasul-Nya apa yang bakal terjadi di akhirat kelak berupa pahala dan seksaan, hingga baginda dapat menceritakannya kepada para sahabatnya. Tujuannya supaya orang yang baik akan bertambah kebaikannya dan orang jahat segera menghentikan perbuatan jahatnya.
2. Anjuran untuk bersedekah, kerana sedekah dapat menghilangkan kemurkaan Allah.
3. Membuktikan adanya neraka.
4. Kebanyakan wanita adalah penghuni neraka kerana mereka sering kali mengingkari kebaikan suaminya dan gemar mengeluarkan kata-kata laknat.
5. Dalil yang menunjukkan kurangnya akal wanita, kerana kesaksian mereka dianggap separuh dari kesaksian lelaki. Dengan erti kata lain, untuk mengimbangi kesaksian seorang lelaki mestilah wujud dua orang wanita.
6. Dalil yang menunjukkan kurangnya agama wanita, kerana wanita tidak boleh bersolat dan berpuasa dalam masa haid dan demikian pula dalam masa nifasnya.
7. Bersuci merupakan syarat bagi sahnya solat dan puasa.
8. Wanita yang berhaid diwajibkan mengqadha’ puasanya, tetapi tidak wajib mengqadha’ solatnya, kerana ada nash yang mewajibkan mereka supaya

mengqadha’ puasa, sedangkan solat tidak wajib diqadha’ kerana wujud *masyaqqah* (kesukaran) memandangkan bilangan solat yang mesti diqadha’ terlampau banyak dan bercanggah dengan prinsip agama itu mudah.

١٢٥- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "لَمَّا جِئْنَا سَرِفَ حِضْتُ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "افْعَلِي مَا يَفْعَلُ الْحَاجُّ، غَيْرَ أَنْ لاَ تَطُوفِي بِالْبَيْتِ حَتَّى تَطْهُرِي". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ فِي حَدِيثٍ طَوِيْلٍ.

125. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: “*Ketika kami tiba di Sarif, saya mengalami haid lalu Nabi (s.a.w) bersabda: “Lakukanlah amal ibadah yang dilakukan oleh orang yang sedang berhaji. Akan tetapi, kamu tidak bertawaf di Baitullah sebelum kamu bersuci.*” (Muttafaq ‘alaih dalam hadis yang cukup panjang)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menetapkan cara penyelesaian bagi permasalahan yang dialami oleh kaum wanita ketika melakukan ibadah haji. Dalam pada itu, baginda menjelaskan wanita yang sedang berhaid dan bernifas dinyatakan sah melakukan semua amal ibadah haji atau umrah kecuali bertawaf di Baitullah, kerana syarat bertawaf adalah suci. Jika seorang wanita telah bersuci daripada haid atau nifas, maka ketika itu dia baru dibolehkan memasuki Masjid al-Haram untuk kemudian bertawaf.

Ini merupakan salah satu rahmat bagi kaum wanita dan merupakan salah satu kemudahan agama Islam sekali gus menjelaskan keutamaan bertawaf, di mana seorang wanita turut disyaratkan mematuhi syarat ketika hendak mengerjakan solat, iaitu bersuci dan menutup aurat.

Analisis Lafaz

“فِي حَدِيثٍ طَوِيْلٍ”, dalam hadis yang cukup panjang. Bentuk lengkapnya menurut riwayat Muslim adalah:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لاَ نَذْكُرُ إِلاَّ الْحَجَّ حَتَّى جِئْنَا سَرِفَ فَطَمِثْتُ، فَدَخَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَنَا أَبْكِي، فَقَالَ: مَا يُبْكِيكِ؟ فَقُلْتُ: وَ اللهِ، لَوَدِدْتُ أَنِّي لَمْ أَكُنْ خَرَجْتُ الْعَامَ، قَالَ: مَا لَكِ لَعَلَّكِ نَفِسْتِ؟ قُلْتُ: نَعَمْ، قَالَ: هَذَا شَيْءٌ كَتَبَهُ اللهُ عَلَى بَنَاتِ آدَمَ، افْعَلِي مَا يَفْعَلُ الْحَاجُّ غَيْرَ أَنْ لاَ تَطُوفِي بِالْبَيْتِ حَتَّى تَطْهُرِي...

“Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: “Kami keluar bersama Rasulullah (s.a.w) dengan niat tidak lain selain untuk mengerjakan ibadah haji. Ketika kami tiba di Sarif, saya mengalami haid. Rasulullah (s.a.w) kemudian masuk menemuiku, sedangkan saya dalam keadaan menangis, lalu baginda bertanya: “Apa yang menyebabkan kamu menangis?” Aisyah (r.a) menjawab: “Demi Allah, seandainya saya tidak keluar (untuk berhaji) pada tahun ini (tentu itu lebih baik).” Nabi (s.a.w) bertanya: “Mengapa, barangkali kamu sedang haid?” Saya menjawab: “Ya.”

Nabi (s.a.w) bersabda: "Ini merupakan sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah ke atas anak-anak cucu perempuan Adam. Kerjakanlah apa-apa yang dikerjakan oleh orang yang berhaji, tetapi kamu tidak boleh bertawaf di Baitullah sebelum kamu bersuci…."[7]

"خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", kami keluar bersama Rasulullah (s.a.w) untuk melaksanakan haji wada'. Ini terjadi pada tahun ke-10 Hijriah. Nabi (s.a.w) tidak lagi melaksanakan haji sesudah ibadah haji difardukan selain pelaksanakan ibadah haji ini. Ketika melaksanakan haji ini, baginda menetapkan manasik-manasik melalui perbuatan dan perkataannya, dan baginda menasihati umat manusia sekali gus menyampaikan kalimat perpisahan yang baginda kemungkinan besar tidak lagi bertemu mereka setelah tahun itu. Dalam kaitan ini, baginda bersabda:

لَعَلِّي لاَ أَلْقَاكُمْ بَعْدَ عَامِيْ هَذَا.

"*Barangkali aku tidak akan bersua kembali dengan kamu sesudah tahun ini.*" Oleh yang demikian, haji tersebut kemudian disebut Haji Wada' (haji perpisahan).

"لاَ نَذْكُرُ إِلاَّ الْحَجَّ", kami hanya berniat untuk melakukan ibadah haji.

Sarif nama sebuah tempat yang terletak di antara Mekah dengan Madinah, tetapi ia lebih dekat ke Mekah dengan jarak beberapa mil. Menurut satu pendapat, jarak Sarif ke Mekah adalah sepuluh mil, namun menurut pendapat yang lain, jarak Sarif dengan Mekah bukan sepuluh mil, sebaliknya lebih daripada itu.

"فَطَمِثْتُ", maka saya mengalami haid.

"لَوَدِدْتُ أَنِّي لَمْ أَكُنْ خَرَجْتُ الْعَامَ", aku berharap seandainya tidak keluar menunaikan haji pada tahun ini. beliau mengatakan demikian kerana haid yang sedang dialaminya dan ketika itu belum ada penyelesaian terhadap haid yang sedang dialaminya.

"لَعَلَّكِ نَفِسْتِ", makna yang dimaksudkan di sini ialah haid.

"هَذَا شَيْءٌ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَى بَنَاتِ آدَمَ", yang telah ditetapkan oleh Allah atas diri mereka. Oleh itu, mereka tidak dapat mengelak daripadanya dan tidak ada celaan bagimu.

"افْعَلِي مَا يَفْعَلُ الْحَاجُّ", lakukanlah apa yang dilakukan oleh orang yang sedang berhaji, seperti wukuf di Arafah dan melontar jumrah.

"غَيْرَ أَنْ لاَ تَطُوفِي بِالْبَيْتِ حَتَّى تَطْهُرِي", Nabi (s.a.w) melarangnya melakukan tawaf, kerana sahnya tawaf bergantung kepada kesucian.

Fiqh Hadis

1. Wanita yang sedang berhaid dilarang bertawaf sebelum bersuci daripada haid, kerana suci merupakan salah satu syarat bagi sahnya tawaf.
2. Wanita yang berhaid dibolehkan melakukan kesemua manasik haji yang lain kerana manasik haji itu tidak bergantung kepada keadaan bersuci seperti mana tawaf dan solat.

[7] Kami di sini hanya menyebutkan hadis yang berkaitan dengan perbahasan. Hadis ini memuatkan sebahagian amalan ibadah haji, namun kami tidak perlu menyebutnya di sini.

١٢٦- عَنْ مُعَاذٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا يَحِلُّ لِلرَّجُلِ مِنِ امْرَأَتِهِ، وَهِيَ حَائِضٌ؟ قَالَ: "مَا فَوْقَ الْإِزَارِ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَضَعَّفَهُ.

126. Daripada Mu'adz ibnu Jabal (r.a) bahawa beliau pernah bertanya kepada Nabi (s.a.w): "Apakah yang dibolehkan bagi seorang suami ke atas isterinya yang sedang berhaid?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Semua anggota tubuh yang berada di atas kain." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud sekali gus menilainya sebagai hadis dha'if)

Makna Hadis

Membendung semua kemungkinan yang dapat menimbulkan bahaya (*sadd al-dzari'ah*) merupakan salah satu prinsip syariat yang agung. Islam amat mengambil berat masalah ini, kerana mengabaikan sarana atau wasilah boleh mengakibatkan ketidakseimbangan dalam menempuh tujuan. Di dalam satu hadis disebutkan:

فَمَنْ حَامَ حَوْلَ الْحِمَى يُوْشِكُ أَنْ يَقَعَ فِيْهِ.

"*Barang siapa yang berkeliling di sekitar tempat yang dilarang, dia dikhuatiri akan terjerumus masuk ke dalamnya.*"

Oleh itu, Islam hanya membolehkan bersenang-senang dengan isteri yang sedang haid dalam batasan di luar kain dan bukan pada bahagian dalamnya. Di antara ulama ada yang menganggapnya sebagai wajib sebagai langkah berjaga-jaga dan ada pula yang menganggapnya sebagai sunat.

Analisis Lafaz

"رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَضَعَّفَهُ", hadis ini dinilai dhaif oleh Abu Dawud. Beliau mengatakan bahawa hadis ini kurang kuat.

Fiqh Hadis

Diharamkan menggauli anggota tubuh isteri yang ditutup oleh kain, iaitu antara pusat dan lutut. Makna hadis ini membatasi keumuman makna yang terdapat dalam hadis sebelum ini yang mengatakan:

اصْنَعُوْا كُلَّ شَيْئٍ إِلاَّ النِّكَاحَ.

"*Lakukanlah segala sesuatu kecuali nikah (bersetubuh).*"

Apa yang dibolehkan untuk digauli hanyalah anggota tubuh bahagian luaran atau bahagian atas kain seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini. Tetapi menurut pendapat Imam Ahmad, menggauli antara pusat dan lutut dibolehkan, meskipun tanpa penghalang dan ini berlandaskan kepada keumuman makna hadis di atas tadi, iaitu: "*Lakukanlah segala sesuatu kecuali bersetubuh.*"

Perintah memakai kain menurutnya hanya mengandungi makna sunat, bukannya wajib.

١٢٧- عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "كَانَتِ النُّفَسَاءُ تَقْعُدُ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعْدَ نِفَاسِهَا أَرْبَعِينَ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ النَّسَائِيَّ، وَاللَّفْظُ لِأَبِي دَاوُدَ.

وَفِي لَفْظٍ لَهُ: "وَلَمْ يَأْمُرْهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقَضَاءِ صَلاَةِ النِّفَاسِ". وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

127. Daripada Ummu Salamah (r.a), beliau berkata: "Wanita-wanita yang mengalami nifas pada zaman Nabi (s.a.w) (menunggu) selama empat puluh hari sesudah melahirkan anaknya." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, kecuali al-Nasa'i. Lafaz hadis ini menurut riwayat Abu Dawud)

Menurut lafaz yang lain yang juga diriwayatkan oleh Abu Dawud disebutkan: "Nabi (s.a.w) tidak menyuruhnya (wanita yang bernifas dan berhaid) mengqadha' solat selama masa nifas." (Hadis ini dinilai sahih oleh Imam Hakim)

Makna Hadis

Islam memberi keringanan kepada wanita yang bernifas dan menyamakannya dengan wanita yang berhaid, di mana mereka tidak boleh solat dan puasa. Malah Islam memanjangkan masa bernifas hingga empat puluh hari. Ia wajib mengqadha' puasa fardhu yang ditinggalkannya selama nifas, namun tidak demikian dengan solat dan ini merupakan satu kemudahan baginya. Jika seorang perempuan telah merasa suci sebelum masa empat puluh hari, maka dia mesti bersuci, dan tidak ada batasan minimum bagi masa nifas.

Analisis Lafaz

"النُّفَسَاءُ", wanita yang melahirkan.

"تَقْعُدُ بَعْدَ نِفَاسِهَا", dia tidak melakukan solat sesudah melahirkan bayinya selama empat puluh hari. Ini berlaku bagi sebahagian kaum wanita, kerana kebiasaan haid atau nifas di kalangan kaum wanita itu berlainan.

Fiqh Hadis

1. Batasan maksimum nifas ialah empat puluh hari menurut pendapat jumhur ulama. Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa batasan maksimumnya adalah enam puluh hari, meskipun biasanya hanya memerlukan empat puluh hari, sedangkan batasan minimumnya ialah sekejap, (yakni hanya sekali mengeluarkan darah). Imam Malik dan Imam Ahmad mengatakan tidak ada batasan minimum bagi tempoh nifas. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa masa nifas itu terbatas, iaitu selama dua puluh lima hari. Abu Yusuf mengatakan sebelas hari, sedangkan al-Hasan al-Basri mengatakan dua puluh hari.
2. Tidak ada qadha' bagi solat yang ditinggalkan selama masa nifas, kerana Nabi

(s.a.w) tidak menyuruh kaum wanita berbuat demikian. Pada asalnya qadha' itu tidak diwajibkan kecuali kerana adanya perintah yang baru dan perintah yang baru ini telah disebutkan dalam masalah puasa melalui firman-Nya:

..... فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ..... ﴿١٨٤﴾

"... *Maka jika di antara kamu ada yang sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajib baginya berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain...*" (Surah al-Baqarah: 184) Di sini tidak ada perintah baru yang mewajibkan mengqadha' solat yang ditinggalkan selama nifas. Jadi, hukum asal, iaitu tidak wajib qadha solat mesti tetap dikekalkan. Hadis ini menyanggah pendapat sekumpulan Khawarij yang mengatakan solat yang ditinggalkan oleh wanita yang haid dan nifas wajib diqadha'.

3. Menjelaskan hukum darah yang keluar sesudah bersalin. Jika darah tersebut terus mengalir selama empat puluh hari, maka dalam masa itu wanita terbabit tidak boleh solat dan tidak boleh pula berpuasa. Tetapi apabila tetap mengalir hingga melebihi tempoh empat puluh hari, maka hukum darah tersebut adalah darah istihadhah yang ketentuan hukumnya telah disebutkan dalam hadis-hadis sebelum ini.

Kesimpulan

Hadis yang disebut dalam bab ini menunjukkan kesimpulan berikut:

1. Menjelaskan perbezaan warna darah haid dengan darah istihadhah, tempat keluarnya, cara untuk membezakan di antara keduanya dan demikian pula hukumnya.
2. Wanita yang haid tidak boleh mengerjakan solat dan puasa selama masa haid. Dia wajib mengqadha' puasanya, tetapi tidak wajib mengqadha' solatnya. Selama masa itu, suaminya tidak boleh menyetubuhinya. Jika suami menyetubuhinya, maka dia mesti membayar kifarat menurut pendapat Imam Ahmad. Menurut jumhur ulama, suami boleh menggaulinya, tetapi pada bahagian atas kain. Tetapi Imam Ahmad membolehkan untuk menggaulinya, meskipun di bawah kainnya (kecuali farjinya).
3. Perkiraan masa istihadhah ditentukan berdasarkan kebiasaan sebelum itu atau membandingkannya dengan wanita lain yang sebaya dengannya. Dibolehkan baginya mengerjakan solat dan puasa, dan suaminya boleh menyetubuhinya, dan disunatkan baginya mengerjakan solat secara jamak *shuri*.
4. Perkiraan masa nifas sama dengan wanita yang haid di mana mereka tidak boleh mengerjakan solat dan puasa. Tidak diwajibkan mengqadha' solat yang ditinggalkan selama masa nifas, tetapi wajib mengqadha' puasanya.

Soalan

1. Apakah takrif haid, berapakah nama-nama haid dan berapa lama pula batasan minimumnya, kebiasaannya, dan batasan maksimumnya?

2. Sebutkan perbezaan antara haid dengan istihadhah secara ringkas!
3. Apa yang dibolehkan bagi wanita yang beristihadhah dan apa pula yang dilarang baginya?
4. Apakah hukum yang membolehkan untuk melakukan jamak bagi wanita yang beristihadhah?
5. Jelaskan perbezaan antara jamak *hakiki* dengan jamak *shuri*!
6. Terangkan perhatian kaum wanita terhadap masalah-masalah yang berkaitan dengan agama mereka pada zaman Nabi (s.a.w)!
7. Mengapa Ummu Habibah mandi setiap kali hendak mengerjakan solat dan apakah beliau diperintahkan untuk berbuat demikian?
8. Jelaskan hukum darah kuning dan darah keruh sebelum masa suci dan sesudahnya!
9. Terangkan kemudahan agama Islam dalam memperlakukan wanita yang haid!
10. Jelaskan nasib yang dialami oleh wanita yang haid di kalangan umat Yahudi dan umat Nasrani!
11. Siapakah umat Yahudi dan umat Nasrani itu?
12. Bahagian anggota tubuh manakah yang boleh digauli ke atas isteri wanita yang sedang haid dan anggota tubuh yang mana pula yang masih menjadi pertikaian di kalangan ulama?
13. Apakah hikmah yang terkandung di dalam larangan bersenang-senang dengan wanita yang haid antara pusat dan lututnya?
14. Terangkan pendapat ulama tentang seseorang yang menyetubuhi isterinya pada permulaan masa haid atau ketika haidnya menjelang berhenti!
15. Apakah yang wajib ditinggalkan oleh wanita yang haid dan nifas? Sebutkan apa landasan yang demikian itu!
16. Apakah jenis ibadah yang wajib diqadha' oleh wanita ketika haid atau nifas dan mengapa?
17. Apakah yang menyebabkan wanita dinilai kurang akalnya dibandingkan dengan lelaki dalam persaksian?
18. Apakah yang mesti dilakukan oleh wanita yang haid dan nifas ketika melaksanakan ibadah haji dan apa pula yang dilarang dilakukan bagi keduanya?
19. Apakah syarat yang mesti dipenuhi untuk melaksanakan ibadah tawaf?
20. Sebutkan batasan minimum dan batas maksimum masa nifas!

KITAB SOLAT

BAB WAKTU SOLAT

١٢٨ - عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ نَبِيَّ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
"وَقْتُ الظُّهْرِ إِذَا زَالَتِ الشَّمْسُ، وَكَانَ ظِلُّ الرَّجُلِ كَطُولِهِ مَا لَمْ يَحْضُرْ الْعَصْرُ،

وَوَقْتُ الْعَصْرِ مَا لَمْ تَصْفَرَّ الشَّمْسُ، وَوَقْتُ صَلاَةِ الْمَغْرِبِ مَا لَمْ يَغِبِ الشَّفَقُ، وَوَقْتُ صَلاَةِ الْعِشَاءِ إِلَى نِصْفِ اللَّيْلِ الأَوْسَطِ، وَوَقْتُ صَلاَةِ الصُّبْحِ مِنْ طُلُوعِ الْفَجْرِ مَا لَمْ تَطْلُعِ الشَّمْسُ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

وَلَهُ مِنْ حَدِيثِ بُرَيْدَةَ فِي الْعَصْرِ: "وَالشَّمْسُ بَيْضَاءُ نَقِيَّةٌ.

وَمِنْ حَدِيثِ أَبِي مُوسَى: "وَالشَّمْسُ مُرْتَفِعَةٌ".

128. Daripada Abdullah ibn Amr (r.a) bahwa Nabi Allah (s.a.w) pernah bersabda: "*Waktu solat Zohor ialah apabila matahari telah condong, sedangkan bayangan seseorang sama dengan tingginya selagi waktu Asar belum tiba. Waktu solat Asar ialah selagi matahari belum menguning. Waktu solat Maghrib ialah selagi awan merah belum lenyap. Waktu solat Isyak ialah sampai dengan pertengahan malam yang pertengahan dan waktu solat Subuh ialah bermula dari fajar hingga matahari terbit.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Muslim melalui hadis Buraidah sehubungan dengan waktu solat Asar menyebutkan: "*Sedangkan matahari masih putih lagi bersih.*"

Dari hadis Abu Musa (r.a) disebutkan: "*Sedangkan matahari masih tinggi.*"

Makna Hadis

Solat merupakan mikraj roh ke tingkatan yang tinggi dan merupakan munajat kepada Allah Tuhan Yang Esa. Dengan melakukan solat seakan-akan kita berada di hadapan Tuhan Yang Maha Suci dan berkomunikasi dengan Allah Yang Maha Besar. Solat itu diawali dengan takbir dan diakhiri dengan salam, manakala peraturannya pula terdiri daripada rukuk dan sujud, sedangkan zikir-zikirnya ialah tilawah (al-Qur'an), tasbih dan doa.

Solat merupakan amalan yang dapat membezakan antara orang mukmin dengan orang kafir dan ia adalah rukun Islam yang kedua. Hisab amal yang dilakukan ke atas seorang manusia kelak pada hari kiamat adalah amal solatnya. Azan disyariatkan untuk mengerjakan solat dan untuk melaksanakan solat maka dibangunkanlah masjid-masjid agar dapat menjadi tempat tumpuan kaum muslimin mendirikan solat. Barang siapa yang mendirikannya (mengerjakannya) bererti orang itu mendirikan agama dan barang siapa yang meninggalkannya bererti orang itu termasuk orang yang merugi dan diserupakan dengan orang munafik, sedangkan orang yang mengingkarinya dinyatakan sebagai kafir. Syariat Islam telah menentukan waktu-waktu solat untuk kemudian dijaga dan sebagai isyarat yang menunjukkan keutamaannya.

Analisis Lafaz

"الصلاة", menurut bahasa adalah doa, sedangkan menurut syariat pula ialah ucapan-ucapan dan perbuatan-perbuatan yang diawali dengan takbiratul ihram dan diakhiri dengan salam menurut kebanyakannya.

"المواقيت", bentuk jamak lafaz *al-miqat*, ertinya waktu yang telah ditentukan oleh Allah untuk mengerjakan ibadah solat ini.

"زَالَتِ الشَّمْسُ", matahari condong ke arah barat.

"مَا لَمْ تَصْفَرَّ الشَّمْسُ", selagi matahari belum nampak menguning, yakni selagi warna putihnya masih belum dicampuri dengan warna kekuningan.

"الشَّفَقُ", sisa cahaya matahari yang kelihatan merah di ufuk barat.

"وَلَهُ", dan menurut Muslim pula.

"فِي الْعَصْرِ", mengenai penjelasan waktu solat Asar.

"بَيْضَاءُ نَقِيَّةٌ", nampak putih bersih, tidak ada warna kuningnya serta tidak pula berubah cahayanya. Jumlah kalimat ini berkedudukan sebagai *hal* (kata keterangan keadaan) kepada lafaz *al-'ashr*, sedangkan yang menjadi *rabith* (penghubung)nya ialah huruf *waw*.

"وَالشَّمْسُ مُرْتَفِعَةٌ", sedangkan matahari masih tinggi, yakni tidak condong ke tempat tenggelamnya.

Fiqh Hadis

1. Penjelasan untuk mengetahui waktu-waktu solat fardu yang lima waktu.
2. Bersegera mengerjakan solat Asar di permulaan waktunya.

Periwayat Hadis

Buraidah ibn al-Hushaib ibn Abdullah al-Aslami, masuk Islam sebelum perang Badar, tetapi beliau tidak mengikuti perang itu dan beliau turut serta dalam Bai'at al-Ridhwan. Hadis yang diriwayatkannya berjumlah 164. Riwayatnya diambil oleh Abu al-Malih 'Amir. Beliau tinggal di Madinah, lalu pindah ke Basrah, kemudian ke Khurrasan kerana menyertai pasukan perang untuk menaklukkan kota tersebut. Beliau kemudian meninggal dunia di kota Khurrasan. Beliau adalah sahabat yang meninggal dunia paling akhir di Khurrasan. Itu terjadi pada tahun 62 Hijriah, pada masa pemerintahan Yazid ibn Mu'awiyah.

١٢٩ – عَنْ أَبِي بَرْزَةَ الأَسْلَمِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّيَ الْعَصْرَ، ثُمَّ يَرْجِعُ أَحَدُنَا إِلَى رَحْلِهِ فِي أَقْصَى الْمَدِينَةِ وَالشَّمْسُ حَيَّةٌ، وَكَانَ يَسْتَحِبُّ أَنْ يُؤَخِّرَ مِنَ الْعِشَاءِ، وَكَانَ يَكْرَهُ النَّوْمَ قَبْلَهَا وَالْحَدِيثَ بَعْدَهَا، وَكَانَ يَنْفَتِلُ مِنْ صَلاَةِ الْغَدَاةِ حِينَ يَعْرِفُ الرَّجُلُ جَلِيسَهُ، وَكَانَ يَقْرَأُ بِالسِّتِّينَ إِلَى الْمِائَةِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَعِنْدَهُمَا مِنْ حَدِيثِ جَابِرٍ: "وَالْعِشَاءَ أَحْيَانًا يُقَدِّمُهَا وَأَحْيَانًا يُؤَخِّرُهَا: إِذَا رَآهُمْ اجْتَمَعُوا عَجَّلَ، وَإِذَا رَآهُمْ أَبْطَئُوا أَخَّرَ، وَالصُّبْحَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّيهَا بِغَلَسٍ".

وَلِمُسْلِمٍ مِنْ حَدِيثِ أَبِي مُوسَى: "فَأَقَامَ الْفَجْرَ حِينَ انْشَقَّ الْفَجْرُ، وَالنَّاسُ لاَ يَكَادُ يَعْرِفُ بَعْضُهُمْ بَعْضًا".

129. Daripada Abu Barazah al-Aslami (r.a), beliau berkata: "*Rasulullah (s.a.w) melakukan solat Asar, kemudian seseorang di antara kami pulang ke tempat tinggalnya di hujung kota Madinah, sedangkan matahari masih kelihatan hidup*

(cerah). Rasulullah (s.a.w) sangat suka apabila mengakhirkan solat Isyak dan baginda tidak suka tidur sebelum mengerjakan solat Isyak dan bersembang-sembang sesudahnya. Baginda menyelesaikan solat Subuh ketika seseorang mengenali teman yang duduk berhampiran dengannya, dan baginda selalunya membaca sekitar enam puluh ayat hingga seratus ayat ketika mengerjakan solat tersebut." (Muttafaq 'alaih)

Riwayat al-Bukhari dan Muslim pula melalui hadis Jabir (r.a) disebutkan seperti berikut: "*Solat Isyak ada ketikanya baginda menyegerakannya dan ada ketikanya pula baginda mengakhirkannya. Jika baginda melihat mereka (para sahabat) telah berkumpul, baginda segera mengerjakannya dan apabila baginda melihat mereka datang agak lambat, baginda mengakhirkannya. Manakala solat Subuh pula selalunya baginda mengerjakannya ketika pagi masih dalam keadaan gelap.*"

Riwayat Muslim melalui hadis Abu Musa (r.a) disebutkan seperti berikut: "*Maka baginda mengerjakan solat Subuh ketika fajar mula menyingsing, sedangkan orang ramai hampir tidak saling mengenal antara satu sama lain (meskipun pagi masih lagi gelap).*"

Makna Hadis

Para sahabat mempunyai keistimewaan apabila dibandingkan dengan sahabat-sahabat nabi yang lain kerana mereka memiliki perhatian yang luar biasa untuk mengetahui kesemua perkataan dan perbuatan yang dilakukan Rasulullah (s.a.w). Mereka kemudian menukilnya untuk diikuti dan disampaikan kepada generasi berikutnya sebagai satu ketetapan hukum syariat. Oleh itu, mereka menggambarkan dengan jelas kepada kita tentang tatacara solat yang pernah dilakukan oleh Nabi (s.a.w), batasan waktunya dan jumlah ayat yang dibacanya di samping solat yang adakalanya baginda mengerjakannya di awal waktu dan adakalanya pula diakhirkan untuk menunggu orang ramai berhimpun dan ini merupakan salah satu kemaslahatan bagi umum.

Analisis Lafaz

"رَحْلِهِ", tempat tinggalnya.

"أَقْصَى الْمَدِينَةِ", di penghujung kota Madinah.

"الشَّمْسُ حَيَّةٌ", sedangkan matahari masih nampak putih dan sinarnya sangat panas serta kuat sengatannya.

"وَكَانَ يَكْرَهُ النَّوْمَ قَبْلَهَا", Nabi (s.a.w) tidak suka tidur sebelum mengerjakan solat Isyak agar solat Isyak dapat dikerjakan dalam waktu yang *mukhtar*. Jika tidur sebelum mengerjakan solat Isyak, seseorang berkenaan dikhuatiri akan tertidur lena hingga solat Isyak itu dikerjakan di luar waktunya yang *mukhtar*.

"وَالْحَدِيثَ", bercakap-cakap dengan orang lain mengenai sesuatu yang tidak ada kaitannya dengan maslahat agama atau kemaslahatan kaum muslimin.

"بَعْدَهَا", sesudah solat Isyak supaya solat Isyak telah dikerjakan itu menjadi

penutup bagi amal perbuatannya sesudah semua kesalahan telah diampuni dan supaya seseorang berkenaan tidak lalai untuk mengerjakan qiyamul lail kerana terlampau asyik berborak setelah mengerjakan solat Isyak.

"يَنْفَتِلُ", menyelesaikan.

"صَلاَةِ الْغَدَاةِ", solat Subuh.

"حِينَ يَعْرِفُ الرَّجُلُ جَلِيسَهُ", ketika seseorang mula mengenali teman yang duduk bersebelahan dengannya, kerana adanya cahaya pagi hari.

"وَكَانَ يَقْرَأُ بِالسِّتِّينَ إِلَى الْمِائَةِ", Nabi (s.a.w) selalunya membaca ayat al-Qur'an sejumlah enam puluh hingga seratus ayat ketika mengerjakan solat Subuh. Dengan erti kata lain, apabila hendak mempersingkat pelaksanaan solat Subuh, baginda membaca enam puluh ayat dan apabila hendak memperpanjang pelaksanaan solat Subuh, maka baginda membaca ayat al-Qur'an hingga seratus ayat.

"وَعِنْدَهُمَا", dan menurut riwayat al-Bukhari dan Muslim pula, yakni sama dengan hadis di atas.

"أَحْيَانًا يُقَدِّمُهَا", kadang kala baginda mendahulukannya, yakni mengerjakan solat Isyak di awal waktunya.

"إِذَا رَآهُمْ اجْتَمَعُوا عَجَّلَ", apabila baginda melihat para sahabat telah berkumpul di permulaan waktu Isyak, baginda segera mengerjakannya bersama mereka, kerana merasa kasihan apabila mereka menunggu terlalu lama untuk mengerjakan solat Isyak.

"وَإِذَا رَآهُمْ أَبْطَئُوا أَخَّرَ", dan apabila baginda melihat para sahabat datang agak lambat, baginda mengakhirkan solat Isyak agar mereka semua dapat mengerjakan solat Isyak secara berjamaah.

"بِغَلَسٍ", ketika pagi masih gelap, kira-kira lewat dua puluh minit sesudah fajar.

"انْشَقَّ الْفَجْرُ", sinar fajar mula kelihatan terang.

Fiqh Hadis

1. Bersegera mengerjakan solat Asar di awal waktunya.
2. Disunatkan mengakhirkan solat Isyak sampai berlalu sepertiga malam jika itu tidak mengakibatkan kesukaran bagi para makmum.
3. Jangan kita membuat orang yang sudah berkumpul di dalam masjid atau surau untuk mengerjakan solat berjamaah meninggalkan solat jamaah, kerana kita lambat untuk mengerjakan solat. Oleh itu, apabila orang ramai sudah berkumpul, maka segeralah untuk mengerjakan solat berjamaah itu.
4. Makruh tidur sebelum mengerjakan solat Isyak, sebab ada kalanya tidur itu membuat seseorang lupa untuk mengerjakan solatnya atau paling tidak dia akan mengerjakannya di akhir waktu.
5. Makruh berborak sesudah mengerjakan solat Isyak, sebab berborak sesudah mengerjakan Isyak dapat mengheret seseorang lambat tidur malam sehingga dia sukar bangun tidur ketika solat Subuh telah tiba. Apapun, Nabi (s.a.w) pernah berbincang-bincang dengan Abu Bakar (r.a) mengenai satu urusan yang berkaitan dengan kepentingan kaum muslimin. Antara perkara yang dibolehkan untuk dibincang setelah mengerjakan solat Isyak adalah seperti

mengulang kaji pelajaran, menemui tetamu atau menghadiri acara perkahwinan.
6. Berpagi buta untuk menghadiri solat Subuh dan keluar masjid sesudah sinar pagi mula terang seperti mana yang disebutkan dalam hadis di atas, iaitu: "Ketika seseorang telah mengenali teman yang duduk berhampiran dengannya."

Periwayat Hadis

Abu Barzah, nama aslinya ialah Nadhlah ibnu 'Ubaid al-Aslami. Beliau turut serta dalam penaklukan kota Mekah. Hadis yang diriwayatkannya berjumlah 46 dan Abu 'Utsman al-Nahdi serta Abu al-'Aliyah telah mengambil riwayat daripadanya. Beliau meninggal dunia di Basrah pada tahun 64 Hijriah.

١٣٠- عَنْ رَافِعِ بْنِ خَدِيجٍ قَالَ: "كُنَّا نُصَلِّي الْمَغْرِبَ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَيَنْصَرِفُ أَحَدُنَا وَإِنَّهُ لَيُبْصِرُ مَوَاقِعَ نَبْلِهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

130. Daripada Rafi' ibn Khadij (r.a), beliau berkata: "*Kami mengerjakan solat Maghrib bersama Rasulullah (s.a.w) lalu seseorang dari kami selesai mengerjakan (solatnya), sedangkan dia dapat melihat sejauh lemparan anak panahnya.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) sering kali menganjurkan supaya solat Maghrib dikerjakan di awal waktunya, iaitu ketika matahari benar-benar telah tenggelam di mana seseorang yang telah selesai mengerjakan solat Maghrib, masih lagi mampu melihat cahaya matahari yang terbenam itu.

Analisis Lafaz

"وَإِنَّهُ لَيُبْصِرُ مَوَاقِعَ نَبْلِهِ", maksudnya ialah dia mengerjakannya di awal waktunya setelah matahari tenggelam. Setelah selesai mengerjakan solat Maghrib itu, dia masih dapat melihat sejauh lemparan anak panahnya. Jika seseorang itu melempar anak panah dari busurnya, dia masih lagi dapat melihat tempat jatuh anak panahnya kerana cahaya matahari terbenam masih lagi wujud.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan bersegera mengerjakan solat Maghrib pada awal waktunya, hingga seseorang yang selesai mengerjakan solat Maghrib masih lagi dapat cahaya matahari yang tenggelam itu.
2. Tidak boleh melewat-lewatkan pelaksanaan solat Maghrib.

Periwayat Hadis

Rafi' ibn Khadij ibn Rafi' al-Ausi al-Ansari, beliau tidak ikut dalam perang Badar memandangkan ketika itu beliau masih lagi dalam usia kanak-kanak. Tetapi beliau ikut dalam perang Uhud dan peperangan yang lain sesudah itu. beliau telah meriwayatkan 78 hadis. Beliau terkena anak panah dalam perang Uhud dan ketika itu Nabi (s.a.w) bersabda kepadanya:

أَنَا أَشْهَدُ لَكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

"*Aku akan menjadi saksimu kelak di hari kiamat.*"

Beliau hidup hingga zaman pemerintahan Abdul Malik ibn Marwan, kemudian lukanya itu mengalami jangkitan hingga menyebabkan kematiannya. Beliau meninggal dunia pada tahun 74 Hijriah dalam usia 86 tahun.

١٣١- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "أَعْتَمَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ لَيْلَةٍ بِالْعَشَاءِ، حَتَّى ذَهَبَ عَامَّةُ اللَّيْلِ، ثُمَّ خَرَجَ، فَصَلَّى، وَقَالَ: "إِنَّهُ لَوَقْتُهَا لَوْلاَ أَنْ أَشُقَّ عَلَى أُمَّتِي". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

131. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "*Pada suatu malam Nabi (s.a.w) pernah mengakhirkan solat Isyak hingga sebahagian besar malam telah berlalu, kemudian baginda keluar (dari rumahnya) dan mengerjakan solat dan baginda bersabda: "Sesungguhnya inilah waktu solat Isyak (yang paling afdhal) sekiranya aku tidak khuatir akan menyusahkan umatku (apabila diwajibkan kepada mereka).*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Waktu-waktu solat fardu telah diketahui. Mengerjakan solat fardu di permulaan waktunya adalah lebih afdhal, kecuali solat Isyak, kerana waktu solat Isyak amat panjang hingga sepertiga malam yang pertama. Seafdhal-afdhalnya mengerjakan solat Isyak adalah di akhir sepertiga malam yang pertama. Oleh kerana Nabi (s.a.w) sentiasa menambil berat soal keringanan dan kemudahan bagi umatnya, maka baginda meninggalkan yang lebih afdhal kerana belas kasihan kepada mereka dan mereka tidak mengalami kesukaran kerananya.

Analisis Lafaz

"أَعْتَمَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", Nabi (s.a.w) mengakhirkan solat Isyak hingga waktu malam mencapai kemuncaknya.

"عَامَّةُ اللَّيْلِ", sebahagian besar waktu malam telah berlalu.

"لَوَقْتُهَا", waktu ini merupakan waktu *mukhtar* dan waktu yang paling afdhal.

"أَنْ أَشُقَّ عَلَى أُمَّتِي", huruf *an* dan kalimat sesudahnya ditakwil menjadi *masdar* yang berkedudukan sebagai *mubtada'*, sedangkan *khabar*-nya pula dibuang. Bentuk lengkapnya ialah: "لولا المشقة موجودة على الناس" (Seandainya tidak akan menimbulkan kesusahan kepada orang ramai, nescaya aku akan mengakahirkan

pelaksanaan solat Isyak sampai kepada waktu yang *mukhtar*). Apapun, itu tidak dilakukan, kerana Rasulullah (s.a.w) sentiasa mengambil berat yang lebih mudah bagi umatnya.

Fiqh Hadis

Waktu solat Isyak sememangnya panjang dan mengerjakan solat Isyak di akhir waktunya adalah lebih diutamakan selagi itu tidak memberatkan orang ramai (para makmum).

١٣٢- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا اشْتَدَّ الْحَرُّ فَأَبْرِدُوا بِالصَّلاَةِ، فَإِنَّ شِدَّةَ الْحَرِّ مِنْ فَيْحِ جَهَنَّمَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

132. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Apabila terik matahari terlampau panas, maka kamu hendak mengakhirkan pelaksanaan hingga cuaca tidak lagi menyengat, kerana sesungguhnya cuaca panas itu datang daripada bahang neraka Jahanam.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Inti pati solat ialah khusyuk. Khusyuk dalam mengerjakan solat merupakan rahsia paling besar yang dituntut dalam solat. Oleh kerana terik matahari yang terlampau panas boleh menghilangkan khusyuk dalam solat, maka Rasulullah (s.a.w) menganjurkan supaya pelaksanaan solat Zohor diakhirkan dari permulaan waktunya yang dikerjakan di dalam masjid sebagai tanda belas kasihan kepada mereka yang hendak mengerjakannya di samping memastikan mereka yang turut hendak mengerjakannya berjamaah tetap dalam keadaan khusyuk. Seperti sedia maklum, ini hanya khusus dengan solat Zohor dan solat-solat fardu yang lain tidak boleh diakhirkan pelaksanaannya dan ia hanya berlaku pada musim panas, bukannya pada musim sejuk.

Analisis Lafaz

"فَأَبْرِدُوا بِالصَّلاَةِ", maka akhirkanlah pelaksanaan solat itu, yakni solat Zohor hingga cuaca panas mula reda dan tidak lagi terlampau panas. Perintah dalam hadis ini adalah sunat bagi orang yang mengerjakan solat Zohor di dalam masjid. Inilah pendapat Imam Malik dan Imam al-Syafi'i. Tetapi menurut pendapat Imam Ahmad dan Imam Abu Hanifah, hadis ini turut mencakupi orang yang hendak mengerjakan solat Zohor di dalam rumah dan mereka yang mengerjakan solat bersendirian. Jadi, pengertian hadis ini bersifat umum.

"فَإِنَّ شِدَّةَ الْحَرِّ", sesungguhnya panas terik matahari di tengah hari pada waktu musim panas itu.

"مِنْ فَيْحِ جَهَنَّمَ", merupakan luapan bahang panas neraka Jahanam. Oleh itu,

berhati-hatilah kamu terhadapnya.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan mengakhirkan pelaksanaan solat Zohor apabila cauca panas masih sangat terik. Hikmahnya ialah panas terik matahari yang melampau dapat menghilangkan khusyuk yang merupakan inti pati solat.
2. Barang siapa yang memerintahkan untuk mengerjakan sesuatu, hendaklah dia mengemukakan alasan atau rasional di sebalik mengenai perintah itu supaya perintahnya kelak boleh diterima oleh orang ramai.
3. Hadis ini bersifat membatasi keumuman hadis yang mengutamakan pelaksanaan solat pada permulaan waktunya.

١٣٣- عَنْ رَافِعِ بْنِ خَدِيجٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَصْبِحُوا بِالصُّبْحِ، فَإِنَّهُ أَعْظَمُ لِأُجُورِكُمْ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ.

133. Daripada Rafi' ibn Khadij (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Berpagi-pagi butalah kamu dalam mengerjakan solat Subuh, kerana sesungguhnya itu akan menjadikan ganjaran pahala kamu lebih besar.*" (Diriwayatkan oleh al-Khamsah dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi serta Ibn Hibban)

Makna Hadis

Kadang kala kemunculan fajar membingungkan sesetengah pihak terlebih-lebih lagi pada waktu malam purnama namun ada pula sesetengah pihak yang memandang remeh pelaksanaan solat Subuh pada awal waktunya, kerana kebiasaan mereka yang tidur terlampau lena. Melalui hadis ini, Nabi (s.a.w) memerintahkan agar solat Subuh benar-benar diperhatikan. Pertama, memastikan fajar *shadiq* benar-benar telah terbit. Kedua, hendaklah solat Subuh dikerjakan pada awal waktunya. Kemudian Nabi (s.a.w) menjelaskan bahawa mengerjakan solat Subuh pada awal waktunya menjadikan ganjaran pahala seseorang yang melakukannya dilipatgandakan.

Analisis Lafaz

"أَصْبِحُوا بِالصُّبْحِ", kerjakanlah solat Subuh sebaik fajar shadiq telah terbit.

"فَإِنَّهُ أَعْظَمُ لِأُجُورِكُمْ", sesungguhnya mengerjakan solat Subuh pada awal waktunya lebih besar ganjaran pahalanya daripada mengerjakannya di akhir waktunya.

Fiqh Hadis

1. Dianjurkan berpagi-pagi buta dalam mengerjakan solat Subuh setelah yakin

fajar benar-benar telah terbit. Inilah pendapat jumhur ulama. Sedangkan mazhab Hanafi mengatakan bahawa hadis ini mensyariatkan *al-isfar* (lawan kata dari *al-ishbah*) yang ertinya "apabila pagi mula kelihatan remang-remang" kerana berlandaskan kepada makna zahir hadis.

2. Dianjurkan bersegera mengerjakan solat Subuh di awal waktunya bagi mendapatkan ganjaran pahala yang besar.

١٣٤- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ أَدْرَكَ مِنَ الصُّبْحِ رَكْعَةً قَبْلِ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الصُّبْحَ، وَمَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنْ الْعَصْرِ قَبْلَ أَنْ تَغْرُبَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الْعَصْرَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلِمُسْلِمٍ عَنْ عَائِشَةَ نَحْوَهُ وَقَالَ: "سَجْدَةً" بَدَلَ "رَكْعَةً". ثُمَّ قَالَ: وَالسَّجْدَةُ إِنَّمَا هِيَ الرَّكْعَةُ.

134. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Barang siapa yang sempat mendapat satu rakaat solat Subuh sebelum matahari terbit, bererti dia masih mendapat waktu Subuh. Barang siapa yang sempat mendapat satu rakaat solat Asar sebelum matahari tenggelam, bererti dia masih mendapat waktu Asar.*" (Muttafaq 'alaih)

Menurut hadis yang diriwayatkan oleh Muslim melalui Aisyah (r.a) disebutkan pula hadis yang serupa. Namun di dalam riwayatnya disebutkan *sajdatan* sebagai pengganti perkataan *rak'atan*, kemudian Muslim mengatakan bahawa *al-sajdah* itu memiliki makna yang sama dengan *al-raka'ah*.

Makna Hadis

Anugerah Allah kepada hamba-hamba-Nya amatlah besar dan pemberian-Nya mencakupi seluruh makhluk ciptaan-Nya. Allah (s.w.t) memberikan satu anugerah kepada orang yang mengerjakan solat bahawa barang siapa yang sempat mendapat satu rakaat solat yang masih dalam waktunya, kemudian dia melanjutkan solat itu di luar waktunya, maka solat tersebut masih dikategorikan sebagai *ada'an* (dilaksanakan di dalam waktunya) dan sisa rakaat lain yang dia kerjakan di luar waktunya tetap dimasukkan ke dalam satu rakaat yang dia sempat mendapatnya di dalam waktunya. Ini merupakan anugerah-Nya. Allah menjadikan bahagian yang seseorang itu jumpai di dalam waktunya sebagai bahagian yang hakiki kerana bahagian tersebut memuatkan satu rakaat yang dilengkapi dengan rukuk dan sujud, sedangkan sisa rakaat yang lain dianggap sebagai pengulangan. Namun jika seseorang hanya sempat menjumpai sebahagian satu rakaat, seperti satu kali sujud atau mengangkat kepala dari rukuk, maka bahagian ini tidak memperoleh keutamaan tersebut.

Analisis Lafaz

"مَنْ أَدْرَكَ مِن الصُّبْحِ رَكْعَةً قَبْلِ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ", barang siapa yang menjumpai satu rakaat solat Subuh sebelum matahari terbit, lalu dia melanjutkan rakaat yang kedua

sesudah matahari terbit.

"فَقَدْ أَدْرَكَ الصُّبْحَ", bererti dia masih sempat menjumpai solat Subuh secara *ada'an* (melaksanakannya pada waktunya).

"فَقَدْ أَدْرَكَ الْعَصْرَ", bererti dia masih menjumpai solat Asar secara *ada'an* (melaksanakan pada waktunya).

"نَحْوَهُ", sama seperti hadis Abu Hurairah (r.a) yang lafaznya seperti berikut:

مَنْ أَدْرَكَ مِنَ الصُّبْحِ سَجْدَةً قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ فَقَدْ أَدْرَكَ الصُّبْحَ، وَمَنْ أَدْرَكَ مِنَ الْعَصْرِ سَجْدَةً قَبْلَ أَنْ تَغْرُبَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الْعَصْرَ، وَالسَّجْدَةُ إِنَّمَا هِيَ الرَّكْعَةُ.

"*Barang siapa yang sempat menjumpai satu kali sujud solat Subuh sebelum matahari terbit, bererti dia masih sempat menjumpai waktu Subuh. Barang siapa yang sempat menjumpai satu kali sujud solat Asar sebelum matahari tenggelam, bererti dia masih sempat menjumpai waktu Asar. Maksud sujud di sini tidak lain adalah rakaat.*"

Fiqh Hadis

1. Barang siapa yang menjumpai satu rakaat yang sempurna berikut sujudnya dari solat Subuh sebelum matahari terbit, dan satu rakaat solat Asar sebelum matahari tenggelam, bererti orang itu masih sempat mengerjakan solatnya secara *ada'an* (melaksanakan pada waktunya), dan dia mesti meneruskan baki rakat solatnya itu, sekalipun matahari telah terbit ataupun telah tenggelam.
2. Barang siapa yang tidak sempat menjumpai satu rakaat secara sempurna dalam waktu solat seperti dia hanya menjumpai sebahagiannya sahaja, maka solatnya itu dianggap sebagai *qadha'an* kerana dia tidak sempat mengerjakannya di dalam waktunya.
3. Pengertian "menjumpai satu rakaat" ini dapat dilakukan setelah memperkirakan adanya masa yang memadai untuk bersuci atau mandi bagi wanita yang berhaid dan bernifas. Menurut satu pendapat yang lain, hadis ini bermaksud bahawa barang siapa yang halangan seperti ayan, haid atau nifas, lalu dia sedar atau suci sebelum waktu solat berakhir, misalnya masih ada baki waktu yang cukup untuk mengerjakan satu rakaat setelah memperkirakan adanya waktu yang memadai untuk bersuci secara sempurna, maka solat tersebut tetap wujud di dalam tanggungan orang yang sudah tidak mempunyai halangan tersebut, sama ada solatnya itu dia kerjakan masih dalam kategori *ada'an* ataupun *qadha'an*. Jika tidak ada waktu yang memadai untuk mengerjakan satu rakaat secara sempurna sesudah memperkirakan waktu untuk bersuci, maka kewajipan solat digugurkan ke atas orang yang mempunyai halangan-halangan tersebut.

١٣٥- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "لَا صَلَاةَ بَعْدَ الصُّبْحِ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ، وَلَا صَلَاةَ بَعْدَ الْعَصْرِ حَتَّى تَغِيبَ الشَّمْسُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلَفْظُ مُسْلِمٍ: "لَا صَلاَةَ بَعْدَ صَلاَةِ الْفَجْرِ".

وَلَهُ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ: "ثَلَاثُ سَاعَاتٍ كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْهَانَا أَنْ نُصَلِّي فِيهِنَّ، وَأَنْ نَقْبُرَ فِيهِنَّ مَوْتَانَا حِينَ تَطْلُعُ الشَّمْسُ بَازِغَةً حَتَّى تَرْتَفِعَ، وَحِينَ يَقُومُ قَائِمُ الظَّهِيرَةِ حَتَّى تَزُولَ الشَّمْسُ، وَحِينَ تَتَضَيَّفُ الشَّمْسُ لِلْغُرُوبِ".

وَالْحُكْمُ الثَّانِي عِنْدَ الشَّافِعِيِّ مِنْ حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ، وَزَادَ: " إِلاَّ يَوْمَ الْجُمْعَةِ". وَكَذَا لِأَبِي دَاوُدَ: عَنْ أَبِي قَتَادَةَ نَحْوُهُ.

135. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Tidak ada solat sesudah Subuh hingga matahari terbit. Dan tidak ada solat sesudah Asar hingga matahari terbenam.*"
(Muttafaq 'alaih)

Lafaz yang dikemukakan oleh Muslim menyebutkan: "*Tidak ada solat sesudah solat fajar (Subuh).*"

Menurut Muslim pula yang dikemukakan melalui hadis 'Uqbah ibn 'Amir (r.a) disebutkan seperti berikut: "*Rasulullah (s.a.w) dahulu melarang kami dalam tiga waktu untuk mengerjakan solat di dalamnya dan mengkebumikan orang mati di kalangan kami dalam waktu-waktu tersebut, iaitu ketika matahari terbit hingga ia naik tinggi, ketika matahari persis berada di atas tengah kepala hingga ia condong, dan ketika matahari hampir tenggelam.*"

Hukum kedua (yang dilarang mengerjakan solat pada waktu tengah hari) menurut riwayat Imam al-Syafi'i melalui hadis Abu Hurairah (r.a) tetapi sanadnya dha'if seperti mana ditambahkan oleh Imam al-Syafi'i adalah: "Kecuali hari Jumaat." Begitu pula menurut hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud melalui Qatadah dengan lafaz hadis yang serupa.

Makna Hadis

Syariat Islam melarang kita menyerupai orang kafir dalam ibadah mereka dan memelihara waktu-waktu mereka ketika beribadah. Oleh itu, Islam melarang kita mengerjakan solat sunat ketika matahari sedang terbit dan juga ketika matahari menjelang tenggelam. Ini kerana matahari terbit dan tenggelam di antara kedua-dua tanduk syaitan. Dengan erti kata lain, pada saat itu orang kafir menyembah matahari dan syaitan pun ada di situ.

Syariat Islam melarang kita melakukan solat dan bertadharru' serta berdoa ketika Allah murka. Untuk itu, syariat Islam melarang melakukan solat sunat ketika matahari berada di tengah-tengah langit. Syariat Islam menjelaskan kepada kita tentang penyebabnya bahawa itu merupakan waktu neraka Jahanam dinyalakan. Oleh kerana waktu *zawal* hari Jumaat merupakan hari perayaan Islam, maka neraka Jahanam tidak dinyalakan pada hari itu. Oleh yang demikian, syariat Islam membolehkan kita untuk mengerjakan solat sunat pada waktu itu.

Disamakan dengan hukum mengerjakan solat sunat adalah mengebumikan jenazah pada waktu-waktu tersebut. Untuk itu, dianjurkan mengebumikan jenazah pada saat turunnya rahmat Allah dan dianjurkan pula mendoakan jenazah pun pada waktu-waktu yang mengandungi rahmat dan keredhaan-Nya.

Oleh kerana solat fardu merupakan ibadah yang mempunyai waktu tertentu dan perhatian syariat sangat besar terhadapnya, maka ia menganjurkan supaya solat fardu dikerjakan dalam waktu apa jua sekalipun.

Analisis Lafaz

"لاَ صَلاَةَ", tidak ada solat, yakni solat sunat.

"بَعْدَ الصُّبْحِ", setelah solat Subuh.

"بَعْدَ الْعَصْرِ", sesudah solat Asar.

"بَعْدَ صَلاَةِ الْفَجْرِ", solat Subuh.

"وَلَهُ", dan menurut Muslim pula, yakni sama dengan hadis sebelumnya.

"نَقْبُرَ", mengkebumikan.

"بَازِغَةً", pada permulaan terbitnya.

"قَائِمُ الظَّهِيرَةِ", tegaknya bayangan yang tidak bertambah dan tidak pula berkurang menurut pandangan mata. Ini terjadi pada waktu tengah hari ketika matahari tepat berada di tengah langit dan panasnya terik matahari.

"حَتَّى تَزُولَ الشَّمْسُ", hingga matahari condong dari tengah langit, yakni condong ke sebelah barat.

"حِينَ تَتَضَيَّفُ", ketika matahari hampir tenggelam.

"وَالْحُكْمُ الثَّانِي عِنْدَ الشَّافِعِيِّ", apa yang dimaksudkan dengan hukum kedua menurut Imam al-Syafi'i ialah larangan mengerjakan solat sunat pada waktu matahari sedang condong.

Hukum yang pertama pula ialah larangan mengerjakan solat sunat ketika matahari sedang terbit. Penulis sengaja menyebutkan perkara ini dengan istilah hukum, padahal hukum dalam ketiga-tiga waktu tersebut adalah sama, iaitu larangan mengerjakan solat pada waktu. Apa yang dimaksudkan dengan hukum yang kedua ini tidak lain adalah salah satu daripada ketiga-tiga waktu itu dan bukannya ia adalah benar-benar hukum yang kedua.

"بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dha'if, kerana di dalamnya terdapat Ibrahim ibn Abu Yahya dan Ishaq ibn Abu Farwah, sedangkan kedua-duanya adalah dhaif.

"نَحْوُهُ", hadis yang serupa di mana lafaznya berbunyi seperti berikut:

كَرَّهَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصَّلاَةَ نِصْفَ النَّهَارِ إِلاَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، وَقَالَ: إِنَّ جَهَنَّمَ تُسَجَّرُ إِلاَّ يَوْمَ الْجُمُعَةِ.

"*Nabi (s.a.w) tidak suka mengerjakan solat (sunat) pada waktu tengah hari kecuali pada hari Jumaat dan baginda bersabda: "Sesungguhnya neraka Jahanam sedang dinyalakan (pada waktu itu), kecuali pada hari Jumaat.*"

Abu Dawud mengatakan bahawa hadis ini mursal, kerana di dalamnya terdapat Laits ibn Abu Sulaim, sedangkan dia seorang yang dha'if. Namun ia dikuatkan oleh perbuatan sahabat Nabi (s.a.w) di mana mereka pernah mengerjakan solat sunat pada waktu tengah hari pada hari Jumaat dan Nabi (s.a.w) menganjurkan supaya segera datang menghadiri solat Jumaat serta menganjurkan solat sunat hingga imam naik ke atas mimbar tanpa ada pengecualian atau pengkhususan.

Fiqh Hadis

1. Dilarang melakukan solat sunat ketika matahari sedang terbit dan juga ketika matahari berada di tengah langit, serta ketika matahari sedang tenggelam.
2. Dilarang mengkebumikan jenazah ketika matahari sedang terbit, ketika matahari sedang berada di tengah-tengah langit, dan ketika matahari sedang tenggelam. Larangan ini sekaligus mengandungi anjuran untuk memelihara waktu yang diberkati untuk mengerjakan solat dan menguburkan jenazah.

Periwayat Hadis

'Uqbah ibn 'Amir al-Juhani, telah meriwayatkan 55 hadis; Jabir dan Ibn Abbas telah mengambil riwayat daripadanya. Beliau menjawat sebagai gabenor Mesir pada zaman pemerintahan Mu'awiyah dan ikut bersama Mu'awiyah dalam perang Shiffin, kemudian beliau dilantik menjadi panglima perang angkatan laut. Beliau fasih dalam berbahasa, seorang penyair, ahli qiraat dan seorang yang alim. Beliau meninggal dunia pada tahun 58 Hijriah.

١٣٦- عَنْ جُبَيْرِ بْنِ مُطْعِمٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَا بَنِي عَبْدِ مَنَافٍ، لاَ تَمْنَعُوا أَحَدًا طَافَ بِهَذَا الْبَيْتِ وَصَلَّى أَيَّةَ سَاعَةٍ شَاءَ مِنْ لَيْلٍ أَوْ نَهَارٍ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ.

136. Daripada Jubair ibn Muth'im (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Hai Bani Abd Manaf, janganlah kamu melarang seseorang melakukan tawaf di Baitullah ini dan melakukan solat pada waktu apa jua sekalipun yang dia inginkan, sama ada pada waktu malam ataupun siang hari.*" (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi dan Ibn Hibhan)

Makna Hadis

Tanah suci Mekah adalah tempat turunnya rahmat dan merupakan tempat paling suci untuk beribadah kepada Allah (s.w.t). Di dalamnya Allah telah menjadikan Baitul Haram (Ka'bah) sebagai tempat manusia berhimpun dan tempat yang aman. Allah telah mensyariatkan ibadah tawaf di dalamnya dan menjadikannya sebagai kiblat solat serta pusat kegiatan amal ibadah. Maka di tempat itu tidak pernah kosong sesaat pun, sama ada pada waktu malam ataupun pada waktu siang hari, melainkan di dalamnya terdapat hamba-hamba Allah yang sedang memohon perlindungan kepada Allah dan bertawaf di sekelilingnya serta mengerjakan solat di sisinya. Oleh itu, Islam membolehkan tawaf dan solat di dalamnya pada bila-bila masa. Kemudian Rasulullah (s.a.w) menyeru Bani Abd Manaf dan Bani al-Mutthallib memandangkan mereka yang bertanggungjawab memelihara Ka'bah. Baginda menyeru mereka untuk tidak melarang sesiapa pun yang hendak melakukan tawaf di Baitullah atau mengerjakan solat di sisinya.

Analisis Lafaz

“طَافَ بِهَذَا الْبَيْتِ”, melakukan tawaf di Ka’bah.

“وَصَلَّى”, dan mengerjakan solat di Baitullah. Tetapi makna yang dimaksudkan di sini ialah seluruh kawasan tanah suci yang mencakupi kesemua sempadannya, bukan hanya terbatas pada Masjidil Haram sahaja.

“أَيَّةَ سَاعَةٍ”, pada waktu apa pun. Janganlah kamu mencegah sesiapa pun yang hendak memasuki masjid untuk bertawaf dan bersolat pada waktu apapun. Ibn Majah dan al-Nasa’i telah membuat satu bab tersendiri mengenai masalah ini dengan judul “Hadis yang Memberikan Keringanan Mengerjakan Solat di Mekah dalam Waktu Apa jua Sekalipun.”

Fiqh Hadis

Tidak dimakruhkan mengerjakan tawaf dan solat di Baitullah pada waktu apa jua sekalipun, sama ada malam ataupun siang hari. Ini tidak hanya khusus untuk mengerjakan dua rakaat tawaf, melainkan mencakupi seluruh solat sunat menurut pendapat Imam al-Syafi’i. Namun Jumhur ulama membantah pendapatnya ini dengan mengemukakan hadis-hadis yang melarang mengerjakan solat sunat pada waktu yang terlarang seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini, kerana mereka lebih mengutamakan hadis-hadis yang melarangnya. Sedangkan mazhab Hanbali pula membolehkan solat dua rakaat tawaf secara mutlak, kerana berlandaskan kepada makna zahir hadis ini, tetapi mereka melarang mengerjakan solat sunat pada waktu-waktu yang terlarang selain solat sunat tersebut.

Periwayat Hadis

Jubair ibn Muth’im ibn Adi ibn Naufal ibn Abd Manaf al-Naufali, nama panggilannya Abu Muhammad al-Madani, masuk Islam sebelum perang Hunain. Beliau telah meriwayatkan 60 hadis. Kedua-dua anaknya -Muhammad dan Nafi’ telah mengambil riwayat daripadanya, begitu pula Sulaiman ibnu Shurad, Ibn al-Musayyab dan sejumlah ulama yang lain.

Jubair ibn Muth’im seorang yang penyantun, berwibawa dan memiliki ilmu pengetahuan yang luas tentang ilmu nasab. Ibn Ishaq menceritakan bahawa Nabi (s.a.w) pernah memberinya seratus ekor unta. Beliau meninggal dunia pada tahun 59 Hijriah di Madinah.

١٣٧- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الشَّفَقُ الْحُمْرَةُ". رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَصَحَّحَ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَغَيْرُهُ وَقْفَهُ عَلَى ابْنِ عُمَرَ.

137. Daripada Ibn Umar (r.a) daripada Nabi (s.a.w) pernah bersabda: “*Syafaq (mega) itu merah.*” (Diriwayatkan oleh al-Daraquthni dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah, sedangkan yang lain pula menilainya sebagai mawquf kepada Ibn

Umar).

Makna Hadis

Malaikat Jibril turun, lalu mengajarkan kepada Nabi (s.a.w) waktu-waktu solat melalui praktik secara langsung bagi memastikan pengaruhnya lebih berkesan. Nabi (s.a.w) mengerjakan solat bersamanya pada hari pertama sebaik waktu tiba, sedangkan pada hari kedua pada akhir waktu, lalu Jibril (a.s) mengatakan kepadanya bahawa di antara kedua-duanya itu adalah waktu solat yang di dalamnya ia mesti dikerjakan.

Malaikat Jibril mengerjakan solat Maghrib selama dua hari itu pada waktu yang sama. Oleh itu, Imam al-Syafi'i dalam *qaul jadid*-nya mengatakan bahawa waktu solat Maghrib itu tidak lama, sedangkan ulama yang lain pula mengatakan bahawa waktu solat Maghrib panjang hingga tenggelamnya mega merah. Pendapat yang kedua inilah yang lebih kuat untuk memberikan kemudahan kepada hamba-hamba Allah di samping ia selaras dengan makna zahir hadis ini.

Analisis Lafaz

"الشَّفَقُ", sisa cahaya merah yang masih kelihatan di ufuk barat.

Hadis ini merupakan penggalan pertama yang kelanjutannya adalah seperti berikut:

فَإِذَا غَابَ الشَّفَقُ وَجَبَتِ الصَّلاَةُ.

"*Apabila mega merah tenggelam, maka habislah waktu solat (Maghrib).*"

Fiqh Hadis

Permulaan waktu solat Maghrib ialah tenggelamnya matahari, sedangkan akhir waktunya berpanjangan hingga tenggelamnya mega merah di ufuk barat.

١٣٨- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْفَجْرُ فَجْرَانِ: فَجْرٌ يُحَرِّمُ الطَّعَامَ وَتَحِلُّ فِيهِ الصَّلاَةُ، وَفَجْرٌ تَحْرُمُ فِيهِ الصَّلاَةُ - أَيْ: صَلاَةُ الصُّبْحِ - وَيَحِلَّ فِيهِ الطَّعَامُ". رَوَاهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَالْحَاكِمُ، وَصَحَّحَاهُ.

وَلِلْحَاكِمِ فِي حَدِيثِ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ نَحْوُهُ، وَزَادَ فِي الَّذِي يُحَرِّمُ الطَّعَامَ: "إِنَّهُ يَذْهَبُ مُسْتَطِيلاً فِي الْأُفُقِ". وَفِي الْآخَرِ: "إِنَّهُ كَذَنَبِ السِّرْحَانِ".

138. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Fajar itu ada dua jenis, iaitu: fajar yang mengharamkan makan, tetapi dihalalkan mengerjakan solat di dalamnya dan fajar yang diharamkan mengerjakan solat (Subuh) di dalamnya, tetapi dihalalkan makan di dalamnya.*" (Diriwayatkan oleh Ibn Khuzaimah dan al-Hakim; kedua-duanya menilai hadis ini sebagai sahih)

Menurut al-Hakim melalui hadis Jabir disebutkan lafaz hadis yang serupa, tetapi ditambahkan di dalam fajar yang mengharamkan makan seperti berikut: "*Sesungguhnya cahayanya memanjang di ufuk.*" Sedangkan mengenai fajar lain

yang mengharamkan solat tetapi menghalalkan makan disebutkan seperti berikut: "*Sesungguhnya fajar (yang mengharamkan solat Subuh dan menghalalkan makan sahur) itu bentuknya seperti ekor serigala.*"

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) telah membuat istilah khusus dengan menggunakan beberapa lafaz untuk menunjukkan pengertian-pengertian yang berkaitan dengan hukum syariat secara khusus sesuai dengan istilah yang digunakannya itu sehingga dengannya dapat diambil beberapa kesimpulan hukum di samping mengingatkan umat Islam supaya mengambil berat terhadapnya. Antaranya adalah lafaz *al-fajr*. Makna fajar menurut bahasa ialah munculnya cahaya yang memanjang seperti ekor serigala di tengah langit. Fajar seperti ini tidak mengharamkan makan bagi orang yang hendak berpuasa dan waktu solat Subuh masih belum tiba, dan dikenali dengan istilah *fajar kadzib*. Inilah istilah yang pertama. Istilah yang kedua ialah *fajar shadiq*, iaitu fajar yang sinarnya menyebar yang apabila ia muncul, maka haram makan bagi orang yang hendak berpuasa dan halal mengerjakan solat, yakni waktu solat Subuh sudah tiba.

Analisis Lafaz

"الْفَجْرُ", menurut bahasa ialah lafaz *musytarak*, iaitu lafaz yang mempunyai dua erti, di mana makna yang satu bertentangan dengan makna yang kedua, meskipun kedua-duanya sama-sama menunjukkan waktu.

"فَجْرٌ يُحَرِّمُ الطَّعَامَ", fajar yang mengharamkan makan bagi orang yang hendak bepuasa dan inilah yang dikenali dengan nama *fajar shadiq*.

"تَحِلُّ فِيهِ الصَّلاَةُ", dengan munculnya fajar ini maka masuklah waktu wajib solat Subuh.

"تَحْرُمُ فِيهِ الصَّلاَةُ", apa yang dimaksudkan di sini ialah solat Subuh. Di dalam hadis ini ditafsirkan solat Subuh supaya tidak wujud sangkaan bahawa apa yang diharamkan itu adalah seluruh solat secara mutlak.

"نَحْوُهُ", hadis yang serupa dengan hadis Ibn Abbas (r.a) yang lafaznya berbunyi seperti berikut:

الْفَجْرُ فَجْرَانِ: فَأَمَّا الْفَجْرُ الَّذِي يَكُوْنُ كَذَنَبِ السِّرْحَانِ فَلاَ يُحِلُّ الصَّلاَةَ وَلاَ يُحْرِمُ فِيْهِ الطَّعَامُ، وَأَمَّا الَّذِي يَذْهَبُ مُسْتَطِيْلاً فِي الْأُفُقِ فَإِنَّهُ يُحِلُّ الصَّلاَةَ، وَيُحَرِّمُ الطَّعَامَ.

"*Fajar itu ada dua jenis, iaitu: fajar yang bentuknya sama seperti ekor serigala, maka tidak halal mengerjakan solat dan tidak haram makan pada saat itu. Manakala fajar yang bentuknya memanjang di ufuk pula dihalalkan untuk mengerjakan solat dan haram makan (bagi orang yang hendak berpuasa).*"

"مُسْتَطِيلاً", memanjang.

"وَفِي الْآخَرِ", mengenai fajar lain yang tidak halal mengerjakan solat di dalamnya dan tidak haram makan pada waktu itu.

"السِّرْحَانِ", serigala. Makna yang dimaksudkan ialah tampak meninggi di langit,

seperti tiang. Di antara kedua fajar itu terdapat selang waktu hingga fajar yang kedua tampak jelas. Hal ini untuk menjelaskan kepada kita permulaan waktu fajar shadiq atau fajar yang sesungguhnya.

Fiqh Hadis

Fajar menurut bahasa ialah suatu lafaz yang memiliki dua pengertian waktu.

Tanda fajar pertama adalah munculnya seberkas cahaya yang bentuknya seperti ekor serigala dan melintang tinggi di atas langit persis seperti tiang. Ketika itu makan (sahur) masih (bagi seseorang yang hendak berpuasa) dibolehkan dan waktu solat Subuh masih belum tiba.

Tanda fajar kedua ialah munculnya sinar yang memanjang di ufuk. Itu merupakan tanda haram makan bagi orang yang hendak berpuasa dan waktu Subuh sudah pun tiba.

١٣٩- وَعَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَفْضَلُ ٱلأَعْمَالِ الصَّلاَةُ فِي أَوَّلِ وَقْتِهَا". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَاهُ. وَأَصْلُهُ فِي "الصَّحِيحَيْنِ".

139. Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Amal perbuatan yang paling afdhal ialah mengerjakan solat pada awal waktunya.*" (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan al-Hakim; kedua-duanya menilai hadis ini sahih. Hadis ini asalnya di dalam Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim)

Makna Hadis

Ibn Mas'ud (r.a) pernah bertanya kepada Rasulullah (s.a.w) mengenai amal perbuatan yang paling disukai oleh Allah dengan tujuan beliau ingin segera mengerjakannya dengan harapan kelak memperoleh bahagian kurnia Allah dan keredhaan-Nya. Maka Rasulullah (s.a.w) bersabda kepadanya: "Amal perbuatan yang paling disukai oleh Allah ialah mengerjakan solat tepat pada waktunya."

Ibn Mas'ud ingin mengetahui amalan selanjutnya yang juga termasuk amal yang diutamakan, kerana beliau ingin mengerjakannya. Beliau bertanya, "Kemudian apa lagi?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Berbakti kepada kedua ibu bapa dan berbuat baik kepada keduanya."

Ibn Mas'ud (r.a) mengemukakan soalan ketiga, lalu Rasulullah (s.a.w) menjawabnya: "Berjihad di jalan Allah." Keinginan Ibn Mas'ud untuk menambahkan amal kebaikan telah mendorongnya untuk mengemukakan soalan berikutnya, tetapi beliau khuatir Rasulullah (s.a.w) bosan dan jemu dengan soalan yang bakal diajukannya, lalu beliau berdiam diri dan tidak mengajukan soalan lain setelah itu. Seandainya Ibn Mas'ud terus bertanya, nescaya Rasulullah (s.a.w) pasti menjawabnya, kerana baginda adalah seorang yang bersifat santun, ihsan, memiliki hikmah dan diberi kemampuan menjawab pelbagai persoalan.

Analisis Lafaz

"وَأَصْلُهُ فِي "الصَّحِيحَيْنِ", hadis ini asalnya ada dalam Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim yang lengkapnya adalah seperti berikut:

عَنْ أَبِيْ عَمْرٍو الشَّيْبَانِيِّ قَالَ حَدَّثَنِي صَاحِبُ هَذِهِ الدَّارِ وَأَشَارَ بِيَدِهِ إِلَى دَارِ عَبْدِ اللهِ ابْنِ مَسْعُوْدٍ قَالَ: سَأَلْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَيُّ الْأَعْمَالِ أَحَبُّ إِلَى اللهِ؟ قَالَ: الصَّلاَةُ عَلَى وَقْتِهَا، قَالَ: ثُمَّ أَيٌّ؟ قَالَ: ثُمَّ بِرُّ الْوَالِدَيْنِ، قَالَ: ثُمَّ أَيٌّ؟ قَالَ: الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللهِ، قَالَ: حَدَّثَنِي بِهِنَّ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَوْ اسْتَزَدْتُهُ لَزَادَنِي.

"Daripada Abu 'Amr al- Syaibani berkata bahwa pemilik rumah ini telah bercerita kepadaku seraya mengisyaratkan kepada rumah Ibn Mas'ud (r.a): "Aku pernah bertanya kepada Rasulullah (s.a.w): "Amal perbuatan apakah yang paling disukai oleh Allah?" Baginda menjawab: "Mengerjakan solat tepat pada waktunya." Ibnu Mas'ud bertanya lagi: "Kemudian apa lagi?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Berbakti kepada kedua ibu bapa." Ibn Mas'ud bertanya lagi: "Kemudian apa lagi?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Berjihad di jalan Allah." Ibn Mas'ud berkata: "Rasulullah (s.a.w) telah menceritakan semua itu kepadaku dan seandainya aku menambah soalanku, nescaya baginda pasti menambah jawapannya kepadaku"." (Muttafaq 'alaih)

"أَفْضَلُ الْأَعْمَالِ", makna yang dimaksudkan di sini ialah amal jasmani. Adapun amalan yang paling utama secara mutlak adalah beriman kepada Allah, kerana ia pokok segala amal perbuatan. Oleh itu, dalam sesetengah riwayat disebutkan: "Beriman kepada Allah."

"الصَّلاَةُ عَلَى وَقْتِهَا", menurut riwayat lain disebutkan "فِي أَوَّلِ وَقْتِهَا", yang maksudnya solat di awal waktunya. Menurut riwayat yang lain lagi disebutkan pula "الصَّلاَةُ لِوَقْتِهَا", yang maksudnya solat pada waktunya. Rahsia yang terkandung di dalam riwayat yang mengatakan "عَلَى وَقْتِهَا" 'alaa waqtihaa memastikan solat itu benar-benar dikerjakan pada waktunya supaya semangat yang membara untuk mengerjakannya tidak mengakibatkan solat itu dilakukan sebelum waktunya.

"بِرُّ الْوَالِدَيْنِ", *al-birru* ertinya berbuat baik kepada kedua ibu bapa, berbakti kepada keduanya, tidak menyakiti keduanya dan tidak pula berbuat jahat terhadap keduanya.

"ثُمَّ أَيٌّ", lafaz *ayyun* adalah *isim istifham* yang berkedudukan sebagai *mubtada'*, sedangkan *khabar*-nya dibuang. Bentuk lengkapnya ialah "أي الأعمال أفضل" (Amal apa lagi yang lebih utama?).

"الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللهِ", untuk memperjuangkan kalimah Allah (s.w.t) dan menegakkan syiar-syiar Islam meskipun harus mengorbankan jiwa dan harta benda.

"اسْتَزَدْتُهُ", seandainya aku bertanya lagi kepadanya.

Fiqh Hadis

1. Amal kebajikan mempunyai keutamaan masing-masing ke atas amal kebajikan lain di sisi Allah.

2. Anjuran untuk memelihara solat lima waktu dengan mengerjakannya pada awal waktunya.
3. Menghormati kedua ibu bapa sekali gus menjelaskan keutamaan berbakti kepada kedua ibu bapa.
4. Keutamaan berjihad di jalan Allah.
5. Perhatian para sahabat untuk sentiasa taat dan memperoleh redha Allah (s.w.t). Mereka berlumba-lumba untuk meraih ganjaran pahala Allah. Oleh itu, mereka menanyakan amal perbuatan yang paling utama.
6. Disyariatkan bertanya kepada orang alim tentang pelbagai macam masalah dalam waktu yang bersamaan kerana ingin memperoleh faedah, dan dibolehkan mengulang-ulang soalan.
7. Berbelas kasihan kepada orang alim dengan tidak mengemukakan soalan yang banyak dan berjela-jela kepadanya kerana dikhuatiri dia bosan untuk menjawabnya.

Periwayat Hadis

Abu 'Amr al-Syaibani ialah Sa'id ibn Iyas al-Kufi. Beliau masih menjumpai masa Nabi (s.a.w), tetapi tidak sempat bersua dengannya. Beliau dianggap *tsiqah* oleh Ibn Mu'in dan telah meriwayatkan hadis daripada Ali bin Abu Thalib dan Ibn Mas'ud. Beliau meninggal dunia pada tahun 95 Hijriah dalam usia 120 tahun.

١٤٠- عَنْ أَبِي مَحْذُورَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أَوَّلُ الْوَقْتِ رِضْوَانُ اللهُ، وَأَوْسَطُهُ رَحْمَةُ اللهِ، وَآخِرُهُ عَفْوُ اللهِ". أَخْرَجَهُ الدَّارَقُطْنِيُّ بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ جِدًّا.

وَلِلتِّرْمِذِيِّ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عُمَرَ نَحْوُهُ دُونَ الْأَوْسَطِ، وَهُوَ ضَعِيفٌ أَيْضًا.

140. Daripada Abu Mahdzurah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Permulaan waktu adalah redha Allah, pertengahannya adalah rahmat Allah dan akhirnya ialah ampunan Allah.*" (Diriwayatkan oleh al-Daruquthni dengan sanad yang sangat lemah)

Al-Tirmizi turut mengemukakan hadis yang seumpama dengannya melalui Ibn 'Umar, tanpa menyebutkan 'waktu yang pertengahan', tetapi sanad hadisnya tetap dinilai dha'if.

Makna Hadis

Ketetapan Rasulullah (s.a.w) tentang waktu tertentu untuk ibadah menunjukkan betapa baginda amat mengambil berat soal ibadah malah baginda mementingkannya di atas segala-galanya. Oleh itu, seorang mukallaf yang bersegera mengerjakan ibadah pada permulaan waktunya berhak untuk mendapat redha Allah dan redha Allah merupakan anugerah yang paling tinggi, seperti mana yang ditegaskan di dalam firman-Nya:

..... وَرِضۡوَٰنٞ مِّنَ ٱللَّهِ أَكۡبَرُۚ ذَٰلِكَ هُوَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ﴿٧٢﴾

"… *Dan keredhaan Allah adalah lebih besar; itu adalah keberuntungan yang besar.*" (Surah al-Taubah: 72)

Jika seseorang mengerjakannya pada pertengahan waktu, maka dia berhak untuk mendapat rahmat Allah dan orang yang mengerjakannya pada akhir waktu hingga menjelang lewat waktunya berhak mendapat ampunan Allah dan ampunan ini pasti berkaitan dengan dosa.

Analisis Lafaz

"أَوَّلُ الْوَقْتِ", permulaan waktu solat. Maksudnya ialah solat fardu.

"بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ جِدًّا", dengan sanad yang teramat lemah, kerana hadis ini berasal daripada riwayat Ya'qub ibn al-Walid. Imam Ahmad mengatakan bahawa dia termasuk seorang pendusta besar. Ibn Mu'in menganggapnya sebagai pendusta, sedangkan Ibn Hibban mengatakan sebagai pembuat hadis mawdhu'.

"نَحْوُهُ", hadis yang semisal dengannya di mana ia turut menyebut permulaan waktu dan akhir waktu, meskipun tidak disebutkan pertengahan waktu. Lafaz hadisnya adalah seperti berikut:

أَوَّلُ الْوَقْتِ رِضْوَانُ اللهِ وَآخِرُهُ عَفْوُ اللهِ.

"*Permulaan waktu merupakan redha Allah dan akhir waktu adalah ampunan Allah.*"

"وَهُوَ ضَعِيفٌ أَيْضًا", hadis ini pun dha'if kerana berasal daripada riwayat Ya'qub ibn al-Walid.

Fiqh Hadis

Membuktikan adanya *al-mufadhalah* (perbezaan keutamaan) dalam bahagian-bahagian waktu solat. Permulaan waktu merupakan yang paling utama kerana seseorang yang mengerjakannya berhak memperoleh redha Allah, dan waktu pertengahan pula ialah mengandungi rahmat Allah, sedangkan waktu paling akhir pula mengandungi ampunan Allah; ampunan ini tidak lain disebabkan adanya dosa.

Periwayat Hadis

Abu Mahdzurah al-Jumahi al-Makki. Nama aslinya dan nama ayahnya masih diperselisihkan oleh ulama kepada beberapa pendapat. Menurut satu pendapat yang paling benar, beliau adalah Samurah ibn Mu'in, masuk Islam pada tahun pembukaan kota Mekah dan menetap di Mekah hingga meninggal dunia. Beliau menjadi juru azan solat di Mekah. Beliau mempunyai beberapa hadis, kemudian riwayatnya diambil oleh anaknya yang bernama Abdul Malik dan juga oleh Ibn Muhairiz. Al-Tabarani mengatakan bahawa beliau meninggal dunia pada tahun 59

١٤١- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لاَ صَلاَةَ بَعْدَ الْفَجْرِ إِلاَّ سَجْدَتَيْنِ". أَخْرَجَهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ النَّسَائِيَّ.

وَفِي رِوَايَةِ عَبْدِ الرَّزَّاقِ: "لاَ صَلاَةَ بَعْدَ طُلُوعِ الْفَجْرِ إِلاَّ رَكْعَتَيِ الْفَجْرِ". وَمِثْلُهُ لِلدَّارَقُطْنِيّ عَنِ ابْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ.

141. Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Tidak ada solat sesudah fajar terbit kecuali dua rakaat.*" (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, kecuali al-Nasa'i)

Menurut riwayat Abdurrazzaq disebutkan: "*Tidak ada solat sesudah fajar terbit kecuali dua rakaat (sunat) fajar.*"

Hadis yang seumpamanya turut diriwayatkan pula oleh al-Daruquthni melalui 'Amr ibn al-'Ash (r.a).

Makna Hadis

Dimakruhkan mengerjakan solat sunat sesudah fajar terbit, selain sunat fajar, supaya hal itu tidak mengakibatkan permulaan waktu terlepas dan orang awam tidak meyakini akan kewajipan mengerjakan solat lain pada saat itu. Sekumpulan ulama malah mengharamkan solat sunat sesudah fajar terbit kecuali sunat fajar kerana berpegang dengan makna zahir *nafi* yang bermaksud larangan. Namun ketika berada di tanah suci Mekah, Imam al-Syafi'i membolehkan solat sunat di dalamnya secara mutlak tanpa sebarang sekatan.

Analisis Lafaz

"بَعْدَ الْفَجْرِ", sesudah fajar terbit

"إِلاَّ سَجْدَتَيْنِ", kecuali dua rakaat fajar, iaitu *raghibah al-fajr*.

"وَمِثْلُهُ لِلدَّارَقُطْنِيِّ", sama seperti hadis Ibn Umar di mana beliau mentafsirkannya dengan makna *ba'da al-fajri*. Ini merupakan salah satu waktu yang dilarang mengerjakan solat di dalamnya.

Fiqh Hadis

Haram mengerjakan solat sunat sesudah fajar terbit sebelum mengerjakan solat Subuh, kecuali solat sunat fajar.

١٤٢- وَعَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "صَلَّى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعَصْرَ، ثُمَّ دَخَلَ بَيْتِي، فَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ، فَسَأَلْتُهُ، فَقَالَ: "شُغِلْتُ عَنْ رَكْعَتَيْنِ بَعْدَ الظُّهْرِ، فَصَلَّيْتُهُمَا الْآنَ"، قُلْتُ: أَفَنَقْضِيهِمَا إِذَا فَاتَتْنَا؟ قَالَ: "لاَ". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ. وَلِأَبِي دَاوُدَ عَنْ عَائِشَةَ بِمَعْنَاهُ.

142. Daripada Ummu Salamah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat Asar, kemudian baginda memasuki rumahku, lalu mengerjakan

solat dua rakaat. Melihat itu, aku bertanya kepadanya. Baginda menjawab: "Aku sibuk hingga tidak sempat mengerjakan dua rakaat sesudah Zohor. Jadi aku mengerjakannya sekarang." Aku bertanya: "Apakah kami boleh mengqadha' keduanya apabila kami tidak sempat mengerjakan keduanya itu?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Tidak (boleh)." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad) Riwayat yang dikemukakan oleh Imam Abu Dawud melalui Aisyah menyebutkan pula hadis yang sama makna dengannya.

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) mempunyai keistimewaan hukum tersendiri yang diberikan oleh Allah kepadanya untuk memuliakannya ke atas umat sekali gus memberitahu keutamaannya yang amat besar. Di antara keistimewaan itu adalah kewajipan mengerjakan solatul lail dan jika baginda mengerjakan suatu amalan sunat pada suatu waktu, baginda wajib menyempurnakannya dan tidak boleh meninggalkannya pada masa-masa selanjutnya.

Analisis Lafaz

"فَسَأَلْتُهُ", maka aku bertanya kepadanya. Soalannya itu menunjukkan bahawa Rasulullah (s.a.w) belum pernah mengerjakan solat tersebut sebelum itu di dalam rumahnya, sedangkan Ummu Salamah mengetahui tentang larangan mengerjakan solat pada waktu tersebut dan oleh kerananya, beliau bertanya kepada baginda.

"شُغِلْتُ عَنْ رَكْعَتَيْنِ بَعْدَ الظُّهْرِ", perkara yang menyebabkan baginda sibuk adalah kerana baginda menyambut kedatangan delegasi Bani Abdul Qais. Riwayat yang dikemukakan oleh al-Tirmizi melalui Ibn Abbas (r.a) menyebutkan bahawa Nabi (s.a.w) didatangkan harta (fai'). Baginda sibuk mengurusnya hingga tidak sempat mengerjakan solat sunat dua rakaat sesudah Zohor.

Dalam riwayat yang dikemukakan oleh Abu Dawud melalui Aisyah (r.a) disebutkan hadis yang sama makna dengannya. Lafaznya adalah seperti berikut:

... أَنَّهُ صَلَّى اللهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُصَلِّي بَعْدَ الْعَصْرِ وَيَنْهَى عَنْهَا وَيُوَاصِلُ وَيَنْهَى عَنْ الْوِصَالِ.

"*Rasulullah (s.a.w) pernah mengerjakan solat (sunat) sesudah Asar, padahal baginda melarangnya. Baginda pernah melakukan puasa wishal, padahal baginda melarang puasa wishal.*"

Al-wishal adalah meneruskan puasa yang bermula dari siang hari hingga ke malam hari dan kemudian disambung dengan hari berikutnya tanpa makan sahur ataupun berbuka.

Fiqh Hadis

1. Dilarang mengqadha' solat sunat sesudah Asar. Ia dibolehkan sebagai keistimewaan khusus Rasulullah (s.a.w).

2. Makruh melakukan puasa *wishal*. Namun, Rasulullah (s.a.w) dibolehkan melakukannya sebagai suatu kekhususan baginya.
3. Jika seseorang melihat orang yang lebih tua atau lebih muda daripadanya melakukan satu pelanggaran, maka hendaklah dia bertanya kepadanya.
4. Orang yang ditanya, betapa pun tinggi kedudukannya, mesti menjawab soalan orang yang bertanya bagi menenangkan hatinya sekali gus menghilangkan segala bentuk keraguan yang ada dalam hatinya.

Kesimpulan

Hadis-hadis yang dihimpun dalam bab ini menunjukkan kepada beberapa kesimpulan berikut:

1. Menjelaskan waktu-waktu solat fardu yang lima, waktu-waktu yang dilarang di dalamnya mengkebumikan jenazah dan mengerjakan solat sunat, waktu-waktu yang sebahagian di antaranya mempunyai keutamaan ke atas sebahagian yang lain, dan sebaik-baik amalan adalah mengerjakan solat pada awal waktunya.
2. Disunatkan mengerjakan solat Asar dan solat Subuh pada awal waktunya, mengakhirkan pelaksanaan solat Zohor apabila cuaca masih sangat terik, mengakhirkan solat Isyak, dan mengumandangkan dua kali azan untuk solat Subuh; setiap azan mengandungi tujuan tertentu dan kedua azan tersebut mestilah dipisahkan dengan waktu tertentu pula.
3. Makruh tidur sebelum mengerjakan solat Isyak dan berborak-borak sesudahnya kecuali ada kemaslahatan. Makruh mengerjakan solat sunat pada waktu-waktu yang dilarang mengerjakan solat sunat di dalamnya. Mengqadha' solat sunat hanya dikhususkan kepada Rasulullah (s.a.w). Makruh melakukan puasa *wishal*. Akan tetapi, puasa *wishal* dibolehkan bagi Rasulullah (s.a.w) sebagai satu keistimewaan baginya.
4. Tidak dilarang melakukan tawaf dan solat sunat tawaf dalam waktu apa jua sekalipun.

Soalan

1. Apakah takrif solat menurut bahasa dan syariat?
2. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: "ميقات", "الشَّفَقُ", "الشَّمْسُ مُرْتَفِعَةٌ", "الشَّمْسُ حَيَّةٌ", "تَزُولَ الشَّمْسُ", "قَائِمُ الظَّهِيرَةِ", "بَازِغَةً", "عَامَّةُ اللَّيْلِ", "أَعْتَمَ", "اِنْشَقَّ الْفَجْرُ", "غَلَسٍ", "يَنْفَتِلُ", "رَحْلِهِ", "تَتَضَيَّفُ", dan "الشَّفَقُ"!
3. I'rabkan kalimat "وَالشَّمْسُ بَيْضَاءُ نَقِيَّةٌ" dan jelaskan maknanya!
4. Terangkan waktu-waktu solat fardu yang lima!
5. Apakah yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) bersama para sahabatnya ketika hendak mengerjakan solat Isyak?
6. Bilakah waktu solat Maghrib yang paling afdhal?
7. Terangkan makna "وَإِنَّهُ لَيُبْصِرُ مَوَاقِعَ نَبْلِهِ"!
8. Bilakah waktu solat Isyak yang paling afdhal dan mengapa waktu yang paling

utama ini ditinggalkan oleh Nabi (s.a.w)?

9. Apakah makna *al-Ibrad* dalam solat Zohor? Bagaimana hukumnya? Dan sebutkanlah hikmahnya!
10. Mengakhirkan pelaksanaan solat Zohor tentu bercanggah dengan keutamaan mengerjakan solat di awal waktunya. Bagaimanakah jawapan dan sikap anda mengenai masalah ini?
11. Apakah *al-Ibrad* dalam solat Zohor turut boleh dilakukan oleh seseorang yang mengerjakan solat secara bersendirian dan orang yang mengerjakan solat di dalam rumahnya?
12. Apakah makna *al-Ishabah* di dalam kalimat "أَصْبِحُوا بِالصُّبْحِ فَإِنَّهُ أَعْظَمُ لأُجُورِكُمْ"? Terangkan pendapat ulama tentang masalah *al-Ishbah* tersebut! Apakah makna huruf *fa'* pada kalimat "فَإِنَّهُ"?
13. Bilakah solat itu disebut *ada'an* dan bilakah pula disebut *qadha'an*?
14. Bincangkan kurnia Allah (s.w.t) yang telah dianugerahkan ke atas hamba-hamba-Nya!
15. Bagaimanakah hukum orang yang mempunyai halangan apabila halangan-halangan tersebut sudah tidak lagi wujud?
16. Jelaskan waktu-waktu yang dilarang melakukan solat sunat di dalamnya dan sebutkan hikmahnya!
17. Terangkan waktu-waktu yang dilarang mengkebumikan jenazah dan sebutkan rahsianya!
18. Apakah hukum mengerjakan solat sunat ketika matahari berada di tengah-tengah langit pada hari Jumaat?
19. Bagaimanakah hukum mengerjakan solat fardu pada waktu-waktu yang dilarang mengerjakan solat sunat?
20. Bagaimanakah hukum solat sunat di tanah suci Mekah pada waktu-waktu yang dimakruhkan? Jelaskan pendapat-pendapat ulama mengenai masalah ini, dan sebutkan hikmah tidak ada larangan di sisi ulama yang mengatakannya!
21. Mengapa Nabi (s.a.w) hanya mengkhususkan seruannya kepada Bani Abd Manaf sahaja?
22. Apakah waktu Maghrib panjang? Sebutkan dalil ulama yang mengatakan demikian!
23. Apakah yang disebut fajar *kadzib* dan fajar *shadiq*? Jelaskan hukum-hukum yang berkaitan dengan keduanya! Apakah lafaz-lafaz itu mempunyai makna lain selain daripada makna bahasanya?
24. Apakah amalan yang paling utama secara mutlak?
25. Apakah amalan jasmani yang paling utama?
26. Apakah rahsia di sebalik ungkapan *'ala* dalam sabda Nabi (s.a.w): "الصَّلاَةُ عَلَى وَقْتِهَا"?
27. I'rabkan lafaz "ثُمَّ أَيٌّ"!
28. Apakah hikmah pembahagian waktu ibadah? Jelaskan apa yang bakal diperoleh oleh orang yang melakukan ibadah pada awal waktunya, pertengahan waktunya dan di akhir waktunya!
29. Bagaimanakah hukum mengerjakan solat (sunat) sesudah Asar? Apakah

pengkhususan yang diberikan kepada Rasulullah (s.a.w) dan sebutkan hikmah di sebalik pengkhususan tersebut!

BAB AZAN

١٤٣- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ زَيْدِ بْنِ عَبْدِ رَبِّهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "طَافَ بِي -وَأَنَا نَائِمٌ- رَجُلٌ فَقَالَ: تَقُولُ: "اَللهُ أَكْبَرُ اَللهُ أَكْبَرُ، فَذَكَرَ اْلآذَانَ - بِتَرْبِيعِ التَّكْبِيرِ بِغَيْرِ تَرْجِيعٍ، وَاْلإِقَامَةَ فُرَادَى، إِلاَّ قَدْ قَامَتِ الصَّلاَةُ - قَالَ: فَلَمَّا أَصْبَحْتُ أَتَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "إِنَّهَا لَرُؤْيَا حَقٍّ... الْحَدِيثَ". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ خُزَيْمَةَ.

وَزَادَ أَحْمَدُ فِي آخِرِهِ قِصَّةَ قَوْلِ بِلاَلٍ فِي آذَانِ الْفَجْرِ: "اَلصَّلاَةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ".

وَلِابْنِ خُزَيْمَةَ: عَنْ أَنَسٍ قَالَ: "مِنَ السُّنَّةِ إِذَا قَالَ الْمُؤَذِّنُ فِي الْفَجْرِ: حَيَّ عَلَى الْفَلاَحِ، قَالَ: الصَّلاَةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ".

143. Daripada Abdullah ibn Zaid ibn Abd Rabbihi (r.a), beliau berkata: "Seorang lelaki mengelilingiku ketika aku sedang tidur, lalu lelaki itu berkata: "Engkau ucapkan 'اَللهُ أَكْبَرُ'." Dia kemudian menyebutkan azan dengan takbir sebanyak empat kali tanpa *tarji'* (pengulangan) dan iqamah tanpa pengulangan kecuali kalimat Qad 'قَامَتِ الصَّلاَةُ'. Abdullah ibn Zaid melanjutkan kisahnya: "Pada keesokan harinya, aku datang menghadap Rasulullah (s.a.w) (dan menceritakan mimpiku itu), baginda bersabda: "Sesungguhnya itu adalah benar-benar mimpi yang hak," hingga akhir hadis. (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud, dan dinilai sahih oleh al-Tirmizi dan Ibn Khuzaimah)

Di dalam riwayat Imam Ahmad, kisah ucapan Bilal dalam azan solat Subuh ditambahkan dengan kalimat berikut: "اَلصَّلاَةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ" (Solat itu lebih baik daripada tidur).

Riwayat Ibn Khuzaimah pula dikemukakan melalui Anas (r.a) disebutkan seperti berikut: "Disunatkan apabila mu'azin mengucapkan 'حَيَّ عَلَى الْفَلاَحِ' ketika mengumandangkan azan solat Subuh, maka hendaklah setelah itu dia mengucapkan pula: "الصَّلاَةُ خَيْرٌ مِنَ النَّوْمِ."

Makna Hadis

Ketika tahun pertama Nabi (s.a.w) berhijrah ke Madinah, kekuatan kaum muslimin semakin mantap dan para pengikutnya kian bertambah ramai. Mereka mula bermusyawarah mengenai sesuatu yang patut mereka gunakan untuk memberitahu masuknya waktu solat yang dengan demikian mereka segera berkumpul di dalam untuk mengerjakan solat secara berjamaah.

Ada di antara mereka yang mencadangkan nyala api, loceng dan terompet, tetapi di antara sekian saranan tersebut tidak ada satu pun daripadanya yang dapat diterima, kerana kesemua itu merupakan syiar yang diambil daripada agama Majusi, Nasrani mahupun Yahudi. Setelah tidak memperoleh kata sepakat, mereka pun kembali pulang menuju tempat tinggal mereka masing-masing, sedangkan

mereka masih lagi memikirkan masalah yang mereka hadapi ini.

Abdullah ibn Zaid dalam mimpinya melihat seorang lelaki sedang membawa loceng. Abdullah berkata kepadanya: “Apakah engkau berminat menjual loceng itu?” Lelaki itu berkata: “Apa yang hendak engkau lakukan dengan loceng ini?” Abdullah menjawab: “Untuk menyeru kaum muslimin melakukan solat.” Lelaki itu berkata: “Mahukah engkau jika aku tunjukkan kepada sesuatu yang lebih baik daripada itu?” Abdullah menjawab: “Tentu.” Lelaki itu berkata: “Ucapkanlah, “Allahu Akbar, Allahu Akbar,” hingga akhir azan.”

Analisis Lafaz

“اْلآذَانَ”, menurut bahasa adalah pemberitahuan, sedangkan menurut syarak pula ialah pemberitahuan tentang masuknya waktu solat atau waktu sudah menghampiri waktu fajar dengan menggunakan zikir khusus. Azan disyariatkan di Madinah sesudah hijrah.

“اْلإِقَامَةَ”, *masdar* yang berasal dari perkataan “أقام” yang bermaksud mendirikan sedangkan menurut syarak pula adalah pemberitahuan untuk mendirikan solat (mengerjakannya) dengan zikir yang khusus.

“بِتَرْبِيعِ التَّكْبِيرِ”, dengan mengulangi bacaan takbir sebanyak empat kali.

“بِغَيْرِ تَرْجِيعٍ”, tanpa *tarji’* (pengulangan). Apa yang dimaksudkan dengan *tarji’* ialah mengulangi ucapan dua kalimat syahadat sebanyak dua kali dengan suara yang keras sesudah mengucapkan keduanya sebanyak dua kali dengan suara yang tidak kuat.

“فُرَادَى”, tanpa mengulangi bacaan kalimatnya.

“إِلاَّ قَدْ قَامَتِ الصَّلاَةُ”, kecuali kalimat “قَدْ قَامَتِ الصَّلاَةُ”, maka bacaannya diulangi sebanyak dua kali.

“إِنَّهَا لَرُؤْيَا حَقٌّ”, sesungguhnya mimpimu itu benar-benar mimpi yang hak, yakni mimpi yang benar.

“الْحَدِيثَ”, hingga akhir hadis. Hadis ini secara lengkapnya menurut riwayat yang dikemukakan oleh Abu Dawud melalui Muhammad ibn Abdullah ibn Zaid Abd Rabbih, bahawa ayahku telah menceritakan kepadaku hadis berikut:

لَمَّا أَمَرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالنَّاقُوسِ يُعْمَلُ لِيُضْرَبَ بِهِ لِلنَّاسِ لِجَمْعِ الصَّلاَةِ طَافَ بِي وَأَنَا نَائِمٌ رَجُلٌ يَحْمِلُ نَاقُوسًا فِي يَدِهِ، فَقُلْتُ: يَا عَبْدَ اللهِ، أَتَبِيعُ النَّاقُوسَ؟ قَالَ: وَمَا تَصْنَعُ بِهِ؟ فَقُلْتُ: نَدْعُو بِهِ إِلَى الصَّلاَةِ، قَالَ: أَفَلاَ أَدُلُّكَ عَلَى مَا هُوَ خَيْرٌ مِنْ ذَلِكَ؟ فَقُلْتُ لَهُ: بَلَى، فَقَالَ: تَقُولُ: اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ، أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ، حَيَّ عَلَى الصَّلاَةِ، حَيَّ عَلَى الصَّلاَةِ، حَيَّ عَلَى الْفَلاَحِ، حَيَّ عَلَى الْفَلاَحِ، اَللهُ أَكْبَرُ، اَللهُ أَكْبَرُ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ، ثُمَّ اسْتَأْخَرَ عَنِّي غَيْرَ بَعِيدٍ، ثُمَّ قَالَ: وَتَقُولُ: إِذَا أَقَمْتَ الصَّلاَةَ: اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ، حَيَّ عَلَى الصَّلاَةِ، حَيَّ عَلَى الْفَلاَحِ، قَدْ قَامَتْ الصَّلاَةُ، قَدْ قَامَتْ الصَّلاَةُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ، فَلَمَّا أَصْبَحْتُ أَتَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَخْبَرْتُهُ بِمَا رَأَيْتُ، فَقَالَ: إِنَّهَا لَرُؤْيَا حَقٌّ إِنْ شَاءَ اللهُ، فَقُمْ مَعَ بِلاَلٍ فَأَلْقِ عَلَيْهِ مَا رَأَيْتَ فَلْيُؤَذِّنْ بِهِ،

فَإِنَّهُ أَنْدَى صَوْتًا مِنْكَ، فَقُمْتُ مَعَ بِلَالٍ، فَجَعَلْتُ أُلْقِيهِ عَلَيْهِ وَيُؤَذِّنُ بِهِ، قَالَ: فَسَمِعَ ذَلِكَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ وَهُوَ فِي بَيْتِهِ فَخَرَجَ يَجُرُّ رِدَاءَهُ، وَيَقُولُ: وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ يَا رَسُولَ اللهِ لَقَدْ رَأَيْتُ مِثْلَ مَا أُرِيَ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

“Ketika Rasulullah (s.a.w) menyuruh supaya loceng digunakan untuk mengumpulkan orang ramai menuju tempat solat, maka dalam tidurku aku bermimpi bersua dengan seorang lelaki yang mengelilingiku. Dia membawa sebuah loceng di tangannya. Maka aku berkata: “Hai hamba Allah, apakah engkau bersedia menjual locengmu itu?” Lelaki itu berkata: “Apakah yang hendak engkau kerjakan dengan loceng ini?” Aku menjawab: “Kami ingin menggunakannya untuk menyeru kepada solat.” Lelaki itu berkata: “Mahukah engkau jika aku tunjukkan kepada sesuatu yang lebih baik daripada itu?” Aku menjawabnya: “Tentu.” Dia berkata: “Engkau ucapkan: ‘اللهُ أَكْبَرُ’, ‘اللهُ أَكْبَرُ’, ‘اللهُ أَكْبَرُ’. ‘أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ’, ‘أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ’. ‘أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ’, ‘أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ’. ‘حَيَّ عَلَى الصَّلاَةِ’, ‘حَيَّ عَلَى الصَّلاَةِ’. ‘حَيَّ عَلَى الْفَلاَحِ’, ‘حَيَّ عَلَى الْفَلاَحِ’. ‘اللهُ أَكْبَرُ’, ‘اللهُ أَكْبَرُ’. ‘لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ’.” Kemudian dia mundur dariku sedikit, lalu berkata: “Engkau ucapkan apabila hendak mendirikan solat, ‘اللهُ أَكْبَرُ’, ‘اللهُ أَكْبَرُ’. ‘أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ’. ‘أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ’. ‘حَيَّ عَلَى الصَّلاَةِ’. ‘حَيَّ عَلَى الْفَلاَحِ’. ‘قَدْ قَامَتْ الصَّلاَةُ’, ‘قَدْ قَامَتْ الصَّلاَةُ’. ‘اللهُ أَكْبَرُ’, ‘اللهُ أَكْبَرُ’. ‘لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ’.” Pada keesokan harinya, aku datang menghadap Rasulullah (s.a.w), lalu aku menceritakan kepadanya apa yang telah kumimpikan tadi malam. Mendengar itu, baginda bersabda: “Sesungguhnya mimpimu itu benar-benar mimpi yang hak. Sekarang bangkitlah kamu bersama Bilal dan ajarkan dahulu apa yang telah kamu ketahui itu kepadanya, kemudian suruhlah dia mengumandangkannya, kerana suaranya lebih keras daripada suara kamu.” Maka aku bangkit bersama Bilal dan aku mengajarkan kepadanya lafaz azan itu. setelah itu, dia menyerukannya (kepada orang ramai). Abdullah ibnu Zaid melanjutkan kisahnya: “Lalu lafaz itu kemudian didengar oleh Umar ibn al-Khaththab (r.a). Ketika itu dia berada di dalam rumahnya, lalu dia segera keluar seraya mengheret selendangnya dan berkata: “Demi Tuhan yang mengutusmu dengan kebenaran, wahai Rasulullah, sesungguhnya aku pun telah memimpikan hal yang sama.” Maka Rasulullah (s.a.w) bersabda: “Hanya milik Allah segala pujian itu.”

Muhammad ibn Abdullah ibn Zaid Abd Rabbih al-Ansari al-Madani, beliau mengambil riwayat daripada ayahnya dan Abu Mas’ud al-Badri. Nu’aim al-Mijmar dan Muhammad ibn Ibrahim al-Taimi mengambil riwayat daripadanya (Muhammad ibn Abdullah). Ibn Hibban menilainya sebagai seorang yang *tsiqah*.

“طَافَ بِي وَأَنَا نَائِمٌ”, aku merasakan ada seorang lelaki mengelilingiku ketika aku sedang tidur.

“أَفَلاَ أَدُلُّكَ”, huruf hamzah adalah hamzah istifham, sedangkan kalimat setelahnya dibuang. Bentuk lengkapnya adalah: “أترغب فيما تجمع به الناس للصلاة” (Mahukah engkau jika aku tunjukkan kepada sesuatu untuk mengumpulkan manusia menuju tempat solat?”

“قَالَ”, yakni lelaki yang membawa loceng itu berkata.

“اللهُ أَكْبَرُ”, Allah Maha Besar dari segala sesuatu. Azan dimulakan dengan kalimat Allahu Akbar, meskipun kalimat ini ringkas, namun ia menyatakan

kewujudan Zat-Nya dan semua kesempurnaan berhak disandang oleh Allah (s.w.t).

"أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ", aku bersaksi bahawa tidak ada tuhan yang wajib disembah dalam wujud ini kecuali hanya Allah semata.

"أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ", aku bersaksi bahwa Nabi Muhammad adalah pesuruh Allah.

"حَيَّ عَلَى الصَّلاَةِ", marilah kita solat. Lafaz *hayya* adalah *isim fi'il amar* dan di-*mabni*-kan ke atas baris *fathah* yang berada di atas huruf *ya'* yang di-*tasydid*-kan, maknanya "marilah!"

"حَيَّ عَلَى الْفَلاَحِ", *al-falah* bermaksud kejayaan dan kebahagiaan.

"اسْتَأْخَرَ عَنِّي", dia mundur dariku sedikit setelah mengajarkan azan kepadaku.

"إِنَّهَا لَرُؤْيَا حَقٌّ", sesungguhnya mimpi itu adalah mimpi yang benar. Nabi (s.a.w) menyatakan kebenaran mimpi tersebut kerana seperti apa yang telah diterangkan sebelum ini bahawa 'Umar (r.a) ketika mendengar azan di dalam mimpinya, beliau segera datang untuk memberitahukan itu kepada Nabi (s.a.w). Mendengar itu, Nabi (s.a.w) bersabda kepadanya: "Wahyu telah mendahuluimu."

"فَأَلْقِ عَلَيْهِ", maka hendaklah engkau mengajarkannya kepada Bilal perihal apa yang telah engkau mimpikan itu dan hendaklah dia yang mengumandangkan azan.

"فَإِنَّهُ أَنْدَى صَوْتًا مِنْكَ", suaranya lebih keras daripada suaramu.

"فَجَعَلْتُ أُلْقِيهِ عَلَيْهِ", maka aku mula mengajarkan kalimat azan kepada Bilal.

"فَخَرَجَ يَجُرُّ رِدَاءَهُ", maka keluarlah Umar seraya mengheret selendangnya. Di dalam riwayat al-Tirmizi disebutkan seraya menyisingkan kainnya. Apa yang dimaksudkan dengan kain di sini ialah selendang, kerana kain sememangnya berada dalam keadaan diikat supaya aurat orang yang memakainya tidak kelihatan.

"مِثْلَ مَا أُرِيَ", huruf hamzah dibaca dengan baris *dhammah* dalam bentuk *mabni li al-majhul*, sedangkan *na'ib al-fa'il*-nya pula ialah *dhamir* yang merujuk kepada Abdullah ibn Zaid. Bentuk asalnya ialah "أراه الله تعالى", yakni seperti apa yang diperlihatkan oleh Allah kepadanya.

Imam Ahmad menambahkan di akhir hadis Abdullah Ibn Zaid ini yang dikaitkan dengan riwayat Bilal mengenai kisah perkataan Bilal dalam azan solat Subuh: "الصلاة خير من النوم." Ini berlandaskan kepada hadis al-Tirmizi melalui Bilal (r.a) yang menceritakan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

لاَ تُثَوِّبَنَّ فِي شَيْءٍ مِنَ الصَّلاَةِ إِلاَّ فِي صَلاَةِ الْفَجْرِ.

"*Jangan sekali-kali kamu mengucapkan tatswib* (الصلاة خير من النوم) *dalam mana-mana solat kecuali hanya dalam solat fajar (Subuh).*"

Namun hadis ini dikategorikan sebagai dha'if dan munqathi'.

Makna "الصلاة خير من النوم" adalah kenikmatan solat itu lebih baik daripada kenikmatan tidur" menurut ulama sufi.

"من السنة", termasuk sunnah Nabi (s.a.w).

Fiqh Hadis

1. Dianjurkan mengutamakan urusan agama dan tidak menggunakan syiar agama ahli kitab.
2. Disyariatkan bermusyawarah dalam menangani masalah-masalah penting dan orang yang dipimpin hendaklah mengemukakan pendapat dan cadangan kepada pemimpin demi kemaslahatan umum, kemudian pemimpin dikehendaki melakukan apa-apa yang boleh mendatangkan kemaslahatan itu.
3. Nabi (s.a.w) dibolehkan untuk melakukan ijtihad.
4. Disyariatkan azan. Hikmahnya adalah menegakkan syiar Islam, memberitahu masuknya waktu solat di tempat di mana azan itu dikumandangkan dan sebagai seruan untuk melaksanakan solat secara berjamaah.

   Azan mencakupi akidah iman dan mengandungi kedua jenisnya, iaitu ‘aqliyat dan sam’iyat. Azan diawali dengan menetapkan Zat Allah dan segala sesuatu yang berhak disandangnya berupa kesempurnaan dan kemahasucian dan lawan-lawan-Nya dengan mengucapkan Allahu Akbar.

   Kemudian ditetapkan pula sifat keesaaan dan menafikan segala bentuk sekutu yang mustahil bagi Allah (s.w.t). Ini merupakan tiang iman dan tauhid yang mesti didahulukan ke atas semua kewajipan agama yang lain.

   Setelah itu ditetapkan pula bukti-bukti yang menetapkan kenabian sekali mengakui kerasulan Nabi Muhammad (s.a.w). Ini merupakan asas kedua setelah *syahadah al-tauhid*. Dengan keyakinan seperti ini, maka sempurnalah kesemua akidah ‘aqliyyah.

   Kemudian dikumandangkan kalimat yang menyeru kaum muslimin untuk mengerjakan ibadah, iaitu ibadah untuk mengerjakan solat. Ini disebut setelah mengakui kerasulan dan kenabian Muhammad (s.a.w) kerana kewajipan ibadah itu diketahui berdasarkan ajaran Nabi (s.a.w), bukan berlandaskan akal.

   Sesudah itu kaum muslimin diseru untuk menuju kejayaan dan kebahagiaan, iaitu perkara-perkara yang boleh menghantarkan mereka menuju kejayaan dan keabadian dalam nikmat yang berkekalan. Di dalam seruan ini terdapat satu isyarat di mana kaum muslimin perlu sentiasa mengingati negeri akhirat berupa hari kebangkitan dan hari pembalasan.

   Kemudian kalimat-kalimat ini diulangi semasa dalam iqamah solat untuk memberitahukan bahawa solat hendak dimulakan. Pemberitahuan ini mengandungi makna yang mengukuhkan keimanan. Mengulangi semula sebutan kalimat-kalimat tersebut ketika hendak mengerjakan solat supaya hati dan lisan seseorang mengetahui apa yang hendak dikerjakannya. Dengan iman itu, dia merasakan keagungan ibadah yang hendak dikerjakan, merasakan keagungan Allah yang disembahnya dan bakal memperoleh pahala yang berlimpah daripada-Nya.

   Ulama berbeza pendapat mengenai hukum azan. Imam Ahmad mengatakan bahawa azan adalah fardu kifayah ketika hendak mengerjakan solat lima waktu secara *ada’an*, namun solat fardu lima waktu yang dilakukan secara *qadha’an* tidak diperlukan azan. Azan dilakukan oleh kaum lelaki yang hendak mengerjakan solat berjamaah, sama ada di bandar mahupun di kampung, dan dalam keadaan bermukim, bukannya dalam keadaan bermusafir.

Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa hukum azan adalah sunat bagi seseorang yang mengerjakan solat fardu dalam keadaan bersendirian dan bagi mereka yang mengerjakan secara berjamaah, sama ada ketika bermukim maupun ketika bermusafir.

Imam Malik berpendapat bahawa hukum azan itu sunat kifayah bagi mereka yang hendak mengerjakan solat secara berjamaah supaya mereka segera untuk berhimpun di masjid dan demikian pula di tempat-tempat yang biasanya dilaksanakan solat berjamaah di dalamnya. Imam Malik mengatakan wajib kifayah mengumandangkan azan bagi orang yang berada di bandar.

5. Juru azan disunatkan mempunyai suara yang kuat dan merdu.
6. Disyariatkan membaca *tatswib* (الصلاة خير من النوم) ketika mengumandangkan azan Subuh secara khusus, namun solat-solat fardu selain itu tidak perlu membaca *tatswib*.

Periwayat Hadis

Bilal ibn Rabah adalah juru azan. Beliau adalah bekas hamba sahaya Abu Bakar, turut serta dalam perang Badar dan semua peperangan yang setelahnya. Beliau kemudian tinggal di Damaskus. Hadis yang diriwayatkannya berjumlah 44 dan orang yang mengambil riwayat daripadanya ialah Ka'b ibn 'Ujarah dan Qais ibn Abu Hazim. Beliau adalah satu-satunya orang Habsyah yang paling awal masuk Islam, kemudian menjadi juru azan bagi Nabi (s.a.w). Tetapi setelah baginda wafat, Bilal tidak lagi menjadi juru azan kecuali hanya sekali, iaitu ketika beliau berkunjung ke Madinah. Beliau adalah salah seorang yang pernah diseksa oleh orang kafir kerana masuk lslam. Beliau meninggal dunia pada tahun 20 Hijriah dalam usia enam puluh tahun lebih.

١٤٤- عَنْ أَبِي مَحْذُورَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَّمَهُ اْلآذَانَ، فَذَكَرَ فِيهِ التَّرْجِيعَ، أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ. وَلَكِنْ ذَكَرَ التَّكْبِيرَ فِي أَوَّلِهِ مَرَّتَيْنِ فَقَطْ، وَرَوَاهُ الْخَمْسَةُ فَذَكَرُوهُ مُرَبَّعًا.

144. Daripada Abu Mahdzurah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah mengajarkan kepadanya azan, lalu baginda menyebutkan *tarji'* (pengulangan) di dalam azan itu. (Diriwayatkan oleh Muslim, akan tetapi Muslim hanya menyebutkan pengulanan takbir sebanyak dua kali pada permulaan azan. Al-Khamsah meriwayatkan hadis ini dan mereka menyebut takbir sebanyak empat kali).

Makna Hadis

Kebahagiaan itu tersembunyi di sebalik keajaiban takdir. Mereka adalah pemuda yang kerap kali meniru azan yang dikumandangkan oleh Bilal. Maka Allah menetapkan keberuntungan kepada Abu Mahdzurah. Akhirnya jatuhlah pilihan Rasulullah (s.a.w) ke atas dirinya memandangkan dia memiliki suara yang merdu dan dia menjadi juru azan (selain Bilal).

Berikut ini kisahnya. Sesudah pembukaan kota Mekah, Abu Mahdzurah keluar menuju Hunain[8] bersama sembilan orang penduduk Mekah. Ketika mereka mendengar suara azan (Bilal), mereka turut mengumandangkan azan dengan tujuan mempersendakan orang beriman. Mendengar itu, Nabi (s.a.w) bersabda: "Aku telah mendengar di kalangan mereka suara azan seseorang yang mempunyai suara merdu. Suruhlah mereka datang menghadapku dan suruh mereka azan seorang demi seorang." Aku adalah orang paling akhir mendapat giliran di antara mereka. Ketika aku tiba (di hadapan Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Kemarilah!" Baginda mempelawaku duduk di hadapannya. Baginda mengusap kepalaku dan mendoakan diriku supaya memperoleh keberkatan sebanyak tiga kali, kemudian bersabda: "Pergilah dan jadilah engkau juru azan di Masjid al-Haram." Aku pun berkata: "Wahai Rasulullah, kalau begitu, ajarkan azan kepadaku." Baginda mengajarkan azan kepadanya.

Analisis Lafaz

"عَلَّمَهُ ٱلآذَانَ", maka Nabi (s.a.w) mengajarkan secara langsung azan kepadanya.

"فَذَكَرَ فِيهِ التَّرْجِيعَ", maka di dalam azannya itu Nabi (s.a.w) menyebutkan *tarji'*. *Tarji'* ialah mengulangi bacaan syahadatain dengan suara yang keras sesudah mengucapkannya dua kali dengan suara yang tidak kuat. Inilah pendapat Imam Malik, Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad dan jumhur ulama. Mereka menjadikan hadis ini sebagai hujah ke atas pendapat mereka itu. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa *tarji'* tidak disyariatkan dan beliau menyokong pendapatnya berlandaskan hadis Abdullah ibn Zaid yang telah disebutkan sebelum ini.

"فَذَكَرُوهُ مُرَبَّعًا", takbir dibaca sebanyak empat kali pada permulaan azan.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan memilih orang yang bersuara merdu untuk menjadi juru azan, kerana azan yang dikumandangkan dengan suara yang merdu lebih berkesan di dalam hati.
2. Menjelaskan lafaz-lafaz azan yang sudah tidak asing lagi bagi setiap muslim. Ulama berbeza pendapat berkaitan dengan membaca empat kali takbir dan membaca dua kali takbir. Menurut pendapat yang masyhur, ia hendaklah dibaca sebanyak empat kali. Ini merupakan amalan penduduk Mekah yang merupakan tempat perhimpunan kaum muslimin setiap kali musim haji dan tidak ada seorang sahabat pun yang membantahnya. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad, Imam Abu Hanifah dan jumhur ulama. Sedangkan Imam Malik mengatakan bahawa takbir hendaklah dibaca sebanyak dua kali. Beliau

[8] Perang Hunain terjadi pada tahun ke-8 Hijriah bertepatan dengan 5 Syawal. Hunain adalah satu lembah yang terletak di antara Mekah dan al-Tha'if. Al-Waqidi berkata: "Jarak antara Hunain dengan Mekah diperkirakan sejauh perjalanan tiga malam, namun menurut pendapat yang lain, jaraknya diperkirakan sejauh belasan mil."

menyokong pendapatnya berlandaskan hadis ini yang telah menjadi amalan penduduk Madinah.

١٤٥- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "أُمِرَ بِلاَلٌ أَنْ يَشْفَعَ ٱلْآذَانَ، وَيُوتِرَ ٱلْإِقَامَةَ، إِلاَّ ٱلْإِقَامَةَ، يَعْنِي قَوْلَهُ: قَدْ قَامَتِ الصَّلاَةُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَلَمْ يَذْكُرْ مُسْلِمٌ ٱلْإِسْتِثْنَاءَ.

وَلِلنَّسَائِيِّ: "أَمَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِلاَلاً".

145. Daripada Anas bin Malik (r.a), beliau berkata: "Bilal diperintahkan untuk mengumandangkan (lafaz-lafaz) azan secara genap (dua kali-dua kali) dan mengganjilkan lafaz iqamah kecuali *al-Iqamah*, yakni kecuali "قَدْ قَامَتِ الصَّلاَةُ"." (Muttafaq 'alaih. Akan tetapi Muslim tidak ada menyebutkan pengecualian)

Menurut riwayat al-Nasa'i pula: "Nabi (s.a.w) memerintahkan Bilal...."

Makna Hadis

Oleh kerana tujuan azan adalah memberitahu masuknya waktu solat bagi orang yang tinggal berjauhan dengan masjid secara umum, maka dianjurkan mengucapkan kalimat-kalimatnya secara berulang bagi menguatkan lagi pemberitahuan tersebut. Oleh kerana tujuan iqamah adalah beritahu yang solat hendak dilaksanakan kepada orang yang telah berada di dalam masjid secara khusus, maka ia sudah memadai mengucapkannya secara witir, yakni mengucapkan lafaz-lafaznya satu kali-satu kali. Lafaz iqamah "قَدْ قَامَتِ الصَّلاَةُ" diulangi sebanyak dua kali kerana itulah tujuan utama di sebalik iqamah tersebut.

Analisis Lafaz

"أُمِرَ بِلاَلٌ", dengan menggunakan bentuk *mabni li al-majhul*, ertinya Rasulullah (s.a.w) yang menyuruhnya berbuat demikian, kerana baginda berperanan sebagai orang yang memerintahkan dan yang melarang. Hukum hadis ini *marfu'*, seperti mana yang telah dibuktikan dalam riwayat al-Nasa'i yang mengatakan: "Nabi (s.a.w) memerintahkan Bilal."

"يَشْفَعَ", *al-syaf'u* ertinya menggabungkan sesuatu kepada sesuatu yang lain yang seumpama dengannya. Lawan katanya adalah *al-witir*, sama seperti perkataan *al-zauj* yang lawan katanya adalah *al-fard*. Makna "يشفع الأذان" adalah mengucapkan sebahagian lafaz azan sebanyak dua kali-dua kali, tetapi bukan kesemuanya dibuat demikian, kerana kalimat tauhid pada akhir lafaz tersebut hanya dibaca sekali. Hadis ini menegaskan bahwa hukum sesuatu itu berdasarkan kepada gabungan hukum secara keseluruhannya.

"يُوتِرَ ٱلْإِقَامَةَ", mengucapkan sebahagian lafaz iqamah secara witir, kecuali kalimat "قَدْ قَامَتِ الصَّلاَةُ", maka ia dibaca sebanyak dua kali.

"وَلَمْ يَذْكُرْ ٱلْإِسْتِثْنَاءَ", tetapi dia (Muslim) tidak menyebutkan pengecualian, yakni lafaz "إلا الإقامة" (kecuali kalimat "قَدْ قَامَتِ الصَّلاَةُ").

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan menggenapkan lafaz azan, kerana tujuannya adalah memberitahun orang yang tinggal berjauhan dengan masjid bahawa waktu solat sudah pun tiba. Cara ini lebih cepat sampai kepada mereka. Oleh itu, azan disunatkan dilakukan di tempat yang tinggi dengan suara yang keras dan hendaklah tidak dilakukan cara terlampau cepat ketika mengumandangkannya.
2. Disyariatkan mengumandangkan lafaz iqamah tanpa berulang, kerana iqamah ditujukan kepada orang yang hadir di dalam masjid. Oleh itu, lafaz iqamah diucapkan dengan cepat. Tetapi lafaz "قَدْ قَامَتِ الصَّلاَةُ" diulangi sebutannya sebanyak dua kali kerana ini merupakan tujuan utamanya.
3. Mengumandangkan lafaz iqamah tanpa berulang selain kalimat "قَدْ قَامَتِ الصَّلاَةُ" adalah mazhab al-Syafi'i dan Imam Ahmad. Imam Malik berpendapat bahawa semua lafaz iqamah disebut hanya satu kali-satu kali tanpa kecuali, termasuk kalimat "قَدْ قَامَتِ الصَّلاَةُ". Imam Abu Hanifah pula berpendapat bahawa kesemua lafaz mesti dibaca dua kali-dua kali disertai dengan membaca takbir sebanyak empat kali pada bahagian permulaan. Apapun, ulama bersepakat membaca dua kali takbir dan membaca satu kali kalimat tauhid pada bahagian akhir iqamah.
4. Menjelaskan perbezaan pendapat ulama berkaitan azan dan iqamah. Ada yang mengatakan *ifrad*, *tatsniyah*, *tarbi'* dan ada pula yang mengatakan *tarji'*; kesemua ini merupakan sunat seperti mana yang telah dikemukakan oleh beberapa riwayat mengenainya. Setiap ulama memilih dalil yang dianggapnya kuat.

١٤٦- عَنْ أَبِي جُحَيْفَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "رَأَيْتُ بِلاَلاً يُؤَذِّنُ وَأَتَتَبَّعُ فَاهُ هَاهُنَا وَهَاهُنَا، وَإِصْبَعَاهُ فِي أُذُنَيْهِ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ.

وَلِابْنِ مَاجَه: وَجَعَلَ إِصْبَعَيْهِ فِي أُذُنَيْهِ.

وَلِأَبِي دَاوُدَ: "لَوَى عُنُقَهُ، لَمَّا بَلَغَ "حَيَّ عَلَى الصَّلاَةِ" يَمِينًا وَشِمَالاً وَلَمْ يَسْتَدِرْ". وَأَصْلُهُ فِي الصَّحِيحَيْنِ.

146. Daripada Abu Juhaifah (r.a), beliau berkata: "*Aku pernah melihat Bilal mengumandangkan azan, dan aku mengikuti gerakan mulutnya ke sana dan ke mari, sedangkan kedua jari telunjuknya diletakkan pada kedua telinganya.*" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Tirmizi yang menilainya sahih)

Riwayat yang dikemukakan oleh Ibn Majah menyebutkan: "*Sedangkan dia (Bilal) meletakkan kedua jari telunjuknya pada kedua telinganya.*"

Riwayat yang dikemukakan oleh Abu Dawud seperti berikut: "*Beliau (Bilal) memalingkan lehernya ketika sampai pada bacaan 'حَيَّ عَلَى الصَّلاَةِ' ke arah kanan dan ke arah kiri, tetapi tanpa memusingkan tubuhnya.*" (Hadis ini asalnya berada di dalam Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim)

Makna Hadis

Azan mempunyai etika tersendiri yang mesti dipelihara dan dijaga. Antara lain adalah hendaklah muazin memiliki suara yang merdu; mengumandangkan azan di atas tempat yang tinggi seperti di atas menara, menolehkan kepala ketika membaca *al-hayya'alatain* ke arah kanan dan ke arah kiri, meletakkan kedua jari telunjuknya pada kedua telinga supaya suaranya lebih kuat dan orang tuli dapat memahami yang dia sedang mengumandangkan azan dan bukannya untuk meminta pertolongan, dan tetap kekal menghadap ke arah kiblat ketika mengumandangkan azan meskipun menolehkan wajahnya ke kiri dan ke kanan.

Analisis Lafaz

"لَوَى عُنُقَهُ", menolehkan kepalanya ke arah kanan dan kiri ketika mengucapkan al-hayya'alatain, iaitu "حي على الصلاة" dan "حي على الفلاح", tetapi tatapan pandangannya tetap kekal menghadap ke arah kiblat dan begitu pula dengan telapak kakinya.

"وَأَصْلُهُ فِي الصَّحِيحَيْنِ", hadis ini asalnya di dalam Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim yang lafaznya diriwayatkan daripada Abu Juhaifah, beliau berkata:

أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَكَّةَ وَهُوَ بِالْأَبْطَحِ فِي قُبَّةٍ لَهُ حَمْرَاءَ مِنْ أُدُمٍ، قَالَ: فَخَرَجَ بِلاَلٌ بِوَضُوئِهِ فَمِنْ نَائِلٍ وَنَاضِحٍ، فَخَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَيْهِ حُلَّةٌ حَمْرَاءُ كَأَنِّي أَنْظُرُ إِلَى بَيَاضِ سَاقَيْهِ، قَالَ: فَتَوَضَّأَ وَأَذَّنَ بِلاَلٌ، قَالَ: فَجَعَلْتُ أَتَتَبَّعُ فَاهُ هَا هُنَا وَهَا هُنَا يَقُولُ يَمِينًا وَشِمَالاً يَقُولُ حَيَّ عَلَى الصَّلاَةِ حَيَّ عَلَى الْفَلاَحِ، ثُمَّ رَكَزْتُ لَهُ عَنَزَةً، فَتَقَدَّمَ وَصَلَّى الظُّهْرَ رَكْعَتَيْنِ، ثُمَّ لَمْ يَزَلْ يُصَلِّي رَكْعَتَيْنِ حَتَّى رَجَعَ إِلَى الْمَدِينَةِ.

"Aku datang menghadap Nabi (s.a.w) di Mekah. Ketika itu baginda berada di al-Abthah dalam sebuah tenda merah miliknya yang terbuat daripada kulit. Abu Juhaifah meneruskan kisahnya: "Maka keluarlah Bilal dengan membawa air wuduk untuk Nabi (s.a.w) dan kemudian orang berada di sekelilingnya ada yang memperoleh bahagian air tersebut dan ada pula di antara mereka yang hanya memperoleh tempiasnya. Maka keluarlah Nabi (s.a.w) dengan memakai pakaian merah seakan-akan aku melihat kedua betis baginda yang putih." Abu Juhaifah melanjutkan kisahnya: "Nabi (s.a.w) berwuduk, lalu Bilal mengumandangkan azan." Abu Juhaifah meneruskan kisahnya: "Maka aku mengikuti gerak-geri mulutnya ke sana dan kemari, iaitu ke arah kanan dan kiri sambil membaca: 'حَيَّ عَلَى الصَّلاَةِ, حَيَّ عَلَى الْفَلاَحِ.' Kemudian aku menancapkan sebilah tombak pendek untuk (sebagai batas solat)nya, lalu baginda mengerjakan solat Zohor dua rakaat (kerana qasar), dan baginda masih terus mengerjakan solat dua rakaat (qasar itu) hinggalah kembali pulang ke Madinah."

"بِالْأَبْطَحِ", al-Abthah adalah sebuah tempat terkenal yang terletak di dataran tinggi Mekah, iaitu sebuah lembah yang terletak di antara Bukit al-Nur dan Bukit al-Hajun.

"قُبَّةٍ", tenda atau khemah kecil.

"مِنْ أُدُمٍ", bentuk jamak lafaz *al-adim*, ertinya kulit yang telah disamak. Khemah kecil tersebut terbuat daripada kulit.

"فَخَرَجَ بِلاَلٌ بِوَضُوئِه", maka keluarlah Bilal dari tenda itu dengan membawa air

yang hendak digunakan untuk wuduk Rasulullah (s.a.w).

"فَمِنْ نَائِلٍ وَنَاضِحٍ", di antara mereka ada yang memperoleh sedikit air wuduk itu, ada pula yang memperoleh tempiasnya dan Bilal menempiaskan air yang ada padanya kepada sahabat yang lain supaya turut sama memperoleh berkat daripada air bekas wuduk Nabi (s.a.w).

"حُلَّةٌ", kain dan selendang. Diberi nama *al-hullah* apabila terdiri daripada dua lapis pakaian.

"حَمْرَاءُ", yang bergaris-garis merah. Digambarkan merah kerana warnanya didominasi oleh garis merah.

"هَا هُنَا وَهَا هُنَا", yakni ke arah kanan dan kiri.

"رَكَّزْتُ", aku menancapkan ke tanah.

"عَنَزَةً", tongkat yang pada bahagian hujungnya terdapat besi runcing seperti tombak.

Fiqh Hadis

1. Boleh memakai pakaian yang bergaris-garis merah.
2. Disyariatkan menolehkan kepala ketika mengumandangkan azan ke arah kanan dan kiri terutama ketika mengucapkan *al-hay'alatain* disertai dengan meletakkan kedua jari telunjuk pada kedua telinga. Ini bertujuan supaya seseorang berada di kejauhan atau orang tuli tahu bahawa dia sedang mengumandangkan azan, di samping dengan cara sedemikian boleh menguatkan lagi suara.
3. Orang yang solat disyariatkan meletakkan penghalang di hadapannya.
4. Dibolehkan mengambil berkat dari bekas yang pernah digunakan oleh Rasulullah (s.a.w), sisa air wuduk, sisa makan dan minum serta bekas pakaiannya.
5. Disyariatkan mengqasar solat ketika dalam perjalanan.
6. Para sahabat amat menghormati Rasulullah (s.a.w).

Periwayat Hadis

Abu Juhaifah, nama aslinya ialah Wahb ibnu Abdullah al-Sawa'i al-Kufi, telah meriwayatkan 45 hadis dan termasuk sahabat di kalangan sahabat yang termuda kerana usianya yang masih muda. Ketika Nabi (s.a.w) wafat, dia masih belum mencapai usia baligh.

Beliau mengambil riwayat daripada Ali bin Abu Thalib dan al-Barra' ibn Azib. Isma'il ibn Abu Khalid, al-Hakam ibn 'Uyaynah dan Abu Ishaq al-Subai'i telah mengambil riwayat daripadanya. Khalifah Ali bin Abu Thalib melantiknya menjadi pengurus Baitul Mal dan beliau termasuk sahabat Khalifah Ali bin Abu Thalib yang paling disegani. Ibn Hibban mengatakan bahawa Abu Juhaifah meninggal dunia pada tahun 74 Hijriah.

١٤٧ - عَنْ أَبِي مَحْذُورَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْجَبَهُ صَوْتُهُ،

فَعَلَّمَهُ الْأَذَانَ. رَوَاهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

147. Daripada Abu Mahdzurah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) merasa kagum dengan suaranya yang merdu lalu baginda mengajarkannya azan." (Diriwayatkan oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Kaum Quraisy kerap kali mempersenda Nabi (s.a.w) ketika menyeru mereka untuk menyembah Allah Yang Maha Esa dan Abu Mahdzurah termasuk salah seorang di antara mereka. Pada suatu ketika, dia pernah mendengar suara azan yang dikumandangkan kaum muslimin di Hunain, lalu dia meniru lafaz azan tersebut dengan tujuan memperolok mereka dengan suara merdu yang membuat Rasulullah (s.a.w) merasa kagum dengan kemerduan suaranya.

Kemudian Nabi (s.a.w) mengutus seseorang untuk mencari mereka yang ketika itu jumlah mereka ada sembilan orang. Lalu Rasulullah (s.a.w) meminta mereka satu persatu untuk mengumandangkan azan dan mereka mematuhi perintah baginda itu. Abu Mahdzurah adalah orang yang paling terakhir dari mereka yang mengumandangkan azan. Kemudian Rasulullah (s.a.w) mempelawanya duduk di hadapan baginda dan baginda mengusap kepalanya. Ternyata Allah menghendaki kebaikan dan keberuntungan kepadanya hingga akhirnya Allah memberinya hidayah masuk Islam dan Nabi (s.a.w) mengajarkan kalimat azan kepadanya, lalu memerintahkannya menjadi jura azan di Masjid al-Haram.

Fiqh Hadis

Disunatkan bagi seseorang yang hendak menjadi juru azan memiliki suara yang merdu supaya orang ramai merasa tertarik kepada seruannya dan memenuhi apa yang diserunya iaitu mengerjakan solat berjemaah di masjid.

١٤٨- عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: "صَلَّيْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعِيدَيْنِ غَيْرَ مَرَّةٍ وَلاَ مَرَّتَيْنِ بِغَيْرِ أَذَانٍ وَلاَ إِقَامَةٍ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.
وَنَحْوُهُ فِي الْمُتَّفَقِ عَلَيْهِ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا وَغَيْرُهُ.

148. Daripada Jabir ibn Samurah (r.a), beliau berkata: "*Aku pernah mengerjakan solat dua hari raya bersama Nabi (s.a.w) tidak hanya sekali atau dua kali tanpa mengumandangkan azan dan tidak pula iqamah.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Hadis yang seumpamanya turut diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim melalui Ibn Abbas (r.a) dan lain-lain.

Makna Hadis

Islam memberikan keistimewaan tersendiri dalam solat fardu, iaitu mengumandangkan azan untuk menyeru orang yang tempat tinggalnya berjauhan dengan masjid, dan mengumandangkan iqamah untuk mengingatkan orang yang

telah berada di dalam masjid segera berdiri untuk mengerjakan solat.

Adapun solat sunat yang disyariatkan berjamaah seperti solat sunat dua hari raya, solat gerhana matahari, solat gerhana bulan, dan solat istisqa tidak perlu dikumandangkan azan dan tidak pula iqamah menurut ijmak ulama. Tetapi mereka berselisih pendapat sama ada mesti dikumandangkan "الصَّلاَةُ جَامِعَةٌ", kerana ada hadis yang menyatakan bahawa itu dilakukan ketika hendak mengerjakan solat sunat dua hari raya, seperti mana yang telah diriwayatkan oleh Imam al-Syafi'i. Menurut Imam al-Syafi'i lagi, setiap solat sunat yang di dalamnya disunatkan berjemaah diqiaskan dengan solat sunat dua hari raya ini. Namun pendapat yang lain mengatakan bahawa tidak perlu dikumandangkan lafaz " الصَّلاَةُ جَامِعَةٌ" dalam setiap solat sunat yang di dalamnya disunatkan berjamaah.

Analisis Lafaz

"الْعِيدَيْنِ", hari raya Aidilfitri dan Aidiladha. Hari raya dinamakan *al-Id* kerana ia kembali datang setiap tahun sekali dan kedatangannya disambut dengan kegembiraan.

"غَيْرَ مَرَّةٍ وَلاَ مَرَّتَيْنِ", tidak hanya sekali atau dua kali, melainkan kerap kali yakni berkali-kali.

"وَنَحْوُهُ", sama seperti hadis Jabir ibnu Samurah.

"فِي الْمُتَّفَقِ عَلَيْهِ", hadis yang disepakati oleh al-Syaikhain; al-Bukhari dan Muslim.

"عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا وَغَيْرُهُ", bersumber daripada Ibn Abbas (r.a) dan lain-lain sahabat. Menurut lafaz hadis yang diriwayatkan melalui Ibn Abbas dan Jabir ibn Abdullah al-Ansari disebutkan bahawa keduanya berkata:

لَمْ يَكُنْ يُؤَذَّنُ يَوْمَ الْفِطْرِ وَلاَ يَوْمَ الأَضْحَى.

"*Nabi (s.a.w) belum pernah menyuruh mengumandangkan azan ketika hendak mengerjakan solat Aidilfitri dan tidak pula solat Aidi Adha.*"

Fiqh Hadis

1. Tidak disyariatkan azan dan iqamah untuk mengerjakan solat sunat dua hari raya sama ada Aidilfitri mahupun Aidiladha.
2. Azan merupakan keistimewaan bagi solat fardu, bukannya untuk solat sunat.

١٤٩- عَنْ أَبِي قَتَادَةَ فِي الْحَدِيثِ الطَّوِيلِ: فِي نَوْمِهِمْ عَنِ الصَّلاَةِ - ثُمَّ أَذَّنَ بِلاَلٌ، فَصَلَّى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَمَا كَانَ يَصْنَعُ كُلَّ يَوْمٍ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

149. Daripada Abu Qatadah (r.a) dalam hadis yang panjang mengenai tidur mereka hingga melewatkan waktu solat menceritakan bahawa kemudian Bilal mengumandangkan azan lalu Nabi (s.a.w) mengerjakan solat sebagaimana kebiasaan pada setiap harinya." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Ulama berselisih pendapat sama ada azan disyariatkan untuk menunjukkan masuknya waktu solat atau disyariatkan untuk menunjukkan masuknya waktu solat sekali gus mengajak kaum muslimin mengerjakan solat fardu secara berjamaah. Dari sini muncul perbezaan pendapat di kalangan mereka sama ada azan disyariatkan untuk mengerjakan solat yang sudah berlalu waktunya dan mengerjakan solat yang terlupakan.

Jumhur ulama mengatakan bahawa azan disyariatkan untuk mengerjakan solat yang telah berlalu waktunaya. Pendapat ini merupakan qaul qadim Imam al-Syafi'i dengan berlandaskan kepada hadis ini. Imam al-Syafi'i di dalam qaul jadid pula mengatakan bahawa tidak perlu dikumandangkan azan untuk mengerjakan solat yang telah berlalu waktunya. Jika solat yang telah terlewatkan waktunya dikerjakan bersamaan dengan solat yang masih wujud di dalam waktunya, maka azan untuk solat yang masih wujud waktunya itu sudah memadai. Beliau mengemukakan dalil dengan hadis yang menceritakan Nabi (s.a.w) mengerjakan solat yang telah berlalu waktunya ketika perang al-Khandaq. Di sini baginda hanya mengumandangkan iqamah dan tidak menyuruh supaya azan dikumandangkan memandangkan waktunya telah berlalu.

Analisis Lafaz

"فِي الْحَدِيثِ الطَّوِيلِ", dalam hadis yang panjang di dalam kitab Sahih Muslim bab: "mengqadha' solat yang sudah berlalu waktunya dan oleh kerananya, disunatkan menyegerakan waktu pelaksanaannya." Hadisnya amat panjang dan kami hanya menyebutnya sesuai dengan perbahasan dalam bab ini.

"فِي نَوْمِهِمْ عَنِ الصَّلاَةِ", tentang tidur mereka yang pulas hingga mereka bangun kesiangan dan waktu solat Subuh pun sudah berlalu. Ini terjadi ketika mereka kembali pulang dari Perang Khaibar[9].

Hadis ini dinilai sahih oleh Ibn Abd al-Barr. Orang yang bertugas membangunkan mereka yang sedang tidur itu adalah Bilal, tetapi dia pun turut tertidur kerana terlampau letih dan mereka baru bangun ketika matahari sudah terbit. Nabi (s.a.w) adalah orang yang mula-mula terjaga di antara mereka.

"ثُمَّ أَذَّنَ بِلاَلٌ", kemudian Bilal mengumandangkan azan. Dia melakukan demikian tentu berdasarkan kepada perintah Rasulullah (s.a.w).

"كَمَا كَانَ يَصْنَعُ كُلَّ يَوْمٍ", seperti kebiasaan setiap hari di mana baginda mengerjakan solat, yakni dengan mengumandangkan azan dan iqamah.

Fiqh Hadis

---

[9] Ia adalah nama kepada sejumlah benteng dan perkampuangan. Daerah itu diberi nama seorang tokoh kenamaan yang pernah singgah di kawasan iaitu Khaibar bin Qayinah yang jarak antara Khaibar dengan Madinah adalah sejauh lapan Bard yang menghala ke negeri Syam. Ia dibuka pada tahun ke-7 Hijriah bertepatan dengan bulan Muharram.

Disyariatkan mengumandangkan azan untuk mengerjakan solat yang waktunya sudah berlalu kerana tertidur dan demikian pula dengan solat yang terlupa untuk mengerjakannya kerana kedua-dua keadaan ini mempunyai kesamaan hukum seperti mana yang ditegaskan dalam sabda Nabi (s.a.w):

مَنْ نَامَ عَنْ صَلاَةٍ أَوْ نَسِيَهَا فَلْيُصَلِّهَا إِذَا ذَكَرَهَا.

"*Barang siapa yang tertidur hingga tidak mengerjakan solat atau dia lupa mengerjakannya, maka hendaklah dia segera melakukannya sebaik ingat (atau terjaga daripada tidurnya).*"

١٥٠- وَلَهُ عَنْ جَابِرٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَى الْمُزْدَلِفَةَ فَصَلَّى بِهَا الْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ بِأَذَانٍ وَاحِدٍ وَإِقَامَتَيْنِ.

وَلَهُ عَنِ ابْنِ عُمَرَ: جَمَعَ بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ بِإِقَامَةٍ وَاحِدَةٍ. زَادَ أَبُو دَاوُدَ: لِكُلِّ صَلاَةٍ. وَفِي رِوَايَةٍ لَهُ: وَلَمْ يُنَادِ فِي وَاحِدَةٍ مِنْهُمَا.

150. Muslim meriwayatkan daripada Jabir (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) datang ke al-Muzdalifah, lalu baginda mengerjakan solat Maghrib dan solat Isyak dengan sekali azan dan dua kali iqamah.

Riwayat Muslim melalui Ibn Umar (r.a) menyebutkan: "Nabi (s.a.w) menjamak antara solat Maghrib dengan solat Isyak dengan satu kali iqamah."

Abu Dawud menambahkan: "(Dengan satu kali iqamah) bagi setiap solat." Riwayat lain yang dikemukakan Abu Dawud menyebutkan: "Dan baginda tidak mengumandangkan azan pada salah satu pun daripada kedua-duanya (solat itu)."

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menjamak solat Maghrib dengan solat Isyak di al-Muzdalifah dengan jamak ta'khir, tetapi keterangan yang dinukil oleh sahabat mengenai apa yang dilakukan pada malam itu masih diwarnai oleh kenyataan yang berlainan antara satu sama lain.

Jabir menceritakan bahawa Rasulullah (s.a.w) menjamak kedua-duanya dengan sekali azan dan sekali iqamah untuk masing-masing solat, yakni dua kali iqamah.

Ibn Umar (r.a) menceritakan bahawa Nabi (s.a.w) menjamak kedua-dua solat itu dengan dua iqamah tanpa mengumandangkan azan.

Ibnu Mas'ud (r.a) menceritakan bahawa Nabi (s.a.w) menjamak kedua-duanya dengan dua kali azan dan dua kali iqamah.

Imam al-Syafi'i mengambil riwayat Jabir yang mengatakan satu kali azan dan dua kali iqamah, bukan riwayat Ibn 'Umar, kerana riwayat yang mengukuhkan mesti didahulukan ke atas riwayat yang menafikan.

Analisis Lafaz

"وَلَهُ", maksudnya adalah Muslim.

"أَتَى الْمُزْدَلِفَةَ", Nabi (s.a.w) tiba di al-Muzdalifah, yakni setelah baginda meninggalkan Arafah dan menginap di al-Muzdalifah pada malam penyembelihan qurban sewaktu pelaksanaan haji wada'. Al-Muzdalifah merupakan nama sebuah lembah yang terbentang dari Muhassar di sebelah barat hingga al-Ma'zamain di sebelah timur, panjangnya lebih kurang empat kilometer. Dinamakan al-Muzdalifah kerana para jemaah haji tiba di tempat ini pada permulaan malam hari.

"وَلَمْ يُنَادِ فِي وَاحِدَةٍ مِنْهُمَا", dan baginda tidak mengumandangkan azan pada salah satu daripada pelaksanaan kedua solat itu, sama ada untuk solat Maghrib mahupun untuk solat Isyak.

Fiqh Hadis

1. Orang yang berhaji dibolehkan menjamak solat Maghrib dengan solat Isyak secara jamak takhir di al-Muzdalifah, dan disyariatkan mengumandangkan satu kali azan dengan dua kali iqamah untuk kedua-dua solat seperti mana yang ditegaskan oleh hadis Jabir (r.a), hadis no. 150.
2. Orang yang berhaji dibolehkan menjamak solat Maghrib dengan solat Isyak dengan jamak takhir dan disyariatkan melakukan dua kali iqamah untuk kedua-duanya tanpa mengumandangkan azan, seperti mana yang ditegaskan di dalam hadis Ibn Umar (r.a), hadis no. 150 ini.
3. Orang yang berhaji dibolehkan menjamak solat Maghrib dan solat Isyak di al-Muzdalifah dengan jamak takhir dan disyariatkan mengumandangkan dua kali azan dan dua kali iqamah untuk kedua-duanya sekali, yakni setiap solat mesti dikumandangkan satu kali azan dan satu kali iqamah seperti mana yang ditegaskan oleh hadis Ibn Mas'ud (r.a).

١٥١- عَنِ ابْنِ عُمَرَ وَعَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالاَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ بِلاَلاً يُؤَذِّنُ بِلَيْلٍ، فَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يُنَادِيَ ابْنُ أُمِّ مَكْتُومٍ". وَكَانَ رَجُلاً أَعْمَى لاَ يُنَادِي، حَتَّى يُقَالَ لَهُ: أَصْبَحْتَ، أَصْبَحْتَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَفِي آخِرِهِ إِدْرَاجٌ.

151. Daripada Ibnu Umar (r.a) dan Aisyah (r.a), keduanya berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "Sesungguhnya Bilal mengumandangkan azan pada waktu malam hari dan itu masih membolehkan kamu makan dan minum (bersahur) sehinggalah Ibn Ummi Maktum mengumandangkan azan. Ibn Ummi Maktum adalah seorang yang buta dan tidak mengumandangkan azan sebelum dikatakan kepadanya: "Engkau telah berada di pagi hari, engkau telah berada di pagi hari (hari telah pagi)!" (Muttafaq 'alaih. Akan tetapi pada akhir hadis ini terdapat *idraj*)

Makna Hadis

Jika azan disyariatkan untuk memberitahu masuknya waktu solat sekali gus menyeru kaum muslimin supaya menghadiri solat berjamaah, maka ia turut disyariatkan untuk membangunkan orang yang masih tidur supaya mengerjakan solat sunat tahajjud, di samping membangunkan orang yang tertidur setelah

mengerjakan qiyamul lain bersiap sedia mengerjakan solat Subuh. Azan ini dinamakan azan pertama dan ia tidak mengharamkan makan dan minum bagi orang yang hendak berpuasa, malah dia masih dibolehkan makan sahur ketika itu. Dengan azan itu, orang yang tidur diharapkan bangun untuk mengerjakan solat tahajjud dan memperingatkan orang yang qiyamul lail supaya tidur sekejap sambil menunggu masuknya waktu solat Subuh. Di zaman Nabi (s.a.w) orang yang bertugas mengumandangkan azan pertama ini adalah Bilal (r.a).

Azan kedua ialah azan untuk solat Subuh. Azan ini bertujuan memberitahu masuknya waktu solat Subuh. Orang yang hendak berpuasa diwajibkan imsak sebelum itu. Orang yang bertugas mengumandangkan azan Subuh ini pada zaman Nabi (s.a.w) ialah Ibn Ummi Maktum.

Analisis Lafaz

"يُؤَذِّنُ بِلَيْلٍ", Bilal mengumandangkan azan pada waktu malam hari. Riwayat al-Bukhari telah menerangkan bahawa makna yang dimaksudkan di sini ialah seruan sebelum tibanya waktu solat Subuh atau dikenali dengan istilah azan pertama.

"يُنَادِيَ ابْنُ أُمِّ مَكْتُومٍ", 'Amr ibn Ummi Maktum mengumandangkan azan. Nama asalnya ialah Za'idah ibn Jundub al-'Amiri, sedangkan ibunya bernama 'Atikah binti 'Abdullah. Beliau seorang buta dan dilantik menjadi juru azan Rasulullah (s.a.w). Surah 'Abasa diturunkan kerana Ibn Ummi Maktum. Beliau termasuk muhajirin pertama, pernah dilantik menjadi wakil Rasulullah (s.a.w) di Madinah sebanyak tiga belas kali sebagai imam solat ketika Rasulullah (s.a.w) sedang bermusafir untuk berperanga. Anas (r.a) mengambil riwayat daripadanya. Beliau menyertai perang al-Qadisiyah hingga akhirnya gugur sebagai syahid yang ketika itu panji kaum muslimin berada di tangannya.

"لاَ يُنَادِي, tidak mengumandangkan azan (sebelum diberitahu kepadanya).

"أَصْبَحْتَ، أَصْبَحْتَ", engkau telah berada di pagi hari, yakni hari telah pagi.

"وَفِي آخِرِهِ إِدْرَاجٌ", di akhir sanad ini terdapat *idraj*. *Idraj* ialah perkataan yang diselitkan ke dalam hadis, padahal perkataan itu bukanlah sabda Rasulullah (s.a.w) melainkan perkataan Ibn Umar, iaitu kalimat: "Sedangkan dia adalah seorang lelaki buta. Dia tidak mengumandangkan azan sebelum dikatakan kepadanya: "Engkau telah berada di pagi hari!"

Fiqh Hadis

1. Boleh melantik dua orang muazzin dalam satu masjid, di mana keduanya saling berganti dalam mengumandangkan azan. Tujuan dibolehkan melantik dua orang muazzin ini adalah salah seorang daripadanya dikhuatiri akan mempunyai halangan dan oleh kerananya, muazzin yang seorang mestilah menggantikan tugas kawannya yang mempunyai halangan itu. Ada lima orang sahabat yang pernah menjadi juru azan Rasulullah (s.a.w), sama ada mereka bertugas ketika bermukim mahupun ketika bermusafir. Mereka adalah Bilal

ibn Rabah, Abdullah ibn Ummi Maktum, Abu Mahdzurah al-Makki, Sa'd al-Qurazhi dan Ziyad ibn al-Harits al-Shuda'i.
2. Disunatkan makan sahur.
3. Orang yang hendak berpuasa boleh makan dan minum hingga fajar *shadiq* terbit.
4. Orang buta boleh mengumandangkan azan apabila dapat mengetahui ketepatan waktu seperti melalui berita orang yang berada di sebelahnya.
5. Boleh berpegang kepada suara dalam periwayatan apabila seseorang berkenaan mengenalinya, sekalipun dia tidak melihatnya.
6. Dibolehkan menceritakan perihal seseorang yang berkaitan dengan keperibadiannya jika bertujuan memperkenalkannya kepada orang lain.
7. Boleh menisbahkan seorang lelaki kepada nama ibunya jika itu sudah masyhur.
8. Disyariatkan mengumandangkan azan pertama sebelum masuk waktu solat Subuh.

١٥٢- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ بِلاَلاً أَذَّنَ قَبْلَ الْفَجْرِ، فَأَمَرَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَرْجِعَ، فَيُنَادِيَ: "أَلاَ إِنَّ الْعَبْدَ نَامَ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَضَعَّفَهُ.

152. Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa Bilal pernah mengumandangkan azan sebelum fajar *shadiq* (Subuh). Mendengar itu, Nabi (s.a.w) memerintahkannya untuk mencabut kembali. Lalu diseru: "Ingatlah, sesungguhnya hamba (yang menyeru azan tadi) dalam keadaan tidak sedar." (Diriwayatkan Abu Dawud yang menilainya dha'if)

Makna Hadis

Tidak dibolehkan mengumandangkan azan untuk memberitahu masuknya waktu solat sebelum mengenal pasti kebenaran masuknya waktu solat. Apabila muazzin silap lalu mengumandangkan azan sebelum tiba waktu solat, maka dia wajib mengingatkan orang yang mendengarnya melalui seruan ralat supaya mereka tidak terpedaya dengan azan tersebut hingga mengerjakan solat sebelum masuk waktunya.

Analisis Lafaz

"أَذَّنَ قَبْلَ الْفَجْرِ", mengumandangkan azan sebelum fajar, yakni sebelum masuk waktu Subuh, kerana dia mengira yang fajar telah terbit. Ini terjadi sebelum azan pertama disyariatkan dan sebelum Ibn Ummi Maktum dilantik sebagai juru azan.

"أَلاَ إِنَّ الْعَبْدَ نَامَ", matanya dalam keadaan masih mengantuk hingga silap dalam menentukan fajar. Maka Rasulullah (s.a.w) memerintahkannya untuk berseru memberi pengumuman kepada orang ramai supaya mereka tidak terjaga daripada tidurnya. Perkataan *ala* merupakan kata peringatan. Perkataan *al-'abd* merupakan kata kinayah yang menggambarkan diri Bilal itu sendiri.

"ضَعَّفَهُ", Abu Dawud menilainya dha'if kerana hadis ini berasal daripada sanad-sanad Hammad ibn Salamah, sedangkan Hammad sendiri silap dalam mengkategorikannya sebagai *marfu'*.

Ulama hadis terkemuka seperti al-Bukhari, al-Tirmizi dan Imam Ahmad menjelaskan bahwa hadis ini *mawquf* kepada Ibn Umar (r.a). Apapun, hadis ini tidak bercanggah dengan hadis yang telah disepakati oleh al-Bukhari dan Muslim.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan mematuhi orang alim, lebih-lebih lagi dalam urusan agama.
2. Tidak boleh mengumandangkan azan Subuh sebelum masuk waktunya.
3. Juru azan mesti meneliti waktu terlebih dahulu dalam memastikan waktu solat. Tetapi jika ternyata masih silap setelah ijtihad mengenainva, maka dia wajib memberitahu orang ramai tentang kekeliruannya itu.

١٥٣- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا سَمِعْتُمُ النِّدَاءَ، فَقُولُوا مِثْلَ مَا يَقُولُ الْمُؤَذِّنُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَلِلْبُخَارِيِّ: عَنْ مُعَاوِيَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ مِثْلُهُ.

وَلِمُسْلِمٍ: عَنْ عُمَرَ فِي فَضْلِ الْقَوْلِ كَمَا يَقُولُ الْمُؤَذِّنُ كَلِمَةً كَلِمَةً، سِوَى الْحَيْعَلَتَيْنِ، فَيَقُولُ: "لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ".

153. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Jika kamu mendengar azan, maka ucapkanlah seperti apa yang di-ucapkan oleh juru azan itu.*" (Muttafaq 'alaih)

Al-Bukhari sendiri telah mengemukakan hadis yang serupa melalui Mu'awiyah (r.a).

Menurut riwayat Muslim yang dikemukakan melalui Umar r.a ketika membahas tentang keutamaan mengucapkan seperti apa yang diucapkan oleh muazin, kalimat demi kalimat selain *al-hay'alatain*. Jika muazzin membaca *al-hay'alatain*, maka pendengar hendaklah menyahutnya dengan membaca: "لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ" (Tidak ada kekuatan dan tidak ada daya upaya kecuali dengan pertolongan Allah).

Makna Hadis

Menjawab azan yang dilakukan oleh pendengar disebut *hikayah al-azan* (meniru bacaan azan), iaitu dengan cara meniru semua sebutan lafaz azan kecuali "حي على الصلاة" dan "حي على الفلاح", maka jawapan kedua-dua kalimat adalah membaca kalimat "لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ".

Hikmah menjawab azan yang dilakukan oleh orang yang mendengarnya adalah bersegera datang menuju ke tempat solat. Ini bererti dia telah memenuhi seruannya dengan ucapan sekali gus perbuatannya, iaitu berwuduk dan berangkat ke masjid untuk mengerjakan solat berjamaah. Menjawab azan yang dilakukan oleh orang yang medengarnya tidak semata-mata bertujuan meniru suara azan

yang kemudian menyeru umat manusia mengerjakan solat, sebaliknya ia bertujuan membangkitkan perasaan. Dengan membaca "لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ", seseorang telah mengakui kelemahan yang ada pada dirinya sekali gus memohon pertolongan kepada Allah untuk melaksanakan ibadah yang mulia ini. Dengan demikian, orang yang mendengar azan itu mendapat ganjaran pahala setelah membaca *hawqalah* (لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ) yang merupakan respon ke atas ucapan *al-hay'alatain* yang dikumandangkan oleh juru azan.

Hukum menjawab azan ialah sunat, dan dianggap sudah memadai apabila azan yang dikumandangkan oleh seorang muazin telah dijawab meskipun di kawasan tersebut ramai orang yang mengumandangkan azan. Azan pertama untuk fajar kadzib mesti dijawab, kerana Islam telah menyebutnya sebagai azan dan oleh kerananya, ia sunat untuk dijawab.

Analisis Lafaz

"النِّدَاءَ", azan.

"مِثْلَ مَا يَقُولُ", maksud meniru dalam ucapan tidak semestinya sama dalam setiap aspeknya, kerana ulama telah bersepakat bahawa seseorang yang menjawab azan tidak diwajibkan untuk menguatkan suara. Lain halnya dengan muazzin yang bertujuan memberitahu masuknya waktu solat kepada orang ramai dan oleh kerananya, dia mesti mengumandangkan azan dengan suara yang kuat. Sedangkan orang yang mendengarnya pula menjawabnya untuk tujuan zikir mengingat Allah dan membangkitkan perasaan di dalam dirinya. Jadi, menjawab azan sudah memadai dengan suara yang tidak kuat.

"وَلِلْبُخَارِيِّ: عَنْ مُعَاوِيَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ مِثْلُهُ", menurut riwayat al-Bukhari melalui Mu'awiyah (r.a) disebutkan hadis yang serupa dengan hadis Abu Sa'id di mana orang yang mendengar suara azan hendaklah meniru apa yang diucapkan oleh juru azan kecuali *al-haya'alatain*. Perkataan "مِثْلَ" di dalam hadis ini bersifat umum, namun kemudian dikhususkan dengan perkataan *al-haya'alatain* di mana jawapannya tidak sama dengan apa yang dikumandangkan oleh muazin, seperti mana yang disebut di dalam riwayat Muslim. Lafaz "مِثْلَ" berkedudukan sebagai sifat bagi *maf'ul muthlaq* yang dibuang. Bentuk lengkapnya ialah: " قولا مثل فضل القول" (Dengan ucapan yang sama dengan ucapan muazin). Ini kerana akhir hadis Umar (r.a) berbunyi:

فَإِذَا قَالَ السَّامِعُ ذَلِكَ مِنْ قَلْبِهِ دَخَلَ الْجَنَّةَ.

"*Apabila orang yang mendengar azan menjawabnya tulus ikhlas dari dalam lubuk hatinya, nescaya dia masuk syurga.*"

"الْحَيْعَلَتَيْنِ", bentuk *tatsniyah* dari perkataan *hay'alah*. Ia adalah bentuk akronim yang berdasarkan *sima'i* (pendengaran). Maksudnya adalah "حي على الصلاة" dan " حي على الفلاح" yang ertinya "marilah kita mengerjakan solat dan marilah kita menuju kejayaan, kebahagiaan, keberuntungan dan keabadian di dalam nikmat."

"لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ", tidak ada daya dan tidak ada kekuatan kecuali dengan kehendak Allah.

"كَلِمَةً كَلِمَةً", berkedudukan sebagai *hal* (kata keterangan) yang ertinya kalimat demi kalimat secara berurutan.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan menjawab azan yang dikumandangkan muazzin sama ada bagi orang yang dalam keadaam bersuci ataupun berhadas, wanita yang haid mahupun yang berjunub, sebab jawapan itu merupakan berzikir kepada Allah dan dibolehkan untuk melakukan zikir. Namun menjawab azan tidak boleh dilakukan oleh orang yang sedang membuang air dan orang yang sedang bersetubuh.
2. Hukum menjawab azan adalah sunat, kerana ulama telah sepakat mengenainya. Kesepakatan inilah yang memalingkan pengertian wajib di dalam perintah yang terkandung di dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "Maka ucapkanlah…"
3. Orang yang mendengar *al-haya'alatain* hendaklah menjawab dengan *al-hawqalatain*.
4. Keutamaan ikhlas di dalam setiap beramal. Amal yang diterima oleh Allah merupakan anugerah yang besar hingga seseorang yang melakukannya akan masuk ke dalam syurga.

١٥٤- عَنْ عُثْمَانَ بْنِ أَبِي الْعَاصِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، اجْعَلْنِي إِمَامَ قَوْمِي. قَالَ : "أَنْتَ إِمَامُهُمْ، وَاقْتَدِ بِأَضْعَفِهِمْ، وَاتَّخِذْ مُؤَذِّنًا لاَ يَأْخُذُ عَلَى أَذَانِهِ أَجْرًا". أَخْرَجَهُ الْخَمْسَةُ، وَحَسَّنَهُ التِّرْمِذِيُّ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

154. Daripada Utsman ibn Abu al-'Ash (r.a), beliau berkata: "Wahai Rasulullah, jadikanlah diriku sebagai imam kepada kaumku." Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Engkau adalah imam mereka. Ikutilah kehendak orang yang lemah di antara mereka dan lantiklah juru azan yang tidak menerima upah dari azannya." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, dan dinilai hasan oleh al-Tirmizi, tetapi dinilai sahih oleh al-Hakim)

Makna Hadis

Memohon untuk menjadi imam solat merupakan amalan yang terpuji, kerana menjadi imam itu besar pahalanya. Kedudukan ini pernah disebutkan di dalam doa hamba-hamba Allah Yang Maha Pemurah. Kisah mereka disebutkan di dalam al-Qur'an. Mereka berdoa seperti berikut:

..... وَٱجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

"… *Dan jadikanlah kami menjadi imam bagi orang yang bertakwa.*" (Surah al-Furqan: 74)

Ini bukanlah permohonan untuk menjadi pemimpin yang dilarang oleh syariat, iaitu kepimpinan yang bersifat duniawi. Seseorang yang memohon jawatan

sebagai pemimpin duniawi tidak boleh dibantu bagi merealisasikan hasratnya malah jawatan itu tidak boleh diberikan kepadanya.

Analisis Lafaz

"أَنْتَ إِمَامُهُمْ", aku jadikan dirimu sebagai imam solat mereka.

"وَاقْتَدِ بِأَضْعَفِهِمْ", jagalah keadaan orang yang lemah di antara mereka dengan cara meringankan pelaksanaan solat, namun tanpa melalaikan aspek-aspek yang menjadi kesempurnaan solat. Oleh kerana orang yang kurang upaya mesti mengikuti solat yang kamu lakukan, maka kamu pula mesti menyedari kelemahan mereka. Tempuhlah jalan yang mudah dan janganlah kamu menyusahkan mereka dengan memperpanjang waktu pelaksanaan solatmu.

"وَاتَّخِذْ مُؤَذِّنًا لاَ يَأْخُذُ عَلَى أَذَانِهِ أَجْرًا", dan lantiklah seorang juru azan yang tidak menerima upah ketika bertugas mengumandangkan azan, kerana seseorang yang enggan menerima upah itu bererti lebih mendekatkan dirinya kepada keikhlasan.

Fiqh Hadis

1. Mengingatkan imam supaya sentiasa mengambil berat keadaan orang yang solat bermakmum di belakangnya.
2. Pemimpin masyarakat dianjurkan melantik seorang juru azan bagi menghimpun orang ramai untuk mengerjakan solat.
3. Seorang muazin dianjurkan untuk tidak menuntut bayaran ke atas azan yang dikumandangkannya. Ulama berbeza pendapat sehubungan masalah ini.

   Imam Abu Hanifah mengharamkannya apabila dia mensyaratkan upah untuk mengumandangkan azan. Dalilnya adalah hadis ini.

   Mazhab Hanbali mengatakan tidak boleh mengambil upah selagi ada seorang yang bersedia membayarnya. Jika tidak, maka juru azan mesti diberi upah yang diambil dari Baitul Mal. Bagi mereka, muazin boleh menerima upah di atas azan yang dikumandangkannya.

   Menurut pendapat yang paling sahih di sisi mazbab Imam al-Syafi'i, imam boleh memberinya upah yang diambil dari Baitul Mal, dari hartanya sendiri, dari individu penduduk kampung, atau dari selain mereka.

   Mazhab Maliki dalam masalah ini mempunyai dua pendapat; ada yang melarang menuntut upah azan dan ada yang membolehkannya. Ibn al-Arabi memilih pendapat yang membolehkannya, yakni boleh menerima upah.
4. Boleh memohon menjadi imam solat kerana ia merupakan amalan yang baik.

Periwayat Hadis

'Utsman Ibn Abu al-Ash ibn Bisyr al-Tsaqafi, nama panggilannya adalah Abu Abdullah. Beliau salah seorang delegasi yang datang menghadap Rasulullah (s.a.w) dari Bani Tsaqif dan merupakan orang paling muda di antara delegasi kaumnya itu.

Ketika Bani Tsaqif berhasrat murtad keluar meninggalkan agama Islam setelah Rasulullah (s.a.w) wafat, 'Utsman ibn Abu al-Ash berkata kepada mereka: "Hai orang Tsaqif, kamu adalah orang yang paling akhir masuk Islam, maka janganlah kamu menjadi orang yang paling pertama di antara mereka yang murtad!" Akhirnya mereka membatalkan hasrat mereka itu.

Rasulullah (s.a.w) pernah melantiknya menjadi 'amil untuk kota al-Tha'if dan beliau terus memegang jawatan itu selama Rasulullah (s.a.w) masih hidup dan juga dalam masa pemerintahan Khalifah Abu Bakar hingga masa pemerintahan Khalifah Umar selama dua tahun. Kemudian Khalifah Umar (r.a) memberhentikannya dan melantiknya menjadi gabenor al-Bahrain dan Amman.

Beliau telah meriwayatkan 29 hadis. Al-Hasan al-Basri berkata: "Aku belum pernah melihat seseorang yang lebih utama daripadanya." Ibn al-Musayyab, Nafi' ibn Jubair, Ibn Sirin dan Musa ibn Talhah telah mengambil riwayat daripadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 51 Hijriah di Basrah.

١٥٥- عَنْ مَالِكِ بْنِ الْحُوَيْرِثِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ لَنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:"وَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَلْيُؤَذِّنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ... الْحَدِيثَ". أَخْرَجَهُ السَّبْعَةُ .

155. Daripada Malik ibn al-Huwairits (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) pernah bersabda kepada kami: "*Apabila waktu solat telah tiba, maka hendaklah seseorang di antara kamu mengumandangkan azan untuk kamu*… hingga akhir hadis." (Diriwayatkan oleh al-Sab'ah)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) memerintahkan untuk mengumandangkan azan bagi setiap kali hendak mengerjakan solat fardu sebagai peringatan yang waktu solat telah pun tiba. Baginda menganjurkan azan supaya benar-benar diperhatikan dan menjelaskan bahwa kedudukan imam solat merupakan hak bagi orang yang lebih alim dan usianya lebih tua di samping membimbing mereka untuk mengetahui tatacara pelaksanaan solat menerusi perbuatannya kerana pengajaran yang disampaikan secara praktikal lebih besar pengaruhnya. Dalam kaitan ini, baginda bersabda:

صَلُّوْا كَمَا رَأَيْتُمُوْنِي أُصَلِّي.

"*Solatlah kamu sebagaimana kamu melihatku mengerjakan solat.*"

Ibn Hajar al-'Asqalani sengaja meringkaskan hadis ini kerana menyesuaikan dengan tuntutan bab ini seperti mana yang biasa dilakukan oleh para ahli hadis yang lain.

Analisis Lafaz

"فَلْيُؤَذِّنْ", perintah ini datang daripada Rasulullah (s.a.w) dan perintah ini menunjukkan wajib.

"الْحَدِيثَ", ertinya hingga akhir hadis. Hadis ini secara lengkapnya adalah seperti berikut: Malik ibn al-Huwarits (r.a) menceritakan hadis berikut:

أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي نَفَرٍ مِنْ قَوْمِي فَأَقَمْنَا عِنْدَهُ عِشْرِينَ لَيْلَةً، وَكَانَ رَحِيمًا رَفِيقًا، فَلَمَّا رَأَى شَوْقَنَا إِلَى أَهْلِينَا، قَالَ: ارْجِعُوا فَكُونُوا فِيهِمْ وَعَلِّمُوهُمْ وَصَلُّوا، فَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلاَةُ، فَلْيُؤَذِّنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ، وَلْيَؤُمَّكُمْ أَكْبَرُكُمْ وَصَلُّوْا كَمَا رَأَيْتُمُوْنِي أُصَلِّى.

"Aku datang menghadap Nabi (s.a.w) bersama sekumpulan orang dari kaumku, lalu aku tinggal di sisinya selama dua puluh malam. Baginda adalah seorang yang pengasih lagi bersikap lemah lembut. Ketika melihat keadaan kami yang sudah merindukan keluarga kami, baginda bersabda: "Sekarang kembalilah kamu dan tinggallah bersama ahli keluarga kamu. Ajarkan mereka (agama) dan solatlah kamu (bersama mereka). Jika waktu solat sudah tiba, maka hendaklah seseorang di antara kamu mengumandangkan azan untuk kamu dan hendaklah orang yang paling tua usianya di antara kamu menjadi imam, dan solatlah kamu sebagaimana kamu melihatku solat."

"فِي نَفَرٍ مِنْ قَوْمِي", dalam satu kumpulan dari kalangan kaumku. *Al-Nafar* ialah serombongan orang yang jumlahnya terdiri daripada tiga hingga sepuluh orang.

"حَضَرَتِ الصَّلاَةُ", telah tiba waktu solat.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan azan untuk setiap kali hendak mengerjakan solat fardu ketika waktunya telah tiba.
2. Tidak ada sebarang syarat bagi seseorang yang hendak menjadi muazzin selain beriman kepada Allah dan mengetahui waktu-waktu solat. Hal ini berlandaskan kepada sabda Rasulullah (s.a.w): "Seseorang di antara kamu," (tanpa menyebutkan apa-apa persyaratan).
3. Solat berjamaah diperintahkan oleh syariat.
4. Keutamaan menjadi imam solat berbanding menjadi muazzin, kerana Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Hendaklah orang yang paling tua usianya di antara kamu menjadi imam solat bagi kamu." Baginda tidak mengatakan: "Hendaklah orang yang paling tua usianya di antara kamu mengumandangkan azan buat kamu." Apapun, masalah memohon supaya dilantik menjadi imam masih dipertikai oleh ulama tentang keutamaannya.

Periwayat Hadis

Malik ibn al-Huwairits al-Laitsi ialah Abu Sulaiman, dilantik menjadi delegasi kaumnya untuk menemui Nabi (s.a.w). Beliau tinggal bersama Nabi (s.a.w) selama dua puluh malam. Hadis yang telah diriwayatkannya berjumlah 15. Orang yang telah mengambil riwayat hadis daripadanya ialah Nasr ibn Ashim al-Laitsi dan Abu Qilabah al-Jurmi. Beliau tinggal di Basrah hingga meninggal dunia pada tahun 94 Hijriah.

١٥٦- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِبِلاَلٍ: "إِذَا أَذَّنْتَ فَتَرَسَّلْ، وَإِذَا أَقَمْتَ فَاحْدُرْ، وَاجْعَلْ بَيْنَ أَذَانِكَ وَإِقَامَتِكَ مِقْدَارَ مَا يَفْرُغُ الآكِلُ مِنْ أَكْلِهِ... الْحَدِيثَ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَضَعَّفَهُ.

156. Daripada Jabir (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda kepada Bilal: "*Jika kamu azan, maka kumandangkan secara perlahan dan apabila kamu iqamah, maka lakukanlah dengan cepat. Jadikan jarak waktu antara azan dengan iqamah yang kamu kumandangkan itu selama seseorang selesai memakan makannya...* hingga akhir hadis." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan menilainya dha'if)

Makna Hadis

Oleh kerana azan bertujuan memberitahukan masuknya solat kepada orang yang tinggal berjauhan dengan masjid, maka Rasulullah (s.a.w) menganjurkan azan supaya dilakukan secara *tartil* (perlahan-lahan) dan bukannya dikumandangkan dengan cara cepat, sebab cara tersebut lebih memungkinkan sampai kepada mereka yang tinggal jauh daripada masjid.

Oleh kerana iqamah bertujuan memberitahukan kepada para hadirin bahawa solat tidak lama lagi akan didirikan, maka ia dilakukan dengan cepat dengan tujuan segera melakukan tujuan yang paling utama, iaitu melaksanakan solat fardu.

Rasulullah (s.a.w) memerintahkan supaya dibuat jarak waktu antara azan dengan iqamah bagi membolehkan orang yang mendengarnya bersiap sedia untuk menghadiri solat secara berjamaah. Ini merupakan salah satu rahmat bagi kaum muslimin. Nabi (s.a.w) melarang mereka melakukan iqamah sebelum imam solat hadir di dalam masjid. Ini bertujuan jamaah tidak terlampau lama menunggu pelaksanaan solat dalam keadaan berdiri sekiranya wujud halangan yang melambatkan kedatangan imam menunaikan solat secara berjamaah.

Analisis Lafaz

"فَتَرَسَّلْ", bacalah lafaz-lafaz azan dengan perlahan dan janganlah mengucapkannya dengan cara cepat.

"فَاحْدُرْ", maka cepatlah dalam membacanya dan jangan diam terlampau lama ketika mengucapkan lafaz-lafaz iqamah.

"مِقْدَارَ مَا يَفْرُغُ الآكِلُ مِنْ أَكْلِهِ", berilah jarak waktu yang lamanya sama dengan seseorang makan hingga dia selesai memakan makannya. Ini hanya sekadar perumpamaan.

"الْحَدِيثَ", hingga akhir hadis. Hadis ini secara lengkapnya ialah seperti berikut:

وَالشَّارِبُ مِنْ شُرْبِهِ وَالْمُعْتَصِرُ إِذَا دَخَلَ لِقَضَاءِ حَاجَتِهِ وَلَا تَقُومُوا حَتَّى تَرَوْنِي.

"*Dan orang yang minum selesai meminum minumannya dan orang yang sakit perut apabila masuk (ke dalam tandas) untuk membuang hajatnya (selesai*

membuang hajatnya). Janganlan kamu berdiri (untuk beriqamah) sebelum melihat (kedatangan)ku."

"الْمُعْتَصِرُ", orang yang perutnya sakit kerana hendak membuang hajat.

"وَضَعَّفَهُ", al-Tirmizi menilai hadis ini dha'if, kerana ia diriwayatkan melalui Abd al-Mun'im ibn Nu'aim al-Basri, sedangkan sanadnya majhul. Apapun, hadis ini diperkuat oleh pengertian yang menjadi latar belakang disyariatkannya azan. Azan merupakan seruan untuk orang yang tidak hadir di dalam masjid supaya mereka hadir mengerjakan solat berjamaah. Oleh itu, mesti diadakan jarak waktu yang memadai untuk bersiap sedia menghadiri solat berjamaah itu. Jika jarak itu tidak dilakukan, maka sia-sialah tujuan sebenar di sebalik azan itu.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan *tartil* ketika mengumandangkan azan, iaitu tenang dan perlahan ketika menyampaikannya, kerana itu diharapkan mampu dapat didengar oleh mereka yang tinggal jauh dari masjid.
2. Disyariatkan cepat dalam melakukan iqamah, kerana iqamah ditujukan kepada orang yang telah hadir di dalam masjid. Jadi, ia lebih tepat jika dilakukan dengan cara yang cepat supaya dapat segera mengerjakan solat yang merupakan tujuan utama di sebalik iqamah itu.
3. Disunatkan memberikan jarak waktu antara azan dengan iqamah untuk bersiap sedia menghadiri solat berjamaah dan manfaat azan tidak disia-siakan.
4. Disyariatkan mengawasi juru azan dan mengajarkannya etika dalam mengumandangkan azan.

١٥٧- وَلَهُ: عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لاَ يُؤَذِّنُ إِلاَّ مُتَوَضِّئٌ". وَضَعَّفَهُ أَيْضًا.

157. Al-Tirmizi meriwayatkan daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Tidak boleh azan kecuali bagi orang yang sudah berwuduk.*" (Al-Tirmizi menilai hadis ini dha'if)

Makna Hadis

Azan adalah berzikir kepada Allah. Jadi, sepatutnya seseorang yang hendak mengumandangkannya berada dalam keadaan berwuduk. Apapun, ulama masih berselisih pendapat sama ada ia dianggap sebagai syarat ataupun tidak.

Analisis Lafaz

"وَلَهُ", al-Tirmizi meriwayatkan.

"وَضَعَّفَهُ", al-Tirmizi menilainya dha'if kerana hadis ini berasal daripada al-Zuhri, daripada Abu Hurairah (r.a). Al-Tirmizi mengatakan bahawa al-Zuhri

belum pernah bersua dengan Abu Hurairah (r.a) dan belum pernah pula mendengar secara langsung daripadanya.

Fiqh Hadis

Disunatkan bersuci untuk mengumandangkan azan. Tetapi apabila azan atau iqamah itu dilakukan oleh orang yang berhadas kecil atau berhadas besar, maka ia tetap dibolehkan, meskipun makruh hukumnya di sisi jumhur ulama.

Imam Malik mengatakan bahawa azan boleh dilakukan meskipun dalam keadaan tidak berwuduk, tetapi iqamah tidak boleh dilakukan kecuali oleh orang yang sudah berwuduk. Jika azan dilakukan oleh orang yang berjunub, maka ada dua riwayat di sisi Imam Malik. Apapun, ia tetap dibolehkan mengikut pendapat kebanyakan ulama.

١٥٨- وَلَهُ: عَنْ زِيَادِ بْنِ الْحَارِثِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "وَمَنْ أَذَّنَ فَهُوَ يُقِيمُ". وَضَعَّفَهُ أَيْضًا.

158. Al-Tirmizi meriwayatkan daripada Ziyad ibn al-Harits, beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Barang siapa yang mengumandangkan azan, maka hendaklah dia pula yang beriqamah.*" (Al-Tirmizi menilai hadis ini dha'if)

Makna Hadis

Mengumandangkan iqamah adalah hak bagi orang yang mengumandangkan azan memandangkan dia telah menyeru orang yang jauh untuk mengerjakan solat dan oleh kerananya, seruannya kepada orang yang dekat adalah lebih diutamakan. Apapun, ini bukannya satu kewajipan, hingga apabila ditinggalkan mengakibatkan iqamah batal, sebaliknya ia adalah sunat mu'akkad supaya dialah yang melakukan iqamah demi menghargai haknya sebagai muazzin. Jika iqamah dilakukan oleh orang lain, maka itu tetap dibolehkan seperti mana yang telah ditegaskan oleh hadis no. 159.

Analisis Lafaz

"وَلَهُ", Al-Tirmizi meriwayatkan.

"وَضَعَّفَهُ", hadis ini turut dinilainya dha'if. Al-Tirmizi mengatakan bahawa hadis ini hanya dikenal pasti daripada Ziyad ibn An'am al-Afriqi, sedangkan dia dinilai dha'if oleh Yahya ibn al-Qatthan dan lain-lain.

Fiqh Hadis

1. Iqamah adalah hak bagi orang yang azan.

2. Hak di sini mencakupi wajib dan sunat mu'akkad. Namun makna yang dimaksudkan di sini adalah sunat mu'akkad berdasarkan hadis yang akan disebutkan berikut ini.

Periwayat Hadis

Ziyad ibn al-Harits al-Shuda'i, ikut membai'at Nabi (s.a.w) dan pernah mengumandangkan azan di hadapan baginda. Beliau hanya meriwayatkan satu hadis, kemudian riwayatnya diambil oleh Ziyad ibn Rabi'ah.

١٥٩- وَلِأَبِي دَاوُدَ: فِي حَدِيثِ عَبْدِ اللهِ بْنِ زَيْدٍ أَنَّهُ قَالَ: أَنَا رَأَيْتُهُ - يَعْنِي: اْلأَذَانُ - وَأَنَا كُنْتُ أُرِيدُهُ. قَالَ: "فَأَقِمْ أَنْتَ". وَفِيهِ ضَعْفٌ أَيْضًا.

159. Menurut riwayat Abu Dawud yang dikemukakan melalui Abdullah ibn Zaid, beliau berkata kepada Nabi (s.a.w): "Akulah yang bermimpi melihatnya, yakni azan dan aku sangat ingin mengumandangkannya. Maka Nabi (s.a.w) bersabda: "Iqamahkan olehmu." (Sanad hadis ini dha'if)

Makna Hadis

Memandangkan tujuan azan ialah memberitahukan masuknya waktu solat bagi orang yang tinggak berjauhan dengan masjid, maka Nabi (s.a.w) menyuruh Abdullah ibn Zaid mengajarkan azan kepada Bilal, kerana Bilal mempunyai suara yang lebih kuat berbanding dirinya. Memandangkan tujuan iqamah untuk memberitahukan yang solat tidak lama lagi akan dilaksanakan kepada orang yang sudah berada di dalam masjid, maka Rasulullah (s.a.w) menyuruh Abdullah ibn Zaid mengumandangkan iqamah bagi menghibur hatinya, kerana dialah yang bermimpi azan itu.

Analisis Lafaz

"أَنَّهُ قَالَ", bahawa Abdullah ibn Zaid berkata kepada Nabi (s.a.w) ketika baginda menyuruhnya mengajarkan azan itu kepada Bilal.

"أَنَا رَأَيْتُهُ", akulah yang memimpikannya dalam tidurku, yakni azan tersebut.

"وَأَنَا كُنْتُ أُرِيدُهُ", dan aku sangat ingin mengumandangkan azan itu, kerana aku sendiri yang memimpikannya, sedangkan engkau, wahai Rasulullah, menyuruhku mengajarkannya kepada Bilal. Itu pun telah kulakukan. Maka Nabi (s.a.w) bersabda kepadanya untuk tujuan menyenangkan hatinya: "Iqamahkanlah olehmu."

"وَفِيهِ ضَعْفٌ أَيْضًا", hadis ini dha'if, kerana berasal daripada riwayat Abu Usamah. Al-Hakim dan al-Baihaqi berkata: "Di dalam matan hadis ini ada unsur dha'if, kerana Abu Usamah telah mencantumkan di dalam matan hadis ini sesuatu yang belum pernah diriwayatkan oleh seorang pun, iaitu Bilal mengumandangkan azan, sedangkan Abdullah Zaid yang mengumandangkan iqamah."

Fiqh Hadis

Iqamah boleh dilakukan oleh seseorang yang tidak mengumandangkan azan.

١٦٠- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْمُؤَذِّنُ أَمْلَكُ بِالْأَذَانِ، وَالْإِمَامُ أَمْلَكُ بِالْإِقَامَةِ". رَوَاهُ ابْنُ عَدِيٍّ وَضَعَّفَهُ.

وَلِلْبَيْهَقِيِّ نَحْوُهُ: عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ مِنْ قَوْلِهِ.

160. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Mu'azzin lebih menguasai azan, sedangkan imam lebih menguasai iqamah.*" (Diriwayatkan oleh Ibn Adi yang menilainya sebagai dha'if)

Al-Baihaqi turut mengemukakan hadis serupa dengannya melalui 'Ali bin Abu Thalib (r.a) berdasarkan perkataannya.

Makna Hadis

Antara keistimewaan Islam ialah segala sesuatu mesti diserahkan kepada orang yang bertugas supaya ia dapat dilakukan dengan tepat dan terarah. Allah (s.w.t) berfirman:

..... قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَّشْرَبَهُمْ ..... ﴿٦٠﴾

"*Sungguh setiap orang telah mengetahui tempat minumnya (masing masing).*" (Surah al-Baqarah: 60)

Muazzin diberi kepercayaan memberitahukan masuknya waktu solat dan tugasan ini sepenuhnya telah diserahkan kepadanya. Oleh itu, Rasulullah (s.a.w) menjadikannya lebih berkuasa terhadap azan. Iqamah pula memiliki kaitan erat dengan solat dan jamaah di mana solat berjamaah tidak dapat dilakukan tanpa kewujudan imam. Jadi, imam lebih menguasai iqamah. Seseorang tidak boleh beriqamah melainkan setelah mendapat isyarat daripada imam. Di sinilah nampak kebijaksanaan syariat Islam di mana setiap tugasan diserahkan kepada orang yang berhak menerimanya dan memberikan tanggung jawab kepada mereka yang bersangkutan. Muazzin adalah orang yang diberi kepercayaan untuk memberikan masuknya waktu solat sedangkan imam pula adalah orang yang bertanggung jawab mengimami solat.

Analisis Lafaz

"الْمُؤَذِّنُ أَمْلَكُ بِالْأَذَانِ", waktu azan diserahkan kepada muazzin dan oleh kerana itu, ia diberi kuasa untuk mengumandangkannya.

"وَالْإِمَامُ أَمْلَكُ بِالْإِقَامَةِ", solat tidak didirikan melainkan setelah mendapat isyarat daripada imam.

"وَضَعَّفَهُ", Ibn Adi menilai hadis ini dha'if, kerana ia disebut oleh Syarik al-Qadhi, sedangkan dia seorang diri dalam meriwayatkan hadis ini. Al-Baihaqi berkata: "Syarik seorang yang tidak *mahfuzh*."

"نَحْوُهُ", seumpama dengaa hadis Abu Hurairah (r.a).

"مِنْ قَوْلِهِ", dari perkataan Ali bin Abu Thalib yang bererti hadis ini mawquf. Apapun, hadis ini tetap dinyatakan sebagai marfu'.

Fiqh Hadis

1. Muazzin dipercaya untuk menjaga waktu solat dan oleh kerananya, tugasan untuk mengawasi waktu solat diserahkan kepadanya.
2. Solat tidak didirikan kecuali setelah mendapat isyarat daripada imam atau dengan kehadirannya, tetapi tidak bergantung kepada izinnya.

Periwayat Hadis

Ibn Adi, seorang imam masyhur, hafiz yang agung. Nama aslinya adalah Abdullah ibn Adi al-Jurjani yang dikenali dengan panggilan Ibn al-Qasshar, penulis kitab al-Kamil fi al-Jarh wa al-Ta'dil. Beliau seorang hafiz yang teliti, tiada tandingan pada zamannya, dilahirkan pada tahun 277 Hijriah dan meninggal dunia pada tahun 365 Hijriah.

١٦١- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ يُرَدُّ الدُّعَاءُ بَيْنَ ٱلأَذَانِ وَٱلإِقَامَةِ". رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

161. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Doa di antara azan dengan iqamah tidak akan ditolak.*" (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Doa mempunyai tempat dan waktu-waktu tertentu yang menjadi salah satu kunci doa itu dimakbulkan. Rasulullah (s.a.w) menekankan bahawa keadaan itu mesti diperhatikan bagi memastikan doa dimakbulkan. Antaranya adalah waktu antara azan dengan iqamah yang merupakan waktu kerberkatan. Pada waktu itu semua pintu langit dibuka dan doa dimakbulkan serta rahmat Allah turun kepada hamba-hamba-Nya.

Namun ketentuan doa dimakbulkan ini masih terikat, iaitu selagi seseorang tidak berdoa untuk perbuatan dosa atau bertujuan memutuskan ikatan silaturrahim. Jika berdoa untuk melakukan perbuatan dosa atau untuk memutuskan hubungan silaturrahim, maka doanya tidak dimakbulkan. Di dalam Sunnah telah disebutkan hadis-hadis yang menunjukkan doa-doa yang mesti dibaca ketika antara azan dan iqamah yang antara lain ialah:

رَضِيتُ بِاللهِ رَبًّا وَبِالْإِسْلاَمِ دِينًا وَبِمُحَمَّدٍ رَسُوْلاً. قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ مَنْ قَالَ ذَلِكَ غُفِرَ لَهُ ذَنْبُهُ.

"*Aku redha Allah sebagai Tuhanku, Islam sebagai agamaku, dan Nabi Muhammad sebagai Rasulku. Rusulullah (s.a.w) bersabda: "Sesiapa yang membaca doa tersebut, nescaya dosanya diampuni.*"

Doa yang lain pula ialah berselawat kepada Nabi (s.a.w) sesudah selesai menjawab azan.

Analisis Lafaz

"لاَ يُرَدُّ الدُّعَاءُ", Allah tidak akan menolak doa seseorang di baca di antara azan dan iqamah, kerana berdoa pada waktu itu dimakbulkan.

Fiqh Hadis

1. Keistimewaan waktu di antara azan dan iqamah.
2. Dianjurkan berdoa di antara azan dan iqamah kerana doa pada waktu tersebut dimakbulkan oleh Allah.

١٦٢- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ قَالَ حِينَ يَسْمَعُ النِّدَاءَ: اَللَّهُمَّ رَبَّ هَذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ، وَالصَّلاَةِ الْقَائِمَةِ، آتِ مُحَمَّدًا الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ، وَابْعَثْهُ مَقَامًا مَحْمُودًا الَّذِي وَعَدْتَهُ، حَلَّتْ لَهُ شَفَاعَتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ". أَخْرَجَهُ اْلأَرْبَعَةُ.

162. Daripada Jabir (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang membaca doa berikut ini setelah mendengar azan:*

اَللَّهُمَّ رَبَّ هَذِهِ الدَّعْوَةِ التَّامَّةِ، وَالصَّلاَةِ الْقَائِمَةِ، آتِ مُحَمَّدًا الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ، وَابْعَثْهُ مَقَامًا مَحْمُودًا اَلَّذِي وَعَدْتَهُ.

(Ya Allah, pemilik seruan yang sempurna ini dan solat yang hendak ditegakkan, berikanlah kepada Nabi Muhammad wasilah dan keutamaan, dan tempatkan dia pada kedudukan yang terpuji seperti mana yang telah Engkau janjikan kepadanya). Maka orang yang membacanya beroleh syafaatku pada hari kiamat kelak." (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) memberitahukan tentang doa yang boleh mendatangkan kebaikan berlimpah bagi orang yang sentiasa membacanya sesudah azan. Waktu sesudah azan merupakan antara waktu di mana doa dimakbulkan dan rahmat turun dari langit kepada hamba-hamba Allah (s.w.t).

Memandangkan Nabi (s.a.w) adalah pembimbing agung kita yang seandainya tanpanya nescaya kita tidak tahu bagaimana kita mengerjakan solat, maka baginda berhak memiliki keutamaan terbesar di atas jasanya ini. Oleh itu, kita wajar mendoakan baginda secara khusus berupa memohon wasilah, keutamaan, darjat

yang tinggi, dan kedudukan yang terpuji sebagai menunaikan hak kita ke atas tanggung jawab yang baginda lakukan ke atas kita. Dengan demikian, makin bertambahlah kesempurnaan baginda di atas kesempurnaan.

Analisis Lafaz

"حِينَ يَسْمَعُ النِّدَاءَ", setelah azan. Ini berlandaskan kepada sabda Rasulullah (s.a.w):

قُولُوا مِثْلَ مَا يَقُولُ، ثُمَّ صَلُّوا عَلَيَّ، ثُمَّ سَلُوا اللهَ لِيَ الْوَسِيلَةَ.

"*Katakanlah seperti apa yang dikatakan oleh muazzin, kemudian bacalah selawat kepadaku, lalu pohonkanlah wasilah kepada Allah untukku.*"

"رَبَّ", pemilik. Lafaz *al-rabb* diucapkan untuk menunjukkan pengertian pemilik, tuan, pengatur dan pemberi nikmat.

"التَّامَّةِ", disifatkan dengan kesempurnaan kerana dalam seruan ini mengandungi pujian kepada Allah dan kepada Rasul-Nya, di samping lafaz azan ini bakal tidak mengalami perubahan dan pergantian, sebaliknya ia tetap berkekalan seperti itu hingga hari berbangkit. Oleh itu syaitan lari tunggang langgang sebaik mendengarnya, berbeza dengan ibadah yang lain.

"وَالصَّلاَةِ الْقَائِمَةِ", solat yang berkekalan yang tidak akan berubah dan tidak pula dimansukh oleh mana-mana syariat sekali pun. Solat tetap berkekalan selagi masih ada langit dan bumi.

"آتِ مُحَمَّدًا الْوَسِيلَةَ", berikanlah kepadanya wasilah yang merupakan darjat paling tinggi di dalam syurga.

"الْفَضِيلَةَ", kedudukan yang lebih utama di atas semua makhluk.

"وَابْعَثْهُ مَقَامًا مَحْمُودًا", sampaikanlah dia kepada kedudukan yang dipuji oleh orang yang terdahulu dan orang yang terkemudian.

"حَلَّتْ لَهُ شَفَاعَتِي", maka wajiblah baginya mendapat syafaat dari Nabi (s.a.w) dan berhak menerimanya, iaitu syafaat yang khusus bagi orang membaca doa ini.

Syafaat ialah permohonan ampun ke atas segala dosa dan memohonkan kebaikan (pahala) yang dilakukan oleh seseorang untuk orang lain.

Fiqh Hadis

1. Dianjurkan berdoa setelah azan dikumandangkan dengan kalimat-kalimat yang telah disebutkan dalam hadis tersebut. Membaca doa itu boleh membawa kepada kebaikan yang besar dan kelak orang yang membacanya akan beroleh syafaat.
2. Berita gembira dengan husnul khatimah bagi orang yang gemar membaca doa ma'tsur (yang dianjurkan oleh Nabi (s.a.w).
3. Disyariatkan mendoakan orang yang lebih utama agar orang yang mendoakannya turut memperoleh manfaat yang besar.

Kesimpulan

Hadis-hadis yang dihimpun dalam bab ini menunjukkan kepada beberapa kesimpulan berikut:

1. Disyariatkan azan dan iqamah setiap kali hendak mengerjakan solat fardu. Mengumandangkan azan dengan perlahan dan mengumandangkan iqamah dengan cepat. Melakukan *tarji'* dalam azan dan *tatswib* dalam azan solat Subuh. Menjamak dan mengqasar solat dalam perjalanan. Hukum azan dan iqamah dalam solat jamak dan qasar, masih dipertikai oleh ulama seperti mana yang disebutkan sebelum ini.
2. Menjelaskan lafaz-lafaz azan yang sebahagian besarnya diucapkan secara berulang, sedangkan lafaz iqamah pula diucapkan satu kali-satu kali.
3. Muazzin atau juru azan disunatkan memiliki suara yang merdu dan kuat, dan hendaklah dia tidak menerima upah dari azannya itu. Azan hendaklah dilakukan di tempat yang tinggi dan muazzin meletakkan dua jari telunjuknya pada kedua telinganya. Menoleh ke kanan dan ke kiri ketika membaca *al-haya'alatain*. Disunatkan makan sahur, boleh makan dan minum hingga terbitnya fajar kedua.
4. Menjawab orang yang azan dengan meniru sebahagian besar lafaz azan dan mengganti jawapan *al-haya'alatain* dengan *al-hawqalatain*.
5. Boleh melantik dua orang juru azan untuk satu masjid; salah seorang daripadanya mengumandangkan azan sesudah yang lain. Hal ini dilakukan dalam solat Subuh, yakni beberapa waktu sebelum dan sesudah masuk waktu solat Subuh. Orang buta boleh mengumandangkan azan dengan beberapa syarat, boleh berpegang kepada suara, boleh menyebut cacat tubuh yang ada pada seseoraag supaya dikenal, boleh menisbahkan seseorang kepada ibunya jika dia sudah dikenal dengan panggilan itu.
6. Juru azan adalah orang yang diberi kepercayaan untuk menjaga waktu solat dan dia bertugas memastikan waktu solat. Solat tidak didirikan kecuali setelah adanya isyarat imam atau dengan kedatangannya ke dalam masjid. Imam harus mengambil berat keadaan orang yang bermakmum di belakangnya.
7. Solat dianggap *ada'an* apabila orang yang melakukannya masih sempat mendapatkan satu rakaat yang sempurna sebelum matahari terbit dan sebelum matahari tenggelam.
8. Dianjurkan berdoa dengan doa yang dianjurkan oleh Nabi (s.a.w) di antara azan dan iqamah kerana membaca doa pada waktu itu dimakbulkan oleh Allah.

Soalan

1. Apakah takrif azan menurut bahasa dan syariat?
2. Bilakah azan disyariatkan dan bagaimanakah kisah ia disyariatkan?
3. Jelaskan lafaz azan dan iqamah!
4. Bagaimanakah kisah Abu Mahdzurah boleh dilantik menjadi juru azan? Mengapa Nabi (s.a.w) memilihnya menjadi juru azan?
5. Sebutkan pendapat ulama mengenai *tarji'*, *tatsniyah* dan *tarbi'*! Sebutkan pula takrif istilah- istilah tersebut!

6. Jelaskan perbezaan pendapat ulama mengenai iqamah!
7. Apakah alasan perbezaan pendapat ulama dalam masalah azan dan iqamah?
8. Terangkan sabda Rasulullah (s.a.w): “أُمِرَ” dengan bentuk *mabni li al-majhul*!
9. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: “يَشْفَعَ”, “يُوتِرَ”, “قُبَّةٍ مِنْ أُدُمٍ”, “حُلَّةٌ”, “عَنَزَةً”, “النِّدَاءَ”, “نَفَرٌ”, “تَرَسَّلْ”, “احْدُرْ”, “الوَسِيْلَةُ” dan “الْفَضِيْلَةُ”!
10. Jelaskan etika dalam melakukan azan!
11. Apakah hikmah di sebalik meletakkan kedua jari pada kedua telinga ketika mengumandangkan azan?
12. Apakah hikmah menoleh ke kanan dan kiri ketika mengucapkan *al-haya'alatain*?
13. Apakah yang mesti diperhatikan oleh seseorang yang menjadi juru azan?
14. Sebutkan kisah Abu Mahdzurah!
15. Apakan keistimewaan yang dimiliki oleh solat fardu hingga berbeza dengan solat sunat yang pelaksanaannya boleh dilakukan secara berjamaah?
16. Mengapa azan disyariatkan?
17. Bagaimanakah hukum azan bagi solat yang terlewat dan solat yang terlupa untuk dikerjakan? Jelaskan mazhab ulama dan jelaskan pula rahsia di sebalik perselisihan pendapat dalam masalah ini!
18. Jelaskan mengenai jamak antara solat Maghrib dan solat Isyak di al-Muzdalifah! Bagaimanakah caranya?
19. Jelaskan mengenai azan pertama dan azan kedua, di samping hukum dan hikmahnya!
20. Berapakah jumlah juru azan pada zaman Nabi (s.a.w)?
21. Bagaimanakah hukum azan sebelum masuk waktu solat?
22. Apakah yang mesti dilakukan oleh muazzin apabila dia ternyata silap kerana melakukan azan sebelum tiba waktu solat)?
23. Bagaimanakah hikmah menjawab azan dan bagaimana pula hukumnya?
24. I'rabkan lafaz “مِثْلَ” dalam sabda Rasulullah (s.a.w): “فَقُولُوا مِثْلَ مَا يَقُولُ الْمُؤَذِّنُ”!
25. Apakah makna kalimat: “كَلِمَةً كَلِمَةً” dan i'rabkan!
26. Apakah faktor yang memalingkan hukum wajib di dalam sabda Rasulullah (s.a.w): “فَقُوْلُوْا”?
27. Bagaimanakah hukum meminta dirinya supaya dilantik menjadi imam?
28. Apakah yang harus diperhatikan oleh imam apabila melihat keadaan orang yang bermakmum kepadanya?
29. Bagaimanakah hukum meminta upah untuk mengumandangkan azan! Jelaskan pendapat ulama mengenainya dan apakah syarat yang harus dipenuhi oleh seorang muazzin!
30. Apakah imam lebih afdhal berbanding muazzin dan mengapa demikian?
31. Bolehkah meringkas hadis?
32. Sebutkan perbezaan antara azan dan iqamah dari segi pelaksanaannya!
33. Apakah hikmah perlahan dalam mengumandangkan azan dan bercepat dalam melakukan iqamah?
34. Apakah hikmah disyariatkan membuat jarak waktu antara azan dan iqamah, dan apakah yang patut dilakukan oleh imam?

35. Apakah disyaratkan bersuci ketika hendak mengumandangkan azan dan iqamah? Jelaskan perbezaan pendapat ulama mengenainya!
36. Mengapa muazzin lebih berhak untuk melakukan iqamah? Kemukakan pendapat anda dalam masalah ini?
37. Bagaimanakah hukum iqamah yang dilakukan oleh orang yang tidak mengumandangkan azan?
38. Mengapa Rasulullah (s.a.w) menyuruh Abdullah ibnu Zaid mengajarkan azan kepada Bilal dan menyuruhnya supaya melakukan iqamah?
39. Jelaskan hikmah "muazzin lebih berhak terhadap azan" dan "imam lebih berhak terhadap iqamah"!
40. Apakah makna lafaz "أَمْلَكُ"?
41. Apakah amalan yang dianjurkan untuk dilakukan di antara azan dan iqamah? Buktikan yang waktu itu memiliki keutamaan!
42. Apakah doa ma'tsur yang mesti dibaca setelah mendengarkan azan?
43. Apakah hikmah yang terkandung di dalam perbuatan mendoakan Rasulullah (s.a.w) dengan doa ma'tsur setelah azan itu dikumandangkan?

BAB SYARAT-SYARAT SOLAT

١٦٣- عَنْ عَلِيِّ بْنِ طَلْقٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِذَا فَسَا أَحَدُكُمْ فِي الصَّلاَةِ فَلْيَنْصَرِفْ، وَلْيَتَوَضَّأْ، وَلْيُعِدْ الصَّلاَةَ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

163. Daripada Ali ibn Thalq (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu kentut ketika dalam solat, maka hendaklah dia pergi meninggalkan solatnya dan berwuduk semula, dan kemudian hendaklah mengulangi solatnya semula.*" (Diriwayatkan oleh al-Khamsah dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Hadas yang keluar daripada salah satu dari dua kemaluan adalah membatalkan wuduk. Ini merupakan ijmak ulama. Oleh yang demikian, solat pun menjadi batal kerananya.

Analisis lafaz

"الشروط" Syuruuth, bentuk jamak lafaz "شرط" syarthun. Syarat menurut bahasa adalah tanda, sedangkan menurut istilah ulama fiqh ialah sesuatu yang apabila tidak dipenuhi, maka tidak akan wujud sesuatu yang lain meskipun kewujudannya tidak menjadikan sesuatu itu lantas wujud atau sebaliknya."

"فَسَا" Fasaa, "الفساء" ialah keluarnya angin dari dubur tanpa suara, sedangkan keluar angin daripada dubur dan disertai suara disebut "الضراط".

Fiqh Hadis

1. Keluar angin dari dubur membatalkan wuduk dan kemudian diqiaskan kepadanya segala yang keluar dari dua jalan (qubul dan dubur).
2. Solat batal disebabkan oleh keluarnya hadas dan wajib mengulangi semula solatnya itu.

Periwayat Hadis

Ali ibn Thalq, al-Bukhari dan Imam Ahmad mengatakan bahawa Ali ibn Thalq merupakan nama kepada satu orang. Biografinya telah diterangkan sebelum ini.

١٦٤- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لاَ يَقْبَلُ اللهُ صَلاَةَ حَائِضٍ إِلاَّ بِخِمَارٍ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ النَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

164. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Allah tidak akan menerima solat seorang wanita yang telah mencapai usia baligh kecuali dengan memakai telekung.*" (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, kecuali al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) menjelaskan seorang wanita mengerjakan solat mestilah menutup kepala, leher dan seluruh tubuhnya, kerana semua itu merupakan aurat baginya. Jika dia mengerjakan solat dalam keadaan tubuh terbuka, maka solatnya batal (tidak sah). Inilah yang dimaksudkan dengan sabda Rasulullah (s.a.w): "Allah tidak akan menerima solatnya" dalam hadis di atas.

Maksud haid di sini bukanlah makna yang sebenar, sebab wanita yang sedang haid jelas tidak dibolehkan bersolat. Maksudnya ialah ungkapan *al-mubalaghah*, kerana haid merupakan salah satu bukti yang seorang wanita itu telah berusia baligh.

Analisis Lafaz

"لاَ يَقْبَلُ اللهُ صَلاَةَ حَائِضٍ", tidak sah solat wanita sudah berusia baligh. Dikatakan berhaid kerana dia telah mencapai usia di mana dia mengalami haid pada setiap bulan, kerana wanita yang berhaid tidak wajib bersolat pada masa-masa haidnya.

"بِخِمَارٍ", dengan memakai telekung yang menutupi kepala dan leher.

Fiqh Hadis

1. Wanita ketika mengerjakan solat wajib menutup kepala, leher dan seluruh anggota tubuhnya yang lain sejauh yang terjangkau oleh telekung.

2. Antara wanita merdeka dengan wanita sahaya wujud persamaan di mana mereka sama-sama diwajibkan menutup aurat ketika dalam solat berdasarkan perkataan haid yang bersifat umum di dalam hadis itu.
3. Jumhur ulama membezakan antara aurat wanita merdeka dengan wanita sahaya di mana aurat wanita sahaya adalah dari pusat hingga kedua lutut dan ini berlaku di luar solat.

١٦٥- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهُ : "إِنْ كَانَ الثَّوْبُ وَاسِعًا فَالْتَحِفْ بِهِ - يَعْنِي : فِي الصَّلَاةِ -". وَلِمُسْلِمٍ: "فَخَالِفْ بَيْنَ طَرَفَيْهِ، وَإِنْ كَانَ ضَيِّقًا فَاتَّزِرْ بِهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

165. Daripada Jabir (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda kepadanya: "*Jika kain itu lebar, maka lipatlah, yakni ketika dalam solat.*" Menurut lafaz Muslim disebutkan: "*Maka lipatlah di antara kedua sisinya secara bersilang dan apabila kain itu sempit, maka jadikan ia sebagai sarung.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Hukum menutup aurat di dalam solat adalah wajib. Dibolehkan solat dengan memakai sehelai kain dan seseorang tidak disyaratkan memakai dua helai kain (pakaian) ketika mengerjakan solat. Ini merupakan salah satu kemudahan dalam Islam. Namun apabila kain yang dipakai itu sempit (tidak lebar), maka hendaklah seseorang yang memakainya menjadikannya sebagai kain sarung untuk menutup auratnya dan aurat lelaki itu ialah antara pusat hingga kedua lutut. Jika kain itu lebar, maka hendaklah dia melipat kedua tepinya secara bersilang untuk menutup bahagian atas tubuh.

Analisis Lafaz

"فَالْتَحِفْ", "الإلتحاف" adalah bersarung dan mengenakan satu kain yang disilangkan di antara kedua tepinya. Caranya ambil hujung kain yang disampirkan di atas bahu kanan dan bawah tangan kiri, kemudian ambil hujung kain yang disampirkan di bahu kiri dari bawah tangan kanan, lalu mengikat keduanya pada bahagian dada.

"فَاتَّزِرْ بِهِ", maka jadikanlah seperti sarung untuk menutup bahagian bawah tubuh, iaitu antara pusat hingga lutut.

Fiqh Hadis

Boleh mengerjakan solat dengan memakai sehelai kain. Jika kain tersebut lebar, maka lebihannya hendaklah dilipat ke atas bahagian tubuh secara bersilang pada kedua hujungnya sesudah bersarung dengannya. Apabila kain itu sempit (tidak lebar), maka memadailah dipakai untuk bersarung bagi menutupi auratnya.

١٦٦ - وَلَهُمَا مِنْ حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: لاَ يُصَلِّي أَحَدُكُمْ فِي الثَّوْبِ الْوَاحِدِ لَيْسَ عَلَى عَاتِقِهِ مِنْهُ شَيْءٌ".

166. Menurut riwayat al-Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah (r.a) disebutkan: "*Tidak boleh seseorang di antara kamu solat dengan memakai sehelai kain, sedangkan di atas bahunya tidak ada sehelai kain pun daripadanya.*"

Makna Hadis

Menutup bahagian atas tubuh dalam solat, sekalipun tidak termasuk aurat, merupakan salah satu sikap untuk mengagungkan dan memuliakan Allah. Barang siapa mengerjakan solat dengan bahagian atas tubuh dibiarkan terbuka, maka solatnya tetap sah, meskipun dimakruhkan. Inilah pendapat jumhur ulama. Dalam kaitan ini, Imam Ahmad memiliki dua pendapat. Riwayat paling kuat adalah pendapat yang mengatakan sah dan larangan ini menunjukkan hukum makruh, bukannya hukum haram.

Analisis Lafaz

"لَهُمَا", menurut riwayat al-Syaikhain, yakni al-Bukhari dan Muslim.

"عَاتِقِهِ", pundak atau bahu tempat selendang disampirkan. Ulama mengatakan bahawa hikmah meletakkan sebahagian kain sarung pada pundak bagi memastikan aurat tidak terdedah di samping tidak perlu lagi memegang kain sarung dengan salah satu atau kedua tangannya. Ini berbeza jika seseorang bersarung dengan tidak menyampirkan sebahagian kain pada bahu; dia pasti sibuk lantaran salah satu atau kedua tangannya mesti memegang sarungnya dan ini menjadikan amalan sunat iaitu meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri di bawah dada tidak dapat dilakukan dengan sempurna. Demikian pula mengangkat kedua tangan yang merupakan amalan sunat di dalam tidak dapat dilaksanakan. Selain itu, dia tidak menutup bahagian yang menjadi perhiasan manusia, iaitu bahagian atas tubuh.

Fiqh Hadis

Dilarang solat memakai kain sekiranya pada bahagian bahu seseorang itu tidak wujud sebarang penutup. Imam al-Syafi'i, Imam Malik dan Imam Abu Hanifah mengatakan, larangan ini menunjukkan hukum makruh. Mereka mengemukakan dalil bagi memperkuat pendapatnya dengan hadis Jabir no. 165 di atas. Jika seseorang mengerjakan solat dengan hanya memakai kain yang menutup auratnya sahaja tanpa mengenakan sehelai kain pun pada bahunya, maka solatnya tetap sah, tetapi itu makruh, sama dia mampu memakaikan kain pada bahunya ataupun tidak.

Imam Ahmad mengatakan, solat seseorang itu tidak sah jika dia mampu memakaikan sehelai kain pada bahunya, kerana berlandaskan kepada makna zahir hadis di atas. Sedangkan riwayat lain menurut Imam Ahmad mengatakan, solat

seseorang itu tetap sah, tetapi dia berdosa kerana kerana enggan memakai kain pada bahagian bahunya.

١٦٧- عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّهَا سَأَلَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَتُصَلِّي الْمَرْأَةُ فِي دِرْعٍ وَخِمَارٍ بِغَيْرِ إِزَارٍ؟ قَالَ: "إِذَا كَانَ الدِّرْعُ سَابِغًا يُغَطِّي ظُهُورَ قَدَمَيْهَا". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَ اْلأَئِمَّةُ وَقْفَهُ.

167. Daripada Ummu Salamah (r.a) bahawa beliau pernah bertanya kepada Nabi (s.a.w): "Bolehkah seorang wantia solat dengan memakai baju kurung dan telekung tanpa memakai kain?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Apabila baju kurung itu labuh hingga dapat menutup bahagian luar kedua telapak kakinya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, tetapi imam-imam hadis memastikannya sebagai hadis mawquf)

Makna Hadis

Aurat perempuan dalam solat adalah seluruh tubuhnya kecuali wajah dan kedua-dua telapak tangan. Apapun, dalam masalah ini ulama masih berselisih pendapat seperti mana yang akan dibahas secara terperinci dalam fiqh hadis berikut ini.

Analisis Lafaz

"دِرْعٍ", baju gamis perempuan atau baju kurung.

"خِمَارٍ", telekung yang menutupi kepala dan leher wanita.

"إِزَارٍ", kain yang dipakai untuk menutupi separuh tubuh bahagian bawah.

"سَابِغًا", lebar atau labuh hingga dapat menutupi seluruh anggota tubuh.

"وَصَحَّحَ اْلأَئِمَّةُ وَقْفَهُ", imam-imam hadis lebih memastikan hadis ini sebagai -mawquf. Imam Malik menyebut hadis ini sebagai berikut:

أَنَّ مُحَمَّدَ بْنَ زَيْدٍ الْقُرَشِيَّ حَدَّثَهُمْ عَنْ أُمِّهِ أَنَّهَا سَأَلَتْ أُمَّ سَلَمَةَ زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَاذَا تُصَلِّي فِيهِ الْمَرْأَةُ مِنَ الثِّيَابِ؟ فَقَالَتْ: تُصَلِّي فِي الْخِمَارِ وَالدِّرْعِ السَّابِغِ إِذَا يُغَيِّبُ ظُهُورَ قَدَمَيْهَا.

"Muhammad ibn Zaid al-Qurasyi menceritakan hadis berikut ini kepada mereka daripada ibunya bahawa ibunya pernah bertanya kepada Ummu Salamah, isteri Nabi (s.a.w): "Apakah pakaian yang mesti dipakai oleh wanita ketika dalam solat?" Ummu Salamah menjawab: "Dia hendaklah memakai telekung dan baju kurung yang labuh hingga dapat menutupi bahagian luar telapak kakinya."

Dalam riwayat ini tidak ada seorang pun yang menyebut "Nabi (s.a.w)", sebaliknya mereka hanya menyebut Ummu Salamah. Ini menunjukkan hadis tersebut adalah mawquf dalam kategori marfu' kerana di dalam masalah ini peranan akal sama sekali tidak dibenarkan.

Fiqh Hadis

Wanita wajib menutup seluruh anggota tubuhnya hinggga bahagian luar telapak kakinya. Inilah pendapat mazhab al-Syafi'i dan mazhab Hanbali dan dalilnya

adalah hadis di atas. Jika seorang wanita solat dengan telapak kaki dalam keadaan terbuka atau ada sebahagian anggota tubuhnya yang terdedah selain wajah dan kedua telapak tangan, maka dia wajib mengulangi semula solatnya.

Mazhab Maliki berpendapat, wanita wajib menutup seluruh anggota tubuhnya selain bahagian dalaman tapak tangan dan kaki serta jari-jemari kedua tangan dan kedua telapak kaki. Oleh yang demikian, tidak disyariatkan menutup keduanya itu. Dengan demikian, solatnya sah, meskipun itu makruh.

Imam Abu Hanifah dan Imam Muhammad mengatakan, wajib menutup seluruh anggota tubuh kecuali wajah, kedua telapak tangan dan kedua telapak kaki. Kedua-dua imam ini mengatakan, dimaafkan terbuka anggota tubuh yang kurang daripada satu perempat betis, rambut, paha dan perut. Sedangkan menurut Abu Yusuf, dimaafkan terbuka anggota tubuh yang kurang dari separuh dan dalam masalah anggota tubuh yang terbuka separuh ini ada dua riwayat yang bersumber daripadanya.

١٦٨- عَنْ عَامِرِ بْنِ رَبِيعَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : كُنَّا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي لَيْلَةٍ مُظْلِمَةٍ، فَأَشْكَلَتْ عَلَيْنَا الْقِبْلَةُ فَصَلَّيْنَا. فَلَمَّا طَلَعَتِ الشَّمْسُ إِذَا نَحْنُ صَلَّيْنَا إِلَى غَيْرِ الْقِبْلَةِ، فَنَزَلَتْ: "فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا فَثَمَّ وَجْهُ اللهِ". أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَضَعَّفَهُ.

168. Daripada 'Amir ibnu Rabi'ah (r.a), beliau berkata: "Ketika kami sedang bersama Nabi (s.a.w) pada suatu malam yang gelap gelita, kami merasa kebingungan menentukan mana arah kiblat. Apapun, kami mengerjakan solat. Ketika matahari sudah terbit pada keesokan harinya, ternyata solat kami malam tadi itu tidak menghadap ke kiblat dengan betul. Maka turunlah firman Allah: "Ke mana sahaja kamu hadapkan muka kamu, di situlah wajah (kekuasaan) Allah." (Surah al-Baqarah: 115)." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan dinilainya dha'if)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) menyuruh hamba-hamba-Nya menghadap kiblat ketika mengerjakannya di tempat bermukim. Untuk itu Allah (s.w.t) berfirman:

..... فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ ..... ﴿١٤٤﴾

"*...Hadapkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram....*" (Surah al-Baqarah: 144) Demikian pula semasa dalam perjalanan. Hal ini dijelaskan melalui firman-Nya:

..... فَوَلُّواْ وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُۥ ..... ﴿١٤٤﴾

"*... Dan di mana saja kalian berada, palingkanlah mukamu ke arahnya....*" (Surah al-Baqarah: 144)

Namun, barang siapa yang merasa kebingungan dalam menentukan arah kiblat kerana gelap, mendung atau faktor lain, maka dia wajib memperhatikan tanda-tanda yang ada di sekelilingnya dan menelitinya, kemudian solatlah dengan menghadap ke arah yang dia yakini sebagai arah kiblat.

Jika kesilapan tersebut diketahui ketika masih dalam waktu solat, maka dia wajib mengulang semula solatnya. Tetapi jika waktu solat telah lewat, maka tidak wajib baginya mengulangi solat itu. Jika seseorang solat tanpa berusaha mengenal pasti terlebih dahulu arah kiblat dan ternyata dia salah dalam menentukannya, maka secara mutlak solatnya wajib diulangi, sama ada waktu solat masih wujud ataupun sebaliknya. Hadis ini berstatus dha'if; tidak dapat dijadikan sebagai hujah.

Analisis Lafaz

"فِي لَيْلَةٍ مُظْلِمَةٍ", pada waktu malam yang gelap gelita hingga cahaya bintang pun sukar untuk dijadikan sebagai tanda kiblat.

"فَأَشْكَلَتْ عَلَيْنَا الْقِبْلَةُ", kami merasa kebingungan untuk mengenal pasti arah kiblat, padahal kami sudah meneliti dan memperhatikan semua tandanya.

"فَثَمَّ", maka di situlah.

"ضَعَّفَهُ", al-Tirmizi manilai hadis ini sebagai dha'if, kerana di dalam sanadnya terdapat Asy'ats ibn Sa'd al-Samman; seorang yang dha'if.

Fiqh Hadis

Sah solat seseorang yang tidak menghadap ke arah kiblat kerana gelapnya malam atau mendung yang menjadikan cuaca gelap setelah dia berusaha kerana untuk mengenal pasti mengenainya. Jika setelah itu diketahui yang seseorang itu solat dalam keadaan tidak menghadap arah kiblat melainkan ke arah yang lain, maka solatnya tetap sah. Inilah pendapat Imam Ahmad, Imam Abu Hanifah dan Imam Malik berlandaskan kepada hadis ini. Namun Imam Malik mengatakan, orang itu disunatkan mengulangi solatnya selagi waktunya masih wujud jika ternyata dia telah membelakangi kiblat atau menghadap ke arah timur atau ke arah barat, meskipun dia telah pun berusaha keras untuk mengenal pasti arah kiblat itu. Imam Malik mengemukakan alasan bagi menyokong pendapatnya bahawa disunatkan mengulangi solat bagi seorang yang mengerjakannya secara bersendirian, kerana setelah itu dia menjumpai orang lain yang mengerjakannya dalam keadaan berjemaah dan solat itu dikerjakan dalam waktunya. Jadi, dalam keadaan ini dia disunatkan mengulangi solatnya berjamaah bersama mereka. Imam Malik berkata: "Jika seseorang itu miring sedikit ke kiri arah kiblat atau sedikit miring ke arah kanan kiblat, maka dia tidak perlu mengulangi solatnya itu lagi, sama ada waktu solat masih wujud ataut sebaliknya."

Imam al-Syafi'i berkata: "Jika seseorang yang miring ke arah kiri kiblat atau sedikit miring ke arah kanan kiblat, maka solat itu tidak sah baginya, kerana kiblat merupakan salah satu syarat sahnya solat."

Periwayat Hadis

‘Amir ibnu Rabi’ah ibn Ka’b ibn Malik ibn Rabi’ah al-Ghazzi telah masuk Islam sejak masa permulaan Islam. Beliau turut berhijrah ke Habsyah, kemudian ke Madinah dan turut menyertai perang Badar serta peperangan yang lain.

Hadis yang telah diriwayatkannya berjumlah 22. Anaknya yang bernama Abdullah mengambil riwayat daripadanya, begitu pula Ibn al-Zubair serta Ibn ‘Umar (r.a). Al-Mada’ini mengatakan bahawa ‘Amir meninggal dunia pada tahun 33 Hijriah.

١٦٩- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَا بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ قِبْلَةٌ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَقَوَّاهُ الْبُخَارِيُّ.

169. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: “*Di antara timur dan barat terdapat arah kiblat.*” (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan dikuatkan lagi oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Setelah Nabi (s.a.w) tinggal di Madinah, baginda ingin menjelaskan kepada masyarakat Madinah tentang arah kiblat mereka yang terletak di antara arah timur dan arah barat. Untuk itu, baginda bersabda:

مَا بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ قِبْلَةٌ.

“*Di antara arah timur dan arah barat terdapat arah kiblat.*”

Hadis ini tidak bersifat umum yang berlaku bagi setiap daerah, kerana adakalanya arah kiblat bagi suatu daerah ke arah timur atau malah ke arah barat. Hal ini seperti mana yang telah baginda sabdakan mengenai keadaan ahli Madinah berkenaan dengan menghadap dan membelakangi kiblat bagi orang yang menunaikan hajat:

وَلَكِنْ شَرِّقُوْا وَغَرِّبُوْا.

“*Tetapi menghadaplah kamu ke arah timur atau ke arah barat!*”

Analisis Lafaz

“مَا بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ قِبْلَةٌ”, di antara timur dan barat terdapat arah kiblat. Ini berlaku bagi penduduk Madinah dan orang yang tinggal di sekitarnya. Arah mereka ini persis menghadap pancuran emas Ka’bah.

“رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ”, hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmizi. Beliau mengatakan hadis ini hasan sahih.

Fiqh Hadis

1. Arah kiblat bagi penduduk Madinah dan sekitarnya terletak di tengah-tengah antara arah timur dan arah barat.
2. Orang yang melihat secara langsung kiblat wajib menghadap ke arah kiblat, kerana dia mampu berbuat demikian. Bagi orang yang tinggal berjauhan

dengan Ka'bah pula wajib menghadap ke arahnya, kerana sukar bagi mereka untuk dapat menghadap ke arah 'ain kiblat secara tepat.

١٧٠- عَنْ عَامِرِ بْنِ رَبِيعَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي عَلَى رَاحِلَتِهِ حَيْثُ تَوَجَّهَتْ بِهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

زَادَ الْبُخَارِيُّ: "يُومِئُ بِرَأْسِهِ، وَلَمْ يَكُنْ يَصْنَعُهُ فِي الْمَكْتُوبَةِ".

وَلِأَبِي دَاوُدَ: مِنْ حَدِيثِ أَنَسٍ: "كَانَ إِذَا سَافَرَ فَأَرَادَ أَنْ يَتَطَوَّعَ اسْتَقْبَلَ بِنَاقَتِهِ الْقِبْلَةَ، فَكَبَّرَ، ثُمَّ صَلَّى حَيْثُ كَانَ وَجْهَ رِكَابِهِ". وَإِسْنَادُهُ حَسَنٌ.

170. Daripada 'Amir ibnu Rabi'ah (r.a), beliau berkata: "Saya pernah melihat Rasulullah (s.a.w) solat di atas kenderaannya menghadap ke arah mana kenderaannya menghadap!" (Muttafaq 'alaih)

Di dalam riwayat al-Bukhari ditambahkan: "(Nabi (s.a.w) mengisyaratkan dengan kepalanya, tetapi baginda belum pernah melakukan itu dalam solat fardu."

Menurut riwayat Abu Dawud daripada Anas (r.a) disebutkan: "Rasulullah (s.a.w) apabila berada dalam perjalanan lalu hendak mengerjakan solat sunat, baginda menghadapkan kenderaannya ke arah kiblat, lalu bertakbir, kemudian solat dengan menghadap ke arah mana kenderaannya menghadap." (Sanad hadis ini hasan)

Makna Hadis

Menghadap ke arah kiblat merupakan salah satu syarat bagi sahnya solat. Namun Allah (s.w.t) memberikan *rukhsah* dalam solat sunat ketika dalam perjalanan, sama ada bagi mereka yang berjalan kaki maupun yang berkenderaan. Orang yang berkenderaan dibolehkan solat menghadap ke arah mana kenderaan itu mengarah atau menghadap dengan syarat tertentu yang telah disebutkan di dalam kitab fiqh secara terperinci. Dalam kaitan ini turunlah firman Allah (s.w.t):

..... فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا۟ فَثَمَّ وَجْهُ ٱللَّهِ ۚ ..... ﴿١١٥﴾

"*... Ke arah mana pun kalian, menghadap, maka di situlah wajah Allah...*" (Surah al-Baqarah: 115)

Nabi (s.a.w) pernah mengerjakan solat sunat di atas kenderaannya ketika baginda kembali dari Mekah menuju Madinah setelah mengerjakan haji wada'. Sedangkan syarat solat fardu adalah menghadap ke arah kiblat.

Analisis Lafaz

"يُصَلِّي", mengerjakan solat, yakni solat sunat seperti mana yang difahami pada bahagian akhir hadis.

"رَاحِلَتِهِ", unta kenderaannva diberi pelana. Kenderaan di sini tidak hanya terhad kepada unta, melainkan meliputi segala jenis kenderaan.

"حَيْثُ تَوَجَّهَتْ بِهِ", ke arah mana pun kenderaannya menghadap. Baginda ketika itu mengerjakan solat sunat, sekalipun arah kenderaannya tidak menghadap ke arah kiblat.

"يُومِئُ", melakukan rukuk dan sujud dengan isyarat. Isyarat sujud lebih rendah daripada isyarat rukuk bagi membezakan di antara keduanya.

"فِي الْمَكْتُوبَةِ", dalam solat fardu yang diwajibkan ke atas setiap orang mukallaf.

"فَأَرَادَ أَنْ يَتَطَوَّعَ", hendak mengerjakan solat sunat di atas kenderaan, sedangkan kenderaannya tetap dalam keadaan berjalan.

"فَكَبَّرَ", lalu Nabi (s.a.w) takbir untuk mengerjakan solat, yakni takbiratul ihram sesudah menghadapkan kenderaannya ke arah kiblat. Dalam kaitan ini, Imam al-Syafi'i dan Ibn Habib dari kalangan mazhab Maliki mensyaratkan menghadap ke arah kiblat ketika takbiratul ihram, apabila kendali kenderaannya mudah berada di tangannya. Tetapi perbuatan Rasulullah (s.a.w) tidak menunjukkan adanya syarat menghadap ke arah kiblat dan pendapat ini dianggap sebagai perbuatan yang lebih utama.

"حَيْثُ كَانَ وَجْهَ رِكَابِهِ", mengikut kenderaannya ke mana ia menghadap.

Fiqh Hadis

1. Sah mengerjakan solat sunat di atas kenderaan, sekalipun tidak menghadap ke arah kiblat, kerana arah di dalam perjalanan sudah dianggap sebagai kiblat baginya dan ini merupakan *rukhsah* (kemurahan) daripada Allah (s.w.t).
2. Solat fardu tidak boleh dikerjakan di atas kenderaan kerana kerana menghadap kiblat tidak dapat dilakukan dengan sempurna.
3. Seorang yang bermusafir boleh mengerjakan solat sunat di atas kenderaan dan disyariatkan menghadap kiblat ketika melakukan takbiratul ihram sahaja.

١٧١- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الأَرْضُ كُلُّهَا مَسْجِدٌ إِلاَّ الْمَقْبَرَةَ وَالْحَمَّامَ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَلَهُ عِلَّةٌ.

171. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a) daripada Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Bumi secara keseluruhannya merupakan tempat sujud, kecuali kuburan dan bilik mandi.*" (Diriwayatkan oleh al-Timidzi dan hadis ini memiliki kecacatan)

١٧٢- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُصَلِّيَ فِي سَبْعِ مَوَاطِنَ: الْمَزْبَلَةِ، وَالْمَجْزَرَةِ، وَالْمَقْبَرَةِ، وَقَارِعَةِ الطَّرِيقِ، وَالْحَمَّامِ، وَمَعَاطِنِ الْإِبِلِ، وَفَوْقَ ظَهْرِ بَيْتِ اللهِ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَضَعَّفَهُ.

172. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) telah melarang solat pada tujuh tempat, iaitu tempat pembuangan sampah, tempat penyembelihan, kuburan, tengah jalan, bilik mandi, tempat-tempat peristirahatan ternakan unta, dan di atas Baitullah." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan ia menilainya sebagai dha'if)

١٧٣- عَنْ أَبِي مَرْثَدٍ الْغَنَوِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "لاَ تُصَلُّوا إِلَى الْقُبُورِ، وَلاَ تَجْلِسُوا عَلَيْهَا". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

173. Daripada Abu Martsad al-Ghanawi, beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Janganlah kamu solat menghadap ke kuburan dan jangan pula duduk di atasnya.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Solat merupakan kewajipan yang telah difardukan oleh Allah (s.w.t) atas hamba-Nya yang beriman dan mensyaratkan tempat untuk menunaikan solat mestilah suci. Dalam pada itu, orang yang hendak solat wajib memilih tempat yang suci dan bukannya tempat umum seperti di tengah jalan, bukan pula tempat najis seperti kuburan, tempat penyembelihan, dan tempat pembuangan sampah, bukan pula tempat yang pada umumnya tidak bebas daripada najis, seperti bilik mandi, bukan pula tempat yang menjadi tempat rehat syaitan-syaitan seperti tempat rehat ternakan unta, dan bukan pula di atas Baitullah, kerana ketiadaan kiblat untuk menghadap ke arahnya jika dia solat di atasnya.

Analisis Lafaz

"الْمَقْبَرَةَ", tempat pengkebumian orang mati.

"الْحَمَّامَ", tempat mandi air panas.

"لَهُ عِلَّةٌ", hadis ini ada cacatnya, di mana kedudukannya sebagai *mawsul* atau mursal masih dipertikai oleh ulama. Hammad meriwayatkan hadis ini secara *mawsul* melalui Amr ibn Yahya daripada ayahnya daripada Abu Sa'id al-Khudri. Al-Tsauri turut meriwayatkannya, tetapi secara mursal melalui Amr ibn Yahya daripada ayahaya daripada Nabi (s.a.w).

"مَوَاطِنَ", bentuk jamak "موطن", ertinya tempat.

"الْمَزْبَلَةِ", tempat pembuangan sampah atau tempat pembuangan kotoran ternakan.

"الْمَجْزَرَةِ", tempat penyembelihan haiwan ternakan.

"قَارِعَةِ الطَّرِيقِ", tempat yang biasa menjadi laluan pejalan kaki di tepi jalan. Orang yang lalu lalang di kawasan itu mengganggu orang yang sedang solat di tepi jalan, sekalipun jarang orang yang berani lalu di hadapannya.

"مَعَاطِنِ الْإِبِلِ", tempat rehat atau ternakan unta di sekitar mata air, kerana dikhuatiri ternakan itu lari dan ini boleh menyebabkan solat menjadi batal, di samping tempat tersebut merupakan tempat rehat syaitan.

"فَوْقَ ظَهْرِ بَيْتِ اللهِ", di atas Ka'bah, kerana hendak menghadap ke mana lagi apabila seseorang itu solat di atas Ka'bah.

"ضَعَّفَهُ", al-Bukhari mengatakan bahawa di dalam sanad hadis ini ada seorang periwayat *matruk*, iaitu Zaid ibn Jubairah. Al-Tirmizi setelah mengetengahkan hadis ini mengatakan bahawa hadis Ibn Umar sanadnya kurang kuat.

Fiqh Hadis

Bumi secara keseluruhannya adalah sah untuk dijadikan sebagai tempat solat kecuali tempat-tempat berikut:

1. Kuburan. Imam Ahmad dan murid-muridnya berpendapat haram mengerjakan solat di perkuburan dan solatnya tidak sah berlandaskan kepada larangan yang terdapat di dalam hadis ini yang bersifat umum ini. Imam Abu Hanifah berpendapat makruh mengerjakan solat di perkuburan. Beliau tidak membezakan antara kuburan yang telah digali semula dan perkuburan yang selain itu. Mazhab Maliki berpendapat bahawa mengerjakan solat di perkuburan dibolehkan dan tidak dimakruhkan selagi tidak diketahui bahawa ia adalah najis. Imam al-Syafi'i membezakan antara perkuburan yang telah digali semula dan perkuburan yang selain itu. Dalam kaitan ini, beliau berkata: "Jika perkuburan itu telah digali semula hingga tanahnya bercampur dengan daging dan nanah mayat serta semua kotoran yang keluar daripadanya, maka tidak boleh mengerjakan solat di perkuburan itu kerana adanya najis. Tetapi jika seseorang mengerjakan solat di tempat yang suci di kawasan perkuburan itu, maka solatnya tetap sah. Jika perkuburan itu tidak digali semula, maka dibolehkan solat di kawasan sekitarnya, tetapi itu makruh. Jika dia ragu sama ada perkuburan itu telah digali ataupun tidak, maka ada dua pendapat dalam masalah ini."
2. Tempat mandi air hangat. Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah berpendapat sah solat di tempat mandi air hangat selagi tempat tersebut selamat dari sebarang najis, namun hukumnya makruh. Jika tidak selamat daripada najis, maka solatnya tidak sah. Inilah tafsiran hadis di atas di sisi Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah. Imam Malik mengatakan boleh mengerjakan solat di tempat mandi air hangat dan tidak dimakruhkan. Sedangkan Imam Ahmad mengatakan tidak sah, kerana merujuk kepada larangan yang bersifat umum di dalam hadis ini.
3. Tempat penyembelihan dan tempat pembuangan sampah, sebab kedua-dua tempat tersebut adalah bernajis.
4. Jalan umum. Sebab dilarang mengerjakan solat di jalan umum kerana orang lain turut mempunyai hak untuk lalu di kawasan itu di samping solat yang dikerjakannya tidak terganggu oleh orang yang lalu lalang di sekitarnya.
5. Tempat rehat dilarang mengerjakan solat di tempat rehat ternakan unta kerana tempat itu merupakan tempat syaitan dan dikhuatiri ternakan unta akan lari hingga mengakibatkan rosaknya solat orang yang bersangkutan.
6. Mengerjakan solat di atas Baitullah dilarang kerana tidak ada lagi arah ke mana dia mesti menghadap yang dalam hal ini adalah menghadap ke arah kiblat.
7. Dilarang duduk di atas perkuburan. Larangan ini bermaksud makruh. Adapun duduk di atas atau di tepi kuburan dengan tujuan membuang air kecil atau air besar, maka hukumnya haram.

Periwayat Hadis

Martsad ibn Abu Martsad al-Ghanawi adalah seorang sahabat yang turut menyertai perang Badar dan perang Uhud. Hadisnya diriwayatkan oleh Abdullah ibn Umar. Beliau mati sebagai syahid ketika bertugas sebagai sariyyah al-Raji' pada tahun ke-3 Hijriah.

١٧٤- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا جَاءَ أَحَدُكُمُ الْمَسْجِدَ فَلْيَنْظُرْ، فَإِنْ رَأَى فِي نَعْلَيْهِ أَذًى أَوْ قَذَرًا فَلْيَمْسَحْهُ وَلْيُصَلِّ فِيهِمَا". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

174. Daripada Abu Sa'id Al-Khudri (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu datang ke masjid, maka hendaklah memeriksa dirinya. Jika pada kedua seliparnya terdapat kotoran atau najis, maka hendaklah dia menggosokkan kedua-duanya (ke tanah), lalu dia boleh mengerjakan solat dengan memakai keduanya.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah)

١٧٥- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا وَطِئَ أَحَدُكُمْ الْأَذَى بِخُفَّيْهِ فَطَهُورُهُمَا التُّرَابُ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

175. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu memijak najis dengan kedua khuffnya, maka untuk menyucikan keduanya ialah dengan tanah.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Ketika Nabi (s.a.w) sedang berada di hadapan Allah dan bermunajat kepada-Nya dalam solat, tiba-tiba baginda menanggalkan kedua seliparnya. Melihat itu, para sahabat yang bermakmum di belakangnya turut menanggalkan selipar mereka masing-masing kerana perbuatan Nabi (s.a.w). Ketika selesai mengerjakan solat, baginda bertanya kepada mereka mengenai sebab yang mendorong mereka turut menanggalkan selipar mereka. Mereka menjawab: "Kami melihat tuan menanggalkan kedua-dua selipar." Nabi (s.a.w) bersabda kepada mereka: "Jibril tadi datang kepadaku, lalu dia memberitahu bahawa pada kedua seliparku terdapat najis, maka aku segera menanggalkannya." Kemudian Nabi (s.a.w) memberitahukan kepada mereka: "Barang siapa yang datang ke masjid lalu melihat najis pada seliparnya, maka hendaklah dia menggosokkannya ke tanah, lalu dia boleh mengerjakan solat dengan memakainya."

Analisis Lafaz

"أَذًى أَوْ قَذَرًا", kotoran atau najis. Kalimat *aw* menunjukkan ragu dari pihak , tetapi makna yang dimaksudkan adalah sama, iaitu najis.

"وَطِئَ أَحَدُكُمْ الْأَذَى", memijak najis dengan selipar.

"بِخُفَّيْهِ", bentuk *tatsniyah* dari lafaz *al-khuff*, ertinya stoking kaki yang terbuat daripada kulit. Kemudian setiap sesuatu yang digunakan sebagai alas kaki seperti selipar dikiaskan dengan khuff ini.

Fiqh Hadis

1. Solat tidak batal kerana adanya najis yang baru dia ketahui, tetapi dengan syarat segera menghilangkannya dengan melakukan sedikit gerakan sesudah mengetahuinya. Jika itu dilakukan dengan banyak gerakan, maka solatnya menjadi batal. Inilah pendapat yang masyhur di kalangan mazhab Hanbali. Menurut pendapat Imam al-Syafi'i dalam qaul qadim dan qaul jadid, batal solatnya. Inilah pendapat yang masyhur di sisinya. Mazhab Maliki mengatakan, batal solatnya sebaik seseorang mengetahui adanya najis itu, kecuali jika najis berada pada bahagian bawah khuffnya maka dia mesti segera menanggalkan kedua-dua khuffnya itu.
2. Rasulullah (s.a.w) mengajarkan kepada umatnya apa yang mesti mereka lakukan terhadap najis yang mereka ketahui ada pada diri mereka ketika sedang solat.
3. Solat dengan memakai selipar adalah disyariatkan selagi keduanya dalam keadaan suci.
4. Menggosokkan selipar ke tanah dapat menyucikan najis yang ada pada bahagian bawahnya, sekalipun najis itu basah. Inilah pendapat Imam Ahmad dan Abu Yusuf berlandaskan kepada makna zahir hadis di atas. Imam Malik dan Imam al-Syafi'i mengatakan, apabila najis yang ada pada selipar itu basah, maka ia tidak menjadi suci hanya dengan menggosokkannya ke tanah, sebaliknya ia wajib dibasuh. Kedua-dua ulama ini mentafsirkan hadis ini bahawa najis yang dipijak tersebut dalam keadaan kering, lalu sebahagian kecil daripadanya melekat pada bahagian bawah selipar, tetapi dapat dihilangkan dengan cara menggosokkannya ke tanah. Imam Abu Hanifah berpendapat, apa yang dimaksudkan dengan najis di sini ialah najis yang wujud bendanya dan ia kering, kerana najis yang basah mencemari tanah dan akan menyebar ke merata tempat.
5. Bergerak dengan sedikit gerakan dalam solat tidak membatalkan solat.

١٧٦- عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ الْحَكَمِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ هَذِهِ الصَّلاَةَ لاَ يَصْلُحُ فِيهَا شَيْءٌ مِنْ كَلاَمِ النَّاسِ، إِنَّمَا هُوَ التَّسْبِيحُ، وَالتَّكْبِيرُ، وَقِرَاءَةُ الْقُرْآنِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

176. Daripada Mu'awiyah ibn al-Hakam (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Sesungguhnya solat ini tidak patut di dalamnya diisi dengan percakapan manusia sedikitpun. Sesungguhnya isi solat itu adalah tasbih, takbir dan membaca al-Qur'an.*" (Diriwayatkan Muslim)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) selalunya berakhlak mulia, gemar memaafkan kesilapan orang jahil, berbelas kasihan, membimbing dan memberinya petunjuk ke jalan yang benar dengan cara lemah lembut.

Ketika masih baru masuk Islam, para sahabat menerima ilmu dari Rasulullah (s.a.w) secara berperingkat. Mereka sering kali mengkritik apabila melihat baginda melakukan perkara-perkara yang menurut mereka bercanggah antara satu sama lain. Oleh itu, mereka memprotes Mu'awiyah ibn al-Hakam ketika membaca *tasymith* terhadap orang yang bersin, padahal dia sedang solat; perbuatan tersebut membatalkan solat. Kemudian Rasulullah (s.a.w) meredakan ketegangan dan kritikan mereka melalui keputusan hukum yang baginda ajarkan kepada mereka dari satu waktu ke waktu yang lain, sebagai asas yang kuat bagi agama ini bagi memastikannya terus terpelihara sampai hari kiamat nanti.

Analisis Lafaz

Hadis ini mempunyai latar belakang (*asbab al-wurud*) di mana Mu'awiyah bin al-Hakam menceritakan:

بَيْنَا أَنَا أُصَلِّي مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ عَطَسَ رَجُلٌ مِنْ الْقَوْمِ، فَقُلْتُ: يَرْحَمُكَ اللهُ، فَرَمَانِي الْقَوْمُ بِأَبْصَارِهِمْ، فَقُلْتُ: وَا ثُكْلَ أُمِّيَاهْ، مَا شَأْنُكُمْ تَنْظُرُونَ إِلَيَّ؟ فَجَعَلُوا يَضْرِبُونَ بِأَيْدِيهِمْ عَلَى أَفْخَاذِهِمْ، فَلَمَّا رَأَيْتُهُمْ يُصَمِّتُونَنِي لَكِنِّي سَكَتُّ، فَلَمَّا صَلَّى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَبِأَبِي هُوَ وَأُمِّي مَا رَأَيْتُ مُعَلِّمًا قَبْلَهُ وَلاَ بَعْدَهُ أَحْسَنَ تَعْلِيمًا مِنْهُ، فَوَ اللهِ مَا كَهَرَنِي وَلاَ ضَرَبَنِي وَلاَ شَتَمَنِي، ثُمَّ قَالَ: إِنَّ هَذِهِ الصَّلاَةَ لاَ يَصْلُحُ فِيهَا شَيْءٌ مِنْ كَلاَمِ النَّاسِ، إِنَّمَا هُوَ التَّسْبِيحُ وَالتَّكْبِيرُ وَقِرَاءَةُ الْقُرْآنِ.

"Ketika kami sedang solat bersama Nabi (s.a.w), tiba-tiba bersinlah seorang lelaki yang sedang solat itu. Aku berkata: "يرحمك الله" (semoga Allah merahmatimu)." Seluruh kaum muslimin ketika itu mengarahkan pandangannya kepadaku. Lalu saya berkata: "Celakalah diriku, mengapa kamu mengarahkan pandangan kamu ke arahku?" Mereka memukul paha dengan tangan mereka masing-masing. Aku faham mereka mengisyaratkan diri supaya diam. Aku pun diam. Ketika Rasulullah (s.a.w) selesai mengerjakan solat, demi ayah dan ibuku yang kujadikan tebusannya, aku tidak pernah melihat seorang pengajar sebelum dan sesudahnya yang lebih baik cara mengajarnya seperti baginda. Nabi (s.a.w) tidak memukulku, tidak mengherdikku, dan tidak pula memakiku. Kemudian baginda bersabda: "*Sesungguhnya solat ini tidak patut di dalamnya diisi dengan percakapan manusia sedikitpun. Sesungguhnya isi solat itu adalah tasbih, takbir dan membaca al-Qur'an.*"

"فَرَمَانِي الْقَوْمُ بِأَبْصَارِهِمْ", semua orang yang ikut berjamaah kala itu melontarkan pandangannya ke arahku, memprotes agar aku diam.

"وَا ثُكْلَ أُمِّيَاهْ", "الثكل", wanita yang kehilangan anaknya seakan-akan dia berkata: "Wahai ibuku yang bakal kehilangan anaknya." Apa yang dimaksudkan di sini adalah dirinya sendiri.

"فَبِأَبِي هُوَ وَأُمِّي", ayah dan ibuku sebagai tebusannya.

“مَا ضَرَبَنِي”, baginda tidak memukulku, melainkan memanggilku dan mengajariku dengan cara lemah lembut.

“مَا كَهَرَنِي”, dan baginda tidak pula mengeluarkan kata-kata yang kasar kepadaku.

“إِنَّ هَذِهِ الصَّلاَةَ لاَ يَصْلُحُ فِيهَا شَيْءٌ مِنْ كَلاَمِ النَّاسِ” Sesungguhnya di dalam solat tidak patut diisi dengan sesuatu yang di dalamnya mempunyai percakapan manusia. Ini menunjukkan haram bercakap-cakap di dalam solat. Mengaitkan percakapan kepada manusia untuk mengecualikan tasbih, takbir, dan bacaan al-Qur'an, kerana semua itu tidak termasuk percakapan manusia dan tidak pula untuk tujuan memberikan kefahaman kepada mereka, sebaliknya ia dibaca untuk semata-mata ibadah.

“إِنَّمَا هُوَ التَّسْبِيحُ”, apa yang dihalalkan dalam solat hanyalah tasbih dan lain-lain seumpamanya berupa zikir dan doa.

Fiqh Hadis

1. Haram bercakap semasa dalam solat, sama ada kerana keperluan penting atau pun sebaliknya, sama ada ada kaitannya dengan kemaslahatan solat atau sebaliknya. Jika untuk mengingatkan sesuatu atau memberi izin masuk kepada tetamu dan sebagainya, maka hendaklah bertasbih bagi lelaki dan bertepuk tangan bagi perempuan. Inilah pendapat Imam Malik, Imam al-Syafi'i, Imam Abu Hanifah, dan jumhur ulama salaf dan khalaf. Sekumpulan ulama berkata: “Bercakap untuk kemaslahatan yang ada kaitannya dengan solat dibolehkan dan ini berdasarkan kepada hadis Dzu al-Yadain.” Hal ini berkaitan dengan orang yang bercakap dengan sengaja dan tahu hukumnya. Adapun orang yang bercakap kerana lupa dan orang yang tidak tahu hukum solat kerana baru masuk Islam, maka solatnya tidak batal selagi apa yang dicakapkan itu hanya sedikit. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i, Imam Malik dan Imam Ahmad. Mereka berpendapat demikian kerana berlandaskan kepada hadis Dzu al-Yadain mengenai orang yang lupa hingga bercakap di dalam solatnya, dan hadis Mu'awiyah mengenai orang yang tidak tahu hukum solat. Sedangkan Imam Abu Hanifah mengatakan solat mereka tetap batal.
2. Dibolehkan melakukan sedikit gerakan dalam solat. Ini tidak membatalkan solat dan tidak pula makruh apabila untuk suatu keperluan.
3. Menjelaskan kemuliaan akhlak Rasulullah (s.a.w), bersikap lemah lembut terhadap orang yang tidak tahu hukum agama dan berkasih sayang kepada umat Islam.
4. Anjuran untuk berakhlak seperti mana akhlak Nabi (s.a.w) yang dalam hal ini adalah bersikap lemah lembut terhadap orang yang tidak tahu hukum agama, cara mengajar mereka dengan baik, berbelas kasihan kepada merela serta memberikan penjelasan dan huraian kepada mereka dengan kaedah yang mudah difaham.

Periwayat Hadis

Mu'awiyah ibn al-Hakam al-Sulami, seorang sahabat yang telah meriwayatkan 13 hadis. Ramai ulama mengambil riwayat daripadanya, antara lain Atha' ibn Yasar.

١٧٧- عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: إِنْ كُنَّا لَنَتَكَلَّمُ فِي الصَّلاَةِ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُكَلِّمُ أَحَدُنَا صَاحِبَهُ بِحَاجَتِهِ، حَتَّى نَزَلَتْ: "حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلاَةِ الْوُسْطَى وَقُومُوا لِلهِ قَانِتِينَ". (الْبَقَرَة: ٢٣٨) فَأُمِرْنَا بِالسُّكُوتِ، وَنُهِينَا عَنِ الْكَلاَمِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

177. Daripada Zaid ibn Arqam (r.a), beliau berkata: "Sesungguhnya kami sering bercakap-cakap di dalam solat pada zaman Rasulullah (s.a.w). Salah seorang di antara kami berbicara dengan temannya mengenai keperluannya, hingga turunlah firman Allah: "*Peliharalah semua solat(mu) dan (peliharalah) solat wustha. Berdirilah untuk Allah (dalam solatmu) dengan khusyuk.*" (Surah al-Baqarah: 238). Maka kami diperintahkan agar diam dan dilarang bercakap-cakap (dalam solat)." (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis menurut Muslim)

Makna Hadis

Pada permulaan Islam, bercakap-cakap di dalam solat tidak membatalkan solat. Setelah Allah melihat kaum muslimin telah pun mematuhi semua apa yang telah diperintahkan oleh Rasulullah (s.a.w) sesuai dengan perintah Allah, Allah kemudian menurunkan kepada Rasul-Nya satu ayat yang menyuruh mereka memelihara solat. Secara khusus Allah memerintahkan agar memelihara solat Asar memandangkan solat Asar merupakan solat yang sering kali terlepas, sebab ia merupakan waktu istirahat sesudah lelah bekerja sepanjang siang hari. Allah menyuruh mereka diam (tidak bercakap-cakap) semasa di dalam solat dan menyuruh mereka mengerjakan solat menghadap kepada Allah dengan khusyuk.

Analisis Lafaz

"لَنَتَكَلَّمُ فِي الصَّلاَةِ", maksud bercakap ialah menjawab sesuatu yang telah diwajibkan seperti menjawab salam dan sebagainya, bukannya berborak-borak atau cakap kosong.

"وَالصَّلاَةِ الْوُسْطَى", dan solat *wusta*. Jumhur ulama mengatakan, maksudnya ialah solat Asar. Imam al-Syafi'i mengatakan, maksudnya ialah solat Subuh.

"قَانِتِينَ", diam atau khusyuk.

Fiqh Hadis

1. Dianjurkan memelihara solat lima waktu.
2. Diaujurkan memelihara solat wustha, yakni solat Asar.
3. Haram bercakap-cakap semasa mengerjakan solat dan solat menjadi batal kerana bercakap dengan sengaja apabila tidak untuk kemaslahatan.

4. Penggunaan perkataan *al-qunut* menunjukkan erti diam dan ini merupakan salah satu maknanya. Para sahabat memahami makna ini bagi lafaz *al-qunut* dari al-Qur'an atau dan berlandaskan tafsiran Nabi (s.a.w) terhadapnya.

Periwayat Hadis

Zaid ibn Arqam al-Khazraji, turut serta dalam perang al-Khandaq. Beliau turut serta berperang sebanyak tujuh belas kali. Beliau tinggal di Kufah dan meriwayatkan 90 hadis. Abdurrahman ibn Abu Laila dan Thawus telah mengambil riwayat daripadanya. Beliau termasuk salah seorang sahabat dekat Khalifah Ali bin Abu Thalib (r.a) dan ikut bersamanya dalam perang Shiffin. Beliau meninggal dunia pada tahun 66 Hijriah.

١٧٨- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "التَّسْبِيحُ لِلرِّجَالِ، وَالتَّصْفِيقُ لِلنِّسَاءِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. زَادَ مُسْلِمٌ: "فِي الصَّلاَةِ".

178. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Tasbih untuk kaum lelaki, sedangkan bertepuk tangan bagi kaum wanita.*" (Muttafaq 'alaih). Muslim menambahkan: "Dalam solat."

Makna Hadis

Kaum wanita diperintahkan untuk merendahkan suara, kerana dikhutiri menimbulkan fitnah. Ada ketikanya seorang wanita mengalami suatu keadaan di luar jangkaan ketika sedang solat dan dia ingin memberikan peringatan mengenai keadaan dirinya. Dalam keadaan seperti ini dia disyariatkan bertepuk tangan untuk memberitahukan yang dia berada dalam solat. Sedangkan bagi lelaki disyariatkan membaca tasbih untuk memberitahukan kepada orang yang mendengarnya bahawa dia sedang solat.

Analisis Lafaz

"التَّسْبِيحُ", ucapan Subhanallah.

"التَّصْفِيقُ", caranya ialah dengan memukulkan kedua jari tangan kanan ke telapak tangan kirinya.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan membaca tasbih bagi kaum lelaki dan bertepuk tangan bagi kaum wanita apabila keduanya terpaksa melakukan sesuatu ketika dalam solat seperti memberi izin bagi orang yang hendak masuk rumah, mengingatkan orang buta, mengingatkan orang yang lalai, atau mengingatkan imam tentang sesuatu yang termasuk ke dalam urusan solat atau perkara lain di luar solat. Hukum

berbuat demikian adalah kerana riwayat yang mengatakan "فليسبح" dengan memakai bentuk kata perintah.

2. Suara perempuan adalah fitnah. Oleh itu, dia mesti merendahkanuya.

١٧٩- عَنْ مُطَرِّفِ بْنِ عَبْدِ اللهِ بْنِ الشِّخِّيرِ عَنْ أَبِيهِ قَالَ: رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي، وَفِي صَدْرِهِ أَزِيزٌ كَأَزِيزِ الْمِرْجَلِ مِنْ الْبُكَاءِ. أَخْرَجَهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ ابْنَ مَاجَه وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

179. Daripada Mutharrif ibn Abdullah ibnu al-Syikhkhir daripada ayahnya, beliau berkata: "Saya pernah melihat Rasulullah (s.a.w) sedang solat dan di dalam dadanya terdengar suara seperti suara panci yang menggelegak kerana suara tangisan." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, kecuali Ibn Majah dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Allah mengampuni dosa-dosa Rasulullah (s.a.w) yang terdahulu mahupun yang terkemudian. Sungguhpun begitu, baginda sentiasa merasa takut kepada Allah dengan perasaan takut yang disertai takzim. Baginda berdiri di hadapan Allah dalam solat, sedangkan air matanya mengalir hangat dengan deras disertai dengan suara tangisan dan rintihan. Jika membaca ayat rahmat, baginda pun gembira, tetapi apabila membaca ayat azab, maka bergetarlah hatinya dengan penuh rasa ketakutan. Ini kerana baginda adalah orang yang paling tahu tentang Allah dan paling dekat denganNya. Maka tidak hairan apabila hatinya dipenuhi dengan perasaan takut kepada Allah, hingga mengalirlah air matanya dengan deras, lalu terdengar suara tangisan dan rintihannya. Apapun, ini tidak membatalkan solat.

Analisis Lafaz

"أَزِيزٌ", suara tangisan.

"كَأَزِيزِ الْمِرْجَلِ", seperti suara panci yang berisi air menggelegak.

"مِنْ الْبُكَاءِ", kerana tangisan. Lafaz ini berkedudukan sebagai keterangan dari lafaz "أزيز". *Al-Buka'* adalah keluamya air mata disertai dengan suara tangisan.

Fiqh Hadis

Menangis dalam solat kerana merasa takut kepada Allah tidak membatalkan solat di sisi jumhur ulama. Imam al-Syafi'i berkata: "Jika keluar dari tangisan itu dua huruf, maka ia membatalkan solat secara mutlak, sama ada disebabkan rasa takut kepada Allah ataupun sebaliknya."

Ulama berbeza pendapat mengenai tangisan yang bukan kerana takut kepada Allah. Imam Malik berkata: "Jika tangisannya tidak bersuara, maka itu dimaafkan. Jika bersuara, maka hukumnya itu sama dengan bercakap-cakap di dalam solat. Jika dilakukan dengan sengaja, maka batal solatnya, sama ada sedikit ataupun

banyak. Jika dilakukan kerana lupa dan itu dilakukan dengan banyak, maka ia membatalkan solat, tetapi jika tangisan yang sedikit, maka itu tidak membatalkan solat."

Imam Ahmad berkata: "Jika dari tangisan itu keluar dua huruf, maka ia membatalkan solat selagi bukan kerana tidak tertahankan, tetapi jika tidak dapat mengawal lagi tangisannya hingga keluar daripadanya dua huruf, maka solatnya tidak batal."

Imam Abu Hanifah berkata: "Jika menangis kerana sakit atau musibah, maka solatnya batal, kerana itu bererti mengungkap perasaan kesal, gundah gulana dan tidak redha dengan apa yang telah ditakdirkan Allah ke atas dirinya."

Periwayat Hadis

Mutharrif ibn Abdullah ibn al--Syikhkhir al-'Amiri al-Kharsyi, nama panggilannya Abu Abdullah al-Bashri, salah seorang tabi'in termuka. Beliau meriwayatkan hadis daripada ayahnya, dan ayahnya meriwavatkannya daripada Ali bin Abu Thalib (r.a) dan Abu Dzarr (r.a).

Ibn Sa'ad berkata: "Mutharrif adalah seorang *tsiqah* yang memiliki keutamaan dan bersifat warak." Beliau meninggal dunia pada tahun 95 Hijriah.

Abdullah ibn al-Syikhkhir ibn 'Awf ibn Ka'b al-'Amiri adalah seorang sahabat. Beliau telah meriwayatkan hadis daripada Nabi (s.a.w) dan seluruh anaknya telah mengambil riwayat daripadanya. Anak-anaknya adalah Mutharrif, Yazid dan Hani'. Muslim, Abu Dawud, Ibn Majah, al-Tirmizi dan al-Nasa'i telah menyebut hadisnya.

١٨٠- عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ لِي مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَدْخَلاَنِ، فَكُنْتُ إِذَا أَتَيْتُهُ وَهُوَ يُصَلِّي تَنَحْنَحَ لِي. رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَه.

180. Daripada Ali bin Abu Talib (r.a), beliau berkata: "Saya mempunyai dua waktu untuk bertemu Rasulullah (s.a.w). Jika saya mendatanginya, sedangkan baginda dalam keadaan solat, baginda berdehem sebagai isyarat kepadaku." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan Ibn Majah)

Makna Hadis

Ali bin Abu Talib (r.a) termasuk orang yang paling dekat dengan Nabi (s.a.w). Beliau dididik dalam asuhan Nabi (s.a.w) dan dibesarkan di dalam rumahnya. Tidak hairan apabila Nabi (s.a.w) mempunyai dua kamar yang satu dikhususkan untuk Ali bin Abu Thalib.

Antara kisah yang diceritakan Ali bin Abu Thalib adalah jika beliau masuk hendak menemui Nabi (s.a.w), sedangkan baginda dalam keadaan solat, baginda berdehem kepadanya. Ini dilakukan pada sebahagian tertentu, kerana baginda selalunya Nabi (s.a.w) mengucapkan tasbih kepadanya, dan tasbih adalah lebih

utama sekalipun berdehem tidak membatalkan solat mengikut pendapat yang paling kuat.

Analisis Lafaz

"مَدْخَلاَنِ", dua waktu untuk bersua dengan Rasulullah (s.a.w). Lafaz ini berkedudukan sebagai isim *kana* yang diakhirkan letaknya.

"وَهُوَ يُصَلِّي", ketika Nabi (s.a.w) sedang mengerjakan solat. Jumlah kalimat ini berkedudukan sebagai kata keterangan keadaan kepada dhamir *ha* yang terdapat pada lafaz "أتيته".

Fiqh Hadis

Berdehem di dalam solat tidak membatalkannya. Imam al-Syafi'i berkata: "Jika keluar dua huruf daripada berdehem itu atau satu huruf yang mempunyai makna, maka solatnya batal, tetapi jika tidak memiliki makna, maka solatnya tidak batal."

١٨١- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قُلْتُ لِبِلاَلٍ: كَيْفَ رَأَيْتُ النَّبِيَّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ يَرُدُّ عَلَيْهِمْ حِينَ يُسَلِّمُونَ عَلَيْهِ، وَهُوَ يُصَلِّي؟ قَالَ: يَقُولُ هَكَذَا، وَبَسَطَ كَفَّهُ. أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ.

181. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Saya pernah bertanya kepada Bilal: "Bagaimanakah engkau melihat Nabi (s.a.w) menjawab salam mereka ketika mereka mengucapkan salam kepadanya di kala baginda sedang solat?" Bilal mengisyaratkan seperti ini seraya membuka telapak tangannya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Tirmizi yang menilainya sahih)

Makna Hadis

Sahabat sentiasa memperhatikan semua gerak-geri Rasulullah (s.a.w). Seorang sahabat yang memiliki kedudukan tinggi tidak segan silu menanyakan suatu perkara yang pernah dilakukan oleh baginda. Ini kerana tidak ada keutamaan bagi orang Arab ke atas orang bukan Arab selain dengan takwa. Inilah Ibn Umar. Meskipun memiliki keilmuan luar biasa, beliau tidak segan silu bertanya kepada Bilal mengenai cara Rasulullah (s.a.w) menjawab salam orang Ansar ketika mereka menjumpainya sedang solat di dalam Masjid Quba'. Bilal memberikan keterangan kepadanya bahawa Nabi (s.a.w) menjawab salam kepada mereka melalui isyarat dengan kedua telapak tangannya, bahagian dalamnya dibalikkan, sedangkan bahagian luarnya berada di atas tanpa mengeluarkan sepatah kata pun, sebab mengeluarkan ucapan dalam solat boleh membatalkan solat.

Analisis Lafaz

"قُلْتُ لِبِلَالٍ", Ibn Umar bertanya kepada Bilal. Hadis ini mempunyai kisah yang menjadi latar belakang kepadanya di mana Ibn Umar menceritakan bahawa Nabi (s.a.w) keluar menuju Quba' untuk mengerjakan solat. Kemudian datanglah kaum Ansar dan mereka mengucapkan salam kepadanya yang ketika itu baginda sedang mengerjakan solat. Ibn Umar melanjutkan kisahnya: "Maka aku bertanya kepada Bilal: "Bagaimanakah kamu melihat Rasulullah (s.a.w) menjawab salam mereka ketika mereka mengucapkan salam kepadanya, sedangkan baginda dalam keadaan solat?' Bilal menjawab: "Baginda mengisyaratkan demikian" seraya membuka telapak tangannya."

"يَرُدُّ عَلَيْهِمْ", menjawab salam mereka, yakni orang Ansar seperti mana yang dapat disimpulkan dari *asbab al-wurud* (latar belakang) hadis.

"قَالَ", Bilal menjawab pertanyaan Ibn Umar.

"هَكَذَا، وَبَسَطَ كَفَّهُ", menjadikan bahagian dalam telapak tangan terbalik ke bawah, sedangkan bahagian luarnya pula berada di atas.

Fiqh Hadis

1. Boleh mengucapkan salam kepada orang yang sedang solat.
2. Cara memberi isyarat bagi orang yang sedang solat untuk menjawab orang yang mengucapkan salam kepadanya dengan isyarat telapak tangan di mana bahagian dalamnya diletakkan di bawah, sedangkan bahagian luarnya pula diletakkan di atas.
3. Sahabat sentiasa mengambil berat untuk mengetahui segala perbuatan Rasulullah (s.a.w) dan mengikuti semua gerak-gerinya untuk kemudian dijadikan teladan.

١٨٢- عَنْ أَبِي قَتَادَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي وَهُوَ حَامِلٌ أُمَامَةَ بِنْتِ زَيْنَبَ، فَإِذَا سَجَدَ وَضَعَهَا، وَإِذَا قَامَ حَمَلَهَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ .
وَلِمُسْلِمٍ: "وَهُوَ يَؤُمُّ النَّاسَ فِي الْمَسْجِدِ".

182. Daripada Abu Qatadah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah solat sambil menggendong Umamah, anak perempuan Zainab. Jika baginda sujud, Umamah diletakkan dan apabila bangkit berdiri, dia digendongnya semula." (Muttafaq 'alaih)

Dalam riwayat Muslim disebutkan: "Sedangkan baginda mengimami orang ramai di dalam masjid."

Makna Hadis

Akhlak Rasulullah (s.a.w) sungguh mulia, berbelas kasihan, kerap menggendong kanak-kanak dan gemar menyantuni fakir miskin. Baginda pernah menggendong cucu perempuannya ketika sedang mengerjakan solat. Itu baginda lakukan untuk menjelaskan kepada para sahabat bahawa pakaian dan tubuh kanak-kanak itu suci. Kanak-kanak tidak dilarang masuk ke masjid selagi kehadiran mereka tidak

mengganggu orang yang sedang solat. Itu sekaligus sebagai tantangan terhadap tradisi Jahiliah yang membenci kanak-kanak perempuan, hingga kebencian itu sampai mendorong mereka mengkebumikan anak perempuan dalam keadaan hidup-hidup.

Analisis Lafaz

Lafaz Umamah berkedudukan sebagai *maf'ul* kepada lafaz "حامل". Umamah adalah binti Abu al-'Ash ibn al-Rabi' ibn Abdul Uzza ibnu Abd Syams ibn Abd Manaf. Ibunya adalah Zainab binti Rasulullah (s.a.w). Aisyah (r.a) menceritakan hadis berikut bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah menerima hadiah berupa kalung yang terbuat daripada manik-manik, lalu baginda bersabda: "Aku akan menghadiahkan kalung ini kepada orang yang paling kucintai dari keluargaku." Maka isteri-isteri baginda berkata: "Engkau pasti akan memberikannya kepada anak perempuan Abu Quhafah (maksudnya Aisyah (r.a)." Rasulullah (s.a.w) kemudian memanggil Umamah dan baginda mengalungkannya ke leher Umamah.

Zainab adalah puteri sulung Rasulullah (s.a.w), dilahirkan sebelum masa kerasulan -menurut satu pendapat sepuluh tahun sebelum kerasulan- dan meninggal dunia pada tahun 8 Hijriah.

Abu al-'Ash ialah anak lelaki al-Rabi' ibn Abdul Uzza ibn Abd Syams ibn Abd Manaf, sedangkan ibunya bernama Halah binti Khuwailid (saudara perempuan Khadijah, isteri Rasulullah (s.a.w). Dia mendapat gelaran orang yang terpercaya dan hidupnya sering kali berada di rumah Rasulullah (s.a.w). Kemudian Rasulullah (s.a.w) mengahwinkannya dengan anak perempuan sulungnya, iaitu Zainab.

Abu al-Ash masuk Islam sesudah hijrah, salah seorang hartawan masyhur di kota Mekah, bersifat amanah dan bijak berniaga. Dia meninggal dunia pada masa pemerintahan Khalifah Abu Bakar (r.a) pada tahun 12 Hijriah.

"وَهُوَ يَؤُمُّ النَّاسَ فِي الْمَسْجِدِ", ketika itu Rasulullah (s.a.w) sedang mengimami solat orang ramai di dalam masjid.

Fiqh Hadis

1. Rasulullah (s.a.w) bersikap rendah hati terhadap kanak-kanak dan semua orang dhu'afa dengan bersikap lemah lembut dan kasih sayang kepada mereka.
2. Kanak-kanak dibolehkan masuk ke dalam masjid, tetapi dengan syarat hendaklah mereka tidak mengganggu orang yang sedang solat dan tidak mengotori masjid.
3. Boleh menggendong kanak-kanak ketika dalam solat.
4. Pakaian dan tubuh kanak-kanak itu suci selagi tidak ada najis padanya.
5. Gerakan yang sedikit dalam solat tidak membatalkannya.
6. Melakukan gerakan dalam solat secara tidak berterusan tidak membatalkan solat.

١٨٣- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اُقْتُلُوا ٱلأَسْوَدَيْنِ فِي الصَّلاَةِ: الْحَيَّةَ وَالْعَقْرَبَ". أَخْرَجَهُ ٱلأَرْبَعَةُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

183. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Bunuhlah oleh kamu dua jenis binatang hitam ketika dalam solat, iaitu ular dan kalajengking.*" (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah, dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Ular adalah musuh manusia, begitu pula kalajengking yang ekornya mengandungi racun. Binatang berbisa ini tidak segan-segan menyerang manusia melalui gigitan dan sengatannya, meskipun manusia sedang mengerjakan solat. Oleh itu, dua jenis binatang ini mesti dibunuh, sekalipun orang yang melakukannya sedang mengerjakan solat. Semoga Allah memelihara kita daripada gangguan musuh dan menjaga diri kita dari kejahatan segala penyakit.

Analisis Lafaz

"ٱلأَسْوَدَيْنِ", istilah ini yang ditujukan untuk ular dan kalajengking walau apapun warnanya, bukan bererti ia khusus untuk ular dan kalajengking yang berwarna hitam sahaja.

"الْحَيَّةَ وَالْعَقْرَبَ", ular dan kalajengking. Kedua lafaz ini berkedudukan sebagai *badal* (pengganti) kepada lafaz "ٱلأَسْوَدَيْنِ".

Fiqh Hadis

1. Dituntut menolak bahaya yang bakal menimpa diri seseorang, sekalipun sedang mengerjakan solat.
2. Boleh melakukan banyak gerakan dalam solat apabila keadaan merbahaya.
3. Boleh membunuh ular dan kalajengking ketika dalam solat tanpa sebarang hukum makruh sama ada tindakan membunuhnya memerlukan satu kali pukulan ataupun lebih banyak lagi. Inilah pendapat mazhab Hanafi. Sedangkan menurut mazhab Maliki, makruh membunuhnya apabila kedua-dua haiwan tidak mengganggu orang sedang yang mengerjakan solat. Bagi mereka, boleh membunuhnya apabila kedua-dua haiwan hendak menyerang orang yang solat tanpa sebarang makruh lagi. Menurut zahir pendapat mazhab Hanbali, tidak ada perbezaan di mana seseorang yang sedang solat boleh membunuh kedua-dua jenis haiwan itu sama ada melakukan sedikit gerakan ataupun terpaksa melakukan banyak gerakan. Dengan erti kata lain, solat orang yang berbuat demikian tidak batal. Mazhab al-Syafi'i mengatakan bahawa apabila diperlukan gerakan yang banyak untuk membunuhnya, maka solat seseorang menjadi batal. Tetapi jika tidak memerlukan banyak gerakan, maka tidak batal solatnya.

Kesimpulan

Hadis-hadis yang dihimpun dalam bab ini menunjukkan kepada beberapa kesimpulan berikut:

1. Bersuci dari hadas dan najis merupakan syarat penting bagi sahnya solat.
2. Solat wajib menghadap ke kiblat; menghadap 'ain kiblat bagi orang yang melihat Ka'bah, menghadap ke arah kiblat bagi orang yang berjauhan dengannya, dan wanita mesti menutupi kepala dan lehernya dalam solat.
3. Boleh solat dengan menggunakan sehelai kain dengan syarat menutupi aurat. Boleh menangis ketika dalam solat kerana takut kepada Allah, boleh berdehem dalam solat, kanak-kanak boleh masuk ke dalam masjid, begitu pula menggendong mereka ketika dalam solat.
4. Gerakan dalam solat yang dilakukan secara terpisah-pisah tidak membatalkan solat, sekalipun itu banyak.
5. Sah solat seseorang yang berijtihad menghadap ke arah kiblat, lalu ternyata dia tidak menghadap ke arah kiblat kerana faktor gelapnya malam atau mendung. Boleh pula solat sunat di atas kenderaan, sekalipun tidak menghadap ke arah kiblat.
6. Dilarang duduk di atas perkuburan dan solat padanya. Dilarang pula solat di tempat mandi air panas, tempat pembuangan sampah, tempat penyembelihan, di tepi jalan, tempat rehat ternakan unta dan di atas Ka'bah.
7. Haram bercakap-cakap dalam solat, begitu pula kencing, dan buang air besar di atas perkuburan.
8. Disyariatkan bertasbih bagi kaum lelaki dan bertepuk tangan bagi kaum wanita apabila mengalami sesuatu dalam solat.
9. Selipar yang memijak najis mesti digosokkan ke tanah untuk menyucikannya.
10. Menjelaskan arah kiblat bagi penduduk Madinah di mana letaknya adalah antara arah barat dan arah timur, yakni di tengah-tengah antara keduanya. Di sini turut dijelaskan cara memberi isyarat bagi orang yang sedang solat untuk menjawab salam orang yang mengucapkan salam kepadanya.
11. Diperintahkan membunuh ular dan kalajengking ketika dalam solat apabila mengganggu.

Soalan

1. Apa takrif syarat dan hadas itu?
2. Apakah yang membatalkan wuduk dan apa pula yang mewajibkan solat supaya diulang?
3. Apakah yang dimaksud dengan fafaz "الحيض" dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "لاَ يَقْبَلُ اللهُ صَلاَةَ حَائِضٍ إِلاَّ بِخِمَارٍ"?
4. Apakah makna "tidak diterima" pada hadis di atas dan terangkan makna "الخمار"?
5. Apakah perbezaan antara aurat wanita merdeka dan aurat wanita hamba sahaya?

6. Bagaimanakah hukum solat dengan memakai sehelai kain?
7. Apa batasan aurat lelaki itu?
8. Apakah hukum menutup bahagian atas tubuh ketika dalam solat dan jelaskan perbezaan pendapat ulama mengenai masalah ini?
9. Terangkanlah makna lafaz-lafaz berikut: "درع", "إزار", "سابغ", "راحلة", "أشكلت", "يومئ", "المكتوبة", "المقبرة", "الحمام", "مواطن", "المزبلة", "المجزرة", "قارعة الطريق", " معاطن الإبل", "واثكل أمياه", "كهرني", "أزيز", "المرجل", "البكاء" dan "الأنين"?
10. Bagaimanakah hukum menghadap ke kiblat?
11. Bagaimanakah hukum orang yang bingung dalam menentukan kiblatnya?
12. Bagaimanakah hukum seseorang yang apabila solat lalu ternyata dia tersalah dalam menentukan arah kiblat hingga tidak menghadap ke arah kiblat?
13. Bagaimanakah kiblat orang yang melihat Ka'bah dan bagaimana pula kiblat bagi orang yang selainnya?
14. Bagaimanakah hukum solat fardu dan solat sunat di atas kenderaan?
15. Jelaskan tempat-tempat yang dilarang melakukan solat dan jelaskan hikmah larangan solat di tempat tersebut!
16. Apakah larangan dalam hadis tersebut menunjukkan hukum haram atau makruh? Jelaskan pendapat ulama mengenai masalah ini!
17. Bagaimanakah hukum solat memakai selipar?
18. Jelaskan pendapat ulama mengenai cara menyucikan selipar yang terpijak najis!
19. Bagaimanakah hukum bercakap di dalam solat bagi orang yang tidak faham hukum agama dan orang yang lupa?
20. Jelaskan percakapan yang membatalkan solat seperti mana yang telah disepakati ulama dan jelaskan pula masalah-masalah yang masih diperselisihkan oleh ulama dalam masalah ini!
21. Apakah makna "tidak sepatutnya" dalam sabda Nabi (s.a.w): " إِنَّ هَذِهِ الصَّلاَةَ لاَ يَصْلُحُ فِيْهَا شَيْئٌ"?
22. Apakah asbab al-nuzul ayat: "حَافِظُوْا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلاَةِ الْوُسْطَى"?
23. Jelaskan makna "memelihara" pada ayat di atas dan apakah maksud solat wustha itu! Mengapa demikian?
24. Bagaimanakah hukum seseorang yang mengalami sesuatu perkara di dalam solatnya dan bagaimanakah lelaki dan wanita mengingatkan orang lain bahawa dia sedang solat? Sebutkan caranya masing-masing?
25. Jelaskanlah cara wanita bertepuk tangan apabila dia mengalami sesuatu dalam solatnya!
26. Apakah solat batal kerana menangis takut kepada Allah? Jelaskan pendapat ulama dalam masalah ini?
27. Mengapa Rasulullah (s.a.w) masih sentiasa merasa takut kepada Allah, padahal seluruh dosanya yang terdahulu dan yang terkemudian telah diampuni?
28. Bagaimanakah hukum berdehem dalam solat?
29. I'rabkan lafaz "مدخلان" dalam hadis: " كَانَ لِيْ مِنْ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَدْخَلاَنِ فَكُنْتُ إِذَا أَتَيْتُهُ وَهُوَ يُصَلِّى تَنَحْنَحَ"!
30. Apakah kedudukan i'rab jumlah perkataam: "وَهُوَ يُصَلِّى"?

31. Bagaimanakah cara menggabungkan maksud hadis di atas dengan hadis " مَنْ نَابَهُ شَيْئٌ فِي الصَّلاَةِ فَلْيُسَبِّحْ"?
32. Bagaimanakah hukum mengucapkan salam kepada orang yang sedang solat?
33. Bagaimanakah cara orang yang sedang solat menjawab salam yang ditujukan kepadanya?
34. Bagaimanakah hukum seseorang apabila sedang solat menjawab salam dengan ucapannya?
35. Bagaimanakah hukum menggendong kanak-kanak dalam solat dan bagaimanakah hukum pakaian dan tubuh mereka?
36. Siapakah Umamah yang digendong Nabi (s.a.w) dalam solatnya
37. Bagaimanakah hukum membunuh ular dan kalajengking ketika dalam solat?
38. Jelaskanlah pendapat ulama mengenai masalah tersebut dan jelaskan pula hikmah membunuh kedua-dua jenis binatang tersebut!

BAB MEMBUAT PEMBATAS BAGI ORANG SOLAT

١٨٤ - عَنْ أَبِي جُهَيْمِ بْنِ الْحَارِثِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَوْ يَعْلَمُ الْمَارُّ بَيْنَ يَدَيِ الْمُصَلِّي مَاذَا عَلَيْهِ مِنْ الْإِثْمِ لَكَانَ أَنْ يَقِفَ أَرْبَعِينَ خَيْرًا لَهُ مِنْ أَنْ يَمُرَّ بَيْنَ يَدَيْهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ. وَوَقَعَ فِي "الْبَزَّارِ" مِنْ وَجْهٍ آخَرَ: "أَرْبَعِينَ خَرِيفًا".

184. Daripada Abu Juhaim ibn al-Harits (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Seandainya orang yang lalu di hadapan orang yang sedang solat mengetahui dosa apa yang akan didapatinya, nescaya dia sanggup berdiri menunggu selama empat puluh (hari) lebih baik baginya daripada lalu di hadapan orang yang sedang solat.*" (Muttafaq 'alaihi. Lafaz hadis ini berdasarkan riwayat al-Bukhari). Dalam riwayat al-Bazzar melalui sanad yang lain disebutkan: "selama empat puluh musim gugur."

Makna Hadis

Bagi memastikan kesinambungan khusyuk di dalam solat dan bagi menghormati keadaan seseorang yang sedang berdiri di hadapan Allah, maka Islam menjadikan batasan tertentu untuk mengerjakan solat, iaitu mulai dari tempat dia berdiri hingga tempat dia bersujud. Rasulullah (s.a.w) mengingatkan seseorang supaya sekali-kali tidak lalu di hadapan orang yang sedang solat, kerana perbuatan itu melanggar kesucian solat. Baginda mengingatkan dengan seksaan yang pedih hingga lebih baik berdiri menunggu orang yang solat selesai solatnya, sekalipun memakan waktu empat puluh hari, bahkan empat puluh bulan hingga empat puluh tahun. Betapa ringan seksaan dunia betapa pun beratnya jika dibandingkan dengan azab akhirat meskipun hanya dalam waktu yang singkat.

Analisis Lafaz

“سترة المصلى”, pembatas atau penghalang sebagai tempat untuk mengerjakan solat, sesuatu yang diletakkan oleh orang yang hendak solat di hadapannya berupa tanda yang menunjukkan tempat solatnya atau benda yang lain. Ia dijadikan sebagai penghalang supaya orang tidak lalu di hadapannya.

“لَوْ يَعْلَمُ”, seandainya dia mengetahui dosa yang bakal menimpa seseorang yang mengetahui bahawa perbuatannya itu dilarang kemudian dilanggarnya.

“الْمَارُّ بَيْنَ يَدَيِ الْمُصَلِّي”, berlalu di hadapan orang yang sedang solat. Diungkapkan dengan menggunakan lafaz “يديه” yang ertinya “kedua tangan” kerana sebahagian besar pekerjaan dilakukan oleh tangannya.

“مِنْ اْلإِثْمِ”, berupa dosa. Lafaz ini berkedudukan sebagai keterangan mengenai akibat yang bakal menimpa orang yang melanggarnya, tetapi lafaz ini tidak terdapat di dalam Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim.

“أَرْبَعِينَ”, makna yang dimaksudkan di sini ialah *al-mubalaghah* dan bukannya sebagai batasan tertentu, sebaliknya menunjukkan betapa lama masa itu.

“خَيْرًا”, berkedudukan menjadi *khabar kana*, sedangkan *masdar munsabik* berkedudukan sebagai *isim*-nya. Bentuk lengkapnya ialah: “ لو يعلم ماذا عليه لكان وقوفه خيرا له من أن يمر” (Seandainya dia mengetahui dosa apa yang bakal menimpa dirinya, maka lebih baik dia berdiri menunggu daripada melewatinya).

“مِنْ وَجْهٍ آخَرَ”, dari jalur lain selain daripada jalur muttafaq ‘alaihi.

“خَرِيفًا”, musim luruh. Makna yang dimaksudkan adalah bersifat umum, iaitu sepanjang tahun dengan menyebutkan nama sebahagiannya.

Fiqh Hadis

1. Menghormati tempat berdiri untuk mengerjakan solat.
2. Menerangkan adanya larangan dan ancaman seksa bagi orang yang lalu di hadapan orang yang sedang solat. Termasuk ke dalam perbuatan ini adalah setiap perbuatan yang mengganggu orang yang sedang solat.
3. Tidak boleh memandang remeh sesuatu yang dilarang oleh syariat betapa pun kecilnya.
4. Disyariatkan menanggung bahaya yang paling ringan di antara dua perkara yang sama-sama merbahaya.
5. Seksaan ke atas suatu pelanggaran adalah berdasarkan sejauh mana hukum-hakam berkaitan dengannya telah diketahui dan dilanggar.

Periwayat Hadis

Abu Juhaim ialah Abdullah ibn al-Harits ibn al-Shummah al-Anshari al-Khazraji. Beliau meriwayatkan dua hadis; Bisyr ibn Sa’id dan Abdullah ibn Yasar telah mengambil riwayat daripadanya.

١٨٥- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: سُئِلَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فِي غَزْوَةِ تَبُوكَ - عَنْ سُتْرَةِ الْمُصَلِّي. فَقَالَ: "مِثْلُ مُؤْخِرَةِ الرَّحْلِ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

185. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah ditanya mengenai pembatas bagi orang yang solat semasa Perang Tabuk. Maka baginda bersabda: "Setinggi bahagian belakang *al-rahl* (pelana unta)." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Oleh kerana khusyuk di dalam solat merupakan roh solat, sedangkan menundukkan pandangan mata antara faktor yang boleh membantu untuk merealisasikan kekhusyukan itu, maka Rasulullah (s.a.w) melarang seseorang lalu di hadapan orang yang sedang solat. Baginda mensyariatkan membuat penghalang atau pembatas di hadapannya yang tingginya kira-kira dua pertiga hasta bagi mencegah orang yang hendak lalu, mengelakkan gangguan orang lain dan merealisasikan kekhusyukan yang merupakan inti daripada solat.

Ini dilakukan apabila tempat solat tersebut tidak berada dalam keadaan daruat. Jika dalam keadaan darurat, maka Rasulullah (s.a.w) memberikan *rukhsah* untuk lalu di hadapan orang yang sedang solat.

Analisis Lafaz

Perang Tabuk, keterangannya telah disebutkan dalam pembahasan sebelum ini.

"مُؤْخِرَةِ الرَّحْلِ", kayu yang terdapat di belakang pelana unta sebagai tempat sandar penunggang, kemudian diikatkan tali padanya untuk mengikat barang-barang bawaan.

Fiqh Hadis

Seseorang yang hendak mengerjakan solat disunatkan membuat pembatas untuk mencegah pandangan mata melihat objek di sebalik pembatas tersebut dan mencegah orang yang hendak lalu di hadapannya. Untuk membuat itu, memadai dengan meletakkan sesuatu objek yang tingginya dua pertiga hasta seperti bahagian belakang pelana unta.

١٨٦- عَنْ سَبْرَةَ بْنِ مَعْبَدٍ الْجُهَنِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لِيَسْتَتِرْ أَحَدُكُمْ فِي صَلاَتِهِ وَلَوْ بِسَهْمٍ". أَخْرَجَهُ الْحَاكِمُ.

186. Daripada Sabarah ibn Ma'bad al-Juhani (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Hendaklah seseorang di antara kamu meletakkan pembatas semasa mengerjakan solatnya, sekalipun hanya dengan sebatang anak panah.*" (Diriwayatkan oleh al-Hakim)

Makna Hadis

Oleh kerana tujuan utama meletakkan pembatas ini untuk mencegah supaya orang lain tidak lalu di hadapan orang yang sedang solat, maka syariat Islam sama sekali tidak bermaksud menyusahkannya seperti meletakkan objek tertentu yang ukuran dan spesifikasi tertentu. Dalam pada itu, syariat Islam membolehkan menjadikan pembatas ini hanya dengan sebatang anak panah, seperti bahagian belakang pelana unta. Tetapi yang lebih utama ialah hendaklah pembatas tersebut diletakkan di sebelah kanan memandangkan sebelah kanan itu mesti dimuliakan.

Analisis Lafaz

"لِيَسْتَتِرْ", jumhur ulama mengatakan bahawa perintah ini menunjukkan hukum sunat.

"وَلَوْ بِسَهْمٍ", makna yang dimaksudkan di sini ialah meletakkan sesuatu objek yang dapat difahami oleh orang yang hendak melintas bahawa dia sedang mengerjakan solat, sama ada objek tersebut bersaiz besar mahupun sebaliknya.

Fiqh Hadis

Disyariatkan membuat pembatas untuk solat. Ulama berbeza pendapat mengenai ukuran lebar dan ketinggiannya.

Imam Malik mengatakan bahawa batasan minimum pembatas tersebut ialah setebal tombak dan setinggi satu hasta. Jika kurang daripada itu, maka dia tidak memperoleh pahala Sunnah.

Imam al-Nawawi, salah seorang pengikut mazhab al-Syafi'i, berkata: "Hendaklah panjang pembatas itu sama dengan bahagian belakang pelana unta. Tidak ada ketentuan lebar dan ukuran tertentu bagi pembatas ini. Apa yang penting adanya pembatas ketika sedang mengerjakan solat."

Imam Abu Hanifah berkata: "Ketebalan pembatas hendaklah sama dengan tebal jari tangan dan ketinggiannya hendaklah satu hasta." Imam Ahmad berkata: "Sudah memadai hanya dengan sebuah anak panah."

Periwayat Hadis

Sabarah ibn Ma'bad al-Juhani al-Madani, nama panggilannya adalah Abu Tsarbah. Beliau turut menyertai Perang al-Khandaq dan peperangan lain sesudahnya. Beliau mempunyai banyak hadis, kemudian salah satu hadisnya diriwayatkan oleh anaknya yang bernama al-Rabi' dan hadisnya ada di dalam Shahih Muslim. Beliau meninggal dunia pada akhir masa pemerintahan Khalifah Mu'awiyah.

١٨٧- عَنْ أَبِي ذَرٍّ الْغِفَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَقْطَعُ صَلاَةَ الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ - إِذَا لَمْ يَكُنْ بَيْنَ يَدَيْهِ مِثْلُ مُؤْخِرَةِ الرَّحْلِ – الْمَرْأَةُ، وَالْحِمَارُ، وَالْكَلْبُ الْأَسْوَدُ..." الْحَدِيثَ. وَفِيهِ: "الْكَلْبُ الأَسْوَدِ شَيْطَانٌ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

وَلَهُ: عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ نَحْوُهُ دُونَ: "الْكَلْبِ". وَلأَبِي دَاوُدَ وَالنَّسَائِيِّ: عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا نَحْوُهُ دُونَ آخِرِهِ. وَقَيَّدَ الْمَرْأَةَ بِالْحَائِضِ.

187. Daripada Abu Dzarr al-Ghifari (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Pahala solat seorang lelaki akan berkurangan apabila di hadapannya tidak ada pembatas seperti bahagian belakang pelana unta (di mana di hadapannya menjadi laluan) wanita, keldai dan anjing hitam*,..." Di dalam hadis ini disebutkan: "*Anjing hitam itu adalah syaitan*." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Menurut riwayat Muslim daripada Abu Hurairah (r.a) disebutkan hal yang serupa, tetapi tanpa menyebut anjing. Menurut riwayat Abu Dawud dan al-Nasa'i daripada Ibn Abbas (r.a) disebutkan hadis yang serupa selain bahagian yang terakhir, sedangkan wanita diberi batasan, iaitu hanya wanita yang berhaid (berusia baligh).

Makna Hadis

Solat adalah bermunajat kepada Allah Ttuhan semesta alam. Solat di tempat yang ada wanita di sekelilingnya, kemudian wanita itu lalu lalang di hadapan orang yang sedang solat tentu keadaan ini membuat orang yang solat itu melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan tuntutan solatnya yang sebenar, kerana fitnah selalunya yang ditimbulkan oleh wanita. Keldai memiliki kedudukan yang sama dengan syaitan, kerana ringkikannya secara mengejut dapat mengganggu orang yang sedang solat. Anjing itu adalah syaitan, terlebih lagi anjing yang berwarna hitam. Anjing hitam gemar merosakkan keadaan melalui lolongannya. Ia adalah anjing yang paling ganas, paling kotor dan paling sedikit manfaatnya serta paling banyak tidur.

Analisis Lafaz

"يَقْطَعُ صَلاَةَ الْمَرْءِ", mengurangi pahala solat.

"مُؤْخِرَةِ الرَّحْلِ", kayu yang berada di belakang pelana unta untuk sandaran pengendaranya dan sebagai tambahan tali pengikat barang muatan.

"الْمَرْأَةُ", wanita. Maksudnya adalah wanita yang lalu lalang di hadapan atau berhampiran orang yang sedang solat.

"الْحَدِيثَ", hingga akhir hadis. Kalimat selanjutnya adalah seperti berikut:

قُلْتُ: فَمَا بَالُ الْكَلْبِ الْأَسْوَدِ مِنْ الأصفر مِنْ الأبيض؟ قَالَ: يَا ابْنَ أَخِي سَأَلْتُ رَسُولَ اللهُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عما سَأَلْتَنِي، فَقَالَ: الْكَلْبُ الْأَسْوَدُ شَيْطَانٌ.

"Saya bertanya: "Mengapa dengan anjing hitam? Apakah bezanya antara anjing hitam dengan yang merah, yang kuning dan yang putih?" Abu Dzarr menjawab: "Hai anak saudaraku, aku pernah menanyakan hal yang serupa kepada Rasulullan (s.a.w), lalu baginda bersabda: "Anjing hitam itu adalah syaitan."

"وَلَهُ", dan bagi Muslim.

"نَحْوُهُ", hadis yang serupa dengan hadis Abu Dzar. Lafaznya ialah bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

يَقْطَعُ الصَّلاَةَ الْمَرْأَةُ وَالْحِمَارُ وَالْكَلْبُ وَيَقِي ذَلِكَ مِثْلُ مُؤْخِرَةِ الرَّحْلِ.

"*Pahala solat akan berkurangan apabila ada wanita, keldai dan anjing. Tetapi itu dapat dihindari dengan meletakkan pembatas seperti bahagian belakang pelana unta.*"

"دُونَ الْكَلْبِ", selain anjing. Tetapi ternyata perkataan anjing ini telah dijumpai dalam hadis yang dikemukakan oleh Muslim. Harap diperhatikan.

"دُونَ آخِرِهِ. وَقَيَّدَ الْمَرْأَةَ بِالْحَائِضِ", selain bahagian akhir dan wanita dibatasi hanya dengan yang sudah berhaid sahaja. Lafaz hadisnya ialah seperti berikut:

يَقْطَعُ الصَّلاَةَ الْمَرْأَةُ الْحَائِضُ وَالْكَلْبُ.

"*Pahala solat akan berkurangan apabila wanita yang berhaid dan anjing.*"

Membatasi wanita dengan yang sudah berhaid bermaksud wanita yang tidak sedang berhaid tidak mengurangi pahala solat. Dengan kata lain, wanita yang belum berusia baligh tidak mengurangi pahala solat seperti mana keterangan sebelum ini mengenai pengkhususan anjing hanya dengan yang berwarna hitam.

Apa yang dimaksudkan dengan makna "القطع" ialah mengurangi pahala, bukan membatalkannya.

Fiqh Hadis

Pahala orang solat yang tidak memasang penghalang atau pembatas akan berkurangan. Pahala solat itu berkurang kerana menjadi laluan wanita, keldai dan anjing hitam.

Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa pahala solat tidak berkurangan kerana ada sesuatu yang lalu di hadapan atau berdekatan dengan seseorang. Mereka menguatkan pendapatnya dengan hadis no. 190 yang lafaznya:

لاَ يَقْطَعُ الصَّلاَةَ شَيْئٌ وَادْرَءُوا مَا اسْتَطَعْتُمْ.

"*Tidak ada sesuatu apa pun yang boleh mengurangi pahala solat dan tolaklah oleh kamu dengan sedaya kamu.*" Kemudian mereka menyanggah hadis ini dengan mengatakan bahawa apa yang dimaksudkan "mengurangi pahala solat" di sini ialah memutuskan kekhusyukan dan zikir kerana terganggu oleh perkara-perkara tersebut hingga tumpuan seseorang yang sedang solat tertuju kepadanya, tetapi tidak merosakkan solatnya.

Imam Ahmad berkata: "Solat menjadi batal apabila ada anjing hitam lalu di hadapannya, sedangkan objek yang selainnya apabila lalu di hadapannya tidak membatalkan atau memutuskan solat."

١٨٨- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: "إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ إِلَى شَيْءٍ يَسْتُرُهُ مِنْ النَّاسِ، فَأَرَادَ أَحَدٌ أَنْ يَجْتَازَ بَيْنَ يَدَيْهِ فَلْيَدْفَعْهُ، فَإِنْ أَبَى فَلْيُقَاتِلْهُ، فَإِنَّمَا هُوَ شَيْطَانٌ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَفِي رِوَايَةٍ: "فَإِنَّ مَعَهُ الْقَرِينَ".

188. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu solat menghadap sesuatu yang menghalangnya daripada dilalui oleh orang lain, kemudian ada seseorang yang*

hendak lalu di hadapannya, maka hendaklah dia menolaknya. Jika orang itu tetap berdegil, maka kasarilah dia, kerana sesungguhnya dia itu adalah syaitan." (Muttafaq 'alaih) Menurut riwayat yang lain disebutkan: "*Orang itu ditemani oleh syaitan yang selalu menyertainya.*"

Makna Hadis

Manusia sentiasa disertai oleh dua jenis teman. Pertama, teman yang jujur dan menganjurkan kepada kejujuran, iaitu dari kalangan malaikat. Ia sentiasa menyuruh kebaikan dan mencegah perbuatan jahat. Kedua, teman jahat sekali gus musuh manusia, iaitu dari kalangan syaitan. Ia sentiasa menyuruh kejahatan dan mencegah perbuatan baik. Maka berhati-hatilah anda, wahai orang muslim. Janganlah anda biarkan diri anda dipedaya oleh teman jahat itu yang sentiasa menyuruh diri anda berani lalu di hadapan orang yang sedang solat, kerana anda pasti menerima padahnya berupa perlakuan keras daripadanya, sedangkan azab di akhirat kelak lebih dahsyat dan lebih berkekalan untukmu.

Analisis Lafaz

"يَجْتَازَ", berasal dari *masdar* "الجواز", ertinya lalu.

"فَلْيَدْفَعْهُ", hendaklah dia menolaknya dengan cara memberi isyarat yang lembut bagi mengelak solat tidak sempurna ekoran adanya seseorang yang lalu di hadapannya.

"فَلْيُقَاتِلْهُ", apa yang dimaksudkan dengan *al-muqatalah* ialah menolak dengan cara yang lebih keras daripada cara yang pertama", bukan makna hakiki lafaz *al-qital* (memerangi), kerana itu jelas membatalkan solat.

"إِنَّمَا هُوَ شَيْطَانٌ", sesungguhnya perbuatannya itu adalah perbuatan syaitan, kerana syaitan sentiasa menjauhi kebaikan dan tidak mahu menerima amalan Sunnah, malah ia sukakan kekacauan dan gemar mengganggu orang yang sedang solat.

"فَإِنَّ مَعَهُ الْقَرِينَ", *qarin* ertinya yang selalu menemani manusia, iaitu malaikat dan syaitan. Malaikat sentiasa menyuruh berbuat baik dan dialah sahabat yang baik. Sedangkan syaitan sentiasa menyuruh kejahatan dan dialah sahabat yang jahat.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan meletakkan tanda ketika hendak mengerjakan solat walau apa pun bentuknya, sama ada berupa dinding ataupun lain-lain, dan melarang orang lalu di antara orang yang sedang solat dengan pembatasnya itu.
2. *Al-Muqatalah*, yakni menolak dengan keras orang yang hendak lalu di hadapannya apabila orang tersebut tetap berdegil meskipun telah diberikan isyarat terhadapnya. Hal ini dilakukan apabila dia telah meletakkan pembatas dalam solatnya. Tetapi jika dia tidak meletakkan pembatas, maka tidak ada hak baginya untuk menolak orang yang lalu di hadapannya.

3. Boleh menggunakan lafaz "syaitan" kepada manusia yang berhasrat merosakkan solat orang yang sedang mengerjakannya dan ingin memfitnah agamanya.

١٨٩- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيَجْعَلْ تِلْقَاءَ وَجْهِهِ شَيْئًا، فَإِنْ لَمْ يَجِدْ فَلْيَنْصِبْ عَصًا، فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فَلْيَخُطَّ خَطًّا، ثُمَّ لاَ يَضُرُّهُ مَنْ مَرَّ بَيْنَ يَدَيْهِ". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَابْنُ مَاجَه وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ، وَلَمْ يُصِبْ مَنْ زَعَمَ أَنَّهُ مُضْطَرِبٌ، بَلْ هُوَ حَسَنٌ.

189. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu hendak solat, maka hendaklah dia menjadikan sesuatu pembatas persis di hadapannva. Jika tidak menemukan apa-apa objek, maka hendaklah dia menancapkan sebatang tongkat. Jika tidak ada tongkat, maka hendaklah dia membuat garisan di hadapannya sebagai pembatas, kemudian orang yang lalu lalang di hadapannya (selagi di luar pembatas) tidak dianggap membahayakan solat.*" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Ibn Majah, dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban. Tidak benar pendapat yang menyangka hadis ini *mudhtharib*, bahkan hadis ini adalah hasan)

Makna Hadis

Oleh kerana tujuan utama di sebalik meletakkan pembatas itu adalah menjaga kemuliaan orang yang sedang solat supaya tidak dilanggar yang terletak antara tempat berdiri hingga tempat sujudnya, maka syariat Islam sudah menganggap memadai meletakkan sesuatu objek yang menunjukkan bahawa orang itu sedang dalam solat seperti garis yang dia goreskan dengan tangan berbentuk melengkung seperti bulan sabit sebagai pembatasnya. Menghamparkan sejadah dapat menggantikan kedudukan garis, menurut mazhab Imam Syafii, sebab sejadah itu sudah memadai sebagai syarat yang seseorang sedang solat. Disamakan dengan sejadah adalah tindakan meletakkan pelana unta di hadapannya, seperti mana yang telah disebut di dalam hadis Ibn Umar (r.a).

Analisis Lafaz

"إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ", apabila seseorang di antara kamu hendak mengerjakan solat.

"فَلْيَجْعَلْ تِلْقَاءَ وَجْهِهِ شَيْئًا", hendaklah dia meletakkan sesuatu di hadapannya sebagai pembatas.

"فَلْيَنْصِبْ عَصًا", hendaklah dia menancapkan sebuah tongkat.

"فَلْيَخُطَّ خَطًّا", hendaklah dia menggariskan satu garisan dengan tangannya. Menurut Imam Ahmad, sebaiknya garisan tersebut berbentuk bulan sabit (melengkung).

"لاَ يَضُرُّهُ مَنْ مَرَّ بَيْنَ يَدَيْهِ", tidak akan mengurangi pahala solat apabila ada sesuatu melintas di hadapannya selagi itu di luar pembatas, kerana seseorang telah meletakkan pembatas seperti mana yang diperintahkan kepadanya. Ini berbeza

apabila dia tidak meletakkan pembatas, maka pahala solatnya berkurangan kerana ada sesuatu yang lalu di hadapannya.

"مَنْ زَعَمَ أَنَّهُ مُضْطَرِبٌ", Ibn al-Shalah telah menyebut hadis ini dalam mukaddimah sebagai contoh kepada hadis mudhtharib. Ibn Hajar turut menyebutnya, lalu dia berkata: "Tidak benar." Tetapi hadis ini dinilai sahih oleh Imam Ahmad dan Ibn al-Madini.

Fiqh Hadis

Disyariatkan membuat pembatas bagi orang yang hendak mengerjakan solat dan pembatas ini tidak semestinya khusus dengan satu jenis, sebaliknya ia meliputi segala sesuatu yang boleh dijadikan sebagai pembatas oleh orang yang hendak mengerjakan solat. Pembatas tersebut mestilah dibuat supaya orang lain memahami yang seseorang itu sedang mengerjakan solat. Imam al-Syafi'i menganggap hamparan sejadah sebagai pembatas, kerana ia sudah memadai untuk memberikan kefahaman bahawa seseorang terbabit sedang solat.

١٩٠- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يَقْطَعُ الصَّلاَةَ شَيْءٌ، وَادْرَأْ مَا اسْتَطَعْتُمْ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَفِي سَنَدِهِ ضَعْفٌ.

190. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Tidak ada sesuatu pun yang dapat memutuskan solat dan tolaklah (gangguan) dengan sedaya kamu.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, tetapi di dalam sanadnya terdapat unsur kelemahan)

Makna Hadis

Memandangkan khusyuk merupakan inti solat dan rohnya, maka syariat Islam mengingatkan agar berwaspada terhadap segala sesuatu yang boleh mengganggu solat dan mengakibatkan pahala solat berkurangan. Syariat mengungkapkan 'pahala solat berkurangan' dengan istilah terputus. Dalam pada itu, baginda bersabda:

يَقْطَعُ الصَّلاَةَ مُرُوْرَ الْمَرْأَةِ وَالْحِمَارِ وَالْكَلْبِ ٱلأَسْوَدِ.

"*Pahala solat berkurangan lantaran wanita, keldai dan anjing hitam lalu (di hapadannya).*"

Ini berlaku bagi orang yang tidak meletakkan pembatas dalam solat, namun solatnya tidak batal jika difahami secara sekilas. Oleh itu, Islam menyanggah anggapan tersebut melalui sabda Rasulullah (s.a.w) berikut:

لَا يَقْطَعُ الصَّلاَةَ شَيْءٌ.

"*Tidak ada sesuatu pun yang boleh memutuskan solat.*"

Dengan demikian, maksud kedua-dua hadis ini dapat dipertemukan dan pertentangan pun tidak lagi wujud, di samping hadis ini tidak bermaksud solat itu batal, sebaliknya ia bermaksud pahala solat itu berkurangan.

Analisis Lafaz

"لاَ يَقْطَعُ الصَّلاَةَ شَيْءٌ", solat seseorang tidak batal kerana ada sesuatu yang lalu di hadapannya. Hadis ini menjadi hujah bagi jumhur ulama yang mengatakan bahawa apa yang dimaksudkan dengn perkataan *al-qath'u* (memutuskan) di sini ialah pahala solat berkurangan kerana orang itu terganggu, bukannya batal solatnya.

"ادْرَأْ مَا اسْتَطَعْتُمْ", tolaklah orang yang lalu di hadapannya dengan sedaya kamu yang dimulakan dengan memberi isyarat yang lembut dan kemudian disusuli penolakan yang lebih keras daripada penolakan yang pertama.

"وَفِي سَنَدِهِ ضَعْفٌ", sanad hadis ini mengandungi unsur dha'if, kerana di dalamnya terdapat Mujalid ibn 'Umair al-Hamdani al-Kufi; ramai ulama yang menyatakannya sebagai dha'if.

Fiqh Hadis

1. Solat seseorang tidak batal kerana adanya sesuatu yang lalu di hadapannya.
2. Seseorang dibolehkan menolak orang yang hendak lalu di hadapannya dengan segala kemampuan yang ada pada dirinya ketika dalam solat.
3. Lalu di hadapan orang yang sedang solat merupakan perbuatan tercela dan oleh kerananya, pelakunya dikatakan seperti syaitan.

Kesimpulan

Hadis dalam bab ini memberikan beberapa kesimpulan berikut:
1. Dilarang lalu di hadapan orang yang sedang solat.
2. Jika seseorang hendak solat, disyariatkan membuat pembatas, tetapi pembatas tersebut tidak khusus hanya dengan satu jenis melainkan meliputi segala sesuatu yang boleh dijadikan sebagai pembatas.
3. Pahala solat orang yang tidak meletakkan pembatas berkurang kerana adanya salah satu daripada benda berikut yang lalu di hadapannya, iaitu wanita, keldai dan anjing hitam.
4. Tidak boleh memandang remeh perkara yang dilarang oleh hukum Islam betapasekali pun ia kecil.
5. Boleh menyebut "syaitan" kepada manusia yang hendak merosakkan solat seseorang dengan cara lalu di hadapannya.

Soalan

1. Bagaimanakah hukum lalu di hadapan orang yang sedang solat? Sebutkan hikmah di sebalik larangan ini?
2. Apakah hukum meletakkan pembatas untuk solat? Sebutkan di sebalik hikmah itu!

3. Bilakah dibolehkan berlalu di hadapan orang yang sedang solat?
4. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: “مؤخرا لرحل”, “يجتاز”, “القرين”, “إنما هو شيطان” dan “ادرءوا ما استطعتم”!
5. Jelaskan pendapat yang paling kuat dalam masalah membuat pembatas solat dan sebutkan pula ukuran panjang dan lebarnya!
6. Apakah makna perintah dalam lafaz “لِيَسْتَتِرْ”?
7. Terangkan pendapat ulama mengenai anjing hitam jika melintas di hadapan orang yang sedang solat?
8. Apakah yang dimaksudkan dengan sabda Rasulullah (s.a.w): “يقطعُ الصلاةَ”?
9. Bagaimanakah hukum menolak orang yang lalu di hadapan orang yang sedang solat?
10. Bilakah perubatan tersebut dibolehkan baginya? Sebutkan hikmahnya!
11. Apakah yang dimaksudkan dengan pengertian *al-dar'u* (menolak) yang kedua?

BAB ANJURAN KHUSYUK DALAM SOLAT

١٩١ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُصَلِّيَ الرَّجُلُ مُخْتَصِرًا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ. وَمَعْنَاهُ: أَنْ يَجْعَلَ يَدَهُ عَلَى خَاصِرَتِهِ.

وَفِي الْبُخَارِيِّ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ ذَلِكَ فِعْلُ الْيَهُودِ.

191. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: “Rasulullah (s.a.w) melarang seseorang solat sambil bercekak pinggang.” (Muttafaq ‘alaih). Menurut riwayat Muslim: “Bercekak pinggang ialah meletakkan tangan seseorang yang sedang solat di atas pinggangnya (bercekak pinggang).”

Makna Hadis

Hendaklah anda menghadap kiblat ketika solat sama dengan cara anda menghadap Allah kelak pada hari kiamat di mana anda seolah-solah sedang berdiri di hadapan-Nya, sedangkan Dia menghadap kepada anda dan anda bermunajat kepada-Nya dengan sopan serta penuh khusyuk. Dalam keadaan ini, janganlah anda menyerupai orang Yahudi dengan cara bercekak pinggang, seperti orang yang sedang disalib. Ini merupakan sikap yang bercanggah dengan citra tunduk dan patuh kepada Tuhan Yang Maha Membalas.

Anafisis Lafaz

“الحث”, anjuran.

“الخشوع في الصلاة”, menghadap kepada Allah dengan sepenuh hati.

“نَهَى رَسُولُ اللهِ”, Rasulullah (s.a.w) melarang. Ulama berpendapat bahawa larangan ini menunjukkan makna makruh.

“مُخْتَصِرًا”, meletakkan tangan di atas pinggang. Dengan erti kata lain, bercekak pinggang.

"وَمَعْنَاهُ", kalimat ini merupakan tafsiran penulis, Ibn Hajar al-Asqalani.

"ذَلِكَ", *isim isyarat* yang ditujukan kepada perbuatan bercekak pinggang dalam solat.

Fiqh Hadis

1. Dilarang bercekak pinggang ketika dalam solat, kerana sikap ini bercanggah dengan khusyuk.
2. Makruh meniru perbuatan orang yang melanggar perintah Allah. Kita telah dilarang meniru perbuatan rnereka dalam segala tindakan mereka.

١٩٢- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا قُدِّمَ الْعَشَاءُ فَابْدَءُوا بِهِ قَبْلَ أَنْ تُصَلُّوا الْمَغْرِبَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

192. Daripada Anas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Jika makan malam telah dihidangkan, maka hendaklah kamu terlebih dahulu memakainya sebelum kamu mengerjakan solat Maghrib.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Khusyuk merupakan rahsia dan inti solat. Islam menyuruh agar khusyuk sentiasa dijaga dan menjauhi perkara-perkara yang boleh mengakibatkan khusyuk menjadi hilang. Barang siapa yang merasa lapar atau dahaga, sedangkan makanan dan minuman telah dihidangkan, maka sebaiknya dia memakan makanan dan meminum minuman itu bagi memastikan dirinya mampu memberi tumpuan sepenuhnya mengerjakan solat dengan hati yang dipenuhi perasaan takut kepada Allah dan meresapi makna kalam-Nya.

Makan dan minum termasuk faktor yang dapat mengganggu khusyuk. Jadi, dia sebaiknya membebaskan dirinya daripada faktor-faktor tersebut sebelum memulakan solatnya agar dirinya lebih bersedia untuk bermunajat.

Analisis Lafaz

"قُدِّمَ الْعَشَاءُ", makanan yang dihidangkan pada waktu petang.

"فَابْدَءُوا بِهِ", mulakanlah dengan memakan makan malam. Perintah ini menurut pendapat jumhur ulama menunjukkan hukum sunat.

Fiqh Hadis

Makruh solat ketika makanan telah dihidangkan, kerana itu boleh mengganggu solat dan menghilangkan khusyuk.

١٩٣- عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا قَامَ أَحَدُكُمْ فِي الصَّلاَةِ فَلاَ يَمْسَحِ الْحَصَى، فَإِنَّ الرَّحْمَةَ تُوَاجِهُهُ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ.

وَزَادَ أَحْمَدُ : "وَاحِدَةً أَوْ دَعْ". وَفِي "الصَّحِيحِ" عَنْ مُعَيْقِيبٍ نَحْوُهُ بِغَيْرِ تَعْلِيلٍ.

193. Daripada Abu Dzarr (r.a), beliau berkata: Rasallullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu telah berdiri di dalam solatnya, maka janganlah dia menyapu batu kerikil, kerana sesungguhnya dia sedang berhadapan dengan rahmat.*" (Diriwayatkan oleh al-Khamsah dengan sanad yang sahih).

Di dalam riwayat Imam Ahmad ditambahkan: "*Sebanyak satu kali atau tinggalkanlah.*" Di dalam kitab al-Shahih melalui Mu'aiqib disebutkan pula hadis yang serupa dengannya tanpa *ta'lil*, yakni tanpa menyebutkan alasan mengapa dilarang berbuat demikian.

Makna Hadis

Islam amat mementingkan kusyuk ketika dalam solat sekali gus melarang semua perkara yang boleh mengganggu seseorang dalam solatnya hingga batu kerikil yang ada pada tempat sujudnya dilarang untuk diketepikan. Jika tidak dalam keadaan berdiri, maka janganlah menyibukkan dirinya dengan banyak menyapu (mengusap dengan tangan) batu kerikil yang ada pada tempat sujudnya atau objek yang melekat pada keningnya. Di sini syariat Islam memberinya *rukhsah* hanya sekali mengusap kerikil ketika dalam solat, kerana dia mesti membersihkan terlebih dahulu tempat sujud sebelum memulakan solat dengan mempersiapkan tempat sujudnya bersih dari segala bentuk gangguan. Ini menunjukkan betapa besar perhatian syariat bagi menjadi pelaksanaan solat itu sempurna dan dilaksanakan dengan sepenuh jiwa dan raganya.

Analisis Lafaz

"إِذَا قَامَ أَحَدُكُمْ فِي الصَّلاَةِ", apabila seseorang di antara kamu telah memasuki solat. Diberi makna demikian kerana perbuatan mengusap kerikil tidak dilarang melainkan sesudah seseorang berkenaan telah masuk ke dalam solatnya.

"فَلاَ يَمْسَحِ الْحَصَى", janganlah dia mengusap atau menyapu kerikil yang ada pada tempat sujudnya. Dalam kaitan ini disebutkan batu kerikil secara khusus kerana batu kerikil yang sering kali dijumpai di dalam masjid pada masa itu.

"فَإِنَّ الرَّحْمَةَ تُوَاجِهُهُ", rahmat berada di hadapannya dan oleh kerananya, janganlah dia dipedaya oleh sesuatu objek yang melekat pada keningnya sama ada debu ataupun batu kerikil dan jangan pula dipedaya oleh apa yang ada di tempat sujudnya, melainkan jika itu mengganggunya. Jika demikian, maka dia boleh menyapunya.

Imam Ahmad menambah: "Sebanyak satu kali atau tinggalkanlah." Lafaz hadisnya ialah sebagai berikut. Abu Dzarr (r.a) menceritakan:

سَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ شَيْئٍ حَتَّى سَأَلْتُهُ عَنْ مَسْحِ الْحَصَاةِ، فَقَالَ: وَاحِدَةً أَوْ دَعْ.

"Saya pernah bertanya kepada Nabi (s.a.w) tentang segala sesuatu, hinggalah saya bertanya mengenai hukum mengusap kerikil. Maka baginda menjawab: "Sebanyak satu kali atau tinggalkanlah."

Lafaz "وَاحِدَةً" adalah *maf'ul muthlaq* bagi *fi'il* yang dibuang. Bentuk lengkapnya adalah: "امسح واحدة أو اترك المسح" (Usaplah sebanyak satu kali atau tinggalkanlah usapan itu).

"وَفِي الصَّحِيحِ", di dalam kitab al-Shahih yang telah disepakati oleh al-Bukhari dan Muslim.

"نَحْوُهُ", hadis yang serupa dengannya, iaitu melalui hadis Abu Dzarr (r.a) yang disebutkan seperti berikut:

لاَ تَمْسَحِ الْحَصَى وَأَنْت تُصَلِّى، فَإِنْ كُنْتَ لاَبُدَّ فَاعِلاً فَوَاحِدَةً لِتَسْوِيَةِ الْحَصَى.

"Janganlah kamu mengusap kerikil ketika kamu sedang mengerjakan solat. Jika kamu mesti melakukannya juga, maka usaplah sebanyak satu kali untuk meratakan kerikil."

"بِغَيْرِ تَعْلِيلٍ", tanpa menyebutkan alasan, iaitu kalimat: "*kerana sesungguhnya dia sedang berhadapan dengan rahmat.*" Inilah penyebab larangan mengusap kerikil yang semestinya menjadi keutamaan kerana adanya rahmat.

Fiqh Hadis

1. Rahmat Allah sentiasa bercucuran kepada orang yang sedang mengerjakan solat.
2. Makruh mengusap kerikil dalam solat supaya solatnya tidak terganggu oleh perkara-perkara lain yang tidak ada kaitannya dengan solat.
3. Boleh mengusap kerikil, tetapi hanya sekali usapan sahaja, bagi memastikan batu kerikil tidak mengganggu solatnya.
4. Perhatian syariat yang kelihatan berlebihan bertujuan supaya solat dilakukan dengan sepenuh hati.
5. Perhatian para sahabat yang sedemikian besar hingga mereka menanyakan perkara-perkara yang dianggap menyukarkan bagi mereka dalam masalah ilmu agama.

Periwayat Hadis

Mu'aiqib ibn Fatimah al-Dausi turut serta dalam perang Badar dan masuk Islam sejak awal lagi. Beliau turut berhijrah ke Habsyah dan melakukan hijrah kedua, iaitu ke Madinah. Beliau menetap di Madinah hingga Nabi (s.a.w) tiba di Madinah dan bertugas menjaga cop kenabian. Khalifah Abu Bakar dan Khalifah Umar menyerahkan urusan baitul mal kepadanya. Beliau mempunyai banyak hadis yang kemudian diriwayatkan oleh anaknya Muhammad dan cucunya, Iyas ibn al-Harits

ibn Mu'aiqib. Ibn Abdul Barr berkata: "Beliau meninggal dunia pada masa pemerintahan Khalifah Utsman (r.a)."

١٩٤- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "سَأَلْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْإِلْتِفَاتِ فِي الصَّلاَةِ؟" فَقَالَ: "هُوَ اِخْتِلاَسٌ يَخْتَلِسُهُ الشَّيْطَانُ مِنْ صَلاَةِ الْعَبْدِ". رَوَاهُ اَلْبُخَارِيُّ.

وَلِلتِّرْمِذِيِّ عَنْ أَنَسٍ - وَصَحَّحَهُ -: "إِيَّاكِ وَالْإِلْتِفَاتَ فِي الصَّلاَةِ، فَإِنَّهُ هَلَكَةٌ، فَإِنْ كَانَ لاَ بُدَّ فَفِي التَّطَوُّعِ".

194. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Saya pernah menanyakan kepada Rasulullah (s.a.w) mengenai hukum menoleh dalam solat. Baginda menjawab: "Perbuatan itu merupakan curian pandangan yang direbut oleh syaitan dari solat seseorang." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Menurut riwayat al-Tirmizi yang menilainya sebagai sahih disebutkan: "Jangan sekali-kali kamu menoleh ketika di dalam solat, kerana sesungguhnya perbuatan itu boleh membinasakan. Jika dia mesti melakukannya, maka lakukanlah ketika mengerjakan solat sunat."

Makna Hadis

Menoleh di dalam solat apabila disertai dengan seluruh anggota tubuhnya hingga berpaling dari arah kiblat menjadikan solat yang dilakukan oleh seseorang itu batal. Jika hanya dia memalingkan kepala sahaja, maka hukumnya makruh, kerana perbuatan ini mengurangkan nilai khusyuk dan berpaling daripada hadapan Allah (s.w.t).

Orang yang sedang solat apabila memalingkan (menolehkan) wajahnya, maka Allah pun berpaling daripadanya seraya berfirman: "Kepada siapakah kamu berpaling? Apakah engkau berpaling kepada yang lebih baik daripada-Ku?" Demikianlah menurut yang disebutkan di dalam satu hadis. Jika seseorang itu hanya menolehkan pandangan matanya, maka itu disebut *khilaf al-awla* (menyalahi perbuatan yang lebih afdhal).

Dikecualikan dari masalah ini adalah menoleh kerana adanya suatu keperluan, kerana Nabi (s.a.w) pernah berbuat demikian. Sebagaimana sedia maklum, syaitan adalah musuh yang nyata. Jika menemukan kesempatan untuk membuat orang yang sedang solat lengah, ia segera membisikkan godaannya dan mencuri tumpuannya. Inilah yang diungkapkan oleh hadis dengan istilah *al-ikhtilas*.

Analisis Lafaz

"اِخْتِلاَسٌ", mencuri pandangan yang direbut oleh syaitan daripada seseorang dalam solatnya. Dikatakan demikian kerana seseorang sedang menghadap Allah dan syaitan sentiasa mengintai peluang untuk menyusupkan godaannya. Jika seseorang itu menoleh, syaitan memiliki peluang untuk itu, lalu ia merebut dan memalingkannya dari keadaan solatnya.

"إِيَّاكِ", huruf kaf itu dibaca kasrah kerana lawan bicaranya adalah perempuan dan ia berkedudukan sebagai *al-tahdzir* dalam keadaan *nasab*. Bentuk lengkapnya ialah: "إياك احذر والإلتفات" (Aku ingatkan kamu dari perbuatan menoleh dalam solat." Perbuatan menoleh itulah yang menjadi tujuan supaya dihindari.

"هَلَكَةٌ", membinasakan, kerana perbuatan itu menjadikan solat yang merupakan ibadah paling mulia cacat.

"فَإِنْ كَانَ لاَ بُدَّ", apabila dia terpaksa menoleh.

"فَفِي التَّطَوُّعِ", maka lakukanlah ketika mengerjakan solat sunat, bukan di dalam solat fardu.

Fiqh Hadis

1. Menoleh dalam solat merupakan perbuatan tercela dan hukumnya makruh. Jika seseorang menoleh ketika dalam solat, maka syaitan berjaya menguasai dirinya dan membuatnya lena di dalam solatnya. Ini adakalanya seseorang itu lupa atau keliru kerana hatinya tidak hadir sepenuhnya hingga sibuk dengan tujuan lain.
2. Ulama membolehkan menolehkan leher, bukannya dada, apabila keadaan menuntut untuk berbuat demikian dan hukumnya tidaklah makruh. Jika seseorang menoleh dengan seluruh tubuhnya hingga berpaling daripada arah kiblat, maka batallah solatnya menurut kesepakatan ulama. Jika dia hanya memalingkan dadanya, maka menurut mazhab al-Syafi'i dan mazhab Hanafi solatnya batal. Sedangkan menurut mazhab Maliki dan mazhab Hanbali, solatnya tidak batal selagi seseorang itu tidak berada dalam keadaan yang membahayakan apabila dia melakukan sedikit miring dalam solatnya, seperti seseorang yang solat menghadap ke Ka'bah secara langsung. Dalam kaitan ini, solat seseorang menjadi batal apabila memalingkan diri dari arah Ka'bah sebaik wajahnya atau salah satu anggota tubuhnya tidak lagi menghadap Ka'bah, meskipun kemelesetan itu hanya sejauh satu jari dan anggota tubuh yang lain masih menghadap ke arah Ka'bah.

١٩٥- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا كَانَ أَحَدُكُمْ فِي الصَّلَاةِ فَإِنَّهُ يُنَاجِي رَبَّهُ، فَلاَ يَبْصُقَنَّ بَيْنَ يَدَيْهِ وَلاَ عَنْ يَمِينِهِ، وَلَكِنْ عَنْ شِمَالِهِ تَحْتَ قَدَمِهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَفِي رِوَايَةٍ: "أَوْ تَحْتَ قَدَمِهِ".

195. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu berada di dalam solatnya, maka bererti dia sedang bermunajat kepada Allah. Oleh yang demikian, jangan sekali-kali dia meludah ke hadapan dan jangan pula ke sebelah kanan, tetapi boleh meludah ke sebelah kiri di bawah telapak kakinya.*" (Muttafaq 'alaih). Di dalam riwayat lain disebutkan: "Atau di bawah telapak kakinya."

Makna Hadis

Solat adalah sarana roh bermikraj menuju tingkatan yang tertinggi, iaitu maqam al-munajah (kedudukan bermunajat kepada Allah (s.w.t). Kiblat merupakan salah satu syiar Allah dan mengagungkan syiar Allah merupakan bukti yang hati bertakwa. Oleh itu, Nabi (s.a.w) melarang membuang hingus dan meludah ke arah kiblat ketika berada di dalam masjid atau di tempat lain ketika sedang dalam solat kerana menghormati arah kiblat. Dilarang pula meludah dan membuang hingus ke arah sebelah kanan kerana menghormati sebelah kanan dan menghormati malaikat yang berada di sebelah kanan. Tetapi syariat memberikan *rukhsah* di mana dibolehkan seseorang berbuat demikian ke sebelah kiri atau di bawah telapak kaki.

Nabi (s.a.w) pernah berdiri membersihkan dahak yang berada di arah kiblat, lalu baginda mengeriknya dengan tangan kanannya, lalu memberi wewangian pada tempat itu kerana menghormatinya sekali gus menganjurkan kebersihan dan sebagai peringatan supaya umat Islam tidak menghina arah kiblat.

Analisis Lafaz

"يُنَاجِي", asal makna *al-munajat* ialah berbisik-bisik. Makna yang dimaksudkan di sini ialah menghadapkan diri kepada Allah (s.w.t), yakni kepada rahmat dan redha-Nya.

"يَبْصُقَنَّ", *al-bushaq* ialah ludah.

"بَيْنَ يَدَيْهِ", di hadapannya.

"وَلاَ عَنْ يَمِينِهِ", sebelah kanan kerana menghormati arah kanan dan menghormati malaikat yang berada di sebelah kanan.

Fiqh Hadis

1. Air ludah hukumnya suci, yakni tidak najis.
2. Dilarang meludah ke arah kiblat.
3. Dilarang meludah ke arah sebelah kanan.

١٩٦- وَعَنْهُ قَالَ: كَانَ قِرَامٌ لِعَائِشَةَ -رَضِيَ اللهُ عَنْهَا- سَتَرَتْ بِهِ جَانِبَ بَيْتِهَا فَقَالَ لَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَمِيطِي عَنَّا قِرَامَكِ هَذَا، فَإِنَّهُ لاَ تَزَالُ تَصَاوِيرُهُ تَعْرِضُ لِي فِي صَلاَتِي". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

وَاتَّفَقَا عَلَى حَدِيثِهَا فِي قِصَّةِ أَنْبِجَانِيَّةِ أَبِي جَهْمٍ، وَفِيهِ: "فَإِنَّهَا أَلْهَتْنِي عَنْ صَلاَتِي".

196. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Kain kulit nipis milik Aisyah (r.a) dijadikan sebagai langsir di sebelah rumahnya. Melihat itu, Nabi (s.a.w) bersabda kepada Aisyah: 'Jauhkanlah dariku kain kulitmu ini, kerana sesungguhnya gambar-gambar yang ada di dalamnya masih kelihatan olehku ketika di dalam solatku!" (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Al-Bukhari dan Muslim bersepakat mengenai hadis Aisyah yang menceritakan kisah kain jubah tebal Abu Jahm. Di dalam hadis ini disebutkan: "Pakaian *khamishah* ini mengganggu solatku."

Makna Hadis

Amal perbuatan merupakan jasad, sedangkan rohnya adalah ikhlas dan khusyuk. Oleh itu, tidak ada kehidupan bagi jasad tanpa roh. Sebagaimana sedia maklum bahawa gambar memiliki kesan negatif terhadap hati yang bersih dan jiwa yang suci, terlebih-lebih lagi hati yang sememangnya tidak bersih. Oleh itu, Islam tidak menyukai setiap perkara yang boleh mengganggu ketenangan orang solat dan menyibukkan hatinya hingga tidak dapat hadir sepenuh hati dalam solatnya. Ini meliputi makruh solat di atas hamparan sejadah yang di dalamnya terdapat gambar dan makruh mewarnai masjid dengan warna-warni yang terlampau terang.

Apa yang paling disukai oleh Nabi (s.a.w) adalah keadaan yang sama sekali tidak mengganggu ketenangannya ketika mengerjakan solat supaya tidak lalai ketika menghadap Allah. Sungguhpun begitu, baginda pernah memulangkan kain *khamishah* pemberian Abu Jahm sebagai satu ketetapan hukum umatnya, kemudian baginda meminta Abu Jahm memberikan baju *anbijaniyah* miliknya supaya dia tidak berkecil hati.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Anas (r.a), yakni hadis ini sama dengan hadis yang sebelumnya.

"قِرَامٌ", kain langsir yang terbuat daripada bulu domba, nipis lagi berwarna-warni. Menurut pendapat yang lain, ia adalah kain kulit yang tebal dan dipenuhi dengan aneka ragam warna.

"أَمِيطِي", berasal dari perkataan *al-imathah* yang ertinya menyingkirkan.

"تَعْرِضُ", nampak olehku.

"وَاتَّفَقَا", al-Bukhari dan Muslim.

"عَلَى حَدِيثِهَا", hadis Aisyah (r.a).

Hadis yang menceritakan kisah baju *anbijaniyah* milik Abu Jahm seperti mana yang telah disepakati oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Aisyah adalah seperti berikut:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى فِي خَمِيصَةٍ لَهَا أَعْلاَمٌ، فَنَظَرَ إِلَى أَعْلاَمِهَا، فَلَمَّا انْصَرَفَ، قَالَ: اذْهَبُوا بِخَمِيصَتِي هَذِهِ إِلَى أَبِي جَهْمٍ، فَإِنَّهَا أَلْهَتْنِي آنِفًا عَنْ صَلاَتِي.

"Nabi (s.a.w) mengerjakan solat dengan memakai baju *khamisah* yang ada padanya terdapat sulaman. Baginda memandang ke arah sulamannya itu. Ketika selesai mengerjakan solat, baginda bersabda: "Pulangkan oleh kamu baju *khamishah* ini kepada Abu Jahm, kerana sesungguhnya baju ini mengganggu solatku tadi."

"خَمِيصَةٍ", nama sejenis pakaian yang terdapat di dalamnya sulaman.

"لَهَا أَعْلاَمٌ", baju *khamishah* tersebut ada sulaman pada bahagian tepinya.

"أَنْبِجَانِيَّةِ", nama sejenis baju yang tebal, tetapi tidak ada sulamannya.

"أَبِي جَهْمٍ", nama aslinya adalah Amir ibn Hudzaifah ibn Ghanim ibn 'Amir ibn Abdullah al-Qurasyi al-Adawi. Beliau termasuk salah seorang tokoh Quraisy yang disegani. Beliau turut menghadiri pembinaan Ka'bah sebanyak dua kali; ketika

dibangun kembali oleh orang Quraisy dan ketika diperbaiki semula oleh Ibn al-Zubair.

"أَلْهَتْنِي", hampir mengganggu kesempurnaan khusyukku semasa dalam solat. Makna yang dimaksudkan di sini ialah bukanlah mengganggu yang sebenarnya dan disokong oleh riwayat lain yang disebut oleh al-Bukhari daripada Aisyah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda:

كُنْتُ أَنْظُرُ إِلَى عَلَمِهَا وَأَنَا فِي الصَّلاَةِ فَأَخَافُ أَنْ تَفْتِنَنِي.

"*Aku sentiasa memandang ke arah sulamannya ketika saya sedang dalam solat. Jadi, saya khuatir ini akan menggangguku.*"

"آنِفًا", tadi.

Fiqh Hadis

1. Dianjurkan menyingkirkan segala sesuatu yang boleh mengganggu seseorang dalam solatnya, sama ada ia ada di dalam rumah ataupun di tempat solat.
2. Boleh memakai baju yang ada sulamannya dan boleh memakainya ketika hendak mengerjakan solat.
3. Dianjurkan khusyuk dalam solat dan mengerjakannya dengan sepenuh hati serta menjauhi segala sesuatu yang mengganggunya.
4. Bersegera berpaling daripada perhiasan duniawi dan fitnahnya.
5. Boleh menerima hadiah dari teman-teman.
6. Jika barang pemberian dipulangkan kepada orang yang memberinya tanpa wujud permintaan sebelumnya daripadanya, maka dia boleh menerimanya semula tanpa dimakruhkan.
7. Rasulullah (s.a.w) meminta baju *anbijaniyah* milik Abu Jahm supaya dia tidak berkecil hati kerana baju *khamishah* miliknya telah dipulangkan oleh baginda. Hal ini sekali gus menjelaskan kepadanya bahawa pemulangan baju *khamishah* miliknya itu kerana ada sebab-sebab tertentu.
8. Kesibukan hati dalam solat kerana memikirkan perkara lain di luar solat tidak mempengaruhi sahnya solat.

١٩٧- عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَيَنْتَهِيَنَّ قَوْمٌ يَرْفَعُونَ أَبْصَارَهُمْ إِلَى السَّمَاءِ فِي الصَّلَاةِ أَوْ لاَ تَرْجِعَ إِلَيْهِمْ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

197. Daripada Jabir ibn Samurah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Hendaklah suatu kaum benar-benar menghentikan kebiasaan mereka mengangkat pandangan mata ke langit ketika dalam solat atau pandangan mereka tidak kembali lagi kepada mereka.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Keselurahan

Nabi (s.a.w) melarang mengangkat atau melayangkan pandangan ke langit ketika sedang mengerjakan solat, kerana perbuatan itu memalingkan dirinya daripada

menghadap kiblat di samping sikap sedemikian menampilkan reaksi yang tidak elok bagi orang yang melihatnya. Ini membuatnya terkeluar daripada keadaan solat sekalipun tidak membatalkan solat.

Larangan dalam hadis ini menurut jumhur ulama menunjukkan hukum makruh. Memandang ke arah langit dibolehkan oleh kebanyakan ulama, tetapi itu mesti dilakukan di luar solat, kerana langit merupakan kiblat doa sebagaimana Ka'bah adalah kiblat solat. Tidak makruh mengangkat pandangan mata ke langit sebagaimana tidak makruh pula mengangkat kedua tangan ke arahnya ketika berdoa. Allah (s.w.t) berfirman:

وَفِي ٱلسَّمَآءِ رِزْقُكُمْ وَمَا تُوعَدُونَ ﴿٢٢﴾

"*Di dalam di langit terdapat (sebab-sebab) rezekimu dan terdapat (pula) apa yang dijanjikan kepadamu.*" (Surah al-Dzariyat: 22)

Analisis Lafaz

"لَيَنْتَهِيَنَّ", perbuatan ini dilarang kerana seseorang yang berbuat demikian telah berpaling daripada kiblat dan tidak mematuhi tatacara solat yang betul. Mazhab fiqh yang empat mengatakan bahawa larangan ini menunjukkan hukum makruh, kerana ancaman buta di dalam hadis tersebut tidak bererti haram di sisi mereka.

"أَوْ لاَ تَرْجِعَ إِلَيْهِمْ", huruf *aw* menunjukkan pilihan kepada salah satu daripada dua perkara. Salah satu daripada kedua-dua perkara tersebut pasti terjadi; adakalanya mereka menghentikan perbuatannya yang tercela itu atau Allah akan membutakan pandangan mereka sebagai hukuman ke atas perbuatan mereka sendiri.

Fiqh Hadis

1. Dilarang mendongakkan pandangan mata ke langit ketika sedang solat.
2. Dianjurkan khusyuk ketika sedang dalam solat.
3. Dianjurkan segera merubah setiap perbuatan mungkar sebaik melihat ada orang melakukannya.

١٩٨- وَلَهُ: عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "لَا صَلاَةَ بِحَضْرَةِ طَعَامٍ، وَلَا هُوَ يُدَافِعُهُ ٱلأَخْبَثَانِ".

198. Muslim meriwayatkan daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Tidak ada solat ketika makanan telah dihidangkan dan tidak ada solat ketika seseorang mengerjakannya dalam keadaan menahan keinginan untuk membuang air besar dan buang air kecil.*"

Makna Hadis

Wahai orang yang bersolat, jangan anda menyibukkan hati anda dengan perkara-perkara lain ketika anda berdiri dalam solat anda menghadap Allah. Hendaklah anda bermunajat kepada-Nya dalam keadaan sempurna dan sepenuh hati. Jangan hati anda terganggu oleh sesuatu yang ada di hadapan anda seperti makan malam yang telah dihidangkan, kerana mengerjakan solat di hadapan makanan yang telah dihidangkan adalah makruh. Janganlah anda menahan keinginan untuk membuang air besar, air kecil atau kentut agar solat anda tidak terganggu kerananya, hingga menyebabkan anda tidak lagi khusyuk dalam solat itu.

Analisis Lafaz

"بِحَضْرَةِ طَعَامٍ", di hadapan tempat makan yang telah disediaakan makanannya.

"يُدَافِعُهُ ٱلأَخْبَثَانِ", membuang air besar dan membuang air kecil. *Al-Mudafa'ah* adalah menahan keinginan untuk membuang air besar, air kecil dan demikian pula menahan kentut. Lafaz "الأخبثان" adalah *fa'il* kepada lafaz "يدافعه" dan kalimat " وهو يدافعه الأخبثان" berkedudukan sebagai *hal* (kata keterangan keadaan).

Fiqh Hadis

1. Makruh solat di hadapan makanan yang telah dihidangkan, kerana itu dapat mengganggu dan menghilangkan kesempurnaan khusyuk.
2. Makruh solat sambil menahan keinginan untuk membuang air kecil, air besar atau kentut, kerana itu menyebabkan khusyuk tidak sempurna.

١٩٩- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "التَّثَاؤُبُ مِنْ الشَّيْطَانِ فَإِذَا تَثَاءَبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَكْظِمْ مَا اسْتَطَاعَ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ وَالتِّرْمِذِيُّ، وَزَادَ: "فِي الصَّلاَةِ".

199. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Menguap termasuk kebiasaan syaitan. Jadi apabila seseorang di antara kamu hendak menguap, maka hendaklah dia menahannya sedaya upaya.*" (Diriwayatkan oleh Muslim dan al-Tirmizi). Al-Tirmizi menambahkan: "*Dalam solat.*"

Makna Hadis

Menguap selalunya disebabkan oleh perut yang telah dipenuhi makanan atau kerana malas yang telah menguasai tubuh. Semua itu merupakan perbuatan yang disukai syaitan hingga seakan-akan menguap itu berasal dari syaitan. Nabi (s.a.w) menyuruh seseorang supaya menahan mulutnya dengan kemampuan yang ada padanya supaya tidak menguap bagi menjaga khusyuk dalam solat dan menghindarkan diri daripada ditertawakan syaitan yang sememangnya menyukai seseorang itu menguap dan mengelakkan diri daripada syaitan masuk ke dalam mulutnya.

Analisis Lafaz

"التَّثَاوُبُ", menguap.

"مِنْ الشَّيْطَانِ", dari syaitan, kerana perbuatan ini muncul ekoran tubuh lemah dan perasaan malas yang telah menguasai tubuh. Keadaan ini paling disukai oleh syaitan.

"فَلْيَكْظِمْ", perintah menunjukkan ini menunjukkan hukum sunat. *Al-Kazhm* adalah mengatupkan mulut supaya tidak menguap. Jika seseorang tidak mampu menahannya, maka hendaklah dia meletakkan tangan pada mulutnya seperti mana yang diperintahkan oleh Rasulullah (s.a.w) dalam hadis yang lain:

إِذَا تَثَاءَبَ أَحَدُكُمْ فَلْيَضَعْ يَدَهُ عَلَى فِيْهِ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ يَدْخُلُ مَعَ التَّثَاوُبِ.

"*Jika seseorang di antara kamu menguap, maka hendaklah dia meletakkan tangan pada mulutnya kerana sesungguhnya syaitan masuk bersama uapannya itu.*"

Fiqh Hadis

1. Menjauhi semua perbuatan yang disukai oleh syaitan.
2. Menguap ketika di dalam solat bercanggah dengan khusyuk yang sememangnya dituntut di dalam solat.

Kesimpulan

Hadis dalam bab ini menunjukkan kepada beberapa kesimpulan berikut:
1. Dilarang meniru perbuatan ahli kitab dan orang yang solat dilarang meludah ke arah hadapan dan ke sebelah kanan.
2. Makruh solat di hadapan makanan, solat sambil menahan keinginan untuk membuang air besar mahupun air kecil, mengusap kerikil, dan menoleh ke kiri dan ke kanan.
3. Amaran bagi seseorang yang biasa mendongakkan pandangan mata ke langit ketika dalam solat.
4. Menjauhi semua perbuatan yang disukai oleh syaitan.
5. Anjuran supaya khusyuk ketika dalam solat, tidak melakukan perbuatan yang boleh menyibukkan hati ketika dalam solat, mengetepikan benda-benda yang mengganggu solat sama ada di dalam rumah ataupun di tempat solat, segera berpaling daripada perhiasan duniawi dan fitnahnya, dan anjuran segera merubah perbuatan mungkar sebaik melihatnya
6. Boleh menerima hadiah dari teman-teman, boleh pula memakai baju yang bergaris-garis dan sah dipakai untuk solat.

Soalan

1. Apakah takrif khusyuk dalam solat?

2. Bagaimanakah hukum menahan keinginan membuang air besar mahupun kecil ketika dalam solat dan apakah hikmah di sebalik larangan ini?
3. Bagaimanakah hukum solat di hadapan makanan yang telah dihidangkan?
4. Huraikan hikmah memakan makanan terlebih dahulu sebelum mengerjakan solat!
5. Apakah maksud yang terkandung di dalam perintah Nabi (s.a.w): "فابدءوا" (Mulakanlah lebih dahulu)!
6. Bagaimanakah hukum mengusap batu kerikil ketika dalam solat dan sebelum-nya?
7. Apakah hikmah di sebalik larangan tersebut dan apa pula *rukhsah* yang diberikan dalam mengusap kerikil?
8. Huraikan hukum menoleh ketika dalam solat dan bagaimanakah hukum setiap bahagian daripadanya?
9. Bilakah menoleh di dalam solat itu dibolehkan berdasarkan *rukhsah* yang telah diberikan oleh syariat?
10. I'rabkan sabda Nabi (s.a.w): "وَإِيَّاكِ وَالْإِلْتِفَاتَ"! Sebutkan hikmah di sebalik larangan menoleh di dalam solat!
11. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: "إختلاس", "يبصقن", "يناجي", "قرام", "تعرض", "خميصة", "أعلام", "أنبجانية", "ألهتني", "آنفا", "التثاؤب" dan "يكظم"!
12. Bagaimanakah hukum meludah dan membuang hingus ke sebelah kanan atau ke arah kiblat, dan apakah hikmah di sebalik larangan ini? Apa yang dibolehkan oleh syariat untuk berbuat demikian sebagai satu *rukhsah* daripadanya?
13. Mengapa Rasulullah (s.a.w) menyuruh supaya kain *qiram* Aisyah ditanggalkan?
14. Bagaimanakah hukum memulangkan hibah dan hadiah yang telah diberikan orang lain kepadanya?
15. Huraikan sabda Nabi (s.a.w): "ألهتني آنفا عن صلاتي"! Apakah hadis ini boleh diertikan berdasarkan lafaz zahirnya? Jelaskan!
16. Bagaimanakah hukum solat seseorang menahan keinginan untuk membuang air besar mahupun air kecil? Apakah hikmah di sebalik larangan ini!
17. Jelaskan kedudukan i'rab kalimat: "وهو يدافعه الأخبثان"!
18. Apakah faktor yang mendorong seseorang itu menguap?
19. Apakah etika yang mesti dilakukan seseorang yang hendak menguap di sisi syariat? Sebutkan hikmah yang terkandung di dalam etika ini!

BAB MASJID

٢٠٠- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "أَمَرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِبِنَاءِ الْمَسَاجِدِ فِي الدُّورِ وَأَنْ تُنَظَّفَ وَتُطَيَّبَ." رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَ إِرْسَالَهُ.

200. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) menyuruh membangun masjid di dalam (setiap) kota dan hendaklah masjid-masjid tersebut

sentiasa dibersihkan dan diberi wewangian." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Tirmizi yang menilainya sebagai mursal)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) amat mementingkan solat yang merupakan rukun Islam yang kedua. Dalam pada itu, baginda memerintahkan membangun masjid dan tempat untuk mengumandangkan azan. Baginda memerintahkan supaya setiap daerah dan kota mesti dibangun sebuah masjid untuk mendirikan solat lima waktu dalam sehari semalam. Baginda memerintahkan membangun masjid besar untuk melaksanakan solat Jumaat yang dapat menampung seluruh penduduk kota berkenaan.

Memandangkan surau-surau yang ada di setiap daerah kadang kala kurang diperhatikan kebersihannya, Nabi (s.a.w) memerintahkan agar setiap masjid dan surau dibersihkan dan diberi wewangian, begitu pula dengan masjid besar. Nabi (s.a.w) di sini mengungkapkan kota dengan istilah *al-Dur*, sedangkan daerah yang merupakan bahagian dari kota) disebut dengan istilah *al-Dar*.

Analisis Lafaz

"المساجد", bentuk jamak lafaz masjid. Menurut bahasa, ia adalah tempat untuk sujud, sedangkan menurut syarak pula ialah sebidang tanah yang digunakan secara khusus sebagai tempat untuk beribadah.

"الدُّورِ", bentuk jamak *al-dar*, kata nama yang menunjukkan sekumpulan kawasan perumahan atau taman. Orang Arab menyebut tempat tinggal mereka yang di dalamnya terdapat satu kabilah sebagai *al-dar*.

"أَنْ تُنَظَّفَ وَتُطَيَّبَ", Rasulullah (s.a.w) memerintahkan untuk membersihkan kotoran yang ada di masjid dan memberinya wewangian agar baunya sentiasa semerbak wangi. Surau mesti dihormati, sebab ia merupakan tempat solat lima waktu didirikan di samping ia turut memiliki fungsi yang sama dengan masjid besar.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan membangun surau di setiap kampung dan menggunakannya sebagai tempat beribadah dan solat berjamaah lima waktu agar penduduk setempat tidak ketinggalan untuk mendapat keutamaan pahala berjamaah, kerana kedudukan tempat tinggal mereka yang berjauhan dengan masjid besar.
2. Dianjurkan membersihkan masjid-masjid dari kotoran.
3. Dianjurkan memberikan wewangian yang sewajarnya untuk masjid.

٢٠١ـ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "قَاتَلَ اللهُ الْيَهُودَ اتَّخَذُوا قُبُورَ أَنْبِيَائِهِمْ مَسَاجِدَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْه. وَزَادَ مُسْلِمُ: "وَالنَّصَارَى".

وَلَهُمَا: مِنْ حَدِيثِ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا: "كَانُوا إِذَا مَاتَ فِيهِمْ الرَّجُلُ الصَّالِحُ بَنَوْا عَلَى قَبْرِهِ مَسْجِدًا". وَفِيهِ: "أُولَئِكَ شِرَارُ الْخَلْقِ".

201. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Semoga Allah melaknat orang Yahudi, (kerana) mereka menjadikan kubur nabi-nabi mereka sebagai tempat beribadah.*" (Muttafaq 'alaih). Muslim menambahkan: "*Demikian pula orang Nasrani.*"

Menurut riwayat al-Bukhari dan Muslim daripada Aisyah (r.a) disebutkan: "*Apabila ada seorang lelaki soleh di kalangan orang Yahudi meninggal dunia, maka mereka membangun tempat beribadah di atas kuburannya.*" Di dalam hadis ini disebutkan: "*Mereka adalah sejahat-jahat makhluk.*"

Makna Hadis

Ummu Salamah dan Ummu Habibah yang merupakan Ummahat al-Mu'minin menceritakan kepada Nabi (s.a.w) tentang apa yang pernah mereka saksikan di negeri Habsyah. Masyarakat Habsyah menyembah dan mengagungkan patung dan gambar manusia di dalam gereja. Rasulullah (s.a.w) menegaskan kepada mereka bahawa dorongan membuat patung dan gambar tersebut pada hakikatnya baik, iaitu untuk meneladani amal kebajikan yang pernah dilakukan oleh orang soleh di kalangan mereka yang telah meninggal dunia. Tetapi mereka tidak menyedari perbuatan itu kerana dengan cara ini mereka telah membuka pintu kekufuran bagi generasi berikutnya. Akhirnya patung itu diagungkan dan disembah. Oleh itu, mereka menjadi sejahat-jahat atau seburuk-buruk makhluk Allah pada hari kiamat kelak.

Di sini Rasulullah (s.a.w) ingin mengingatkan para sahabat supaya tidak menjadikan kuburannya seperti apa yang telah dilakukan dengan kuburan orang soleh itu. Ini merupakan langkah berjaga-jaga baginda sekali gus menjauhkan perbuatan yang menyerupai para penyembah berhala di samping mengingatkan agar harta tidak dibazirkan dan disia-siakan untuk sesuatu yang tidak ada manfaatnya.

Analisis Lafaz

"قَاتَلَ اللهُ الْيَهُودَ", semoga Allah melaknat dan membinasakan orang Yahudi.

"النَّصَارَى", mereka adalah para pengikut al-Masih. Mereka diberi nama *Nashara* kerana dinisbahkan kepada suatu kota yang bernama Nashranih. Mereka tidak mempunyai kuburan nabi mereka, iaitu Nabi Isa (a.s), kerana beliau telah diangkat ke langit. Jadi, apa yang dimaksudkan di ini ialah kuburan para pengikut nabi mereka.

"وَلَهُمَا", menurut riwayat al-Bukhari dan Muslim pula.

"مِنْ حَدِيثِ عَائِشَةَ", daripada Aisyah (r.a). Lafaz hadisnya ialah seperti berikut:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: إِنَّ أُمَّ حَبِيبَةَ وَأُمَّ سَلَمَةَ ذَكَرَتَا لِرَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَنِيسَةً رَأَتَاهَا بِالْحَبَشَةِ، فِيهَا تَصَاوِيرُ، فَقَالَ: إِنَّ أُولَئِكِ إِذَا كَانَ فِيهِمْ الرَّجُلُ الصَّالِحُ فَمَاتَ بَنَوْا

عَلَى قَبْرِهِ مَسْجِدًا وَصَوَّرُوا فِيهِ تِلْكِ الصُّوَرَ، أُولَئِكِ شِرَارُ الْخَلْقِ عِنْدَ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

"Daripada Aisyah, beliau berkata: 'Sesungguhnya Ummu Habibah dan Ummu Salamah pernah menceritakan kepada Rasulullah (s.a.w) mengenai suatu gereja yang pernah dilihat oleh keduanya di Habsyah. Di dalam gereja itu terdapat banyak patung (gambar). Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya mereka (orang Yahudi) apabila ada seorang lelaki soleh di kalangan mereka yang meninggal dunia, maka mereka membangun di atas kuburannya tempat beribadah, lalu mereka menghiasinya dengan patung-patung tersebut. Mereka adalah seburuk-buruk makhluk di sisi Allah kelak pada hari kiamat."

Ummu Habibah, nama aslinya Ramlah binti Abu Sufyan Ummu al-Mu'minin, termasuk salah seorang wanita yang paling awal masuk Islam. Beliau masuk Islam di Mekah dan berhijrah ke Habsyah bersama suaminya, iaitu Abdullah ibn Jahsy, lalu suaminya nneninggal dunia di Habsyah. Kemudian Nabi (s.a.w) yang ketika itu telah berada di Madinah mengirimkan utusannya kepada Raja Najasyi untuk melamarnya. Raja Najasyi memberikan mahar kepadanya sebagai pengganti Nabi (s.a.w), lalu Raja Najasyi mengirimkan Ummu Habibah kepada Nabi (s.a.w) yang telah menjadi isterinya. Ini terjadi pada tahun keenam atau tahun ketujuh Hijrah. Ummu Habibah meriwayatkan 65 hadis. Anak perempuannya bernama Habibah dan saudara lelakinya bernama Mu'awiyah telah mengambil riwayat daripadanya, begitu pula Anbasah. Beliau meninggal dunia pada tahun 44 Hijriah di Madinah.

"كَنِيسَةً", tempat ibadah orang Nasrani, iaitu gereja. Gereja di dalam hadis ini dikenali dengan nama gereja Mariah.

"أُولَئِكِ شِرَارُ الْخَلْقِ", al-Hafiz Ibn Hajar berkata: "Mereka membuat patung di kuburan orang soleh itu tidak lain bertujuan supaya mereka terhibur dengan melihat dan mengingat amal kebaikan orang soleh itu. Ini bertujuan bagi mendorong mereka untuk menteladani amal soleh sedaya upaya mereka. Kemudian datanglah generasi setelah mereka yang tidak tahu tujuan sebenar orang terdahulu, lalu syaitan pun menghembuskan godaannya kepada mereka bahawa orang terdahulu mereka telah mengagungkan patung-patung tersebut, hingga akhirnya generasi mereka ini menyembahnya. Nabi (s.a.w) mengingatkan perkara tersebut sebagai langkah berjaga-jaga dengan menutup segala kemungkinan yang boleh menyebabkan bahaya seperti itu."

Fiqh Hadis

1. Dilarang menjadikan kuburan sebagai masjid.
2. Boleh menceritakan keanehan yang telah disaksikan oleh seseorang.
3. Dilarang membuat patung malah diharamkan membuat patung atau gambar makhluk yang bernyawa, khususnya patung atau gambar orang soleh.
4. Haram membangun (membuat) kuburan di dalam masjid.
5. Orang yang melakukan perbuatan yang diharamkan hendaklah dicela.

6. Apa yang mesti menjadi kaedah dalam menentukan sesuatu hukum adalah syariat, bukan adat kebiasaan.

٢٠٢- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "بَعَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْلاً، فَجَاءَتْ بِرَجُلٍ، فَرَبَطُوهُ بِسَارِيَةٍ مِنْ سَوَارِي الْمَسْجِدِ... الْحَدِيثَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

202. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) mengutus pasukan berkuda, lalu pasukan itu datang membawa seorang lelaki dan selanjutnya mereka mengikat lelaki tersebut pada salah satu tiang yang ada di dalam masjid…" hingga akhir hadis. (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Hadis ini telah diterangkan sebelum ini dalam bab mandi dalam kaitannya orang kafir disyariatkan jika masuk Islam. Dalam bab ini kami sengaja mengulanginya semula dalam kaitannya orang kafir boleh diikat sebagai tawanan di dalam masjid.

Analisis Lafaz

"بِسَارِيَةٍ", tiang.

"الْحَدِيثَ", hingga akhir hadis. Hadis ini telah diterangkan di dalam hadis no. 96.

Fiqh Hadis

1. Boleh mengikat tawanan di dalam masjid, meskipun tawanan itu orang kafir.
2. Orang musyrik dibolehkan memasuki masjid kecuali Masjid al-Haram. Imam Malik berkata: "Orang musyrik tidak boleh memasuki masjid kecuali kerana ada satu keperluan yang teramat penting." Imam al-Syafi'i berkata: "Orang musyrik sama ada ahli kitab ataupun selainnya boleh memasuki masjid setelah mendapat kebenaran orang muslim kecuali Masjid al-Haram di Mekah dan tanah suci." Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa ahli kitab boleh memasuki mana-mana masjid namun kafir selain ahli kitab tidak dibolehkan. Imam Abu Hanifah mengemukakan hujah bagi menguatkan pendapatnya dengan satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad di dalam kitab al-Musnad dengan sanad jayyid melalui Jabir (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:

   لَا يَدْخُلُ مَسْجِدَنَا هَذَا بَعْدَ عَامِنَا هَذَا مُشْرِكٌ إِلاَّ أَهْلُ الْعَهْدِ وَخَدَمُهُمْ.

   "*Sesudah tahun kita sekarang ini orang musyrik tidak boleh lagi memasuki masjid kita, kecuali ahli kitab dan para pembantu mereka.*"

٢٠٣- وَعَنْهُ أَنَّ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ مَرَّ بِحَسَّانَ يَنْشُدُ فِي الْمَسْجِدِ، فَلَحَظَ إِلَيْهِ، فَقَالَ: "قَدْ كُنْتُ أَنْشُدُ، وَفِيهِ مَنْ هُوَ خَيْرٌ مِنْكَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

203. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Umar (r.a) pernah melewati Hassan ibnu Tsabit yang sedang mendendangkan syair di dalam masjid. Beliau pun

menyorotkan pandangan matanya kepada Hassan, lalu Hassan berkata: "Dahulu aku pernah mendendangkan syair di dalam masjid, sedangkan di dalamnya terdapat orang yang lebih hebat daripadamu (Nabi (s.a.w)." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Syair adalah kalimat-kalimat yang sengaja disusun dengan menggunakan irama tertentu. Syair dianggap baik apabila di dalamnya memuatkan makna pujian kepada Allah, memuji Rasul-Nya, memperjuangkan syariat dan lain-lain seumpamanya yang mengandungi tujuan yang dibenarkan, bahkan syair seperti itu boleh didendangkan di dalam masjid. Jika syair mengandungi celaan, mempropagandakan perkara bid'ah atau memberi semangat untuk melakukan maksiat, maka syair seperti itu dianggap buruk sama dengan syair di zaman Jahiliah yang dilakukan oleh pelaku kebatilan. Dengan demikian, maka hadis yang melarang mendendangkan syair di dalam masjid dan hadis membolehkannya dapat digabungkan.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ" 'Anhu, daripada Abu Hurairah (r.a) sama dengan hadis sebelumnya.

"مُرَّ بِحَسَّانَ", melewati Hassan. Hassan ibn Tsabit ibn al-Mundzir al-Ansari al-Najjari adalah penyair Rasulullah (s.a.w). Nama panggilannya adalah Abu Abdurrahman. Beliau telah meriwayatkan satu hadis, lalu riwayatnya diambil oleh Ibn al-Musayyab dan anak lelakinya yang bernama Abdurrahman. Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:

إِنَّ رُوْحَ الْقُدْسِ مَعَ حَسَّانٍ مَا دَامَ يُنَافِحُ عَنْ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

"*Sesungguhnya Ruh al-Quds (Malaikat Jibril) sentiasa menyertai Hassan selagi dia membela Rasulullah (s.a.w).*"

Hassan meninggal dunia pada tahun 54 Hijriah. Ibn Ishaq pernah mengatakan bahawa Hassan berusia 120 tahun.

"يَنْشُدُ" Yunsyidusy syi'ra, mendendangkan syair di dalam masjid.

"فَلَحَظَ إِلَيْهِ", maka Umar (r.a) memandang ke arahnya dengan pandangan yang seolah-olah menentang apa yang dilakukan Hassan itu dan Hassan pun faham maksud pandangannya itu.

"وَفِيهِ", sedangkan di dalam masjid.

"مَنْ هُوَ خَيْرٌ مِنْكَ", seseorang yang lebih baik daripadamu, yakni Rasulullah (s.a.w) dan baginda tidak melarangnya.

Fiqh Hadis

1. Boleh mendendangkan syair di dalam masjid untuk kepentingan yang ada kaitannya dengan nasihat dan tazkirah.

2. Berhujah dengan pangakuan Rasulullah (s.a.w) kerana baginda tidak pernah memperakui sesuatu melainkan ia telah diakui oleh syariat.
3. Dianjurkan membela Islam dan menjawab tentangan musuh, sama ada melalui syair ataupun prosa, kerana itu termasuk jihad fi sabilillah.
4. Seseorang dibolehkan menjawab (menyanggah) orang yang lebih utama daripadanya.

٢٠٤- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ سَمِعَ رَجُلاً يَنْشُدُ ضَالَّةً فِي الْمَسْجِدِ فَلْيَقُلْ: لاَ رَدَّهَا اللهُ عَلَيْكَ، فَإِنَّ الْمَسَاجِدَ لَمْ تُبْنَ لِهَذَا". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

204. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Barang siapa yang mendengar seorang lelaki sedang mengumumkan kehilangan barang miliknya di dalam masjid, maka hendaklah dia berkata: "Semoga Allah tidak mengembalikan barangmu yang hilang itu kepadamu." Kerana sesungguhnya masjid tidak dibangun untuk tujuan itu.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

٢٠٥- وَعَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا رَأَيْتُمْ مَنْ يَبِيعُ، أَوْ يَبْتَاعُ فِي الْمَسْجِدِ، فَقُولُوا: لَا أَرْبَحَ اللهُ تِجَارَتَكَ". رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَالتِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ.

205. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Jika kamu melihat seseorang sedang menjual atau membeli di dalam masjid, maka katakan kepadanya: "Semoga Allah tidak memberi keuntungan kepada perniagaanmu itu.*" (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan al-Tirmizi yang menilainya hasan)

Makna Hadis

Masjid dibangun untuk berzikir kepada Allah dan pengajian, kerana masjid adalah rumah Allah. Allah memerintahkan supaya asma-Nya disebut di dalam masjid. Oleh yang demikian, tidak boleh melakukan transaksi jual beli di dalam masjid dan tidak boleh pula mendendangkan syair-syair yang sesat. Jadi, apabila seseorang ada melihat dua orang sedang melakukan transaksi di dalamnya, maka hendaklah dia berkata kepada mereka berdua: "Semoga Allah tidak memberikan keuntungan kepada jual belimu itu." Ini sebagai peringatan keras ke atas mereka berdua agar tidak lagi melakukan perkara yang serupa, sekalipun transaksi jual beli yang dilakukan oleh mereka berdua tetap sah.

Barang siapa merasa kehilangan sesuatu di dalam masjid, maka hendaklah bertanya kepada juru kuncinya dan tidak perlu mencarinya di dalam masjid, sekalipun barangnya itu hilang di dalam masjid. Barang siapa yang mendengar seruannya, maka hendaklah dia mengatakan kepadanya sebagai satu peringatan: "Semoga Allah tidak mengembalikan barang hilang itu kepadamu."

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Abu Hurairah (r.a).

"يَنْشُدُ ضَالَّةً", mencari barang hilang dengan suara yang keras. "الضالة", barang yang hilang berupa segala sesuatu yang dipelihara, sama ada haiwan ataupun selainnya. "ضل الشيئ" bermaksud apabila sesuatu barang hilang. Perkataan "ضالة" khusus digunakan apabila haiwan hilang, sedangkan kehilangan barang selain haiwan dikatakan "ضائع" dan "لقيط".

"لاَ رَدَّهَا اللهُ عَلَيْكَ", semoga Allah tidak mengembalikannya kepadamu. Sikap ini sebagai hukuman ke atasnya kerana dia telah melakukan perbuatan yang tidak dibolehkan di dalam masjid. Menurut zahir hadis ini, hendaklah seseorang wajib mengucapkan kalimat tersebut dengan suara keras, sedangkan menurut jumhur ulama disunatkan menggunakan suara yang keras ketika mengucapkannya.

"فَإِنَّ الْمَسَاجِدَ", huruf *fa'* bermaksud *ta'lil* (penyebab), yakni yang menyebabkan dianjurkan mengucapkan doa tersebut dan bukan bererti kalimat ini boleh diucapkan meskipun tidak ada sebabnya.

"لَمْ تُبْنَ لِهَذَا", bukan dibangun untuk mencari barang yang hilang, melainkan untuk berzikir kepada Allah, mengerjakan solat, mempelajari ilmu dan beramal kebaikan.

"يَبْتَاعُ", membeli.

Fiqh Hadis

1. Dilarang mencari barang yang hilang di dalam masjid. Barang siapa yang mendengar ada seseorang mencari barang yang hilang di dalam masjid, maka hendaklah dia mengatakan kepadanya: "Semoga Allah tidak mengembalikannya kepadamu."
2. Haram melakukan jual beli di dalam masjid. Barang siapa yang melihatnya dilakukan oleh pihak penjual dan pembeli, maka hendaklah dia mengucapkan kepada mereka berdua: "Semoga Allah tidak memberikan keuntungan ke atas perniagaan kamu." Ini sebagai peringatan keras ke atas mereka berdua.
3. Masjid tidak dibangun untuk berniaga dan melakukan urusan-urusan duniawi yang lain, sebaliknya ia dibangun untuk ibadah dan berzikir kepada Allah.

٢٠٦- عَنْ حَكِيمِ بْنِ حِزَامٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ تُقَامُ الْحُدُودُ فِي الْمَسَاجِدِ، وَلاَ يُسْتَقَادُ فِيهَا". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ.

206. Daripada Hakim ibn Hizam (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Hukuman hudud tidak boleh dilaksanakan di dalam masjid dan tidak boleh pula dilakukan hukuman qisas di dalamnya.*" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud dengan sanad yang dha'if).

Makna Hadis

Masjid adalah rumah Allah yang wajib sentiasa diagungkan. Oleh itu, tidak boleh dilaksanakan hukuman hudud di dalamnya memandangkan itu menjadikan masjid dihinakan. Ini kerana ada ketikanya aurat orang yang bakal dijatuhi hukumannya

terpaksa dibuka, ada ketikanya orang yang dijatuhi hukuman mengeluarkan kotoran di dalam masjid atau ada ketikanya pula orang yang dijatuhi hukuman mengeluarkan jeritan kesakitan. Ini ini jelas mengganggu orang yang sedang solat dan orang yang sedang membaca al-Qur'an. Masjid harus dipelihara daripada hal-hal seperti itu demi mengagungkannya.

Analisis Lafaz

"الْحُدُودُ", bentuk jamak lafaz hadd. Menurut bahasa, ia bererti mencegah sedangkan menurut syarak adalah jenis hukuman tertentu yang ditetapkan oleh syariat terhadap orang yang melakukan suatu perbuatan maksiat supaya dia tidak lagi mengulangi perbuatannya di samping menjadi pengajaran bagi orang lain agar tidak melakukan hal yang serupa.

"لاَ يُسْتَقَادُ فِيهَا", tidak boleh menegakkan hukuman qisas di dalam masjid. Hukuman qisas dinamakan *al-qiwad* yang bererti menggiring, kerana mereka menggiring si pembunuh ke rumah orang yang dibunuhnya.

"بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dha'if. Al-Hafiz Ibn Hajar mengatakan bahawa sanad hadis ini tidak bermasalah.

Fiqh Hadis

Haram melakukan hukuman qisas dan hukuman hudud di dalam masjid.

Periwayat Hadis

Hakim ibn Hizam al-Asadi, nama panggilannya Abu Khalid. Beliau termasuk salah seorang yang disegani di kalangan kabilah Quraisy pada zaman Jahiliah dan juga pada zaman Islam; masuk Islam pada masa pembukaan kota Mekah. Nabi (s.a.w) pernah memberinya seratus ekor unta hasil harta ghanimah perang Hunain.

Dilahirkan di dalam Ka'bah tiga belas tahun sebelum tahun Gajah. Beliau seorang yang sangat dermawan dan pernah memerdekakan seratus orang hamba sahaya; meninggal dunia pada tahun 54 Hijriah dalam usia 120 tahun. Separuh pertama usianya dihabiskan pada zaman Jahiliah, sedangkan separuh yang lain dalam masa Islam. Beliau mempunyai empat orang anak lelaki yang kesemuanya adalah sahabat. Mereka adalah Abdullah, Khalid, Yahya, dan Hisyam.

٢٠٧- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "أُصِيبَ سَعْدٌ يَوْمَ الْخَنْدَقِ، فَضَرَبَ عَلَيْهِ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْمَةً فِي الْمَسْجِدِ، لِيَعُودَهُ مِنْ قَرِيبٍ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

207. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Sa'd mengalami luka parah dalam perang al-Khandaq. Maka Rasulullah (s.a.w) membuatkan sebuah khemah untuknya di dalam masjid bagi memudahkan baginda menjenguknya dari dekat." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) memberikan keringanan untuk tidur di dalam masjid, sebagaimana baginda memberikan keringanan kepada orang yang sakit boleh tinggal di dalam masjid dan membuat tempat khusus untuknya seperti mana yang terjadi di zaman Nabi (s.a.w) di mana Sa'd ibn Mu'adz ketika itu sedang sakit akibat luka peperangan. Ini dilakukan bagi memastikan Nabi (s.a.w) menjenguknya dari dekat dan memantau keadaannya dari semasa ke semasa.

Ini merupakan balai perubatan pertama dalam Islam yang secara langsung dikendalikan oleh Nabi (s.a.w). Hukum boleh tidur dan merawat pesakit di dalam masjid adalah terikat dengan ketentuan apabila kedua-dua orang ini tidak mencemari atau mengotori masjid. Jika keduanya boleh menimbulkan pencemaran, maka dilarang tinggal di dalam masjid.

Analisis Lafaz

"أُصِيبَ سَعْدٌ", ketika Sa'd mengalami luka parah akibat terkena panah sewaktu perang al-Khandaq. Beliau adalah Sa'd ibn Mu'adz ibn Nu'man ibn Imra' al-Qais ibn Zaid ibn Abdul Asyhal al-Ausi. Beliau masuk Islam di Madinah pada masa antara al-'Aqabah Pertama dan al-'Aqabah Kedua. Sebaik beliau masuk Islam, maka masuk Islam pulalah seluruh Bani Abdul Asyhal, lalu Rasulullah (s.a.w) memberinya gelaran Sayyid al-Anshar (pemimpin orang Ansar).

Sa'd adalah seorang yang pemberani, taat beribadah, disegani kaumnya dan termasuk salah seorang sahabat yang berwibawa. Beliau mempunyai satu hadis mawquf dan anaknya yang bernama Ibn Mas'ud telah mengambil riwayat daripadanya. Sa'd turut serta dalam perang Badar dan perang Uhud, tetapi dalam perang al-Khandaq beliau terkena luka pada bahagian lengannya, urat nadinya terputus sehingga darahnya terus mengalir. Sebulan setelah terkena luka itu, beliau pun meninggal dunia pada tahun 5 Hiriah. Nabi (s.a.w) pernah bersabda mengenai dirinya:

اهْتَزَّ الْعَرْشُ لِمَوْتِ سَعْدِ بْنِ مُعَاذٍ.

"*Arasy bergoncang kerana kematian Sa'd ibn Mu'adz.*"

"يَوْمَ الْخَنْدَقِ", perang al-Khandaq yang menggunakan strategi penggalian parit di sekitar kota Madinah untuk menyekat serangan musuh dan ini merupakan cadangan Salman al-Farisi yang telah menerapkan cara pertahanan bangsa Parsi di kalangan masyarakat Arab. Perang ini dikenali pula dengan nama perang al-Ahzab, kerana kaum musyrik Quraisy, Ghathafan, orang Yahudi dan orang yang mengikuti mereka telah bersekutu membangun satu kekuatan dengan satu tekad menghancurkan kota Madinah. Ketika itu jumlah pasukan bersekutu seramai 12,000 tentera dengan satu matlamat, iaitu memerangi kaum muslimin. Sedangkan jumlah pasukan kaum muslimin pula hanya terdiri daripada 3,000 tentera.

Al-Bukhari memilih pendapat yang mengatakan bahawa perang ini terjadi pada bulan Syawal, tahun keempat Hijriah, sedangkan yang lain mengatakan terjadi pada tahun kelima Hijriah.

"فَضَرَبَ عَلَيْهِ رَسُولُ اللهِ خَيْمَةً فِي الْمَسْجِدِ", maka Nabi (s.a.w) membuatkan satu khemah untuknya di dalam masjid.

"لِيَعُودَهُ مِنْ قَرِيبٍ", bagi memudahkan baginda menjenguknya dari dekat dan dapat memantau kesihatannya.

Fiqh Hadis

1. Boleh tidur di dalam masjid.
2. Orang sakit dibolehkan tinggal di dalam masjid, sekalipun dia dalam keadaan luka.
3. Disyariatkan menjenguk orang sakit.
4. Boleh membuat khemah di dalam masjid kerana ada suatu keperluan memandangkan khemah bersifat sementara. Lain halnya dengan bangunan, maka ia dilarang secara mutlak.

٢٠٨- وَعَنْهَا قَالَتْ: "رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتُرُنِي، وَأَنَا أَنْظُرُ إِلَى الْحَبَشَةِ يَلْعَبُونَ فِي الْمَسْجِدِ ..." الْحَدِيثَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

208. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Saya pernah dihalang oleh tubuh Rasulullah (s.a.w) ketika saya melihat (menyaksikan) orang Habsyah sedang mengadakan permainan di dalam masjid..." hingga akhir hadis. (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) diutus membawa agama yang mengamalkan prinsip toleransi. Oleh itu, di dalam Islam terdapat prinsip kemudahan dan dilarang bersikap ekstrim dalam beragama apatah lagi menyiksa diri sendiri. Dalam hadis ini diceritakan Rasulullah (s.a.w) mengakui permainan orang Habsyah ketika memainkan tombak di dalam masjid. Baginda melarang Umar al-Faruq yang ingin melarang mereka daripada meneruskan permainan itu kerana berpegang kepada satu kaedah di mana masjid mesti dibersihkan daripada segala bentuk permainan. Nabi (s.a.w) bersabda kepada Umar (r.a): "Biarkan mereka bermain," kerana sekarang adalah hari raya dan hari gembira. Baginda tidak suka mengganggu atau menyekat kegembiran mereka. Tidak hanya sampai di situ, baginda malah membolehkan keluarganya untuk menyaksikan pertunjukan tersebut. Pertunjukan tersebut hanyalah untuk menyaksikan permainan mereka semata dan bukan menyaksikan keadaan diri mereka. Ini tentu tidak mengandungi unsur yang boleh membahayakan agama.

Analisis Lafaz

“وَعَنْهَا”, daripada Aisyah (r.a), yakni sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

“الْحَدِيثَ”, hingga akhir hadis. Lafaz hadis tersebut ialah seperti berikut:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتُرُنِي بِرِدَائِهِ، وَأَنَا أَنْظُرُ إِلَى الْحَبَشَةِ يَلْعَبُونَ فِي الْمَسْجِدِ، حَتَّى أَكُونَ أَنَا الَّتِي أَسْأَمُ، فَاقْدُرُوا قَدْرَ الْجَارِيَةِ الْحَدِيثَةِ السِّنِّ الْحَرِيصَةِ عَلَى اللَّهْوِ.

“Daripada Aisyah, beliau berkata: “Saya pernah dihalangi oleh Nabi (s.a.w) dengan kain selendangnya ketika saya menyaksikan orang Habsyah sedang bermain di dalam masjid, hingga saya sendiri yang merasa bosan (menyaksikan pertunjukan itu). Maka hargailah keinginan gadis remaja yang masih menyukai pertunjukan.”

“يَلْعَبُونَ فِي الْمَسْجِدِ”, permainan yang mereka tunjukkan kala itu adalah memainkan tombak dan baju perisai

“أَسْأَمُ”, merasa jemu dan bosan kerana sudah puas.

“فَاقْدُرُوا” pertimbangkan dan hargai oleh kamu.

“الْحَدِيثَةِ السِّنِّ”, gadis yang masih berusia remaja, yakni belum mencapai usia baligh.

“الْحَرِيصَةِ عَلَى اللَّهْوِ”, gemar menyaksikan pertunjukan, dan Rasulullah (s.a.w) dengan penuh kesabaran menunggunya menyaksikan pertunjukan tersebut.

Fiqh Hadis

1. Boleh menyaksikan pertunjukan yang dibolehkan oleh syariat.
2. Wanita boleh menyaksikan pertunjukan kaum lelaki yang bukan mahramnya.
3. Boleh bermain (memainkan) senjata untuk latihan berperang dan melatih diri dalam menggunakannya.
4. Mencontohi kemuliaan akhlak Rasulullah (s.a.w) di kalangan keluarganya dan sikapnya yang terpuji dalam bergaul bersama mereka.
5. Menjelaskan keutamaan dan kedudukan Aisyah (r.a).
6. Hamba sahaya dibolehkan memainkan permainan dan pertunjukan yang tidak boleh dilakukan oleh selain mereka.

٢٠٩- وَعَنْهَا: أَنَّ وَلِيدَةً سَوْدَاءَ كَانَ لَهَا خِبَاءٌ فِي الْمَسْجِدِ، فَكَانَتْ تَأْتِينِي، فَتَحَدَّثُ عِنْدِي..." الْحَدِيثَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

209. Daripada Aisyah (r.a) bahawa ada seorang hamba sahaya wanita berkulit hitam yang mempunyai khemah di dalam masjid. Dia sentiasa datang kepadaku dan berbincang-bincang denganku...” hingga akhir hadis. (Muttafaq ‘alaih)

Makna Hadis

Orang asing yang tidak mempunyai tempat tinggal dan orang miskin yang tidak mempunyai rumah dibolehkan beristirehat dan tidur di dalam masjid, tetapi dengan syarat mereka tidak mengotori masjid, mengganggu ahli masjid atau menimbulkan fitnah agama. Telah diceritakan oleh hadis ini bahawa ada seorang hamba sahaya wanita berkulit hitam tinggal di dalam masjid. Dia mempunyai

khemah yang terbuat daripada bulu domba pada salah satu sudut masjid sebagai tempat tinggalnya, dan tidak ada seorang pun yang melarangnya.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهَا", daripada Aisyah (r.a), yakni sama dengan hadis sebelumnya.

"الْحَدِيثَ", hingga akhir hadis. Kisah lengkapnya adalah seperti berikut:

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ وَلِيدَةً كَانَتْ سَوْدَاءَ لِحَيٍّ مِنْ الْعَرَبِ فَأَعْتَقُوهَا فَكَانَتْ مَعَهُمْ، قَالَتْ: فَخَرَجَتْ صَبِيَّةٌ لَهُمْ عَلَيْهَا وِشَاحٌ أَحْمَرُ مِنْ سُيُورٍ، قَالَتْ: فَوَضَعَتْهُ أَوْ وَقَعَ مِنْهَا فَمَرَّتْ بِهِ حُدَيَّاةٌ وَهُوَ مُلْقًى فَحَسِبَتْهُ لَحْمًا فَخَطِفَتْهُ، قَالَتْ: فَالْتَمَسُوهُ فَلَمْ يَجِدُوهُ، قَالَتْ: فَاتَّهَمُونِي بِهِ فَطَفِقُوا يُفَتِّشُونِي حَتَّى فَتَّشُوا قُبُلَهَا، قَالَتْ: وَاللهِ، إِنِّي لَقَائِمَةٌ مَعَهُمْ، إِذْ مَرَّتْ الْحُدَيَّاةُ فَأَلْقَتْهُ فَوَقَعَ بَيْنَهُمْ، فَقُلْتُ: هَذَا الَّذِي اتَّهَمْتُمُونِي بِهِ زَعَمْتُمْ وَأَنَا مِنْهُ بَرِيئَةٌ وَهُوَ ذَا هُوَ، قَالَتْ: فَجَاءَتْ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَسْلَمَتْ، قَالَتْ عَائِشَةُ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا: فَكَانَ لَهَا خِبَاءٌ فِي الْمَسْجِدِ أَوْ حِفْشٌ، قَالَتْ: فَكَانَتْ تَأْتِينِي فَتَحَدَّثُ عِنْدِي، قَالَتْ: فَلاَ تَجْلِسُ عِنْدِي مَجْلِسًا إِلاَّ قَالَتْ:

وَيَوْمَ الْوِشَاحِ مِنْ أَعَاجِيبِ رَبِّنَا * أَلاَ إِنَّهُ مِنْ بَلْدَةِ الْكُفْرِ أَنْجَانِي

قَالَتْ عَائِشَةُ: فَقُلْتُ لَهَا: مَا شَأْنُكِ لاَ تَقْعُدِينَ مَعِي مَقْعَدًا إِلاَّ قُلْتِ هَذَا. قَالَتْ: فَحَدَّثَتْنِي بِهَذَا الْحَدِيثِ.

"Daripada Aisyah bahawa seorang hamba sahaya wanita berkulit hitam milik salah satu kabilah Arab badwi dimerdekakan oleh para pemiliknya, lalu hamba wanita itu tinggal bersama mereka. Ketika itu salah seorang anak perempuan mereka keluar dengan memakai tudung berwarna merah daging yang terbuat daripada kulit nipis. Kemudian tudungnya diletakkan atau terjatuh dari kepalanya, dan lewatlah seekor burung gagak. Melihat tudung itu dalam keadaan tercampak, maka burung itu menyangkanya sebagai daging, lalu ia menyambarnya (membawanya terbang). Akhirnya mereka mencari tudung budak perempuan tersebut, tetapi mereka tidak berjaya menjumpainya. Hamba wanita itu menceritakan: "Kemudian mereka menuduhku telah mengambilnya dan mereka memeriksa diriku hingga mereka memeriksa kemaluanku." Hamba wanita itu melanjutkan kisahnya: "Demi Allah, aku masih berdiri bersama dengan mereka ketika secara tiba-tiba burung gagak tersebut terbang di atas kami dan menjatuhkan tudung yang telah dibawanya itu. Tudung itu jatuh di tengah-tengah mereka. Maka aku berkata: "Inilah yang menyebabkan kalian menuduhku dan menyangka aku yang mencurinya, sedangkan aku tidak melakukannya. Inilah dia barangnya." Aisyah (r.a) menceritakan bahawa hamba perempuan itu datang kepada Rasulullah (s.a.w), lalu masuk Islam. Aisyah (r.a) melanjutkan kisahnya: "Hamba wanita itu mempunyai satu khemah kecil di dalam masjid. Dia sering datang kepadaku dan berbincang-bincang bersamaku." Aisyah (r.a) berkata: "Tidaklah dia duduk di suatu majlis di hadapanku kecuali dia bermadah:

Peristiwa tudung itu merupakan keajaiban dari Tuhan kami.

Ingatlah, tudung itu menyelamatkan diriku dari negeri kekufuran.

Aku berkata kepadanya: “Mengapakah engkau ini? Setiap kali engkau duduk di tempatku melainkan selalu engkau membaca syair ini, lalu dia menceritakan kisah ini kepadaku.”

“وَلِيدَةً سَوْدَاءَ”, hamba perempuan yang berkulit hitam.

“فَكَانَتْ مَعَهُمْ”, tinggal bersama dengan orang yang telah memerdekakannya dan tidak mahu berpisah meninggalkan mereka.

“صَبِيَّةٌ”, budak perempuan yang masih kecil.

“وِشَاحٌ”, penutup kepala, yakni tudung.

“وَهُوَ مُلْقًى”, tudung kepala itu dalam keadaan tercampak ke tanah, yakni jatuh ke tanah.

“فَحَسِبَتْهُ لَحْمًا”, kemudian burung gagak itu menyangka tudung itu adalah daging kerana warnanya yang merah dan juga padanya terdapat banyak mutiara yang menghiasinya.

“فَخَطِفَتْهُ”, *al-khatf* ertinya mencuri, yakni burung gagak itu menyambar tudung yang jatuh itu dan membawanya terbang.

“فَالْتَمَسُوهُ”, lalu mereka mencari dan menanyakan tudung itu kepada hamba wanita yang berkulit hitam tersebut.

“فَلَمْ يَجِدُوهُ”, mereka tidak menemukan tudung tersebut padanya.

“فَطَفِقُوا يُفَتِّشُونِي”, lalu mereka mula memeriksa diriku.

“حَتَّى فَتَّشُوا قُبُلَهَا”, hingga mereka memeriksa kemaluan budak wanita itu. Kalimat ini merupakan perkataan Aisyah (r.a).

“زَعَمْتُمْ وَأَنَا مِنْهُ بَرِيئَةٌ”, kamu telah menyangkaku mencurinya sedangkan Allah membersihkan diriku dari perbuatan tercela tersebut.

“خِبَاءٌ”, khemah terbuat terbuat daripada bulu unta atau bulu domba.

“حِفْشٌ”, khemah kecil.

“فَحَدَّثَتْنِي بِهَذَا الْحَدِيثِ”, lalu dia menceritakan kisah ini kepadaku.

Fiqih hadis

1. Menjelaskan tentang keutamaan bersifat jujur. Kejujuran dapat menyelamatkan diri seseorang daripada kebinasaan.
2. Doa orang yang dianiaya akan dimakbulkan.
3. Boleh membuat khemah di dalam masjid.
4. Boleh tidur dan istirehat di dalam masjid bagi orang yang tidak mempunyai tempat tinggal, sama ada lelaki ataupun perempuan, tetapi dengan syarat-syarat tertentu.

٢٠٩- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْبُزَاقُ فِي الْمَسْجِدِ خَطِيئَةٌ وَكَفَّارَتُهَا دَفْنُهَا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

210. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: “*Meludah di dalam masjid adalah satu perbuatan dosa dan sebagai kifaratnya ialah menanam ludahnya itu.*” (Muttafaq ‘alaih)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) memerintahkan agar masjid sentiasa dijaga kebersihannya dan diagungkan. Untuk itu, Allah (s.w.t) berfirman

..... وَطَهِّرْ بَيْتِيَ لِلطَّآئِفِينَ ..... ﴿٢٦﴾

"… *Dan sucikanlah rumahku ini bagi orang yang thawaf*..." (Surah al-Hajj: 26)

Allah melarang segala sesuatu yang membuat masjid menjadi kotor. Dia menjadikan perbuatan meludah di dalam masjid sebagai satu dosa, sekalipun orang itu ada niat untuk menanamnya. Jika dia menanamnya maka dosanya itu dihapuskan daripadanya.

Di dalam kitab Sunan Sa'id ibn Manshur disebutkan satu hadis daripada Abu Ubaidah ibn al-Jarrah (r.a) bahawa beliau pernah meludah di dalam masjid pada suatu malam dan beliau lupa menanamnya hingga terus pulang menuju rumahnya. Kemudian beliau mengambil obor dan langsung mencari ludahnya (dahaknya) itu dan segera menanamnya. Beliau berkata: "Segala puji bagi Allah yang tidak mencatatkan satu dosa ke atas diriku malam ini."

Analisis Lafaz

"الْبُزَاقُ", air ludah yang dalam bahasa Arab disebut "البزاق" atau "البصاق". Selagi masih berada di dalam mulut, maka ia disebut "الريق" dan apabila telah dikeluarkan maka disebut "التفل".

"خَطِيئَةٌ", satu dosa. Dosa dinamakan *al-khathi'ah* kerana seorang muslim tidak melakukannya melainkan kerana telah melakukan kesilapan.

"كَفَّارَتُهَا دَفْنُهَا", untuk menebus dosanya ialah menanam ludahnya itu. Menanam air ludah di sini bermaksud memasukkannya ke dalam tanah, bukan hanya sekadar menutupinya. Jika hanya sekadar ditutup dengan tanah, ia masih lagi membahayakan orang orang lain ketika ada orang yang duduk di atasnya. Ini pasti membuatnya terganggu. Ketentuan ini berlaku apabila lantai masjid masih berupa tanah. Jika lantai masjid itu sudah disemen atau diletakkan permaidani di atasnya, maka cara membersihkannya bukan dengan menanamnya, melainkan dengan mengelapnya.

Fiqh Hadis

1. Air ludah itu suci hukumnya.
2. Meludah di dalam masjid merupakan satu dosa yang mesti ditebus dengan cara membersihkannya.
3. Rasulullah (s.a.w) mengajarkan umatnya hukum-hakam agama bagi mereka, betapa pun itu perkara kecil.

٢١١- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَتَبَاهَى النَّاسُ فِي الْمَسَاجِدِ". أَخْرَجَهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

211. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Hari kiamat tidak akan terjadi sebelum orang saling berbangga diri dengan masiid-masjid(nya).*" (Diriwayatkan oleh al-Sab'ah kecuali al-Tirmizi, dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) menganjurkan untuk membangun masjid-masjid atas landasan ketaatan dan ibadah. Untuk itu, Dia berfirman:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَٰجِدَ ٱللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ وَأَقَامَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى ٱلزَّكَوٰةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا ٱللَّهَ ۖ فَعَسَىٰٓ أُو۟لَٰٓئِكَ أَن يَكُونُوا۟ مِنَ ٱلْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

"*Hanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat, dan tidak takut (kepada siapa pun) selain kepada Allah. Maka merekalah orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk.*" (Surah al-Taubah: 18)

Allah melarang masjid-masjid itu diukir dan dihiasi dengan segala sesuatu yang dapat mengganggu ketenangan hati untuk menghadap Allah dalam keadaan sepenuh khusyuk ketika dalam solat dan menghilangkan khusyuk yang merupakan inti ibadah. Syariat memberitahu bahawa menghiasi masjid merupakan kebiasaan orang Yahudi dan orang Nasrani, sedangkan kita telah dilarang menyerupai perbuatan mereka.

Syariat menjelaskan bahawa sikap saling berbangga diri dengan menghiasi masjid yang diungkapkan melalui ucapan dan perbuatan pasti terjadi di akhir zaman. Ini merupakan tanda betapa dekat hari kiamat itu. Di dalam hadis ini hari kiamat diungkapkan dengan istilah *al-sa'ah*, kerana hari kiamat terjadi dalam satu saat, sedangkan manusia dalam keadaan lalai mengenainya. Perkara ini telah terjadi persis seperti apa yang diungkapkan dan diberitakan oleh Rasulullah (s.a.w) yang merupakan salah satu bukti kenabiannya.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", bersumber daripada Anas (r.a), yakni sama dengan hadis sebelumnya.

"لاَ تَقُومُ السَّاعَةُ", hari kiamat tidak akan terjadi. Hari kiamat dinamakan *al-Sa'ah* kerana terjadi dalam satu saat.

"حَتَّى يَتَبَاهَى النَّاسُ فِي الْمَسَاجِدِ", orang saling berbangga diri dalam membangun masjid seperti seseorang berkata kepada orang lain: "Masjidku lebih baik, atau lebih tinggi, atau lebih luas." Kata-kata tersebut diucapkan dengan penuh perasaan riya' dan menunjuk-nunjuk untuk memperoleh pujian dan sanjungan orang lain.

Fiqh Hadis

1. Amaran terhadap perbuatan menghiasi masjid dan berbangga diri, sebab itu termasuk kebiasaan ahli kitab dan merupakan salah satu tanda betapa dekatnya hari kiamat.
2. Menjelaskan mukjizat Rasulullah (s.a.w), kerana baginda mengkhabarkan apa yang bakal terjadi di hari kemudian.

٢١٢- عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَا أُمِرْتُ بِتَشْيِيدِ الْمَسَاجِدِ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ .

212. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Aku tidak diperintahkan untuk membangun kembali masjid-masjid.*" (Riwayat Abu Daud, dan dinilai sahih oleh Ibnu Hibban)

Makna Hadis

Dahulu Masjid Nabawi dibangun dengan batu bata dan atapnya pula daun pelepah kurma, sedangkan tiangnya batang pohon kurma. Tujuan utama pembangunan masjid ialah melindungi kaum muslimin dari cuaca panas dan cuaca sejuk di samping memudahkan mereka berkumpul untuk menunaikan solat berjamaah dan mendengarkan nasihat serta memenuhi seruan kebaikan. Oleh itu, Allah (s.w.t) tidak memerintahkan Nabi-Nya untuk mengukir dan menghiasinya agar tidak mengganggu tujuan utama pembangunan masjid.

Orang yang mula-mula menghiasi masjid ialah al-Walid ibn Abdul Malik. Ada ulama yang memilih berdiam diri tanpa memprotes tindakan al-Walid bin Abdul Malik tersebut kerana takut fitnah, namun ada di antara mereka yang memprotes, tetapi al-Walid tidak mempedulikan.

Ketika Khalifah Umar (r.a) mengubahsuai Masjid Nabawi, beliau berkata: "Aku akan membuat atap untuk menaungi mereka dan jangan sekali-kali kamu mewarnainya dengan warna merah atau kuning kerana ia mengganggu orang yang sedang beribadah di dalamnya."

Analisis Lafaz

"مَا أُمِرْتُ", aku tidak diizinkan oleh Allah (s.w.t).

"بِتَشْيِيدِ الْمَسَاجِدِ", *al-tasyyid* adalah meninggikan bangunan dan meluaskannya serta mengecatnya dengan pelbagai warna, sebab itu tidak diperlukan dan merupakan satu pemborosan kerana menyia-nyiakan harta untuk tujuan perbelanjaan yang tidak dibenarkan oleh syariat.

"أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ", Abu Dawud menyebut hadis ini dan di dalam riwayatnya ditambahkan bahawa Ibn Abbas (r.a) berkata:

لَتُزَخْرِفُنَّهَا كَمَا زَخْرَفَتْ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَى.

"Kamu benar-benar menghiasinya sebagaimana orang Yahudi dan orang Nasrani menghiasi (tempat-tempat ibadah mereka)."

"لَتُزَخْرِفُنَّهَا", *al-zukhrafah* adalah menghiasi dengan mengukir dan membuat gambar-gambar menggunakan emas.

"كَمَا زَخْرَفَتْ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَى", mereka menghiasi tempat-tempat ibadah ketika mereka menyimpang dan meninggalkan amalan apa yang terdapat di dalam kitab suci mereka. Ibn Abbas (r.a) seolah-olah berkata: "Kamu kelak menjadi seperti keadaan mereka apabila kamu menjual agama dengan dunia dan meninggalkan keikhlasan dalam beramal di samping kamu gemar berbangga diri dengan masjid-masjid yang telah kamu bina dengan cara menghiasi dan memperluasnya meskipun itu tidak diperlukan."

Fiqh Hadis

1. Tidak disyaratkan membangun masjid lebih tinggi sekiranya itu memang yang diperlukan.
2. Dilarang menghiasi masjid dengan emas dan perak. Tetapi Imam Abu Hanifah memberikan kemudahan dalam masalah ini demi mengagungkan masjid, tetapi dengan syarat hendaklah biayanya tidak diambil daripada baitul mal. Sedangkan menurut jumhur ulama, larangan ini menunjukkan hukum makruh sama ada biaya yang bakal digunakan untuk menghiasi masjid itu diambil daripada harta pemerintah ataupun harta baitul mal. Dikatakan makruh kerana harta telah dibelanjakan bukan pada tempat yang mustahak, di samping hati orang yang sedang beribadah di dalamnya terganggu dan khusyuk yang merupakan roh ibadah tidak dapat direalisasikan. Terlebih-lebih lagi dasar menghiasi masjid dengan pelbagai jenis hiasan merupakan kebiasaan orang Yahudi dan orang Nasrani, sedangkan kita telah diperintahkan untuk tidak meniru perbuatan mereka.
3. Menerangkan mukjizat Rasulullah (s.a.w) kerana baginda memberitakan perkara-perkara yang bakal terjadi di kemudian hari. Sesungguhnya mengecat masjid dan membangga-banggakannya telah pun sering kali dilakukan oleh raja-raja dan pemimpin zaman sekarang ini hampir di merata tempat. Akibatnya masjid kini hanya menjadi muzium, bukannya tempat ibadah.

٢١٣- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "عُرِضَتْ عَلَيَّ أُجُورُ أُمَّتِي، حَتَّى الْقَذَاةُ يُخْرِجُهَا الرَّجُلُ مِنْ الْمَسْجِدِ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَاسْتَغْرَبَهُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

213. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Seluruh pahala umatku diperlihatkan kepadaku, hingga pahala seorang lelaki yang membuang kotoran dari dalam masjid.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Tirmizi yang menilainya gharib, tetapi Ibn Khuzaimah menilainya sahih)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) amat mengambil berat kebersihan masjid. Barang siapa yang membersihkan kotoran di dalam masjid meskipun itu sedikit, maka dia pasti memperoleh pahala, terlebih-lebih lagi bagi orang yang menyapu, membersihkan debu dan kotoran. Dengan demikian, dia pasti memperoleh ganjaran pahala yang lebih besar lagi. Barang siapa yang mencemari masjid atau mengotorkannya, dia mendapat dosa.

Analisis Lafaz

"عُرِضَتْ عَلَيَّ أُجُورُ أُمَّتِي", Allah (s.w.t) memperlihatkan kepadaku semua pahala yang telah dijanjikan-Nya buat umatku, sebagai ganjaran di atas amal kebaikan yang telah mereka lakukan.

"حَتَّى الْقَذَاةُ", hingga sedikit kotoran, sama ada debu ataupun sampah. Rasulullah (s.a.w) memberitakan bahawa kotoran yang dibersihkan oleh seseorang dari dalam masjid, maka orang itu mendapat pahala, sekalipun kotoran itu sedikit bagi memastikan masjid tetap bersih dan dia berusaha membuang segala sesuatu yang boleh mengganggu ketenangan orang yang solat.

"رَوَاهُ وَالتِّرْمِذِيُّ وَاسْتَغْرَبَهُ", al-Tirmizi mengatakan hadis ini gharib kerana diriwayatkan oleh al-Mutthalib ibnu Abdullah ibn Hanthab melalui Anas (r.a). Al-Bukhari berkata: "Aku belum pernah tahu yang al-Mutthalib pernah mendengar dari salah seorang sahabat Rasulullah (s.a.w)."

Fiqh Hadis

1. Allah tidak pernah menyia-nyiakan pahala seseorang yang melakukan amal kebaikan, meskipun amalnya itu sedikit.
2. Menerangkan yang Rasulullah (s.a.w) diperlihatkan oleh Allah mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan akhirat.
3. Dianjurkan membersihkan masjid dan mengeluarkan sampah dari dalamnya.
4. Dilarang memandang remeh amal kebaikan, betapa pun itu kecil, sebab boleh jadi itu menjadi penyebab dosa diampunkan.

٢١٤- عَنْ أَبِي قَتَادَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمْ الْمَسْجِدَ فَلاَ يَجْلِسْ حَتَّى يُصَلِّيَ رَكْعَتَيْنِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

214. Daripada Abu Qatadah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu memasuki masjid, maka hendaklah dia tidak terus duduk sebelum mengerjakan solat sunat dua rakaat.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Masjid merupakan rumah Allah yang mesti dimuliakan dan dihormati. Dia menjadikannya sebagai tempat yang suci. Rasulullah (s.a.w) menganjurkan agar

setiap orang yang memasukinya mengerjakan solat sunat dua rakaat sebagai penghormatan kepada masjid selain Masjid al-Haram, kerana cara menghormatinya ialah dengan cara mengerjakan tawaf mengelilingi Ka'bah sebaik memasukinya bagi orang yang berhaji dan bagi orang yang sengaja hendak berthwaf. Sedangkan bagi orang yang menunggu waktu solat atau menghadiri pengajian atau berniat i'tikaf, maka cara *tahiyyat*-nya (menghormatinya) adalah mengerjakan solat dua rakaat sama dengan keadaan ketika memasuki masjid-masjid yang selainnya.

Solat sunat tahiyyat al-masjid atau menghormati masjid mesti dilakukan sebanyak dua rakaat yang merupakan batasan minimum rakaatnya. Jika seseorang memasuki masjid sedangkan solat fardu telah didirikan, maka dia mestilah terus mengerjakan solat fardu, sedangkan tahiyyah al-masjid sudah dianggap termasuk di dalamnya jika dia telah berniat untuk mengerjakannya. Ini berlandaskan kepada hadis Rasulullah (s.a.w):

إِذَا أُقِيْمَتِ الصَّلاَةُ فَلاَ صَلاَةَ إِلاَّ الْمَكْتُوْبَةَ.

"*Jika solat (fardu) telah diiqamahkan, maka tidak ada lagi solat selain solat fardu.*"

Kita mesti mengikuti perintah di dalam hadis ini dan jangan duduk di dalam masjid sebelum mengerjakan solat sunat tahiyyah al-masjid.

Analisis Lafaz

"حَتَّى يُصَلِّيَ رَكْعَتَيْنِ", sebelum solat sunat dua rakaat sebagai penghormatan kepada masjid.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan mengerjakan solat sunat dua rakaat bagi orang yang memasuki masjid. Imam al-Syafi'i berkata: "Tahiyyah al-masiid disyaratkan pada setiap waktu hingga waktu khutbah solat Jumaat, sekalipun dia memasukinya secara berulang kali." Imam al-Syafi'i mentafsirkan hadis yang melarang mengerjakan solat sunat sesudah Subuh hingga matahari terbit dan solat sunat sesudah Asar hingga matahari terbenam hanya berlaku bagi solat sunat yang tidak mempunyai sebab terdahulu. Beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) tidak pernah meninggalkan solat sunat tahiyyah al-masjid walau dalam keadaan apa jua sekalipun. Baginda memerintahkan orang yang memasuki masjid dan terus duduk di mana ketika itu baginda sedang menyampaikan khutbah untuk bangkit dari tempat duduknya dan mengerjakan solat dua rakaat tahiyyah al-masjid. Seandainya Rasulullah (s.a.w) tidak memandang penting solat tahiyyah al-masjid, tentu baginda tidak memerintahkan untuk mengerjakan solat tersebut, kerana waktu itu khutbah sedang disampaikan." Imam Malik berkata: "Melakukan solat tahiyyah al-masjid dalam waktu-waktu yang dilarang hukumnya makruh dan haram mengerjakannya ketika khutbah sedang disampaikan, begitu pula ketika matahari sedang terbit atau sedang tenggelam.

Jika seseorang berulang kali memasuki masjid, maka memadai baginya mengerjakan solat tahiyyah al-masjid yang pertama apabila dia segera memasuki masjid, tetapi jika masuk semula ke dalam masjid dalam masa yang lama, maka disunatkan baginya mengulangi semula solat sunat tahiyyah al-masjid itu." Imam Abu Hanifah berkata: "Melakukan solat sunat tahiyyah al-masjid dalam waktu-waktu yang dilarang dan ketika khutbah sedang disampaikan hukumnya makruh. Solat tahiyyah al-masjid tidak boleh dilakukan secara berulang setiap kali seseorang memasuki masjid, sebaliknya memadai baginya mengerjakan satu kali solat dalam satu hari." Imam Ahmad berkata: "Disunatkan mengerjakan solat tahiyyah al-masjid bagi setiap orang yang memasuki masjid namun tidak boleh dilakukan pada waktu-waktu yang dimakruhkan, iaitu sebelum dia duduk jika dalam keadaan bersuci, sekalipun dia memasukinya secara berulang kali. Akan tetapi, ia tidak boleh dilakukan ketika khatib telah memulakan khutbah, bukan pula masuk ke masjid untuk mengerjakan solat hari raya, dan bukan pula bagi yang bermukim di dalam masjid di mana dia keluar masuk ke dalamnya secara berulang."

2. Dilarang duduk di dalam masjid kecuali sesudah mengerjakan solat sunat dua rakaat. Ulama berbeza pendapat mengenai solat tahiyyatul masjid sama ada waktunya berakhir setelah seseorang duduk di dalam masjid ataupun belum. Imam Malik dan Imam Abu Hanifah berkata: "Waktunya tidak terlewatkan kerana seseorang terus duduk sebaik memasuki masjid, meskipun dia duduk dalam waktu yang lama walaupun duduk sebelum mengerjakannya itu dimakruhkan. Ini berlandaskan kepada hadis mengenai seorang lelaki yang masuk ke dalam masjid dan kemudian terus duduk, kemudian Nabi (s.a.w) menyuruhnya mengerjakan solat (tahiyyah al-masjid) sesudah dia duduk." Imam Ahmad berkata: "Waktu solat tahiyyah al-masjid tidak terlewatkan kerana seseorang terus duduk sebaik memasuki masjid selagi waktunya tidak terlampau lama, tetapi waktu solat tahiyyah al-masjid menjadi terlewat apabila dia telah duduk dalam waktu yang lama." Sedangkan Imam al-Syafi'i memerincikan masalah duduk ini. Dalam kaitan ini, beliau berkata: "Apabila duduk kerana lupa mengerjakan solat tahiyyah al-masjid, maka waktu solat tahiyyah al-masjid masih belum terlewat. Jika duduk bukan kerana lupa, maka waktunya menjadi terlewat." Adapun orang yang hanya sekadar lewat di dalam masjid, maka tidak dianjurkan mengerjakan solat dua rakaat tahiyyah al-masjid di sisi mazhab Maliki; tetapi menurut jumhur ulama dia tetap dianjurkan mengerjakannya.

Kesimpulan

Hadis-hadis dalam bab ini menunjukkan beberapa kesimpulan berikut:

1. Dianjurkan membersihkan masjid dari kotoran dan sampah serta memberinya wewangian sesuai dengan kedudukannya sebagai tempat ibadah.
2. Haram membuat gambar atau patung makhluk hidup, khususnya patung dalam bentuk rupa manusia soleh. Haram membangun masjid di atas kuburan, haram

melakukan transaksi jual beli di dalam masjid, dan haram menjalankan hukuman hudud dan qisas di dalam masjid.
3. Dilarang menjadikan kuburan sebagai masjid, membangun masjid dengan bangunan yang tinggi dan menghiasinya dengan emas dan perak, dan dilarang duduk di dalam masjid sebelum mengerjakan solat tahiyyah al-masjid.
4. Boleh memainkan senjata, menyampaikan berita pelik yang disaksikan oleh seseorang, wanita boleh menyaksikan pertunjukan yang dimainkan oleh kaum lelaki bukan mahram, membuat khemah di dalam masjid, orang yang sakit boleh dirawat di dalam masjid meskipun dia mengalami luka, dan boleh menginap serta istirehat di dalam masjid bagi orang yang tidak mempunyai tempat tinggal.
5. Menerangkan kemuliaan akhlak Nabi (s.a.w) ketika bersama keluarganya dan keutamaan Aisyah (r.a).
6. Orang yang dianiaya dimakbulkan doanya.
7. Rasulullah (s.a.w) mengajarkan kepada umatnya betapa penting hukum agama, betapa pun kecil hukum tersebut.
8. Menerangkan mukjizat Rasulullah (s.a.w) berupa berita mengenai sebahagian urusan akhirat dan perkara-perkara yang bakal terjadi di akhir zaman seperti mengecat masjid dan saling berbangga diri ketika membangunnya.
9. Disunatkan solat dua rakaat bagi orang yang memasuki masjid sebagai penghormatan kepada masjid. Sedangkan penghormatan bagi Masjid al-Haram ialah dengan mengerjakan tawaf mengelilingi Ka'bah.

Soalan

1. Apakah takrif masjid dan apa yang mesti dilakukan terhadapnya?
2. Bagaimanakah hukum membangun masjid di setiap kampung?
3. Apakah yang dimaksudkan dengan lafaz "الدور" dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "أَمَرَ الرَّسُوْلُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِبِنَاءِ الْمَسَاجِدِ فِي الدُّوْرِ"?
4. Bagaimanakah hukum menjadikan kuburan sebagai masjid? Sebutkan hikmah di sebalik larangan ini!
5. Bagaimanakah hukum membuat gambar (patung)?
6. Bolehkah orang kafir memasuki masjid dan mengikat tawanan di dalamnya? Jelaskan pendapat ulama mengenai masalah ini!
7. Apakah syair yang boleh didendangkan di dalam masjid dan apa pula syair dilarang?
8. Apakah takrif syair itu?
9. Bagaimanakah hukum melakukan transaksi jual beli di dalam masjid dan bagaimana hukum mencari barang yang hilang di dalamnya?
10. Apakah yang mesti dikatakan kepada orang yang melakukan transaksi jual beli dan orang yang mencari barangnya yang hilang di dalam masjid? Apakah tujuan di sebalik itu?
11. Apakah makna huruf *fa'* dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "فَإِنَّ الْمَسَاجِدَ"?
12. Mengapa hukuman qisas disebut *al-qiwad*?

13. Bagaimanakah hukum menjalankan hukuman hudud di dalam masjid? Sebutkan hikmah di sebalik larangan ini!
14. Bagaimanakah hukum tidur, merawat pesakit dan membuat khemah untuknya di dalam masjid?
15. Apakah permainan yang boleh dimainkan di dalam masjid, dan bagaimanakah hukum wanita yang menyaksikan pertunjukan tersebut?
16. Bagaimanakah hukum menginap dan beristirehat di dalam masjid bagi penduduk setempat dan bagi orang yang mengembara?
17. Sebutkan kesimpulan yang dapat diambil daripada kisah *al-Walidah*!
18. Bagaimanakah hukum meludah di dalam masjid dan apakah kifaratnya? Sebutkan hikmah di sebalik larangan itu!
19. Jelaskan sejauh mana keprihatinan sahabat dan ulama salaf terhadap kebersihan masjid dan menanam air ludah!
20. Bagaimanakah hukum menghiasi masjid?
21. Bagaimanakah hukum menghiasi masjid dengan berbagai macam warna? Sebutkan sebab mengapa perbuatan itu dilarang!
22. Siapakah orang yang mula-mula mewarnakan masjid dan menghiasinya? Sebutkan pendapat ulama mengenai masalah ini!
23. Gambarkan bagaimana bentuk masjid Rasulullah (s.a.w) di zamannya!
24. Apakah semua amal perbuatan diperlihatkan kepada Rasulullah (s.a.w)?
25. Bagaimanakah hukum membersihkan kotoran dari dalam masjid?
26. Apakah makna lafaz "القذاة"?
27. Apakah takrif solat tahiyyah al-masjid itu?

BAB TATACARA PELAKSANAAN SOLAT

٢١٥- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا قُمْتُ إِلَى الصَّلاَةِ فَأَسْبِغِ الْوُضُوءَ، ثُمَّ اسْتَقْبِلِ الْقِبْلَةَ، فَكَبِّرْ، ثُمَّ اقْرَأْ مَا تَيَسَّرَ مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ، ثُمَّ ارْكَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ رَاكِعًا، ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَعْتَدِلَ قَائِمًا، ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا، ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا، ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا، ثُمَّ ارْفَعْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ جَالِسًا، ثُمَّ اسْجُدْ حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا، ثُمَّ افْعَلْ ذَلِكَ فِي صَلاَتِكَ كُلِّهَا". أَخْرَجَهُ السَّبْعَةُ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

وَلِإِبْنِ مَاجَه بِإِسْنَادِ مُسْلِمٍ: "حَتَّى تَطْمَئِنَّ قَائِمًا". وَمِثْلُهُ فِي حَدِيثِ رِفَاعَةَ عِنْدَ أَحْمَدَ وَابْنِ حِبَّانَ. وَفِي لَفْظٍ لأَحْمَدَ: "فَأَقِمْ صُلْبَكَ حَتَّى تَرْجِعَ الْعِظَامُ". وَلِلنَّسَائِيِّ وَأَبِي دَاوُدَ مِنْ حَدِيثِ رِفَاعَةَ بْنِ رَافِعٍ: "إِنَّهَا لَنْ تَتِمُّ صَلاَةُ أَحَدِكُمْ حَتَّى يُسْبِغَ الْوُضُوءَ كَمَا أَمَرَهُ اللهُ، ثُمَّ يُكَبِّرَ اللهَ، وَيَحْمَدَهُ، وَيُثْنِيَ عَلَيْهِ". وَفِيهَا: "فَإِنْ كَانَ مَعَكَ قُرْآنٌ فَاقْرَأْ وَإِلاَّ فَاحْمَدِ اللهَ، وَكَبِّرْهُ، وهَلِّلْهُ". وَلِأَبِي دَاوُدَ: "ثُمَّ اقْرَأْ بِأُمِّ الْكِتَابِ وَبِمَا شَاءَ اللهُ". وَلِإِبْنِ حِبَّانَ: "ثُمَّ بِمَا شِئْتَ".

215. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Jika engkau hendak mengerjakan solat, sempurnakanlah terlebih dahulu wudukmu, kemudian menghadap ke arah kiblat, lalu bertakbir. Kemudian bacalah olehmu*

apa yang mudah dari al-Qur'an, lalu rukuk hingga engkau bertuma'ninah dalam keadaan rukuk, lalu angkat tubuhmu hingga engkau berdiri tegak, lalu sujud hingga engkau bertuma'ninah dalam keadaan sujud, lalu angkat tubuhmu hingga engkau bertuma'ninah dalam keadaan duduk, lalu sujud (untuk kedua kalinya) hingga engkau bertuma'ninah dalam keadaan sujud, kemudian kerjakanlah semua itu dalam kesemua solatmu." (Diriwayatkan oleh al-Sab'ah. Lafaz hadis menurut al-Bukhari).

Menurut riwayat Ibn Majah yang sanadnya berdasarkan Muslim disebutkan: "*Hingga engkau bertuma'ninah dalam keadaan berdiri.*" Hal serupa turut disebut dalam hadis Rifa'ah ibn Rafi' yang disebut oleh Imam Ahmad dan Ibn Hibban di mana lafaznya adalah seperti berikut: "*Hingga engkau bertuma'ninah dalam keadaan berdiri.*" Menurut riwayat Imam Ahmad disebutkan seperti berikut: "Maka tegakkanlah tulang sulbimu hingga semua tulang kembali dalam keadaan tegak."

Menurut riwayat al-Nasa'i dan Abu Dawud melalui hadis Rifa'ah ibn Rafi' disebutkan seperti berikut: "*Sesungguhnya tidak sempurna solat seseorang di antara kamu sebelum dia menyempurnakan wuduknya seperti mana yang telah diperintahkan oleh Allah (s.w.t). Kemudian hendaklah dia bertakbir membesarkan Allah, memuji, dan menyanjung-Nya.*"

Di dalam riwayat ini disebutkan pula: "*Jika engkau hafal sebahagian dari al-Qur'an, maka bacalah. Dan apabila tidak, maka pujilah Allah, besarkanlah dan agungkanlah Dia.*" Menurut riwayat Abu Dawud disebutkan seperti berikut: "*Kemudian bacalah Ummu al-Kitab (Surah al-Fatihah) dan surah yang lain.*" Menurut riwayat Ibn Hibban disebutkan: "*Kemudian (baca pulalah) surah-surah lain menurut kesukaanmu.*"

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) masuk ke dalam masjid. Setelah itu, masuklah Khallad ibnu Rafi' yang terus mengerjakan solat, kemudian dia datang menghadap kepada Rasulullah (s.a.w) dan mengucapkan salam kepadanya. Baginda pun menjawab salamnya, lalu bersabda kepadanya: "Kembalilah dan ulangi solatmu itu, kerana sesungguhnya solatmu masih belum cukup." Lalu Khallad kembali mengulangi solatnya seperti semula. Setelah itu, dia datang kepada Nabi (s.a.w) dan mengucapkan salam kepadanya. Nabi (s.a.w) bersabda lagi kepadanya: "Wa 'Alaika al-Salaam. Kembalilah dan ulangi solatmu, sesungguhnya solatmu masih belum cukup." Rasulullah (s.a.w) menyuruhnya mengulangi solat sebanyak tiga kali. Akhirnya lelaki tersebut berkata: "Demi Tuhan yang telah mengutusmu dengan kebenaran, aku tidak dapat melakukan selain hanya ini. Maka ajarkan kepadaku bagaimana cara mengerjakan solat yang betul." Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda kepadanya: "Jika kamu hendak mengerjakan solat, … hingga akhir hadis."

Analisis Lafaz

"صفة الصلاة", tatacara dan keterangan mengenai pelaksanaan solat.

"قَالَ", Nabi (s.a.w) bersabda kepada orang yang tidak sempurna mengerjakan solatnya, iaitu Khallad ibn Rafi' al-Zurqi.

"أَسْبِغِ الْوُضُوءَ", lengkapkan dan sempurnakan wudukmu.

"فَكَبِّرْ", takbiratul ihram adalah tanda yang seseorang memasuki solat.

"ثُمَّ اقْرَأْ مَا تَيَسَّرَ مَعَكَ مِنْ الْقرآن", makna yang dimaksudkan di sini ialah surah al-Fatihah, kerana surah al-Fatihah mudah dibaca oleh sesiapa pun.

"حَتَّى تَطْمَئِنَّ", tuma'ninah ialah berdiam sesudah bergerak, hingga setiap anggota tubuh kembali pada posisinya semula yang lamanya sekadar membaca Subhanallah.

"حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا", hingga tuma'ninah dalam keadaan duduk, yakni sesudah sujud pertama.

"ثُمَّ اسْجُدْ", kemudian sujud pulalah engkau, yakni sujud yang kedua.

"حَتَّى تَطْمَئِنَّ سَاجِدًا", hingga engkau bertuma'ninah dalam keadaan sujud seperti mana sebelumnya.

"ثُمَّ افْعَلْ ذَلِكَ", kemudian kerjakan semua apa yang telah disebutkan berupa bacaan dan perbuatan selain takbiratul ihram, kerana takbtratul ihram hanya khusus bagi rakaat pertama.

"فِي صَلاَتِكَ كُلِّهَا", dalam seluruh rakaat solatmu yang berikutnya.

"أَخْرَجَهُ السَّبْعَةُ", hadis ini diketengahkan dengan lafaz hampir sama. Adapun lafaz hadis yang diketengahkan oleh penulis ialah berdasarkan lafaz al-Bukhari semata.

"وَلِإِبْنِ مَاجَه بِإِسْنَادِ مُسْلِمٍ", dan menurut Ibn Majah dengan sanad yang kesemuanya merupakan sanad Muslim dengan melalui hadis Abu Hurairah (r.a).

"حَتَّى تَطْمَئِنَّ قَائِمًا", hingga engkau tuma'ninah berdiri. Kalimat ini berkedudukan sebagai *badal* dari sabdanya "حتى تعتدل قائما" yang disebutkan di dalam hadis yang diketengahkan oleh penulis menurut lafaz al-Bukhari.

"وَمِثْلُهُ", hal yang serupa dengannya, yakni sama dengan hadis Ibn Majah.

"عِنْدَ أَحْمَدَ وَابْنِ حِبَّانَ", menurut keduanya disebutkan "حتى تطمئن قائما" sebagai ganti kepada "حتى تعتدل قائما". Maknanya sama, iaitu hingga engkau tuma'ninah dalam keadaan berdiri tegak.

"وَفِي لَفْظٍ لِأَحْمَدَ", menurut lafaz hadis Imam Ahmad.

"فَأَقِمْ صُلْبَكَ", *al-shulb* adalah tulang belakang. Makna yang dimaksudkan di sini adalah angkat tulang belakangmu yang tadinya merendah (merunduk) ketika sedang rukuk.

"حَتَّى تَرْجِعَ الْعِظَامُ", hingga semua tulang kembali kepada posisinya semula setelah merunduk kerana rukuk hingga keadaannya sama seperti ketika berdiri untuk membaca surah al-Fatihah. Ini menunjukkan keadaan i'tidal yang sempurna.

"حَتَّى يُسْبِغَ الْوُضُوءَ", sebelum dia menyempurnakan wuduknya, yakni fardu, sunat serta etikanya.

"كَمَا أَمَرَهُ الله", seperti mana yang diperintahkan oleh Allah (s.w.t) dalam ayat Surah al-Ma'idah melalui firman-Nya:

..... فَٱغۡسِلُواْ وُجُوهَكُمۡ وَأَيۡدِيَكُمۡ إِلَى ٱلۡمَرَافِقِ وَٱمۡسَحُواْ بِرُءُوسِكُمۡ وَأَرۡجُلَكُمۡ إِلَى ٱلۡكَعۡبَيۡنِۚ

..... ﴿٦﴾

"... *Maka basuhlah mukamu dan tanganmu sampai ke siku, dan sapulah kepalamu dan (basuh) kakimu sampai dengan kedua buku kaki...*" (Surah al-Ma'idah: 6)

"ثُمَّ يُكَبِّرَ الله", kemudian hendaklah dia bertakbir mengagungkan Allah, yakni bertakbiratul ihram.

"وَيَحْمَدَهُ، وَيُثْنِيَ عَلَيْهِ", ini dilakukan dengan cara membaca doa iftitah. Di dalam doa ini mengandungi pujian dan sanjungan kepada Allah (s.w.t).

"وَفِيهَا", dan di dalam riwayat al-Nasa'i dan Abu Dawud dengan melalui Rifa'ah.

"فَإِنْ كَانَ مَعَكَ قُرْآنٌ فَاقْرَأْ", jika engkau memiliki hafalan sebahagian ayat al-Qur'an, maka bacalah.

"وَإِلاَّ فَاحْمَدِ الله، وَكَبِّرْهُ، وهلِّلْهُ", jika tidak memiliki hafalan al-Qur'an, maka bacalah *hamdalah*, takbir dan tahlil. Ini menunjukkan bahawa membaca *hamdalah*, takbir dan tahlil boleh dijadikan pengganti bacaan al-Qur'an bagi orang yang sama sekali tidak memiliki hafalan al-Qur'an.

"وَلأَبِي دَاوُدَ", menurut riwayat Abu Dawud menerusi Rifa'ah.

"ثُمَّ اقْرَأْ بِأُمِّ الْكِتَابِ", Surah al-Fatihah. Surah ini dinamakan Ummu al-Kitab kerana surah inilah yang tertera dalam permulaan mushaf dan yang mula-mula dibaca di dalam solat, atau kerana Surah al-Fatihah mengandungi makna yang mencakupi makna di dalam al-Qur'an.

"وَبِمَا شَاءَ الله", membaca surah lain sesudah Surah al-Fatihah.

"ثُمَّ بِمَا شِئْتَ", kemudian membaca surah lain sesudah al-Fatihah menurut kesukaanmu.

Fiqh Hadis

1. Hadis ini merupakan hadis paling mulia yang dikenali dengan judul hadis "المسئ صلاته" (Orang yang tidak sempurna Solatnya). Di dalamnya memuatkan tentang tatacara pelaksanaan solat.
2. Orang yang hendak mengerjakan solat, sedangkan dia dalam keadaan berhadas diwajibkan berwuduk dan dianjurkan menyempurnakan wuduk.
3. Wajib berniat kerana berlandaskan kepada sabda Rasulullah (s.a.w): "*Jika kamu hendak mengerjakan solat.*" Dalam hadis yang lain disebutkan:

   إِنَّمَا ٱلأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ.

   "*Sesungguhnya sahnya amal perbuatan itu hanyalah dengan niat.*"
4. Wajib menghadap ke arah kiblat sebelum melakukan takbiratul ihram.
5. Pembukaan solat adalah takbiratul ihram dan ia merupakan salah satu rukun solat. Jumhur ulama berpendapat, takbiratul ihram dilakukan dengan lafaz yang telah ditentukan, iaitu Allahu Akbar. Lain halnya dengan mazhab Hanafi di mana mereka berpendapat bahawa solat itu sah dengan mengucapkan lafaz yang mengandungi makna mengagungkan Allah (s.w.t).

6. Wajib membaca Surah al-Fatihah dalam setiap rakaat solat. Ulama berbeza pendapat mengenai ketentuan Surah al-Fatihah dalam solat. Imam Malik, Imam Ahmad dan Imam al-Syafi'i berkata: "Wajib membaca Surah al-Fatihah dalam setiap solat. Surah al-Fatihah merupakan salah satu rukun solat. Solat tidak sah tanpa Surah al-Fatihah." Imam Abu Hanifah berkata: "Surah al-Fatihah tidak termasuk salah satu rukun solat. Rukun sudah memadai dengan adanya bacaan secara mutlak. Dengan demikian, membaca Surah al-Fatihah itu wajib dan berdosa bagi orang yang meninggalkannya. Tetapi solat tetap dianggap sah tanpa membaca Surah al-Fatihah." Selain itu, ulama berselisih pendapat sama ada al-Fatihah merupakan satu rukun dalam setiap rakaat solat ataupun tidak. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad berkata: "Surah al-Fatihah merupakan rukun dalam setiap rakaat solat bagi imam, orang yang solat bersendirian, dan juga makmum." Pendapat inilah yang sahih. Menurut mazhab Maliki, surah al-Fatihah adalah rukun bagi imam dan orang yang solat bersendirian, sedangkan makmum hanya membacanya dalam solat-solat *sirriyyah* (Zohor dan Asar). Apa yang lebih afdhal bagi makmum adalah meninggalkannya dalam solat *jahriyyah* (Maghrib, Isyak dan Subuh). Mereka berlandaskan kepada sabda Nabi (s.a.w): "*Kemudian lakukan semua itu dalam seluruh solatmu.*" Imam Abu Hanifah berpendapat, imam dan orang yang solat bersendirian wajib membuat bacaan dalam dua rakaat pertama tetapi tidak semestinya membaca Surah al-Fatihah. Makmum tidak perlu membacanya, sama ada dalam solat *sirriyyah* mahupun solat *jahriyyah*. Sedangkan pada dua rakaat yang terakhir tidak diwajibkan untuk melakukan bacaan. Dengan erti kata lain, boleh membaca dan boleh pula tidak membacanya. Jika tidak, maka dibolehkan membaca tasbih."
7. Zikir sudah memadai bagi orang yang tidak hafal Surah al-Fatihah. Zikir tersebut mengandungi makna tahmid, takbir, dan tahlil.
8. Disyariatkan membaca selain Surah Al-Fatihah. Ini berlandaskan kepada sabda Rasulullah (s.a.w): "*Kemudian bacalah Ummu al-Kitab dan surah lain yang dikehendaki oleh Allah atau yang engkau sukai.*"
9. Wajib rukuk dan sujud.
10. Wajib tuma'ninah dalam setiap rukuk, sujud, i'tidal dan duduk di antara dua sujud.
11. Dalam hadis ini tidak disebutkan salam, padahal salam merupakan salah satu rukun solat, kerana lawan bicara telah mengetahuinya melalui dalil lain yang antara lain ialah hadis:

    تَحْرِيْمُهَا التَّكْبِيْرُ وَتَحْلِيْلُهَا السَّلاَمُ.

    "*Tahrimnya dengan adalah takbir dan tahlilnya adalah dengan salam.*" Dengan erti kata lain, solat itu dimulakan dengan takbiratul ihram dan diakhiri dengan salam.

Periwayat Hadis

Rifa'ah ibn Rafi' ibn Malik ibn al-'Ajlan ibn 'Amr ibn Amir ibn Zuraiq ibn Haritsah ibn Adhb ibn Jusyam ibn al-Khazraj al-Zurqi. Nama panggilannya adalah Abu Mu'adz al-Madani. Beliau seorang yang berwibawa dan turut serta dalam perang Badar. Beliau menyertai pasukan Khalifah Ali bin Abu Thalib dalam perang al-Jamal dan perang Shiffin. Beliau mempunyai beberapa hadis yang diriwayatkan daripada Abu Bakar serta Ubadah ibn al-Shamit. Kedua anak lelakinya -Mu'adz dan Ubaid- telah mengambil riwayat daripadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 41 Hijriah. Al-Bukhari, al-Nasa'i, al-Tirmizi dan Ibn Majah telah meriwayatkan hadis-hadisnya.

٢١٦- عَنْ أَبِي حُمَيْدٍ السَّاعِدِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا كَبَّرَ جَعَلَ يَدَيْهِ حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ، وَإِذَا رَكَعَ أَمْكَنَ يَدَيْهِ مِنْ رُكْبَتَيْهِ، ثُمَّ هَصَرَ ظَهْرَهِ، فَإِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ اسْتَوَى حَتَّى يَعُودَ كُلُّ فَقَارٍ مَكَانَهُ، فَإِذَا سَجَدَ وَضَعَ يَدَيْهِ غَيْرَ مُفْتَرِشٍ وَلاَ قَابِضِهِمَا، وَاسْتَقْبَلَ بِأَطْرَافِ أَصَابِعِ رِجْلَيْهِ الْقِبْلَةَ، وَإِذَا جَلَسَ فِي الرَّكْعَتَيْنِ جَلَسَ عَلَى رِجْلِهِ الْيُسْرَى وَنَصَبَ الْيُمْنَى، وَإِذَا جَلَسَ فِي الرَّكْعَةِ ٱلأَخِيرَةِ قَدَّمَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى وَنَصَبَ ٱلأُخْرَى، وَقَعَدَ عَلَى مَقْعَدَتِهِ". أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

216. Daripada Abu Humaid al-Sa'idi (r.a), beliau berkata: "Saya pernah melihat Nabi (s.a.w) apabila bertakbir, baginda menjadikan kedua telapak tangannya sejajar dengan kedua bahunya. Jika rukuk, kedua telapak tangannya ditopangkan pada kedua lututnya, kemudian meluruskan tulang belakangnya. Jika mengangkat kepalanya (daripada rukuk), baginda berdiri tegak hingga semua tulang belakangnya kembali seperti keadaan semula. Jika sujud, baginda meletakkan kedua telapak tangannya tanpa menggerakkan tangannya dan tanpa menggabungkannya dan menghadapkan kesemua hujung jari kedua kakinya ke arah kiblat. Jika duduk pada rakaat yang kedua, baginda duduk di atas telapak kaki kirinya, sedangkan telapak kaki kanannya ditegakkan. Jika duduk pada rakaat yang terakhir, baginda memajukan telapak kaki kirinya, sedangkan telapak kakinya yang lain ditegakkan lalu baginda duduk dengan buntut (yang sebelah kiri)." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Seorang sahabat agung, Abu Humaid al-Sa'idi, menggambarkan tentang tatacara solat Nabi (s.a.w) melalui ucapannya dan menggambarkannya dengan melalui perbuatan serta diakui oleh para sahabat yang mendengarnya. Oleh itu, hadis ini merupakan hadis paling agung.

Solat yang digambarkan dalam hadis ini adalah solat Nabi (s.a.w) dalam bentuk yang sederhana, tidak terlampau panjang hingga boleh mengakibatkan bosan dan tidak pula terlampau singkat hingga mengakibatkan kecacatan pada rukun.

Analisis Lafaz

"جَعَلَ يَدَيْهِ", menjadikan kedua telapak tangannya.

"حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ", lurus sejajar dengan kedua bahu. *Al-Mankibain* adalah bentuk *tatsniyah* dari perkataan *al-mankib* yang bermaksud pangkal lengan, yakni bahu. Di sini Nabi (s.a.w) apabila takbiratul ihram mengangkat kedua telapak tangannya hingga kesemua jari tanganya sejajar dengan bahagian atas telinganya, sedangkan kedua ibu jarinya sejajar bahagian bawah kedua telinganya dan kedua telapak tangannya sejajar dengan kedua bahunya.

"وَإِذَا رَكَعَ أَمْكَنَ يَدَيْهِ مِنْ رُكْبَتَيْهِ", jika rukuk, maka menjadikan kedua telapak tangan bertopang pada kedua lutut, sedangkan bahagian luar telapak tangan dilebarkan hingga kesemua sendi menjadi lentu.

"هَصَرَ ظَهْرَهِ", menundukkannya untuk rukuk dalam keadaan lurus sejajar dengan leher dan juga bahagian tengah tulang belakang tanpa ada wujud lengkungan.

"فَإِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ", apabila baginda mengangkat kepalanya, yakni dari rukuk.

"اسْتَوَى", berdiri tegak. Abu Dawud dalam riwayatnya menambahkan: Nabi (s.a.w) membaca: "سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ، رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ", (Allah Maha Mendengar orang yang memuji-Nya. Wahai Tuhan kami, bagi-Mu segala pujian).

"فَقَارٍ", tulang belakang. Maksudnya, hingga semua tulang belakang kembali ke posisi semula ketika berdiri.

"غَيْرَ مُفْتَرِشٍ", tidak menyandarkan hasta seperti haiwan buas, melainkan meletakkan kedua telapak tangan di atas tanah dan mengangkat kedua lengan. Lain halnya dengan perempuan, di mana mereka mesti menghimpun kedua tangannya agar kecantikannya tidak nampak kelihatan.

"وَلاَ قَابِضِهِمَا", dan tidak melekatkan kedua lengan pada kedua sisi lambung, melainkan menjauhkan kedua lengan dari kedua sisi lambung.

"وَاسْتَقْبَلَ بِأَطْرَافِ أَصَابِعِ رِجْلَيْهِ الْقِبْلَةَ", menghadapkan hujung jari kedua tangan dan kedua kakinya ketika sujud ke arah kiblat. Jumhur ulama berpendapat, makruh solat orang yang memiringkan hujung-hujung jarinya dari arah kiblat.

"وَإِذَا جَلَسَ فِي الرَّكْعَتَيْنِ", apabila duduk pada rakaat kedua, yakni untuk melakukan tasyahhud pertama.

"جَلَسَ عَلَى رِجْلِهِ الْيُسْرَى وَنَصَبَ الْيُمْنَى", cara duduk ini disebut duduk iftirasy.

"وَإِذَا جَلَسَ فِي الرَّكْعَةِ اْلأَخِيرَةِ", yakni untuk melakukan tasyahhud akhir.

"قَدَّمَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى وَنَصَبَ اْلأُخْرَى، وَقَعَدَ عَلَى مَقْعَدَتِهِ", cara duduk seperti ini disebut dengan duduk tawarruk, kerana ketika duduk bersandar pada buntut yang sebelah kiri.

Fiqh Hadis

1. Mengangkat kedua tangan ketika melakukan takbiratul ihram.
2. Wajib rukuk dan tuma'ninah di dalam rukuk. Caranya dengan meletakkan kedua telapak tangan pada kedua lutut serta meluruskan tulang belakang tanpa lengkungan, melainkan lurus sejajar dengan leher.
3. Wajib sujud dan tuma'ninah di dalam sujud. Caranya dengan menjauhkan kedua siku dari kedua sisi lambung.

4. Disunatkan duduk di antara dua sajud dengan menghamparkan telapak kaki kiri.
5. Duduk dalam tasyahhud akhir dengan cara duduk tawarruk.

Periwayat Hadis

Abu Humaid ibn 'Amr ibn Sa'id ibn Malik ibn Khalid ibn Tsa'labah ibn 'Amr ibn al-Khazraj al-Sa'idi. Beliau meriwayatkan 16 hadis. Jabir dan Urwah telah mengambil riwayat daripadanya. Beliau meninggal dunia pada permulaan pemerintahan Mu'awiyah.

٢١٧- عَنْ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ كَانَ إِذَا قَامَ إِلَى الصَّلَاةِ قَالَ: "وَجَّهْتُ وَجْهِي لِلَّذِي فَطَّرَ السَّمَوَاتِ" إِلَى قَوْلِهِ: "مِنَ الْمُسْلِمِينَ، اَللَّهُمَّ أَنْتَ الْمَلِكُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ، أَنْتَ رَبِّي وَأَنَا عَبْدُكَ..." إِلَى آخِرِهِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ. وَفِي رِوَايَةٍ لَهُ: أَنَّ ذَلِكَ فِي صَلاَةِ اللَّيْلِ.

217. Daripada Ali ibn Abu Thalib (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w) bahawa baginda apabila telah berdiri dalam solat membaca doa berikut: "" (Aku menghadapkan wajahku kepada Tuhan yang telah menciptakan langit dan bumi –hingga dengan doanya- termasuk orang yang berserah diri. Ya Allah, Engkau adalah Raja, tidak ada Tuhan selain Engkau. Engkau adalah Tuhanku dan aku adalah hamba-Mu..." hingga akhir hadis. (Diriwayatkan oleh Muslim). Menurut riwayat lain oleh Muslim disebutkan bahawa sesungguhnya itu terjadi ketika mengerjakan solatul lail.

Makna Hadis

Doa iftitah dibaca oleh Nabi (s.a.w) pada rakaat pertama. Di dalamnya mengandungi pujian kepada Allah sekali gus pengakuan seorang hamba akan kelalaiannya dan perbuatan zalim yang dilakukan ke atas dirinya sendiri. Ia turut memuatkan permohonan ampun, memohon petunjuk, kemuliaan akhlak dan perlindungan daripada berakhlak jahat.

Doa iftitah ini disebutkan dalam pelbagai bentuk lafaz dan orang yang solat dibolehkan memilih mana satu daripadanya malah boleh juga membaca kesemua kalimat doa iftitah yang sedia ada itu.

Doa iftitah dibaca di antara takbiratul ihram dengan isti'adzah dengan suara tidak kuat. Barangkali bacaan dengan suara kuat yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) bertujuan untuk mengajarkannya kepada para sahabatnya.

Membaca doa iftitah itu hukumnya sunat dan hanya dilakukan dalam rakaat pertama menurut pendapat jumhur ulama. Lain halnya dengan Imam Malik, di mana beliau mempunyai pendapat yang berlainan dalam masalah ini.

Analisis Lafaz

“إِلَى قَوْلِهِ: مِنَ الْمُسْلِمِينَ”, sampai dengan bacaan doa iftitah yang berbunyi “termasuk orang yang berserah diri.” Doa ini lengkapnya adalah seperti berikut:

وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا مُسْلِمًا وَمَا أَنَا مِنْ الْمُشْرِكِينَ إِنَّ صَلاَتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ لاَ شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ.

“*Aku menghadapkan wajahku kepada Tuhan yang telah menciptakan langit dan bumi dalam keadaan patuh kepada agama yang haq lagi berserah diri, dan aku bukanlah termasuk orang musyrik. Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku hanyalah kerana Allah, Tuhan semesta alam, tidak ada sekutu bagi-Nya, dan aku diperintahkan untuk itu serta aku adalah termasuk orarg-orang yang berserah diri.*”

“وَجَّهْتُ وَجْهِيَ”, aku hadapkan seluruh tubuhku dan aku ikhlaskan ibadahku kepada Allah (s.w.t).

“لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ”, yang telah menciptakan langit dan bumi tanpa contoh yang mendahuluinya. Apa yang dimaksudkan dengan langit ialah segala sesuatu yang di atasmu sedangkan bumi pula ialah segala sesuatu yang di bawah. Langit disebutkan terlebih dahulu kerana ia lebih mulia berbanding bumi, sebab langit merupakan tempat tinggal para malaikat yang suci itu.

“حَنِيفًا مُسْلِمًا”, menyimpang dari semua agama yang batil, cenderung kepada agama yang hak dan tetap berpegang teguh kepadanya, tunduk serta patuh kepada perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya.

“نُسُكِي”, *al-Nusuk* adalah ibadah dan segala amal perbuatan yang mendekatkan seseorang kepada Allah (s.w.t).

“رَبِّ”, *al-Rabb* adalah Pemilik.

“الْعَالَمِينَ”, bentuk jamak dari lafaz *al-‘Alam*, isim jamak bagi semua makhluk.

“إِلَى آخِرِهِ”, hingga akhir doa. Kalimat lengkapnya ialah seperti berikut:

اَللَّهُمَّ أَنْتَ الْمَلِكُ لاَ إِلَهَ إِلاَّ أَنْتَ أَنْتَ رَبِّي، وَأَنَا عَبْدُكَ ظَلَمْتُ نَفْسِي وَاعْتَرَفْتُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي ذُنُوبِي جَمِيعًا، إِنَّهُ لاَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلاَّ أَنْتَ وَاهْدِنِي لِأَحْسَنِ الأَخْلَاقِ لَا يَهْدِي لِأَحْسَنِهَا إِلاَّ أَنْتَ، وَاصْرِفْ عَنِّي سَيِّئَهَا لاَ يَصْرِفُ عَنِّي سَيِّئَهَا إِلاَّ أَنْتَ، لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ وَالْخَيْرُ كُلُّهُ فِي يَدَيْكَ وَالشَّرُّ لَيْسَ إِلَيْكَ، أَنَا بِكَ وَإِلَيْكَ تَبَارَكْتَ وَتَعَالَيْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ.

“*Ya Allah, Engkau adalah Raja, tidak ada Tuhan selain Engkau. Engkau adalah Tuhanku dan aku adalah hamba-Mu. Aku telah berbuat aniaya terhadap diriku sendiri, dan aku mengakui semua dosaku, maka maafkanlah aku di atas semua dosaku. Sesungguhnya tidak ada seorang pun yang mampu mengampuni dosa-dosa kecuali hanya Engkau. Berilah daku petunjuk kepada akhlak yang paling baik, tiada yang dapat menunjukkan kepada akhlak yang paling baik kecuali hanya Engkau. Palingkanlah diriku daripada akhlak yang buruk, tiada yang dapat memalingkan akhlak yang buruk dari diriku kecuali hanya Engkau. Aku penuhi panggilan-Mu dengan penuh rasa bahagia, semua kebaikan berada di tangan kekuasaan-Mu, dan keburukan bukanlah berasal dari-Mu. Aku memohon pertolongan kepada-Mu dan aku memohon perlindungan kepada-Mu. Maha Agung lagi Maha Tinggi Engkau, aku memohon ampun kepada-Mu dan bertaubat kepada-Mu.*”

"أَنْتَ الْمَلِكُ", Engkau yang mengatur semua makhluk tanpa ada seorang pun yang menentang-Nya.

"لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ", aku memenuhi seruan-Mu dan aku merasa bahagia dalam taat kepada-Mu dan memenuhi seruan-Mu. Kedua-dua kalimat ini merupakan *masdar manqul* dari *fi'il* yang tidak disebutkan.

"الْخَيْرُ كُلُّهُ فِي يَدَيْكَ", semua kebaikan yang sampai kepada semua hamba berasal dari kekuasaan-Mu.

"الشَّرُّ لَيْسَ إِلَيْكَ", keburukan bukanlah sesuatu yang dapat mengantarkan seseorang untuk mendekatkan diri kepada-Mu, dan bukan pula bersumber daripada Engkau. Kalimat yang terakhir ini hanyalah sebagai ungkapan sopan santun.

"أَنَا بِكَ وَإِلَيْكَ", aku memohon pertolongan kepada-Mu dan aku memohon perlindungan kepada-Mu.

"تَبَارَكْتَ وَتَعَالَيْتَ", betapa berlimpah kebaikan-Mu dan betapa banyak kebaikan-Mu, Maha Suci Engkau dari segala kekurangan, dan Engkau bersifat semua sifat yang sempurna.

"أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ", aku memohon ampunan kepada-Mu di atas segala dosa yang telah berlalu, dan aku kembali kepada-Mu untuk tidak melakukan dosa lagi di masa mendatang dengan menghadapkan diri kepada-Mu seraya memohon taufik dan keteguhan dari-Mu hingga akhir hayatku.

"وَفِي رِوَايَةٍ لَهُ", dan menurut riwayat lain yang disebut oleh Muslim.

"أَنَّ ذَلِكَ", doa yang dibaca Rasulullah (s.a.w) dilakukan pada waktu mengerjakan soalatul lail. Al-Hafiz Ibn Hajar telah menukil daripada Imam al-Syafi'i bahawa doa tersebut dibaca dalam solat fardu dan hadis Ali bin Abu Thalib turut mengisahkan bacaan dalam solat fardu.

Fiqh Hadis

1. Boleh berdoa semasa di dalam solat dengan doa-doa yang tidak berasal daripada al-Qur'an.
2. Disyariatkan berdoa di antara takbiratul ihram dan bacaan al-Fatihah pada rakaat pertama. Doa ini dikenali dengan doa iftitah. Lain halnya dengan pendapat yang masyhur di sisi Imam Malik.
3. Menjelaskan bagaimana cara beretika kepada Allah (s.w.t). Ketika mendekatkan diri kepada-Nya, tidak boleh berbuat jahat dan tidak boleh pula menisbahkan kejahatan kepada-Nya.

٢١٨- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا كَبَّرَ لِلصَّلاَةِ سَكَتَ هُنَيْهَةً قَبْلَ أَنْ يَقْرَأَ، فَسَأَلْتُهُ، فَقَالَ: "أَقُولُ: اَللَّهُمَّ بَاعِدْ بَيْنِي وَبَيْنَ خَطَايَايَ كَمَا بَاعَدْتَ بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ، اللَّهُمَّ نَقِّنِي مِنْ خَطَايَايَ كَمَا يُنَقَّى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنْ الدَّنَسِ، اَللَّهُمَّ اغْسِلْنِي مِنْ خَطَايَايَ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

218. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) apabila telah bertakbir untuk mengerjakan solat, baginda berdiam sejenak sebelum membaca

(Surah al-Fatihah). Aku kemudian bertanya kepada baginda mengenai sebab itu dan baginda menjawab: “Aku membaca doa:

اَللَّهُمَّ بَاعِدْ بَيْنِي وَبَيْنَ خَطَايَايَ كَمَا بَاعَدْتَ بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ، اللَّهُمَّ نقِّنِي مِنْ خَطَايَايَ كَمَا يُنَقَّى الثَّوْبُ ٱلأَبْيَضُ مِنْ الدَّنَسِ، اَللَّهُمَّ اغْسِلْنِي مِنْ خَطَايَايَ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ.

“Ya Allah, jauhkan antara diriku dengan dosa-dosaku sebagaimana Engkau menjauhkan antara timur dengan barat. Ya Allah, bersihkan diriku dari dosa-dosaku sebagaimana baju putih yang dibersihkan dari kotoron(nya). Ya Allah, basuhlah daku daripada dosa-dosaku dengan air, salji dan embun.” (Muttafaq ‘alaih)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) terpelihara dari melakukan perbuatan dosa. Sungguhpun begitu, baginda sentiasa berdoa dengan doa-doa yang pada hakikatnya untuk mengajarkan umatnya sekali gus mengakui akan ketidakmampuan manusia apabila dibandingkan dengan kebesaran Allah. Nabi (s.a.w) selalu berdoa memohon agar dosa-dosanya dihapuskan dan dipelihara daripada perbuatan dosa yang akan terjadi di masa mendatang, serta memohon agar dijauhkan dari dosa-dosa sebagaimana jauhnya jarak antara timur dengan barat yang tidak akan pernah bertemu selamanya. Baginda sering berdoa memohon agar dirinya disucikan dari dosa-dosa dengan ungkapan *mubalaghah*. Kemudian baginda membuat satu perumpamaan untuk itu dengan air yang belum pernah disentuh oleh tangan-tangan manusia dan sama sekali belum pernah digunakan, agar itu lebih menguatkan lagi makna yang dikehendakinya, iaitu bersihnya pakaian yang telah dibasuh dengannya. Kemudian sesudah menyebut perumpamaan air, Nabi (s.a.w) menyebutkan ais dan embun sebagai perumpamaan. Hal ini mengandungi makna yang mencakupi rahmat dan ampunan sesudah memohon kemaafan bagi memadamkan panasnya api neraka yang tak terkira panasnya itu.

Al-Tsalj (salji) ialah butiran-butiran air membeku yang turun dari langit, lalu jatuh ke bumi dan lama-kelamaan lebur menjadi air. Sedangkan *al-Bard* (embun) adalah turun yang turut dari langit dan sesampainya di bumi lebur menjadi air.

Analisis Lafaz

“إِذَا كَبَّرَ لِلصَّلاَةِ”, maksudnya ialah takbiratul ihram. Di dalam *naskhah* yang lain disebutkan “إذا كبر في الصلاة” yang ertinya “apabila baginda bertakbir di dalam solatnya”, yakni melakukan takbiratul ihram (bukan takbiratul intiqal).

“سَكَتَ هُنَيْهَةً”, diam sejenak dan tidak terlalu lama. Lafaz “هنيهة” adalah zharaf yang di-*nasab*-kan kerana menjadi zharaf dan berkaitan dengan lafaz “سكت”.

“فَسَأَلْتُهُ”, maka aku bertanya kepada Nabi (s.a.w) mengenai apa yang dibacanya ketika baginda terdiam sejenak, yakni bacaan yang diucapkannya dengan suara tidak kuat.

"بَاعِدْ بَيْنِي وَبَيْنَ خَطَايَايَ", maksud *muba'adah* ialah memohon agar semua dosa yang telah terjadi dimaafkan dan dipelihara dari melakukan dosa-dosa di masa mendatang.

"كَمَا بَاعَدْتَ بَيْنَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ" Kamaa baa'adta bainal masyriqi wal maghribi, dijauhkan daripada mendekati dosa, sebagaimana perjumpaan antara timur dengan barat dijauhkan.

"نقِّنِي مِنْ خَطَايَايَ كَمَا يُنَقَّى الثَّوْبُ ٱلأَبْيَضُ مِنْ الدَّنَسِ", sucikan diriku daripada dosa-dosa dan hilangkan dosa-dosa itu dariku, sebagaimana baju putih yang kembali menjadi bersih dari kotorannya. Pakaian putih disebutkan secara khusus kerana warnanya yang cerah dan lebih jernih apabila dibandingkan dengan warna yang lain. Pakaian yang dibersihkan sebanyak tiga kali dengan pencuci yang mempunyai daya bersih yang kuat, akan kembali menjadi bersih dan cemerlang. Maksud dijauhkan daripada dosa-dosa untuk masa mendatang adalah dibersihkan daripada dosa-dosa untuk masa sekarang, sedangkan maksud dibasuh daripada dosa-dosa ialah untuk masa yang telah lampau.

"اَللَّهُمَّ اغْسِلْنِي مِنْ خَطَايَايَ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ", sucikan diriku daripada dosa dengan pelbagai macam ampunan-Mu yang mampu membersihkan semua dosa, sebagaimana ketiga jenis cairan tersebut mampu membersihkan kotoran. Nabi (s.a.w) menyebutkan pelbagai jenis pencuci yang diturunkan dari langit kerana kebersihan yang sempurna tidak dapat tercapai kecuali dengan memakai salah satu daripadanya. Ini menerangkan pelbagai jenis ampunan tersebut yang segala dosa tidak dapat dihapuskan kecuali dengan adanya ampunan itu.

Fiqh Hadis

1. Para sahabat sentiasa mengambil berat keadaan Rasulullah (s.a.w); gerak-gerinya, ketika berdiam diri dan setiap apa yang dilakukannya. Dengan demikian, Allah memelihara agama ini melalui usaha gigih mereka dan oleh kerananya, kita mesti mengikuti mereka.
2. Disyariatkan membaca doa iftitah setelah takbiratul ihram dan sebelum membaca Surah al-Fatihah. Doa iftitah itu mempunyai banyak bentuk lafaznya dan apa yang disebutkan dalam hadis ini merupakan salah satu daripadanya.
3. Boleh berdoa ketika di dalam solat dengan doa-doa yang bukan dari al-Qur'an, tetapi dengan syarat hendaklah mengikut apa yang diriwayatkan oleh hadis dan dilakukan pada tempatnya masing-masing, seperti doa rukuk, sujud mengangkat kepala dari keduanya dan lain-lain sebagainya.
4. Boleh mengungkapkan sesuatu yang bersifat abstrak dengan mengumpamakannya dengan sesuatu yang bersifat nyata supaya lebih mudah difaham.

٢١٩- عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ كَانَ يَقُولُ: "سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، تَبَارَكَ اسْمُكَ، وَتَعَالَى جَدُّكَ، وَلاَ إِلَهُ غَيْرُكَ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ بِسَنَدٍ مُنْقَطِعٍ، وَالدَّارَقُطْنِيُّ مَوْصُولاً وَمَوْقُوفًا.

وَنَحْوُهُ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ مَرْفُوعًا عِنْدَ الْخَمْسَةِ وَفِيهِ: وَكَانَ يَقُولُ بَعْدَ التَّكْبِيرِ: "أَعُوذُ بِاللهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ، مِنْ هَمْزِهِ، وَنَفْخِهِ، وَنَفْثِهِ".

219. Daripada 'Umar (r.a), beliau kerap membaca doa berikut:

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، تَبَارَكَ اسْمُكَ، وَتَعَالَى جَدُّكَ، وَلاَ إِلَهَ غَيْرُكَ.

"Maha Suci Engkau, ya Allah dan dengan memuji kepada-Mu, Maha Agung asma-Mu dan Maha Tinggi Keagungan-mu, dan tidak ada Tuhan selain Engkau." (Diriwayatkan oleh Muslim dengan sanad munqathi' dan diriwayatkan pula oleh Daruquthni secara mawsul dan mauquf)

Hadis yang serupa melalui Abu Sa'id al-Khudri (r.a) secara marfu' telah disebut oleh al-Khamsah. Di dalam hadis ini disebutkan bahawa Abu Sa'id al-Khudri (r.a) sering kali membaca doa berikut sesudah takbiratul ihram:

"أَعُوذُ بِاللهِ السَّمِيعِ الْعَلِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ، مِنْ هَمْزِهِ، وَنَفْخِهِ، وَنَفْثِهِ.

"Aku berlindung kepada Allah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui daripada syaitan yang terkutuk, juga dari godaannya, kesombongannya, dan dari tiupannya (rayuannya)."

Makna Hadis

Telah diriwayatkan daripada Nabi (s.a.w) beberapa bentuk lafaz doa iftitah yang sebahagian daripadanya telah disebutkan sebelum ini. 'Umar (r.a) selalunya membaca doa iftitah ini yang beliau terima daripada Nabi (s.a.w), lalu beliau membacanya dengan suara kuat untuk tujuan mengajarkannya kepada orang ramai. Telah disyariatkan pula membaca isti'adzah (memohon perlindungan) daripada syaitan berupa itu sifat sombong, rayuan dan godaannya sebagai benteng untuk memelihara diri daripada syaitan dalam permulaan solat dan bacaan al-Qur'an supaya solat seseorang dipelihara daripada syaitan sekali gus mengalamkan perintah Allah dalam firman-Nya:

فَإِذَا قَرَأْتَ ٱلْقُرْءَانَ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ ﴿٩٨﴾

"*Apabila kamu membaca al-Qur'an, hendaklah kamu meminta perlindungan kepada Allah dari syaitan yang terkutuk.*" (Surah al-Nahl: 98)

Tempat untuk membaca ta'awwudz ini sesudah membaca doa iftitah.

Analisis Lafaz

"سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ", Maha Suci Engkau dari segala kekurangan dengan sebenar-benarnya seraya memuji kepada-Mu. Lafaz "سبحان" berkedudukan sebagai *maf'ul muthlaq* daripada *fi'il* yang dibuang dan bentuk lengkapnya ialah "أسبح سبحانك".

"تَبَارَكَ اسْمُكَ", Maha Agung asma-Mu dan alangkah berlimpah berkah-Mu yang memenuhi langit dan bumi.

"وَتَعَالَى جَدُّكَ", Maha Tinggi lagi Maha Agung kebesaran-Mu.

"بِسَنَدٍ مُنْقَطِعٍ", al-Nawawi mengatakan bahawa Abdah ibn Abu Lubabah meriwayatkan hadis ini daripada Umar (r.a), padahal dia belum pernah

menjumpainya dan belum pernah pula mendengar daripadanya, melainkan dia hanya pernah sekali melihatnya. Hadis ini diriwayatkan pula oleh Abu Dawud dan al-Hakim daripada Aisyah daripada Nabi (s.a.w) secara marfu'.

"وَنَحْوُهُ", dan hadis yang serupa dengannya, yakni sama dengan hadis Umar (r.a).

"وَكَانَ يَقُولُ", dia selalunya membaca doa ini sesudah takbratul ihram.

"أَعُوذُ بِاللهِ", aku berlindung kepada Allah.

"السَّمِيعِ", Maha Mendengar segala ucapan.

"الْعَلِيمِ", Maha Mengetahui apa yang tersimpan di dalam kalbu.

"مِنَ الشَّيْطَانِ", daripada kejahatan syaitan.

"الرَّجِيمِ", yang terkutuk.

"مِنْ هَمْزِهِ", daripada godaan dan pedayanya.

"وَنَفْخِهِ", daripada kesombongannya yang mengakibatkan kekufuran.

"وَنَفْثِهِ", daripada sihirnya. *Al-Nafts* ialah ungkapan syair, namun maksudnya adalah syair yang dilarang seperti yang memuatkan hinaan terhadap orang lain dan lain-lain seumpamanya. Dikatakan demikian kerana syaitan meniupkannya dari mulutnya seperti ruqyah seakan-akan syaitan meniupkan rayuannya ke dalam mulut seseorang, hingga itu dianggap besar olehnya, lalu dia pun menghina orang lain.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan membaca doa iftitah dalam solat, iaitu doa yang telah disebutkan dalam riwayat di atas sebelum membaca Surah al-Fatihah.
2. Dianjurkan memohon perlindungan kepada Allah daripada kejahatan syaitan dan segala perbuatannya sebelum membaca al-Qur'an dan sesudah membaca doa iftitah.

٢٢٠- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَفْتِحُ الصَّلاَةَ بِالتَّكْبِيرِ وَالْقِرَاءَةَ: بِـ (الْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ) وَكَانَ إِذَا رَكَعَ لَمْ يُشْخِصْ رَأْسَهُ، وَلَمْ يُصَوِّبْهُ، وَلَكِنْ بَيْنَ ذَلِكَ. وَكَانَ إِذَا رَفَعَ مِنَ الرُّكُوعِ لَمْ يَسْجُدْ حَتَّى يَسْتَوِيَ قَائِمًا. وَإِذَا رَفَعَ مِنَ السُّجُودِ لَمْ يَسْجُدْ حَتَّى يَسْتَوِيَ جَالِسًا. وَكَانَ يَقُولُ فِي كُلِّ رَكْعَتَيْنِ التَّحِيَّةَ. وَكَانَ يَفْرِشُ رِجْلَهُ الْيُسْرَى وَيَنْصِبُ الْيُمْنَى. وَكَانَ يَنْهَى عَنْ عُقْبَةِ الشَّيْطَانِ، وَيَنْهَى أَنْ يَفْتَرِشَ الرَّجُلُ ذِرَاعَيْهِ افْتِرَاشَ السَّبُعِ. وَكَانَ يُخْتَمُ الصَّلاَةَ بِالتَّسْلِيمِ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ، وَلَهُ عِلَّةٌ.

220. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) sentiasa memulakan solatnya dengan takbiratul ihram dan membaca Surah al-Fatihah. Jika rukuk, baginda tidak terlampau mengangkat kepalanya dan tidak pula terlampau menundukkannya, melainkan berada dalam posisi pertengahan di antara keduanya itu. Jika mengangkat kepalanya dari rukuk, baginda tidak langsung sujud sebelum berdiri dengan tegak. Jika mengangkat kepalanya dari sujud, baginda tidak terus melakukan sujud kedua sebelum duduk dengan tegak. Baginda membaca tahiyyat pada setiap dua rakaat seraya menghamparkan telapak kaki yang kiri dan

menegakkan telapak kaki yang kanan. Baginda melarang duduk seperti cara duduknya syaitan (*iq'a*), dan melarang pula seseorang menghampar kedua hastanya (ketika sujud) seperti haiwan buas. Baginda mengakhiri solatnya dengan mengucapkan salam." (Diriwayatkan oleh Muslim, tetapi di dalamnya terdapat *'illat* atau cacat)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) menyerahkan tugasan mentafsir al-Qur'an kepada Nabi (s.a.w) kerana baginda adalah orang yang paling mengetahui tentang makna yang dimaksudkan oleh Allah. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَأَنزَلْنَآ إِلَيْكَ ٱلذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٤٤﴾

"*... Dan Kami turunkan kepadamu al-Qur'an, agar kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka.*" (Surah al-Nahl: 44)

Maka Nabi (s.a.w) menerangkan kepada kita tentang tatacara pelaksanaan solat melalui sabdanya dan mempraktikkannya pula kepada kita melalui perbuatannya. Untuk itu baginda bersabda:

صَلُّوْا كَمَا رَأَيْتُمُوْنِي أُصَلِّي.

"*Solatlah kamu sekalian sebagaimana kamu melihat aku solat.*"

Sahabat amat mengambil berat semua ucapan dan perbuatan Nabi (s.a.w) sebagaimana yang digambarkan oleh Ummu al-Mu'minin kepada kita dalam hadis ini ketika menceritakan tentang tatacara solat Nabi (s.a.w).

Analisis Lafaz

"يَسْتَفْتِحُ الصَّلاَةَ بِالتَّكْبِيرِ", membuka solatnya dengan takbiratul ihram, yakni memasuki solatnya dengan membaca kalimat "Allahu Akbar". Menurut Imam Abu Hanifah, memasuki solat sudah memadai dengan menyebut apa jua kalimat yang mengagungkan Allah, seperti "الله أعظم", atau "الله أجل", dan sebagainya.

"وَالْقِرَاءَةَ: بِـ الْحَمْدُ لِلهِ", maksud "الحمد لله" ialah Surah al-Fatihah.

"لَمْ يُشْخِصْ رَأْسَهُ", tidak pernah mengangkat kepalanya.

"وَلَمْ يُصَوِّبْهُ", dan tidak pernah pula menundukkan kepalanya.

"وَلَكِنْ بَيْنَ ذَلِكَ", melainkan berada pada posisi pertengahan di antara kedua keadaan itu. Dengan erti kata lain, baginda menjadikan kepalanya sejajar rata dengan tulang belakangnya apabila sedang rukuk.

"لَمْ يَسْجُدْ حَتَّى يَسْتَوِيَ قَائِمًا", ini mengisyaratkan kepada tuma'ninah dalam i'tidal setelah bangkit dari rukuk supaya semua anggota tubuh tetap pada tempatnya masing-masing selama bacaan Subhaanallah.

"لَمْ يَسْجُدْ حَتَّى يَسْتَوِيَ جَالِسًا", ini mengisyaratkan kepada tuma'ninah dalam duduk di antara dua sujud.

"التَّحِيَّةَ", membaca tasyahhud. Tasyahhud disebut tahiyyat kerana tahiyyat merupakan sebahagian dari apa yang terkandung di dalam bacaan tasyahhud itu.

“يَفْرِشُ رِجْلَهُ الْيُسْرَى”, duduk *iftirasy* dalam tasyahhud pertama. Dinamakan demikian kerana seseorang akan berdiri semula sesudahnya.

“يَنْهَى”, larangan ini menunjukkan makna makruh.

“عُقْبَةِ الشَّيْطَانِ”, cara duduk syaitan adalah dengan meletakkan kedua telapak tangan pada tanah, sedangkan kedua betis dan pahanya ditegakkan, serta duduk dengan kedua buntutnya. Cara duduk ini disebut *iq'a'.*

“يَنْهَى أَنْ يَفْتَرِشَ الرَّجُلُ ذِرَاعَيْهِ”, menghampar kedua hastanya, yakni bersandar kepada keduanya. Apa yang disunatkan adalah hendaklah seseorang meletakkan kedua telapak tangannya pada tanah dan mengangkat kedua hastanya.

“اِفْتِرَاشَ السَّبُعِ”, yakni meletakkan kedua hasta ke tanah ketika sujud.

“يُخْتَمُ الصَّلاَةَ بِالتَّسْلِيمِ”, keluar dari solatnya dengan mengucapkan “السلام عليكم”.

“وَلَهُ عِلَّةٌ”, disebut oleh Muslim melalui riwayat Abu al-Jauza' daripada Aisyah (r.a). Ibn Abdul Barr mengatakan bahawa hadis ini mursal kerana Abu al-Jauza' belum pernah mendengar daripada Aisyah (r.a).

Fiqh Hadis

1. Membuka solat dengan takbiratul ihram merupakan salah satu daripada rukun solat.
2. Wajib membaca Surah al-Fatihah sesudah takbiratul ihram, dan Surah Al-Fatihah merupakan salah satu daripada rukun solat.
3. Wajib tuma'ninah dalam rukuk dan sujud. Kedua-duanya merupakan rukun solat tanpa keduanya adalah tidak sah.
4. Duduk dalam solat dilarang menyerupai cara duduk anjing dan cara mendekam seperti binatang buas.
5. Membaca tasyahhud pada setiap dua rakaat. Tasyahhud pada rakaat terakhir merupakan rukun solat.
6. Menutup solat dengan membaca salam. Menurut jumhur ulama, salam pertama merupakan rukun solat. Lain halnya dengan mazhab Hanafi yang mengatakan bahawa keluar dari solat boleh dengan membaca salam dan boleh pula dengan cara lain yang bercanggah dengan solat, misalnya berbicara, berhadas, atau berdiri.

Rasulullah (s.a.w) menyuruh kita supaya berbeza dengan haiwan ketika kita sedang mengerjakan solat. Salah seorang ulama menghimpun perkara tersebut melalui syairnya berikut:

إِذَا نَحْنُ قُمْنَا لِلصَّلاَةِ فَإِنَّنَا   نُهِيْنَا عَنِ ٱلإِتْيَانِ فِيْهَا بِسِتَّةِ
بُرُوْكِ بَعِيْرٍ وَالْتِفَاتٍ كَثَعْلَبَ   وَنَقْرِ غُرَابٍ فِي سُجُوْدِ الْفَرِيْضَةِ
وَإِقْعَاءٍ أَوْ كَبَسْطِ ذِرَاعِهِ   وَأَذْنَابِ خَيْلٍ عِنْدَ فِعْلِ التَّحِيَّةِ

Jika kami telah berdiri memasuki solat,
Kami dilarang melakukan enam perkara
Cara mendekam seperti unta (ketika sujud)
menoleh seperti musang dan mematuk
seperti burung gagak ketika sujud solat fardu,

duduk iq'a' seperti anjing atau menopang kedua hastanya dan seperti ekor kuda ketika sedang melakukan tahiyyat.

٢٢١- عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَرْفَعُ يَدَيْهِ حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ إِذَا افْتَتَحَ الصَّلَاةَ، وَإِذَا كَبَّرَ لِلرُّكُوعِ، وَإِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنْ الرُّكُوعِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي حَدِيثِ أَبِي حُمَيْدٍ عِنْدَ أَبِي دَاوُدَ: يَرْفَعُ يَدَيْهِ حَتَّى يُحَاذِيَ بِهِمَا مَنْكِبَيْهِ، ثُمَّ يُكَبِّرَ.

وَلِمُسْلِمٍ عَنْ مَالِكِ بْنِ الْحُوَيْرِثِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ نَحْوُ حَدِيثِ ابْنِ عُمَرَ، وَلَكِنْ قَالَ: حَتَّى يُحَاذِيَ بِهِمَا فُرُوعَ أُذُنَيْهِ.

221. Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) selalunya mengangkat kedua telapak tangannya sejajar dengan kedua bahunya jika membuka solat(nya), jika bertakbir untuk rukuk dan jika mengangkat kepalanya daripada rukuk." (Muttafaq 'alaih)

Di dalam hadis Abu Humaid yang diriwayatkan oleh Abu Dawud disebutkan seperti berikut: "Baginda mengangkat kedua telapak tangannya hingga keduanya sejajar dengan kedua bahunya, kemudian mengucapkan takbir."

Menurut riwayat Muslim melalui Malik ibn al-Huwairits telah disebutkan hadis yang sama dengan hadis Ibn Umar, tetapi dikatakan: "Hingga kedua telapak tangannya lurus sejajar dengan hujung kedua telinganya."

Makna Hadis

Mengangkat kedua tangan ketika takbiratul ihram di dalam solat adalah disyariatkan berdasarkan ijmak ulama. Akan tetapi dilarang dilakukan ketika mengucapkan salam, sedangkan apabila dilakukan ketika berpindah untuk rukuk dan mengangkat kepala dari rukuk, serta ketika berdiri dari tasyahhud pertama untuk rakaat yang ketiga masih diperselisihkan. Hadis yang menceritakan hal tersebut cukup banyak. Pendapat inilah yang dianut oleh Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad, dan ini merupakan salah satu daripada riwayat Imam Malik. Ulama Kufah tidak menganut pendapat ini dan ini merupakan pendapat masyhur di kalangan mazhab Imam Malik.

Analisis Lafaz

"حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ", berhadapan dan sejajar dengan kedua bahunya. Nabi (s.a.w) mengangkat kedua tangannya hingga jari jemari kedua tangannya sejajar dengan bahagian atas kedua telinganya, sedangkan kedua ibu jarinya sejajar dengan bahagian bawah kedua telinganya, dan telapak tangannya sejajar dengan kedua bahunya.

"وَفِي حَدِيثِ أَبِي حُمَيْدٍ عِنْدَ أَبِي دَاوُدَ", menurut hadis Abu Humaid yang diriwayatkan oleh Abu Dawud lafaznya disebutkan seperti berikut:

كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَامَ إِلَى الصَّلاَةِ يَرْفَعُ يَدَيْهِ حَتَّى يُحَاذِيَ بِهِمَا مَنْكِبَيْهِ، ثُمَّ يُكَبِّرُ حَتَّى يَقِرَّ كُلُّ عَظْمٍ فِي مَوْضِعِهِ مُعْتَدِلاً، ثُمَّ يَقْرَأُ ثُمَّ يُكَبِّرُ فَيَرْفَعُ يَدَيْهِ حَتَّى يُحَاذِيَ بِهِمَا مَنْكِبَيْهِ، ثُمَّ يَرْكَعُ وَيَضَعُ رَاحَتَيْهِ عَلَى رُكْبَتَيْهِ، ثُمَّ يَعْتَدِلُ وَلاَ يُصَوِّبُ رَأْسَهُ وَلاَ يُقْنِعُ، ثُمَّ يَرْفَعُ رَأْسَهُ، فَيَقُولُ: سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ، ثُمَّ يَرْفَعُ يَدَيْهِ حَتَّى يُحَاذِيَ بِهِمَا مَنْكِبَيْهِ مُعْتَدِلاً، ثُمَّ يَقُولُ: اللهُ أَكْبَرُ، ثُمَّ يَهْوِي إِلَى الأَرْضِ فَيُجَافِي يَدَيْهِ عَنْ جَنْبَيْهِ، ثُمَّ يَرْفَعُ رَأْسَهُ وَيَثْنِي رِجْلَهُ الْيُسْرَى فَيَقْعُدُ عَلَيْهَا وَيَفْتَحُ أَصَابِعَ رِجْلَيْهِ إِذَا سَجَدَ وَيَسْجُدُ، ثُمَّ يَقُولُ: اللهُ أَكْبَرُ، وَيَرْفَعُ رَأْسَهُ وَيَثْنِي رِجْلَهُ الْيُسْرَى فَيَقْعُدُ عَلَيْهَا حَتَّى يَرْجِعَ كُلُّ عَظْمٍ إِلَى مَوْضِعِهِ، ثُمَّ يَصْنَعُ فِي الأُخْرَى مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ إِذَا قَامَ مِنَ الرَّكْعَتَيْنِ كَبَّرَ وَرَفَعَ يَدَيْهِ حَتَّى يُحَاذِيَ بِهِمَا مَنْكِبَيْهِ كَمَا كَبَّرَ عِنْدَ افْتِتَاحِ الصَّلَاةِ، ثُمَّ يَصْنَعُ ذَلِكَ فِي بَقِيَّةِ صَلاَتِهِ حَتَّى إِذَا كَانَتِ السَّجْدَةُ الَّتِي فِيهَا التَّسْلِيمُ أَخَّرَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى وَقَعَدَ مُتَوَرِّكًا عَلَى شِقِّهِ الأَيْسَرِ.

"Jika Rasulullah (s.a.w) telah berdiri dalam solatnya, baginda mengangkat kedua tangannya hingga mensejajarkan keduanya dengan kedua bahunya, lalu bertakbir hingga setiap anggota tubuhnya telah berdiri dengan tegak. Kemudian baginda membaca (al-Qur'an), lalu bertakbir dan mengangkat kedua tangannya hingga mensejajarkan keduanya dengan kedua bahunya, lalu rukuk dan meletakkan kedua telapak tangannya pada kedua lututnya dan meluruskan (tulang belakangnya) tanpa mendongakkan kepala dan tanpa menundukkannya. Kemudian baginda mengangkat kepalanya dan membaca: "سمع الله لمن حمده" (Allah Maha Mendengar orang yang memuji-Nya) serta mengangkat kedua tangannya hingga mensejajarkan keduanya dengan kedua bahunya dalam keadaan i'tidal. Setelah itu baginda membaca: "الله أكبر" lalu menyungkur ke tanah (bersujud) dan menjauhkan kedua tangannya dari kedua sisi lambungnya. Kemudian baginda mengangkat kepalanya dan melipat telapak kaki kirinya, dan baginda selalu melekukkan ke bahagian dalam semua jari kedua telapak kakinya apabila hendak sujud, lalu baginda sujud. Selelah itu baginda membaca: "الله أكبر" seraya mengangkat kepalanya (dari sujud), lalu melipat kaki kirinya dan duduk di atasnya hingga semua angota tubuh kembali ke posisinya secara normal, dan baginda melakukan hal yang serupa dalam rakaat yang lain. Kemudian jika baginda berdiri dari rakaat kedua, maka bertakbirlah seraya mengangkat kedua tangannya hingga sejajar dengan kedua bahunya, sebagaimana apa yang telah baginda lakukan dalam pembukaan solat. Kemudian baginda melakukan hal tersebut pada rakaat solat yang berikutnya. Hingga apabila sampai pada rakaat yang di dalamnya terdapat salam, maka baginda mengeluarkan kaki yang sebelah kiri dan duduk tawarruk pada sisi kiri buntutnya."

"حَتَّى يُحَاذِيَ بِهِمَا مَنْكِبَيْهِ", ungkapan ini menunjukkan batas mengangkat kedua tangan, iaitu hingga sampai ke kedua bahu.

"وَيَضَعُ رَاحَتَيْهِ عَلَى رُكْبَتَيْهِ", meletakkan kedua telapak tangannya pada kedua lututnya ketika rukuk.

"وَلاَ يُصَوِّبُ رَأْسَهُ وَلاَ يُقْنِعُ", tidak menundukkan kepalanya dari tulang belakang ke arah bawah dan tidak pula mengangkatnya hingga kepala lebih tinggi dari tulang

belakang. Dengan erti kata lain, Nabi (s.a.w) meratakan tulang belakang dan kepalanya ketika sedang rukuk.

"فَيُجَافِي يَدَيْهِ عَنْ جَنْبَيْهِ", menjauhkan kedua siku dari kedua sisi lambung ketika sedang sujud.

"وَيَفْتَحُ أَصَابِعَ رِجْلَيْهِ", melemaskan dan melipatnya. Dengan erti kata lain, baginda menjadikan bahagian dalam jari jemari kakinya ke tanah dan menghadapkan hujung-hujung jarinya ke arah kiblat.

"ثُمَّ يَصْنَعُ فِي ٱلأُخْرَى مِثْلَ ذَلِكَ", kemudian dalam rakaat kedua baginda melakukan hal yang sama seperti yang telah baginda lakukan dalam rakaat pertama.

"أَخَّرَ رِجْلَهُ الْيُسْرَى", mengeluarkan kaki yang sebelah kiri dari bawah tempat duduknya ke sebelah kanan.

"وَقَعَدَ مُتَوَرِّكًا", duduk dengan berlandaskan pada sisi kiri buntutnya ke tanah.

"نَحْوُ حَدِيثِ ابْنِ عُمَرَ", serupa dengan hadis Ibn Umar.

"حَتَّى يُحَاذِيَ بِهِمَا فُرُوعَ أُذُنَيْهِ", hingga kedua telapak tangannya sejajar rata dengan hujung kedua telinganya. Hikmah bertakbir dengan cara sedemikian adalah mengagungkan perbuatan yang hendak dilakukan sekali gus mengetepikan dunia dan menghadap solat dengan sepenuh hati sebagai sarana bermunajat kepada Allah hingga perbuatannya itu sesuai dengan ucapan "الله أكبر" itu.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan mengangkat kedua tangan ketika melakukan takbiratul ihram, rukuk, mengangkat kepala dari rukuk dan berdiri daripada tasyahhud pertama seperti mana yang telah ditetapkan oleh hadis Ibn Umar menurut riwayat al-Bukhari disertai dengan tambahan yang disebutkan pada riwayat yang lain iaitu bacaan: "سمع الله لمن حمده" ketika mengangkat kepala daripada rukuk. Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad berkata: "Batasan mengangkat kedua tangan adalah sejajar dengan kedua bahu." Sedangkan Imam Abu Hanifah berkata: "Batasan mengangkat kedua tangan sampai sejajar dengan kedua telinga."
2. Menjauhkan kedua siku dari kedua sisi lambung ketika sedang sujud.
3. Disyariatkan meratakan kepala dengan tulang belakang ketika melakukan rukuk.
4. Disunatkan duduk di antara dua sujud dengan cara duduk iftirasy dan duduk dalam tasyahhud akhir dengan cara duduk tawarruk. Apa yang disunatkan ialah cara duduk, bukan duduknya itu sendiri, kerana perbuatan duduk itu sendiri merupakan rukun solat.

٢٢٢- عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّيْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى يَدِهِ الْيُسْرَى عَلَى صَدْرِهِ. أَخْرَجَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

222. Daripada Wa'il ibnu Hujr (r.a), beliau berkata: "Saya pernah solat bersama Rasulullah (s.a.w). Baginda meletakkan tangan kanannya di atas tangan kirinya pada dadanya." (Diriwayatkan oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri dalam solat telah ditetapkan oleh banyak hadis sahih, tetapi atsar dan riwayat saling berselisih antara satu sama lain berkaitan tempat meletakkan keduanya itu. Ada yang mengatakan mesti diletakkan di atas pusat, ada yang mengatakan di bawah pusar dan ada pula yang mengatakan di atas dada. Pembahasan masalah ini luas. Hikmah berbuat demikian adalah cara ini mampu menyelamatkan seseorang yang solat daripada melakukan perbuatan sia-sia sekali gus boleh membantunya untuk meningkatkan khusyuk kerana cara ini merupakan keadaan orang yang meminta-minta dengan penuh rasa rendah diri di hadapan Allah.

Analisis Lafaz

"أَخْرَجَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ", hadis ini disebut oleh Ibn Khuzaimah, namun Abu Dawud dan al-Nasai turut mengemukakannya dengan lafaz seperti berikut:

ثُمَّ وَضَعَ يَدَهُ الْيُمْنَى عَلَى ظَهْرِ كَفِّهِ الْيُسْرَى وَالرُّسْغِ عَلَى السَّاعِدِ.

"Kemudian baginda meletakkan telapak tangan yang sebelah kanan di atas belakang telapak kiri, dan pergelangan tangan kanannya di atas lengan tangan yang sebelah kiri."

Al-Nawawi berkata: "Hendaklah kedua tangan itu diletakkan di bawah dada, tetapi di atas pusat." Begitu pula menurut pendapat jumhur ulama.

"يَدَهُ الْيُمْنَى", bahagian dalam tangan yang sebelah kanan.

"الرُّسْغِ", pergelangan tangan.

Fiqh Hadis

Disyariatkan meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri pada dada ketika berdiri dalam solat. Inilah pendapat jumhur ulama. Sedangkan menurut Imam Malik, disyariatkan melepaskan kedua tangan berjuntai ke bawah. Ini merupakan pendapat masyhur di kalangan Mazhab Maliki daripada Ibn al-Qasim.

Periwayat Hadis

Wa'il ibn Hujr ibn Sa'd ibn Masruq ibn Wa'il ibn Dhamih al-Hadhrami telah meriwayatkan daripada Nabi (s.a.w). Isterinya yang bernama Ummu Yahya telah mengambil riwayat daripadanya, begitu pula kedua anak lelakinya, iaitu 'Alqamah dan Abdul Jabbar. Selain mereka ialah Kulaib ibn Hisyam dan Abu Jarir.

Abu Nu'aim berkata: "Wa'il datang kepada Nabi (s.a.w) lalu baginda mempelawanya turun dari kenderaan dan menaikkannya ke atas minbarnya serta memberinya sekumpulan haiwan ternakan dan menuliskan suatu perjanjian untuknya. Baginda bersabda: "Ini adalah Wa'il ibn Hujr, pemimpin kabilah. Dia

datang kepada kamu kerana cinta kepada Allah dan Rasul-Nya." Nabi (s.a.w) memberitakan kedatangannya sebelum Wa'il ibn Hujr itu tiba. Beliau meninggal dunia pada masa pemerintahan Mu'awiyah.

٢٢٣- عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ صَلاَةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِأُمِّ الْقُرْآنِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِإِبْنِ حِبَّانَ وَالدَّارَقُطْنِيِّ: "لاَ تُجْزِئُ صَلاَةٌ لاَ يُقْرَأُ فِيهَا بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ".

وَفِي أُخْرَى لِأَحْمَدَ وَأَبِي دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيِّ وَابْنِ حِبَّانَ: "لَعَلَّكُمْ تَقْرَءُونَ خَلْفَ إِمَامِكُمْ؟" قُلْنَا: نَعَمْ. قَالَ: "لاَ تَفْعَلُوا إِلاَّ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ، فَإِنَّهُ لاَ صَلاَةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِهَا".

223. Daripada 'Ubadah ibn al-Shamit (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Tidak ada solat bagi orang yang tidak membaca Ummu al-Qur'an.*" (Muttafaq 'alaih)

Di dalam riwayat lain yang disebut oleh Ibn Hibban dan al-Daruquthni: "*Tidak cukup solat yang di dalamnya tidak dibacakan Fatihah al-Kitab (Surah al-Fatihah).*"

Di dalam riwayat lain yang disebut oleh Imam Ahmad, Abu Dawud, al-Tirmizi dan Ibn Hibban disebutkan seperti berikut: "*Barangkali kamu membaca al-Qur'an di belakang imam kamu?" Kami menjawab: "Ya." Nabi (s.a.w) bersabda: "Jangan kamu membaca kecuali Surah al-Fatihah, kerana sesungguhnya tidak ada solat bagi orang yang tidak membacanya.*"

Makna Hadis

Membaca Surah al-Fatihah di dalam solat, sama ada dalam solat *sirriyah* ataupun solat *jahriyyah*, solat fardu mahupun solat sunat, merupakan salah satu rukun solat seperti mana yang telah ditegaskan oleh beberapa hadis yang jumlah teramat banyak. Inilah pendapat Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad berkenaan dengan solat seseorang yang bersendirian dan bagi imam. Ini ditegaskan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Hibban dan al-Daruquthni yang menunjukkan ketiadaan solat, kerana solat yang sudah dinafikan kesahihannya tidak termasuk solat yang disyariatkan. Di samping itu, Nabi (s.a.w) ketika mengetahui Khallad ibn Rafi' yang melakukan solat tidak sempurna, baginda segera menyuruhnya membaca Ummu al-Kitab dan bersabda kepadanya: "Kemudian lakukanlah hal yang serupa dalam semua solatmu itu." Nabi (s.a.w) membaca Surah al-Fatihah dalam setiap rakaat dan baginda bersabda:

صَلُّوْا كَمَا رَأَيْتُمُوْنِي أُصَلِّي.

"*Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku solat!*"

Nabi (s.a.w) melarang makmum membaca selain Fatihah al-Kitab. Ini merupakan ikatan yang men-*takhsis* makna umum yang terdapat di dalam perintah supaya berdiam bagi makmum.

Analisis Lafaz

"لاَ صَلاَةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِأُمِّ الْقُرْآنِ", meniadakan solat yang dibenarkan oleh syariat bagi orang yang tidak membaca Surah al-Fatihah di dalam solatnya. Dikatakan demikian kerana solat itu terdiri daripada rukun ucapan dan rukun pekerjaan. Jika salah satu daripada rukun itu tidak dilaksanakan, maka solatnya tidak sah. Surah al-Fatihah dinamakan "Ummu al-Kitab" kerana di dalamnya mengandungi semua makna yang terdapat di dalam al-Qur'an berupa pujian kepada Allah (s.w.t) dengan sanjungan dan pujian yang layak bagi kebesaran dan keagungan-Nya, beribadah dengan mengerjakan perintah dan menjauhi larangan serta mengerjakan apa yang dijanjikan dan menghindari apa yang dilarang. Di samping itu, Surah al-Fatihah mengandungi perihal tentang kehidupan dan apa yang akan terjadi pada hari kemudian, pujian kepada orang yang mendapat petunjuk dan celaan terhadap orang yang sesat, dan sebagainya.

"لاَ تُجْزِئُ صَلاَةٌ", peniadaan ini ditujukan kepada hukum sah. Jadi, sesuatu yang tidak memadai atau tidak sah tidak disebut solat yang diperakui oleh syariat.

"وَفِي أُخْرَى", dan dalam riwayat lain, yakni selain riwayat 'Ubadah ibn al-Shamit.

"لاَ تَفْعَلُوا إِلاَّ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ", jangan kamu membaca suatu apa pun dari al-Qur'an di belakang imam selain Surah al-Fatihah. Ini berlaku pada solat *jahriyyah* kerana berlandaskan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad melalui 'Ubadah bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda:

لاَ يَقْرَأَنَّ أَحَدٌ مِنْكُمْ شَيْئًا مِنَ الْقُرْآنِ إِذَا جَهَرْتُ بِالْقِرَاءَةِ إِلاَّ بِأُمِّ الْقُرْآنِ.

"*Jangan sekali-kali seseorang di antara kamu membaca sesuatu dari al-Qur'an apabila aku telah menguatkan suara bacaanku selain membaca Ummu al-Qur'an (Surah al-Fatihah).*"

Di sini dapat diambil satu kesimpulan bahawa dalam solat *sirriyyah*, makmum membaca Ummu al-Qur'an dan surah-surah yang lain sesudahnya, sedangkan dalam solat *jahriyyah*, makmum hanya membaca Surah al-Fatihah.

"فَإِنَّهُ لاَ صَلاَةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِهَا", kalimat ini merupakan alasan mengapa Surah al-Fatihah dikecualikan daripada larangan tersebut. Ini menegaskan bahawa makmum dan selainnya wajib membaca Surah al-Fatihah dalam setiap rakaat solat, sama ada dalam solat *sirriyyah* mahupun solat *jahriyyah*. Demikian menurut pendapat jumhur ulama, sedangkan Imam al-Syafi'i berpendapat bahawa kewajipan membaca Surah al-Fatihah gugur bagi orang yang sempat menjumpai imam dalam keadan rukuk. Mereka menguatkan pendapatnya dengan berdalil kepada hadis orang yang melakukan solatnya dengan cara tidak sempurna, iaitu ketika Rasulullah (s.a.w) mengajarkan kepadanya pada rakaat pertama dengan bersabda: "Kemudian kerjakan hal yang serupa dalam setiap solatmu itu."

Imam Abu Hanifah berkata: "Makmum tidak perlu membaca Surah al-Fatihah dalam solat *jahriyyah* dan solat *sirriyyah*." Beliau menguatkan pendapatnya dengan satu hadis yang diriwayatkan oleh al-Daruquthni melalui Abdullah ibn Syaddad bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda:

مَنْ كَانَ لَهُ إِمَامٌ فَقِرَاءَةُ الإِمَامِ لَهُ قِرَاءَةٌ.

“*Barang siapa yang berimam, maka bacaan imamnya sudah mewakili bacaannya.*” (Tetapi sanad hadis ini dha’if)

Fiqh Hadis

Wajib membaca Surah al-Fatihah. Surah al-Fatihah merupakan salah satu rukun solat. Demikian menurut pendapat jumhur ulama, sedangkan Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa Surah al-Fatihah tidak termasuk salah satu rukun solat, sebaliknya rukun berkaitan bacaan di sini ialah membaca al-Qur’an secara mutlak dan ini sudah memadai.

Periwayat Hadis

Ubadah ibn al-Shamit ibn Qais al-Khazraji, nama panggilannya adalah Abu al-Walid. Beliau menyertai perjanjian al-‘Aqabah Pertama dan Kedua, perang Badar dan peperangan yang lain. Beliau salah seorang sahabat yang berwibawa. Mahmud al-Rabi’ dan Abu Idris al-Khaulani telah mengambil riwayat hadis daripadanya. Beliau termasuk salah seorang yang menghimpun al-Qur’an pada zaman Nabi (s.a.w). Khalifah ‘Umar memberinya tugasan sebagai kadi di negeri Syam sekali gus sebagai guru agama. Beliau kemudian tinggal di Himsha dan setelah itu pindah ke Palestin hingga meninggal dunia di Ramallah pada tahun 34 Hijriah dalam usia 77 tahun.

٢٢٤- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبَا بَكْرٍ وَعُمَرَ كَانُوا يَفْتَتِحُونَ الصَّلاَةَ بِـ (الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ). مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

زَادَ مُسْلِمٌ: "لاَ يَذْكُرُونَ: (بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) فِي أَوَّلِ قِرَاءَةٍ وَلاَ فِي آخِرِهَا". وَفِي رِوَايَةٍ لِأَحْمَدَ وَالنَّسَائِيِّ وَابْنِ خُزَيْمَةَ: "لاَ يَجْهَرُونَ بِبِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ". وَفِي أُخْرَى لِإِبْنِ خُزَيْمَةَ: كَانُوا يُسِرُّونَ . وَعَلَى هَذَا يُحْمَلُ النَّفْيُ فِي رِوَايَةِ مُسْلِمٍ خِلَافًا لِمَنْ أَعَلَّهَا.

224. Daripada Anas (r.a) bahawa “Nabi (s.a.w) dan Abu Bakar serta Umar membuka solatnya dengan membaca “الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ”.” (Muttafaq ‘alaih)

Di dalam riwayat Muslim ditambahkan: “Mereka tidak menyebut “ بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ” pada permulaan Surah al-Fatihah dan tidak pula pada akhirnya.” Di dalam riwayat yang disebut oleh Imam Ahmad, al-Nasa’i dan Ibn Khuzaimah disebutkan: “Mereka tidak menguatkan suara ketika membaca “بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ”.” Di dalam riwayat lain oleh Ibn Khuzaimah disebutkan: “Mereka membacanya dengan suara tidak kuat.”

Dari sini, tidak membaca basmalah pada permulaan Surah al-Fatihah ada pada riwayat Muslim, namun berbeza dengan pendapat orang yang menilai hadisnya mempunyai kecatatan.

Makna Hadis

Basmalah adalah sebahagian daripada ayat al-Qur'an di dalam Surah al-Naml, menurut ijmak ulama. Tetapi mereka berselisih pendapat mengenai basmalah pada permulaan Surah al-Fatihah sama ada ia termasuk salah satu ayat daripadanya kerana ia ditulis dalam mushaf dan mereka tidaklah menulis basmalah di dalam mushaf melainkan ia termasuk sebahagian daripada al-Qur'an ataupun basmalah tidak termasuk sebahagian ayat daripada al-Fatihah, kerana disebutkan pada permulaannya hanya semata-mata untuk ber-*tabarruk*, sebagaimana ia disebutkan pada setiap permulaan surah untuk memisahkan antara satu surah dengan surah yang lain.

Hadis Anas (r.a) menegaskan bahawa apa yang mereka maksudkan ialah tidak membaca basmalah dengan suara kuat atau meniadakan bacaan basmalah lantaran bacaan itu tidak termasuk daripada salah satu dari ayat Surah al-Fatihah. Apapun, hadis Anas (r.a) ini dinilai *mudhtharib*. Buktinya, Nabi (s.a.w) ada ketikanya ketika di dalam solat membaca basmalah dengan suara kuat dan ada ketikanya pula dengan suara tidak kuat. Baginda membacanya dengan suara kuat dalam solat *jahriyyah* dan membaca dengan suara tidak kuat dalam solat *sirriyyah*. Tetapi adakalanya baginda membacanya dengan tidak kuat dalam solat *jahriyyah* untuk menjelaskan bahawa itu boleh dilakukan.

Dengan cara demikian, hadis-hadis dalam masalah ini yang seakan bercanggah antara satu sama lain dapat digabungkan pemahamannya. Ulama membahas masalah ini dengan panjang lebar, malah ada pula di antara mereka yang menulis secara khusus masalah ini.

Analisis Lafaz

"كَانُوا يَفْتَتِحُونَ الصَّلاَةَ بِـ (الْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ)", mereka memulakan bacaan Surah al-Fatihah dengan terus membaca "الْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ" dalam solat mereka. Ini menunjukkan Nabi (s.a.w) dan sahabat ketika itu tidak memulakan bacaan mereka dengan basmalah. Sekumpulan ulama ada yang berpegang dengan makna zahir hadis ini.

"زَادَ مُسْلِمٌ: لاَ يَذْكُرُونَ: (بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) فِي أَوَّلِ قِرَاءَةٍ وَلاَ فِي آخِرِهَا", di dalam riwayat Muslim ditambahkan bahawa mereka tidak membaca "بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ" dalam permulaan bacaan dan tidak pula di akhir bacaannya. Ungkapan Muslim ini terlampau berlebihan untuk meniadakan bacaan basmalah, kerana di akhir Surah al-Fatihah sememangnya tidak ada basmalah.

"وَفِي رِوَايَةٍ", dan di dalam riwayat yang lain juga melalui Anas (r.a).

"لاَ يَجْهَرُونَ", mereka tidak menguatkan bacaan basmalah. Dari riwayat ini dapat disimpulkan bahawa mereka membaca basmalah namun dengan suara tidak kuat seperti mana telah dijelaskan oleh riwayat yang lain.

"وَعَلَى هَذَا", berdasarkan ini, yakni mereka membaca basmalah dengan suara tidak kuat.

"يُحْمَلُ النَّفْيُ فِي رِوَايَةِ مُسْلِمٍ", meniadakan bacaan ada di dalam riwayat Muslim, sebab beliau mengatakan bahawa mereka tidak menyebutnya, yakni tidak membaca basmalah dengan suara kuat.

"خِلاَفًا لِمَنْ أَعَلَّهَا", lain halnya dengan pendapat ulama yang menganggap hadis ini cacat kerana Muslim telah menambahkannya. Cacat hadis ini ialah al-Auza'i telah meriwayatkan tambahan ini daripada Qatadah menerusi surat.

Fiqh Hadis

Basmalah dalam solat tidak dibaca dengan suara kuat. Inilah pendapat Imam Ahmad dan Imam Abu Hanifah. Tetapi Imam al-Syafi'i mengkhususkan hanya dalam solat-solat fardu yang dikerjakan pada waktu siang hari, kerana solat fardu siang hari adalah solat *sirriyyah*.

٢٢٥- عَنْ نُعَيْمٍ الْمُجَمِّرِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّيْتُ وَرَاءَ أَبِي هُرَيْرَةَ فَقَرَأَ: (بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ). ثُمَّ قَرَأَ بِأُمِّ الْقُرْآنِ، حَتَّى إِذَا بَلَغَ: (وَلَا الضَّالِّينَ)، قَالَ: "آمِينَ" وَيَقُولُ كُلَّمَا سَجَدَ، وَإِذَا قَامَ مِنَ الْجُلُوسِ: اَللهُ أَكْبَرُ. ثُمَّ يَقُولُ إِذَا سَلَّمَ: وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ إِنِّي لَأَشْبَهُكُمْ صَلاَةً بِرَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَابْنُ خُزَيْمَةَ.

225. Daripada Nu'aim al-Mujammir (r.a), beliau berkata: "Saya solat di belakang Abu Hurairah (r.a), lalu beliau membaca "بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ". Setelah itu, beliau membaca Ummu al-Qur'an. Ketika bacaan sampai pada "وَلاَ الضَّالِّينَ", beliau mengucapkan "آمِينَ." Beliau sentiasa membaca "اللهُ أَكْبَرُ" setiap kali sujud dan ketika berdiri dari duduk. Kemudian setelah mengucapkan salam, beliau berkata: "Demi Tuhan yang jiwaku berada di dalam genggaman kekuasaan-Nya, sesungguhnya aku benar-benar mencontohi solat Rasulullah (s.a.w) kepada kamu." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) adakalanya membaca basmalah ketika dalam solat dengan suara kuat dan adakalanya pula dengan suara tidak kuat. Dalam solat *jahriyyah*, baginda membacanya dengan suara kuat, sedangkan dalam solat *sirriyyah*, baginda membacanya dengan tidak kuat. Tetapi adakalanya baginda membacanya dengan suara tidak kuat dalam solat *jahriyyah* untuk menjelaskan bahawa itu boleh dilakukan. Dengan ini, riwayat yang meniadakan bacaan basmalah dan riwayat yang menyuruh membacanya dapat digabungkan.

Antara Sunnah Nabi (s.a.w) adalah membaca amin dalam solat *jahriyyah* sebaik selesai membaca Surah al-Fatihah dan membaca takbir dalam setiap perpindahan satu rukun ke rukun yang lain kecuali ketika mengangkat kepala dari rukuk. Bacaan ketika bangkit daripada rukuk adalah "سمع الله لمن حمده".

Analisis Lafaz

"بِأُمِّ الْقُرْآنِ", dengan Surah al-Fatihah, yakni membaca Surah al-Fatihah.

"بَلَغَ", sampai bacaannya pada kalimat "وَلاَ الضَّالِّينَ".

“آمِينَ”, isim *fi’il amar* yang maknanya ‘perkenankanlah doa kami’. Lafaz “آمِينَ” *mabni* atas baris fathah. Maksudnya adalah janganlah Engkau hampakan harapan kami kerana tidak seorang pun yang dapat melakukan itu kecuali hanya Engkau.

“كُلَّمَا سَجَدَ”, yakni dalam sujud pertama dan sujud kedua.

“وَإِذَا قَامَ مِنَ الْجُلُوسِ”, ketika bangkit daripada duduk. Maksudnya, duduk melakukan tasyahhud pertama.

“ثُمَّ يَقُولُ”, kemudian Abu Hurairah berkata.

“إِذَا سَلَّمَ”, apabila telah salam.

“وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ”, kalimat ini merupakan sebahagian daripada hadis sifat yang di dalamnya disebutkan sifat tangan bagi Allah tanpa *tasybih*, *ta’wil*, *tamtsil* dan *ta’thil*. Ini menurut mazhab ulama salaf, sedangkan menurut mazhab ulama khalaf diertikan sebagai “kekuasaan”.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan bagi imam membaca amin dengan suara kuat. Inilah pendapat Imam al-Syafi’i dan Imam Ahmad. Sedangkan menurut Imam Abu Hanifah, imam membaca amin dengan suara tidak kuat, kerana bacaan amin tidak lain kecuali sebagai tambahan doa dan oleh kerananya, inti doa lebih utama dari itu. Tetapi riwayat Imam Malik mengenai membaca amin dalam solat *jahriyyah* masih wujud perselisihan pendapat. Ulama Mesir meriwayatkan daripada Imam Malik, tidak ada bacaan amin dalam solat *jahriyyah*, kerana imam adalah orang yang berdoa sedangkan membaca amin hanya disunatkan ke atas orang yang tidak membaca doa. Tetapi diriwayatkan pula daripada Imam Malik bahawa hendaklah imam membaca amin dengan suara tidak kuat. Apapun, mereka tidak berselisih pendapat dalam solat *sirriyyah* di mana imam dikehendaki membaca amin dengan suara tidak kuat. Makmum pula hendaklah menguatkan suara bacaan amin dalam solat *jahriyyah* dan tidak menguatkan suara dalam solat *sirriyyah*. Inilah pendapat Imam al-Syafi’i dan Imam Ahmad. Imam Malik mengatakan bahawa makmum membaca amin dengan suara tidak kuat dalam keadaan apa jua sekalipun, sama ada dalam solat *jahriyyah* mahupun dalam solat *sirriyah*. Orang yang solat bersendirian pula sama hukumnya dengan makmum dalam masalah ini. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa makmum hendaklah membaca amin dengan suara tidak kuat, begitu pula dengan orang yang solat bersendirian.
2. Disyariatkan mengucapkan takbiratul intiqal ketika sujud, ketika bangkit dari kedua sujud, dan ketika bangkit dari tasyahhud pertama.
3. Boleh bersumpah tanpa disertai permintaan untuk mengukuhkan perkara.
4. Ulama berbeza pendapat mengenai hukum membaca basmalah dengan suara kuat. Di sini ada beberapa pendapat. Imam al-Syafi’i mengatakan bahawa disunatkan membaca basmalah dengan suara yang kuat dalam solat *jahriyyah*, dan dengan suara tidak kuat dalam solat *sirriyyah*. Beliau mengatakan bahawa basmalah merupakan salah satu daripada Surah al-Fatihah. Seluruh ulama bersepakat bahawa basmalah di dalam Surah al-Naml merupakan sebahagian

daripadanya, tanpa ada ulama yang mempertikaikannya, meskipun mereka berselisih pendapat dalam surah yang lain. Pendapat yang paling sahih menurut Imam al-Syafi'i adalah basmalah merupakan sebahagian daripada setiap surah. Beliau menguatkan pendapatnya dengan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Khuzaimah melalui Ummu Salamah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) membaca "بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ" ketika dalam solat dan baginda mengganggapnya sebagai satu ayat (daripada al-Fatihah). Para sahabat telah pun bersepakat untuk menetapkannya dalam mushaf pada setiap permulaan surah kecuali pada permulaan Surah al-Baraah, yakni Surah al-Taubah. Imam Malik mengatakan bahawa basmalah tidak perlu dibaca dalam solat fardu sama ada solat *sirriyyah* mahupun solat *jahriyyah*, kerana basmalah tidak termasuk salah satu ayat daripada al-Qur'an, sama ada pada permulaan Surah al-Fatihah mahupun pada permulaan surah yang selainnya kecuali Surah al-Naml, kerana di dalam Surah al-Naml basmalah merupakan salah satu daripada ayatnya. Di dalam solat sunat, seseorang dibolehkan memilih sama ada membacanya atau sebaliknya. Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad mengatakan bahawa disunatkan membaca basmalah dengan suara tidak kuat, bukan dengan suara kuat dalam solat *sirriyyah* dan *jahriyyah*. Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad mengatakan bahawa basmalah merupakan ayat tersendiri dari al-Qur'an. Ia diturunkan untuk memohon keberkatan dan sebagai pemisah di antara satu surah dengan surah yang lain, tetapi ia tidak termasuk salah satu daripada ayat Surah al-Fatihah dan juga surah-surah yang lain. Pada mulanya Rasulullah (s.a.w) tidak tahu apa yang patut dijadikan pemisah di antara satu surah dengan surah yang sebelum diturunkan kepadanya basmalah: "بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ". Ini merupakan ketetapan yang menegaskan bahawa basmalah diturunkan untuk memisahkan antara satu surah dengan yang lain, dan basmalah tidak termasuk sebagai ayat permulaan bagi setiap surah. Kedua-dua ulama ini menguatkan pendapatnya dengan hadis yang diriwayatkan oleh Muslim melalui Anas (r.a):

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبَا بَكْرٍ وَعُمَرَ كَانُوا يَفْتَتِحُونَ الصَّلاَةَ بِـ "الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ"، لاَ يَذْكُرُونَ: "بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ" فِي أَوَّلِ قِرَاءَةٍ وَلاَ فِي آخِرِهَا.

"Nabi (s.a.w) dan Abu Bakar serta Umar memulakan solat dengan bacaan "الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ". Mereka tidak membaca "بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ", sama ada pada permulaan bacaan mahupun di akhir bacaan."

Periwayat Hadis

Nu'aim al-Mujammir, nama panggilannya ialah Abu Abdullah al-Madani, mawla Umar ibn al-Khatthab (r.a). beliau mendengar hadis daripada Abu Hurairah (r.a) dan sahabat-sahabat yang lain. Beliau diberi gelaran "al-Mujammir" kerana beliau bertugas sebagai orang yang mewangikan masjid Rasulullah (s.a.w) dengan dupa. Al-Mujammar adalah gelaran bagi ayahnya yang bernama Abdullah, dan gelaran

digunakan oleh Nu'aim secara majaz. Inilah menurut keterangan dalam Shahih Muslim. Abu Hatim menilainya sebagai *tsiqah*.

٢٢٦- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا قَرَأْتُمُ الْفَاتِحَةِ فَاقْرَءُوا: (بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ)، فَإِنَّهَا إِحْدَى آيَاتِهَا". رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ، وَصَوَّبَ وَقْفَهُ.

226. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: *"Jika kamu hendak membaca Surah al-Fatihah, maka bacalah " بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ", kerana sesungguhnya basmalah itu adalah salah satu daripada ayatnya."* (Diriwayatkan oleh al-Daruquthni dan membenarkannya sebagai mawquf)

Makna Hadis

Hadis ini menunjukkan bahawa basmalah merupakan sebahagian ayat daripada Surah al-Fatihah, namun hadis ini mawquf.

Fiqh Hadis

Basmalah dalam solat dibaca dengan suara kuat dan basmalah merupakan salah satu ayat dari Surah al-Fatihah.

٢٢٧- وَعَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا فَرَغَ مِنْ قِرَاءَةِ أُمِّ الْقُرْآنِ رَفَعَ صَوْتَهُ وَقَالَ: "آمِينَ". رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَحَسَّنَهُ، وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ. وَلأَبِي دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيِّ مِنْ حَدِيثِ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ نَحْوُهُ.

227. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) apabila telah selesai membaca Ummu al-Qur'an, baginda membaca "Amin" dengan suara kuat." (Diriwayatkan oleh al-Daraquthni dan menilainya sebagai hasan. Al-Hakim turut meriwayatkan hadis ini dan menilainya sebagai sahih). Abu Dawud dan al-Tirmizi turut menyebut hadis yang sama, tetapi melalui Wa'il ibn Hujr.

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) menegaskan bahawa Surah al-Fatihah memiliki penutup yang dengannya baginda bertadharru' memohon kepada Allah seraya mengagungkan-Nya, iaitu dengan membaca lafaz "Amin". Lafaz "Amin" merupakan *isim fi'il amar* yang di*mabni*kan. Maksudnya adalah: "Ya Allah, perkenankan doa kami." Antara keistimewaan membaca "Amin" adalah sesiapa yang bacaan aminnya bertepatan dengan bacaan amin para malaikat, maka diampuni dosa-dosanya yang terdahulu.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Abu Hurairah (r.a), yakni sama dengan hadis sebelumnya.

"إِذَا فَرَغَ", apabila telah selesai membaca Surah al-Fatihah.

"آمِينَ", ya Allah perkenankan doa kami.

"نَحْوُهُ", sama dengan hadis Abu Hurairah yang lafaznya seperti mana dalam kitab al-Sunan adalah:

إِذَا قَرَأَ ٱلْإِمَامُ وَلاَ الضَّالِيْنَ قَالَ آمِيْنَ وَرَفَعَ بِهَا صَوْتَهُ.

"*Jika imam membaca "وَلاَ الضَّالِيْنَ", maka dia hendaklah membaca Amin sambil menguatkan suaranya.*"

Fiqh Hadis

Imam solat disyariatkan membaca amin. Huraian mengenainya telah disebutkan sebelum ini fiqh hadis no. 225.

٢٢٨- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ أَبِي أَوْفَى رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنِّي لاَ أَسْتَطِيعُ أَنْ آخُذَ مِنَ الْقُرْآنِ شَيْئًا، فَعَلِّمْنِي مَا يُجْزِئُنِي مِنْهُ. قَالَ: "سُبْحَانَ اللهِ، وَالْحَمْدُ لِلهِ، وَلاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ، وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ..." الْحَدِيثَ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالدَّارَقُطْنِيُّ وَالْحَاكِمُ.

228. Daripada Abdullah ibn Abu Aufa (r.a), beliau berkata: "Seorang lelaki datang kepada Nabi (s.a.w), lalu dia berkata: "Sesungguhnya aku tidak mampu menghafal sedikit pun al-Qur'an. Maka ajarkan kepadaku bacaan yang dapat menggantikan bacaan al-Qur'an itu." Mendengar itu, Nabi (s.a.w) bersabda: "Bacalah: " سُبْحَانَ اللهِ، وَالْحَمْدُ لِلهِ، وَلاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَاللهُ أَكْبَرُ، وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ" (Maha Suci Allah, segala puji bagi Allah, tidak ada Tuhan selain Allah, Allah Maha Besar. Tidak ada daya dan tidak ada kekuatan kecuali dengan pertolongan Allah Yang Maha Agung) hingga akhir." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Nasa'i. Hadis ini dinilai sahih oleh Ibn Hibban, al-Daruquthni dan al-Hakim)

Makna Hadis

Membaca Surah al-Fatihah merupakan salah satu rukun solat yang wajib dipelajari bagi setiap orang yang baru masuk Islam supaya dia dapat membacanya ketika dalam solat. Barang siapa yang masuk Islam lalu dia tidak menemukan seseorang pun yang mengajarkannya membaca Surah al-Fatihah atau waktunya terlampau suntuk hingga tidak sempat belajar Surah al-Fatihah, maka Surah al-Fatihah boleh digantikan dengan membaca zikir, tasbih, tahmid dan tahlil bagi membolehkannya mengerjakan solat tepat pada waktunya. Setelah itu, dia mesti belajar membaca al-Fatihah untuk solat-solat yang akan datang, sekalipun dia terpaksa bermusafir ke negeri lain jika dia mempunyai bekalan.

Analisis Lafaz

"الْحَدِيثَ", hingga akhir hadis. Lanjutan hadis ini ialah seperti berikut:

قَالَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ! هَذَا ِللهِ -عَزَّ وَجَلَّ- فَمَا لِيَ؟ قَالَ : قُلْ: اللَّهُمَّ ارْحَمْنِي وَارْزُقْنِي، وَعَافِنِي، وَاهْدِنِي. فَلَمَّا قَامَ قَالَ هَكَذَا بِيَدِهِ. فَقَالَ رَسُوْلَ اللهِ -صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- : أَمَّا هَذَا فَقَدْ مَلأَ يَدَيْهِ مِنَ الْخَيْرِ".

"Lelaki itu berkata: "Wahai Rasulullah, doa ini untuk Allah, lalu mana untuk diriku?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Bacalah: "اللَّهُمَّ ارْحَمْنِي وَارْزُقْنِي، وَعَافِنِي، وَاهْدِنِي" (Ya Allah, rahmatilah daku, berilah daku rezeki, sihatkan diriku, dan berilah aku petunjuk)." Ketika lelaki itu berdiri (meninggalkan Nabi (s.a.w), dia mengisyaratkan dengan kedua tangannya seperti ini, lalu dia menggenggam keduanya, lalu Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Orang ini telah memenuhi kedua tangannya dengan amal kebaikan."

"أَنْ آخُذَ مِنَ الْقُرْآنِ شَيْئًا", aku tidak mampu menghafal walau sedikit pun al-Qur'an kerana waktu solat sudah suntuk atau kerana proses menghafalnya teramat buruk.

"فَعَلِّمْنِي مَا يُجْزِئُنِي مِنْهُ", maka ajarkan kepadaku sesuatu yang mencukupkan diriku sebagai pengganti membaca al-Qur'an dalam solatku.

"قَالَ", lelaki itu berkata.

"هَذَا ِللهِ", kalimat pertama tersebut khusus untuk mengagungkan Allah (s.w.t) dan memuji-Nya.

"فَمَا لِيَ", maka apakah yang mesti aku baca yang manfaatnya untuk diriku?

"هَكَذَا بِيَدِهِ", lelaki itu mengisyaratkan dengan kedua tangannya seraya menggenggamnya sebagai isyarat dia telah hafal apa yang telah Rasulullah (s.a.w) ajarkan kepadanya. Dia telah menguasainya dan tidak sekali-kali melupakannya. Kemudian Rasulullah (s.a.w) bersabda sebagai jawapan terhadap isyarat lelaki itu: "Orang ini benar-benar telah memenuhi kedua tangannya dengan amal kebaikan."

Fiqh Hadis

Barang siapa yang tidak mampu membaca al-Fatihah ketika dalam solat, kerana waktu yang terlampau suntuk atau tidak ada orang lain yang mahu mengajarkannya, maka dia boleh membaca penggantinya berupa zikir seperti mana yang telah disebutkan di dalam hadis ini.

Periwayat Hadis

Abdullah ibn Abu Aufa, nama aslinya adalah 'Alqamah ibn Khalid al-Aslami, sedangkan nama panggilannya adalah Abu Ibrahim, seorang sahabat dan anak kepada seorang sahabat. Beliau turut serta dalam perang al-Hudaibiyyah, perang Khaibar dan peperangan yang lain setelah itu. Beliau telah meriwayatkan 95 hadis, dan al-A'masy serta Amr ibn Murrah telah mengambil riwayat daripadanya. Beliau tetap tinggal di Madinah hingga Rasulullah (s.a.w) wafat, lalu setelah itu beliau berpindah ke Kufah dan meninggal dunia di kota itu pada tahun 86 Hijriah. Beliau adalah orang terakhir yang meninggal dunia di Kufah dari kalangan sahabat.

٢٢٩- عَنْ أَبِي قَتَادَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي بِنَا، فَيَقْرَأُ فِي الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ - فِي الرَّكْعَتَيْنِ ٱلأُولَيَيْنِ - بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ وَسُورَتَيْنِ، وَيُسْمِعُنَا ٱلآيَةَ أَحْيَانًا، وَيُطَوِّلُ الرَّكْعَةَ ٱلأُولَى، وَيَقْرَأُ فِي ٱلأُخْرَيَيْنِ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

229. Daripada Abu Qatadah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) solat bersama kami lalu ketika mengerjakan solat Zohor dan solat Asar -iaitu pada dua rakaat pertama- baginda membaca Fatihah al-Kitab dan dua surah yang (lain). Ada ketikanya baginda memperdengarkan kepada kami bacaan beberapa ayat dan memperpanjang rakaat pertama serta membaca Fatihah al-Kitab pada dua rakaat yang lain." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) memperpanjang waktu bacaan pada dua rakaat pertama dan rakaat pertama lebih panjang daripada rakaat kedua supaya orang ramai sempat berjamaah solat, kerana semangat dalam rakaat pertama lebih kuat daripada rakaat sesudahnya dan begitu pula dengan khusyuk pada rakaat pertama. Baginda sentiasa meringankan pelaksanaan solat selain dua rakaat pertama kerana dikhuatiri menyebabkan makmum merasa bosan dan jemu.

Antara Sunnah Nabi (s.a.w) ialah baginda mengkhususkan dua rakaat pertama dengan membaca surah selain daripada Surah al-Fatihah, sedangkan dua rakaat yang berikutnya tidak demikian. Rasulullah (s.a.w) ada ketikanya memperdengarkan satu atau dua ayat semasa mengerjakan solat *sirriyyah* kepada mereka untuk menjelaskan berapa kadar ayat yang dibacanya. Membaca surah dengan suara yang tidak kuat dalam solat *sirriyyah* bukanlah satu perkara yang wajib, malahan jika itu dilakukan, tidak menuntut seseorang supaya sujud sahwi dilakukan.

Analisis Lafaz

"فِي الرَّكْعَتَيْنِ ٱلأُولَيَيْنِ", dalam dua rakaat pertama.

"فَاتِحَةِ الْكِتَابِ", Surah al-Fatihah yang baginda baca dalam setiap rakaat.

"سُورَتَيْنِ", bentuk *tatsniyah* daripada perkataan surah yang ertinya sekumpulan ayat al-Qur'an yang mempunyai awal dan akhir, lalu diberi judul dengan nama tertentu. Maksudnya ialah Nabi (s.a.w) membaca satu surah dalam setiap rakaat pada dua rakaat pertama.

"يُسْمِعُنَا ٱلآيَةَ أَحْيَانًا", dalam sesetengah keadaan baginda menguatkan suara bacaan beberapa ayat dalam solat *sirriyyah*.

"يُطَوِّلُ الرَّكْعَةَ ٱلأُولَى", menjadikan bacaan surah dalam rakaat pertama jauh lebih panjang daripada bacaan surah dalam rakaaat kedua. Tujuannya ialah agar orang ramai sempat berjamaah bersamanya. Sebelum itu ditambahkan pula doa iftitah dan ta'awwudz.

"الْأُخْرَيَيْنِ", bentuk *tatsniyah* dari lafaz *ukhra* yang ertinya dua rakaat yang berikutnya, iaitu rakaat ketiga dan keempat.

Fiqh Hadis

1. Diwajibkan membaca Surah al-Fatihah ketika dalam solat.
2. Disyariatkan membaca surah sesudah membaca Surah al-Fatihah dalam dua rakaat pertama.
3. Disyariatkan memanjangkan bacaan surah dalam rakaat pertama yang kadarnya jauh lebih panjang daripada rakaat kedua.
4. Disyariatkan membaca Surah al-Fatihah dalam dua rakaat terakhir tanpa membaca surah yang selainnya.
5. Boleh menguatkan suara bacaan sebahagian ayat dalam solat *sirriyyah*.
6. Boleh mengutamakan zahir suatu keadaan dalam menyampaikan berita tanpa bergantung kepada keyakinan, sebab jalan untuk mengetahui bacaan surah dalam solat *sirriyyah* tidak lain mesti ditempuh dengan cara mendengarkan secara keseluruhannya. Suara bacaan itu dapat diketahui dengan yakin apabila dilakukan semasa mengerjakan solat *jahriyyah*. Jadi, pemberitaan ini seakan-akan diambil setelah mendengarkan sebahagian bacaan yang dengannya dapat disimpulkan bacaan lain kerana adanya tanda-tandanya.

٢٣٠- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنَّا نَحْزُرُ قِيَامَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ، فَحَزَرْنَا قِيَامَهُ فِي الرَّكْعَتَيْنِ الْأُولَيَيْنِ مِنْ الظُّهْرِ قَدْرَ: (الم تَنْزِيلُ) السَّجْدَةِ. وَفِي الْأُخْرَيَيْنِ قَدْرَ النِّصْفِ مِنْ ذَلِكَ. وَفِي الْأُولَيَيْنِ مِنَ الْعَصْرِ عَلَى قَدْرِ الْأُخْرَيَيْنِ مِنَ الظُّهْرِ، وَالْأُخْرَيَيْنِ عَلَى النِّصْفِ مِنْ ذَلِكَ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

230. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: "Kami pernah memperkirakan waktu berdiri Rasulullah (s.a.w) semasa mengerjakan solat Zohor dan solat Asar. Kami memperkirakan masa baginda berdiri pada dua rakaat pertama solat Zohor itu sama dengan membaca "الم تَنْزِيلُ" (Surah al-Sajdah), sedangkan lama waktu berdiri pada dua rakaat yang berikutnya sama dengan separoh waktu daripada dua rakaat pertama. Dalam dua rakaat pertama solat Asar sama dengan waktu lama dua rakaat yang kedua solat Zohor, dan dua rakaat terakhir daripadanya sama dengan separoh dua rakaat yang pertama." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Para sahabat adalah orang yang sentiasa bersemangat untuk menghafal Sunnah, menukil dan memastikannya untuk kemudian disampaikan kepada kaum muslimin yang lain. Oleh itu, mereka selalunya meneliti semua perbuatan dan perkataan Rasulullah (s.a.w). Mereka berjumlah tiga puluh orang, antara lain ialah Abu Sa'id al-Khudri. Beliau memperkirakan waktu solat Rasulullah (s.a.w), lalu

mereka menerangkan kadar lama berdiri Nabi (s.a.w) dalam setiap rakaat, begitu pula mengenai disiplin baginda semasa mengerjakan solat.

Memandangkan waktu Zohor adalah walau istirehat pada waktu siang hari, maka Rasulullah (s.a.w) memperpanjang bacaannya dalam solat tersebut dengan bacaan yang lebih panjang daripada solat Asar, supaya orang yang terlambat sempat berjemaah solat dengan baginda. Ketika mengerjakan solat Asar, baginda mempercepatkannya kerana solat Asar dikerjakan ketika orang sedang bekerja. Apa yang dikerjakan oleh Rasulullah (s.a.w) itu adalah menjadikan solat-solat yang dikerjakannya sebagai rahmat ke atasnya. Nabi (s.a.w) adalah seorang yang pengasih lagi penyayang. Baginda memperpanjang bacaan solatnya pada rakaat pertama dan mempercepatkannya pada rakaat kedua memandangkan keadaan yang paling bersemangat bagi orang yang sedang solat ialah pada permulaan solat. Keadaan ini sentiasa dilakukan dalam setiap solat.

Analisis Lafaz

"كُنَّا نَحْزُرُ", kami memperkirakan waktu. Ibn Majah menyebut satu riwayat bahawa mereka yang memperkirakan waktu solat Rasulullah (s.a.w) seramai tiga puluh orang sahabat.

"حَزَرْنَا قِيَامَهُ", kami memperkirakan masa berdirinya.

"(الم تَنْزِيلُ) السَّجْدَةِ", yakni Surah al-Sajdah yang berjumlah tiga puluh ayat. Hal ini dibaca pada setiap rakaat daripada dua rakaat pertama solat Zohor.

"قَدْرَ النِّصْفِ مِنْ ذَلِكَ", separoh daripada jumlah ayat Surah al-Sajdah, iaitu lima belas ayat pada setiap rakaat dan dua rakaat terakhir solat Zohor. Ini menunjukkan seakan-akan ada bacaan lain selain Surah al-Fatihah dalam dua rakaat yang terakhir.

Apapun, hadis Abu Qatadah yang telah disepakati oleh al-Bukhari dan Muslim kesahihannya menunjukkan Nabi (s.a.w) tidak membaca surah selain Surah al-Fatihah pada dua rakaat terakhir. Pendapat ini lebih kuat.

"وَفِي ٱلأُولَيَيْنِ مِنَ الْعَصْرِ عَلَى قَدْرِ ٱلأُخْرَيَيْنِ مِنْ الظُّهْرِ", yakni hanya selama lima belas ayat.

"وَٱلأُخْرَيَيْنِ عَلَى النِّصْفِ مِنْ ذَلِكَ", yakni sekitar lapan ayat.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan memperpanjang bacaan pada dua rakaat pertama solat Zohor dan Rasulullah (s.a.w) ada membaca ayat yang lain selain al-Fatihah pada dua rakaat yang berikutnya.
2. Disunatkan mempersingkat bacaan dalam solat Asar, dan menjadikan kadarnya separoh daripada bacaan solat Zohor.
3. Dibolehkan berpegang dengan prasangka dalam menyampaikan berita.

٢٣١- عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ يَسَارٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ فُلَانٌ يُطِيلُ الْأُولَيَيْنِ مِنْ الظُّهْرِ، وَيُخَفِّفُ الْعَصْرَ، وَيَقْرَأُ فِي الْمَغْرِبِ بِقِصَارِ الْمُفَصَّلِ وَفِي الْعِشَاءِ بِوَسَطِهِ وَفِي الصُّبْحِ بِطِوَالِهِ. فَقَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ: "مَا صَلَّيْتُ وَرَاءَ أَحَدٍ أَشْبَهَ صَلَاةً بِرَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ هَذَا. أَخْرَجَهُ النَّسَائِيُّ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ.

231. Daripada Sulaiman ibn Yasar (r.a), beliau berkata: "Si fulan selalunya memperpanjang bacaannya pada dua rakaat pertama solat Zohor dan meringankan (mempersingkat bacaan ketika mengerjakan) solat Asar. Dalam solat Maghrib, dia membaca surah-surah yang pendek, sedangkan ketika mengerjakan solat Isyak, membaca surah-surah yang pertengahan dan dalam solat Subuh membaca surah-surah yang panjang. Mendengar itu, Abu Hurairah berkata: "Aku belum pernah solat di belakang seorang pun yang solatnya mirip dengan solat Rasulullah (s.a.w) selain daripada orang ini (maksudnya si fulan tersebut)." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dengan sanad yang sahih)

Makna Hadis

Subuh dan Zohor merupakan waktu istirehat dan oleh kerananya, disyariatkan memperpanjang bacaan pada kedua-dua solat tersebut supaya orang ramai yang terlambat sempat mengerjakan solat berjamaah. Waktu Isyak adalah waktu orang mula merasa mengantuk sedangkan waktu Asar pula adalah waktu istirehat setelah bekerja sepanjang siang hari sehingga tubuh mereka lelah di kala itu dan oleh kernanya, disyariatkan mempersingkat bacaan solat pada kedua waktu tersebut, yakni lebih singkat daripada solat Zohor dan solat Asar. Adapun solat Maghrib memiliki waktu singkat di samping orang amat sibuk untuk menyediakan makan malam atau berbuka puasa bagi orang yang berpuasa dan tetamu mereka dan oleh kerananya, maka solat Maghrib pun mesti disingkatkan.

Analisis Lafaz

"كَانَ فُلَانٌ", maksudnya adalah amir yang berkuasa di Madinah ketika itu. Menurut satu pendapat, nama amir tersebut ialah 'Amr ibn Salamah al-Jurmi, nama panggilannya Abu Yazid, tetapi menurut pendapat yang lain adalah Abu Zaid. Dia telah menjadi imam kepada masyarakatnya, meskipun ketika itu masih berusia yang sangat muda. Dia telah meriwayatkan hadis daripada ayahnya dan Abu Qilabah pernah mengambil riwayat daripadanya.

"قِصَارِ الْمُفَصَّلِ", surah-surah yang pendek (*qisaar mufassal*), di mana jumlahnya dua puluh dua surah yang bermula daripada Surah al-Dhuha hingga akhir mushaf.

"بِوَسَطِهِ", pertengahan surah mufasshal (*wasth mufassal*), di mana jumlahnya dua puluh surah yang bermula daripada Surah 'Abasa hingga Surah al-Dhuha.

"بِطِوَالِهِ", surah-surah yang panjang (*thiwal mufassal*), di mana jumlahnya ada tiga puluh satu surah dan bermula dari Surah Qaf hingga Surah 'Abasa. Menurut pendapat yang lain, bermula dari Surah al-Hujurat. Surah-surah ini dinamakan *mufassal* kerana banyaknya *fasl* (pemisah) di antara surah-surahnya dengan

basmalah. Lawan kata *mufassal* adalah *muthawwal*, iaitu bermula daripada Surah Al-Baqarah hingga Surah al-Hujurat. Surah *mufassal* ini telah dinazamkan oleh sebahagian ulama secara ringkas melalui syairnya:

أَوَّلُ سُــوْرَةٍ مِـنَ الْمُـفَـصَّـلِ الْحُجَرَاتُ لِعَبَسَ وَهُوَ الْجَلِيُّ
وَمِنْ عَبَسَ لِسُوْرَةِ الضُّحَى وَسْطٌ وَمَا بَقِيَ قِصَارُهُ بِلاَ شَطَـطٍ

Permulaan surah mufassal ialah bermula daripada
Surah al-Hujurat hingga Surah 'Abas, itu sudah jelas.
Dari 'Abasa hingga al-Dhuha disebut pertengahan mufassal
Selain itu dianggap surah pendek tanpa diragukan lagi.

"أَشْبَهَ صَلاَةً بِرَسُولِ اللهِ", lebih mirip solatnya dengan solat Rasululluh (s.a.w). Lafaz "صلاةً" di*nasab*kan kerana menjadi *tamyiz* dari *dhamir af'al al-tafdhil*.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan membaca surah *mufassal* yang panjang ketika mengerjakan solat Subuh dan solat Zohor agar orang ramai sempat mengikuti solat berjamaah, sebab ketika itu ramai orang yang terlambat kerana baru bangun tidur atau baru beristirehat.
2. Disyariatkan membaca pertengahan surah *mufassal* ketika mengerjakan solat Isyak dan solat Asar kerana waktu Isyak adalah waktu orang ramai sudah mula mengantuk, dan waktu Asar adalah waktu istirehat dari kepenatan bekerja sepanjang siang hari.
3. Disyariatkan membaca surah *mufassal* yang pendek ketika mengerjakan solat Maghrib memandangkan waktu Maghrib singkat dan waktu yang sibuk untuk menyediakan makan malam bagi tamu dan hidangan untuk berbuka bagi orang yang puasa.

Periwayat Hadis

Sulaiman ibn Yasar al-Madani adalah mawla Maimunah. Dia termasuk salah seorang daripada tujuh fuqaha' masyhur. Dia meriwayatkan daripada Zaid ibn Tsabit, Aisyah, Abu Hurairah dan Maimunah, bekas tuannya. Makhul, Qatadah, al-Zuhri, dan 'Amr ibnu Syu'aib telah mengambil riwayat daripadanya.

Ibn Sa'd dan al-Bukhari mengatakan bahawa dia meninggal dunia pada tahun 107 Hijriah dalam usia 73 tahun.

٢٣٢- عَنْ جُبَيْرِ بْنِ مُطْعِمٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ فِي الْمَغْرِبِ بِالطُّورِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

232. Daripada Jubair ibn Muth'im (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) membaca Surah al-Thur ketika mengerjakan solat Maghrib." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) mengalami pelbagai keadaan di mana baginda mesti mengambil berat keadaan makmum dalam solat. Ketika mengerjakan solat Maghrib ada ketikanya baginda membaca surah *mufassal* yang pendek dan ini merupakan kebiasaan yang kerap dilakukannya sebagaimana yang disebutkan dalam hadis Sulaiman ibn Yasar sebelum ini. Ada ketikanya pula baginda membaca surah *mufasshal* yang panjang ketika mengerjakan solat Maghrib, seperti membaca Surah al-Thur, dan ada ketikanya baginda membaca surah seperti al-A'raf dan al-An'am.

Analisis Lafaz

"فِي الْمَغْرِبِ", dalam solat Maghrib. Ia merupakan salah satu solat *jahriyyah*. Solat *jahriyyah* ada tiga, iaitu Maghrib, Isyak dan Subuh.

"يَقْرَأُ فِي الْمَغْرِبِ بِالطُّورِ", membaca Surah al-Thur dalam solat Maghrib, meskipun Surah al-Thur merupakan surah *mufasshal* yang panjang.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan membaca surah *mufasshal* yang panjang dalam solat Maghrib.
2. Menguatkan suara bacaan dalam solat Maghrib.
3. Dibolehkan menerima riwayat Jubair dalam kisah ini, meskipun ketika beliau mendengarnya masih belum masuk Islam, kerana apa yang penting ialah kisah itu sendiri, bukan keadaan atau status orang yang menceritakannya.

٢٣٣- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ فِي صَلاَةِ الْفَجْرِ يَوْمَ الْجُمْعَةِ: (الم تَنْزِيلُ) السَّجْدَةَ، و (هَلْ أَتَى عَلَى اْلإِنْسَانِ). مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَلِلطَّبَرَانِيِّ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ مَسْعُودٍ: يُدِيمُ ذَلِكَ.

233. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) ketika mengerjakan solat Jumaat pernah membaca "الم تَنْزِيلُ" (Surah al-Sajdah) dan "هَلْ أَتَى عَلَى اْلإِنْسَانِ" (Surah al-Dahr atau Surah al-Insan)." (Muttafaq 'alaih). Menurut riwayat al-Thabarani melalui hadis Ibn Mas'ud, Nabi (s.a.w) melakukan itu secara berterusan.

Makna Hadis

Surah-surah al-Qur'an banyak mengandungi pengajaran dan peringatan yang tidak samar lagi bagi orang yang berakal. Rasulullah (s.a.w) istiqamah membaca dua surah ketika mengerjakan solat Subuh hari Jumaat, iaitu Surah al-Sajdah dan Surah al-Dahr. Kedua-dua surah ini mengandungi berita yang telah terjadi dan berita yang bakal terjadi pada hari Jumaat. Di dalamnya mengandungi berita tentang penciptaan Adam (a.s), perhimpunan semua hamba Allah, dan kisah yang bakal terjadi di akhirat. Dengan membaca kedua-dua surah ini bererti kita telah

mengingatkan diri kita tentang hari kiamat dan seperti mana disebutkan dalam satu riwayat bahawa hari kiamat kelak terjadi pada hari Jumaat.

Analisis Lafaz

"يَوْمَ الْجُمْعَةِ", pada hari Jumaat. Hari ini dinamakan Jumaat kerana pada hari itu umat Islam berhimpun untuk mengerjakan solat Jumaat dan merupakan hari terakhir dalam seminggu.

"الم تَنْزِيلُ", maksudnya ialah Surah al-Sajdah, yakni dibaca pada rakaat pertama solat Subuh.

"هَلْ أَتَى عَلَى ٱلإِنْسَانِ", Surah al-Insan atau al-Dahr, dibaca pada rakaat kedua solat Subuh.

"يُدِيمُ ذَلِكَ", menjadikannya sebagai satu kebiasaan.

Fiqh Hadis

1. Menguatkan suara bacaan al-Qur'an ketika mengerjakan solat Subuh.
2. Disunatkan membaca Surah al-Sajdah dan Surah al-Insan ketika mengerjakan solat Subuh pada hari Jumaat. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad. Namun Imam Ahmad mengatakan makruh apabila ia dijadikan satu kebiasaan. Imam Abu Hanifah mengatakan, membaca kedua-dua surah tersebut dalam solat Subuh hari Jumaat hukumnya sunat apabila berniat mengikuti Sunnah Nabi (s.a.w). Jika seseorang membaca suatu ayat al-Qur'an secara khusus), maka hukumnya makruh, kerana itu bererti mengetepikan yang lain dan cenderung mengutamakan ayat al-Qur'an tertentu ke atas yang lain. Imam Malik mengatakan, makruh apabila sengaja membaca surah tertentu yang di dalamnya terdapat ayat al-Sajdah ketika mengerjakan solat fardu, tetapi beliau membolehkannya apabila di belakang imam hanya terdapat sedikit makmum, kerana itu tidak dikhuatiri akan membuat mereka bingung. Ibn Hubaib merincikan pendapat Imam Malik dengan mengatakan boleh membaca surah yang di dalamnya terdapat ayat al-Sajdah dalam solat *jahriyyah*, bukan dalam solat *sirriyyah*, sebab ketika membacanya dalam solat *jahriyyah* maka itu tidak akan membuat makmum menjadi bingung. Ibn Basyir mengatakan bahawa pendapat yang sahih ialah boleh membacanya meskipun dalam solat *sirriyah* kerana Rasulullah (s.a.w) membiasakan membaca surah yang di dalamnya terdapat ayat al-Sajdah.

٢٣٤- عَنْ حُذَيْفَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّيْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَمَا مَرَّتْ بِهِ آيَةُ رَحْمَةٍ إِلاَّ وَقَفَ عِنْدَهَا يَسْأَلُ، وَلاَ آيَةُ عَذَابٍ إِلاَّ تَعَوَّذَ مِنْهَا. أَخْرَجَهُ الْخَمْسَةُ وَحَسَّنَهُ التِّرْمِذِيُّ.

234. Daripada Hudzaifah (r.a), beliau berkata: "Saya solat bersama Nabi (s.a.w). Tidaklah sekali-kali baginda sampai pada ayat rahmat melainkan berhenti padanya lalu memohon rahmat, dan tidak pula baginda sampai pada ayat azab melainkan

meminta perlindungan daripadanya." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, dan dinilai hasan oleh al-Tirmizi)

Makna Hadis

Para nabi dan rasul adalah orang yang terpelihara daripada berbuat kesalahan. Sungguhpun begitu, mereka sentiasa merasa takut kepada Allah, selalu memohon ampunan kepada-Nya dan takut akan seksa-Nya. Mereka sentiasa bertafakur ketika membaca kitab samawi dan memohon supaya dimasukkan ke dalam syurga ketika membaca kisah yang berkaitan dengannya, dan memohon perlindungan kepada Allah ketika membaca ayat-ayat azab-Nya, supaya Allah memelihara mereka daripada dijerumuskan ke dalam neraka dan seksa-Nya. Apa yang disebutkan dalam hadis ini yang antara lain doa, tangisan dan permohonan Nabi (s.a.w) barangkali dilakukan ketika mengerjakan soalatul lail seperti mana yang difahami dari hadis Imam Ahmad dan Abu Dawud.

Analisis Lafaz

"مَا مَرَّتْ بِهِ آيَةُ رَحْمَةٍ", Rasulullah (s.a.w) tidak sekali-kali melewati ayat yang di dalamnya disebutkan rahmat atau syurga, melainkan baginda berhenti pada ayat itu lalu berdoa meminta rahmat kepada Allah.

"وَلاَ آيَةُ عَذَابٍ إِلاَّ تَعَوَّذَ مِنْهَا", setiap kali Rasulullah (s.a.w) sampai pada ayat yang di dalamnya disebutkan tentang neraka atau ancaman seksa, baginda berhenti padanya, lalu meminta perlindungan kepada Allah supaya diselamatkan daripada azab dan seksaan itu.

Fiqh Hadis

1. Dianjurkan untuk memikirkan makna ayat-ayat yang dibaca ketika dalam solat.
2. Disyariatkan memohon rahmat ketika dalam solat apabila sampai pada ayat yang di dalamnya menceritakan rahmat, dan memohon perlindungan ketika sampai pada ayat yang di dalamnya menceritakan makna siksaan atau azab. Inilah pendapat mazhab al-Syafi'i di mana mereka mengatakan bahawa dalam kaitan ini tidak ada perbezaan antara imam, makmum atau orang yang solat bersendirian, sama ada dalam solat fardu mahupun solat sunat; semuanya harus memohon rahmat ketika membaca ayat rahmat dan memohon perlindungan ketika membaca ayat azab. Mazhab Hanafi mengatakan bahawa itu hanya disunatkan ketika mengerjakan solat sunat, bukannya dalam solat fardu. Hal yang sama turut dikemukakan pula oleh mazhab Maliki, di mana mereka mengatakan bahawa berdoa ketika sedang membaca ayat al-Qur'an dalam solat fardu hukumnya makruh, kecuali bagi makmum. Makmum boleh membaca selawat ke atas Nabi (s.a.w) apabila sebutannya dituturkan dalam bacaan al-Qur'an, dibolehkan memohon syurga apabila membaca ayat yang di dalamnya

dikisahkan tentang syurga, dan dibolehkan memohon perlindungan daripada neraka apabila membaca ayat yang di dalamnya dikisahkan tentang neraka. Imam Ahmad meriwayatkan satu hadis daripada Abdul Rahman ibn Abu Laila daripada ayahandanya, beliau berkata:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ فِي صَلاَةٍ لَيْسَتْ بِفَرِيضَةٍ، فَمَرَّ بِذِكْرِ الْجَنَّةِ وَالنَّارِ، فَقَالَ: أَعُوذُ بِاللهِ مِنْ النَّارِ، وَيْلٌ لِأَهْلِ النَّارِ.

"*Saya pernah mendengar Nabi (s.a.w) membaca al-Qur'an ketika dalam solat yang bukan solat fardu, lalu baginda membaca ayat yang menyebutkan tentang syurga dan neraka. Maka baginda berdoa: "Aku berlindung kepada Allah daripada neraka, celakalah bagi penghuni neraka itu.*"

٢٣٥- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَلاَ وَإِنِّي نُهِيتُ أَنْ أَقْرَأَ الْقُرْآنَ رَاكِعًا أَوْ سَاجِدًا، فَأَمَّا الرُّكُوعُ فَعَظِّمُوا فِيهِ الرَّبَّ، وَأَمَّا السُّجُودُ فَاجْتَهِدُوا فِي الدُّعَاءِ، فَقَمِنٌ أَنْ يُسْتَجَابَ لَكُمْ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

235. Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Ingatlah, sesungguhnya aku dilarang membaca al-Qur'an ketika rukuk atau sujud. Ketika rukuk, hendaklah kamu mengagungkan Tuhan kamu. Ketika sujud, maka hendaklah kamu bersungguh-sungguh dalam berdoa, kerana lebih layak dimakbulkan bagi kamu.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Rukuk dan sujud merupakan rukun solat. Keduanya menunjukkan kepada suatu keadaan di mana seorang hamba merasa hina dan rendah diri ketika berada di hadapan Allah. Rasulullah (s.a.w) dilarang membaca sebarang ayat al-Qur'an dalam dua keadaan tersebut dan diisi dengan membaca zikir khusus berupa tasbih dalam rukuk dan tasbih serta doa dalam sujud. Ketika sujud, seseorang dibolehkan membaca apa-apa doa yang bersangkutan dengan kebaikan dunia dan akhirat, kerana sujud merupakan satu keadaan di mana doa dimakbulkan.

Analisis Lafaz

"أَلاَ وَإِنِّي نُهِيتُ", yang melarang ialah Allah (s.w.t). Larangan untuk Nabi (s.a.w) bererti juga larangan untuk umatnya, dan larangan ini menunjukkan hukum makruh di sisi jumhur ulama.

"فَعَظِّمُوا فِيهِ الرَّبَّ", bertasbihlah kepada-Nya, mahasucikanlah dan agungkanlah Dia. Rasulullah (s.a.w) menjelaskan lafaz yang mengandungi makna mengagungkan Allah, iaitu kalimat "سبحان ربي العظيم" (Maha Suci Tuhanku Yang Maha Agung) ketika rukuk. Menurut Sunnah, minimum dibaca satu kali sedangkan yang paling sempurna ialah dibaca sebelas kali selagi tidak meresahkan makmum atau keluarnya waktu solat. Jika membaca tasbih sebanyak sebelas kali ini menyebabkan makmum resah atau waktu solat berakhir, maka bacaan tasbih hendaklah dikurangkan dan tidak boleh membacanya sebelas kali.

"وَأَمَّا السُّجُودُ فَاجْتَهِدُوا فِي الدُّعَاءِ", ketika sujud, perbanyakkanlah membaca doa, kerana sujud merupakan satu keadaan untuk mendekatkan diri kepada Allah (s.w.t) dan doa dimakbulkan.

"فَقَمِنٌ", berhak dan layak untuk dimakbulkan.

Fiqh Hadis

1. Dilarang membaca al-Qur'an ketika rukuk dan sujud, kerana kedua keadaan ini merupakan keadaan yang pada zahirnya adalah menghinakan diri. Apa yang dianjurkan bagi seseorang yang hendak membaca al-Qur'an adalah membacanya dalam keadaan yang terhormat demi memuliakan al-Qur'an sekali gus menghormati si pembaca yang kedudukannya seakan-akan sedang berbicara dengan Allah (s.w.t).
2. Disyariatkan memperdengarkan bacaan "سبحان ربي العظيم". Malah Imam Ahmad mewajibkan untuk memperdengarkan bacaan tasbih ini, tetapi jumhur ulama menganggapnya sebagai sunat dengan berdalilkan hadis orang yang tidak sempurna dalam solatnya. Ini kerana dalam hadis tersebut Rasulullah (s.a.w) tidak mengajarkan bacaan tasbih itu kepadanya. Jika membaca tasbih itu wajib, nescaya baginda menyuruh untuk membacanya.
3. Ketika sujud disyariatkan berdoa dengan apa-apa bacaan doa untuk memohon kebaikan dunia dan akhirat serta memohon perlindungan dan keburukan keduanya. Imam Ahmad mengatakan bahawa doa ini hukumnya wajib, sedangkan menurut jumhur ulama hukum membaca doa ini adalah sunat.

٢٣٦- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: فِي رُكُوعِهِ وَسُجُودِهِ : "سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

236. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) sentiasa membaca ketika rukuk dan sujud:

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ، اَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي.

(Maha Suci Engkau, ya Allah. Tuhan kami. Dengan memuji kepada-Mu, ya Allah, ampunilah daku)." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) menjelaskan kepada kita cara bertasbih dan berdoa ketika rukuk dan sujud yang antara lain adalah membaca: "سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ، اَللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي". Memohon ampun dan bertasbih pada hakikatnya mengamalkan apa yang diperintah oleh Allah menerusi firman-Nya:

فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَٱسْتَغْفِرْهُ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ تَوَّابًۢا ﴿٣﴾

"*Maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan mohon ampunlah kepada-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Menerima taubat.*" (Surah al-Nashr: 3)

Nabi (s.a.w) adalah orang yang maksum (terpelihara daripada dosa) dan diampuni. Baginda membaca tasbih atau doa ini hanya semata-mata untuk menunaikan hak dirinya sebagai seorang hamba sekali gus mengagungkan kedudukan Allah dan bertujuan mengajarkan umatnya.

Analisis Lafaz

"سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ", aku menyucikan Engkau dari segala bentuk kekurangan. Lafaz "سُبْحَانَ" berkedudukan sebagai *maf'ul mutlaq* bagi *fi'il* yang dibuang dan bentuk lengkapnya ialah: "أُسَبِّحُ سُبْحَانَ" (Aku memahasucikan Engkau dengan sebenar-benarnya).

"اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي", ampunilah daku. Doa ini pada hakikatnya mengamalkan perintah Allah (s.w.t) yang disebutkan di dalam firman-Nya: "*Maka bertasbihlah kamu dengan memuji Tuhanmu dan mohon ampunlah kepada-Nya.*" (Surah al-Nashr: 3)

Fiqh Hadis

1. Ketika rukuk dan sujud disyariatkan membaca zikir yang telah diajarkan oleh Rasulullah (s.a.w).
2. Rasulullah (s.a.w) bersegera melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah yang dalam hal ini perintah untuk memohon ampun dan membaca tasbih.
3. Zikir disyariatkan untuk dibaca ketika rukuk mestilah mengandungi makna mengagungkan Allah (s.w.t), tetapi ia tidak bercanggah dengan hadis yang mengatakan:

أَمَّا الرُّكُوْعُ فَعَظِّمُوْا فِيْهِ الرَّبَّ.

"*Ketika rukuk, maka agungkanlah Tuhan oleh kamu di dalamnya.*"

٢٣٧- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَامَ إِلَى الصَّلاَةِ يُكَبِّرُ حِينَ يَقُومُ، ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَرْكَعُ، ثُمَّ يَقُولُ: "سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ" حِينَ يَرْفَعُ صُلْبَهُ مِنَ الرُّكُوعِ، ثُمَّ يَقُولُ وَهُوَ قَائِمٌ: "رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ" ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَهْوِي سَاجِدًا، ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَرْفَعُ رَأْسَهُ، ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَسْجُدُ ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَرْفَعُ، ثُمَّ يَفْعَلُ ذَلِكَ فِي الصَّلاَةِ كُلِّهَا، وَيُكَبِّرُ حِينَ يَقُومُ مِنْ اثْنَتَيْنِ بَعْدَ الْجُلُوسِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ .

237. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) apabila hendak mengerjakan solat, baginda membaca takbir ketika berdiri, kemudian membaca takbir lagi ketika rukuk, lalu membaca "سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ" ketika bangkit dari rukuk (untuk i'tidal). Kemudian baginda membaca "رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ" ketika i'tidal. Kemudian baginda bertakbir ketika hendak bersujud, dan membaca takbir lagi ketika mengangkat kepalanya (dari sujud pertama), lalu membaca takbir pula ketika sujud (yang kedua), kemudian membaca takbir lagi ketika hendak bangkit. Baginda melakukan itu sepanjang solatnya. Baginda bertakbir ketika berdiri dari rakaat kedua sesudah rakaat (membaca tasyahhud pertama)." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Ketika Nabi (s.a.w) menyuruh sahabatnya untuk mengetahui cara-cara solat yang disyariatkan menerusi perbuatannya, baginda bersabda: "*Solatlah kamu sekalian sebagaimana kamu melihatku solat.*" Dari sini para sahabat meneliti solat dan setiap perbuatannya serta menukil semua yang dibacanya, kerana didorong oleh keinginan mereka yang kuat untuk mengetahui tatacara solat yang disyariatkan.

Antara petunjuk Nabi (s.a.w) dalam solat ialah baginda sentiasa membaca takbiratul ihram ketika berdiri, lalu membaca takbir semula ketika rukuk, lalu membaca "سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ" ketika bangkit rukuk. Jika telah berdiri dalam i'tidal, baginda membaca "رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ". Baginda mengucapkan takbir ketika mengangkat tubuhnya dan ketika berdiri daripada duduk sesudah rakaat kedua. Inilah yang baginda lakukan dalam setiap solat.

Analisis Lafaz

"إِذَا قَامَ إِلَى الصَّلاَةِ", apabila baginda hendak mengerjakan solat.

"يُكَبِّرُ حِينَ يَقُومُ", maka baginda membaca takbir yang pertama -iaitu takbiratul ihram- kerana baginda mula masuk dalam solat.

"ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَرْكَعُ", kemudian baginda membaca takbir yang kedua, iaitu takbir pindah dari berdiri kepada rukuk.

"سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ", Allah memperkenankan orang yang memuji-Nya. Ini kerana barang siapa yang memuji Allah, bererti dia mendapat pahala daripada-Nya dan Dia pasti memperkenankannya. Jadi adalah bersesuaian apabila sesudah itu dibaca "رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ" yang ertinya "Wahai Tuhan kami, bagi-Mu segala pujian."

"حِينَ يَرْفَعُ صُلْبَهُ", ketika mengangkat tulang belakangnya dari rukuk. Dari sini dapat disimpulkan bahawa i'tidal merupakan salah satu rukun solat.

"ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَهْوِي سَاجِدًا", maksudnya ialah takbir ketiga, iaitu takbir yang dilakukan ketika turun ke lantai untuk sujud.

"ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَرْفَعُ رَأْسَهُ", maksudnya ialah takbir keempat, iaitu takbir ketika hendak duduk di antara dua sujud.

"ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَسْجُدُ", maksudnya ialah takbir kelima, iaitu takbir ketika melakukan sujud yang kedua.

"ثُمَّ يُكَبِّرُ حِينَ يَرْفَعُ", maksudnya ialah takbir keenam, iaitu takbir berdiri dari sujud yang kedua.

"ثُمَّ يَفْعَلُ ذَلِكَ فِي الصَّلاَةِ كُلِّهَا", yakni melakukan sebagaimana apa yang dilakukan sebelumnya berupa takbir sunat, doa, *tasmi'* (memperdengarkan bacaan), dan tahmid.

"وَيُكَبِّرُ حِينَ يَقُومُ مِنْ اثْنَتَيْنِ بَعْدَ الْجُلُوسِ", yakni takbir berdiri untuk melakukan rakaat ketiga.

Analisis Hadis

1. Wajib bertakbiratul ihram.

2. Wajib takbir ketika berpindah daripada satu rukun ke rukun yang lain menurut Imam Ahmad, sedangkan menurut jumhur ulama, hukumnya sunat.
3. I'tidal merupakan rukun solat, sama ada i'tidal berdiri setelah bangkit daripada rukuk mahupun i'tidal duduk setelah bangkit daripada sujud.
4. Disunatkan menggabungkan antara memperdengarkan bacaan dan tahmid bagi imam, dan orang yang solat bersendirian.
5. Makmum hanya dibolehkan membaca tahmid.
6. Menjelaskan bilangan takbir dalam solat fardu lima waktu, termasuk takbiratul ihram. Jumlah keseluruhannya sebanyak sembilan puluh empat takbir yang perinciannya adalah sebagai berikut: Setiap solat yang terdiri daripada empat rakaat terdapat dua puluh dua takbir, sedangkan jumlah solat yang terdiri daripada empat rakaat itu ada tiga. Jadi, jumlah keseluruhannya menjadi 66 takbir. Dalam solat yang terdiri daripada tiga rakaat terdapat tujuh belas takbir, dan dalam solat dua rakaat terdapat sebelas takbir. Jadi jumlah keseluruhan takbir dalam solat fardu lima waktu ialah 94 takbir.

٢٣٨- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ مِنَ الرُّكُوعِ قَالَ: "اَللَّهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ مِلْءَ السَّمَوَاتِ وَمِلْءَ الْأَرْضِ، وَمِلْءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ، أَهْلَ الثَّنَاءِ وَالْمَجْدِ، أَحَقُّ مَا قَالَ الْعَبْدُ - وَكُلُّنَا لَكَ عَبْدٌ - اللَّهُمَّ لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلاَ مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ، وَلاَ يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

238. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) apabila mengangkat kepalanya daripada rukuk membaca:

اَللَّهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ مِلْءَ السَّمَوَاتِ وَمِلْءَ الْأَرْضِ، وَمِلْءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ، أَهْلَ الثَّنَاءِ وَالْمَجْدِ، أَحَقُّ مَا قَالَ الْعَبْدُ - وَكُلُّنَا لَكَ عَبْدٌ - اللَّهُمَّ لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلاَ مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ، وَلاَ يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ.

(Ya Allah, Tuhan kami, bagi-Mu segala puji, sepenuh langit dan sepenuh bumi serta sepenuh apa yang Engkau kehendaki dari sesuatu sesudahnya, wahai (Tuhan) yang berhak mendapat sanjungan dan keagungan. Ucapan paling hak yang dikatakan oleh seorang hamba, kami semua hanyalah hamba-Mu belaka. Ya Allah, tidak ada seorang pun yang mencegah apa yang Engkau berikan, dan tidak ada seorang pun yang memberi apa yang Engkau cegah, dan tidak bermanfaat di sisi-Mu kekuasaan orang yang memiliki kekuasaan." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) telah dianugerahkan *Jawami' al-Kalim* dan oleh kerananya, doa yang baginda baca adalah doa yang paling sempurna. Rasulullah (s.a.w) sentiasa berdoa ketika dalam solat; ketika sujud, ketika tasyahhud terakhir sebelum salam, dan ketika mengangkat tubuh daripada rukuk. Hadis ini mengandungi salah satu doa ma'tsur. Doa ini dibaca sesudah mengangkat tulang belakang dari rukuk yang di dalamnya memuatkan pujian, sanjungan, pengakuan, dan memohon belas kasihan serta rahmat dari Allah Yang Maha Agung lagi Maha Mulia.

Analisis Lafaz

“مِلْءَ السَّمَوَاتِ وَمِلْءَ ٱلأَرْضِ”, sepenuh langit dan bumi. Maksudnya ialah sebanyak bilangan hingga seandainya kalimat tersebut disukat, nescaya memenuhi semua tempat serta memenuhi langit dan bumi.

“وَمِلْءَ مَا شِئْتَ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ”, dan sepenuh apa yang Engkau kehendaki dari sesuatu sesudah langit dan bumi, seperti ‘Arasy, al-Kursi dan semua yang ada di bawah bumi dan selainnya yang tidak seorang pun mengetahui luasnya kecuali hanya Allah (s.w.t).

“أَهْلَ الثَّنَاءِ”, Engkau adalah yang berhak menyandang sifat yang terpuji.

“وَالْمَجْدِ”, keagungan dan kemuliaan.

“أَحَقُّ مَا قَالَ الْعَبْدُ”, ucapan yang paling haq dikatakan oleh seorang hamba ialah “ لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ”. Di dalam kalimat ini mengandungi pengertian berserah diri kepada Allah (s.w.t) dan pengakuan akan keesaan-Nya, serta semua daya dan kekuatan serta kebaikan dan lain-lain berasal dari Allah (s.w.t).

“وَكُلُّنَا لَكَ عَبْدٌ”, kalimat ini mengukuhkan pengertian berserah diri kepada Allah (s.w.t).

“لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ”, orang yang telah Engkau pastikan dengan suatu kepastian, iaitu mendapat rezeki atau selainnya, tiada seorang pun yang dapat menolak itu daripadanya.

“وَلاَ مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ”, orang yang Engkau cegah dari sesuatu, tiada seorang pun yang dapat memberikan itu kepadanya.

“وَلاَ يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ”, *al-jadd* adalah kekayaan, keuntungan, kekuasaan, dan keagungan. Orang yang mempunyai kedudukan tidak dapat melarikan diri dari seksaan-Mu, kerana apa yang dapat menyelamatkan seseorang itu hanya amalnya yang soleh.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan membaca zikir yang diajarkan oleh Nabi (s.a.w) ketika i’tidal sewaktu rukuk.
2. Diwajibkan i’tidal dan tuma’ninah di dalam rukuk.
3. Setiap orang yang solat disunatkan menggabungkan antara mendengarkan bacaan dan bacaan tahmid ketika i’tidal setelah rukuk, sama ada sebagai imam, makmum atau pun ketika solat bersendirian.
4. Menyerahkan semua urusan kepada Allah (s.w.t), tunduk kepada-Nya, mengakui keesaan-Nya dan menjelaskan bahawa tidak ada daya dan kekuatan kecuali dengan pertolongan Allah, dan kebaikan serta keburukan semuanya datang dari-Nya.
5. Dianjurkan meninggalkan urusan duniawi yang tidak membawa manfaat untuk akhirat dan berzuhud terhadapnya, kerana dunia merupakan rumah yang fana (tidak kekal).

6. Anjuran memperbanyak amal soleh ketika menghadap kepada Allah dalam solat, kerana amal soleh dapat memberikan manfaat bagi orang yang melakukannya kelak pada hari kiamat di hadapan Allah (s.w.t).

٢٣٩- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أُمِرْتُ أَنْ أَسْجُدَ عَلَى سَبْعَةِ أَعْظُمٍ: عَلَى الْجَبْهَةِ - وَأَشَارَ بِيَدِهِ إِلَى أَنْفِهِ – وَالْيَدَيْنِ، وَالرُّكْبَتَيْنِ، وَأَطْرَافِ الْقَدَمَيْنِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

239. Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Aku diperintahkan untuk sujud di atas tujuh anggota tubuh, iaitu di atas kening – seraya mengisyaratkan dengan tangannya ke hidungnya- kedua telapak tangan, kedua lutut dan hujung jari kedua telapak kaki.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Memandangkan tujuan sujud dengan kening adalah sebagai ungkapan kehinaan dan tunduk kepada Allah, sedangkan hidung tidak dapat menggantikan peranan kening untuk mengungkapkan hal tersebut, maka sujud mesti dilakukan pada kening. Oleh kerana sukar membuktikan yang Nabi (s.a.w) sujud di atas keningnya, maka isyarat Rasulullah (s.a.w) yang ditujukan ke hidungnya jika memberikan pemahaman bahawa hidung mesti menyentuh lantai ketika sujud, maka itu tidak bererti hidung dan kening merupakan satu kesatuan di mana sujud sudah memadai dengan menyentuhkan salah satu daripadanya ke lantai.

Analisis Lafaz

"أُمِرْتُ", Allah telah memerintahkan kepadaku.

"أَعْظُمٍ", maksudnya ialah anggota tubuh. Setiap anggota sujud disebut *'azhum* (tulang) kerana dilihat secara keseluruhannya, meskipun tidak kesemua anggota tersebut memiliki tulang. Ini dalam bahasa Arab disebut menamakan sesuatu dengan nama salah satu bahagiannya.

"عَلَى الْجَبْهَةِ وَأَشَارَ بِيَدِهِ إِلَى أَنْفِهِ", yakni meletakkan tangan pada kening, lalu melewatkannya pada hidung. Dengan kata lain, kening dan hidung seakan-akan satu anggota memandangkan tulang kening berhubungan secara langsung dengan tulang hidung.

"الْيَدَيْنِ", maksudnya ialah bahagian dalam kedua telapak.

"الرُّكْبَتَيْنِ", pergelangan yang menghubungkan paha dengan betis, yakni lutut.

"أَطْرَافِ الْقَدَمَيْنِ", jari-jemari kedua telapak kaki iaitu dengan cara menegakkan kedua telapak kaki yang bertopang pada bahagian dalam jari jemarinya, sedangkan kedua lutut tetap berada dalam keadaan tegak. Bahagian luar telapak kaki dihadapkan ke arah kiblat, sebagaimana yang dijelaskan di dalam hadis Abu Humaid hadis no. 216.

Fiqh Hadis

1. Wajib sujud di atas ketujuh-tujuh anggota tersebut. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad berkata: "Wajib sujud di atas sebahagian anggota yang tujuh itu." Mazhab Maliki dan mazhab Hanafi mengatakan, wajib sujud di atas kening dan sujud di atas anggota yang selainnya hanyalah sunat.
2. Disyariatkan sujud di atas kening dan hidung. Imam Ahmad mengatakan wajib menggabungkan di antara keduanya. Untuk itu, seandainya seseorang sujud hanya dengan salah satu daripadanya, maka tidak memadai. Imam Abu Hanifah berkata: "Jika seseorang sujud dengan salah satu di antara kedua sujudnya, maka itu dianggap memadai, tetapi makruh." Imam Malik dan Imam al-Syafii berkata: "Apa yang diwajibkan ketika sujud ialah meletakkan kening, sedangkan sujud di atas hidung hukumnya sunat." Menurut Imam Malik lagi, seseorang hendak mengulangi sujud jika tidak sujud di atas hidungnya.

٢٤٠- عَنِ ابْنِ بُحَيْنَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا صَلَّى فَرَّجَ بَيْنَ يَدَيْهِ، حَتَّى يَبْدُوَ بَيَاضُ إِبِطَيْهِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

240. Daripada Ibn Buhainah bahawa apabila Rasulullah (s.a.w) solat dan sujud, baginda merenggangkan kedua tangannya hingga kedua ketiaknya yang putih nampak kelihatan. (Muttafaq 'alaih)

٢٤١- عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا سَجَدْتَ فَضَعْ كَفَّيْكَ، وَارْفَعْ مِرْفَقَيْكَ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

241. Daripada al-Barra' ibnu 'Azib (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Jika engkau sujud, maka letakkan kedua telapak tanganmu dan angkat kedua sikumu.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Sujud merupakan salah satu rukun solat dan seseorang mestilah menekan anggota-anggotanya ke atas lantai bagi memastikan sujud yang dilakukannya sempurna. Ini tidak dapat dilakukan dengan sempurna melainkan apabila seseorang merenggangkan kedua tangannya hingga tidak melekat pada kedua sisi lambungnya. Sedangkan wanita ketika sujud tidak dituntut untuk berbuat demikian kerana dikhuatiri kecantikannya terdedah.

Analisis Lafaz

"فَرَّجَ بَيْنَ يَدَيْهِ", merenggangkan kedua tangan dengan kedua lambung, hingga masing tangan berjauhan dengan sisi lambungnya.

"حَتَّى يَبْدُوَ بَيَاضُ إِبِطَيْهِ", hingga bahagian tepi ketiak kelihatan, kerana lengan baju gamis pada masa itu tidak panjang hingga ketiak dapat kelihatan melalui lengan.

"فَضَعْ كَفَّيْكَ", Rasulullah (s.a.w) menyuruh agar kedua telapak tangan diletakkan di atas tanah ketika sedang sujud.

“وَارْفَعْ مِرْفَقَيْكَ”, Rasulullah (s.a.w) memerintahkan agar kedua siku diangkat dari tanah ketika sujud.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan menjarakkan kedua lengan dengan kedua sisi lambung ketika bersujud supaya setiap anggota sujud berada pada tempatnya dengan kemas.
2. Tidak boleh meletakkan kedua hasta di atas tanah ketika sedang sujud, agar tidak seperti haiwan buas yang sedang mendekam.
3. Menjelaskan cara sujud yang disyariatkan dengan meletakkan kedua telapak tangan di atas tanah dan mengangkat kedua siku dan tanah, tidak melekatkannya di atas tanah. Hikmahnya adalah cara ini lebih memantapkan lagi kening dan hidung melekat ke tanah di samping menonjolkan gaya tawadhu' (rendah diri) dan menjauhi kebiasaan pemalas. Ini kerana seseorang yang melekatkan kedua sikunya ke tanah mirip dengan haiwan buas sekali gus memberikan satu pemahaman tentang keadaan orang yang gegabah dalam solat dan tidak menghadap dengan sepenuh hatinya. Ketentuan ini hanya berlaku bagi lelaki, sedangkan wanita tidak perlu berbuat demikian kerana berlandaskan kepada hadis yang menceritakan bahawa Rasulullah (s.a.w) pada suatu hari bersua dengan dua orang wanita yang sedang solat lalu baginda bersabda kepada keduanya:
   إِذَا سَجَدْتُمَا فَضُمَّا بَعْضَ اللَّحْمِ إِلَى ٱلأَرْضِ، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ فِي ذَلِكَ لَيْسَتْ كَالرَّجُلِ.
   “*Jika kamu berdua sujud, maka rapatkan sebahagian anggota tubuhmu ke tanah, kerana sesungguhnya wanita dalam masalah ini tidak sama seperti lelaki.*”

Periwayat Hadis

Ibn Buhainah, nama aslinya adalah 'Abdullah ibn Malik ibn al-Qasyb al-Asadi. Buhainah adalah nama ibunya, sedangkan nama panggilannya Abu Muhammad. Beliau masuk Islam sejak awal lagi dan tinggal di sebuah lembah yang dikenal dengan nama Rim, satu kawasan yang terletak tiga puluh mil dari kota Madinah.

Beliau meriwayatkan 27 hadis, dan Hafsh ibn Ashim telah mengambil riwayat daripadanya. Ibn Buhainah meninggal dunia pada masa pemerintahan Mu'awiyah.

Al-Barra' ibn 'Azib ibn al-Harits al-Ausi al-Ansari. Nama panggilannya Abu 'Imarah. Beliau turut serta dalam perang Uhud dan al-Hudaibiyyah, dan telah meriwayatkan 305 hadis. Beliau meninggal dunia di Kufah pada tahun 71 Hijriah.

٢٤٢- عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا رَكَعَ فَرَّجَ بَيْنَ أَصَابِعِهِ، وَإِذَا سَجَدَ ضَمَّ أَصَابِعَهُ. رَوَاهُ ٱلْحَاكِمُ.

242. Daripada Wa'il ibn Hujr (r.a) bahawa apabila Nabi (s.a.w) rukuk, baginda membuka jari-jemari (kedua tangan)nya dan apabila sujud, baginda menghimpunkan jari-jemari (kedua tangan)nya.” (Diriwayatkan oleh al-Hakim)

Makna Hadis

Rukuk mempunyai dua keadaan; keadaan memadai dan keadaan sempurna. Keadaan rukuk memadai ialah seseorang hendaklah membungkukkan tulang belakangnya dalam bentuk seperti busur. Keadaan rukuk sempurna pula ialah seseorang hendaklah menundukkan tulang belakangnya dan meletakkan kedua telapak tangannya pada kedua lutut sambil membuka jari-jari tangannya supaya dapat mencengkam kedua lutut bagi memastikan tulang belakang dengan kepalanya sejajar. Demikian pula ketika sujud di mana seseorang dikehendaki menekankan ketujuh-tujuh anggota tubuhnya ke tanah sambil menghimpun jari-jari tangannya, kerana cara inilah yang lebih sempurna.

Analisis Lafaz

"فَرَّجَ بَيْنَ أَصَابِعِهِ", merenggangkan setiap jari tangan ketika sedang rukuk.

"ضَمَّ أَصَابِعَهُ", menghimpun kesemua jari tangan ketika sujud supaya kesemua hujungnya menghadap ke arah kiblat.

Fiqh Hadis

Disyariatkan membuka (merenggangkan) jari kedua tangan ketika rukuk dan menghimpun keduanya ketika sujud.

٢٤٣- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي مُتَرَبِّعًا. رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

243. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Saya pernah melihat Rasulullah (s.a.w) solat dalam keadaan duduk bersila." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i, dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Berdiri dalam solat fardu merupakan rukun solat bagi orang yang mampu berdiri. Orang yang sakit dan tidak mempunyai kemampuan untuk berdiri boleh mengerjakan solat dalam keadaan duduk mengikut keadaan yang dapat dia lakukan. Hal ini merupakan salah satu kemudahan Islam. Orang sakit yang mengerjakan solat sambil duduk memperoleh pahala yang sama dengan orang yang solat sambil berdiri. Sedangkan dalam solat sunat, tidak diwajibkan berdiri, meskipun melakukannya dalam keadaan berdiri lebih diutamakan. Hukum wajib berdiri dalam solat ialah firman-Nya:

..... وَقُومُوا۟ لِلَّهِ قَـٰنِتِينَ ﴿٢٣٨﴾

"*… Berdiri untuk Allah (dalam solat kamu) dengan khusyuk.*" (Surah al-Baqarah: 238)

Analisis Lafaz

"يُصَلِّي مُتَرَبِّعًا", solat dengan duduk bersila. Itu dilakukan setelah baginda jatuh dari atas kuda hingga telapak kakinya terkilir. Duduk bersila adalah menjadikan bahagian dalam telapak kaki kanan berada di bawah paha kaki kiri dan bahagian dalam telapak kaki kiri berada di bawah paha kaki kanan. Baginda melakukan itu dengan tenang, sedangkan telapak tangannya masing-masing berada pada lutut seraya merenggangkan jari-jemarinya. Nabi (s.a.w) mengerjakan solat dalam keadaan bersila, bukannya dalam keadaan duduk *iftirasy* bagi membezakan antara cara duduk wajib yang merupakan pengganti berdiri dan cara duduk untuk membaca tasyahhud yang disunatkan.

Lafaz "مُتَرَبِّعًا" berkedudukan sebagai *hal* atau kata keterangan keadaan kepada *fa'il* lafaz "يُصَلِّي".

Fiqh Hadis

Hadis ini menjelaskan tatacara solat orang yang sakit hingga terpaksa mengerjakannya dalam keadaan duduk.

٢٤٤- عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ بَيْنَ السَّجْدَتَيْنِ: "اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي، وَارْحَمْنِي، وَاهْدِنِي، وَعَافِنِي، وَارْزُقْنِي". رَوَاهُ الْأَرْبَعَةُ إِلاَّ النَّسَائِيُّ وَاللَّفْظُ لِأَبِي دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

244. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) sering kali membaca doa berikut ini ketika duduk di antara dua sujud:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي، وَارْحَمْنِي، وَاهْدِنِي، وَعَافِنِي، وَارْزُقْنِي.

"Ya Allah, ampunilah daku, rahmatilah daku, berilah daku petunjuk, selamatkanlah daku dan berilah daku rezeki." (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah, kecuali al-Nasa'i. Lafaz hadis ini berdasarkan riwayat Abu Dawud, dan al-Hakim menilainya sahih)

Makna Hadis

Doa Nabi (s.a.w) adalah doa yang semestinya lebih diutamakan kerana baginda telah dianugerahkan *Jawami' al-Kalim*. Doa di antara dua sujud disyariatkan dan dimakbulkan. Doa yang paling afdhal untuk itu ialah doa yang diajarkan oleh Nabi (s.a.w).

Analisis Lafaz

"يَقُولُ بَيْنَ السَّجْدَتَيْنِ", berdoa ketika duduk di antara dua sujud.

"اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي، وَارْحَمْنِي، وَاهْدِنِي، وَعَافِنِي، وَارْزُقْنِي", Ya Allah, hapuskan dosa-dosaku dan kelalaianku, selamatkan daku dari segala bentuk cubaan dan musibah di dunia dan akhirat, tunjukkan daku kepada melakukan amal-amal soleh, tetapkan hatiku di atas agama yang haq, berilah daku rezeki yang baik (halal) dan darjat yang tinggi di dalam syurga kelak, dan kasihanilah daku dengan rahmat-Mu yang luas, wahai Tuhan Yang Maha Mulia, Engkau adalah sebaik-baik pemberi.

Fiqh Hadis

Disyariatkan membaca doa ketika duduk di antara dua sujud kerana mengikuti Sunnah Nabi (s.a.w).

٢٤٥- عَنْ مَالِكِ بْنِ الْحُوَيْرِثِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ رَأَى النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي، فَإِذَا كَانَ فِي وِتْرٍ مِنْ صَلاَتِهِ لَمْ يَنْهَضْ حَتَّى يَسْتَوِيَ قَاعِدًا. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

245. Daripada Malik ibn al-Huwairits (r.a) bahawa beliau pernah melihat Nabi (s.a.w) mengerjakan solat. Jika berada pada rakaat yang ganjil dalam solatnya, baginda tidak langsung berdiri sebelum duduk dengan lurus." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) sering kali melakukan duduk ringan dalam setiap bilangan rakaat ganjil ketika dalam solat sebelum baginda bangkit berdiri di antara rakaat pertama dengan rakaat kedua, serta di antara rakaat ketiga dengan rakaat keempat. Duduk ini lazimnya disebut *jalsah al-istirahah* atau duduk untuk istirehat.

Jumhur ulama mengatakan bahawa Nabi (s.a.w) tidak melakukan duduk istirehat melainkan setelah usia baginda lanjut, sedangkan menurut Imam al-Syafi'i, itu disyariatkan secara mutlak, sama ada dalam solat fardu ataupun dalam solat sunat.

Analisis Lafaz

"فِي وِتْرٍ مِنْ صَلاَتِهِ", dalam rakaat pertama dan rakaat ketiga.

"لَمْ يَنْهَضْ حَتَّى يَسْتَوِيَ قَاعِدًا", baginda tidak langsung berdiri melainkan duduk untuk istirehat sejenak sesudah sujud kedua dan sebelum bangkit untuk mengerjakan rakaat kedua dan rakaat keempat.

Fiqh Hadis

Disyariatkan duduk istirehat sesudah sujud kedua pada rakaat pertama dan rakaat ketiga. Imam al-Syafi'i dalam salah satu pendapatnya mengatakan bahawa duduk istirehat disyariatkan, meskipun dalam solat sunat atau seseorang itu memiliki tubuh yang kuat. Duduk istirehat ini dianggap pemisah dan tidak termasuk

bahagian daripada rakaat pertama dan tidak pula rakaat kedua. Tetapi menurut pendapat yang masyhur di kalangan mazhab al-Syafi'i, duduk istirehat ini sunat hukumnya.

Imam al-Nawawi dalam kitab *al-Minhaj* mengatakan bahawa pendapat yang masyhur dalam masalah ini adalah disunatkan duduk istirehat sebelum berdiri untuk meneruskan rakaat selanjutnya.

Penulis kitab al-Zubad mengatakan: "Dan (sunat yang lain dalam solat ialah) duduk istirehat dalam waktu sekejap pada setiap rakaat yang telah dikerjakan." Apapun, pendapat yang menjadi pegangan jumhur ulama ialah duduk istirehat ini tidak disyariatkan.

٢٤٦- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَنَتَ شَهْرًا بَعْدَ الرُّكُوعِ يَدْعُو عَلَى أَحْيَاءٍ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ، ثُمَّ تَرَكَهُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلِأَحْمَدَ وَالدَّارَقُطْنِيِّ نَحْوُهُ مِنْ وَجْهٍ آخَرَ، وَزَادَ: فَأَمَّا فِي الصُّبْحِ فَلَمْ يَزَلْ يَقْنُتُ حَتَّى فَارَقَ الدُّنْيَا.

246.Daripada Anas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) melakukan doa qunut selama satu bulan sesudah rukuk yang dalam doanya itu baginda memohon laknat ke atas beberapa kabilah Arab. Setelah itu, baginda tidak lagi membacanya." (Muttafaq 'alaih)

Menurut riwayat Imam Ahmad dan al-Daruquthni daripada jalur yang lain disebutkan pula hadis yang serupa dan menambahkan: "Adapun dalam solat Subuh, baginda sentiasa membaca doa qunut hingga meninggal dunia."

٢٤٧- وَعَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ لاَ يَقْنُتُ إِلاَّ إِذَا دَعَا لِقَوْمٍ أَوْ دَعَا عَلَى قَوْمٍ. صَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

247. Daripada Anas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) tidaklah sekali-kali membaca doa gunut melainkan kerana untuk mendoakan kebaikan bagi suatu kaum atau untuk mendoakan keburukan ke atas suatu kaum." (Hadis ini dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) adalah pusat perhatian seluruh umat manusia. Mereka meminta bantuan baginda apabila ada musuh yang hendak menyerang mereka atau ketika mereka ingin mempelajari agama mereka. Nabi (s.a.w) mengirimkan kepada mereka pasukan, bantuan dan ahli qurra' untuk mengajarkan mereka tentang agama. Oleh itu, Nabi (s.a.w) memperkenankan permintaan kabilah Ri'l, Dzakwan, dan 'Ushayyah dari kalangan Bani Salim. Nabi (s.a.w) mengirimkan kepada mereka tujuh puluh orang ahli qurra', mereka terdiri daripada sahabat yang kerjanya mencari kayu pada waktu siang hari, sedangkan pada waktu malam harinya pula mereka mengerjakan solat. Ketika ahli qurra' yang dikirim oleh Nabi (s.a.w) tiba di sumur Ma'unah, tiba-tiba ketiga-tiga kabilah tersebut berbuat khianat kepada mereka dengan membunuh mereka di sumur Ma'unah.

Rasulullah (s.a.w) amat bersedih sebaik menerima berita tentang peristiwa kejam tersebut. Baginda mula berdoa di dalam solatnya selama satu bulan melaknat perbuatan mereka. Setiap kali baginda ingat dengan orang yang membunuh ahli qurra', baginda mendoakan kebinasaan untuk mereka. Pada masa yang bersamaan, baginda sentiasa mendoakan kebaikan untuk kaum dhu'afa' di Mekah.

Analisis Lafaz

"قَنَتَ", berdoa.

"أَحْيَاءٍ", bentuk jamak daripada perkataan *al-hayy* yang bermaksud sekumpulan orang dari suatu kabilah, yakni suatu puak dari suatu kabilah.

"مِنَ الْعَرَبِ", dari kalangan penduduk perkampungan Arab. Mereka adalah Dzakwan, suatu puak daripada Bani Salim yang menisbahkan diri mereka kepada Dzakwan ibn Tsa'labah; Ri'l adalah suatu puak dari kalangan Bani Salim yang juga menisbahkan diri mereka kepada Ri'l ibn Khalid ibn 'Auf dan 'Ushayyah adalah nama suatu puak dari kalangan Bani Salim yang juga menisbahkan diri mereka kepada 'Ushayyah ibn Khaffaf.

"ثُمَّ تَرَكَهُ", lalu baginda meninggalkan doa qunut ketika mengerjakan solat fardu yang sempat, tetapi masih tetap membacanya ketika mengerjakan solat Subuh dan ia tetap diamalkan seperti mana yang telah disebutkan secara khusus oleh satu riwayat yang mengatakan: "*Adapun dalam solat Subuh, baginda sentiasa membaca doa qunut di dalamnya hingga baginda wafat.*" Di dalam naskhah yang lain disebutkan "حتى فارق الحياة", tetapi maknanya sama, iaitu hingga baginda wafat.

"وَعَنْهُ", daripada Anas (r.a), yakni sama dengan hadis sebelumnya.

"إِذَا دَعَا لِقَوْمٍ", yakni mendoakan kebaikan untuk kaum dhu'afa dari kalangan penduduk Mekah.

"دَعَا عَلَى قَوْمٍ", berdoa untuk kebinasaan dan kehancuran orang yang telah membunuh ahli qurra'.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan membaca doa qunut setiap kali mengerjakan solat fardu apabila kaum muslimin sedang dilanda musibah atau malapetaka. Lafaz doa tersebut hendaklah disesuaikan dengan musibah atau malapetaka yang sedang menimpa mereka.
2. Disyariatkan membaca doa qunut ketika mengerjakan solat Subuh sesudah rukuk kedua. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i. Imam Malik menurut qaul yang sahih mengatakan bahawa doa qunut dilakukan sebelum rukuk yang kedua. Imam Ahmad berkata: "Doa qunut dilakukan pada rakaat ganjil ketika mengerjakan solat Isyak sesudah rukuk." Imam Abu Hanifah berkata: "Doa qunut dilakukan dalam rakaat ganjil dari solat Isyak sebelum rukuk."

٢٤٨- عَنْ سَعْدِ بْنِ طَارِقِ الْأَشْجَعِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قُلْتُ لِأَبِي: يَا أَبَتِ، إِنَّكَ قَدْ صَلَّيْتَ خَلْفَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبِي بَكْرٍ، وَعُمَرَ، وَعُثْمَانَ، وَعَلِيٍّ، أَفَكَانُوا يَقْنُتُونَ فِي الْفَجْرِ؟ قَالَ: أَيْ بُنَيَّ، مُحْدَثٌ. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ أَبَا دَاوُدَ.

248. Daripada Sa'ad ibn Thariq al-Asyja'i, beliau berkata: "Saya pernah bertanya kepada ayahku: "Hai ayahku, sesungguhnya engkau pernah solat di belakang Rasulullah (s.a.w), Abu Bakar, Umar, Utsman dan Ali. Apakah mereka membaca doa qunut ketika mengerjakan solat Subuh?" Ayahku menjawab: "Hai anakku, itu adalah perbuatan bid'ah." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, kecuali Abu Dawud)

Makna Hadis

Apa yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) memiliki tujuan yang berlainan antara satu sama lain. Ada ketikanya baginda berdoa untuk melaknat suatu kaum setiap kali mengerjakan solat lima waktu dan ini dilakukan ketika kaum muslimin sedang ditimpa musibah besar. Qunut seperti ini disebut qunut khusus yang lazim disebat *qunut nazilah*. Ada ketikanya pula baginda membaca doa qunut secara mutlak tanpa mengira adanya sebab-sebab tertentu.

Dalam kaitan ini, ada ulama yang berpendapat bahawa qunut mutlak ini dilakukan ketika mengerjakan solat witir secara khusus. Mereka berbeza pendapat dalam masalah ini. Sebahagian di antara mereka berpendapat bahawa qunut dilakukan sebelum rukuk dalam solat witir. Inilah pendapat Imam Abu Hanifah. Ada pula yang berpendapat bahawa doa qunut ini dibaca sesudah rukuk dalam solat witir. Inilah pendapat Imam Ahmad. Imam al-Syafi'i berpendapat bahawa doa qunut ini dibaca dalam solat witir yang dilakukan pada separuh terakhir bulan Ramadhan. Ada yang berpendapat bahawa doa qunut yang sentiasa diamalkan oleh Rasulullah (s.a.w) ialah ketika mengerjakan solat Subuh.

Tetapi mereka berselisih pendapat dalam masalah membaca doa qunut dalam solat Subuh. Antara mereka ada yang berpendapat bahawa qunut Subuh dilakukan sebelum rukuk pada rakaat kedua. Inilah pendapat Imam Malik. Ada pula yang berpendapat bahawa ia dilakukan sesudah mengangkat kepala daripada rukuk rakaat kedua. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i.

Dari sini dapat diambil satu kesimpulan bahawa setiap ulama memiliki hujah bagi menguatkan pendapatnya menerusi dalil naqli bahawa Nabi (s.a.w) pernah melakukan kesemuanya itu. Pembahasan masalah ini sememangnya luas. Hadis Anas sebelum ini yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad menjadi hujah bagi ulama yang mengatakan qunut dibaca ketika mengerjakan solat Subuh. Mereka menyanggah perkataan al-Asyja'i yang mengatakan: "Hai anakku, itu adalah perbuatan bid'ah." Di samping itu, ia merupakan ijtihad seorang sahabat, kerana hadis ini tidak bersumber secara terus kepada Nabi (s.a.w). Sungguhpun demikian, hadis al-Asyja'i dijadikan dalil oleh ulama yang mengatakan bahawa qunut tidak dibaca ketika mengerjakan solat Subuh.

Analisis Lafaz

"قُلْتُ لِأَبِي", aku bertanya kepada ayahku. Ayahnya bernama Thariq ibn Asyim ibn Mas'uad al-Asyja'i. Thariq adalah seorang sahabat yang telah meriwayatkan 14 hadis, dan anaknya yang dikenal dengan panggilan Abu Malik mengambil riwayat daripadanya.

"خَلْفَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبِي بَكْرٍ، وَعُمَرَ، وَعُثْمَانَ، وَعَلِيٍّ", di belakang Rasulullah (s.a.w), yakni engkau pernah bermakmum kepada Rasulullah (s.a.w) dan beberapa orang sahabatnya ketika mengerjakan solat.

Fiqh Hadis

Dilarang membaca doa qunut ketika mengerjakan solat Subuh. Hal ini dijadikan hujah oleh Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad.

Periwayat Hadis

Sa'd ibn Thariq al-Asyja'i, nama panggilannya adalah Abu Malik al-Kufi. Beliau mengambil riwayat daripada ayahnya dan juga daripada Anas. Kemudian al-Tsauri dan al-Sya'bi mengambil riwayat daripadanya. Beliau dinilai *tsiqah* oleh Imam Ahmad dan Ibn Mu'in.

Beliau dikurniakan usia yang panjang, iaitu lebih kurang seratus empat puluh tahun.

٢٤٩- عَنِ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: عَلَّمَنِي رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَلِمَاتٍ أَقُولُهُنَّ فِي قُنُوتِ الْوِتْرِ: "اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنِي فِيمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنِي فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لِي فِيمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ، فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلاَ يُقْضَى عَلَيْكَ، إِنَّهُ لاَ يَزِلُّ مَنْ وَالَيْتَ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ. وَزَادَ الطَّبَرَانِيُّ وَالْبَيْهَقِيُّ: "وَلاَ يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ". زَادَ النَّسَائِيُّ مِنْ وَجْهٍ آخَرَ فِي آخِرِهِ: "وَصَلَّى اللهُ عَلَى النَّبِيِّ.

وَلِلْبَيْهَقِيِّ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا: "كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُنَا دُعَاءً نَدْعُو بِهِ فِي الْقُنُوتِ مِنْ صَلاَةِ الصُّبْحِ. وَفِي سَنَدِهِ ضَعْفٌ.

249. Daripada al-Hasan ibn Ali (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) mengajarkan kepadaku kalimat-kalimat yang semestinya saya baca dalam qunut witir, iaitu:

"اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنِي فِيمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنِي فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ، وَبَارِكْ لِي فِيمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ، فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلاَ يُقْضَى عَلَيْكَ، إِنَّهُ لاَ يَزِلُّ مَنْ وَالَيْتَ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ."

"Ya Allah, berilah aku petunjuk bersama dengan orang yang telah Engkau beri petunjuk, dan selamatkanlah diriku bersama orang yang telah Engkau selamatkan, dan peliharalah diriku bersama orang yang telah Engkau pelihara dan berkatilah daku dalam semua apa yang telah Engkau berikan, dan peliharalah diriku daripada keburukan apa yang telah Engkau tetapkan, kerana sesungguhnya Engkaulah yang

memberi ketetapan dan tiada yang berkuasa terhadap-Mu. Sesungguhnya tidak akan terhina orang yang Engkau pelihara. Maha Agung Engkau, wahai Tuhan kami lagi Maha Tinggi Engkau." (Diriwayatkan oleh Khamsah)

Dalam riwayar al-Tabarani dan al-Baihaqi ditambahkan: "وَلاَ يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ" (Dan tidak akan mulia orang yang Engkau musuhi)."

Al-Nasa'i melalui riwayat yang lain menambahkan pada bahagian akhirnya: "وَصَلَّى اللهُ عَلَى النَّبِيِّ" (Dan semoga Allah (s.w.t) melimpahkan selawat-Nya kepada Nabi)."

Menurut al-Baihaqi daripada Ibn Abbas (r.a) disebutkan seperti berikut: "Rasulullah (s.a.w) dahulu pernah mengajarkan kepada kami suatu doa yang kami baca semasa berqunut dalam solat Subuh." (Di dalam sanad hadis ini mengandungi unsur dha'if)

Makna Hadis

Seperti sedia maklum bahwa doa yang paling afdhal adalah doa yang mencakupi permohonan kebaikan dunia dan akhirat. Tidak ada doa yang lebih afdhal daripada doa Rasullullah (s.a.w). Dalam kaitan ini, Rasulullah (s.a.w) mengajarkan doa qunut kepada al-Hasan bin Ali. Doa tersebut merupakan salah satu doa qunut, di samping banyak lagi lafaz doa qunut yang lain seperti mana ditetapkan menerusi jalur lain yang sebahagian ulama telah meriwayatkannya.

Analisis Lafaz

"كَلِمَاتٍ", beberapa kalimat yang semestinya saya membacanya dalam doa solat witir. Lafaz "كلمة" diertikan sebagai "جملة" termasuk ke dalam ungkapan menyebut nama sesuatu dengan nama salah satu bahagiannya.

"اللَّهُمَّ اهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ", teguhkan daku dalam hidayah bersama dengan orang yang telah Engkau beri hidayah dari kalangan para nabi, shiddiqin (orang-orang yang benar), syuhada dan orang soleh.

"وَعَافِنِي فِيمَنْ عَافَيْتَ", selamatkanlah diriku daripada bencana dan hawa nafsu bersama dengan orang yang telah Engkau selamatkan dari hal tersebut.

"وَتَوَلَّنِي فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ", berilah daku pemeliharaan dan asuhan bersama dengan orang yang Engkau pelihara dan janganlah Engkau serahkan diriku kepada hawa nafsuku.

"وَبَارِكْ لِي فِيمَا أَعْطَيْتَ", tambahkan keberkatan bagiku dalam semua apa yang telah Engkau berikan kepadaku berupa kebaikan dunia dan akhirat.

"وَقِنِي شَرَّ مَا قَضَيْتَ", peliharalah diriku dari perkara-perkara yang boleh mengakibatkan buruknya ketetapan-Mu ke atas diriku berupa kemurkaan dan amarah-Mu.

"فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلاَ يُقْضَى عَلَيْكَ", Engkaulah yang memberikan keputusan terhadap semua apa yang Engkau kehendaki dan tiada seorang pun yang berkuasa terhadap-Mu, tiada yang dapat menolak apa yang telah Engkau putuskan, dan tiada yang dapat menghalangi keputusan-Mu.

"إِنَّهُ لاَ يَزِلُّ مَنْ وَالَيْتَ", tidak akan terhina orang yang Engkau pelihara dari kalangan hamba-hamba-Mu di akhirat, sekalipun dia mendapat cubaan yang banyak dan berkuasa ke atasnya orang yang menghinanya secara zahir, tetapi itu bahkan kian menambahkan tinggi kedudukannya di sisi-Mu.

"وَلاَ يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ", tiadalah suatu kemulian sama ada di dunia mahupun di akhirat bagi orang yang Engkau musuhi, sekalipun dia diberi kenikmatan duniawi yang berlimpah, sebab dia tidak taat kepada perintah-Mu dan tidak pula menjauhi larangan-Mu.

"تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ", kebajikan dan kebaikan-Mu kian bertambah dan Maha Suci Engkau dari semua perkara yang tidak patut bagi-Mu.

"دُعَاءً نَدْعُو بِهِ فِي الْقُنُوتِ مِن الصُّبْحِ", suatu doa yang kami baca dalam qunut solat Subuh. Doanya ialah sama seperti yang telah disebut dalam hadis di atas.

"وَفِي سَنَدِهِ ضَعْفٌ", di dalam sanad hadis ini mengandungi unsur yang dha'if kerana di dalamnya terdapat Abdurrahman ibnu Hurmuz, seorang yang dha'if.

Fiqh Hadis

Disyariatkan membaca doa qunut ketika mengerjakan solat Subuh. Inilah yang dijadikan pegangan oleh Imam al-Syafii dan ia dilakukan setelah melakukan rukuk pada rakaat kedua. Imam Malik turut menganggap sunat membaca qunut dalam solat Subuh, tetapi dilakukan sebelum melakukan rukuk pada rakaat kedua.

Periwayat Hadis

Al-Hasan ibn Ali ibn Abu Thalib al-Hasyimi, nama panggilannya Abu Muhammad. Beliau adalah cucu Rasulullah (s.a.w) dan merupakan kesayangan sekali gus buah hati baginda. Nabi (s.a.w) pernah bersabda:

الْحَسَنُ وَالْحُسَيْنُ سَيِّدَا شَبَابِ أَهْلِ الْجَنَّةِ.

"*Al-Hasan dan al-Husain keduanya adalah pemimpin para pemuda penghuni syurga.*"

Al-Hasan (r.a) dilahirkan pada tahun 3 Hijriah dan meninggal dunia pada tahun 49 Hijriah dan jenazahnya dikebumikan di al-Baqi'.

٢٥٠- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا سَجَدَ أَحَدُكُمْ فَلاَ يَبْرُكْ كَمَا يَبْرُكُ الْبَعِيرُ، وَلْيَضَعْ يَدَيْهِ قَبْلَ رُكْبَتَيْهِ". أَخْرَجَهُ الثَّلاَثَةُ. وَهُوَ أَقْوَى مِنْ حَدِيثِ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ: رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا سَجَدَ وَضَعَ رُكْبَتَيْهِ قَبْلَ يَدَيْهِ. أَخْرَجَهُ الأَرْبَعَةُ. فَإِنْ لِلأَوَّلِ شَاهِدًا مِنْ حَدِيثِ: ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ صَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ، وَذَكَرَهُ الْبُخَارِيُّ مُعَلَّقًا مَوْقُوفًا.

250. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "Jika seseorang di antara kamu sujud, maka janganlah dia mendekam sebagaimana unta mendekam, melainkan hendaklah dia meletakkan kedua telapak tangannya sebelum kedua lututnya. (Diriwayatkan oleh al-Tsalatsah. Hadis ini lebih kuat daripada hadis Wa'il ibn Hujr)

Hadis Wa'il ibn Hujr ialah seperti berikut: "Saya pernah melihat Nabi (s.a.w) apabila sedang sujud, baginda meletakkan kedua lututnya sebelum kedua tangannya." (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah). Ini kerana hadis yang pertama mempunyai *syahid* (bukti) daripada hadis Ibn Umar (r.a) yang dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah dan disebut oleh al-Bukhari secara ma'allaq dan juga mawquf.

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menyuruh kita berbeza dengan semua jenis haiwan ketika hendak melakukan sujud dan rukuk. Baginda menerangkan kepada kita tentang gambaran sujud yang disyariatkan dan melarang kita melakukan sujud sebagaimana unta sedang mendekam.

Analisis Lafaz

"وَلْيَضَعْ يَدَيْهِ قَبْلَ رُكْبَتَيْهِ", Ibn al-Qayyim telah melakukan penelitian mengenai masalah ini. Beliau berkata: "Di dalam hadis Abu Hurairah (r.a) terdapat *qalb* (terbalik) yang dilakukan oleh nya. Asal hadis tersebut ialah:

وَلْيَضَعْ رُكْبَتَيْهِ قَبْلَ يَدَيْهِ.

"*Dan hendaklah dia meletakkan kedua lututnya sebelum kedua tangannya.*"

Ini dibuktikan melalui sabda Rasulullah (s.a.w) sebelumnya iaitu:

فَلاَ يَبْرُكْ كَمَا يَبْرُكُ الْبَعِيرُ.

"*Maka janganlah dia mendekam sebagaimana unta mendekam.*"

Seperti sedia maklum, cara mendekam unta ialah kedua kaki bahagian hadapan lebih dahulu diletakkan berbanding kedua kaki bahagian belakang. Ini kerana ada perintah dari Rasulullah (s.a.w) yang menganjurkan untuk berbeza dengan semua jenis haiwan dalam melakukan gerakan solat.

"وَذَكَرَهُ الْبُخَارِيُّ", *syahid* atau bukti itu disebut oleh al-Bukhari.

"مُعَلَّقًا مَوْقُوفًا", al-Bukhari mengatakan bahawa Nafi' berkata:

كَانَ ابْنُ عُمَرَ يَضَعُ يَدَيْهِ قَبْلَ رُكْبَتَيْهِ.

"*Ibn Umar selalunya meletakkan kedua tangannya sebelum kedua lututnya.*"

Al-Nawawi berkata: "Pada mulanya meletakkan kedua tangan sebelum kedua lutut, kemudian mereka diperintah untuk meletakkan kedua lutut sebelum kedua tangan." Al-Nawawi berkata: "Di dalam hadis Abu Hurairah (r.a) terdapat *idhthirab* (*mudhtharib*) kerana telah diriwayatkan daripadanya dua permasalahan."

Fiqh Hadis

1. Dilarang menyerupai haiwan dalam melakukan gerakan solat.
2. Disyariatkan mendahulukan kedua lutut ke atas kedua tangan ketika hendak bersujud, yakni meletakkan kedua lutut lebih dahulu berbanding kedua tangan.

٢٥١- عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا قَعَدَ لِلتَّشَهُّدِ وَضَعَ يَدَهُ الْيُسْرَى عَلَى رُكْبَتِهِ الْيُسْرَى، وَالْيُمْنَى عَلَى الْيُمْنَى، وَعَقَدَ ثَلاَثًا وَخَمْسِينَ، وَأَشَارَ بِإِصْبَعِهِ السَّبَّابَةِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

وَفِي رِوَايَةٍ لَهُ: وَقَبَضَ أَصَابِعَهُ كُلَّهَا، وَأَشَارَ بِالَّتِي تَلِي ٱلإِبْهَامَ.

251. Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa jika Rasulullah (s.a.w) duduk untuk bertasyahhud, baginda meletakkan tangan kiri di atas lutut yang sebelah kiri dan tangan kanan di atas lutut yang sebelah kanan seraya membuat bilangan tiga dan lima puluh, dan memberi isyarat dengan ibu jarinya. (Diriwayatkan oleh Muslim)

Menurut riwayat yang lain oleh Muslim disebutkan seperti berikut: "Baginda menggenggam kesemua jarinya seraya memberi isyarat dengan jari yang bersebelahan dengan jari telunjuk, yakni ibu jari)."

Makna Hadis

Duduk dengan cara apa pun yang dilakukan oleh seseorang yang sedang solat untuk bertasyahhud sudah dianggap memadai, tetapi cara yang lebih sempurna adalah seperti mana yang diterangkan oleh hadis ini, iaitu jika hendak duduk untuk tasyahhud, baginda meletakkan tangan kiri di atas lutut kiri dan tangan kanan di atas lutut kanan seraya menggenggam bilangan tiga dan lima puluh. Bilangan tiga dengan menggenggam jari manis, kelingking, dan jari tengah, sedangkan bilangan lima puluh diisyaratkan dengan jemari tangan kiri yang tidak digenggam. Ini merupakan cara menghitung yang berlaku di kalangan masyarakat Arab.

Analisis Lafaz

"قَعَدَ لِلتَّشَهُّدِ", duduk untuk melakukan tasyahhud. Dinamakan tasyahhud kerana di dalamnya terdapat bacaan kalimat syahadat yang mesti diutamakan berbanding zikir lain yang ada padanya memandangkan kemuliaan yang ada padanya.

"وَعَقَدَ ثَلاَثًا وَخَمْسِينَ", membuat hitungan dengan tangan kiri sebagai ungkapan bilangan lima puluh, sedangkan jari manis, kelingking dan jari tengah tangan kanan digenggamkan sebagai ungkapan kiasan yang menunjukkan bilangan tiga dan mensejajarkan ibu jari dan jari tengah lalu mengisyaratkan dengan jari telunjuknya.

"وَأَشَارَ بِإِصْبَعِهِ السَّبَّابَةِ", baginda mengisyaratkan dengan jari telunjuk kerana urat-uratnya berhubungan secara langsung dengan hati. Jari ini dinamakan *al-sabbaabah* kerana mereka selalunya mengisyaratkan dengannya ketika mengeluarkan kata-kata makian saat bergaduh dan lain-lain sebagainya. Jari ini dinamakan pula *al-musabbihah* kerana ia digunakan sebagai isyarat untuk menggerakkan tasbih ketika bertahlil dan sebagai isyarat kepada tauhid.

"وَقَبَضَ أَصَابِعَهُ كُلَّهَا", yakni menggenggamkan jari tangan kanan ke telapak tangan.

"اَلَّتِي تَلِي ٱلإِبْهَامَ", kata sifat yang menunjukkan kepada jari telunjuk.

Tambahan

Nama-nama jari tangan dalam bahasa Arab; *al-khinshir* untuk jari manis, *al-binshir* untuk jari kelingking, *al-wustha* untuk jari tengah, *al-sabbabah* untuk jari telunjuk dan *al-ibham* untuk ibu jari.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan meletakkan kedua telapak tangan di atas kedua lutut ketika duduk untuk tasyahhud.
2. Disunatkan menggenggam jari tangan kanan dan berisyarat dengan jari telunjuk. Ulama berselisih pendapat mengenai cara memberi isyarat dengan jari telunjuk ini. Imam Malik mengatakan bahawa orang yang solat hendaklah berisyarat dengan jari telunjuk dan menggerak-gerikannya ke sebelah kanan dan ke sebelah kiri. Hikmah gerakan ini ialah untuk mengingatkan orang yang sedang solat kepada keadaan solat yang sedang dikerjakannya, kerana urat-urat jari telunjuk berhubungan secara terus dengan hati. Jika jari telunjuk bergerak, maka hati pun turut tergugah hingga orang berkenaan ingat yang dia sedang solat. Di dalam satu riwayat yang disebut oleh Imam Ahmad daripada Ibn Umar (r.a) bahwa gerakan ini amat menyeksa syaitan. Mazhab al-Syafi'i mengatakan bahawa seseorang hendaklah berisyarat dengan jari telunjuk ketika mengucapkan kalimat "إلا الله", tetapi dia tidak boleh menggerak-gerikannya dan hendaklah dia tetap mengangkatnya hingga bangkit daripada tasyahhud pertama atau hingga mengucapkan salam dalam tasyahhud akhir. Hendaklah dia berniat mengisyaratkan kepada tauhid ketika mengangkat jari telunjuknya itu. Mazhab Hanafi mengatakan, hendaklah seseorang menegakkan jari telunjuknya ketika mengucapkan kalimat "لا إله" dan menurunkannya ketika mengucapkan lafaz "إلا الله" dengan tujuan ketika mengangkatnya menunjukkan kepada pengertian *nafi* (penafian) dan ketika menurunkannya menunjukkan kepada pengertian *itsbat* (penetapan). Mazhab Hanbali mengatakan bahawa seseorang hendaklah mengisyaratkan dengan jari telunjuknya ketika membaca lafaz al-Jalalah untuk mengingatkan kepada tauhid dan tidak menggerak-gerikannya. Mereka turut berbeza pendapat mengenai waktu menggenggam jemari. Jumhur ulama mengatakan, hendaklah seseorang menggenggam jemarinya ketika duduk untuk tasyahhud. Mazhab Hanafi mengikut pendapat yang terpilih di kalangan mereka mengatakan bahawa seseorang hendaklah membuka kedua telapak tangan di atas kedua pahanya, kemudian menggenggam jari tangan yang sebelah kanan ketika mengisyaratkan dengan jari telunjuk, yakni ketika mengucapkan kalimah syahadat.

٢٥٢- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: الْتَفَتَ إِلَيْنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيَقُلْ: التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ، وَالصَّلَوَاتُ، وَالطَّيِّبَاتُ، السَّلاَمُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ، اَلسَّلاَمُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، ثُمَّ لِيَتَخَيَّرْ مِنْ الدُّعَاءِ أَعْجَبُهُ إِلَيْهِ، فَيَدْعُو. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

وَلِلنَّسَائِيِّ: كُنَّا نَقُولُ قَبْلَ أَنْ يُفْرَضَ عَلَيْنَا التَّشَهُّدُ. وَلِأَحْمَدَ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَّمَهُ التَّشَهُّدَ، وَأَمَرَهُ أَنْ يُعَلِّمَهُ النَّاسَ.

252. Daripada Abdullah ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) menoleh ke arah kami, lalu baginda bersabda: "Jika seseorang di antara kamu solat, maka hendaklah dia membaca:

التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ، وَالصَّلَوَاتُ، وَالطَّيِّبَاتُ، السَّلاَمُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ، اَلسَّلاَمُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

"Segala kehormatan adalah milik Allah, begitu pula semua salam dan semua kebaikan. Semoga kesejahteraan sentiasa berlimpah kepadamu, wahai Nabi, begitu pula rahmat Allah dan semua keberkatan-Nya. Semoga kesejahteraan berlimpah pula kepada kami dan juga kepada hamba-hamba Allah yang soleh. Aku bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah semata, tiada sekutu bagi-Nya, dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad adalah hamba dan pesuruh Allah." Kemudian hendaklah dia memilih doa yang disukainya untuk dia baca." (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis ini menurut al-Bukhari)

Menurut riwayat al-Nasa'i disebutkan seperti berikut: "Kami dahulu sebelum diwajibkan kepada kami membaca tasyahhud selalunya mengucapkan…" Menurut riwayat Imam Ahmad disebutkan: "Nabi (s.a.w) mengajarkan kepadanya (Ibn Mas'ud (r.a) bacaan tasyahhud dan baginda memerintahkannya agar mengajarkan tasyahhud itu kepada orang ramai."

Makna Hadis

Kalimat tasyahhud memiliki banyak bentuk lafaz yang kesemuanya disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh dua puluh empat orang sahabat.

Jumhur ulama memilih salah satu di antaranya seperti mana yang disebutkan di dalam hadis Ibn Mas'ud (r.a). Dengan membaca salah satu lafaz tasyahhud, maka itu sudah dianggap memadai. Nabi (s.a.w) amat mementingkan tasyahhud dan mengajarkannya kepada para sahabatnya di samping mereka berkewajipan mengajarkannya kepada orang lain.

Analisis Lafaz

"التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ", bentuk jamak dari lafaz *al-tahiyyah*, ertinya kerajaan, keabadian dan kebesaran. Diungkapkan dalam bentuk jamak kerana setiap raja Arab mempunyai kebiasaan mengucapkan salam penghormatan khusus untuk menghormati rakan-

rakannya. Menurut pendapat yang lain, semua penghormatan yang mereka ucapkan pada hakikatnya adalah milik Allah. Dialah yang berhak menerimanya.

"الصَّلَوَاتُ", maksudnya solat lima waktu wajib dikerjakan hanya untuk Allah semata, tidak boleh ditujukan kepada selain-Nya.

"الطَّيِّبَاتُ", kalimat-kalimat yang layak sebagai pujian untuk-Nya. Semua itu adalah milik Allah. Di dalam lafaz *al-tahiyyat* mengandungi makna ibadah qauliyyah, *al-shalawat* adalah ibadah fi'liyyah dan *al-thayyibat* adalah ibadah maliyah.

"السَّلاَمُ عَلَيْكَ", selamat dari pelbagai jenis penyakit dan musibah. Menurut pendapat lain, maksudnya adalah salam penghormatan seperti mana sedia maklum, kerana Nabi (s.a.w) adalah perantara paling agung dan khalifah paling mulia di sisi Allah. Bercakap dengan baginda sama berbicara kepada Allah (s.w.t). Allah (s.w.t) berfirman:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ ٱللَّهَ ..... ﴿١٠﴾

"*Sesungguhnya orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad - untuk berjuang menentang musuh), mereka hanyasanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah…*" (Surah al-Fath: 10)

Salam dari Allah adalah rahmat, salam dari malaikat adalah permohonan ampun, dan salam dari manusia ialah bertadharru' dan doa.

"وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ", kebajikan dan kebaikannya yang banyak. Rahmat ialah kebajikan, sedangkan barakah adalah kebaikan yang berlimpah.

"وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِينَ", mereka adalah orang yang menunaikan kewajipan mereka kepada Allah dan juga kepada hamba Allah.

"أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ", *qasr ifrad* kerana orang musyrik turut menyembah-Nya dan menyekutukan yang lain bersama-Nya, padahal tidak ada yang berhak disembah selain Allah semata.

"لِيَتَخَيَّرْ مِنْ الدُّعَاءِ أَعْجَبُهُ", hendaklah dia memilih doa yang disukainya untuk dibaca.

Dahulu sebelum diwajibkan tasyahhud, kami selalunya membaca.... di mana bentuk lengkap riwayat ini ialah seperti berikut:

السَّلاَمُ عَلَى اللهِ، السَّلاَمُ عَلَى جِبْرِيْلَ وَمِيْكَائِيْلَ، فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لاَ تَقُوْلُوْا هَكَذَا وَلَكِنْ قُوْلُوْا: التَّحِيَّاتُ... الْحَدِيْثَ.

"*Salam penghormatan kepada Allah dan salam penghormatan kepada Jibril dan Mikail. Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jangan kamu mengatakan demikian, melainkan bacalah: "Al-thahiyyat… hingga akhir hadis.*"

"يُفْرَضَ عَلَيْنَا", sebelum diwajibkan kepada kami. Ini menunjukkan bahawa membaca tasyahhud hukumnya adalah wajib.

Fiqh Hadis

1. Seseorang dilarang mengucapkan "السَّلاَمُ على الله".

2. Disyariatkan membaca tasyahhud menurut kalimat yang pernah diajarkan oleh Rasulullah (s.a.w). Ini menurut pendapat Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad.
3. Disunatkan memulakan doa terlebih dahulu untuk diri sendiri, lalu berdoa untuk orang lain secara umum.
4. Disyariatkan membaca doa sesudah tasyahhud dan sebelum salam, iaitu mana-mana yang berkaitan dengan kebaikan dunia dan akhirat, namun doa itu tidak boleh memuatkan dosa. Inilah pendapat jumhur ulama. Imam Abu Hanifah berkata: "Tidak boleh membaca doa kecuali lafaz doa yang terdapat di dalam al-Qur'an atau Sunnah atau lafaz doa yang serupa dengan lafaz al-Qur'an, namun tidak boleh membaca lafaz doa yang mempunyai kesamaan dengan percakapan manusia."
5. Wajib membaca tasyahhud pada tempatnya di dalam solat. Tasyahhud merupakan rukun solat dalam rakaat terakhir dan sunat dalam rakaat kedua.

٢٥٣- وَلِمُسْلِمٍ: عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَلِّمُنَا التَّشَهُّدَ: "التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ لِلهِ ... إِلَى آخِرِهِ.

253. Menurut riwayat Muslim daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) dahulu mengajarkan kami tasyahhud, iaitu: "التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ لِلهِ" (Semua penghormatan, keberkatan, solat lima waktu dan kebaikan hanyalah milik Allah….) hingga akhir hadis."

Makna Hadis

Tasyahhud yang diajarkan oleh Nabi (s.a.w) kepada para sahabatnya menunjukkan betapa besar perhatian baginda terhadap tasyahhud ini. Banyak riwayat yang menceritakan Nabi (s.a.w) mengajarkan para sahabatnya bacaan tasyahhud dalam bentuk lafaz yang beragam, hingga hadis mengenai tasyahhud ini telah diriwayatkan dengan lafaz yang berbeza-beza antara satu sama lain oleh dua puluh empat orang sahabat. Apapun, membaca salah satu lafaz tasyahhud ini sudah dianggap memadai, meskipun apa yang terdapat di dalam hadis Ibn Abbas ini paling kuat.

Analisis Lafaz

"التَّشَهُّدَ", dinamakan demikian kerana di dalamnya terkandung kalimat syahadat. Oleh kerana lafaz syahadat merupakan kalimat yang mulia, maka ia menjadi sebutan ke atas kalimat ini.

"الْمُبَارَكَاتُ", bentuk jamak lafaz *mubarakah* yang berasal daripada perkataan barakah, ertinya kebaikan yang berlimpah dan sentiasa bertambah. Tambahan ini ada pada hadis Ibn Abbas, sebagaimana disebutkan pula dalam hadis Ibn Mas'ud sebelum ini tentang adanya tambahan huruf *waw* sebelum lafaz yang di-*'athaf*-kan kepada lafaz "التحيات".

"إِلَى آخِرِهِ", sampai akhir hadis. Lengkapnya ialah seperti berikut:
السَّلاَمُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ، السَّلاَمُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِيْنَ، أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ.

"Semoga kesejahteraan, rahmat Allah dan keberkatan-Nya berlimpah kepadamu, wahai Nabi. Semoga kesejahteraan berlimpah pula kepada kami dan kepada hamba-hamba Allah yang soleh. Aku bersaksi bahawa tidak ada tuhan selain Allah dan bahawa Muhammad adalah hamba dan pesuruh-Nya.

Fiqh Hadis

Disyariatkan membaca tasyahhud dengan kalimat yang telah disebutkan di dalam hadis ini. Ini menjadi pilihan Imam al-Syafii memandangkan di dalamnya ada tambahan lafaz "المباركات", kerana kalimat ini bersesuaian dengan apa yang disebut di dalam firman-Nya:

..... تَحِيَّةً مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ مُبَـٰرَكَةً طَيِّبَةً ..... ﴿٦١﴾

"*…salam yang ditetapkan dari sisi Allah, yang diberi berkat lagi baik…*" (Surah al-Nuur: 61)

Al-Baihaqi turut mengutamakan hadis ini dan berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah mengajarkannya kepada Ibn Abbas dan rakan-rakan yang sebaya dengannya dari kalangan sahabat yang masih berusia muda. Dengan demikian, hadis ini adalah hadis terakhir dalam masalah tasyahhud dan lebih baru dibandingkan dengan tasyahhud yang disebutkan dalam hadis Ibn Mas'ud dan selainnya.

Tetapi Malik memilih tasyahhud 'Umar r.a yang lafaznya ialah seperti berikut:
التَّحِيَّاتُ لِلهِ الزَّاكِيَاتُ لِلهِ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلهِ، السَّلاَمُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

"Semua penghormatan adalah milik Allah, semua sesuatu yang suci adalah milik Allah, semua solat dan sesuatu yang baik adalah milik Allah. Semoga kesejateraan berlimpah kepadamu, wahai Nabi, begitu pula rahmat Allah dan keberkatannya..." hingga akhir tasyahhud.

٢٥٤- عَنْ فُضَالَةَ بْنِ عُبَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلاً يَدْعُو فِي صَلاَتِهِ، لَمْ يَحْمَدِ اللهُ، وَلَمْ يُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "عَجِلَ هَذَا" ثُمَّ دَعَاهُ، فَقَالَ: "إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيَبْدَأْ بِتَحْمِيدِ رَبِّهِ وَالثَّنَاءِ عَلَيْهِ، ثُمَّ يُصَلِّي عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ يَدْعُو بِمَا شَاءَ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالثَّلاَثَةُ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ، وَابْنُ حِبَّانَ، وَالْحَاكِمُ.

254. Daripada Fudhalah ibn 'Ubaid (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) mendengar seorang lelaki sedang berdoa di dalam solatnya tanpa membaca *hamdalah* dan selawat ke atas Nabi (s.a.w). Mendengar itu, baginda bersabda: "Lelaki ini terlampau terburu-buru dalam doanya." Kemudian baginda memanggilnya dan bersabda kepadanya: "Jika seseorang di antara kamu solat

(berdoa), maka hendaklah dia memulakannya dengan *hamdalah* dan memanjatkan sanjungan kepada-Nya, kemudian membaca selawat ke atas Nabi (s.a.w). Setelah itu barulah dia berdoa seperti apa yang dia inginkan.” (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Tsalatsah, dinilai sahih oleh al-Tirmizi, Ibn Hibban dan al-Hakim)

Makna Hadis

Doa mempunyai etika tersendiri yang mesti ditaati apabila ingin doanya dimakbulkan, antara lain adalah memulakannya dengan membaca *hamdalah* dan memanjatkan sanjungan kepada-Nya serta berselawat ke atas Nabi (s.a.w), kerana baginda merupakan *wasilah al-‘uzhma* (perantara yang paling agung) dalam memperoleh hidayah dan bimbingan. Sesudah itu barulah seseorang berdoa memohon apa yang dikehendakinya.

Rasulullah (s.a.w) pernah mendengar seorang lelaki yang tidak tahu bagaimana cara berdoa yang betul, kerana tidak mengindahkan etika tersebut dalam doanya. Melihat itu, Nabi (s.a.w) menyebutnya sebagai orang yang terburu-buru dalam berdoa dan tidak ada jaminan yang dia tidak akan melakukan kesalahan. Baginda bersabda: “Lelaki ini terlampau tergesa-gesa.” Kemudian baginda memanggil lelaki itu dan mengajarkan kepadanya etika yang mesti ditaati ketika berdoa.

Analisis Lafaz

“عَجِلَ هَذَا”, terlampau tergesa-gesa ketika berdoa hingga tidak sempat membaca *hamdalah* dan memanjatkan sanjungan kepada-Nya serta selawat ke atas Nabi (s.a.w). Jika seseorang berdoa hendaklah membaca *hamdalah* dan menyanjung-Nya, lalu membaca selawat ke atas Nabi (s.a.w) dengan membaca kalimat seperti mana dalam lafaz tasyahhud.

“ثُمَّ يَدْعُو بِمَا شَاءَ”, kemudian barulah dia berdoa memohon apa yang dia kehendaki berupa kebaikan dunia dan akhirat. Inilah pendapat jumhur ulama. Tetapi Imam Abu Hanifah berbeza pendapat dengan mereka dalam masalah ini.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan membaca *hamdalah* dan salawat ke atas Nabi (s.a.w) ketika bertasyahhud.
2. Doa dibaca sesudah tasyahhud dan sebelum salam. Dalam kaitan ini dianjurkan hanya sebatas menurut apa yang disebutkan di dalam hadis.

Periwayat Hadis

Fudhalah ibn ‘Ubaid al-Ansari al-Ausi, nama panggilannya Abu Muhammad. Beliau ikut serta dalam perang Uhud dan Bai’at al-Ridhwan, dan pernah menjawat sebagai kadi di Damsyiq. Beliau meriwayatkan 50 hadis. Abdul Rahman ibn

Muhairiz dan Muhammad ibn Ka'b mengambil riwayat hadis daripadanya. Al-Mada'ini mengatakan bahawa Fudhalah meninggal dunia pada tahun 53 Hijriah.

٢٥٥- عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ ٱلأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ بَشِيرُ بْنُ سَعْدٍ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَمَرَنَا اللهُ أَنْ نُصَلِّيَ عَلَيْكَ، فَكَيْفَ نُصَلِّي عَلَيْكَ؟ فَسَكَتَ، ثُمَّ قَالَ: "قُولُوا: اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَالسَّلَامُ كَمَا عَلَّمْتُكُمْ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

وَزَادَ ابْنُ خُزَيْمَةَ فِيهِ: فَكَيْفَ نُصَلِّي عَلَيْكَ، إِذَا نَحْنُ صَلَّيْنَا عَلَيْكَ فِي صَلاَتِنَا.

255. Daripada Ibn Mas'ud al-Anshari (r.a), beliau berkata: "Basyir ibn Sa'd bertanya: "Wahai Rasulullah, Allah telah memerintahkan kepada kami supaya membaca selawat kepadamu, bagaimanakah cara berselawat kepadamu itu?" Nabi (s.a.w) berdiam, kemudian bersabda: "Bacalah oleh kamu:

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

"Ya Allah, limpahkan selawat kepada Muhammad dan juga kepada keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah melimpahkan selawat kepada Ibrahim. Dan berkatilah Muhammad serta keluarga Muhammad, sebagaimana Engkau telah memberkati Ibrahim di kalangan semua manusia. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Agung." Adapun salam adalah seperti yang telah kamu ketahui." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Ibn Khuzaimah menambahkan di dalam hadis ini: "Bagaimanakah kami membaca selawat ke atasmu apabila kami berselawat ketika di dalam solat?

Makna Hadis

Wajib membaca selawat ke atas Nabi (s.a.w) ketika dalam tasyahhud akhir, menurut pendapat Imam al-Syafi'i, sebagai membalas sebahagian jasa perjuangan baginda kepada kita. Oleh itu, sahabat bertanya kepada Nabi (s.a.w) tentang cara membaca selawat tersebut, kemudian Rasulullah (s.a.w) mengajarkan kepadanya cara yang disyariatkan. Selawat ini juga mengandungi permohonan selawat untuk keluarga baginda, iaitu ahli baitnya yang suci, sebagaimana terkandung pula di dalamnya keutamaan Nabi Ibrahim, bapa sekalian para nabi.

Analisis Lafaz

Basyir ibn Sa'ad ibn Tsa'labah al-Ansari al-Khazraji al-Badri, beliau turut serta dalam perang Uhud, perang al-Khandaq dan peperangan sesudahnya, dan mati sebagai syahid di 'Ain Tamar pada tahun 13 Hijriah.

"أَمَرَنَا اللهُ أَنْ نُصَلِّيَ عَلَيْكَ", Allah telah memerintahkan kepada kita agar berselawat ke atasmu menerusi firman-Nya:

..... صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا ﴿٥٦﴾

"… *Berselawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya.*" (Surah al-Ahzab: 56)

"فَسَكَتَ", maka baginda diam. Menurut riwayat Imam Ahmad dan Muslim ditambahkan: "Hingga kami berharap, seandainya dia (Basyir) tidak mengajukan soalan itu kepada Nabi (s.a.w)."

"اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ", agungkan dia di dunia dengan meninggikan sebutannya dan menjayakan agamanya serta meneruskan syariatnya, dan di akhirat dengan pahala yang berlimpah kepadanya dan diberi izin untuk memberi syafaat kepada seluruh umatnya. Oleh kerana manusia tidak mampu untuk mencapai kewajipan yang mesti mereka lakukan kepadanya, maka kita disyariatkan memohon itu kepada Allah kerana Dia adalah Yang Maha Mengetahui tentang apa yang patut untuknya dan Maha Kuasa untuk memberinya.

"آلِ مُحَمَّدٍ", perbezaan pendapat mengenai pengertian lafaz "آل" hendaklah dilihat dari sudut keadaannya. Jika dalam keadaan doa, maka maksudnya ialah *ummah al-ijabah* (umat Nabi Muhammad). Jika dalam keadaan pujian, maka maksudnya adalah orang yang bertakwa. Jika dalam keadaan zakat, maka maksudnya adalah mereka yang haram menerima zakat.

"كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ", maksudnya ialah memohon selawat ke atas Nabi (s.a.w) dan keluarganya, sebagaimana selawat yang telah dilimpahkan oleh Allah kepada Nabi Ibrahim dan keluarganya. Seperti sedia maklum bahawa keluarga Nabi Ibrahim adalah para nabi dan para rasul. Dengan demikian, semua selawat yang telah dilimpahkan oleh Allah (s.w.t) kepada mereka diharapkan semoga dilimpahkan hanya ke atas Rasulullah (s.a.w). Dengan ini, nampaklah keunggulan baginda di atas segala makhluk, kerana baginda diberi pahala yang sama dengan semua pahala dan semua selawat yang telah diberikan kepada mereka.

"حَمِيدٌ", bermakna "حامد", yakni Engkau memuji orang yang berhak untuk dipuji dan memuji orang yang paling berhak di antara hamba-hamba-Mu dengan pujian-Mu dan menerima doa orang yang berdoa untuknya dan untuk keluarganya.

"مَجِيدٌ", bentuk *mubalaghah* lafaz "ماجد", kata sifat bagi Tuhan Yang Maha Agung. Lafaz ini berkedudukan sebagai *khabar* kedua.

Fiqh Hadis

1. Barang siapa yang diperintahkan melakukan sesuatu, sedangkan dia masih belum faham cara untuk melakukannya, maka hendaklah dia bertanya kepada *ahli al-dzikir*.
2. Disyariatkan membaca selawat ke atas Nabi (s.a.w) dengan *shighat* (kalimat) yang tersebut di atas.
3. Menerangkan kemuliaan para sahabat dan sejauh mana perhatian mereka yang sangat dalam meneliti hukum-hakam agama.
4. Menerangkan kemuliaan Nabi Ibrahim yang sentiasa bertambah dengan membaca selawat ini.

Periwayat Hadis

Abu Mas'ud, nama aslinya adalah 'Uqbah ibn 'Amir al-Khazraji al-Badri. Al-Bukhari mengkategorikannya sebagai ahli Badar. Beliau meriwayatkan 102 hadis, dan Qais ibn Abu Hazm mengambil riwayat daripadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 40 Hijriah

٢٥٦- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا تَشَهَّدَ أَحَدُكُمْ فَلْيَسْتَعِذْ بِاللهِ مِنْ أَرْبَعٍ، يَقُولُ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ، وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَفِي رِوَايَةٍ لِمُسْلِمٍ: "إِذَا فَرَغَ أَحَدُكُمْ مِنْ التَّشَهُّدِ الأَخِيرِ".

256. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu bertasyahhud, maka hendaklah dia meminta perlindungan kepada Allah daripada empat perkara, iaitu dengan membaca doa:*

اَللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ، وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ.

"Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari azab neraka Jahannam, dari azab kubur, dari fitnah dalam hidup dan setelah mati, dan juga dari fitnah al-Masih al-Dajjal." (Muttafaq alaihi)

Di dalam riwayat Muslim disebutkan: "*Apabila seseorang di antara kamu selesai dari tasyahhud akhir.*"

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) sentiasa berbelas kasihan dan amat memperhatikan umatnya supaya mereka tidak melakukan perbuatan maksiat dan setiap perkara yang boleh menjerumuskan mereka ke dalam lembah dosa. Untuk itu, baginda memberikan mereka cara membahagiakan mereka di dunia dan akhirat melalui doa yang baginda ajarkan. Doa itu merupakan *jami' al-kalim* yang di dalamnya mengandungi perlindungan daripada siksa neraka Jahannam dan daripada segala fitnah yang melanda manusia sepanjang masa hidup dan ketika menjelang mati. Hidup manusia sentiasa terdedah kepada bahaya dan kejahatan apabila tidak mendapat perlindungan daripada Allah Yang Maha Pernurah lagi Maha Penyayang.

Pada akhir doa tersebut disebutkan permohonan perlindungan kepada Allah daripada fitnah yang paling besar, paling merbahaya, dan paling luas mudharat (bahaya)nya. Umat ini pada akhir zaman kelak akan mendapat cubaan fitnah tersebut, iaitu kemunculan al-masih al-Dajjal yang menyeru manusia kepada kebatilan dan perbuatan dosa. Kebenaran pun menjadi pudar bagi mereka dan segala urusan umat manusia menjadi kacau bilau. Pada zaman itu mereka hampir tidak dapat membezakan lagi antara mana yang bermanfaat dan mana yang mudharat, mana yang baik dan mana yang buruk. Semoga Allah melindungi kita daripada fitnah ini dan menunjukkan kita ke arah jalan yang lurus.

Analisis Lafaz

"فَلْيَسْتَعِذْ بِاللهِ", *al-isti'adzah* adalah memohon perlindungan kepada Allah dan berpegang teguh kepada-Nya.

"فِتْنَةِ الْمَحْيَا", fitnah adalah ujian dan cubaan. Maksudnya ialah sesuatu yang melanda manusia dalam masa hidupnya berupa cubaan dalam urusan duniawi (harta), nafsu syahwat, dan kebodohan yang disertai dengan tiada kesabaran atau keteguhan hati dalam menghadapi segala dugaan itu.

"فِتْنَةِ الْمَمَاتِ", cubaan ketika menjelang masa untuk meninggal dunia berupa su'ul khatimah dan cubaan sesudah itu berupa pertanyaan kubur.

"فِتْنَةِ الْمَسِيحِ", ujian dan dugaan yang dilancarkan oleh al-Masih al-Dajjal. Dinamakan al-Masih kerana salah satu matanya telah dikutuk hingga rata tidak ada memiliki biji mata.

"الدَّجَّالِ", ia berasal dari perkataan *al-dajl* yang bermaksud kacau. Diberi nama demikian kerana dia mencampuradukkan perkara yang hak dan yang batil serta mendatangkan perkara yang menurutnya baik, padahal hakikatnya buruk. Ringkasnya, pendusta.

"فَرَغَ أَحَدُكُمْ مِنْ التَّشَهُّدِ اْلأَخِيرِ", apabila seseorang di antara kamu selesai membaca tasyahhud akhir, yakni sebelum salam.

Fiqh Hadis

1. Azab kubur itu sememangnya ada.
2. Al-Dajjal itu ada dan fitnahnya pasti terjadi ketika dia telah muncul di akhir zaman nanti.
3. Disyariatkan memohon perlindungan kepada Allah daripada fitnah, kejahatan, dan memohon agar semua tersebut ditolak-Nya.
4. Disunatkan berdoa sesudah selesai membaca tasyahhud sebelum melakukan salam.

٢٥٧- عَنْ أَبِي بَكْرٍ الصِّدِّيقِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ لِرَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: عَلِّمْنِي دُعَاءً أَدْعُو بِهِ فِي صَلاَتِي. قَالَ قُلْ: "اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا، وَلاَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلاَّ أَنْتَ، فَاغْفِرْ لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ، وَارْحَمْنِي، إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

257. Daripada Abu Bakar al-Shiddiq (r.a) bahawa beliau pernah berkata kepada Rasulullah (s.a.w): "Ajarkan kepadaku suatu doa yang mesti saya baca ketika dalam solatku." Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Bacalah:

اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا، وَلاَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلاَّ أَنْتَ، فَاغْفِرْ لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ، وَارْحَمْنِي، إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

"Ya Allah, sesungguhnya aku telah berbuat aniaya terhadap diriku sendiri dengan perbuatan aniaya yang banyak, dan tiada yang dapat mengampuni dosa selain daripada Engkau, maka ampunilah daku dengan keampunan dari sisi-Mu, dan

rahmatilah daku, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Maha Penyayang." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) dianugerahkan *jawami' al-kalim* dan ilmu mengenai perkara-perkara yang belum diketahui. Tiada satu kebaikan pun dari kebaikan dunia dan akhirat melainkan baginda menunjukkannya kepada kita, dan tiada satu keburukan pun dari keburukan dunia dan akhirat melainkan baginda mengingatkan kita supaya berwaspada terhadapnya. Dari sini Abu Bakar al-Shiddiq meminta kepada Rasulullah (s.a.w) agar mengajarkan kepadanya suatu doa yang seharusnya beliau baca ketika dalam solat. Nabi (s.a.w) kemudian mengajarkan kepadanya doa ini yang di dalamnya mengandungi permohonan ampun. Tidak diragukan lagi bahawa permohonan ampun merupakan permintaan yang paling tinggi dan paling besar untuk memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Analisis Lafaz

"ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا", aku mengakui bahawa manusia itu tidak terlepas daripada berbuat aniaya terhadap dirinya sendiri seperti melanggar apa-apa yang telah dilarang atau berbuat sesuka hati dalam menunaikan apa yang diperintahkan kepadanya.

"لاَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلاَّ أَنْتَ", tiada yang dapat mengampuni dosa kecuali hanya Engkau. Kalimat ini merupakan pengakuan ke atas keesaan Allah.

"فَاغْفِرْ لِي", permohonan ampun yang tiada seorang pun mengetahui hakikatnya.

"مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ", keampunan yang besar dari sisi-Mu, sebab segala sesuatu yang datang dari sisi-Nya tidak dapat diungkapkan oleh kata-kata.

"وَارْحَمْنِي", limpahkan rahmat-Mu kepadaku bukan kereana amal perbuatan yang telah aku lakukan, melainkan hanya semata-mata berkat rahmat-Mu.

"إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ", satu ungkapan untuk memperoleh keampunan Allah dan rahmat-Nya. Di dalam kedua-dua sifat ini (ampunan dan rahmat) terkandung padanan kata kata yang indah. Lafaz "غفور" berpadanan dengan lafaz "اغفر لي", dan lafaz "رحيم" berpadanan dengan lafaz "ارحمني".

Fiqh Hadis:

1. Meminta pengajaran dari orang alim lebih-lebih lagi berkaitan doa yang disebutkan di dalam hadis yang di dalamnya terkandung *jawami' al-kalim*.
2. Bertawassul, yakni memohon kepada Allah dengan menyebut asma-Nya yang sesuai dengan kedudukan ketika memohon keperluan dan berdoa supaya diselamatkan daripada perkara-perkara yang tidak disukai, seperti menyebut lafaz "الغفور الرحيم" ketika memohon keampunan atau menyebut lafaz: " ورزقنا وأنت خير الرازقين" ketika memohon supaya dianugerahkan rezeki. Betapa banyak

kalimat seperti ini di dalam al-Qur'an dan doa-doa yang pernah dibaca oleh Rasulullah (s.a.w).

3. Disyariatkan berdoa ketika dalam solat secara mutlak tanpa perlu ditentukan tempat di mana mesti berdoa. Dalam hadis sebelum ini disebutkan bahawa doa ketika dalam solat dilakukan sesudah tasyahhud, membaca selawat ke atas Nabi (s.a.w) dan isti'adzah.

Periwayat Hadis

Abu Bakar ibn Abdullah ibn Utsman ibn Abu Quhafah al-Taimi. Beliau adalah lelaki pertama yang masuk Islam dan sebagai teman Nabi (s.a.w) ketika berada di dalam gua sekali gus sahabat yang paling istimewa. Semua peperangan telah diikutinya dan meriwayatkan 142 hadis. Beliau meninggal dunia pada tahun 13 Hijriah dalam usia 63 tahun dan jenazahnya dikebumikan di dalam bilik Nabi (s.a.w), yakni dikebumikan di sisi pusara baginda. Autobiografinya banyak ditulis oleh para penulis terkemuka.

٢٥٨- عَنْ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّيْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَكَانَ يُسَلِّمُ عَنْ يَمِينِهِ: "اَلسَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ"، وَعَنْ شِمَالِهِ: "السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ بِسَنَدٍ صَحِيحٍ.

258. Daripada Wa'il ibn Hujr (r.a), beliau berkata: "Saya pernah solat bersama dengan Nabi (s.a.w). Baginda mengucapkan salam ke sebelah kanan: "السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ" dan ke sebelah kiri: "السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ"." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan sanad yang sahih)

Makna Hadis

Salam merupakan salah satu rukun solat yang mesti dilakukan apabila telah mengerjakan solat. Di dalam hadis yang lain disebutkan:

تَحْرِيْمُهَا التَّكْبِيْرُ وَتَحْلِيْلُهَا التَّسْلِيْمُ.

"*Solat itu dimulakan dengan takbiratul ihram dan diakhiri dengan salam.*"

Salam sudah memadai dengan mengucapkan "السلام عليكم", sedangkan bentuk salam yang paling sempurna ialah "السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ" dengan ditambahkan perkataan *al-rahmah* dan *al-barakah*. Sahabat sentiasa memperhatikan setiap ucapan dan perbuatan Nabi (s.a.w) untuk mereka mengikutinya. Oleh itu, Wa'il ibn Hujr tentu gembira ketika menukil salah satu daripada perbuatan baginda ini.

Analisis Lafaz

"السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ", *al-salam* bermaksud keamanan dan kesejahteraan.

"وَرَحْمَةُ اللهِ", rahmat merupakan salah satu sifat Allah yang ertinya kebaikan dan kasih sayang.

"وَبَرَكَاتُهُ", *al-barakah* bermaksud limpahan kebaikan daripada Allah (s.w.t).

Fiqh Hadis

1. Orang yang solat disyariatkan membaca dua kali salam ketika selesai mengerjakan solat, sama ada dia sebagai imam, makmum ataupun orang yang solat bersendirian. Ulama bersepakat bahawa salam pertama itu adalah wajib, meskipun mereka berselisih pendapat mengenai hukum salam kedua. Imam Ahmad mengatakan bahawa salam kedua itu hukumnya wajib, sedangkan menurut jumhur ulama adalah sunat.
2. Disunatkan menambahkan kalimat "وبركاته" ketika mengucapkan salam dan tidak benar pendapat orang yang mengatakan bahawa menambahkan lafaz ini ketika mengucapkan salam hukumnya bid'ah. Manakala Imam Malik pula membatasinya hingga perkataan "السلام عليكم", kerana itu berlandaskan kepada amalan masyarakat Madinah dan mereka tidak ada menambahkan perkataan "ورحمة الله وبركاته" ketika mengucapkan salam.

٢٥٩- عَنِ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ فِي دُبُرِ كُلِّ صَلاَةٍ مَكْتُوبَةٍ: "لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، اَللَّهُمَّ لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلاَ مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ، وَلاَ يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

259. Daripada al-Mughirah ibn Syu'bah (r.a) bahwa Nabi (s.a.w) setelah selesai mengerjakan solat fardu selalunya membaca:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، اَللَّهُمَّ لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ، وَلاَ مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ، وَلاَ يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ.

"Tidak ada Tuhan selain Allah semata, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya kekuasaan dan bagi-Nya segala pujian, dan Dia Maha Kuasa ke atas segala sesuatu. Ya Allah, tiada yang dapat mencegah apa yang Engkau berikan, dan tiada yang mampu memberi apa yang Engkau cegah, dan tiada orang yang berkuasa dapat memberikan manfaat dengan kekuasaannya itu di hadapan-Mu." (Muttafaq alaih)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) sentiasa membiasakan diri membaca satu zikir sebaik selesai mengerjakan solat fardu. Inilah zikir yang paling mulia yang pernah disampaikan oleh baginda. Zikir mulia ini bertujuan mengesakan Allah, meniadakan sekutu dari-Nya, mengukuhkan sifat keperkasaan, kekuasaan, dan kebesaran bagi-Nya di atas semua makhluk. Dia Maha Kuasa ke atas segala sesuatu, lagi Maha berbuat terhadap semua yang dikehendaki-Nya. Dia memberi siapa yang dikehendaki-Nya dan mencegah siapa yang dikehendaki-Nya. Dialah yang mengatur semua urusan makhluk-Nya, tiada lagi manfaat harta, anak, dan kedudukan bagi hamba-hamba ketika mereka menghadapi hisab-Nya. Sesungguhnya yang bermanfaat bagi seseorang hanyalah apa yang telah dikerjakan oleh kedua tangannya selama hidup di alam dunia.

Melalui doa ini Rasulullah (s.a.w) memberikan petunjuk kepada orang yang mengerjakan solat dan menganjurkan kepada mereka supaya menghadap dengan sepenuh hati dalam berbuat ketaatan kepada Allah Tuhan semesta alam, supaya kelak di hari kiamat mereka dihimpun bersama orang yang bertaubat lagi suci.

Analisis Lafaz

"فِي دُبُرِ كُلِّ صَلاَةٍ", setiap kali selesai mengerjakan solat fardu.

"لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ", kalimat tauhid yang ertinya meniadakan sifat uluhiyah daripada selain-Nya serta menetapkannya hanya kepada Allah semata.

"وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ", hanya Dia semata, tiada sekutu bagi-Nya. Hanya Dia semata yang bersifat *wahdaniyah*. Tiada yang bersekutu dengan-Nya dalam zat, sifat, dan semua perbuatan-Nya sama ada menurut dalil akal ataupun dalil *naqli*.

"لَهُ الْمُلْكُ", bagi-Nya kekuasaan dan pengaturan, perintah atau larangan sesuai dengan apa yang dikehendaki oleh keinginan-Nya.

"وَلَهُ الْحَمْدُ", bagi-Nya segala pujian, kerana Dia merupakan sumber segala nikmat, maka hanya Dialah yang berhak memiliki semua junjungan dan pujian.

"وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ", Maha Kuasa, tiada sesuatu pun yang mampu melemahkan-Nya.

"لاَ مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ", tiada yang dapat mencegah apa yang Engkau berikan kepada seseorang berupa rezeki atau selainnya.

"وَلاَ مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ", orang yang telah Engkau putuskan tidak akan mendapatkan apa yang dikehendakinya dan tidak seorang pun yang dapat memberikan itu kepadanya.

"وَلاَ يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ", *al-jadd* ertinya kekuasaan dan kekayaan. Kekayaan seseorang tidak dapat memberi manfaat kepada dirinya ketika di dunia dan tidak dapat pula menyelamatkannya daripada kekuasaan-Mu. Apa yang memberi manfaat kepadanya hanyalah amal soleh yang telah dia kerjakan ketika hidup di alam dunia.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan membaca doa ini setiap kali selesai mengerjakan solat fardu lima waktu.
2. Dianjurkan mengerjakan amal soleh dan amal ibadah yang dapat membawa seseorang memperoleh keredhaan dan kecintaan Allah memandangkan segala jerih payahnya tidak dapat memberi manfaat di hadapan-Nya, tidak pula kedudukan dan harta bendanya.

٢٦٠- عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَتَعَوَّذُ بِهِنَّ دُبُرَ كُلِّ صَلاَةٍ: "اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبُخْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ أَنْ أُرَدَّ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الدُّنْيَا، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ." رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

260. Daripada Sa’ad ibn Abu Waqqash (r.a), beliau berkata: “Rasulullah (s.a.w) sering kali berta’awwudz dengan membaca kalimat-kalimat berikut sesudah mengerjakan solat:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ الْبُخْلِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ الْجُبْنِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ أَنْ أُرَدَّ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الدُّنْيَا، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ.

“Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari sifat bakhil, dan aku berlindung kepada-Mu dari sifat pengecut, dan aku berlindung kepada-Mu agar aku tidak dikembalikan kepada usia yang paling hina (tua bangka), dan aku berlindung kepada-Mu dari fitnah dunia, serta aku berlindung kepada-Mu dari seksa kubur.” (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Sesiapa yang dianugerahkan harta benda oleh Allah, namun dia tidak mahu menggunakannya untuk membantu kaum fakir miskin, tidak pula mahu membantu mujahidin dan tidak pula membelanjakannya untuk kepentingan umum, maka dia adalah orang yang bakhil. Salah seorang penyair berkata: “Sesiapa yang memiliki lebihan harta, lalu dia kikir dengan lebihan hartanya itu kerana mendermakannya ke atas kaumnya, maka dia akan dikucilkan dan menjadi orang yang tercela.”

Sesiapa yang tidak memiliki keberanian melawan nafsu syahwat dirinya dan godaan syaitan atau kehilangan keberanian untuk mempertahankan diri menghadapi musuh atau mematahkan hujah lawan yang membela kebatilan, maka dia adalah seorang pengecut. Seorang penyair berkata: “Orang yang berani itu bukanlah orang yang gemar mengembara, sebaliknya orang yang berani adalah orang yang bertakwa kepada Allah.”

Tua bangka, daya fikir yang lemah, fungsi panca indera yang terus merosot dan kulit yang berkeriput menyebabkan lemah pula dalam mengerjakan amal ibadah, malah kerap berlaku cuai dalam beberapa perbuatannya. Ini kerana usia yang terlampau tua dan telah mencapai usia nyanyuk.

Gemerlap duniawi dengan segala perhiasannya merupakan dugaan, hingga seseorang boleh terpedaya oleh pujuk rayunya dan rela meninggalkan kewajipan-kewajipan yang mesti dia kerjakan. Ini merupakan fitnah dunia.

Selain itu seksa kubur pun merupakan sesuatu yang pasti dijumpai oleh seseorang sebagai balasan terhadap apa yang telah diperbuat oleh kedua tangannya selama hidup di alam dunia.

Analisis Lafaz

“كَانَ يَتَعَوَّذُ بِهِنَّ”, di dalam naskhah yang lain disebutkan “كان يتعوذ بهذه”, yakni baginda selalunya memohon perlindungan kepada Allah dengan membaca doa berikut.

“دُبُرَ كُلِّ صَلاَةٍ”, setiap kali selesai mengerjakan solat.

"اللَّهُمَّ", *Allah* berkedudukan sebagai *munada* (yang diseru) di-*mabni*-kan *dhammah* kerana ia merupakan kata benda tunggal. Huruf *nida'* dibuang, lalu digantikan dengan huruf *mim* hingga menjadilah "اللهم".

"أَعُوذُ بِكَ", aku berlindung kepada-Mu dan memohon pertolongaa kepada-Mu.

"الْبُخْلِ", mencegah apa yang seharusnya dia belanjakan berupa harta sama ada untuk keperluan yang disyariatkan ataupun keperluan yang bersifat rutin.

"الْجُبْنِ", kecil hati dan takut terhadap segala sesuatu serta tidak mempunyai keberanian untuk melakukannya.

"أَرْذَلِ الْعُمُرِ", sampai kepada usia tua bangka lagi sangat tua hingga dalam usia tersebut seseorang seolah kembali semula kepada masa kanak-kanak di mana kemampuan berfikir menjadi lemah dan tubuh pun kehilangan kekuatannya.

"فِتْنَةِ الدُّنْيَا", maksudnya ialah dugaan melalui nafsu syahwat dan kegemerlapannya hingga seseorang malas untuk mengerjakan kewajipan-kewajipan yang semestinya dia kerjakan seperti beribadah kepada Allah.

Fiqh Hadis

1. Mengukuhkan adanya seksa kubur.
2. Memohon perlindungan kepada Allah daripada fitnah-fitnah yang telah disebutkan di dalam hadis tersebut.

Periwayat Hadis

Sa'ad ibn Abu Waqqash al-Zuhri al-Madani turut serta dalam perang Badar dan peperangan yang lain. Beliau adalah salah seorang di antara sepuluh orang sahabat yang mendapat berita gembira masuk syurga, dan paling akhir meninggal dunia di antara mereka. beliau adalah orang pertama yang mula-mula memanah di jalan Allah, salah seorang wira Islam dan salah seorang di antara enam orang sahabat yang dilantik menjadi anggota musyawarah untuk menentukan khalifah. Beliau menjadi panglima perang al-Qadisiyah, pengawal peribadi Nabi (s.a.w), berjaya menaklukkan kota Kufah dan menundukkan kota-kota besar negeri Persia, menghalau orang asing, dan Nabi (s.a.w) berjaya menyatukan kedua ibu bapanya demi Sa'ad bin Abu Waqqash.

Sa'ad meriwayatkan 215 hadis. Beliau meninggal dunia di dalam istana al-'Aqiq lalu jenazahnya dibawa ke Madinah dan dikebumikan di al-Baqi` pada tahun 55 Hijriah.

٢٦١- عَنْ ثَوْبَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا انْصَرَفَ مِنْ صَلاَتِهِ اسْتَغْفَرَ اللهَ ثَلاَثًا، وَقَالَ: "اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلاَمُ وَمِنْكَ السَّلاَمُ. تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالْإِكْرَامِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

261. Daripada Tsauban (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) apabila selesai mengerjakan solat membaca istighfar sebanyak tiga kali lalu membaca:

اَللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلاَمُ وَمِنْكَ السَّلاَمُ، تَبَارَكْتَ يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالْإِكْرَامِ.

"Ya Allah, Engkau adalah sumber kesejahteraan dan dari-Mulah datang semua kesejahteraan. Maha Agung Engkau, wahai Tuhan Yang Maha Agung lagi Maha Mulia." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Betapa pun taat hamba-hamba Allah kepada Tuhan yang menciptakan mereka sesungguhnya mereka tidak akan dapat menghormati-Nya dengan penghormatan yang selayaknya dan mereka tidak akan dapat mensyukuri-Nya dengan syukur yang semestinya. Allah (s.w.t) berfirman:

وَمَا قَدَرُواْ ٱللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِۦٓ ..... ﴿٩١﴾

"*Dan mereka tidak menghormati Allah dengan penghormatan yang mestinya.*" (Surah al-An'am: 91)

Tidak diragukan lagi bahawa kebanyakan orang yang solat tidak terlepas dari fikiran dan godaan ketika dalam solat, maka disyariatkan baginya membaca istighfar sesudah selesai mengerjakan solat bagi menyempurnakan sebahagian khusyuk yang tidak dilaksanakan dan untuk menampal beberapa kecacatan yang dia kerjakan di dalam solat. Inilah rahsia yang disyariatkan membaca istighfar sesudah salam.

Analisis Lafaz

"انْصَرَفَ مِنْ صَلاَتِهِ", telah mengucapkan salam dan selesai mengerjakan solat.

"اسْتَغْفَرَ اللهَ", memohon ampun kepada Allah. Ini mengisyaratkan bahawa seseorang tidak semestinya dapat memenuhi kewajipan kepada Tuhannya kerana dia kerap diganggu bisikan dan pelbagai fikiran ketika dalam solat. Maka disyariatkan baginya membaca istighfar untuk menutup segala kekurangan tersebut.

"أَنْتَ السَّلاَمُ", yang bersih daripada segala kekurangan. Lafaz *salam* adalah bentuk *masdar* yang digunakan oleh Allah untuk menggambarkan tentang zat-Nya sebagai *mubalaghah*.

"وَمِنْكَ السَّلاَمُ", kepada Engkau kami meminta kesejahteraan dan keselamatan dari pelbagai keburukan dunia dan akhirat.

"يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالْإِكْرَامِ", wahai Tuhan Yang Maha Agung lagi Maha Mulia dan mempunyai keutamaan yang maha sempurna.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan membaca istighfar dan berzikir sesudah selesai mengerjakan solat.
2. Menjelaskan kalimat istighfar yang biasa diucapkan oleh Nabi (s.a.w) sesudah mengerjakan solat.

٢٦٢- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ سَبَّحَ اللهَ دُبُرَ كُلِّ صَلاَةٍ ثَلاَثًا وَثَلاَثِينَ، وَحَمِدَ اللهَ ثَلاَثًا وَثَلاَثِينَ، وَكَبَّرَ اللهَ ثَلاَثًا وَثَلاَثِينَ، فَتِلْكَ تِسْعٌ وَتِسْعُونَ، وَقَالَ تَمَامَ الْمِائَةِ: لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، غُفِرَتْ لَهُ خَطَايَاهُ، وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ. وَفِي رِوَايَةٍ أُخْرَى: أَنَّ التَّكْبِيرَ أَرْبَعٌ وَثَلاَثُونَ.

262. Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "*Barang siapa membaca tasbih setiap kali selesai mengerjakan solat sebanyak tiga puluh tiga kali, dan membaca tahmid sebanyak tiga puluh tiga kali, serta membaca takbir sebanyak tiga puluh tiga kali di mana kesemua itu berjumlah sembilan puluh sembilan, lalu mengucapkan kalimat ini untuk menyempurnakan zikirnya menjadi genap seratus:*

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

(Tidak ada Tuhan selain Allah, hanya Dia semata, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya segala kekuasaan, dan bagi Nya segala pujian, Dia Maha Berkuasa ke atas segala sesuatu," maka diampunilah segala dosanya sekali pun sebanyak buih di lautan." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Di dalam riwayat yang lain disebutkan bahawa takbir dibaca sebanyak tiga puluh empat kali.

Makna Hadis

Hadis ini mempunyai latar belakang bahawa sejumlah kaum muslimin hartawan hidup dengan penuh kenikmatan dan kesejahteraan. Mereka mendapat pahala kerana sedekah mereka. Inilah yang membuat kaum fakir miskin merasa keberatan, lalu mereka menceritakan kepada Nabi (s.a.w) apa yang bergejolak di dalam hati mereka dan mereka berkata kepada Rasulullah (s.a.w): "Sesungguhnya orang kaya dapat bersedekah dan memerdekakan hamba sedangkan kami tidak mempunyai apa-apa harta untuk mengimbangi pahala yang mereka perolehi." Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) memberitahukan mereka bahawa apabila mereka mengamalkan bacaan tasbih, tahmid, dan takbir serta tahlil setiap kali selesai mengerjakan solat fardu, nescaya mereka mendapat ganjaran pahala yang sama dengan orang yang menyedekahkan hartanya. Tidak seorang pun yang lebih utama daripada mereka kecuali orang yang berbuat amal yang serupa. Dosa-dosa mereka diampuni, betapa pun besarnya dan kemurahan Allah itu sememangnya Maha Luas. Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Analisis Lafaz

"دُبُرَ كُلِّ صَلاَةٍ", setiap kali selesai mengerjakan solat, yakni solat fardu lima waktu.

"سَبَّحَ اللهَ", bertasbih dengan membaca "سبحان الله", yang bermaksud menyucikan Allah dari segala bentuk kekurangan.

"حَمِدَ اللهَ", bertahmid dengan membaca "الحمد لله" yang bermaksud mengukuhkan sifat kesempurnaan bagi-Nya.

"كَبَّرَ الله", bertakbir dengan membaca "الله أكبر". Kalimat ini menunjukkan bahawa Allah Maha Besar dari segala sesuatu.

"لاَ إِلَهَ إِلاَّ الله", menafikan sifat uluhiyah dari selain-Nya, dan menetapkan sifat tersebut hanya bagi-Nya. Ini adalah kalimat tauhid dan syahadat.

"وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ", yang bersifat Maha Esa. Tiada suatu apa pun yang menyekutui-Nya dalam zat, perbuatan, dan sifat-sifat-Nya, sama ada di sisi dalil akal ataupun di sisi dalil naqli.

"لَهُ الْمُلْكُ", bagi-Nya kekuasaan yang mutlak dan pengaturan yang menyeluruh, sama ada dalam bentuk perintah ataupun larangan, sesuai dengan apa yang dikehendaki oleh keinginan-Nya.

"وَلَهُ الْحَمْدُ", bagi-Nya semua pujian, kerana Dia merupakan sumber dari semua kenikmatan.

"خَطَايَاهُ", bentuk jamak dari lafaz *khathi`ah* yang bermaksud dosa. Maksudnya ialah dosa-dosa kecil. Sedangkan dosa-dosa besar tidak dapat dihapuskan kecuali dengan cara bertaubat dan hak-hak yang telah dirampas mesti dipulangkan kepada pemiliknya, yakni meminta maaf kepada orang yang telah dianiaya.

"مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ", banyaknya seperti buih di lautan. "زَبَدُ الْبَحْرِ" adalah buih yang timbul di permukaan lautan ketika laut sedang berombak.

Fiqh Hadis

1. Para sahabat sangat mengambil berat perkara kebaikan. Mereka memiliki keinginan yang sungguh-sungguh untuk mengerjakan amal soleh dan berlumba untuk mengerjakannya.
2. Berlumba dalam amal soleh menjadikan seseorang berada di kedudukan yang tinggi dan memperoleh fadhilat yang dengannya memperoleh pahala.
3. Keutamaan bertasbih, bertahmid, bertakbir, dan bertahlil serta menjelaskan bilangannya mengikut ketentuan yang telah dinukil daripada Nabi (s.a.w).

٢٦٣- عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهُ: "أُوصِيكَ يَا مُعَاذُ: لاَ تَدَعَنَّ دُبُرَ كُلِّ صَلاَةٍ أَنْ تَقُولُ: اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ بِسَنَدٍ قَوِيٍّ.

263. Daripada Mu'adz ibnu Jabal (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda kepadanya: "Aku berwasiat kepadamu, wahai Mu'adz, jangan sekali-kali kamu setiap kali mengerjakan selesai solat meninggalkan bacaan doa berikut:

اَللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ.

"Ya Allah, berilah pertolongan kepadaku untuk berzikir mengingat-Mu, bersyukur kepada-Mu, dan beribadah kepada-Mu dengan baik." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Nasa`i dengan sanad yang kuat)

Makna Hadis

Adalah satu kehormatan bagi Mu'adz ibn Jabal, seorang sahabat yang paling alim dalam masalah halal dan haram, kerana telah mendapat pengiktirafan secara terus terang daripada Rasulullah (s.a.w) bahawa baginda mencintainya. Dalam riwayat yang lain Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda kepada Mu'adz: "Sesungguhnya aku mencintaimu."

Wasiat yang ditujukan kepadanya menerusi sabdanya: "Wahai Mu'adz, aku berwasiat kepadamu." Ini menunjukkan Rasulullah (s.a.w) sangat memperhatikan Mu'adz dan baginda amat mencintainya. Baginda menyuruhnya menghafal doa yang hendak diajarkan kepadanya dan dia dikehendaki mengamalkannya supaya menjadi hamba-hamba Allah yang sentiasa berzikir mengingat-Nya dan bersyukur kepada-Nya.

Analisis Lafaz

"أُوصِيكَ", *al-washiyyah* bermaksud anjuran dan rasa rindu untuk mengerjakan sesuatu.

"لاَ تَدَعَنَّ دُبُرَ كُلِّ صَلاَةٍ", jangan sekali-kali kamu meninggalkan doa berikut ini setiap kali selesai mengerjakan solat. Larangan di sini mengandungi maksud bimbingan.

"أَعِنِّي", tolonglah atau bantulah aku.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan berwasiat dengan perkara yang baik.
2. Disunatkan mengamalkan doa yang telah disebutkan di dalam hadis atas setiap kali kali selesai mengerjakan solat.
3. Menggugah pendengar untuk menerima apa yang hendak disampaikan agar fikiran dan hatinya dapat memberi tumpuan terhadapnya.

٢٦٤- عَنْ أَبِي أُمَامَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيِّ دُبُرَ كُلِّ صَلاَةٍ مَكْتُوبَةٍ لَمْ يَمْنَعْهُ مِنْ دُخُولِ الْجَنَّةِ إِلاَّ الْمَوْتُ". رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ .

وَزَادَ فِيهِ الطَّبَرَانِيُّ: "وَقُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ".

264. Daripada Abu Umamah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang membaca ayat al-Kursi setiap kali selesai mengerjakan solat fardu, maka tidak ada suatu apa pun yang mencegahnya daripada memasuki syurga selain hanya kematian.*" (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Menurut riwayat yang disebut oleh al-Thabrani ditambahkan: "Dan " قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ" (Surah al-Ikhlas)."

Makna Hadis

Sebahagian al-Qur'an mempunyai kelebihan ke atas sebahagian yang lain. Ayat al-Kursi merupakan ayat paling mulia kerana di dalamnya mengandungi asas-asas yang mengesakan Allah, mengagungkan-Nya, dan menyebut asma-asma serta sifat-sifat-Nya Yang Maha Tinggi.

Di dalam ayat al-Kursi disebutkan bahawa hanya Allah yang mempunyai sifat uluhiyah. Dia Maha Hidup lagi Maha Suci dari segala bentuk tempat dan bertempat tinggal dan Maha Suci daripada perubahan. Dialah yang menguasai alam sejagat, yang mempunyai pembalasan yang keras, yang maha mengetahui segala sesuatu yang jelas dan yang samar, secara keseluruhan atau secara terperinci. Kekuasaan dan kerajaan-Nya Maha Luas, Maha Tinggi dari segala sesuatu yang tidak layak bagi-Nya lagi Maha Besar. Semua akal dan fikiran tidak akan mampu mengetahui hakikat zat dan sifat-sifat-Nya.

Surah al-Shamad yakni al-Ikhlas, meskipun pendek tetapi isinya mencakupi sifat-sifat Allah Yang Maha Esa dan ia merupakan ayat yang meniadakan segala sesuatu yang tidak layak bagi keagungan-Nya, seperti anak, ibu bapa dan tandingan. Tiada yang mencegah-Nya kerana tidak beribu bapa, dan tiada yang menyamai-Nya kerana tiada tandingan, serta tiada yang membantu-Nya kerana tidak beranak.

Analisis Lafaz

Ayat al-Kursi ialah ayat yang di dalamnya terdapat sebutan al-Kursi, lalu ia dijadikan sebagai nama bagi ayat ini. Ia adalah:

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلۡحَيُّ ٱلۡقَيُّومُۚ لَا تَأۡخُذُهُۥ سِنَةٞ وَلَا نَوۡمٞۚ لَّهُۥ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي
ٱلۡأَرۡضِۗ مَن ذَا ٱلَّذِي يَشۡفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذۡنِهِۦۚ يَعۡلَمُ مَا بَيۡنَ أَيۡدِيهِمۡ وَمَا خَلۡفَهُمۡۖ وَلَا
يُحِيطُونَ بِشَيۡءٖ مِّنۡ عِلۡمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَۚ وَسِعَ كُرۡسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفۡظُهُمَاۚ وَهُوَ ٱلۡعَلِيُّ ٱلۡعَظِيمُ ٢٥٥

"*Allah, tidak ada Tuhan melainkan Dia Yang Hidup kekal lagi terus-menerus mengurus (makhluk-Nya), tidak mengantuk dan tidak tidur. Kepunyaan-Nyalah apa yang di langit dan di bumi. Siapakah yang dapat memberi syafaat di sisi Allah tanpa izin-Nya. Allah mengetahui apa-apa yang ada di hadapan dan di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui apa-apa dari ilmu Allah melainkan apa yang dikehendaki-Nya. Kursi Allah meliputi langit dan bumi. Dan Allah tidak merasa berat memelihara keduanya, dan Allah Maha Tinggi lagi Maha Besar.*" (Surah al-Baqarah: 255)

"الله", nama yang menunjukkan kepada Zat Yang Maha Tinggi.

"لاَ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ", meniadakan sifat uluhiyah daripada selain Allah dan menetapkan sifat uluhiyah hanya bagi-Nya semata.

"الْقَيُّومُ", Zat Yang berdiri sendiri. Ini merupakan sifat yang paling agung dan paling besar.

"لاَ تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلاَ نَوْمٌ", Maha Suci lagi Maha Bersih Allah daripada sifat-sifat makhluk, seperti mengantuk dan tidur.

"لَهُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي اْلأَرْضِ", kalimat ini mengisyaratkan keesaan Allah dalam berbuat dan semua perbuatan bersumber daripada-Nya dan akan kembali kepada-Nya.

"مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلاَّ بِإِذْنِهِ", Allah dengan kekuasaan, keputusan, dan perintah-Nya. Tiada yang dapat memberi syafaat dalam suatu perkara di sisi-Nya kecuali hanya orang yang dimuliakan oleh Allah untuk mendapatkannya dan diberi izin untuk memberi syafaat oleh-Nya. Ini meniadakan pemahaman mempersekutukan dalam kekuasaan dan perintah di sisi-Nya.

"يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ", ini menunjukkan kepada sifat ilmu dan hanya Allah sendirilah yang memilikinya. Maka tidak ada ilmu bagi selain-Nya kecuali apa yang diberikan Allah kepadanya sesuai dengan kadar yang dikehendaki-Nya.

"وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَاْلأَرْضَ", ini menunjukkan kepada kebesaran kerajaan-Nya dan kesempurnaan kekuasaan-Nya.

"وَلاَ يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا", tidak berat bagi-Nya memelihara langit dan bumi. Ini menunjukkan sifat Maha Agung, Maha Sempurna, dan Maha Suci dari segala kelemahan dan kekurangan.

"وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ", Dia Maha Suci dari semua sifat makhluk lagi bersifat Maha Besar.

"دُبُرَ كُلِّ صَلاَةٍ", setelah mengerjakan solat fardu.

"لَمْ يَمْنَعْهُ مِنْ دُخُولِ الْجَنَّةِ إِلاَّ الْمَوْتُ", tiada yang mencegahnya masuk ke dalam syurga melainkan hanya kerana dia belum mati. Lafaz *al-maut* berkedudukan sebagai *fa'il* dari lafaz "يمنع", sedangkan "إلا" adalah huruf yang memberikan makna *qasr*.

Surah al-Ikhlas secara lengkapnya ialah seperti berikut:

قُلْ هُوَ ٱللَّهُ أَحَدٌ ۝١ ٱللَّهُ ٱلصَّمَدُ ۝٢ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝٣ وَلَمْ يَكُن لَّهُۥ كُفُوًا أَحَدٌۢ ۝٤

"*Katakanlah, "Dialah Allah Yang Maha Esa. Allah adalah Tuhan yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu. Dan tiada beranak dan tiada pula diperanakkan, dan tidak ada seorang pun yang setara dengan Dia.*" (Surah al-Ikhlas: 1-4)

"أَحَدٌ", lafaz yang memberikan kefahaman tentang kewujudan yang khusus bagi Allah tanpa ada seorang pun yang setara dengan-Nya.

"الصَّمَدُ", Tuhan yang tiada seorang pun berada di atas-Nya, semua manusia dan makhluk selamanya bergantung kepada-Nya dalam memenuhi keperluan dan urusan mereka. Menurut pendapat yang lain, *al-shamad* adalah tadak memiliki rongga, maka Dia tidak makan dan tidak pula minum.

"لَمْ يَلِدْ", meniadakan sesuatu yang seumpama dengan-Nya.

"وَلَمْ يُولَدْ", meniadakan sifat baharu (makhluk).

"وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ", meniadakan yang setara dan sebanding dengan Allah.

Fiqh Hadis

1. Keutamaan ayat al-Kursi adalah di dalamnya terdapat makna tauhid yang tidak terdapat pada ayat yang lain. Keistimewaannya ialah apabila dibaca di dalam rumah yang terdapat jin, maka jin itu akan keluar meninggalkan rumah itu.
2. Keutamaan Surah al-Ikhlas ialah di dalamnya terdapat makna menyucikan Allah dari segala sesuatu yang tidak layak bagi-Nya.

Periwayat Hadis

Abu Umamah, nama aslinya adalah Iyas ibn Tsa'labah ibn al-Harits al-Ansari al-Khazraji. Beliau tidak menyertai perang Badar kerana ibunya sakit, dan Rasulullah (s.a.w) menerima alasannya untuk tidak berangkat ke medan perang. Beliau adalah seorang sahabat dan mempunyai beberapa hadis. Muhammad ibn Zaid ibn al-Muhajir mengambil riwayat hadis daripadanya, begitu pula cucu lelakinya yang bernama Abdullah ibn Umamah.

٢٦٥- عَنْ مَالِكِ بْنِ الْحُوَيْرِثِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

265. Daripada Malik ibn al-Huwairits (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku mengerjakan solat.*" (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Hadis ini merupakan salah satu asas penting Islam, kerana di dalamnya menjelaskan kewajipan mengikuti setiap perbuatan dan ucapan Rasulullah (s.a.w). Allah (s.w.t) menyuruh kita untuk berbuat demikian dalam firman-Nya:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ ..... ﴿٢١﴾

"*Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagi kamu…*" (Surah al-Ahzab: 21)

Semua perbuatan Rasulullah (s.a.w) menjadi syariat bagi umatnya. Oleh itu, haji wada' merupakan amalan praktikal bagi para sahabat untuk mempelajari manasik haji. Nabi (s.a.w) memerintahkan mereka melalui sabdanya:

خُذُوْا عَنِّي مَنَاسِكَكُمْ.

"*Ambillah oleh kamu daripadaku manasik (haji) kamu.*"

Nabi (s.a.w) bertugas menyampaikan ajaran daripada Allah dan beliau adalah seorang yang maksum. Jadi tidaklah hairan apabila semua perbuatannya merupakan syariat yang sekali gus menjelaskan apa-apa yang bersifat umum di dalam al-Qur'an.

Kita wajib mengikuti Nabi (s.a.w) dalam perkataan dan perbuatan kecuali perkara-perkara yang telah dikhususkan bagi diri baginda atau perkara-perkara telah dimansukh, sebab sahabat tidak mengamalkan apa-apa yang telah dilakukan oleh baginda melainkan amalan yang paling akhir dilakukan oleh baginda.

Fiqh Hadis

Wajib mengikuti segala apa yang telah dinukil daripada Nabi (s.a.w) sama ada berupa bacaan mahupun perbuatan di dalam solat.

٢٦٦- عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "صَلِّ قَائِمًا، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ وَإِلاَّ فَأَوْمِ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

266. Daripada 'Imran ibn Husain (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Solatlah dalam keadaan berdiri. Jika kamu tidak mampu, maka solatlah dalam keadaan duduk. Jika kamu masih tidak mampu, maka solatlah berbaring dalam keadaan miring pada lambung. Jika tidak mampu juga, maka solatlah dengan menggunakan isyarat.*" (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Solat merupakan salah satu rukun Islam. Orang yang mengingkari kewajipan solat menjadi kafir, dan orang yang meninggalkannya berhak menerima seksaan Allah. Solat tidak boleh ditinggalkan walau dalam keadaan apa jua sekalipun.

Apa yang wajib dilakukan ketika solat adalah berdiri bagi orang yang mampu. Jika tidak mampu berdiri kerana sakit, maka dia boleh mengerjakannya dalam keadaan duduk. Jika tidak mampu duduk, maka dia boleh mengerjakannya dalam keadaan berbaring miring dan menghadapkan dadanya ke arah kiblat. Jika masih tidak mampu berbuat demikian, maka dia hendaklah mengerjakannya dengan cara memberi isyarat kepalanya untuk rukun *qauli* dan *fi'li*-nya.

Hadis ini mendorong kepada sesiapa pun untuk tetap sentiasa mengerjakan solat sekali gus memudahkan hukum-hakam syariat bagi orang yang keadaannya sedang tidak sihat. Allah sama sekali tidak mahu menjadikan suatu itu sukar untuk kita laksanakan meskipun ia ada kaitannya dengan masalah agama.

Analisis Lafaz

"قَالَ", Nabi (s.a.w) bersabda kepada 'Imran ibn Hushain yang secara kebetulan sakit buasir.

"تَسْتَطِعْ", mampu.

"فَأَوْمِ", *al-ima'* bermaksud memberi isyarat dengan kepala.

"رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ", lafaz hadis ini dalam Shahih al-Bukhari tidak seperti ini. Al-Majd ibn Taimiyyah dalam kitab al-Muntaqa turut menyebut hadis ini tanpa menyebut lafaz "فَأَوْمِ" dan di dalamnya terdapat lafaz "فَعَلَى جَنْبِكَ". Kemudian beliau mengatakan bahawa hadis ini diriwayatkan oleh al-Jama'ah, kecuali Muslim.

Di dalam riwayat al-Nasa'i ditambahkan: "*Jika kamu tidak mampu, maka kerjakanlah dalam keadaan telentang. Allah tidak sekali-kali membebankan kepada seseorang melainkan mengikut kemampuannya.*"

Al-Daruquthni meriwayatkan pula hadis yang sama daripada Ali bin Abu Thalib.

Fiqh Hadis

1. Solat fardu adalah wajib. Ia sama sekali tidak dapat digugurkan walau apa jua sekali pun keadaannya.
2. Menjelaskan cara mengerjakan solat bagi orang sakit dan orang yang beruzur.
3. Berdiri ketika mengerjakan solat fardu tidak dapat digugurkan kecuali kerana uzur, seperti sakit, pening kepala atau khuatir tenggelam.

٢٦٥- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِمَرِيضٍ - صَلَّى عَلَى وِسَادَةٍ، فَرَمَى بِهَا - وَقَالَ: "صَلِّ عَلَى الْأَرْضِ إِنْ اسْتَطَعْتَ، وَإِلاَّ فَأَوْمِئْ إِيمَاءً، وَاجْعَلْ سُجُودَكَ أَخْفَضَ مِنْ رُكُوعِكَ". رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ بِسَنَدٍ قَوِيٍّ وَلَكِنْ صَحَّحَ أَبُو حَاتِمٍ وَقْفَهُ.

267. Daripada Jabir (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) bersabda kepada orang sakit yang solat di atas bantal, lalu baginda membuang bantal itu dan bersabda: "Solatlah di atas tanah jika kamu mampu berbuat demikian. Jika tidak, maka kerjakan solatmu itu dengan cara memberi isyarat, dan jadikan isyarat sujudmu lebih rendah daripada isyarat rukukmu." (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi dengan sanad yang kuat, tetapi Ibn Abu Hatim memastikannya sebagai hadis mawquf)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) memberi kemudahan bagi orang sakit dengan membolehkannya memberi isyarat sebagai ganti sujud dan rukuk apabila dia tidak mampu sujud di atas tanah. Nabi (s.a.w) memberikan petunjuk kepadanya bahawa dia mesti membezakan isyarat untuk rukuk dan sujud. Caranya, isyarat sujud hendaklah lebih rendah berbanding isyarat rukuk. Dalam isyarat itu, dia tidak dibolehkan memegang sesuatu objek termasuk tanah untuk dijadikan sebagai tempat sujud. Oleh itu, Nabi (s.a.w) mengingkari perbuatan seseorang yang baginda lihat membawa bantal lalu sujud di atasnya, maka Nabi (s.a.w) membuang bantalnya itu.

Analisis Lafaz

"قَالَ لِمَرِيضٍ", Rasulullah (s.a.w) melawatnya ketika dia sedang sakit.

"وِسَادَةٍ", bantal.

"فَأَوْمِئْ إِيمَاءً", berilah isyarat. Kalimat *masdar* di sini disebut semula sebagai pengukuhan.

“أَخْفَضَ”, lebih rendah.

Fiqh Hadis

Orang sakit tidak dibebani untuk membawa sesuatu sebagai tempat sujud apabila dia tidak mampu sujud di atas tanah.

Kesimpulan

Hadis yang dikemukakan dalam bab ini menunjukkan kepada beberapa kesimpulan berikut:

1. Orang yang hendak mengerjakan solat diwajibkan berwuduk. Kewajipan mengerjakan solat tidak dapat digugurkan walau dalam keadaan apa jua sekalipun. Diwajibkan pula menghadap ke arah kiblat, takbiratul ihram, membaca Surah al-Fatihah atau lain-lain bagi orang yang masih belum menghafalnya, rukuk dan tuma’ninah ketika rukuk, i’tidal dan tuma’ninah ketika i’tidal, takbir *intiqal* dari satu rukun ke rukun yang lain menurut Imam Ahmad, tetapi menurut jumhur ulama ia hanya disunatkan, sujud dan tuma’ninah ketika sujud, sujud di atas tujuh anggota, duduk di antara dua sujud, membaca tasyahhud pada rakaat terakhir, dan salam pertama sebagai petanda solat selesai.
2. Menjelaskan cara sujud, solat bagi orang sakit, duduk untuk tasyahhud, kalimat tasyahhud, kalimat qunut, kalimat salam sebagai tanda solat selesai, dan kalimat istighfar yang terdapat di dalam Sunnah Nabi (s.a.w).
3. Disyariatkan mengangkat kedua tangan ketika takbiratul ihram, cara mengangkat tangan, cara meletakkan kedua tangan di atas tangan yang lain di dada ketika berdiri untuk membaca Surah al-Fatihah, doa iftitah, memohon perlindungan kepada Allah daripada syaitan dan setiap godaannya sebelum membaca Surah al-Fatihah, membaca amin, membaca surah sesudah al-Fatihah, membaca surah-surah *mufassal* yang panjang dalam solat Subuh dan solat Zohor, membaca surah-surah *mufassal* yang pertengahan dafam solat Isyak dan solat Asar, membaca surah-surah *mufassal* yang pendek dalam solat Maghrib, mengangkat kedua tangan ketika hendak rukuk, mengangkat kedua tangan ketika hendak i’tidal, membaca tasbih dan tahmid dalam rukuk dan mengangkat kepala dari rukuk bagi imam dan orang yang solat bersendirian, dan bagi imam hanya membaca tahmid, berdoa dengan mengucapkan zikir-zikir yang disunatkan ketika rukuk dan sujud, membuka jari kedua tangan ketika rukuk dan menggabungkannya ketika sujud, memohon rahmat dalam solat ketika membaca ayat yang di dalamnya terdapat rahmat, meminta perlindungan ketika membaca ayat yang di dalamnya terdapat azab, berdoa ketika duduk di antara dua sujud, duduk istirehat sesudah sujud yang kedua dari rakaat pertama dan rakaat ketiga, membaca doa qunut pada rakaat yang ganjil, dalam solat Subuh dan dalam solat witir separuh kedua dari bulan Ramadhan, membaca doa qunut dalam solat-solat fardu apabila kaum muslimin

ditimpa suatu malapetaka, mendahulukan kedua lutut ke atas kedua tangan ketika hendak sujud, berdoa sesudah tasyahhud tetapi sebelum salam, dan sebelum salam membaca ta'awwudz agar dilindungi oleh Allah daripada fitnah, kejahatan, sifat bakhil, pengecut, takabur, fitnah dalam hidup, dan fitnah setelah mati serta fitnah duniawi.

4. Menguatkan suara bacaan ketika mengerjakan solat Maghrib, Isyak, dan Subuh.
5. Bacaan dalam solat Zohor dan solat Asar hendaklah tidak kuat, yakni dengan suara perlahan.
6. Boleh menguatkan bacaan sebahagian ayat ketika mengerjakan solat *sirriyyah*. Boleh pula berdoa di dalam solat dengan membaca kalimat-kalimat yang tidak terdapat di dalam al-Quran, yakni tidak bersumber daripadanya.
7. Menyerahkan semua urusan kepada Allah dan ikhlas kepada-Nya dalam mengerjakan amal soleh.
8. Berwasiat dengan kebaikan, dan disunatkan memulakan doa untuk diri sendiri, lalu disusuli dengan doa untuk umum.
9. Larangan membaca al-Qur'an ketika rukuk dan sujud, serta meniru perilaku haiwan dalam solat.
10. Menuntut ilmu kepada orang alim, lebih-lebih lagi berkaitan doa yang bersumber daripada Nabi (s.a.w).
11. Memastikan akan adanya al-Dajjal dan fitnahnya, serta adanya seksa kubur.
12. Keutamaan para sahabat dan perhatian mereka dalam meneliti hukum agama serta kecintaan mereka untuk mengerjakan amal soleh sekali gus mereka berlumba-lumba dalam mengerjakan amal soleh.
13. Berpaling daripada dunia dan berzuhud terhadapnya.
14. Anjuran untuk mengerjakan amal soleh dan melakukan amal ibadah bagi meraih redha dan cinta Allah (s.w.t).
15. Ayat al-Qur'an dan surahnya, sebahagian daripadanya lebih utama ke atas sebahagian yang lain.
16. Tidak boleh menggunakan apa-apa alat ketika sujud.

Soalan

1. Siapakah nama orang yang berlaku buruk terhadap solatnya? Jelaskan sejauh mana kepentingan hadis tersebut dan judul apa yang sesuai untuk hadis tersebut!
2. Dari manakah anda menyimpulkan bahawa niat dan tuma'ninah merupakan rukun solat di dalam hadis tersebut dan mengapa di dalam hadis itu tidak disebutkan salam?
3. Gambarkan solat Rasulullah (s.a.w)!
4. Apakah hukum takbiratul ihram? Jelaskan hukum mengangkat kedua tangan ketika melakukannya!
5. Jelaskan gambaran rukuk yang dianjurkan!
6. Bagaimana gambaran sujud yang dianjurkan?

7. Bagaimana hukum doa iftitah? Sebutkan *sighat* (kalimat-kalimat)nya!
8. Jelaskan makna sabda Nabi (s.a.w): "لبيك و سعديك" dan i'rabkan kedua-dua patah perkataan itu!
9. Jelaskan maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "الشر ليس إليك" dan terangkan etika yang dapat disimpulkan daripada perkataan itu!
10. Apakah rahsia yang terdapat di dalam doa Rasulullah (s.a.w): "Jauhkan antara diriku dengan dosa-dosaku sebagaimana Engkau menjauhkan antara timur dengan barat" dan permohonan supaya disucikan daripada dosa-dosa, meskipun baginda seorang yang maksum (terpelihara) daripada dosa?
11. Apakah makna sabda Rasulullah (s.a.w): "هنيهة" dan jelaskan kedudukan i'rabnya!
12. Apakah rahsia yang terdapat di dalam hadis ini yang menghimpun antara air, salji dan embun?
13. Apakah yang disyariatkan sebelum membaca al-Fatihah pada rakaat pertama?
14. Apakah hukum *isti'adzah* dan di manakah ia mesti dibaca?
15. I'rabkan lafaz "سبحانك" dan jelaskan maknanya!
16. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: "الهمز", "النفخ", "النفث", "حذو", "لم يشخص", "لم يصوب", "فرج", "الركبتين", "أعظم", "الجد", "المجد", "أهل", "السورة", "متوركا", "لم يقنع", "كلمات", "السبابة", "الإستعاذة", "الفتنة", "السلام", "الرحمة", "البركة", "الجبن", "البخل", "أرذل العمر", "فتنة الدنيا", "تباركت", "خطاياه", "زبد البحر", "أعني", "أومأ", "يقفل" dan "أنبأتكم"?
17. Apakah makna "عقبة الشيطان" dan "افتراش السبع", serta sebutkan hikmah yang terdapat di dalam larangan melakukan kedua-dua keadaan ini!
18. Sebutkan tempat-tempat yang disyariatkan padanya mengangkat kedua tangan, manakah yang telah disepakati dan manakah pula yang masih diperselisihkan, dan jelaskan dalam keadaan bagaimanakah itu dilarang!
19. Jelaskan gambaran rukuk dan duduk yang sempurna!
20. Bagaimanakah hukum meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri dalam solat? Sebutkan cara dan hikmah yang terdapat di dalamnya!
21. Bagaimanakah hukum membaca Surah al-Fatihah ketika dalam solat? Jelaskan dalil-dalil yang menunjukkan bahawa membaca Surah al-Fatihah adalah rukun solat, dan jelaskan perbezaan pendapat ulama mengenai masalah ini!
22. Jelaskan cara menggabungkan hadi-hadis tentang basmalah memandangkan ada yang pro dan yang kontra dalam masalah ini!
23. I'rabkan lafaz "آمين" dan jelaskan maknanya serta jelaskan rahsia membacanya di akhir Surah al-Fatihah!
24. Terangkan pendapat ulama mengenai masalah membaca amin dan basmalah dengan menyebutkan sebahagian dalil mengenainya!
25. Apakah dalil yang mensyariatkan takbir *intiqal* dan hukumnya serta pendapat ulama mengenainya?
26. Bagaimanakah petunjuk Rasulullah (s.a.w) ketika mengerjakan solat dan bilakah baginda memanjangkan dan memendekkan rakaat?
27. Bolehkah membaca ayat dengan suara yang kuat dalam solat *sirriyyah*?
28. Apakah hikmah memperpanjang rakaat pertama lebih daripada rakaat yang berikutnya?

29. Bolehkah menyampaikan berita daripada Nabi (s.a.w) hanya berlandaskan *zhann* (prasangka)?
30. Ceritakan sejauh mana perhatian sahabat dalam menukil Sunnah!
31. Sebutkan tatacara solat Rasulullah (s.a.w)!
32. Apakah hikmah memperpanjang solat Zohor lebih daripada solat Asar, dua rakaat pertama lebih panjang daripada dua rakaat yang berikutnya, dan rakaat pertama lebih panjang daripada rakaat kedua?
33. Bolehkah berpegang kepada *zhann* (prasangka)?
34. Jelaskan surah al-Qur'an yang *mutawwal* dan yang *mufassal*!
35. Sebutkan pembahagian surah *mufassal*!
36. Apakah ayat al-Qur'an yang semestinya dibaca pada setiap solat lima waktu? Sebutkan hikmahnya!
37. I'rabkan lafaz "صلاة" dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "أشبه صلاة"!
38. Terangkan keadaan bacaan Rasulullah (s.a.w) ketika mengerjakan solat Maghrib!
39. Apakah yang mesti diambil kira dalam masalah periwayatan ketika menyampaikannya atau ketika menerimanya?
40. Apakah surah yang dianjurkan dibaca dalam solat Subuh pada hari Jumaat? Sebutkan mengapa surah itu dipilih supaya dibaca pada solat Subuh hari Jumaat dan jelaskan pendapat ulama mengenainya!
41. Apakah yang semestinya dilakukan oleh seorang yang sedang solat apabila membaca ayat yang di dalamnya menceritakan rahmat atau ayat yang di dalamnya menceritakan azab?
42. Sebutkan zikir ketika rukuk dan sujud! Mengapa orang yang solat dilarang membaca al-Qur'an ketika rukuk dan sujud, serta apakah makna larangan mengenai hal itu menurut pendapat jumhur ulama?
43. Apakah hukum membaca tasbih ketika rukuk! Sebutkan dalil yang mengatakan bahawa membaca tasbih ketika rukuk itu tidak wajib!
44. Sebutkan batasan minimum membaca tasbih ketika rukuk dan sujud, dan sebutkan pula batasan maksimumnya!
45. Apakah hikmah yang terdapat di dalam *tasmi'* (memperdengarkan bacaan) dan memohon keampunan?
46. Apakah rahsia permintaan ampun Rasulullah (s.a.w), padahal baginda sendiri telah diampuni dosa-dosanya?
47. Mengapa perhatian para sahabat sedemikian besar dalam masalah menukil gambaran solat yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w)?
48. Apakah yang anda dapat simpulkan dari sabda Rasulullah (s.a.w): " حين يرفع صلبه"!
49. Berapakah keseluruhan jumlah takbir dalam solat lima waktu?
50. Sebutkan anggota-anggota sujud!
51. Bagaimanakah hukum sujud bagi orang yang tidak menempelkan hidungnya pada tempat sujud dan sebutkan perbezaan pendapat ulama dalam masalah ini!
52. Jelaskan gambaran sujud berdasarkan sabda Nabi (s.a.w) dan perbuatannya!
53. Apakah hikmah yang terdapat di dalam larangan mendekam seperti unta?

54. Bagaimanakah cara solat orang sakit dan orang mampu berdiri?
55. Mengapa Nabi (s.a.w) solat sambil duduk dan mengapa baginda duduk dengan bersila?
56. Sebutkan kedudukan i'rab dari lafaz "متربعا" dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "يصلى متربعا"!
57. Apakah doa yang dinukil daripada Rasulullah (s.a.w) di antara kedua sujud?
58. Apakah *jalsah al-istiraahah* dan bilakah ia dilakukan? Sebutkan pendapat ulama mengenainya!
59. Ada berapakah bentuk lafaz doa qunut?
60. Sebutkan gambaran yang memadai dan yang sempurna dalam duduk untuk tasyahhud!
61. Jelaskan sabda Rasulullah (s.a.w): "وعقد ثلاثا وخمسين"?
62. Apakah hikmah yang terdapat di dalam isyarat dengan menggunakan jari telunjuk?
63. Jelaskan lafaz tasyahhud?
64. Terangkan hukum tasyahhud dan sebutkan sejauh mana perhatian Rasulullah (s.a.w) terhadap masalah tasyahhud ini!
65. Sebutkan apa yang anda ketahui tentang riwayat lafaz tasyahhud!
66. Apakah etika yang mesti dipatuhi ketika berdoa?
67. Apakah makna sabda Rasulullah (s.a.w): "وعجل هذا"?
68. Bagaimanakah hukum membaca selawat ke atas Nabi (s.a.w) dalam tasyahhud?
69. Terangkan makna selawat Ibrahimiyyah! Mengapa selawat dari Allah ke atas Nabi kita diumpamakan dengan berselawat ke atas Nabi Ibrahim, padahal Nabi kita lebih mulia berbanding Nabi Ibrahim?
70. I'rabkan "أنك حميد مجيد" dan huraikan maknanya!
71. Mengapa Abu Bakar (r.a) meminta Nabi (s.a.w) mengajarkannya bacaan doa?
72. Bagaimanakah hukum salam pertama dan salam kedua?
73. Apakah rahsia yang terdapat di dalam membaca istighfar sesudah solat? Jelaskan bentuk *shighat*-nya!
74. Terangkan makna sabda Rasulullah (s.a.w): "أنت السلام ومنك السلام"!
75. Apakah yang dimaksudkan dengan "الخطايا المغفورة" (dosa-dosa yang diampuni)?
76. Apakah yang dimaksudkan dengan larangan di dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "لا تدعن"!
77. Jelaskan makna ayat al-Kursi dan Surah al-Ikhlas? Sebutkan keutamaan kedua-duanya!
78. Apakah makna sabda Rasulullah (s.a.w): "لم يمنعه من دخول الجنة إلا الموت" dan manakah *fa'il* kepada lafaz "يمنعه" dalam hadis ini?
79. Terangkan dan gambarkan keadaan solat orang sakit!
80. Bagaimanakah hukum sujud orang yang sujud di atas bantal dan lain-lain seumpamanya jika apa yang diwajibkan baginya adalah melakukannya dengan isyarat?

BAB SUJUD SAHWI, SUJUD TILAWAH DAN SUJUD SYUKUR

٢٦٨- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ بُحَيْنَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى بِهِمُ الظُّهْرَ، فَقَامَ فِي الرَّكْعَتَيْنِ الْأُولَيَيْنِ، وَلَمْ يَجْلِسْ، فَقَامَ النَّاسُ مَعَهُ، حَتَّى إِذَا قَضَى الصَّلاَةَ، وَانْتَظَرَ النَّاسُ تَسْلِيمَهُ، كَبَّرَ وَهُوَ جَالِسٌ، وَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يُسَلِّمَ، ثُمَّ سَلَّمَ. أَخْرَجَهُ السَّبْعَةُ، وَهَذَا لَفْظُ الْبُخَارِيِّ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِمُسْلِمٍ: يُكَبِّرُ فِي كُلِّ سَجْدَةٍ وَهُوَ جَالِسٌ وَسَجَدَ النَّاسُ مَعَهُ، مَكَانَ مَا نَسِيَ مِنَ الْجُلُوسِ.

268. Daripada Abdullah ibn Buhainah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) melakukan solat Zohor bersama mereka (sahabat), tetapi baginda berdiri setelah melakukan dua rakaat pertama tanpa duduk (tasyahhud). Para sahabat pun turut berdiri mengikutinya. Ketika baginda menyelesaikan solat, sedangkan para sahabat menunggu salam, baginda bertakbir, padahal masih dalam keadaan duduk, lalu baginda melakukan sujud sebanyak dua kali sebelum salam. Setelah itu barulah baginda mengucapkan salam." (Diriwayatkan oleh al-Sab'ah. Hadis ini menurut lafaz al-Bukhari)

Menurut riwayat Muslim disebutkan: "Baginda melakukan takbir setiap sujud sambil duduk. Baginda sujud dan para sahabat pun turut bersujud bersamanya sebagai ganti terhadap apa yang beliau lupa, iaitu duduk (untuk tasyahhud pertama)."

Makna Hadis

Solat terdiri daripada rukun dan lain-lain. Rukun mesti dikerjakan dan tidak dapat digantikan dengan sujud sahwi. Oleh kerana tasyahhud pertama tidak termasuk salah satu rukun solat, maka sujud sahwi dapat dilakukan sebagai penggantinya. Jadi, Rasulullah (s.a.w) tidak kembali duduk untuk melakukan tasyahhud. Seandainya ia rukun, nescaya baginda kembali duduk untuk melakukannya dan tidak memadai hanya dengan melakukan dua kali sujud sebagai penggantinya.

Analisis Lafaz

"السهو", lalai dan lupa melakukan sesuatu.

"التلاوة", membaca al-Qur'an.

"الشكر", memperakui nikmat-nikmat Allah (s.w.t).

"الرَّكْعَتَيْنِ الْأُولَيَيْنِ", keduanya merupakan bentuk *tatsniyah* dari lafaz *rak'ah* dan *awla*.

"وَلَمْ يَجْلِسْ", tidak melakukan tasyahhud pertama.

"فَقَامَ النَّاسُ مَعَهُ", mereka berdiri bersama Rasulullah (s.a.w) untuk mengerjakan rakaat ketiga tanpa duduk tasyahhud kerana mengikuti Rasulullah (s.a.w).

"حَتَّى إِذَا قَضَى الصَّلاَةَ", yakni telah selesai mengerjakan rukun solat selain salam sebagai petanda solat selesai. Ini difahami berdasarkan kalimat yang mengatakan: "Sedangkan para sahabat menunggu salam."

"سَجَدَ سَجْدَتَيْنِ", melakukan dua kali sujud untuk mengganati apa yang tidak dikerjakan, yakni sujud sahwi yang dilakukan sesudah tasyahhud dan sebelum salam.

"مَكَانَ مَا نَسِىَ مِنَ الْجُلُوسِ", sebagai ganti duduk untuk tasyahhud pertama yang tidak dikerjakan. Kalimat ini merupakan perkataan sahabat yang meriwayatkan hadis ini. Ini diketahui menerusi *qarinah al-haal*.

Fiqh Hadis

1. Jika meninggalkan tasyahhud pertama kerana lupa, maka itu dapat diganti dengan sujud sahwi.
2. Tasyahhud pertama dan duduk untuk tasyahhud pertama tidak termasuk rukun solat dan tidak pula diwajibkan. Jumhur ulama mengatakan, jika keduanya wajib, nescaya Nabi (s.a.w) tidak mengganti keduanya dengan melakukan sujud sahwi. Imam Ahmad mengatakan, keduanya adalah wajib. Jika seseorang lupa melakukan keduanya, maka dia mesti mengganti keduanya dengan sujud sahwi sesuai dengan pengertian hadis ini.
3. Menjelaskan bilangan sujud sahwi sebanyak dua kali sujud.
4. Disyariatkan membaca takbir untuk sujud sahwi dan salam sesudahnya.
5. Disyariatkan takbir *intiqal*.
6. Wajib mengikuti imam ketika melakukan sujud sahwi, termasuk pula orang yang masbuq, yakni makmum yang datang terlambat.
7. Tidak boleh melakukan sujud sahwi secara berulang kali, meskipun tertinggal beberapa perbuatan solat yang banyak terlewatkan, kerana Rasulullah (s.a.w) cukup melakukan dua kali sujud sebagai ganti kepada duduk dan tasyahhud pertama. Al-Baihaqi meriwayatkan satu hadis daripada Aisyah bahawa dua kali sujud sahwi sudah memadai untuk menggantikan semua penambahan dan kekurangan.
8. Sujud sahwi dilakukan sebelum salam menurut pendapat Imam al-Syafi'i. Beliau menyanggah hadis-hadis lain yang menyebut Rasulullah (s.a.w) tidak menyedari kealpaannya melainkan sesudah salam, lalu baginda segera mengerjakan sujud sahwi sesudahnya, tetapi jika baginda menyedari kealpaannya sebelum itu, nescaya baginda melakukan sujud sahwi sebelum salam. Imam Ahmad mengatakan bahawa hadis mengenai masalah ini beraneka ragam. Dalam hadis ini disebutkan, sujud dilakukan sebelum salam, sedangkan menurut hadis Abu Hurairah (r.a) yang bakal disebutkan berikut ini disebutkan di dalamnya berdiri pada tonggak kayu dan melakukan sujud sahwi sesudah salam. Setiap hadis yang telah disebutkan hendaklah diamalkan bersesuaian dengan keadaannya dan tidak boleh diqiyaskan dengan hal lain. Selain dari apa yang telah disebutkan dalam masalah ini, maka sujud sahwi hendaklah dilakukan sebelum salam. Imam Malik mengatakan, jika lupa kerana menambahkan sesuatu, maka sujud dilakukan sesudah salam, sebab itu bagi menghinakan syaitan. Oleh itu, sebaiknya dilakukan sesudah selesai mengerjakan solat. Jika lupa kerana kekurangan melakukan sesuatu, maka

sujud sahwi dilakukan sebelum salam, sebab itu dilakukan bagi memperbaiki dan menggantikan kekurangan. Adalah mustahil apabila perbaikan dan penggantian itu dilakukan sesudah selesai mengerjakan solat. Apabila digabung antara kekurangan dan penambahan, maka apa yang dimenangkan adalah kekurangan dan seseorang hendaklah melakukan sujud sahwi sebelum salam. Imam Abu Hanifah mengatakan, pada mulanya sujud sahwi itu dilakukan sesudah salam dan para pengikut Imam Abu Hanifah mentakwilkan hadis-hadis masalah ini dengan mengatakan bahawa sujud sahwi dilakukan sebelum salam.

٢٦٩- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِحْدَى صَلاَتِي الْعَشِيِّ رَكْعَتَيْنِ، ثُمَّ سَلَّمَ، ثُمَّ قَامَ إِلَى خَشَبَةٍ فِي مُقَدَّمِ الْمَسْجِدِ، فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَيْهَا، وَفِي الْقَوْمِ أَبُو بَكْرٍ وَعُمَرُ، فَهَابَا أَنْ يُكَلِّمَاهُ، وَخَرَجَ سَرَعَانُ النَّاسِ، فَقَالُوا: أَقُصِرَتْ الصَّلاَةُ، وَرَجُلٌ يَدْعُوهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَا الْيَدَيْنِ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَنَسِيتَ أَمْ قُصِرَتْ؟ فَقَالَ: "لَمْ أَنْسَ وَلَمْ تُقْصَرْ"، فَقَالَ: بَلَى، قَدْ نَسِيتُ، فَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ ثُمَّ سَلَّمَ، ثُمَّ كَبَّرَ، فَسَجَدَ مِثْلَ سُجُودِهِ، أَوْ أَطْوَلَ ثُمَّ رَفَعَ رَأْسَهُ فَكَبَّرَ، ثُمَّ وَضَعَ رَأْسَهُ، فَكَبَّرَ، فَسَجَدَ مِثْلَ سُجُودِهِ، أَوْ أَطْوَلَ، ثُمَّ رَفَعَ رَأْسَهُ وَكَبَّرَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِمُسْلِمٍ: صَلاَةُ الْعَصْرِ. وَلأَبِي دَاوُدَ، فَقَالَ: أَصَدَقَ ذُو الْيَدَيْنِ؟ فَأَوْمَئُوا: أَيْ نَعَمْ. وَهُوَ فِي الصَّحِيحَيْنِ لَكِنْ بِلَفْظِ: فَقَالُوا. وَهِيَ فِي رِوَايَةٍ لَهُ: وَلَمْ يَسْجُدْ حَتَّى يَقَّنَهُ اللهُ تَعَالَى ذَلِكَ.

269. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) mengerjakan solat satu daripada dua solat petang hanya dua rakaat, kemudian baginda berdiri menuju ke sebuah tonggak kayu di depan masjid, lalu meletakkan tangan di atasnya, sedangkan di antara kaum (yang bermakmum) di belakangnya terdapat Abu Bakar dan Umar, tetapi keduanya merasa segan berbicara kepadanya. Para sahabat pun keluar (dari dalam masjid) dalam keadaan tergesa-gesa seraya berkata: "Solat telah diqasar." Di antara kaum terdapat seorang lelaki yang dipanggil oleh Nabi (s.a.w) dengan nama panggilan Dzu al-Yadain, lalu lelaki itu berkata: "Wahai Rasulullah, apakah tuan lupa atau solat telah diqasar?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Aku tidak lupa dan solat tidak diqasar." Lelaki itu berkata: "Memang benar, tuan lupa." Maka Nabi (s.a.w) mengerjakan solat (semula) sebanyak dua rakaat, lalu bersalam. Kemudian Nabi (s.a.w) bertakbir dan melakukan sujud seperti sujud yang sebelumnya atau lebih lama (daripadanya), lalu baginda mengangkat kepalanya seraya bertakbir. Kemudian baginda menundukkan kepalanya seraya bertakbir dan melakukan sujud lagi, sama dengan sujud sebelumnya atau lebih lama lagi, lalu baginda mengangkat kepalanya seraya bertakbir. (Muttafaq 'alaih. Lafaz hadis ini menurut al-Bukhari)

Dalam riwayat Muslim disebutkan bahawa solat yang dikerjakan oleh baginda itu adalah solat Asar. Menurut riwayat Abu Dawud disebutkan: Maka Nabi (s.a.w) bertanya: "Apakah Dzu al-Yadain benar?" Mereka menjawab melalui isyarat yang mengatakan: "Benar." Dalam Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim disebutkan pula hadis yang serupa. Namun dengan lafaz "فَقَالُوا" (mereka menjawab), bukan

“فَأَوْمَئُوا”. Dalam riwayat lain yang disebut oleh Abu Dawud disebutkan: Dan Nabi (s.a.w) tidak melakukan sujud (sahwi) sebelum diyakinkan oleh Allah (s.w.t) tentang hal tersebut.

٢٧٠- عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى بِهِمْ، فَسَهَا فَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ، ثُمَّ تَشَهَّدَ، ثُمَّ سَلَّمَ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ.

270. Daripada ‘Imran ibn Hushain (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) solat bersama mereka (para sahabat), lalu baginda lupa. Maka baginda pun melakukan sujud sebanyak dua kali, kemudian membaca tasyahhud, lalu salam.” (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Tirmizi menilainya hasan dan al-Hakim menilainya sahih)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) mengutus Nabi kita bagi menetapkan hukum syariat yang di antaranya ialah hukum sujud sahwi ketika mengerjakan solat dan baginda telah menjelaskan melalui perbuatannya. Ketika baginda lupa, sekalipun lupa itu bukan kerana lalai menghadap Allah, melainkan semata-mata kerana mensyariatkan bagi umatnya dan menjelaskan kepada mereka hukum agama melalui perbuatannya.

Analisis Lafaz

“إِحْدَى صَلاَتِي الْعَشِيِّ”, riwayat Muslim mentafsirkannya dengan solat Asar. *Al-‘Asyiyyi* ialah waktu antara matahari tergelincir hingga matahari terbenam. Di dalam riwayat lain disebutkan bahawa solat yang dimaksudkan di sini adalah solat Zohor. Apapun, ada kemungkinan ini terjadi secara berulang kali.

“خَشَبَةٍ فِي مُقَدَّمِ الْمَسْجِدِ”, sebuah tonggak kayu yang ada di sebelah kiblat.

“فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَيْهَا”, lalu baginda meletakkan tangannya di atas tonggak kayu tersebut. Di dalam riwayat lain disebutkan bahawa Nabi (s.a.w) bersandar pada tonggak kayu itu seakan-akan sedang marah seraya meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri dan merasuk jari jemari tangannya.

“فَهَابَا أَنْ يُكَلِّمَاهُ”, keduanya merasa segan untuk menceritakan kepada Rasulullah (s.a.w) apa yang telah dilakukannya berkaitan kekurangan di dalam solat kerana menghormati dan mengagungkannya, sebab ketika itu pada wajah Nabi (s.a.w) nampak sedang marah. Dzu al-Yadain berani bertanya kepada baginda kerana didorong oleh perasaan ingin tahu. Dia memberanikan diri untuk bertanya.

“وَخَرَجَ سَرَعَانُ النَّاسِ”, bentuk jamak lafaz “سريع”. Mereka adalah orang yang keluar meninggalkan masjid terlebih dahulu daripada yang lain kerana mempunyai urusan penting, hingga mereka tergesa-gesa meninggalkan masjid setelah selesai mengerjakan solat.

“يَدْعُوهُ النَّبِيُّ”, yang dipanggil oleh Nabi (s.a.w) dengan nama julukan.

Dzu al-Yadain, nama julukan Dzu al-Yadain. Beliau diberi nama demikian kerana memiliki dua tangan yang panjang. Nama aslinya adalah al-Khirbaq ibn Umar.

“أَمْ قُصِرَتْ”, apakah solat telah diqasar seperti apa yang telah disyariatkan oleh Allah iaitu mempersingkat solat empat rakaat menjadi dua rakaat.

“لَمْ أَنْسَ وَلَمْ تُقْصَرْ”, kalimat ini menunjukkan bahawa Nabi (s.a.w) tidak lupa dan tidak pula mengqasar solat menurut keyakinannya meskipun pada kenyataanya berlainan.

“صَلاَةُ الْعَصْرِ”, sebagai ganti kepada sabda Rasulullah (s.a.w): “إحدى صلاة العشي”.

“بَلَى، قَدْ نَسِيتُ”, Dzu al-Yadain menetapkan bahawa baginda benar-benar lupa.

“فَقَالَ”, Nabi (s.a.w) bertanya kepada para hadirin.

“ثُمَّ رَفَعَ رَأْسَهُ فَكَبَّرَ”, kemudian baginda mengangkat kepalanya dari sujud seraya bertakbir, yakni melakukan takbir *intiqal*.

“فَأَوْمَئُوا”, mereka berisyarat.

“وَهُوَ فِي الصَّحِيحَيْنِ لَكِنْ بِلَفْظِ: فَقَالُوا”, hadis ini menurut yang ada dalam Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim disebutkan dengan menggunakan lafaz “فقالوا” sebagai ganti lafaz “فأومئوا” yang bermaksud menjawab: “Ya, benar.”

“حَتَّى يَقَّنَهُ اللهُ”, menurut riwayat ini, Nabi (s.a.w) memperoleh keyakinan menerusi dua faktor; pertama, berdasarkan keyakinan dari dalam dirinya setelah bertanya kepada para sahabat; kedua, adanya wahyu yang turun kepadanya menceritakan perkara tersebut.

Fiqh Hadis

1. Perhatian para sahabat yang sedemikian tinggi untuk memperoleh ilmu melalui cara bertanya tanpa merasa segan atau rasa takut.
2. Beretika (bersopan santun) ketika bersama Nabi (s.a.w) kerana Dzu al-Yadain tidak mengatakan kepadanya dengan kata-kata bahawa baginda telah lupa.
3. Tidak boleh mempercayai berita yang datang dari seseorang tanpa terlebih dahulu memastikan kebenarannya dengan bertanya kepada orang ramai.
4. Disyariatkan sujud sahwi. Sujud sahwi itu terdiri daripada dua kali sujud. Ia tidak dilakukan secara berulang kali meskipun terdiri daripada banyak penyebab.
5. Bercakap-cakap di dalam solat dengan sengaja membatalkan solat sama ada sedikit ataupun banyak. Namun bercakap demi kemaslahatan solat itu sendiri tidaklah membatalkan solat. Namun ulama masih berselisih pendapat mengenai masalah ini. Begitu pula ulama berbeza pendapat tentang orang lupa dan orang yang faham (bahawa bercakap dalam solat itu membatalkan solat).
6. Boleh meneruskan solat sesudah salam. Menurut Imam al-Syafi’i, itu boleh dilakukan apabila seseorang sedar akan kealpaannya dalam waktu yang tidak lama dan belum keluar meninggalkan masjid. Sebahagian ulama mengatakan boleh meneruskan solat secara mutlak dan mereka mengikatnya dengan ketentuan apabila pemisahnya tidak lama, meskipun ada pula sebahagian di antara mereka yang mengatakan boleh meneruskan solat meskipun waktu pemisahnya itu lama selagi wuduk belum batal.
7. Tempat untuk melakukan sujud sahwi ialah di akhir solat, iaitu sesudah salam. Hadis ini dijadikan pegangan oleh Imam Abu Hanifah.

8. Nabi (s.a.w) kadang kala lupa dalam sesetengah perbuatannya bagi menetapkan satu hukum syariat ke atas umatnya sebagaimana sabda baginda:

إِنِّي لَا أَنْسَى وَلَكِنْ أُنَسَّي لِأَسُنَّ – لِأُشَرِّعَ.

"*Sesungguhnya aku tidak lupa, melainkan aku dilupakan untuk menetapkan syariat.*"

9. Melakukan takbir untuk sujud sahwi dan melakukan salam sesudahnya. Sebahagian ulama mengatakan bahawa seseorang hendaklah melakukan salam dua kali -ini merupakan pendapat yang sahih- bagi membezakannya dengan salam yang biasa. Sebahagian yang lain pula mengatakan bahawa salam dilakukan hanya sekali ke sebelah kanan (tanpa salam ke sebelah kiri).
10. Disyariatkan membaca tasyahhud sesudah melakukan dua kali sujud sahwi secara mutlak dan melakukan salam sesudahnya, kerana berlandaskan kepada makna zahir hadis. Ini dijadikan pegangan oleh Imam Abu Hanifah. Mazhab Maliki mengatakan bahawa seseorang yang telah membaca tasyahhud (akhir) hendaklah melakukan tasyahhud lagi untuk sujud sahwi dan barulah bersalam. Sedangkan seseorang yang belum membaca tasyahhud, menurut Imam Malik dalam masalah ini ada dua riwayat dan kedua-duanya bersumber daripadanya. Tetapi menurut pendapat yang masyhur dalam mazhab Maliki, hendaklah seseorang bertasyahhud agar salam yang dilakukan jatuh sesudah tasyahhud. Imam al-Syafi'i mengatakan, jika seseorang telah melakukan sujud sebelum salam, maka dia tidak perlu bertasyahhud. Inilah pendapat masyhur dalam mazhab al-Syafi'i. Tetapi mereka berselisih pendapat mengenai masalah sekiranya sujud dilakukan sesudah salam. Menurut pendapat yang sahih, seseorang hendaklah terus salam dan tidak perlu lagi mengucapkan tasyahhud. Mazhab Hanbali mengatakan, jika sujud dilakukan sebelum salam, maka tidak boleh lagi bertasyahhud dan jika sujud dilakukan sesudah salam, maka baginya wajib tasyahhud.
11. Berniat keluar daripada solat apabila berlandaskan kepada sangkaan bahawa solat telah sempurna, maka itu tidak menjadikan solat yang dilakukannya batal apabila telah mengucapkan salam.

٢٧١- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا شَكَّ أَحَدُكُمْ فِي صَلاَتِهِ، فَلَمْ يَدْرِ كَمْ صَلَّى أَثَلاَثًا أَوْ أَرْبَعًا؟ فَلْيَطْرَحِ الشَّكَّ وَلْيَبْنِ عَلَى مَا اسْتَيْقَنَ، ثُمَّ يَسْجُدُ سَجْدَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يُسَلِّمَ، فَإِنْ كَانَ صَلَّى خَمْساً شَفَعْنَ لَهُ صَلَاتَهُ، وَإِنْ كَانَ صَلَّى تَمَامًا كَانَتَا تَرْغِيمًا لِلشَّيْطَانِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

271. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu merasa ragu di dalam solat dan dia tidak lagi ingat sudah berapa rakaat dia solat, tiga atau empat rakaat, maka hendaklah dia membuang perasaan ragu itu dan hendaklah meneruskan apa yang diyakininya. Kemudian hendaklah dia sujud sebanyak dua kali sebelum salam. Jika dia ternyata solat lima rakaat, maka sujudnya itu menggenapkan solatnya. Jika dia ternyata solat dengan sempurna, maka kedua sujudnya itu merupakan penghinaan buat syaitan.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Kaedah umum syariat diambil daripada keumuman dalil-dalil syar'ie yang ditetapkan oleh Nabi (s.a.w), iaitu berpegang teguh kepada keyakinan dan membuang keraguan. Semua ulama bersepekat dengan ini. Dari kaedah umum ini bercabang banyak masalah yang antara lain ialah seseorang yang merasa ragu mengenai jumlah rakaat dalam solat, maka dia hendaklah meneruskan apa yang diyakininya iaitu bilangan rakaat yang paling sedikit sebagai langkah berjaga-jaga agar tanggungannya bebas dalam menunaikan ibadah dengan penuh yakin, lalu hendaklah dia melakukan sujud sahwi untuk menutupi kekurangannya sekali gus sebagai penghinaan buat syaitan yang sentiasa menggodanya dalam solat.

Analisis Lafaz

"شَكَّ", ragu dalam suatu perkara dan bingung dalam menentukan keduanya, lawan kata yakin.

"فَلْيَطْرَحِ الشَّكَّ وَلْيَبْنِ عَلَى مَا اسْتَيْقَنَ", hendaklah dia meninggalkan apa yang diragukan, lalu mengerjakan apa-apa yang diyakininya.

"فَإِنْ كَانَ صَلَّى خَمْساً", jika dia mengerjakan solat lima rakaat dalam solat *ruba'iyyah* (yang jumlahnya empat rakaat).

"شَفَعْنَ لَهُ صَلَاتَهُ", kedua sujud sahwi menjadikan solatnya genap (menjadi enam), kerana dua sujud menggantikan kedudukan satu rakaat seakan-akan apa yang dituntut daripada empat rakaat adalah bilangan genapnya, meskipun bilangannya lebih daripada empat rakaat.

"كَانَتَا", maka kedua sujud sahwinya.

"تَرْغِيمًا لِلشَّيْطَانِ", untuk membenamkan hidung ke tanah. Maksudnya ialah menghinakan syaitan dan merendahkannya kerana ia hendak merosak dan mengacau solat orang yang sedang mengerjakan solat. Maka Allah menjadikan kedua sujud orang yang solat tersebut sebagai jalan untuk menutupi solatnya dan untuk mengejar apa yang diganggu oleh syaitan sekali gus sebagai jawapan ke atas syaitan agar ia menjadi hina dan dijauhkan daripada tujuannya yang hendak merosakkan solat itu, hingga dengan demikian sempurnalah solat seseorang kerana dia mentaati perintah Allah dengan sujud. Lain halnya dengan iblis, ia membangkang terhadap perintah Allah ketika diperintahkan bersujud.

Fiqh Hadis

1. Orang yang ragu dalam solat hendaklah meneruskan apa yang diyakininya dan hendaklah dia melakukan dua kali sujud, iaitu sujud sahwi. Inilah pendapat jumhur ulama. Sedangkan selain mereka mengatakan bahawa seseorang itu wajib mengulangi solatnya hingga dia benar-benar yakin.
2. Disyariatkan salam sesudah sujud sahwi.

3. Syaitan itu ada dan ia sentiasa berusaha menggoda hamba Allah, meskipun hamba itu berada di hadapan Allah (sedang solat).
4. Mengerjakan perintah Allah dengan sujud demi kesempurnaan solat sekali gus untuk menghina syaitan dan membuatnya kecewa.

٢٧٢- عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا سَلَّمَ قِيلَ لَهُ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَحَدَثَ فِي الصَّلاَةِ شَيْءٌ؟ قَالَ: "وَمَا ذَلِكَ؟" قَالُوا: صَلَّيْتَ كَذَا، قَالَ: فَثَنَى رِجْلَيْهِ وَاسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ، فَسَجَدَ سَجْدَتَيْنِ، ثُمَّ سَلَّمَ، ثُمَّ أَقْبَلَ عَلَيْنَا بِوَجْهِهِ فَقَالَ: "إِنَّهُ لَوْ حَدَثَ فِي الصَّلاَةِ شَيْءٌ أَنْبَأْتُكُمْ بِهِ، وَلَكِنْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ أَنْسَى كَمَا تَنْسَوْنَ، فَإِذَا نَسِيتُ فَذَكِّرُونِي، وَإِذَا شَكَّ أَحَدُكُمْ فِي صَلاَتِهِ فَلْيَتَحَرَّ الصَّوَابَ، فَلْيُتِمَّ عَلَيْهِ، ثُمَّ لِيَسْجُدْ سَجْدَتَيْنِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِلْبُخَارِيِّ: "فَلْيُتِمَّ، ثُمَّ يُسَلِّمْ، ثُمَّ يَسْجُدْ". وَلِمُسْلِمٍ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَجَدَ سَجْدَتَيْ السَّهْوِ بَعْدَ السَّلاَمِ وَالْكَلاَمِ. وَلِأَحْمَدَ وَأَبِي دَاوُدَ وَالنَّسَائِيِّ مِنْ حَدِيثِ عَبْدِ بْنِ جَعْفَرٍ مَرْفُوعاً: "مَنْ شَكَّ فِي صَلاَتِهِ، فَلْيَسْجُدْ سَجْدَتَيْنِ بَعْدَمَا يُسَلِّمُ. وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

272. Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat. Setelah salam, ada seseorang yang bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah ada suatu perubahan dalam solat?" Rasulullah (s.a.w) bertanya: "Apakah yang sudah terjadi"? Mereka menjawab: "Tuan tadi solat sekian rakaat." Ibn Mas'ud melanjutkan kisahnya: Maka baginda melipat kedua kakinya dan menghadap ke arah kiblat, lalu melakukan sujud sebanyak dua kali, kemudian mengucapkan salam. Setelah itu, baginda menghadapkan mukanya ke arah orang ramai, lalu bersabda: "Sesungguhnya apabila terjadi suatu perubahan dalam solat, nescaya aku memberitakannya kepada kamu. Tetapi sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia. Aku pun boleh lupa sebagaimana kamu juga lupa. Jika aku lupa, maka ingatkanlah daku. Jika seseorang di antara kamu merasa ragu dalam solatnya, maka hendaklah dia memperhatikan apa yang lebih mendekati kebenaran, lalu hendaklah dia menyempurnakan solatnya berdasarkan kebenaran itu. Setelah itu hendaklah dia melakukan sujud sebanyak dua kali." (Muttafaq 'alaih)

Dalam riwayat al-Bukhari disebutkan: "Maka hendaklah dia menyempurnakan solatnya, lalu sujud (sahwi)." Menurut riwayat Muslim disebutkan: "Nabi (s.a.w) melakukan sujud sebanyak dua kali sebagai sujud sahwi sesudah salam dan bercakap-cakap." Menurut riwayat Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Nasa'i daripada Abdullah ibn Ja'far secara marfu' disebutkan seperti berikut: "Barang siapa yang merasa ragu dalam solatnya, maka hendaklah dia melakukan sujud sebanyak dua kali sesudah mengucapkan salam." (Hadis ini dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) tidak pernah lupa kerana baginda dipelihara daripada dipedaya syaitan, tetapi adakalanya baginda mengalaminya sebagai satu syariat kepada

umatnya dan memberi pengajaran kepada orang yang lupa apa yang mesti dilakukannya apabila dia lupa ketika mengerjakan ibadah. Di dalam hadis yang lain disebutkan:

إِنِّي لاَ أَنْسَى وَلَكِنْ أُنَسَّي لِأَسُنَّ – لِأُشَرِّعَ.

"*Sesungguhnya aku tidak lupa, melainkan aku dilupakan untuk menetapkan syariat.*"

Lupa merupakan salah satu ciri khas manusia apabila dibandingkan dengan kedudukan Allah Yang Maha Tinggi. Oleh itu, Allah Maha Suci dari sifat lupa. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَمَا كَانَ رَبُّكَ نَسِيًّا ﴿٦٤﴾

"*Dan tidaklah Tuhanmu lupa…*" (Surah Maryam: 64)

Dalam ayat yang lain Allah berfirman:

..... فِي كِتَٰبٍ ۖ لَّا يَضِلُّ رَبِّى وَلَا يَنسَى ﴿٥٢﴾

"*… Di dalam sebuah kitab, Tuhan kami tidak akan salah dan tidak (pula) lupa.*" (Surah Taha: 52)

Demikianlah rahsia sabda Nabi (s.a.w) yang mengatakan:

إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْلُكُمْ أَنْسَى كَمَا تَنْسَوْنَ.

"*Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu. Aku boleh lupa sebagaimana kamu juga lupa.*"

Namun, ada perbezaan antara lupa baginda dengan lupa mereka. Lupa baginda memuatkan ketentuan hukum dan syariat buat umatnya. Ini terjadi atas kehendak dan rahmat Allah (s.w.t). Allah (s.w.t) berfirman:

سَنُقْرِئُكَ فَلَا تَنسَىٰٓ ﴿٦﴾ إِلَّا مَا شَآءَ ٱللَّهُ ۚ ..... ﴿٧﴾

"*Kami akan membacakan (al-Qur'an) kepadamu (Muhammad). Maka kamu tidak akan lupa kecuali kalau Allah menghendaki...*" (Surah al-A'la: 6-7)

Adapun lupa yang dialami oleh selain baginda, itu bersumber daripada kelalaian dan godaan syaitan.

Analisis Lafaz

"صَلَّى رَسُولُ الله صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", baginda mengerjakan solat *ruba'iyyah* lima rakaat. Ini disimpulkan dari lafaz "كذا وكذا" yang menunjukkan adanya tambahan rakaat.

"أَحَدَثَ فِي الصَّلاَةِ شَيْءٌ", mereka bertanya tentang suatu peristiwa yang menuntut adanya perubahan hukum solat hingga berlainan dengan apa yang biasa mereka lakukan, kerana mereka hidup pada zaman wahyu diturunkan.

"وَمَا ذَلِكَ", soalan ini menunjukkan baginda tidak merasakan apa yang telah dilakukannya, iaitu mengenai tambahan rakaat.

"صَلَّيْتَ كَذَا", tuan telah mengerjakan solat sekian rakaat, yakni lima rakaat.

"فَثَنَى رِجْلَيْهِ", maka baginda melipat kedua kakinya, yakni mengubahnya kepada satu keadaan untuk melakukan sujud, berlainan dengan keadaan sebelumnya.

“أَنْبَأْتُكُمْ بِهِ”, nescaya itu aku beritahukan kepada kamu.

“إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ”, kalimat ini merupakan sanggahan ke atas orang yang mengingkari Rasulullah (s.a.w) sebagai seorang manusia.

“مِثْلُكُمْ”, sama seperti kamu. Lalu baginda menjelaskan segi persamaannya menerusi sabdanya: “Aku pun boleh lupa, sama seperti kamu juga boleh lupa.”

“شَكَّ أَحَدُكُمْ فِي صَلاَتِهِ”, merasa ragu dalam solatnya sama ada dia menambah atau mengurangkan jumlah rakaat.

“فَلْيَتَحَرَّ الصَّوَابَ”, hendaklah dia memperhatikan sesuatu yang lebih mendekati kebenaran, agar dirinya bebas dari perasaan ragu. Jika sesuatu telah menjadi jelas baginya, maka hendaklah dia mengerjakannya, tetapi jika dia masih ragu, maka hendaklah dia meneruskan apa yang diyakininya, iaitu bilangan rakaat yang paling sedikit.

“وَالْكَلاَمِ”, iaitu percakapan untuk menjawab orang yang berbicara kepadanya, iaitu orang yang menanyakan perkara itu kepadanya.

“مَنْ شَكَّ فِي صَلاَتِهِ”, merasa bingung dalam solatnya mengenai suatu perkara yang berkaitan dengan penambahan atau pengurangan jumlah rakaat.

Fiqh Hadis

1. Makmum mesti mengikuti imam, dan solat makmum batal apabila dia meyakini yang imam solat telah melakukan kesalahan dan dia tetap bermakmum kepadanya. Rasulullah (s.a.w) tidak menyuruh para sahabat untuk mengulangi solat, padahal mereka telah meyakini adanya tambahan rakaat. Ini kerana pada zaman Rasulullah (s.a.w) ada kemungkinan terjadi perubahan dan nasakh hukum. Oleh itu, mereka bertanya: “Apakah telah terjadi suatu perubahan dalam solat?”
2. Pengikut hendaklah mengingatkan orang yang diikutinya mengenai perkara-perkara yang telah dilakukannya. Ini tidak boleh dihambat oleh kebesaran orang yang dianutinya itu.
3. Dianjurkan berpegang teguh kepada apa yang diyakininya dalam solat dan membuang keraguan.
4. Menjelaskan bahawa apa yang diperlukan tidak boleh terlambat daripada waktu yang diperlukan, kerana Nabi (s.a.w) bersabda: “Seandainya terjadi suatu perubahan dalam masalah solat, nescaya aku akan memberitahukannya kepada kamu,” yakni sebelum datangnya waktu yang diperlukan.
5. Ada ketikanya Nabi (s.a.w) mengalami lupa dalam sesetengah pekerjaan dengan tujuan menetapkan hukum syariat buat umatnya.
6. Percakapan orang yang lupa dan salamnya tidak membatalkan solat.
7. Percakapan yang disengajakan untuk kepentingan solat tidak membatalkan solat. Buktinya, Nabi (s.a.w) tidak menyuruh mereka mengulangi solatnya.
8. Disyariatkan melakukan sujud sahwi sesudah salam. Hukum sujud sahwi masih diperselisihkan di kalangan ulama. Imam Ahmad mengatakan bahawa sujud sahwi wajib kerana berlandaskan kepada perintah yang terdapat di dalam sabda Nabi (s.a.w): “Hendaklah dia melakukan sujud dua kali.” Oleh kerana makna

asal perintah menunjukkan makna wajib, maka jika seseorang meninggalkannya dengan sengaja, maka solat yang telah dikerjakannya menjadi batal apabila dia sebelum mengucapkan salam, tetapi tidak batal apabila dia telah bersalam. Sebab dia telah berada di luar solat dan sujud itu hanya berfungsi sebagai menutupi kekurangan yang ada padanya. Jika meninggalkan sujud ini kerana lupa sebelum salam atau sesudahnya, maka dia mesti mengerjakannya selagi jarak pemisahnya tidak terlampau lama menurut ukuran kebiasaan, sekalipun dia telah berpaling dari arah kiblat atau telah bercakap-cakap. Jika jarak pemisah terlampau lama atau dia telah keluar meninggalkan masjid atau telah berhadas, maka tidak perlu lagi melakukan sujud sahwi dan solatnya tetap dianggap sah. Imam Abu Hanifah dan begitu pula murid-muridnya mengatakan bahawa sujud sahwi itu wajib dan berdosa bagi orang yang meninggalkannya, tetapi solatnya tidak batal. Dia mesti mengulangi semula solatnya untuk membebaskan dirinya daripada dosa. Mazhab al-Syafi'i mengatakan bahawa sujud sahwi hukumnya sunat. Inilah pendapat yang masyhur di kalangan mereka. Mazhab Maliki mengatakan, tidak ada bezanya antara sujud yang dilakukan oleh orang yang belum salam dengan yang sudah salam. Sebahagian mereka mengatakan wajib melakukan sujud sahwi bagi orang yang belum salam.

Periwayat Hadis

Abdullah ibn Ja'far ibn Abu Thalib al-Hasyimi. Beliau berbai'at (berjanji setia) kepada Nabi (s.a.w) ketika berusia tujuh tahun. Ketika itu, Rasulullah (s.a.w) melihatnya tersenyum dan mengulurkan tangannya lalu baginda membai'atnya. Beliau seorang dikenali dermawan hingga diberi gelaran sebagai "dermawan agung".

Mu'awiyah berkata: "Abdullah ibn Ja'far adalah orang yang layak mendapat setiap kemuliaan. Demi Allah, tiada seorang pun yang dapat menandingi kemuliaannya melainkan dia pasti dapat mendahuluinya."

Beliau meriwayatkan hadis daripada ibunya, Asma' binti Umais, 'Ali, Utsman dan Ammar. 'Abdullah ibn Syaddad, al-Qasim ibn Muhammad, Urwah ibn al-Zubair dan lain-lain telah mengambil riwayat daripadanya. Beliau meninggal dunia pada tahun 82 Hijriah.

٢٧٣- عَنِ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا شَكَّ أَحَدُكُمْ، فَقَامَ فِي الرَّكْعَتَيْنِ، فَاسْتَتَمَّ قَائِمًا، فَلْيَمْضِ، وَلْيَسْجُدْ سَجْدَتَيْنِ، وَإِنْ لَمْ يَسْتَتِمْ قَائِمًا فَلْيَجْلِسْ وَلاَ سَهْوَ عَلَيْهِ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَابْنُ مَاجَه وَالدَّارَقُطْنِيُّ، وَاللَّفْظُ لَهُ بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ.

273. Daripada al-Mughirah ibn Syu'bah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu merasa ragu, lalu dia berdiri pada rakaat kedua (tanpa tasyahhud pertama), sedangkan posisinya lebih mendekati kepada berdiri, maka hendaklah dia meneruskannya dan jangan kembali duduk (untuk*

bertasyahhud), kemudian melakukan sujud sebanyak dua kali (sujud sahwi). Jika dia tidak lebih mendekati kepada berdiri, maka hendaklah dia duduk (untuk tasyahhud pertama) dan tidak ada sujud sahwi baginya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, Ibn Majah dan al-Daraquthni. Lafaz hadis ini mengikut riwayat al-Daraquthni dengan sanad yang dha'if)

Makna Hadis

Tidak sempat melakukan tasyahhud pertama disebabkan seseorang terus berdiri untuk mengerjakan rakaat ketiga. Jadi, seseorang itu tidak boleh kembali duduk untuk melakukan tasyahhud pertama, meskipun dia telah diingatkan oleh makmum menerusi bacaan tasbih, kerana tempat untuk bertasyahhud telah terlepas dan itu mesti ditutupi dengan sujud sahwi sebagai gantinya seperti mana yang telah dilakukan oleh Nabi (s.a.w).

Jika seseorang masih belum berada dalam posisi yang lebih mendekati berdiri, maka hendaklah dia kembali duduk untuk melakukan tasyahhud pertama dan tidak ada sujud sahwi lagi baginya. Imam Ahmad mengatakan bahawa seseorang itu tetap diharuskan melakukan sujud sahwi.

Analisis Lafaz

"فَقَامَ فِي الرَّكْعَتَيْنِ", Nabi (s.a.w) langsung berdiri setelah melakukan rakaat kedua kerana lupa mengerjakan tasyahhud pertama.

"فَاسْتَتَمَّ قَائِمًا", posisinya lebih mendekati berdiri.

"فَلْيَمْضِ", maka dia mesti meneruskan berdiri dan tidak boleh kembali duduk untuk melakukan tasyahhud pertama kerana dia telah mengerjakan berdiri yang difardukan. Jika kembali duduk untuk bertasyahhud, sedangkan dia mengetahui hukumnya dan disengajakan untuk berbuat demikian, maka batallah solatnya.

"وَإِنْ لَمْ يَسْتَتِمْ قَائِمًا", jika posisinya masih jauh dari berdiri.

"فَلْيَجْلِسْ", hendaklah dia mengerjakan tasyahhud pertama, yakni kembali duduk untuk tasyahhud pertama.

"بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ", kerana semua jalur hadis ini bersumber daripada Jabir al-Ju'fi. Dia seorang yang dha'if.

Fiqh Hadis

1. Jika seseorang meninggalkan tasyahhud pertama dan duduk untuk bertasyahhud, maka dia hendaklah kembali untuk bertasyahhud selagi belum mendekat keadaan berdiri. Jika lebih mendekati keadaan berdiri, maka dia tidak boleh kembali duduk untuk bertasyahhud, namun kemudian di akhir solat dia dikehendaki melakukan dua kali sujud sahwi. Inilah pendapat jumhur ulama. Jika kembali untuk bertasyahhud, padahal dia lebih mendekati keadaan berdiri maka batallah solatnya, menurut mazhab al-Syafi'i dan pendapat yang sahih dari mazhab Hanafi. Mazhab Hanbali mengatakan, jika seseorang itu

telah berdiri dan masih belum membaca al-Fatihah, maka lebih utama baginya untuk tidak kembali untuk tasyahhud. Dia dibolehkan untuk kembali duduk bertasyahhud hanya kerana dia masih belum melakukan rukun yang dimaksudkan ketika berdiri, iaitu membaca al-Fatihah. Dalam dua keadaan tersebut seseorang tetap dikehendaki melakukan sujud sahwi. Mazhab Maliki mengatakan, seseorang itu tetap dibolehkan kembali duduk untuk bertasyahhud selagi kedua tangan dan kedua lututnya masih belum berpisah dengan tanah dan tidak ada sujud sahwi baginya. Tetapi jika keduanya telah berpisah dari tanah, maka dia tidak boleh kembali untuk melakukan tasyahhud pertama. Jika tetap kembali, maka ulama berselisih pendapat sama ada solatnya batal ataupun tidak. Apapun, menurut pendapat yang kuat, solatnya tidak batal meskipun dia kembali duduk untuk bertasyahhud sesudah berdiri, bahkan sudah memasuki bacaan al-Fatihah. Jika dia kembali duduk untuk bertasyahhud sesudah selesai membaca al-Fatihah, maka batallah solatnya. Ketentuan ini berlaku bagi imam dan orang yang solat bersendirian. Sedangkan bagi makmum, seandainya dia meninggalkan tasyahhud pertama kerana lupa, sementara imamnya duduk untuk bertasyahhud, maka dia wajib kembali duduk untuk bertasyahhud secara mutlak kerana dia wajib mengikuti imam. Inilah pendapat jumhur ulama dan pendapat inilah yang paling kuat di kalangan mazhab al-Syafi'i.

2. Jika seseorang masih belum lagi berdiri secara tegak, maka dia boleh kembali duduk untuk tasyahhud. Ada dua pendapat sama ada dia mesti sujud sahwi atau sebaliknya. Pendapat yang paling sahih di antara kedua pendapat itu menurut jumhur ulama adalah orang itu tidak perlu lagi sujud. Sedangkan al-Qaffal mengatakan, jika dia lebih mendekati kepada keadaan berdiri, lalu dia kembali duduk, maka dia boleh sujud sahwi. Jika dia lebih mendekati kepada duduk atau dalam posisi pertengahan di antara keduanya, maka dia tidak perlu sujud sahwi lagi.

٢٧٤- عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَيْسَ عَلَى مَنْ خَلْفَ ٱلْإِمَامِ سَهْوٌ فَإِنْ سَهَا ٱلْإِمَامُ فَعَلَيْهِ وَعَلَى مَنْ خَلْفَهُ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَالْبَيْهَقِيُّ بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ.

274. Daripada Umar (r.a) daripada Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Tidak ada kewajipan bagi orang yang berada di belakang imam bersujud sahwi. Namun jika imam lupa, maka imamlah yang menanggungnya dan juga semua orang yang ada di belakangnya.*" (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan al-Baihaqi dengan sanad dhai'f)

Makna Hadis

Imam dalam solat ibarat juru syafaat bagi para makmum dan pemimpin mereka ketika menjalankan ibadah yang paling mulia ini. Makmum wajib mengikuti imam

dan haram mendahuluinya. Imam adalah orang yang bertanggung jawab di atas segala tindakan yang dilakukannya. Dalam hadis yang lain disebutkan:

الْمُؤَذِّنُ أَمِيْنٌ وَالْإِمَامُ ضَمِيْنٌ.

"*Juru azan merupakan orang yang bersifat amanah dan imam merupakan penjamin (bagi makmumnya).*"

Tidaklah hairan apabila imam menanggung para makmum yang di belakangnya di atas apa yang mereka tinggalkan, sebab imam yang menjadi pemimpin mereka. Ini berlaku bagi sunat mu'akkad yang dapat ditanggung oleh imam. Namun jika itu berupa rukun solat, maka imam tidak dapat menanggungnya. Jika imam lupa kerana meninggalkan sesuatu yang dapat ditutupi dengan sujud sahwi, maka orang yang bermakmum di belakangnya wajib mengikutinya, sebab tujuan menjadikan imam adalah supaya dia diikuti.

Analisis Lafaz

"لَيْسَ عَلَى مَنْ خَلْفَ الْإِمَامِ", tiada kewajipan bagi para makmum yang berada di belakang imam.

"سَهْوٌ", maksudnya sujud sahwi.

"بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dha'if, kerana hadis ini bersumber daripada riwayat Kharijah ibn Mush'ab, sedangkan dia adalah seorang yang dha'if.

Fiqh Hadis

1. Makmum wajib mengikuti imam.
2. Makmum dikehendaki turut melakukan sujud sahwi kerana kealpaan imam dan dia tidak boleh melakukan sujud untuk dirinya sendiri ketika dia masih mengikuti imam. Inilah pendapat jumhur ulama. Jika makmum berkedudukan sebagai makmum masbuq, maka menurut mazhab al-Syafi'i dia mesti melakukan sujud bersama imam sama ada dia tahu yang imam lupa ataupun tidak dan pada akhir solatnya dia mesti melakukan sujud sahwi secara bersendirian. Mazhab Hanbali mengatakan, makmum hendaklah turut melakukan sujud sahwi bersama imam sama ada imam melakukan sujud sebelum salam ataupun sesudahnya, namun makmum yang (masbuq) tidak dibebani melakukan sujud bersendirian di akhir solatnya. Mazhab Maliki mengatakan, jika imam melakukan sujud sahwi sebelum salam, maka makmum masbuq turut dikehendaki melakukan sujud sahwi bersamanya dan jika makmum tidak turut serta melakukan sujud bersama imam, maka dia dapat melakukan sujud tersebut secara bersendirian di akhir solatnya sesudah dia mengucapkan salam. Mazhab Hanafi mengatakan bahwa makmum masbuq mesti melakukan sujud bersama imam, tetapi dia tidak boleh melakukan sujud sahwi secara bersendirian di akhir solatnya, kecuali jika dia turut melakukan kealpaan di dalam solatnya yang dilakukan secara bersendirian. Sedangkan makmum lahiq hendaklah melakukan sujud di akhir solatnya secara

bersendirian, tetapi tidak perlu melakukan sujud bersama imam. Makmum lahiq ialah orang yang menjumpai imam sejak dari rakaat pertama, lalu pada rakaat lain dia tertinggal kerana ada uzur yang menimpanya seperti berhadas. Sedangkan makmum masbuq ialah makmum yang ketinggalan satu rakaat dari imam atau lebih dari satu rakaat. Jika imam meninggalkan sujud sahwi, maka makmum melakukannya di akhir solatnya dan inilah pendapat jumhur ulama. Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa makmum tidak perlu melakukan sujud sahwi jika imam meninggalkannya. Pendapat ini menurut satu riwayat dari Imam Ahmad. Jika makmum masbuq lupa ketika dia sedang menunaikan baki rakaatnya, maka dia hendaklah sujud dua kali di akhir solatnya. Kedua-dua sujudnya itu dapat menutupi kealpaan dirinya sendiri dan juga bertujuan menutupi kealpaan yang dilakukan oleh imamnya ketika dia masih bermakmum dengannya.

٢٧٥- عَنْ ثَوْبَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لِكُلِّ سَهْوٍ سَجْدَتَانِ بَعْدَمَا يُسَلِّمُ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَابْنُ مَاجَه بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ.

275. Daripada Tsauban (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda: “Bagi setiap kealpaan itu hendaklah dilakukan dua kali sujud sesudah melakukan salam.” (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan Ibn Majah dengan sanad yang dha’if)

Makna Hadis

Memandangkan tujuan utama di sebalik syariat sujud sahwi ini adalah untuk membuat syaitan merasa kesal dan menzahirkan ketaatan seorang hamba kepada Allah Yang Maha Pemurah, maka cukuplah dua kali sujud dilakukan untuk menutupi semua jenis kealpaan itu. Sujud sahwi tidak berbilang, meskipun apa-apa yang menyebabkan untuk melakukan sujud sahwi itu berbilang, sebab Nabi (s.a.w) pernah salam dan bercakap-cakap serta berjalan kerana lupa, tetapi baginda tidak sujud kecuali hanya dua kali sahaja, seperti mana apa yang telah disebutkan dalam hadis Dzu al-Yadain. Inilah pendapat jumhur ulama, sebab mereka berlandaskan kepada amalan Nabi (s.a.w) dalam hadis tersebut. Adapun hadis Tsauban ini, maka ia tidak boleh dijadikan alasan untuk menyangkal pendapat jumhur ulama memandangkan kedudukan hadis ini yang dha’if.

Analisis Lafaz

“لِكُلِّ سَهْوٍ سَجْدَتَانِ”, setiap kealpaan mesti ditutupi dengan dua kali sujud sahwi. Dengan erti kata lain, sujud sahwi berbilang dengan berbilangnya kealpaan yang dilakukan oleh seseorang ketika di dalam solat. Akan tetapi, setiap satu kealpaan tidak dapat disatukan dengan kealpaan yang lain.

“بِسَنَدٍ ضَعِيفٍ”, dengan sanad yang dhaif, kerana hadis ini bersumber daripada jalur Isma’il ibn ‘Ayyasy, sedangkan keperibadiannya masih dipertikai.

Fiqh Hadis

Makna zahir hadis ini menunjukkan bahawa sujud sahwi dilakukan secara berulang kali dengan adanya kealpaan yang dilakukan secara berulang dalam solat, kerana satu kealpaan dengan yang lain tidak dapat dimasukkan kepada yang lain menjadi satu. Sedangkan menurut jumhur ulama, sujud sahwi tidak dilakukan secara berulang meskipun kealpaan itu berulang, melainkan satu sama lain dapat digabungkan menjadi satu kali sujud sahwi meskipun kealpaan itu lebih daripada satu kali, apatah lagi jika kealpaan itu hanya satu kali.

٢٧٦- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَجَدْنَا مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي "إِذَا السَّمَاءُ انْشَقَّتْ" و "اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

276. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Kami melakukan sujud (tilawah) bersama Rasulullah (s.a.w) dalam firman Allah "إِذَا السَّمَاءُ انْشَقَّتْ" (Surah al-Insyiqaq) dan firman Allah "اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ" (Surah al-'Alaq).

Makna Hadis

Dari hadis ini hukum yang berkaitan sujud tilawah mula dibincangkan. Hadis ini dimasukkan ke dalam pembahasan bab sujud sahwi ini kerana pada bahagian judul turut disebutkan sujud sahwi dan lain-lain.

Sujud tilawah (bacaan al-Qur'an) disyariatkan bagi orang yang membaca dan yang mendengarkannya. Hukumnya sunat menurut pendapat jumhur ulama sedangkan menurut mazhab Hanafi wajib, tetapi bukan fardu. Untuk melakukan sujud tilawah disyaratkan seperti mana syarat ketika hendak mengerjakan solat, iaitu dilakukan dalam keadaan bersuci dan menutup aurat. Inilah pendapat jumhur ulama. Pendapat janggal selain itu tidak perlu diambil kira. Masalah sujud ini dalam surah *mufassal* yang memuatkan anjuran sujud masih dipertikai perinciannya dan kami akan segera menyebutnya dalam pembahasan berikut.

Fiqh Hadis

Adanya ketetapan melakukan sujud tilawah dalam surah *mufassal* bagi orang yang membaca dan yang mendengarkannya di luar atau pun di dalam solat sujud tilawah ini menurut jumhur ulama hukumnya sunat, sedangkan menurut Imam Abu Hanifah wajib. Sujud ini menurut jumhur ulama sunat hukumnya bagi orang yang membaca dan yang mendengarkannya. Dengan erti kata lain, apabila pembaca sujud, maka pendengar pula dikehendaki turut melakukan sujud bersamanya. Jika pembaca tidak sujud, maka pendengar pun tidak perlu melakukan sujud tilawah.

Imam Ahmad mengatakan bahawa tempat untuk sujud tilawah ada lima belas ayat seperti berikut ini:

Pertama, dalam Surah al-A'raf ayat 206:

إِنَّ ٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ لَا يَسۡتَكۡبِرُونَ عَنۡ عِبَادَتِهِۦ وَيُسَبِّحُونَهُۥ وَلَهُۥ يَسۡجُدُونَ ۩ ﴿٢٠٦﴾

"*Sesungguhnya malaikat-malaikat yang ada di sisi Tuhanmu tidaklah merasa enggan menyembah Allah dan mereka bertasbih memuji-Nya dan hanya kepada-Nya-lah mereka bersujud.* (Surah al-A'raf: 206)

Kedua, dalam Surah al-Ra'd ayat 15:

وَلِلَّهِ يَسۡجُدُ مَن فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ طَوۡعٗا وَكَرۡهٗا وَظِلَٰلُهُم بِٱلۡغُدُوِّ وَٱلۡأٓصَالِ ۩ ﴿١٥﴾

"*Hanya kepada Allah-lah sujud (patuh) segala apa yang di langit dan di bumi, baik dengan kemahuan sendiri atau terpaksa (dan sujud pula) bayang-bayangnya di waktu pagi dan petang.*" (Surah al-Ra'd: 15)

Ketiga, dalam Surah al-Nahl ayat 49 dan ayat berikutnya:

وَلِلَّهِ يَسۡجُدُ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلۡأَرۡضِ مِن دَآبَّةٖ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ وَهُمۡ لَا يَسۡتَكۡبِرُونَ ﴿٤٩﴾

يَخَافُونَ رَبَّهُم مِّن فَوۡقِهِمۡ وَيَفۡعَلُونَ مَا يُؤۡمَرُونَ ۩ ﴿٥٠﴾

"*Dan kepada Allah sahajalah bersujud segala apa yang berada di langit dan semua makhluk yang melata di bumi dan (juga) para malaikat, sedangkan mereka (malaikat) tidak menyombongkan diri. Mereka takut kepada Tuhan mereka yang berkuasa ke atas mereka dan melaksanakan apa yang diperintahkan (kepada mereka).*" (Surah al-Nahl: 49-50)

Keempat, dalam Surah al-Isra' ayat 107 hingga ayat 109:

قُلۡ ءَامِنُواْ بِهِۦٓ أَوۡ لَا تُؤۡمِنُوٓاْۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡعِلۡمَ مِن قَبۡلِهِۦٓ إِذَا يُتۡلَىٰ عَلَيۡهِمۡ يَخِرُّونَ لِلۡأَذۡقَانِ

سُجَّدٗا ﴿١٠٧﴾ وَيَقُولُونَ سُبۡحَٰنَ رَبِّنَآ إِن كَانَ وَعۡدُ رَبِّنَا لَمَفۡعُولٗا ﴿١٠٨﴾ وَيَخِرُّونَ لِلۡأَذۡقَانِ

يَبۡكُونَ وَيَزِيدُهُمۡ خُشُوعٗا ۩ ﴿١٠٩﴾

"*Katakanlah: "Berimanlah kamu kepadanya (al-Qur'an) atau tidak perlu beriman (sama saja bagi Allah). Sesungguhnya orang yang diberi pengetahuan sebelumnya apabila al-Qur'an dibacakan kepada mereka, mereka menyungkur atas muka mereka sambil bersujud, dan mereka berkata: "Maha Suci Tuhan kami. Sesungguhnya janji Tuhan kami pasti dipenuhi." Dan mereka menyungkur atas muka mereka sambil menangis dan mereka bertambah khusyuk.*" (Surah al-Isra: 107-109)

Kelima, dalam Surah Maryam ayat 58:

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ أَنۡعَمَ ٱللَّهُ عَلَيۡهِم مِّنَ ٱلنَّبِيِّـۧنَ مِن ذُرِّيَّةِ ءَادَمَ وَمِمَّنۡ حَمَلۡنَا مَعَ نُوحٖ وَمِن ذُرِّيَّةِ

إِبۡرَٰهِيمَ وَإِسۡرَٰٓءِيلَ وَمِمَّنۡ هَدَيۡنَا وَٱجۡتَبَيۡنَآۚ إِذَا تُتۡلَىٰ عَلَيۡهِمۡ ءَايَٰتُ ٱلرَّحۡمَٰنِ خَرُّواْۤ سُجَّدٗا وَبُكِيّٗا

۩ ﴿٥٨﴾

"*Mereka itulah sebahagian dari Nabi-nabi yang telah dikurniakan Allah nikmat yang melimpah ruah kepada mereka dari keturunan Nabi Adam, dan dari keturunan orang yang Kami bawa (dalam bahtera) bersama-sama Nabi Nuh, dan dari keturunan Nabi Ibrahim, dan (dari keturunan) Israel dan mereka itu adalah dari orang yang Kami beri hidayah petunjuk dan Kami pilih. Apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat (Allah) Ar-Rahman, mereka segera sujud serta menangis.*" (Surah Maryam: 58)

Keenam, dalam Surah al-Hajj ayat 18:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ يَسْجُدُ لَهُۥ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ وَٱلشَّمْسُ وَٱلْقَمَرُ وَٱلنُّجُومُ وَٱلْجِبَالُ وَٱلشَّجَرُ وَٱلدَّوَآبُّ وَكَثِيرٌ مِّنَ ٱلنَّاسِ ۖ وَكَثِيرٌ حَقَّ عَلَيْهِ ٱلْعَذَابُ ۗ وَمَن يُهِنِ ٱللَّهُ فَمَا لَهُۥ مِن مُّكْرِمٍ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَفْعَلُ مَا يَشَآءُ ۩ ﴿١٨﴾

"*Apakah kamu tidak mengetahui bahawa kepada Allah bersujud apa yang ada di langit, di bumi, matahari, bulan, bintang, gunung, pohon-pohonan, binatang-binatang yang melata dan sebahagian besar daripada manusia? Dan banyak di antara manusia yang telah ditetapkan azab atasnya. Dan barang siapa yang dihinakan Allah maka tidak seorang pun yang memuliakannya. Sesungguhnya Allah berbuat apa yang Dia kehendaki.*" (Surah al-Hajj: 18)

Ketujuh, dalam Surah al-Hajj ayat 77:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱرْكَعُوا۟ وَٱسْجُدُوا۟ وَٱعْبُدُوا۟ رَبَّكُمْ وَٱفْعَلُوا۟ ٱلْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ۩ ﴿٧٧﴾

"*Hai orang yang beriman, rukuklah kamu, sujudlah kamu, sembahlah Tuhan kamu dan perbuatlah kebajikan, supaya kamu mendapat kemenangan.*" (Surah al-Hajj: 77)

Kelapan, dalam Surah al-Furqan ayat 60:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ ٱسْجُدُوا۟ لِلرَّحْمَٰنِ قَالُوا۟ وَمَا ٱلرَّحْمَٰنُ أَنَسْجُدُ لِمَا تَأْمُرُنَا وَزَادَهُمْ نُفُورًا ۩ ﴿٦٠﴾

"*Dan apabila dikatakan kepada mereka, "Sujudlah kamu sekalian kepada Yang Maha Penyayang." Mereka menjawab, "Siapakah Yang Maha Penyayang itu. Apakah kami akan bersujud kepada Tuhan Yang kamu perintahkan kami (bersujud kepada-Nya)?" dan (perintah sujud itu) menambah mereka jauh (dari iman).*" (Surah al-Furqan: 60)

Kesembilan, dalam Surah al-Naml ayat 25-26:

أَلَّا يَسْجُدُوا۟ لِلَّهِ ٱلَّذِى يُخْرِجُ ٱلْخَبْءَ فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُخْفُونَ وَمَا تُعْلِنُونَ ﴿٢٥﴾ ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ ٱلْعَرْشِ ٱلْعَظِيمِ ۩ ﴿٢٦﴾

"*Agar mereka tidak menyembah Allah yang mengeluarkan apa yang terpendam di langit dan di bumi dan yang mengetahui apa yang kalian sembunyikan dan apa*

yang kalian nyatakan. Allah, tiada Tuhan Yang disembah kecuali Dia, Tuhan Yang mempunyai 'Arasy yang besar." (An-Naml: 25-26)

Kesepuluh, dalam Surah al-Sajdah ayat 15:

إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِـَٔايَٰتِنَا ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا۟ بِهَا خَرُّوا۟ سُجَّدًا وَسَبَّحُوا۟ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَهُمْ لَا
يَسْتَكْبِرُونَ ۩ ﴿١٥﴾

"*Sesungguhnya orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami adalah orang yang apabila diingatkan dengan ayat-ayat (Kami) mereka menyungkur sujud dan bertasbih serta memuji Tuhannya, sedangkan mereka tidak menyombongkan diri.*" (Surah al-Sajdah: 15)

Kesebelas, dalam Surah Shad ayat 24:

قَالَ لَقَدْ ظَلَمَكَ بِسُؤَالِ نَعْجَتِكَ إِلَىٰ نِعَاجِهِۦ ۖ وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ ٱلْخُلَطَآءِ لَيَبْغِى بَعْضُهُمْ عَلَىٰ
بَعْضٍ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَقَلِيلٌ مَّا هُمْ ۗ وَظَنَّ دَاوُۥدُ أَنَّمَا فَتَنَّٰهُ فَٱسْتَغْفَرَ
رَبَّهُۥ وَخَرَّ رَاكِعًا وَأَنَابَ ۩ ﴿٢٤﴾

"*Dawud berkata: "Sesungguhnya dia lelah berbuat zalim kepadamu dengan meminta kambingmu itu untuk ditambahkan kepada kambingnya. Dan sesungguhnya kebanyakan dari orang yang berserikat itu sebahagian mereka berbuat aniaya kepada sebahagian yang lain, kecuali orang yang beriman dan mengerjakan amal yang soleh; dan amat sedikitlah mereka ini." Dan Dawud mengetahui bahawa Kami mengujinya; maka ia meminta ampun kepada Tuhannya, lalu menyungkur sujud dan bertaubat.*" (Surah Shad: 24)

Mazhab Maliki dan Mazhab Hanafi mengatakan bahawa sujud tilawah dilakukan setelah membaca firman Allah berikut ini:

فَغَفَرْنَا لَهُۥ ذَٰلِكَ ۖ وَإِنَّ لَهُۥ عِندَنَا لَزُلْفَىٰ وَحُسْنَ مَـَٔابٍ ﴿٢٥﴾

"*Dan sesungguhnya dia mempunyai kedudukan dekat pada sisi Kami dan tempat kembali yang baik.*" (Surah Shad: 25).

Kedua belas, dalam Surah Fussilat ayat 37:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِ ٱلَّيْلُ وَٱلنَّهَارُ وَٱلشَّمْسُ وَٱلْقَمَرُ ۚ لَا تَسْجُدُوا۟ لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَٱسْجُدُوا۟ لِلَّهِ
ٱلَّذِى خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ۩ ﴿٣٧﴾

"*Dan sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah malam, siang, matahari, dan bulan. Janganlah bersujud kepada matahari dan janganlah (pula) kepada bulan, tetapi bersujudlah kepada Allah Yang Menciptakannya, jika kamu hanya kepada-Nya saja menyembah.*" (Surah Fussilat 37)

Ketiga belas, dalam Surah al-Najm ayat 62:

فَٱسْجُدُوا۟ لِلَّهِ وَٱعْبُدُوا۟ ۩ ﴿٦٢﴾

"*Maka bersujudlah kepada Allah dan sembahlah (Dia).*" (Surah al-Najm: 62)

Keempat belas, dalam Surah al-Insyiqaq ayat 21:

وَإِذَا قُرِئَ عَلَيْهِمُ ٱلْقُرْءَانُ لَا يَسْجُدُونَ ۩ ﴿٢١﴾

"*Dan apabila al-Qur'an dibacakan kepada mereka, mereka tidak bersujud.*" (Surah al-Insyiqaq: 21)

Kelima belas, dalam Surah al-'Alaq ayat 19:

كَلَّا لَا تُطِعْهُ وَٱسْجُدْ وَٱقْتَرِب ۩ ﴿١٩﴾

"*Sekali-kali jangan, janganlah kamu patuh kepadanya; dan sujudlah dan dekatkanlah (dirimu kepada Tuhan).*" (Surah al-'Alaq: 19)

Mazhab Hanafi mengatakan bahawa tempat-tempat untuk melakukan sujud tilawah ada empat belas. Mereka menggugurkan ayat yang kedua daripada Surah al-Hajj ayat 77. Sehubungan dengan ayat tersebut mereka mengatakan bahawa ayat itu 'azimah, yakni mengandung makna solat, bukan sujud sunat.

Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa jumlah ayat sujud tilawah ada empat belas, iaitu dengan menggugurkan sujud dalam Surah Shad. Beliau mengatakan bahawa ayat ini mengandungi maksud sujud syukur, bukan sujud tilawah.

Imam Malik mengatakan, tempat-tempat untuk sujud tilawah ada sebelas, tiada satu ayat pun daripada surah *mufasshal* yang mengandungi makna sujud tilawah, sedangkan ayat yang kedua daripada Surah al-Hajj ayat 77 telah digugurkan.

٢٧٧- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: "ص" لَيْسَتْ مِنْ عَزَائِمِ السُّجُودِ، وَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْجُدُ فِيهَا. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

277. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Shad tidak termasuk ayat sujud yang sebegitu dianjurkan dan aku pernah melihat Rasulullah (s.a.w) sujud ketika membacanya." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Sebahagian di antara sujud tilawah memiliki hukum sunat yang lebih dikukuhkan ke atas sebahagian yang lain. Setiap ayat yang di dalamnya disebutkan perintah sujud atau anjuran untuk sujud, maka hukumnya lebih kuat daripada yang lain. Inilah yang dinamakan *'aza'im al-sujud*. Manakala ayat-ayat yang di dalamnya tidak terdapat perintah sujud dan tidak pula wujud anjuran melakukannya seperti mana ayat sujud dalam Surah Shad, maka itu sekadar memberitakan tentang sujud taubat Nabi Dawud dan kita hendaklah turut melaksanakan sujud sebagai tanda syukur.

Analisis Lafaz

"لَيْسَتْ مِنْ عَزَائِمِ السُّجُودِ", tidak termasuk sujud yang dikukuhkan. Hadis ini dijadikan sebagai pegangan oleh Imam al-Syafi'i yang berkata: "Melakukan sujud ketika membaca ayat ini dianggap sujud syukur yang dilakukan oleh seseorang yang membacanya ketika di luar solat. Jika dia melakukan sujud ketika di dalam solat, maka batallah solatnya."

Fiqh Hadis

Melakukan sujud dalam Surah Shad tidak termasuk sujud mu'akkad menurut Imam al-Syafi'i *rahimahullah*. Sedangkan menurut jumhur ulama, ayat ini termasuk ke dalam sujud tilawah yang dikukuhkan oleh Nabi (s.a.w), seperti mana yang telah diberitakan oleh orang yang pernah melihat baginda berbuat demikian.

٢٧٨- وَعَنْهُ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَجَدَ بِالنَّجْمِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

278. Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melakukan sujud dalam Surah al-Najm. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

٢٧٩- عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَرَأْتُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ النَّجْمَ، فَلَمْ يَسْجُدْ فِيهَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

279. Daripada Zaid ibn Tsabit (r.a), beliau berkata: "Saya pernah membacakan untuk Nabi (s.a.w) Surah al-Najm, tetapi baginda tidak pula melakukan sujud." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Disyariatkan melakukan sujud tilawah dalam surah *mufassal* adalah berlandaskan pendapat jumhur ulama, lain halnya dengan Imam Malik yang mengemukakan pendapat yang berbeza dalam masalah ini. Sehubungan itu, Imam Malik berkata: "Tidak ada sujud di dalam surah *mufassal*." Beliau melandaskan pendapatnya dengan berdalil kepada amal perbuatan masyarakat Madinah antara lain Zaid ibn Tsabit (r.a) seperti mana yang telah dijelaskan di dalam hadisnya.

Sedangkan jumhur ulama berpegang dengan perkataan Ibn Abbas (r.a) kerana perkataannya itu bersifat mengukuhkan dan oleh kerananya, ia mesti diutamakan ke atas yang menafikannya.

Ada pula kemungkinan Nabi (s.a.w) adakalanya melakukan sujud pada suatu waktu tertentu dan meninggalkannya pada suatu waktu yang lain yang tujuannya untuk menjelaskan bahawa perkara itu adalah sunat sekali gus menolak sangkaan yang mengatakan itu adalah fardu. Adakalanya pula kerana ada halangan yang datang secara mengejut hingga baginda tidak dapat melakukan sujud seperti mana baginda berada dalam keadaan tidak berwudu`.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Ibn Abbas (r.a), yakni sama sumbernya dengan hadis sebelumnya.

"سَجَدَ بِالنَّجْمِ", melakukan sujud ketika membaca Surah al-Najm ayat 62:

فَٱسْجُدُوا۟ لِلَّهِ وَٱعْبُدُوا۟ ۩ ﴿٦٢﴾

"*Maka bersujudlah kepada Allah dan sembahlah (Dia).*" (Surah al-Najm: 62)

Fiqh Hadis

Adanya ketetapan melakukan sujud dalam surah *mufasshal*. Inilah tuntutan yang terdapat di dalam hadis Ibn Abbas (r.a) yang dijadikan pegangan oleh jumhur ulama.

Tidak ada sujud dalam surah *mufasshal* seperti mana tuntutan yang terdapat di dalam hadis Zaid ibn Tsabit (r.a). Ini dijadikan pegangan oleh Imam Malik.

٢٨٠- عَنْ خَالِدِ بْنِ مَعْدَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "فُضِّلَتْ سُورَةُ الْحَجِّ بِسَجْدَتَيْنِ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ فِي الْمَرَاسِيلِ.

وَرَوَاهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ مَوْصُولاً مِنْ حَدِيثِ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ، وَزَادَ: "فَمَنْ لَمْ يَسْجُدْهُمَا، فَلاَ يَقْرَأْهَا". وَسَنَدُهُ ضَعِيفٌ.

280. Daripada Khalid ibn Ma'dan (r.a), beliau berkata: "Surah al-Hajj mempunyai keistimewaan kerana di dalamnya memuatkan dua kali sujud tilawah." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud di dalam kitab *al-Marasil*)

Imam Ahmad dan al-Tirmizi meriwayatkan hadis ini secara mawsul daripada 'Uqbah ibn 'Amir (r.a) yang di dalamnya ditambahkan: "Barang siapa yang tidak mahu melakukan sujud pada keduanya, maka dia tidak perlu membacanya." (Sanad hadis ini dha'if)

Makna Hadis

Sebahagian surah al-Qur'an mempunyai keistimewaan khusus yang membuatnya menjadi lebih afdhal berbanding yang lain, antara lain ialah Surah al-Hajj. Di dalam Surah al-Hajj terdapat dua ayat sajdah; pertama, pada permulaan surah dan ini telah disepakati oleh ulama; kedua, di akhir surah tetapi ini masih dipertikai oleh ulama, seperti mana yang telah diterangkan sebelum ini.

Apapun, syariat telah mengukuhkan bahawa disyariatkan melakukan sujud pada kedua-dua ayat dalam Surah al-Hajj tersebut hingga mengatakan: "Barang siapa yang tidak mahu sujud, maka tidak perlu membaca kedua-dua ayat tersebut."

Analisis Lafaz

"رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ فِي الْمَرَاسِيلِ", Ibn Hajar menisbahkan hadis ini kepada kitab al-Marasil karya Abu Dawud, padahal hadis ini terdapat pula di dalam kitab Sunan Abu Dawud secara marfu' melalui hadis Uqbah ibn 'Amir (r.a) seperti berikut:

قُلْتُ: يَا رَسُوْلَ اللهِ، فِي سُوْرَةِ الْحَجِّ سَجَدَتَانِ؟ قَالَ: نَعَمْ، وَمَنْ لَمْ يَسْجُدْهُمَا فَلاَ يَقْرَأْهُمَا.

“Aku bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah di dalam Surah al-Hajj terdapat dua sujud?” Nabi (s.a.w) menjawab: “Ya. Barang siapa yang tidak mahu melakukan sujud pada keduanya, maka hendaklah dia tidak perlu membaca keduanya.”

“وَزَادَ”, dan ditambahkan di dalamnya, yakni oleh al-Tirmizi.

“وَسَنَدُهُ ضَعِيفٌ”, sanad hadis ini dha’if kerana di dalamnya terdapat Ibn Lahi’ah, sedangkan beliau telah meriwayatkannya secara bersendirian.

Fiqh Hadis

1. Keutamaan Surah Al-Hajj kerana di dalamnya terdapat dua ayat sajadah.
2. Mengukuhkan bahawa disyariatkan melakukan sujud dalam dua ayat Surah al-Hajj.
3. Tidak perlu membaca dua ayat sajdah al-Hajj bagi orang yang tidak mahu melakukan sujud tilawah pada keduanya.
4. Adanya ketetapan bahawa sebahagian al-Qur’an mempunyai keutamaan ke atas sebahagian yang lain.

Periwayat Hadis

Khalid ibn Ma’dan al-Syami al-Kula’i. Nama panggilannya Abu Abdullah, seorang tabi’in dari kalangan penduduk kota Himsh. Beliau termasuk salah seorang ulama negeri Syam yang dinilai *tsiqah*. Beliau meninggal dunia pada tahun 104 Hijriah.

٢٨١- عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا نَمُرُّ بِالسُّجُودِ فَمَنْ سَجَدَ فَقَدْ أَصَابَ، وَمَنْ لَمْ يَسْجُدْ فَلاَ إِثْمَ عَلَيْهِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ. وَفِيهِ: إِنَّ اللهَ تَعَالَى لَمْ يَفْرِضْ السُّجُودَ إِلاَّ أَنْ نَشَاءَ. وَهُوَ فِي الْمُوَطَّأِ.

281. Daripada Umar (r.a), beliau pernah berkata: “Wahai umat manusia, sesungguhnya kami hanya melewati ayat sujud. Sesiapa yang sujud, bererti dia melakukan kebenaran dan sesiapa yang tidak sujud, maka tidak ada dosa baginya.” (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Di dalam atsar ini disebutkan pula: “Sesungguhnya Allah (s.w.t) tidak mewajibkan sujud (tilawah), melainkan apabila kita menghendakinya.” (Lafaz ini terdapat di dalam kitab *al-Muwattha’*)

Makna Keseluruhan

Hukum sujud tilawah sunat, bukannya wajib. Dalilnya adalah Nabi (s.a.w) dalam sesetengah keadaan meninggalkan sujud ini. Begitu pula yang dilakukan oleh para sahabat di mana mereka sering kali membaca ayat sajdah, namun mereka tidak melakukan sujud.

Umar al-Faruq (r.a) menetapkan bahawa tidak ada dosa bagi orang yang meninggalkan sujud ini, malah beliau turut menetapkan bahawa sujud ini

bukannya fardu. Beliau berkata: "Sesungguhnya Allah tidak mewajibkan sujud ini kepada kita, melainkan apabila kita menghendakinya."

Analisis Lafaz

"إِنَّا نَمُرُّ بِالسُّجُودِ", maksudnya ialah ayat sajdah, yakni yang dianjurkan kepadanya untuk melakukan sujud.

"فَقَدْ أَصَابَ", bererti dia melakukan kebenaran, yakni mengikuti ajaran Sunnah.

"فَلاَ إِثْمَ عَلَيْهِ", tidak ada celaan ke atasnya dan tidak ada dosa baginya.

"لَمْ يَفْرِضْ السُّجُودَ", tidak menjadikan sujud ini sebagai fardu.

"إِلاَّ أَنْ نَشَاءَ", kecuali jika kita menghendakinya. Ini kerana orang yang telah melakukannya diwajibkan menyelesaikannya hingga akhir.

Fiqh Hadis

1. Sujud tilawah bukan fardu.
2. Diwajibkan menyempumakan sujud tilawah bagi orang yang telah melakukannya menurut pendapat Imam Malik dan Imam Abu Hanifah. Ini kerana perkara sunat akan menjadi apabila telah mula melaksanakannya dan ini menjadikannya wajib segera disempurnakan. Dari sini *istitsna'* (pengecualian) di dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "إِلاَّ أَنْ نَشَاءَ" adalah *istitsna' muttasil*. Dengan kata lain, kalimat sebelum *illa* dan yang sesudahnya saling berkaitan antara satu sama lain. Menurut Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad pula, sujud tilawah tidak wajib hanya kerana alasan ia telah dimulakan. Ini kerana berlandaskan kepada kaedah yang mengatakan bahawa perkara sunat tidak menjadi wajib hanya kerana alasan ia telah dimulakan. Dari sini *istitsna'* yang terdapat di dalam sabda baginda: "إِلاَّ أَنْ نَشَاءَ" adalah *istitsna munqati'*. Dengan demikian, maknanya adalah tetapi sujud tilawah diserahkan sepenuhnya kepada kehendak kita.

٢٨٢- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ عَلَيْنَا الْقُرْآنَ، فَإِذَا مَرَّ بِالسَّجْدَةِ، كَبَّرَ وَسَجَدَ وَسَجَدْنَا مَعَهُ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ بِسَنَدٍ فِيهِ لِيِّنٌ.

282. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) membacakan kepada kami al-Qur'an. Jika bacaan baginda sampai pada ayat sajdah, baginda bertakbir lalu sujud, dan kami pun sujud pula bersamanya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan sanad yang di dalamnya terdapat unsur dha'if)

Makna Hadis

Al-Qur'an mengandungi berkat dan rahmat. Orang yang membacanya diberi ganjaran pahala dan orang yang mendengarkannya mendapat limpahan rahmat, kerana dia turut meresapi maknanya dan turut serta dalam amal kebaikan. Di sini syariat mensunatkan pendengar untuk turut melakukan sujud tilawah jika

pembaca melakukan, sebab pembaca memiliki kedudukan yang sama dengan imam dalam solat.

Sujud tilawah terdiri daripada takbir iftitah. Ini telah disepakati oleh ulama. Ia turut mengandung takbir *intiqal* yang masih dipertikai oleh ulama dan takbir mengangkat tubuh. Tetapi apakah seseorang itu mesti membaca tasyahhud dan salam kerana diqiyaskan dengan tahlil dan tahrim sebaik selesai mengejakan solat, masalah ini masih diperselisihkan.

Analisis Lafaz

"يَقْرَأُ عَلَيْنَا الْقُرْآنَ", Rasulullah (s.a.w) membacakan kepada kami al-Qur'an untuk mengajarkan kami hukum-hakam syariat termasuklah janji kebaikan dan ancaman seksa serta berita mengenai umat-umat terdahulu dan cara membaca al-Qur'an.

"كَبَّرَ", bertakbir untuk sujud tilawah.

"بِسَنَدٍ فِيهِ لِينٌ", dengan sanad yang di dalamnya masih ada unsur dha'if. Ini kerana di dalam sanadnya terdapat Abdullah al-Mukabbar al-'Umari, sedangkan dia seorang yang dha'if.

Fiqh Hadis

1. Melakukan takbir iftitah untuk sujud tilawah.
2. Pendengar ayat sajdah dikehendaki turut melakukan sujud ketika pembaca melakukan sujud.
3. Disyariatkan duduk di antara perhimpunan para rakan apabila mengajarkan kepada mereka hukum-hakam yang bersumberkan al-Qur'an dan kisah umat-umat terdahulu.

Perhatian

Di dalam Sunnah telah disebutkan doa yang dibaca ketika melakukan sujud tilawah. Di dalam hadis Ibn Abbas (r.a) telah disebutkan bahawa Nabi (s.a.w) dalam sujud tilawah membaca doa berikut:

اللَّهُمَّ اكْتُبْ لِي بِهَا عِنْدَكَ أَجْرًا، وَاجْعَلْهَا لِي عِنْدَكَ ذُخْرًا، وَضَعْ عَنِّى بِهَا وِزْرًا، وَتَقَبَّلْهَا مِنِّي كَمَا تَقَبَّلْتَهَا مِنْ عَبْدِكَ دَاوُدَ.

"*Ya Allah, catatlah sujud ini sebagai pahala buatku di sisi-Mu dan jadikan ini sebagai simpananku di sisi-Mu, dan ampuni dosaku kerananya serta terimalah sujudku ini daripadaku sebagaimana Engkau telah menerimanya daripada hamba-Mu Nabi Dawud.*"

٢٨٣- عَنْ أَبِي بَكْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا جَاءَهُ أَمْرٌ يَسُرُّهُ خَرَّ سَاجِدًا لِلهِ. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ النَّسَائِيَّ.

283. Daripada Abu Bakrah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) apabila sampai kepadanya suatu berita yang menggembirakan, maka baginda terus sujud kepada Allah. (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, kecuali al-Nasa'i)

٢٨٤- عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَجَدَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَطَالَ السُّجُودَ، ثُمَّ رَفَعَ رَأْسَهُ وَقَالَ: "إِنَّ جِبْرِيلَ آتَانِي، فَبَشَّرَنِي، فَسَجَدْت لِلهِ شُكْرًا". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

284. Abdul Rahman ibn Auf (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) melakukan sujud dan baginda melakukan sujud itu dalam waktu yang cukup lama. Setelah itu baginda mengangkat kepalanya, lalu bersabda: "Sesungguhnya Jibril telah datang kepadaku menyampaikan berita yang menggembirakan. Maka aku pun sujud kepada Allah sebagai tanda syukur(ku)." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Hakim menilainya sahih)

٢٨٥- عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ عَلِيًّا إِلَى الْيَمَنِ -فَذَكَرَ اَلْحَدِيثَ- قَالَ: فَكَتَبَ عَلِيٌّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ بِإِسْلاَمِهِمْ، فَلَمَّا قَرَأَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْكِتَابَ خَرَّ سَاجِدًا شُكْرًا لِلهِ تَعَالَى عَلَى ذَلِكَ. رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ وَأَصْلُهُ فِي الْبُخَارِيِّ.

285. Daripada al-Barra' ibn 'Azib (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) mengutus Ali ke negeri Yaman. Dalam kisah yang selanjutnya, al-Barra (r.a) berkata: "Ali kemudian mengirim surat yang memberitakan bahawa mereka (penduduk Yaman) telah masuk Islam. Ketika Rasulullah (s.a.w) membaca suratnya itu, maka baginda segera sujud sebagai tanda syukur kepada Allah (s.w.t) di atas berita gembira tersebut." (Diriwayatkan oleh al-Baibaqi. Pada asalnya hadis ini berada di dalam al-Bukhari)

Makna Hadis

Disyariatkan melakukan sujud syukur ketika memperoleh nikmat atau dijauhkan daripada malapetaka. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad. Imam Malik tidak mahu mengakui amalan ini kerana ia tidak diamalkan oleh masyarakat Madinah. Sedangkan pendapat yang bersumber daripada Imam Abu Hanifah masih wujud perselisihan pendapat. Ada kemungkinan yang hadis ini belum sampai kepadanya.

Nabi (s.a.w) pernah melakukan sujud ketika membaca ayat di dalam Surah Shad, lalu baginda bersabda: "Sujud ini sebagai tanda syukur kami." Ka'ab ibn Malik (r.a) salah seorang di antara tiga orang yang tidak turut serta berperang melakukan sujud syukur ketika Allah menurunkan ayat yang menerima taubatnya. Dalam melakukan sujud syukur disyariatkan apa yang disyaratkan ketika hendak melakukan sujud tilawah.

Analisis Lafaz

"يَسُرُّهُ", berita yang menggembirakan.

"خَرَّ سَاجِداً", Nabi (s.a.w) sujud seperti mana melakukan sujud tilawah.

“فَبَشَّرَنِي”, dalam hadis lain berita gembira ini ditafsirkan bahawa Allah (s.w.t) berfirman (dalam satu hadis qudsi):

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلاَةً صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرًا.

“*Barang siapa yang membaca selawat untukku sebanyak satu kali, maka Allah membalas selawatnya itu sebanyak sepuluh kali untuknya.*” (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad di dalam al-Musnad dari berbagai jalur riwayat)

“فَذَكَرَ اَلْحَدِيثَ”, maka al-Barra’ melanjutkan kisahnya. Bentuk lengkapnya menurut apa yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi adalah seperti berikut:

بَعَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَالِدَ بْنَ الْوَلِيْدِ إِلَى أَهْلِ الْيَمَنِ يَدْعُوْهُمْ إِلَى الإِسْلاَمِ فَلَمْ يُجِيْبُوْهُ، ثُمَّ إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ عَلِيُّ بْنُ أَبِيْ طَالِبٍ وَأَمَرَهُ أَنْ يَقْفِلَ خَالِدًا وَمَنْ كَانَ مَعَهُ إِلاَّ رَجُلاً مِمَّنْ كَانَ مَعَ خَالِدٍ أَحَبَّ أَنْ يَعْقُبَ مَعَ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فَلْيَعْقُبْ مَعَهُ، قَالَ الْبَرَاءُ: فَكُنْتُ مِمَّنْ عَقَبَ مَعَهُ، فَلَمَّا دَنَوْنَا مِنَ الْقَوْمِ، خَرَجُوْا إِلَيْنَا، فَصَلَّى بِنَا عَلِيٌّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ وَصَفَّنَا صَفًّا وَاحِدًا، ثُمَّ تَقَدَّمَ بَيْنَ أَيْدِيْنَا، فَقَرَأَ عَلَيْهِمْ كِتَابَ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَسْلَمَتْ هَمَدَانُ جَمِيْعًا، فَكَتَبَ عَلِيٌّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ إِلَى رَسُوْلِ اللهِ، فَلَمَّا قَرَأَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْكِتَابَ خَرَّ سَاجِدًا، ثُمَّ رَفَعَ رَأْسَهُ فَقَالَ: السَّلاَمُ عَلَى هَمَدَانَ، السَّلاَمُ عَلَى هَمَدَانَ.

“Nabi (s.a.w) mengutus Khalid ibn al-Walid ke negeri Yaman untuk mengajak penduduknya masuk Islam, tetapi mereka tidak menyambut seruannya itu. Kemudian Nabi (s.a.w) mengutus Ali ibn Abu Thalib dengan membawa pesanan agar Khalid kembali bersama dengan orang yang ikut dengannya, kecuali seorang lelaki di antara mereka yang ikut bersamanya. Jika lelaki itu suka ikut bersama Ali, maka dia boleh ikut bersamanya. Al-Barra’ berkata: “Akulah orang yang ikut bersama Ali itu.” Ketika kami telah berada di daerah yang berhampiran dengan kaum (penduduk Yaman). Mereka keluar menyambut kami. Ali mengerjakan solat bersama dengan kami dan beliau mengatur saf kami menjadi satu saf. Setelah itu, beliau maju ke hadapan, lalu membacakan kepada mereka surat Rasulullah (s.a.w). Maka seluruh kabilah Hamadan masuk Islam, lalu Ali mengirim surat kepada Rasulullah (s.a.w) (memberitakan keadaan tersebut). Ketika Rasulullah (s.a.w) membaca suratnya, baginda terus sujud, lalu mengangkat kepalanya dan bersabda: “Semoga keselamatan sentiasa melimpah ke atas kabilah Hamadan, semoga kesejahteraan berlimpah ke atas kabilah Hamadan.”

“وَأَصْلُهُ فِي الْبُخَارِيِّ”, al-Bukhari telah menyebut permulaan hadis ini, tetapi beliau tidak meneruskannya hingga sempurna. Sujud syukur seperti mana yang disebut dalam hadis secara lengkap adalah sahih mengikut syarat al-Bukhari.

“يَقْفِلَ خَالِدًا”, supaya Khalid kembali pulang ke Madinah. Beliau adalah Khalid ibn al-Walid al-Makhzumi. Nama panggilannya Abu Sulaiman dan diberi gelaran Saifullah. Beliau masuk Islam pada bulan Safar tahun 8 Hijriah dan turut serta dalam Perang Mu’tah yang akhirnya kemenangan memihak pasukan kaum muslimin yang dipimpinnya. Beliau meriwayatkan 18 hadis, dan memimpin pasukan kaum muslimin untuk memerangi orang murtad. Dengan memimpin pasukan kaum muslimin, beliau banyak menakluk pelbagai negeri. Beliau meninggal dunia pada tahun 21 Hijriah di Himsha.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan melakukan sujud syukur. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad. Mazhab Hanafi mengatakan, tidak makruh melakukan sujud syukur dan tidak pula sunat, sedangkan Imam Malik tidak pernah mengatakannya.
2. Keutamaan membaca selawat ke atas Nabi (s.a.w).
3. Disyariatkan mengirimkan pasukan *sariyyah*.
4. Taat kepada pemimpin dalam setiap keadaan yang diperintahkannya.
5. Mengajak umat manusia untuk beribadah kepada Allah dengan cara yang lemah lembut dan baik.
6. Boleh meringkaskan hadis dan hanya menyebutkan bahagian yang penting sahaja untuk dijadikan sebagai *syahid* dan dalil.

Periwayat Hadis

'Abdul Rahman ibn Auf al-Zuhri. Nama panggilannya Abu Muhammad al-Madani. Beliau turut serta dalam perang Badar dan peperangan yang lain. Hadis yang telah diriwayatkannya berjumlah 65. Beliau salah seorang di antara sepuluh orang sahabat yang mendapat berita gembira masuk syurga, dan salah seorang di antara enam orang sahabat yang melakukan dua kali hijrah. Beliau meninggal dunia pada tahun 32 Hijriah dalam usia 75 tahun dan dikebumikan di al-Baqi'.

Kesimpulan

Hadis-hadis yang dihimpun dalam bab ini menunjukkan kepada beberapa kesimpulan:

1. Tempat melakukan sujud sahwi ialah sebelum salam atau sesudahnya.
2. Wajib mengikuti imam.
3. Makmum wajib mengingatkan imam mengenai kekeliruan yang telah dilakukannya dan tidak perlu merasa segan untuk menegur atau mengingatkannya kerana segan dengan kebesaran dan kedudukan imam tersebut.
4. Memberikan keterangan tidak boleh terlambat daripada waktu yang diperlukan.
5. Para sahabat memiliki perhatian yang luar biasa dalam urusan agama. Untuk itu, mereka tidak segan-segan bertanya kepada Rasulullah (s.a.w) tentang perkara-perkara yang dianggap sukar bagi mereka.
6. Dianjurkan teliti dalam mengerjakan solat dan membuang perasaan ragu, serta meneruskan apa yang telah diyakini. Hal ini bagi orang yang mengalami keraguan dalam solatnya.
7. Disyariatkan membaca takbir untuk sujud sahwi dan sujud tilawah, takbir *intiqal*, salam sesudah sujud, sujud syukur, duduk di tengah-tengah rakan

untuk mengajarkan urusan agama kepada mereka dan mengutus pasukan *sariyyah*.

8. Tidak boleh mengamalkan *khabar al-wahid* (berita yang bersumber daripada satu orang) kecuali setelah dipastikan kebenarannya. Tidak batal solat seseorang yang sengaja berbicara demi kemaslahatan solat itu sendiri. Tidak ada sujud dalam surah *mufassal*. Sujud syukur dan sujud tilawah tidak diwajibkan.
9. Ulama berbeza pendapat tentang sujud tilawah dan kebanyakan mereka mengatakan tidak ada sujud tilawah.
10. Keutamaan membaca selawat ke atas Nabi (s.a.w).
11. Taat kepada perintah pemimpin.
12. Berdakwah mengajak umat manusia untuk beribadah kepada Allah dengan cara lemah lembut dan baik.
13. Boleh meringkaskan hadis.

Soalan:

1. Terangkan makna lafaz-lafaz berikut: "السهو", "التلاوة", "الشكر" dan "سرعان الناس"!
2. Bagaimanakah hukum tasyahhud pertama dan duduk untuk bertasyahhud?
3. Bolehkah sujud sahwi menggantikan salah satu rukun solat yang terlepas?
4. Apakah imam mesti tetap diikuti meskipun dia dalam keadaan lupa?
5. Apakah sujud sahwi boleh dilakukan secara berulang dengan berulangnya perkara yang menyebabkannya?
6. Sebutkan tempat sujud sahwi, hikmahnya dan terangkan pendapat ulamak mengenai masalah ini!
7. Mengapa Rasulullah (s.a.w) tidak menerima begitu sahaja perkataan Dzu al-Yadain?
8. Apakah Nabi (s.a.w) pernah lupa?
9. Bagaimana hukum bercakap dengan sengaja demi kemaslahatan solat?
10. Terangkan makna sabda Rasulullah (s.a.w): "شفعن له"?
11. Bagaimanakah hukum Nabi (s.a.w) lupa? Sebutkan perbezaan antara lupa baginda dengan lupa orang yang selainnya!
12. Bolehkah mengakhirkan keterangan daripada waktu yang telah diperlukan?
13. Bagaimanakah hukum kembali untuk melakukan tasyahhud pertama sesudah berdiri (untuk rakaat ketiga)?
14. Apakah makmum wajib melakukan sujud sahwi apabila dia lupa dalam solatnya ketika mengikuti imam?
15. Apakah lupa imam boleh ditanggung oleh makmum, hingga makmum pun mesti sujud bersamanya?
16. Bagaimanakah hukum makmum masbuq yang lupa apabila dia berdiri untuk menyempurnakan baki rakaat solatnya?
17. Bagaimanakah hukum sujud tilawah? Jelaskan tempat-tempatnya menurut perbezaan pendapat ulama!
18. Apakah suci merupakan syarat bagi sujud tilawah?

19. Apakah surah *mufassal* itu? Siapakah di antara ulama yang mengatakan bahawa tidak ada sujud tilawah dalam surah *mufassal*?
20. Apakah perbezaan antara "عزائم السجود" dengan selainnya?
21. Bagaimanakah hukum sujud pada ayat yang terdapat di dalam Surah Shad? Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenainya!
22. Apakah keistimewaan yang dimiliki oleh Surah al-Hajj?
23. Apakah sunat boleh menjadi wajib dalam sujud tilawah sebaik ia dikerjakan?
24. Apakah pendengar pun turut dikehendaki melakukan sujud tilawah? Sebutkan hikmahnya!
25. Bagaimanakah hukum sujud syukur dan bilakah ia dilakukan? Jelaskan dalil-dalil yang mensyari'atkannya dan apakah syaratnya!
26. Bolehkah meringkaskan hadis?
27. Jelaskan cara berdakwah kepada umat manusia supaya mereka mahu beribadah kepada Allah (s.w.t)!

BAB GAMBARAN SOLAT SUNAT

٢٨٦- عَنْ رَبِيعَةَ بْنِ كَعْبٍ ٱلأَسْلَمِيِّ رضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ لِي النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَلْ. فَقُلْتُ: أَسْأَلُكَ مُرَافَقَتَكَ فِي ٱلْجَنَّةِ. فَقَالَ: أَوَغَيْرَ ذَلِكَ؟، قُلْتُ: هُوَ ذَاكَ، قَالَ: "فَأَعِنِّي عَلَى نَفْسِكَ بِكَثْرَةِ السُّجُودِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

286. Daripada Rabi'ah ibn Malik al-Aslami (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) pernah bersabda kepadaku: "Pintalah kepadaku." Saya berkata: "Aku memohon untuk dapat sentiasa bersama tuan di dalam syurga kelak." Nabi (s.a.w) bersabda: "Apakah tidak ada permintaan selain itu?" Saya menjawab: "Hanya itulah yang aku inginkan." Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Maka bantulah aku untuk membantumu merealisasikan itu dengan memperbanyakkan amalan sujud (solat)." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Orang mukmin yang sempurna pastinya memiliki cita-cita yang tinggi, tidak memiliki keinginan selain tujuan-tujuan mulia dan tidak ada yang dimintanya selain kedudukan paling tinggi di akhirat. Dia tidak terpedaya oleh gemerlapan dunia dan perhiasannya. Oleh itu, dia tidak meminta kecuali sesuatu yang kekal abadi dan enggan meminta sesuatu yang fana.

Demikian pula dengan seorang sahabat agung dari kalangan ahli shuffah. Dia sentiasa bersama Rasulullah (s.a.w) dan merasa bahagia dengan berkhidmat kepadanya. Dalam suatu kesempatan yang penuh dengan keberkatan, Rasulullah (s.a.w) menyuruhnya untuk meminta apa yang dikehendakinya. Dia pun memohon agar menjadi teman baginda di dalam syurga al-Firdaus. Ini adalah suatu permintaan besar dan cita-cita yang tinggi. Ini tidak aneh, sebab Rasulullah (s.a.w) sendiri yang menawarkan kepadanya untuk meminta apa yang dicita-citakannya. Dia mengajukan suatu permintaan paling besar dan sudah menjadi haknya untuk

berbuat demikian. Nabi (s.a.w) memberinya petunjuk agar dia tekun melakukan amalan paling afdhal. Ini menunjukkan kesempurnaan iman seorang sahabat sekali gus menunjukkan keutamaan syurga, keutamaan berteman dengan orang soleh, dan keutamaan ibadah solat ke atas amal ibadah yang selainnya.

Analisis Lafaz

"التطوع", sunat adalah sesuatu yang dianjurkan oleh syariat untuk dilakukan, tetapi boleh pula ditinggalkan, namun jika ditinggalkan tidak mendapat pahala.

"أَسْأَلُكَ مُرَافَقَتَكَ فِي الْجَنَّةِ", aku memohon supaya aku dapat sentiasa bersama tuan di dalam syurga.

"أَوَغَيْرَ ذَلِكَ", lafaz *ghaira* berkedudukan sebagai *maf'ul* kepada *fi'il* yang dibuang. Bentuk lengkapnya ialah "أو سل غير ذلك" (Mengapa engkau tidak meminta yang selain itu).

"هُوَ ذَاكَ", hanya itulah yang aku minta kepada tuan, iaitu ingin menjadi sahabat tuan di dalam syurga, selain itu tidak.

"فَأَعِنِّي عَلَى نَفْسِكَ بِكَثْرَةِ السُّجُودِ", jadilah engkau sebagai pembantuku dalam memperbaiki dirimu dan menjadikannya suci hingga berhak memperoleh apa yang engkau pinta, iaitu dengan memperbanyak mengerjakan solat.

Di dalam hadis ini sujud disebut secara khusus memandangkan sujud merupakan satu penampilan yang menunjukkan sikap rendah diri yang mampu mengalahkan nafsu atau kerana sujud merupakan salah satu rukun solat yang paling afdhal dan sujud merupakan suatu keadaan di mana seseorang sangat dekat dengan Allah ketika sedang sujud kepada-Nya memandangkan semua anggota yang paling mulia dan paling tinggi baginya diletakkan di atas tanah. Barang siapa yang tunduk kepada Allah, dia berhak untuk mendapatkan rahmat dan kebaikan-Nya.

Fiqh Hadis

1. Anjuran bagi seorang pemimpin supaya memperhatikan urusan orang yang dipimpinnya dan menanyakan kepada mereka apa yang menjadi keperluannya.
2. Anjuran melawan hawa nafsu dan mengalahkannya dengan memperbanyak melakukan amal ibadah, kerana kedudukan yang tinggi di akhirat hanya diperoleh dengan cara melawan hawa nafsu yang hina itu.
3. Boleh meminta darjat yang tinggi, kerana di antara manusia ada orang yang dihimpun bersama para nabi kelak di syurga.
4. Keutamaan solat yang semakin bertambah. Banyak mengerjakan solat akan menghantarkan seseorang memperoleh darjat yang tinggi dan menjadi teman Nabi (s.a.w) di dalam rumah kemuliaan (syurga) kelak.

Periwayat Hadis

Rabi'ah ibn Malik al-Aslami al-Madani. Beliau termasuk salah seorang ahli shuffah[10] dan pernah menjadi pembantu Nabi (s.a.w). Hadis yang diriwayatkannya berjumlah dua belas. Abu Salamah ibn Abdul Rahman, Nu'aim al-Mujammar, dan Hanzhalah al-Aslami pernah mengambil riwayat hadis daripadanya. Nama panggilannya Abu Firas. Beliau meninggal dunia pada tahun 63 Hijriah. Muslim, Abu Dawud, al-Nasa'i, al-Tirmizi dan Ibn Majah turut menyebut hadisnya ini.

٢٨٧- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: حَفِظْتُ مِنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَشْرَ رَكَعَاتٍ: رَكْعَتَيْنِ قَبْلَ الظُّهْرِ، وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَهَا، وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَ الْمَغْرِبِ فِي بَيْتِهِ، وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَ الْعِشَاءِ فِي بَيْتِهِ، وَرَكْعَتَيْنِ قَبْلَ الصُّبْحِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةٍ لَهُمَا: وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَ الْجُمْعَةِ فِي بَيْتِهِ. وَلِمُسْلِمٍ: كَانَ إِذَا طَلَعَ الْفَجْرُ لاَ يُصَلِّي إِلاَّ رَكْعَتَيْنِ خَفِيفَتَيْنِ.

287. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Saya sentiasa memelihara sepuluh rakaat yang pernah saya terima daripada Nabi (s.a.w), iaitu dua rakaat sebelum Zohor, dua rakaat lagi sesudahnya, dua rakaat sesudah Maghrib di dalam rumahnya, dua rakaat sesudah Isyak di dalam rumahnya, dan dua rakaat lagi sebelum Subuh." (Muttafaq 'alaih)

Dalam riwayat yang lain disebutkan: "Dua rakaat lagi sesudah solat Jumaat di dalam rumahnya." Menurut riwayat Muslim disebutkan seperti berikut: Nabi (s.a.w) apabila fajar telah terbit tidak mengerjakan solat (sunat) selain dua rakaat yang singkat.

Makna Hadis

Oleh kerana hati manusia cenderung menjauhi Allah dalam kebanyakan waktunya lantaran sibuk dengan urusan dunia, maka ketika mengerjakan solat dia tidak dapat khusyuk dengan sepenuh hati, padahal solat merupakan munajat kepada Allah. Di sinilah letak solat sunat qabliyyah disyariatkan, supaya orang yang solat sudah bersedia untuk hadir dengan sepenuh hati di hadapan Allah dan bermunajat dengan-Nya.

Disyariatkan pula solat sunat ba'diyyah untuk menutup kekurangan yang dilakukan ketika mengerjakan solat fardu. Di antara rahmat Allah adalah kelalaian yang dilakukan semasa mengerjakan solat fardu dapat ditutupi dengan mengerjakan solat sunat bagi menyempurnakan lagi kekurangan semasa mengerjakan solat fardu. Ini semata-mata merupakan rahmat Allah (s.w.t).

Imam Ahmad meriwayatkan hadis berikut daripada hadis Tamim al-Dari bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:

---

[10] Al-Shuffah adalah nama tempat yang terletak di dalam masjid yang dinaungi atap. Ahli Shuffah adalah suatu kaum yang terdiri daripada fakir miskin kaum muslimin. Mereka tidak berharta dan tidak pula bertempat tinggal, bahkan mereka tinggal di bawah tempat-tempat yang teduh di pinggiran masjid. Siang dan malam mereka tinggal di tempat tersebut. Mereka tidak pernah mendatangi sesiapa pun untuk meminta-minta. Mereka hidup di bawah jaminan Rasulullah (s.a.w). Menurut satu pendapat, ada ketikanya jumlah mereka mencecah tujuh puluh orang.

أَوَّلُ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ صَلاتُهُ، فَإِنْ كَانَ أَتَمَّهَا كُتِبَتْ لَهُ تَامَّةً، وَإِنْ لَمْ يَكُنْ أَتَمَّهَا قَالَ اللهُ لِمَلاَئِكَتِهِ: انْظُرُوا هَلْ تَجِدُونَ لِعَبْدِي مِنْ تَطَوُّعٍ فَتُكْمِلُونَ بِهَا فَرِيضَتَهُ، ثُمَّ الزَّكَاةُ كَذَلِكَ، ثُمَّ تُؤْخَذُ ٱلأَعْمَالُ عَلَى حَسَبِ ذَلِكَ.

"*Mula-mula pemeriksaan yang dilakukan ke atas seorang manusia pada hari kiamat kelak solat yang telah dilakukannya. Jika dia telah melakukannya dengan sempurna, maka dipastikan baginya pahala yang sempurna dan jika dia mengerjakannya dengan tidak sempurna, maka Allah berfirman kepada para malaikat-Nya: "Periksalah oleh kamu, apakah kamu mendapati amalan sunat pada catatan hamba-Ku yang dapat dijadikan sebagai pelengkap bagi amal fardunya?" Kemudian masalah zakat pun demikian pula. Setelah itu semua amal perbuatan diperlakukan dengan cara demikian.*"

Analisis Lafaz

"عَشْرَ رَكَعَاتٍ", yakni solat sunat rawatib, solat yang mengiringi solat fardu.

"فِي بَيْتِهِ", mengerjakan sunat rawatib di dalam rumah adalah lebih diutamakan.

"رَكْعَتَيْنِ قَبْلَ الصُّبْحِ", dalam kalimat ini tidak disebutkan keterangannya, kerana telah diketahui bahawa Nabi (s.a.w) sentiasa mengerjakannya di dalam rumah.

"وَفِي رِوَايَةٍ لَهُمَا", dalam riwayat yang lain juga disebut oleh al-Bukhari dan Muslim.

"لاَ يُصَلِّي إِلاَّ رَكْعَتَيْنِ", huruf "إلا" adalah huruf *hashr* yang fungsinya dihilangkan, sedangkan perkataan "ركعتين" menjadi *maf'ul* kepada lafaz "يصلى". Ia adalah bentuk *tatsniyah* dari lafaz "ركعة". Maksudnya, dua rakaat *raghibah* (sebelum Subuh).

Fiqh Hadis

1. Disunatkan mengerjakan sebahagian solat sunat di dalam rumah.
2. Disunatkan meringkaskan pelaksanaan solat sunat qabliyyah Subuh dan solat sunat Subuh hanya dilakukan sebanyak dua rakaat sahaja.

٢٨٨- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ لاَ يَدَعُ أَرْبَعًا قَبْلَ الظُّهْرِ وَرَكْعَتَيْنِ قَبْلَ الْغَدَاةِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

288. Daripada Aisyah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) belum pernah meninggalkan solat sunat empat rakaat sebelum Zohor dan dua rakaat sebelum Subuh. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Memandangkan sunat qabliyyah Zohor termasuk solat sunat rawatib, maka ada ketikanya Rasulullah (s.a.w) mengerjakan dua rakaat dan ada ketikanya pula empat rakaat bagi menetapkan yang ia adalah sunat. Ini kerana jika solat tersebut fardu, nescaya ia tidak boleh ditambah apatah lagi dikurangkan.

Dari sini dapatlah dihimpun antara hadis-hadis yang berbeza ketika menyebut bilangan rakaatnya. Hadis yang menceritakan Rasulullah (s.a.w) selalunya mengerjakan sunat *raghibah* fajar dan sunat Zohor merupakan dalil yang menunjukkan keduanya adalah solat sunat mu'akkad.

Analisis Lafaz

"لاَ يَدَعُ", tidak pernah meninggalkan.

"أَرْبَعًا قَبْلَ الظُّهْرِ", Nabi (s.a.w) apabila mengerjakan solat qabliyyah Zohor di dalam rumah, baginda mengerjakannya sebanyak empat rakaat. Jika dikerjakan di dalam masjid, baginda melakukannya sebanyak dua rakaat. Ada kemungkinan baginda mengerjakan empat rakaat lalu Aisyah (r.a) dan kemudian menceritakan kepada para sahabat apa yang dilihatnya. Pada waktu yang berlainan pula, Ibn Umar melihat Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat sunat qabliyyah Zohor dua rakaat, lalu beliau menceritakan seperti apa yang dilihatnya.

Fiqh Hadis

Nabi (s.a.w) sangat mementingkan solat sunat qabliyyah Zohor dan qabliyyah Subuh.

٢٨٩- وَعَنْهَا قَالَتْ: لَمْ يَكُنْ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى شَيْءٍ مِنْ النَّوَافِلِ أَشَدَّ تَعَاهُدًا مِنْهُ عَلَى رَكْعَتَيْ الْفَجْرِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلِمُسْلِمٍ: رَكْعَتَا الْفَجْرِ خَيْرٌ مِنْ الدُّنْيَا وَمَا فِيهَا.

289. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Tiada sesuatu apa pun di antara solat sunat yang amat diperhatikan oleh Nabi (s.a.w) selain dua rakaat fajar (qabliyyah Subuh)." (Muttafaq 'alaihi)

Menurut riwayat Muslim disebutkan seperti berikut: "*Dua rakaat (sunat) fajar (Subuh) lebih baik daripada dunia dan seluruh apa yang ada di dalamnya.*"

Makna Hadis

Raghibah al-Fajr adalah solat sunat dua rakaat ringkas yang dikerjakan sesudah azan solat Subuh. Hikmah mengerjakannya secara ringkas (tidak terlalu lama) ialah memberikan waktu yang secukupnya bagi imam ketika mengerjakan solat Subuh di samping berharap semoga hisab amal diringankan bagi mereka kelak di hari kiamat. Dalam hadis yang lain disebutkan bahawa seorang mukmin diringankan hisabnya kerana dua rakaat sunat Subuh yang pernah dikerjakannya.

Rasulullah (s.a.w) tidak pernah meninggalkan keduanya, sama ada ketika bermukim mahupun ketika bermusafir, malah baginda sentiasa mengerjakannya. Ini menunjukkan yang ia adalah sunat mu'akkad dan bukannya wajib kerana berlandaskan kepada hadis orang Arab badwi: "Apakah ada perkara lain yang diwajibkan selain solat lima waktu?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Tidak ada." Di

samping itu, Nabi (s.a.w) hanya menyebut pahala orang yang mengerjakannya tanpa menyebutkan seksaan bagi orang yang meninggalkannya.

Pahala melakukan dua rakaat *raghibah al-Fajr* lebih baik daripada dunia dan seluruh isinya. Ini berlandaskan pandangan yang dunia dan seluruh kesenangan yang ada di dalamnya pasti lenyap, sedangkan pahala di akhirat di sisi Allah kekal dan abadi. Setiap apa yang ada di sisi Allah pasti lebih baik dan lebih berkekalan.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهَا", daripada Aisyah (r.a), yakni sama dengan hadis sebelumnya.

"تَعَاهُدًا", sangat dipelihara. Nabi (s.a.w) tidak pernah meninggalkan kedua rakaat solat sunat ini, sama ada ketika bermusafir mahupun ketika bermukim.

"خَيْرٌ", pahalanya lebih baik.

"مِنْ الدُّنْيَا", daripada bumi ini.

"وَمَا فِيهَا", dan semua yang ada padanya berupa semua kemudahan dan kesenangannya.

Fiqh Hadis

Solat sunat dua rakaat fajar merupakan sunat mu'akkad. Bagi orang yang mengerjakannya pasti memperoleh pahala yang banyak di samping ketinggian darjat. Disebutkan bahawa antara Sunnah Nabi (s.a.w) adalah membaca Surah al-Kafirun dan Surah al-Ikhlas ketika mengerjakan solat itu atau membaca dua ayat "قولوا آمنا بالله".

٢٩٠- عَنْ أُمِّ حَبِيبَةَ أُمِّ اَلْمُؤْمِنِينَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: سَمِعْتَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "مَنْ صَلَّى اثْنَتَا عَشْرَةَ رَكْعَةً فِي يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ بُنِيَ لَهُ بِهِنَّ بَيْتٌ فِي الْجَنَّةِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ. وَفِي رِوَايَةٍ "تَطَوُّعًا".

وَلِلتِّرْمِذِيِّ نَحْوُهُ وَزَادَ: "أَرْبَعًا قَبْلَ الظُّهْرِ وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَهَا، وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَ الْمَغْرِبِ، وَرَكْعَتَيْنِ بَعْدَ الْعِشَاءِ، وَرَكْعَتَيْنِ قَبْلَ صَلَاةِ الْفَجْرِ".

وَلِلْخَمْسَةِ عَنْهَا: "مَنْ حَافَظَ عَلَى أَرْبَعٍ قَبْلَ الظُّهْرِ وَأَرْبَعٍ بَعْدَهَا حَرَّمَهُ اللهُ عَلَى النَّارِ".

290. Daripada Ummu Habibah Ummu al-Mu'minin (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang mengerjakan solat (sunat) dua belas rakaat setiap siang dan malam hari, maka dibangunkan baginya sebuah gedung di dalam syurga.*" (Diriwayatkan oleh Muslim). Di dalam riwayat lain yang juga diriwayatkan oleh Muslim disebutkan: "(Dua belas rakaat) solat sunat."

Al-Tirmizi turut menyebut hadis yang serupa dan di dalamnya ditambahkan: "*Empat rakaat sebelum Zohor, dua rakaat sesudahnya, dua rakaat sesudah Maghrib, dua rakaat sesudah Isyak, dan dua rakaat sebelum solat Subuh.*"

Menurut riwayat yang disebut oleh al-Khamsah daripada Ummu Habihah (r.a) disebutkan: "*Barang siapa yang memelihara empat rakaat sebelum Zohor dan empat rakaat lagi sesudahnya, maka Allah mengharamkan neraka ke atas dirinya.*"

Makna Hadis

Mengerjakan solat sunat dengan istiqamah merupakan salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah. Dengan cara itu, dia memperoleh kedudukan yang tinggi di sisi Allah kerana seluruh anggota tubuhnya tidak bergerak melainkan hanya untuk beribadah kepada Allah. Dia pun akhirnya sampai kepada kedudukan wali dan kekasih Allah. Inilah yang diisyaratkan dalam hadis qudsi:

وَلاَ يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ، فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ، وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ، وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا، وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا، وَلَئِنْ سَأَلَنِي لَأُعْطِيَنَّهُ، وَلَئِنْ اسْتَعَاذَنِي لَأُعِيذَنَّهُ.

"*Hamba-Ku sentiasa mendekatkan dirinya kepada-Ku dengan mengerjakan amalan-amalan sunat hingga Aku mencintainya. Jika Aku telah mencintainya, maka Akulah yang menjadi pendengarannya yang selalu dia gunakan untuk mendengar, penglihatannya yang selalu dia gunakan untuk melihat, tangannya yang selalu dia gunakan untuk memukul, dan kakinya yang selalu dia gunakan untuk berjalan. Jika dia benar-benar meminta kepada-Ku, nescaya Aku benar-benar memberinya dan jika dia benar-benar memohon perlindungan kepada-Ku, nescaya Aku benar-benar melindunginya.*"

Dengan erti kata lain, seseorang itu sentiasa berada dalam suatu keadaan yang dikehendaki oleh Allah. Apa pun yang diperintahkan-Nya pasti dia kerjakan, dan apa pun yang dilarang-Nya pasti dia tinggalkan. Ini merupakan satu kurnia yang besar kerana dalam satu hadis dikisahkan tentang keutamaan solat rawatib ini: "Barang siapa yang mengerjakannya secara berterusan tanpa meninggalkannya, maka akan dibangunkan baginya sebuah gedung di dalam syurga, dan Allah mengharamkan tubuhnya ke atas neraka. Inilah kurnia paling besar yang bakal diperoleh oleh orang yang tekun mengerjakan solat sunat rawatib.

Analisis Lafaz

"بُنِيَ لَهُ بِهِنَّ بَيْتٌ", dibangunkan baginya sebuah gedung sebagaimana yang telah ditafsirkan dalam riwayat yang lain.

"وَلِلتِّرْمِذِيِّ نَحْوُهُ", al-Tirmizi telah menyebut hadis yang serupa sambil menghuraikan apa yang masih bersifat umum pada hadis sebelumnya.

"حَرَّمَهُ اللهُ عَلَى النَّارِ", Allah mengharamkan masuk neraka, kerana sesuatu yang diharamkan kepada orang yang tidak boleh memasukinya.

Fiqh Hadis

Ummahat al-Mu'minin dan sahabat yang lain memiliki semangat yang tinggi untuk sentiasa mengikuti semua amal perbuatan Nabi (s.a.w) di samping mereka turut mengutamakan sunat rawatib, kerana mereka yakin bahwa barang siapa yang mengerjakannya secara berterusan solat sunat ini, maka ia boleh menyelamatkannya daripada melakukan perbuatan yang menyebabkan dirinya memasuki neraka.

٢٩١- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "رَحِمَ اللهُ اِمْرَأً صَلَّى أَرْبَعًا قَبْلَ الْعَصْرِ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ وَابْنُ خُزَيْمَةَ وَصَحَّحَهُ.

291. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Semoga Allah merahmati seseorang yang mengerjakan solat (sunat) empat rakaat sebelum Asar.*" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Tirmizi yang menilainya hasan serta Ibn Khuzaimah yang menilainya sahih)

Makna Hadis

Nikmat yang paling besar adalah apabila seseorang memperoleh limpahan rahmat Allah dan didoakan oleh Nabi (s.a.w) yang doanya tidak ditolak, hingga dengan demikian orang itu sentiasa dinaungi oleh rahmat Allah yang tidak pernah terlepas daripadanya walau sekejap sekalipun. Ini diperoleh oleh orang yang sentiasa tekun mengerjakan solat empat rakaat sebelum Asar, kerana Nabi (s.a.w) pernah mendoakan melalui sabdanya: "Semoga Allah merahmati seseorang."

Analisis Lafaz

"رَحِمَ اللهُ", ya Allah, rahmatilah dia. Lafaz ini merupakan kalimat *khabariyyah*, tetapi maksudnya ialah *insya'iyyah*.

"اِمْرَأً", seseorang sama ada lelaki mahupun perempuan.

Fiqh Hadis

Anjuran untuk mengerjakan solat sunat empat rakaat sebelum solat Asar dan tekun mengamalkannya supaya seseorang memperoleh rahmat dan ampunan Allah (s.w.t).

٢٩٢- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مُغَفَّلٍ الْمُزَنِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "صَلُّوا قَبْلَ الْمَغْرِبِ، صَلُّوا قَبْلَ الْمَغْرِبِ"، ثُمَّ قَالَ فِي الثَّالِثَةِ: "لِمَنْ شَاءَ" كَرَاهِيَةَ أَنْ يَتَّخِذَهَا النَّاسُ سُنَّةً. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

وَفِي رِوَايَةِ ابْنِ حِبَّانَ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى قَبْلَ الْمَغْرِبِ رَكْعَتَيْنِ.

وَلِمُسْلِمٍ عَنْ أَنَسٍ قَالَ: كُنَّا نُصَلِّي رَكْعَتَيْنِ بَعْدَ غُرُوبِ الشَّمْسِ، فَكَانَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَرَانَا، فَلَمْ يَأْمُرْنَا وَلَمْ يَنْهَانَا.

292. Daripada Abdullah ibn Mughaffal al-Muzani (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "Kerjakanlah solat (sunat) sebelum Maghrib, kerjakanlah solat (sunat) sebelum Maghrib." Kemudian pada kali yang ketiga, baginda bersabda: "Bagi orang yang menghendakinya." Ini kerana baginda tidak senang apabila sahabat menjadikannya sebagai sunat (yang mesti dilestarikan). (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Dalam riwayat yang disebut oleh Ibn Hibban disebutkan: Nabi (s.a.w) pernah mengerjakan solat (sunat) dua rakaat sebelum Maghrib.

Menurut riwayat Muslim melalui Ibn Abbas (r.a) disebutkan: Kami mengerjakan solat (sunat) dua rakaat sesudah matahari tenggelam. Ketika itu, Nabi (s.a.w) melihat kami, tetapi baginda tidak memerintahkan kami dan tidak pula melarang kami.

Makna Hadis

Solat dua rakaat sesudah matahari tenggelam dan sebelum mengerjakan solat Maghrib sememangnya disunatkan berdasarkan sabda Nabi (s.a.w), perbuatannya dan pengakuannya. Bagi sahabat yang tidak pernah menerima berita ini tentu dia tidak akan memperkatakannya, tetapi pada hakikatnya solat ini tidak termasuk solat sunat mu'akkad, sebab sabda Nabi (s.a.w) dalam hadis tersebut menegaskan: "Bagi orang yang menghendakinya."

Nabi (s.a.w) bersabda demikian kerana menekuni kedua rakaat ini memakan waktu cukup lama yang boleh mengakibatkan terlewatnya awal waktu Maghrib, padahal pahala yang dapat diperoleh di awal waktu lebih besar di mana seseorang akan memperoleh keredhaan Allah (s.w.t).

Analisis Lafaz

"صَلُّوا قَبْلَ الْمَغْرِبِ", solat sunat dua rakaat sebelum solat Maghrib sesudah matahari tenggelam dan bukan sebelumnya. Ini merupakan pengukuhan terhadap solat dua rakaat sebelum Maghrib melalui perkataan.

"لِمَنْ شَاءَ", bagi orang yang menghendakinya. Kalimat ini bermaksud kedua rakaat tersebut bukan fardu.

"كَرَاهِيَةَ أَنْ يَتَّخِذَهَا اَلنَّاسُ سُنَّةً", kerana tidak senang apabila kelak umat Islam menjadikannya sebagai tuntutan yang mesti dikerjakan dan tidak pernah ditinggalkan serta dilestarikan, sebab ini adakalanya boleh mengakibatkan waktu Maghrib terlewatkan.

"صَلَّى قَبْلَ الْمَغْرِبِ رَكْعَتَيْنِ", kalimat ini membuktikan yang solat dua rakaat disyariatkan melalui perbuatan Nabi (s.a.w) sendiri.

"فَكَانَ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَرَانَا، فَلَمْ يَأْمُرْنَا وَلَمْ يَنْهَانَا", kalimat ini membuktikan pengakuan Nabi (s.a.w) terhadap solat dua rakaat sebelum Maghrib.

Periwayat Hadis

Abdullah ibn Mughaffal ibn Afif al-Muzanni. Beliau berbaiat kepada Nabi (s.a.w) di bawah pohon bersama sahabat yang lain. Beliau tinggal di Madinah, kemudian pindah ke Basrah dan membangun sebuah rumah. Beliau salah seorang di antara sepuluh orang sahabat yang dikirim oleh Khalifah Umar ke Basrah untuk mengajarkan agama kepada para penduduknya. Beliau meninggal dunia pada tahun 57 Hijriah.

Pembahasan

Dari hadis-hadis yang telah disebut sebelum ini dapat disimpulkan bahawa jumlah keseluruhan solat sunat sebelum dan sesudah solat fardu ada dua puluh rakaat yang perinciannya sebagai berikut:

1. Empat rakaat sebelum solat Zohor dan empat rakaat lagi sesudahnya.
2. Empat rakaat sebelum solat Asar.
3. Dua rakaat sebelum Maghrib dan dua rakaat lagi sesudahnya.
4. Dua rakaat sesudah solat Isyak.
5. Dua rakaat sebelum solat Subuh.

Berikut ini kami ketengahkan pendapat ulama mengenai solat sunat rawatib ini.

Imam Ahmad berkata: "Sesungguhnya bilangan rakaat sunat rawatib itu secara keseluruhannya ada sepuluh rakaat, iaitu dua rakaat sebelum Zohor dan dua rakaat lagi sesudahnya, dua rakaat sesudah Maghrib, dua rakaat sesudah Isyak, dan dua rakaat sebelum Subuh." Beliau berpendapat demikian kerana berlandaskan kepada hadis Ibn Umar yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim pada hadis no. 287.

Imam al-Syafi'i berkata: "Sesungguhnya bilangan rakaat sunat rawatib itu secara keseluruhannya ada enam belas rakat, iaitu empat rakaat sebelum Zohor dan dua rakaat sesudahnya, empat rakaat sebelum Asar, dua rakaat sesudah Maghrib, dua rakaat sesudah Isyak, dan dua rakaat sebelum Subuh." Beliau berpendapat demikian kerana berlandaskan kepada hadis Ummu Habibah no. 290 yang diriwayatkan oleh Muslim dan al-Tirmizi dan hadis Ibn Umar no. 291 yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud, dan al-Tirmizi.

Imam Abu Hanifah berkata: "Sunat rawatib kesemuanya terdiri daripada dua belas rakaat, iaitu empat rakaat sebelum Zohor dan dua rakaat sesudahnya, dua rakaat sesudah Maghrib, dua rakaat sesudah Isyak, dan dua rakaat sebelum Subuh." Beliau berpendapat demikian kerana berdasarkan kepada hadis Ummu Habibah dalam hadis no. 290.

Imam Malik berkata: "Sunat rawatib terdiri daripada empat belas rakaat, iaitu *Raghibah al-Fajr* (dua rakaat sebelum Subuh), empat rakaat sebelum Zohor dan dua rakaat sesudahnya, empat rakaat sebelum Asar, dan dua rakaat sesudah Maghrib. Beliau berpendapat demikian kerana berlandaskan kepada amal perbuatan Madinah.

٢٩٣- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُخَفِّفُ الرَّكْعَتَيْنِ اللَّتَيْنِ قَبْلَ صَلاَةِ الصُّبْحِ، حَتَّى إِنِّي أَقُولُ: أَقَرَأَ بِأُمِّ الْكِتَابِ؟ مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

293. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) meringankan pelaksanaan dua rakaat yang dikerjakan sebelum solat Subuh hingga aku mengira baginda hanya membaca Ummu al-Kitab sahaja. (Muttafaq 'alaih)

٢٩٤- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَرَأَ فِي رَكْعَتَيْ الْفَجْرِ: "قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ" و "قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

294. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) ketika mengerjakan dua rakaat (sunat) fajar membaca "قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ" dan "قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ". (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Jumhur ulama berpendapat, meringankan pelaksanaan dua rakaat sunat fajar kerana berlandaskan kepada makna zahir hadis Aisyah (r.a). Hikmahnya untuk mengejar keutamaan melaksanakan solat Subuh pada permulaan waktu dan tidak menyekat usaha imam untuk segera mengerjakan solat Subuh sebaik datang memasuki masjid. Selain itu, ada hadis lain yang menegaskan bahawa seorang mukmin diringankan hisabnya kelak bersesuaian dengan dua rakaat fajar yang dilakukannya secara ringan. Jadi, mengerjakannya dengan ringan mengandungi harapan baik supaya hisab amalnya kelak turut diringankan sekali gus mengikuti amal perbuatan Rasulullah (s.a.w).

Adapun surah yang dibaca oleh Nabi (s.a.w) ketika mengerjakan dua rakaat solat sunat fajar ialah pada rakaat pertama Surah al-Kafirun untuk mengisyaratkan maqam *tajrid* dan pada rakaat kedua Surah al-Ikhlas untuk mengisyaratkan maqam *tauhid*. Tetapi telah dinukil daripada Imam Abu Hanifah bahawa disunatkan mengerjakan kedua rakaat ini dengan panjang, yakni dalam waktu yang cukup lama.

Analisis Lafaz

"يُخَفِّفُ الرَّكْعَتَيْنِ", mempercepat bacaan dan rukun *fi'li* yang lain.

"حَتَّى إِنِّي أَقُولُ: أَقَرَأَ بِأُمِّ الْكِتَابِ", maksudnya Aisyah (r.a) tidak mengadukan bacaan Rasulullah (s.a.w) yang hanya membaca Ummu al-Kitab, melainkan kerana membandingkan apa yang biasa baginda lakukan ketika mengerjakan solat sunat yang lain di mana sesetengahnya dipanjangkan dan sesetengahnya lagi diringankan, sama ada bacaan mahupun rukun *fi'li*, sehingga apabila bacaan dalam kedua rakaat ini dibandingkan dengan solat sunat yang lain seakan-akan baginda tidak membaca surah selain al-Fatihah sahaja. Perkataan Aisyah ini menunjukkan kekaguman betapa cepat bacaan yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) ketika mengerjakan dua rakaat solat sunat tersebut.

"قَرَأَ فِي رَكْعَتَيْ الْفَجْرِ: قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ", baginda membaca dalam dua rakaat fajar di mana pada rakaat pertama membaca Surah al-Kafirun.

"قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ", dan (membaca) Surah al-Ikhlas pada rakaat kedua.

Fiqh Hadis

Dianjurkan meringankan solat sunat qabliyyah Subuh, begitu pula dengan bacaannya disesuaikan dengan apa yang telah disebut dalam hadis ini kerana mengikuti Sunnah Nabi (s.a.w).

٢٩٥- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا صَلَّى رَكْعَتَيْ الْفَجْرِ اضْطَجَعَ عَلَى شِقِّهِ الْأَيْمَنِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

295. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Nabi (s.a.w) apabila telah mengerjakan solat dua rakaat (sunat) Subuh berbaring pada lambung yang sebelah kanan." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

٢٩٦- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمُ الرَّكْعَتَيْنِ قَبْلَ صَلَاةِ الصُّبْحِ، فَلْيَضْطَجِعْ عَلَى جَنْبِهِ الْأَيْمَنِ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ.

296. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "Jika seseorang dari kamu telah mengerjakan solat dua rakaat sebelum solat Subuh, maka hendaklah dia berbaring pada lambungnya yang sebelah kanan. (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Tirmizi yang menilainya sahih)

Makna Hadis

Berbaring sesudah mengerjakan solat sunat qabliyyah Subuh adalah disyariatkan melalui sabda Nabi (s.a.w) dan dikuatkan lagi dengan perbuatannya. Maksudnya adalah berbaring dalam waktu sebentar pada lambung yang sebelah kanan seraya menghadap ke arah kiblat. Tujuannya supaya seseorang itu sentiasa ingat tempat pembaringannya di dalam kubur kelak. Dengan demikian, dia berusaha sedaya upaya melakukan amal soleh sebagai bekalannya. Sedangkan Mazhab Zahiri mengemukakan pendapat yang berlainan dengan mengatakan bahawa berbaring pada lambung sebelah kanan adalah wajib berlandaskan kepada makna zahir perintah yang terdapat di dalam hadis ini. Akan tetapi, apa yang dikatakannya itu dapat disanggah dengan kenyataan bahawa Nabi (s.a.w) adakalanya tidak berbaring pada lambung sebelah kanan setelah mengerjakan solat sunat fajar. Bukti inilah yang memalingkan hukum wajib pada perkataan perintah yang terdapat dalam hadis ini. Imam Malik menganggap makruh berbuat demikian apabila diniatkan sebagai sunat, tetapi beliau membolehkan apabila diniatkan sebagai istirehat. Apa yang dikatakannya ini berpegang kepada apa yang biasa dilakukan oleh masyarakat Madinah dan perbuatan yang dilakukan oleh Ibn Umar (r.a) yang menurut satu riwayat beliau sering melempari orang yang berbaring pada lambung setelah mengerjakan solat sunat fajar dengan batu kerikil.

Analisis Lafaz

“إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ”, menurut satu pendapat, apa yang dimaksudkan dengan seseorang dalam kalimat ini adalah orang yang melakukan solat sunat tahajud pada waktu malam hari. Berbaring baginya dapat membantu untuk berdiri dengan sihat ketika hendak mengerjakan solat Subuh, kerana pada kebiasannya orang yang melakukan tahajjud itu berdiri lama. Jadi dia perlu berbaring untuk beristirehat sekali gus mengembalikan semangat. Menurut pendapat yang lain, maksud lafaz “أحدكم” dalam kalimat ini bersifat umum, yakni mencakupi setiap orang yang hendak mengerjakan solat Subuh.

“فَلْيَضْطَجِعْ عَلَى جَنْبِهِ الأَيْمَنِ”, maka hendaklah dia berbaring pada sisi lambungnya yang sebelah kanan. Hikmahnya ialah kerana hati berada di sebelah kiri. Jika berbaring pada lambung yang sebelah kiri, nescaya dia akan tertidur nyenyak ketika beristirehat itu. Tetapi jika berbaring pada lambung yang sebelah kanan, maka hati dalam keadaan bergantung dan tidak akan tidur lena.

Fiqh Hadis

Orang yang solat pada waktu malam hari disyariatkan berbaring pada lambung yang sebelah kanan untuk mengistirehatkan tubuh dari keletihan setelah lama berdiri ketika mengerjakan qiyamul lail supaya ketika mengerjakan solat Subuh, tubuh menjadi segar kembali dan penuh semangat.

٢٩٧- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "صَلاَةُ اللَّيْلِ مَثْنَى مَثْنَى، فَإِذَا خَشِيَ أَحَدُكُمْ الصُّبْحَ صَلَّى رَكْعَةً وَاحِدَةً، تُوتِرُ لَهُ مَا قَدْ صَلَّى". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلِلْخَمْسَةِ وَصَحَّحَهُ ابْنِ حِبَّانَ: "صَلاَةُ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ مَثْنَى مَثْنَى". وَقَالَ النَّسَائِيُّ: "هَذَا خَطَأٌ".

297. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: “*Solat yang dilakukan pada waktu malam hari dikerjakan dua rakaat dua rakaat. Jika seseorang di antara kamu merasa khuatir akan datangnya waktu Subuh, maka kerjakanlah solat satu rakaat sebagai witir sebagai penutup bagi semua solat yang dilakukannya.*” (Muttafaq alaih)

Menurut riwayat yang disebut oleh al-Khamsah dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban disebutkan: “*Solat (sunat) yang dikerjakan pada waktu malam hari dan siang hari ialah dua rakaat dua rakaat.*” (Al-Nasa’i mengatakan bahawa ini silap).

Makna Hadis

Solat tahajjud pada waktu malam hari mempunyai keutamaan yang luar biasa. Ini telah disebut dalam firman Allah (s.w.t):

إِنَّ نَاشِئَةَ ٱلَّيْلِ هِىَ أَشَدُّ وَطْـًٔا وَأَقْوَمُ قِيلاً ﴿٦﴾

"*Sesungguhnya bangun di waktu malam adalah lebih tepat (untuk khusyuk) dan bacaan di waktu itu lebih berkesan*." (Surah al-Muzzammil: 6)

Solat tahajud dilakukan dua rakaat dua rakaat dengan perkataan lain bahawa seseorang hendaklah mengucapkan salam pada setiap dua rakaat. Ini bagi memberikan peluang baginya untuk beristirehat sesudah salam dan untuk menunaikan keperluannya apabila ada urusan penting lain yang datang secara mengejut.

Waktu solat ini panjang hingga terbit fajar. Jika seseorang merasa khuatir waktu solat Subuh hampir tiba, maka sebaiknya dia mengerjakan solat satu rakaat untuk mewitirkan semua rakaat genap yang telah dikerjakannya sepanjang malam. Ini merupakan satu kemudahan dalam mengerjakan ibadah. Apapun, solat tahajud itu boleh juga dilakukan empat rakaat empat rakaat.

Analisis Lafaz

"صَلاَةُ اللَّيْلِ", cara solat sunat malam hari.

"مَثْنَى مَثْنَى", dua rakaat dua rakaat, yakni melakukan salam pada setiap dua rakaat. Ini merupakan salah satu cara yang paling mudah, kerana melakukan salam setiap dua rakaat lebih meringankan orang yang solat berbanding empat rakaat sekali salam atau lebih daripada itu. Al-Hafiz Ibn Hajar mengatakan bahawa jumhur ulama mentafsirkan hadis ini sebagai menjelaskan cara yang lebih utama dalam mengerjakan solat sunat pada waktu malam hari. Lafaz "مثنى" yang pertama berkedudukan sebagai khabar kepada lafaz "صلاة", sedangkan "مثنى" yang kedua berkedudukan sebagai *tawkid* (pengukuhan) kerana kalimat ini bermakna "اثنين-اثنين", yakni dua rakaat dua rakaat.

"فَإِذَا خَشِيَ أَحَدُكُمُ الصُّبْحَ", apabila seseorang di antara kamu merasa khuatir akan masuknya waktu Subuh dengan terbitnya fajar (kadzib).

"صَلَّى رَكْعَةً وَاحِدَةً، تُوتِرُ لَهُ مَا قَدْ صَلَّى", solat satu rakaat untuk mewitirkan semua solat yang telah dikerjakannya.

"صَلاَةُ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ", Al-Daruquthni mengatakan di dalam kitabnya *al-'Ilal* bahawa penyebutan lafaz *al-nahar* (siang hari) mengelirukan. Apapun, Imam Abu Hanifah memilih solat sunat pada waktu siang hari ini dilakukan dua rakaat atau empat rakaat.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan mengerjakan solat sunat pada waktu malam hari.
2. Apa yang lebih afdhal ketika mengerjakan solat sunat pada waktu malam hari adalah mengucapkan salam untuk setiap dua rakaat.
3. Menentukan dua rakaat sebelum witir.
4. Waktu witir berakhir dengan terbitnya fajar.

٢٩٨- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَفْضَلُ الصَّلاَةِ بَعْدَ الْفَرِيضَةِ صَلاَةُ اللَّيْلِ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

298. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Solat yang paling afdhal sesudah solat fardu ialah solat sunat pada waktu malam hari.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Malam hari diselimuti oleh keheningan dan ketenangan. Ketika itu orang sedang lena tidur dan pada waktu itu pula merupakan saat yang paling mengghairahkan untuk berkomunikasi secara langsung dengan Allah. Orang pilihan pastinya bangun daripada tidur dengan penuh ikhlas untuk menunaikan ibadah dan bermunajat kepada Allah. Ketika itu, rahmat-Nya turun pada waktu sepertiga terakhir malam hari. Oleh itu, solat sunat malam dikatakan lebih afdhal pahalanya setelah solat lima waktu yang fardu.

Analisis Lafaz

"بَعْدَ الْفَرِيضَةِ", sesudah solat lima waktu yang difardukan.

"صَلاَةُ اللَّيْلِ", solat itu dilakukan pada waktu tengah malam. Maksudnya ialah ketika sepertiga terakhir malam hari.

Fiqh Hadis

Solat sunat pada waktu malam hari adalah solat sunat yang paling afdhal, tetapi tidak ada solat sunat mana pun yang lebih afdhal daripada solat fardu.

٢٩٩- عَنْ أَبِي أَيُّوبَ ٱلأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الْوِتْرُ حَقٌّ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ، مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُوتِرَ بِخَمْسٍ فَلْيَفْعَلْ، وَمَنْ أَحَبَّ أَنْ يُوتِرَ بِثَلاَثٍ فَلْيَفْعَلْ، وَمَنْ أَحَبَّ أَنْ يُوتِرَ بِوَاحِدَةٍ فَلْيَفْعَلْ". رَوَاهُ ٱلأَرْبَعَةُ إِلاَّ التِّرْمِذِيَّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ، وَرَجَّحَ النَّسَائِيُّ وَقْفَهُ.

299. Daripada Abu Ayyub al-Ansari (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Solat witir telah ditetapkan ke atas setiap muslim. Barang siapa yang hendak mengerjakan solat witir sebanyak lima rakaat, maka hendaklah dia melakukannya. Barang siapa yang ingin mengerjakan solat witir sebanyak tiga rakaat, maka hendaklah dia melakukannya. Barang siapa yang ingin melakukan solat witir sebanyak satu rakaat, maka hendaklah dia melakukannya.*" (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah kecuali al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban, tetapi al-Nasa'i memastikannya sebagai mawquf)

٣٠٠- عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَيْسَ الْوِتْرُ بِحَتْمٍ كَهَيْئَةِ الْمَكْتُوبَةِ، وَلَكِنْ سُنَّةٌ سَنَّهَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَالتِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ.

300. Daripada Ali bin Abu Thalib (r.a), beliau berkata: "Solat witir itu tidak diwajibkan sebagaimana solat fardu, melainkan ia hanya sunat yang biasa dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w)." (Atsar ini diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan al-Tirmizi yang menilainya hasan, tetapi al-Hakim menilainya sahih)

Makna Hadis

Solat witir adalah solat sunat mu'akkad menurut pendapat jumhur ulama dan bukannya solat wajib berdasarkan keterangan yang disebut dalam hadis ini kerana dalam masalah ini tidak ada lagi ruang bagi akal manusia. Selain itu, ia turut dikuatkan oleh hadis orang Arab badwi ketika bertanya: "Apakah masih ada perkara lain yang diwajibkan ke atas diriku?" Nabi (s.a.w) menjawab: "Tidak ada, kecuali jika kamu hendak mengerjakan solat sunat)."

Lain halnya dengan Imam Abu Hanifah di mana beliau mengatakan bahawa solat witir itu hukumnya wajib. Ini tidak lain kerana menurutnya sesuatu yang wajib dapat ditetapkan hanya dengan adanya dalil yang bersifat *zhanni*. Beliau menyokong pendapatnya dengan hadis Abu Ayyub (r.a) yang di dalamnya disebutkan bahawa solat witir wajib ke atas setiap muslim.

Jumhur ulama menyanggah pendapatnya dengan menegaskan bahawa maksud lafaz *al-haq* tidak menunjukkan makna wajib. Wajib itu adakalanya bermaksud pengukuhan seperti mana dalam hadis mengenai perintah mandi pada hari Jumaat:

غُسْلُ الْجُمُعَةِ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُحْتَلِمٍ.

"*Mandi pada hari Jumaat disunatkan secara mu'akkad bagi setiap orang yang telah baligh.*"

Selain itu, maksud *takhyir* (pilihan) yang terdapat dalam hadis menerusi sabdanya "من أحب" (barang siapa yang ingin) menunjukkan witir bukan sesuatu yang diwajibkan, kerana tidak ada pilihan bagi sesuatu yang wajib. Solat witir boleh pula dilakukan di atas kenderaan, sebagaimana dibolehkan pula melebihkan dan mengurangkan jumlah bilangan rakaatnya. Ini merupakan satu bukti yang solat witir adalah sunat.

Analisis lafaz

"الْوِتْرُ", menurut bahasa adalah ganjil, lawan kata genap.

"حَقٌّ", telah ditetapkan oleh Sunnah Nabi (s.a.w), tetapi tidak wajib.

"مَنْ أَحَبَّ", barang siapa yang ingin.

"أَنْ يُوتِرَ بِخَمْسٍ فَلْيَفْعَلْ", untuk mengerjakan solat witir sebanyak lima rakaat tanpa duduk dan tanpa salam, kecuali pada rakaat paling akhir atau duduk dalam rakaat keempat untuk membaca tasyahhud tanpa salam, kemudian meneruskan solat witir satu rakaat sesudahnya dan duduk lalu salam.

"وَمَنْ أَحَبَّ أَنْ يُوتِرَ بِثَلاَثٍ فَلْيَفْعَلْ", melakukan witir sebanyak tiga rakaat dengan sekali tasyahhud dan sekali salam.

"وَمَنْ أَحَبَّ أَنْ يُوتِرَ بِوَاحِدَةٍ فَلْيَفْعَلْ", satu rakaat merupakan batas minimum solat witir.

"بِحَتْمٍ", hal yang diwajibkan.

"كَهَيْئَةِ الْمَكْتُوبَةِ", yakni tidak seperti solat Maghrib, melainkan solat tiga rakaat dengan sekali duduk (sekali tasyahhud).

"سُنَّةٌ", sunat ialah sesuatu amalan beroleh pahala apabila seseorang mengerjakannya, tetapi dia tidak diseksa kerana meninggalkannya.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan mengerjakan solat witir. Jumhur ulama mengatakan bahawa solat witir itu sunat mu'akkad, kerana adanya pilihan dalam bilangan rakaatnya yang menunjukkan bahawa ia tidak wajib. Lain halnya dengan Imam Abu Hanifah di mana beliau berpendapat bahawa solat witir itu wajib.
2. Menjelaskan bilangan rakaat solat witir. Ulama berbeza pendapat mengenai masalah ini. Untuk itu, Imam Malik mengatakan bahawa witir hanya dilakukan satu rakaat. Imam Abu Hanifah mengatakan witir hanya dilakukan tiga rakaat, sedangkan Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad mengatakan bahawa witir boleh dilakukan satu rakaat, tiga rakaat, hingga sampai sebelas rakaat.

٣٠١- عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَامَ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ، ثُمَّ انْتَظَرُوهُ مِنْ الْقَابِلَةِ فَلَمَّا يَخْرُجْ، وَقَالَ: "إِنِّي خَشِيتُ أَنْ يُكْتَبَ عَلَيْكُمُ الْوِتْرُ". رَوَاهُ ابْنُ حِبَّانَ.

301. Daripada Jabir ibn Abdullah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat (sunat) di bulan Ramadhan, kemudian pada malam berikutnya mereka menunggu baginda, tetapi baginda tidak keluar (menemui mereka). Baginda bersabda: "Sesungguhnya aku khuatir kalau solat witir ini nantinya difardukan ke atas kamu." (Diriwayatkan oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) adalah seorang penyuluh yang amat menyayangi umatnya. Baginda meninggalkan beberapa perkara sunat kerana khuatir jika dilakukan secara berterusan dianggap menjadi fardu ke atas umatnya dan ini tentu menyukarkan mereka.

Wahyu turun kepada Rasulullah (s.a.w) setiap pagi dan petang. Baginda kadang kala meninggalkan suatu amalan; padahal jika itu dikerjakan tentu ia lebih baik. Baginda berbuat demikian kerana kasihan kepada umatnya. Nabi (s.a.w) tidak mahu keluar menemui para sahabat untuk melakukan solat tarawih bersama mereka pada malam kedua dan malam ketiga, sekalipun baginda tahu mereka telah berhimpun menunggu kedatangannya. Ini baginda lakukan kerana khuatir jika solat ini akan diwajibkan ke atas mereka, seperti mana yang kita ketahui berdasarkan alasan yang baginda kemukakan dan baginda menjelaskan kepada mereka bahawa solat witir itu tidak wajib.

Analisis Lafaz

“قَامَ فِي شَهْرِ رَمَضَانَ”, solat bersama mereka, iaitu solat tarawih. Solat ini dinamakan tarawih kerana mereka beristirehat sejenak setiap kali selesai mengerjakan dua rakaat.

“مِنْ الْقَابِلَةِ”, pada malam berikutnya, yakni malam yang kedua. Di dalam satu riwayat disebutkan bahawa Nabi (s.a.w) solat bersama mereka pada malam kedua bulan Ramadhan dan pada malam ketiga mereka menunggu kedatangan baginda tetapi baginda tidak keluar mengerjakan solat bersama mereka. Baginda bersabda: “Sesungguhnya aku khuatir.” Dari kalimat ini tersirat satu pemahaman bahawa tiada sesuatu pun yang menghambat baginda keluar mengerjakan solat selain perasaan khuatir kalau solat ini difardukan ke atas mereka, hingga akhirnya mereka sendiri tidak mampu melakukannya.

Fiqh Hadis

1. Boleh mengerjakan solat sunat di dalam masjid secara berjamaah, tetapi apa yang lebih afdhal ialah mengerjakannya secara bersendirian di dalam rumah, kecuali apabila dilakukan secara berjamaah boleh menyemarakkan lagi syi’ar Islam seperti solat kedua gerhana, solat tarawih dan lain-lain.
2. Boleh bermakmum kepada orang yang tidak berniat menjadi imam. Ini pendapat jumhur ulama.
3. Jika kemaslahatan berbenturan dan dikhuatiri muncul kemudharatan, maka apa yang mesti dilakukan adalah menutup segala kemungkinan yang bakal mengakibatkan kepada kerosakan itu. Nabi (s.a.w) melihat bahawa mengerjakan solat sunat di dalam masjid secara berjamaah memang ada maslahatnya kerana ia sekali gus menjelaskan yang perbuatan itu dibolehkan. Akan tetapi, ketika baginda merasa khuatir kalau itu bakal dianggap fardu ke atas mereka, maka baginda meninggalkan perbuatan itu kerana khuatir akan menimbulkan mudharat yang lebih besar, iaitu apabila mereka tidak mampu mengerjakannya ketika perbuatan difardukan. Apapun, perasaan khuatir seperti ini tidak lagi wujud setelah baginda wafat. Oleh yang demikian, ia boleh dikerjakan di dalam masjid secara berjamaah.
4. Jika pemimpin suatu kaum mengerjakan sesuatu yang sukar difahami oleh pengikutnya kerana adanya uzur yang datang secara mengejut, maka hendaklah dia menjelaskan puncanya kepada mereka untuk menghibur hati mereka sekali gus menghilangkan prasangka buruk akibat godaan syaitan yang dikhuatiri telah merasuk ke dalam jiwa mereka.
5. Rasulullah (s.a.w) amat menyayangi umatnya.

٣٠٢- عَنْ خَارِجَةَ بْنِ حُذَافَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ اللهَ أَمَدَّكُمْ بِصَلاَةٍ هِيَ خَيْرٌ لَكُمْ مِنْ حُمُرِ النَّعَمِ". قُلْنَا: وَمَا هِيَ يَا رَسُولَ اللهِ؟ قَالَ:

"الْوِتْرُ مَا بَيْنَ صَلاَةِ الْعِشَاءِ إِلَى طُلُوعِ الْفَجْرِ. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ النَّسَائِيَّ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ. وَرَوَى أَحْمَدُ عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ نَحْوَهُ.

302. Daripada Kharijah ibn Hudzafah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Sesungguhnya Allah telah membantu kamu dengan suatu solat yang pahalanya jauh lebih baik bagi kamu berbanding ternakan unta yang berwarna merah. Kami bertanya: "Wahai Rasulullah, solat apakah itu? Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Solat witir yang waktunya setelah solat Isyak sampai dengan terbit fajar.*" (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, kecuali al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh al-Hakim). Imam Ahmad turut menyebut hadis yang serupa daripada Amr ibn Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya.

Analisis Lafaz

"أَمَدَّكُمْ بِصَلاَةٍ", telah melimpahkan nikmat kepada kamu melalui suatu solat yang ditambahkan buat kamu agar pahala kamu kian bertambah banyak.

"هِيَ خَيْرٌ لَكُمْ مِنْ حُمُرِ النَّعَمِ", *al-na'am* bentuk jamak yang lafaznya tidak memiliki bentuk tunggal. Ia biasanya diertikan sebagai ternakan unta. Menurut satu pendapat, istilah ini hanya khusus bagi ternakan unta. Ternakan unta disebut secara khusus bukan yang selainnya bertujuan merangsang mereka supaya rajin mengerjakan solat witir. Ini kerana ternakan unta merupakan harta orang Arab yang paling berharga, maka Nabi (s.a.w) mengatakan demikian supaya mudah difaham oleh mereka. dan sudut kebaikannya adalah kerana pahala solat itu bersifat kekal, sedangkan ternakan unta pasti binasa; apa yang berkekalan lebih baik daripada apa yang fana (binasa).

"قَالَ: الْوِتْرُ", Nabi (s.a.w) menjawab bahawa solat yang baik itu adalah solat witir.

"مَا بَيْنَ صَلاَةِ الْعِشَاءِ إِلَى طُلُوعِ الْفَجْرِ", Allah menjadikan waktu solat witir bagi kamu bermula sesudah Isyak hingga waktu solat Subuh, yakni sebelumnya.

"نَحْوَهُ", hadis yang serupa dengan hadis Kharijah (r.a).

"عَنْ جَدِّهِ", daripada datuknya, iaitu Abdullah ibn 'Amr ibn al-'Ash.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan solat witir dan dianjurkan mengerjakannya.
2. Solat witir bakan wajib. Seandainya wajib, maka bukan hanya dianjurkan untuk mengerjakannya, melainkan sudah dipastikan dengan bentuk perintah yang tegas, iaitu "فرض عليكم" atau "أوجب عليكم", kerana itu tentu tidak dapat ditawar-tawar lagi.
3. Waktu solat witir dimulai setelah selesai mengerjakan solat Isyak hingga fajar terbit.
4. Membuat perumpamaan dengan gambaran harta yang paling berharga untuk mudah dibaham.

Periwayat Hadis

Kharijah ibn Hudzafah ibn Ghanim al-Adawi adalah seorang sahabat. Beliau mempunyai satu hadis yang diriwayatkan daripadanya oleh Abdullah ibn Jubair. Beliau pernah memimpin dan menyediakan seribu pasukan berkuda.

Diriwayatkan bahawa 'Amr ibn al-Ash meminta bantuan kepada Khalifah 'Umar ibn al-Khatthab sebanyak tiga ribu pasukan berkuda. Maka Khalifah Umar mengirimkan tiga ribu pasukan berkuda yang setiap seribu pasukan dipimpin oleh seorang pemimpin. Mereka adalah Kharijah, al-Zubair ibn al-Awwam, dan al-Miqdad ibn al-Aswad. Kharijah berada di bawah pimpinan Amr ibn al-Ash. Beliau pernah menjawat sebagai kadi di Mesir dan akhirnya beliau mati dibunuh oleh seorang Khawarij yang disangkanya Amr ibn al-'Ash. Orang Khawarij telah bersepakat untuk membunuh tiga orang pemimpin, iaitu Ali, Mu'awiyyah, dan Amr ibn al-Ash. Tetapi akhirnya Allah (s.w.t) menjatuhkan keputusan-Nya kepada Khalifah Ali (r.a) dan Kharijah yang terbunuh kerana kesilapan mereka. Kharijah mati terbunuh pada tahun 40 Hijriah.

Amr ibn Syu'aib ibn Muhammad ibn Abdullah ibn Amr ibn al-Ash al-Sahmi, nama panggilannya Abu Ibrahim al-Madani, tinggal di al-Tha'if. Beliau mengambil riwayat hadis daripada Thawus dan daripada ayahnya serta daripada datuknya. Dan telah mengambil riwayat daripadanya 'Amr ibn Dinar, Qatadah, al-Zuhri, Ayyub, dan ramai lagi.

Al-Hafiz Abu Bakar ibn Ziyad mengatakan bahawa dinilai sahih pendengaran Amr daripada ayahnya dan dinilai sahih pula pendengaran ayahnya daripada datuknya bernama Abdullah ibn Amr ibn al-Ash. Khalifah berkata: "Amr ibn Syu'aib meninggal dunia pada tahun 118 Hijriah."

Syu'aib ibn Muhammad ibn Abdullah ibn al-Ash al-Sahmi, telah meriwayatkan hadis daripada datuknya, iaitu Abdullah ibn Amr ibn al-Ash, dan juga daripada Ibn Abbas (r.a) dan Ibn Umar (r.a). Tsabit al-Bannani dan kedua anak lelakinya yang bernama Amr dan Umar telah mengambil riwayat daripadanya, dan Ibn Hibban menilainya sebagai orang yang *tsiqah* (hadisnya dapat dipercaya).

٣٠٣- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْوِتْرُ حَقٌّ، فَمَنْ لَمْ يُوتِرْ فَلَيْسَ مِنَّا". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ بِسَنَدٍ لَيِّنٍ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ، وَلَهُ شَاهِدٌ ضَعِيفٌ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عِنْدَ أَحْمَدَ.

303. Daripada Abdullah ibn Buraidah daripada ayahnya, beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Solat witir merupakan satu ketetapan. Barang siapa yang tidak mengerjakan solat witir, maka orang itu tidak termasuk golongan kami.*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan sanad yang dhaif, tetapi al-Hakim menilainya sahih). Hadis ini mempunyai *syahid* yang berstatus dha'if daripada hadis Abu Hurairah (r.a) yang ada pada Imam Ahmad.

Makna Hadis

Lafaz “حق” menurut bahasa bermaksud wajib dan sunat mu’akkad. Ulama yang mengertikannya wajib antara lain Imam Abu Hanifah, bererti beliau cenderung mentafsirkannya sebagai wajib seperti mana dalam firman Allah:

..... حَقًّا عَلَى ٱلۡمُتَّقِينَ ﴿١٨٠﴾

“*... (Ini adalah) kewajiban atas orang yang bertakwa.*” (Surah al-Baqarah: 180)

Ulama yang mengatakan solat witir itu sunat mu’akkad, bererti dia mentafsirkannya sunat yang dikukuhkan dengan menggabungkan antara hadis ini dengan hadis lain yang menunjukkan makna tidak wajib. Ini merupakan pendapat jumhur ulama seperti mana di dalam firman Allah:

..... حَقًّا عَلَى ٱلۡمُحۡسِنِينَ ﴿٢٣٦﴾

“*Yang demikian itu merupakan ketetapan bagi orang yang berbuat kebajikan.*” (Al-Baqarah: 236)

Analisis Lafaz

“عَنْ أَبِيهِ”, daripada ayahnya. Nama ayah Abdullah ialah Buraidah ibn al Hashaib.

“الْوِتْرُ حَقٌّ”, suatu ketetapan. Tetapi Imam Abu Hanifah menyimpulkan bahawa solat witir itu wajib berdasarkan kalimat ini.

“فَلَيْسَ مِنَّا”, tidak berada pada jalan dan Sunnah kami.

“بِسَنَد لَيِّنٍ”, dengan sanad yang lemah, sebab di dalamnya terdapat Abdullah ibn Abdullah al-‘Atki. Al-Bukhari menilainya dha’if, begitu pula al-Nasa’i. Tetapi Abu Hatim mengatakan bahawa Abdullah ibn Buraidah dapat diterima hadisnya.

“وَلَهُ شَاهِدٌ ضَعِيفٌ”, hadis ini meskipun dha’if namun mempunyai bukti yang menguatkannya. Lafaznya adalah seperti berikut:

مَنْ لَمْ يُوْتِرْ فَلَيْسَ مِنَّا.

“*Barang siapa yang tidak mengerjakan solat witir, maka orang itu tidak termasuk golongan kami.*” Di dalam sanadnya terdapat al-Khalil ibn Murrah dan hadisnya dinilai mungkar. Sanad hadis ini menurut Imam Ahmad adalah munqathi’.

Fiqh Hadis

Solat witir adalah sunat mu’akkad berdasarkan pemahaman yang menggabungkan di antara hadis yang menunjukkan bahawa ia tidak wajib.

Periwayat Hadis

Abdullah ibn Buraidah ibn al-Hashib al-Aslami. Nama panggilannya Abu Sahl, menjawat sebagai kadi kota Marwa. Beliau meriwayatkan hadis daripada ayahnya, iaitu Buraidah, Ibn Mas’ud, Ibn Abbas dan Ibn Umar. Shakhr dan Sahl yang

keduanya merupakan anak lelakinya telah mengambil riwayat hadis daripadanya, begitu pula Qatadah, Muharib ibn Ditsar dan ramai lagi.

Ibn Mu'in dan Ibn Hibban menilainya sebagai orang yang *tsiqah* (boleh dipercaya). Ibn Hibban mengatakan bahawa Abdullah ibn Buraidah meninggal dunia pada tahun 115 Hijriah.

٣٠٤- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: مَا كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَزِيدُ فِي رَمَضَانَ وَلاَ فِي غَيْرِهِ عَلَى إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً، يُصَلِّي أَرْبَعًا، فَلاَ تَسْأَلْ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُولِهِنَّ، ثُمَّ يُصَلِّي أَرْبَعًا، فَلاَ تَسْأَلْ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُولِهِنَّ، ثُمَّ يُصَلِّي ثَلاَثًا. قَالَتْ عَائِشَةُ، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَتَنَامُ قَبْلَ أَنْ تُوتِرَ؟ قَالَ: "يَا عَائِشَةُ، إِنَّ عَيْنَيَّ تَنَامَانِ وَلاَ يَنَامُ قَلْبِي". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةٍ لَهُمَا عَنْهَا: كَانَ يُصَلِّي مِنَ اللَّيْلِ عَشْرَ رَكَعَاتٍ، وَيُوتِرُ بِسَجْدَةٍ، وَيَرْكَعُ رَكْعَتَيْ الْفَجْرِ، فَتِلْكَ ثَلاَثُ عَشْرَةَ.

304. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) tidak pernah menambahkan dalam bulan Ramadhan mahupun bulan-bulan selainnya lebih daripada sebelas rakaat. Baginda solat empat rakaat dan kamu tidak perlu bertanya betapa sempurna dan panjang pelaksanaan solat keempat-empat rakaat itu. Kemudian baginda mengerjakan solat empat rakaat lagi dan kamu tidak perlu bertanya betapa sempurna dan panjang solat empat rakaat itu. Setelah itu, baginda mengerjakan solat tiga rakaat. Aisyah (r.a) melanjutkan kisahnya: "Maka aku bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah tuan tidur sebelum mengerjakan solat witir?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Wahai Aisyah, sesungguhnya kedua mataku tidur, tetapi hatiku tidak pernah tidur." (Muttafaq alaih)

Di dalam riwayat lain yang juga diketengahkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Aisyah (r.a) disebutkan seperti berikut: "Baginda mengerjakan solat pada waktu malam hari sebanyak sepuluh rakaat dan solat witir sebanyak satu rakaat, serta melakukan dua rakaat (sunat) fajar. Maka jumlah keseluruhannya adalah tiga belas rakaat."

٣٠٥- وَعَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي مِنَ اللَّيْلِ ثَلاَثَ عَشْرَةَ رَكْعَةً، يُوتِرُ مِنْ ذَلِكَ بِخَمْسٍ، لاَ يَجْلِسُ فِي شَيْءٍ إِلاَّ فِي آخِرِهَا.

305. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat pada waktu malam hari sebanyak tiga belas rakaat; lima rakaat di antaranya untuk solat witir. Baginda melakukannya tanpa duduk (tasyahhud) dalam satu rakaat pun kecuali di akhirnya."

Makna Hadis

Oleh kerana solat sunat pada waktu malam hari adalah sunat, maka adakalanya Nabi (s.a.w) sengaja menambah jumlah rakaatnya dan adakalanya pula mengurangi bilangan rakaatnya. Tujuannya ialah untuk membuktikan yang ia adalah sunat dan ia boleh dengan cara seperti itu di samping menjaga keadaan supaya tetap bersemangat dan adakalanya pula baginda melakukan ketika sedang bermusafir.

Dengan demikian, dapatlah diketahui bahawa tidak ada kecelaruan dalam hadis Aisyah (r.a), sebaliknya apa yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) ketika mengerjakan solat tahajjud sememangnya berbeza-beza. Adakalanya Aisyah (r.a) menceritakan bahawa baginda mengerjakan solat sunat sebelas rakaat, adakalanya menceritakan tiga belas rakaat, dan adakalanya pula menceritakan lima belas rakaat.

Oleh kerana sebahagian besar kebiasaan yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) adalah yang pertama, iaitu sebelas rakaat, maka Aisyah (r.a) mengatakan: "Dan tidak pula pada selainnya (selain Ramadhan)." Ini berdasarkan kebiasaan, bukannya sebagai ikatan. Pembahasan mengenai masalah ini cukup luas.

Antara keistimewaan yang dimiliki oleh Rasulullah (s.a.w) ialah tidur baginda tidak membatalkan wuduk kerana hati baginda tetap dalam keadaan sedar dan selalu hadir bersama Allah, yakni sentiasa ingat kepada-Nya.

Analisis Lafaz

"وَلاَ فِي غَيْرِهِ", dan tidak pula pada malam-malam yang selainnya, yakni malam pada bulan-bulan selain bulan Ramadan.

"إِحْدَى عَشْرَةَ رَكْعَةً", sebelas rakaat, lalu diperincikan pelaksanaannya oleh Aisyah (r.a) melalui perkataannya: "Baginda mengerjakan solat empat rakaat… hingga akhir hadis.

"فَلاَ تَسْأَلْ عَنْ حُسْنِهِنَّ وَطُولِهِنَّ", maka kamu tidak perlu lagi bertanya betapa sempurna dan panjang rakaat-rakaat tersebut. Ini kerana dilakukan dengan sempurna dan dalam waktu yang lama, maka tidak perlu ditanyakan lagi soal itu.

"أَتَنَامُ قَبْلَ أَنْ تُوتِرَ", baginda tidur sesudah mengerjakan solat lapan rakaat, kemudian bangun daripada tidur dan solat tiga rakaat (witir). Ini seakan Aisyah (r.a) masih berfahaman bahawa tidur membatalkan wuduk. Oleh itu beliau bertanya dan Nabi (s.a.w) menjawabnya.

"إِنَّ عَيْنَيَّ تَنَامَانِ وَلاَ يَنَامُ قَلْبِي", sesungguhnya kedua mataku tidur, tetapi hatiku tetap sedar. Hati Nabi (s.a.w) tidak pernah tidur. Ini kerana apabila hati sentiasa hidup, maka ia tidak dapat tidur, meskipun tubuhnya seakan sudah tidur. Ini tidak bercanggah dengan hadis yang menceritakan Nabi (s.a.w) tidur di sebuah lembah hingga waktu solat Subuh berlalu. Ini kerana melihat cahaya fajar adalah termasuk tugas mata, bukan tugas hati.

"وَفِي رِوَايَةٍ لَهُمَا", menurut hadis yang ada pada al-Bukhari dan Muslim.

"عَنْهَا", yang bersumber daripada Aisyah (r.a).

"كَانَ يُصَلِّي مِنْ اللَّيْلِ عَشْرَ رَكَعَاتٍ", baginda mengerjakan solat sunat pada waktu malam hari sebanyak sepuluh rakaat. Kalimat ini menunjukkan bahawa baginda mengerjakan solat tersebut secara langsung tanpa duduk untuk bertasyahhud lagi.

"فَتِلْكَ", solat Nabi (s.a.w) pada waktu malam hari dan usahanya mengerjakan dua rakaat sunat fajar sesudah fajar terbit.

"وَعَنْهَا", daripada Aisyah (r.a).

"يُوتِرُ مِنْ ذَلِكَ بِخَمْسٍ، لاَ يَجْلِسُ فِي شَيْءٍ إِلاَّ فِي آخِرِهَا", ini merupakan penjelasan mengenai salah satu cara witir yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w), sedangkan apa yang disebutkan di dalam hadis sebelumnya merupakan cara yang lain.

Fiqh Hadis

1. Menjelaskan jumlah bilangan rakaat solat sunat pada waktu malam hari.
2. Menjelaskan jumlah bilangan rakaat solat witir.
3. Makruh tidur sebelum mengerjakan solat witir.
4. Hati yang tidur membatalkan wuduk. Inilah pendapat Imam Malik dan berkata: "Tidur yang dilakukan oleh seseorang hingga tidak merasa lagi apa yang berlaku di hadapannya membatalkan wuduk. Rujuk pembahasan masalah ini pada pembahasan sebelumnya.
5. Disyariatkan melakukan dua rakaat sunat fajar (qabliyyah Subuh).
6. Antara keistimewaan yang dimiliki oleh para nabi ialah mata mereka tidur, tetapi hati mereka tidak tidur, tetap sedar.

٣٠٦- وَعَنْهَا قَالَتْ: مِنْ كُلِّ اللَّيْلِ قَدْ أَوْتَرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَانْتَهَى وِتْرُهُ إِلَى السَّحَرِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِمَا.

306. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Setiap malam Rasulullah (s.a.w) sentiasa mengerjakan solat witir dan solat witirnya itu berhenti sampai dengan waktu sahur." (Muttafaq alaih)

Makna Hadis

Waktu solat witir bermula sesudah mengerjakan solat Isyak hingga fajar terbit. Kesemua waktu ini menunjukkan waktu *ikhtiyari* (pilihan) bagi Nabi (s.a.w). Orang mukallaf boleh memilih waktu yang mana dia hendak mengerjakannya, sama ada pada permulaan malam hari, pertengahan ataupun akhir malam hari. Ulama bersepakat bahawa solat witir tidak sah kecuali sesudah mengerjakan solat Isyak.

Barang siapa yang tidak yakin pada dirinya untuk dapat bangun pada waktu tengah malam atau di akhirnya, maka dia boleh mengerjakan solat witir pada permulaan malam. Barang siapa yang mampu bangun pada waktu tengah malam atau di akhirnya, maka dia boleh mengakhirkannya, malah ini lebih diutamakan. Mengerjakan solat witir di penghujung malam lebih afdhal, kerana itulah yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) di samping ia merupakan waktu di mana doa dimakbulkan, sebab rahmat Allah diturunkan pada waktu sepertiga terakhir pada waktu malam itu.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهَا", daripada Aisyah (r.a), yakni sama sumbernya dengan hadis sebelumnya.

“مِنْ كُلِّ اللَّيْلِ”, pada setiap malam. Kalimat ini merupakan satu keterangan yang menunjukkan makna “boleh” dan waktu solat witir itu bermula setelah mengerjakan solat Isyak hingga fajar terbit.

“وَانْتَهَى وِتْرُهُ إِلَى السَّحَرِ”, maksudnya ialah akhir malam, sesaat sebelum fajar terbit. Inilah yang lebih afdhal bagi orang yang yakin bangun pada waktu tengah malam. Waktu ini dinamakan “sahur” kerana penglihatan pada waktu itu masih tidak terlampau terang.

Fiqh Hadis

1. Boleh mengerjakan solat witir pada mana-mana waktu malam hari asalkan setelah mengerjakan solat Isyak.
2. Apa yang paling afdhal dalam solat witir adalah dilakukan di akhir malam, yakni di penghujung waktu bagi orang yang meyakini mampu bangun pada waktu itu.
3. Solat pada waktu sahur amat digalakkan kerana ia merupakan waktu yang paling afdhal.

٣٠٧- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ لِيْ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَا عَبْدَ اللهِ، لاَ تَكُنْ مِثْلَ فُلاَنٍ، كَانَ يَقُومُ مِنْ اللَّيْلِ، فَتَرَكَ قِيَامَ اللَّيْلِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

307. Daripada Abdullah ibn Amr ibn al-Ash (r.a), beliau berkata: “Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda kepadaku: “*Wahai Abdullah, janganlah kamu seperti si fulan, pada mulanya dia biasa mengerjakan solat pada permulaan sebahagian waktu malam, kemudian dia meninggalkan terus solat malam setelah itu.*” (Muttafaq ‘alaih)

Makna Hadis

Antara Sunnah yang diajarkan oleh Nabi (s.a.w) adalah baginda selalunya meneliti hal ehwal yang dilakukan oleh sahabatnya. Baginda memuji orang yang berbuat baik dan membimbing orang yang berbuat jahat menuju kebaikan, menyedarkan orang yang berbuat zalim dan membantu orang yang ditimpa musibah.

Inilah Abdullah ibn ‘Amr. Dia biasa melakukan solat malam, kemudian dia malas dan kemudian tidak lagi mengerjakannya. Nabi (s.a.w) menegurnya dan mengatakan kepadanya dengan bahasa sindiran menerusi sabdanya: “Janganlah kamu seperti si fulan.” Nabi (s.a.w) sengaja tidak menyebutkan dirinya secara jelas, melainkan menggunakan nama samaran, dengan maksud agar Abdullah ibn Amr tidak berasa malu.

Barang siapa yang membiasakan suatu amal ibadah, maka makruh baginya meninggalkan ibadah tersebut melainkan disebabkan ada uzur yang menghalanginya. Jika tidak dapat mengerjakan amal ibadah yang biasa dia

kerjakan, maka tetap dicatatkan baginya pahala yang sama seperti ketika dia melakukan ibadah itu. Ini merupakan kurnia Allah.

Analisis Lafaz

"لاَ تَكُنْ مِثْلَ فُلاَنٍ", Nabi (s.a.w) sengaja tidak menyebut namanya dengan jelas dan juga tidak menamakannya dengan tujuan agar orang yang bersangkutan tidak malu.

"كَانَ يَقُومُ مِنْ اللَّيْلِ", sebahagian waktu malam harinya dia lakukan untuk mengerjakan solat malam.

Fiqh Hadis

1. Solat sunat malam tidak wajib, sebab Rasulullah (s.a.w) hanya sekadar menegur orang yang tidak mengerjakannya.
2. Disunatkan meneruskan amal kebaikan yang biasa dilakukan tanpa berlebihan dan orang yang meninggalkannya hendaklah ditegur.

٣٠٨- عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَوْتِرُوا يَا أَهْلَ الْقُرْآنَ، فَإِنَّ اللهَ وِتْرٌ يُحِبُّ الْوِتْرَ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

308. Daripada Ali (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Hendaklah kamu berwitir, wahai ahli al-Qur'an, kerana sesungguhnya Allah witir dan Dia menyukai witir.*" (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Orang mukmin adalah ahli al-Qur'an. Al-Qur'an diturunkan kepada Nabi (s.a.w) lalu mereka beriman kepadanya dan mengamalkan hukum-hakam yang ada di dalamnya. Tetapi yang berhak menyandang gelaran ini ialah mereka yang hafal al-Qur'an. Nabi (s.a.w) menganjurkan mereka supaya mengerjakan solat witir. Dalam hadis ini disebutkan lafaz al-Qur'an secara khusus dengan tujuan mereka kerap membacanya ketika mengerjakan solat witir itu.

Analisis Lafaz

"يَا أَهْلَ الْقُرْآنَ", maksudnya ialah orang mukmin. Nama mereka dikaitkan dengan al-Qur'an kerana mereka mempercayainya, mengamalkan apa yang diperintahkan dan menjauhi apa yang dilarang.

"فَإِنَّ اللهَ وِتْرٌ", sesungguhnya Allah itu Maha Esa di dalam zat-Nya maka Dia tidak terbahagi, Maha Esa dalam sifat-Nya maka tidak ada yang serupa dengan-Nya, Maha Esa pula di dalam perbuatan-Nya, maka tidak ada sekutu bagi-Nya dan tidak pula ada pembantu-Nya.

"يُحِبُّ الْوِتْرَ", menerimanya daripada orang yang mengerjakan dan memberi pahala sebagai ganjaran.

Fiqh Hadis

Solat witir adalah sunat mu'akkad, bukan fardu dan bukan pula wajib. Inilah menurut jumhur ulama, kecuali Imam Abu Hanifah.

٣٠٩- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "اجْعَلُوا آخِرَ صَلاَتِكُمْ بِاللَّيْلِ وِتْرًا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

309. Daripada Ibn Umar (r.a) daripada Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Akhiri solat kamu pada waktu malam hari dengan solat witir.*" (Muttafaq alaih)

Makna Hadis

Manusia itu ada dua jenis dalam kaitannya dengan solat witir. Sebahagian ada yang yakin dirinya mampu bangun di penghujung malam. Dia pun mengakhirkan solat witir kerana itu lebih afdhal, iaitu waktu di mana rahmat Allah turun dan doa dimakbulkan. Sebahagian yang lain ada yang tidak yakin dirinya mampu bangun di penghujung malam. Dia pun mendahulukan solat witir kerana itu lebih afdhal utama di samping itu sebagai langkah berhati-hati. Apa yang disebut dalam hadis ini ditujukan kepada golongan pertama. Mereka yakin mampu bangun di penghujung malam. Nabi (s.a.w) pernah mengerjakan solat witir pada setiap waktu malam hari, tetapi biasanya baginda mengerjakannya di penghujung waktu malam.

Analisis Lafaz

"اجْعَلُوا آخِرَ صَلاَتِكُمْ", maksudnya ialah solat sunat.

Fiqh Hadis

Disunatkan mengakhiri solat sunat malam dengan solat witir. Solat witir adalah solat sunat terakhir pada waktu malam hari.

٣١٠- عَنْ طَلْقِ بْنِ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "لاَ وِتْرَانِ فِي لَيْلَةٍ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالثَّلاَثَةُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

310. Daripada Thalq ibn Ali (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Tidak ada dua solat witir dalam satu malam.*" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Tsalatsah, dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Solat witir tidak boleh dilakukan secara berulang dalam satu malam; mengulanginya bererti membatalkan pengertian witir itu sendiri yang bermaksud ganjil, kerana keadaannya berubah menjadi *syafa'* (genap).

Barang siapa telah mengerjakan solat witir lalu dia hendak mengerjakan solat sunat semula, maka dia boleh mengerjakannya semula, tetapi jangan mengerjakan solat witir. Jika tetap ingin melakukannya, maka sebaiknya menggabungkan satu rakaat lain kepada witir yang pertama, lalu mengerjakan solat seberapa dia mahu dan dia boleh melakukan solat witir di penghujung solatnya. Ini boleh dilakukan selagi tidak dikhuatiri waktu Subuh segera tiba dan waktunya cukup panjang untuk mengerjakannya.

Analisis Lafaz

"لاَ وِتْرَانِ فِي لَيْلَةٍ", tidak boleh menggabungkan atau tidak boleh melakukan dua kali solat witir dalam satu malam. Kalimat *nafi* yang terdapat dalam kalimat ini bermakna *nahi* (larangan) sehingga makna yang dimaksudkan ialah: "Janganlah kamu melakukan solat witir dua kali dalam satu malam." Huruf "لا" berfungsi sama seperti fungsi "ليس", iaitu me-*rafa'*-kan isim dan me-*nasab*-kan khabar, sedangkan lafaz "وتران" adalah isim yang di-*rafa*-kan dengan huruf *alif* kerana merupakan *isim mutsanna*, dan yang dijadikan *muta'alliq* adalah *jar majrur* berkedudukan sebagai *khabar*.

Fiqh Hadis

Tidak boleh membatalkan solat witir sesudah mengerjakannya. Inilah pendapat kebanyakan ulama salaf dan ulama khalaf.

٣١١- عَنْ أُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُوتِرُ بِـ "سَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ ٱلأَعْلَى"، وَ "قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ"، و "قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ. وَزَادَ: وَلاَ يُسَلِّمُ إِلاَّ فِي آخِرِهِنَّ.

وَلأَبِي دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيِّ نَحْوُهُ عَنْ عَائِشَةَ وَفِيهِ: كُلَّ سُورَةٍ فِي رَكْعَةٍ، وَفِي ٱلأَخِيرَةِ: "قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ" وَالْمُعَوِّذَتَيْنِ.

311. Daripada Ubay ibn Ka'ab (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) sering kali melakukan solat witir dengan membaca "سَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ ٱلأَعْلَى" (Surah al-A'la), " قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ" (Surah al-Kafirun), dan "قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ" (Surah al-Ikhlash)." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Nasa'i) Di dalam riwayat al-Nasa'i ditambahkan: "Dan baginda tidak melakukan salam melainkan hanya di akhir witirnya."

Menurut riwayat Abu Dawud dan al-Tirmizi daripada Aisyah (r.a) disebutkan hadis yang serupa dengannya. Di dalam riwayat ini disebutkan bahawa setiap surah dibaca pada setiap rakaat, dan di akhir rakaat baginda membaca "قُلْ هُوَ اللهُ أَحَدٌ" dan Surah al-Mu'awwidzatain."

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) melakukan solat witir dengan cara yang berlainan antara satu sama lain. Adakalanya baginda mengerjakannya sebanyak tiga rakaat tanpa salam kecuali pada rakaat terakhir dan adakalanya sebanyak tiga rakaat yang pada rakaat kedua mengucapkan salam pertama, kemudian satu rakaat lagi dan kemudian salam. Semua itu dilakukan melalui perbuatan Nabi (s.a.w). Apapun, apa yang paling banyak baginda lakukan ialah melakukan salam sesudah dua rakaat, kemudian melakukan rakaat yang ketiga dengan mengucapkan salam yang lain.

Dari pembahasan ini dapat disimpulkan bahawa solat witir boleh dilakukan secara sekali gus dan boleh pula secara terpisah dengan melakukan salam pada rakaat yang kedua. Tetapi riwayat yang mengatakan solat witir boleh dikerjakan secara terpisah lebih kuat daripada riwayat yang mengatakan boleh dikerjakan secara sekali gus.

Analisis Lafaz

"يُوتِرُ بِـ سَبِّحِ اِسْمَ رَبِّكَ ٱلأَعْلَى", melakukan solat witir di mana pada rakaat pertama sesudah membaca Surah al-Fatihah dibaca Surah al-A'la, pada rakaat kedua dibaca Surah al-Kafirun, sedangkan pada rakaat ketiga dibaca Surah al-Ikhlas.

"نَحْوُهُ", serupa dengan hadis Ubay ibnu Ka'ab (r.a) yang di dalamnya terdapat huraian mengenai surah yang dibaca pada setiap rakaat solat witir.

"كُلَّ سُورَةٍ فِي رَكْعَةٍ", pada rakaat pertama dibaca Surah al-A'la, pada rakaat kedua dibaca Surah al-Kafirun, sedangkan pada rakaat ketiga dibaca Surah al-Ikhlas dan Surah al-Falaq serta Surah al-Nas.

Fiqh Hadis

1. Salah satu cara solat witir yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) adalah tiga rakaat dengan satu kali salam.
2. Disunatkan membaca surah-surah tersebut dalam rakaat solat witir. Mazhab Maliki, mazhab al-Syaff'i, mazhab Hanbali dan mazhab Hanafi mengatakan bahawa disunatkan membaca Surah al-A'la, Surah al-Kafirun dan Surat al-Ikhlas sahaja, selain itu tidak.

Periwayat Hadis

Ubay ibn Ka'ab ibn Qais ibn Abdullah ibn Yazid ibn Mu'awiyyah ibn 'Amr ibn Malik ibn al-Najjar al-Anshari al-Khazraji. Nama panggilannya Abu Mundzir al-Madani, pemimpin ahli qurra', juru tulis wahyu dan menyertai perang Badar serta peperangan yang lain. Beliau telah meriwayatkan 164 hadis. Ibn Abbas, Anas, Sahl ibn Sa'ad, Suwaid ibn Alqamah, Masruq dan sejumlah ulama yang lain telah mengambil riwayat daripadanya. Beliau termasuk salah seorang yang menghimpun al-Qur'an. Sebahagian ulama mengatakan bahawa Ubay ibn Ka'ab meninggal

dunia pada era pemerintahan Khalifah Utsman (r.a) yang turut menyembahyangkan jenazahnya.

٣١٢- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أَوْتِرُوا قَبْلَ أَنْ تُصْبِحُوا". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

وَلِابْنِ حِبَّانَ: "مَنْ أَدْرَكَ الصُّبْحَ وَلَمْ يُوتِرْ فَلاَ وِتْرَ لَهُ".

312. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Hendaklah kamu mengerjakan solat witir sebelum waktu Subuh.*" (Diriwayatkan oleh Muslim) :

Menurut riwayat yang diketengahkan oleh Ibnu Hibban disebutkan: "*Sesiapa yang mendapati solat sedangkan dia belum lagi sempat mengerjakan solat witir, maka orang itu dianggap tidak mengerjakan solat witir.*"

٣١٣- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ نَامَ عَنْ الْوِتْرِ أَوْ نَسِيَهُ فَلْيُصَلِّ إِذَا أَصْبَحَ أَوْ ذَكَرَ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ النَّسَائِيَّ .

313. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang meninggalkan solat witir kerana tertidur atau lupa, maka hendaklah dia mengerjakannya pada waktu subuh atau sebaik dia mengingatinya.*" (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, kecuali al-Nasa'i)

Makna Hadis

Dalam pembahasan terdahulu telah disebutkan waktu solat witir, iaitu bermula sesudah mengerjakan solat Isyak sampai dengan terbitnya fajar. Adapun solat witir yang terlepas, maka dalam hal ini ada beberapa keadaan. Adakalanya seseorang meninggalkannya dengan sengaja, maka orang ini telah menyia-nyiakan sunat yang mulia dan pahala yang berlimpah yang tidak lagi bakal dapat diraih olehnya. Inilah yang diisyaratkan oleh hadis yang mengatakan: "*Barang siapa yang menjumpai waktu subuh, sedangkan dia belum mengerjakan solat witir, maka tidak ada witir baginya.*"

Adakalanya seseorang tertidur atau lupa hingga solat witir terlepas. Inilah hukum di mana seseorang itu digalakkan mengerjakannya sebaik bangun daripada tidur atau ingat bahawa dia belum mengerjakan solat witir. Dia tetap mendapat pahala yang sama dengan pahala orang yang mengerjakannya pada waktunya. Sudah memadai uzur baginya kerana tertidur atau lupa. Dia sama dengan orang yang meninggalkan solat fardu kerana tertidur atau lupa. Inilah yang diisyaratkan oleh hadis: "*Barang siapa yang meninggalkan solat witir kerana tertidur atau lupa, maka hendaklah dia mengerjakannya pada waktu subuh atau sebaik dia ingat.*"

Analisis Lafaz

"فَلاَ وِتْرَ لَهُ", terlepas sunat mengerjakan solat witir pada waktunya.

"وَعَنْهُ", dan daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), yakni sama sumbernya dengan hadis sebelumnya.

"مَنْ نَامَ عَنْ الْوِتْرِ", barang siapa yang meninggalkan solat witir kerana tertidur hingga pagi hari.

"أَصْبَحَ", fajar telah terbit dan dia baru terbangun dari tidurnya.

"أَوْ ذَكَرَ", atau dia mengingatinya sesudah lupa.

Fiqh Hadis

1. Waktu akhir solat witir ialah sebelum subuh.
2. Orang yang meninggalkan solat witir dengan sengaja disyariatkan supaya mengqadha'nya.
3. Wajib mengerjakan solat witir jika berlandaskan kepada makna zahir hadis: "فليصلِ".
4. Orang yang meninggalkan solat witir kerana tertidur atau lupa disyariatkan mengqadha'nya.

٣١٤- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ خَافَ أَنْ لاَ يَقُومَ مِنْ آخِرِ اَللَّيْلِ فَلْيُوتِرْ أَوَّلَهُ، وَمَنْ طَمِعَ أَنْ يَقُومَ آخِرَهُ فَلْيُوتِرْ آخِرَ اللَّيْلِ، فَإِنَّ صَلاَةَ آخِرِ اللَّيْلِ مَشْهُودَةٌ، وَذَلِكَ أَفْضَلُ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

314. Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang merasa khuatir tidak dapat bangun di akhir malam, maka hendaklah dia mengerjakan solat witir di permulaannya. Barang siapa yang yakin bangun di akhir malam, maka hendaklah dia mengerjakan solat witir di akhir malam, kerana sesungguhnya solat (witir) di akhir malam itu disaksikan (oleh para malaikat) dan itulah yang lebih afdhal.*" (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Bagi orang yang mengerjakan solat witir ada dua keadaan; keadaan *hazm* dan keadaan *'azm*. Barang siapa yang tidak yakin dirinya bakal bangun di akhir malam, maka hendaklah dia berpegang dengan keadaan pertama, iaitu mengerjakan solat witir di permulaan malam supaya waktunya tidak terlepas. Barang siapa yang yakin dirinya mampu bangun di akhir malam, maka hendaklah dia bertekad untuk meraih pahala yang lebih utama, iaitu mengakhirkan solat witir di penghujung malam, sebab melakukan solat di penghujung malam disaksikan oleh para malaikat yang bertugas pada waktu malam dan para malaikat siang hari (malaikat yang menggantikan malaikat yang bertugas pada waktu malam). Waktu tersebut merupakan waktu turunnya rahmat Allah. Pada waktu inilah Rasulullah (s.a.w) selalunya mengerjakan solat witir.

Sungguhpun begitu, Nabi (s.a.w) pernah mengerjakannya pada permulaan malam hari dan pada pertengahannya. Apa yang baginda lakukan pada hakikatnya menjelaskan bahawa itu dibolehkan sekali gus menunjukkan waktu solat witir itu luas.

Analisis Lafaz

"مَشْهُودَةٌ", disaksikan oleh malaikat yang bertugas pada waktu malam dan malaikat yang bertugas pada waktu siang.

Fiqh Hadis

1. Keutamaan mengakhirkan solat witir hingga sampai akhir malam bagi orang yang yakin dirinya mampu bangun tidur tepat pada waktunya.
2. Keutamaan mendahulukan solat witir bagi orang yang merasa khuatir tidak dapat bangun di akhir malam.
3. Solat di akhir malam merupakan amalan yang digalakkan kerana ia jatuh pada waktu malam yang paling afdhal di samping disaksikan oleh malaikat.

٣١٥- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا طَلَعَ الْفَجْرُ فَقَدْ ذَهَبَ كُلُّ صَلاَةِ اللَّيْلِ وَالْوَتْرِ، فَأَوْتِرُوا قَبْلَ طُلُوعِ الْفَجْرِ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ.

315. Daripada Ibn Umar (r.a) daripada Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Jika fajar telah terbit, maka habislah waktu bagi semua solat malam hari dan solat witir. Oleh itu, kerjakanlah solat witir sebelum fajar terbit.*" (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi)

Makna Hadis

Pada waktu malam terdapat bebeapa solat sunat yang disyariatkan, di antaranya yang paling afdhal ialah solat witir. Waktu solat witir habis sebaik waktu malam berakhir. Barang siapa yang meninggalkannya kerana tertidur atau lupa, maka hendaklah dia mengerjakannya sebaik bangun daripada tidur atau ingat seperti mana yang telah dihuraikan sebelum ini. Dalam satu hadis dinyatakan:

أَنَّهُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا لَمْ يُصَلِّ مِنَ اللَّيْلِ صَلَّى مِنَ النَّهَارِ اثْنَتَيْ عَشْرَةَ رَكْعَةً.

"*Nabi (s.a.w) apabila tidak mengerjakan solat pada waktu malam, baginda mengerjakan solat pada waktu siang hari sebanyak dua belas rakaat.*" (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan berkata: "Hadis ini sahih dan hasan.") Ini dilakukan bagi mengqadha' solat sunat yang tidak sempat dikerjakan pada waktu malam.

Analisis Lafaz

"كُلُّ صَلاَةِ اللَّيْلِ", solat sunat yang disyariatkan pada waktu malam hari.

"وَالْوَتْرِ", *'athaf khash* kepada *'am* bagi menjelaskan keutamaannya sekali gus menegaskan solat witir termasuk solat malam.

"فَأَوْتِرُوا قَبْلَ طُلُوعِ الْفَجْرِ", maka kerjakanlah oleh kamu solat witir sebelum fajar terbit. Perintah ini khusus ditujukan kepada solat witir bagi menjelaskan keutamaannya sekali gus galakan yang ia mesti sentiasa dikerjakan.

Fiqh Hadis

1. Solat witir merupakan solat sunat malam yang paling penting.
2. Waktu solat witir habis dengan berakhirnya waktu malam dan terbitnya fajar.

٣١٦ـ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي الضُّحَى أَرْبَعًا، وَيَزِيدُ مَا شَاءَ اللهُ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

وَلَهُ عَنْهَا: أَنَّهَا سُئِلَتْ: هَلْ كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي الضُّحَى؟ قَالَتْ: لاَ، إِلاَّ أَنْ يَجِيءَ مِنْ مَغِيبِهِ.

وَلَهُ عَنْهَا: مَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي قَطُّ سُبْحَةَ الضُّحَى، وَإِنِّي لَأُسَبِّحُهَا.

316. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat dhuha empat rakaat atau lebih daripada itu menurut apa yang dikehendaki oleh Allah." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Muslim turut mengetengahkan hadis lain yang juga daripada Aisyah (r.a): "Aisyah (r.a) pernah ditanya: "Apakah Rasulullah (s.a.w) sering melakukan solat dhuha." Aisyah (r.a) menjawab: "Tidak, kecuali apabila baru datang daripada perjalanannya."

Muslim telah meriwayatkan pula hadis berikut daripada Aisyah (r.a): "Aku sama sekali belum pernah melihat Rasulullah (s.a.w) melakukan solat dhuha, tetapi aku benar-benar mengerjakannya."

Makna Hadis

Antara keistimewaan agama Islam ialah menjadikan setiap waktu memiliki tugas ibadah tersendiri, sama ada ibadah wajib mahupun ibadah sunat supaya jiwa seseorang tidak terlampau jenuh lantaran hanya melakukan satu jenis ibadah ini tertentu. Ini merupakan satu rahmat terhadap hamba Allah.

Waktu solat dhuha bermula apabila matahari agak tinggi dan semua ternakan dilepaskan di kawasan gembala. Ringkasnya, waktu solat dhuha apabila matahari nampak kelihatan setinggi satu tombak dari ufuk timur. Syariat telah mensunatkan solat dhuha dan bilangan rakaatnya sekurang-kurangnya dua rakaat. Ini berlandaskan kepada sabda dan perbuatan Nabi (s.a.w). Apa yang disebut dalam hadis Aisyah (r.a) yang isinya mengingkari syariat solat dhuha, maka itu dapat disanggah dengan alasan-alasan berikut:

1. Apa yang dikatakan oleh Aisyah bahawa beliau tidak pernah melihat Nabi (s.a.w) melakukan solat dhuha, maka itu tidak bererti Nabi (s.a.w) sama sekali tidak pernah mengerjakan solat dhuha.
2. Dalam salah satu hadis, Aisyah (r.a) menafikan (meniadakan) pelaksanaan solat dhuha, tetapi dalam hadis yang lain beliau menetapkannya. Dalam kaitan ini, hadis yang menetapkan mestilah diutamakan ke atas hadis yang meniadakan.

3. Aisyah (r.a) sendiri pernah mengerjakan solat dhuha kerana berlandaskan kepada hadis yang telah diterimanya bahawa solat dhuha disyariatkan dan Nabi (s.a.w) telah menganjurkannya. Ini dengan tegas menyanggah perkataannya yang mengatakan bahawa beliau tidak pernah melihat baginda melakukannya.
4. Apa yang dimaksudkan oleh Aisyah (r.a) bahawa beliau tidak pernah melihat Nabi (s.a.w) melakukannya bermaksud baginda tidak mengerjakannya secara berterusan. Rasulullah (s.a.w) memang pernah mengerjakannya, namun tidak berterusan. Ini tidak bererti meniadakan bukti yang menyatakan bahawa solat dhuha disyariatkan.
5. Hadis Aisyah (r.a) yang menetapkan solat dhuha disyariatkan telah pun diketengahkan oleh al-Syaikhain (al-Bukhari dan Muslim). Jadi, hadis ini mesti diutamakan berbanding hadis yang menafikannya yang hanya diriwayatkan oleh Muslim seorang diri. Dengan demikian, ketiga-tiga hadis di atas yang seakan bercanggah dapat dihimpunkan.

Hikmah solat dhuha ialah untuk menyatakan rasa syukur tubuh di atas nikmat sohat yang dianugerahkan oleh Allah (s.w.t). Ini berlandaskan hadis lain yang mengatakan:

يُصْبِحُ عَلَى كُلِّ سُلاَمَى مِنَ النَّاسِ صَدَقَةٌ.

"*Setiap pergelangan tubuh manusia pada waktu pagi harinya dibebani untuk bersedekah.*"

Kemudian Nabi (s.a.w) bersabda:

وَيَقُوْمُ مَقَامَ ذَلِكَ رَكْعَتَانِ يَرْكَعُهُمَا مِنَ الضُّحَى.

"*Itu dapat diganti dengan mengerjakan dua rakaat yang dilakukan oleh seseorang pada waktu dhuha.*"

Antara faedah solat dhuha adalah menghapuskan dosa kecil seperti mana yang dijelaskan dalam hadis lain yang mengatakan:

مَنْ حَافَظَ عَلَى شَفْعَةِ الضُّحَى غُفِرَتْ ذُنُوْبُهُ وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ.

"*Barang siapa yang sentiasa mengerjakan dua rakaat solat sunat dhuha, maka diampuni dosa-dosanya sekalipun sebanyak buih di lautan.*"

Sanad hadis ini memang dha'if, tetapi dapat dijadikan dalil untuk memperkukuh *fadha'il al-a'maal* (keutamaan beramal).

Antara dalil yang menunjukkan keutamaan solat dhuha ini adalah wasiat Nabi (s.a.w) yang ditujukan kepada Abu Hurairah (r.a). Di dalamnya disebutkan bahawa Abu Hurairah tidak dibolehkan sama sekali meninggalkan dua rakaat solat dhuha. Hadis ini disebut di dalam kitab al-Shahihain (Shahih al-Bukhari dan Shahih Muslim).

Analisis Lafaz

"الضُّحَى", menurut makna asalnya adalah matahari mula naik tinggi pada permulaan siang. Waktu solat dhuha bermula sejak matahari naik tinggi dalam jarak kira-kira

satu tombak sampai dengan tergelincirnya matahari dari pertengahan langit. Kemudian nama dhuha ini dijadikan sebagai istilah untuk nama waktu.

"وَيَزِيدُ مَا شَاءَ", maksudnya adakalanya baginda menambahkan solat dhuha lebih daripada dua rakaat mengikutnya kesukaannya, adakalanya enam rakaat atau lapan rakaat atau lebih banyak daripada itu hingga dua belas rakaat. Apapun, apa yang lebih afdhal adalah lapan rakaat memandangkan itu berlandaskan kepada hadis yang sahih.

"وَلَهُ", dan bagi Muslim.

"عَنْهَا", daripada Aisyah (r.a).

"مِنْ مَغِيبِهِ", dari perjalanannya, yakni sepulang baginda dari perjalanan.

"مَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي قَطُّ سُبْحَةَ الضُّحَى", maksudnya, Rasulullah (s.a.w) tidak mengerjakannya secara berterusan pada masa dahulu. Tetapi tafsiran Aisyah ini tidak bererti solat dhuha tidak disyariatkan. Malah telah disebutkan hadis yang menetapkan ia disyariatkan, sedangkan hadis yang menetapkan itu mesti didahulukan ke atas hadis yang meniadakan memandangkan Nabi (s.a.w) pernah menganjurkan kepadanya supaya mengerjakan solat dhuha. Hadis menurut riwayat Muslim lengkapnya adalah seperti berikut:

وَإِنْ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيَدَعُ الْعَمَلَ وَهُوَ يُحِبُّ أَنْ يَعْمَلَ بِهِ خَشْيَةَ أَنْ يَعْمَلَ بِهِ النَّاسُ فَيُفْرَضَ عَلَيْهِمْ.

"*Ada ketikanya Rasulullah (s.a.w) meninggalkan suatu amalan, sedangkan baginda gemar mengamalkannya kerana merasa khuatir apabila amalan tersebut diamalkan oleh umat Islam hingga akhirnya difardukan ke atas mereka.*"

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan mengerjakan solat dhuha dan menjelaskan bilangan rakaatnya.
2. Menambahkan solat dhuha menjadi empat rakaat dan jumlah bilangan rakaatnya tidak terbatas.
3. Disunatkan mengerjakan solat dhuha apabila baru tiba dari suatu perjalanan.
4. Menjelaskan sejauh mana kasih sayang Rasulullah (s.a.w) kepada umatnya.
5. Menghimpun semua pengertian yang terdapat di dalam hadis Aisyah sama ada yang menafikan dan yang mengukuhkan solat dhuha. Rasulullah (s.a.w) sering kali mengerjakan solat dhuha pada sebahagian waktunya kerana ia memiliki keutamaan dan adakalanya baginda meninggalkannya kerana khuatir itu kelak dianggap fardu oleh umatnya.
6. Aisyah (r.a) rajin mengerjakan solat dhuha dan ini menunjukkan solat dhuha sememangnya disunatkan. Apa yang dilakukannya itu tidak lain bersumber daripada Nabi (s.a.w) yang intinya menganjurkan supaya solat dhuha dilaksanakan di samping diperkuatkan lagi dengan amal perbuatan Nabi (s.a.w) sendiri.

٣١٧- عَنْ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمَ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "صَلَاةُ ٱلْأَوَّابِينَ حِينَ تَرْمَضُ الْفِصَالُ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ.

317. Daripada Zaid ibn Arqam (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Solat orang al-Awwabin adalah ketika anak unta mulai merasa kepanasan.*" (Diriwayatkan oleh al-Timidzi)

Makna Hadis

Solat *al-Awwabin* disunatkan oleh Rasulullah (s.a.w) yang waktunya ialah sesudah tengah hari, iaitu pada waktu itu di mana seluruh pintu langit dibuka dan Allah menurunkan rahmat-Nya kepada segenap makhluk-Nya. Dengan demikian, seseorang yang mengerjakan solat ketika itu dicucuri rahmat Allah dalam waktu yang dipenuhi dengan keredhaan-Nya. Dia kembali bertaubat kepada Allah dari semua dosa dengan penuh penyesalan di atas segala kesalahan yang telah dilakukannya.

Akan tetapi, hadis ini tidak menyebutkan berapa bilangan rakaat solat al-Awwabin ini, meskipun dalam hadis yang lain disebutkan bahawa bilangan rakaatnya ada empat.

Analisis Lafaz

"أَلْأَوَّابِينَ", bentuk jamak lafaz "أواب" yang ertinya orang yang taat kepada Allah dengan meninggalkan semua perbuatan dosa dan mengerjakan semua amal kebaikan.

"تَرْمَضُ", merasa panas kerana padang pasir menjadi seakan-akan bara api akibat teriknya sinar matahari di tengah hari. Maksudnya adalah ketika telapak kaki anak unta merasa kepanasan kerana panasnya pasir, lalu mereka istirehat seraya mendekam.

"الْفِصَالُ", bentuk jamak lafaz "فصيل" yang ertinya anak unta yang telah berpisah menyusu dari induknya.

Fiqh Hadis

Menjelaskan waktu solat *al-Awwabin*.

٣١٨- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ صَلَّى الضُّحَى اثْنَتَيْ عَشْرَةَ رَكْعَةً بَنَى اللهُ لَهُ قَصْرًا فِي الْجَنَّةِ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَاسْتَغْرَبَهُ.

318. Daripada Anas ibn Malik (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Barang siapa yang solat dhuha sebanyak dua belas rakaat, maka Allah membangunkan sebuah istana di dalam syurga untuknya.*" (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi yang menilainya gharib)

٣١٩- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: دَخَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْتِي، فَصَلَّى الضُّحَى ثَمَانِيَ رَكَعَاتٍ. رَوَاهُ ابْنُ حِبَّانَ فِي "صَحِيحِهِ".

319. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: “Rasulullah (s.a.w) masuk ke dalam rumahku lalu baginda mengerjakan solat dhuha sebanyak lapan rakaat.” (Diriwayatkan oleh Ibn Hibban di dalam kitabnya *al-Shahih*)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) menjelaskan bahawa Allah akan membangunkan satu istana di dalam syurga bagi orang yang sentiasa mengamalkan solat dhuha. Inilah satu penghormatan dan kurnia Allah. Kebanyakan ulama Mazhab al-Syafi'i menyatakan bahawa sebanyak-banyak bilangan rakaat solat dhuha ialah lapan rakaat, dan sebahagian mereka mengatakan pula bahawa yang paling afdhal adalah lapan rakaat kerana inilah yang paling kerap dilakukan oleh Nabi (s.a.w) menurut keterangan hadis yang sahih.

Analisis Lafaz

“وَاسْتَغْرَبَهُ”, al-Tirmizi menilainya gharib, kerana sanad hadis ini dha'if.

“بَيْتِي”, maksudnya ialah rumah Aisyah (r.a).

Fiqh Hadis

Disyariatkan mengerjakan solat dhuha di samping menjelaskan bilangan rakaat dan hikmah yang terdapat di dalam perbezaan jumlah rakaatnya iaitu bertujuan memberi kemudahan kepada umat Islam. Setiap orang Islam hendaklah mengerjakannya sesuai dengan kemampuan yang ada pada dirinya dan mereka yang mampu hendaklah bersaing dengan yang lain dalam melakukan amal kebaikan.

Al-Tabarani meriwayatkan satu hadis daripada Abu al-Darda secara *marfu'*:

مَنْ صَلَّى الضُّحَى رَكْعَتَيْنِ لَمْ يُكْتَبْ مِنَ الْغَافِلِيْنَ، وَمَنْ صَلَّى أَرْبَعًا كُتِبَ مِنَ الْعَابِدِيْنَ، وَمَنْ صَلَّى سِتًّا كُفِيَ ذَلِكَ الْيَوْمُ، وَمَنْ صَلَّى ثَمَانِيًا كَتَبَهُ اللهُ مِنَ الْقَانِتِيْنَ، وَمَن صَلَّى اثْنَتَيْ عَشَرَ رَكْعَةً بَنَى اللهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ؛ وَمَا مِنْ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ إِلاَّ لِلهِ مَنٌّ يَمُنُّ اللهُ بِهِ عَلَى عِبَادِهِ وَصَدَقَةٌ، وَمَا مَنَّ اللهُ عَلَى أَحَدٍ مِنْ عِبَادِهِ أَفْضَلَ مِنْ أَنْ يُلْهِمَهُ ذِكْرَهُ.

“Barang siapa yang mengerjakan solat dhuha sebanyak dua rakaat, maka dia tidak dimasukkan ke dalam golongan orang yang lalai. Barang siapa yang mengerjakan solat dhuha sebanyak empat rakaat, maka dia dimasukkan ke dalam golongan orang yang ahli ibadah. Barang siapa yang mengerjakannya sebanyak enam rakaat, maka pada hari itu dia diberi kecukupan. Barang siapa yang mengerjakannya sebanyak lapan rakaat, maka dia dimasukkan Allah ke dalam golongan orang yang khusyuk (taat). Barang siapa yang mengerjakannya sebanyak dua belas rakaat, Allah membangunkan baginya sebuah istana di dalam syurga. Tiada suatu siang dan malam pun melainkan Allah mempunyai anugerah yang Dia berikan kepada hamba-hamba-Nya dan juga sedekah. Dan tiada suatu anugerah pun yang

diberikan Allah kepada salah seorang di antara hamba-hamba-Nya lebih baik selain daripada diberi ilham untuk berzikir kepada-Nya:

Kesimpulan

Hadis-hadis yang dihimpun dalam bab ini menunjukkan kepada kesimpulan berikut:

1. Seorang pemimpin hendaklah sentiasa memperhatikan urusan orang yang dipimpinnya.
2. Seseorang dibolehkan meminta kedudukan yang tinggi dalam urusan agama, bermakmum kepada orang yang tidak berniat menjadi imam, menjadikan harta yang bernilai tinggi sebagai perumpamaan bagi memudahkan kefahaman dan melakukan solat witir di sebarang waktu pada malam hari.
3. Anjuran melawan hawa nafsu dan mengalahkannya dengan memperbanyak berbuat amal ibadah.
4. Sebahagian umat manusia (kelak di akhirat) ada yang duduk bersama para nabi di dalam syurga.
5. Ibadah solat mempunyai keutamaan berbanding dengan ibadah yang lain.
6. Disunatkan melakukan sebahagian besar solat sunat di dalam rumah, disunatkan mengerjakan solat sunat malam, disunatkan meneruskan amal kebaikan namun tidak boleh berlebihan dan disunatkan solat dhuha apabila baru tiba dari perjalanan. Nabi (s.a.w) sentiasa mengerjakan solat sunat qabliyyah Zohor dan Asar.
7. Ummahat al-Mu'minin dan para sahabat rajin meniru segala amal perbuatan yang pernah dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w) dan rajin mengerjakan solat sunat rawatib.
8. Menjelaskan bilangan rakaat sunat rawatib, waktu fajar, solat witir dan cara-caranya, bilangan rakaat solat witir, waktu solat al-Awwabin, bilangan maksimum rakaat solat dhuha dan waktu yang paling utama.
9. Disyariatkan mengerjakan solat dua rakaat sesudah tenggelamnya matahari sebelum mengerjakan solat Maghrib. Disyariatkan berbaring pada lambung sebelah kanan bagi orang yang mengerjakan solat sunat malam. Disyariatkan pula mengerjakan solat witir dua rakaat sunat Subuh, mengqadha' solat witir bagi orang yang tertidur atau orang yang lupa, dan solat dhuha.
10. Makruh mengerjakan solat sunat sesudah fajar terbit (sesudah Subuh) daan demikian pula tidur sebelum mengerjakan solat witir.
11. Dianjurkan melakukan solat sebanyak empat rakaat sebelum melakukan solat.
12. Disunatkan meringankan dua rakaat qabliyah Subuh dan witir.
13. Ketentuan melakukan rakaat genap sebelum mengerjakan solat witir.
14. Mata para nabi tidur, tetapi hati mereka tidak tidur.
15. Solat sunat malam merupakan solat sunat yang paling afdhal (paling diutamakan).

16. Keutamaan solat witir di akhir malam bagi orang yang yakin dirinya mampu bangun tepat pada waktunya dan keutamaan salam pada setiap dua rakaat solat sunat malam.

Soalan

1. Apakah takrif *al-thathawwu*?
2. Siapakah nama sahabat yang berharap agar dirinya dapat menjadi teman Rasulullah (s.a.w) di dalam syurga?
3. Apakah yang dimaksudkan dengan makna sujud dalam hadis: " فأعني على نفسلك بكثرة السجود"?
4. Mengapa sujud disebutkan dalam hadis tersebut secara khusus?
5. Terangkan tentang ahli shuffah! Siapakah mereka itu?
6. Apakah hikmah yang terdapat di dalam solat sunat qabliyyah dan ba'diyyah?
7. Jelaskan cara mengerjakan solat *raghibah al-fajr*, bilangan rakaatnya, hukumnya dan apakah dalil yang menafikan kewajipannya!
8. Apakah hikmah yang terdapat di sebalik perhatian Rasulullah (s.a.w) yang sangat besar terhadap solat *raghibah al-fajr* dan sunat qabliyyah Zohor?
9. Bagaimanakah keadaan Nabi (s.a.w) dalam mengerjakan solat sunat qabliyyah Zohor?
10. Jelaskan hikmah yang terdapat di dalam pensyariatan solat-solat sunat!
11. Jelaskan keutamaan sunat-sunat rawatib!
12. Terangkan sabda Nabi (s.a.w): "حرمه الله علي النار"!
13. Jelaskan keutamaan solat sunat qabliyyah Asar!
14. Apakah solat Maghrib mempunyai sunat qabliyyah, apakah dalilnya dan apakah solat ini sunat mu'akkad?
15. Apakah hikmah yang terdapat dalam meringankan sunat qabliyyah Subuh dan apakah surah yang sunat dibaca ketika mengerjakannya?
16. Bagaimanakah hukum berbaring sesudah menunaikan *raghibah al-fajr*? Sebutkan hikmahnya serta perbezaan pendapat ulama mengenai masalah ini!
17. Jelaskan cara mengerjakan solat sunat pada waktu malam hari dan siang hari!
18. Apakah hikmah yang terdapat di dalam pelaksanaan solat sunat malam dua rakaat dua rakaat?
19. Apakah solat yang paling utama sesudah solat fardu? Sebutkan beberapa keutamaannya!
20. Apakah solat witir itu dan bagaimana hukumnya? Sebutkan perbezaan pendapat ulama mengenainya!
21. Sebutkan waktu solat witir! Berapakah bilangan rakaatnya?
22. Jelaskan makna sabda Rasulullah (s.a.w): "الوتر حق"!
23. Apakah yang mesti dilakukan oleh seorang pemimpin apabila dia melakukan tindakan-tindakan yang tidak sukar difahami oleh pengikutnya?
24. Apakah maksud "حمر النعم" dan mengapa ia disebut secara khusus?
25. Ada berapakah makna lafaz "حق" dan apakah makna yang dimaksudkan dalam hadis ini?

26. Apakah makna yang dimaksudkan sabda Rasulullah (s.a.w): “فليس منا”?
27. Jelaskan solat witir Nabi (s.a.w) dan apakah hikmah yang terdapat di dalam pengurangan bilangan rakaat dan lebihan bilangannya!
28. Sebutkan riwayat yang paling kuat dalam dua riwayat mengenai *al-fasl* dan *al-wasl* dalam witir!
29. Jelaskan kisah Nabi (s.a.w) tertidur di suatu lembah!
30. Apakah maksud *al-sahar* itu?
31. Apakah hukum solatul lail?
32. Apakah yang mesti dilakukan oleh seseorang yang berhenti mengerjakan ibadah sunat yang biasa dia kerjakan sebelum ini?
33. Siapakah yang dimaksudkan dengan ahli al-Qura’an?
34. Mengapa al-Qur’an disebut secara khusus dalam hadis ini?
35. Jelaskan keadaan manusia apabila dikaitkan dengan solat witir!
36. Apakah kebiasaan yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) dalam solat witir?
37. Jelaskan keadaan-keadaan meninggalkan solat witir! Bagaimanakah hukum masing-masing keadaan itu?
38. Ceritakan Sunnah Rasulullah (s.a.w) ketika mengerjakan solat witir secara umum!
39. Apakah solat dhuha itu, bagaimana hukum, hikmah, bilangan rakaatnya yang paling minimum dan yang paling maksimum, serta apakah hikmah yang terdapat di dalam perbezaan bilangan rakaatnya?
40. Bagaimanakah cara menjawab percanggahan yang terdapat di dalam hadis mengenai solat dhuha, di mana sebahagian ada yang meniadakan dan sebahagian yang lain ada pula yang mengukuhkannya?

BAB SOLAT BERJAMAAH DAN IMAM SOLAT

٣٢٠- عَنْ عَبْدِ اللهُ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "صَلاَةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلاَةِ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلَهُمَا عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ: "بِخَمْسٍ وَعِشْرِينَ جُزْءًا". وَكَذَا لِلْبُخَارِيِّ: عَنْ أَبِي سَعِيدٍ، وَقَالَ: "دَرَجَةً".

320. Daripada Abdullah ibn Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: “*Solat berjamaah lebih utama daripada solat seorang diri dengan perbezaan dua puluh tujuh darjat (pahala).*” (Muttafaq alaih)

Al-Bukhari dan Muslim dalam riwayat yang lain daripada Abu Hurairah (r.a) menyebutkan dua puluh lima bahagian. Al- Bukhari dalam riwayat yang lain daripada Abu Sa’id menyebutkan darjat (pahala).

Makna Hadis

Mengerjakan solat berjamaah di dalam masjid sememangnya disyariatkan, kerana banyak mengandung hikmah dan keistimewaan antara lain adalah pahala kian bertambah selaras dengan banyaknya kaki melangkah menuju masjid, terlebih-

lebih lagi pada waktu kegelapan malam. Dalam hadis yang lain disebutkan seperti berikut:

بَشِّرِ الْمَشَّائِيْنَ فِي الظُّلَمِ إِلَى الْمَسَاجِدِ بِالنُّوْرِ التَّامِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

"*Sampaikan berita gembira kepada orang yang berjalan di kegelapan malam menuju ke masjid-masjid bahwa mereka akan memperoleh cahaya yang sempurna kelak pada hari kiamat.*"

Di dalam berjamaah wujudlah keharmonian di antara kaum muslimin, hati mereka bersatu padu dalam naungan ibadah yang paling mulia. Di dalamnya orang yang besar berdiri sejajar dengan orang kecil, dan orang kaya berdiri sejajar dengan orang miskin. Kepala mereka berdiri sejajar sebagaimana telapak kaki pun sejajar di dalam saf dan mereka mempelajari agama berdasarkan praktikal amali. Selain itu, solat berjemaah mengandungi makna persatuan, latihan menyelesaikan satu tugasan secara gotong royong serta melatih disiplin di bawah pimpinan seorang komando (imam).

Analisis Lafaz

"الجماعة", menurut bahasa adalah suatu golongan atau suatu himpunan sesuatu, sedangkan menurut syarak pula ialah penghubung antara solat makmum dengan imam. Jumlah minimum mesti terdiri daripada seorang imam dan seorang makmum. Jumhur ulama mengatakan bahawa solat berjamaah hukumnya sunat mu'akkad. Mereka menyanggah apa yang disebut pada hadis berikut ini bahawa Rasulullah (s.a.w) hanya berniat tetapi tidak melaksanakannya atau kerana meninggalkan solat berjamaah merupakan tanda kemunafikan ketika itu, seperti mana yang disebut dalam satu hadis:

لاَ يَتَخَلَّفُ عَنْهَا إِلاَّ مُنَافِقٌ.

"*Tidaklah sekali-kali berani meninggalkannya (solat berjamaah) kecuali hanya orang munafik.*"

Imam Ahmad mengatakan bahawa solat berjamaah adalah wajib. Beliau melandaskan pendapatnya dengan dalil yang ada pada hadis berikut ini. Kemudian beliau mengatakan bahawa hukuman itu tidak akan wujud, kecuali kerana meninggalkan sesuatu yang wajib.

"الْفَذِّ", seorang diri.

"دَرَجَةً", darjat pahala yang hanya diketahui oleh Allah (s.w.t) yang ditetapkan melalui lisan Nabi (s.a.w).

"وَلَهُمَا", dan menurut riwayat al-Bukhari dan Muslim.

"بِخَمْسٍ وَعِشْرِينَ جُزْءًا", sebagai gantian kepada sabda Rasulullah (s.a.w): " بسبع وعشرين درجة". Lafaz "جزءا" dan lafaz "درجة" mempuayai makna yang sama.

Al-Hafiz ibn Hajar berkata: "Solat berjamaah memperoleh pahala dua puluh tujuh kali ganda khusus bagi solat *jahriyyah* (solat yang bacaan al-Qur'an dengan suara kuat), sedangkan pahala dua puluh lima kali ganda khusus bagi solat *sirriyyah* (solat yang bacaan al-Qur'an dengan suara tidak kuat).

“وَكَذَا لِلْبُخَارِيِّ: عَنْ أَبِي سَعِيدٍ، وَقَالَ: دَرَجَةً”, yakni dengan menggunakan lafaz “ بخمس وعشرين درجة”.

Fiqh Hadis

1. Solat seorang diri hukumnya sah.
2. Keutamaan solat berjamaah dan pahalanya dilipatgandakan oleh Allah (s.w.t).

٣٢١- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَقَدْ هَمَمْتُ أَنْ آمُرَ بِحَطَبٍ فَيُحْتَطَبَ، ثُمَّ آمُرَ بِالصَّلاَةِ فَيُؤَذَّنَ لَهَا، ثُمَّ آمُرَ رَجُلاً فَيَؤُمَّ النَّاسَ، ثُمَّ أُخَالِفُ إِلَى رِجَالٍ لاَ يَشْهَدُونَ الصَّلاَةَ، فَأُحَرِّقَ عَلَيْهِمْ بُيُوتَهُمْ، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، لَوْ يَعْلَمُ أَحَدُهُمْ أَنَّهُ يَجِدُ عَرْقًا سَمِينًا أَوْ مِرْمَاتَيْنِ حَسَنَتَيْنِ لَشَهِدَ الْعِشَاءَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

321. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: “Demi Tuhan yang jiwaku berada di dalam genggaman kekuasaan-Nya, sesungguhnya aku telah berniat untuk memerintahkan agar kayu-kayu itu dikumpulkan, solat pun segera didirikan dan azan untuknya dikumandangkan, kemudian aku menyuruh seorang lelaki mengimami solat orang ramai. Setelah itu aku pergi menuju ke arah sekumpulan lelaki yang tidak menghadiri solat, lalu aku membakar rumah-rumah mereka. Demi Tuhan yang jiwaku berada di dalam genggaman kekuasaan-Nya, seandainya seseorang di antara mereka (yang tidak turut mengerjakan solat berjamaah) mengetahui bahawa ia dapat menemukan seketul daging atau sepasang kaki kambing yang gemuk, nescaya dia mengikuti solat Isyak (dengan berjamaah).” (Muttafaq alaih, sedangkan lafaz hadis ini oleh al-Bukhari)

Makna Hadis

Rasulullah (s.a.w) bersumpah dalam salah satu solatnya ketika baginda merasa kehilangan orang yang biasa mengerjakan solat berjamaah. Baginda berniat melakukan suatu perkara besar untuk menghukum mereka kerana tidak hadir dalam solat berjamaah. Baginda berhasrat menghimpun kayu, lalu menyuruh seorang lelaki untuk menjadi imam solat kepada orang ramai sebagai pengganti dirinya, sementara baginda sendiri pergi mendatangi mereka yang tidak menghadiri solat berjamaah tersebut. Baginda ingin membakar rumah-rumah mereka sebagai hukuman di atas perbuatan mereka kerana tidak menghadiri solat berjamaah sekali gus mengingatkan betapa penting solat berjamaah itu.

Nabi (s.a.w) mengulangi sumpahnya seraya menegaskan bahawa mereka yang tidak menghadiri solat berjamaah itu hanya mengutamakan urusan duniawi. Jika mereka tahu bahawa dalam solat berjamaah itu mereka memperoleh kepentingan duniawi, nescaya mereka menghadiri solat berjamaah tersebut. Mereka melakukannya kerana tujuan duniawi itu, bukan kerana inginkan pahala akhirat serta kenikmatan yang ada padanya. Di sini terdapat kecaman pedas terhadap

mereka yang tidak menghadirinya kerana mereka lebih gemar menerima balasan sesuatu yang tidak berkekalan daripada memperoleh pahala yang berlimpah dan kedudukan mulia di hari kemudian.

Analisis Lafaz

"وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ", demi Allah yang jiwaku berada di tangan (kekuasaan)-Nya. Kalimat ini mengandungi makna yang mengukuhkan sifat "tangan" bagi Allah (s.w.t) tanpa *tasybih* (penyerupaan), *tamtsil* (penyamaan), *ta'thil* (penafian sifat) dan ta'wil (pentafsiran sifat). Ini merupakan sumpah yang biasanya Nabi (s.a.w) bersumpah dengannya.

"لَقَدْ هَمَمْتُ", kalimat ini berkedudukan sebagai jawapan atas *qasam* (sumpah) yang dikukuhkan oleh huruf *lam* dan *qad*. "هممت" ertinya aku berniat. Sumpah yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) ini menjelaskan bahawa masalah yang dikemukakan merupakan peristiwa besar sebagai peringatan supaya solat berjamaah tidak ditinggalkan. Tetapi baginda tidak melaksanakan hukuman tersebut kepada mereka yang tidak berjamaah dengan membakar rumah-rumah mereka, kerana menyeksa manusia dengan api merupakan perbuatan yang dilarang.

"فَيُحْتَطَبَ", kemudian kayu-kayu itu dikumpulkan.

"فَيُؤَذَّنَ لَهَا", masuknya waktu solat diberitahukan melalui azan.

"أُخَالِفُ", berasal daripada wazan "مفاعلة", tetapi tidak dikategorikan ke dalam babnya. Maksudnya, aku meninggalkan orang yang sedang melakukan solat berjamaah untuk mendatangi orang yang tidak solat berjamaah.

"إِلَى رِجَالٍ", ke rumah-rumah lelaki. *Na't* atau *sifat* lafaz "رجال" dibuang. Bentuk lengkapnya ialah: "إلى رجال لم يخرجوا عن بيوتهم إلى الصلاة" (ke rumah-rumah lelaki yang tidak mengikuti solat berjamaah). Di dalam hadis ini disebutkan hanya kaum lelaki kerana mengecualikan kanak-kanak dan kaum wanita.

"لاَ يَشْهَدُونَ الصَّلاَةَ", tidak menghadiri solat berjamaah.

"فَأُحَرِّقَ عَلَيْهِمْ بُيُوتَهُمْ", aku akan membakar rumah mereka sebagai hukuman ke atas mereka.

"لَوْ يَعْلَمُ أَحَدُهُمْ", *fi'il mudhari'* di sini berkedudukan sebagai *fi'il madhi*, sedangkan *dhamir* kembali kepada lafaz "المتخلفين". Maksudnya, seandainya seseorang di antara mereka yang tidak menghadiri solat berjamaah telah mengetahui.

"عَرْقًا", tulang yang masih bersisa daging. Menurut pendapat yang lain, seketul daging.

"أَوْ مِرْمَاتَيْنِ", huruf *aw* menunjukkan *tanwi'* (keragaman). *Al-mirmah* adalah kaki kambing atau daging yang ada pada tulang kakinya. Maksudnya, seandainya orang yang tidak mengikuti solat berjamaah itu mengetahui bahawa apabila menghadiri solat berjamaah dia akan mendapat manfaat duniawi sekalipun sedikit, nescaya dia mengikutinya kerana mengejar keuntungan duniawi yang sedikit itu. Ini kerana apa yang terlintas di dalam fikirannya hanyalah kepentingan duniawi, kendatipun kepentingan duniawi itu bila dibandingkan dengan pahala di akhirat kelak dan kenikmatannya yang kekal abadi tidak ada ertinya sama sekali.

Di dalam kalimat ini terdapat makna celaan atau kecaman ke atas orang yang tidak mengikuti solat berjamaah, kerana mereka dianggap sebagai orang yang hanya mengejar dan mementingkan sesuatu yang tiada ertinya dengan menyia-nyiakan amal perbuatan yang banyak mengandungi amal kebaikan.

Lafaz *al-'araq* disifatkan dengan lafaz *al-samin* (gemuk), dan lafaz *al-mirmah* disifatkan dengan *al-hasan* (baik) kerana ini bertujuan membangkitkan semangat mereka untuk memperolehnya.

"لَشَهِدَ الْعِشَاءَ", nescaya dia mengikuti solat Isyak secara jamaah.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan bersumpah dengan menyebut asma Allah, sekalipun tanpa diminta terlebih dahulu dengan tujuan menarik perhatian lawan bicara dan mengukuhkan apa yang akan dibicarakannya.
2. Disyariatkan meminta tolong kepada orang lain dalam mengatasi pelbagai perkara.
3. Boleh melantik seseorang menjadi imam, sekalipun ada orang yang lebih utama daripada dirinya selagi tindakan tersebut mengandungi maslahat.
4. Boleh menjatuhkan hukuman ke atas harta milik terdakwa, bukan kepada anggota tubuhnya. Ini dikatakan oleh segolongan ulama dan mazhab Maliki, sedangkan jumhur ulama mengatakan bahawa sesungguhnya peraturan ini hanya berlaku pada zaman permulaan Islam dan setelah itu tidak berlaku lagi.
5. Boleh mendahulukan ancaman dan peringatan sebelum menjatuhkan hukuman. Jika mudharat dapat dielakkan dengan cara yang lebih ringan berupa peringatan mahupun larangan, maka cukuplah menggunakan cara yang ringan itu tanpa menjatuhkan hukuman yang lebih berat.
6. Imam rasmi boleh melantik seseorang untuk mengimami solat orang ramai sebagai pengganti dirinya untuk sementara waktu apabila dia mempunyai kesibukan yang datang secara mengejut.
7. Boleh pergi setelah solat diiqamahkan (didirikan) apabila ada halangan yang menyebabkannya tidak dapat mengikuti solat berjamaah.
8. Boleh seseorang yang berada di dalam rumahnya dikeluarkan selagi ada alasan yang dibenarkan untuk berbuat demikian. Jika orang itu bersembunyi di dalam rumahnya dan berdegil tidak mahu ke luar rumah, maka dibolehkan melakukan cara apa pun untuk mengeluarkannya.
9. Boleh menghukum pelaku kejahatan dan kemaksiatan dengan cara yang bersifat mengejut tanpa pengetahuannya terlebih dahulu.

٣٢٢- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَثْقَلُ الصَّلاَةِ عَلَى الْمُنَافِقِينَ: صَلاَةُ الْعِشَاءِ، وَصَلاَةُ الْفَجْرِ، وَلَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِيهِمَا لَأَتَوْهُمَا وَلَوْ حَبْوًا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

322. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Solat yang paling berat bagi orang munafik ialah solat Isyak dan solat Subuh. Sekiranya mereka mengetahui pahala yang terdapat pada kedua solat itu, nescaya*

mereka mendatanginya, sekalipun terpaksa datang dalam keadaan merangkak." (Muttafaq alaih)

Makna Hadis

Solat berjamaah dirasa amat berat bagi orang munafik. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى ٱلْخَٰشِعِينَ ﴿٤٥﴾

"... *Dan sesungguhnya yang demikian itu (solat) sungguh berat, kecuali bagi orang yang khusyuk.*" (Surah al-Baqarah: 45)

Dalam ayat yang lain Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَإِذَا قَامُوٓا۟ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ قَامُوا۟ كُسَالَىٰ ..... ﴿١٤٢﴾

"... *Apabila mereka berdiri untuk solat, mereka berdiri dengan malas...*" (Surah al-Nisa': 142)

Rasulullah (s.a.w) secara khusus menyebut kedua solat tersebut; solat Isyak dan solat Subuh, kerana kuatnya dorongan yang membuat seseorang memilih untuk tidak menghadiri solat berjamaah. Waktu Isyak adalah waktu kembali ke rumah, berkumpul bersama keluarga dan beristirehat dari kesibukan bekerja sepanjang siang hari. Waktu subuh adalah waktu di mana seseorang sedang lena tidur. Oleh kerana faktor yang memalingkan seseorang daripada mengerjakan solat berjamaah itu sangat kuat, maka itu lebih berat lagi bagi orang munafik. Tetapi seandainya mereka mengetahui apa yang telah disediakan oleh Allah bagi mereka berupa ganjaran pahala dan kebaikan bagi orang yang mengerjakan solat berjamaah di masjid, nescaya dia segera menghadirinya, sekalipun untuk sampai ke masjid dia terpaksa merangkak seperti kanak-kanak. Ini tidak lain demi memperoleh ganjaran pahala yang berlimpah dari Allah (s.w.t) kerana ia sebagai perantara baginya untuk mendapatkan redha Allah, Tuhan semesta alam.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", dan daripada Abu Hurairah (r.a), yakni sama dengan hadis sebelumnya.

"أَثْقَلُ الصَّلاَةِ", semua solat sememang sukar untuk dilaksanakan, tetapi kedua solat tersebut lebih sukar lagi berbanding solat yang lain kerana faktor yang mendorong untuk meninggalkannya jauh lebih kuat. Waktu subuh merupakan waktu di mana seseorang sedang lena tidur, sedangkan waktu Isyak adalah waktu istirehat.

"الْمُنَافِقِينَ", bentuk jamak dari lafaz *munafiq*, ertinya orang yang menampakkan perilaku zahir bertentangan dengan apa yang di dalam batinnya.

"وَلَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِيهِمَا", seandainya orang munafik mengetahui apa yang disediakan oleh Allah (s.w.t) bagi mereka jika mereka menghadiri solat berjamaah berupa pahala yang berlimpah.

"لَأَتَوْهُمَا", nescaya mereka benar-benar mendatangi dan mengikutinya walau dengan cara apa pun.

"وَلَوْ حَبْوًا", sekalipun datang dalam keadaan merangkak jika mereka tidak mampu berjalan, sebagaimana kanak-kanak merangkak dan mereka tidak mahu meninggalkan solat berjamaah itu memandangkan betapa besar pahala yang ada padanya. Lafaz "حبوا" berkedudukan sebagai khabar *kana* yang dibuang bersama dengan *isim*-nya. Bentuk lengkapnya adalah: "ولو كان إتيانه حبوا", sekalipun dia mesti mendatanginya dalam keadaan merangkak.

Fiqh Hadis

1. Anjuran menghadiri solat Isyak dan Subuh berjamaah di masjid, yakni mengerjakannya dengan berjamaah.
2. Boleh meredah kesukaran demi memperoleh pahala.
3. Dilarang meniru sikap dan kelakuan orang munafik.

٣٢٣- وَعَنْهُ قَالَ: أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلٌ أَعْمَى فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، لَيْسَ لِي قَائِدٌ يَقُودُنِي إِلَى الْمَسْجِدِ، فَرَخَّصَ لَهُ، فَلَمَّا وَلَّى دَعَاهُ، فَقَالَ: "هَلْ تَسْمَعُ النِّدَاءَ بِالصَّلَاةِ؟" قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: "فَأَجِبْ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

323. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Seorang buta datang kepada Nabi (s.a.w), lalu dia bertanya: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya tidak menemukan seseorang yang dapat membimbingku datang ke masjid." Mendengar itu, baginda memberi keringanan kepadanya untuk tidak datang ke masjid. Ketika hendak pulang, Nabi (s.a.w) memanggilnya semula lalu bersabda: "Apakah kamu mendengar seruan (azan) untuk solat?" Dia menjawab: "Ya." Nabi (s.a.w) bersabda: "Penuhilah seruan azan itu." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Solat berjamaah hukumnya sunat mu'akkad. Namun bagi orang buta yang tidak menemukan seseorang yang dapat membimbingnya datang ke masjid diberikan keringanan untuk tidak menghadiri solat berjamaah. Jika ada orang lain yang membimbingnya atau rumahnya berhampiran dengan masjid dan dia mendengar suara azan, sedangkan dia mampu pergi ke masjid seorang diri tanpa merasa khuatir silap jalan, maka tidak ada keringanan baginya untuk meninggalkan solat berjamaah. Tetapi Nabi (s.a.w) tidak menjelaskan sesuatu pun kepadanya yang menunjukkan bahawa solat berjamaah itu wajib. Mengakhirkan keterangan daripada waktu yang diperlukan pada hakikatnya tidak dibolehkan. Ini menunjukkan yang solat berjamaah adalah sunat mu'akkad. Akan tetapi, ada orang yang beranggapan bahawa solat berjamaah hukumnya wajib, kerana berlandaskan kepada makna zahir hadis ini.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", dan daripada Abu Hurairah (r.a), yakni sumbernya sama dengan hadis sebelumnya.

"رَجُلٌ أَعْمَى", lelaki buta. Dia adalah 'Amr ibn Ummi Maktum.

"قَائِدٌ يَقُودُنِي", seorang pembimbing yang menunjukkan jalan kepadaku.

"فَرَخَّصَ لَهُ", maka Nabi (s.a.w) memberi keringanan kepadanya untuk tidak menghadiri solat berjamaah di masjid.

"فَلَمَّا وَلَّى", ketika dia pergi setelah bertanya.

"دَعَاهُ", lalu Nabi (s.a.w) memanggilnya semula.

"هَلْ تَسْمَعُ النِّدَاءَ بِالصَّلاَةِ", maksud seruan di sini ialah azan. Di dalam riwayat yang lain disebutkan: "Apakah kamu mendengar iqamah?"

"فَأَجِبْ", maka perkenankan seruan azan itu, yakni hadirilah solat berjamaah dan perkenankan seruan Allah. Perintah dalam kalimat ini menunjukkan hukum sunat menurut pendapat jumhur ulama, sedangkan menurut sebahagian ulama perintah ini menunjukkan hukum wajib.

Fiqh Hadis

1. Dianjurkan bertanya kepada orang alim apabila seseorang merasa kebinguhgan mengenai suatu urusan duniawi.
2. Mengukuhkan yang solat berjamaah itu sunat mu'akkad.
3. Imam dianjurkan meminta izin apabila hendak meninggalkan solat berjamaah kerana ada uzur.

٣٢٤- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ سَمِعَ النِّدَاءَ فَلَمْ يَأْتِ فَلاَ صَلاَةَ لَهُ إِلاَّ مِنْ عُذْرٍ". رَوَاهُ ابْنُ مَاجَه وَالدَّارَقُطْنِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ، وَإِسْنَادُهُ عَلَى شَرْطِ مُسْلِمٍ، لَكِنْ رَجَّحَ بَعْضُهُمْ وَقْفَهُ.

324. Daripada Ibn Abbas (r.a) daripada Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Barang siapa yang mendengar suara azan, lalu dia tidak mendatanginya, maka tidak ada solat baginya kecuali kerana uzur.*" (Diriwayatkan oleh Ibn Majah, al-Daruquthni, Ibn Hibban dan al-Hakim. Sanad hadis ini mengikut syarat Muslim, tetapi sebahagian ulama hadis memastikannya sebagai hadis mawquf)

Makna Hadis

Solat berjamaah hukumnya sunat muakkad. Oleh itu, Nabi (s.a.w) tidak memberikan keringanan untuk meninggalkannya kecuali kerana uzur yang diakui oleh syariat.

Uzur yang diakui oleh syariat beraneka ragam, di antaranya adalah kerana adanya perasaan takut atau sakit. Hadis ini menganjurkan untuk mengerjakan solat berjamaah, tetapi ada sebahagian ulama yang berpegang pada makna zahirnya bahawa solat berjamaah itu hukumnya fardu 'ain.

Analisis Lafaz

“مَنْ سَمِعَ النِّدَاءَ”, barang siapa yang mendengar suara azan.

“فَلاَ صَلاَةَ لَهُ”, maka solatnya tidak sempurna. Inilah pengertian yang dikemukakan oleh jumhur ulama. Namun solatnya tidak sah menurut Imam Ahmad kerana beliau berpendapat bahawa solat berjamaah itu hukumnya fardu ‘ain.

“إِلاَّ مِنْ عُذْرٍ”, kecuali kerana ada halangan. Di dalam riwayat yang diketengahkan oleh Abu Dawud ditambahkan: “Mereka (para sahabat) bertanya: “Apa sahaja uzurnya itu?” Rasulullah (s.a.w) menjawab: “Adanya perasaan takut atau sakit (Allah tidak menerima solat yang telah dikerjakannya).” Sanad hadis ini dha’if. Antara uzur yang diakui oleh syariat ialah kerana hujan dan angin bertiup kencang hingga mendatangkan cuaca yang teramat sejuk.

“لَكِنْ رَجَّحَ بَعْضُهُمْ وَقْفَهُ”, tetapi sebahagian ulama ada yang memastikan hadis ini sebagai mawquf. Dan jalur Syu’bah berstatus mawquf dan marfu’, sedangkan status mawquf ialah seperti mana yang disebut di dalam hadis yang memuatkan tambahan, kecuali kerana uzur.

Fiqh Hadis

1. Mengukuhkan solat berjamaah. Barangsiapa yang meninggalkannya tanpa uzur, maka dia tidak mendapat pahala yang berlimpah.
2. Jika ada uzur, maka disyariatkan untuk tidak mengikuti solat berjamaah.

٣٢٥- عَنْ يَزِيدَ بْنِ الأَسْوَدِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ صَلَّى مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلاَةَ الصُّبْحِ، فَلَمَّا صَلَّى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا هُوَ بِرَجُلَيْنِ لَمْ يُصَلِّيَا، فَدَعَا بِهِمَا، فَجِيءَ بِهِمَا تَرْعَدُ فَرَائِصُهُمَا، فَقَالَ لَهُمَا: "مَا مَنَعَكُمَا أَنْ تُصَلِّيَا مَعَنَا؟" قَالاَ: قَدْ صَلَّيْنَا فِي رِحَالِنَا. قَالَ: "فَلاَ تَفْعَلاَ، إِذَا صَلَّيْتُمَا فِي رِحَالِكُمْ، ثُمَّ أَدْرَكْتُمْ الإِمَامَ وَلَمْ يُصَلِّ، فَصَلِّيَا مَعَهُ، فَإِنَّهَا لَكُمْ نَافِلَةٌ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَاللَّفْظُ لَهُ وَالثَّلاَثَةُ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ، وَابْنُ حِبَّانَ.

325. Daripada Yazid ibn al-Aswad (r.a) bahawa beliau pernah mengerjakan solat Subuh bersama Rasulullah (s.a.w). Ketika selesai melakukannya, tiba-tiba ada dua orang lelaki yang tidak mengikuti solat berjamaah, lalu baginda memanggilnya. Kedua lelaki itu dihadapkan kepada baginda dalam keadaan tubuh yang gementar (kerana ketakutan), lalu baginda bertanya kepada mereka berdua: “Apa yang menyebabkan kamu tidak ikut solat berjamaah bersama kami?” Keduanya menjawab: “Kami telah mengerjakan solat di tempat tinggal kami.” Nabi (s.a.w) bersabda: “Jangan kamu lakukan demikian! Jika kamu telah mengerjakan solat di tempat tinggal kamu, kemudian kamu berdua masih menjumpai imam belum melakukan solat, maka solatlah kamu bersamanya, kerana sesungguhnya itu menjadi solat sunat bagi kamu berdua.” (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Tsalatsah, sedangkan lafaz hadis menurut riwayat Imam Ahmad. Hadis dinilai sahih oleh al-Tirmizi dan Ibn Hibban)

Makna Hadis

Tidak mengikuti solat berjamaah bersama imam solat di dalam masjid termasuk perbuatan mencabar imam sekali gus memecah belah perpaduan di samping membuka peluang bagi ahli bid'ah untuk menampilkan perbuatan bid'ah mereka dan membentuk jamaah tersendiri. Di sini Rasulullah (s.a.w) melarang perbuatan memisahkan diri daripada jamaah. Ini diungkapkan oleh Nabi (s.a.w) melalui bimbingannya kepada kedua orang lelaki yang tidak faham itu.

Analisis Lafaz

"فَلَمَّا صَلَّى رَسُولُ اللهِ", ketika Rasulullah (s.a.w) telah selesai mengerjakan solat.

"فَدَعَا بِهِمَا", maka Rasulullah (s.a.w) menyuruh kedua lelaki itu menghadapnya untuk mengetahui alasan mereka tidak mengikuti solat berjamaah bersamanya.

"تَرْعَدُ فَرَائِصُهُمَا", nampak tubuh kedua orang lelaki itu gementar kerana ketakutan. Ini terjadi kerana wibawa Rasulullah (s.a.w) yang luar biasa bagi orang yang melihatnya, padahal baginda seorang yang sentiasa bersikap rendah hati. *Al-fara'ish* adalah bentuk jamak daripada lafaz *farishah*, ertinya daging yang terdapat di antara lambung dan pundak.

"فِي رِحَالِنَا", di tempat tinggal dan tempat kami beristirehat.

"فَإِنَّهَا", solat lain yang dilakukan bersama imam.

"نَافِلَةٌ", sebagai tambahan pahala solat di samping pahala solat fardu yang telah dikerjakan.

Fiqh Hadis

1. Menjelaskan tentang betapa hebat wibawa Rasulullah (s.a.w).
2. Menanyakan apa penyebab yang mendorong seseorang untuk melakukan suatu pelanggaran.
3. Memperhatikan keadaan orang ramai ketika mengerjakan solat serta memberikan bimbingan dan penyuluh kepada mereka yang melakukan pelanggaran agar kembali ke jalan yang benar.
4. Boleh melakukan solat fardu di luar masjid.
5. Barang siapa telah melaksanakan solat di luar masjid, kemudian dia menjumpai solat berjamaah di dalam masjid, maka disunatkan baginya mengerjakan solat semula bersama jamaah. Solat yang pertama merupakan solat fardu, sedangkan solat kedua yang dia lakukan secara berjamaah itu dianggap solat sunat. Imam Abu Hanifah mengkhususkan disyariatkannya pengulangan solat itu hanya untuk selain solat Subuh dan Maghrib. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad pula mengatakan bahawa pengulangan ini boleh dilakukan ke atas mana-mana solat tanpa terkecuali kerana berdasarkan kepada makna zahir hadis tersebut. Imam Malik berkata: "Jika seseorang telah mengerjakan solat secara berjamaah (di

luar masjid), maka dia tidak perlu lagi mengulanginya. Jika tidak, maka dia dianjurkan untuk mengulanginya, kecuali solat Maghrib.”

Periwayat Hadis

Yazid ibn al-Aswad atau ibn Abu al-Aswad al-‘Amiri, sekutu kabilah Quraisy. Beliau seorang sahabat yang telah menerima hadis daripada Rasulullah (s.a.w) dan riwayat hadisnya diambil oleh anak lelakinya yang bernama Jabir. Abu Dawud, al-Tirmizi, dan al-Nasa’i adalah orang yang meriwayatkan hadisnya.

٣٢٦- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمَّ بِهِ، فَإِذَا كَبَّرَ فَكَبِّرُوا، وَلاَ تُكَبِّرُوا حَتَّى يُكَبِّرَ، وَإِذَا رَكَعَ فَارْكَعُوا، وَلاَ تَرْكَعُوا حَتَّى يَرْكَعَ، وَإِذَا قَالَ: "سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ"، فَقُولُوا: "اللَّهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ"، وَإِذَا سَجَدَ فَاسْجُدُوا، وَلاَ تَسْجُدُوا حَتَّى يَسْجُدَ، وَإِذَا صَلَّى قَائِمًا فَصَلُّوا قِيَامًا، وَإِذَا صَلَّى قَاعِدًا فَصَلُّوا قُعُودًا أَجْمَعِينَ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَهَذَا لَفْظُهُ. وَأَصْلُهُ فِي الصَّحِيحَيْنِ.

326. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: “*Sesungguhhya imam itu dijadikan untuk diikuti. Jika dia bertakbir, maka bertakbir pulalah kamu sekalian, tetapi janganlah kamu mendahului takbirnya sebelum dia bertakbir. Jika dia rukuk, maka rukuklah kamu sekalian, tetapi janganlah kamu mendahului rukuknya sebelum dia rukuk. Jika dia mengucapkan: “سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ”, maka hendaklah kamu membaca: “اللَّهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ”. Jika dia sujud, maka sujud pulalah kamu, tetapi janganlah kamu mendahului sujudnya sebelum dia sujud. Jika dia solat dalam keadaan berdiri, maka solatlah kamu dalam keadaan berdiri pula. Jika dia solat sambil duduk; maka solatlah kamu semua sambil duduk.*” (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dengan lafaz seperti ini, tetapi asal hadis ini berada di dalam kitab al-Shahihain).

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) adalah guru yang bijaksana dan seorang panglima yang mahir. Baginda memberi pengajaran kepada para makmum supaya mereka mengikuti imam solat mereka, kerana imam adalah pemimpin mereka. Untuk itu, mereka tidak boleh mendahuluinya, bahkan tidak boleh menyamainya dalam setiap gerakan solat, melainkan mesti harus mengikutinya tanpa melambatkan dan mendahuluinya.

Nabi (s.a.w) mengajarkan kepada mereka zikir-zikir yang dibaca oleh imam dan makmum sesudah bangkit dari rukuk. Kemudian pada akhir pesanan itu baginda melarang makmum berbeza gerakan dengan imam walau dalam keadaan apa jua sekalipun.

Analisis Lafaz

"إِنَّمَا جُعِلَ ٱلإِمَامُ لِيُؤْتَمَّ بِهِ", sesungguhnya imam dijadikan hanya untuk diikuti. Adalah satu kemestian bagi seseorang (makmum) mengikuti apa yang dilakukan oleh orang yang diikutinya (imam); tidak boleh mendahuluinya dan tidak pula melakukan gerakan solat secara bersamaan.

"فَإِذَا كَبَّرَ", apabila imam mula bertakbiratul ihram untuk memulakan solat. Huruf *fa'* dalam kalimat ini menunjukkan makna *tafsil*, yakni memperincikan pengertian yang bersifat pada kalimat sebelumnya.

"فَكَبِّرُوا، وَلاَ تُكَبِّرُوا حَتَّى يُكَبِّرَ", makmum wajib mengakhirkan takbiratul ihram daripada takbiratul ihram imam. Inilah pendapat jumhur ulama. Mereka berkata: "Seandainya makmum melakukan takbir bersamaan dengan takbir imam atau mendahuluinya, maka solatnya menjadi batal, kerana dia bermakmum kepada orang yang belum memulakan solatnya. Jika seorang makmum melakukan takbiratul ihram bersamaan (dengan takburatul ihram imam), bererti dia melakukannya sebelum waktunya. Ini sama sekali tidak dibolehkan, sama halnya dengan melakukan solat sebelum waktunya.

Imam Abu Hanifah berkata: "Makmum dibolehkan melakukan takbiratul ihram bersamaan dengan takbiratul ihram imam, namun dia tidak boleh mendahuluinya mahupun mengakhirkannya."

"وَلاَ تَرْكَعُوا حَتَّى يَرْكَعَ", kalimat ini menunjukkan bahwa para makmum wajib mengakhirkan rukuknya daripada rukuk imam, begitu pula dalam segala gerakan solat. Dapat disimpulkan bahawa mendahului dan menyamai gerakan imam itu hukumnya haram. Menurut jumhur ulama, makruh melakukan gerakan solat secara bersamaan dengan imam. Mendahului gerakan imam adalah dilarang, tetapi tidak membatalkan solat. Sedangkan menurut Imam Ahmad, itu membatalkan solat kerana maksud larangan di sini boleh mengakibatkan solatnya itu batal.

"وَإِذَا قَالَ: سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ", dan apabila imam membaca kalimat tersebut. Kalimat ini khusus bagi imam.

"فَقُولُوا: اللَّهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ", pembicaraan ini ditujukan kepada para makmum. Kalimat ini khusus bagi makmum.

"أَجْمَعِينَ", dii'rabkan sebagai *nasab* kerana berkedudukan sebagai keterangan keadaan, sedangkan menurut kebanyakan riwayat dibaca *rafa'* yang bermakna mengukuhkan *dhamir* jamak.

Dalam hadis ini tidak disebutkan mengikuti salam imam, padahal ia diwajibkan. Jika makmum sengaja melakukan salam secara bersamaan atau malah mendahului salam imam, maka menurut mazhab Maliki dan mazhab Hanbali, solatnya batal. Tetapi jika itu dilakukan kerana lupa, maka dia mesti mengulangi solatnya sesudah imam mengucapkan salam. Jika tidak, maka solatnya batal.

Mazhab al-Syafi'i mengatakan bahawa jika makmum mendahului salam imam, maka solatnya batal. Jika dia melakukannya secara bersamaan, maka di sini ada dua pendapat dan pendapat yang paling sahih mengatakan makruh, sedangkan pendapat yang satu lagi mengatakan batal.

Menurut riwayat Abu Hanifah ada dua pendapat. Pendapat pertama menyatakan makmum mengucapkan salam bersamaan dengan imam, sedangkan

pendapat kedua menyatakan makmum mengucapkan salam setelah imam mengucapkan salam. Inilah pendapat yang dijadikan sebagai pegangan.

Fiqh Hadis

1. Makmum wajib mengikuti imam.
2. Kalimat *tasmi'* "سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ" khusus dibaca oleh imam, sedangkan kalimat *tahmid* "اللَّهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ" khusus dibaca oleh makmum. Jumhur ulama mengatakan bahawa imam dan orang yang solat bersendirian dikehendaki membaca kalimat: "سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ", sedangkan makmum hanya membaca: "اللَّهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ". Imam al-Syafi'i dan riwayat kedua menurut Imam Malik menyebutkan bahawa orang yang solat hendaklah menggabungkan bacaan *tasbih* dan *tahmid* tanpa wujud perbezaan antara imam, makmum, dan orang yang solat sendirian. Dengan erti kata lain, apabila seseorang ketika solat mengangkat kepalanya daripada rukuk, maka hendaklah dia membaca: "سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ". Jika dia telah berdiri tegak, maka hendaklah dia membaca: "اللَّهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ". Imam Malik dalam riwayat yang ketiga menyebutkan bahawa imam hendalah menggabungkan *tasbih* dan *tahmid*, sedangkan makmum hanya membaca tahmid.
3. Hukum solat bagi makmum yang mampu berdiri di belakang imam yang tidak mampu berdiri. Menurut mazhab Hanbali, makmum dibolehkan mengikuti imam yang tidak mampu berdiri itu sebagai satu keringanan yang menggugurkan kewajipan berdiri dengan syarat imam tersebut termasuk imam kampung dan penyakit yang dideritanya bersifat sementara serta diharapkan dapat disembuhkan. Sedangkan menurut jumhur ulama, makmum tidak dibolehkan mengikuti imam dalam keadaan solat, sebaliknya mereka tetap diwajibkan berdiri.

٣٢٧- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى فِي أَصْحَابِهِ تَأَخُّرًا. فَقَالَ: "تَقَدَّمُوا فَائْتَمُّوا بِي، وَلْيَأْتَمَّ بِكُمْ مَنْ بَعْدَكُمْ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

327. Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melihat sahabat-sahabatnya berdiri agak jauh daripadanya, lalu baginda bersabda: "Majulah dan bermakmumlah kepadaku. Sementara orang yang berada di belakang kamu hendaklah bermakmum kepadamu." (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) menganjurkan umatnya secara umum dan sahabatnya secara khusus supaya sentiasa mengisi kekosongan yang ada pada saf pertama, kerana saf pertama dekat dengan imam, dapat mendengar bacaan dan hampir dengan rahmat Allah yang dicurahkan kepada orang yang sedang solat. Di dalam hadis yang lain disebutkan:

إِنَّ اللهَ وَمَلاَئِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلَى أَهْلِ الصَّفِّ ٱلأَوَّلِ.

"*Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya sentiasa berselawat kepada orang yang berada pada saf pertama.*"

Nabi (s.a.w) mengingatkan supaya tidak menjauhi imam dan dimakruhkan menjauhi saf pertama. Kemudian Rasulullah (s.a.w) menetapkan jika tidak ada *mubaligh* (juru penyampai imam), maka setiap saf diikuti oleh saf yang berikutnya dalam mengerjakan pekerjaan solat, tetapi jika ada *mubaligh*, maka mereka mesti mengikuti gerakannya.

Analisis Lafaz

"تَأَخُّرًا", seakan-akan dalam lafaz ini menegaskan bahawa mereka menjauhi dan tidak mahu mendekati Nabi (s.a.w) ketika mengerjakan solat.

"فَائْتَمُّوا بِي", maka bermakmumlah kamu kepadaku.

"وَلْيَأْتَمَّ بِكُمْ", dan hendaklah mengikuti kamu.

"مَنْ بَعْدَكُمْ", orang yang berada di belakang kamu.

"رَوَاهُ مُسْلِمٌ", hadis ini diriwayatkan oleh Muslim secara ringkas. Kalimat selanjutnya adalah sebagai berikut:

وَلاَ يَزَالُ قَوْمٌ يَتَأَخَّرُونَ حَتَّى يُؤَخِّرَهُمُ اللهُ.

"*Suatu kaum yang sentiasa menjauhkan diri hingga Allah (s.w.t) menjauhkannya (daripada rahmat-Nya).*"

"وَلاَ يَزَالُ قَوْمٌ يَتَأَخَّرُونَ", suatu kaum yang tidak mengambil berat soal keutamaan saf pertama. Mereka sama sekali tidak mementingkannya.

"حَتَّى يُؤَخِّرَهُمُ اللهُ", maka Allah Yang Maha Agung akan menjauhkan mereka daripada rahmat-Nya, kedudukan yang mulia, ilmu dan sebagainya.

Fiqh Hadis

1. Anjuran untuk sentiasa mengisi kekosongan saf pertama dan makruh menjauhinya.
2. Makmum boleh memperhatikan *mubaligh* atau saf yang yang berada di belakang imam apabila dia tidak dapat melihat mahupun mendengar suara imam.
3. Imam hendaklah menyuruh orang yang berada pada saf pertama agar benar-benar berhampiran dengannya demi kebaikan mereka.

٣٢٨- عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: احْتَجَرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حُجْرَةً بِخَصَفَةٍ، فَصَلَّى فِيهَا، فَتَتَبَّعَ إِلَيْهِ رِجَالٌ، وَجَاءُوا يُصَلُّونَ بِصَلاَتِهِ... الْحَدِيثَ، وَفِيهِ: "أَفْضَلُ صَلاَةِ الْمَرْءِ فِي بَيْتِهِ إِلاَّ الْمَكْتُوبَةَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْه.

328. Daripada Zaid ibn Tsabit (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) membuat satu bilik yang terbuat daripada pelepah kurma, lalu baginda mengerjakan solat di dalamnya. Sementara itu sekumpulan orang mencarinya ke sana ke mari dan akhirnya mereka menemukannya, lalu mengikuti solat yang baginda lakukan…, hingga akhir hadis. Di dalam hadis ini disebutkan: "Solat seseorang yang paling

utama ialah solat yang dilakukan di dalam rumahnya, kecuali solat fardu." (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Seseorang dibolehkan membuat ruangan khusus di dalam masjid untuk dirinya sendiri, tetapi dengan syarat tidak mempersempit tempat bagi orang yang mengerjakan solat dan ruangan itu tidak terbuat daripada bahan yang kuat supaya mudah untuk dikemaskan seperti tikar dan kain dan hendaklah ia dilakukan pada waktu malam hari. Begitulah apa yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w). Baginda membuat sebuah bilik yang terbuat daripada pelepah daun kurma pada waktu malam hari. Pada waktu siang hari ruangan tersebut baginda jadikan sebagai hamparan tikar. Apa yang baginda lakukan itu tentu tidak mengganggu sesiapa pun, dan bahannya pula tidak terbuat daripada bahan yang kuat.

Nabi (s.a.w) menganjurkan agar solat sunat dilakukan di dalam rumah. Baginda membuat bilik di dalam masjid kerana baginda tidak menginginkan apa yang dilakukannya itu dianggap fardu oleh mereka atau mereka menganggap bahawa apa yang baginda lakukan itu adalah wajib.

Analisis Lafaz

"احْتَجَرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حُجْرَةً بِخَصَفَةٍ", Rasulullah (s.a.w) membuat bilik yang terbuat daripada pelepah kurma. Di dalam riwayat yang lain disebutkan "احتجز" yang ertinya membuat penutup untuk dirinya agar orang tidak mengetahuinya.

"فَتَتَبَّعَ إِلَيْهِ رِجَالٌ، وَجَاءُوا يُصَلُّونَ بِصَلاَتِهِ", *al-tatabbu'* ialah mencari, yakni sahabat tercari-cari tempat di mana baginda berada. Setelah mereka menemukannya, mereka berhimpun di tempat yang berhampiran dengannya dan kemudian mengikuti solat yang baginda lakukan.

"الْحَدِيثَ", hingga akhir hadis. Lafaz hadis ini secara lengkapnya sebagaimana diriwayatkan oleh al-Bukhari seperti berikut:

احْتَجَرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حُجْرَةً مُخَصَّفَةً، فَصَلَّي فِيهَا لَيَالِيَ، فَصَلَّى بِصَلاَتِهِ نَاسٌ مِنْ أَصْحَابِهِ، فَلَمَّا عَلِمَ بِهِمْ جَعَلَ يَقْعُدُ إِلَيْهِمْ، فَقَالَ: قَدْ عَرَفْتُ الَّذِي مِنْ صَنِيعِكُمْ، فَصَلُّوْا أَيُّهَا النَّاسُ فِي بُيُوتِكُمْ، فَإِنَّ أَفْضَلَ الصَّلاَةِ صَلاَةُ الْمَرْءِ فِي بَيْتِهِ إِلاَّ الْمَكْتُوبَةَ.

"Rasulullah (s.a.w) membuat sebuah bilik yang terbuat daripada pelepah kurma. Baginda melakukan solat (sunat) di dalamnya selama beberapa malam. Sementara itu, sekumpulan sahabat mengikuti solat baginda. Ketika Nabi (s.a.w) mengetahui perbuatan mereka, baginda menghentikan solatnya, lalu keluar menemui mereka dan bersabda: "Aku telah mengetahui perbuatan kamu. Kerjakanlah solat wahai umat manusia di dalam rumah kamu masing-masing, kerana sesungguhnya solat yang paling afdhal ialah solat yang dilakukan oleh seseorang di dalam rumahnya, kecuali solat fardu."

“فَلَمَّا عَلِمَ بِهِمْ جَعَلَ يَقْعُدُ إِلَيْهِمْ”, tatkala baginda mengetahui perbuatan mereka, baginda pun duduk (menghentikan solatnya), namun belum keluar menemui mereka.

“مِنْ صَنِيعِكُمْ”, perbuatan kamu.

“إِلاَّ الْمَكْتُوبَةَ”, kecuali solat fardu.

Fiqh Hadis

1. Boleh membuat bilik pada sebahagian tempat di dalam masjid selagi tidak mempersempit tempat bagi orang yang solat.
2. Disyariatkan mengerjakan solat sunat secara berjamaah.
3. Solat sunat lebih utama dilakukan di dalam rumah, kerana cara ini lebih mendekatkan diri pada keikhlasan serta dapat menyemarakkan rumah dengan bacaan zikir.

Periwayat Hadis

Zaid ibn Tsabit ibn al-Dhahhak al-Najjari al-Madani, seorang juru tulis wahyu dan termasuk salah seorang yang terkemuka di kalangan orang Ansar. Beliau mengikuti Bai’at al-Ridhwan dan membacakan al-Qur’an kepada Nabi (s.a.w) serta menghimpunnya pada zaman pemerintahan Khalifah Abu Bakar al-Shiddiq (r.a). Beliaulah yang menguruskan pembahagian harta ghanimah perang al-Yarmuk, dan telah meriwayatkan 92 hadis. Beliau meninggal dunia pada tahun 45 Hijriah.

٣٢٩- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّى مُعَاذٌ بِأَصْحَابِهِ الْعِشَاءَ، فَطَوَّلَ عَلَيْهِمْ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَتُرِيدُ أَنْ تَكُونَ يَا مُعَاذُ فَتَّانًا؟ إِذَا أَمَمْتَ النَّاسَ فَاقْرَأْ: بِالشَّمْسِ وَضُحَاهَا، وَ: سَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الأَعْلَى، وَ: اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ، وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَى". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

329. Daripada Jabir ibn Abdullah (r.a), beliau berkata: Mu’adz (r.a) mengerjakan solat Isyak bersama sahabat-sahabatnya (sebagai imam), lalu beliau memperpanjang (bacaannya). Mendengar itu, Nabi Saw lalu (menegurnya) dengan bersabda: “Apakah engkau wahai Mu’adz hendak menjadi tukang fitnah? Jika engkau menjadi imam solat kepada orang ramai, maka bacalah “الشَّمْسِ وَضُحَاهَا” (Surah al-Syams), “سَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الأَعْلَى” (Surah al-A’la), “اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ” (Surah al-‘Alaq), dan “وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَى” (Surah al-Lail).” (Muttafaq alaih. Lafaz hadis ini menurut Muslim)

Makna Hadis

Memperpanjang bacaan solat boleh menyebabkan makmum terseksa dan menderita. Adakalanya mereka meninggalkan solat berjamaah seperti mana yang dilakukan oleh seorang lelaki badwi yang bermakmum di belakang Mu’adz ibnu Jabal, kerana Mu’adz telah memperpanjang bacaan solat hingga membuat lelaki badwi berkenaan keletihan setelah bekerja keras mencari nafkah sepanjang siang

hari itu lalu meninggalkan solatnya. Perkar ini kemudian disampaikan kepada Rasulullah (s.a.w). Baginda merasa hiba sebaik mendengar aduan dan pengakuan yang dibuat oleh lelaki badwi. Baginda segera menasihati para imam solat supaya tidak memperpanjang bacaan solatnya di samping mesti mengambil berat keadaan orang yang berada di belakangnya.

Analisis Lafaz

"فَتَّانًا", membuat orang melarikan diri dari agama dan menghalang mereka untuk terus mengamalkannya kerana imam memperpanjang bacaan solatnya.

"إِذَا أَمَمْتَ النَّاسَ", apabila engkau menjadi imam.

"وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ", lafaz hadis di atas menurut riwayat Muslim sedangkan menurut al-Bukhari disebutkan seperti berikut:

أَقْبَلَ رَجُلٌ بِنَاضِحَيْنِ، وَقَدْ جَنَحَ اللَّيْلُ فَوَافَقَ مُعَاذًا يُصَلِّي فَتَرَكَ نَاضِحَيْهُ، وَأَقْبَلَ إِلَى مُعَاذٍ فَقَرَأَ مُعَاذٌ سُورَةَ الْبَقَرَةِ أَوْ النِّسَاءِ، فَانْطَلَقَ الرَّجُلُ بَعْدَ أَنْ قَطَعَ الْإِقْتِدَاءَ بِمُعَاذٍ وَأَتَمَّ صَلَاتَهُ مُنْفَرِدًا، فَبَلَغَ ذَلِكَ مُعَاذٌ فَقَالَ: إِنَّهُ مُنَافِقٌ، فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَشَكَا مُعَاذًا، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَفَتَّانٌ أَنْتَ يَا مُعَاذُ؟ وَفَتَّانٌ أَنْتَ يَا مُعَاذُ - ثَلَاثَ مِرَّاتٍ - فَلَوْ صَلَّيْتَ بِسَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ، وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا، وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَى، فَإِنَّهُ يُصَلِّي وَرَاءَكَ الْكَبِيرُ وَالضَّعِيفُ وَذُو الْحَاجَةِ.

"Seorang lelaki tiba dengan membawa dua ekor unta pengangkut air, sedangkan hari mula memasuki malam. Dia menjumpai Mu'adz yang sedang solat, lalu dia meninggalkan kedua unta pengangkut airnya, kemudian bergabung dengan Mu'adz (bermakmum kepadanya). Mu'adz membaca Surat al-Baqarah atau Surah al-Nisa', lalu lelaki tersebut pergi setelah memutuskan bermakmum kepada Mu'adz dan menyelesaikan solatnya secara bersendirian. Ketika itu sampai kepada Mu'adz, dia berkata: "Sesungguhnya dia itu orang munafik." Kemudian lelaki itu menemui Nabi (s.a.w) untuk mengadukan masalah ini. Nabi (s.a.w) berkata (setelah memanggil Mu'adz): "Wahai Mu'adz, apakah engkau ini tukang fitnah? Engkau adalah orang yang banyak membuat fitnah." Kalimat ini diucapkan baginda sebanyak tiga kali, (lalu Nabi (s.a.w) melanjutkan sabdanya: "Alangkah baiknya apabila engkau solat dengan membaca "سَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ" (Surah al-A'la), " وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا" (Surah al-Syams), dan "وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَى" (Surah al-Lail). Ini kerana sesungguhnya orang yang solat di belakangmu itu terdiri daripada orang tua, orang lemah dan orang yang banyak mempunyai keperluan penting."

"أَقْبَلَ رَجُلٌ", nama lelaki tersebut masih dipertikai di sisi ulama. Menurut satu pendapat, dia adalah Hazm ibn Ubay ibn Ka'ab. Menurut pendapat lain adalah Haram ibn Mulhan, dan pendapat yang lain lagi mengatakan bahawa dia adalah Salim.

"بِنَاضِحَيْنِ", bentuk *tatsniyah* dari lafaz "ناضح". Menurut makna asalnya ialah unta yang diguna untuk mengangkut air minum, kemudian ia digunakan untuk setiap unta, sekalipun tidak untuk mengangkut air.

"جَنَحَ اللَّيْلُ", malam mula tiba.

“فَتَرَكَ نَاضِحَيْهُ”, lalu lelaki itu meninggalkan kedua untanya di luar masjid, kerana dia adalah seorang pekerja dan tidak mempunyai pembantu yang dapat menggantikannya untuk menangani pekerjaannya.

“بَعْدَ أَنْ قَطَعَ ٱلإِقْتِدَاءَ بِمُعَاذٍ وَأَتَمَّ صَلاَتَهُ مُنْفَرِدًا”, memutuskan bermakmum solat kepada Mu’adz, tetapi dia tidak membatalkan solatnya, melainkan menyelesaikannya seorang diri, sebab bacaan solat Mu’adz terlampau panjang.

“إِنَّهُ مُنَافِقٌ”, sesungguhnya dia telah berbuat seperti apa yang dilakukan oleh orang munafik dengan meninggalkan solat berjamaah.

“أَفَتَّانٌ أَنْتَ”, kalimat ini berkedudukan sebagai penyebab munculnya larangan tersebut. Dengan erti kata lain, apakah engkau ingin membuat orang lain melarikan diri dari mengamalkan agamanya dan menghalang mereka untuk mengamalkannya?

“الْكَبِيرُ”, orang yang sudah lanjut usia.

“وَالضَّعِيفُ”, lawan kata kuat. Pengertiannya lebih umum daripada hanya sekadar lemah seluruh anggota tubuhnya atau salah satu daripadanya.

“وَذُو الْحَاجَةِ”, orang yang sedang dalam keadaan darurat, atau mempunyai keperluan yang sangat penting.

Fiqh Hadis

1. Hukuman takzir boleh dilakukan hanya sekadar dengan kata-kata dengan cara memberikan kecaman.
2. Disyariatkan memprotes perbuatan seseorang yang menjurus kepada perbalahan jamaah.
3. Dalam solat berjamaah dianjurkan memperhatikan keadaan para makmum.
4. Keperluan penting yang menyangkut urusan duniawi merupakan satu keuzuran yang dapat mempersingkat pelaksanaan solat, kerana hati (fikiran) disibukkan olehnya hingga seseorang tidak dapat melakukan khusyuk dengan sempurna.
5. Perintah untuk mempercepat pelaksanaan solat tetapi tetap dilakukan dengan sempurna dan hukuman takzir bagi orang yang memperpanjang bacaan solatnya apabila para makmum tidak setuju dengan tindakannya itu.
6. Makmum boleh memutuskan solat berjamaah kerana adanya uzur dan boleh meninggalkan tempat solat berjamaah setelah dia menyelesaikan solatnya itu.
7. Boleh membaca pertengahan surah *mufassal* dalam solat Isyak berjamaah.

٣٣٠- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا فِي قِصَّةِ صَلاَةِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالنَّاسِ، وَهُوَ مَرِيضٌ - قَالَتْ: فَجَاءَ حَتَّى جَلَسَ عَنْ يَسَارِ أَبِي بَكْرٍ، فَكَانَ يُصَلِّي بِالنَّاسِ جَالِسًا وَأَبُو بَكْرٍ قَائِمًا، يَقْتَدِي أَبُو بَكْرٍ بِصَلاَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَيَقْتَدِي النَّاسُ بِصَلاَةِ أَبِي بَكْرٍ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

330. Daripada Aisyah (r.a) yang menceritakan kisah solat Rasulullah (s.a.w) ketika menjadi imam kepada orang ramai, sedangkan baginda dalam keadaan sakit: “Nabi (s.a.w) datang, lalu duduk di sebelah kiri Abu Bakar. Baginda solat sambil duduk

menjadi imam kepada orang ramai, sedangkan Abu Bakar berdiri. Abu Bakar bermakmum kepada Nabi (s.a.w), sedangkan orang ramai bermakmum kepada Abu Bakar.” (Muttafaq alaih)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) mengajarkan sopan santun kepada hamba-hamba-Nya yang beriman di mana tidak seorang pun di antara mereka yang berani melangkah di hadapan Rasulullah (s.a.w) kerana menghormatinya, kecuali jika baginda mengizinkannya.

Allah (s.w.t) berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تُقَدِّمُواْ بَيْنَ يَدَيِ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦۖ ..... ﴿١﴾

“*Hai orang yang beriman janganlah kamu mendahului Allah dan Rasul-Nya...*” (Surah al-Hujurat: 1)

Ketika sakit yang diderita Rasulullah (s.a.w) mula membaik, baginda menemui jamaah solat, sementara Abu Bakar sedang menjadi imam kepada mereka. Melihat kedatangan Rasulullah (s.a.w), sahabat yang bermakmum di belakang Abu Bakar lalu bertakbir, kemudian Abu Bakar mundur dan menjadi makmum sekali gus menjadi mubaligh bagi imamnya, padahal sebelum itu dia menjadi imam solat. Meskipun Rasulullah (s.a.w) memberikan isyarat kepadanya agar tetap berada di tempatnya sebagai imam, tetapi demi mengamalkan sopan santun, maka Abu Bakar pun segera mundur, hingga dia berkata kepada Rasulullah (s.a.w) sesudah selesai mengerjakan solat: :”Tidaklah patut bagi Ibn Abu Quhafah (yakni dirinya) mendahului Rasulullah.” Akhirnya dia mengerjakan solat di sebelah kiri Nabi (s.a.w) sebagai mubaligh (juru penyampai takbir imam) bagi orang yang bermakmum di belakangnya menerusi suaranya.

Analisis Lafaz

“قِصَّةِ صَلاَةِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالنَّاسِ”, hadis ini terdapat di dalam Shahih al-Bukhari disebutkan di dalam bab: “seseorang bermakmum kepada imam dan orang ramai bermakmum kepadanya.” Daripada Aisyah (r.a), beliau menceritakan:

لَمَّا ثَقُلَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَاءَ بِلاَلٌ يُؤْذِنُهُ بِالصَّلاَةِ، فَقَالَ: مُرُوا أَبَا بَكْرٍ أَنْ يُصَلِّيَ بِالنَّاسِ، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّ أَبَا بَكْرٍ رَجُلٌ أَسِيفٌ، وَإِنَّهُ مَتَى مَا يُقِمْ مَقَامَكَ لاَ يُسْمِعُ النَّاسَ، فَلَوْ أَمَرْتَ عُمَرَ، فَقَالَ: مُرُوا أَبَا بَكْرٍ يُصَلِّي بِالنَّاسِ، فَقُلْتُ لِحَفْصَةَ: قُولِي لَهُ: إِنَّ أَبَا بَكْرٍ رَجُلٌ أَسِيفٌ، وَإِنَّهُ مَتَى يَقُمْ مَقَامَكَ، لاَ يُسْمِعُ النَّاسَ فَلَوْ أَمَرْتَ عُمَرَ، قَالَ: إِنَّكُنَّ لأَنْتُنَّ صَوَاحِبُ يُوسُفَ، مُرُوا أَبَا بَكْرٍ أَنْ يُصَلِّيَ بِالنَّاسِ، فَلَمَّا دَخَلَ فِي الصَّلاَةِ وَجَدَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي نَفْسِهِ خِفَّةً، فَقَامَ يُهَادَى بَيْنَ رَجُلَيْنِ وَرِجْلاَهُ تَخُطَّانِ عَلَى الأَرْضِ حَتَّى دَخَلَ الْمَسْجِدَ، فَلَمَّا سَمِعَ أَبُو بَكْرٍ حِسَّهُ ذَهَبَ أَبُو بَكْرٍ يَتَأَخَّرُ فَأَوْمَأَ إِلَيْهِ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى جَلَسَ عَنْ يَسَارِ أَبِي بَكْرٍ، فَكَانَ أَبُو بَكْرٍ يُصَلِّي قَائِمًا، وَكَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي

قَاعِدًا يَقْتَدِي أَبُو بَكْرٍ بِصَلاَةِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالنَّاسُ مُقْتَدُونَ بِصَلاَةِ أَبِي بَكْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ.

"Ketika Rasulullah (s.a.w) menderita sakit tenat, datanglah Bilal memberitahukan masuknya waktu solat. Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Perintahkan orang ramai supaya solat bersama Abu Bakar." Aku berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya Abu Bakar adalah seorang yang sentimental. Jika dia menempati kedudukanmu, nescaya dia tidak dapat memperdengarkan (bacaannya) kepada orang ramai. Mengapa tuan tidak memerintahkan Umar? Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Suruhlah Abu Bakar agar solat bersama orang ramai." Lalu aku berkata kepada Hafsah: "Katakan kepadanya, bahawa sesungguhnya Abu Bakar itu seorang yang sentimental. Jika dia disuruh untuk menggantikan kedudukannya, nescaya dia tidak dapat memperdengarkan bacaannya kepada orang ramai. Sebaiknya suruhlah Umar." Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya kamu ini benar-benar seperti teman-teman wanita Nabi Yusuf. Suruhlah Abu Bakar agar solat bersama orang ramai!" Ketika Abu Bakar telah memulakan solat, Rasulullah (s.a.w) merasa ringan daripada sakitnya, lalu baginda bangun dengan terhuyung-hayang dan melangkahkan kedua kakinya seraya dibimbing di atas tanah hingga memasuki masjid. Ketika Abu Bakar merasa kedatangan baginda, Abu Bakar pun mundur ke belakang, sekalipun Rasulullah (s.a.w) memberi isyarat kepadanya (supaya tetap berada di tempatnya). Maka Rasulullah (s.a.w) duduk di sebelah kiri Abu Bakar yang sedang solat sambil berdiri, sedangkan Rasulullah (s.a.w) solat sambil duduk. Abu Bakar bermakmum kepada solat Rasulullah (s.a.w), sedangkan orang ramai mengikuti solat Abu Bakar (r.a).

"لَمَّا ثَقُلَ رَسُولُ اللهِ", sakit yang membawa kewafatannya kian bertambah parah.

"جَاءَ بِلاَلٌ يُؤْذِنُهُ بِالصَّلاَةِ", Bilal memberitahu Rasulullah (s.a.w) yang waktu solat sudah tiba.

"رَجُلٌ أَسِيفٌ", lelaki yang sentimental, berhati lembut dan mudah menangis.

"مَتَى مَا يُقِمْ مَقَامَكَ لاَ يُسْمِعُ النَّاسَ", apabila menjadi imam, nescaya dia tidak dapat memperdengarkan bacaannya kepada orang ramai kerana suaranya amat perlahan.

Hafsah binti Umar ibn al-Khatthab Ummu al-Mu'minin berasal dari kabilah al-Adawiyyah. Beliau meriwayatkan 60 hadis, dan saudara lelakinya yang bernama Abdullah telah mengambil riwayat daripadanya. Ibn Abu Haitsamah mengatakan bahawa Hafsah (r.a) meninggal dunia pada tahun 41 Hijriah.

"إِنَّكُنَّ لأَنْتُنَّ صَوَاحِبُ يُوسُفَ", sesungguhnya kami ini seperti teman-teman wanita Nabi Yusuf (a.s) dalam memperlihatkan perkara-perkara yang bertentangan dengan apa yang tersimpan di dalam hati. Maksud Aisyah ialah ayahnya tidak perlu berdiri di tempat Nabi (s.a.w) sebagai imam solat kerana akan menimbulkan pelbagai soalan di kalangan orang ramai yang bermakmum di belakangnya. Ini sama dengan Zulaikha, isteri al-Aziz yang menjamu kaum wanita dan beramah mesra dengannya, tetapi maksud sebenar ialah supaya mereka dapat melihat ketampanan Nabi Yusuf (a.s). Setelah itu, mereka memahami kenapa Zulaikha cinta kepada Nabi Yusuf (a.s).

"يُهَادَى", dibimbing.

"وَرِجْلاَهُ تَخُطَّانِ عَلَى الأَرْضِ", Nabi (s.a.w) melangkahkan kedua kakinya seraya dia berjalan di atas tanah kerana tidak mampu mengangkatnya. Nabi (s.a.w) berjalan dengan langkah yang terhuyung-hayang ketika mengangkat kedua kakinya.

"حِسَّهُ", suaranya.

"أَوْمَأَ", memberi isyarat kepada Abu Bakar dengan tujuan supaya tetap berada di tempat itu sebagai imam solat.

"مُقْتَدُونَ", mengikuti.

"بِصَلاَةِ أَبِي بَكْرٍ", Abu Bakar mengerjakan solat sambil bermakmum kepada Rasulullah (s.a.w).

Fiqh Hadis

.

1. Seseorang dibolehkan mengerjakan solat di sebelah kanan imam, sekalipun ada orang lain bersamanya.
2. Keutamaan Abu Bakar (r.a) ke atas sahabat yang lain.
3. Boleh mengikuti solat orang yang bermakmum.
4. Boleh mengangkat suara ketika membaca takbir supaya boleh didengar oleh para makmum.
5. Boleh mengikuti suara makmum.
6. Orang yang solat sambil berdiri boleh bermakmum di belakang orang yang solat sambil duduk. Tetapi masalah ini masih dipertikai di sisi ulama seperti mana yang telah diuraikan sebelum ini.

٣٣١- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا أَمَّ أَحَدُكُمْ النَّاسَ فَلْيُخَفِّفْ، فَإِنَّ فِيهِمْ الصَّغِيرَ وَالْكَبِيرَ وَالضَّعِيفَ وَذَا الْحَاجَةِ، فَإِذَا صَلَّى وَحْدَهُ فَلْيُصَلِّ كَيْفَ شَاءَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

331. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah bersabda: "*Jika seseorang di antara kamu menjadi imam solat kepada orang ramai, maka hendaklah dia meringankan pelaksanaan solatnya itu, kerana sesungguhnya di antara mereka (orang yang bermakmum kepadanya) ada kanak-kanak, orang tua, orang yang lemah, dan orang yang mempunyai keperluan penting. Jika dia mengerjakan solat seorang diri, maka lakukanlah solat seperti apa yang dia kehendaki.*" (Muttafaq 'alaih)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) memberikan bimbingan dan penyuluh kepada para imam dan ulama kaum muslimin untuk memudahkan orang yang mengerjakan solat. Baginda menyuruh mereka mengambil kira keadaan makmum. Tidak boleh memperpanjang bacaan solat sehingga tidak menjenuhkan, tidak pula mempercepat bacaan solat sehingga mengakibatkan solat menjadi tidak sempurna. Inilah bimbingan Nabi (s.a.w) bagi seorang imam solat. Jika seseorang solat seorang diri, dia boleh melakukannya sesuka hatinya, meskipun dalam waktu yang

lama selagi waktu solat masih ada. Tetapi jika waktu solat telah habis, maka perbuatan itu dianggap melampau.

Analisis Lafaz

"إِذَا أَمَّ أَحَدُكُمْ النَّاسَ", apabila seseorang di antara kamu menjadi imam solat kepada orang ramai.

"الْكَبِيرَ", orang yang sudah lanjut usia.

"الضَّعِيفَ", lemah tubuh atau lemah akibat penyakit atau kelelahan.

"ذَا الْحَاجَةِ", orang yang selalu disibukkan dengan kepentingannya, seperti seorang ibu yang mempunyai bayi, ibu yang menyusukan anak, ibu yang sedang hamil, orang sudah lapar, dan lain-lain sebagainya yang merasa sengsara apabila solat dalam waktu yang lama.

"فَإِذَا صَلَّى وَحْدَهُ", apabila dia solat seorang diri.

"فَلْيُصَلِّ كَيْفَ شَاءَ", maka dia bebas melakukan solatnya. Dia boleh memanjangkan bacaan solat sesuka hatinya selagi waktu solat masih ada. Jika waktu solat telah habis, sedangkan dia masih melaksanakan solat, maka itu dianggap perbuatan melampau.

Fiqh Hadis

1. Disunatkan meringankan solat demi menjaga keadaan para makmum, tetapi semua rukun solat mesti tetap dikerjakan dengan sempurna.
2. Keperluan yang bersifat duniawi termasuk uzur yang membolehkan seseorang meringankan solat, kerana hati seseorang sentiasa memikirkannya sehingga dia tidak dapat melakukan solat dengan khusyuk.

٣٣٣- عَنْ عَمْرِو بْنِ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ أَبِي: جِئْتُكُمْ مِنْ عِنْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَقًّا. قَالَ: "فَإِذَا حَضَرَتْ الصَّلاَةُ فَلْيُؤَذِّنْ أَحَدُكُمْ، وَلْيَؤُمَّكُمْ أَكْثَرُكُمْ قُرْآنًا"، قَالَ: فَنَظَرُوا فَلَمْ يَكُنْ أَحَدٌ أَكْثَرَ قُرْآنًا مِنِّي، فَقَدَّمُونِي، وَأَنَا ابْنُ سِتٍّ أَوْ سَبْعِ سِنِينَ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ.

333. Daripada Amr ibn Salamah (r.a), beliau berkata: "Ayahku berkata: "Aku mendatangi kamu dari sisi Nabi (s.a.w). Sesungguhnya baginda bersabda: "Jika waktu solat telah tiba, maka hendaklah seseorang di antara kamu mengumandangkan azan dan orang yang paling banyak hafal al-Qur'an hendaklah menjadi imam kamu." Amr ibn Salamah melanjutkan kisahnya: "Mereka saling memandang dan ternyata tidak seorang pun yang lebih banyak hafal al-Qur'an selain diriku. Lantas mereka meminta diriku menjadi imam solat. Ketika itu aku baru berusia enam atau tujuh tahun." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari, Abu Dawud dan al-Nasa'i)

Makna Hadis

Imam solat memiliki kedudukan yang tinggi. Oleh itu, orang yang hendak menjadi imam solat hendaklah banyak hafal al-Qur'an, menguasai ilmu fiqh dan alim. orang bermakmum hendaklah memiliki imam solat yang memiliki kriteria seperti itu supaya solat mereka tidak batal. Oleh itu, Nabi (s.a.w) menganjurkan orang yang menjadi imam solat adalah orang yang paling banyak hafal al-Qur'an, sekalipun usianya masih muda.

Amr ibn Salamah yang disebut di dalam hadis ini biasa belajar al-Qur'an kepada para delegasi yang baru berjumpa Rasulullah (s.a.w) lalu mereka singgah di kabilahnya. Dia hafal seluruh al-Qur'an kerana belajar kepada mereka. Ketika kaumnya masuk Islam, dia menjadi imam solat bagi mereka, kerana hanya dirinya yang paling banyak hafal al-Qur'an.

Dari hadis ini dapat disimpulkan bahawa kanak-kanak yang sudah mumayyiz dibolehkan menjadi imam solat kepada orang dewasa yang sudah baligh, dan orang yang solat fardu boleh bermakmum di belakang orang yang solat sunat. Namun, menurut pendapat yang menyatakan tidak boleh iaitu menurut Imam Malik dan Imam Abu Hanifah, itu hanya berlaku pada masa permulaan Islam atau hanya dibolehkan dalam solat sunat, bukannya dalam solat fardu.

Analisis Lafaz

"قَالَ أَبِي", ayahku berkata. Namanya Salamah ibn Nafi' al-Jurmi, salah seorang sahabat Rasulullah (s.a.w) dan riwayat hadisnya telah diambil oleh Jabir al-Jurmi. Beliau mengambil riwayat daripada Mus'ir ibn Habib.

"جِئْتُكُمْ مِنْ عِنْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَقًّا", yakni daripada seorang yang kenabiannya adalah benar. Dia pesuruh Allah yang diutus oleh-Nya untuk membawa berita gembira dan peringatan kepada seluruh umat manusia.

"فَلَمْ يَكُنْ أَحَدٌ أَكْثَرَ قُرْآنًا مِنِّي", tiada seorang pun yang lebih banyak hafal al-Qur'an selain diriku. Dia berkata demikian kerana dia banyak belajar al-Qur'an kepada orang yang baru datang menemui Rasulullah (s.a.w) sebagai delegasi kaumnya. Itu terjadi sebelum ayah dan kaumnya masuk Islam. Di dalam sebahagian naskhah disebutkan: "فلم يكن أحد أكثر قرآنا منى".

"فَقَدَّمُونِي", maka mereka menjadikan diriku sebagai imam solat mereka.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan mengumandangkan azan untuk solat lima waktu apabila masing-masing waktunya telah tiba.
2. Kedudukan imam lebih utama daripada juru azan.
3. Orang yang paling berhak menjadi imam ialah orang yang paling banyak hafal al-Qur'an.
4. Kanak-kanak boleh menjadi imam menurut pendapat Imam al-Syafi'i. Tetapi Imam Malik tidak membolehkannya. Sedangkan Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad membolehkannya hanya dalam solat sunat, bukan solat fardu.

٣٣٤- عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَؤُمُّ الْقَوْمَ أَقْرَؤُهُمْ لِكِتَابِ اللهِ، فَإِنْ كَانُوا فِي الْقِرَاءَةِ سَوَاءً فَأَعْلَمُهُمْ بِالسُّنَّةِ، فَإِنْ كَانُوا فِي السُّنَّةِ سَوَاءً فَأَقْدَمُهُمْ هِجْرَةً، فَإِنْ كَانُوا فِي الْهِجْرَةِ سَوَاءً فَأَقْدَمُهُمْ سِلْمًا -وَفِي رِوَايَةٍ: سِنًّا- وَلاَ يَؤُمَّنَّ الرَّجُلُ اَلرَّجُلَ فِي سُلْطَانِهِ، وَلاَ يَقْعُدْ فِي بَيْتِهِ عَلَى تَكْرِمَتِهِ إِلاَّ بِإِذْنِهِ". رَوَاهُ مُسْلِم.

وَلِإِبْنِ مَاجَه مِنْ حَدِيثِ جَابِرٍ: "وَلاَ تَؤُمَّنَّ امْرَأَةٌ رَجُلاً، وَلاَ أَعْرَابِيٌّ مُهَاجِرًا، وَلاَ فَاجِرٌ مُؤْمِنًا". وَإِسْنَادُهُ وَاهٍ.

334. Daripada Abu Mas'ud (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Orang yang mengimami solat bagi kaumnya adalah orang yang paling banyak hafal al-Qur'an. Jika mereka sama-sama hafal al-Qur'an, maka orang yang paling alim dalam Sunnah (hadis) hendaklah diutamakan. Jika mereka sama-sama alim dalam Sunnah, maka orang yang paling dahulu berhijrah hendaklah diutamakan. Apabila mereka sama-sama dalam berhijrah lebih dahulu, maka orang yang paling dahulu masuk Islam hendaklah diutamakan.*" Di dalam riwayat yang lain disebutkan: "*Hendaklah orang paling tua usianya diutamakan. Jangan sekali-kali seorang lelaki menjadi imam kepada lelaki lain di dalam wilayah kekuasaannya dan jangan pula dia duduk di dalam rumahnya yang merupakan tempat khusus baginya, kecuali setelah mendapatkan kebenaran daripada.*" (Riwayat Muslim)

Menurut riwayat Ibn Majah daripada Jabir (r.a) disebutkan: "*Dan jangan sekali-kali seorang wanita menjadi imam kepada seorang lelaki, orang badwi menjadi imam orang Muhajir, dan jangan pula orang yang fajir (fasik) menjadi imam kepada seorang mukmin.*" (Sanad hadis ini dha'if)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) amat mementingkan masalah imam solat, sebab ia merupakan kedudukan yang tinggi. Seorang imam adalah juru syafaat sekali gus penjamin dan oleh kerananya, Nabi (s.a.w) mensyaratkan menyuruh imam solat itu adalah orang yang paling banyak hafal al-Qur'an. Dalam kaitan ini, baginda bersabda: "Hendaklah yang menjadi imam mereka adalah orang yang paling banyak hafal al-Qur'an di kalangan mereka." Maksudnya ialah orang yang paling memahami al-Qur'an, kerana para sahabat apabila membaca suatu ayat, mereka tidak berani meneruskannya membaca ayat berikutnya sebelum menguasai hukum-hakam dan makna-makna yang terkandung di dalamnya. Dengan demikian, pengertian *al-Aqra'* pada masa permulaan Islam ialah orang yang paling 'alim mengenai al-Qur'an. Jika terjadi kekeliruan di dalam solat, maka imam dapat memperbetulkannya kerana dia memiliki kefahaman yang memadai tentang al-Qur'an. Jika tidak faham al-Qur'an, pastilah dia tidak mampu memperbaiki kesalahannya itu.

Seorang imam tidak disyaratkan mesti bersikap adil, kerana para sahabat pada zaman dahulu mengerjakan solat di belakang imam-imam yang zalim, meskipun disunatkan imam solat itu adalah seorang yang bersikap adil.

Analisis Lafaz

"أَقْرَؤُهُمْ لِكِتَابِ اللهِ", orang yang mengimami mereka adalah orang yang paling banyak hafal al-Qur'an.

"فَإِنْ كَانُوا فِي الْقِرَاءَةِ سَوَاءً", kadar hafalan, tajwid dan zamannya sama.

"فَأَعْلَمُهُمْ بِالسُّنَّةِ", maka orang yang paling mengetahui hukum-hakam solat dan apa-apa yang ditegaskan oleh Rasulullah (s.a.w) tentang masalah solat.

"فَأَقْدَمُهُمْ هِجْرَةً", orang yang paling dahulu berhijrah dari Mekah ke Madinah sebelum masa penaklukan Mekah. Ini sebagai satu penghormatan yang tidak dimiliki oleh orang yang berhijrah agak terlewat sedikit, sebab orang yang paling dahulu hijrah pada umumnya memiliki ilmu yang lebih mantap melebihi orang yang hijrah sesudah itu. Allah (s.w.t) berfirman:

..... لَا يَسْتَوِى مِنكُم مَّنْ أَنفَقَ مِن قَبْلِ ٱلْفَتْحِ وَقَـٰتَلَ ..... ﴿١٠﴾

"*... Tidak sama kedudukan orang yang membelanjakan (hartanya) dengan orang yang berperang sebelum penaklukan (Mekah)...*" (Surah al-Hadid: 10)

"سِلْمًا", orang yang paling dahulu masuk Islam.

"سِنًّا", orang yang paling tua umurnya sesudah masuk Islam.

"وَلاَ يَؤُمَّنَّ الرَّجُلُ اَلرَّجُلَ فِي سُلْطَانِهِ", tuan rumah, pemimpin majlis serta imam masjid lebih berhak menjadi imam daripada yang lain. Orang yang tinggal di kawasan itu lebih berhak untuk menjadi imam solat. Dia boleh menjadi imam solat jika mahu atau menyuruh orang yang dikehendakinya untuk menjadi imam. Ini kerana dia berada di daerah kekuasaannya dan oleh kerananya, dia berhak melakukan apa yang dikehendakinya.

"وَلاَ يَقْعُدْ فِي بَيْتِهِ عَلَى تَكْرِمَتِهِ", dan janganlah menduduki tempat yang khusus di dalam rumahnya seperti permaidani dan hamparan lain yang khusus bagi pemilik rumah.

"وَلاَ تَؤُمَّنَّ امْرَأَةٌ رَجُلاً", dan jangan sekali-kali seorang wanita menjadi imam kepada seorang lelaki.

"وَلاَ أَعْرَابِيٌّ مُهَاجِرًا", dan jangan pula orang badwi menjadi imam kepada orang muhajir. *Al-A'rabi* ialah orang yang tinggal di daerah pedalaman. *Al-Muhajir* pula ialah orang yang berhijrah dari Mekah ke Madinah, lalu tinggal di kota. Orang muhajir lebih utama daripada orang kampung.

"فَاجِرٌ", orang yang bergelimang dalam berbuat maksiat.

"وَإِسْنَادُهُ وَاهٍ", sanad hadis ini dha'if kerana di dalamnya terdapat Abdullah ibn Muhammad al-'Adawi yang diyakini sering memalsukan hadis.

Fiqh Hadis

1. Mendirikan solat merupakan salah satu sendi agama yang paling penting. Oleh itu, Rasulullah (s.a.w) menjelaskan bahawa orang yang menjadi imam mestilah orang yang paling sempurna, kemudian orang yang berada di bawahnya.
2. Tidak boleh menjadi imam solat di daerah kekuasaan orang lain, kecuali setelah mendapat kebenaran.

3. Tidak boleh duduk di atas permaidani dan tikar yang khusus disediakan untuk tuan rumah, kecuali setelah mendapat kebenaran.
4. Wanita tidak boleh menjadi imam solat kepada lelaki. Jumhur ulama mengatakan bahawa tidak sah seorang wanita yang menjadi imam solat kepada sekumpulan lelaki. Jika menjadi imam solat kepada sesama kaum wanita, maka masalah ini masih diperselisihkan. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad meriwayatkan daripada Imam Malik bahawa seorang wanita boleh menjadi imam solat kepada sesama kaum wanita. Mereka mengatakan demikian kerana berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh al-Daruquthni dan al-Baihaqi daripada Ra'ithah al-Hanafiyyah yang telah menceritakan bahawa Aisyah (r.a) pernah menjadi imam solat mereka (kaum wanita); beliau berdiri di antara mereka dalam solat fardu (sebagai imam). Menurut Mazhab Maliki, wanita tidak boleh secara mutlak menjadi imam solat kepada sesama wanita, sama ada dalam solat fardu ataupun solat sunat. Pendapat ini bersumber daripada riwayat Imam Malik. Mereka mengatakan bahawa sesungguhnya sifat wanita itu telah disyariatkan sebagai makhluk yang kurang akal dan kurang agamanya. Oleh itu, seorang wanita tidak sah menjadi imam solat. Menurut mazhab Hanafi, wanita makruh menjadi imam solat. Sedangkan menurut Ibn al-Hammam, salah seorang pengikut mazhab Hanafi, wanita boleh tanpa sebarang hukum makruh menjadi imam solat.
5. Orang Arab badwi makruh menjadi imam kepada orang muhajir.
6. Pelaku maksiat tidak boleh menjadi imam solat kepada orang mukmin. Jumhur ulama mengatakan bahawa sah solat orang yang bermakmum di belakang orang fasik, meskipun itu dianggap makruh. Ini kerana menurut mereka sifat adil bukan syarat bagi seseorang yang hendak menjadi imam solat. Pendapat ini diperkuat oleh satu hadis:

   صَلُّوْا خَلْفَ مَنْ قَالَ: لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ.

   "*Solatlah kamu di belakang orang yang telah mengucapkan kalimat* "لا إله إلا الله" *'Tidak ada tuhan selain Allah'.*" Menurut mazhab Hanbali, seorang imam disyaratkan bersikap adil dan oleh kerananya, tidak sah solat yang bermakmum di belakang imam fasik. Mereka mengatakan bahawa orang fasik tidak dapat diterima beritanya, kerana ada sesuatu di dalam agamanya yang mirip dengan orang kafir. Namun jika dikhuatiri berlaku suatu mudharat kerana dia tidak disuruh menjadi imam solat, maka seseorang boleh solat di belakangnya, tetapi orang itu kemudian mesti mengulangi solatnya semula seorang diri. Sungguhpun begitu, solat Jumaat dan solat hari raya tidak perlu diulang apabila merasa sukar untuk bermakmum di belakang orang lain selain orang fasik itu.

٣٣٥- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "رُصُّوا صُفُوفَكُمْ، وَقَارِبُوا بَيْنَهَا، وَحَاذُوا بِالْأَعْنَاقِ." رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

335. Daripada Anas (r.a) daripadea Nabi (s.a.w), baginda bersabda: "*Rapatkan saf-saf kamu, dekatkan jarak di antara saf-saf itu dan luruskan leher-leher (kamu).*"

(Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i serta dinilai sebagai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Orang yang solat itu sesungguhnya sedang menghadap Allah (s.w.t) manakala saf mereka itu umpama barisan para mujahid. Solat merupakan perbuatan mendekatkan diri kepada Allah sekali gus jihad. Nabi (s.a.w) adalah seorang panglima yang hebat dan imam yang selalu mengharapkan kebaikan bagi umatnya. Baginda memerintahkan kaum muslimin merapatkan saf dalam solat, meratakannya serta menutupi semua celahnya. Tujuannya adalah supaya syaitan tidak dapat memasuki celah-celah saf dan mengganggu kaum muslimin yang sedang mengerjakan solat. Kebanyakan orang mengambil mudah akan masalah ini. Tetapi tidak demikian bagi orang yang dikurniakan taufik oleh Allah (s.w.t).

Perintah meratakan dan merapatkan saf serta menutupi semua celah dan meratakan leher ini telah disebutkan Allah (s.w.t) dalam firman-Nya:

إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِهِۦ صَفًّا كَأَنَّهُم بُنۡيَٰنٌ مَّرۡصُوصٌ ﴿٤﴾

"*Sesungguhnya Allah suka kepada orang yang berperang di jalanNya dalam barisan yang teratur, seakan-akan mereka itu bangunan yang berdiri kukuh.*" (Surah al-Shaff: 4)

Analisis Lafaz

"رُصُّوا صُفُوفَكُمْ", rapatkan barisan (saf) kamu sehingga tiada celah sedikit pun di antara kamu.

"وَقَارِبُوا بَيْنَهَا", dekatkan masing-masing saf dengan yang lain dalam jarak kurang lebih tiga hasta. Nabi (s.a.w) memerintahkan agar kaum muslimin merapatkan tubuh masing-masing dengan orang yang berada di sampingnya supaya ruh-ruh mereka menyatu dan tercipta kerukunan di antara sesama mereka sehingga syaitan tidak mampu menggoda mereka.

"وَحَاذُوا بِالْأَعْنَاقِ", jadikan leher setiap orang di antara kamu lurus dengan leher orang yang berada di sebelahnya.

"رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ", hadis ini diriwayatkan oleh Abu Dawud. Apabila dilihat lafaznya, terdapat tambahan seperti berikut ini:

فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ، إِنِّي لَأَرَى الشَّيْطَانَ يَدْخُلُ مِنْ خَلَلِ الصَّفِّ كَأَنَّهَا الْحَذَفُ.

"*Demi Tuhan Yang jiwaku berada dalam genggaman-Nya, sesungguhnya aku benar-benar melihat syaitan masuk di antara celah-celah saf. Ia umpama anak kambing hitam (yang menyusup masuk di tengah-tengah kumpulan kambing putih).*"

"فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ", sumpah ini diucapkan Nabi (s.a.w) untuk menguatkan lagi apa yang akan dikatakan sesudahnya di samping perkara itu amat penting untuk diambil kira.

“خَلَلِ الصَّفِّ”, celah-celah saf.

“الْحَذَفُ”, adalah kambing kecil yang berwarna hitam dan ekornya pendek. Kambing ini berasal dari negeri Yaman.

Fiqh Hadis

1. Kaum muslimin yang mengerjakan solat diperintahkan meratakan barisan dan mendekatkan tubuh masing-masing dalam jarak yang minima.
2. Boleh bersumpah tanpa diminta untuk mengukuhkan sesuatu perkara dan menerangkan apa kesignifikannya.
3. Perbuatan merenggangkan saf dan tidak mendekatkan jarak di antara saf mengakibatkan syaitan masuk ke dalam saf orang yang sedang mengerjakan solat.

٣٣٦- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "خَيْرُ صُفُوفِ الرِّجَالِ أَوَّلُهَا، وَشَرُّهَا آخِرُهَا، وَخَيْرُ صُفُوفِ النِّسَاءِ آخِرُهَا، وَشَرُّهَا أَوَّلُهَا". رَوَاهُ مُسْلِم.

336. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: “*Sebaik-baik saf kaum lelaki adalah yang paling hadapan, dan seburuk-buruknya adalah saf yang paling belakang. Sebaik-baik saf wanita adalah yang paling belakang, sedangkan seburuk-buruknya adalah saf yang paling hadapan.*” (Diriwayatkan oleh Muslim)

Makna Hadis

Allah (s.w.t) beserta para malaikatNya mendoakan orang yang solat pada saf yang pertama agar memperoleh rahmat. Ini disebabkan posisi mereka yang berdekatan dengan imam di samping menempati saf yang pertama itu menjadikan seseorang itu lebih menumpukan perhatian terhadap solat yang dikerjakannya (khusyuk). Sekiranya sahaja orang tahu pahala di sebalik mengerjakan solat pada saf yang pertama, nescaya mereka akan mendatanginya sekalipun dengan cara merangkak.

Apa yang dimaksudkan dengan saf pertama adalah saf yang berada di dekat imam. Seburuk-buruk saf adalah saf yang paling belakang, kerana saf yang paling belakang itu sedikit pahalanya. Ini disebabkan orang yang berada pada saf paling belakang tidak begitu jelas mendengar bacaan imam di samping posisi mereka berdekatan dengan saf wanita. Dan adakalanya pula mereka mencuri-curi pandang ke arah saf kaum wanita sekiranya dalam solat jemaah itu terdapat kaum wanita. orang yang berhak menempati saf pertama dalam solat adalah lelaki yang cerdik dan pandai.

Saf yang paling baik bagi kaum wanita adalah yang paling belakang kerana jaraknya yang jauh dari saf kaum lelaki. Demikian itu jika kaum wanita solat berjemaah bersama kaum lelaki. Apabila kaum wanita solat berjemaah bersama

sesama kaum wanita, maka saf mereka sama seperti saf lelaki, iaitu saf pertama adalah lebih utama berbanding saf-saf di belakangnya.

Analisis Lafaz

"خَيْرُ صُفُوفِ الرِّجَالِ أَوَّلُهَا", saf kaum lelaki yang paling utama dan paling banyak pahalanya adalah saf yang paling hadapan kerana sesungguhnya Allah akan menurunkan rahmatNya dan mendahulukannya kepada mereka yang berada di saf pertama. Para malaikat juga memohonkan ampunan ke atas mereka yang berada di saf pertama kerana mereka ini adalah orang yang memiliki sifat-sifat yang mulia, menyaksikan secara langsung gerak-geri dan bacaan imam, mengikutinya serta menjadi contoh atau ikutan kepada orang yang berada di belakangnya. Apatah lagi mereka ini adalah orang yang paling dahulu tiba di masjid dan posisinya berdekatan dengan imam. Maka wajarlah jika mereka diberi keutamaan berbanding yang lainnya.

"وَشَرُّهَا آخِرُهَا", saf kaum lelaki yang paling sedikit pahalanya adalah saf yang paling belakang kerana mereka jauh dari imam dan tidak mendapat keutamaan khusus, iaitu tidak maju ke saf pertama serta berdekatan dengan saf kaum wanita.

"وَخَيْرُ صُفُوفِ النِّسَاءِ آخِرُهَا", saf kaum wanita yang paling banyak pahalanya ialah saf yang paling belakang, kerana mereka jauh dari kaum lelaki. Martabat mereka berada di belakang martabat kaum lelaki, maka saf yang paling belakanglah yang paling layak bagi mereka.

"وَشَرُّهَا أَوَّلُهَا", saf kaum wanita yang paling sedikit pahalanya ialah saf yang paling depan kerana mereka berdekatan dengan saf kaum lelaki.

Fiqh Hadis

1. Anjuran berada di saf pertama dan peringatan menjauhi saf pertama.
2. Jika kaum wanita mengerjakan solat berjamaah bersama kaum lelaki, saf yang paling afdhal bagi mereka adalah saf yang paling belakang. Dari sini dapat disimpulkan bahawa saf kaum wanita apabila berada di tempat yang lain, yakni tidak bergabung dengan saf kaum lelaki sama dengan saf kaum lelaki, di mana yang paling afdhal bagi mereka ialah saf yang paling depan dan saf yang paling sedikit pahalanya ialah saf yang paling belakang.
3. Kaum wanita disyariatkan membuat saf-saf yang sama dengan saf kaum lelaki.

٣٣٧- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: صَلَّيْتُ مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ لَيْلَةٍ، فَقُمْتُ عَنْ يَسَارِهِ، فَأَخَذَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِرَأْسِي مِنْ وَرَائِي، فَجَعَلَنِي عَنْ يَمِينِهِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْه.

17. Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Pada suatu malam, aku pernah solat bersama Rasulullah (s.a.w). Aku berdiri di sebelah kiri baginda, tetapi Rasulullah (s.a.w) memegang bahagian belakang kepalaku, lalu menjadikan diriku berada di sebelah kanannya." (Muttafaq alaih)

Makna Hadis

Para sahabat memiliki semangat ingin tahu yang luar biasa terhadap tindak-tanduk dan semua ucapan Rasulullah (s.a.w) untuk kemudian mereka ikuti. Abdullah ibn Abbas (r.a) sanggup menginap di rumah makciknya, Maimunah (r.a) pada malam makciknya itu mendapat giliran dari Rasulullah (s.a.w). Beliau ingin mengetahui kehidupan rumah tangga baginda dan cara baginda melaksanakan solat tahajjud. Ini baginya merupakan satu pengajaran yang kelak manfaatnya dapat diambil oleh umat dan bagaimana selayaknya seseorang berada di dalam rumahnya bersama keluarganya serta beribadah kepada Allah di dalam rumah.

Analisis Lafaz

"ذَاتَ لَيْلَةٍ", pada suatu malam. Malam tersebut merupakan malam giliran Maimunah (r.a), makcik Ibn Abbas (r.a) yang berkahwin dengan Rasulullah (s.a.w).

"فَأَخَذَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِرَأْسِي مِنْ وَرَائِي، فَجَعَلَنِي عَنْ يَمِينِهِ", baginda memindahkan diriku dari sebelah kiri ke sebelah kanannya.

Fiqh Hadis

1. Seorang anak yang telah mumayyiz boleh menginap di rumah mahramnya dengan syarat disertai suaminya.
2. Disunatkan melakukan qiyamul lail (solat sunat pada waktu malam hari).
3. Disyariatkan berjamaah ketika mengerjakan solat sunat.
4. Boleh bermakmum kepada orang yang tidak berniat menjadi imam solat.
5. Sah solat orang yang berada di sebelah kiri imam.
6. Perbuatan yang tidak banyak melakukan gerakan ketika di dalam solat tidak membatalkannya.
7. Tempat berdiri bagi satu orang makmum adalah di sebelah kanan imamnya.
8. Disyariatkan melakukan solat berjamaah, meskipun hanya dilakukan oleh seorang kanak-kanak dan imam. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i tanpa membezakan antara solat fardu dan solat sunat. Imam Malik dan suatu riwayat daripada Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa solat berjamaah seperti itu hanya diakui sah dalam solat sunat sahaja, sedangkan dalam solat fardu tidak. Dalam riwayat lain Imam Abu Hanifah dan begitu pula murid-muridnya mengatakan bahawa solat berjamaah tidak sah apabila hanya dilakukan oleh imam dan satu orang kanak-kanak.

٣٣٨- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: صَلَّى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُمْتُ وَيَتِيمٌ خَلْفَهُ، وَأُمُّ سُلَيْمٍ خَلْفَنَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

18. Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat, lalu aku berdiri bersama seorang anak yatim di belakangnya, sedangkan Ummu Sulaim berada di belakang kami." (Muttafaq alaih. Lafaz hadis menurut al-Bukhari)

Makna Hadis

Nabi (s.a.w) seorang yang bersifat rendah hati, berakhlak mulia dan seorang guru yang bijaksana. Baginda sering memeriksa keadaan para sahabatnya dan pergi berkunjung ke rumah-rumah mereka, lalu melakukan solat sunat di rumah mereka. Dengan solatnya itu secara tidak langsung baginda mengajarkan mereka bagaimana cara mengerjakan solat yang betul. Berita kunjungan itu menyebar kepada sahabat yang lain untuk kemudian dijadikan sebagai pengajaran dan sumber syariat.

Apa yang disebutkan di dalam hadis ini memuatkan keutamaan mengerjakan solat sunat di dalam rumah dan tempat berdiri para makmum dari posisi berdiri imam apabila mereka terdiri dariada lelaki dan wanita dan sebagainya seperti mana yang akan dihuraikan berikut ini.

Analisis Lafaz

"يَتِيمٌ", orang yang tidak mempunyai kedua ibu bapa sedangkan haiwan dikatakan yatim jika tidak lagi mempunyai induk. Nama anak yatim di sini adalah Dhamrah ibn Abu Dhamrah, pembantu Rasulullah (s.a.w). Beliau dan datuknya adalah sahabat. Beliau adalah datuk kepada Husain ibn Abdullah ibn Abu Dhamrah, termasuk salah seorang ulama Madinah.

"خَلْفَهُ", di belakang Rasulullah dalam satu saf.

"وَأُمُّ سُلَيْمٍ", nama asli ibu Anas (r.a) ialah Mulaikah binti Amr al-Sa'diyyah dan Zuhair ibn Mu'awiyah telah mengambil riwayat hadis daripadanya.

"خَلْفَنَا", di belakang saf kami.

Fiqh Hadis

1. Seorang pemimpin disyariatkan mengunjungi rumah sesetengah orang yang dipimpinnya bagi menyenangkan hati mereka.
2. Rasulullah (s.a.w) sentiasa bersikap rendah hati dan berakhlak mulia.
3. Solat sunat boleh dilakukan dengan cara berjamaah.
4. Ketentuan menetapkan tempat berdiri para makmum dari posisi berdiri imam apabila mereka terdiri daripada kaum lelaki dan kanak-kanak.
5. Disyariatkan saf wanita berada di belakang saf lelaki. Wanita berdiri di belakang lelaki dengan membentuk saf tersendiri jika dia tidak memiliki teman wanita yang lain yang mengerjakan solat bersamanya.

٣٣٩- عَنْ أَبِي بَكْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ انْتَهَى إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ رَاكِعٌ، فَرَكَعَ قَبْلَ أَنْ يَصِلَ إِلَى الصَّفِّ، فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "زَادَكَ اللهُ حِرْصًا وَلاَ تَعُدْ." رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

وَزَادَ أَبُو دَاوُدَ فِيهِ: فَرَكَعَ دُونَ الصَّفِّ، ثُمَّ مَشَى إِلَى الصَّفِّ.

339. Daripada Abu Bakrah (r.a) bahawa dia menjumpai Nabi (s.a.w) ketika baginda sedang rukuk, lalu dia rukuk sebelum sampai kepada saf. Setelah solat selesai, Nabi (s.a.w) bersabda kepadanya: "Semoga Allah membuatmu bertambah rajin, tetapi jangan kamu ulangi (perbuatanmu itu)." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

Menurut riwayat Abu Dawud ditambahkan seperti berikut: "Abu Bakrah rukuk pula di belakang saf, kemudian dia berjalan menuju saf sambil rukuk."

Makna Hadis

Pada suatu hari seorang sahabat bernama Abu Bakrah datang dengan langkah tergesa-gesa untuk mengerjakan solat berjamaah, hingga akhirnya sampailah dia kepada Nabi (s.a.w). Ketika itu Nabi (s.a.w) sedang rukuk. Oleh kerana Abu Bakrah merasa khuatir tidak mendapat pahala solat berjamaah dan pahala rukuk bersama Rasulullah (s.a.w), dia segera melakukan rukuk mengikuti Rasulullah (s.a.w) sebelum sampai pada saf solat. Kemudian dia berjalan sambil rukuk menuju saf solat bergabung dengan jamaah yang lain.

Ketika Rasulullah (s.a.w) selesai mengerjakan solat, baginda menanyakan siapa orang yang melakukan perbuatan itu, lalu Abu Bakrah mengakui perbuatannya. Nabi (s.a.w) menyetujui apa yang telah diperbuatnya itu, tetapi baginda memberinya tunjuk ajar yang lebih afdhal untuk dia lakukan pada masa mendatang, supaya kelak Abu Bakrah berjalan pada ajaran yang sempurna. Inilah yang diungkapkan oleh Nabi (s.a.w) dalam suatu kalimat yang penuh dengan sopan: "Semoga Allah membuat kamu bertambah rajin, tetapi janganlah kamu ulangi lagi perbuatanmu itu."

Analisis Lafaz

"انْتَهَى إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", sampai kepada Nabi (s.a.w) di masjid. Ketika itu baginda sedang rukuk mengimami jamaah solat.

"فَرَكَعَ قَبْلَ أَنْ يَصِلَ إِلَى الصَّفِّ", Abu Bakrah melakukan rukuk sebelum sampai pada saf solat. Itu dilakukan kerana dirinya khuatir bakal tertinggal satu rakaat.

"زَادَكَ الله حِرْصًا", semoga Allah membuatmu bertambah rajin dalam mencari kebaikan dan bersegera melakukannya.

"وَلاَ تَعُدْ", berasal dari lafaz *al-'awd* yang ertinya kembali. Maksudnya, jangan engkau ulangi semula rukukmu itu sebelum masuk ke dalam saf.

"وَزَادَ أَبُو دَاوُدَ", Abu Dawud menambahkan. Lafaz hadis ini menurut Abu Dawud daripada al-Hasan adalah seperti berikut:

عَنِ الْحَسَنِ أَنَّ أَبَا بَكْرَةَ جَاءَ وَرَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَاكِعٌ، فَرَكَعَ دُونَ الصَّفِّ، ثُمَّ مَشَى إِلَى الصَّفِّ، فَلَمَّا قَضَى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلاَتَهُ، قَالَ: أَيُّكُمْ

الَّذِي رَكَعَ دُونَ الصَّفِّ ثُمَّ مَشَى إِلَى الصَّفِّ؟ فَقَالَ أَبُو بَكْرَةَ: أَنَا، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: زَادَكَ اللهُ حِرْصًا وَلاَ تَعُدْ.

"Daripada Abu Bakrah, dia tiba (di dalam masjid) ketika Rasulullah (s.a.w) sedang rukuk, lalu Abu Bakrah ikut rukuk sebelum (masuk ke dalam) saf, kemudian dia berjalan sambil rukuk memasuki saf. Ketika Nabi (s.a.w) selesai mengerjakan solat, baginda bersabda: "Siapakah di antara kamu tadi yang rukuk sebelum masuk ke dalam saf, lalu berjalan sambil rukuk memasukinya?" Abu Bakrah menjawab: "Saya." Nabi (s.a.w) bersabda: "Semoga Allah menambah kerajinanmu, tetapi jangan engkau ulangi lagi perbuatan itu."

Fiqh Hadis

1. Berjalan di dalam solat untuk kemaslahatan solat itu sendiri tidak membatalkannya. Ulama berbeza pendapat mengenai kadar langkah yang dimaafkan. Menurut mazhab Imam al-Syafi'i, kadarnya ialah satu langkah atau dua langkah secara berturut-turut, tidak boleh lebih daripada itu. Jika langkah yang dilakukannya terputus-putus, maka itu dimaafkan, meskipun dilakukan hingga seratus langkah. Sebahagian kalangan mazhab Hanafi membolehkannya hanya satu langkah, sedangkan menurut sebahagian yang lain sampai batasan tempat sujud. Menurut mazhab Maliki, apabila melangkah untuk menutupi celah-celah saf yang kosong, maka itu dimaafkan sebatas dua atau tiga saf. Jika langkah yang dilakukan bukan untuk kedua tujuan itu seperti menolak orang yang berlalu di hadapannya atau menangkap haiwan kenderaan yang lari dan lain-lain sebagainya, maka hitungan langkah itu hendaklah mengikut kepada tradisi yang berlaku. Apa yang dianggap sedikit oleh tradisi, maka itu dimaafkan, tetapi bila dinilai sebaliknya oleh tradisi, maka itu tidak dimaafkan.
2. Barang siapa yang mendapati imam sedang rukuk, maka orang itu tidak boleh memasuki solat sebelum sampai pada safnya.

٣٤٠- عَنْ وَابِصَةَ بْنِ مَعْبَدٍ الْجُهَنِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى رَجُلاً يُصَلِّي خَلْفَ الصَّفِّ وَحْدَهُ، فَأَمَرَهُ أَنْ يُعِيدَ الصَّلاَةَ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

وَلَهُ عَنْ طَلْقِ بْنِ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: "لاَ صَلاَةَ لِمُنْفَرِدٍ خَلْفَ الصَّفِّ". وَزَادَ الطَّبَرَانِيُّ مِنْ حَدِيثِ وَابِصَةَ: "أَلاَ دَخَلْتَ مَعَهُمْ أَوْ اجْتَرَرْتَ رَجُلاً؟"

20. Daripada Wabishah ibn Ma'bad al-Juhani (r.a) bahwa Rasulullah (s.a.w) melihat seorang lelaki mengerjakan solat di belakang saf seorang diri, lalu baginda menyuruhnya untuk mengulangi semula solatnya." (Diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Dawud, dan al-Tirmizi yang menilainya hasan, sedangkan Ibn Hibban menilainya sahih)

Ibn Hibban telah meriwayatkan pula daripada Thalq ibn Ali (r.a) seperti berikut: "*Tidak ada solat bagi orang yang berdiri seorang di belakang saf.*" Al-Thabrani menambahkan di dalam hadis Wabishah seperti berikut: "*Mengapa*

engkau tidak masuk ke dalam saf bersama mereka atau engkau menarik mundur seorang lelaki?'

Makna Hadis

Syaitan adalah musuh umat manusia. Jika ia melihat seorang manusia solat bersendirian, maka ia berusaha sedaya upaya untuk mempedayanya. Ada pepatah mengatakan, serigala itu hanya mahu memangsa kambing jika ia jauh daripada sekumpulan rakan-rakannya. Oleh itu, Nabi (s.a.w) melarang seseorang solat seorang diri di belakang saf dan baginda memerintahkan seseorang yang melakukannya agar mengulangi semula solatnya.

Makna zahir hadis ini dijadikan pegangan oleh sesetengah ulama, tetapi jumhur ulama mengatakan bahawa solat orang yang bersendirian di belakang saf tidak batal, kerana status hadis ini dha'if. Dengan erti kata lain, tidak dapat dijadikan sebagai hujah atau dapat dijadikan hujah untuk meniadakan kesempurnaan solat, tetapi bukan menafikan sahnya solat. Ini kerana Nabi (s.a.w) sendiri pernah memperakui sah solat Abu Bakrah ketika dia bertakbir seorang diri di belakang saf dan baginda tidak menyuruhnya mengulangi semula solatnya.

Analisis Lafaz

"فَأَمَرَهُ أَنْ يُعِيدَ الصَّلاَةَ", Nabi (s.a.w) memerintahkan lelaki yang solat di belakang saf seorang diri supaya mengulangi semula solatnya. Menurut pendapat yang masyhur dari Imam Ahmad, takbiratul ihram yang dilakukan oleh seorang yang berdiri di belakang saf seorang diri adalah sah. Jika dia masuk ke dalam saf sebelum rukuk, maka solatnya sah, namun jika tidak, maka solatnya batal. Jumhur ulama mengatakan bahawa makruh seorang lelaki solat seorang diri di belakang saf. Mereka mengertikan perintah mengulangi solat ini sebagai sunat bagi menggabungkan dalil-dalil yang seolah bercanggah dalam masalah ini di samping sebagai peringatan dan sanksi keras ke atas orang yang berbuat demikian supaya tidak mengulangi perbuatannya di masa hadapan.

"وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ", dinilai sahih oleh Ibn Hibban. Ibn Abdul Barr mengatakan bahawa hadis ini *mudhtharib* sanadnya dan tidak dianggap kuat oleh segolongan ulama hadis.

"وَلَهُ", dan menurut Ibn Hibban.

"لاَ صَلاَةَ لِمُنْفَرِدٍ خَلْفَ الصَّفِّ", tiada kesempurnaan bagi orang yang solat seorang diri di belakang saf.

"أَلاَ دَخَلْتَ مَعَهُمْ", mengapa engkau tidak masuk ke dalam saf bersama mereka?

"أَوْ اجْتَرَرْتَ رَجُلاً", atau engkau menarik mundur seorang lelaki daripada saf di hadapanmu untuk menemanimu membuat saf baru.

Masalah orang yang tidak menemukan celah kosong dalam saf masih diperselisihkan. Imam al-Syafi'i berkata: "Seseorang boleh berdiri seorang diri tanpa perlu menarik mundur seorang dari saf yang berada di hadapannya, sebab seandainya dia menarik orang lain, maka lepaslah baginya keutamaan saf pertama

dan akan menimbulkan tempat yang kosong dalam saf." Sebahagian besar pengikut mazhab al-Syafi'i mengatakan bahawa seseorang boleh menarik orang lain dari saf yang berada di hadapannya sesudah melakukan takbiratul ihram dan orang yang ditarik itu disunatkan menyetujui (memenuhi) keinginannya.

Imam Ahmad berkata: "Menarik orang lain yang berdiri pada saf hadapannya hukumnya makruh."

Imam Malik berkata: "Barang siapa yang solat di belakang saf seorang diri, maka solatnya sempurna dan itu sudah memadai, sehingga dia tidak boleh menarik orang lain yang berada di saf hadapannya. Barang siapa yang menarik seseorang untuk berdiri bersamanya, maka orang itu tidak perlu menuruti kemahuannya, kerana itu dianggap sebagai satu kesalahan yang dilakukannya sendiri dan orang yang menariknya."

Imam Abu Hanifah berkata: "Jika seseorang tidak ada mendapati tempat kosong di dalam saf, maka hendaklah dia menunggu sampai ada orang lain datang untuk membuat saf baru bersamanya. Jika tidak mendapati seorang pun hingga imam hendak rukuk, maka hendaklah dia menarik seseorang dari saf yang berada di hadapannya setelah melakukan takbiratul ihram. Kemudian orang itu berdiri di sampingnya agar dia tidak melakukan sesuatu yang dilarang, iaitu solat seorang diri di belakang saf."

Fiqh hadis

1. Orang yang solat seorang diri di belakang saf dianjurkan untuk mengulangi solat. Hikmahnya adalah orang yang solat seorang diri di belakang saf dikuasai oleh syaitan, sehingga dia tidak dapat melakukan khusyuk dengan sempurna. Lain halnya apabila dia berada di dalam barisan saf yang berdekatan antara satu sama lain, maka syaitan tidak mempunyai kekuatan untuk menggodanya, kerana di dalam hadis lain disebutkan pula bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda:

   يَدُ اللهِ مَعَ الْجَمَاعَةِ.

   "*Tangan (kekuasaan) Allah ada bersama jamaah.*"
2. Tidak sah solat orang yang solat seorang diri di belakang saf.
3. Dianjurkan untuk menyempurnakan barisan saf.

Periwayat Hadis

Wabishah ibn Ma'bad ibn 'Utbah ibn al-Harits ibn Malik al-Asadi adalah seorang sababat. Beliau menjadi delegasi kaumnya menemui Nabi (s.a.w) pada tahun 9 Hijriah. Beliau mengambil riwayat hadis daripada Ibnu Mas'ud (r.a) dan telah diambil riwayat hadis daripadanya oleh al-Sya'bi, Syaddad mawla 'Iyadh, Rasyid ibn Sa'd, Ziyad ibn Abu al-Ja'd dan kedua anak lelakinya, Salim dan 'Umar dan ramai lagi. Beliau tinggal di Kufah, kemudian pindah ke al-Hirah, dan meninggal dunia di al-Riqqah.

٣٤١- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا سَمِعْتُمْ الْإِقَامَةَ فَامْشُوا إِلَى الصَّلاَةِ، وَعَلَيْكُمُ السَّكِينَةُ وَالْوَقَارُ، وَلاَ تُسْرِعُوا، فَمَا أَدْرَكْتُمْ فَصَلُّوا، وَمَا فَاتَكُمْ فَأَتِمُّوا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

21. Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Nabi (s.a.w), baginda bersabda: "*Jika kamu mendengar iqamah telah dikumandangkan, maka berjalanlah menuju ke (tempat) solat (masjid) dan berjalanlah kamu dengan tenang serta berwibawa. Janganlah kamu berjalan terburu-buru. Apa yang kamu jumpai (bersama imam), maka solatlah kamu dan apa yang kamu terlewatkan, maka sempurnakanlah (solat itu setelahnya).*" (Muttafaq alaih. Lafaz hadis menurut al-Bukhari)

Makna Hadis

Orang yang hendak pergi ke masjid untuk mengerjakan solat diperintahkan agar berjalan dengan langkah yang tenang dan berwibawa serta tidak boleh terburu-buru dan menengok ke sana ke mari, kerana secara hukum dia telah berada dalam solat. Untuk itu, dia mesti mengamalkan etika seperti mana etika orang yang sedang solat supaya langkahnya bertambah banyak. Setiap langkah yang dihayunkannya itu terdapat pahala satu darjat. Lain halnya seandainya berjalan dengan terburu-buru, maka tidaklah dia sampai ke dalam saf, melainkan dalam keadaan sudah lelah, hingga akhirnya dia tidak mampu merenungi makna bacaan solat dengan khusyuk.

Analisis Lafaz

"إِذَا سَمِعْتُمْ اْلإِقَامَةَ", apabila kamu mendengar iqamah untuk solat telah dikumandangkan.

"وَعَلَيْكُمُ اَلسَّكِينَةُ", tenang dalam melangkah dan menjauhi perbuatan yang sia-sia.

"وَالْوَقَارُ", berwibawa dalam bersikap seperti mana menundukkan pandangan mata, merendahkan suara dan tidak menoleh ke sana ke mari.

"فَمَا أَدْرَكْتُمْ فَصَلُّوا", apa sahaja yang kamu jumpai bersama imam, maka solatlah bersamanya.

"وَمَا فَاتَكُمْ فَأَتِمُّوا", dan bahagian solat yang telah dikerjakan lebih dahulu oleh imam, maka kerjakanlah itu oleh kamu sesudah imam salam dan sempurnakanlah olehmu seorang diri.

Fiqh Hadis

1. Dilarang berjalan terburu-buru menuju ke masjid untuk mengerjakan solat.
2. Dianjurkan tenang dan berjalan berwibawa ketika datang menuju ke tempat solat.
3. Memperoleh keutamaan berjamaah dengan mendapati bahagian mana pun daripada solat imam itu.

4. Makmum disyariatkan bergabung dengan imam dalam keadaan apa pun dia mendapati imam solatnya.
5. Apa yang didapati oleh makmum dari solat imamnya, maka itulah permulaan solat baginya.
6. Menyempurnakan bahagian solat yang terlewatkan oleh makmum sesudah imam menyelesaikan solatnya agar solatnya sempurna.

٣٤٢- عَنْ أُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "صَلاَةُ الرَّجُلِ مَعَ الرَّجُلِ أَزْكَى مِنْ صَلاَتِهِ وَحْدَهُ، وَصَلاَتُهُ مَعَ الرَّجُلَيْنِ أَزْكَى مِنْ صَلاَتِهِ مَعَ الرَّجُلِ، وَمَا كَانَ أَكْثَرَ فَهُوَ أَحَبُّ إِلَى اللهِ عَزَّ وَجَلَّ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

22. Daripada Ubay ibn Ka'b (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Solat seorang lelaki dengan lelaki yang lain lebih baik daripada solat bersendirian, solat seseorang dengan dua orang lelaki lebih baik daripada solat bersama seorang lelaki, dan solat yang dilakukan dengan orang yang jumlahnya lebih ramai adalah lebih disukai oleh Allah (s.w.t).*" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i serta dinilai sahih oleh Ibn Hibban)

Makna Hadis

Solat merupakan komunikasi antara seorang hamba dengan Allah. Jika solat dilakukan dengan etika yang sempurna dan khusyuk, maka solat itu lebih banyak pahalanya dan kemungkinan diterima di sisi-Nya adalah lebih besar. Rahmat Allah (s.w.t) telah menetapkan untuk tetap menerima solat orang yang berlaku sembrono ke dalam golongan orang yang sempurna solatnya. Allah menerima pula solat orang yang berbuat buruk terhadap solatnya kerana menghormati orang yang baik solatnya dalam jamaah. Oleh itu, Nabi (s.a.w) menganjurkan solat berjamaah dan memperbanyakkan, sebab solat berjamaah diterima oleh Allah (s.w.t).

Analisis Lafaz

"أَزْكَى", lebih banyak pahala dan lebih menghapuskan dosa.

"مِنْ صَلاَتِهِ وَحْدَهُ", daripada solat seorang diri.

"وَصَلاَتُهُ مَعَ الرَّجُلَيْنِ أَزْكَى مِنْ صَلاَتِهِ مَعَ الرَّجُلِ", lebih banyak pahalanya daripada solat hanya dengan satu orang, kerana solat berjamaah yang dilakukan oleh orang yang ramai jumlahnya lebih besar pahala dan keutamaannya. Solat berjamaah tersebut dapat menyelamatkan orang yang berada di dalamnya daripada godaan syaitan.

"وَمَا كَانَ أَكْثَرَ فَهُوَ أَحَبُّ إِلَى اللهِ عَزَّ وَجَلَّ", semakin ramai orang yang mengikuti solat berjamaah, maka semakin dicintai oleh Allah, sedangkan kecintaan Allah itu bererti rahmat dan kebaikan-Nya.

Fiqh Hadis

1. Jumlah paling minimum bagi solat berjamaah adalah terdiri daripada seorang makmum dan imam.
2. Keutamaan solat berjamaah berbeza-beza antara satu sama lain bergantung kepada jumlah orang yang mengikutinya; semakin banyak jumlah jamaah yang turut mengikutinya, maka semakin afdhal solat mereka itu.

٣٤٣- عَنْ أُمِّ وَرَقَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَهَا أَنْ تَؤُمَّ أَهْلَ دَارِهَا. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ.

23. Daripada Ummu Waraqah (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) menyuruh Ummu Waraqah menjadi imam bagi keluarganya sendiri." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah)

Makna Hadis

Imam solat memiliki kedudukan yang tinggi dan ia tidak patut dipegang kecuali kaum lelaki. Oleh itu, Imam Malik dan Imam Abu Hanifah secara mutlak melarang wanita menjadi imam solat. Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad membolehkan wanita menjadi imam solat, tetapi hanya untuk kaum wanita sahaja, tidak boleh menjadi imam solat bagi kaum lelaki.

Apapun, Abu Tsaur dan al-Tabari membolehkan wanita menjadi imam solat bagi kalangan keluarganya sendiri, meskipun di antara mereka terdapat lelaki kerana berpegang kepada hadis Ummu Waraqah ini.

Analisis Lafaz

"رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ", hadis ini diriwayatkan oleh Abu Dawud dan lengkapnya seperti berikut:

عَنْ أُمِّ وَرَقَةَ بِنْتِ عَبْدِ اللهِ بْنِ نَوْفَلٍ الْأَنْصَارِيَّةِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا غَزَا بَدْرًا قَالَتْ: قُلْتُ لَهُ: يَا رَسُولَ اللهِ، ائْذَنْ لِي فِي الْغَزْوِ مَعَكَ، أُمَرِّضُ مَرْضَاكُمْ، لَعَلَّ اللهَ أَنْ يَرْزُقَنِي شَهَادَةً، قَالَ: قَرِّي فِي بَيْتِكِ، فَإِنَّ اللهَ تَعَالَى يَرْزُقُكِ الشَّهَادَةَ، قَالَ: فَكَانَتْ تُسَمَّى الشَّهِيدَةُ، قَالَ: وَكَانَتْ قَدْ قَرَأَتْ الْقُرْآنَ، فَاسْتَأْذَنَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تَتَّخِذَ فِي دَارِهَا مُؤَذِّنًا فَأَذِنَ لَهَا، قَالَ: وَكَانَتْ قَدْ دَبَّرَتْ غُلَامًا لَهَا وَجَارِيَةً فَقَامَا إِلَيْهَا بِاللَّيْلِ، فَغَمَّاهَا بِقَطِيفَةٍ لَهَا حَتَّى مَاتَتْ وَذَهَبَا، فَأَصْبَحَ عُمَرُ فَقَامَ فِي النَّاسِ، فَقَالَ: مَنْ كَانَ عِنْدَهُ مِنْ هَذَيْنِ عِلْمٌ أَوْ مَنْ رَآهُمَا فَلْيَجِئْ بِهِمَا فَأَمَرَ بِهِمَا، فَصُلِبَا فَكَانَا أَوَّلَ مَصْلُوبٍ بِالْمَدِينَةِ.

"Daripada Ummu Waraqah bin Naufal (r.a) bahawa ketika Nabi (s.a.w) hendak melakukan perang Badar, dia berkata kepadanya: "Wahai Rasulullah, izinkan saya ikut perang bersamamu. Aku akan bertugas sebagai juru rawat bagi orang yang terluka di antara kamu di medan juang. Semoga dengan ini Allah menganugerahkanku mati syahid." Nabi (s.a.w) bersabda: "Diamlah di rumahmu, kerana sesungguhnya Allah akan menganugerahkanmu mati syahid." Sejak itu dia diberi gelaran *al-Syahidah* (Wanita Syahid). Ketika Ummu Waraqah hafal al-

Qur'an dan memahaminya dengan baik, dia meminta izin kepada Nabi (s.a.w) supaya dibenarkan membangun surau di kampungnya. Baginda pun mengizinkannya. Dia telah mengadakan 'akad tadbir' dengan seorang hamba lelaki dan seorang hamba perempuan miliknya. Tetapi pada suatu malam, kedua-dua hamba miliknya itu bangkit lalu mencekiknya dengan sehelai baju *qathifah*, hingga Ummu Waraqah meninggal dunia, lalu kedua hambanya itu melarikan diri. Mendengar peristiwa itu, Khalifah Umar (r.a) segera berdiri di hadapan orang ramai dan berkata: "Barang siapa yang mengetahui di mana tempat persembunyian kedua hamba tersebut atau dia melihat keduanya, maka dia wajib menangkap dan membawanya kepadaku." Setelah keduanya berjaya diberkas, Khalifah Umar memerintahkan agar keduanya dihukum mati, lalu tubuhnya disalib. Kedua hamba tersebut adalah orang pertama yang disalib di Madinah."

"لَمَّا غَزَا بَدْرًا", ketika hendak melakukan perang Badar. Badar adalah nama sebuah kampung yang terletak di antara Mekah dan Madinah, tetapi lebih dekat dengan Madinah. Menurut satu pendapat, jarak antara Madinah dengan Badar 28 farsakh. Pada mulanya tempat itu adalah sumber air milik seorang lelaki yang dikenal dengan nama Badar, kemudian kampung itu diberi nama Badar bersempena dengan nama lelaki itu. Perang Badar terjadi dalam bulan Ramadhan tahun 2 Hijriah.

"أُمَرِّضُ مَرْضَاكُمْ", mengubat dan merawat orang yang terluka dan orang sakit.

"قَرِّي فِي بَيْتِكِ", tinggallah engkau di rumahmu dan jangan pergi ke mana-mana.

"فَكَانَتْ تُسَمَّى الشَّهِيدَةُ", sejak itu dia diberi gelaran *al-Syahidah* (Wanita Syahid), kerana berpegang kepada sabda Nabi (s.a.w) yang mengatakan kepadanya: "Sesungguhya Allah (s.w.t) akan menganugerahkanmu mati syahid."

"وَكَانَتْ قَدْ قَرَأَتْ الْقُرْآنَ", dia telah hafal dan memahami maknanya.

"أَنْ تَتَّخِذَ فِي دَارِهَا مُؤَذِّنًا", mendirikan surau di kampungnya sebagai tempat berkumpul kaum wanita kabilahnya, lalu dia akan mengimami solat mereka. Rasulullah (s.a.w) memberinya izin dan memerintahkan agar dia menjadi imam solat bagi keluarganya.

"وَكَانَتْ قَدْ دَبَّرَتْ غُلاَمًا لَهَا وَجَارِيَةً", dia telah berjanji akan memerdekakan kedua hambanya apabila dia mati kelak. "دبر الرجل عبده تدبيرا" bermaksud lelaki itu benar-benar memerdekakannya apabila dia sudah mati. Dengan kata lain, kemerdekaan hambanya dikaitkan dengan kematiannya. Jika tuannya mati, maka hamba tersebut dengan serta merta menjadi merdeka. Transaksi ini disebut "akad tadbir".

"فَغَمَّاهَا بِقَطِيفَةٍ", lalu kedua hambanya itu mencekiknya dengan kain qathifah. Dengan demikian, nyatalah berita yang disampaikan oleh Nabi (s.a.w) sebelum itu bahawa dia akan dianugerah mati syahid.

"فَأَصْبَحَ عُمَرُ فَقَامَ فِي النَّاسِ", maka Khalifah Umar berpidato di hadapan orang ramai dan menceritakan peristiwa tersebut kepada mereka.

"مَنْ كَانَ عِنْدَهُ مِنْ هَذَيْنِ عِلْمٌ أَوْ مَنْ رَآهُمَا", barang siapa yang mengetahui tempat persembunyian hamba tersebut atau pernah melihat keduanya di suatu tempat. Perkataan 'atau' di sini menujukkan hadis ini mengalami keraguan ketika meriwayatkannya.

"فَأَمَرَ بِهِمَا، فَصُلِبَا", maka kedua hamba itu dihadapkan kepada Khalifah Umar setelah berjaya diberkas, kemudian Khalifah Umar menyoal siasat mereka berdua. Akhirnya mereka mengaku telah membunuh Ummu Waraqah. Mereka kemudian dijatuhi hukuman mati dan disalib agar orang ramai tahu betapa berat hukuman itu supaya mereka tidak melakukan perbuatan seperti yang mereka lakukan itu. Salib ini dilakukan setelah keduanya dihukum mati dengan menggunakan pedang.

Fiqh Hadis

1. Duduk (tinggal) di rumah bagi wanita lebih utama daripada keluar berjihad.
2. Disyariatkan melakukan akad tadbir.
3. Salah satu mukjizat Rasulullah (s.a.w) adalah baginda dapat memberitakan peristiwa sebelum kejadiannya. Baginda memberitakan bahawa kelak Ummu Waraqah akan mati syahid.
4. Sah apabila wanita mengimami solat bagi anggota keluarganya.

Periwayat Hadis

Ummu Waraqah binti Abdullah ibn al-Harits ibn Naufal ibn Uwaimir al-Ansariyyah. Nabi (s.a.w) sering kali mengunjunginya dan memberinya gelaran "al-Syahidah". Orang yang mengambil riwayat hadis daripadanya adalah Abdurrahman ibn Khallad.

٣٤٤- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَخْلَفَ ابْنَ أُمِّ مَكْتُومٍ يَؤُمُّ النَّاسَ، وَهُوَ أَعْمَى. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ. وَنَحْوُهُ لِإِبْنِ حِبَّانَ: عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا.

24. Daripada Anas (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah melantik Ibnu Ummi Maktum menjadi imam sebagai penggantinya untuk mengimami solat orang ramai, meskipun beliau seorang buta. (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud). Hadis yang sama turut diriwayatkan pula oleh Ibn Hibban daripada Aisyah (r.a).

Makna Hadis

Orang buta boleh menjadi imam solat dan tidak dimakruhkan selagi dia mampu menjaga dirinya daripada najis dan memelihara etika serta faham hukum-hakam solat Tetapi jika tidak mampu berbuat demikian, maka dia makruh menjadi imam solat.

Nabi (s.a.w) sering melantik Ibn Ummi Maktum menjadi penggantinya untuk mengurus kota Madinah sebanyak tiga belas kali. Ibn Ummi Maktum menjadi khalifah Nabi (s.a.w) dalam solat dan dalam urusan-urusan yang lain.

Analisis Lafaz

"اسْتَخْلَفَ ابْنَ أُمِّ مَكْتُومٍ", melantiknya menjadi pengganti dirinya sebagai imam solat. Jumlah pelantikan yang dilakukan oleh Nabi (s.a.w) ini sebanyak tiga belas kali, iaitu ketika Nabi (s.a.w) berangkat ke medan perang al-Abwa', perang Buwath, perang al-Asyirah, perang memburu Kurz ibn Jabir, perang al-Sawiq, perang Ghathafan, perang Uhud, perang Hamra' al-Asad, perang Najran, perang Dzat al-Riqa', perang Badar dan ketika baginda keluar meninggalkan Madinah untuk menunaikan haji wada'.

"وَنَحْوُهُ", sama dengan hadis Anas. Di dalam kitab al-Awsath, al-Thabrani meriwayatkan hadis berikut melalui Aisyah (r.a) yang menceritakan:

اسْتَخْلَفَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ابْنَ أُمِّ مَكْتُوْمٍ عَلَى الْمَدِيْنَةِ مَرَّتَيْنِ يَؤُمُّ النَّاسَ.

"Nabi (s.a.w) melantik Ibn Ummi Maktum menjadi khalifah di Madinah sebanyak dua kali untuk menjadi imam solat bagi orang ramai."

Fiqh Hadis

Orang buta boleh menjadi imam solat. Imam al-Syafi'i mengatakan bahawa dalam masalah ini tidak ada perbezaan antara orang buta dengan orang sihat, kerana masing-masing mereka memiliki keistimewaan tersendiri. Keutamaan orang buta ialah tidak melihat perkara-perkara yang boleh membuat dirinya lalai sedangkan keutamaan orang sihat pula dapat mengelakkan diri daripada terkena najis.

Jumhur ulama mengatakan bahawa orang yang melihat lebih diutamakan menjadi imam solat, kerana dia lebih mampu menghadap ke arah kiblat dengan cara berijtihad di samping mampu menjauhi dirinya daripada najis.

٣٤٥- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "صَلُّوا عَلَى مَنْ قَالَ: لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ، وَصَلُّوا خَلْفَ مَنْ قَالَ: لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ". رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

25. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: "*Sembahyangkanlah oleh kamu (jenazah) orang yang mengucapkan: "لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ" 'Tidak ada tuhan selain Allah' dan solatlah kamu di belakang orang yang mengucapkan: "لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ" 'Tidak ada tuhan selain Allah'.*" (Riwayat Daraquthni dengan sanad yang dhaif)

Makna Hadis

Memandangkan tujuan utama solat jenazah ialah mendoakan mayat dan memohonkan ampunan baginya, maka setiap orang yang telah mengucapkan dua kalimah syahadat termasuk kaum muslimin. Dengan kata lain, apabila mereka mati, mereka berhak disolatkan jenazahnya sebagaimana lazimnya kaum muslimin, kecuali dalam keadaan tertentu seperti orang yang mati syahid di medan pertempuran.

Oleh kerana sifat adil tidak termasuk syarat bagi membolehkan seseorang imam solat dan sahnya solat, maka dibolehkan solat sambil bermakmum di belakang orang yang pernah mengucapkan dua kalimah syahadat, sekalipun dia adalah orang fasik.

Analisis Lafaz

"صَلُّوا عَلَى مَنْ قَالَ: لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ", sembahyangkan jenazah orang yang mengucapkan dua kalimah syahadat.

"خَلْفَ مَنْ قَالَ: لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ", di belakang orang yang pernah mengucapkan kalimah syahadat, kerana dia berhak mendapat apa yang diperoleh kaum muslimin.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dha'if, kerana hadis ini tidak mempunyai bukti yang kuat dari semua jalur periwayatannya.

Fiqh Hadis

1. Disyariatkan melakukan solat jenazah bagi mayat kaum muslimin.
2. Barang siapa yang sah solatnya, maka sah pula menjadi imam solat.

٣٤٦- عَنْ عَلِيٍّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا أَتَى أَحَدُكُمْ الصَّلاَةَ وَالْإِمَامُ عَلَى حَالٍ، فَلْيَصْنَعْ كَمَا يَصْنَعُ الْإِمَامُ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

26. Daripada Ali ibn Abu Thalib (r.a), beliau berkata: Nabi (s.a.w) bersabda: "Jika seseorang di antara kamu mendatangi solat, sedangkan imam berada dalam suatu keadaan solat, maka hendaklah dia melakukan apa yang dilakukan oleh imam itu." (Diriwayatkan oleh al-Tirmizi dengan sanad yang dha'if)

Makna Hadis

Sesungguhnya imam itu dilantik hanya untuk diikuti. Oleh itu, makmum dianjurkan bergabung dengan imam dalam bahagian mana pun dari solatnya, sama ada dalam keadaan berdiri, rukuk, atau sujud, untuk merealisasikan pengertian *al-iqtida`* (mengikuti) dan mengamalkan apa yang disebutkan di dalam Sunnah.

Jumlah rakaat yang telah dilakukan oleh imam adalah perkara lain. Oleh itu, seorang makmum tidak dianggap telah mendapat satu rakaat kecuali apabila makmum sempat menjumpai imam dalam rakaat yang dimaksudkan sebelum imam mengangkat kepalanya daripada rukuk.

Analisis Lafaz

"إِذَا أَتَى أَحَدُكُمْ الصَّلاَةَ", hadir untuk mengerjakan solat berjamaah.

"وَالْإِمَامُ عَلَى حَالٍ", sedangkan imam dalam keadaan melakukan suatu pekerjaan solat.

"فَلْيَصْنَعْ كَمَا يَصْنَعُ ٱلْإِمَامُ", hendaklah dia melakukan seperti apa yang dilakukan oleh imam, iaitu rukuk, sujud, atau berdiri.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang dhaif. Hadis ini diketengahkan oleh al-Tirmizi melalui Ali (r.a) dan Mu'adz (r.a). Namun di dalam sanadnya terdapat unsur dha'if dan *inqitha'* (terputus).

Fiqh Hadis

Seseorang yang menjumpai imam diwajibkan bergabung dengannya dalam bahagian mana pun imam itu ketika mengerjakan solatnya. Jika imam sedang berdiri atau rukuk, maka makmum hendaklah mendapat hitungan rakaat sesuai dengan bahagian solat yang didapatinya bersama imam. Jika dia sempat menjumpai imam sedang duduk atau sujud, maka dia hendaklah terus mengikutinya, namun tidak mendapat hitungan rakaat itu, sehingga dia harus menyempurnakan apa yang tertinggal sesudah imam salam.

Kesimpulan

Hadis-hadis yang diketengahkan dalam bab ini dapat disimpulkan sebagai berikut:

1. Keutamaan solat berjamaah yang pahalanya dilipatgandakan di sisi Allah (s.w.t).
2. Disyariatkan bersumpah dengan menyebut nama Allah meskipun itu tanpa diminta, meminta tolong kepada orang lain untuk melakukan pelbagai urusan, tidak mengerjakan solat berjamaah kerana suatu uzur, dibolehkan berjamaah dalam mengerjakan solat sunat, mengumandangkan azan untuk mengerjakan solat fardu apabila waktu solat fardu telah tiba, makmum hendaklah bergabung dengan imam pada bahagian mana pun dari solat, dibolehkan melakukan akad tadbir, dibolehkan melakukan solat jenazah bagi mayat kaum muslimin dan merapatkan saf dengan saf yang berikutnya.
3. Anjuran menghadiri solat Subuh dan solat Isyak secara berjamaah di masjid, sentiasa mengisi saf pertama, menyempurnakan saf serta bersikap tenang ketika hendak menghadiri solat berjamaah.
4. Seseorang dibolehkan menjadi imam solat, meskipun ada orang yang lebih alim daripada untuk menjadi imam. Dibolehkan pula mendahulukan ancaman dan peringatan sebelum menjatuhkan hukuman, pergi keluar meninggalkan masjid sesudah solat diiqamahkan kerana uzur, boleh mengeluarkan seseorang dari dalam rumahnya kerana ada alasan yang dibenarkan apabila dia bersembunyi di dalamnya, dibolehkan menangkap pelaku kejahatan dan kemaksiatan secara mengejut tanpa memberi pemberitahuan terlebih dahulu, dibolehkan melakukan apa yang dianggap sukar demi memperoleh ganjaran pahala yang berlipar ganda di akhirat, dibolehkan melakukan solat fardu di luar masjid, makmum boleh berpegang kepada mubaligh apabila dia tidak dapat melihat dan mendengar suara imam, dibolehkan membuat tirai atau bilik salah satu bahagian masjid selagi tidak mengganggu orang yang solat, dibolehkan

memprotes perbuatan seseorang yang dapat memecah belah persatuan jamaah, dibolehkan membaca pertengahan surah *mufassal* ketika mengerjakan solat Isyak, dibolehkan mengikuti solat makmum, dibolehkan mengangkat suara ketika melakukan takbir agar terdengar oleh orang yang bermakmum, dibolehkan berpandukan kepada suara makmum, kanak-kanak boleh menjadi imam solat, boleh bermakmum kepada orang yang tidak berniat menjadi imam, solat berjamaah sah dilakukan hanya dengan seorang imam dan kanak-kanak kecil sudah mumayyiz, seorang pemimpin hendaklah mengunjungi rumah sebahagian rakyatnya untuk menyenangkan hati mereka, orang buta boleh menjadi imam solat dan seseorang yang gemar berbuat maksiat boleh menjadi imam kepada orang yang taat beribadah.

5. Bertanya kepada orang alim mengenai hukum-hakam yang sukar difahami.
6. Memperhatikan keadaan orang yang menjadi makmum di belakangnya ketika menjadi imam.
7. Memerintahkan orang solah untuk melakukan amal kebaikan dan meringankan solat selagi tidak merosakkan kesempurnaannya.
8. Keutamaan solat sunat di dalam rumah dan keutamaan Abu Bakar al-Shiddiq berbanding sahabat-sahabat yang lain.
9. Dilarang menjadi imam solat di daerah kekuasaan orang lain. Begitu pula duduk di atas permaidani yang khusus bagi tuan rumah.
10. Wanita tidak boleh menjadi imam bagi lelaki.
11. Makruh orang Arab badwi menjadi imam solat kepada orang muhajir, demikian pula makruh menjauhi saf pertama.
12. Dianjurkan meluruskan atau meratakan saf.
13. Salah satu mukjizat Rasulullah (s.a.w) adalah dapat memberitakan mati syahid bagi Ummu Waraqah meskipun peristiwa itu bakal terjadi di masa mendatang.
14. Keutamaan solat berjamaah berbeza-beza antara satu sama lain mengikut sejauh mana jumlah orang yang menghadirinya.

Soalan:

1. Apakah takrif solat berjamaah itu? Bagaimanakah hukumnya? Sebutkan hikmah disyariatkan solat berjamaah!
2. Sebutkan perbezaan antara “درجة” dan “جزء”!
3. Apakah sah solat orang yang bersendirian?
4. Jelaskan makna lafaz-lafaz berikut: “هممت”, “أخالف”, “عرقا”, “مرماتين”, “فيحتطب”, “أثقل”, “المنافقين”, “لأتوهما”, “حبوا”, “قائد”, “رخصة”, “ولى”, “دعاه”, “النداء”, “فلا صلاة”, “من عذر”, “ترعد”, “فرائصهما”, “في رحالنا”, “سلما”, “في سلطانه”, “على تكرمته”, “أعرابي”, “مهاجرا”, “فاجر”, “حذوا”, “الخذف”, “الفرج”, “السكينة”, dan “الوقار”!
5. Bolehkah mengucapkan sumpah meskipun tanpa diminta untuk berbuat demikian?
6. Mengapa Nabi (s.a.w) bersumpah dan mengulangi sumpahnya?
7. Apakah hikmah yang terkandung dalam pengkhususan kaum lelaki sesuai dengan sabda Nabi (s.a.w): “ثم أخالف إلى رجال لا يشهدون الصلاة”?

8. Sebutkan makna yang terkandung dalam sabda Rasulullah (s.a.w): " فأحرق عليهم بيوتهم"!
9. Sebutkan kedudukan i'rab lafaz "لقد هممت"!
10. Bolehkan pergi keluar meninggalkan masjid ketika solat sudah diiqamahkan?
11. Mengapa di dalam hadis hanya disebutkan solat Isyak dan solat Subuh, sedangkan solat fardu yang lain tidak disebutkan?
12. Sebutkan kedudukan i'rab lafaz "حبوا"!
13. Siapakah orang buta netra yang dimaksudkan dalam hadis berikut: " أتى النبي صلى الله عليه وسلم رجل أعمى"?
14. Sebutkan perbezaan pendapat di kalangan ulama mengenai seseorang yang solat bersendirian, lalu dia mengulangi semula solatnya bersama jamaah!
15. Manakah di antara kedua solatnya itu yang dianggap solat fardu?
16. Bagaimanakah hukum mengikuti imam dalam solat berjamaah?
17. Bagaimanakah hukum solat orang yang mampu berdiri di belakang imam yang tidak mampu berdiri?
18. Sebutkan zikir-zikir yang dibaca oleh imam dan makmum! Jelaskan pendapat ulama mengenai masalah ini!
19. Terangkan keutamaan saf pertama!
20. Mengapa Rasulullah (s.a.w) melarang sahabatnya daripada menjauhi saf pertama?
21. Bagaimanakah kedudukan saf pertama supaya mengikuti imam dapat dilakukan dengan sempurna?
22. Bolehkah membuat bilik atau tirai di dalam masjid?
23. Terangkanlah maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "أفضل صلاة المرء في بيته" dan sebutkan hikmahnya!
24. Bagaimanakah hukum meringankan solat?
25. Terangkan kisah solat Rasulullah (s.a.w) ketika sedang sakit! Apakah hukum yang terkandung di dalamnya? Apakah Abu Bakar berlaku sebagai imam atau makmum ketika itu?
26. Sebutkanlah biografi Hafsah Ummu al-Mu'minin!
27. Bilakah dibolehkan memperpanjang bacaan solat?
28. Apakah kedudukan imam lebih afdhal berbanding juru azan?
29. Bagaimanakah hukumnya apabila kanak-kanak menjadi imam? Sebutkan perbezaan pendapat ulama dalam masalah ini!
30. Mengapa 'Amr ibnu Salamah menjadi orang yang paling banyak hafal al-Qur'an di kalangan kaumnya?
31. Sebutkan urutan orang yang berhak menjadi imam solat bermula dari yang paling utama hinggalah seterusnya!
32. Bagaimanakah hukum wanita yang menjadi imam solat? Sebutkan perbezaan pendapat ulama dalam masalah ini!
33. Bagaimanakah hukum meratakan saf dengan cara mengisi celah-celah yang kosong? Sebutkan hikmahnya!
34. Apakah takrif saf pertama itu? Sebutkan keutamaannya! Mengapa saf pertama lebih afdhal? Siapakah orang yang paling berhak menempati saf pertama?

35. Jelaskan saf yang paling afdhal bagi kaum wanita!
36. Apakah yang dimaksudkan dengan pengertian "*al-syarriyyah*" (kejahatan atau keburukan) dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "شرها آخرها"!
37. Manakah saf kaum wanita yang paling afdhal apabila mereka mengerjakan solat secara berasingan?
38. Mengapa Ibn Abbas (r.a) bermalam di rumah Maimunah (r.a)?
39. Terangkan tempat berdiri makmum yang hanya seorang diri bersama imamnya mengerjakan solat!
40. Apakah melakukan perbuatan yang dianggap sedikit boleh membatalkan solat?
41. Apakah sah solat berjamaah bersama kanak-kanak?
42. Sebutkan alasan Rasulullah (s.a.w) mengunjungi Ummu Sulaim! Jelaskan hikmahnya!
43. Bagaimanakah urutan saf apabila jamaah terdiri daripada kaum lelaki, wanita dan kanak-kanak?
44. Bolehkah solat dilakukan untuk tujuan pelajaran dan mengambil berkah daripadanya?
45. Bagaimanakah hukum berjalan di dalam solat?
46. Apakah hikmah yang terdapat di dalam sabda Rasulullah (s.a.w) kepada Abu Bakrah: "زادك الله حرصا"?
47. Terangkanlah makna sabda Rasulullah (s.a.w): "ولا تعد"! Apakah kesimpulan yang dapat diambil dari kalimat ini?
48. Bagaimanakah hukum orang yang solat bersendirian di belakang saf? Bagaimanakah jawapan jumhur ulama berkaitan hadis masalah ini?
49. Jelaskan makna kalimat "اجترت رجلا"!
50. Apakah makna yang terdapat di dalam *nafi* dalam sabda Rasulullah (s.a.w): " لا صلاة لمنفرد"!
51. Apakah yang harus dilakukan oleh seseorang apabila dia masuk ke dalam masjid sementara saf telah diisi dengan sempurna?
52. Apakah hikmah yang terkandung di dalam larangan terburu-buru menuju ke tempat solat?
53. Dengan cara apakah supaya kita dapat memperoleh keutamaan solat berjamaah?
54. Sebutkan jumlah minimum bagi solat berjamaah!
55. Mengapa dalam solat berjamaah dianjurkan memperbanyak orang yang mengikutinya?
56. Sebutkan biografi Ummu Waraqah! Jelaskan mukjizat yang terkandung di dalamnya!
57. Bagaimanakah hukum orang buta yang menjadi imam solat? Sebutkan penyebab yang menjadikannya makruh!
58. Berapa kalikah Nabi (s.a.w) melantik Ibn Ummi Maktum sebagai khalifah (pengganti) dirinya untuk menjadi imam solat?
59. Bagaimanakah hukum orang yang telah mengucapkan dua kalimah syahadat? Bolehkah jenazahnya disembahyangkan?
60. Bagaimanakah hukum solat di belakang orang yang sah solatnya?

61. Apakah yang harus dilakukan oleh seorang makmum apabila menjumpai imamnya?
62. Bilakah bilangan rakaat makmum itu dikira sebagai satu rakaat yang sempurna ketika mengerjakan solat bersama imam solatnya dan bilakah rakaat itu tidak termasuk ke dalam hitungan rakaat?